JUZU' KE-7
SURAH
AL-AN'AM

SURAH KE

6

SURAH AL-AN'AM

Surah Binatang Ternakan

(Makkiyyah)

JUMLAH AYAT

165

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Surah ini adalah dari surah Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah iaitu kumpulan surah-surah Al-Qur'an yang berterusan diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. selama tiga belas tahun genap. Dalam surah-surah Makkiyah, Al-Qur'an hanya memperkatakan satu persoalan yang sama sahaja, yang tidak berubah-ubah, tetapi cara pembentangannya sahaja hampir-hampir tidak berulang-ulang. Ini kerana uslub Al-Qur'an sentiasa mengolahkannya dengan cara yang baru setiap kali persoalan itu dibentangkan hingga seolah-olah Al-Qur'an dibicarakannya bagi kali yang pertama.

Al-Qur'an Makkiyah membicarakan persoalan utama, persoalan agung dan persoalan asasi agama yang baru ini, iaitu persoalan 'aqidah yang difokuskan pada dasarnya yang pokok, iaitu dasar Uluhiyah dan 'Ubudiyah serta hubungan di antara keduanya.

Al-Qur'an menghadapkan persoalan itu kepada manusia kerana ia manusia dan di dalam aspek ini manusia Arab di zaman itu adalah sama sahaja dengan manusia Arab di setiap zaman sebagaimana samanya manusia Arab dengan sekalian manusia yang lain di zaman itu dan di dalam setiap zaman.

Itulah persoalan "insan" yang tidak berubah-ubah kerana ia merupakan persoalan kewujudannya di alam buana ini, dan persoalan nasib kesudahannya, persoalan hubungannya dengan alam buana dan dengan makhluk-makhluk hidup yang lain dan persoalan hubungannya dengan Pencipta alam buana dan Pencipta makhluk-makhluk hidup yang lain. Ini adalah satu persoalan yang tidak berubah-ubah kerana ia merupakan persoalan kewujudan alam dan manusia.

Al-Qur'an Makkiyah mentafsirkan kepada manusia rahsia kewujudannya dan kewujudan alam buana di sekelilingnya, ia bertanya kepadanya: Siapakah manusia itu? Dari mana dia datang? Bagaimana ia datang? Dan mengapa dia datang? Dan ke mana ia akan pergi di akhir perjalanan hidupnya? Siapakah yang telah membawanya ke alam ini dari alam 'Adam dan majhul? Dan siapakah yang akan mematikannya? Dan apakah nasib kesudahannya di sana? Ia seterusnya bertanya lagi: Apakah hakikat kewujudan alam buana yang dirasa dan dilihatkannya ini, iaitu kewujudan yang dirasakan di sebaliknya ada satu kuasa ghaib yang ternampak pada mata hatinya, tetapi tidak dapat dilihat dengan mata kasarnya? Siapakah yang telah menciptakan alam al-wujud yang penuh dengan berbagai-bagai rahsia ini? Siapakah yang mentadbir dan menyusunnya? Siapakah yang mengadakan pembaharuan dan perubahan-perubahan alam al-wujud ini dalam bentuk yang dilihat olehnya? Al-Qur'an bertanya lagi kepadanya: Bagaimana ia harus berhubung dengan Pencipta alam buana dan dengan alam buana ini sendiri? Bagaimana para hamba harus berhubung dengan Tuhan mereka?

Inilah persoalan agung yang menjadi asas kewujudan "insan" dan ia akan terus merupakan persoalan agung yang menjadi asas kewujudan "insan" di sepanjang zaman.

Demikianlah berlalunya tiga belas tahun genap Al-Qur'an Makkiyah berjuang menjelaskan persoalan agung ini, iaitu persoalan yang tidak ada lagi di belakangnya suatu persoalan yang lain di dalam kehidupan insan kecuali persoalan mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang terperinci yang perlu untuk menjadi landasan hidup mereka.

Al-Qur'an Makkiyah tidak melangkahi persoalan asasi ini kepada persoalan merumuskan undang-undang dan peraturan yang terperinci yang berkaitan dengan sistem hidup melainkan setelah ternyata kepada Allah bahawa persoalan asasi ini telah diberi penjelasan yang sempurna dan telah tertanam dengan mantap dan kukuh di dalam hati sekelompok manusia (Mu'min) yang terpilih, iaitu kelompok yang telah dipilih Allah untuk menegakkan agama ini dan untuk mewujudkan satu sistem hidup (insan) yang realistik yang mencerminkan agama ini.

* * * * * *

Para penda'wah kepada agama Allah dan kepada perjuangan menegakkan sistem hidup yang mencerminkan agama ini di dalam realiti hidup manusia adalah wajar berhenti dan berdiri lama-lama di hadapan gejala yang besar ini, iaitu gejala Al-Qur'an Makkiyah menumpukan usahanya selama tiga belas tahun menjelaskan 'aqidah ini tanpa melangkauinya kepada persoalan yang lain iaitu persoalan merumuskan undang-undang dan peraturan-peraturan terperinci dan asasi untuk

memerintah dan mengawal masyarakat Islam yang menganut 'aqidah ini.

Hikmat kebijaksanaan Allah telah menghendaki agar persoalan 'aqidah itu dijadikan sasaran da'wah mulai dari hari pertama menerima jawatan rasul dan agar Rasulullah s.a.w. memulakan langkah pertama da'wahnya dengan mengajak manusia kepada syahadat La Ilaha Illallah (لا اله الا الله) dan berda'wah memperkenalkan kepada mereka siapakah Tuhan mereka yang sebenar dan berusaha agar mereka menjadi hamba kepada Allah sahaja dan tidak kepada yang lain darinya.

Tetapi da'wah seperti ini - pada pandangan lahir dan pada pandangan akal manusia yang terhijab - bukanlah merupakan satu bentuk da'wah yang paling mudah memasuki hati orang-orang Arab, kerana mereka benar-benar mengetahui dari bahasa ibunda mereka makna dari kata-kata Ilah (Tuhan yang disembah) dan makna dari ungkapan La Ilaha Illallah (tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah). Mereka benar-benar mengetahui bahawa Uluhiyah (ketuhanan) itu mengertikan kuasa Hakimiyah yang tertinggi. Mereka seterusnya mengetahui bahawa maksud mentauhidkan Uluhiyah Allah S.W.T. itu ialah mencabut semua kuasa yang dipegang oleh para kahin, para ketua qabilah, para amir dan para pemerintah yang lain dan memulangkan seluruh kuasa ini kepada Allah sahaja iaitu kuasa yang menguasai hati, kuasa yang menentukan syi'ar-syi'ar agama, kuasa mengendali realiti-realiti kehidupan, kuasa yang mengatur urusan harta, kuasa yang mengendalikan urusan pengadilan dan kuasa yang menguasai roh dan badan. Mereka benar-benar mengetahui bahawa konsep La Ilaha Illallah itu adalah satu pemberontakan terhadap kuasa manusia di bumi yang telah merampas ciri Uluhiyah yang paling utama, satu pemberontakkan terhadap kedudukan-kedudukan yang ditegakkan di atas asas rampasan kuasa Ilahi ini dan satu pemberontakan terhadap kuasa-kuasa yang memerintah dengan undang-undang dan peraturan ciptaan sendiri yang tidak dizinkan Allah. Tentulah tidak terluput dari pengetahuan orang-orang Arab yang memahami bahasa mereka dengan baik dan memahami maksud yang sebenar dari da'wah La Ilaha Illallah. Apakah ertinya da'wah ini kepada kedudukan-kedudukan mereka, kepada kepimpinan dan kepada kuasa mereka. Oleh sebab itulah mereka menyambut da'wah dan pemberontakkan itu dengan penentangan yang keras dan melancarkan peperangan sengit terhadapnya yang diketahui oleh semua orang.

Mengapa da'wah seperti ini dijadikan titik tolak da'wah Islam? Mengapa hikmat kebijaksanaan Allah menghendaki agar da'wah ini dimulakan dengan langkah-langkah yang amat memenatkan ini?

Ketika Rasulullah s.a.w. dibangkit membawa agama ini, negeri-negeri Arab yang paling subur dan kaya tidak berada di bawah kekuasaan orang-orang Arab, malah berada di bawah kekuasaan bangsa-bangsa asing.

Seluruh negeri Syam di utara adalah tunduk kepada Empayar Roman. Negeri-negeri ini diperintah oleh amir-amir yang dilantik oleh kerajaan Roman, sementara seluruh negeri Yaman di selatan pula tunduk kepada Empayar Parsi. Negeri-negeri ini diperintah oleh amir-amir yang dilantik oleh kerajaan Parsi, tidak ada negeri-negeri yang berada di bawah kekuasaan bangsa Arab kecuali negeri Hijaz dan Najd dan kawasan-kawasan padang Sahara yang kering tandus, di mana terdapat wadi-wadi yang subur bertaburan di sana sini.

Muhammad s.a.w selaku seorang (yang terkenal) bercakap benar dan amanah dan selaku seorang yang sebelum ini pernah dilantik sebagai pengadil oleh para pembesar Quraysy untuk meletakkan Hajaral-Aswad di Ka'bah dan pengadilan beliau telah memuaskan hati mereka lima belas tahun yang silam, begitu juga beliau selaku seorang tokoh ulung Bani Hasyim dari keturunan Quraisy yang paling dimuliakan itu adalah boleh dan mampu untuk memulakan da'wah beliau dengan kempen nasionalisme Arab untuk menyatupadukan qabilah-qabilah Arab yang telah dimakan oleh pertumpahan darah kerana membalas dendam dan telah dikotak-katikkan oleh berbagai-bagai perbalahan dan persengketaan dan untuk pemimpin mereka ke arah perjuangan nasionalisme demi mengambil kembali bumi mereka yang terampas dari tangan empayar-empayar yang menjajah mereka, iaitu penjajah Roman di Utara dan penjajahan Parsi di selatan dan demi mengibar tinggi panji-panji bangsa Arab dan Arabisme dan demi mewujudkan kesatuan Arab yang kuat di seluruh pelosok Semenanjung Tanah Arab.

Andainya Rasulullah s.a.w. memulakan dengan da'wah ini tentulah seluruh bangsa Arab - mengikut pandangan terkuat - akan menyambut da'wahnya dan tentulah beliau tidak lagi terpaksa menghadapi penentangan selama tiga belas tahun dari pihak-pihak yang memegang kuasa di Semenanjung Tanah Arab.

Mungkin ada orang mencadang bahawa Muhammad s.a.w. adalah wajar - setelah beliau berjaya mendapat sambutan hangat dari bangsa Arab dan setelah beliau dilantik sebagai pemimpin dan ketua mereka dan setelah beliau berjaya mengumpulkan kekuasaan di tangannya dan meletakkan segala kebesaran di atas kepalanya - menggunakan semua kejayaan itu untuk menegakkan 'aqidah tauhid yang diperintahkan Allah supaya beliau menyampaikannya kepada manusia dan untuk mengajak mereka mengabdikan diri kepada kuasa Allah setelah beliau menundukkan mereka kepada kuasa-Nya.

Tetapi Allah S.W.T. Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana tidak mengarahkan Rasul-Nya s.a.w. ke arah ini, malah mengarahkan beliau supaya secara terus terang mengisytiharkan da'wah La Ilaha Illallah dan supaya beliau dengan sekumpulan kecil pengikut-

pengikutnya menyambut seruannya dan sanggup memikul risikonya yang amat memenatkan ini.

Mengapa? Sebenarnya Allah S.W.T. tidak mahu menyulitkan Rasulullah dan para Mu'minin yang ada bersamanya, malah kerana Allah S.W.T mengetahui bahawa ini bukannya jalan da'wah jalan da'wah bukannya (dimulakan) dengan melancarkan tindakan mengambil balik bumi Arab dari kekuasaan Taghut Roman atau kekuasaan Taghut Parsi kepada kekuasaan Taghut Arab kerana seluruh Taghut ini tetap Taghut belaka. Bumi ini sebenarnya adalah milik Allah dan pastilah ia dikembalikan kepada Allah dan ia tidak dikembalikan kepada Allah melainkan apabila bumi ini dikibarkan dengan panji-panji Allah. Jalan da'wah bukannya (dimulakan) dengan gerakan membebaskan manusia di bumi Arab ini dari kekuasaan Taghut Roman atau dari kekuasaan Taghut Parsi kepada kekuasaan Taghut Arab dan semua Taghut adalah sama sahaja. Manusia ini adalah hamba kepada Allah sahaja dan mereka tidak menjadi hamba kepada Allah sahaja melainkan apabila mereka mengibarkan panji-panji La Ilaha Illallah. Maksud ungkapan La Ilaha Illallah sebagaimana yang difahamkan oleh orang Arab yang mengerti makna-makna kata-kata bahasa ibundanya ialah tiada Hakimiyah melainkan dimiliki Allah dan tiada undang-undang melainkan hanya dari Allah dan tiada seorang yang berkuasa terhadap seorang yang lain kerana seluruh kuasa adalah milik Allah belaka dan kerana konsep kerakyatan yang dikehendaki oleh Islam untuk umat manusia ialah konsep kerakyatan 'aqidah (bukan konsep kerakyatan bangsa dan di dalam kerakyatan ini) orang-orang Arab, orang-orang Roman, orang-orang Parsi dan seluruh bangsa yang lain dari berbagai-bagai warna kulit adalah dipandang sama rendah dan sama tinggi di bawah naungan panji-panji Allah.

Inilah jalan da'wah (yang sebenar).

Ketika Rasulullah s.a.w. diutuskan membawa agama ini, masyarakat Arab merupakan masyarakat yang paling buruk dari segi pengagihan kekayaan dan pelaksanaan keadilan. Hanya sekumpulan kecil sahaja yang memiliki kekayaan dan kemampuan menjalankan perniagaan. Mereka bermu'amalah dengan riba dan ini membuat perniagaan dan harta kekayaan mereka sentiasa bertambah berlipatganda. Majoriti besar dalam masyarakat tidak memiliki apa-apa selain dari kesempitan hidup dan kebuluran. Golongan yang memiliki harta kekayaan dapat meni'mati kedudukan yang tinggi dan mulia, sedangkan majoriti orang ramai yang terbesar papa kedana belaka baik dari segi harta kekayaan mahupun dari segi pangkat kedudukan.

Muhammad s.a.w. adalah mampu (untuk memulakan da'wahnya) dengan perjuangan, mengangkat panji-panji keadilan sosial, melancarkan penentangan terhadap kelas bangsawan dan melancarkan kempen yang bertujuan untuk mengubah kedudukan-kedudukan sosial dan mengembalikan harta orang-orang kaya kepada orang-orang miskin.

Andainya Rasulullah s.a.w. memulakan da'wah ini pada hari pertama beliau berda'wah tentulah masyarakat Arab akan berpecah kepada dua barisan. Golongan majoriti warga masyarakat yang terbesar akan menyokong da'wah yang baru ini untuk menentang kezaliman golongan yang berada dan berkedudukan tinggi. Sebagai ganti seluruh masyarakat Arab berdiri dalam satu barisan yang padu menentang da'wah La Ilaha Illallah, iaitu satu da'wah yang tidak dapat meningkat kemuncaknya di waktu itu melainkan hanya oleh segelintir manusia yang kecil sahaja.

Mungkin ada orang mencadang bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah wajar setelah da'wahnya disambut oleh majoriti orang ramai Arab dan setelah berjaya memegang teraju kepimpinan dan mengalahkan golongan kecil (hartawan dan bangsawan) dan menundukkan mereka di bawah kepimpinannya - menggunakan kedudukan dan kekuasaannya di masa itu untuk menegakkan 'aqidah tauhid yang diperintahkan Allah supaya beliau menyampaikannya kepada manusia dan untuk mengajak mereka mengabdikan diri kepada kuasa Allah setelah beliau menundukkan mereka kepada kuasa-Nya.

Tetapi Allah S.W.T. Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana tidak mengarah beliau ke arah ini.

Sebenarnya Allah S.W.T mengetahui bahawa ini bukannya jalan da'wah, Allah mengetahui bahawa keadilan sosial ini pastilah lahir di dalam masyarakat dari kefahaman i'tiqad yang syumul yang mengembalikan segala urusan kepada Allah dan menerima dengan rela dan patuh segala peraturan yang telah ditetapkan Allah untuk mewujudkan keadilan pengagihan kekayaan dan usaha bertakaful di antara sekalian warga masyarakat di samping mewujudkan kemantapan dan keyakinan golongan pengambil dan golongan penerima untuk melaksanakan peraturan yang diredhai Allah dan mengharap untuk mendapat kebajikan dan kebaikan di dunia dan Akhirat dari kepatuhan ini. Dengan ini hati mereka tidak lagi dipenuhi perasaan tamak haloba dan dipenuhi perasaan dendam dan segala urusan tidak lagi berlangsung dengan kekerasan dan ancaman yang menakutkan di samping hati tidak lagi rosak dan seluruh roh tidak lagi tercekik sebagaimana yang berlaku di dalam peraturan-peraturan masyarakat yang tidak ditegakkan di atas konsep La Ilaha Illallah.

Ketika Rasulullah s.a.w. dibangkitkan menjadi Rasul, taraf akhlak di sepanjang tanah Arab telah merosot ke takuk yang paling rendah di dalam berbagai-bagai aspek di samping wujudnya kelebihan-kelebihan budi

pekerti Badwi yang mentah dan primitif dalam masyarakat ini.

Amalan zalim menzalimi atau ceroboh mencerobohi merupakan amalan yang lumrah di dalam masyarakat dan hakikat ini telah diungkapkan oleh kata-kata hikmat dari penyair Zuhayr ibn Abi Salma:

"Sesiapa yang tidak sanggup mempertahankan takungan airnya dengan kekuatan senjatanya, nescaya takungan ini tetap akan dirobohkan orang, dan sesiapa yang tidak sanggup bertindak zalim nescaya ia akan menjadi mangsa kezaliman."

Juga diungkapkan oleh pepatah yang terkenal:

"Tolonglah saudaramu sama ada ia zalim atau dizalimi."

Arak dan judi merupakan adat masyarakat Arab yang lumrah di samping merupakan kebanggaan masyarakat. Perilaku ini diungkapkan di dalam keseluruhan sajak-sajak jahiliyah seperti sajak yang diungkapkan oleh Tarafah ibn al-'Abd yang memuja minuman arak.

Pelacuran - di dalam berbagai bentuk - adalah salah satu gejala yang menonjol di dalam masyarakat ini sebagaimana telah diriwayatkan oleh Aisyah Radhiallahu'anha:

"Pernikahan di dalam jahiliyah adalah berlangsung dalam empat bentuk iaitu (pertama) pernikahan seperti yang dilakukan orang-orang di zaman sekarang, di mana seorang lelaki menghubungi seorang lelaki yang lain untuk melamar perempuan bawah jagaannya atau anak perempuannya sendiri dan membayar maskahwin kemudian mengahwini-nya. (Kedua) pernikahan (dalam bentuk) seorang suami berkata kepada isterinya: 'Jika awak telah suci dari haid, maka pergilah kepada si anu dan pintalah persetubuhan dengannya. (Selepas persetubuhan ini) si suami akan mengasingkan diri dari isterinya dan sama sekali tidak bersetubuh dengannya sehingga ternyata isterinya telah hamil dari lelaki yang dipinta bersetubuh dengannya, sehingga apabila jelas isterinya hamil barulah si suami boleh bersetubuh dengan isterinya jika ia suka. Tujuan si suami berbuat begitu ialah kerana ingin mendapat anak yang cerdas. Pernikahan ini dinamakan pernikahan minta persetubuhan. (Ketiga) Pernikahan (dalam bentuk) sekumpulan lelaki bawah dari sepuluh orang mengadakan pakatan bersetubuh dengan seorang perempuan. Mereka semua bersetubuh dengannya dan apabila perempuan ini hamil dan melahirkan anak, maka beberapa malam selepas itu ia akan menjemput sekalian lelaki ini dan tiada seorang pun dari mereka yang boleh menolak jemputannya. Setelah mereka sekalian berkumpul pada perempuan ini dia akan berkata kepada mereka: 'Anda sekalian tentu tahu apa yang telah dilakukan anda dan sekarang saya telah melahirkan anak dan anak ini ialah anak anda, wahai si anu! 'Dia menyebut nama lelaki yang disukainya kemudian si anak ini akan dibinkan kepadanya dan lelaki ini tidak boleh menolaknya. Pernikahan yang keempat (dalam bentuk) sekumpulan lelaki yang ramai bersetubuh dengan perempuan yang menerima siapa sahaja yang datang kepadanya. Mereka adalah perempuan-perempuan pelacur yang mengibarkan panji-panji di atas pintu rumah mereka sebagai tanda dan siapa sahaja yang ingin boleh masuk bersetubuh dengan mereka. Jika seorang dari mereka hamil dan melahirkan anak, maka semua lelaki (yang pernah bersetubuh dengannya) akan dikumpul dan pakar-pakar pengesan keturunan (berdasarkan ciri-ciri keserupaan pada bayi ini) akan dijemput (untuk menentukan siapakah bapanya) dan mereka akan membinkan anak ini kepada lelaki yang mereka percaya bapanya dan dia akan menerimanya dan mengakui anaknya tanpa dapat ditolak olehnya." (Dikeluarkan oleh al-Bukhari di dalam Kitabun-Nikah).

Muhammad s.a.w. adalah mampu (memulakan da'wahnya) dengan melancarkan da'wah islah atau reformasi yang merangkumi usaha-usaha membetulkan akhlak, membersihkan masyarakat, membersihkan jiwa dan mengubahkan nilai-nilai dan neraca- neraca pertimbangan.

Pada masa ini beliau boleh mendapat - sebagaimana yang boleh didapati oleh setiap pengislah akhlak di dalam mana-mana masyarakat - orang-orang yang jujur dan baik hati yang merasa diganggu oleh kecemaran akhlak, dan dirangsangkan oleh keghairahan dan maruah untuk menyambut da'wah islah dan pembersihan ini.

Mungkin ada orang berkata jika Rasulullah s.a.w. bertindak begitu tentulah dari awal lagi da'wah beliau akan disambut oleh orang ramai yang baik, berakhlak bersih dan berjiwa suci dan ini tentulah membuat mereka lebih mudah menerima dan mendukung 'aqidah Islam bukannya (memulakan) perjuangannya dengan melancarkan da'wah La Ilaha Illallah yang menimbulkan penentangan yang kuat dari permulaan jalan lagi.

Tetapi Allah S.W.T. mengetahui bahawa ini bukannya jalan da'wah. Allah mengetahui bahawa akhlak manusia ini tidak boleh dibetulkan melainkan dilandaskan di atas asas 'aqidah yang menetapkan neraca-neraca pertimbangan, menetapkan nilai-nilai dan menetapkan kuasa yang menjadi landasan neraca-neraca dan nilai-nilai ini, juga menetapkan hukuman dan balasan yang dimiliki oleh kuasa ini yang boleh dijatuhkan ke atas orang-orang yang ta'at dan orang-orang yang melanggar peraturan. Allah mengetahui bahawa sebelum 'aqidah ini ditegakkan, maka semua nilai dan akhlak berada dalam keadaan goyah dan terumbang-ambing tanpa mempunyai pengawal, kuasa hukuman dan balasan.

Setelah 'aqidah ini tegak dan mantap - melalui perjuangan yang sukar dan setelah tegak dan mantapnya kuasa yang menjadi landasan 'aqidah ini, setelah orang ramai bebas dari kuasa manusia dan dari kuasa nafsu keinginannya dan setelah tegak dan mantapnya konsep La Ilaha Illallah di dalam hati

mereka nescaya Allah bertindak dengan 'aqidah ini dan dengan para pendukungnya melakukan segala usaha reformasi yang dikemukakan oleh para pencadang tadi.

Bumi Arab dapat dibersihkan dari kekuasaan Roman dan Parsi dari ini bukannya bertujuan untuk ditegakkan kekuasaan Arab, tetapi untuk ditegakkan kekuasaan Allah dan kini bumi ini telah dibersihkan dari segala jenis Taghut sama ada Taghut Roman, Taghut Parsi atau Taghut Arab.

Masyarakat Arab pada umumnya dapat dibersihkan dari kezaliman-kezaliman, sosial dan sistem Islam dapat ditegakkan dengan keadilan Allah dan ditimbangkan dengan neraca Allah sementara panji-panji keadilan sosial dapat dikibarkan dengan nama Allah sahaja, dan dinamakan sebagai panji-panji Islam, ia tidak digandingkan dengan mana-mana nama yang lain dan di atasnya dituliskan slo-gan La Ilaha Ilallah.

Jiwa dan akhlak mereka menjadi bersih, hati dan roh mereka juga menjadi bersih tanpa memerlukan hukum-hukum hudud dan hukum-hukum ta'zir yang disyari'atkan Allah kecuali dalam kes-kes yang jarang berlaku, kerana pengawasan dan kawalan di sana telah ditempatkan di dalam hati, kerana keinginan mendapatkan keredhaan dan pahala dari Allah dan kerana perasaan malu dan takut kepada kemurkaan dan hukuman telah mengambil tempat pengawasan dan hukuman-hukuman.

Manusia dapat meningkat ke mercu yang tinggi di dalam sistem hidup, akhlak dan di dalam seluruh kehidupan. Ia meningkat ke mercu yang tidak pernah dicapai mereka sebelum ini dan tidak dapat dicapai mereka selepas itu melainkan di bawah naungan Islam.

Semua kejayaan ini dapat dicapai dengan sempurna kerana para pejuang yang telah menegakkan agama ini dalam bentuk kerajaan, peraturan, undang-undang dan hukuman-hukuman telah pun menegakkannya sebelum ini di dalam hati nurani dan kehidupan mereka dalam bentuk 'aqidah, akhlak, ibadat dan tingkahlaku mereka. Dan mereka telah dijanjikan dengan satu balasan sahaja kerana menegakkan agama Allah dan janji ini tidak termasuk kemenangan dan kekuasaan walaupun kemenangan dan kekuasaan bagi agama Allah yang dicapai melalui perjuangan mereka. Mereka hanya dijanjikan dengan satu janji sahaja yang tidak ada hubungan dengan sesuatu faedah di dunia ini, iaitu janji Syurga. Inilah satu-satunya janji yang telah dijanjikan kepada mereka sebagai balasan kerana menghadapi perjuangan yang penat, menghadapi kesusahan dan penderitaan yang sukar dan kerana meneruskan perjuangan da'wah dan menentang jahiliyah dengan satu konsep tauhid yang tidak disukai oleh semua pihak yang memegang kuasa di setiap zaman dan tempat iaitu konsep La ilaha Illahah.

Setelah Allah menguji mereka dengan kesusahan lalu mereka menghadapinya dengan sabar, setelah hati mereka bersih dari kehendak-kehendak kepentingan diri, setelah Allah mengetahui bahawa mereka tidak mengharapkan apa-apa balasan di dunia ini sekalipun dalam bentuk kemenangan da'wah di tangan mereka atau tegaknya agama ini di bumi dengan usaha perjuangan mereka, setelah tidak ada lagi di dalam hati mereka perasaan berbangga dengan sesuatu kaum atau bangsa, berbangga dengan negeri dan tanahair, berbangga dengan suku atau keluarga...

Setelah Allah mengetahui semuanya ini, maka ternyatalah kepada-Nya bahawa mereka benar-benar telah menjadi pemegang-pemegang amanat Allah yang agung, iaitu pemegang amanat 'aqidah yang menetapkan hanya Allah sahaja yang berhak memegang kuasa Hakimiyah (pengadilan dan pemerintahan) di atas hati, perilaku syi'ar-syi'ar agama, jiwa, harta, undang-undang, peraturan-peraturan dan situasi-situasi mereka. Seterusnya mereka telah menjadi pemegang amanah kuasa yang telah diserahkan ke dalam tangan mereka agar mereka menggunakannya untuk menjalankan syari'at Allah dan keadilan-Nya dan tidak menggunakannya sedikit pun untuk kepentingan diri mereka, keluarga mereka, kaum mereka atau bangsa mereka kerana seluruh kuasa yang ada di dalam tangan mereka adalah untuk Allah, untuk agama dan syari'at-Nya dan kerana mereka benar-benar tahu bahawa kuasa ini adalah dari Allah yang telah mengurniakannya kepada mereka.

Sistem hidup yang berkat ini tentulah tidak akan terlaksana sedikit pun ke tahap yang luhur ini kecuali pelancaran da'wah ini dimulakan dengan langkah yang seperti ini, kecuali da'wah ini mengibarkan panji-panji La Ilaha Illallah sahaja dan tiada panji-panji yang lain di sampingnya, kecuali da'wah sanggup menjalani jalan yang berlopak-lopak yang amat sukar pada lahirnya tetapi berkat dan senang pada hakikatnya.

Sistem hidup yang berkat ini tidak akan bulat dan ikhlas semata-mata kerana Allah. Sekiranya da'wah memulakan langkah-langkah pertamanya dengan kempen nasionalisme atau kempen sosial atau kempen akhlak atau mengangkat cogankata yang lain di samping cogankata La Ilaha Illallah yang tunggal.

* * * * * *

Itulah sebabnya Al-Qur'an Makkiyah menumpukan seluruh pembicaraannya untuk menegakkan konsep La Ilaha Ilallah di dalam hati dan akal manusia dan memilih jalan ini walaupun pada lahirnya ia kelihatan sukar dan menolak jalan-jalan sampingan yang lain dan tetap tidak berganjak dari jalan ini.

Adapun sebab mengapa Al-Qur'an Makkiyah hanya membicarakan persoalan i'tiqad sahaja tanpa memperkata-kan butir-butir peraturan dan undang-undang yang mengatur urusan-urusan mu'amalah,

maka ini juga satu perkara yang patut mendapat perhatian yang teliti para penda'wah.

Sebenarnya tabi'at agama ini sendiri yang menetapkan cara pembicaraan Al-Qur'an Makkiyah ini. Ia adalah satu agama yang seluruhnya ditegakkan di atas dasar Uluhiyah Yang Maha Esa. Seluruh penyusunannya, undang-undang dan peraturannya adalah terbit dari dasarnya yang pokok ini. Jika pokok yang besar, tinggi mengawan, mengembang rimbun, menghulur bayang-bayangnya yang panjang, mendahan dan mencabang bersilang-silangan menyedut udara ini memerlukan akar umbi yang menunjang jauh ke dalam bumi dan menjangkau kawasan yang luas sesuai dengan saiz batangnya yang besar dan tinggi ini, maka begitulah juga kedudukan agama ini. Sistem agama ini adalah merangkumi seluruh kehidupan manusia, ia mengendalikan seluruh urusan kehidupan mereka sama ada besar atau kecil. Ia bukan sahaja mengatur kehidupan manusia di dunia ini sahaja, malah mengatur kehidupan mereka di Akhirat juga. Ia bukan sahaja berfungsi di alam syahadat yang nyata, malah berfungsi juga di alam ghaib yang tersembunyi. Ia bukan sahaja berfungsi di dalam mu'amalah lahiriah yang bersifat kebendaan, tetapi juga berfungsi di lubuk dhamir, di dunia hati dan niat-niat yang sulit. Pendeknya agama ini merupakan sebuah institusi yang amat besar dan amat luas dan oleh kerana ini ia memerlukan akar umbi yang menusuk jauh ke dalam bumi sesuai dengan bidangnya yang amat luas, besar, mendalam dan berkembang.

Ini adalah satu aspek dari tabi'at dan rahsia agama ini yang menentukan metodologinya di dalam membina dan mengembangkan dirinya. Ia menjadikan soal pembinaan 'aqidah, penegapan dan kesyumulannya yang merangkumi seluruh cabang jiwa ini sebagai salah satu dari keperluan-keperluan bagi pertumbuhan yang betul, juga sebagai salah satu dari jaminan-jaminan ketahanan dan keselarasan di antara bahagian pokok yang zahir dan tersergam di udara dengan bahagian perdu pokok atau akar umbinya yang menunjang di dalam bumi.

Apabila 'aqidah La Ilaha Illallah telah tertanam kukuh di lubuk hati, dan dalam waktu yang sama juga tegaknya sistem hidup yang melambangkan konsep La Ilaha Illallah. Itulah satu-satunya sistem hidup yang diredhai oleh hati, yang tertanam teguh dengan 'aqidah ini, iaitu hati-hati yang sejak dari awal-awal lagi telah menyerah patuh kepada sistem Ilahi ini walaupun sebelum dibentangkan undang-undang dan peraturan yang terperinci. Penyerahan dan kepatuhan dari awal ini merupakan ciri yang dikehendaki oleh keimanan dan dengan penyerahan dan kepatuhan yang seperti inilah hati (para Mu'minin) menerima undang-undang dan peraturan Islam dengan penuh kerelaan. Mereka tidak pernah membantah sesuatu apa pun dari undang-undang dan peraturan ini sebaik sahaja diumumkan kepada mereka dan seterusnya mereka tidak teragak-agak melaksanakannya setelah diterima oleh mereka. Beginilah caranya arak, riba, judi, dan semua adat-adat jahiliyah yang lain dapat dihapuskan dengan beberapa ayat Al-Qur'an atau beberapa kalimah dari Rasulullah s.a.w. sahaja sedangkan kerajaan-kerajaan sekular di dunia berhempas pulas hendak menghapuskan kejahatan ini dengan menggunakan berbagai undang-undang dan peraturan, tentera dan kuasa, kempen dan media massa tetapi tidak sampai ke mana, kecuali hanya dapat membendung kesalahan-kesalahan yang lahir sahaja, sedangkan masyarakat penuh tepu dengan kejahatan dan kemungkaran.[1]

Satu aspek yang lain dari tabi'at agama ini dapat dilihat pada metodologinya yang betul ini, iaitu agama ini merupakan satu sistem hidup yang amali, dinamik dan serius. Ia datang untuk mengendalikan kehidupan manusia di dalam realitinya dan ia menghadapi realiti ini untuk menetapkan keputusannya sama ada mengekalkan realiti ini atau memindakan atau mengubahkannya semua sekali dari akar umbinya. Oleh sebab ini, ia tidak mengadakan undang-undang dan peraturan melainkan kepada kes-kes yang benar-benar telah berlaku di dalam masyarakat yang sejak dari awal lagi mengiktirafkan kuasa Hakimiyah Allah Yang Maha Esa sahaja.

Agama ini bukannya satu teori yang berurusan dengan andaian-andaian, malah ia adalah satu sistem hidup yang berurusan dengan realiti. Oleh sebab ini langkah pertama pastilah ditegakkan masyarakat Islam yang menjunjung 'aqidah La ilaha Illallah dan mengakui bahawa kuasa Hakimiyah hanya milik Allah serta menolak sebarang pengiktirafan kuasa Hakimiyah kepada yang lain dari Allah. Dan seterusnya menolak ligality atau kesahihan dari segi undang-undang mana-mana kedudukan dan peraturan yang tidak dilandaskan di atas dasar ini.

Apabila masyarakat Islam telah ditegakkan di alam kenyataan, barulah ia mempunyai kehidupan yang realistik yang memerlukan kepada peraturan dan undang-undang, maka di waktu inilah agama ini bertindak menggariskan peraturan-peraturan dan undang-undang kepada para Mu'minin yang sejak dari awal lagi telah bersedia untuk mematuhi undang-undang dan peraturan Ilahi dan menolak undang-undang dan peraturan yang lain.

Para Mu'minin yang beriman kepada 'aqidah ini pastilah mempunyai kuasa di atas diri dan masyarakat mereka yang boleh menjamin bahawa undang-undang dan peraturan Ilahi dapat dilaksanakan di dalam masyarakat ini agar ia benar-benar mempunyai kehebatan dan keseriusan. Selain dari itu kehidupan masyarakat ini harus menghadapi realiti yang memerlukan undang-undang dan peraturan itu.

---

[1] *Lihat huraian bagaimana Allah mengharamkan arak dalam juzu' yang kelima Tafsir ini dan bagaimana Amerika gagal menghapuskan arak di dalam buku* "ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين" *(Apakah Kerugian Dunia Akibat Kemunduran Islam) karangan Maulana Abul Hassan Ali Hassani An-Nadwi.*

Semasa berada di Makkah, kaum Muslimin tidak mempunyai kuasa di atas diri dan masyarakat mereka, juga tidak mempunyai kehidupan yang realistik dan berdiri sendiri yang boleh di atur mengikut syari'at Allah. Oleh sebab itulah di zaman Makkiyah, Allah tidak menurunkan peraturan-peraturan dan undang-undang, malah hanya menurunkan 'aqidah dan akhlak yang terpancar dari 'aqidah ini, tetapi apabila mereka telah mempunyai sebuah kerajaan yang berdaulat di Madinah, barulah undang-undang dan peraturan-peraturan ini diturunkan dan ditetapkan kepada mereka untuk menghadapi keperluan-keperluan realistik masyarakat Islam, iaitu undang-undang dan peraturan yang dijaminkan oleh kerajaan dengan kuatkuasanya yang serius dan lulus.

Allah tidak menghendaki menurunkan undang-undang dan peraturan ini di zaman Makkiyah semata-mata untuk disimpan sebagai persediaan untuk dilaksanakannya sebaik sahaja kerajaan Islam ditegakkan di Madinah nanti, kerana cara yang seperti ini bukannya dari tabi'at agama ini, malah ia lebih realistik dan lebih serius lagi dari cara ini. Ia tidak mengandaikan masalah-masalah untuk diandaikan cara-cara penyelesaiannya, malah ia menghadapi realiti dengan saiz dan bentuknya, dengan suasana dan latar belakangnya untuk dimasukkan ke dalam acuan undang-undang dan peraturan yang khusus yang sesuai dengan saiz, bentuk, suasana dan latar belakang realiti ini.

Orang-orang yang mahukan Islam pada hari ini bertindak menyusun peraturan dan undang-undang kehidupan, sedangkan di muka bumi ini belum ada sebuah masyarakat yang sanggup berhakimkan kepada syari'at Al-lah sahaja dan menolak segala undang-undang dan peraturan yang lain serta mempunyai kuasa untuk menguatkuasa dan menjalankan syari'at itu.... Orang-orang yang mahukan Is-lam bertindak sebegini adalah tidak memahami tabi'at agama ini dan tidak mengetahui bagaimana Islam harus berkembang di dalam kehidupan manusia mengikut sebagaimana yang dikehendaki Allah.

Mereka mahukan Islam supaya mengubahkan tabi'atnya, metodologinya dan sejarahnya agar sama dan serupa dengan sistem-sistem hidup ciptaan manusia dan sama dengan metodologi-metodologi yang disusun manusia. Mereka berusaha agar Islam bertindak gopoh dan menyeleweng dari jalan dan langkah-langkah yang betul untuk memenuhi keinginan sementara di dalam jiwa mereka, iaitu keinginan yang dirangsangkan oleh kekalahan jiwa mereka kepada sistem hidup ciptaan manusia yang kerdil. Mereka mahukan Islam memasukkan dirinya ke dalam acuan andaian-andaian untuk menghadapi masa depan yang tidak wujud sedangkan Allah mahukan agama ini berkembang mengikut sebagaimana yang dikehendaki olehnya, iaitu mula-mulanya berkembang sebagai satu 'aqidah yang memenuhi hati manusia dan menerapkan pengaruhnya ke atas hati nurani mereka, satu 'aqidah yang menuntut agar manusia tidak tunduk melainkan hanya kepada Allah dan tidak menerima undang-undang dan peraturan-peraturan melainkan dari Allah. Dan setelah wujudnya kelompok manusia yang mendukung 'aqidah seperti ini serta mempunyai kuasa di dalam masyarakat mereka, maka barulah dimulakan usaha menyusun undang-undang dan peraturan untuk melayani kehendak-kehendak mereka yang realistik dan mengatur kehidupan mereka yang sebenar.

Para pejuang da'wah Islamiyah juga harus faham bahawa apabila mereka hendak menyeru manusia supaya menegakkan semula agama ini, mereka harus lebih dahulu menyeru mereka supaya memeluk 'aqidah ini walaupun mereka mengaku diri mereka sebagai orang-orang Islam dan sijil beranak mereka juga membuktikan bahawa mereka adalah orang-orang yang beragama Islam. Para penda'wah pastilah mengajar mereka bahawa rukun pertama Islam ialah mengikrarkan 'aqidah La ilaha Illallah dengan pengertian yang haqiqi, iaitu memulangkan kuasa Hakimiyah di dalam segala urusan mereka kepada Allah dan mengusir penceroboh yang mencabul kuasa Allah kerana mereka mendakwa mempunyai kuasa Hakimiyah. 'aqidah ini pastilah ditegakkan di dalam hati dan di dalam slogan-slogan mereka, juga ditegakkan di dalam undang-undang dan realiti hidup mereka.

Persoalan 'aqidah ini hendaklah dijadikan asas da'wah manusia kepada Islam sebagaimana ia telah dijadikan asas da'wah Islam pada kali yang pertama. Inilah bentuk da'wah yang telah ditumpukan oleh Al-Qur'an selama tiga belas tahun genap.

Apabila ada kelompok manusia yang menganut agama ini dengan pengertian yang haqiqi, maka kelompok inilah yang layak mengendalikan sistem Islam di dalam kehidupan kemasyarakatan mereka, kerana mereka telah cuba berikrar dengan hati mereka untuk menegakkan kehidupan mereka di atas asas 'aqidah ini dan supaya tiada yang memerintah kehidupan mereka melainkan hanya Allah.

Apabila masyarakat ini telah ditegakkan di dalam realiti, barulah dasar-dasar sistem hidup Islam ini sesuai dikemukakan kepadanya dan barulah tepat bagi masyarakat ini menyusun undang-undang dan peraturan yang diperlukan oleh kehidupan mereka yang sebenar di dalam lingkungan dasar-dasar umum sistem hidup Islam. Inilah tertib susunan yang betul bagi menetapkan langkah-langkah sistem hidup Islam yang realistik, amali dan serius.

Mungkin ternampak kepada setengah-setengah pejuang Islam yang jujur, gopoh dan tidak memerhatikan dengan teliti tabi'at agama ini atau tabi'at metodologinya yang Rabbani dan lurus yang dilandaskan di atas hikmat kebijaksanaan Allah Yang Maha Mengetahui dan Bijaksana dan di atas ilmu-Nya

yang mengetahui tabi'at-tabi'at manusia dan kehendak-kehendak keperluan hidup mereka.... Mungkin ternampak kepada mereka bahawa usaha membentangkan asas-asas sistem hidup Islam atau undang-undang dan peraturan Islam kepada orang ramai ini boleh memudahkan jalan da'wah di samping mendorongkan mereka berminat kepada agama ini.

Ini adalah suatu tanggapan yang salah sama seperti tanggapan orang-orang yang mengusulkan cadangan agar pelancaran da'wah Rasulullah s.a.w. ini dimulakan di bawah panji-panji perjuangan nasionalisme atau perjuangan islah masyarakat atau perjuangan membina akhlak untuk memudahkan jalan da'wah.

Hati manusia pastilah lebih dahulu menunjukkan kepatuhan dan keikhlasan mereka kepada Allah dan pastilah -pada dasarnya - mengumumkan 'Ubudiyah mereka kepada Allah dan sanggup menerima undang-undang dan peraturan Allah sahaja dan menolak segala undang-undang dan peraturan yang lain sebelum mereka diberikan huraian yang terperinci mengenai undang-undang dan peraturan Ilahi yang boleh membangkitkan minat dan kegemaran mereka terhadapnya.

Kegemaran dan minat ini pastilah terbit dari minat dan keinginan menumpukan 'Ubudiyah kepada Allah dan keinginan membebaskan diri dari kuasa-kuasa yang lain dari kuasa Allah, bukannya dari huraian bahawa peraturan-peraturan yang dibentangkan kepada mereka itu sendiri adalah lebih baik dari peraturan-peraturan yang ada pada mereka mengenai itu dan ini secara terperinci.

Memanglah sistem hidup Ilahi itu lebih baik kerana ia adalah dari syari'at Allah, sedangkan undang-undang manusia tidak akan sama pada bila-bila masa pun dengan syari'at Allah, tetapi ini bukan dasar da'wah, kerana mengikut dasar da'wah kesanggupan menerima syari'at Allah sahaja dan menolak undang-undang yang lain itulah yang dikatakan pengertian Islam dan Islam tidak mempunyai pengertian yang lain dari ini. Oleh itu sesiapa yang gemarkan Islam bererti ia telah membuat keputusan yang muktamad di dalam persoalan 'aqidah ini dan tidak lagi perlu dirangsangkan minatnya dengan keindahan dan keutamaan sistem Islam. Ini adalah salah satu dari logik iman yang sangat mudah dimengerti.

* * * * * *

Kemudian kita perlu menghuraikan sebagaimana Al-Qur'an mengolahkan persoalan 'aqidah ini selama tiga belas tahun. Ia tidak pernah mengemukakan persoalan 'aqidah ini dalam bentuk "teori" atau dalam bentuk "ilmu ketuhanan" atau dalam bentuk perdebatan seperti perdebatan-perdebatan yang dikenali kemudian dengan nama "ilmu tauhid" atau "ilmu al-qalam!"

Tidak sekali-kali begitu, malah Al-Qur'anul-Karim berbicara dengan fitrah manusia dengan menggunakan dalil-dalil dan saranan-saranan yang terdapat pada kewujudan dirinya dan pada kewujudan makhluk-makhluk yang lain di sekelilingnya, Al-Qur'an menyelamatkan fitrah manusia dari timbunan sampah sarap (kepercayaan yang karut). Dan membersihkan alat-alat penerima fitrah manusia dari kekotoran yang mengaratinya dan melumpuhkan fungsi-fungsinya. Ia membuka pintu-pintu fitrah agar ia dapat menerima isyarat-isyarat yang menyampaikan saranan, dan kesan-kesan serta memberi reaksi terhadapnya. Surah al-An'am yang ada di hadapan kita sekarang ini adalah satu contoh yang lengkap dari metodologi Al-Qur'an yang unik ini dan kita akan memperkatakan ciri-cirinya sebentar lagi.

Ini adalah pandangan secara umum dan mengikut pandangan secara khusus pula ialah Al-Qur'an telah membawa 'aqidah ini ke dalam kancah pertarungan yang hidup dan realistik, iaitu pertarungan dengan timbunan sampah sarap (kepercayaan-kepercayaan yang karut) yang melumpuhkan fitrah manusia, pertarungan yang berlangsung di dalam jiwa manusia yang hadir dan wujud dalam realiti. Oleh sebab itu (pembentangan 'aqidah) dalam bentuk teori adalah satu bentuk yang tidak sesuai dengan realiti yang hadir ini, malah bentuk yang sesuai ialah bentuk persemukaan atau penentangan yang hidup terhadap penyakit-penyakit, sekatan-sekatan, halangan-halangan, masalah-masalah jiwa dan realiti yang terdapat di dalam jiwa manusia-manusia yang hadir dan hidup. Begitu juga perdebatan aqliyah yang dilakukan oleh ilmu tauhid di zaman-zaman mutakhir adalah satu bentuk yang tidak sesuai. Al-Qur'an telah menghadapi realiti manusia yang lengkap dengan keadaan-keadaan dan latar belakangnya yang hidup. Ia berbicara dengan diri manusia secara keseluruhan di dalam lautan realiti. Begitu juga bentuk perbicaraan ilmu ketuhanan juga tidak sesuai (untuk pembentangan 'aqidah), kerana 'aqidah Islamiyah - walaupun berupa 'aqidah - namun ia adalah satu 'aqidah yang menggambarkan satu sistem hidup yang realistik untuk dilaksanakan secara amali, ia bukannya 'aqidah yang terkepung di sudut yang sempit seperti kajian-kajian ilmu ketuhanan secara teori.

Al-Qur'an yang membina 'aqidah ini di dalam hati nurani kelompok Muslimin telah membawa mereka ke dalam kancah pertarungan yang besar menentang jahiliyah di sekelilingnya dan menentang keladak-keladak jahiliyah yang masih melekat di dalam hati, akhlak dan realiti hidup mereka. Dari suasana-suasana dan latar belakang inilah lahirnya usaha pembinaan 'aqidah, tetapi ia lahir bukan dalam bentuk teori dan tidak pula dalam bentuk ilmu ketuhanan atau dalam bentuk perdebatan ilmu al-qalam, malah dalam bentuk usaha membentuk dan menyusun kehidupan secara langsung di kalangan kelompok Muslimin itu sendiri. Perkembangan kelompok Muslimin dalam bidang kefahaman i'tiqad dan bidang perilaku mereka di alam realiti yang selaras dengan kefahaman ini, juga dalam bidang pengalaman mereka menghadapi jahiliyah sebagai satu organisasi yang sentiasa memeranginya adalah satu gambaran lengkap bagi

perkembangan 'aqidah, atau satu terjemahan yang hidup bagi 'aqidah. Inilah metodologi Islam yang menggambarkan tabi'atnya.

Adalah perlu bagi penda'wah-penda'wah Islam memahami tabi'at agama ini dan metodologi harakatnya sebagaimana kami telah terangkan tadi agar mereka mengetahui bahawa peringkat pembinaan 'aqidah seperti ini yang telah mengambil masa yang lama di zaman Makkiyah ini adalah tidak terpisah dari peringkat pembentukan amali harakat Islamiyah atau peringkat pembinaan kelompok Muslimin di alam realiti. Ia bukannya peringkat menerima teori untuk kajian, malah merupakan peringkat pembinaan asas bagi 'aqidah Islamiyah, bagi kelompok Muslimin, bagi harakat Islam dan kewujudan mereka di alam realiti serentak dalam satu waktu. Beginilah yang seharusnya difaham setiap kali wujudnya hasrat untuk mengulangkan sekali lagi pembinaan 'aqidah ini.

Demikianlah peringkat pembinaan 'aqidah ini harus memakan waktu yang lama dan langkah-langkahnya harus berlangsung dengan perlahan-lahan, mendalam dan kukuh. Demikian juga peringkat pembinaan ini tidak seharusnya dijadikan peringkat pengajian 'aqidah secara teori, malah peringkat ini pastilah dijadikan peringkat penterjemahan 'aqidah ini dalam bentuk yang dinamik yang dapat dilihat pada hati mereka yang dibentuk dengan 'aqidah ini pada pembinaan kelompok Muslimin yang mana perkembangan-nya menggambarkan perkembangan 'aqidah ini sendiri, juga dapat dilihat pada harakat kelompok Muslimin di alam realiti menghadapi jahiliyah dan memasuki kancah pertarungan di dalam hati mahu pun di dalam realiti agar 'aqidah ini hidup dan berkembang subur dengan dinamiknya di dalam kancah pertarungan.

Dalam konteks 'aqidah Islam adalah amat salah, malah amat bahaya andainya 'aqidah ini diolahkan dalam bentuk teori tulen untuk kajian secara teori atau untuk pengetahuan umum sahaja.

Al-Qur'an tidaklah menghabiskan masa selama tiga belas tahun genap dalam pembinaan 'aqidah ini disebabkan kerana Al-Qur'an itu diturunkan bagi pertama kali..... Sekali-kali tidak begitu andainya Allah kehendaki tentulah Dia boleh menurunkannya sekaligus sahaja kemudian membiarkan para pemeluk Islam mempelajarinya selama tiga belas tahun atau lebih atau kurang sehingga mereka dapat memahami "teori Islamiyah" ini dengan sempurnanya.

Tetapi kehendak Allah S.W.T. mahukan satu perkara yang lain. Allah berkehendak membentuk satu sistem hidup yang tertentu dan unik. Allah mahu membina kelompok Muslimin, membina harakat dan membina 'aqidah serentak dalam satu masa. Allah mahu membina kelompok Muslimin dan harakat dengan 'aqidah dan membina 'aqidah dengan kelompok Muslimin dan harakat. Allah mahukan 'aqidah menjadi realiti kelompok Muslimin dan mahukan realiti kelompok Muslimin dan harakat mereka menjadi gambaran 'aqidah. Allah S.W.T. mengetahui bahawa pembinaan jiwa dan pembentukan kelompok Muslimin tidak mungkin dilakukan dalam sehari semalam. Oleh sebab itu pembinaan 'aqidah pastilah mengambil masa sepanjang yang diambil di dalam pembinaan jiwa dan pembentukan kelompok hingga apabila pembinaan 'aqidah itu matang, maka kelompok itulah yang menjadi petanda lahir bagi kematangan ini di alam realiti.

Inilah tabi'at agama ini - sebagaimana yang diintisarikan dari metodologi Al-Qur'an Makkiyah - dan kita pastilah mengetahui tabi'at ini dan kita tidak seharusnya bertindak mengubahkannya kerana menyahut kehendak keinginan yang gopoh dan kerana kalah di hadapan bentuk teori-teori ciptaan manusia, malah dengan tabi'at inilah Islam telah membentuk umat Muslimin bagi pertama kali dan dengan tabi'at inilah juga Islam akan membentuk umat Muslimin setiap kali adanya hasrat untuk melahir umat Muslimin sekali lagi ke alam al-wujud sebagaimana Allah telah melahirkan mereka kali yang pertama.

Kita pasti menyedari betapa salah dan merbahaya percubaan untuk mengubahkan 'aqidah Islamiyah yang dinamik yang wajib dijelmakan di dalam realiti yang sempurna dan harakat yang dinamik ini kepada bentuk "teori" untuk kajian dan pengetahuan umum semata-mata kerana kita mahu menentang "teori" ciptaan manusia yang kerdil dengan teori Islamiyah.

'aqidah Islamiyah pasti dijelmakan di dalam jiwa manusia yang dinamik, organisasi yang wujud di alam realiti dan di dalam harakat menentang jahiliyah di sekelilingnya, juga menentang keladak jahiliyah yang mendap di dalam jiwa mereka kerana mereka dulunya adalah pendokong-pendokong jahiliyah sebelum 'aqidah Islam menyerap ke dalam hati mereka dan sebelum mereka dicabut dari persekitaran jahiliyah. 'aqidah Islamiyah dalam bentuk ini adalah mengambil ruang yang lebih besar, lebih luas dan lebih mendalam dari ruang yang diambil oleh 'aqidah dalam bentuk "teori" di samping ia merangkumi ruang teori dan bahan kajiannya. Tetapi ia tidak menumpu setakat teori sahaja.

Kefahaman Islam terhadap Uluhiyah dan kewujudannya terhadap alam buana, hayat dan insan adalah satu kefahaman yang syumul dan lengkap. Dan di samping itu ia juga merupakan satu kefahaman yang realistik dan positif, yang mana tabi'atnya tidak suka ia dijelmakan dalam bentuk kefahaman teori dan pengetahuan umum semata-mata kerana ia bertentangan dengan tabi'at dan tujuannya, malah ia wajib dijelmakan dalam kelompok manusia dalam organisasi yang dinamis dan dalam harakat di alam realiti kerana cara pembentukan ia berkembang melalui kelompok manusia dan organisasi yang dinamis sehingga ia mencapai

kematangan dari segi teori sama serentak dengan kematangan di alam realiti, iaitu ia tidak terpisah di dalam bentuk teori, malah ia terus dijelmakan dalam bentuk yang wujud di alam realiti.

Setiap perkembangan 'aqidah dari segi teori yang mendahului perkembangan harakatnya di alam realiti dan tidak dijelmakan melaluinya adalah satu perkembangan yang salah dan merbahaya dalam konteks tabi'at agama ini, tujuannya dan cara membentukkan dirinya.

Allah S.W.T. berfirman:

"Dan Al-Qur'an ini Kami telah menurunkannya dengan berdikit-dikit supaya engkau dapat membacakannya kepada manusia dengan perlahan-lahan dan Kami telah menurunkannya secara beransur-ansur."

(Surah al-Isra': 106)

Penurunan Al-Qur'an secara berdikit-dikit dan pembacaan dengan cara yang perlahan-lahan ini memanglah dirancangkan sedemikian rupa agar pembinaan struktur yang terdiri dari 'aqidah ini berlangsung dalam bentuk "organisasi yang hidup" bukannya dalam bentuk "teori pengetahuan" semata-mata.

Para penganut agama ini harus mengetahui dengan sebaik-baiknya iaitu sebagaimana agama ini merupakan agama Rabbani, maka metodologi harakatnya juga merupakan metodologi Rabbani yang sesuai dengan tabi'atnya dan bahawa hakikat agama ini tidak boleh dipisahkan dari metodologi harakatnya.

Mereka juga harus mengetahui iaitu sebagaimana tujuan kedatangan agama ini ialah untuk mengubahkan - kefahaman i'tiqad - yakni mengubahkan realiti yang asasi -maka begitulah juga tujuan kedatangannya ialah untuk mengubah metodologi pemikiran dan harakat yang digunakan untuk membina kefahaman i'tiqad dan mengubahkan realiti yang asasi. Pendeknya ia datang untuk membina 'aqidah di samping membina umat dan seterusnya untuk mewujudkan satu metodologi pemikiran yang khusus dengannya sebagaimana ia membentuk kefahaman i'tiqad dan reatiti yang asasi tidak ada pemisahan di antara metodologi pemikiran yang khusus itu dengan kefahaman i'tiqad dan pembentukan yang asasi itu. Semuanya merupakan satu berkas yang sama.

Apabila kita mengetahui metodologi yang telah dihuraikan tadi, maka hendaklah kita mengetahui pula bahawa metodologi ini adalah metodologi yang semulajadi bukannya metodologi untuk sesuatu peringkat perkembangan atau untuk sesuatu masyarakat atau untuk sesuatu keadaan atau situasi yang khusus dengan pertumbuhan kelompok Muslimin yang pertama, malah ia adalah metodologi yang dengannya sahaja dapat ditegakkan agama ini.

Fungsi agama Islam bukan hanya untuk mengubahkan 'aqidah manusia dan realiti mereka sahaja, bahkan juga untuk mengubah cara pemikiran mereka dan cara mereka menangani kefahaman dan realiti, ini disebabkan kerana sistem Islam adalah sistem hidup Rabbani, yang mana seluruh tabi'atnya berlainan dari sistem-sistem hidup ciptaan manusia yang lemah dan kerdil.

Kita tidak dapat sampai kepada kefahaman Rabbani dan konsep hidup Rabbani melainkan melalui metodologi pemikiran Rabbani juga, iaitu satu metodologi yang dikehendaki Allah agar metodologi permikiran manusia ditegakkan di atas asasnya supaya kefahaman dan struktur mereka yang asasi menjadi betul dan sihat.

Apabila kita mahukan Islam dijadikan suatu teori untuk kajian, maka ini bererti kita keluar dari tabi'at metodologi Rabbani dan dari tabi'at pemikiran Rabbani dan menundukkan Islam kepada cara-cara pemikiran manusia seolah-olah sistem hidup Rabbani itu lebih rendah dari sistem hidup ciptaan manusia dan seolah-olah kita mahu mengangkatkan metodologi Allah dalam pemikiran dan harakat supaya sama dengan metodologi ciptaan manusia.

Dari aspek ini perkara ini amatlah penting dan kekalahan (di sini merupakan kekalahan yang) membawa maut.

Fungsi sistem hidup Rabbani ialah memberi kepada kita - selaku para pendukung da'wah Islamiyah - satu metodologi pemikiran yang khusus untuk membolehkan kita membersihkan diri kita dari keladak cara-cara pemikiran jahiliyah yang dominan di muka bumi ini, yang menekan akal kita dan hidup di dalam kebudayaan kita. Oleh itu apabila kita mahu memahami agama ini dengan menggunakan metodologi berfikir yang asing dari tabi'atnya iaitu metodologi-metodologi pemikiran jahiliyah yang dominan, maka ini bererti kita telah membatalkan fungsi agama ini yang datang untuk berkhidmat kepada manusia dan (sekaligus) bererti kita telah mengharamkan diri kita sendiri dari peluang menyelamatkan diri dari tekanan sistem hidup jahiliyah yang dominan di zaman ini, juga peluang menyelamatkan diri dari keladak-keladak jahiliyah yang melekat di dalam akal dan struktur diri kita.

Dari aspek ini perkara ini amatlah penting dan kerugian (di sini) merupakan kerugian yang membawa maut.

Metodologi pemikiran dan harakat dalam rangka usaha membina Islam tidak kurang penting dan perlunya dari sistem kefahaman i'tiqad dan dari sistem hidup yang asasi yang juga tidak terpisah darinya. Walau bagaimana sekalipun terlintas di dalam hati untuk mengemukakan kefahaman dan sistem hidup Islam ini dalam bentuk pengungkapan, maka kita harus jangan lupa bahawa cara pengungkapan ini

tidak dapat mewujudkan Islam di bumi ini dalam bentuk harakat yang wujud di alam realiti, malah kita harus jangan lupa bahawa usaha kita memperkenalkan Islam dalam bentuk ini tidak akan memberi faedah melainkan kepada mereka yang sedang berjuang mengendalikan harakat Islamiyah yang bergerak di alam realiti. Dan sebanyak-banyak yang dapat diambil faedah oleh mereka dari usaha kita yang memperkenalkan Islam dalam bentuk ini ialah mereka dapat berinteraksi dengannya sekadar pencapaian yang telah dicapai mereka dalam masa menjalankan harakat ini.

Sekali lagi saya ulangi bahawa kefahaman i'tiqad pastilah dijelmakan dalam satu kelompok yang bergerak dan dalam waktu yang sama kelompok ini harus merupakan gambaran yang tepat dan terjemahan yang sebenar kepada kefahaman i'tiqad ini.

Sekali lagi saya ulangi bahawa inilah metodologi Rabbani yang tabi'i bagi Islam. Inilah metodologi yang lebih tinggi, lebih betul, lebih berkesan dan lebih sesuai dengan tabi'at manusia dari metodologi membentuk teori-teori semata-mata secara berasingan dan menghidangkannya kepada orang ramai dalam bentuk kajian aqliyah yang dingin sebelum mereka terlibat dalam perjuangan mengendalikan harakat Islamiyah di alam realiti dan sebelum diri mereka merupakan terjemahan yang berkembang selangkah demi selangkah untuk menggambarkan makna teori ini.

Jika cara ini betul dalam mengemukakan asas teori, maka tentulah ia lebih betul lagi dalam mengemukakan asas-asas sistem hidup Islam yang menggambarkan kefahaman Islam atau dalam mengemukakan undang-undang dan peraturan yang terperinci bagi sistem ini.

Sebenarnya jahiliyah yang wujud di sekeliling kita sekarang di samping ianya bertindak menekankan saraf setengah-setengah pejuang da'wah Islamiyah yang jujur hingga membuat mereka mahu mempercepatkan langkah-langkah untuk membangunkan sistem hidup Islam, maka jahiliyah juga kadang-kadang sengaja hendak meletakkan mereka dalam keadaan serba salah, iaitu dengan mengemukakan pertanyaan kepada mereka: Di manakah program yang terperinci bagi sistem hidup yang kamu serukan manusia kepadanya? Apakah kajian-kajian dan rancangan-rancangan terperinci yang telah disediakan kamu untuk dilaksanakan? Sehubungan dengan ini jahiliyah sengaja bertindak begitu dengan tujuan agar mereka bertindak terburu-buru membangunkan sistem hidup Islam yang diperjuangkan mereka agar mereka melangkaui peringkat pembinaan 'aqidah dan mengubahkan metodologi Rabbani mereka dari tabi'atnya di mana pengertian teorinya harus dicerminkan dalam gerak harakat mereka dan gambaran sistem Islam harus ditunjukkan dengan jelas semasa pergerakan itu dan undang-undang dan peraturannya harus diatur dalam masa menghadapi masalah-masalah hidup yang sebenar di alam realiti.

Di antara kewajipan para pejuang da'wah Islamiyah ialah menahan diri dari menyambut cabaran dan acahan (jahiliyah) ini! Kewajipan mereka ialah menolak sebarang rencana untuk menggunakan sebarang metodologi yang asing terhadap harakat dan agama mereka. Kewajipan mereka ialah jangan membenarkan orang-orang yang tidak yakin dan beriman ini mempersenda-sendakan mereka. Kewajipan mereka ialah bertindak membongkarkan segala gerak cabaran yang ingin menyulitkan mereka serta berusaha mengatasinya. Kewajipan mereka ialah bergerak dengan agama mereka mengikut metodologi harakatnya, kerana inilah salah satu rahsia dari rahsia-rahsia kekuatan agama mereka di samping merupakan sumber kekuatan mereka.

Dalam Islam metodologi adalah sama dengan hakikat dan di antara keduanya tidak boleh dipisahkan. Setiap metodologi yang asing tidak dapat merealisasikan sistem Islam di akhir perjuangannya. Metodologi-metodologi Barat yang asing ini hanya dapat merealisasikan sistem-sistem hidup Barat yang diciptakan manusia, tetapi ia tidak dapat merealisasikan sistem Rabbani kita. Oleh itu kepatuhan kepada metodologi ini adalah sama perlu dengan kepatuhan kepada 'aqidah, juga sama perlu dengan kepatuhan kepada sistem di dalam setiap harakat Islamiyah bukannya hanya perlu dalam harakat Islamiyah yang pertama sahaja sebagaimana yang difaham oleh setengah-setengah orang.

Inilah sepatah kata saya yang terakhir dan saya berharap agar dengan kenyataan saya mengenai tabi'at Al-Qur'an Makkiyah dan tabi'at metodologi Rabbani yang digambarkan di dalam Al-Qur'an Makkiyah ini saya telah menyampaikan kewajipan saya, juga saya berharap agar pejuang-pejuang da'wah Islamiyah benar-benar mengenal metodologi mereka, benar-benar percaya dan yakin kepadanya dan seterusnya benar-benar sedar bahawa metodologi yang ada pada mereka adalah lebih baik dan mereka adalah kelompok insan yang tertinggi.

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus."

(Surah al-Isra': 9)

Setelah ini marilah kita teruskan pembicaraan kita memperkatakan surah ini.

******

Surah ini - iaitu surah Makkiyah yang pertama yang kami bicarakan di sini di dalam tafsir Fi Zilal ini - adalah satu contoh yang lengkap sebagai Al-Qur'an Makkiyah yang telah kami huraikan tabi'atnya, ciri-cirinya dan metodologinya di dalam lembaran yang

silam. Surah ini menggambarkan tabi'at Al-Qur'an Makkiyah, ciri-cirinya dan metodologinya dalam maudhu'nya yang asasi, dalam metodologi pengolahannya dan dalam cara pembentangan-nya di samping menjaga syakhsiyahnya yang tersendiri berdasarkan gejala lahir yang diperhatikan di dalam setiap surah Al-Qur'an, iaitu gejala yang tidak terluput dari pemerhatian yang teliti dalam mana-mana surah. Oleh sebab itu setiap surah mempunyai syakhsiyahnya, ciri-cirinya, paksinya dan caranya yang tersendiri dalam membentangkan maudhu'nya yang asasi, juga mempunyai unsur-unsur pernyataan yang memberi kesan-kesan dan saranan-saranan yang menyertai pembentangannya, di samping mempunyai gambaran-gambaran, bayangan-bayangan dan suasana yang memayunginya, mempunyai pengungkapan-pengungkapan yang tersendiri yang diulang-ulangkannya. Semuanya merupakan ciri-ciri yang lazim di dalam surah-surah Makkiyah walaupun surah-surah ini membicarakan satu maudhu' yang sama atau maudhu'-maudhu' yang hampir sama. Oleh itu faktor yang melukiskan syakhsiyah sesuatu surah itu bukanlah maudhu'nya, tetapi ialah sifat-sifat dan ciri-cirinya yang tersendiri.

Walaupun begitu, surah ini membicarakan maudhu' asasinya dengan satu gambaran yang unik, di mana setiap pandangan setiap situasi dan senarionya menggambarkan keindahan yang menarik, keindahan Yang menggambarkan jiwa dan perasaan, keindahan yang membuat nafas tercungap-cungap kerana takjub ketika mengikuti pemandangan-pemandangannya, nada-nadanya dan pernyataan-pernyataannya yang penuh dengan saranan yang menarik.

Ya! Inilah satu hakikat yang saya alami di dalam hati dan perasaan saya ketika mengikuti penjelasan surah ini, pemandangan dan nada-nadanya dan saya tidak fikir ada manusia yang mempunyai hati yang tidak mengalami hakikat yang sama yang saya alami dari surah ini. Sesungguhnya keindahan yang terdapat dalam surah ini telah mencapai tahap yang begitu menakjubkan hingga membuat hati tidak mampu mengikutinya melainkan dengan perasaan yang penuh kagum dan terpesona.

Surah ini pada keseluruhannya membentangkan "hakikat Uluhiyah" ia membentangkan di ruang alam buana dan di ruang kehidupan sebagaimana ia membentangkannya di ruang jiwa dan hati nurani. Ia membentangkannya di ruang-ruang majhul alam buana yang nyata sebagaimana ia membentangkan di ruang-ruang majhul alam ghaib yang tersembunyi. Ia membentangkannya di dalam pemandangan-pemandangan kejadian alam buana, kejadian hayat dan kejadian manusia sebagaimana ia membentangkannya di dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan umat manusia di zaman purba dan umat-umat yang mengambil tempat mereka yang silih berganti. Ia membentangkannya di dalam pemandangan-pemandangan fitrah yang menghadapi alam buana dalam peristiwa-peristiwa, menghadapi kemenangan dan kesusahan sebagaimana ia membentangkannya di dalam gejala qudrat Ilahiyah dan penguasaannya ke atas kehidupan manusia yang lahir dan batin, juga di dalam situasi-situasi hidup mereka yang telah berlaku di alam realiti dan situasi-situasi yang diduga akan berlaku. Dan akhirnya ia membentangkannya di dalam senario-senario Kiamat dan pemandangan-pemandangan manusia yang berdiri di hadapan Allah Yang Maha Pencipta....

Maudhu' yang dibicarakan oleh surah ini dari awal hingga akhir ialah maudhu' 'aqidah yang merangkumi segi asas-asasnya dan kandungan-kandungannya. Ia membawa seluruh jiwa manusia menjelajah seluruh alam buana, menjelajah di sebalik sumber-sumber 'aqidah dan kejadian-kejadian yang menyarankan 'aqidah baik yang tersembunyi mahupun yang nyata di alam al-wujud yang amat besar ini. Ia membawa manusia menjelajah kerajaan langit dan bumi, di mana ia melihat kekelaman dan cahaya dan memerhati matahari, bulan dan bintang-bintang, juga bersiar-siar di dalam aneka kebun yang berpara dan tidak berpara, di mana air gugur di atasnya atau mengalir di dalamnya. Ia membawa jiwa manusia berhenti sejenak untuk melihat kebinasaan umat-umat yang silam dan kesan-kesannya yang musnah dan masih kekal (hingga hari ini). Kemudian ia membawa mereka berenang di dalam kegelapan-kegelapan di daratan dan lautan, berenang di dalam rahsia-rahsia alam ghaib dan alam jiwa, rahsia-rahsia yang hidup keluar dari yang mati dan yang mati keluar dari yang hidup, rahsia biji benih yang terpendam di dalam bumi dan rahsia nutfah yang tersorok dalam rahim yang gelap gelita, kemudian ia mengemukakan hal-hal jin dan manusia, burung-burung dan binatang-binatang buas, umat-umat di zaman dahulu dan umat-umat di zaman kebelakangan, orang-orang yang mati dan orang-orang yang hidup dan para malaikat penjaga yang mengawal manusia siang dan malam.

Itulah himpunan kejadian-kejadian alam buana yang memenuhi ruang-ruang jiwa dan perasaan dan itulah sentuhan-sentuhan penerangan yang indah yang memberi hayat, iaitu sentuhan-sentuhan yang membuat pemandangan-pemandangan dan konsep-konsep itu hidup di dalam perasaan dan khayal. Ia membuat setiap pemandangan dari gambaran perasaan-perasaan yang ditayang berulang-ulang dan lumrah ini menjadi baru semula dan hidup berdenyut seolah ia baru diterima buat pertama kalinya oleh jiwa manusia dan seolah-olah ia belum pernah dilihat oleh hati manusia sebelum ini.

Dalam huraiannya yang penuh dengan pemandangan-pemandangan, situasi-situasi, pernyataan-pernyataan yang memberi saranan, nada-nada, gambaran-gambaran dan bayangan-bayangan ini, maka surah ini seakan-akan arus sungai yang penuh dengan gelombang-gelombang yang bertolak-tolakkan dan berkejar-kejaran, belum pun satu gelombang sampai ke tempatnya muncul pula satu gelombang lain yang mengekori dan mengejarnya lalu bertaut-tautan bersama dengannya di dalam arus

yang terus bersambung-sambung dan mencurah-curah ini.

Dalam setiap gelombang dari gelombang-gelombang yang bertolak-tolakkan, berkejar-kejaran dan bertaut-tautan ini, surah ini sampai ke tahap "keindahan yang mengkagumkan" sebagaimana kami telah huraikan tadi serta selaras dengan metodologi pembentangannya di dalam berbagai-bagai pemandangan yang akan diterangkan nanti. Ia membuat seluruh ruang jiwa terpengaruh dengan keindahan yang mengkagumkan ini, terpengaruh dengan ulasan-ulasannya yang hidup dan lancar, terpengaruh dengan nada-nada gambaran, pengungkapan dan muzik, terpengaruh dengan pengumpulan dan pengemblengan (makhluk-makhluk yang begitu banyak) dan terpengaruh dengan persemukaan dengan hati manusia di segenap jalan dan di segenap tingkap!

Dari awal-awal lagi kami yakin bahawa kami tidak akan mencapai suatu apa dalam usaha kami untuk memindahkan nada-nada surah ini ke dalam mana-mana hati manusia kecuali kami tinggalkan surah ini bertolak dengan huraiannya sendiri dan dengan nada-nadanya sendiri menuju kepada hati manusia ini. Kami tidak akan mencapai suatu apa dengan huraian ala manusia dan dengan gaya penjelasan ala manusia. Akan tetapi ia hanya merupakan suatu usaha untuk membina jambatan di antara golongan manusia yang terpisah dari Al-Qur'an ini - kerana mereka hidup jauh dari suasana Al-Qur'an dengan Al-Qur'an ini.

Hidup dalam suasana Al-Qur'an bukanlah bererti semata-mata mengulangkaji Al-Qur'an, membaca Al-Qur'an dan menelaah ilmu-ilmu Al-Qur'an, kerana ini bukannya suasana Al-Qur'an yang kami maksudkan, malah apa yang kami maksudkan dengan hidup di dalam suasana Al-Qur'an ialah seorang itu harus hidup dalam suasana, dalam situasi, dalam harakat, dalam usaha, dalam perjuangan, dalam minat dan cita-cita yang sama semasa diturunkan Al-Qur'an ini, iaitu ia harus hidup dalam suasana menentang jahiliyah yang wujud di merata pelosok bumi pada hari ini, yang wujud di dalam hatinya, di dalam cita-citanya dan di dalam gerak langkah, ia harus menegakkan Islam sekali lagi di dalam hatinya, di dalam hati orang ramai, di dalam kehidupannya dan di dalam kehidupan orang ramai untuk menentang jahiliyah, iaitu menentang segala kefahamannya, segala minat dan cita-citanya, segala tradisinya, segala realitinya yang amali, juga menentang segala tekanan jahiliyah ke atas dirinya, menentang perang jahiliyah yang dilancarkan ke atasnya, menghadapi penentangan jahiliyah terhadap 'aqidah Rabbaniyah dan terhadap sistem hidup Rabbaniyah dan seterusnya menentang segala reaksi-reaksi jahiliyah terhadap sistem dan 'aqidah ini selepas perjuangan-perjuangan jihad dan penentangan yang degil.

Inilah suasana Al-Qur'an, yang dapat dihayati oleh seseorang untuk mengecapi Al-Qur'an kerana Al-Qur'an diturunkan dalam suasana yang seperti ini dan ia juga bertindak di dalam gelombang yang seperti ini. Orang-orang yang tidak menghayati suasana yang seperti ini adalah terpisah dari Al-Qur'an walaupun mereka menghabiskan masa mereka mengulangkaji dan membaca Al-Qur'an serta menelaah ilmu-ilmu Al-Qur'an.

Usaha yang kami curahkan untuk membina jambatan di antara para Mu'minin yang ikhlas dengan Al-Qur'an tidak akan mencapai suatu apa kecuali setelah mereka sendiri menyeberang jambatan itu dan sampai ke tebing sebelah lagi dan setelah mereka berusaha untuk benar-benar hidup di dalam suasana Al-Qur'an dengan amalan dan harakat........ Di waktu inilah sahaja mereka dapat mengecapi Al-Qur'an dan dapat merasakan ni'mat istimewa ini yang hanya dikurniakan Allah kepada mereka yang dikehendaki oleh-Nya.

* * * * * *

Surah ini mengolahkan persoalan 'aqidah yang asasi, iaitu persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyah. Ia mengolahkannya dengan memperkenalkan Allah kepada para hamba-Nya: Siapakah Dia? Apakah sumber kewujudan ini? Apakah rahsia-rahsia di sebalik kewujudan ini? Siapakah para hamba itu? Siapakah yang membawa mereka ke alam al-wujud ini? Siapakah yang mencipta mereka? Siapakah yang memberi rezeki kepada mereka? Siapakah yang menjaga mereka? Siapakah yang mentadbirkan urusan mereka? Siapakah yang mengubahkan hati dan penglihatan mereka? Siapakah yang menukarkan malam dan siang mereka bersilih ganti? Siapakah yang memulakan ciptaan mereka kemudian mengulangkan semula ciptaan ini? Untuk apakah Allah menciptakan mereka? Dan hingga ke manakah Allah menetapkan ajal mereka? Apakah nasib kesudahan yang Allah akan serahkan mereka kepadanya? Hayat yang bertaburan di sana sini itu siapakah yang menyebarkannya di kawasan bumi tandus ini? Air hujan yang digugutkan ini, tunas yang tumbuh ini, biji-biji yang bersusun-susun ini, bintang yang menembusi kegelapan malam ini, waktu pagi yang menyerlah ini, malam yang melabuhkan tirainya ini dan cakerawala yang beredar ini, siapakah yang berada di belakang kejadian-kejadian ini semuanya? Apakah rahsia-rahsia dan berita-berita di sebaliknya? Umat-umat ini, abad-abad yang datang dan pergi ini, yang musnah dan silih berganti ini, siapakah yang menggantikannya? Siapakah yang memusnahkannya? Mengapa ia diganti? Mengapa ia musnah? Apakah nasib kesudahan, hisab dan balasan setelah ia diganti, diuji dan dimatikan?

Demikianlah surah ini membawa hati manusia menjelajah ke dalam zaman-zaman yang jauh dan ke merata pelosok alam dan menjelajah ke dalam lubuk-lubuk dan pendalaman-pendalaman, tetapi ia membuat semua penjelajahan ini mengikut metodologi Al-Qur'an Makkiyah yang telah kami

huraikan, dalam lembaran-lembaran yang lepas, juga mengikut metodologi Al-Qur'an seluruhnya. Ia tidak bertujuan menggambarkan 'aqidah dalam bentuk teori dan tidak pula bertujuan menggambarkannya dalam bentuk perdebatan ilmu ketuhanan yang memerah akal fikiran, malah ia bertujuan memperkenalkan Tuhan yang sebenar kepada manusia agar dengan pengenalan ini dapat meng'Ubudiyahkan manusia kepada Tuhan mereka yang sebenar iaitu meng'Ubudiyahkan hati dan jiwa mereka, meng'Ubudiyahkan usaha dan harakat mereka, tradisi-tradisi mereka, syi'ar-syi'ar mereka dan seluruh realiti mereka kepada kuasa Allah yang tertinggal, dada kuasa yang lain dari kuasa Allah baik di bumi mahupun di langit.

Arah tuju surah ini hampir-hampir semuanya menjurus kepada matlamat yang tetap ini dari awal hingga akhir, iaitu Allah itulah Pencipta, Pemberi rezeki dan Pemilik Yang Maha Agung. Allah itulah Pemegang segala jenis kuasa, Allahlah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala rahsia. Allahlah yang mengubahkan hati dan penglihatan manusia dan Dialah juga yang mengubahkan malam dan siang silih berganti, begitu juga Allahlah yang wajib menjadi Pemerintah dan Pengadil dalam kehidupan para hamba-Nya dan tiada siapa pun yang lain dari Allah yang berkuasa dalam urusan menetapkan suruhan dan larangan, urusan mengadakan undang-undang dan peraturan, urusan menentukan hukuman dan urusan menghalal dan mengharam kerana seluruh urusan ini adalah dari ciri-ciri Uluhiyah. Tiada siapa pun selain dari Allah yang berhak menggunakan kuasa-kuasa ini di dalam kehidupan manusia, tiada siapapun yang berkuasa mencipta, memberi rezeki, menghidup dan mematikan, memberi mudarat dan manfa'at dan tiada siapa pun yang berkuasa memberi dan menahan dan tiada siapa pun yang berkuasa memilik sesuatu baik untuk dirinya mahupun untuk orang lain sama ada di dunia ini atau di Akhirat. Surah ini menghuraikan dalil-dalil, persoalan 'aqidah yang asasi ini di dalam pemandangan-pemandangan (alam buana dan Kiamat), situasi-situasi dan nada-nada ayat (yang indah) yang mencapai tahap keindahan yang menakjubkan, iaitu dalil-dalil yang mengemukakan kepada hati manusia himpunan pernyataan-pernyataan yang penuh saranan di setiap jalan dan pintu.

Persoalan besar yang diolahkan oleh surah ini ialah persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyah di langit dan di bumi, dalam skop dan bidangnya yang luas dan syumul, tetapi hubung kait yang wujud dalam kehidupan kelompok Muslimin di waktu ini ialah hubungkait perlaksanaan dasar 'aqidah yang besar dan syumul iaitu kuasa yang digunakan oleh jahiliyah dalam urusan menghalal dan mengharamkan sembelihan-sembelihan dan makanan-makanan, juga kuasa menetapkan syi'ar-syi'ar dalam urusan nazar-nazarnya yang bersangkutan dengan sembelihan-sembelihan, buah-buahan dan anak-anak, iaitu hubungkait yang dihuraikan oleh ayat-ayat yang berikut dari bahagian akhir surah ini:

فَكُلُوا۟ مِمَّا ذُكِرَ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ إِن كُنتُم بِـَٔايَٰتِهِۦ مُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

"Oleh itu makanlah binatang-binatang sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya jika kamu benar beriman kepada ayat-ayatnya."(118).

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا ذُكِرَ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُم مَّا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا ٱضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا لَّيُضِلُّونَ بِأَهْوَآئِهِم بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١١٩﴾

"Mengapa kamu tidak mahu memakan binatang sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya, sedangkan Allah telah pun menjelas-kan kepada kamu makanan-makanan yang telah diharamkan kepada kamu kecuali makanan yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya ramai orang yang mahu menyesatkan orang lain dengan hawa nafsu mereka tanpa berlandaskan ilmu pengetahuan. Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui orang-orang yang melampaui batas."(119) .

وَذَرُوا۟ ظَٰهِرَ ٱلْإِثْمِ وَبَاطِنَهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْسِبُونَ ٱلْإِثْمَ سَيُجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا۟ يَقْتَرِفُونَ ﴿١٢٠﴾

"Dan tinggalkanlah dosa baik yang zahir mahupun yang batin. Sesungguhnya orang-orang yang mengerjakan dosa akan dikenakan balasan kerana dosa yang dilakukan mereka."(120).

وَلَا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُۥ لَفِسْقٌ ۗ وَإِنَّ ٱلشَّيَٰطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰٓ أَوْلِيَآئِهِمْ لِيُجَٰدِلُوكُمْ ۖ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ ﴿١٢١﴾

"Dan janganlah kamu memakan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya kerana sesungguhnya perbuatan ini adalah satu perbuatan yang fasiq dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu sentiasa membisikkan kepada sahabat-sahabat setia mereka supaya berdebat dengan kamu dan andainya kamu tunduk kepada mereka nescaya kamu akan menjadi orang-orang yang mensyirikkan Allah."(121)

وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ ٱلْحَرْثِ وَٱلْأَنْعَٰمِ نَصِيبًا فَقَالُوا۟ هَٰذَا لِلَّهِ بِزَعْمِهِمْ وَهَٰذَا لِشُرَكَآئِنَا ۖ فَمَا كَانَ لِشُرَكَآئِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَا

كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَىٰ شُرَكَآئِهِمْ ۗ سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾

"Dan mereka telah memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah lalu mereka berkata mengikut sangkaan karut mereka, ini untuk Allah dan ini pula untuk sembahan-sembahan kami. Maka bahagian yang diperuntukkan kepada sembahan-sembahan mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah sampai kepada sembahan-sembahan mereka. Alangkah buruknya peraturan yang diputuskan mereka."(136).

وَكَذَٰلِكَ زَيَّنَ لِكَثِيرٍ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ قَتْلَ أَوْلَٰدِهِمْ شُرَكَآؤُهُمْ لِيُرْدُوهُمْ وَلِيَلْبِسُوا۟ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ ۖ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١٣٧﴾

"Dan demikianlah juga sebilangan ramai dari orang-orang Musyrikin telah dipesonakan (oleh ketua-ketua mereka) memandang baik peraturan membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan mereka dan mengelirukan agama mereka dan andainya Allah menghendaki nescaya mereka tidak berbuat begitu, kerana itu tinggalkan mereka dan pembohongan-pembohongan yang diada-adakan mereka."(137).

وَقَالُوا۟ هَٰذِهِۦٓ أَنْعَٰمٌ وَحَرْثٌ حِجْرٌ لَّا يَطْعَمُهَآ إِلَّا مَن نَّشَآءُ بِزَعْمِهِمْ وَأَنْعَٰمٌ حُرِّمَتْ ظُهُورُهَا وَأَنْعَٰمٌ لَّا يَذْكُرُونَ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا ٱفْتِرَآءً عَلَيْهِ ۚ سَيَجْزِيهِم بِمَا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿١٣٨﴾

"Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman-tanaman haram yang tidak boleh dimakan melainkan oleh sesiapa yang Kami kehendaki sahaja mengikut sangkaan mereka dan (ini) ternakan-ternakan yang haram ditunggang dan (ini) ternakan-ternakan yang mereka tidak sebutkan nama Allah ketika disembelihkannya. Semuanya merupakan suatu pembohongan ke atas Allah. Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pembohongan yang diada-adakan mereka."(138).

وَقَالُوا۟ مَا فِى بُطُونِ هَٰذِهِ ٱلْأَنْعَٰمِ خَالِصَةٌ لِّذُكُورِنَا وَمُحَرَّمٌ عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِنَا ۖ وَإِن يَكُن مَّيْتَةً فَهُمْ فِيهِ شُرَكَآءُ ۚ سَيَجْزِيهِمْ وَصْفَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٣٩﴾

"Dan mereka berkata lagi: 'Anak-anak yang ada di dalam perut binatang-binatang ternakan itu adalah khusus untuk kaum lelaki kami dan diharamkan kepada kaum wanita kami, tetapi jika anak di dalam perut dilahirkan mati, maka lelaki dan wanita sama-sama boleh memakannya.' Allah akan mengenakan balasan ke atasnya kerana pernyataan-pernyataan mereka (yang seperti itu). Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(139).

قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ قَتَلُوٓا۟ أَوْلَٰدَهُمْ سَفَهًۢا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا۟ مَا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ٱفْتِرَآءً عَلَى ٱللَّهِ ۚ قَدْ ضَلُّوا۟ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿١٤٠﴾

"Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang telah membunuh anak-anak mereka kerana bodoh tidak mempunyai pengetahuan dan mengharamkan rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka kerana membuat pembohongan ke atas Allah. Sebenarnya mereka telah sesat dan tidak pernah mendapat hidayat."(140)

Inilah hubungkait yang wujud di dalam kehidupan umat Muslimin yang di kelilingi jahiliyah di waktu ini, iaitu hubungkait yang menonjolkan persoalan yang besar itu, iaitu persoalan perundangan, di mana di sebaliknya terletak pula persoalan agung iaitu persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyah yang diolahkan oleh seluruh surah ini dan oleh Al-Qur'an Makkiyah semuanya, juga diulangkan oleh Al-Qur'an Madaniyah ketika membicarakan tentang peraturan dan syari'at Islam.

Pengemblengan penjelasan-penjelasan dan pernyataan-pernyataan berkesan yang bertubi-tubi dikemukakan oleh rangkaian ayat-ayat surah ini ketika menghadapi jahiliyah dan para pendokong dalam persoalan binatang-binatang ternakan, sembelihan-sembelihan dan nazar-nazar yang merupakan hubungkait yang menonjolkan persoalan kuasa membuat undang-undang dan peraturan serta hubungannya dengan persoalan 'aqidah seluruhnya, iaitu persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyah, yang menjadi persoalan yang menentukan keimanan atau kekafiran persoalan yang menentukan Islam atau jahiliyah.... Pengemblengan yang sedemikian rupa yang kami akan cuba mengemukakan contoh-contohnya dalam kata pengenalan surah yang ringkas ini dan hakikatnya akan terserlah ketika ayat-ayat surah ini dihuraikan dengan terperinci nanti..... Pengemblengan yang sedemikian rupa menanamkan di dalam hati kita hakikat yang kukuh, yang wujud di dalam tabi'at agama ini. Hakikat itu ialah setiap bahagian peraturan yang kecil di dalam kehidupan manusia pastilah ditundukkan secara mutlaq kepada kuasa Hakimiyah Allah secara langsung yang dikembangkan dalam bentuk undang-undang syari'at-Nya. Jika tidak maka perbuatan ini bererti keluar dari agama ini secara menyeluruh kerana ia menentang kuasa Hakimiyah Allah yang mutlaq di dalam bahagian peraturan yang kecil ini.

Pengemblengan yang sedemikian ini juga menunjukkan sejauh mana kepentingan yang digantungkan oleh agama ini kepada usaha membersihkan segala rupa bentuk kehidupan dari bayangan kuasa Hakimiyah manusia dalam mana-mana urusan hidup mereka sama ada besar atau kecil dan mengikatkan segala urusan ini dengan dasar pokok yang melambangkan agama ini, iaitu dasar Hakimiyah Allah yang mutlaq yang melambangkan Uluhiyah di bumi ini di samping melambangkan Uluhiyah di alam buana seluruhnya, di mana hanya Allah jua yang mengendalikan seluruh alam buana ini tanpa sebarang sekutu.

Huraian surah ini telah membuat berbagai-bagai ulasan terhadap peraturan-peraturan atau syi'ar-syi'ar jahiliyah mengenai binatang ternakan, buah-buahan dan nazar-nazar yang bersangkutan dengan mereka dan dengan anak-anak mereka. Setengah-setengah ulasan merupakan ulasan secara langsung untuk menggambarkan sejauh mana kekarutan dan percanggahan yang wujud dalam syi'ar-syi'ar jahiliyah itu. Sementara setengah-setengah ulasan yang lain adalah dibuat untuk menghubungkaitkan di antara telatah manusia yang menggunakan kuasa mengharam dan menghalal dengan persoalan 'aqidah yang agung, juga untuk menjelaskan bahawa kepatuhan mengikut perintah Allah dalam urusan peraturan atau syi'ar-syi'ar itulah satu-satunya jalan yang betul yang harus diikuti dan sesiapa yang tidak mengikuti jalan ini adalah terkeluar dari agama ini mengikut ulasan yang berikut selepas disebut syi'ar-syi'ar itu di dalam ayat-ayat yang silam:

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَ جَنَّٰتٍ مَّعْرُوشَٰتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَٰتٍ وَٱلنَّخْلَ وَٱلزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكُلُهُۥ وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُتَشَٰبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ۚ كُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ حَصَادِهِۦ ۖ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

وَمِنَ ٱلْأَنْعَٰمِ حَمُولَةً وَفَرْشًا ۚ كُلُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٤٢﴾

ثَمَٰنِيَةَ أَزْوَٰجٍ ۖ مِّنَ ٱلضَّأْنِ ٱثْنَيْنِ وَمِنَ ٱلْمَعْزِ ٱثْنَيْنِ ۗ قُلْ ءَآلذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ أَمِ ٱلْأُنثَيَيْنِ أَمَّا ٱشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ أَرْحَامُ ٱلْأُنثَيَيْنِ ۖ نَبِّـُٔونِى بِعِلْمٍ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٤٣﴾

وَمِنَ ٱلْإِبِلِ ٱثْنَيْنِ وَمِنَ ٱلْبَقَرِ ٱثْنَيْنِ ۗ قُلْ ءَآلذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ أَمِ ٱلْأُنثَيَيْنِ أَمَّا ٱشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ أَرْحَامُ ٱلْأُنثَيَيْنِ ۖ أَمْ كُنتُمْ شُهَدَآءَ إِذْ وَصَّىٰكُمُ ٱللَّهُ بِهَٰذَا ۚ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا لِّيُضِلَّ ٱلنَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٤﴾

قُل لَّآ أَجِدُ فِى مَآ أُوحِىَ إِلَىَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُۥٓ إِلَّآ أَن يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُۥ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ بِهِۦ ۚ فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤٥﴾

وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا كُلَّ ذِى ظُفُرٍ ۖ ٱلْبَقَرِ وَٱلْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَآ إِلَّا مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَآ أَوِ ٱلْحَوَايَآ أَوْ مَا ٱخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ۚ ذَٰلِكَ جَزَيْنَٰهُم بِبَغْيِهِمْ ۖ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿١٤٦﴾

فَإِن كَذَّبُوكَ فَقُل رَّبُّكُمْ ذُو رَحْمَةٍ وَٰسِعَةٍ وَلَا يُرَدُّ بَأْسُهُۥ عَنِ ٱلْقَوْمِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٤٧﴾

سَيَقُولُ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ لَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَآ أَشْرَكْنَا وَلَآ ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمْنَا مِن شَىْءٍ ۚ كَذَٰلِكَ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ حَتَّىٰ ذَاقُوا۟ بَأْسَنَا ۗ قُلْ هَلْ عِندَكُم مِّنْ عِلْمٍ فَتُخْرِجُوهُ لَنَآ ۖ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ ﴿١٤٨﴾

قُلْ فَلِلَّهِ ٱلْحُجَّةُ ٱلْبَٰلِغَةُ ۖ فَلَوْ شَآءَ لَهَدَىٰكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٤٩﴾

قُلْ هَلُمَّ شُهَدَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ ٱللَّهَ حَرَّمَ هَٰذَا ۖ فَإِن شَهِدُوا۟ فَلَا تَشْهَدْ مَعَهُمْ ۚ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْـَٔاخِرَةِ وَهُم بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١٥٠﴾

قُلْ تَعَالَوْا۟ أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ ۖ أَلَّا تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا ۖ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۖ وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُم مِّنْ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ ۖ وَلَا تَقْرَبُوا۟ ٱلْفَوَٰحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ۖ وَلَا تَقْتُلُوا۟ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥١﴾

وَلَا تَقْرَبُوا۟ مَالَ ٱلْيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُۥ ۚ وَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ بِٱلْقِسْطِ ۖ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۖ وَإِذَا قُلْتُمْ فَٱعْدِلُوا۟ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۖ وَبِعَهْدِ ٱللَّهِ أَوْفُوا۟ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٢﴾

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan kebun-kebun yang berpara dan kebun-kebun yang tidak berpara, pokok kurma, tanaman-tanaman yang beraneka jenis buah-buahan, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa. Makanlah buah-buahan jika ia berbuah dan tunaikanlah bahagian zakatnya pada hari penuaiannya, dan janganlah kamu melampau kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang pelampau (141). Dan di antara binatang-binatang ternakan itu ada yang digunakan untuk pengangkutan dan ada pula untuk sembelihan. Makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu yang amat nyata (142). Lapan binatang ternakan yang berpasangan, iaitu sepasang dari biri-biri dan sepasang dari kambing katakanlah: Apakah Allah telah mengharamkan kedua-dua jantannya atau kedua-dua betinanya? Atau mengharamkan anak yang dikandung oleh rahim kedua-dua betinanya? Terangkanlah kepada aku dengan berdasarkan ilmu jika kamu benar-benar orang-orang yang beriman (143). Dan sepasang dari unta dan sepasang dari lembu, katakanlah, apakah Allah telah mengharamkan kedua-dua jantannya atau kedua-dua betinanya? Atau mengharamkan anak yang dikandung oleh rahim kedua-dua betinanya atau apakah kamu menyaksi ketika Allah menetapkan pengharaman ini kepada kamu? Oleh itu siapakah yang lebih zalim dari mereka yang telah membuat pembohongan terhadap Allah untuk menyesatkan manusia tanpa berlandaskan ilmu. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim (144). Katakanlah aku tidak dapati dalam wahyu yang diwahyukan kepada aku sesuatu yang diharamkan Allah kepada orang yang hendak memakannya kecuali jika makanan itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi, kerana sesungguhnya semuanya itu adalah kotor belaka atau binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah, tetapi sesiapa (yang memakannya) dalam keadaan terpaksa sedangkan ia tidak menginginginya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun dan Maha Pengasih (145). Dan kepada orang-orang Yahudi Kami haramkan segala binatang yang berkuku dan dari bahagian lembu dan kambing Kami haramkan kepada mereka lemak dari kedua binatang ini, kecuali lemak yang melekat pada belakang kedua-duanya atau menyelaputi perut besar dan usus-usus atau lemak yang bercampur dengan tulang. Pengharaman itu kerana Kami telah menghukumkan mereka dengan sebab kederhakaan mereka dan sesungguhnya Kami adalah yang benar (146). Kemudian jika mereka mendustakan engkau, maka katakanlah: Tuhanmu mempunyai rahmat yang luas dan 'azab seksanya tidak dapat ditolak dari orang-orang yang berdosa (147). Orang-orang yang mempersekutukan Allah akan berkata: Jika Allah kehendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukan-Nya dan tidaklah pula kami mengharamkan sesuatu apa pun. Demikianlah juga orang-orang yang sebelum mereka telah mendustakan rasul sehingga mereka mengecapi 'azab seksa Kami. Katakanlah! Adakah kamu mempunyai sesuatu ilmu pengetahuan yang dapat kamu keluarkan kepada kami? Sebenarnya kamu tidak mengikuti kecuali, prasangka belaka dan sebenarnya kamu tidak lain melainkan hanya berdusta semata-mata (148). Katakanlah: Allah mempunyai hujjah yang jelas dan kuat. Jika Dia kehendaki tentulah Dia berkuasa memberi hidayat kepada kamu sekalian (149). Katakanlah: Bawalah ke mari saksi-saksi kamu yang sanggup memberi kesaksian bahawa Allah telah mengharamkan makanan ini. Kemudian jika mereka memberi kesaksian, maka janganlah kamu ikut memberi kesaksian bersama mereka dan janganlah engkau ikut hawa nafsu orang-orang yang telah mendustakan ayat-ayat Kami dan orang-orang yang tidak beriman kepada Akhirat dan mereka yang menyamakan Tuhan mereka (dengan makhluk-Nya) (150). Katakanlah: Marilah kamu supaya aku bacakan kepada kamu apa yang telah diharamkan kepada kamu oleh Tuhan kamu, iaitu janganlah kamu mempersekutukannya dengan suatu apa pun dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan. Sebenarnya Kamilah yang memberi

rezeki kepada kamu dan kepada mereka. Dan janganlah kamu dekati kejahatan-kejahatan baik yang zahir mahupun yang batin. Dan janganlah kamu membunuh nyawa yang telah diharamkan Allah kecuali dengan sebab yang benar. Itulah perkara-perkara yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu berfikir (151). Dan janganlah kamu dekati harta anak-anak yatim kecuali dengan cara yang sebaik-baiknya. Sehingga mereka dewasa. Dan sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak mentaklifkan seseorang kecuali sekadar kemampuannya dan apabila kamu berkata, maka hendak-lah kamu berlaku adil walaupun ia kerabat kamu dan hendaklah kamu mematuhi janji Allah. Itulah perkara-perkara yang telah diperintahkan kepada kamu supaya kamu mengambil peringatan (152). Dan sesungguhnya inilah jalanku yang lurus, maka hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan yang lain kerana jalan-jalan itu akan mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah. Itulah perkara yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu bertaqwa."(153)

Demikianlah kita dapat melihat bahawa persoalan kecil yang khusus mengenai urusan mengharam dan menghalalkan binatang-binatang ternakan, buah-buahan dan anak-anak -sebagaimana yang diamalkan di dalam jahiliyah - adalah dihubungkaitkan oleh ayat-ayat ini dengan persoalan yang besar, iaitu persoalan hidayat dan kesesatan, persoalan mengikut peraturan Allah atau mengikut jejak langkah syaitan, juga dihubungkaitkan dengan rahmat Allah atau 'azab seksanya, dengan pengakuan terhadap Wahdaniyah Allah atau perbuatan menyamakan sesuatu yang lain dengan Allah dan seterusnya ia dihubungkaitkan dengan persoalan mengikut jalan yang lurus atau jalan mencerai berai dirinya. Ayat-ayat ini menggunakan pengungkapan-pengungkapan yang sama yang digunakan ketika menjelaskan persoalan agung dalam skopnya yang syumul.

Kita juga dapat melihat bagaimana ayat-ayat ini mengemblengkan - di tempat ini sahaja - berbagai-bagai pernyataan yang berkesan dan penuh saranan seperti tayangan pemandangan penciptaan dan pengurniaan hayat di kebun-kebun yang berpara dan tidak berpara, pemandangan pokok kurma dan tanaman-tanaman yang beraneka warna, pemandangan buah zaitun dan buah delima yang serupa dan tidak serupa, pemandangan membawa saksi-saksi dan perbicaraan dan pemandangan 'azab seksa dan kebinasaan ke atas orang-orang Musyrikin.

Semuanya adalah pemandangan-pemandangan yang sama yang digemblengkan oleh ayat-ayat sebelum ini dalam semua surah ini ketika ia membicarakan persoalan 'aqidah seluruhnya sebelum ia membicarakan persoalan yang berhubungkait dengan ini. Dan semuanya itu memberi makna yang tepat tentang tabi'at agama ini dan pemandangannya terhadap persoalan kuasa Hakimiyah dan kuasa mengadakan undang-undang dan peraturan sama ada banyak atau sedikit.

* * * * * *

Barangkali kita telah mendahului huraian surah ini apabila kita memperkatakan tentang metodologinya yang objektif ketika ia membicarakan keseluruhan persoalan 'aqidah untuk menghadapi satu perkara kecil yang ada hubungkait dengan persoalan kuasa mengadakan undang-undang, peraturan dan kuasa Hakimiyah iaitu suatu hubungkait yang kita tidak dapat mengatakan bahawa ia memerlukan pengemblengan huraian-huraian dan pernyataan-pernyataan yang berkesan di dalam ayat-ayat seluruh surah ini dan memerlukan penjelasan yang indah dan mengkaget mengenai hakikat Uluhiyah dalam skopnya yang luas dan syumul, tetapi kita dapat mengatakan bahawa ia adalah suatu perkara yang dihubungkaitkan di dalam huraian surah dengan semua penjelasan dan pernyataan ini. Dan pertalian ini menggambarkan tabi'at agama ini dan pandangannya terhadap kuasa mengadakan undang-undang dan peraturan dan kuasa Hakimiyah dalam segala urusan kehidupan dunia sama ada besar atau kecil, penting atau enteng sebagaimana telah kami huraikan sebelum ini.

Sekarang marilah kita teruskan kata pengantar ringkas tentang ciri-ciri dan sifat-sifat surah ini sebagaimana yang biasa kami lakukan di dalam tafsir Fi Zilal ini sebelum memasuki ke dalam pentafsirannya yang terperinci.

* * * * * *

Mengikut riwayat-riwayat dari ibn Abbas, dari Asma' binti Yazid, dari Jabir, dari Anas bin Malik dan dari Abdullah ibn Mas'ud Radhiallahu 'anhum jami'an, surah ini adalah surah Makkiyah dan ia diturunkan sekaligus semuanya.

Di dalam riwayat-riwayat ini tidak ada keterangan yang menentukan tarikh turunnya surah ini. Begitu juga dalam maudhu' pembicaraannya tidak terdapat keterangan yang boleh menentukan masa turunnya di zaman Makkiyah itu. Surah ini mengikut tertib susunan surah-surah Al-Qur'an yang kuat adalah datang selepas Surah al-Hijr selaku surah yang kelima puluh lima, tetapi kami - sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini dalam kata pengantar Surah al-Baqarah - tidak dapat menentukan dengan maklumat-maklumat yang seperti ini tentang tarikh nuzul yang tepat bagi surah-surah Al-Qur'an yang menjadi asas pegangan mereka dalam menentukan tertib surah-surah seperti ini. Biasanya ialah tarikh nuzul bahagian awal surah-surah ini bukannya nuzul keseluruhan surah. Kadang-kadang di sana terdapat bahagian-bahagian surah yang terdahulu yang diturun selepas bahagian-bahagian surah yang diturunkan kemudian, kerana yang menjadi asas pegangan dalam menentukan tertib surah-surah ialah nuzulnya bahagian-bahagian awal surah itu. Adapun Surah al-An'am, maka ia diturunkan sekaligus semuanya, tetapi kami tidak dapat menentukan tarikh nuzulnya. Kami hanya dapat tarjihkan bahawa surah ini mungkin diturunkan selepas beberapa tahun beliau diangkat menjadi Rasul, iaitu mungkin pada tahun

yang kelima atau yang keenam dan dalam tarjih ini kami hanya berpegang kepada tertib kemudian berpegang kepada keluasan maudhu'-maudhu' yang dibicarakan kerana pembicaraannya yang sedemikian luas membayangkan bahawa perkembangan da'wah dan perdebatan dengan orang-orang Musyrikin yang sekian lama menolak dan mendustakan Rasulullah s.a.w. itu adalah memerlukan agar persoalan 'aqidah itu dibicarakan dengan keluasan yang sedemikian rupa di samping memerlukan agar Rasulullah s.a.w. diberi hiburan setelah sekian lama ditolak dan didustakan kaum Musyrikin.

Dalam satu riwayat yang lain dari ibn Abbas dan Qatadah, surah ini pada keseluruhannya adalah diturunkan di Makkah kecuali dua ayat sahaja yang diturunkan di Madinah iaitu firman Allah yang berikut:

وَمَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦٓ إِذْ قَالُوا۟ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٍ
مِّن شَىْءٍ ۗ قُلْ مَنْ أَنزَلَ ٱلْكِتَـٰبَ ٱلَّذِى جَآءَ بِهِۦ
مُوسَىٰ نُورًا وَهُدًى لِّلنَّاسِ ۖ تَجْعَلُونَهُۥ قَرَاطِيسَ
تُبْدُونَهَا وَتُخْفُونَ كَثِيرًا ۖ وَعُلِّمْتُم مَّا لَمْ تَعْلَمُوٓا۟ أَنتُمْ
وَلَآ ءَابَآؤُكُمْ ۖ قُلِ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِى خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩١﴾

"Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajar dengan-Nya ketika mereka berkata: Allah tidak menurunkan sesuatu apa kepada manusia, katakanlah siapakah yang telah menurunkan kitab Taurat yang telah dibawa oleh Musa selaku nur dan hidayat kepada manusia yang kamu jadikannya lembaran-lembaran kertas yang kamu tunjukkan kepada orang ramai, sedangkan sebahagian darinya kamu sembunyikannya (dari mereka) dan sedangkan kamu telah diajar apa yang tidak diketahui oleh kamu dan tidak juga diketahui oleh datuk nenek kamu? Katakanlah Allahlah (yang telah menurunkannya) kemudian tinggalkanlah mereka bermain-main di dalam kesesatan mereka."(91)

Ayat ini diturunkan kerana peristiwa dua orang Yahudi, iaitu Malik ibn as-Sayf dan Ka'b ibn al-Asyraf Firman Allah:

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَ جَنَّـٰتٍ مَّعْرُوشَـٰتٍ وَغَيْرَ
مَعْرُوشَـٰتٍ وَٱلنَّخْلَ وَٱلزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكُلُهُۥ
وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُتَشَـٰبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَـٰبِهٍ ۚ
كُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ
حَصَادِهِۦ ۖ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan kebun-kebun yang berpara dan kebun-kebun yang tidak berpara, pokok kurma, tanaman-tanaman yang beraneka jenis buah-buahan, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa. Makanlah buah-buahan jika ia berbuah dan tunaikanlah haknya/(bahagian)zakatnya pada hari penuaiannya, dan janganlah kamu melampau kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang pelampau."(141)

Ayat ini diturunkan kerana peristiwa Thabit ibn Qays Syammas al-Ansari. Sementara ibn Jurayj dan al-Mawardi berkata, ia diturunkan kerana peristiwa Mu'az ibn Jabal.

Riwayat mengenai ayat yang pertama tadi mungkin benar kerana di dalam ayat ini disebut kitab Taurat yang telah dibawa oleh Musa a.s. selaku nur dan hidayat kepada manusia, juga disebut kecaman terhadap orang-orang Yahudi dalam firman-Nya yang berikut:

تَجْعَلُونَهُۥ قَرَاطِيسَ تُبْدُونَهَا

"Yang kamu jadikannya lembaran kertas yang kamu tunjukkannya kepada orang ramai"(91)

walaupun di sana terdapat riwayat-riwayat yang lain dari Mujahid dan ibn Abbas bahawa orang-orang yang mengatakan:

مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٍ مِّن شَىْءٍ ۗ

"Allah tidak menurunkan suatu apa kepada manusia"(91)

ialah kaum Musyrikin Makkah dan bahawa ayat ini adalah diturunkan di Makkah. Di sana ada pula qiraat yang berikut:

قُلْ مَنْ أَنزَلَ ٱلْكِتَـٰبَ ٱلَّذِى جَآءَ بِهِۦ مُوسَىٰ
نُورًا وَهُدًى لِّلنَّاسِ ۖ تَجْعَلُونَهُۥ قَرَاطِيسَ تُبْدُونَهَا
وَتُخْفُونَ كَثِيرًا ۖ

"Katakanlah: Siapakah yang menurunkan kitab Taurat yang telah dibawa oleh Musa selaku nur dan hidayat kepada manusia yang mereka jadikannya lembaran-lembaran kertas yang mereka tunjukkannya kepada orang ramai sedangkan sebahagian besar darinya mereka sembunyikan (dari orang ramai)."(91)

Berdasarkan qiraat ini, maka ia merupakan cerita orang-orang Yahudi dan bukannya merupakan kitab yang ditunjukkan kepada mereka dan semua keterangan ayat adalah mengenai kaum Musyrikin belaka. Ibn Jarir telah mentarjihkan riwayat ini dan mengatakan qiraat ini yang baik. Berdasarkan fakta ini, maka ayat ini adalah diturunkan di Makkah.

Adapun ayat yang kedua, maka isi huraiannya tidak memungkinkan bahawa ia diturunkan di Madinah, kerana tanpa ayat ini, maka huraian sebelumnya terputus dari huraian kemudiannya dari segi makna dan pengungkapan, sedangkan pembicaraan adalah

bersambung dari ayat yang menerangkan penciptaan Allah yang telah menjadikan kebun-kebun yang berpara dan penciptaan Allah yang telah menjadikan sebahagian dari binatang ternakan itu sebagai binatang-binatang untuk pengangkutan dan sembelihan yang diterangkan dalam ayat (berikut) yang mengiringinya:

وَمِنَ ٱلْأَنْعَٰمِ حَمُولَةً وَفَرْشًا ۚ كُلُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٤٢﴾

"Dan di antara binatang-binatang ternakan itu ada yang digunakan untuk pengangkutan dan ada pula untuk sembelihan. Makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu yang amat nyata."(142)

Kemudian rangkaian ayat-ayat ini menyambung lagi huraiannya untuk menyempurnakan pembicaraan tentang binatang-binatang ternakan yang telah dimulakannya sebelum ayat yang membicarakan tentang buah-buahan. Ia jadikan semuanya satu maudhu', iaitu maudhu' yang telah kami huraikannya di dalam ceraian yang lepas yang khusus membicarakan persoalan pengharaman dan penghalalan binatang-binatang ternakan dan persoalan-persoalan nazar.

Tetapi yang membuat setengah-setengah ulama' mengirakan ayat ini sebagai ayat Madaniyah ialah kerana keterangannya yang berikut :

كُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ حَصَادِهِۦ ۖ

"Makanlah buahnya jika ia berbuah dan tunaikanlah haknya (bahagian zakatnya) pada hari penuaiannya."(141)

Mereka mengira 'Maksud dari perintah menunaikan hak ini ialah menunaikan hak zakat, sedangkan zakat tidak ditentukan nisab-nisabnya mengenai tanaman-tanaman dan buah-buahan kecuali di Madinah, tetapi sebenarnya pengertian ini tidak semestinya begitu di dalam ayat ini, kerana di sana masih ada pendapat-pendapat lain yang ma'thur yang mentafsirkan hak-hak itu dengan makna memberi sedekah atau dengan makna memberi jamuan dengan sebahagian dari hasil tanaman dan buah-buahan itu kepada orang-orang yang lalu di tempat mereka pada hari penuaian tanaman-tanaman atau petikan buah-buahan itu atau menjamukan kerabat-kerabat mereka, sedangkan nisab-nisab zakat ditentukan kemudian dari itu dengan satu persepuluh dan separuh dari satu persepuluh. Berlandaskan pentafsiran ini, maka ayat ini adalah ayat Makkiyah.

Ujar Ath-Tha'labi: Surah al-An'am ialah surah Makkiyah kecuali enam ayat yang diturunkan di Madinah iaitu:

وَمَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦٓ إِذْ قَالُوا۟ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٍ مِّن شَىْءٍ ۗ قُلْ مَنْ أَنزَلَ ٱلْكِتَٰبَ ٱلَّذِى جَآءَ بِهِۦ مُوسَىٰ نُورًا وَهُدًى لِّلنَّاسِ ۖ تَجْعَلُونَهُۥ قَرَاطِيسَ تُبْدُونَهَا وَتُخْفُونَ كَثِيرًا ۖ وَعُلِّمْتُم مَّا لَمْ تَعْلَمُوٓا۟ أَنتُمْ وَلَآ ءَابَآؤُكُمْ ۖ قُلِ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِى خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩١﴾

"Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajar dengan-Nya ketika mereka berkata: Allah tidak menurunkan sesuatu itu kepada manusia, katakanlah siapakah yang telah menurunkan kitab Taurat yang telah dibawa oleh Musa selaku nur dan hidayat kepada manusia yang kamu jadikannya lembaran-lembaran kertas yang kamu tunjukkannya kepada orang ramai, sedangkan sebahagian darinya kamu sembunyikannya (dari mereka) dan sedangkan kamu telah diajar apa yang tidak diketahui oleh kamu dan tidak juga diketahui oleh datuk nenek kamu? Katakanlah Allahlah (yang telah menurunkannya) kemudian tinggalkanlah mereka bermain-main di dalam kesesatan mereka."(91)

وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ مُبَارَكٌ مُّصَدِّقُ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ ٱلْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا ۚ وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۖ وَهُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩٢﴾

"Dan Al-Qur'an ini adalah sebuah kitab yang Kami turunkannya, yang penuh dengan keberkatan dan yang membenarkan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan (ia diturunkan) supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk-penduduk Ummul-Qura dan orang-orang yang tinggal di sekelilingnya. Dan orang-orang yang beriman kepada hari Akhirat adalah beriman kepada Al-Qur'an dan mereka sentiasa memelihara solat mereka."(92)

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِىَ إِلَىَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ شَىْءٌ وَمَن قَالَ سَأُنزِلُ مِثْلَ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ ۗ وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِى غَمَرَٰتِ ٱلْمَوْتِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ بَاسِطُوٓا۟ أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوٓا۟ أَنفُسَكُمُ ۖ ٱلْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ ٱلْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ غَيْرَ ٱلْحَقِّ وَكُنتُمْ عَنْ ءَايَٰتِهِۦ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٩٣﴾

"Dan tiada yang lebih zalim dari orang yang telah mengadakan pembohongan terhadap Allah atau orang yang

berkata: 'Aku telah diberikan wahyu' sedangkan dia tidak diberikan apa-apa wahyu dan orang yang berkata: 'Aku akan turunkan seperti apa yang telah diturunkan Allah' dan (alangkah dahsyatnya) jika engkau dapat melihat ketika orang-orang yang zalim ini berada di dalam kesengsaraan-kesengsaraan maut, sedangkan para malaikat menghulur tangan mereka (memukul mereka) sambil berkata: 'Selamatkanlah nyawa kamu'. Pada hari ini kamu dibalas dengan keseksaan yang penuh hina kerana kamu telah mengatakan perkataan-perkataan yang tidak benar terhadap Allah dan kerana kamu berlagak angkuh terhadap ayat-ayat-Nya."(93)

قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ ۖ أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِۦ شَيْـًٔا ۖ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۖ وَلَا تَقْتُلُوٓا أَوْلَٰدَكُم مِّنْ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ ۖ وَلَا تَقْرَبُوا ٱلْفَوَٰحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ۖ وَلَا تَقْتُلُوا ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥١﴾

"Katakanlah: Marilah kamu supaya aku bacakan kepada kamu apa yang telah diharamkan kepada kamu oleh Tuhan kamu, iaitu janganlah kamu mempersekutukannya dengan suatu apa pun dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan. Sebenarnya Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka. Dan janganlah kamu dekati kejahatan-kejahatan baik yang zahir mahu pun yang batin. Dan janganlah kamu membunuh nyawa yang telah diharamkan Allah kecuali dengan sebab yang benar. Itulah perkara-perkara yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu berfikir."(151)

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ ٱلْيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُۥ ۖ وَأَوْفُوا ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ بِٱلْقِسْطِ ۖ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۖ وَإِذَا قُلْتُمْ فَٱعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۖ وَبِعَهْدِ ٱللَّهِ أَوْفُوا ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٢﴾

"Dan janganlah kamu dekati harta anak-anak yatim kecuali dengan cara yang sebaik-baiknya sehingga mereka dewasa. Dan sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak mentaklifkan seseorang kecuali sekadar kemampuannya dan apabila kamu berkata, maka hendaklah kamu berlaku adil walaupun ia kerabat kamu dan hendaklah kamu mematuhi janji Allah, itulah perkara-perkara yang telah diperintahkan kepada kamu supaya kamu mengambil peringatan."(152)

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Dan sesungguhnya inilah jalanku yang lurus, maka hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan yang lain kerana jalan-jalan itu akan menyimpang-siurkan kamu dari jalan Allah. Itulah perkara yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu bertaqwa."(153)

Kumpulan ayat-ayat yang pertama amat jelas sifat Makkiyahnya kerana pengertian yang cocok dengan ayat yang pertama dan cocok pula dengan ayat yang kedua dan yang ketiga dari kumpulan ini.

Adapun kumpulan ayat-ayat yang kedua maka sejauh penelaahan saya di sana tidak terdapat satu riwayat pun dari mana-mana sahabat dan tabi'i yang mengatakan ayat-ayat ini sebagai ayat-ayat Madaniyah. Dan di dalam maudhu' yang dibicarakannya juga tidak terdapat sesuatu keterangan yang boleh dikirakan ayat-ayat itu sebagai ayat-ayat Madaniyah. Kumpulan ayat-ayat ini memperkatakan tentang kefahaman jahiliyah yang ada hubungan dengan persoalan pengharaman dan penghalalan binatang-binatang ternakan dan persoalan-persoalan nazar yang telah dihuraikan sebelum ini. Oleh sebab itu kami cenderung mengirakan ayat-ayat ini sebagai ayat-ayat Makkiyah juga.

Di dalam al-Mushaf al-Amiri tersebut bahawa ayat-ayat (20, 23, 91, 92, 114, 141, 151, 152, 153) adalah ayat-ayat Madaniyah dan kami telah pun menjelaskan tentang ayat-ayat (91, 92), ayat (141) dan (151 - 153) dan tidak ada di dalam ayat-ayat (20, 23, 114) sesuatu bukti yang mendorong ke arah mengirakan ayat-ayat ini sebagai ayat-ayat Madaniyah kecuali kerana ada sebutan perkataan Ahlil-Kitab di dalamnya, sedangkan sebutan ini tidak dapat dijadikan alasan, kerana sebutan seperti ini memang berlaku di dalam ayat-ayat Makkiyah.

Berdasarkan semua fakta ini kami cenderung berpegang dengan riwayat-riwayat yang mutlaq yang menjelaskan bahawa seluruh surah ini adalah diturun sekaligus di Makkah di suatu malam. Di dalam satu riwayat dari Ibn Abbas dan riwayat dari Asma' binti Yazid terdapat keterangan bahawa riwayat itu menyebut satu peristiwa iringan seperti berikut.

Ujar Sufian ath-Thauri daripada Layth daripada Syahr ibn Hawsyab daripada Asma' binti Yazid katanya: "Surah al-An'am adalah diturunkan sekaligus kepada Nabi s.a.w. dan ketika itu aku sedang memegang tali kekang unta Nabi s.a.w. dan sesungguhnya ia (wahyu itu) amat berat hingga

hampir-hampir ia mematahkan tulang-temalang unta itu."

Adapun riwayat dari Ibn Abbas, maka ia diceritakan oleh at-Tabrani katanya:

Kami telah diceritakan oleh Ali ibn Abdul Aziz, kami telah diceritakan oleh Hajjaj ibn Minhal, kami telah diceritakan oleh Hammad ibn Salamah daripada Ali ibn Zaid, daripada Yusuf ibn Mahran daripada ibn Abbas katanya: "Surah al-An'am diturunkan sekaligus di suatu malam di Makkah. Ia dikelilingi oleh tujuh puluh ribu malaikat yang bertasbih dengan suara yang nyaring."

Kedua-dua riwayat ini adalah lebih kukuh dari pendapat-pendapat yang mengatakan bahawa setengah-setengah ayat surah ini diturunkan di Madinah kerana ia disokong pula analisa maudhu' yang telah kami huraikan itu.

Sebenarnya huraian surah ini yang begitu padu, begitu berasak-asak dan begitu mencurah-curah laju meninggalkan kesan di dalam hati bahawa surah ini laksana sebuah sungai yang mengalir deras atau laksana arus banjir yang melancar kuat tanpa dihalangi ombak-ombak dan penyekat-penyekat. Dan struktur surah ini sendiri membenarkan riwayat-riwayat yang mutlaq ini atau sekurang-kurangnya memberi tunjang yang kuat kepadanya.

******

Mengenai maudhu' pokok surah ini, juga mengenai syakhsiyah umumnya, kami telah menyebut secara ringkas di permulaan pembicaraan surah ini, tetapi di dalam kata pengantar ini ia perlu diberikan suatu huraian yang agak terperinci.

Mengikut riwayat Abu Bakar ibn Mardawayh dengan isnadnya dari Anas ibn Malik katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

نزلت سورة الأنعام معهم موكب من الملائكة سّد ما بين الخافقين، لهم زجل بالتسبيح، والأرض بهم ترتج

"Surah al-An'am telah diturunkan bersama dengan satu angkatan perarakan malaikat yang menutup ruang di antara Timur dan Barat. Mereka mengumandangkan ucapan tasbih dan bumi bergegar kerana mereka."

Rasulullah bersabda:

سبحان الله العظيم، سبحان الله العظيم

Bayangan dari angkatan perarakan dan kesan dari gegaran ini dapat dilihat dengan jelas di dalam surah ini. Surah ini sendiri merupakan satu angkatan perarakan yang menggegarkan jiwa dan alam buana. Ia merupakan satu himpunan yang padat dengan berbagai-bagai situasi, berbagai-bagai pemandangan, berbagai-bagai pernyataan yang penuh saranan dan berbagai-bagai nada. Huraiannya yang bersesak-sesak dengan berbagai-bagai pemandangan, situasi-situasi, pernyataan-pernyataan yang penuh saranan dan berbagai-bagai nada itu - sebagaimana telah kami tegaskan sebelum ini - seakan-akan arus air sungai yang meluru dengan gelombang-gelombang yang berkejar-kejaran, belum pun satu gelombang sampai ke tempatnya muncul pula satu gelombang yang lain mengejarnya dan terus berpaut dengannya dalam arus yang mencurah-curah kencang dan bersambung-sambung itu.

Maudhu' pokok yang dibicarakan surah ini adalah bersambung-sambung dan kerana itu ia tidak boleh dipecahkan kepada bahagian-bahagian yang berasingan, di mana setiap bahagian masing-masing mengolahkan sebahagian dari maudhu' itu, malah surah ini merupakan deretan-deretan gelombang dan setiap gelombang sesuai dengan gelombang sebelumnya dan menyempurnakannya.

Oleh sebab itu kami tidak akan cuba membentangkan maudhu'-maudhu' yang dibuat oleh surah ini di dalam kata pengantar ini, malah kami hanya akan cuba membentangkan contoh-contoh dari gelombang-gelombang yang berkejar-kejaran itu.

Surah ini memulakan pembicaraannya dengan persemukaan dengan orang-orang Musyrikin yang mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain, sedangkan bukti-bukti tauhid yang wujud di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri terpampang di hadapan mereka, mencabar, mengelilingi dan memperagakannya kepada mereka di merata pelosok alam dan di dalam kejadian-kejadian diri mereka. Ia memulakan dengan langkah mengemukakan kepada mereka hakikat Uluhiyah yang kelihatan jelas di dalam huraian-huraian ringkasnya yang luas dan meliputi seluruh alam al-wujud dan merangkumi seluruh kewujudan mereka sendiri. Ia memulakan dengan tiga huraian ringkas yang menggambarkan bidang-bidang kewujudan yang besar dengan huraian yang paling luas dan mendalam sedalam-dalamnya dan seluas-luasnya:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ ٱلظُّلُمَٰتِ وَٱلنُّورَ ۖ ثُمَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١﴾

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰٓ أَجَلًا ۖ وَأَجَلٌ مُّسَمًّى عِندَهُۥ ۖ ثُمَّ أَنتُمْ تَمْتَرُونَ ﴿٢﴾

وَهُوَ ٱللَّهُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَفِى ٱلْأَرْضِ ۖ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَا تَكْسِبُونَ ﴿٣﴾

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menciptakan kegelapan-kegelapan dan nur yang terang. Kemudian orang-orang kafir menyamakan Tuhan mereka (dengan makhluk) (1). Dialah yang telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dia

menentukan ajal (kamu) dan satu ajal lagi (kebangkitan semula) yang ditentukan di sisi-Nya. Kemudian kamu ragu-ragu (2). Dan Dialah Allah Yang berkuasa di langit dan di bumi. Dia mengetahui segala apa yang dirahsiakan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu, juga mengetahui segala apa yang diusahakan kamu."(3)

Inilah tiga ayat yang mengukur seluruh kewujudan alam buana di dalam ayatnya yang pertama dan mengukur seluruh kewujudan insan di dalam ayatnya yang kedua. Kemudian ia liputkan kedua-dua kewujudan itu dengan kekuasaan Uluhiyah, alangkah i'jaznya! Alangkah indahnya! Alangkah syumulnya dan alangkah luas liputannya!

Di hadapan kewujudan alam buana yang membuktikan keesaan Allah Pencipta, di hadapan kewujudan insan yang membuktikan pentadbiran Allah, di hadapan kekuasaan Uluhiyah yang memerintah langit dan bumi, yang mengetahui segala yang rahsia dan segala yang nyata dan yang mengetahui segala usaha yang dilakukan manusia itu ternyatalah bahawa perbuatan syirik yang dilakukan oleh kaum Musyrikin dan pembohongan yang diada-adakan para pendusta itu adalah satu perbuatan mungkar yang aneh, yang tidak mempunyai tempat di dalam sistem alam buana juga tidak mempunyai ruang di dalam fitrah manusia serta tidak mempunyai sebarang alasan dan sandaran baik di dalam hati mahupun di dalam akal.

Di sa'at inilah bermulanya gelombang kedua yang menayangkan pendirian para pendusta yang mengingkarkan ayat-ayat Allah yang bertebaran di merata pelosok alam buana ini. Dan di samping menayangkan pendirian aneh kaum Musyrikin yang mengingkarkan ayat-ayat Allah diiringi pula dengan ancaman sambil menayangkan pemandangan-pemandangan kebinasaan umat-umat yang silam yang memperlihatkan kekuasaan Allah yang mutlaq dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan dan kemusnahan itu. Dan di sini ternampaklah bahawa perbuatan para pengingkar yang menunjukkan sikap yang degil di hadapan kebenaran yang amat jelas itu sebagai suatu perbuatan mungkar yang aneh, juga ternampak bahawa para pengingkar itu bukannya kekurangan bukti, tetapi sebenarnya mereka tidak mempunyai niat yang benar dan tidak membuka pintu hati mereka kepada bukti dan dalil:

وَمَا تَأْتِيهِم مِّنْ ءَايَةٍ مِّنْ ءَايَٰتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا۟ عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٤﴾

فَقَدْ كَذَّبُوا۟ بِٱلْحَقِّ لَمَّا جَآءَهُمْ فَسَوْفَ يَأْتِيهِمْ أَنۢبَٰٓؤُا۟ مَا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٥﴾

أَلَمْ يَرَوْا۟ كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّن قَرْنٍ مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّن لَّكُمْ وَأَرْسَلْنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيْهِم مِّدْرَارًا وَجَعَلْنَا ٱلْأَنْهَٰرَ تَجْرِى مِن تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ﴿٦﴾

وَلَوْ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ كِتَٰبًا فِى قِرْطَاسٍ فَلَمَسُوهُ بِأَيْدِيهِمْ لَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

وَقَالُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ مَلَكٌ وَلَوْ أَنزَلْنَا مَلَكًا لَّقُضِىَ ٱلْأَمْرُ ثُمَّ لَا يُنظَرُونَ ﴿٨﴾

وَلَوْ جَعَلْنَٰهُ مَلَكًا لَّجَعَلْنَٰهُ رَجُلًا وَلَلَبَسْنَا عَلَيْهِم مَّا يَلْبِسُونَ ﴿٩﴾

وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَحَاقَ بِٱلَّذِينَ سَخِرُوا۟ مِنْهُم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿١٠﴾

قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ ٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١١﴾

"Dan tiada suatu ayat pun dari ayat-ayat Tuhan mereka melainkan mereka berpaling darinya (4). Sesungguhnya mereka telah mendusta (Al-Qur'an) yang benar apabila sampai kepada mereka. Oleh itu kelak akan sampai kepada mereka berita-berita ('azab) yang telah dipersenda-sendakan mereka itu (5). Apakah mereka tidak melihat beberapa generasi manusia yang telah Kami binasakan sebelum mereka, iaitu generasi yang telah Kami kurniakan kepada mereka kedudukan yang teguh di muka bumi ini, yang belum pernah Kami kurniakan kepada kamu. Dan Kami telah mencurahkan hujan yang lebat ke atas mereka dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka. Kemudian Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa mereka dan Kami ciptakan generasi yang lain selepas mereka (6). Dan andainya Kami turunkan kepadamu tulisan di atas kertas dan mereka dapat menjamahnya dengan tangan mereka, nescaya orang-orang kafir berkata: Sesungguhnya ini tidak lain melainkan hanya suatu sihir yang nyata (7). Dan mereka berkata lagi: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) seorang malaikat? Dan andainya Kami turunkan malaikat nescaya selesailah urasan ini kemudian mereka tidak akan diberi tangguhan lagi (8). Dan andainya Kami jadikan Rasul itu seorang malaikat, tentulah Kami jadikan di dalam bentuk seorang lelaki (yang dapat dilihat) dan (ini) tentulah bererti Kami mengelirukan mereka terhadap kebenaran yang sedang dikelirukan mereka (9). Sesungguhnya para rasul sebelummu juga telah dipersenda-sendakan lalu turunlah 'azab ke atas orang-orang yang melakukan persendaan itu di kalangan mereka (10). Katakanlah: Jelajahilah kamu dimuka

bumi ini kemudian lihatlah sendiri bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta."(11)

Dari sini bermula pula gelombang ketiga yang memperkenalkan hakikat Uluhiyah yang wujud di dalam milik Allah S.W.T. yang merangkumi segala isi langit dan segala isi bumi, segala apa yang ada di waktu malam dan siang, juga wujud dalam hakikat Allah selaku satu-satunya Pemberi rezeki yang memberi makan dan tiada berkehendak diberi makan dan oleh sebab itu Dialah sahaja yang berhak menjadi satu-satunya Pelindung dan tiada pelindung yang lain dari-Nya dan hanya kepada Allah sahaja para hamba wajib menyerahkan diri mereka. Dan Dialah sahaja yang berkuasa mendatangkan kemudharatan dan kebaikan dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu dan Dia Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu-Nya.

Kemudian gelombang ini sampai ke puncaknya selepas kenyataan pendahuluan untuk mengemukakan bukti dan melakukan pemisahan di antara Rasulullah s.a.w. dengan kaum Musyrikin, juga untuk memberi amaran dan membersihkan Allah dari segala bentuk syirik yang dilakukan mereka di samping mengumumkan dasar tauhid kepada mereka dengan nada yang lantang, tegas dan penuh tekad:

قُل لِّمَن مَّا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ قُل لِّلَّهِۚ كَتَبَ
عَلَىٰ نَفۡسِهِ ٱلرَّحۡمَةَۚ لَيَجۡمَعَنَّكُمۡ إِلَىٰ يَوۡمِ
ٱلۡقِيَٰمَةِ لَا رَيۡبَ فِيهِۚ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ فَهُمۡ
لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿١٢﴾

وَلَهُۥ مَا سَكَنَ فِي ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ
ٱلۡعَلِيمُ ﴿١٣﴾

قُلۡ أَغَيۡرَ ٱللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيّٗا فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلۡأَرۡضِ وَهُوَ يُطۡعِمُ وَلَا يُطۡعَمُۗ قُلۡ إِنِّيٓ أُمِرۡتُ أَنۡ
أَكُونَ أَوَّلَ مَنۡ أَسۡلَمَۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ﴿١٤﴾

قُلۡ إِنِّيٓ أَخَافُ إِنۡ عَصَيۡتُ رَبِّي عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ﴿١٥﴾

مَّن يُصۡرَفۡ عَنۡهُ يَوۡمَئِذٖ فَقَدۡ رَحِمَهُۥۚ وَذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ
ٱلۡمُبِينُ ﴿١٦﴾

وَإِن يَمۡسَسۡكَ ٱللَّهُ بِضُرّٖ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَۖ وَإِن
يَمۡسَسۡكَ بِخَيۡرٖ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ﴿١٧﴾

وَهُوَ ٱلۡقَاهِرُ فَوۡقَ عِبَادِهِۦۚ وَهُوَ ٱلۡحَكِيمُ
ٱلۡخَبِيرُ ﴿١٨﴾

قُلۡ أَيُّ شَيۡءٍ أَكۡبَرُ شَهَٰدَةٗۖ قُلِ ٱللَّهُۖ شَهِيدُۢ بَيۡنِي وَبَيۡنَكُمۡۚ
وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانُ لِأُنذِرَكُم بِهِۦ وَمَنۢ بَلَغَۚ أَئِنَّكُمۡ
لَتَشۡهَدُونَ أَنَّ مَعَ ٱللَّهِ ءَالِهَةً أُخۡرَىٰۚ قُل لَّآ أَشۡهَدُۚ قُلۡ
إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞ وَإِنَّنِي بَرِيٓءٞ مِّمَّا تُشۡرِكُونَ ﴿١٩﴾ .

"Katakanlah: Siapakah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi? Katakanlah: Allahlah yang memilikinya. Allah telah menetapkan (dasar) rahmat ke atas dirinya. Demi sesungguhnya Allah akan mengumpulkan seluruh kamu pada hari Qiamat yang tidak mempunyai sebarang keraguan. Orang yang telah merugikan diri sendiri, maka itulah orang-orang yang tidak beriman (12). Dan Dia memiliki segala apa yang ada pada hari malam dan hari siang dan Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat (13). Apakah wajar bagiku mengambil pelindung yang dari Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedangkan Dialah (Tuhan) yang memberi makan dan tidak (berkehendak) diberi makan. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah supaya aku menjadi orang yang pertama sekali menyerahkan diri kepada Allah dan janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan Musyrikin (14). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut kepada 'azab hari (Qiamat) yang amat besar jika aku durhaka kepada Tuhanku (15). Sesiapa yang dijauhkan dari 'azab pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah mengurniakan rahmat kepadanya dan itulah keberuntungan yang amat jelas (16). Jika Allah menimpakan sesuatu bencana ke atas engkau, maka tiada siapa yang dapat menghapuskannya kecuali Dia, dan jika Allah mengurniakan sesuatu kebajikan kepada engkau, maka Dia adalah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (17). Dan Dialah penguasa di atas para hamba-Nya dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmunya (18). Katakanlah: Kesaksian siapakah yang lebih besar? Katakanlah (kesaksian) Allah. Dialah yang menjadi saksi di antara aku dan kamu, dan Al-Qur'an ini telah diwahyukan kepada aku supaya aku memberi peringatan kepada kamu dan kepada orang yang sampai Al-Qur'an ini kepadanya. Apakah kamu benar mengaku bahawa ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah? Katakanlah: Aku sekali-kali tidak mengaku. Katakanlah: Sesungguhnya hanya Dia sahaja Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya Aku berlepas diri dari segala apa yang kamu persekutukan Allah dengannya."(19)

Kemudian bermula pula gelombang yang keempat memperkatakan sejauh mana kaum Ahlil-Kitab mengenal kitab Al-Qur'an yang baru itu, yang didustakan kaum Musyrikin, kemudian mengecapkan perbuatan syirik itu sebagai perbuatan yang paling zalim. Kemudian ia menggambarkan kaum Musyrikin berdiri melihat pemandangan diri mereka pada hari perhimpunan di Mahsyar, di mana mereka ditanya tentang sekutu-sekutu yang disembahkan mereka, lalu mereka menafikan perbuatan syirik itu dan lenyaplah pembohongan yang diada-adakan mereka. Kemudian ia menggambarkan keadaan jiwa mereka,

di mana alat-alat penerima semulajadi mereka telah dirosakkan dan lumpuh. Ia tidak dapat menerima dan menyambut pernyataan-pernyataan bukti dari kejadian-kejadian, yang menyarankan keimanan. Hati mereka telah terhijab dan tidak dapat memahami dalil-dalil keimanan. Mereka menyifatkan Al-Qur'an sebagai dongeng orang-orang purbakala. Kemudian ia berkata kepada mereka: Bahawa mereka hanya membinasakan diri mereka sendiri apabila mereka menghalangkan orang lain dari hidayat dan menjauhkan diri darinya. Kemudian ia menayang pemandangan mereka yang sedang berdiri di hadapan Neraka dan berkata (menyesal): Alangkah beruntungnya kami andainya kami dipulangkan kembali ke dunia dan tidak mendustakan ayat-ayat Tuhan kami serta menjadi orang-orang yang beriman! Kemudian ia membawa mereka kembali ke dunia, di mana mereka mengingkarkan hari kebangkitan dan kepulangan ke Akhirat. Kemudian ia membuat ulasan terhadap keingkaran itu dengan menayangkan pemandangan mereka yang sedang berdiri di hadapan Allah dan disoal tentang keingkaran itu, juga ketika mereka sedang memikul dosa-dosa di atas belakang mereka. Gelombang ini diakhiri dengan menjelaskan kerugian besar yang dialami para pendusta kerana tidak dapat menemui Allah, juga menjelaskan tentang kekerdilan hidup dunia dibandingkan dengan kehidupan Akhirat yang disediakan kepada orang-orang yang bertaqwa.

ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَعْرِفُونَهُۥ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَآءَهُمُ
خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾
وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِـَٔايَٰتِهِۦٓ ۗ
إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢١﴾
وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ أَيْنَ شُرَكَآؤُكُمُ
ٱلَّذِينَ كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٢٢﴾
ثُمَّ لَمْ تَكُن فِتْنَتُهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ وَٱللَّهِ رَبِّنَا مَا كُنَّا
مُشْرِكِينَ ﴿٢٣﴾
ٱنظُرْ كَيْفَ كَذَبُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ ۚ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟
يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾
وَمِنْهُم مَّن يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ ۖ وَجَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً
أَن يَفْقَهُوهُ وَفِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرًا ۚ وَإِن يَرَوْا۟ كُلَّ ءَايَةٍ
لَّا يُؤْمِنُوا۟ بِهَا ۚ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوكَ يُجَٰدِلُونَكَ يَقُولُ ٱلَّذِينَ
كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٢٥﴾
وَهُمْ يَنْهَوْنَ عَنْهُ وَيَنْـَٔوْنَ عَنْهُ ۖ وَإِن يُهْلِكُونَ إِلَّآ
أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٦﴾
وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ وُقِفُوا۟ عَلَى ٱلنَّارِ فَقَالُوا۟ يَٰلَيْتَنَا نُرَدُّ وَلَا
نُكَذِّبَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٧﴾
بَلْ بَدَا لَهُم مَّا كَانُوا۟ يُخْفُونَ مِن قَبْلُ ۖ وَلَوْ رُدُّوا۟ لَعَادُوا۟ لِمَا
نُهُوا۟ عَنْهُ وَإِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿٢٨﴾
وَقَالُوٓا۟ إِنْ هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا وَمَا نَحْنُ
بِمَبْعُوثِينَ ﴿٢٩﴾
وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ وُقِفُوا۟ عَلَىٰ رَبِّهِمْ ۚ قَالَ أَلَيْسَ هَٰذَا بِٱلْحَقِّ ۚ
قَالُوا۟ بَلَىٰ وَرَبِّنَا ۚ قَالَ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ
تَكْفُرُونَ ﴿٣٠﴾
قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ ٱللَّهِ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَتْهُمُ
ٱلسَّاعَةُ بَغْتَةً قَالُوا۟ يَٰحَسْرَتَنَا عَلَىٰ مَا فَرَّطْنَا فِيهَا وَهُمْ
يَحْمِلُونَ أَوْزَارَهُمْ عَلَىٰ ظُهُورِهِمْ ۚ أَلَا سَآءَ مَا يَزِرُونَ ﴿٣١﴾
وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ ۖ وَلَلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ
خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٣٢﴾

"Orang-orang yang Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengenalinya seperti mereka mengenal anak-anak mereka sendiri. Orang-orang yang telah merugikan diri sendiri itulah orang-orang yang tidak beriman (20). Tiada yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah atau mendustakan ayat-ayat-Nya. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan mendapat keberuntungan (21). Dan (ingatlah) hari (Qiamat) yang Kami akan menghimpunkan mereka seluruhnya kemudian Kami akan bertanya kepada orang-orang yang mempersekutukan (Kami): Di manakah sekutu-sekutu kamu yang telah didakwakan kamu itu? (22) Kemudian tiada (hasil dari) ujian terhadap mereka kecuali mereka mengaku: Demi Allah Tuhan kami! Kami tidak sekali-kali mempersekutukan engkau (23). Lihatlah bagaimana mereka mendustakan diri

mereka sendiri dan lenyaplah dari mereka segala sembahan yang diada-adakan mereka (24). Di antara mereka ada orang-orang yang mendengar engkau (membaca Al-Qur'an), (tetapi) Kami telah meletakkan tutupan di atas hati mereka yang menghalangkan mereka dari memahaminya dan Kami juga telah meletakkan sumbatan di dalam telinga mereka. Dan andainya mereka melihat segala bukti (kebenaran) nescaya mereka tidak juga beriman kepadanya sehingga apabila mereka datang berdebat dengan engkau, maka orang-orang yang kafir itu berkata: (Al-Qur'an ini) tidak lain melainkan hanya dongeng orang-orang purbakala (25). Dan mereka melarang orang lain dari mendengar Al-Qur'an dan mereka sendiri menjauhkan diri darinya. Dan sebenarnya mereka hanya membinasakan diri sendiri, sedangkan mereka tidak sedar (26). Dan (engkau akan hairan) andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada api Neraka lalu mereka berkata: Alangkah beruntungnya kami jika kami dikembalikan semula ke dunia dan tidak mendustakan ayat-ayat Tuhan kami dan menjadi orang-orang yang beriman (27). Malah ketaralah kepada mereka segala dolak-dalik yang disembunyikan mereka sebelum ini dan andainya mereka dikembalikan semula ke dunia tentulah mereka akan kembali melakukan perkara-perkara yang dilarangkan kepada mereka dan sebenarnya mereka adalah pembohong-pembohong belaka (28). Dan mereka akan berkata: Tiada hidup yang lain kecuali hidup dunia ini sahaja dan kita sekali-kali tidak akan dibangkitkan kembali (29). Dan (engkau akan hairan) andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada Allah Tuhan mereka lalu Allah bertanya: Tidakkah hari kebangkitan ini benar? Jawab mereka: Memang benar, demi Tuhan kami. Lalu Allah berfirman: Rasakanlah 'azab ini kerana keingkaran-keingkaran yang dilakukan kamu (30). Sesungguhnya amatlah rugi orang-orang yang telah mendustakan pertemuan dengan Allah sehingga apabila Qiamat datang kepada mereka secara mendadak mereka akan berkata: 'Alangkah sesalnya kami terhadap kecuaian kami di dunia' dan mereka memikul dosa-dosa mereka di atas belakang mereka. Sesungguhnya amat buruk dosa yang dipikul mereka (31). Dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya permainan dan hiburan sahaja dan demi sesungguhnya negeri Akhirat itu adalah lebih baik kepada orang-orang yang bertaqwa, apakah kamu tidak berfikir?"(32)

Kemudian gelombang yang kelima pula bermula, di mana penerangan ayat-ayat yang berikut berpaling kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghibur dan menyukakan hati beliau dari kerungsingannya terhadap kaum Musyrikin yang mendustakan kerasulannya di samping mendustakan segala apa yang dibawa olehnya dari Allah kepada mereka. Ia mengemukakan kepada beliau contoh teladan rasul-rasul sebelumnya yang telah bersabar menghadapi pendustaan dan penganiayaan kaum mereka sehingga mereka mendapat pertolongan dan kemenangan dari Allah. Di samping itu ia menjelaskan bahawa Sunnatullah tidak berubah dan tidak pula boleh dipinta supaya disegerakan. Dan andainya Rasulullah s.a.w. tidak sanggup bersabar menghadapi penentangan mereka, maka cubalah beliau sendiri berusaha dengan segala daya kemampuan insan yang ada pada beliau untuk membawa satu mu'jizat kepada mereka. Sebenarnya jika Allah kehendaki tentulah Dia berkuasa mengumpulkan seluruh mereka di atas hidayat. Sesungguhnya Allah telah menghendaki dan Dialah sahaja yang berkuasa dalam urusan ini - agar orang-orang yang mempunyai alat-alat fitrah yang hidup menerima da'wah Allah, kerana orang-orang yang berjiwa mati sebenarnya tidak mempunyai hayat dan mereka tidak dapat menerima dan menyambut pernyataan-pernyataan dan bukti-bukti dari kejadian-kejadian alam yang menyarankan hidayat. Dan kelak Allah akan membangkitkan mereka kembali dan mereka tetap akan dipulangkan kepada Allah.

قَدْ نَعْلَمُ إِنَّهُۥ لَيَحْزُنُكَ ٱلَّذِى يَقُولُونَ ۖ فَإِنَّهُمْ لَا يُكَذِّبُونَكَ وَلَٰكِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴿٣٣﴾ وَلَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ فَصَبَرُوا۟ عَلَىٰ مَا كُذِّبُوا۟ وَأُوذُوا۟ حَتَّىٰٓ أَتَىٰهُمْ نَصْرُنَا ۚ وَلَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِ ٱللَّهِ ۚ وَلَقَدْ جَآءَكَ مِن نَّبَإِى۟ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٣٤﴾ وَإِن كَانَ كَبُرَ عَلَيْكَ إِعْرَاضُهُمْ فَإِنِ ٱسْتَطَعْتَ أَن تَبْتَغِىَ نَفَقًا فِى ٱلْأَرْضِ أَوْ سُلَّمًا فِى ٱلسَّمَآءِ فَتَأْتِيَهُم بِـَٔايَةٍ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَمَعَهُمْ عَلَى ٱلْهُدَىٰ ۚ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٣٥﴾ إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ يَسْمَعُونَ ۘ وَٱلْمَوْتَىٰ يَبْعَثُهُمُ ٱللَّهُ ثُمَّ إِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٣٦﴾

"Memandangkan hanya Kami mengetahui bahawa apa yang dikatakan mereka akan mendukacitakan engkau. Sebenarnya mereka bukannya mendustakan engkau, tetapi orang-orang yang zalim itu mahu mengingkarkan ayat-ayat Allah (33). Sesungguhnya rasul-rasul sebelum engkau juga telah didustakan lalu mereka bersabar di atas pendustaan dan penganiayaan yang dilakukan ke atas mereka sehingga tiba pertolongan kami kepada mereka. Dan tiada siapa yang dapat mengubahkan kalimat-kalimat Allah. Dan sesungguhnya telah sampai kepadamu sebahagian dari berita para rasul (34). Dan andainya penolakan mereka terhadap engkau dirasakan begitu berat, maka jika engkau berkuasa mencari lubang di bumi atau tangga di langit kemudian engkau dapat membawa sesuatu mu'jizat kepada mereka (maka Silalah engkau lakukannya). Dan andainya Allah kehendaki nescaya Allah kumpulkan seluruh mereka di atas hidayat. Oleh sebab itu janganlah engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahat (35). Sesungguhnya hanya orang-orang yang dapat mendengar sahaja yang menyambut (da'wah Allah) dan orang-orang yang mati itu akan dibangkitkan Allah kemudian mereka akan dikembalikan kepadanya."(36)

Demikianlah rangkaian ayat-ayat surah ini meneruskan huraiannya gelombang demi gelombang mengikut susunan ini sebagaimana kami telah mengemukakan contoh-contohnya semoga ia dapat

menggambarkan tabi'at surah ini di samping menggambarkan maudhu'nya. Setengah-setengah gelombang dari ayat-ayatnya sampai kemuncak yang lebih tinggi dari kemuncak-kemuncak gelombang-gelombang yang telah kami bentangkan tadi. Begitu juga pergerakan arus di setengah-setengah liku alirannya lebih bergelombang dan lebih tinggi bunyi nadanya, tetapi kami tidak dapat memperkatakan seluruh surah ini dalam kata pengantar yang ringkas ini dan sebahagian darinya akan dikemukakan di dalam ceraian-ceraian yang berikut.

******

Sebelum ini telah dinyatakan bahawa surah ini mengolahkan maudhu' asasinya dalam satu bentuk yang unik, yang mana setiap sekilas pandangannya, setiap situasinya dan setiap pemandangannya mencapai tahap keindahan yang gemilang. Ia membuat hati dan perasaan tercengang dan membuat nafas tercungap-cungap ketika mengikuti pemandangan-pemandangan, nada-nada dan pernyataan-pernyataannya yang penuh saranan.

Sekarang marilah kita tinggalkan nas-nas surah ini sendiri menggambarkan hakikat ini dengan gaya dan uslub Al-Qur'an, kerana walau bagaimana halus sekalipun penjelasan kita, namun ia tidak sampai ke mana-mana untuk memindahkan hakikat ini ke dalam hati manusia.

Penjelasan hakikat Uluhiyah, penerangan memperkenalkan Tuhan yang sebenar kepada manusia dan memperhambakan mereka kepada Allah Yang Maha Esa merupakan maudhu' asasi surah ini. Kini marilah kita mendengar ayat-ayat Al-Qur'an sendiri menjelaskan hakikat ini di dalam berbagai-bagai situasi, iaitu:

Dalam situasi mengemukakan bukti-bukti kebenaran Rasul dan memisahkannya dari orang-orang kafir, di mana hakikat ini kelihatan begitu jelas di dalam hati orang yang beriman dan dengan hakikat ini juga Al-Qur'an bersemuka dengan kaum Musyrikin yang tidak mempercayainya dan menerangkan kepada mereka dengan lantang dan yakin:

قُلْ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ ۗ قُلْ إِنِّىٓ أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ ۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٤﴾

قُلْ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾

مَّن يُصْرَفْ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُۥ ۚ وَذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٦﴾

وَإِن يَمْسَسْكَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَ ۖ وَإِن يَمْسَسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾

وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٨﴾

قُلْ أَىُّ شَىْءٍ أَكْبَرُ شَهَٰدَةً ۖ قُلِ ٱللَّهُ ۖ شَهِيدٌۢ بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ ۚ وَأُوحِىَ إِلَىَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ لِأُنذِرَكُم بِهِۦ وَمَنۢ بَلَغَ ۚ أَئِنَّكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ ٱللَّهِ ءَالِهَةً أُخْرَىٰ ۚ قُل لَّآ أَشْهَدُ ۚ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ وَإِنَّنِى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

"Apakah wajar bagiku mengambil pelindung yang lain dari Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedangkan Dialah (Tuhan) yang memberi makan dan tidak (berkehendak) diberi makan. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah supaya aku menjadi orang yang pertama sekali menyerahkan diri kepada Allah dan janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan Musyrikin (14). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut kepada 'azab hari (Qiamat) yang amat besar jika aku derhaka kepada Tuhanku (15). Sesiapa yang dijauhkan dari 'azab pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah mengurniakan rahmat kepadanya dan itulah keberuntungan yang amat jelas (16). Jika Allah menimpakan sesuatu bencana ke atas engkau, maka tiada siapa yang dapat menghapuskannya kecuali Dia, dan jika Allah mengurniakan sesuatu kebajikan kepada engkau, maka Dia adalah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (17). Dan Dialah penguasa di atas para hamba-Nya dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu-Nya (18). Katakanlah: Kesaksian siapakah yang lebih besar? Katakanlah (kesaksian) Allah. Dialah yang menjadi saksi di antara aku dan kamu, dan Al-Qur'an ini telah diwahyukan kepada aku supaya aku memberi peringatan kepada kamu dan kepada orang yang sampai Al-Qur'an ini kepadanya. Apakah kamu benar mengaku bahawa ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah? Katakanlah: Aku sekali-kali tidak mengaku. Katakanlah: Sesungguhnya hanya Dia sahaja Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya Aku berlepas diri dari segala apa yang kamu persekutukan Allah dengannya."(19)

Dalam situasi ancaman 'azab, di mana kekuasaan Allah kelihatan menguasai seluruh hamba dan fitrah mereka terdedah di hadapan Allah dan sampah sarap kekeliruan yang melindunginya selama ini kelihatan gugur dan menjurus kepada Allah Tuhannya yang sebenar dan Maha Esa dan melupakan tuhan-tuhan palsu di hadapan pemandangan 'azab yang dahsyat dan di hadapan pemandangan kebinasaan para pendusta itu:

قُلْ أَرَءَيْتَكُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُ ٱللَّهِ أَوْ أَتَتْكُمُ ٱلسَّاعَةُ أَغَيْرَ ٱللَّهِ تَدْعُونَ إِن كُنتُمْ صَـٰدِقِينَ ﴿٤٠﴾

بَلْ إِيَّاهُ تَدْعُونَ فَيَكْشِفُ مَا تَدْعُونَ إِلَيْهِ إِن شَآءَ وَتَنسَوْنَ مَا تُشْرِكُونَ ﴿٤١﴾

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰٓ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَخَذْنَـٰهُم بِٱلْبَأْسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ لَعَلَّهُمْ يَتَضَرَّعُونَ ﴿٤٢﴾

فَلَوْلَآ إِذْ جَآءَهُم بَأْسُنَا تَضَرَّعُوا۟ وَلَـٰكِن قَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَـٰنُ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَٰبَ كُلِّ شَىْءٍ حَتَّىٰٓ إِذَا فَرِحُوا۟ بِمَآ أُوتُوٓا۟ أَخَذْنَـٰهُم بَغْتَةً فَإِذَا هُم مُّبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾

فَقُطِعَ دَابِرُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ۚ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٤٥﴾

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَخَذَ ٱللَّهُ سَمْعَكُمْ وَأَبْصَـٰرَكُمْ وَخَتَمَ عَلَىٰ قُلُوبِكُم مَّنْ إِلَـٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِهِ ۗ ٱنظُرْ كَيْفَ نُصَرِّفُ ٱلْـَٔايَـٰتِ ثُمَّ هُمْ يَصْدِفُونَ ﴿٤٦﴾

قُلْ أَرَءَيْتَكُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُ ٱللَّهِ بَغْتَةً أَوْ جَهْرَةً هَلْ يُهْلَكُ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٤٧﴾

"Katakanlah: Terangkanlah kepada aku jika kamu didatangi 'azab Allah atau didatangi Qiamat apakah kamu akan menyeru Tuhan yang lain dari Allah (jawablah) jika kamu orang-orang yang benar? (40) Malah hanya Allah sahajalah yang kamu akan seru dan Dialah yang akan menghapuskan malapetaka yang dipohonkan kamu jika Dia kehendaki dan kamu akan melupakan sembahan-sembahan yang lain yang kamu sekutukan Allah dengannya (41). Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan (para rasul) kepada umat-umat sebelum kamu kemudian Kami timpakan 'azab kesengsaraan dan kemelaratan ke atas mereka supaya mereka memohon kepada Allah dengan rasa rendah diri (42). Mengapa mereka tidak memohon (kepada Allah) dengan rasa rendah diri ketika mereka ditimpa 'azab Kami? Tetapi sebenarnya hati mereka telah menjadi keras dan syaitan telah menampakkan kepada mereka kebagusan, segala perbuatan yang dilakukan mereka (43). Kemudian apabila mereka telah melupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala kesenangan sehingga apabila mereka bergembira dengan segala apa yang diberikan kepada mereka, maka Kami timpakan balasan ke atas mereka secara mendadak lalu mereka menjadi orang-orang yang berdukacita dan putus asa (44). Oleh itu orang-orang yang zalim itu telah dimusnahkan hingga saki-baki mereka yang terakhir dan segala kepujian itu terpulang kepada Allah Tuhan sekalian alam (45). Katakanlah: Terangkanlah kepadaku andainya Allah menghapuskan pendengaran dan penglihatan kamu serta menutup hati kamu siapakah tuhan selain dari Allah yang berkuasa mengembalikannya semula kepada kamu? Lihatlah bagaimana Kami mengemukakan ayat-ayat Kami dengan berbagai-bagai cara namun mereka tetap berpaling juga (46). Katakanlah: Terangkanlah kepada aku (bagaimana) jika kamu telah ditimpakan 'azab Allah secara mendadak atau secara terang-terangan? Tiada orang yang dibinasakan Allah kecuali orang-orang yang zalim."(47)

Dalam situasi memberi penjelasan tentang ilmu Allah yang mengetahui segala perkara ghaib dan segala rahsia, segala hembusan nafas dan segala perjalanan umur di samping penjelasan tentang qudrat kuasa-Nya di daratan dan lautan, hari siang dan hari malam, dunia dan Akhirat, hidup dan mati:

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ۚ وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۚ وَمَا تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِى ظُلُمَـٰتِ ٱلْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِى كِتَـٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى يَتَوَفَّىٰكُم بِٱلَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِٱلنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰٓ أَجَلٌ مُّسَمًّى ۖ ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦٠﴾

وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ ۖ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفَرِّطُونَ ﴿٦١﴾

ثُمَّ رُدُّوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ مَوْلَىٰهُمُ ٱلْحَقِّ ۚ أَلَا لَهُ ٱلْحُكْمُ وَهُوَ أَسْرَعُ ٱلْحَـٰسِبِينَ ﴿٦٢﴾

قُلْ مَن يُنَجِّيكُم مِّن ظُلُمَـٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ تَدْعُونَهُۥ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً لَّئِنْ أَنجَىٰنَا مِنْ هَـٰذِهِۦ لَنَكُونَنَّ مِنَ

ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٣﴾

"Dan di sisi Allah tersimpan anak-anak kunci segala urusan yang ghaib, yang tiada siapa mengetahuinya kecuali Dia. Dan Dia mengetahui segala isi daratan dan lautan. Dan tiada sehelai daun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya dan tiada sebutir biji di dalam kegelapan bumi dan tiada suatu yang kering dan tiada pula suatu yang basah melainkan semuanya tercatat di dalam kitab (Luh Mahfuz) yang amat terang (59). Dan Dialah yang mewafatkan kamu di waktu malam dan Dia mengetahui segala apa yang dikerjakan kamu di waktu siang kemudian Dia membangunkan kamu di waktu siang untuk disempurnakan ajal yang telah ditetapkan kemudian kepada-Nya kamu kembali kemudian Dia akan menceritakan segala apa yang dilakukan kamu (60). Dan Dialah Yang Maha Berkuasa di atas para hamba-Nya dan Dialah mengutuskan kepada kamu para malaikat penjaga sehingga apabila seseorang dari kamu didatangi maut, maka para malaikat utusan Kami akan mewafatkannya dan mereka tidak cuaikan (kewajipan mereka) (61). Kemudian seluruh mereka akan dikembalikan kepada Allah penguasa mereka yang sebenar. Ketahuilah bahawa Dialah yang memegang kuasa menghukum (pada hari itu) dan Dialah Penghitung Yang Maha Pantas."(62)

Dan di dalam situasi penyaksian fitrah dan pengenalannya yang automatik terhadap Allah Tuhannya yang sebenar sebaik sahaja matanya terbuka untuk menyambut bukti-bukti hidayat dan saranan-saranannya di lembaran alam buana, iaitu bukti-bukti yang berbicara dengan fitrah, di mana nada lidahnya dapat difaham di lubuk hati yang tersembunyi:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ لِأَبِيهِ ءَازَرَ أَتَتَّخِذُ أَصْنَامًا ءَالِهَةً ۖ إِنِّىٓ أَرَىٰكَ وَقَوْمَكَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٧٤﴾ وَكَذَٰلِكَ نُرِىٓ إِبْرَٰهِيمَ مَلَكُوتَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلِيَكُونَ مِنَ ٱلْمُوقِنِينَ ﴿٧٥﴾ فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ ٱلَّيْلُ رَءَا كَوْكَبًا ۖ قَالَ هَٰذَا رَبِّى ۖ فَلَمَّآ أَفَلَ قَالَ لَآ أُحِبُّ ٱلْءَافِلِينَ ﴿٧٦﴾ فَلَمَّا رَءَا ٱلْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَٰذَا رَبِّى ۖ فَلَمَّآ أَفَلَ قَالَ لَئِن لَّمْ يَهْدِنِى رَبِّى لَأَكُونَنَّ مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧٧﴾ فَلَمَّا رَءَا ٱلشَّمْسَ بَازِغَةً قَالَ هَٰذَا رَبِّى هَٰذَآ أَكْبَرُ ۖ فَلَمَّآ أَفَلَتْ قَالَ يَٰقَوْمِ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٧٨﴾ إِنِّى وَجَّهْتُ وَجْهِىَ لِلَّذِى فَطَرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ حَنِيفًا ۖ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٧٩﴾ وَحَآجَّهُۥ قَوْمُهُۥ ۚ قَالَ أَتُحَٰٓجُّوٓنِّى فِى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنِ ۚ وَلَآ أَخَافُ مَا تُشْرِكُونَ بِهِۦٓ إِلَّآ أَن يَشَآءَ رَبِّى شَيْـًٔا ۗ وَسِعَ رَبِّى كُلَّ شَىْءٍ عِلْمًا ۗ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٨٠﴾ وَكَيْفَ أَخَافُ مَآ أَشْرَكْتُمْ وَلَا تَخَافُونَ أَنَّكُمْ أَشْرَكْتُم بِٱللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ عَلَيْكُمْ سُلْطَٰنًا ۚ فَأَىُّ ٱلْفَرِيقَيْنِ أَحَقُّ بِٱلْأَمْنِ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨١﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَلَمْ يَلْبِسُوٓا۟ إِيمَٰنَهُم بِظُلْمٍ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱلْأَمْنُ وَهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٨٢﴾

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berkata kepada bapanya Azar: 'Wajarkah ayahanda mengambil berhala-berhala sebagai Tuhan?' Sesungguhnya anakanda melihat ayahanda dan kaum ayahanda di dalam kesesatan yang amat nyata (74). Dan demikianlah Kami memperlihatkan kepada Ibrahim kerajaan langit dan bumi dan (tujuan Kami berbuat demikian) supaya ia termasuk di dalam golongan orang-orang yang yakin (75). Kemudian apabila malam menggelap dia melihat bintang lalu ia berkata: 'Ini Tuhanku' dan apabila bintang itu menghilangkan diri ia berkata: 'Aku tidak sukakan kejadian-kejadian yang menghilangkan diri (76). Kemudian apabila ia melihat bulan terbit ia berkata: 'Ini Tuhanku' dan apabila bulan menghilangkan diri ia berkata:'Sesungguhnya jika Tuhanku tidak memberi hidayat kepadaku nescaya aku akan tergolong di dalam golongan orang-orang yang sesat (77). Kemudian apabila ia melihat matahari terbit, ia berkata: 'Inilah tuhanku dan (tuhan) ini lebih besar,' dan apabila matahari menghilangkan diri ia berkata: "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku berlepas diri dari segala syirik yang dilakukan kamu (78). Sesungguhnya aku menghadapkan wajahku kepada Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dengan berpegang kepada kepercayaan tauhid dan aku bukannya dari golongan Musyrikin (79). Dan ia telah didebatkan oleh kaumnya lalu ia menjawab: 'Apakah kamu mahu mendekatiku tentang Allah, sedangkan Dia telah memberi hidayat kepada aku dan aku tidak sekali-kali takut kepada bencana sembahan-sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya kecuali Tuhanku menghendaki sesuatu. Ilmu Tuhanku meliputi segala sesuatu, apakah kamu tidak mengambil pengajaran (80). Dan bagaimana aku harus takut kepada bencana sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya, sedangkan kamu tidak takut mempersekutukan Allah dengan sembahan-sembahan yang Dia sendiri tidak menurunkan sebarang kuasa kepada kamu. Manakah di antara dua golongan itu yang lebih wajar mendapat keamanan (dari bencana) jika kamu mengetahui (81). Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan keimanan mereka dengan kezaliman (syirik) merekalah yang wajar mendapat

keamanan dan mereka adalah orang-orang yang mendapat hidayat."(82)

Dan di dalam pemandangan hayat yang segar di dalam berbagai-bagai jenis hidupan-hidupan, pemandangan di waktu pagi dan di waktu petang, pemandangan bintang-bintang dan kegelapan-kegelapan di daratan dan lautan, pemandangan air hujan yang gugur, tanaman-tanaman yang subur dan buah-buahan yang masak, di mana dapat dilihat dengan jelas ciri Wahdaniyah Allah Pencipta yang tiada sekutu bagi-Nya, Pencipta yang tiada tolok banding-Nya, juga dapat dilihat dengan jelas betapa karutnya dakwaan-dakwaan yang mengatakan Allah mempunyai sekutu-sekutu dan anak-anak yang tidak dapat diterima akal dan hati nurani:

إِنَّ ٱللَّهَ فَالِقُ ٱلْحَبِّ وَٱلنَّوَىٰ ۖ يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ ٱلْمَيِّتِ مِنَ ٱلْحَىِّ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٩٥﴾ فَالِقُ ٱلْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ ٱلَّيْلَ سَكَنًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ حُسْبَانًا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٩٦﴾ وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلنُّجُومَ لِتَهْتَدُوا۟ بِهَا فِى ظُلُمَٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۗ قَدْ فَصَّلْنَا ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٩٧﴾ وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ فَمُسْتَقَرٌّ وَمُسْتَوْدَعٌ ۗ قَدْ فَصَّلْنَا ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَفْقَهُونَ ﴿٩٨﴾ وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ نَبَاتَ كُلِّ شَىْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُّخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا مُّتَرَاكِبًا وَمِنَ ٱلنَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّٰتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ۗ ٱنظُرُوٓا۟ إِلَىٰ ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَيَنْعِهِۦٓ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكُمْ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٩٩﴾ وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ شُرَكَآءَ ٱلْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ ۖ وَخَرَقُوا۟ لَهُۥ بَنِينَ وَبَنَٰتٍۭ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۚ سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٠٠﴾ بَدِيعُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ أَنَّىٰ يَكُونُ لَهُۥ وَلَدٌ وَلَمْ تَكُن لَّهُۥ صَٰحِبَةٌ ۖ وَخَلَقَ كُلَّ شَىْءٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٠١﴾ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ فَٱعْبُدُوهُ ۚ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٠٢﴾ لَّا تُدْرِكُهُ ٱلْأَبْصَٰرُ وَهُوَ يُدْرِكُ ٱلْأَبْصَٰرَ ۖ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

"Sesungguhnya Allahlah yang memecahkan butir-butir tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan dan Dialah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Itulah Allah. Oleh itu bagaimana kamu dipesongkan dari kebenaran (95). Dialah yang menyerlahkan waktu pagi dan menjadikan hari malam untuk kesenangan dan menciptakan matahari dan bulan untuk perhitungan. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (96). Dan Dialah yang menciptakan bintang-bintang untuk kamu agar kamu dapat berpandu dengannya di dalam kegelapan-kegelapan daratan dan lautan. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan bukti-bukti kekuasaan (Kami) kepada orang-orang yang mengetahui (97). Dan Dialah yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu (di mana ia merupakan) tempat menetap (rahim perempuan) dan tempat simpanan (tulang sulbi lelaki). Sesungguhnya Kami telah menjelaskan bukti-bukti kekuasaan Kami kepada orang-orang yang mengerti (98). Dan Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit lalu Kami keluarkan dengannya segala jenis tumbuh-tumbuhan kemudian darinya Kami keluarkan tanaman yang menghijau dan darinya Kami keluarkan biji-bijinya yang bersusun-susun. Dan dari pokok kurma, iaitu dari mayangnya Kami keluarkan tandan-tandan buah kurma yang mudah dipetik dan Kami (adakan) kebun-kebun anggur, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa, perhatikanlah kepada buah-buahan apabila ia berbuah dan ketika ia masak. Sesungguhnya di dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada orang-orang yang beriman (99). Dan mereka jadikan jin sebagai sekutu-sekutu Allah, sedangkan Dialah yang telah menciptakan mereka. Dan mereka telah berbohong terhadap Allah (dengan mengatakan) Dia mempunyai anak lelaki dan perempuan tanpa (berlandaskan) sebarang ilmu pengetahuan. Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah dari segala sifat yang disifatkan mereka (100). Dialah Pencipta langit dan bumi, masakan Dia mempunyai anak-anak, sedangkan Dia tidak mempunyai isteri? Dan Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu (101). Itulah (sifat-sifat) Allah Tuhan kamu. Tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, Dialah Pencipta segala sesuatu. Oleh itu hendaklah kamu sembahkan-Nya dan Dialah Penguasa segala sesuatu (102). Dia tidak dapat diketahui oleh penglihatan, sedangkan Dia mengetahui segala penglihatan dan Dia Maha Halus dan Maha Mendalam Ilmu-Nya."(103)

Dan pada akhirnya dalam situasi bermohon dan kembali kepada Allah Yang Maha Esa dan tanpa sekutu dan dalam situasi menumpukan solat dan ibadat, hidup dan mati kepada Allah di samping mengecam perbuatan mencari Tuhan yang lain dari Allah, sedangkan Dia Tuhan segala sesuatu dan seterusnya di dalam situasi yang mengembalikan seluruh urusan khilafah dan ujian di dunia dan seluruh

urusan hisab dan balasan di Akhirat kepada Allah, di mana surah ini diakhiri dengan do'a yang khusyu' dan kembali kepada Allah:

قُلْ إِنَّنِي هَدَانِي رَبِّي إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قِيَمًا مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا ۚ وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٦١﴾

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَبْغِي رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ ۚ وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا ۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ مَرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿١٦٤﴾

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah diberi hidayat oleh Tuhanku ke jalan yang lurus iaitu agama yang benar, agama Ibrahim yang berpegang kepada tauhid dan Ibrahim bukanlah sekali-kali tergolong di dalam golongan Musyrikin (161). Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah untuk Allah Tuhan Pemelihara semesta alam (162). Tiada sekutu bagi-Nya dan begitulah aku diperintih. Dan akulah orang yang pertama menyembahkan diri kepada Allah (163). Katakanlah: Apakah aku wajar mencari Tuhan yang lain dari Allah, sedangkan Dialah Tuhan segala sesuatu. Dan tiada setiap orang yang melakukan dosa melainkan dialah yang menanggung akibatnya dan setiap yang berdosa tidak akan memikul dosa seorang yang lain. Kemudian kepada Tuhan kamu kembali dan Dia akan menerangkan kepada kamu segala perkara yang dipertikaikan kamu (164). Dan Dialah yang menjadikan kamu sebagai khalifah-khalifah di bumi dan mengangkatkan sebahagian kamu ke beberapa darjat ke atas sebahagian kamu yang lain untuk menguji kamu dalam ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada kamu. Sesungguhnya Tuhan kamu amat pantas balasan-Nya. Dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(165)

Enam contoh yang kami pilihkan itu merupakan contoh-contoh penerangan yang sampai ke darjah "keindahan yang mengkagumkan" yang telah dicapai oleh penerangan ayat-ayat surah ini dalam setiap situasi, setiap pemandangan, setiap nada dan setiap saranan.

******

Sebelum ini telahpun dijelaskan bahawa penerangan surah ini telah mencapai darjat "keindahan yang mengkagumkan" dalam setiap pemandangan dan situasi di samping wujudnya keselarasannya dalam gaya pembentangan pemandangan-pemandangan dan situasi-situasi itu. Dan kami telah pun berjanji untuk menjelaskan apakah maksud kami dengan istilah keselarasan ini.

Kami tidak akan membentangkan di sini melainkan sekadar beberapa contoh sahaja sementara menunggu penjelasan yang terperinci bagi ayat-ayat itu selepas pengenalan ringkas mengenainya. Cukuplah di sini kami membentangkan tiga contoh keselarasan yang dapat dilihat dengan jelas di dalam penerangan surah ini.

Penerangan ayat-ayat surah ini menayangkan berbagai-bagai pemandangan dan situasi, tetapi semuanya bertemu dalam satu gejala sahaja, iaitu dalam setiap pemandangan atau situasi ia membawa pendengar berdiri di hadapan pemandangan dan situasi itu direnungi dan diteliti dengan sepenuh hatinya. Ia meletakkan pendengar itu di hadapan pemandangan-pemandangan dan situasi-situasi itu dengan satu harakat yang diungkapkan oleh kata-kata seolah-olah dapat dilihat olehnya, sementara dalam pemandangan-pemandangan dan situasi-situasi itu sendiri terdapat orang-orang yang sedang berdiri yang dapat dilihat oleh pendengar itu, maka ayat itu pula meletakkan pendengar itu berdiri melihat mereka dengan penuh teliti.

Di dalam pemandangan-pemandangan Qiamat dan pemandangan-pemandangan menghadapi kematian terdapat pemandangan-pemandangan berdiri seperti ini:

وَلَوْ تَرَىٰ إِذْ وُقِفُوا عَلَى النَّارِ فَقَالُوا يَا لَيْتَنَا نُرَدُّ وَلَا نُكَذِّبَ بِآيَاتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٧﴾

"Dan (engkau akan hairan) andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada api Neraka lalu mereka berkata: Alangkah beruntungnya kami jika kami dikembalikan semula ke dunia dan tidak mendustakan ayat-ayat Tuhan kami dan menjadi orang-orang yang beriman."(27)

وَلَوْ تَرَىٰ إِذْ وُقِفُوا عَلَىٰ رَبِّهِمْ ۚ قَالَ أَلَيْسَ هَٰذَا بِالْحَقِّ ۚ قَالُوا بَلَىٰ وَرَبِّنَا ۚ قَالَ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٠﴾

"Dan (engkau akan hairan) andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada Allah Tuhan mereka lalu Allah bertanya: Tidakkah hari kebangkitan ini benar? Jawab mereka: Memang benar, demi Tuhan kami. Lalu Allah berfirman: Dan rasakanlah 'azab ini kerana keingkaran-keingkaran yang dilakukan kamu."(30)

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِىَ
إِلَىَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ شَىْءٌ وَمَن قَالَ سَأُنزِلُ مِثْلَ مَآ
أَنزَلَ ٱللَّهُ ۗ وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِى غَمَرَٰتِ ٱلْمَوْتِ
وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ بَاسِطُوٓا۟ أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوٓا۟ أَنفُسَكُمُ ۖ ٱلْيَوْمَ
تُجْزَوْنَ عَذَابَ ٱلْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ
غَيْرَ ٱلْحَقِّ وَكُنتُمْ عَنْ ءَايَٰتِهِۦ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٩٣﴾

"(Alangkah dahsyatnya) jika engkau dapat melihat ketika orang-orang yang zalim sedang berada dalam tekanan sakaratul-maut dan para malaikat menghulurkan tangan memukul mereka (sambil berkata:) Keluarkanlah diri kamu (dari 'azab ini). Pada hari ini kamu dibalas dengan 'azab kehinaan kerana kamu telah mengeluarkan perkataan yang tidak benar terhadap Allah dan kerana kamu telah berlagak angkuh terhadap ayat-ayat-Nya."(93)

وَلَقَدْ جِئْتُمُونَا فُرَٰدَىٰ كَمَا خَلَقْنَٰكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ
وَتَرَكْتُم مَّا خَوَّلْنَٰكُمْ وَرَآءَ ظُهُورِكُمْ ۖ وَمَا نَرَىٰ مَعَكُمْ
شُفَعَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُمْ أَنَّهُمْ فِيكُمْ شُرَكَٰٓؤُا۟ ۚ لَقَد
تَّقَطَّعَ بَيْنَكُمْ وَضَلَّ عَنكُم مَّا كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٩٤﴾

"Dan sesungguhnya kamu datang kepada Kami dengan seorang diri sebagaimana Kami telah ciptakan kamu pada permulaan kali dan kamu telah meninggalkan di belakang kamu (di dunia) segala apa yang Kami telah kurniakan kepada kamu dan Kami tidak melihat bersama kamu para pemberi syafa'at yang kamu dakwa sebagai sekutu-sekutu Allah dikalangan kamu. Sesungguhnya pertalian telah terputus di antara kamu dan segala sembahan yang didakwakan kamu telah lenyap dari kamu.(94)

وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ أَيْنَ شُرَكَآؤُكُمُ
ٱلَّذِينَ كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan (ingatlah) hari (Qiamat) yang Kami akan menghimpunkan mereka seluruhnya kemudian Kami akan bertanya kepada orang-orang yang mempersekutukan (Kami): Di manakah sekutu-sekutu kamu yang telah didakwakan kamu itu?"(22)

ثُمَّ لَمْ تَكُن فِتْنَتُهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ وَٱللَّهِ رَبِّنَا مَا كُنَّا
مُشْرِكِينَ ﴿٢٣﴾

"Kemudian tiada (hasil dari) ujian terhadap mereka kecuali mereka mengaku: Demi Allah Tuhan kami, kami tidak sekali-kali mempersekutukan Engkau."(23)

ٱنظُرْ كَيْفَ كَذَبُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ ۚ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟
يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Lihatlah bagaimana mereka mendustakan diri mereka sendiri dan lenyaplah dari mereka segala sembahan yang diada-adakan mereka."(24)

Dan di dalam situasi-situasi ancaman dengan 'azab Allah dan penyeksaan ke atas para pendusta ia meletakkan mereka berdiri di hadapan penyeksaan ini seolah-olah dapat dilihat oleh mata mereka:

قُلْ أَرَءَيْتَكُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُ ٱللَّهِ أَوْ أَتَتْكُمُ ٱلسَّاعَةُ
أَغَيْرَ ٱللَّهِ تَدْعُونَ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٠﴾

"Katakanlah: Terangkanlah kepada aku jika kamu didatangi 'azab Allah atau didatangi Qiamat apakah kamu akan menyeru Tuhan yang lain dari Allah (jawablah) jika kamu orang-orang yang benar?"(40)

بَلْ إِيَّاهُ تَدْعُونَ فَيَكْشِفُ مَا تَدْعُونَ إِلَيْهِ إِن شَآءَ
وَتَنسَوْنَ مَا تُشْرِكُونَ ﴿٤١﴾

"Malah hanya Allah sahajalah yang kamu akan seru dan Dialah yang akan menghapuskan malapetaka yang dipohonkan kamu jika Dia kehendaki dan kamu akan melupakan sembahan-sembahan yang lain yang kamu sekutukan Allah dengan-Nya."(41)

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَخَذَ ٱللَّهُ سَمْعَكُمْ وَأَبْصَٰرَكُمْ وَخَتَمَ
عَلَىٰ قُلُوبِكُم مَّنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِهِ ۗ ٱنظُرْ
كَيْفَ نُصَرِّفُ ٱلْءَايَٰتِ ثُمَّ هُمْ يَصْدِفُونَ ﴿٤٦﴾

"Katakanlah: Terangkanlah kepadaku andainya Allah menghapuskan pendengaran dan penglihatan kamu serta menutup hati kamu siapakah Tuhan selain dari Allah yang berkuasa mengembalikannya semula kepada kamu? Lihatlah bagaimana Kami mengemukakan ayat-ayat Kami dengan: berbagai-bagai cara kemudian mereka tetap berpaling juga."(46)

قُلْ أَرَءَيْتَكُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُ ٱللَّهِ بَغْتَةً أَوْ جَهْرَةً
هَلْ يُهْلَكُ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٧﴾

"Katakanlah: Terangkanlah kepada aku (bagaimana) jika kamu telah ditimpakan 'azab Allah secara mendadak atau secara terang-terangan? Tiada orang yang dibinasakan Allah kecuali orang-orang yang zalim."(47)

Dalam menggambarkan keadaan kesesatan selepas mendapat hidayat dan meninggalkan kebenaran setelah menemuinya, ayat yang berikut melukiskan satu pemandangan yang tersergam jelas, di mana pendengar ayat ini berdiri menontonnya di hadapan

pemandangan ini walaupun di dalam ungkapannya tidak menyebut perintah melihat atau perintah berdiri di hadapan-Nya:

قُلْ أَنَدْعُوا مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا
وَنُرَدُّ عَلَىٰ أَعْقَابِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَانَا اللَّهُ كَالَّذِي
اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ فِي الْأَرْضِ حَيْرَانَ لَهُ
أَصْحَابٌ يَدْعُونَهُ إِلَى الْهُدَى ائْتِنَا ۗ قُلْ إِنَّ
هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ ۖ وَأُمِرْنَا لِنُسْلِمَ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٧١﴾

"Katakanlah: Apakah kita wajar menyembah yang lain dari Allah, iaitu sembahan-sembahan yang tidak memberi manfa'at kepada kita dan tidak pula mendatangkan mudharat kepada kita dan (apakah kita) wajar dikembali ke belakang (kepada kesesatan) sesudah Allah memberi hidayat kepada kita seperti orang yang telah disesatkan oleh syaitan-syaitan di bumi dan berada di dalam keadaan bingung. Ia mempunyai sahabat-sahabat yang mengajaknya ke jalan hidayat: 'Marilah ikut kami' katakanlah: 'Sesungguhnya hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar dan kami diperintah menyerahkan diri kepada Allah Tuhan semesta alam."'(71)

Begitu juga ayat berikut meletakkan pendengarnya di hadapan pemandangan buah-buahan yang masak di dalam kebun-kebun yang memperlihatkan pertumbuhan hayat dan tangan kekuasaan Allah yang menciptakan berbagai-bagai warna dan buah-buahan:

وَهُوَ الَّذِي أَنزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ
كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُّخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا
مُّتَرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ
مِّنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ ۗ
انظُرُوا إِلَىٰ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ
لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٩٩﴾

"Dan Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit lalu Kami keluarkan dengannya segala jenis tumbuh-tumbuhan kemudian darinya Kami keluarkan tanaman yang menghijau dan darinya Kami keluarkan biji-bijinya yang bersusun-susun. Dan dari pokok kurma, iaitu dari mayangnya kami keluarkan tandan-tandan buah kurma yang mudah dipetik dan Kami (adakan) kebun-kebun anggur, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa, perhatikanlah kepada buah-buahan apabila ia berbuah dan ketika ia masak. Sesungguhnya di dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada orang-orang yang beriman."(99)

Demikianlah seluruh pemandangan surah dan situasinya memperlihatkan keselarasan yang menjadi ciri umumnya.

Ada satu lagi jenis yang lain dari jenis-jenis keselarasan yang ada hubungan dengan jenis keselarasan ini, iaitu keselarasan dalam situasi memberi penyaksian.

Pemandangan-pemandangan Qiamat dalam surah ini ditayangkan seolah-olah situasi-situasi membeli penyaksian terhadap keadaan-keadaan kaum Musyrikin dan para pendusta, iaitu situasi-situasi yang menghinakan mereka dan menarik pandangan umum ke arahnya. Sementara contoh-contohnya telah pun dibentangkan sebelum ini dan setiap contoh itu mengandungi kata-kata "ولو ترى " (Alangkah dahsyatnya jika engkau melihat).

Situasi-situasi ini bertemu dengan sitausi-situasi memberi kesaksian terhadap kebenaran 'aqidah dan syari'at. Kedua-duanya adalah sama.

Di permulaan surah ketika memperkatakan tentang 'aqidah dalam skopnya yang syumul dikemukakan situasi ini:

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً ۖ قُلِ اللَّهُ ۖ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ ۚ
وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَٰذَا الْقُرْآنُ لِأُنذِرَكُم بِهِ وَمَن بَلَغَ ۚ أَئِنَّكُمْ
لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ آلِهَةً أُخْرَىٰ ۚ قُل لَّا أَشْهَدُ ۚ قُلْ
إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ وَإِنَّنِي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

"Katakanlah: Kesaksian siapakah yang lebih besar? Katakanlah (kesaksian) Allah. Dialah yang menjadi saksi di antara aku dan kamu, dan Al-Qur'an ini telah diwahyukan kepada aku supaya aku memberi peringatan kepada kamu dan kepada orang yang sampai Al-Qur'an ini kepadanya. Apakah kamu benar mengaku bahawa ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah? Katakanlah: Aku sekali-kali tidak mengaku. Katakanlah: Sesungguhnya hanya Dia sahaja Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya Aku berlepas diri dari segala apa yang kamu persekutukan Allah dengannya."(19)

Sehingga apabila penerangan ayat tiba kepada satu persoalan khusus dalam surah ini yang berhubungkait dengan 'aqidah dalam soal pengharaman dan penghalalan, maka ia menayangkan satu pemandangan yang lain dan menyeru supaya memberi penyaksian terhadap persoalan khusus ini sama seperti memberi penyaksian terhadap persoalan umum untuk menunjukkan bahawa persoalan khusus itu sama dengan persoalan umum dari segi maudhu' dan untuk menjamin keselarasan yang menjadi ciri umum pengungkapan Al-Qur'an:

قُلْ هَلُمَّ شُهَدَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ ٱللَّهَ حَرَّمَ هَٰذَا ۖ فَإِن شَهِدُوا۟ فَلَا تَشْهَدْ مَعَهُمْ ۚ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ وَهُم بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١٥٠﴾

"Katakanlah: Bawalah ke mari saksi-saksi kamu yang sanggup memberi kesaksian bahawa Allah telah mengharamkan makanan ini. Kemudian jika mereka memberi kesaksian, maka janganlah kamu ikut memberi kesaksian bersama mereka dan janganlah engkau ikut hawa nafsu orang-orang yang telah mendustakan ayat-ayat Kami dan orang-orang yang tidak beriman kepada Akhirat dan mereka yang menyamakan Tuhan mereka (dengan makhluk-Nya).(150)

Ada lagi jenis yang ketiga dari jenis-jenis keselarasan, iaitu keselarasan pengungkapan yang diperlukan oleh penjelasan yang objektif, iaitu penjelasan dalam bentuk mengulangkan ungkapan yang sama untuk menunjukkan bahawa pengungkapan itu adalah pengungkapan mengenai satu hakikat yang sama yang dibuat di dalam berbagai-bagai bentuk.

Sebagai contoh ialah seperti pengungkapan oleh surah ini yang memperkatakan tentang orang-orang kafir yang mempersekutukan Allah dengan sembahan-sembahan yang lain dan menyifatkan mereka sebagai orang-orang yang menyamakan Allah dengan makhluk kemudian pengungkapan yang sama di akhir-akhir surah ini yang memperkatakan tentang orang-orang yang mengadakan undang-undang dan peraturan sendiri untuk diri mereka dan menyifatkan mereka juga sebagai orang-orang yang menyamakan Allah dengan makhluk dalam ayat-ayat yang berikut:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ ٱلظُّلُمَٰتِ وَٱلنُّورَ ۖ ثُمَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١﴾

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menciptakan kegelapan-kegelapan dan nur yang terang. Kemudian orang-orang kafir menyamakan Tuhan mereka(dengan makhluk)."(1)

قُلْ هَلُمَّ شُهَدَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ ٱللَّهَ حَرَّمَ هَٰذَا ۖ فَإِن شَهِدُوا۟ فَلَا تَشْهَدْ مَعَهُمْ ۚ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ وَهُم بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١٥٠﴾

"Katakanlah: Bawalah ke mari saksi-saksi kamu yang sanggup memberi kesaksian bahawa Allah telah mengharamkan makanan ini. Kemudian jika mereka memberi kesaksian, maka janganlah kamu ikut memberi kesaksian bersama mereka dan janganlah engkau ikut hawa nafsu orang-orang yang telah mendustakan ayat-ayat Kami dan orang-orang yang tidak beriman kepada Akhirat dan mereka yang menyamakan Tuhan mereka (dengan makhluk-Nya)."(150)

Di dalam ayat yang pertama mereka menyamakan Allah dengan makhluk kerana mereka mempersekutukan Allah. Sementara di dalam ayat yang kedua mereka menyamakan Allah dengan makhluk kerana mereka juga mempersekutukan Allah dalam bentuk mendakwa mempunyai kuasa Uluhiyah dalam membuat undang-undang dan peraturan.

Keserasian ini mempunyai maknanya yang penting dari segi maudhu' di samping mempunyai keindahan dari segi pengungkapan.

Begitulah juga ayat yang berikut mengulangi kata-kata "الصّراط" (jalan) ketika mengungkapkan Islam secara umum, di mana ia mungkin persoalan syariah atau perundangan seperti berikut:

فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهْدِيَهُۥ يَشْرَحْ صَدْرَهُۥ لِلْإِسْلَٰمِ ۖ وَمَن يُرِدْ أَن يُضِلَّهُۥ يَجْعَلْ صَدْرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِى ٱلسَّمَآءِ ۚ كَذَٰلِكَ يَجْعَلُ ٱللَّهُ ٱلرِّجْسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾

وَهَٰذَا صِرَٰطُ رَبِّكَ مُسْتَقِيمًا ۗ قَدْ فَصَّلْنَا ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٢٦﴾

"Barang siapa yang dikehendaki Allah untuk memberi hidayat kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya untuk (menerima) Islam dan barang siapa yang dikehendaki Allah untuk membiarkannya sesat, nescaya Dia jadikan dadanya sempit dan sebak seolah ia mendaki ke langit. Demikianlah Allah timpakan keseksaan ke atas orang yang tidak beriman (125). Dan inilah jalan Tuhanmu yang lurus. Sesungguhnya kami telah menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci kepada orang-orang yang sentiasa mengingati Allah."(126)

Selepas Al-Qur'an memperkatakan tentang binatang-binatang ternakan dan sawah bendang, tentang halal dan haram di akhir surah sebagaimana telah dihuraikan di dalam kata pengantar surah ini Dia berfirman:

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ

وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku yang lurus, maka hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan yang lain kerana jalan-jalan itu akan menyimpang-siurkan kamu dari jalan Allah. Itulah perkara yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu bertaqwa."(153)

Ini menunjukkan bahawa persoalan ini adalah persoalan 'aqidah dan bahawa bukti kepatuhan terhadap 'aqidah ialah meneruskan perjalanan di atas jalan Allah dan bukti penyimpangan dari 'aqidah ialah keluar dari jalan itu. Ia merupakan persoalan keimanan atau kekafiran, persoalan jahiliyah atau Islam sebagaimana telah dihuraikan di permulaan pembicaraan.

Sampai di sini eloklah kita berpada sekadar ini sahaja dalam ulasan kata pengantar supaya kita hadapi ayat-ayat surah ini dengan penerangan-penerangannya mengikut uslub Al-Qur'an dengan pertolongan Allah. Sesuai dengan tabi'at surah ini. Kami akan bentangkan satu gelombang demi satu gelombang bukannya satu pelajaran demi satu pelajaran sebagaimana kebiasaan yang kami ikuti di dalam surah-surah Madaniyah yang lain kerana cara pembentangan secara gelombang ini lebih dekat kepada tabi'at surah ini di samping lebih dekat untuk merealisasikan keselarasan di antara tabi'at surah ini dengan bayangan-bayangannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

Menegakkan Konsep Wahdaniyah Allah Dengan Bukti Penciptaan Alam Dan Penciptaan Hayat

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ ٱلظُّلُمَٰتِ وَٱلنُّورَ ثُمَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١﴾

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰٓ أَجَلًا وَأَجَلٌ مُّسَمًّى عِندَهُۥ ثُمَّ أَنتُمْ تَمْتَرُونَ ﴿٢﴾

وَهُوَ ٱللَّهُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَفِى ٱلْأَرْضِ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَا تَكْسِبُونَ ﴿٣﴾

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menciptakan kegelapan-kegelapan dan nur yang terang. Kemudian orang-orang kafir menyamakan Tuhan mereka (dengan makhluk) (1). Dialah yang telah menciptakan kamu dari tanah kemudian Dia menentukan ajal (kamu) dan satu ajal lagi (hari kebangkitan semula) telah ditentukan di sisi-Nya. Kemudian kamu ragu-ragu (2). Dan Dialah Allah yang berkuasa di langit dan di bumi. Dia mengetahui segala apa yang dirahsiakan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu, juga mengetahui segala apa yang diusahakan kamu."(3)

Inilah sentuhan-sentuhan yang luas terhadap hakikat yang besar dan inilah nada-nada yang panjang di permulaan surah, di mana ia melukiskan dasar semesta (kulli) bagi maudhu' surah dan hakikat 'aqidah:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ ٱلظُّلُمَٰتِ وَٱلنُّورَ ثُمَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١﴾

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menciptakan kegelapan-kegelapan dan nur yang terang. Kemudian orang-orang kafir menyamakan Tuhan mereka (dengan makhluk)."(1)

Inilah sentuhan-sentuhan yang pertama. Ia dimulakan dengan Alhamdulillah yang menyatakan sanjungan, kepujian, tasbih dan pengakuan terhadap kewajaran Allah menerima segala sanjungan dan kepujian terhadap sifat Uluhiyah-Nya yang dapat di lihat dengan jelas dalam penciptaan-Nya. Sentuhan ini menghubungkan di antara sifat Uluhiyah yang terpuji dengan cirinya yang utama, iaitu penciptaan. Ia mulakan dengan penciptaan di dalam bidang kewujudan yang paling besar, iaitu langit dan bumi kemudian dalam bidang gejala-gejala yang paling besar yang lahir dari penciptaan langit dan bumi mengikut pentadbiran yang dirancangkan, iaitu gejala kegelapan dan cahaya yang terang. Ia merupakan satu sentuhan yang amat luas yang merangkumi bintang-bintang dan planet yang besar di alam buana yang dapat di lihat, juga merangkumi jarak-jarak yang amat jauh di antara bintang-bintang itu dan seterusnya merangkumi gejala-gejala yang syumul yang lahir dari peredarannya di orbit masing-masing untuk melahirkan rasa hairan terhadap orang-orang yang melihat lembaran alam buana yang amat besar dan syumul, yang membuktikan qudrat Allah Pencipta Yang Maha Agung di samping membuktikan pentadbiran-Nya Yang Maha Bijaksana, namun begitu, mereka masih tidak beriman, tidak mentauhidkan Allah dan tidak menyanjungi-Nya, malah mereka mempersekutukan Allah dengan berbagai-bagai sekutu dan menyamakan Allah dengan makhluk:

ثُمَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١﴾

"Kemudian orang-orang kafir menyamakan Tuhan mereka (dengan makhluk)."(1)

Alangkah jauhnya perbezaan di antara bukti-bukti yang amat jelas di alam buana dengan kesan-kesannya yang lenyap di dalam hati manusia. Alangkah besarnya perbezaan itu, iaitu perbezaan

yang menyamai bintang-bintang yang besar dan jarak-jaraknya yang luas dan gejala-gejala alam yang syumul, malah lebih besar dari itu lagi.

Dan sentuhan yang kedua ialah:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰٓ أَجَلًا ۖ وَأَجَلٌ مُّسَمًّى عِندَهُۥ ۖ ثُمَّ أَنتُمْ تَمْتَرُونَ ﴿٢﴾

"Dialah yang telah menciptakan kamu dari tanah kemudian, Dia menentukan ajal (kamu) dan satu ajal lagi (hari kebangkitan semula) telah ditentukan di sisi-Nya. Kemudian kamu ragu-ragu."(2)

Itulah sentuhan mengenai kewujudan insan yang lahir selepas kewujudan alam buana dan selepas kewujudan gejala kegelapan dan nur yang terang. Itulah sentuhan tentang hayat insan di mana kewujudannya mengiringi kewujudan dan gejala kegelapan dan nur yang terang. Itulah sentuhan tentang hayat insan di alam yang gelap ini. Itulah sentuhan mengenai perpindahan yang menakjubkan dari tanah yang gelap kepada nur hayat yang gemilang yang memperlihatkan keselarasan yang seni dan indah dengan ungkapan "kegelapan dan nur yang terang" (). Dan di sampingnya dikemukakan pula satu sentuhan yang lain yang saling berkaitan, iaitu sentuhan ajal pertama yang membawa kepada kematian dan ajal yang kedua yang dipanggil "kebangkitan selepas mati". Itulah dua sentuhan yang bertentangan, iaitu pertentangan di antara kebekuan dengan harakat seperti pertentangan di antara tanah yang beku dengan makhluk-makhluk yang hidup. Dan di antara setiap yang bertentangan itu terdapat jurang yang amat jauh dalam hakikat dan zaman. Yang mana seluruh perbezaan itu memindahkan ke dalam hati manusia keyakinan terhadap pentadbiran Allah dan keyakinan terhadap pertemuan mereka dengan Allah, tetapi orang-orang yang dihadapkan surah ini masih ragu-ragu dan tidak yakin terhadap hakikat ini:

ثُمَّ أَنتُمْ تَمْتَرُونَ ﴿٢﴾

"Kemudian kamu ragu-ragu."(2)

Sentuhan yang ketiga mencantumkan dua sentuhan yang pertama dalam sebuah frem dan menjelaskan Uluhiyah Allah di alam buana dan di dalam kehidupan insan:

وَهُوَ ٱللَّهُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَفِى ٱلْأَرْضِ ۖ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَا تَكْسِبُونَ ﴿٣﴾

"Dan Dialah Allah yang berkuasa di langit dan di bumi. Dia mengetahui segala apa yang dirahsiakan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu, juga mengetahui segala apa yang diusahakan kamu."(3)

Sesungguhnya Tuhan yang menciptakan langit dan bumi ialah Allah yang berkuasa di langit dan di bumi. Dialah sahaja yang bersifat dengan sifat Uluhiyah di langit dan di bumi dan segala kehendak-kehendak Uluhiyah direalisasikan di atas kedua-duanya iaitu kedua-duanya tunduk kepada undang-undang yang digariskan Allah dan menjunjung perintah-Nya sahaja. Begitulah juga yang seharusnya berlaku di dalam kehidupan manusia, kerana Allahlah yang menciptakan manusia sebagaimana Dia menciptakan langit dan bumi. Kejadian manusia yang pertama adalah diciptakan dari tanah bumi ini, sementara ciri-ciri khusus yang dikurniakan Allah kepadanya itulah yang telah menjadikannya makhluk insan dan dari segi jasmaninya manusia tunduk kepada undang-undang yang digariskan Allah untuknya sama ada ia suka atau tidak suka. Dan dari awal-awal lagi kewujudan dan penciptaan manusia dikurniakan kepadanya dengan kehendak Allah bukan dengan kehendaknya dan bukan pula dengan kehendak ibu bapanya. Kedua-dua ibu bapanya hanya bertemu sahaja tetapi mereka tidak berkuasa memberi kewujudan kepada janin. Manusia dilahirkan mengikut undang-undang yang telah ditetapkan Allah bagi masa mengandung dan keadaan-keadaan untuk bersalin. Manusia bernafas dengan udara yang diciptakan Allah mengikut kadar-kadarnya yang wajar dan ia bernafas mengikut kadar dan kaifiyat yang dikehendaki Allah. Manusia merasa dan mengalami kesakitan, kelaparan dan kedahagaan. Ia makan dan minum dan pada umumnya ia hidup mengikut undang-undang Allah bukan mengikut kehendak dan pilihannya. Dalam aspek ini manusia adalah sama dengan langit dan bumi.

Allah S.W.T. mengetahui rahsia manusia yang tersembunyi di samping mengetahui segala keadaannya yang nyata. Allah mengetahui segala apa yang dilakukan manusia di dalam kehidupan yang sulit dan yang nyata.

Kini jelaslah bahawa sikap yang paling wajar bagi manusia ialah mengikut undang-undang Allah di dalam kegiatan hidup sehariannya, iaitu dalam usaha memilih kefahaman-kefahaman i'tiqad, nilai-nilai dan peraturan-peraturan yang asasi supaya kehidupan fitrahnya yang dikendalikan dengan undang-undang Allah serasi dengan kehidupan sehariannya apabila ia dikendalikan oleh syari'at Allah dan supaya kedua-dua kehidupan itu tidak bertentangan satu sama lain dan supaya ia tidak terkoyak di antara tekanan dua undang-undang, iaitu undang-undang Ilahi dan undang-undang manusia yang mana kedua-duanya adalah tidak sama.

* * * * * *

Pokok Persoalan Bukannya Isu "Kewujudan Allah" Tetapi Isu "Wahdaniyah Allah"

Arus gelombang ayat-ayat yang luas dan syumul di permulaan surah ini adalah berbicara dengan hati dan akal manusia berdasarkan bukti "penciptaan" dan bukti "hayat" yang dapat di lihat di dalam kejadian-kejadian alam buana dan kejadian-kejadian diri manusia sendiri, tetapi ia tidak membicarakan bukti-bukti ini kepada akal manusia dengan pembicaraan

secara perdebatan ilmu ketuhanan atau falsafah, tetapi ia berbicara dengan cara memberi saranan-saranan dan membangkitkan kesedaran fitrah manusia, iaitu mengemukakan kepada fitrah harakat penciptaan Allah dan harakat menghidupkan makhluk-Nya, jika harakat pentadbiran dan penguasaan Allah dalam bentuk penjelasan yang tegas bukannya dalam bentuk perdebatan, iaitu berlandaskan pengaruh kekuatan, keyakinan yang didapati dari penjelasan-penjelasan Allah dan dari pengakuan fitrah yang mengakui kebenaran penjelasan ini.

Kewujudan langit dan bumi dan pentadbiran keduanya adalah mengikut peraturan yang terang ini, begitu juga kejadian hayat terutama hayat insan dan perjalanannya di atas garisannya adalah kedua-duanya mengemukakan kebenaran kepada fitrah manusia dan menanamkan keyakinan terhadap Wahdaniyah Allah. Dan persoalan Wahdaniyah inilah yang menjadi matlamat pembicaraan surah ini semuanya, malah matlamat Al-Qur'an seluruhnya, bukannya persoalan "kewujudan Allah" kerana yang selalu menjadi masalah yang berterusan di dalam sejarah manusia ialah masalah manusia tidak mengenal Tuhan yang sebenar dengan sifat-sifat-Nya yang sebenar, bukannya masalah manusia tidak percaya kepada kewujudan Tuhan.

Kaum Musyrikin Arab yang dihadapi oleh surah ini tidak sekali-kali menafikan kewujudan Allah, malah mereka mengakui bahawa Allahlah Tuhan Pencipta, Pemberi rezeki, Pengawas dan Pemilik, Tuhan yang menghidup dan memati dan berbagai-bagai sifat yang lain - sebagaimana yang dijelaskan oleh Al-Qur'an ketika bersemuka dengan mereka dan ketika menceritakan perkataan-perkataan mereka - tetapi penyelewengan mereka yang menyebabkan Allah mengecapkan mereka sebagai orang-orang Musyrikin itu ialah kerana mereka tidak mengi'tirafkan tujuan dari pengakuan itu, iaitu berhakim kepada Allah di dalam segala urusan hidup mereka dan menolak sekutu-sekutu Allah dalam pentadbiran urusan hidup mereka dan menjadikan syari'at Allah sebagai satu-satunya undang-undang dan peraturan hidup mereka di samping menolak dasar berhakimkan kepada yang lain dari Allah di dalam mana-mana urusan kehidupan.

Inilah perbuatan yang menyebabkan mereka disifatkan oleh Allah sebagai orang-orang Musyrikin dan kafir walaupun mereka mengakui kewujudan Allah dan menyifatkan Allah dengan sifat-sifat tersebut, yang mana berdasarkan kehendak pengertian sifat-sifat itu menyarankan bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang berhak menghukum dan memerintah dalam seluruh urusan kehidupan mereka kerana Dialah Tuhan Pencipta, Pemberi rezeki, Pengawas dan Pemilik sebagaimana yang diakui mereka. Persemukaan Al-Qur'an dengan mereka di permulaan surah ini dengan mengemukakan sifat-sifat Allah selaku Tuhan Pencipta alam buana dan manusia, selaku Tuhan Pentadbir urusan alam buana dan manusia dan seterusnya selaku Tuhan Yang Maha Mengetahui segala rahsia mereka yang sulit dan segala tindakan mereka yang nyata dan mengetahui segala perbuatan dan usaha mereka adalah suatu muqaddimah untuk dibuat kesimpulan tentang kepastian beri'tiqad bahawa hanya Allah sahaja yang memegang kuasa menghukum, memerintah dan menetapkan undang-undang dan peraturan sebagaimana telah diterangkan dalam kata pengantar ringkas ketika memperkenalkan garis-garis surah ini dan metodologinya.

Bukti "penciptaan" dan bukti "hayat" yang wajar dikemukakan kepada kaum Musyrikin sebagai dalil untuk menegakkan konsep Wahdaniyah Allah dan konsep kuasa Hakimiyah Allah adalah juga wajar dikemukakan untuk menentang noda-noda pemikiran jahiliyah moden yang enteng dan mengingkari Allah.

Aktiviti-aktiviti Kaum Mulhidin Dan Kaum Yahudi Menentang Agama

Sebenarnya di sana timbul banyak keraguan sama ada kaum Mulhidin atau pengingkar-pengingkar kewujudan Allah itu berlaku jujur terhadap diri mereka sendiri, tetapi yang kuat dipercayai ialah keingkaran mereka adalah berpunca dari pertentangan mereka dengan pihak gereja, kemudian pertentangan itu dieksploitasikan oleh kaum Yahudi yang berhasrat untuk menghancurkan tapak kehidupan insan yang asasi ini agar tidak ada lagi di bumi ini orang-orang yang hidup di atas tapak asas (kepercayaan kepada Allah) selain dari mereka - sebagaimana diucapkan oleh mereka dalam buku protokol-protokol atau keputusan-keputusan cendekiawan Zionis - kemudian umat manusia akan runtuh dan jatuh di bawah penguasaan mereka, kerana merekalah sahaja yang akan dapat memelihara sumber kekuatan yang haqiqi yang dibekalkan oleh agama.

Biarpun sejauh mana budaya kaum Yahudi, namun mereka tidak berdaya menguasai fitrah manusia, kerana di dalam lubuk hatinya telah tertanam kepercayaan yang kukuh terhadap kewujudan Allah. Fitrah ini hanya sesat dalam mengenal Tuhan yang sebenar dan sifat-sifat-Nya yang sebenar sahaja. Begitu juga ia menyeleweng kerana tidak mentauhidkan kuasa Allah di dalam kehidupannya dan kerana itu ia dicapkan sebagai musyrik dan kafir. Tetapi setengah-setengah manusia mempunyai fitrah yang rosak menyebabkan alat-alat penerima semulajadinya lumpuh dan tidak berfungsi. Kumpulan manusia yang seperti ini sahaja yang dapat memberi kejayaan kepada tipu daya kaum Yahudi yang bertujuan menghapuskan kewujudan Allah di dalam fitrah mereka, tetapi kumpulan manusia yang mengalami kerosakan dan kelumpuhan fitrah itu akan tetap berada dalam jumlahnya yang kecil di tengah-tengah himpunan umat manusia di setiap zaman. Kumpulan manusia Mulhidin Komunis yang haqiqi di

muka bumi ini tidak melebihi beberapa juta orang sahaja yang berada di negeri-negeri Rusia dan China, di antara ratusan juta yang diperintah oleh golongan Mulhidin itu dengan menggunakan kuku besi dan api. Selama empat puluh tahun mereka melakukan berbagai-bagai usaha yang gigih untuk mencabutkan keimanan kepada Allah dengan menggunakan segala sarana pelajaran dan media massa (tetapi gagal!)

Usaha kaum Yahudi hanya berjaya di dalam bidang yang lain, iaitu bidang mengubahkan agama kepada semata-mata perasaan dan syi'ar-syi'ar dan mengeluarkan agama dari realiti kehidupan dan memberi tanggapan yang salah kepada penganut-penganut agama bahawa mereka boleh kekal sebagai orang-orang yang beriman kepada Allah walaupun ada tuhan-tuhan yang lain dari Allah yang mengadakan undang-undang dan peraturan bagi kehidupan mereka. Dengan memberi tanggapan yang salah ini, kaum Yahudi telah berjaya menghancurkan umat manusia walaupun mereka menyangka bahawa mereka masih beriman kepada Allah.

Mereka menjadikan agama Islam sebagai matlamat serangan mereka sebelum agama-agama yang lain, kerana mereka mengetahui dari sejarah mereka seluruhnya bahawa agama Islam adalah satu-satunya agama yang dapat mengalahkan mereka apabila agama ini memerintah kehidupan kaum Muslimin dan mereka dapat mengalahkan kaum Muslimin selama mereka tidak berhakimkan kepada agama mereka di dalam kehidupan mereka walaupun mereka menyangka bahawa mereka masih menjadi orang-orang Islam yang beriman kepada Allah. Oleh itu tindakan melalikan manusia dengan kewujudan agama, sedangkan agama tidak wujud di dalam kehidupan mereka adalah satu tindakan yang perlu untuk menjayakan komplot jahat mereka... atau Allah memberi keizinan-Nya yang menyedarkan manusia.

Saya kira – Wallahu'alam - kaum Yahudi Zionis dan kaum Nasara pejuang salib kedua-duanya telah berputus asa dalam usaha mereka untuk menumpaskan agama Islam di kawasan negeri-negeri Islam yang luas di Afrika, Asia dan Eropah. Mereka tidak mempunyai harapan lagi untuk mengubahkan kaum Muslimin di kawasan-kawasan itu supaya menjadi kaum manusia yang tidak bertuhan melalui aliran-aliran kefahaman kebendaan, di samping tidak mempunyai harapan untuk mengubahkan mereka kepada agama-agama yang lain melalui pergerakan missionari Kristian atau penjajahannya. Ini disebabkan kerana fitrah manusia itu sendiri benci dan menolak kefahaman tidak bertuhan walaupun di kalangan penyembah-penyembah berhala, apatah lagi di kalangan kaum Muslimin, dan kerana agama-agama yang lain tidak sanggup merempuh hati orang-orang yang telah mengenal Islam walaupun Islam secara warisan atau baka.

Saya kira - Wallahu'alam - akibat gagal menumpaskan agama Islam, kaum Yahudi Zionis dan kaum Nasara pejuang salib telah mengubah strategi mereka dari menentang Islam secara terbuka melalui penyebaran faham komunisme atau melalui pergerakan missionari kepada strategi-strategi yang lebih jahat dan licin, iaitu mereka mengadakan di seluruh kawasan negeri-negeri Islam sistem-sistem dan peraturan-peraturan pemerintahan yang memakai baju Islam dan menyentuh 'aqidah Islam secara halus tanpa menolak agama itu secara keseluruhan. Di bawah tabir penipuan yang licin inilah mereka dapat melaksanakan seluruh rancangan jahat yang dirumuskan oleh kongres-kongres missionari dan merealisasikan keputusan-keputusan (protokol-protokol) cendikiawan Zionis yang tidak dapat direalisasikan mereka selama ini.

Sistem-sistem dan peraturan-peraturan pemerintahannya itu mengibarkan panji-panji Islam atau sekurang-kurangnya mengumumkan penghormatannya kepada agama Islam, sedangkan sistem itu menghukum dan memerintah dengan undang-undang yang bukan diturunkan Allah dan menjauhkan syari'at Allah dari kehidupan, malah menghalalkan apa yang telah diharamkan Allah di samping menyebarkan kefahaman-kefahaman dan nilai-nilai kebendaan mengenai kehidupan dan akhlak yang menghancurkan kefahaman-kefahaman dan nilai Islamiyah. Seterusnya ia menggunakan seluruh alat orientasi dan media massa untuk membanteraskan nilai-nilai akhlak Islamiyah dan menghancurkan kefahaman dan aliran-aliran keimanan serta melaksanakan rumusan-rumusan yang telah dipersetujui oleh kongres-kongres missionari Kristian dan keputusan-keputusan cendikiawan Zionis (protokol-protokol) bahawa langkah-langkah perlu diambil untuk mengeluarkan wanita Islam ke tengah jalan dan menjadikan mereka objek-objek yang mempesonakan di dalam masyarakat atas nama kemajuan dan tamadun, juga atas nama kepentingan kerja dan tenaga pengeluaran, sedangkan di dalam negeri terdapat berjuta-juta tenaga pekerja yang menganggur dan tidak mendapat sara hidup yang cukup. Di samping itu ia menyediakan pula sarana-sarana yang membawa kepada keruntuhan akhlak dan mendorong lelaki dan perempuan menuju ke arah keruntuhan itu dengan tindakan dan bimbingan. Semuanya dibuat dengan dakwaan sebagai sistem Islam yang menghormati 'aqidah dan orang ramai juga menyangka bahawa mereka hidup dalam sebuah masyarakat Islam dan mereka adalah orang-orang Islam yang sebenar-benar kerana bukankah golongan yang baik dari mereka mengerjakan solat dan puasa? Ada pun dasar kuasa Hakimiyah sama ada dipegang oleh Allah sahaja atau oleh Tuhan-tuhan yang lain, maka inilah yang telah ditipu ke atas orang-orang Islam oleh pergerakan pejuang salib, pergerakan Zionis, pergerakan missionari Kristian, pergerakan penjajahan, pergerakan orientalis, dan media massa mereka. Dan mereka memberi faham kepada orang-orang Islam bahawa dasar itu tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan agama dan kaum Muslimin boleh mengekalkan kedudukan mereka sebagai orang-orang Islam atau sebagai orang-orang yang

berada di dalam agama Allah walaupun seluruh kehidupan mereka dilandaskan di atas kefahaman-kefahaman, nilai-nilai, undang-undang dan peraturan bukan Islam.

Untuk menambahkan kelicinan langkah-langkah penipuan dan pengeliruan dan menambahkan kerahsiaan jejak langkah Pergerakan Zionis Antarabangsa dan Pergerakan Pejuang Salib Antarabangsa, mereka bertindak mencetuskan perang pura-pura sama ada perang dingin atau perang panas dan menimbulkan perseteruan pura-pura di dalam berbagai bentuk di antara mereka dengan sistem-sistem pemerintahan yang telah dibentuk oleh mereka dan disokong oleh mereka dengan bantuan-bantuan material dan moral serta dikawal dengan kekuatan-kekuatan lahir dan sulit dan seterusnya menggunakan biro perisik untuk memberi khidmat dan menjaga sistem-sistem pemerintahan itu secara langsung.

Mereka mencetuskan perang dan permusuhan pura-pura itu untuk menambahkan kelicinan penipuan mereka dan untuk mengelak segala masalah dan tohmah terhadap agen-agen mereka yang sedang melaksanakan rancangan-rancangan jahat mereka iaitu rancangan-rancangan yang tidak terdaya disempurnakan mereka selama tiga abad atau lebih seperti rancangan menghancurkan nilai-nilai dan akhlak Islamiyah, membasmikan 'aqidah-'aqidah dan kefahaman-kefahaman Islam dan memutuskan umat Muslimin yang hidup di kawasan bumi yang amat luas itu dari sumber kekuatan mereka yang utama, iaitu kekuatan hidup yang ditegakkan di atas asas agama dan syari'at mereka. Dan seterusnya ialah rancangan melaksanakan rumusan-rumusan jahat yang didukung oleh keputusan-keputusan para cendekiawan Zionis dan keputusan-keputusan kongres missionari Kristian tanpa disedari oleh pemerhati kaum Muslimin.

Kemudian jika ada negeri Islam di kawasan ini yang tidak dapat ditipu oleh mereka dan tidak dapat ditunduk kepada pelalian dengan nama agama palsu dan dengan nama alat-alat agama yang digunakan untuk mengubahkan pengertian ayat-Ayat Al-Qur'an dari tujuannya yang sebenar dan untuk mengecapkan kekafiran sebagai Islam dan mengecapkan kefasiqan, kejahatan dan keruntuhan akhlak sebagai perkembangan-perkembangan kemajuan dan pembaharuan, maka negeri itu akan diambil tindakan dengan peperangan yang menghancurleburkan dan akan dihumbankan dengan tuduhan-tuduhan yang jahat dan palsu sehingga negeri itu musnah sama sekali, sedangkan agensi-agensi berita antarabangsa dan media massa antarabangsa mengambil sikap membisu, memekak telinga dan membuta mata.

Sementara orang-orang Islam yang lurus dan bersahaja memandang peperangan itu sebagai peperangan peribadi atau sebagai peperangan puak yang tidak ada hubungan dengan peperangan yang dilancarkan ke atas agama ini. Mereka sesekali tidak diselar oleh perasaan ghairah dan marah yang berkubur demi kepentingan agama dan akhlak, malah mereka terus sibuk berda'wah dengan bersahaja dan dungu mengingatkan orang ramai Islam dari melakukan maksiat-maksiat dan kemungkaran-kemungkaran yang kecil dan mereka menganggapkan diri mereka telah menyempurnakan kewajipan mereka dengan da'wah-da'wah dan seruan-seruan yang lemah tidak kedengaran itu. Sedangkan keseluruhan agama mereka telah di hancur leburkan dari akar umbinya dan kuasa Allah telah dirampas oleh perompak-perompak, dan sedangkan Taghut-taghut yang diperingatkan kepada kaum Muslimin supaya bangkit menentangnya itulah yang memerintah seluruh kehidupan manusia.

Kaum Yahudi Zionis dan kaum Nasara pejuang salib bertepuk tangan dengan riang gembira kerana kejayaan rancangan jahat dan penipuan mereka itu setelah sekian lama mereka berputus asa untuk menumpaskan agama Islam secara berdepan melalui kefahaman tidak bertuhan atau mengubahkan kaum Muslimin dari agama Islam melalui gerakan missionari Kristian.

Tetapi harapan kita kepada Allah adalah lebih besar lagi, begitu juga keyakinan kita kepada agama ini adalah lebih mendalam lagi. Mereka mengatur tipu daya yang licin, tetapi Allah adalah sebaik-baik pengatur balas tipu daya. Allah telah berfirman (dalam Surah Ibrahim):

وَقَدْ مَكَرُوا۟ مَكْرَهُمْ وَعِندَ ٱللَّهِ مَكْرُهُمْ وَإِن كَانَ مَكْرُهُمْ لِتَزُولَ مِنْهُ ٱلْجِبَالُ ﴿٤٦﴾ فَلَا تَحْسَبَنَّ ٱللَّهَ مُخْلِفَ وَعْدِهِۦ رُسُلَهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ ذُو ٱنتِقَامٍ ﴿٤٧﴾

"Mereka telah mengatur tipu daya mereka dan Allah menyediakan di sisi-Nya balasan terhadap tipu daya mereka walaupun tipu daya mereka boleh melenyapkan gunung-ganang (46). Oleh itu janganlah sekali-kali engkau menyangka Allah telah memungkiri janji-Nya kepada para rasul-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan mempunyai kuasa membalas tipu daya."(47)

* * * * * *

Menentang noda kefahaman tidak bertuhan dengan menggunakan bukti penciptaan dan bukti hayat, adalah satu penentangan yang kuat yang tidak dapat dihadapi oleh kaum Mulhidin kecuali dengan menggunakan helah-helah yang licin, menipu, memalsu dan memutar belit.

Kewujudan alam buana pada permulaannya dengan peraturan-peraturan yang istimewa ini memastikan adanya Tuhan Pencipta dan Pentadbir di sebaliknya mengikut logik fitrah yang mudah dan logik akal yang sedar.

Jarak di antara kewujudan dan 'Adam adalah satu jarak yang tidak dapat dilintasi oleh akal manusia melainkan dengan kefahaman 'Adam Tuhan yang mencipta dan mengadakan alam al-wujud ini.

Henri-Louis Bergson Dengan Pandangannya Yang Menyesatkan

Kaum Mulhidin mahu memenuhi jurang atau jarak ini dengan sikap mereka yang angkuh dan sombong. Mereka berkata: Tidak ada sebab untuk mengandaikan wujudnya 'Adam sebelum kewujudan. Di antara mereka termasuk seorang ahli falsafah yang terkenal sebagai ahli falsafah rohaniyah yang mempertahankan rohaniyah menentang kefahaman kebendaan dan kerana inilah barangkali yang mendorong tiap-tiap orang Islam yang tertipu memberi kepujian dan sanjungan kepadanya dan tertarik dengan pendapat-pendapatnya terhadap agama mereka seolah-olah mahu menguatkan agama mereka dengan pendapat seseorang hamba Allah. Ahli falsafah tersebut ialah Henri-Louis Bergson[2] dari keturunan Yahudi.

Dia berkata: Kewujudan alam buana ini tidak didahului oleh 'Adam dan andaian kewujudan tanpa didahului 'Adam itu adalah terbit dari tabi'at akal manusia yang tidak mampu memahami kecuali dengan cara ini.

Jadi dengan alasan logik manakah yang mahu dipegang oleh Bergson untuk mengithbatkan bahawa kewujudan alam buana ini tidak didahului oleh 'Adam?

Apakah dia mahu bersandarkan kepada logik akal? Tidak! Kerana akal - sebagaimana telah dijelaskan oleh beliau - tidak dapat memahami kecuali kewujudan selepas 'Adam. Apakah dia mahu bersandarkan kepada wahyu Allah? Tidak! Kerana ini tidak didakwakan olehnya walaupun dia pernah berkata tanggapan hati ahli tasawuf selama-lamanya mendapati Tuhan dan kita pastilah membenarkan tanggapan hati yang berterusan ini (tetapi tuhan yang dimaksudkan oleh Bergson itu bukannya Allah tetapi ialah hayat!) jadi, manakah sumber ketiga yang dipegang oleh Bergson untuk mengithbatkan bahawa kewujudan alam buana tidak didahului oleh 'Adam? Kita tidak tahu.

Kita pasti berpegang dengan kefahaman wujudnya Tuhan Pencipta yang menciptakan alam buana ini. Kita pasti berpegang dengan kefahaman ini untuk mentafsirkan semata-mata kewujudan alam buana ini sahaja apatah lagi jika alam buana ini tidak wujud dengan semata-mata wujud sahaja, malah ia wujud dengan undang-undang yang tetap dan rapi, di mana segala sesuatu dikira dengan ukuran yang tepat yang mana sehandal-handal akal manusia hanya dapat memahami beberapa bahagian sahaja dari undang-undang ini setelah sekian lama berfikir.[3]

Dari Mana Kewujudan Hayat?

Demikianlah kewujudan hayat ini, sedangkan jurang di antara hayat dan benda - dengan mana-mana pengertian benda walaupun dengan pengertian radiasi - tidak mungkin ditafsirkan kewujudannya melainkan dengan kefahaman adanya Tuhan Pencipta dan Pentadbir yang mencipta alam buana dengan satu keadaan yang memungkinkan kewujudan hayat dan memungkinkan terpeliharanya hayat selepas ia diwujudkan. Hayat insan dengan ciri-cirinya yang gemilang itu merupakan hayat yang sedarjah lebih tinggi dari semata-mata hayat. Manusia berasal dari tanah, iaitu dari bahan tanah dan jenis tanah, dan di sana pastilah wujud satu iradat Tuhan Pentadbir yang memberi hayat kepadanya di samping memberi ciri-ciri insan yang lain dengan kemahuan dan pilihannya.

Segala percubaan yang dilakukan oleh kaum Mulhidin untuk mentafsirkan kewujudan hayat dan pertumbuhannya telah berakhir dengan kegagalan belaka - di sisi akal manusia sendiri. Pembacaan saya yang paling mutakhir mengenai persoalan ini ialah percubaan ahli falsafah Amerika, Will Durant yang mahu mendekatkan di antara jenis harakat yang wujud di dalam atom - yang dinamakan beliau sebagai satu darjat dari hayat - dengan jenis hayat yang dikenali di dalam kejadian-kejadian yang hidup. Itulah satu usaha yang bermati-matian untuk mengisi jurang di antara benda yang beku dengan hayat yang berdenyutan dengan tujuan menolak kewujudan Tuhan yang menciptakan hayat pada kejadian-kejadian yang mati.

Tetapi usaha yang bermati-matian itu tidak memberi apa-apa faedah kepadanya dan kepada kaum materialis kerana andainya hayat itu merupakan satu sifat yang tersembunyi di dalam benda dan tidak ada di sebalik benda itu suatu kekuatan yang lain yang mempunyai iradat, maka apakah yang membuat hayat yang tersembunyi di dalam benda itu memperlihatkan dirinya di dalam berbagai-bagai darjat hayat, yang mana setengahnya lebih tinggi dan lebih kompleks dari yang lain? Di dalam atom ia kelihatan sebagai semata-mata harakat yang automatik dan tidak sedar, sedangkan di dalam

---

[2] *Henri-Louis Bergson (1859 - 1941). Beliau dilahirkan di Paris, Perancis.*

[3] *Para cendikiawan Barat yang lari dari pengaruh gereja yang mengongkongi orang ramai dengan nama "Allah" itu telah berusaha sedaya upaya mereka di abad yang ke-18 dan ke-19 untuk menolak dan mengingkari Allah. Golongan yang idealis dari mereka telah memilih "akal" untuk disalutkan dengan ciri-ciri dan sifat-sifat Allah, sementara golongan materialis pula memilih 'nature' untuk diberikan ciri-ciri dan sifat-sifat Allah kerana kedua-dua golongan ini dapat menghindarkan diri mereka dari mengandaikan wujudnya sesuatu yang di luar tenaga manusia untuk diserahkan kepadanya urusan mentafsirkan kewujudan alam buana dan segala apa yang berlaku di dalamnya. Apa yang dilakukan mereka semata-mata kerana mahu mengingkarkan Allah untuk melepaskan diri mereka dari pengaruh gereja.*

tumbuh-tumbuhan pula ia kelihatan dalam bentuk organik dan dalam hidupan-hidupan biasa yang lain ia kelihatan dalam bentuk organik yang mempunyai struktur yang lebih banyak dan lebih kompleks.

Apakah yang membuat benda yang mengandungi hayat - seperti yang didakwakan itu - benda-benda setengahnya mengambil unsur hayat yang lebih banyak dari yang diambil oleh setengah-setengah benda yang lain tanpa sesuatu iradat yang mengatur dan mentadbir? Apakah yang membuat hayat yang tersembunyi dalam benda itu berbeza-beza dalam tahap-tahap kemajuan dan ketinggiannya?

Kita hanya dapat memahami perbezaan-perbezaan ini apabila kita tentukan bahawa di sana wujudnya suatu iradat yang mengatur dan mentadbir, iradat inilah yang menciptakan perbezaan itu dengan kemahuannya yang bebas. Adapun jika kita andaikan benda yang hidup itu wujud sendiriannya sahaja, maka mustahil kepada akal manusia untuk memahami perbezaan itu atau mentafsirkannya.

Pentafsiran Islam terhadap kewujudan hayat di dalam berbagai-bagai darjat dan tahap yang berbeza-beza itu merupakan satu-satunya jawapan bagi gejala hayat, iaitu suatu gejala yang tidak dapat ditafsirkan oleh percubaan-percubaan materialistik yang tidak menghasilkan apa-apa.

Oleh kerana kami tidak keluar dari metodologi Al-Qur'an di dalam tafsir Fi Zilal ini, maka kami tidak akan mengulas lebih panjang dari ini dalam menghadapi kecemaran kefahaman tidak bertuhan dengan menggunakan bukti-bukti ciptaan, pentadbiran dan hayat. Al-Qur'an tidak menjadikan persoalan kewujudan Allah sebagai persoalannya, kerana Allah mengetahui bahawa fitrah insan menolak kefahaman tidak bertuhan yang kotor ini, malah yang menjadi persoalan Al-Qur'an ialah persoalan mentauhidkan Allah dan menegakkan kuasa Allah di dalam kehidupan manusia. Inilah persoalan yang menjadi matlamat pembicaraan surah ini dalam gelombang ayat-ayat yang telah kami huraikan tadi.

(Kumpulan ayat-ayat 4 - 11)

وَمَا تَأۡتِيهِم مِّنۡ ءَايَةٖ مِّنۡ ءَايَٰتِ رَبِّهِمۡ إِلَّا كَانُواْ
عَنۡهَا مُعۡرِضِينَ ٤

فَقَدۡ كَذَّبُواْ بِٱلۡحَقِّ لَمَّا جَآءَهُمۡ فَسَوۡفَ يَأۡتِيهِمۡ أَنۢبَٰٓؤُاْ
مَا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ٥

أَلَمۡ يَرَوۡاْ كَمۡ أَهۡلَكۡنَا مِن قَبۡلِهِم مِّن قَرۡنٖ مَّكَّنَّٰهُمۡ فِي
ٱلۡأَرۡضِ مَا لَمۡ نُمَكِّن لَّكُمۡ وَأَرۡسَلۡنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيۡهِم
مِّدۡرَارٗا وَجَعَلۡنَا ٱلۡأَنۡهَٰرَ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهِمۡ فَأَهۡلَكۡنَٰهُم
بِذُنُوبِهِمۡ وَأَنشَأۡنَا مِنۢ بَعۡدِهِمۡ قَرۡنًا ءَاخَرِينَ ٦

وَلَوۡ نَزَّلۡنَا عَلَيۡكَ كِتَٰبٗا فِي قِرۡطَاسٖ فَلَمَسُوهُ بِأَيۡدِيهِمۡ
لَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ إِنۡ هَٰذَآ إِلَّا سِحۡرٞ مُّبِينٞ ٧

وَقَالُواْ لَوۡلَآ أُنزِلَ عَلَيۡهِ مَلَكٞۖ وَلَوۡ أَنزَلۡنَا مَلَكٗا لَّقُضِيَ
ٱلۡأَمۡرُ ثُمَّ لَا يُنظَرُونَ ٨

وَلَوۡ جَعَلۡنَٰهُ مَلَكٗا لَّجَعَلۡنَٰهُ رَجُلٗا وَلَلَبَسۡنَا
عَلَيۡهِم مَّا يَلۡبِسُونَ ٩

وَلَقَدِ ٱسۡتُهۡزِئَ بِرُسُلٖ مِّن قَبۡلِكَ فَحَاقَ بِٱلَّذِينَ
سَخِرُواْ مِنۡهُم مَّا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ١٠

قُلۡ سِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ ثُمَّ ٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ
عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ ١١

"Dan tiada suatu ayat pun dari ayat-ayat Tuhan mereka melainkan mereka berpaling darinya (4). Sesungguhnya mereka telah mendusta (Al-Qur'an) yang benar apabila sampai kepada mereka. Oleh itu kelak akan sampai kepada mereka berita-berita ('azab) yang telah dipersenda-sendakan mereka itu (5). Apakah mereka tidak melihat beberapa generasi manusia yang telah Kami binasakan sebelum mereka, iaitu generasi yang telah Kami kurniakan kepada mereka kedudukan yang teguh di muka bumi ini, yang belum pernah Kami kurniakan kepada kamu. Dan Kami telah mencurahkan hujan yang lebat ke atas mereka dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka. Kemudian Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa mereka dan Kami ciptakan generasi yang lain selepas mereka (6). Dan andainya Kami turunkan kepadamu tulisan di atas kertas dan mereka dapat menjamahnya dengan tangan mereka, nescaya orang-orang kafir berkata: Sesungguhnya ini tidak lain melainkan hanya suatu sihir yang nyata (7). Dan mereka berkata lagi: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) seorang malaikat? Dan andainya Kami turunkan malaikat nescaya selesailah urusan dan mereka tidak akan diberi tangguhan lagi (8). Dan andainya Kami jadikan Rasul itu seorang malaikat, tentulah Kami jadikan di dalam bentuk seorang lelaki (yang dapat di lihat) dan (ini) tentulah bererti kami mengelirukan mereka terhadap kebenaran yang sedang dikelirukan mereka (9). Sesungguhnya para rasul sebelummu juga telah dipersenda-sendakan lalu turunlah 'azab keseksaan ke atas orang-orang yang melakukan persendaan itu di kalangan mereka (10). Katakanlah: Jelajahilah kamu dimuka bumi ini kemudian lihatlah sendiri bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta.(11)

Inilah gelombang yang kedua di dalam pembukaan surah selepas gelombang yang pertama mengandungi sentuhan-sentuhan yang amat luas, iaitu gelombang yang menyelubungi seluruh alam buana ini dengan hakikat kewujudan Ilahi yang dapat di lihat di dalam penciptaan langit dan bumi dan penciptaan kegelapan dan cahaya, kemudian dapat di lihat di dalam penciptaan makhluk insan yang dijadikan dari bahan bumi ini, dalam penentuan ajalnya yang berakhir dengan maut, dalam peliharaan rahsia ajal yang satu lagi yang ditetapkan untuk kebangkitan semula manusia dan dalam keliputan ilmu Allah yang mengetahui segala rahsia manusia yang sulit dan segala keadaannya yang nyata dan segala usaha yang dilakukan secara rahsia dan secara terang-terangan.

Kewujudan Allah yang dapat di lihat dengan jelas di dalam kejadian-kejadian di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri manusia sendiri adalah satu kewujudan yang unik yang tiada tolak bandingnya dengan kewujudan yang lain, kerana tiada pencipta yang lain dari Allah. Kewujudan Allah adalah satu kewujudan yang meliputi, gemilang dan dominan, satu kewujudan yang membuat pendustaan dan penolakan terhadap bukti-buktinya yang besar ini sebagai-perbuatan mungkar yang keji, tidak berasas dan tidak boleh dimaafkan.

Oleh sebab itulah ayat-ayat yang berikut, menayangkan pendirian kaum Musyrikin yang menentang da'wah Islamiyah di bawah bayangan kewujudan Allah yang meliputi, gemilang dan dominan yang membuat pendirian itu sebagai satu perbuatan mungkar yang keji hingga dapat dirasai oleh mereka yang dihadapi oleh Al-Qur'an yang mengemukakan hakikat ini kepada mereka. Di sini Al-Qur'an memenangi perjuangan dalam pusingan yang pertama, iaitu ia memenanginya dalam perjuangan pendalaman fitrah manusia walaupun mereka kelihatan angkuh dan degil.

Dalam gelombang ini Al-Qur'an menayangkan gambaran sikap degil dan angkuh dan ia menentang sikap ini kadang-kadang dengan ancaman 'azab dan kadang-kadang dengan mengarah hati mereka supaya memikirkan nasib kesudahan yang telah menimpa para pendusta da'wah di zaman silam. Dalam gelombang ayat-ayat yang berikut Al-Qur'an mengembalikan berbagai-bagai kejadian alam yang berkesan dan memberi saranan selepas goncangan pertama yang telah dibawa oleh gelombang ayat yang lebar itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

وَمَا تَأْتِيهِم مِّنْ ءَايَةٍ مِّنْ ءَايَٰتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا۟ عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٤﴾ فَقَدْ كَذَّبُوا۟ بِٱلْحَقِّ لَمَّا جَآءَهُمْ فَسَوْفَ يَأْتِيهِمْ أَنۢبَٰٓؤُا۟ مَا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٥﴾ أَلَمْ يَرَوْا۟ كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّن قَرْنٍ مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّن لَّكُمْ وَأَرْسَلْنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيْهِم مِّدْرَارًا وَجَعَلْنَا ٱلْأَنْهَٰرَ تَجْرِى مِن تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ﴿٦﴾

"Dan tiada suatu ayat pun dari ayat-ayat Tuhan mereka melainkan mereka berpaling darinya (4). Sesungguhnya mereka telah mendusta (Al-Qur'an) yang benar apabila sampai kepada mereka. Oleh itu kelak akan sampai kepada mereka berita-berita ('azab) yang lalu dipersenda-sendakan mereka itu (5). Apakah mereka tidak melihat beberapa generasi manusia yang telah Kami binasakan sebelum mereka, iaitu generasi yang telah Kami kurniakan kepada mereka kedudukan yang teguh di muka bumi ini, yang belum pernah Kami kurniakan kepada kamu. Dan Kami telah mencurahkan hujan yang lebat ke atas mereka dan kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka. Kemudian Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa mereka dan Kami ciptakan generasi yang lain selepas mereka."(6)

Mereka mengambil sikap menolak semata-mata kerana degil dan keras kepala. Mereka bukannya kekurangan bukti-bukti yang membawa kepada keimanan dan bukan pula kekurangan dalil-dalil yang menunjukkan kebenaran da'wah dan penda'wah dan bukan juga kekurangan dalil-dalil yang jelas yang membuktikan hakikat Uluhiyah yang sebenar di sebalik da'wah dan penda'wah itu, iaitu hakikat Uluhiyah yang diajak mereka supaya beriman dan tunduk kepadanya. Mereka bukannya kekurangan semuanya ini, malah sebenarnya mereka kekurangan minat dan kegemaran untuk menyambut da'wah itu. Mereka telah dikongkong oleh kedegilan dan keras kepala dan inilah yang menghalangkan mereka dari berfikir dengan teliti dan insaf:

وَمَا تَأْتِيهِم مِّنْ ءَايَةٍ مِّنْ ءَايَٰتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا۟ عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٤﴾

"Dan tiada suatu ayat pun dari ayat-ayat Tuhan mereka melainkan mereka berpaling darinya."(4)

Apabila kedudukan perkara ini menjadi begitu dan apabila penolakan itu sengaja dilakukan walaupun setelah berdepan dengan dalil-dalil yang cukup, bukti-bukti yang banyak dan hakikat-hakikat yang jelas, maka ancaman dengan 'azab keseksaan itu kadang-kadang menimbulkan goncangan yang boleh membuka jendela-jendela fitrah mereka setelah jatuhnya tabir keangkuhan dan kedegilan yang menutup fitrah itu:

فَقَدْ كَذَّبُوا۟ بِٱلْحَقِّ لَمَّا جَآءَهُمْ فَسَوْفَ يَأْتِيهِمْ أَنۢبَٰٓؤُا۟

مَا كَانُوا بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya mereka telah mendusta (Al-Qur'an) yang benar apabila sampai kepada mereka. Oleh itu kelak akan sampai kepada mereka berita-berita ('azab) yang lalu dipersenda-sendakan mereka itu."(5)

Itulah kebenaran yang datang kepada mereka dari Allah Pencipta langit dan bumi, Pencipta kegelapan dan nur dan Pencipta insan dari tanah, Yang Maha Berkuasa di langit dan di bumi, Yang Maha Mengetahui segala rahsia manusia dan segala keadaan mereka yang nyata dan segala kegiatan yang dilakukan mereka. Itulah kebenaran yang telah didustakan mereka dengan penuh kedegilan. Mereka menolak segala bukti dan mempersenda-sendakan da'wah yang mengajak mereka kepada keimanan. Oleh itu tunggulah sahaja ketibaan berita yang benar tentang akibat yang akan diterima mereka kerana mempersenda-sendakan da'wah itu.

Ayat ini meninggalkan mereka di hadapan ancaman secara umum, iaitu ancaman yang tidak diketahui jenisnya dan tidak pula diketahui masa kedatangannya. Ia meninggalkan mereka tertunggu-tunggu di setiap sa'at ketibaan berita-berita 'azab itu yang akan menimpa mereka sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang telah mempersenda-sendakan da'wah. Di waktu itulah kebenaran akan terserlah kepada mereka setelah berdepan dengan 'azab majhul yang ditunggu-tunggu mereka.

Di dalam situasi ancaman 'azab itu, ayat yang berikut memutar leher mereka, menarik pandangan dan hati mereka dan memaut saraf-saraf mereka supaya melihat kepada akibat-akibat kebinasaan yang telah diterima oleh para pendusta dari kaum-kaum sebelum mereka dan mereka memang mengetahui setengah-setengah kaum di perkampungan 'Ad di al-Ahqaf dan di perkampungan Thamud di al-Hijr. Kesan-kesan runtuhan perkampungan kaum-kaum ini masih kekal dan menjadi tempat-tempat yang dilalui mereka di dalam perjalanan perdagangan mereka ke selatan di musim dingin dan di dalam perjalanan perdagangan mereka ke utara di musim panas. Begitu juga mereka pernah melalui perkampungan Lut yang telah ditelan bumi. Mereka mengetahui cerita-cerita yang menjadi buah mulut penduduk-penduduk di sekitar perkampungan-perkampungan itu. Oleh itu ayat yang berikut menarik perhatian mereka kepada kebinasaan, yang telah menimpa kaum-kaum itu, yang mana setengah-setengah dari kaum-kaum itu tidak jauh dari mereka.

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّن قَرْنٍ مَّكَّنَّٰهُمْ فِي ٱلْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّن لَّكُمْ وَأَرْسَلْنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيْهِم مِّدْرَارًا وَجَعَلْنَا ٱلْأَنْهَٰرَ تَجْرِي مِن تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ﴿٦﴾

"Apakah mereka tidak melihat beberapa generasi manusia yang telah Kami binasakan sebelum mereka, iaitu generasi yang telah Kami kurniakan kepada mereka kedudukan yang teguh di muka bumi ini, yang belum pernah Kami kurniakan kepada kamu. Dan Kami telah mencurahkan hujan yang lebat ke atas mereka dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka. Kemudian Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa mereka dan Kami ciptakan generasi yang lain selepas mereka."(6)

Maksudnya apakah mereka tidak melihat kebinasaan yang telah menimpa generasi-generasi manusia yang telah silam. Mereka telah dikurniakan Allah dengan kedudukan yang teguh di bumi, di samping dikurniakan punca-punca kekuatan dan kekuasaan yang belum pernah dikurniakan kepada kaum Quraisy di Semenanjung Tanah Arab yang ditujukan ayat ini kepada mereka. Allah telah menurunkan hujan yang teratur kepada mereka, yang dapat melahirkan kesuburan pokok dan tumbuh-tumbuhan dan melimpahkan rezeki-rezeki yang banyak kepada mereka: Kemudian apa yang terjadi? Mereka telah melanggar perintah-perintah Allah lalu Allah membinasakan mereka kerana dosa-dosa mereka dan mengadakan satu generasi yang lain mengambil tempat mereka dan mewarisi negeri itu. Mereka berlalu tanpa dihiraukan oleh negeri itu yang telah diwarisi oleh generasi yang lain. Alangkah mudahnya bagi Allah untuk membinasakan kaum pendusta yang menolak da'wah walaupun mereka mempunyai kedudukan yang kuat dan teguh di bumi. Mereka telah binasa dan berlalu, tetapi negeri itu tidak pernah merasa kosong dan sepi, kerana selepas itu datang pula generasi yang lain memakmurkan negeri itu dan bumi terus beredar di dalam orbitnya seolah-olah di sana tidak pernah ada penghuni-penghuni, dan hayat terus berlalu di dalam gerak harakatnya seolah-olah di sana tidak pernah ada makhluk-makhluk yang hidup.

Ini adalah satu hakikat yang dilupai manusia apabila mereka dikurniakan Allah kedudukan yang kuat di bumi ini. Mereka lupa bahawa kedudukan mereka yang teguh itu adalah berlaku dengan kehendak Allah untuk menduga dan menguji mereka. Apakah mereka mengendalikan kedudukan mereka dengan melaksana dan mematuhi janji-janji Allah dan syarat-syarat-Nya, iaitu mengakui 'Ubudiyah mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan menerima perintah-perintah dari Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana Dialah pemerintah yang haqiqi sedangkan mereka hanya wakil yang dilantikkan oleh-Nya sahaja atau apakah mereka menjadikan diri mereka selaku Taghut yang mendakwa mempunyai hak-hak Uluhiyah dan ciri-cirinya dan bertindak dalam urusan khilafah yang diwakilkannya kepada mereka selaku pemerintah yang haqiqi bukannya selaku wakil yang dilantik.

Ini adalah satu hakikat yang dilupai manusia kecuali mereka yang telah dipeliharakan Allah. Ketika inilah mereka menyimpang dari janji-janji Allah dan dari syarat-syarat menjadi wakil. Mereka meneruskan pentadbiran mereka tanpa mengikuti undang-undang Allah. Pada mulanya mereka tidak nampak akibat-akibat buruk dari penyelewengan mereka. Kemudian kerosakan akhlak berlaku perlahan-lahan ketika mereka tergelincir tanpa disedari mereka hingga sampai tempoh suratan ajal dan janji balasan Allah wajar dilaksanakan. Kemudian bentuk kesudahan mereka berlaku dengan berbagai-bagai cara. Kadang-kadang mereka diazabkan Allah dengan malapetaka kehapusan dan kemusnahan iaitu 'azab yang di timpa dari atas mereka dan dari bawah tapak kaki mereka sebagaimana yang telah berlaku kepada berbagai-bagai kaum. Dan kadang-kadang mereka diazabkan dengan bencana kemarau, bencana kematian dan dengan malapetaka kekurangan hasil pertanian sebagaimana berlaku kepada setengah-setengah kaum dan kadang-kadang diazabkan dengan bala peperangan, di mana mereka bergaduh, menindas dan menghancurkan satu sama lain dan tidak merasa aman terhadap satu sama lain menyebabkan kekuatan mereka menjadi lemah, dan di waktu ini Allah mendorong kaum yang lain sama ada kaum yang baik atau kaum yang jahat bertindak menyerang dan menghancurkan kekuatan mereka dan seterusnya mencabut kekuasaan mereka. Kemudian Allah menggantikan mereka dengan kaum yang baru untuk menguji mereka pula dengan ni'mat kekuasaan itu. Demikianlah pusingan perjalanan Sunnatullah. Pemerintah yang berbahagia ialah pemerintah yang sedar terhadap perjalanan Sunnatullah dan terhadap ujian dari Allah lalu ia melaksanakan janji-janji Allah di dalam segala urusan yang diwakilkan kepada mereka. Sementara pemerintah yang malang ialah pemerintah yang lalai terhadap hakikat ini dan menyangka bahawa tampuk kekuasaan itu adalah diberikan kepada mereka kerana ilmu pengetahuannya atau kerana kepintaran mereka atau diberikannya kepada mereka secara rencam sahaja tanpa apa-apa perencanaan.

Satu perkara yang sungguh mengelirukan orang ramai apabila mereka melihat pemerintah yang jahat, zalim atau sewenang-wenang atau korup telah mendapat kedudukan yang teguh di bumi dan tidak menerima apa-apa 'azab dari Allah, tetapi sebenarnya orang-orang yang menyangka begitu telah membuat pertimbangan yang gopoh dan terburu-buru. Mereka hanya melihat permulaan jalan atau pertengahan jalan sahaja kerana penghabisan jalan tidak dapat di lihat sebelum sampai kepadanya. Ia tidak dapat di lihat melainkan di dalam kebinasaan-kebinasaan kaum-kaum di zaman silam setelah mereka hapus dan menjadi cerita-cerita bualan orang ramai. Al-Qur'an sengaja menarik perhatian dan pandangan kepada peristiwa-peristiwa kebinasaan itu untuk menyedarkan orang-orang yang tertipu yang tidak dapat melihat penghabisan jalan di dalam hayat individu mereka yang pendek, kerana itu mereka dikelirukan oleh apa yang terlihat di dalam hayat mereka yang pendek hingga mereka menyangka bahawa itulah penghabisan jalan.

Ungkapan Al-Qur'an yang dinaskan:

فَأَهْلَكْنَاهُم بِذُنُوبِهِمْ

"Kemudian Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa mereka"(6)

dan ungkapan yang sama dengannya yang begitu kerap diulang-ulangkan di dalam Al-Qur'anul-Karim adalah bertujuan menjelaskan suatu hakikat dan Sunnatullah dan seterusnya menjelaskan aspek pentafsiran Islamiyah terhadap peristiwa-peristiwa sejarah.

Kesan Dosa-dosa Dalam Kehidupan Manusia

Ia menjelaskan hakikat bahawa dosa-dosa itu tetap akan membinasakan orang-orang yang melakukannya dan Allahlah yang membinasakan orang-orang yang melakukan dosa-dosa itu dan inilah Sunnatullah yang tetap berlaku walaupun ia tidak dapat di lihat oleh seseorang dalam usianya yang pendek atau tidak dapat di lihat oleh suatu generasi dalam ajal mereka yang terbatas. Itulah Sunnatullah yang akan dilalui oleh umat-umat manusia apabila dosa-dosa mereka berleluasa dan merebak luas di kalangan mereka dan apabila hidup mereka bertapak di atas dosa-dosa. Begitu juga hakikat ini merupakan satu aspek dari pentafsiran Islamiyah terhadap sejarah, kerana di antara faktor-faktor kebinasaan generasi-generasi manusia dan penggantian mereka dengan generasi-generasi yang baru itu ialah kesan-kesan dari perlakuan dosa-dosa yang memamah tubuh umat itu, iaitu kesan-kesan dosa yang mewujudkan suatu keadaan yang membawa kepada kehancuran dan kemusnahan, sama ada dalam bentuk malapetaka bencana alam yang pantas sebagaimana yang telah berlaku di dalam sejarah lama atau dalam bentuk keruntuhan yang lambat, secara semulajadi, iaitu keruntuhan yang perlahan-lahan, menjalar di dalam tubuh umat-umat itu bersama-sama jejak zaman apabila mereka merayau-rayau jauh di padang dosa.

Di hadapan kita dalam sejarah manusia yang dekat terpampang bukti-bukti yang cukup yang menunjukkan sejauh mana kesan keruntuhan akhlak, kesan pelacuran yang berleluasa, kesan penggunaan kaum wanita sebagai alat tarikan dan hiasan, kesan kemewahan dan kelunakan hidup dan kesan hidup berfoya-foya dalam keni'matan. Ya, di hadapan kita terpampang bukti-bukti yang cukup yang menunjukkan bagaimana semua kesan-kesan itu telah meruntuhkan umat-umat Greek dan Roman dan mereka telah menjadi cerita-cerita (dalam sejarah). Dan keruntuhan yang sama juga dapat di lihat tanda-tanda awalnya yang membayangkan kesudahannya di ufuk yang jauh pada umat-umat yang wujud pada hari ini seperti umat-umat Perancis dan Inggeris

walaupun umat-umat itu kini mempunyai kekuatan yang menonjol dan kekayaan yang meluas.[4]

Di Antara Pentafsiran Materialisme Dan Pentafsiran Islam

Pentafsiran materialisme terhadap sejarah telah membuang aspek ini di dalam pentafsiran-pentafsirannya terhadap perkembangan umat-umat dan peristiwa-peristiwa sejarah, kerana yang menjadi dasar dalam pentafsiran materialisme dari awal-awal lagi ialah menjauhkan unsur-unsur akhlak dari kehidupan manusia dan menjauh dasar i'tiqad yang menjadi tapak teguh kehidupan itu, tetapi pentafsiran materialisme itu terpaksa menggunakan hujjah-hujjah yang lucu dalam pentafsiran terhadap peristiwa-peristiwa sejarah dan perkembangan-perkembangan di dalam kehidupan manusia yang tidak dapat ditafsirkan melainkan di atas landasan i'tiqad.

Pentafsiran Islamiyah - dengan ciri-ciri kesyumulannya, keseriusannya, kebenarannya dan realismenya - tidak mengabaikan kesan unsur-unsur kebendaan yang dijadikan oleh pentafsiran materialisme sebagai segala sesuatu, tetapi pentafsiran Islamiyah tetap memberi tempat yang wajar kepada kesan unsur-unsur kebendaan di dalam ruang kehidupan manusia yang amat luas itu, di samping menonjolkan unsur-unsur positif dan aktif yang lain yang tidak dapat ditolak melainkan oleh orang-orang yang degil dan bermuka tebal yang tidak mahu mengakui realisme-realisme alam al-wujud, di mana perencanaan-perencanaan Allah kelihatan jelas berada di sebalik setiap kejadian. Ia menonjolkan unsur perubahan dalaman yang berlaku di dalam hati, perasaan, aqidah-'aqidah, kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman manusia dan menonjolkan unsur perilaku di alam kenyataan dan unsur akhlak. Ia tidak mengabaikan satu faktor pun di antara faktor-faktor yang digunakan oleh Sunnatullah di dalam kehidupan manusia.[5]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 9)

Kemudian ayat yang berikut menggambarkan tabi'at kedegilan yang melahirkan penolakan itu. Ia melukiskan satu contoh jiwa manusia yang aneh dan ganjil, namun demikian contoh ini berulang-ulang dan boleh didapati di setiap zaman dan tempat dan dalam setiap generasi manusia, iaitu contoh jiwa manusia yang angkuh dan sombong, manusia yang tidak dapat melihat kebenaran walaupun dicucuk ke dalam matanya, manusia yang sanggup mengingkarkan hakikat yang tidak dapat diingkarkan, kerana terlalu jelas dan terang hingga pengingkar itu sendiri sekurang-kurangnya merasa malu untuk mengingkarinya. Al-Qur'an melukiskan contoh ini begitu jelas dengan hanya menggunakan kata-kata yang sedikit mengikut cara pengungkapan Al-Qur'an yang kreatif dan bermu'jizat dalam menyata dan menggambarkan sesuatu:[6]

وَلَوْ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ كِتَٰبًا فِى قِرْطَاسٍ فَلَمَسُوهُ بِأَيْدِيهِمْ لَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

"Dan andainya Kami turunkan kepadamu tulisan di atas kertas dan mereka dapat menjamahnya dengan tangan mereka, nescaya orang-orang kafir berkata: Sesungguhnya ini tidak lain melainkan hanya suatu sihir yang nyata."(7)

Sebab yang membuat mereka menolak ayat-ayat Allah bukannya kerana kelemahan dan kekaburan bukti kebenarannya atau kerana wujudnya perbezaan faham mengenainya, malah yang membuat mereka mengambil pendirian itu ialah sikap mereka yang angkuh dan kedegilan mereka yang tidak segan silu, iaitu kedegilan dari awal-awal lagi untuk terus menolak dan mengingkar dan untuk terus tidak mengambil kira dan tidak memandang kepada bukti itu sama sekali! Andainya Allah S.W.T. menurunkan Al-Qur'an ini kepada Rasulullah s.a.w. bukan dengan jalan wahyu yang tidak dapat di lihat oleh mereka, tetapi diturunkannya dalam bentuk tulisan yang tersurat di atas selembar kertas yang boleh di lihat, dijamah dan dirasa, kemudian mereka sendiri menjamah dan menyentuh kertas itu dengan tangan mereka bukannya didengar dari orang lain dan bukannya dengan semata-mata melihat dengan mata mereka sahaja, nescaya mereka tidak juga menerima Al-Qur'an yang dapat di lihat dan dihayati itu dan nescaya mereka tetap berkata dengan tegas dan yakin:

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya ini tidak lain melainkan hanya suatu sihir yang nyata."(7)

Ini adalah satu gambaran sifat orang yang tidak segan silu, keji dan menjijikkan, yang membuat orang yang melihatnya meminta pertolongan supaya menggayangkannya, sifat yang merangsangkan seseorang untuk tampil menamparnya kerana tidak ada ruang lagi untuk mengemukakan hujjah atau berdebat atau menghuraikan dalil kepada orang yang mempunyai sifat ini.

Gambaran hakikat ini yang digambarkan sedemikian rupa selaku gambaran hakikat sifat

---

[4] *Lihat bab:* "تخبط واضطراب" *dalam buku* "الإسلام ومشكلات الحضارة" *dan bab:* "سهادة القرن العشرين" *dalam buku* "التطور والثبات في حياة البشرية"

[5] *Lihat huraian yang luas di dalam buku* "خصايص التصور الإسلامي ومقوماته"

[6] *Libat buku:* "التصوير الفني في القرآن" *bab* "التصوير الفنى" *,bab* "طريقة ألقرآن" *dan bab:* "نمازج البشرية"

manusia yang berulang-ulang itu dapat menyampaikan dua atau beberapa tujuan:

Gambaran itu mengemukakan kepada penentang-penentang itu sendiri hakikat pendirian mereka yang keji dan buruk sama seperti seorang yang mengangkat cermin kepada orang yang berwajah buruk dan hodoh supaya dia melihat dirinya sendiri di dalam cermin itu dan merasa malu.

Dan dalam waktu yang sama gambaran itu merangsangkan hati nurani para Mu'minin memandang keji terhadap penolakan dan keingkaran kaum Musyrikin dan meneguhkan hati mereka berdiri di atas kebenaran agar mereka tidak terpengaruh kepada suasana pendustaan, keingkaran, penindasan dan gangguan yang wujud di sekitar mereka.

Begitu juga gambaran itu menyarankan kesabaran Allah kerana tidak bertindak segera ke atas kaum Musyrikin yang menentang dan mendustakan Rasul dengan penuh kedegilan dan tanpa segan silu.

Semuanya itu merupakan senjata-senjata dan harakat di dalam perjuangan yang diceburi oleh kelompok Muslimin dengan menggunakan Al-Qur'an untuk menghadapi kaum Musyrikin.

Cadangan-cadangan Karut Kaum Musyrikin

Selepas itu ayat yang berikut menceritakan contoh cadangan-cadangan kaum Musyrikin yang direncanakan oleh sikap mereka yang degil dan jahil dan oleh kefahaman mereka yang buruk, iaitu mereka mencadangkan supaya Allah S.W.T. menurunkan kepada Rasulullah s.a.w. seorang malaikat yang menemaninya ketika menyampaikan da'wah dan mengesahkan bahawa beliau adalah utusan dari Allah. Kemudian ia menjelaskan kepada mereka bahawa cadangan itu adalah terbit dari kejahilan mereka terhadap tabi'at malaikat dan terhadap Sunnatullah yang mengutuskan malaikat-malaikat itu di samping menerangkan rahmat Allah terhadap mereka kerana tidak memperkenankan cadangan itu:

وَقَالُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ مَلَكٌ ۖ وَلَوْ أَنزَلْنَا مَلَكًا لَّقُضِيَ الْأَمْرُ ثُمَّ لَا يُنظَرُونَ ﴿٨﴾

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ مَلَكًا لَّجَعَلْنَاهُ رَجُلًا وَلَلَبَسْنَا عَلَيْهِم مَّا يَلْبِسُونَ ﴿٩﴾

"Dan mereka berkata lagi: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) seorang malaikat? Dan andainya Kami turunkan malaikat nescaya selesailah urusan ini dan mereka tidak akan diberi tangguhan lagi (8). Dan andainya Kami jadikan Rasul itu seorang malaikat, tentulah Kami jadikan di dalam bentuk seorang lelaki (yang dapat di lihat) dan (ini) tentulah bererti Kami mengelirukan mereka terhadap kebenaran yang sedang dikelirukan mereka."(9)

Cadangan yang dikemukakan oleh kaum Musyrikin itu adalah cadangan yang pernah dikemukakan oleh berbagai-bagai kaum sebelum mereka kepada rasul-rasul mereka sebagaimana kisah mereka telah diceritakan oleh Al-Qur'an. Cadangan ini dan jawapan Al-Qur'an dalam ayat ini menimbulkan beberapa hakikat yang kami akan huraikan di sini sekadar yang dapat:

Hakikat yang pertama: Kaum Musyrikin Arab tidak mengingkari kewujudan Allah, tetapi mereka meminta bukti untuk mengesahkan bahawa Rasulullah s.a.w. itu adalah benar diutuskan oleh Allah dan bahawa kitab Al-Qur'an yang dibacakan beliau kepada mereka adalah benar diturunkan dari Allah dan (sehubungan dengan ini) mereka mengemukakan satu cadangan yang tertentu, iaitu supaya Allah menurunkan kepada beliau seorang malaikat untuk menemaninya ketika menyampaikan da'wah dan untuk membenarkan da'wahnya. Cadangan seperti ini merupakan salah satu dari berbagai-bagai cadangan mereka yang disebut oleh Al-Qur'an di berbagai-bagai tempat.Cadangan ini sama seperti cadangan yang diterangkan di dalam Surah al-Isra' yang memuatkan cadangan ini di samping cadangan-cadangan yang lain yang sejenis dengannya, yang memperlihatkan kedegilan yang telah disifatkan oleh ayat yang silam di samping membuktikan kejahilan mereka yang begitu banyak tentang berbagai-bagai hakikat ,alam buana dan berbagai-bagai nilai yang haqiqi.

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِي هَٰذَا الْقُرْآنِ مِن كُلِّ مَثَلٍ فَأَبَىٰ أَكْثَرُ النَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٨٩﴾

وَقَالُوا لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنبُوعًا ﴿٩٠﴾

أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجِّرَ الْأَنْهَارَ خِلَالَهَا تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾

أَوْ تُسْقِطَ السَّمَاءَ كَمَا زَعَمْتَ عَلَيْنَا كِسَفًا أَوْ تَأْتِيَ بِاللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾

أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّن زُخْرُفٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِي السَّمَاءِ وَلَن نُّؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَابًا نَّقْرَؤُهُ ۗ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّي هَلْ كُنتُ إِلَّا بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٣﴾

وَمَا مَنَعَ النَّاسَ أَن يُؤْمِنُوا إِذْ جَاءَهُمُ الْهُدَىٰ إِلَّا أَن قَالُوا أَبَعَثَ اللَّهُ بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٤﴾

قُل لَّوْ كَانَ فِي الْأَرْضِ مَلَائِكَةٌ يَمْشُونَ مُطْمَئِنِّينَ
لَنَزَّلْنَا عَلَيْهِم مِّنَ السَّمَاءِ مَلَكًا رَّسُولًا ﴿٩٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah ulangi penerangan-penerangan Kami kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini dengan segala macam perbandingan, namun kebanyakan manusia enggan menerima selain dari kekufuran (89). Dan mereka berkata Kami tidak akan beriman kepada engkau sehingga engkau alirkan untuk Kami sebuah mataair di bumi (90). Atau engkau memiliki sebuah kebun kurma dan anggur dan engkau alirkan di celah-celah kebun itu sungai-sungai yang mengalirkan air yang banyak (91). Atau engkau gugurkan langit berkeping-kepingan ke atas kami sebagaimana engkau pernah katakan kepada kami atau engkau membawa Allah dan malaikat secara berdepan (92). Atau engkau memiliki sebuah rumah dari emas atau engkau naik ke langit dan kami tidak akan percayakan kenaikanmu itu sehingga engkau membawa turun sebuah kitab yang dapat kami bacakannya. Katakanlah: Maha Suci Tuhanku, aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul sahaja (93). Dan tiada yang menghalangkan manusia dari beriman ketika mereka didatangi hidayat melainkan mereka berkata: Apakah benar Allah telah mengutuskan manusia menjadi Rasul? (94) Katakanlah: Jika di bumi ada malaikat yang boleh berjalan dengan tenteram tentulah Kami turunkan kepada mereka dari langit malaikat yang menjadi Rasul."(95)

(Surah al-Isra')

Dari cadangan-cadangan yang seumpama ini ternyatalah sejauh mana kedegilan dan kejahilan mereka. Jika tidak, mereka memang mengenali akhlak Rasulullah s.a.w. melalui pengalaman mereka yang lama dengan beliau, iaitu pengenalan yang cukup untuk membuktikan kepada mereka tentang kebenaran tutur kata beliau dan sifatnya yang jujur dan amanah hingga pernah mereka gelarkan beliau dengan panggilan al-Amin atau seorang yang beramanah. Mereka menyimpan barang-barang kepunyaan mereka sebagai amanah pada beliau walaupun mereka sedang berbalah sengit dengan beliau. Apabila beliau berhijrah ke Madinah, beliau tinggalkan sepupunya Ali r.a. mewakili beliau untuk memulangkan kembali simpanan-simpanan amanah orang-orang Quraisy yang masih tersimpan padanya dan di waktu itu mereka sedang berbalah dengan beliau dan sedang merancang untuk membunuhnya. Begitu juga kebenaran tutur kata beliau memang diyakini oleh mereka sama seperti sifat amanah beliau, Ketika beliau mengumpul mereka buat pertama kalinya dan menyampaikan da'wah secara berkumpul dan terbuka di atas Bukit Safa setelah menerima perintah dari Allah, maka pertanyaan pertama yang dikemukakan beliau kepada mereka ialah apakah mereka percaya jika beliau menyampaikan sesuatu berita kepada mereka? Dan seluruh mereka sebulat menjawab bahawa beliau adalah selama-lamanya dipercayai mereka. Oleh itu jika mereka mahu mengetahui kebenaran tutur kata beliau, maka sejarah zaman silamnya sudah cukup untuk menjadi bukti kerana mereka memang mengetahui bahawa beliau adalah seorang yang benar tutur katanya. Dalam ayat yang akan datang dalam surah ini, Allah akan menceritakan berita yang benar kepada nabi-Nya bahawa mereka sebenarnya tidak mendustakan beliau:

قَدْ نَعْلَمُ إِنَّهُ لَيَحْزُنُكَ الَّذِي يَقُولُونَ ۖ فَإِنَّهُمْ لَا
يُكَذِّبُونَكَ وَلَٰكِنَّ الظَّالِمِينَ بِآيَاتِ اللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya Kami mengetahui bahawa perkataan yang diucapkan mereka amat mendukacitakan engkau. Sebenarnya mereka bukannya mendustakan engkau, tetapi orang-orang yang zalim itu mengingkarkan ayat-ayat Allah."(33)

Itulah keinginan mengingkar dan menolak dan itulah kedegilan dan keangkuhan untuk mengakui kebenaran dan bukannya kerana mereka meragui kebenaran tutur kata Rasulullah s.a.w.

Sebenarnya penjelasan dalam kitab Al-Qur'an itu sendiri merupakan satu bukti kebenaran yang lebih benar dari bukti-bukti kebendaan yang dituntut oleh mereka, kerana Al-Qur'an sendiri telah menyaksikan dengan pengungkapannya dan dengan isi kandungannya bahawa ia adalah diturunkan dari Allah. Mereka sememangnya tidak mengingkari kewujudan Allah dan mereka sebenarnya menyedari dan mengetahui hakikat ini. Dengan adirasa bahasa sastera yang seni yang ada pada mereka, mereka mengetahui sejauh mana kemampuan manusia, mereka mengetahui bahawa Al-Qur'an ini adalah di luar kemampuan manusia. Perasaan yang seperti ini dapat dirasakan oleh setiap orang yang memasuki bidang seni pengucapan dan menghayatinya. Ia lebih banyak dapat merasakan perasaan ini dari mereka yang tidak memasuki dan menghayati bidang ini. Setiap orang yang telah memasuki bidang seni pengucapan akan memahami dan menyedari dengan jelas bahawa Al-Qur'an adalah di luar kemampuan dan pencapaian manusia. Hakikat ini tidak dapat diingkarkan lagi kecuali oleh orang yang degil yang menemui kebenaran di dalam hatinya kemudian sengaja menyembunyikannya. Begitu juga isi kandungan Al-Qur'an yang mengandungi kefahaman i'tiqad dan metodologi yang digunakannya untuk menanamkan i'tiqad di dalam pemikiran manusia, juga mengandungi jenis kenyataan-kenyataan yang berkesan dan sentuhan-sentuhan yang memberi saranan adalah semuanya tidak dikenali dalam tabi'at kefahaman manusia, metodologi-metodologi manusia dan kaedah-kaedah manusia dalam mengemukakan pernyataan dan pengungkapan hati. Orang-orang Arab memang mengetahui perasaan ini di lubuk hati mereka. Tutur kata dan keadaan-keadaan mereka sendiri membuktikan bahawa mereka tidak meragui bahawa Al-Qur'an ini adalah diturunkan dari Allah.

Demikianlah ternyata bahawa cadangan-cadangan itu bukannya bertujuan mencari bukti, malah ia merupakan salah satu sarana dan cara untuk

memperlihatkan kedegilan dan keangkuhan semata-mata. Sikap mereka tepat dengan apa yang telah dijelaskan Allah di dalam ayat yang silam:

وَلَوْ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ كِتَٰبًا فِى قِرْطَاسٍ فَلَمَسُوهُ بِأَيْدِيهِمْ
لَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

"Dan andainya Kami turunkan kepadamu tulisan di atas kertas dan mereka dapat menjamahnya dengan tangan mereka, nescaya orang-orang kafir berkata: Sesungguhnya ini tidak lain melainkan hanya suatu sihir yang nyata.(7)

Hakikat yang kedua ialah orang-orang Arab mengetahui tentang malaikat dan kerana itu mereka menuntut agar Allah menurunkan kepada Rasul-Nya seorang malaikat yang berda'wah bersama-sama dengan beliau dan mengesahkan kebenaran beliau, tetapi mereka sama sekali tidak mengetahui tentang tabi'at makhluk yang tiada siapa dapat memahaminya kecuali Allah. Mereka meraba-raba di padang gurun tanpa dipimpin oleh mana-mana pemandu dalam memahami makhluk malaikat dan bagaimana hubungannya dengan Allah dan bagaimana bentuk hubungannya dengan bumi dan penghuninya. Al-Qur'anul-Karim telah menceritakan berbagai-bagai kepercayaan sesat orang-orang Arab dan berbagai-bagai dongeng paganisme di sekitar makhluk malaikat, dan Al-Qur'an telah membetulkan kepercayaan-kepercayaan itu agar golongan mereka yang menerima hidayat agama ini mendapat kefahaman yang betul dan pengetahuan yang benar tentang alam buana dan para penghuninya. Islam dalam aspek ini merupakan sistem untuk membetulkan pemikiran dan perasaan manusia di samping merupakan sistem untuk membetulkan hati dan dhamir, juga sistem untuk membetulkan undang-undang, peraturan dan keadaan-keadaan.

Al-Qur'anul-Karim telah menceritakan berbagai-bagai kepercayaan sesat orang-orang Arab dan kejahilan-kejahilan mereka di zaman jahiliyah. Mereka menyangka bahawa malaikat-malaikat itu adalah puteri Allah. Maha Suci Allah dari segala apa yang dikatakan mereka, dan kerana itu mereka menyangka malaikat dapat memberi syafa'at yang tidak ditolak oleh Allah. Mengikut pendapat yang kuat setengah-setengah berhala besar yang disembah oleh orang-orang Arab itu adalah lambang-lambang dari malaikat. Begitu juga Al-Qur'an menceritakan perkataan mereka mengenai malaikat dalam tuntutan mereka agar Allah menurunkan kepada Rasul-Nya seorang malaikat untuk mengesahkan dakwaan beliau.

Al-Qur'an telah membetulkan kepercayaan-kepercayaan sesat mereka yang pertama di berbagai-bagai tempat di antaranya seperti yang diterangkan di dalam Surah an-Najm:

Al-Qur'an Membetulkan Kefahaman Terhadap Malaikat

أَفَرَءَيْتُمُ ٱللَّٰتَ وَٱلْعُزَّىٰ ﴿١٩﴾
وَمَنَوٰةَ ٱلثَّالِثَةَ ٱلْأُخْرَىٰٓ ﴿٢٠﴾
أَلَكُمُ ٱلذَّكَرُ وَلَهُ ٱلْأُنثَىٰ ﴿٢١﴾
تِلْكَ إِذًا قِسْمَةٌ ضِيزَىٰٓ ﴿٢٢﴾
إِنْ هِىَ إِلَّآ أَسْمَآءٌ سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّآ أَنزَلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهْوَى ٱلْأَنفُسُ وَلَقَدْ جَآءَهُم مِّن رَّبِّهِمُ ٱلْهُدَىٰٓ ﴿٢٣﴾
أَمْ لِلْإِنسَٰنِ مَا تَمَنَّىٰ ﴿٢٤﴾
فَلِلَّهِ ٱلْءَاخِرَةُ وَٱلْأُولَىٰ ﴿٢٥﴾
وَكَم مِّن مَّلَكٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ لَا تُغْنِى شَفَٰعَتُهُمْ شَيْـًٔا إِلَّا مِنۢ بَعْدِ أَن يَأْذَنَ ٱللَّهُ لِمَن يَشَآءُ وَيَرْضَىٰٓ ﴿٢٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ لَيُسَمُّونَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ تَسْمِيَةَ ٱلْأُنثَىٰ ﴿٢٧﴾
وَمَا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغْنِى مِنَ ٱلْحَقِّ شَيْـًٔا ﴿٢٨﴾

"Adakah kamu lihat kekuasaan (berhala-berhala) al-Lata dan al-Uzza (19). Serta"Manat" yang ketiga, yang rendah martabatnya itu, (Layak disembah dan dianggap sebagai anak-anak perempuan Allah)? (20) Adakah wajar untuk kamu anak lelaki dan untuk Allah anak perempuan (21). Itu adalah satu pembahagian yang tidak adil (22). Semua (berhala-berhala) itu hanya merupakan nama-nama yang dinamakan kamu dan datuk nenek kamu sahaja, sedangkan Allah tidak menurunkan sebarang kuasa yang membenarkannya. Mereka tidak lain melainkan hanya menurut sangkaan dan keinginan hawa nafsu sahaja, sedangkan hidayat telah pun datang kepada mereka dari Tuhan mereka (23). Adakah manusia memiliki kemampuan mencapai segala apa yang dicita-citakannya? (Tidak!) (24) Allahlah Yang memiliki Akhirat dan dunia (25). Berapa ramaikah malaikat-malaikat di langit yang syafa'at mereka tidak mendatangkan sebarang faedah kecuali setelah Allah mengizinkan kepada siapa yang dikehendaki dan diredhai-Nya (26). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada Akhirat sahajalah yang tergamak menamakan malaikat-malaikat itu dengan nama perempuan (27). Sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya. Mereka tidak lain melainkan hanya menurut

sangkaan sahaja dan sesungguhnya sangkaan itu tidak berguna sedikit pun untuk mengganti kebenaran."(28)

Begitu juga Al-Qur'an membetulkan kepercayaan-kepercayaan sesat mereka yang kedua mengenai tabi'at malaikat di dalam dua ayat surah ini dan di berbagai-bagai tempat yang lain:

وَقَالُواْ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ مَلَكٌ وَلَوْ أَنزَلْنَا مَلَكًا لَّقُضِىَ ٱلْأَمْرُ ثُمَّ لَا يُنظَرُونَ ﴿٨﴾

"Dan mereka berkata lagi: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) seorang malaikat? Dan andainya Kami turunkan malaikat nescaya selesailah urusan ini dan mereka tidak akan diberi tangguhan lagi."(8)

Ini adalah satu aspek dari ayat-ayat yang memperkenalkan hamba-hamba Allah dari makhluk malaikat. Mereka mencadangkan agar Allah menurunkan malaikat-malaikat tetapi mengikut Sunnatullah apabila Allah menurunkan malaikat ke atas sesuatu kaum yang mendustakan Rasul mereka, maka tujuannya ialah untuk membinasakan mereka, iaitu supaya malaikat itu melaksanakan perintah Allah terhadap kaum itu dengan membinasa dan menghancurkan mereka. Oleh itu jika Allah menyambut cadangan, kaum Musyrikin Arab dengan menurunkan malaikat sudah tentu mereka akan binasa dan mereka tidak akan diberi sebarang tangguhan lagi selepas diturunkan malaikat-malaikat itu. Apakah ini yang dikehendaki dan dicadangkan mereka? Apakah tidak wajar kepada mereka merasa mendapat rahmat Allah kerana Allah tidak menyambut cadangan mereka yang akan membawa kebinasaan kepada diri mereka ini? Demikianlah ayat ini membawa mereka berdepan dengan rahmat Allah dan kesabaran-Nya terhadap mereka, juga berdepan dengan kejahilan mereka sendiri terhadap Sunnatullah dalam urusan menurunkan malaikat itu, dan dengan kejahilan yang hampir-hampir membinasakan hidup mereka inilah mereka menolak hidayat dan rahmat Allah dan terus berdegil meminta bukti!

Aspek yang kedua dari ayat yang memperkenalkan hamba-hamba Allah dari makhluk malaikat terkandung di dalam ayat yang berikut:

وَلَوْ جَعَلْنَٰهُ مَلَكًا لَّجَعَلْنَٰهُ رَجُلًا وَلَلَبَسْنَا عَلَيْهِم مَّا يَلْبِسُونَ ﴿٩﴾

"Dan andainya Kami jadikan Rasul itu seorang malaikat, tentulah Kami jadikan di dalam bentuk seorang lelaki (yang dapat di lihat) dan (ini) tentulah bererti Kami mengelirukan mereka terhadap kebenaran yang sedang dikelirukan mereka."(9)

Mereka mencadangkan agar Allah S.W.T. menurunkan malaikat ke atas Rasul-Nya s.a.w. untuk mengesahkan dakwaan beliau, tetapi malaikat adalah satu makhluk yang berlainan dari makhluk manusia. Mereka mempunyai tabi'at yang tersendiri yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Mereka sebagaimana yang diterangkan Allah dan kita tidak mengetahui tentang sifat-sifat mereka kecuali dari keterangan yang diberikan Allah yang telah menciptakan mereka - tidak boleh berjalan di muka bumi ini dengan rupa bentuk mereka yang asli yang diciptakan Allah, kerana mereka bukannya penghuni planet bumi, namun demikian mereka mempunyai sifat-sifat yang membolehkan mereka menjelma dengan rupa manusia ketika menjalankan tugas mereka di dalam kehidupan manusia seperti menyampaikan risalah atau melakukan kebinasaan dan kemusnahan ke atas golongan pendusta yang mahu dibinasakan Allah atau untuk meneguhkan pendirian kaum Mu'minin atau memerangi dan membunuh musuh-musuh mereka dan sebagainya dari tugas-tugas yang diceritakan oleh Al-Qur'an bahawa mereka ditugaskan Allah untuk melaksanakan tugas-tugas ini dan mereka tidak pernah melanggar perintah Allah dan sentiasa siap sedia untuk melaksanakan segala perintah Allah yang ditugaskan kepada mereka.

Andainya Allah mahu menurunkan malaikat untuk mengesahkan Rasul-Nya tentulah malaikat itu akan menjelma dalam rupa bentuk seorang lelaki manusia, bukan dalam rupa bentuk seorang malaikat dan ini tentulah akan mengelirukan kaum Musyrikin itu sekali lagi! jika mereka boleh mengelirukan hakikat yang sebenar kepada diri mereka sewaktu Nabi s.a.w. berkata kepada mereka: "Saya ini Muhammad dan tentulah kamu sekalian mengenali saya. Allah telah mengutuskan saya kepada kamu untuk memberi peringatan dan menyampaikan berita-berita gembira kepada kamu", maka bagaimana pula nanti kekeliruan akan berlaku andainya malaikat yang menjelma dalam rupa bentuk seorang lelaki yang tidak dikenali ini datang menemui mereka dan berkata: "Saya ini malaikat. Allah telah mengutuskan saya untuk mengesahkan Rasul-Nya", sedangkan mereka melihat malaikat itu dalam rupa bentuk seorang lelaki yang sama dengan mereka? Mereka telah pun mengelirukan hakikat yang mudah. Dan andainya Allah mengutuskan pula seorang malaikat kepada mereka tentulah Dia utuskannya dalam bentuk rupa seorang lelaki dan tentulah mereka terkeliru pula dengan hakikat yang mereka telah mengelirukannya dan tentulah mereka tidak akan mendapat apa-apa keyakinan.

Demikianlah Allah S.W.T. mendedahkan kejahilan mereka terhadap tabi'at makhluk-Nya di samping mendedahkan kejahilan mereka dalam memahami Sunnatullah. Ini ditambahkan pula dengan pendedahan terhadap kedegilan mereka yang tidak mempunyai alasan-alasan dan tidak berlandaskan ilmu pengetahuan dan dalil.

Hakikat yang ketiga yang ditimbulkan oleh nas Al-Qur'an itu di dalam fikiran ialah tabi'at kefahaman Islam dan asas-asas kefahaman itu. Di antara asas kefahaman itu ialah memahami alam-alam nyata dan alam-alam ghaib, yang mana Islam mengajar seorang

Muslim supaya ia mula-mula memahami alam-alam itu dan kemudian bermu'amalah dengannya. Dan di antara alam-alam ghaib pula ialah alam malaikat. Islam telah menetapkan bahawa beriman kepada malaikat adalah salah satu asas dari asas-asas keimanan. Dan keimanan seseorang itu tidak sempurna melainkan dengan beriman kepadanya. Asas-asas keimanan ialah beriman kepada Allah, kepada para malaikat, kepada kitab-kitab suci, kepada para rasul, kepada hari Akhirat dan kepada qadha' dan qadar, baik dan buruknya.

Sebelum ini kami telah jelaskan - di dalam tafsir Fi Zilal ini ketika kami memperkatakan tentang permulaan surah ini yang dapat disaringkan seperti berikut: Keimanan kepada alam ghaib adalah satu perpindahan yang amat besar di dalam hidup seseorang insan kerana ia telah berjaya keluar dari daerah alam nyata yang sempit kepada daerah memahami alam ghaib yang majhul tetapi maujud dan boleh difahami kewujudannya. Ini tidak syak lagi merupakan satu perpindahan dari daerah tanggapan pancaindera hayawaniah ke daerah kefahaman insaniyah. Perbuatan menutup daerah alam ghaib kepada kefahaman manusia merupakan satu perbuatan membawa manusia mundur ke belakang. Inilah yang diusahakan oleh aliran-aliran faham materialisme yang mereka dakwa sebagai aliran faham progresif. Kami akan huraikan dengan agak terperinci mengenai alam ghaib ini apabila kami tafsirkan firman Allah yang berikut di dalam surah ini:

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ۚ

"Dan di sisi Allah tersimpan anak-anak kunci segala urusan ghaib, yang tiada siapa mengetahui kecuali Dia."(59)

Di sini kami tumpukan pembicaraan kami tentang makhluk malaikat iaitu makhluk dari alam ghaib.

Kefahaman Islam mengenai alam ghaib ialah di sana terdapat sejenis makhluk hamba Allah yang bernama malaikat dan Al-Qur'anul-Karim telah menerangkan kepada kita sebahagian dari sifat-sifat mereka dan penerangan ini cukup untuk kefahaman ini dan cukup untuk berinteraksi dengan mereka dalam lingkungan batas-batasnya.

Mereka adalah salah satu dari makhluk-makhluk ciptaan Allah yang tunduk kepada Allah dengan 'Ubudiyah dan keta'atan yang mutlaq. Kedudukan mereka hampir dengan Allah dan kita tidak mengetahui dengan pasti bagaimana cara dan apakah jenis kehampiran itu:

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ۗ سُبْحَٰنَهُۥ ۚ بَلْ عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ ﴿٢٦﴾

لَا يَسْبِقُونَهُۥ بِٱلْقَوْلِ وَهُم بِأَمْرِهِۦ يَعْمَلُونَ ﴿٢٧﴾

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنِ ٱرْتَضَىٰ وَهُم مِّنْ خَشْيَتِهِۦ مُشْفِقُونَ ﴿٢٨﴾

"Dan mereka berkata: Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak. Maha Sucilah Allah, malah mereka (malaikat-malaikat yang dikatakan anak Allah itu) adalah para hamba-Nya yang dimuliakan (26). Mereka tidak mendahului-Nya mengeluarkan perkataan dan mereka menjunjung segala perintah-Nya (27). Allah mengetahui segala apa yang ada di hadapan mereka dan segala apa yang ada di belakang mereka dan mereka tidak dapat memberi syafa'at melainkan kepada siapa yang diredhai-Nya dan mereka sentiasa berwaspada kerana takut kepada-Nya."(28)

(Surah al-Anbiya')

وَلَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَمَنْ عِندَهُۥ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَلَا يَسْتَحْسِرُونَ ﴿١٩﴾

يُسَبِّحُونَ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ ﴿٢٠﴾

"Dan mereka (malaikat) yang berada di sisi-Nya tidak pernah merasa sombong untuk beribadat kepada-Nya dan tidak pula merasa lemah.(19) Mereka bertasbih siang dan malam tanpa berhenti-henti."(20)

(Surah al-Anbiya')

Mereka menanggung 'Arasy ar-Rahman dan mengelilinginya pada hari Qiamat. Kita tidak mengetahui bagaimana cara mereka menanggung kerana kita tidak mempunyai ilmu pengetahuan mengenainya melainkan sekadar yang diterangkan Allah kepada kita tentang alam ghaib ini:

ٱلَّذِينَ يَحْمِلُونَ ٱلْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُۥ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيُؤْمِنُونَ بِهِۦ

"Malaikat-malaikat yang menanggung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang ada di sekelilingnya adalah bertasbih memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya."

(Surah Ghafir:7)

وَتَرَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ حَآفِّينَ مِنْ حَوْلِ ٱلْعَرْشِ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ ۖ وَقُضِىَ بَيْنَهُم بِٱلْحَقِّ وَقِيلَ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧٥﴾

"Dan engkau (wahai Muhammad) akan melihat para malaikat mengelilingi di sekitar 'Arasy bertasbih memuji Tuhan mereka dan hukuman yang adil telah diputuskan di antara mereka dan diucapkan: Segala kepujian itu terpulang kepada Tuhan semesta alam."

(Surah az-Zumar:75)

Mereka juga bertugas sebagai penjaga Syurga dan Neraka. Merekalah yang akan menyambut ahli Syurga

dengan ucapan salam sejahtera dan menyambut ahli Neraka dengan kecaman dan ancaman:

وَسِيقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ جَهَنَّمَ زُمَرًا ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوهَا فُتِحَتْ أَبْوَٰبُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَآ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَتْلُونَ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِ رَبِّكُمْ وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا ۚ قَالُوا۟ بَلَىٰ وَلَٰكِنْ حَقَّتْ كَلِمَةُ ٱلْعَذَابِ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٧١﴾ قِيلَ ٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ فَبِئْسَ مَثْوَى ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٢﴾

وَسِيقَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ رَبَّهُمْ إِلَى ٱلْجَنَّةِ زُمَرًا ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَٰبُهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَا سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ فَٱدْخُلُوهَا خَٰلِدِينَ ﴿٧٣﴾

"Dan orang-orang yang kafir dibawa ke Neraka berpasuk-pasukan sehingga apabila mereka tiba ke Neraka, maka pintu-pintunya dibuka dan bertanyalah para penjaga kepada mereka: 'Tidakkah telah datang kepada kamu rasul-rasul dari kalangan kamu yang membaca ayat-ayat Tuhan kamu kepada kamu dan mengingatkan kamu dengan pertemuan dengan hari ini?' Jawab mereka: 'Benar (mereka telah datang)', tetapi keputusan 'azab telah ditetapkan ke atas orang-orang yang kafir (71). Lalu dikatakan (kepada mereka): Silalah masuk pintu-pintu Neraka Jahannam, di mana kamu hidup kekal abadi. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman bagi orang-orang yang takbur (72). Dan dibawa pula orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka kepada Syurga berpasuk-pasukan sehingga apabila mereka tiba di Syurga, maka pintu-pintunya dibuka dan berkatalah para penjaganya: Selamat sejahtera ke atas kamu. Kamu telah menunjukkan kebaikan, silalah masuk dan hidup kekal di dalamnya."(73)

(Surah az-Zumar)

وَمَا جَعَلْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلنَّارِ إِلَّا مَلَٰٓئِكَةً ۙ

"Dan Kami tidak jadikan pengawal-pengawal Neraka itu melainkan (dari jenis) malaikat."

(Surah al-Mudathir:31)

Para malaikat berinteraksi dengan penghuni-penghuni bumi di dalam berbagai-bagai bentuk. Mereka bertugas selaku penjaga manusia dengan perintah Allah. Mereka sentiasa mengikuti jejak setiap manusia dan mencatat segala kegiatan yang terbit darinya. Mereka bertugas mematikan manusia apabila sampai ajalnya:

وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ ۖ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفَرِّطُونَ ﴿٦١﴾

"Dan Dialah Yang Maha Berkuasa di atas para hamba-Nya dan Dialah yang mengutuskan kepada kamu para malaikat penjaga sehingga apabila seseorang dari kamu didatangi maut, maka para malaikat utusan Kami akan mewafatkannya dan mereka tidak cuaikan (kewajipan mereka)."(61)

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ يَحْفَظُونَهُۥ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ ۗ

"Bagi manusia ada malaikat-malaikat pengikut jejak yang mengawasinya dari hadapan dan dari belakangnya (iaitu malaikat-malaikat) dari urusan Allah."(11)

(Surah ar-Ra'd)

مَّا يَلْفِظُ مِن قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

"Tiada satu perkataan yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat yang mengawasi dan sentiasa hadir bersamanya."

(Surah Qaf:18)

Merekalah yang bertugas menyampaikan wahyu kepada para rasul Salawatullahu Wasalamuhu 'Alaihim, dan Allah S.W.T. telah menerangkan kepada kita bahawa Jibril a.s. itulah malaikat yang melaksanakan tugas penyampaian wahyu ini:

يُنَزِّلُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ بِٱلرُّوحِ مِنْ أَمْرِهِۦ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦٓ أَنْ أَنذِرُوٓا۟ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱتَّقُونِ ﴿٢﴾

"Dia menurunkan malaikat pembawa roh (wahyu) dari urusan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya diantara para hamba-Nya (dan intisarinya ialah): Sampaikanlah peringatan bahawa tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Aku. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku."

(Surah an-Nahl:2)

قُلْ مَن كَانَ عَدُوًّا لِّجِبْرِيلَ فَإِنَّهُۥ نَزَّلَهُۥ عَلَىٰ قَلْبِكَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٩٧﴾

"Katakanlah: Siapakah yang menjadi musuh Jibril, kerana sesungguhnya dialah yang telah menurunkan Al-Qur'an ke dalam hatimu dengan perintah Allah."

(Surah Al-Baqarah:97)

Dan Allah S.W.T. sifatkan Jibril sebagai malaikat yang mempunyai kekuatan dan Rasulullah s.a.w. telah melihatnya dalam bentuk rupa malaikat sebanyak dua kali. Sementara Jibril pula telah menemui beliau di dalam berbagai-bagai rupa bentuk di dalam wahyu yang berikut:

وَٱلنَّجۡمِ إِذَا هَوَىٰ ١
مَا ضَلَّ صَاحِبُكُمۡ وَمَا غَوَىٰ ٢
وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلۡهَوَىٰٓ ٣
إِنۡ هُوَ إِلَّا وَحۡيٞ يُوحَىٰ ٤
عَلَّمَهُۥ شَدِيدُ ٱلۡقُوَىٰ ٥
ذُو مِرَّةٖ فَٱسۡتَوَىٰ ٦
وَهُوَ بِٱلۡأُفُقِ ٱلۡأَعۡلَىٰ ٧
ثُمَّ دَنَا فَتَدَلَّىٰ ٨
فَكَانَ قَابَ قَوۡسَيۡنِ أَوۡ أَدۡنَىٰ ٩

"Demi bintang ketika ia menurun (1). Sahabat kamu itu (Muhammad) tidak sekali-kali sesat dan tidak pula keliru (2). Dan dia tidak bercakap menurut hawa nafsunya (3). Percakapannya tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan (Allah) kepadanya (4). Yang mengajarkan kepadanya ialah (Jibril) yang amat perkasa (5). Yang mempunyai kekuatan lalu ia menjelma (kepada Muhammad) dengan rupa yang asal (6). Ketika dia berada di ufuk yang tertinggi (7). Kemudian dia mendekati (Muhammad) dan semakin dekat lagi (8). Dan jadilah sedekat dua hujung busur panah atau lebih dekat lagi"(9)

فَأَوۡحَىٰٓ إِلَىٰ عَبۡدِهِۦ مَآ أَوۡحَىٰ ١٠
مَا كَذَبَ ٱلۡفُؤَادُ مَا رَأَىٰٓ ١١
أَفَتُمَٰرُونَهُۥ عَلَىٰ مَا يَرَىٰ ١٢
وَلَقَدۡ رَءَاهُ نَزۡلَةً أُخۡرَىٰ ١٣
عِندَ سِدۡرَةِ ٱلۡمُنتَهَىٰ ١٤

"Lalu dia (Jibril) mewahyukan kepada hamba-Nya apa yang Allah wahyukan kepadanya (10). Hati (Muhammad) tidak berdusta tentang apa yang dilihatnya (11). Apakah wajar kamu mempertikaikan terhadap apa yang dilihatnya (12). Dan sesungguhnya dia (Muhammad) telah melihatnya (Jibril) sekali lagi (13). Di Sidratul-Muntaha."(14)

عِندَهَا جَنَّةُ ٱلۡمَأۡوَىٰٓ ١٥
إِذۡ يَغۡشَى ٱلسِّدۡرَةَ مَا يَغۡشَىٰ ١٦
مَا زَاغَ ٱلۡبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ ١٧
لَقَدۡ رَأَىٰ مِنۡ ءَايَٰتِ رَبِّهِ ٱلۡكُبۡرَىٰٓ ١٨

"Di sisinya terletak Syurga Jannatul-Ma'wa (15). (Dia melihatnya) ketika Sidratul-Muntaha diliputi sesuatu yang meliputinya (16). Pandangan (Muhammad) tetap tidak beralih dan tidak pula melampaui batas (17). Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah yang paling besar."(18)

(Surah an-Najm)

Mereka juga turun kepada kaum Mu'minin untuk meneguhkan pendirian, memberi bantuan dan sokongan kepada mereka dalam perjuangan mereka yang agung menentang kebatilan dan Taghut:

إِنَّ ٱلَّذِينَ قَالُواْ رَبُّنَا ٱللَّهُ ثُمَّ ٱسۡتَقَٰمُواْ تَتَنَزَّلُ
عَلَيۡهِمُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ أَلَّا تَخَافُواْ وَلَا تَحۡزَنُواْ
وَأَبۡشِرُواْ بِٱلۡجَنَّةِ ٱلَّتِي كُنتُمۡ تُوعَدُونَ ٣٠

"Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah kemudian mereka beristiqamah nescaya turunlah para malaikat (mendapatkan mereka dan memberi perangsang): Janganlah kamu takut dan rungsing, malah bergembiralah dengan (balasan) Syurga yang dijanjikan kepada kamu."

(Surah Fussilat:30)

إِذۡ تَقُولُ لِلۡمُؤۡمِنِينَ أَلَن يَكۡفِيَكُمۡ أَن يُمِدَّكُمۡ رَبُّكُم
بِثَلَٰثَةِ ءَالَٰفٖ مِّنَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ مُنزَلِينَ ١٢٤
بَلَىٰٓۚ إِن تَصۡبِرُواْ وَتَتَّقُواْ وَيَأۡتُوكُم مِّن فَوۡرِهِمۡ
هَٰذَا يُمۡدِدۡكُمۡ رَبُّكُم بِخَمۡسَةِ ءَالَٰفٖ مِّنَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ
مُسَوِّمِينَ ١٢٥
وَمَا جَعَلَهُ ٱللَّهُ إِلَّا بُشۡرَىٰ لَكُمۡ وَلِتَطۡمَئِنَّ قُلُوبُكُم
بِهِۦۗ وَمَا ٱلنَّصۡرُ إِلَّا مِنۡ عِندِ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَكِيمِ ١٢٦

"(Kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang-orang Mu'min: Apakah tidak cukup Tuhan kamu membantu kamu dengan tiga ribu malaikat yang diturunkan dari langit (124). Sebenarnya cukup! Jika kamu bersabar dan bertaqwa lalu mereka menyerang kamu di sa'at ini juga nescaya Tuhan kamu membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang memakai tanda (125). Allah tidak menjadikan bantuan itu melainkan sebagai berita gembira kepada kamu dan supaya hati kamu menjadi tenteram dengannya dan tiada kemenangan melainkan dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(126)

(Surah Aali 'Imran)

إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَنِّي مَعَكُمْ فَثَبِّتُوا الَّذِينَ آمَنُوا ۚ سَأُلْقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ فَاضْرِبُوا فَوْقَ الْأَعْنَاقِ وَاضْرِبُوا مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿١٢﴾

"(Kenangilah) ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku bersama kamu. Oleh itu teguhkanlah pendirian orang-orang yang beriman. Aku akan campakkan rasa ketakutan ke dalam hati orang-orang yang kafir. Oleh itu pancunglah leher mereka dan tetakkanlah setiap anak jari mereka."

(Surah al-Anfal:12)

Mereka sentiasa mengambil berat terhadap urusan kaum Mu'minin. Mereka bertasbih kepada Allah dan memohon keampunan Allah untuk orang-orang yang beriman agar Allah mengampunkan dosa-dosa mereka. Mereka berdo'a kepada Allah untuk kebaikan orang-orang yang beriman dengan do'a orang yang sentiasa menaruh kebimbangan dan mengambil berat terhadap urusan orang yang dikasihi-Nya:

الَّذِينَ يَحْمِلُونَ الْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيُؤْمِنُونَ بِهِ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَيْءٍ رَحْمَةً وَعِلْمًا فَاغْفِرْ لِلَّذِينَ تَابُوا وَاتَّبَعُوا سَبِيلَكَ وَقِهِمْ عَذَابَ الْجَحِيمِ ﴿٧﴾ رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّاتِ عَدْنٍ الَّتِي وَعَدْتَهُمْ وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ ۚ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٨﴾ وَقِهِمُ السَّيِّئَاتِ ۚ وَمَنْ تَقِ السَّيِّئَاتِ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمْتَهُ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٩﴾

"Malaikat-malaikat yang menanggung 'Arasy dan malaikat-malaikat yang ada di sekelilingnya adalah bertasbih memuji Tuhan mereka dan beriman kepada-Nya dan mereka memohon keampunan untuk orang-orang yang beriman (dengan do'a): Wahai Tuhan kami! Rahmat dan ilmu-Mu meliputi segala sesuatu. Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikut jalan-Mu dan lindungilah mereka dari 'azab Neraka (7). Wahai Tuhan kami! Masukkanlah mereka ke dalam Syurga 'Adni yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan kepada orang-orang yang soleh di antara bapa-bapa mereka, isteri-isteri mereka dan zuriat keturunan mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.(8) Dan lindungilah mereka dari kejahatan-kejahatan dan barang siapa yang Engkau peliharakannya dari balasan kejahatan-kejahatan pada hari itu, maka sesungguhnya Engkau mengurniakan rahmat kepadanya, maka itulah kejayaan yang amat besar."(9)

(Surah Ghafir)

Mereka juga bertugas menyampaikan berita Syurga yang gembira kepada orang-orang yang beriman ketika mereka mengambil nyawa mereka dan mereka akan menyambut orang-orang yang beriman dengan berita gembira di Akhirat dan mengucapkan salam sejahtera kepada mereka di dalam Syurga:

الَّذِينَ تَتَوَفَّاهُمُ الْمَلَائِكَةُ طَيِّبِينَ ۙ يَقُولُونَ سَلَامٌ عَلَيْكُمُ ادْخُلُوا الْجَنَّةَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٢﴾

"Iaitu orang-orang yang diwafatkan malaikat dalam keadaan yang senang lenang sambil mengucapkan kepada mereka: Selamat sejahtera ke atas kamu. Masuklah ke dalam Syurga dengan amalan-amalan yang telah dilakukan kamu."

(Surah an-Nahl:32)

جَنَّاتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ ۖ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ ﴿٢٣﴾ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ ۚ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٤﴾

"Iaitu Syurga yang akan dimasuki mereka bersama-sama orang-orang yang soleh dari ibubapa mereka, isteri-isteri mereka dan anak cucu mereka, sedangkan para malaikat akan masuk mendapatkan mereka dari segenap pintu (23). (Sambil mengucapkan) salam sejahtera ke atas kamu dengan sebab kesabaran kamu. Maka inilah sebaik-baik tempat kediaman."(24)

(Surah ar-Ra'd)

Mereka menyambut orang-orang kafir di dalam Neraka Jahannam dengan kecaman dan ancaman sebagaimana telah diterangkan sebelum ini dan memerangi mereka di dalam medan-medan pertempuran yang benar. Mereka juga bertugas mencabut nyawa orang-orang kafir dengan cara yang menyeksakan mereka serta mengecam dan menghinakan mereka:

وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُو أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوا أَنْفُسَكُمُ ۖ الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنْتُمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ وَكُنْتُمْ عَنْ آيَاتِهِ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٩٣﴾

"Jika engkau dapat melihat ketika orang-orang yang zalim sedang berada di dalam tekanan sakratul-maut dan para malaikat menghulurkan tangan memukul mereka (sambil berkata): Keluarkanlah diri kamu (dari 'azab ini). Pada hari ini kamu dibalas dengan 'azab kehinaan kerana kamu telah mengeluarkan perkataan yang tidak benar terhadap Allah dan kerana kamu telah berlagak angkuh terhadap ayat-ayat-Nya."(93)

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ وُقِفُوا۟ عَلَى ٱلنَّارِ فَقَالُوا۟ يَٰلَيْتَنَا نُرَدُّ وَلَا نُكَذِّبَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٧﴾

"Bagaimana nanti keadaan mereka jika malaikat ('azab) mencabut nyawa mereka dan memukul muka dan punggung mereka?"

(Surah Muhammad:27)

Makhluk malaikat mempunyai hubungan dengan manusia sejak diciptakan moyang mereka Adam, dan hubungan itu terus berpanjangan sepanjang hidup mereka sehingga ke alam yang kekal abadi (Akhirat) sebagaimana kami telah sebutkan di dalam petikan ayat-ayat Al-Qur'an yang telah lepas. Hubungan para malaikat dengan penciptaan manusia diterangkan di berbagai-bagai tempat dan di antaranya seperti yang diterangkan oleh Surah Al-Baqarah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّى جَاعِلٌ فِى ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوٓا۟ أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۖ قَالَ إِنِّىٓ أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

وَعَلَّمَ ءَادَمَ ٱلْأَسْمَآءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ فَقَالَ أَنۢبِـُٔونِى بِأَسْمَآءِ هَٰٓؤُلَآءِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣١﴾

قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَآ إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾

قَالَ يَٰٓـَٔادَمُ أَنۢبِئْهُم بِأَسْمَآئِهِمْ ۖ فَلَمَّآ أَنۢبَأَهُم بِأَسْمَآئِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّىٓ أَعْلَمُ غَيْبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَٱسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٣٤﴾

"Dan (ingatlah) ketika tuhanmu berfirman kepada malaikat: 'Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.' Kata para malaikat: 'Adakah Engkau hendak menciptakan di bumi makhluk yang akan melakukan kerosakan dan menumpahkan darah, sedangkan kami bertasbih memuji-Mu dan men-taqdiskan-Mu?' Jawab Allah: 'Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak diketahui oleh kamu' (30). Dan Allah telah mengajar seluruh nama kepada Adam kemudian Dia bentangkan kepada para malaikat lalu berfirman: 'Terangkanlah kepada-Ku nama-nama ini jika kamu benar mengetahui' (31). Jawab mereka: 'Maha Sucilah engkau! Kami tidak mempunyai sebarang ilmu kecuali sekadar apa yang telah diajarkan Engkau kepada kami. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana' (32). Allah berfirman: Wahai Adam! Terangkanlah nama-nama ini, dan setelah Adam menerangkan nama-nama itu Allah pun berfirman: 'Bukankah Aku telah katakan kepada kamu bahawa Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi dan Aku mengetahui segala apa yang kamu nyata dan segala apa yang kamu sembunyikan' (33). Dan (kenangilah) ketika kami berfirman kepada para malaikat: 'Sujudlah kamu kepada Adam,' lalu mereka pun sujud kecuali iblis sahaja yang enggan dan berlagak angkuh dan dia telah termasuk di dalam golongan orang-orang yang kafir."(34)

Lapangan yang amat luas ini, di mana hidup manusia berhubung rapat dengan alam malaikat itu sebenarnya merupakan suatu keluasan kefahaman dan pemikiran dalam memahami hakikat-hakikat kewujudan ini, suatu keluasan perasaan dan suatu keluasan di dalam pergerakan jiwa dan fikiran yang dibuka oleh kefahaman Islam kepada seseorang Muslim. Al-Qur'an membentangkan kepada setiap Muslim lapangan (alam malaikat) yang amat luas ini dan alam ghaib yang berhubung rapat dengan alam nyata.

Orang-orang yang mahu menutup ruang alam malaikat dan ruang alam ghaib seluruhnya kepada "manusia" bererti mereka mahukan sesuatu yang paling buruk untuk manusia, iaitu mereka mahu menutup alamnya agar terkongkong di ruang alam pancainderanya yang dekat dan terbatas sahaja, mereka mahu melontarkan manusia ke dalam alam binatang, sedangkan Allah telah memuliakan manusia dengan kefahaman yang membolehkan mereka memahami sesuatu yang tidak dapat difahami oleh binatang di samping membolehkan mereka hidup di dalam ilmu pengetahuan yang luas dan di dalam perasaan yang luas juga membolehkan mereka berlepas dengan akal dan hatinya ke alam ghaib ini dan seterusnya membolehkan mereka sambil membersihkan diri ketika ia terbang dengan seluruh dirinya dalam pancaran nur alam itu.

Kaum Arab yang berada di dalam jahiliyah mereka - dengan segala kesalahan kefahaman jahiliyah - adalah lebih tinggi di dalam aspek ini dari kaum jahiliyah ilmiyah yang moden yang mempersendakan segala yang ghaib dan mengira bahawa kepercayaan terhadap alam-alam ghaib ini merupakan suatu pemikiran yang dungu dan tidak ilmiyah. Mereka meletakkan kepercayaan kepada yang ghaib di atas satu daun neraca dan meletakkan kajian ilmiyah di atas satu daun neraca yang lain. Kita akan bincangkan dakwaan ini lebih lanjut nanti ketika mentafsirkan firman Allah Ta'ala:

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ

"Dan di sisi Allah tersimpan anak-anak kunci segala urusan yang ghaib, yang tiada siapa mengetahuinya kecuali Dia."(59)

Di sana kita akan bincangkan dakwaan yang tidak berlandaskan alasan-alasan ilmiyah ini dan tidak pula berlandaskan alasan-alasan keagamaan, adapun di sini kami hanya berpada dengan huraian yang ringkas setakat ini tentang malaikat.

Kita ingin bertanya: Apakah ilmu pengetahuan yang ada pada orang-orang yang mendakwa berpegang dengan alasan-alasan aqliyah dan ilmiyah yang menyebabkan mereka terpaksa menolak makhluk yang bernama malaikat itu dan menjauhkan kewujudan makhluk itu dari daerah kefahaman dan kepercayaan? Apakah ilmu yang ada pada mereka yang memaksa mereka bertindak begitu?

Sebenarnya ilmu pengetahuan mereka tidak mampu menafikan adanya makhluk hidup dari jenis yang lain dari makhluk hidup yang dikenali di bumi ini, di bintang-bintang dan planet-planet yang lain yang berbeza susunan udaranya, tabi'atnya dan suasananya dari udara bumi dan suasananya. Oleh itu mengapakah mereka secara tegas menafikan alam-alam ghaib, sedangkan mereka tidak mempunyai satu dalil pun untuk menolak kewujudannya.

Sebenarnya kita tidak mengajak mereka berhakimkan kepada 'aqidah kita dan tidak pula berhakimkan kepada firman Allah S.W.T., malah kita mengajak mereka berhakimkan kepada ilmu pengetahuan mereka sendiri yang mereka jadikannya sebagai Tuhan itu. Justeru itu kami tidak dapati pada mereka selain dari sikap keangkuhan dan kedegilan - tanpa sebarang dalil dari ilmu pengetahuan ini, dan sikap inilah - yang mendorong mereka kepada keingkaran yang tidak ilmiyah itu. Apakah keingkaran itu semata-mata berdasarkan alasan kerana alam-alam ini merupakan sesuatu yang ghaib yang tidak dapat dilihat? Sebenarnya kita dapat melihat ketika kita membincangkan persoalan ini bahawa yang "ghaib" yang diingkarkan mereka itulah satu-satunya hakikat yang diyakinkan kewujudannya oleh ilmu ini pada hari ini, sehingga di alam nyata yang dapat dijamah oleh tangan dan di lihat oleh mata.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 11)

Akibat Mempersendakan Agama Allah

Gelombang ini di akhiri dengan menayangkan akibat-akibat kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum yang telah mempermain-mainkan para rasul dan mengajak para pendusta itu supaya mengambil i'tibar dari kebinasaan-kebinasaan yang telah ditimpakan ke atas kaum-kaum sebelum mereka di samping mengajak mereka menjelajah muka bumi untuk menyaksi kesan-kesan kebinasaan yang memperlihatkan Sunnatullah yang bertindak ke atas orang-orang yang mempermain-main dan mendustakan para rasul:

وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَحَاقَ بِٱلَّذِينَ سَخِرُوا۟ مِنْهُم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya para rasul sebelummu juga telah dipersenda-sendakan lalu turunlah 'azab keseksaan ke atas orang-orang yang melakukan persendaan itu di kalangan mereka."(10)

Tarikan perhatian ini - yang dikemukakan selepas menyebut penolakan mereka yang degil dan selepas menerangkan cadangan-cadangan mereka yang lahir dari sikap mereka yang degil dan jahil, juga selepas menerangkan betapa besarnya rahmat Allah dan kesabaran-Nya kerana tidak memperkenankan cadangan-cadangan itu - adalah dimaksudkan untuk dua tujuan:

Pertama: Untuk menghibur dan menyenangkan hati Rasulullah terhadap kedegilan para penentang dan pendusta yang sedang dihadapinya dan untuk meyakinkan hati beliau terhadap kuatkuasa Sunnatullah yang tetap menghukumkan orang-orang yang mendusta dan mempermain-mainkan para rasul itu, juga untuk menghiburkan beliau (dengan hakikat) bahawa penolakan dan pendustaan itu bukanlah suatu gejala yang baru di dalam sejarah da'wah yang mengajak manusia kepada kebenaran, malah para rasul sebelum beliau juga telah menerima penolakan dan pendustaan yang sama dan orang-orang yang mempermainkan para rasul itu telah menerima hukuman yang setimpal, iaitu mereka telah di timpa 'azab keseksaan kerana ejekan mereka, dan seterusnya untuk menghibur beliau (dengan hakikat) bahawa kebenaran tetap akan menewaskan kebatilan pada akhir pusingan.

Yang kedua: Untuk mencubit hati orang-orang Arab yang mendusta dan mengejek Rasul itu dengan menyebut akibat kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum sebelum mereka yang telah mendusta dan mempermain-mainkan para rasul. Ia mengingatkan mereka bahawa akibat-akibat kebinasaan itu juga sedang menunggu mereka jika mereka terus mengambil sikap mempermain-main dan mendustakan Rasulullah. Berbagai-bagai kaum sebelum mereka telah dibinasakan Allah, sedangkan kaum-kaum itu lebih kuat dan lebih teguh kedudukan dari mereka, juga lebih kaya dan lebih mewah dari mereka sebagaimana telah dijelaskan Allah kepada mereka di permulaan gelombang ayat-ayat ini yang telah menggoncangkan hati mereka dengan tarikan-tarikan perhatian yang realistik dan ngeri seperti ini.

Di antara yang menarik perhatian ialah arahan Al-Qur'an yang berikut:

قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ ٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ

عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ ﴿١١﴾

"Katakanlah: Jelajahilah kamu dimuka bumi ini kemudian lihatlah sendiri bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta."(11)

Penjelajahan di muka bumi dengan tujuan meninjau, memerhati, merenungi dan mengambil i'tibar dan dengan tujuan mengenal Sunnatullah yang terlukis di dalam peristiwa-peristiwa dan tercatat di dalam kesan-kesan sejarah yang nyata dan di dalam kisah-kisah sejarah yang menceritakan tentang kesan-kesan terpampang di sana. Penjelasan yang sedemikian rupa untuk tujuan yang seperti ini dan dengan kesedaran dan keinsafan yang seperti ini adalah semuanya merupakan perkara-perkara yang baru kepada orang-orang Arab. Ia menggambarkan sejauh mana perpindahan mereka dari tahap jahiliyah ke tahap kesedaran, pemikiran, pandangan dan pengetahuan yang seperti ini yang telah dipindahkan oleh sistem hidup Rabbani kepadanya.

(Sebelum ini) mereka selalu menjelajah di bumi, selalu berpindah-randah di merata pelosok kerana berniaga, mencari makan, berburu dan membawa ternakan ke padang-padang rumput dan sebagainya dari kegiatan yang berkaitan dengan kehidupan mereka, tetapi penjelajahan mengikut satu metodologi yang bertujuan mendapat ilmu pengetahuan dan didikan adalah satu perkara yang baru kepada mereka. Program yang baru inilah yang telah membawa dan memimpin mereka dari kaki bukit jahiliyah menuju ke jalan yang tinggi hingga mereka berjaya sampai ke mercunya di akhir perjalanan.

Pentafsiran sejarah manusia mengikut kaedah-kaedah metodologi yang telah diaturkan oleh Al-Qur'an kepada orang-orang Arab, juga mengikut undang-undang alam yang lazim, di mana kesan-kesan undang-undang itu akan wujud jika wujud sebab-sebabnya dengan izin Allah. Dan manusia dapat mengamati undang-undang ini dan membina kefahaman-kefahaman mereka berlandaskan muqaddimah-muqaddimah dan natijah-natijah dan dapat mengetahui peringkat-peringkat dan fasa-fasanya. Menggunakan seluruh metodologi ini untuk mentafsirkan sejarah merupakan sesuatu yang baru kepada akal manusia seluruhnya di zaman itu kerana segala sejarah dan cerita yang di kisah dan dirakam itu hanya merupakan pemandangan-pemandangan atau cerita-cerita mengenai peristiwa-peristiwa, adat resam dan hal ehwal manusia yang tidak diikat di antaranya oleh satu metodologi analisa atau metodologi struktur yang menentukan pertalian di antara peristiwa-peristiwa itu sebagaimana ia menentukan pertalian di antara muqaddimah dan natijah-natijah dan di antara peringkat-peringkat dan fasa-fasanya..... kemudian datang metodologi Al-Qur'an memindahkan umat manusia ke puncak yang tinggi dan mengatur satu metodologi mengkaji dan meneliti peristiwa-peristiwa sejarah manusia. Metodologi ini bukannya merupa satu peringkat dalam cara-cara berfikir dan mendapatkan pengetahuan, malah ia merupakan satu-satunya metodologi yang mampu memberi pentafsiran yang betul terhadap sejarah manusia.[7]

Faktor 'Aqidah Bukannya Faktor Ekonomi Yang Membangkitkan umat Muslimin Arab Dalam Masa Seperempat Abad

Orang-orang yang kaget dan kagum terhadap perpindahan orang-orang Arab yang begitu jauh dalam masa hanya seperempat abad sahaja dari zaman risalah Muhammadiyah - satu jarak waktu yang sama sekali tidak cukup untuk menimbulkan satu perubahan yang mendadak dalam kedudukan-kedudukan ekonomi - akan terhapus rasa kekagetan dan kekaguman mereka apabila mereka mengubahkan perhatian mereka dari usaha mencari faktor ekonomi kepada usaha mencari rahsia yang terdapat dalam metodologi Rabbani yang baru ini, yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya. Sebenarnya di dalam metodologi inilah tersembunyi daya mu'jizat dan tersimpannya rahsia yang selama ini dicari oleh mereka pada tuhan palsu yang ditegakkan oleh pemikiran materialisme di masa kebelakangan ini, iaitu tuhan ekonomi.

Jika tidak, di manakah perubahan ekonomi yang mendadak berlaku di Semenanjung Arab yang melahirkan kefahaman-kefahaman i'tiqad, sistem pemerintahan, metodologi-metodologi berfikir, nilai-nilai akhlak, bidang-bidang ilmu pengetahuan yang luas dan peraturan-peraturan kemasyarakatan yang semuanya berlaku dalam masa seperempat abad sahaja?

Di antara yang menarik perhatian ialah arahan Al-Qur'an yang berikut:

قُلۡ سِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ ثُمَّ ٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ ﴿١١﴾

"Katakanlah: Jelajahilah kamu dimuka bumi ini kemudian lihatlah sendiri bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta."(11)

Di samping tarikan perhatian yang dikemukakan di permulaan gelombang ini iaitu firman Allah Ta'ala:

أَلَمۡ يَرَوۡاْ كَمۡ أَهۡلَكۡنَا مِن قَبۡلِهِم مِّن قَرۡنٖ مَّكَّنَّٰهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَا لَمۡ نُمَكِّن لَّكُمۡ وَأَرۡسَلۡنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيۡهِم مِّدۡرَارٗا وَجَعَلۡنَا ٱلۡأَنۡهَٰرَ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهِمۡ فَأَهۡلَكۡنَٰهُم بِذُنُوبِهِمۡ وَأَنشَأۡنَا مِنۢ بَعۡدِهِمۡ قَرۡنًا ءَاخَرِينَ ﴿٦﴾

---

[7] *Lihat "التفسير الإسلامي للتاريخ" dalam buku "خصائص التصور الإسلامي ومقوماته" bahagian yang kedua.*

"Apakah mereka tidak melihat beberapa generasi manusia yang telah Kami binasakan sebelum mereka, iaitu generasi yang telah Kami kurniakan kepada mereka kedudukan yang teguh di muka bumi ini, yang belum pernah Kami kurniakan kepada kamu. Dan Kami telah mencurahkan hujan yang lebat ke atas mereka dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka. Kemudian Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa mereka dan Kami ciptakan generasi yang lain selepas mereka."(6)

Juga tarikan-tarikan perhatian yang serupa di dalam surah ini dan di dalam seluruh Al-Qur'an merupakan sebahagian dari metodologi yang sungguh-sungguh baru kepada pemikiran manusia, satu metodologi yang kekal dan unik.

(Kumpulan ayat-ayat 12 - 19)

قُل لِّمَن مَّا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ قُل لِّلَّهِ ۚ كَتَبَ عَلَىٰ نَفْسِهِ الرَّحْمَةَ ۚ لَيَجْمَعَنَّكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ ۚ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢﴾

وَلَهُ مَا سَكَنَ فِي اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ ۚ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١٣﴾

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ ۗ قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ ۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٤﴾

قُلْ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾

مَّن يُصْرَفْ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُ ۚ وَذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْمُبِينُ ﴿١٦﴾

وَإِن يَمْسَسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ ۖ وَإِن يَمْسَسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾

وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ ۚ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ ﴿١٨﴾

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً ۖ قُلِ اللَّهُ ۖ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ ۚ وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَٰذَا الْقُرْآنُ لِأُنذِرَكُم بِهِ وَمَن بَلَغَ ۚ أَئِنَّكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ آلِهَةً أُخْرَىٰ ۚ قُل لَّا أَشْهَدُ ۚ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ وَإِنَّنِي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

"Katakanlah: Siapakah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi? Katakanlah: Allahlah yang memilikinya. Allah telah menetapkan (dasar) rahmat ke atas diri-Nya. Demi sesungguhnya Allah akan mengumpulkan seluruh kamu pada hari Qiamat yang tiada sebarang keraguan kepastiannya. Orang yang telah merugikan diri sendiri, maka itulah orang-orang yang tidak beriman (12). Dan Dia memiliki segala apa yang mendiami pada hari malam dan hari siang dan Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat (13). Katakanlah: Apakah wajar bagiku mengambil pelindung yang lain dari Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedangkan Dialah (Tuhan) yang memberi makan dan tidak (berkehendak) diberi makan. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah supaya aku menjadi orang yang pertama sekali menyerahkan diri kepada Allah dan janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan Musyrikin (14). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut kepada 'azab hari (Qiamat) yang amat besar jika aku derhaka kepada Tuhanku (15). Sesiapa yang dijauhkan dari 'azab pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah mengurniakan rahmat kepadanya dan itulah kejayaan yang amat jelas (16). Jika Allah menimpakan sesuatu bencana ke atas engkau, maka tiada siapa yang dapat menghapuskannya kecuali Dia, dan jika Allah mengurniakan sesuatu kebajikan kepada engkau, maka Dia adalah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (17). Dan Dialah Penguasa di atas para hamba-Nya dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmunya (18). Katakanlah: Kesaksian siapakah yang lebih besar? Katakanlah (kesaksian) Allah. Dialah yang menjadi saksi di antara aku dan kamu dan Al-Qur'an ini telah diwahyukan kepadaku supaya aku memberi peringatan kepada kamu dan kepada orang yang sampai Al-Qur'an ini kepadanya. Apakah kamu benar mengaku bahawa ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah? Katakanlah: Aku sekali-kali tidak mengaku. Katakanlah: Sesungguhnya hanya Dia sahaja Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya Aku berlepas diri dari segala apa yang kamu persekutukan Allah dengannya."(19)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Gelombang yang baru ini, iaitu gelombang yang mempunyai bunyi harakat mad yang tinggi dan nada yang menakutkan adalah datang selepas dikemukakan pembicaraan mengenai pendustaan, penolakan, ejekan dan sendaan (kaum Musyrikin), juga selepas dikemukakan ancaman yang ngeri di celah-celah dan di akhir pembicaraan itu. Di samping menarik pandangan dan hati mereka agar mengambil i'tibar dari kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa pendusta-pendusta dan pengejek-pengejek (sebelum mereka). Gelombang ini juga datang selepas gelombang pembukaan yang mendahului pembicaraan tentang golongan pendusta, iaitu gelombang yang membentangkan hakikat Uluhiyah di ruang alam buana yang amat lebar dan ruang kejadian insan yang amat mendalam di samping

membentangkan hakikat-hakikat Uluhiyah di bidang-bidang yang lain dengan nada-nada yang baru dan pernyataan-pernyataan efektif yang baru. Ini bermakna pembicaraan tentang pendustaan ini dikemukakan di antara gelombang pembukaan dengan gelombang ini dan menampakkan pendustaan itu begitu keji dan buruk.

Gelombang pertama telah membentangkan hakikat Uluhiyah yang digambarkan dalam penciptaan langit dan bumi, penciptaan kegelapan dan nur, penciptaan manusia dari tanah dan penentuan ajal usia mereka yang pertama serta penentuan ajal yang kedua bagi hari kebangkitan mereka di samping menjelaskan bahawa Uluhiyah Allah itu merangkumi langit dan bumi dan ilmu-Nya meliputi segala rahsia manusia, segala keadaan mereka yang nyata dan segala tindak-tanduk yang dilakukan mereka secara rahsia dan secara terang-terangan. Semuanya itu bukannya bertujuan semata-mata untuk memberi penjelasan secara ilmu ketuhanan atau secara ilmu falsafah yang bersifat teori yang negatif, tetapi ia bertujuan untuk menjelaskan kehendak-kehendak atau kewajipan-kewajipan dari hakikat-hakikat itu di dalam kehidupan manusia, iaitu manusia seharusnya membeli penyerahan diri yang bulat kepada Allah S.W.T. sahaja, mereka tidak seharusnya menyamakan Allah dengan apa dan siapa pun, mereka tidak seharusnya meragui Wahdaniyah Allah, mereka seharusnya mengakui bahawa Uluhiyah Allah adalah merangkumi seluruh urusan alam buana dan seluruh urusan hidup insan sama ada yang sulit atau yang terang dan seterusnya mereka seharusnya mengaturkan konklusi-konklusi atau kesimpulan-kesimpulan yang tabi'i bagi hakikat-hakikat itu, iaitu mereka seharusnya mengakui kuasa Hakimiyah atau kuasa pemerintahan dan pengadilan Allah di dalam segala urusan hidup dunia sama seperti mereka mengakui kuasa Hakimiyah Allah di dalam segala urusan alam buana.

Gelombang yang baru ini juga bertujuan untuk menonjolkan hakikat Uluhiyah yang tergambar pada ciri kuasa pemilikan dan penciptaan alam buana, pada ciri pemberian rezeki dan pemeliharaan, pada ciri qudrat dan kekuasaan dan pada ciri kuasa memberi manfa'at dan mudharat. Semuanya ini bukan untuk tujuan memberi penjelasan secara ilmu ketuhanan atau secara ilmu falsafah yang bersifat teori yang negatif, malah untuk tujuan menjelaskan kehendak-kehendak atau kewajipan-kewajipan dari hakikat ini, iaitu mentauhidkan kuasa naungan Allah, mentauhidkan tawajjuh kepada Allah, mentauhidkan penyerahan diri dan 'Ubudiyah kepada Allah dan menganggapkan tauhid kuasa naugan dan tauhid tawajjuh itu sebagai tanda penyerahan diri dan 'Ubudiyah. Oleh sebab itu apabila Allah menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya mengecam perbuatan mengambil pemerintah, pelindung dan penaung yang lain dari Allah, maka Allah menjelaskan bahawa kecaman itu pertama dilandaskan di atas hakikat bahawa Allahlah Tuhan yang memberi makan kepada mereka dan bukannya tuhan yang diberi makan, dan yang kedua dilandaskan di atas hakikat bahawa perbuatan mengambil penaung dan pemerintah yang lain dari Allah itu adalah membatalkan perintah Allah yang menyuruh beliau supaya menyerah bulat kepada Allah dan tidak mempersekutukan-Nya.

Pembentangan hakikat Uluhiyah dalam bentuk ini dan untuk tujuan ini adalah disertakan dengan beberapa pernyataan penuh saranan yang kuat dan menggegarkan hati. Pernyataan-pernyataan itu dimulakan dengan membentangkan hakikat pemilikan Allah yang merangkumi segala sesuatu dan hakikat bahawa Allahlah Tuhan yang memberi makan dan tidak diberi makan. Kemudian ia membentangkan 'azab yang menakutkan dan mengira sesiapa yang terhindar darinya sebagai orang yang mendapat rahmat dari Allah dan keberuntungan yang amat besar, juga membentangkan hakikat qudrat Allah yang menguasai kemudharatan dan kebaikan, hakikat keunggulan dan kuatkuasa Allah, hakikat kebijaksanaan dan kedalaman ilmu Allah di samping nada-nada yang menakutkan yang tergambar dalam perintah Allah yang hebat: Katakanlah, katakanlah, katakanlah!

Setelah selesai membentangkan hakikat-hakikat ini dengan segala pernyataan penuh saranan yang mendalam itu, maka diakhiri pula dengan nada-nada lantang yang menggegarkan, iaitu nada untuk menegakkan bukti tauhid, menolak kepercayaan syirik dan mengumumkan perpisahan yang tegas yang disertai dengan kata-kata perintah dari Allah dalam setiap ciri ini:

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَٰدَةً قُلِ ٱللَّهُ

"Katakanlah: Kesaksian siapakah yang lebih besar? Katakanlah (kesaksian) Allah."(19)

قُل لَّآ أَشْهَدُ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ

"Katakanlah: Aku sekali-kali tidak mengaku. Katakanlah: Hanya Dia sahaja Tuhan Yang Maha Esa."(19)

Itulah kata-kata perintah yang menambahkan ketakutan yang menyelubungi seluruh suasana di samping menambahkan ciri kesungguhan yang menggerunkan di dalam seluruh persoalan ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 13)

Langit Bumi Dan Pemilikan Allah Yang Mutlaq

قُل لِّمَن مَّا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ قُل لِّلَّهِ كَتَبَ عَلَىٰ نَفْسِهِ ٱلرَّحْمَةَ لَيَجْمَعَنَّكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢﴾

"Katakanlah: Siapa yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi? Katakanlah: Allahlah yang memilikinya.

Allah telah menetapkan (dasar) rahmat ke atas diri-Nya. Demi sesungguhnya Allah akan mengumpulkan seluruh kamu pada hari Kiamat yang tiada sebarang keraguan kepastiannya. Orang yang telah merugikan diri sendiri, maka itulah orang-orang yang tidak beriman."(12)

Itulah suasana persemukaan untuk memberi penerangan dan penjelasan kemudian mengumumkan perpisahan. Oleh sebab itulah ia dimulai dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya menghadapi dan bersemuka dengan kaum Musyrikin yang memang mengenal Allah sebagai Pencipta kemudian mereka menyamakan Allah dengan makhluk yang tidak pernah mencipta, iaitu mereka mengadakan sekutu-sekutu Alah selaku tuhan-tuhan yang turut mengendalikan kehidupan mereka. Allah mengarah beliau supaya bertanya kepada mereka: Siapakah yang memegang kuasa pemilikan segala isi langit dan bumi selepas ia diciptakan, iaitu pertanyaan yang merangkumi segala batas milik di tempat ini (Langit dan bumi).

مَّا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ

"Segala apa yang ada di langit dan bumi"(12)

serta menjelaskan hakikat atau jawapan yang sebenar yang tidak pernah dipertikaikan mereka sebagaimana Al-Qur'an menerangkan pengakuan penuh mereka di berbagai-bagai tempat yang lain.

قُل لِّمَن مَّا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ قُل لِّلَّهِۚ

"Katakanlah: Siapakah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi? Katakanlah: Allahlah yang memilikinya."(12)

Kuasa Hakimiyah Allah Dalam Hak Milik-Nya

Orang-orang Arab yang berada di dalam jahiliyah mereka - dengan segala kefahaman yang sesat yang wujud di dalam jahiliyah itu yang telah mengakibatkan lahirnya kemunduran di dalam kehidupan - adalah lebih tinggi dan lebih maju di dalam aspek ini dari jahiliyah ilmiyah yang moden yang tidak mengakui hakikat ini, iaitu jahiliyah yang menutup dan melumpuhkan fitrah mereka dari melihat hakikat ini. Orang-orang Arab jahiliyah memang mengetahui dan mengakui hakikat bahawa Allahlah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi, tetapi mereka tidak mengambil kesimpulan-kesimpulan yang logik dari hakikat ini, iaitu mereka seharusnya mengakui bahawa Allah sahaja yang mempunyai hak memerintah dan mentadbir segala apa yang ada di dalam milik-Nya dan bahawa mereka tidak seharusnya mentadbirkan milik Allah kecuali dengan keizinan Allah dan dengan undang-undang dan peraturan-Nya. Oleh sebab itulah mereka disifatkan sebagai orang-orang Musyrikin dan cara hidup mereka dinamakan cara hidup jahiliyah! Oleh itu bagaimana pula sifat orang-orang yang sanggup mengeluarkan kuasa Hakimiyah Allah dalam segala urusan kehidupan mereka dari ikhtisas Allah S.W.T. dan menjalankan sendiri kuasa Hakimiyah itu sesuka hati mereka? Apakah sifat yang wajar diberikan kepada mereka? Apakah sifat yang sesuai untuk menyifatkan cara hidup mereka? Mereka tentulah wajar diberikan sifat yang lain dari sifat syirik, iaitu sifat kafir, zalim dan fasiq - sebagai-mana yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. sendiri - walaupun mereka mendakwa beragama Islam dan walaupun di dalam sijil-sijil beranak mereka dicatatkan sebagai orang Islam.

Marilah kita kembali semula kepada ayat ini, di mana kita dapati bahawa penerangan yang menjelaskan hak milik Allah yang menguasai segala isi langit dan bumi itu diiringi pula dengan pernyataan bahawa Allah S.W.T. telah menetapkan dasar rahmat:

كَتَبَ عَلَىٰ نَفۡسِهِ ٱلرَّحۡمَةَۚ

"Allah menetapkan (dasar) rahmat ke atas diri-Nya."(12)

Dasar Rahmat Allah Ke Atas Makhluk-Nya

Allah S.W.T. adalah Pemilik yang haqiqi dan tiada siapa pun yang boleh mencabar-Nya, tetapi walaupun begitu Dia telah bermurah hati menetapkan dasar rahmat ke atas diri-Nya. Dia menetapkan dasar ini dengan kehendak iradat-Nya bukan dipaksa oleh sesiapa, bukan di cadang oleh sesiapa dan bukan pula diwajibkan oleh sesiapa, malah ia ditetapkan oleh iradat-Nya yang bebas dan Rububiyah-Nya Yang Maha Pemurah. Itulah dasar rahmat yang menjadi dasar qadha' dan qadarnya terhadap seluruh makhluk-Nya di samping menjadi dasar mu'amalah dengan manusia di dunia dan Akhirat.

Rahmat Allah Di Sebalik Ujian-ujian-Nya

Di sini jelaslah bahawa kepercayaan kepada dasar ini termasuk dalam rukun-rukun kefahaman dan kepercayaan Islam. Dasar rahmat Allah terhadap para hamba-Nya itulah dasar pokok hingga di dalam ujian-ujian Allah terhadap mereka, di mana Allah kadang-kadang menduga mereka dengan kesusahan dan penderitaan dengan tujuan menyediakan sekumpulan dari mereka untuk memikul amanah Allah setelah mereka memperolehi sifat-sifat ketulusan, keikhlasan, dedikasi, ma'rifat, kesedaran dan kesiap-siagaan melalui dugaan itu. Ujian dan dugaan itu juga bertujuan untuk mengetahui unsur-unsur yang buruk dari unsur-unsur yang baik di dalam barisan Muslimin atau untuk mengetahui siapakah orang-orang yang patuh mengikut Rasulullah s.a.w. dan siapakah yang berpusing ke belakang dan seterusnya bertujuan supaya yang binasa itu binasa dengan penuh kesedaran dan yang hidup itu hidup dengan penuh kesedaran. Dan dasar rahmat Allah dalam semua keadaan ini adalah terang dan jelas.

Tetapi untuk menjamah tempat-tempat rahmat Allah dan manifestasi-manifestasinya adalah memerlukan umur-umur yang amat lanjut dan generasi-generasi yang silih berganti kerana para hamba diselubungi rahmat Allah pada setiap detik

yang dilalui mereka. Tujuan kami menyebut rahmat di sebalik ujian dengan kesusahan dan penderitaan itu kerana rahmat dalam bentuk inilah kadang-kadang membuat hati bergoncang dan mata berkunang-kunang.

Kami tidak akan cuba memperincikan tempat-tempat rahmat Allah atau manifestasi - walaupun kami akan menyebut sesuatu darinya secara ringkas selepas ini - tetapi kami akan cuba berhenti sejenak di hadapan nas Al-Qur'an yang amat menarik ini:

كَتَبَ عَلَىٰ نَفْسِهِ ٱلرَّحْمَةَ

"Allah telah menetapkan (dasar) rahmat ke atas diri-Nya."(12)

Ungkapan yang seperti ini telah diulang di dalam surah ini di tempat yang lain iaitu:

كَتَبَ عَلَىٰ نَفْسِهِ ٱلرَّحْمَةَ

"Tuhan kamu telah menetapkan (dasar) rahmat diri-Nya."(54)

Yang menarik perhatian di dalam nas ini ialah limpah kemurahan Allah yang telah kami sebutkannya sebelum ini, iaitu limpah kemurahan Allah Yang Maha Pencipta, Yang Maha Pemilik dan yang berkuasa mutlaq di atas para hamba-Nya, yang telah menjadikan dasar rahmat-Nya kepada para hamba-Nya dalam bentuk yang diwajibkan ke atas diri-Nya, iaitu dalam bentuk janji yang dijanjikan kepada para hamba-Nya dengan kehendak iradat-Nya yang mutlaq. Ini adalah satu hakikat yang amat besar yang membuat hati manusia gementar untuk meni'mati, merenungi dan mengecapi kesan ungkapan ini ketika ia berdiri untuk memikirnya dalam bentuk yang menarik ini.

Di Sebalik Perisytiharan Dasar Rahmat

Begitu juga yang menarik perhatian kita sekali lagi ialah limpah kemurahan Allah yang telah memaklumkan kepada para hamba-Nya dasar rahmat yang telah ditetapkan ke atas diri-Nya, kerana kesudian Allah menyampaikan hakikat ini kepada mereka merupakan satu lagi limpah kemurahan-Nya yang tidak dikurang dari limpah kemurahan yang pertama, kerana siapakah gerangan manusia ini hingga Allah mengambil berat memaklumkan kepada mereka dasar rahmat yang telah diputuskan oleh iradat-Nya di alam al-Mala'-ul-'Ala itu? Siapakah gerangan manusia ini hingga titah Ilahi ini disampaikan kepada mereka dengan dibawa oleh rasul-Nya? Siapakah mereka? Tindakan ini merupakan suatu limpah kurnia yang amat besar dari kurnia Allah Yang Maha Pemurah.

Memikirkan hakikat ini dengan cara yang sedemikian rupa membuat hati kita menjadi begitu takjub dan kagum di samping membuat kita dilimpahkan rasa kemesraan dan kesenangan hati yang tidak dapat digambarkan liku-liku dan sudut-sudutnya dengan kata-kata.

Hakikat-hakikat yang seperti ini dan segala perasaan yang ditimbulkan olehnya di dalam hati tidak dapat diserahkan kepada daya pengungkapan manusia untuk menggambarkan walaupun hati manusia mempunyai kesediaan untuk menghayati dan mengecapinya, tetapi ia tidak mempunyai kemampuan untuk menta'rifkannya.

Kewujudan hakikat ini di dalam kefahaman Islam membentuk satu aspek asasi dalam memahami hakikat Uluhiyah dan hubungan manusia dengan-Nya. Ia merupakan satu kefahaman yang indah, mesra dan halus yang membuat seseorang itu hairan terhadap golongan manusia yang malang yang mengecam Islam dalam aspek ini kerana ia tidak mengakui sesiapapun dari manusia sebagai anak Allah sebagaimana yang didakwakan oleh kefahaman dan kepercayaan gereja yang sesat. Apabila kefahaman Islam mengatasi kefahaman-kefahaman dan kepercayaan kebudak-kebudakan ini, maka dalam waktu yang sama kefahaman Islam yang menggambarkan hubungan kasih mesra di antara Allah dan manusia itu sampai ke tahap yang tidak dapat disifatkan oleh pengungkapan manusia, iaitu tahap yang membuat hati menghayati kemanisannya dan merasa begitu kagum dengan keindahan nada pengungkapannya.

Rahmat Allah melimpahi seluruh hamba-Nya dan merangkumi mereka semuanya. Dengan rahmat inilah tegaknya kewujudan dan kehidupan mereka. Rahmat Allah dapat di lihat dengan jelas dalam setiap detik dari detik-detik kewujudan atau detik-detik kehidupan seluruh makhluk. Di dalam kehidupan manusia khususnya kita tidak berupaya mengikuti rahmat Allah di segala tempat dan dalam segala manifestasinya, namun begitu kita dapat menyebut beberapa imbasannya di dalam beberapa bidangnya yang besar.

Menifestasi Rahmat Allah

Rahmat Allah dapat di lihat dengan jelas mula-mulanya di dalam kewujudan manusia itu sendiri, iaitu dalam kejadian mereka dari 'Adam yang tidak diketahui mereka dan dalam pemberian Allah yang telah mengurniakan kepada mereka kewujudan insaniyah yang mulia dengan segala sifat-sifat dan ciri-ciri yang menjadikan manusia lebih tinggi dari kebanyakan makhluk yang lain.

Rahmat Allah dapat di lihat dengan jelas pada segala sesuatu yang telah diciptakan Allah untuk keperluan manusia seperti kuasa-kuasa alam buana dan aneka tenaganya. Inilah rezeki di dalam pengertiannya yang luas dan syumul yang membuat manusia dapat hidup senang lenang pada setiap detik dari detik-detik kehidupannya.

Rahmat Allah dapat di lihat dengan jelas dalam pengurniaan Allah yang memberi ilmu pengetahuan kepada manusia, iaitu mula-mulanya Dia mengurniakan kepada mereka bakat atau kesediaan untuk menerima ilmu pengetahuan dan menetapkan kesesuaian di antara bakat-bakat kesediaan mereka

dengan saranan-saranan alam buana dan sumbangan-sumbangannya. Ilmu pengetahuan inilah yang membuat setengah-setengah manusia yang malang berlagak sombong dan angkuh terhadap Allah, sedangkan Allahlah yang mengajar ilmu pengetahuan itu kepada mereka dan ilmu pengetahuan inilah juga merupakan sebahagian dari rezeki Allah dengan pengertiannya yang luas dan syumul.

Rahmat Allah dapat di lihat dengan jelas dalam penjagaan dan ria'yah Allah terhadap manusia setelah dilantik menjadi Khalifah di bumi, dengan berturut-turut mengutus para rasul yang membawa hidayat kepada mereka setiap kali mereka terlupa dan tersesat, dan Allah melayani mereka dengan sabar setiap kali mereka terjerumus di dalam kesesatan dan enggan mendengar suara amaran dan peringatan, sedangkan Allah begitu mudah jika Dia hendak menghukumkan mereka, tetapi rahmat-Nya itulah yang menangguhkan hukuman itu dan kesabaran-Nya itulah yang memberi luang kepada mereka.

Rahmat Allah dapat di lihat dengan jelas pada kesediaan Allah S.W.T. untuk memaafkan kesalahan-kesalahan mereka apabila mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang keji kerana kejahilan kemudian mereka bertaubat, juga dapat di lihat pada dasar rahmat yang ditetapkan Allah ke atas dirinya dan dibuktikan oleh kesediaan-Nya mengampunkan orang yang telah melakukan dosa kemudian bertaubat.

Rahmat Allah dapat di lihat dengan jelas pada dasar pembalasan Allah yang membalas perbuatan yang jahat dengan balasan yang sama dan membalas perbuatan yang baik dengan balasan sepuluh kali ganda atau lebih banyak lagi kepada siapa yang dikehendaki oleh-Nya, juga dengan menghapuskan perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik. Semuanya ini adalah dan limpah kurnia kemurahan Allah. Oleh itu seseorang tidak berhak memasuki Syurga dengan jasa amalannya sahaja kecuali dengan limpah rahmat Allah walaupun Rasulullah s.a.w. sendiri sebagaimana telah diceritakan oleh beliau tentang kedudukan dirinya. Beliau cukup sedar terhadap kelemahan manusia dan terhadap limpah kemurahan Allah.

Manusia Tidak Mampu Mengira Rahmat Allah

Pengakuan lemah dan tidak berupaya dari kita untuk mengikuti segala manifestasi rahmat Allah dan mengumumkan ketidakmampuan kita untuk melakukannya adalah lebih wajar dan lebih baik. Jika tidak, kita tidak akan sampai ke mana-mana juga, kerana dalam satu sa'at sahaja Allah membuka berbagai-bagai pintu rahmat-Nya kepada hati manusia yang beriman, di mana ia dapat mengadakan hubungan dengan Allah, mengenali-Nya dan meni'mati ketenteraman berada di sisi Allah, meni'mati ketenangan dalam perlindungan Allah dan meni'mati keselesaan di bawah naungan-Nya. Satu sa'at sahaja dari sa'at-sa'at yang seperti ini akan melemahkan kemampuan manusia untuk meni'mati dan memahaminya dengan jelas apatah lagi untuk memeri dan mengungkapkannya dengan kata-kata.

Marilah kita lihat bagaimana Allah membandingkan rahmat-Nya dengan satu perbandingan untuk memudahkan hati manusia memahami sesuatu darinya.

Al-Bukhari dan Muslim telah mengeluarkan hadith yang berikut dengan isnadnya daripada Abu Hurayrah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

((لما قضى الله الخلق – وعنده مسلم : لمل خلق الله الخلق –كتب في كتاب فهو عنده فوق العرش : إن رحمتي سبقت غضبي)) وعنده البخاري في رواية أخرى ((إن رحمتي غلبت غضبي))

"Setelah Allah menetapkan qadha' dan qadarnya bagi sekalian makhluk-Nya - mengikut riwayat Muslim:" Setelah Allah menciptakan sekalian makhluk-Nya" - Maka Dia telah mencatatkan dalam buku (Luh-Mahfuz) yang tersimpan di sisi-Nya di atas 'Arasy: Sesungguhnya rahmat-Ku mendahului kemurkaan-Ku." Di dalam satu riwayat yang lain oleh al-Bukhari: "Sesungguhnya rahmat-Ku mengatasi kemurkaan-Ku."

Al-Bukhari dan Muslim telah mengeluarkan hadith berikut dengan isnadnya dari Abu Hurayrah r.a: Sabda Rasulullah s.a.w.:

جعل الله الرحمة مائة جزء. فأمسك عنده تسعة وتسعين جزءاً، وأنزل في الأرض جزءاً واحداً، فمن ذلك الجزء يتراحم الخلائق حتى ترفع الدابة حافرها عن ولدها خشية أن تصيبه

"Allah telah membahagikan rahmat-Nya seratus bahagian, lalu Dia simpan di sisi-Nya sembilan puluh sembilan bahagian dan menurunkan satu bahagian sahaja ke bumi, dan dari bahagian inilah para makhluk saling berkasihan belas terhadap satu sama lain sehingga binatang mengangkatkan tapak kakinya dari anaknya kerana takut terjejaknya."

Muslim pula telah mengeluarkan hadith berikut dengan isnadnya daripada Salman al-Farisi r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن الله مائة رحمة. فمنها رحمة يتراحم بها الخلق بينهم، و تسعة وتسعون ليوم القيامة

"Allah memiliki seratus rahmat dan dari rahmat-rahmat itu diperuntukkan satu rahmat dan dengan rahmat inilah para makhluk saling berkasihan belas terhadap satu sama lain, sedangkan sembilan puluh sembilan rahmat yang baki itu diperuntukkan bagi hari Kiamat."

Mengikut satu riwayat lagi oleh Muslim:

إن الله تعالى خلق يوم خلق السموات والأرض مائة رحمة، كل رحمة طباق ما بين السموات والأرض، فجعل منها في الأرض رحمة واحدة، فبها تعطف الوالدة على ولدها، والوحش والطير بعضها على بعض. فإذا كان يوم القيامة أكملها الله تعالى بهذه الرحمة

"Sesungguhnya Allah Ta'ala telah menciptakan seratus rahmat pada hari Dia ciptakan langit dan bumi. Setiap rahmat menyamai ruang di antara langit dan bumi, kemudian dari rahmat-rahmat itu Allah peruntukkan di bumi satu rahmat dan dengan rahmat inilah si ibu menyayangi anaknya dan binatang buas serta burung-burung saling berkasihan di antara satu sama lain. Dan apabila tiba hari Kiamat Allah akan sempurnakan rahmat itu dengan rahmat-rahmat (yang tersimpan) ini."

Perbandingan Rasulullah yang menarik ini memudahkan daya pemikiran manusia untuk memahami rahmat Allah Ta'ala kerana mereka sendiri dapat melihat rahmat kasih sayang ibu-ibu terhadap anak-anaknya di dalam kehidupan haiwan dengan perasaan penuh ni'mat dan kagum. Mereka dapat melihat rahmat kasih sayang dan kasihan belas hati manusia terhadap kanak-kanak, orang tua, orang lemah, orang sakit, kaum kerabat, orang-orang kesayangan dan sahabat-sahabat handai. Mereka dapat melihat kasih sayang yang ditunjukkan oleh burung-burung dan binatang-binatang buas terhadap satu sama lain, yang mana setengah-setengahnya amat menarik dan mengkagumkan. Kemudian mereka akan menyedari bahawa semua gejala-gejala kasih sayang dan kasihan belas itu hanya tumpahan dari satu bahagian dari rahmat-rahmat Allah S.W.T. Inilah di antara perbandingan yang memudahkan akal manusia untuk memahami rahmat Allah yang amat besar itu.

Rasulullah s.a.w. tidak berhenti-henti mengajar dan mengingatkan para sahabatnya terhadap rahmat Allah yang amat besar ini.

Daripada Umar ibn al-Khattab r.a. katanya: Sekumpulan tawanan perang telah dibawa kepada Rasulullah s.a.w. Tiba-tiba seorang perempuan dari tawanan itu berjalan tergesa-gesa sambil memerahkan teteknya kerana ia dapati ada seorang kanak-kanak dalam kumpulan tawanan itu. Lalu dia mengambil kanak-kanak itu dan terus didakapkan ke perutnya untuk menyusuinya lalu Rasulullah s.a.w. bertanya (para sahabatnya), "Apakah kamu fikir perempuan ini sanggup mencampakkan anaknya ke dalam api?" jawab kami: "Demi Allah tidak, dia tidak akan sanggup mencampakkannya." Kemudian sampuk beliau:

فالله تعالى أرحم بعباده من هذه بولدها

"Allah S.W.T. lebih kasihan belas kepada para hamba-Nya dari kasihan belas perempuan ini kepada anaknya itu"

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Mengapa tidak, kerana kasihan belas perempuan ini terhadap anaknya adalah dari tumpahan satu rahmat Allah di antara rahmat-rahmat-Nya yang maha luas.

Cara Rasulullah s.a.w. mengajar hakikat Al-Qur'an dengan gaya yang menarik ini adalah mengertikan bahawa beliau memindahkan mereka selangkah demi selangkah agar mereka mencontohi sifat rahmat kasihan belas Allah supaya mereka saling berkasih sayang di antara sesama mereka dan menunjukkan rahmat kasihan belas kepada seluruh makhluk yang hidup dan supaya hati mereka mengecapi rahmat kasih sayang itu apabila mereka berinteraksi dengan makhluk-makhluk itu sebagaimana mereka mengecapi rahmat kasihan belas Allah terhadap diri mereka sebelum ini.

Dari ibn 'Amru ibn al-As r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

الراحمون يرحمهم الله تعالى . أرحموا من في الأرض يرحمكم من في السماء

"Orang-orang yang menunjukkan rahmat kasihan belas kepada mereka yang ada di bumi akan dirahmati oleh Allah S.W.T. Tunjukkanlah rahmat kasihan belas kamu kepada mereka yang ada di bumi nescaya dia akan dirahmati Allah yang berkuasa di langit."

(Dikeluarkan oleh Abu Daud dan at-Tirmizi)

Daripada Jarir r.a. katanya sabda Rasulullah s.a.w.:

لا يُرحم الله من لا يُرحم الناس

"Allah tidak merahmati mereka yang tidak menunjukkan rahmat kasihan belas kepada manusia."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan at-Tirmizi)

Mengikut riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi daripada Abu Hurayrah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا تنزع الرحمة إلا من شقي

"Perasaan rahmat kasihan belas itu tidak dicabut melainkan dari hati orang yang jahat."

Daripada Abu Hurayrah r.a. juga katanya: Rasulullah s.a.w. telah mengucup (cucunya) al-Hasan ibn Ali r.a., dan al-'Aqra' ibn Habis berada dekat dengan beliau. Lalu al-'Aqra' berkata: "Saya mempunyai sepuluh orang anak, tetapi saya tidak pernah kucup seorang pun dari mereka". Lalu Rasulullah s.a.w. memandang kepadanya dan bersabda:

من لا يُرحم لايرحم

"Sesiapa yang tidak menunjukkan rahmat. Kasihan belas tidak akan diberikan rahmat."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Dalam pengajaran Rasulullah s.a.w. kepada para sahabatnya beliau tidak hanya sekadar mengajar mereka supaya menunjukkan kasih sayang dan belas kasihan mereka kepada manusia sahaja, kerana beliau tahu bahawa rahmat Allah itu meliputi segala sesuatu dan bahawa kaum Mu'minin diseru supaya mencontohi sifat-sifat Allah dan bahawa seseorang itu tidak mencapai insaniyahnya yang sempurna melainkan apabila ia menunjukkan rahmat kasih sayang dan belas kasihan kepada setiap makhluk yang hidup, sebagai mencontohi sifat Allah terhadap makhluk-Nya, dan beliau menyampaikan pengajarannya dengan cara biasa yang amat menarik.

Kasihan Belas Kepada Haiwan

Daripada Abu Hurayrah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.: "Ada seorang lelaki sedang berjalan di satu jalan dan dia merasa amat dahaga kemudian dia menemui sebuah perigi lalu dia turun ke dalamnya dan minum. Apabila dia keluar tiba-tiba dia dapati seekor anjing tejelir-jelir dan makan tanah kerana terlalu dahaga lalu lelaki itu berkata (di dalam hatinya): Anjing itu tentulah terlalu dahaga seperti aku juga lalu dia pun turun semula ke dalam perigi dan mengisi air di dalam kasutnya kemudian dia memegang kasut itu dengan mulutnya sehingga ia naik dan memberi minum kepada anjing itu, lalu Allah memberi terima kasih dan keampunan kepadanya". Lalu mereka (para sababat) bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah kita mendapat pahala kerana berbuat baik kepada binatang?" Jawab beliau:

في كل كبد رطبة أجر

"(Membuat baik) kepada setiap makhluk yang mempunyai hati yang basah (hidup) itu mendapat pahala."

Dalam satu riwayat yang lain: Ada seorang perempuan pelacur melihat seekor anjing di suatu hari yang panas terik sedang mengelilingi sebuah perigi. Lidahnya terjelir-jelir kerana terlalu dahaga. Perempuan itu terus menanggalkan kasutnya (dan mengisi air untuk anjing itu) lalu Allah memberi keampunan kepadanya.

Daripada Abdul Rahman ibn Abdullah daripada bapanya r.a. katanya: Kami bersama Rasulullah s.a.w. dalam satu permusafiran tiba-tiba kami melihat seekor burung dengan dua ekor anaknya lalu kami mengambil kedua anaknya kemudian ibunya datang mengembang-gembangkan kedua sayapnya dan apabila Rasulullah s.a.w. datang beliau pun bertanya: "Siapakah yang menyebabkan burung itu cemas kerana kehilangan anaknya? Kembalikan anaknya!" Dan (pada suatu masa) beliau melihat satu perkampungan semut yang telah dibakar oleh kami lalu beliau bertanya siapakah yang membakar sarang semut ini? Jawab kami: Kamilah! Beliau pun bersabda:

انه لا ينبغي أن يعذب بالنار إلا رب النار

"Tidak sayugia mengazabkan dengan api melainkan Allah yang menciptakan api."

(Dikeluarkan oleh Abu Daud)

Daripada Abu Huraiyah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.: Ada seekor semut menggigit salah seorang nabi lalu dia menyuruh (sahabat-sahabatnya) membakar perkampungan semut itu lantas Allah mewahyukan kepadanya:

أن قرصتك نملة أحرقت أمة من الأمم تسبيح؟

"Kerana seekor semut menggigit engkau, maka apakah wajar engkau membakar satu umat dari umat-umat yang bertasbih kepada Allah."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim)

Demikianlah Rasulullah s.a.w. mengajar bimbingan Al-Qur'an kepada para sahabatnya supaya mereka mengecapi rahmat Allah semasa mereka menunjukkan kasihan belas (kepada orang lain), kerana bukankah mereka saling berkasihan belas terhadap satu sama lain dengan sebahagian rahmat (yang dikurniakan kepada mereka) dari rahmat-rahmat Allah yang amat banyak?

Kemantapan hakikat rahmat ini di dalam kefahaman dan pemikiran seseorang Muslim akan mewujudkan di dalam perasaannya, kehidupannya dan perilakunya berbagai-bagai kesan yang mendalam yang sukar diperincikan, dan cukuplah diterangkan secara ringkas sahaja supaya kita tidak terkeluar dari ruang lingkup bayangan-bayangan Al-Qur'an kepada satu pembicaraan yang lain.

Keyakinan Kepada Rahmat Allah

Kesedaran yang sedemikian rupa terhadap hakikat rahmat ini akan mencurahkan ke dalam hati seseorang Mu'min perasaan keyakinan dan ketenteraman terhadap Allah - walaupun ketika ia sedang melalui sa'at-sa'at ujian dengan kesusahan dan penderitaan yang membingungkan hati dan penglihatannya - iaitu ia yakin bahawa rahmat Allah tetap wujud di sebalik setiap pandangan, setiap keadaan dan setiap kedudukan, dan bahawa Allah tidak mendedahkannya kepada ujian dengan kesusahan disebabkan Dia telah mengabaikannya atau disebabkan Dia telah mengusirnya dari rahmat-Nya, kerana Allah tidak pernah mengusir dari rahmat-Nya seseorang yang mengharapkan rahmat-Nya, malah manusia sendiri yang mengusir diri mereka dari rahmat Allah apabila mereka ingkarkan Allah, menolak rahmat-Nya dan menjauhi diri dari Allah.

Keyakinan kepada rahmat Allah akan memenuhkan hati seseorang dengan semangat yang gigih dan sabar, dengan harapan dan cita-cita, dengan ketenangan dan keselesaan. Dia tetap berada di bawah naungan Allah yang penuh mesra dan berteduh di bawah bayangan-Nya selama ia tidak dijauhkan dari-Nya di dalam pengelamunannya.

Kesedaran yang sedemikian rupa terhadap hakikat ini akan merangsangkan di dalam hati seseorang Mu'min perasaan malu kepada Allah, kerana keinginan mendapat keampunan dan rahmat Allah tidak memberanikan seseorang untuk melakukan maksiat sebagaimana disangkakan oleh setengah-setengah orang, malah ia merangsangkan perasaan malu terhadap Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih. Hati yang berani mengerjakan maksiat kerana mengharapkan rahmat Allah adalah hati yang belum mengecapi kemanisan keimanan yang sebenar. Oleh sebab itulah saya tidak dapat memahami dan tidak dapat menerima apa yang dikatakan oleh setengah-setengah ahli tasauf bahawa mereka melakukan dosa untuk mengecapi kemanisan

kesabaran, keampunan dan rahmat Allah. Ini bukannya logik fitrah yang sihat dalam membalas rahmat Allah.

Begitu juga kesedaran yang sedemikian rupa terhadap hakikat ini akan memberi kesan yang amat kuat kepada akhlak seseorang Mu'min, kerana dia tahu bahawa dia disuruh mencontohi sifat-sifat Allah S.W.T., juga kerana dia melihat dirinya sentiasa diselubungi rahmat Allah walaupun dia seorang yang cuai, berdosa dan bersalah. Semuanya itu mengajar dirinya bagaimana wajar baginya menunjukkan rahmat kasihan belas, bagaimana wajarnya baginya memberi kemaafan dan keampunan kepada orang lain sebagaimana kita telah lihat cara Rasulullah s.a.w. mengajar sahabat-sahabatnya, iaitu pengajaran yang diambil oleh beliau dari hakikat rahmat yang besar ini.

Di antara tempat-tempat rahmat yang dijelaskan oleh ayat-ayat yang mulia di bawah ini ialah Allah telah menetapkan bahawa mereka akan dikumpulkan pada hari Kiamat.:

قُل لِّمَن مَّا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ قُل لِّلَّهِۚ كَتَبَ عَلَىٰ نَفۡسِهِ ٱلرَّحۡمَةَۚ لَيَجۡمَعَنَّكُمۡ إِلَىٰ يَوۡمِ ٱلۡقِيَٰمَةِ لَا رَيۡبَ فِيهِۚ

"Katakanlah: Siapakah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi? Katakanlah: Allahlah yang memilikinya. Allah telah menetapkan (dasar) rahmat ke atas diri-Nya. Demi sesungguhnya Allah akan mengum-pulkan seluruh kamu pada hari Kiamat yang tiada sebarang keraguan terhadap kepastiannya.(12)"

Rahmat Allah Pada Hari Kiamat

Yakni di antara rahmat yang telah ditetapkan Allah ialah perhimpunan seluruh manusia pada hari Kiamat yang tiada sebarang keraguan terhadap kepastiannya. Perhimpunan itu membayangkan betapa beratnya 'inayah dan perhatian Allah terhadap para hamba-Nya manusia. Allah telah menciptakan manusia kerana sesuatu tujuan dan Allah telah melantikkan mereka selaku khalifah-khalifah di bumi ini kerana sesuatu tujuan. Allah tidak menciptakan mereka dengan sia-sia dan tidak pula akan membiarkan mereka sia-sia, malah Allah akan mengumpulkan mereka kembali pada hari Kiamat dan hari itu merupakan titik penghabisan perjalanan manusia. Pada hari itu mereka sekalian akan pulang kepada Allah laksana musafir pulang ke kampung halamannya, pada hari inilah Allah akan memberi ganjaran penat lelah mereka dan mengurniakan pahala amalan mereka yang telah dilakukan di dunia. Allah tidak mensia-siakan penat lelah mereka dan pahala untuk mereka, malah mereka diberi balasan yang sempurna pada hari Kiamat itu. Di dalam 'inayah Allah yang sedemikian itu dapat di lihat rahmat Ilahi dalam salah satu dari gejala-gejalanya di samping dapat di lihat limpah kemurahan-Nya yang membalas kejahatan dengan satu balasan sahaja dan membalas kebaikan dengan sepuluh kali ganda malah lebih banyak lagi kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya di samping memberi keampunan kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Semuanya itu merupakan gejala-gejala rahmat Allah yang dapat di lihat pada hari perhimpunan itu.

Dahulu orang-orang Arab yang berada di dalam jahiliyah - sebelum Allah mengurniakan agama ini kepada mereka dan mengangkatkan mereka ke taraf yang mulia - telah mendustakan hari Kiamat sama seperti penganut-penganut jahiliyah "ilmiyah" yang moden! Oleh sebab itulah ungkapan ayat yang berikut ditekankan dengan berbagai-bagai kata penguat untuk menghadapi pembohongan itu:

لَيَجۡمَعَنَّكُمۡ إِلَىٰ يَوۡمِ ٱلۡقِيَٰمَةِ لَا رَيۡبَ فِيهِۚ

"Demi sesungguhnya Allah akan mengumpulkan seluruh kamu pada hari Kiamat yang tiada sebarang keraguan terhadap kepastiannya."(12)

Pada hari itu tiada siapa yang akan mendapat kerugian kecuali orang-orang yang tidak beriman semasa hidup mereka di dunia. Mereka tidak akan rugi sesuatu dan tidak akan mendapat sesuatu, malah mereka rugi segala-galanya, iaitu mereka kerugian seluruh diri mereka dan justeru itu mereka tidak mampu untuk mendapatkan sesuatu, kerana bukankah seseorang itu berusaha mendapatkan sesuatu untuk dirinya? Oleh itu apabila dia kerugian diri sendiri, maka apakah lagi yang akan didapati olehnya? Dan untuk siapakah dia berusaha untuk mendapatkan sesuatu?

Orang-orang Yang Tidak Beriman Ialah Orang-orang Yang Kehilangan Diri

ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ فَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿١٢﴾

"Orang-orang yang telah kerugian diri sendiri, maka itulah orang-orang yang tidak beriman."(12)

Mereka telah kerugian dan kehilangan diri sendiri, maka kerana itu mereka tidak lagi mempunyai diri yang beriman. Ini adalah satu pengungkapan yang amat halus untuk menggambarkan satu keadaan yang berlaku, iaitu orang-orang yang tidak beriman kepada agama ini -walaupun seruannya begitu mendalam dan begitu menarik menyarankan kepada fitrah manusia dengan berbagai-bagai perangsang dan dalil-dalil keimanan maka orang-orang ini pastilah sebelum ini telah kehilangan fitrah mereka, pastilah alat-alat penerima dan penyambut yang semulajadi di dalam jiwa mereka telah rosak dan tidak berfungsi atau telah terhijab dan tertutup. Dan dalam keadaan yang seperti ini mereka telah kerugian diri sendiri dengan sebab kehilangan alat-alat penerima dan penyambut semulajadi yang berfungsi di dalam jiwa mereka. Oleh sebab itulah mereka tidak beriman, kerana mereka tidak lagi memiliki diri mereka yang membolehkan mereka beriman. Inilah pentafsiran yang mendalam terhadap sebab-sebab mereka tidak beriman walaupun di sekeliling mereka terdapat bukti-bukti dan perangsang-perangsang yang cukup

yang memberi inspirasi keimanan. Inilah hakikat yang menentukan nasib kesudahan mereka pada hari Kiamat itu, iaitu mereka akan mendapat kerugian yang amat besar akibat mereka telah kehilangan diri sendiri sebelum ini.

Kemudian ayat yang berikut menyebut seluruh makhluk yang ada di dalam ruang zaman sebagaimana ayat yang lepas menyebut seluruh makhluk yang wujud di dalam ruang tempat (di langit dan bumi) untuk menjelaskan hakikat bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang memiliki seluruh makhluk itu serta mengetahui dan mendengar segala hal ehwal mereka:

وَلَهُۥ مَا سَكَنَ فِي ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ١٣

"Dan Dia memiliki segala apa yang mendiami pada hari malam dan hari siang dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(13)

Pentafsiran yang paling dekat bagi ungkapan "ماسكن" ialah "segala yang mendiami" yang diambil dari umbi kata "السكنى" (kediaman) sebagaimana disebut oleh az-Zamakhsyari dalam tafsirannya "al-Kasysyaf", dengan pentafsiran ini ungkapan itu bererti "segala apa yang mendiami hari malam dan hari siang" yakni "seluruh makhluk". Ayat ini menjelaskan bahawa seluruh makhluk itu hanya dimiliki oleh Allah S.W.T. sahaja sebagaimana sebelum ini Al-Qur'an telah menjelaskan bahawa hak milik seluruh makhluk itu adalah kepunyaan Allah S.W.T. sahaja di dalam ayat yang pertama:

قُل لِّمَن مَّا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ قُل لِّلَّهِۚ

"Katakanlah: Siapakah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan di bumi? Katakanlah: Allahlah yang memilikinya."(12)

Al-Qur'an menyebut seluruh makhluk dari segi tempat. Sementara dalam ayat yang kedua pula:

وَلَهُۥ مَا سَكَنَ فِي ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ١٣

"Dan Dia memiliki segala apa yang mendiami pada hari malam dan hari siang dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(13)

Al-Qur'an menyebut seluruh makhluk dari segi zaman. Ungkapan yang seumpama ini memang lumrah di dalam Al-Qur'an apabila ia hendak menyebut sesuatu secara menyeluruh dan merangkumi segala-galanya. Inilah pentafsiran yang menyenangkan hati kami di antara pentafsiran-pentafsiran yang lain.

Kata kesimpulan ayat ini yang menyebut dua sifat Allah Yang Maha Mendengar dan Yang Maha Mengetahui menyarankan bahawa Allah mengetahui seluruh makhluk itu dan mengetahui segala apa yang di katakan tentang makhluk-makhluk itu yang diutarakan oleh kaum Musyrikin yang ditujukan ayat ini kepada mereka. Walaupun mereka mengakui Wahdaniyah Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Pemilik, namun mereka memperuntukkan kepada tuhan-tuhan palsu mereka sebahagian dari buah-buahan, binatang-binatang ternakan dan anak-anak mereka sebagaimana akan diterangkan nanti pada penghabisan surah ini. Oleh sebab itu Al-Qur'an mendorong mereka di sini mengakui bahawa Allah memiliki segala sesuatu untuk menghadapi mereka dengan hujjah ini terhadap perbuatan mereka yang memperuntukkan sebahagian (buah-buahan, ternakan dan anak-anak) kepada sekutu-sekutu Allah tanpa kebenaran dan keizinan Allah, di samping merintis jalan dengan menjelaskan hak pemilikan Allah Yang Tunggal untuk diselaraskan dengan keterangan ayat-ayat yang berikut yang menerangkan bahawa kuasa wilayah atau kuasa memberi perlindungan dan naungan adalah di tangan Allah Yang Maha Esa sahaja kerana Dialah Pemilik Yang Tunggal yang memiliki segala sesuatu di setiap tempat dan di setiap zaman, di mana pendengaran dan ilmu-Nya adalah meliputi segala sesuatu termasuk segala dakwaan manusia terhadap segala sesuatu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 18)

Kini setelah jelas bahawa hanya Allah sahaja yang mencipta dan memiliki, maka datang pula ayat yang berikut mengumumkan kecaman yang amat keras terhadap perbuatan meminta pertolongan kepada yang lain dari Allah, perbuatan menyatakan 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah dan perbuatan mencari naungan dan perlindungan kepada yang lain dari Allah. Perbuatan-perbuatan ini amat jelas bertentangan dengan hakikat konsep keislaman atau penyerahan diri kepada Allah, malah itulah perbuatan syirik yang tidak mempunyai titik pertemuan dengan Islam. Ayat yang berikut juga menyebut sifat-sifat Allah selaku Pencipta langit dan bumi, selaku Tuhan Pemberi rezeki yang mengadakan makanan, selaku Tuhan yang berkuasa mendatangkan kemudharatan dan kemanfa'atan dan selaku Tuhan Yang Maha Berkuasa dan Perkasa, di samping menyebut 'azab yang ngeri. Seluruh situasi di sini diselubungi bayang-bayang keagungan dan kehebatan dan diungkapkan dengan nada yang keras dan mendalam:

قُلۡ أَغَيۡرَ ٱللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيّٗا فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَهُوَ يُطۡعِمُ وَلَا يُطۡعَمُۗ قُلۡ إِنِّيٓ أُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ أَوَّلَ مَنۡ أَسۡلَمَۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١٤

قُلۡ إِنِّيٓ أَخَافُ إِنۡ عَصَيۡتُ رَبِّي عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ١٥

مَّن يُصْرَفْ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُ ۚ وَذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْمُبِينُ ﴿١٦﴾

وَإِن يَمْسَسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ ۖ وَإِن يَمْسَسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾

وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ ۚ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ ﴿١٨﴾

"Katakanlah: Apakah wajar bagiku mengambil pelindung yang lain dari Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedangkan Dialah (Tuhan) yang memberi makan dan tidak (berkehendak) diberi makan. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah supaya aku menjadi orang yang pertama sekali menyerahkan diri kepada Allah, dan janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan Musyrikin (14). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut kepada 'azab hari (Kiamat) yang amat besar jika aku derhaka kepada Tuhanku (15). Sesiapa yang dijauhkan dari 'azab pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah mengurniakan rahmat kepadanya dan itulah kejayaan yang amat jelas (16). Jika Allah menimpakan sesuatu bencana ke atas engkau, maka tiada siapa yang dapat menghapuskannya kecuali Dia, dan jika Allah mengurniakan sesuatu kebajikan kepada engkau, maka dia adalah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (17). Dan Dialah penguasa di atas para hamba-Nya dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu-Nya."(18)

Tiada Pelindung Dan Penaung Melainkan Allah

Persoalan di sini ialah persoalan mengambil Allah selaku Pelindung dan Penaung yang tunggal dengan segala erti kata "pelindung" (wali), iaitu meletakkan Allah sebagai satu-satunya Tuhan, satu-satunya pelindung dan satu-satunya ma'bud yang dita'ati oleh seseorang manusia dengan penuh rasa 'Ubudiyah yang dibuktikan dengan kepatuhan kepada kuasa Hakimiyah-Nya sahaja dan dengan penumpuan keta'atan dan syi'ar-syi'ar ibadat kepada Allah Yang Tunggal sahaja, juga dibuktikan dengan perbuatan menjadikan Allah sebagai satu-satunya Penolong yang dipinta pertolongan dan satu-satunya Penolong yang menjadi tempat pergantungan, rayuan dan permohonan di sa'at-sa'at dilanda kesusahan dan penderitaan. Persoalan ini adalah persoalan jantung 'aqidah iaitu sama ada menumpukan keta'atan dan kepatuhan dengan segala erti katanya kepada Allah YangMaha Esa sahaja, maka inilah sifat keislaman atau penyerahan diri kepada Allah atau mempersekutukan sembahan-sembahan yang lain dengan Allah dalam mana-mana bidang tersebut, maka inilah perbuatan syirik yang tidak ada tempat pertemuan di antaranya dengan Islam di dalam sebuah hati yang sama.

Di dalam ayat yang berikut dijelaskan hakikat ini dengan ungkapan yang paling kuat dan dengan nada yang paling mendalam:

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ ۗ قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ ۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٤﴾

"Katakanlah: Apakah wajar bagiku mengambil pelindung yang lain dari Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedangkan Dialah (Tuhan) yang memberi makan dan tidak (berkehendak) diberi makan. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah supaya aku menjadi orang yang pertama sekali menyerahkan diri kepada Allah dan janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan Musyrikin."(14)

Itulah logik fitrah yang kuat dan mendalam. Siapakah yang memiliki kuasa memberi perlindungan? Siapakah lagi jika tidak Allah yang mencipta langit dan bumi? Siapakah lagi jika tidak Allah yang memberi rezeki kepada penghuni-penghuni langit dan bumi, iaitu Tuhan yang memberi makan kepada makhluk bukannya Tuhan yang meminta makanan?

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا

"Katakanlah: Apakah wajar bagiku mengambil pelindung yang lain dari Allah?"(14)

sedangkan inilah sifat-sifat-Nya, Apakah logik yang membenar kan seseorang mengambil yang lain dari Allah sebagai pelindung? Jika seseorang itu mengambil pelindung yang lain dari Allah dengan tujuan supaya ia dapat membantu dan menolongnya, maka Allah adalah Pencipta langit dan bumi serta memiliki segala kekuasaan di langit dan di bumi. Dan jika seseorang itu mengambil pelindung yang lain dari Allah dengan tujuan untuk mendapat rezeki dan makanan, maka Allah adalah satu-satunya Pemberi rezeki dan makanan kepada penghuni langit dan bumi. Oleh itu apakah ertinya mengambil yang lain dari Allah yang tidak mempunyai kuasa dan tidak memberi rezeki itu sebagai pelindung? Kemudian:

Kaum Musyrikin Meminta Rasulullah Berkompromi

قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ ۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٤﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah supaya aku menjadi orang yang pertama kali menyerahkan diri kepada Allah dan janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan Musyrikin."(14)

Pengertian Islam dan tidak syirik itu ialah tidak mengambil yang lain dari Allah sebagai pelindung, kerana perbuatan mengambil yang lain dari Allah sebagai pelindung - dalam apa sahaja pengertiannya - adalah satu perbuatan syirik dan perbuatan syirik itu tidak akan menjadi Islam.

Ini adalah satu persoalan yang amat jelas dan tegas. Satu persoalan yang tidak menerima sebarang pendirian yang lembut dan goyah.... (pilihan hanya satu) sama ada menumpukan tawajjuh, penerimaan

perintah, keta'atan, kepatuhan, ibadat dan permohonan pertolongan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, sama ada mengakui kuasa Hakimiyah Allah sahaja di dalam segala urusan dan menolak segala kuasa Hakimiyah yang lain dari Allah, sama ada menumpukan kesetiaan hati dan amalan kepada peraturan dan syari'at Allah tanpa sebarang sekutu, yang mana jika semuanya ini dilakukan, maka itulah sifat-sifat Islam, atau sama ada mempersekutukan Allah dengan seseorang yang lain dari para hamba-Nya di dalam mana-mana bidang tersebut, maka itulah perbuatan syirik yang tidak mungkin bertemu dengan Islam dalam sebuah hati.

Rasulullah s.a.w. telah diperintah supaya mengumumkan bantahan ini kepada kaum Musyrikin yang memujuk beliau bertolak ansur dan berkompromi agar beliau bersetuju memberi tempat kepada tuhan-tuhan mereka di dalam agama Islam sebagai syarat untuk mereka memeluk agama ini, juga agar beliau bersetuju mengekalkan setengah-setengah ciri Uluhiyah yang diamalkan mereka demi mempertahankan kedudukan, kebenaran dan kepentingan-kepentingan mereka terutama tradisi mengharam dan menghalalkan sesuatu sebagai syarat untuk mereka berhenti menentang beliau dan untuk mereka melantikkan beliau sebagai ketua mereka juga untuk mereka mengumpulkan harta kekayaan mereka untuk beliau dan seterusnya untuk mereka kahwinkan beliau dengan anak perempuan mereka yang paling cantik!

Kaum Musyrikin menahan sebelah tangan mereka yang menindas, memerangi dan menyeksakan (orang-orang yang beriman) dan menghulurkan sebelah tangan yang lain yang memujuk, mengajak berdamai dan bertolak ansur.

Untuk menghadapi percubaan serampang dua mata ini, Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya melontarkan bantahan yang sekeras ini dan memberi keputusan yang setegas dan sejelas ini kepada mereka, iaitu satu penjelasan yang tidak memberi ruang kepada sikap berlembut dan bertolak ansur.

Begitu juga beliau diperintah supaya melontarkan perasaan takut dan gerun di dalam hati kaum Musyrikin ketika beliau mengumumkan kefahamannya terhadap keseriusan perintah dan taklif Allah dan sikap beliau mendedahkan perasaan takut beliau terhadap 'azab Allah jika beliau melanggar perintah-Nya yang menyuruh beliau supaya membetulkan penyerahan diri (keislaman) kepada Allah dan menegakkan tauhid:

قُلْ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾ مَّن يُصْرَفْ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُۥ ۚ وَذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٦﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku takut kepada 'azab hari (Kiamat) yang amat besar jika aku derhaka kepada Tuhanku (15). Sesiapa yang dijauhkan dari 'azab pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah mengurniakan rahmat kepadanya dan itulah kejayaan yang amat jelas."(16)

Inilah gambaran hakikat perasaan-perasaan Rasulullah s.a.w. terhadap perintah Allah dan itulah pernyataan ketakutan beliau kepada 'azab Allah yang mana pada hemat beliau seseorang itu telah mencapai rahmat Allah dan kejayaan yang amat besar andainya ia terhindar dari 'azab itu. Pernyataan ini dalam waktu yang sama juga merupakan suatu serangan yang menakutkan hati kaum Musyrikin di zaman itu, juga menakutkan hati mereka yang mempersekutukan Allah di setiap zaman. Ia merupakan suatu serangan yang ngeri yang menggambarkan betapa besarnya 'azab Allah pada hari Kiamat yang dahsyat itu, iaitu 'azab Neraka Jahannam yang mencari mangsa untuk diterkaminya, 'azab yang tidak dapat dihindar melainkan dengan qudrat Allah. Inilah satu-satunya qudrat yang dapat mematahkan api Neraka Jahannam dan menyelamatkan seseorang darinya. Gambaran 'azab ini membuat nafas pembaca tertahan-tahan menunggu adegan yang akhir ketika melihat pemandangan ini.[8]

Kemudian mengapa pula beliau mahu mengambil yang lain dari Allah sebagai pelindung, sedangkan perbuatan itu mendedahkan dirinya kepada syirik yang dilarang oleh Allah, juga mendedahkan dirinya kepada perbuatan yang bertentangan dengan konsep keislaman atau penyerahan diri yang bulat kepada Allah yang diperintah oleh Allah dan seterusnya mendedahkan dirinya kepada 'azab Neraka yang amat dahsyat dan ngeri akibat kederhakaan itu? Apakah beliau mahu berbuat begitu kerana tujuan untuk mengharapkan sesuatu keuntungan atau untuk menolakkan sesuatu bencana di dalam kehidupan dunia ini? Atau kerana tujuan untuk mengharapkan pertolongan manusia di masa kesusahan atau mengharapkan sesuatu faedah dari mereka di masa kesenangan? Sedangkan semuanya ini terletak di tangan Allah yang mempunyai kuasa yang mutlaq di alam sebab-sebab dan musabab, juga mempunyai kuasa yang mutlaq ke atas para hamba-Nya di samping mempunyai kebijaksanaan dan ilmu yang amat mendalam dalam menentukan penahanan dan pemberian sesuatu kepada mereka:

وَإِن يَمْسَسْكَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَ ۖ وَإِن يَمْسَسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾ وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٨﴾

---

[8] *Lihat bab:* "طريقة القرآن" *dalam buku* "التصوير الفني في القرآن".

"Jika Allah menimpakan sesuatu bencana ke atas engkau, maka tiada siapa yang dapat menghapuskannya kecuali Dia, dan jika Allah mengurniakan sesuatu kebajikan kepada engkau, maka Dia adalah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (17). Dan Dialah Penguasa di atas para hamba-Nya dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu-Nya."(18)

Ayat ini menyusuri jejak perasaan-perasaan kebimbangan dan keraguan yang berkecamuk di dalam hati manusia, iaitu menyusuri jejak keinginan-keinginan dan ketakutan-ketakutan yang tersembunyi dan menyusuri jejak prasangka-prasangka dan kekeliruan-kekeliruan serta menerangi semuanya dengan nur 'aqidah yang terang, dengan keimanan yang jelas, dengan kefahaman yang nyata dan dengan ma'rifat yang benar terhadap hakikat Uluhiyah, kerana persoalan ini adalah suatu persoalan yang amat penting yang dibicarakan oleh Al-Qur'an di sini dan di dalam keseluruhan Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 19)

Pada akhir kemuncak arus pasang di dalam gelombang ini tibalah nada yang kuat dan mendalam dalam situasi memberi penyaksian dan amaran, juga dalam situasi mengumumkan perpisahan dan pelepasan diri dari penyertaan di dalam perbuatan syirik dan semuanya ini dikemukakan dengan nada yang tinggi dan dengan ketegasan yang menakutkan:

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَٰدَةً قُلِ ٱللَّهُ شَهِيدٌۢ بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ وَأُوحِىَ إِلَىَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ لِأُنذِرَكُم بِهِۦ وَمَنۢ بَلَغَ أَئِنَّكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ ٱللَّهِ ءَالِهَةً أُخْرَىٰ قُل لَّآ أَشْهَدُ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ وَإِنَّنِى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

"Katakanlah: Kesaksian siapakah yang lebih besar? Katakanlah (kesaksian) Allah. Dialah yang menjadi saksi di antara aku dan kamu, dan Al-Qur'an ini telah diwahyukan kepada aku supaya aku memberi peringatan kepada kamu dan kepada orang yang sampai Al-Qur'an ini kepadanya. Apakah kamu benar mengaku bahawa ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah? Katakanlah: Aku sekali-kali tidak mengaku. Katakanlah: Sesungguhnya hanya Dia sahaja Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya aku berlepas diri dari segala apa yang kamu persekutukan Allah dengannya."(19)

Potongan kata-kata dan nada-nada yang terus bersambung-sambung dalam satu ayat ini adalah amat menarik sekali. Ia menggambarkan situasi itu detik demi detik, adegan demi adegan. Ia hampir-hampir menggambar-kan bentuk-bentuk potongan wajah dan perasaan-perasaan yang berkecamuk di dalam hati orang-orang yang berada di dalam adegan ini.

Nah! Lihatlah di sini bagaimana Rasulullah s.a.w. disampaikan perintah dari Allah kemudian lihatlah bagaimana beliau menghadapi kaum Musyrikin yang mengambil pelindung-pelindung yang lain dari Allah dan memberi kepada mereka setengah-setengah sifat Uluhiyah di samping Allah serta mengajak Rasulullah s.a.w. supaya mengiktirafkan kepercayaan mereka ini sebagai syarat untuk mereka menganut agama yang dibawa oleh beliau! Seolah-olah permintaan mereka boleh diterima dan seolah-olah Islam dan syirik boleh berkumpul di dalam sebuah hati dalam bentuk yang di faham oleh mereka, dan bentuk kefahaman ini juga masih di faham oleh setengah-setengah orang di zaman ini, iaitu seseorang itu masih dianggap seorang Muslim walaupun ia menerima peraturan-peraturan dalam urusan-urusan kehidupannya dari sumber yang lain dari Allah, walaupun ia tunduk dan patuh kepada yang lain dari Allah, walaupun ia meminta pertolongan kepada yang lain dari Allah dan walaupun ia mengambil yang lain dari Allah sebagai pelindungnya.

Tiada Titik Pertemuan Di Antara Syirik Dan Islam

Inilah caranya Rasulullah s.a.w. menghadapi kaum Musyrikin untuk menjelaskan kepada mereka persimpangan jalan yang memisahkan di antara agamanya dengan agama mereka, di antara kepercayaan tauhidnya dengan kepercayaan syirik mereka, di antara keislamannya dengan jahiliyah mereka dan seterusnya untuk menjelaskan kepada mereka bahawa di sana tidak ada titik pertemuan di antara beliau dengan mereka kecuali mereka sanggup meninggalkan agama mereka dan menganut agamanya. Tidak ada jalan yang lain untuk berdamai di dalam persoalan ini kerana beliau telah terpisah dari mereka dari permulaan jalan lagi.

Lihatlah di sini beliau dari awal-awal lagi mencabar mereka supaya mengemukakan bukti-bukti yang terang dan terbuka:

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَٰدَةً

"Katakanlah: Kesaksian siapakah yang lebih besar?"(19)

Yakni manakah satu saksi yang merupakan saksi yang paling besar di seluruh alam al-wujud ini? Atau manakah suatu saksi yang boleh memutuskan persoalan ini? Manakah satu saksi yang tidak lagi memerlukan saksi yang lain selepas kesaksiannya?

Untuk membuat satu pernyataan yang menyeluruh agar tidak ada sesuatu di alam al-wujud yang tidak dikira nilainya dalam penyaksian ini, maka pertanyaan ini dikemukakan dalam bentuk:

أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَٰدَةً

"Kesaksian siapakah yang lebih besar?"(19)

Sebagaimana Rasulullah s.a.w. diperintah mengemukakan pertanyaan, maka beliau juga diperintah memberi jawapan-jawapan kerana di sana tidak ada jawapan yang lain dari jawapan ini dengan pengakuan kaum Musyrikin itu sendiri yang ditujukan pertanyaan-pertanyaan ini. Tiada jawapan yang lain lagi mengikut hakikat yang sebenar:

"Katakanlah: (Kesaksian) Allah."

Ya! Allah S.W.T. itulah saksi yang paling besar. Dialah yang dapat menjelaskan hakikat yang benar dan Dialah sebaik-baik pengadil yang dapat memberi keputusan yang muktamad. Penyaksian-Nya tidak lagi memerlukan penyaksian yang lain dan keputusan-Nya tidak lagi memerlukan keputusan yang lain. Apabila Allah memberi penjelasan, maka penjelasan itu adalah muktamad dan persoalan selesai.

Setelah beliau mengumumkan hakikat bahawa Allah S.W.T. itulah saksi yang paling besar, maka beliau mengumumkan pula kepada mereka bahawa Allah S.W.T. itulah juga yang menjadi saksi di antara beliau dengan mereka di dalam persoalan ini.

قُلِ ٱللَّهُ شَهِيدٌۢ بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ

"Katakanlah (kesaksian) Allah. Dialah yang menjadi saksi di antara aku dan kamu."(19)

Apabila dasar berhakimkan Allah telah ditetapkan di dalam persoalan (tauhid) ini, maka beliau mengumumkan pula bahawa penyaksian Allah S.W.T. ini adalah terkandung di dalam Al-Qur'an yang diwayhukan kepada beliau agar dengan Al-Qur'an ini beliau menyampaikan peringatan dan amaran kepada mereka, juga menyampaikan peringatan dan amaran kepada orang-orang yang sampai Al-Qur'an kepada mereka semasa hayat Rasulullah s.a.w. dan selepasnya. Oleh itu Al-Qur'an menjadi hujjah yang thabit di atas mereka dan di atas orang-orang yang sampai Al-Qur'an kepada mereka, kerana Al-Qur'an mengandungi penyaksian Allah di dalam persoalan (tauhid) yang pokok ini iaitu satu persoalan yang menjadi tapak asas kehidupan dunia dan Akhirat, di samping menjadi tapak asas seluruh kewujudan alam buana dan kewujudan insan secara tidak langsung:

"Dan Al-Qur'an ini telah diwahyukan kepadaku supaya denganya aku memberi peringatan kepada kamu dan kepada mereka yang sampai Al-Qur'an ini (kepadanya)."(19)

Hukum Mereka Yang Tidak Memahami Bahasa Al-Qur'an

Oleh itu sesiapa sahaja yang sampai Al-Qur'an ini kepadanya dengan bahasa yang difahaminya serta ia memahami isi kandungannya, maka bererti ia menanggung hujjahnya, juga bererti bahawa amaran Al-Qur'an ini telah sampai kepadanya dan kerana itu ia wajar menerima 'azab Allah jika ia mendustakan amaran itu setelah disampaikan kepadanya. Bagi mereka yang tidak dapat memahami bahasa Al-Qur'an kerana itu ia tidak dapat memahami isi kandungannya, maka ia tidak menanggung hujjahnya dan dosanya kekal tertanggung di atas pemeluk-pemeluk agama ini yang tidak menyampaikan Al-Qur'an dengan bahasa yang membolehkannya memahami maksud dari keterangan atau penyaksian Allah itu. Ini jika isi kandungan Al-Qur'an itu tidak diterjemahkan ke dalam bahasanya.

Oleh sebab itu apabila beliau mengumumkan kepada mereka bahawa keterangan dan penyaksian Allah S.W.T. (mengenai dasar tauhid ini) terkandung di dalam Al-Qur'an, maka ini bererti bahawa beliau telah mengumumkan kepada mereka maksud penyaksian Allah itu dalam bentuk cabaran dan kecaman terhadap pengakuan dan penyaksian mereka yang berlainan pada dasarnya dari penyaksian Allah S.W.T. Beliau secara terus terang telah mengumumkan kepada mereka bahawa beliau menolak pengakuan dan penyaksian mereka dan sekaligus itu juga mengumumkan satu penyaksian yang berlainan dari penyaksian mereka, iaitu penyaksian yang menthabitkan sifat Wahdaniyah yang mutlaq dan sifat Uluhiyah yang tunggal dan di atas dasar inilah beliau mengumumkan perpisahan beliau dari mereka di persimpangan jalan dan seterusnya mengumumkan bahawa beliau berlepas diri dari amalan syirik dengan ungkapan yang keras dan tegas:

"Apakah kamu benar-benar mengaku bahawa ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah? Katakanlah: Aku tidak mengaku. Katakanlah: Sesungguhnya hanya Dia Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya aku berlepas diri dari segala apa yang kamu persekutukan Allah dengannya."(19)

Ungkapan ayat-ayat ini dengan susunan-susunan kata dan nada-nadanya memang menggoncangkan hati. Ia tidak dapat dilakukan oleh pengungkapan manusia oleh sebab itu saya tidak mahu menyekatkan aliran ayat-ayat ini dari terus mengalir dan mencurah ke dalam hati dengan sesuatu ulasan (dari saya).

* * * * * *

Tetapi saya ingin membincangkan persoalan yang terkandung di dalam ayat ini, yang dibawa oleh gelombang ini. Persoalan yang dibentangkan oleh Al-Qur'an di dalam ayat-ayat ini ialah persoalan wala' atau pengambilan Allah sebagai satu-satunya pelindung dan penaung atau persoalan tauhid dan perpisahan dari kaum Musyrikin, iaitu persoalan agama ini sendiri atau persoalan yang menjadi hakikat agung dalam agama ini, yang sewajarnya bagi kaum Muslimin hari ini berhenti lama-lama di hadapan pelajaran Rabbani ini.

Kaum Mu'minin pada hari ini sedang menghadapi jahiliyah di merata pelosok dunia sama seperti jahiliyah yang dihadapi oleh kelompok Mu'minin ketika diturunkan ayat-ayat ini agar dengan panduan ayat-ayat ini mereka dapat menentukan kedudukan mereka dan meneruskan perjalanan mereka. Oleh

sebab itulah mereka perlu berhenti lama-lama di hadapan ayat ini supaya dengan bimbingannya mereka dapat menggariskan jalan hidup mereka.

Zaman kembali beredar seperti keadaannya pada hari ketibaan agama ini kepada umat manusia dan umat manusia kembali semula kepada situasi yang serupa dengan situasi pada hari Al-Qur'an ini diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. dan pada hari umat manusia didatangi agama Islam yang ditegakkan di atas tapak asasnya yang agung, iaitu syahadat atau pengakuan La ilaha Illallah (tiada Tuhan melainkan Allah)......... yakni pengakuan La ilaha Illallah dengan ertikata yang diungkapkan oleh Rab'i ibn 'Amir yang bertindak selaku utusan panglima kaum Muslimin kepada Rustum panglima Parsi apabila panglima ini mengajukan pertanyaan kepadanya: "Apakah yang membawa kamu datang ke mari?" Lalu dijawab oleh Rab'i: "Allah telah mengutuskan kami untuk mengeluarkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dari amalan menyembah kepada sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa, dari kesempitan hidup dunia kepada keluasan hidup dunia dan Akhirat dan dari kezaliman agama kepada keadilan Islam". Sedangkan Rab'i tahu bahawa Rustum dan kaumnya tidak menyembah Seri Maharaja Kisra dengan sifat baginda selaku tuhan pencipta alam buana dan tidak pula melakukan upacara-upacara ibadat biasa kepada baginda, tetapi apa yang dilakukan mereka hanya menerima undang-undang dan peraturan yang digubalkan oleh baginda dan dengan konsep inilah mereka dianggap penyembah baginda. Konsep ini adalah bertentangan dengan Islam dan menolak Islam. Oleh sebab itu Rab'i menerangkan kepada Rustum bahawa Allah telah mengutuskan mereka (orang-orang Islam) dengan tujuan untuk menyelamatkan manusia dari undang-undang dan peraturan yang memperhambakan manusia kepada sesama manusia dan memberi ciri-ciri Uluhiyah kepada sesama manusia, iaitu memberi kuasa Hakimiyah dan kuasa perundangan, kemudian mereka tunduk dan patuh kepada kuasa Hakimiyah dan kuasa perundangan itu. (Inilah yang dimaksudkan oleh Rab'i dengan kata-kata "agama" itu). Ia menyeru mereka dengan tujuan untuk menyelamatkan manusia dari menyembah undang-undang dan peraturan ciptaan manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa dan kepada keadilan undang-undang Islam.

Zaman kembali beredar seperti keadaannya pada hari ketibaan agama ini membawa konsep La ilaha Illallah kepada umat manusia. Kini umat manusia telah kembali semula menyembah sesama manusia. Mereka kembali semula tunduk kepada kezaliman agama dan berpaling dari 'aqidah La ilaha Illallah walaupun sebahagian mereka masih mengulang-ulangkan seruan La ilaha Illallah di atas menara-menara azan tanpa memahami tujuannya dan tanpa mengingatkan tujuannya ketika mereka mengumandangkan. Mereka mengulang-ulangi seruan itu tanpa menolak kuasa Hakimiyah yang didakwa oleh setengah-setengah orang, sedangkan kuasa ini sama dengan kuasa Uluhiyah, sama ada mereka mendakwa mempunyai kuasa Hakimiyah ini atas nama individu-individu atau atas nama badan-badan perundangan atau atas nama rakyat, kerana individu-individu, badan-badan perundangan dan rakyat bukannya tuhan-tuhan dan kerana itu mereka tidak mempunyai kuasa Hakimiyah. Tetapi malangnya umat manusia telah kembali semula kepada jahiliyah. Mereka telah menolak konsep La ilaha Illallah dan oleh kerana itu mereka telah memberi ciri-ciri Uluhiyah kepada tokoh-tokoh manusia. Mereka tidak lagi mentauhidkan Allah dan, membulatkan wala' kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Seluruh manusia termasuk mereka yang mengumandangkan kalimah La ilaha Illallah di atas menara-menara azan di Timur dan di Barat tanpa mengetahui tujuan dan realitinya adalah akan menanggung dosa dan 'azab yang amat berat pada hari Qiamat, kerana mereka kembali semula menyembah sesama manusia setelah mendapat penjelasan yang terang tentang hidayat Allah dan setelah mereka berada di dalam agama Allah.

Oleh itu kaum Muslimin pada hari ini amat perlu berdiri lama-lama di hadapan pengajaran ayat-ayat yang terang ini.

Mereka amat perlu berdiri di hadapan ayat wala' ini:

قُلْ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ ۗ قُلْ إِنِّيٓ أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ ۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٤﴾

"Apakah wajar bagiku mengambil pelindung yang lain dari Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedangkan Dialah (Tuhan) yang memberi makan dan tidak (berkehendak) diberi makan. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah supaya aku menjadi orang yang pertama sekali menyerahkan diri kepada Allah dan janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan Musyrikin"(14)

agar mereka sedar bahawa perbuatan mengambil yang lain dari Allah sebagai pelindung atau sebagai wali dengan ertikatanya yang seluas-luasnya, iaitu perbuatan tunduk, patuh dan memohon pertolongan (kepada yang lain dari Allah) adalah bertentangan dengan Islam, kerana perbuatan itu merupakan perbuatan syirik, sedangkan tujuan kedatangan Islam ialah untuk mengeluarkan manusia dari lembah syirik, juga agar mereka sedar bahawa tanda pertama memberi wala' kepada yang lain dari Allah ialah menerima kuasa Hakimiyah dari yang lain dari Allah, sama ada di dalam hati atau di dalam kehidupan. Inilah perbuatan yang diamalkan oleh seluruh umat manusia tanpa kecuali. Seterusnya agar mereka sedar bahawa mereka pada hari ini seharusnya menegapkan kembali matlamat perjuangan untuk mengeluarkan manusia dari amalan menyembah sesama manusia kepada amalan menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan agar mereka sedar bahawa mereka sedang

menghadapi jahiliyah yang sama dengan jahiliyah yang telah dihadapi oleh Rasulullah s.a.w. dan kelompok Muslimin ketika beliau menerima ayat-ayat ini.

Alangkah perlunya mereka mengenangkan hakikat-hakikat dan perasaan-perasaan yang dicurahkan oleh ayat-ayat yang berikut ke dalam hati yang beriman ketika mereka menghadapi jahiliyah itu:

قُلْ إِنِّيٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾ مَّن يُصْرَفْ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُۥ ۚ وَذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٦﴾

وَإِن يَمْسَسْكَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَ ۖ وَإِن يَمْسَسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾ وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٨﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku takut kepada 'azab hari (Qiamat) yang amat besar jika aku derhaka kepada Tuhanku (15). Sesiapa yang dijauhkan dari 'azab pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah mengurniakan rahmat kepadanya dan itulah kejayaan yang amat jelas (16). Jika Allah menimpakan sesuatu bencana ke atas engkau, maka tiada siapa yang dapat menghapuskannya kecuali Dia, dan jika Allah mengurniakan sesuatu kebajikan ·kepada engkau, maka Dia adalah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (17). Dan Dialah Penguasa di atas para hamba-Nya dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu-Nya."(18)

Alangkah perlunya kepada mereka yang menentang jahiliyah dengan segala Taghut dan Jabarutnya, dengan keengganan dan kedegilan-kedegilannya, dengan putar belit dan tipudayanya, dengan kerosakan dan keruntuhannya, dan kepada mereka yang menentang seluruh kejahatan ini agar mereka mengenangkan di dalam hati mereka hakikat-hakikat dan perasaan-perasaan ini, iaitu perasaan takut menderhaka terhadap Allah dan memberi wala' kepada yang lain dari Allah, perasaan takut kepada 'azab Allah yang ngeri yang menunggu para manusia yang menderhaka dan seterusnya perasaan yakin bahawa hanya Allah jua yang berkuasa mendatangkan mudarat dan manfa'at dan Dialah jua yang berkuasa di atas para hamba-Nya. Tiada siapa yang boleh menegur dan menolak hukuman dan keputusan-Nya. Mana-mana hati yang tidak mengenangkan hakikat-hakikat dan perasaan-perasaan ini tidak akan berdaya memikul tugas-tugas menegakkan kembali Islam di hadapan jahiliyah yang zalim. Itulah tugas-tugas yang amat besar yang tidak sanggup dipikul oleh gunung-ganang.

Kemudian alangkah perlunya kepada kaum Mu'minin setelah mereka yakin kepada hakikat tugas-tugas mereka di bumi pada hari ini dan setelah jelas kepada mereka hakikat da'wah yang dida'wahkan mereka dan kehendak-kehendaknya, iaitu menumpukan wala' dengan seluas-luas pengertiannya kepada Allah S.W.T. sahaja dan setelah mereka mendukung hakikat-hakikat dan perasaan-perasaan ini dalam menjalankan tugas mereka yang berat itu. Alangkah perlunya kepada mereka - selepas semuanya ini - mengambil pendirian mengumumkan penyaksian, pemutusan hubungan, perpisahan dan pelepasan diri dari perbuatan syirik yang diamalkan oleh jahiliyah manusia yang wujud pada hari ini persis seperti yang telah diamalkan oleh jahiliyah manusia di zaman purbakala. Alangkah perlunya kepada mereka menjelaskan apa yang disuruhkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya mereka menjelaskannya dan alangkah perlunya kepada mereka melontarkan ke muka jahiliyah apa yang telah dilontarkan oleh Rasulullah yang mulia itu ke muka jahiliyah (di zamannya) kerana menjunjung perintah Allah Yang Maha Besar:

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَٰدَةً ۖ قُلِ ٱللَّهُ ۖ شَهِيدٌۢ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ ۚ وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ لِأُنذِرَكُم بِهِۦ وَمَنۢ بَلَغَ ۚ أَئِنَّكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ ٱللَّهِ ءَالِهَةً أُخْرَىٰ ۚ قُل لَّآ أَشْهَدُ ۚ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ وَإِنَّنِي بَرِيٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

"Katakanlah: Kesaksian siapakah yang lebih besar? Katakanlah (kesaksian) Allah. Dialah yang menjadi saksi di antara aku dan kamu, dan Al-Qur'an ini telah diwahyukan kepadaku supaya aku memberi peringatan kepada kamu dan kepada orang yang sampai Al-Qur'an ini kepadanya. Apakah kamu benar mengaku bahawa ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah? Katakanlah: Aku sekali-kali tidak mengaku. Katakanlah: Sesungguhnya hanya Dia sahaja Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya Aku berlepas diri dari segala apa yang kamu persekutukan Allah dengannya."(19)

Kaum Muslimin di muka bumi ini pasti mengambil pendirian ini terhadap jahiliyah yang sedang berkembang memenuhi bumi. Mereka pasti bertindak melontarkan kalimah yang benar ke muka jahiliyah dengan nada yang kuat dan lantang, nada yang memutuskan hubungan dan memisahkan diri, nada yang menimbulkan gegaran yang menakutkan. Kemudian hendaklah mereka bertawajjuh kepada Allah dengan kesedaran bahawa Dialah Yang Maha Kuasa di atas segala sesuatu dan Dialah yang menguasai para hamba-Nya dan seluruh para hamba - termasuk sekalian Taghut yang angkuh - adalah lebih lemah dari seekor lalat. Andainya lalat merampas sesuatu dari mereka, nescaya mereka tidak berupaya mengambil balik. Taghut itu sebenarnya tidak berkuasa mendatangkan sesuatu kemudaratan kepada sesiapa pun kecuali dengan izin Allah. Begitu

juga mereka tidak berupaya memberi sesuatu keni'matan kepada seseorang melainkan dengan izin Allah. Dan Allah menguasai segala urusan-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Kaum Muslimin juga pastilah yakin bahawa Allah tidak akan menolong mereka dan tidak akan memenuhkan janji-Nya untuk memberi kedudukan yang teguh kepada mereka di bumi ini selagi mereka belum berpisah dengan jahiliyah di persimpangan jalan dan selagi mereka belum sanggup mengisytiharkan kalimah yang benar di depan muka Taghut dan mengemukakan penyaksian ini terhadap jahiliyah, dan selagi mereka belum sanggup menyampaikan amaran dan mengumumkan perisytiharan ini dan selagi mereka belum sanggup melakukan perpisahan dengan jahiliyah dan mengumumkan pelepasan diri mereka dari jahiliyah.

Al-Qur'an Membawa Satu Sistem Hidup Yang Terkeluar Dari Ikatan Zaman

Al-Qur'an bukannya datang untuk tujuan menghadapi suatu situasi sejarah, malah Al-Qur'an datang sebagai satu sistem hidup yang mutlaq dan terkeluar dari ikatan zaman dan ruang. Ia merupakan satu sistem hidup yang dipegang teguh oleh kelompok Muslimin ketika menghadapi situasi yang sama dengan situasi semasa turunnya Al-Qur'an. Dan umat Muslimin pada hari ini betul-betul berada di dalam situasi yang sama. Zaman telah kembali semula beredar seperti keadaannya di zaman turunnya Al-Qur'an untuk menegakkan Islam di muka bumi ini. Oleh sebab itu kaum Muslimin perlu melengkapkan diri dengan keyakinan yang kukuh terhadap agama ini, perasaan yang jelas terhadap qudrat Allah dan kesanggupan yang tegas untuk berpisah dengan kebatilan dan para pendokongnya. Sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik Pemelihara dan Allahlah yang paling kasihan belas dari sekalian yang bersifat kasihan.

(Kumpulan ayat-ayat 20 - 32)

ٱلَّذِينَ ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ يَعۡرِفُونَهُۥ كَمَا يَعۡرِفُونَ أَبۡنَآءَهُمُ
خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ فَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٢٠﴾
وَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّنِ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوۡ كَذَّبَ بِـَٔايَٰتِهِۦٓۚ
إِنَّهُۥ لَا يُفۡلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢١﴾
وَيَوۡمَ نَحۡشُرُهُمۡ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشۡرَكُوٓاْ أَيۡنَ شُرَكَآؤُكُمُ
ٱلَّذِينَ كُنتُمۡ تَزۡعُمُونَ ﴿٢٢﴾
ثُمَّ لَمۡ تَكُن فِتۡنَتُهُمۡ إِلَّآ أَن قَالُواْ وَٱللَّهِ رَبِّنَا مَا كُنَّا
مُشۡرِكِينَ ﴿٢٣﴾

ٱنظُرۡ كَيۡفَ كَذَبُواْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡۚ وَضَلَّ عَنۡهُم مَّا كَانُواْ
يَفۡتَرُونَ ﴿٢٤﴾
وَمِنۡهُم مَّن يَسۡتَمِعُ إِلَيۡكَۖ وَجَعَلۡنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمۡ أَكِنَّةً
أَن يَفۡقَهُوهُ وَفِيٓ ءَاذَانِهِمۡ وَقۡرٗاۚ وَإِن يَرَوۡاْ كُلَّ ءَايَةٖ
لَّا يُؤۡمِنُواْ بِهَاۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُوكَ يُجَٰدِلُونَكَ يَقُولُ ٱلَّذِينَ
كَفَرُوٓاْ إِنۡ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٢٥﴾
وَهُمۡ يَنۡهَوۡنَ عَنۡهُ وَيَنۡـَٔوۡنَ عَنۡهُۖ وَإِن يُهۡلِكُونَ إِلَّآ
أَنفُسَهُمۡ وَمَا يَشۡعُرُونَ ﴿٢٦﴾
وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذۡ وُقِفُواْ عَلَى ٱلنَّارِ فَقَالُواْ يَٰلَيۡتَنَا نُرَدُّ وَلَا
نُكَذِّبَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٢٧﴾
بَلۡ بَدَا لَهُم مَّا كَانُواْ يُخۡفُونَ مِن قَبۡلُۖ وَلَوۡ رُدُّواْ لَعَادُواْ لِمَا
نُهُواْ عَنۡهُ وَإِنَّهُمۡ لَكَٰذِبُونَ ﴿٢٨﴾
وَقَالُوٓاْ إِنۡ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنۡيَا وَمَا نَحۡنُ
بِمَبۡعُوثِينَ ﴿٢٩﴾
وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذۡ وُقِفُواْ عَلَىٰ رَبِّهِمۡۚ قَالَ أَلَيۡسَ هَٰذَا بِٱلۡحَقِّۚ
قَالُواْ بَلَىٰ وَرَبِّنَاۚ قَالَ فَذُوقُواْ ٱلۡعَذَابَ بِمَا كُنتُمۡ
تَكۡفُرُونَ ﴿٣٠﴾

"Orang-orang yang Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengenalinya seperti mereka mengenal anak-anak mereka sendiri. Orang-orang yang telah merugikan diri sendiri itulah orang-orang yang tidak beriman (20). Tiada yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah atau mendustakan ayat-ayat-Nya. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan mendapat keberuntungan (21). Dan (ingatlah) hari (Qiamat) yang Kami akan menghimpunkan mereka seluruhnya kemudian Kami akan bertanya kepada orang-orang yang mempersekutukan (Kami): Di manakah sekutu-sekutu kamu yang telah didakwakan kamu itu? (22) Kemudian tiada (hasil dari) ujian terhadap mereka itu kecuali mereka mengaku: Demi Allah Tuhan kami! Kami tidak sekali-kali mempersekutukan Engkau (23). Lihatlah bagaimana mereka mendustakan diri mereka sendiri dan lenyaplah dari mereka segala sembahan yang diada-adakan mereka (24). Di antara mereka ada orang-orang yang mendengar engkau (membaca Al-Qur'an), (tetapi) Kami telah meletakkan tutupan di atas hati mereka yang menghalangkan mereka dari memahaminya dan Kami juga telah meletakkan sumbatan di dalam telinga mereka. Dan andainya mereka

melihat segala bukti (kebenaran) nescaya mereka tidak juga beriman kepadanya sehingga apabila mereka datang berdebat dengan engkau, maka orang-orang yang kafir itu berkata: (Al-Qur'an ini) tidak lain melainkan hanya dongeng orang-orang purbakala (25). Dan mereka melarang orang lain dari mendengar Al-Qur'an dan mereka sendiri menjauhkan diri darinya. Dan sebenarnya mereka hanya membinasakan diri sendiri, sedangkan mereka tidak sedar (26). Dan (engkau akan hairan) andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada api Neraka lalu mereka berkata: Alangkah beruntungnya kami jika kami dikembalikan semula ke dunia dan tidak mendustakan ayat-ayat Tuhan kami dan menjadi orang-orang yang ber-iman (27). Malah ketaralah kepada mereka segala dolak dalik yang disembunyikan mereka sebelum ini dan andainya mereka dikembalikan semula ke dunia tentulah mereka akan kembali melakukan perkara-perkara yang dilarangkan kepada mereka dan sebenarnya mereka adalah pembohong-pembohong belaka (28). Dan mereka akan berkata: Tiada hidup yang lain kecuali hidup dunia ini sahaja dan kita sekali-kali tidak akan dibangkitkan kembali (29). Dan (engkau akan hairan) andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada Allah Tuhan mereka talu Allah bertanya: Tidakkah hari kebangkitan ini benar? Jawab mereka: Memang benar, demi Tuhan kami. Lalu Allah berfirman: Dan rasakanlah 'azab ini kerana keingkaran-keingkaran yang dilakukan kamu (30). Sesungguhnya amatlah rugi orang-orang yang telah mendustakan pertemuan dengan Allah sehingga apabila Qiamat datang kepada mereka secara mendadak mereka akan berkata: Alangkah sesalnya kami terhadap kecuaian kami di dunia, dan mereka memikul dosa-dosa mereka di atas belakang mereka. Sesungguhnya amat buruk dosa yang dipikul mereka (31). Dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya permainan dan hiburan dan demi sesungguhnya negeri Akhirat itu adalah lebih baik kepada orang-orang yang bertaqwa, apakah kamu tidak berfikir?"(32)

Pusingan atau gelombang ini kembali semula menghadapi kaum Musyrikin yang mendustakan Al-Qur'anul-Karim dan hari kebangkitan semula atau hari Akhirat. Tetapi kali ini ia tidak menghadapi mereka dengan menggambarkan kedegilan mereka dan tidak pula dengan mengemukakan peristiwa-peristiwa kebinasaan yang menimpa kaum yang terdahulu dari mereka sebagaimana di dalam ayat-ayat yang silam, malah ia menghadapi mereka dengan nasib kesudahan mereka pada hari kebangkitan yang telah didustakan mereka dan dengan balasan yang akan diterima mereka pada hari Akhirat yang telah diingkarkan mereka. Balasan dan nasib kesudahan itu dikemukakan kepada mereka dalam bentuk pemandangan-pemandangan Akhirat yang hidup dan dapat di lihat dengan jelas semasa mereka dikumpulkan di Mahsyar dan disoal di hadapan Allah dengan pertanyaan-pertanyaan yang penuh kecaman dan memalukan, juga dengan pertanyaan-pertanyaan yang penuh menyatakan kehairanan:

"Manakah sekutu-sekutu kamu yang telah didakwakan kamu itu?"(22)

Di waktu itu mereka berada di dalam ketakutan dan kecemasan, hina dina dan tercengang bengang. Mereka bersumpah dengan nama Allah dan mengiktirafkan Rububiyah-Nya yang Tunggal:

وَٱللَّهِ رَبِّنَا مَا كُنَّا مُشْرِكِينَ ﴿٢٣﴾

"Allah itu Tuhan kami, kami tidak sekali-kali mempersekutukan Engkau."(23)

Al-Qur'an menghadapi mereka dengan nasib kesudahan ini ketika mereka berdiri dan ditahan di hadapan Neraka dan berada dalam ketakutan dan kecemasan. Mereka berkata dengan penuh penyesalan dan kehampaan:

يَٰلَيْتَنَا نُرَدُّ وَلَا نُكَذِّبَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٧﴾

"Alangkah beruntungnya kami jika kami dikembalikan semula ke dunia dan tidak mendustakan ayat-ayat Tuhan kami dan berada dalam golongan orang-orang yang beriman."(27)

Al-Qur'an menghadapi mereka dengan nasib kesudahan itu ketika mereka berdiri di hadapan Allah dan berada dalam keadaan yang amat malu dan menyesal, takut dan cemas semasa disoal oleh Allah S.W.T.

قَالَ أَلَيْسَ هَٰذَا بِٱلْحَقِّ

"Tidakkah hari kebangkitan ini benar?"(30)

Mereka menjawab dengan hina dan malu:

بَلَىٰ وَرَبِّنَا

"Memang benar! Demi Tuhan kami."(30)

Tetapi pengakuan ini tidak memberi apa-apa faedah lagi kepada mereka:

قَالَ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٠﴾

"Lalu Allah berfirman: Rasakanlah 'azab ini kerana keingkaran yang dilakukan kamu."(30)

Mereka dihadapkan dengan nasib kesudahan ini ketika mereka telah kerugian diri mereka dan kerugian segala-galanya. Dan mereka datang membawa dosa-dosa di atas belakang mereka sambil melolong-lolong menyatakan penyesalan di atas kecuaian mereka terhadap Akhirat dan kerugian yang telah diterima mereka.

Pemandangan demi pemandangan dan setiap pemandangan menggoncangkan hati, mengendurkan sendi tulang, menyedarkan diri, membuka mata dan mata hati - pada orang-orang yang Allah hendak membuka mata dan hatinya - terhadap kebenaran yang telah dibentangkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada mereka dan terhadap Al-Qur'an yang didustakan mereka, sedangkan kaum Ahlil-Kitab sebelum mereka telah pun mengenali kebenaran Al-Qur'an sama seperti mereka mengenal anak-anak mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 20)

Kebenaran Al-Qur'an Dan Kerasulan Muhammad Memang Diakui Kaum Ahlil-Kitab Yang Insaf

"Orang-orang yang Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengenalinya seperti mereka mengenal anak-anak mereka sendiri. Orang-orang yang telah merugikan diri sendiri itulah orang-orang yang tidak beriman."(20)

Di dalam Al-Qur'anul-Karim telah diterangkan berulang-ulang kali bahawa kaum Ahlil-Kitab iaitu kaum Yahudi dan Nasara memang mengetahui kebenaran Al-Qur'an dan kesahihan risalah Muhammad s.a.w. Mereka mengetahui bahawa Al-Qur'an adalah diturunkan kepada beliau dari Allah. Hakikat ini disebut berulang-ulang kali sama ada ketika ia menghadapi kaum Ahlil-Kitab itu sendiri apabila mereka mengambil sikap menentang dan mengingkar, sikap berperang dan bermusuh terhadap Nabi s.a.w. dan terhadap agama ini. Inilah yang ghalib berlaku di Madinah atau ketika menghadapi kaum Musyrikin Arab untuk menyedarkan mereka bahawa kaum Ahlil-Kitab yang mengetahui tabi'at wahyu dan kitab-kitab samawi memang mengetahui kebenaran Al-Qur'an dan kebenaran keterangan Rasulullah s.a.w. bahawa Al-Qur'an adalah wahyu dari Allah yang diwahyukan kepada beliau sebagaimana diwahyukan kepada para rasul sebelumnya.

Ayat ini mengikut tarjih kami adalah ayat Makkiyah dan sebutan kaum Ahlil-Kitab di dalam ayat ini dengan sedemikian rupa menunjukkan bahawa ayat ini merupakan cabaran kepada kaum Musyrikin untuk menyedarkan mereka bahawa Al-Qur'an yang diingkari mereka adalah diketahui kebenarannya oleh kaum Ahlil-Kitab sama seperti mereka mengetahui anak-anak mereka sendiri. Dan andainya kebanyakan Ahlil-Kitab itu tidak beriman kepada Al-Qur'an, maka itu disebabkan kerana mereka telah kerugian diri sendiri. Itulah sebabnya mereka tidak beriman. Kedaaan mereka sama dengan kaum Musyrikin yang telah kerugian diri sendiri dan kerana itulah mereka tidak masuk di dalam agama ini. Semua penerangan ayat sebelum ini dan selepasnya adalah mengenai kaum Musyrikin. Inilah di antara bukti-bukti yang menunjukkan bahawa ayat-ayat ini adalah ayat-ayat Makkiyah sebagaimana kami telah tegaskan dalam kata pengantar surah ini.

Para mufassirin sejalan dalam mentafsirkan kenyataan ayat ini:

الَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَعْرِفُونَهُۥ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَآءَهُمُ

"Orang-orang yang Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengenalinya sama seperti mereka mengenali anak-anak mereka sendiri."(20)

Iaitu kaum Ahlil-Kitab mengetahui bahawa Al-Qur'an adalah diturunkan dari Allah atau mengetahui bahawa Nabi s.a.w. adalah utusan dari Allah yang diwahyukan Al-Qur'an kepadanya.

Ini memanglah satu aspek dari maksud ayat ini, tetapi menurut pengamatan kami berdasarkan realiti sejarah dan sikap kaum Ahlil-Kitab terhadap agama ini, di sana ada lagi satu aspek dari maksud ayat ini yang barangkali Allah mahu mengajar kelompok Muslimin agar aspek ini tertanam di dalam kesedaran mereka di sepanjang sejarah ketika mereka menghadapi kaum Ahlil-Kitab dengan agama ini. Aspek itu ialah:

Kaum Ahlil-Kitab sebenarnya mengetahui bahawa Al-Qur'an ini adalah dari Allah dan kerana itu mereka mengetahui segala potensi, segala kekuatan, segala kebajikan dan kebaikan yang ada di dalam Al-Qur'an. Mereka mengetahui tenaga penggerak Al-Qur'an yang mampu menggerakkan umat yang menganut 'aqidah yang dibawa olehnya, menjunjung akhlak yang terpancar darinya dan mengamalkan sistem hidup yang ditegakkan di atasnya. Mereka membuat segala perhitungan terhadap Al-Qur'an dan terhadap para pendokongnya. Mereka cukup sedar bahawa bumi ini tidak lagi memberi lapangan yang luas kepada mereka, tetapi sentiasa memberi lapangan yang luas kepada pemeluk-pemeluk agama ini! Mereka menyedari segala kebenaran yang terkandung di dalam Al-Qur'an dan menyedari keadaan mereka yang berada di dalam kebatilan. Mereka sedar bahawa jahiliyah yang dipegang mereka dan mencorakkan kedudukan-kedudukan kaum mereka, akhlak mereka dan peraturan-peraturan hidup mereka tidak mungkin berdamai dengan agama ini atau tidak memungkinkan mereka untuk hidup kekal di atas jahiliyah itu. Oleh sebab itu keadaan ini tetap mencetuskan pertarungan yang tidak akan reda sehingga jahiliyah terhapus dari bumi ini dan kemenangan dicapai oleh agama ini dan seluruh keta'atan ditumpukan kepada Allah sahaja, iaitu sehingga seluruh kuasa di bumi ini dipulangkan kepada Allah dan pencabul-pencabul kuasa Allah di muka bumi ini diusir dan dengan demikian sahaja seluruh keta'atan dapat ditumpukan kepada Allah.

Usaha-usaha Serius Kaum Ahlil-Kitab Mengkaji Islam Untuk Mencari Lubang-lubang Kelemahan Untuk Diracuninya

Kaum Ahlil-Kitab cukup mengetahui hakikat ini di dalam agama ini. Mereka mengetahuinya sama seperti mereka mengetahui anak-anak mereka. Generasi demi generasi mereka mengkaji agama ini dengan kajian yang halus dan mendalam. Mereka menyelidik rahsia-rahsia kekuatannya dan mencari segala pintu dan lorongnya yang menembusi ke dalam hati. Mereka berusaha begitu bersungguh-sungguh untuk mencari jalan bagaimana hendak merosak dan memusnahkan daya kepimpinan yang ada di dalam agama ini? Bagaimana hendak menaburkan keraguan dan kesangsian di dalam hati para penganutnya? Bagaimana hendak mengubahkan

ayat-ayat Al-Qur'an dari maksud-maksudnya yang sebenar? Bagaimana hendak menghalangkan penganut-penganut Islam dari mengetahui hakikat agama mereka yang sebenar? Bagaimana hendak mengubahkan agama ini dari harakat aktif yang menghancurkan kebatilan dan jahiliyah, iaitu harakat aktif yang berjuang untuk mengembalikan kuasa Allah di bumi dan mengusir para pencabulnya dan meletakkan seluruh keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja..... Bagaimana hendak mengubahkannya dari harakat yang aktif ini kepada harakat kebudayaan yang dingin, kepada kajian-kajian teori yang mati dan kepada perdebatan ilmu ketuhanan atau perdebatan ilmu fiqah atau perdebatan kepuakan yang kosong? Bagaimana hendak mencurahkan konsep-konsep Islam ke dalam acuan peraturan-peraturan, sistem-sistem dan kefahaman-kefahaman yang asing dari Islam dan menghancurkan Islam serta mengelirukan para pemeluknya (dengan anggapan) bahawa 'aqidah mereka tetap terhormat dan terpelihara? Pada akhirnya bagaimana hendak memenuhkan kekosongan 'aqidah Islam itu dengan kefahaman-kefahaman, konsep-konsep dan minat-minat yang lain supaya mereka dapat mencabut akar umbi sentimen yang masih tinggal dari 'aqidah yang pudar ini?

Kaum Ahlil-Kitab sentiasa mengkaji agama ini dengan kajian yang serius, mendalam dan teliti. Mereka berbuat demikian bukan dengan tujuan untuk mencari hakikat yang sebenar - sebagaimana yang disangkakan oleh penganut-penganut Islam yang lurus dan bukan pula dengan tujuan untuk bersikap adil terhadap agama ini dan terhadap para penganutnya yang disangkakan oleh setengah-setengah orang yang tertipu apabila mereka melihat sesuatu pengiktirafan dari mata pengkaji atau mana-mana orientalis terhadap apa-apa kebaikan di dalam mana-mana aspek agama ini. Tidak sekali-kali tidak. Malah tujuan yang sebenar dari usaha mereka membuat kajian-kajian yang begitu serius, mendalam dan teliti itu ialah untuk mencari sasaran-sasaran tikaman yang membawa maut kepada agama ini. Mereka mencari pintu-pintu dan jalan-jalan Islam memasuki fitrah manusia untuk ditutup dan diselewengkannya. Mereka mencari rahsia-rahsia kekuatan Islam untuk mengganyang Islam. Mereka mahu mengetahui bagaimana Islam membina dirinya di dalam jiwa orang-orang Islam untuk mencontohi cara pembinaannya agar mereka dapat membina di dalam jiwa mereka kefahaman-kefahaman yang bertentangan dengan Islam. Mereka mahu menggunakan kefahaman-kefahaman ini untuk memenuhi kekosongan jiwa kaum Muslimin.

Kerana tujuan-tujuan dan latar-latar belakang inilah mereka mengenal Islam sama seperti mereka mengenal anak-anak mereka.

Kita sebagai umat Muslimin wajib mengetahui hakikat ini dan serentak itu juga kita wajib sedar bahawa kitalah yang lebih wajar mengenal agama kita sama seperti kita mengenal anak-anak kita sendiri.

Realiti sejarah yang berlaku di celah-celah empat belas abad yang silam menjelaskan hakikat yang sedang kita bicarakan ini yang dijelaskan oleh Al-Qur'an di dalam ayat yang berikut:

الَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَعْرِفُونَهُۥ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَآءَهُمُ

"Orang-orang yang Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengenalinya sama seperti mereka mengenal anak-anak sendiri."(20)

Kaum Muslimin Jangan Terpedaya Dengan Sanjungan-sanjungan Kaum Ahlil-Kitab

Tetapi hakikat ini dapat dilihat dengan terang dan jelas khususnya di masa ini, di mana buku-buku kajian yang tertulis di dalam mana-mana bahasa asing mengenai Islam adalah diterbitkan kira-kira sebuah seminggu. Kajian-kajian itu membuktikan sejauh mana kaum Ahlil-Kitab mengetahui segala maklumat kecil dan besar mengenai tabi'at dan sejarah agama ini? Mengetahui punca-punca kekuatannya, sarana-sarana untuk menentangnya dan cara-cara untuk merosak dan memusnahkan bimbingan dan ajarannya. Kebanyakan penulis-penulis itu tentulah tidak mendedahkan tujuan dan niat mereka yang sebenar, kerana mereka sedar bahawa ketika menyerang agama itu secara terbuka akan mencetuskan semangat pembelaan yang berkobar-kobar. Mereka sedar bahawa gerakan-gerakan (kaum Muslimin) yang telah bangkit untuk menentang serangan bersenjata terhadap agama ini dalam bentuk penjajahan itu adalah bertapak di atas kesedaran keagamaan atau sekurang-kurangnya di atas sentimen keagamaan. Oleh itu tindakan menyerang Islam secara berterusan walaupun dalam bentuk serangan fikiran akan terus mencetuskan semangat pembelaan dan perjuangan mereka yang berkobar-kobar. Oleh sebab itu kebanyakan kaum Ahlil-Kitab menggunakan jalan yang lebih licin dan jahat, iaitu menggunakan cara berpura-pura memuji-mujikan kebaikan agama ini dengan tujuan untuk menidurkan semangat perjuangan kaum Muslimin yang aktif dan melumpuhkan keghairahan mereka yang berkobar-kobar dan seterusnya untuk mendapat kepercayaan dan keyakinan para pembaca (Muslimin), kemudian (di sa'at itulah) mereka menaruh racun di dalam gelas dan menghidangkannya (kepada kaum Muslimin). (Mereka berkata): Agama Islam ini adalah satu ni'mat yang amat besar, tetapi ia patut mengubah dan memperkembangkan konsep-konsep dan peraturan-peraturannya agar sesuai dan sejajar dengan tamadun manusia yang moden. Islam sewajarnya tidak mengambil sikap menghalang perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam peraturan-peraturan masyarakat-masyarakat dalam bentuk-bentuk pemerintahan dan di dalam nilai-nilai akhlak. Dan pada akhirnya adalah wajar bagi agama

ini dijelmakan dalam bentuk 'aqidah di dalam hati sahaja dan membiarkan kehidupan yang wujud di dalam kenyataan itu diatur oleh teori-teori, ujian-ujian dan gaya cara tamadun manusia yang moden. Islam sewajarnya mengambil sikap memberi restu kepada percubaan-percubaan, ujian-ujian dan gaya cara yang ditetapkan oleh pihak yang berkuasa di bumi, dengan mengambil sikap yang sedemikian! Agama Islam akan terus kekal sebagai satu agama yang besar.

Ketika pengarang-pengarang itu membentangkan titik-titik kekuatan dan kedalaman (konsep-konsep) yang wujud di dalam agama Islam, dalam bentuk pura-pura menunjukkan sikap adil dan insaf yang palsu dan membuat sanjungan-sanjungan yang melalaikan, maka matlamat yang ditujukan oleh pengarang ialah untuk menyedarkan kaum mereka Ahlil-Kitab terhadap bahaya agama ini dan terhadap rahsia-rahsia kekuatannya. Ia berjalan di hadapan alat-alat pembinasa membawa lampu suluh yang terang untuk membolehkan kaum mereka melancarkan tembakan-tembakan yang tepat pada sasarannya, juga untuk membolehkan mereka mengenal agama ini sama seperti mereka mengenal anak-anak mereka sendiri.

Rahsia-rahsia Al-Qur'an akan terus dibukakan kepada para Mu'minin dalam bentuk hakikat-hakikat yang sentiasa baru selama mereka hidup di bawah bayangannya, selama mereka mengharungi perjuangan 'aqidah, selama mereka memikirkan peristiwa-peristiwa sejarah dan peristiwa-peristiwa masa kini dengan penuh kesedaran dan selama mereka memandang nur hidayat Allah yang menyerlahkan kebenaran dan menerangi jalan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 24)

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِآيَاتِهِ ۗ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴿٢١﴾

وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوا أَيْنَ شُرَكَاؤُكُمُ الَّذِينَ كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٢٢﴾

ثُمَّ لَمْ تَكُنْ فِتْنَتُهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا وَاللَّهِ رَبِّنَا مَا كُنَّا مُشْرِكِينَ ﴿٢٣﴾

انْظُرْ كَيْفَ كَذَبُوا عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ ۚ وَضَلَّ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Tiada yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah atau mendustakan ayat-ayat-Nya. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan mendapat keberuntungan (21). Dan (ingatlah) hari (Qiamat) yang Kami akan menghimpun-kan mereka seluruhnya kemudian Kami akan bertanya kepada orang-orang yang mempersekutukan (Kami): Di manakah sekutu-sekutu kamu yang telah didakwakan kamu itu? (22) Kemudian tiada (hasil dari) ujian terhadap mereka itu kecuali mereka mengaku: Demi Allah Tuhan kami! Kami tidak sekali-kali mempersekutukan Engkau (23). Lihatlah bagaimana mereka mendustakan diri mereka sendiri dan lenyaplah dari mereka segala sembahan yang diada-adakan mereka."(24)

Ayat-ayat ini merupakan lanjutan persemukaan dengan kaum Musyrikin. Ia menjelaskan hakikat perbuatan yang dilakukan mereka. Ia menerangkan pendirian dan amalan mereka mengikut penilaian Allah S.W.T. Ia mulakan persemukaan ini dengan satu pertanyaan yang mendedahkan perbuatan mereka yang zalim kerana melakukan pendustaan terhadap Allah, iaitu mereka mendakwa berpegang dengan agama yang telah dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. Mereka mendakwa pula bahawa segala ternakan, makanan dan syi'ar-syi'ar agama yang dihalal dan diharamkan mereka adalah dari perintah Allah, sedangkan yang sebenarnya ia bukan dari perintah Allah. Dakwaan ini akan diterangkan di akhir surah ini dengan iringan firman Allah "بزعمهم"(mengikut dakwaan mereka). Dakwaan ini samalah dengan dakwaan setengah-setengah orang di zaman ini yang mengatakan bahawa mereka berpegang dengan agama Allah yang dibawa Muhammad s.a.w. serta menggelarkan diri mereka sebagai orang-orang Muslim sedangkan dakwaan itu tergolong dalam pembohongan terhadap Allah. Dakwaan itu dikatakan bohong kerana mereka bertindak mengadakan undang-undang dan peraturan dari ciptaan mereka dan mengadakan nilai-nilai dari rekaan mereka sendiri. Ini bererti mereka telah merampas kuasa Allah dan mendakwa mempunyai kuasa itu. Kemudian mereka mendakwa bahawa undang-undang, peraturan-peraturan dan nilai-nilai itu adalah dari agama Allah, Kemudian setengah-setengah orang yang menjual agama mereka untuk membeli tempat di dalam Neraka Jahim mendakwa pula bahawa apa yang diada-adakan oleh pencipta-pencipta undang-undang, peraturan-peraturan dan nilai-nilai itu sebagai agama Allah. Persemukaan itu juga dimulakan dengan mengecam perbuatan kaum Musyrikin yang mendusta ayat-ayat Allah yang dibawa oleh Nabi s.a.w. Mereka telah menolak, menentang dan mengingkarkan ayat-ayat itu sambil berkata: Ia bukannya diturunkan dari Allah. Dan dalam waktu yang sama mereka mendakwa bahawa segala peraturan yang diamalkan oleh mereka dalam masa jahiliyah itu adalah dari Allah. Hal ini sama dengan keadaan yang berlaku di kalangan pendokong-pendokong jahiliyah pada hari ini. Al-Qur'an bersemuka dengan mereka serta mengecam semua ini dan memerikannya sebagai perbuatan paling zalim:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِآيَاتِهِ ۗ

"Siapakah yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah atau mendustakan ayat-ayatnya?"(21)

Perbuatan Syirik Diungkapkan Sebagai Perbuatan Yang Zalim

Kezaliman yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah perbuatan syirik. Ia digambarkan dengan kata-kata zalim untuk menonjolkan keburukan dan kekejiannya. Inilah pengungkapan Al-Qur'an yang biasa terhadap perbuatan syirik apabila ia hendak memburukkan perbuatan syirik, kerana perbuatan syirik itu adalah suatu kezaliman terhadap kebenaran, kezaliman terhadap diri sendiri dan kezaliman terhadap manusia. Ia merupakan suatu pencabulan terhadap hak Allah yang wajib ditauhid dan disembahkan tanpa sebarang sekutu. Ia merupakan suatu pencerobohan terhadap diri sendiri kerana ia membawa diri sendiri ke jalan kerugian dan kebinasaan. Seterusnya ia merupakan pencerobohan terhadap manusia kerana ia memperhambakan mereka kepada yang lain dari Allah Tuhan mereka yang sebenar, dan merosakkan kehidupan mereka dengan undang-undang dan peraturan yang ditegakkan di atas pencerobohan ini. Kerana sebab-sebab inilah perbuatan syirik itu merupakan suatu kezaliman yang amat besar sebagaimana telah dinyatakan oleh Allah Tuhan semesta alam. Syirik dan orang yang mengamalkan syirik tidak akan mencapai keuntungan:

إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang zalim ini tidak akan mendapat keberuntungan."(21)

Dalam ayat ini Allah menjelaskan satu hakikat semesta (kulli) dan menerangkan hasil terakhir yang diterima oleh syirik dan orang-orang yang mengamalkan syirik. Oleh sebab itu mana-mana keuntungan dan kejayaan (dari amalan syirik) yang di lihat oleh mata kasar yang mempunyai daya penglihatan yang cetek di ruang alam dunia yang dekat itu, tidak dikira sebagai keuntungan dan kejayaan malah ia hanya merupakan suatu dorongan ke arah kerugian dan kebinasaan. Siapakah yang lebih benar penjelasannya dari Allah?

Di sini (dalam ayat yang berikut) Al-Qur'an menggambarkan kedudukan mereka yang tidak mendapat apa-apa keuntungan pada hari perhimpunan di Mahsyar atau hari hisab dalam satu pemandangan yang hidup, terpampang jelas di mata dan menarik:

وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ أَيْنَ شُرَكَآؤُكُمُ ٱلَّذِينَ كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٢٢﴾

ثُمَّ لَمْ تَكُن فِتْنَتُهُمْ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ وَٱللَّهِ رَبِّنَا مَا كُنَّا مُشْرِكِينَ ﴿٢٣﴾

ٱنظُرْ كَيْفَ كَذَبُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ ۚ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟

"Dan (ingatlah) hari (Qiamat) yang Kami akan menghimpunkan mereka seluruhnya kemudian Kami akan bertanya kepada orang-orang yang mempersekutukan (Kami): Di manakah sekutu-sekutu kamu yang telah didakwakan kamu itu? (22) Kemudian tiada (hasil dari) ujian terhadap mereka kecuali mereka mengaku: Demi Allah Tuhan kami! Kami tidak sekali-kali mempersekutukan Engkau (23). Lihatlah bagaimana mereka mendustakan diri mereka sendiri dan lenyaplah dari mereka segala sembahan yang diada-adakan mereka."(24)

Berbagai-bagai Jenis Syirik

Di sana terdapat berbagai-bagai jenis syirik, berbagai-bagai jenis sekutu dan berbagai-bagai jenis Musyrikin. Ia bukannya satu gambaran yang mudah dan bersahaja sebagaimana yang difikirkan oleh orang ramai pada hari ini apabila mereka mendengar kata-kata syirik, kata-kata sekutu dan kata-kata Musyrikin. Apa yang ternampak kepada mereka dari kata-kata Musyrikin itu ialah kumpulan orang-orang yang menyembah berhala-berhala atau batu-batu atau pokok-pokok keramat atau bintang-bintang atau api atau sebagainya. Inilah satu-satunya gambaran syirik dalam tanggapan mereka.

Sebenarnya intisari syirik itu adalah terletak pada perbuatan mengiktirafkan mana-mana ciri Uluhiyah kepada yang lain dari Allah, sama ada dengan mengi'tiqadkan bahawa iradat yang lain dari Allah itu berkuasa mengendalikan peristiwa-peristiwa alam dan menentukan kedudukan-kedudukan makhluk yang maujud, atau dengan mempersembahkan syi'ar-syi'ar ibadat, nazar-nazar dan sebagainya kepada yang lain dari Allah, atau dengan menerima undang-undang dan peraturan-peraturan dari sumber yang lain dari Allah untuk mengaturkan kehidupan manusia. Semuanya ini merupakan jenis-jenis syirik yang diamalkan oleh berbagai-bagai jenis Musyrikin yang mengambil berbagai-bagai jenis sekutu bagi Allah.

Semua perbuatan ini diungkapkan oleh Al-Qur'an sebagai perbuatan-perbuatan syirik. Al-Qur'an menayangkan berbagai-bagai pemandangan di hari Qiamat yang menggambarkan aneka jenis syirik, aneka jenis Musyrikin dan aneka jenis sekutu-sekutu Allah. Al-Qur'an tidak hanya menjelaskan sejenis syirik sahaja atau menghuraikan satu bentuk perbuatan syirik sahaja. Begitu juga Al-Qur'an tidak membeza-bezakan nasib kesudahan dan balasan yang akan diterima oleh berbagai-bagai jenis Musyrikin itu, sama ada di dunia atau di Akhirat.

Orang-orang Arab (di zaman turunnya Al-Qur'an) telah mengamalkan semua jenis syirik ini:

Mereka beri'tiqad bahawa di sana ada makhluk-makhluk Allah yang turut mengambil bahagian - melalui syafa'at yang lulus di sisi Allah - dalam mengendalikan peristiwa-peristiwa alam dan menentukan kedudukan makhluk seperti para

malaikat, atau melalui daya qudrat makhluk-makhluk yang berkuasa mengenakan gangguan-gangguan yang menyakiti seperti jin dengan dirinya sendiri atau melalui para kahin atau tukang-tukang sihir yang menggunakan jin atau melalui kedua-dua cara itu seperti roh-roh bapa-bapa dan datuk nenek. Semua sekutu-sekutu itu dilambangkan dengan berhala-berhala yang dimasuki oleh roh makhluk itu, dan para kahin inilah yang menjadi jurucakap berhala-berhala itu untuk menghalalkan kepada mereka apa yang hendak dihalalkan mereka dan mengharamkan apa yang hendak diharamkan mereka, malah para kahin itulah yang sebenarnya dijadikannya sekutu-sekutu Allah.

Mereka melakukan amalan syirik dengan mengadakan upacara-upacara ibadat kepada berhala-berhala serta mempersembahkan korban-korban dan nazar-nazar mereka kepadanya, sedangkan yang sebenarnya para kahin itulah yang menerima korban-korban dan nazar-nazar itu. Begitu juga setengah-setengah orang Arab - yang memindahkan kepercayaan ini dari orang-orang Parsi - percaya bahawa bintang-bintang itu turut mengambil bahagian bersama Allah dalam mengendalikan peristiwa alam dan kerana itu mereka mengadakan apacara-upacara ibadat kepada bintang-bintang itu. Dari sinilah wujudnya hubungan babak cerita Ibrahim a.s. yang disebut di dalam surah ini dengan maudhu' surah ini sebagaimana akan diterangkan nanti.

Begitu juga mereka mengamalkan jenis syirik yang ketiga, iaitu menggubalkan untuk diri mereka - melalui para kahin dan ketua-ketua suku - undang-undang dan peraturan-peraturan, nilai-nilai dan tradisi-tradisi ciptaan sendiri yang tidak diizinkan Allah dan mereka mendakwa sama seperti dakwaan setengah-setengah manusia pada hari ini bahawa undang-undang dan peraturan inilah syari'at Allah.

Di dalam pemandangan ini - pemandangan perhimpunan di Mahsyar dan pemandangan persemukaan - ayat yang berikut mencabar kaum Musyrikin yang mempersekutukan Allah dengan berbagai-bagai jenis syirik dengan mengemukakan pertanyaan kepada mereka tentang segala jenis sekutu Allah iaitu di manakah mereka sekarang? Kerana di sini tidak ada sebarang kesan mereka yang boleh dilihat dan mereka tidak akan berupaya menghalangkan 'azab keseksaan yang ngeri dari pengikut-pengikut mereka:

"Dan (ingatlah) hari (Qiamat) yang Kami akan menghimpunkan mereka seluruhnya kemudian Kami akan bertanya kepada orang-orang yang mempersekutukan (Kami): Di manakah sekutu-sekutu kamu yang telah didakwakan kamu itu?"(22)

Pemandangan kelihatan terpampang di hadapan mata, perhimpunan Mahsyar sedang diadakan, di mana kaum Musyrikin sedang dihadapkan kepada satu pertanyaan yang besar dan pedih:

"Di manakah sekutu-sekutu kamu yang telah didakwakan kamu itu?" (22)

Sekutu-sekutu Allah Tidak Pernah Wujud Dalam Realiti

Di sini perasaan takut mula mengharu. Di sini terbukalah fitrah semulajadi yang selama ini tertimbus di bawah timbunan kepercayaan karut yang telah mengaratinya di dunia. Di sini lenyaplah kewujudan sekutu-sekutu Allah dari fitrah dan ingatan manusia. Dan kewujudan sekutu-sekutu itu pada hakikatnya tidak pernah wujud. Kini barulah mereka sedar bahawa syirik dan sekutu itu tidak pernah wujud di dalam realiti. Di sini mereka diuji dan dengan ujian itu terhapuslah karat-karat dan kekotoran-kekotoran persis emas yang diuji dengan api untuk dibersihkan dari kekotoran-kekotoran dan buih-buih yang kosong.

"Kemudian tiada (hasil dari) ujian terhadap mereka itu kecuali mereka mengaku: Demi Allah Tuhan kami! Kami tidak sekali-kali mempersekutukan Engkau."(23)

Hakikat yang sebenar yang terserlah selepas ujian itu ialah mereka berlepas diri dari seluruh zaman silam mereka. Mereka mengiktirafkan Rububiyah Allah sahaja. Mereka membersihkan diri mereka dari perbuatan syirik yang diamal di dalam kehidupan dunia mereka, tetapi sayang pengiktirafan dan pembersihan diri di waktu ini tidak berguna apa-apa lagi. Pengiktirafan mereka ternyata hanya membawa bala bukannya membawa keselamatannya kerana waktu pengiktirafan itu telah terluput. Oleh itu hari Qiamat ini hanya hari untuk menerima balasan bukannya hari untuk beramal. Hari ini ialah hari untuk mengesahkan segala amalan yang dilakukan manusia bukannya hari untuk menarik balik apa yang telah dilakukan mereka.

Oleh sebab itu (dalam ayat yang berikut) Allah S.W.T. menjelaskan - dengan melahirkan kehairanan-Nya kepada Rasulullah s.a.w. terhadap kelakuan kaum Musyrikin - bahawa mereka telah membohongkan diri sendiri apabila mereka mengambil sekutu-sekutu itu sebagai sekutu-sekutu Allah kerana sebenarnya perkongsian sekutu-sekutu itu dengan Allah tidak pernah wujud sama sekali dan pada hari Qiamat ini sekutu-sekutu yang didakwakan mereka itu hilang lenyap dari mata mereka dan mereka terpaksa mengakui kebenaran apabila sekutu-sekutu mereka tidak kelihatan kepada mereka:

"Lihatlah bagaimana mereka mendustakan diri mereka sendiri dan lenyaplah dari mereka segala sembahan yang diada-adakan mereka."(24)

Pembohongan mereka adalah pembohongan terhadap diri sendiri. Mereka telah membohong dan menipu diri sendiri ketika mereka mempersekutui Allah dan mengadakan pembohongan ini terhadap Allah sedangkan sekutu-sekutu yang didakwakan mereka telah hilang lenyap dari mereka pada hari Mahsyar dan hisab.

Inilah pentafsiran yang disenangi oleh saya terhadap sebab yang mendorong mereka bersumpah di hadapan Allah pada hari perhimpunan Mahsyar bahawa mereka tidak pernah mempersekutui Allah, juga pentafsiran terhadap perbuatan mereka yang telah membohongi diri sendiri, kerana pada hari Qiamat itu mereka tidak sanggup membohongi Allah dan tidak sanggup bersumpah bahawa mereka tidak pernah mempersekutu Allah iaitu dengan sengaja berbohong kepada Allah - sebagaimana dijelaskan oleh setengah-setengah tafsir - kerana pada hari Qiamat mereka tidak dapat menyembunyikan sebarang perkataan mereka dari Allah. Malah sebenarnya itulah tindakan fitrah yang berlepas diri dari perbuatan syirik ketika menghadapi ketakutan yang ngeri dan itulah kehapusan kebatilan yang dusta yang tidak ada sebarang kesannya di dalam pancaindera mereka pada hari itu. Kemudian itulah pernyataan kehairanan Allah terhadap perbuatan mereka yang membohongi diri sendiri di dunia, sedangkan dakwaan mereka yang bohong itu tidak mempunyai apa-apa kesan di dalam pancaindera mereka dan di dalam realiti pada hari Qiamat.

Walau bagaimanapun Allahlah yang lebih mengetahui pentafsiran yang sebenar dari ayat ini sedangkan pentafsiran ini tidak lebih dari suatu pentafsiran yang mungkin benar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 28)

Ayat-ayat yang berikut terus menggambarkan keadaan sekumpulan Musyrikin dan menerangkan nasib kesudahan mereka dalam salah satu dari pemandangan-pemandangan Qiamat. Ia menggambarkan keadaan mereka sewaktu mereka mendengar Al-Qur'an dengan fikiran yang kosong, dengan fitrah yang lumpuh dan dengan sikap mereka yang degil dan takbur. Dan dalam keadaan hati yang tertutup dan degil inilah mereka berdebat dengan Rasulullah s.a.w. dan menuduh Al-Qur'anul-Karim sebagai dongeng-dongeng manusia purba. Mereka menjauhkan diri dari mendengar Al-Qur'an dan menyekat orang lain dari mendengarnya. Demikianlah ia menggambarkan keadaan mereka di dunia dalam satu lembaran dan di dalam lembaran yang lain ia melukiskan pula satu pemandangan yang sugul dan dukacita ketika mereka berdiri di hadapan Neraka dan ditahan di sana, sedangkan api Neraka menghadapi mereka dengan nasib kesudahan yang amat ngeri. Mereka rebah dan jatuh dan dengan perasaan hina dina dan menyesal. Mereka berangan-angan andainya mereka dapat dikembalikan semula ke dunia tentulah mereka akan mengambil pendirian yang berlainan dari pendirian mereka sekarang yang telah membawa mereka kepada nasib kesudahan yang malang ini. Tetapi angan-angan mereka dijawab dengan penghinaan dan kecaman:

وَمِنْهُم مَّن يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ ۖ وَجَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَن يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا ۚ وَإِن يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا بِهَا ۚ حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوكَ يُجَادِلُونَكَ يَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ هَٰذَا إِلَّا أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٢٥﴾

وَهُمْ يَنْهَوْنَ عَنْهُ وَيَنْأَوْنَ عَنْهُ ۖ وَإِن يُهْلِكُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٦﴾

وَلَوْ تَرَىٰ إِذْ وُقِفُوا عَلَى النَّارِ فَقَالُوا يَا لَيْتَنَا نُرَدُّ وَلَا نُكَذِّبَ بِآيَاتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٧﴾

بَلْ بَدَا لَهُم مَّا كَانُوا يُخْفُونَ مِن قَبْلُ ۖ وَلَوْ رُدُّوا لَعَادُوا لِمَا نُهُوا عَنْهُ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿٢٨﴾

"Di antara mereka ada orang-orang yang mendengar engkau membaca Al-Qur'an), (tetapi) Kami telah meletakkan tutupan di atas hati mereka yang menghalangkan mereka dari memahaminya dan Kami juga telah meletakkan sumbatan di dalam telinga mereka. Dan andainya mereka melihat segala bukti (kebenaran) nescaya mereka tidak juga beriman kepadanya sehingga apabila mereka datang berdebat dengan engkau, maka orang-orang yang kafir itu berkata: (Al-Qur'an ini) tidak lain melainkan hanya dongeng orang-orang purbakala (25). Dan mereka melarang orang lain dari mendengar Al-Qur'an dan mereka sendiri menjauhkan diri darinya. Dan sebenarnya mereka hanya membinasakan diri sendiri, sedangkan mereka tidak sedar (26). Dan (engkau akan hairan) andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada api Neraka lalu mereka berkata: Alangkah beruntungnya kami jika kami dikembalikan semula ke dunia dan tidak mendustakan ayat-ayat Tuhan kami dan menjadi orang-orang yang beriman (27). Malah ketaralah kepada mereka segala dolak-dalik yang disembunyikan mereka sebelum ini dan andainya mereka dikembalikan semula ke dunia tentulah mereka akan kembali melakukan perkara-perkara yang dilarangkan kepada mereka dan sebenarnya mereka adalah pembohong-pembohong belaka."(28)

Itulah dua lembaran yang bertentangan: Satu lembaran kisah mereka di dunia, di mana mereka menunjukkan kedegilan dan penolakan dan satu lembaran lagi ialah lembaran kisah mereka di Akhirat di mana mereka memperlihatkan penyesalan dan

kehampaan. Kedua-duanya dilukiskan oleh Al-Qur'an dan dibentangkan dengan tayangan yang mengharu dan menarik. Al-Qur'an tujukan kedua-dua lukisan ini kepada fitrah manusia yang keras untuk menggoncangkannya dengan sekuat-kuat goncangan supaya timbunan kekotoran maksiat yang mengaratinya itu gugur darinya, supaya kunci-kuncinya yang tertutup kuat itu terbuka dan supaya mereka kembali mempelajari Al-Qur'an dengan teliti sebelum masa terlewat.

وَمِنْهُم مَّن يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ ۖ وَجَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَن يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا ۚ وَإِن يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا بِهَا ۚ

"Di antara mereka ada orang-orang yang mendengar engkau (membaca Al-Qur'an), (tetapi) Kami telah meletakkan tutupan di atas hati mereka yang menghalangkan mereka dari memahaminya dan Kami juga telah meletakkan sumbatan di dalam telinga mereka. Dan andainya mereka melihat segala bukti (kebenaran) nescaya mereka tidak akan beriman kepadanya."(25)

Kata-kata "الأكنة" bererti tutupan yang menghalangkan hati dari terbuka dan memahami. Dan kata-kata "وقرا" bererti sumbatan yang menghalangkan telinga dari melaksanakan fungsi mendengar. Ini adalah contoh kumpulan manusia yang mendengar tetapi tidak faham seolah-olah mereka tidak mempunyai akal yang mampu berfikir dan seolah-olah mereka tidak mempunyai telinga yang dapat mendengar. Itulah contoh kumpulan manusia yang berulang-ulang di dalam setiap generasi dan kaum, dalam setiap zaman dan tempat. Mereka adalah kumpulan anak Adam yang mendengar tetapi seolah-olah tidak mendengar, seolah-olah telinga mereka tuli tidak berfungsi, seolah-olah daya kefahaman mereka tertutup menyebabkan maksud kata-kata yang didengar oleh telinganya itu tidak dapat menembusinya.

وَإِن يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا بِهَا ۚ حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوكَ يُجَادِلُونَكَ يَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ هَٰذَا إِلَّا أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan andainya mereka melihat segala bukti (kebenaran) nescaya mereka tidak juga beriman kepadanya sehingga apabila mereka datang berdebat dengan engkau, maka orang-orang yang kafir itu berkata: (Al-Qur'an ini) tidak lain melainkan hanya dongeng orang-orang purbakala."(25)

Maksudnya mata mereka juga melihat, tetapi seolah-olah ia tidak nampak atau seakan-akan apa yang di lihatnya itu tidak sampai ke dalam hati dan akal mereka.

Apakah penyakit yang telah menimpa kaum Musyrikin ini? Apakah halangan yang menyekat mereka dari menerima dan menyambut da'wah, sedangkan mereka mempunyai telinga, mata dan akal? Allah S.W.T. berfirman:

وَجَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَن يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا ۚ وَإِن يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا بِهَا ۚ

"Kami telah meletakkan tutupan di atas hati mereka yang menghalangkan mereka dari memahaminya dan Kami juga telah meletakkan sumbatan di dalam telinga mereka dan andainya mereka melihat segala bukti (kebenaran) nescaya mereka tidak akan beriman kepadanya."(25)

Ayat ini menerangkan keputusan Allah terhadap mereka, iaitu daya pemikiran mereka tidak dapat menerima kebenaran da'wah dan memahaminya dan telinga mereka tidak dapat menjalankan fungsinya memindahkan kebenaran yang didengarinya itu kepada akal fikiran mereka agar ia diterima dan disambut oleh mereka. Mereka tetap tidak menerima dan menyambut kebenaran itu walaupun sebanyak mana mereka melihat bukti-bukti hidayat dan petunjuk-petunjuk yang membangkit dan menyarankan keimanan.

Sehubungan dengan ini kita harus meneliti perjalanan Sunnatullah dalam keputusan ini, kerana Allah S.W.T. telah berfirman:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ

"Dan orang-orang yang berjuang bersungguh-sungguh kerana Kami, maka sesungguhnya Kami akan menunjukkan kepada mereka jalan Kami."

(Surah al-'Ankabut: 69)

Firman Allah Taala:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾
فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾
قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ﴿٩﴾
وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

"Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna (7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya (8). Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkan jiwanya (9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang membenamkannya (dalam kesesatan)."(10)

(Surah asy-Syams)

Di sini Allah menjelaskan bahawa Dia akan memberi hidayat kepada mereka yang berjuang dengan bersungguh-sungguh untuk mencari hidayat dan memberi keuntungan dan kejayaan kepada mereka yang berusaha membersihkan dirinya, tetapi golongan kaum Musyrikin yang telah menerima keputusan Allah

itu tidak pernah mencari hidayat supaya dikurniakan hidayat oleh Allah dan tidak pernah menggunakan alat-alat penerima hidayat semulajadi yang wujud di dalam diri mereka supaya mereka dimudahkan Allah menerima hidayat, malah mereka dari awal-awal lagi telah mensia-siakan alat-alat penerima semulajadi itu, oleh kerana itu Allah hijabkan mereka dari mendapat hidayat, iaitu Allah membuat keputusan tidak mengurniakan hidayat kepada mereka sebagai balasan yang setimpal terhadap perbuatan dan niat mereka yang pertama (yang tidak mahu mencari hidayat) itu. Segala-galanya berlaku mengikut keputusan Allah dan di antara keputusan-Nya ialah Dia akan memberi hidayat kepada mereka yang bersungguh-sungguh berjuang mencari jalan hidayat dan Dia akan mengurniakan keuntungan dan kejayaan kepada mereka yang berusaha membersihkan diri. Dan di antara keputusan-Nya lagi ialah Dia akan menutup hati mereka yang menolak hidayat dari memahami da'wah dan seterusnya menyumbatkan telinga mereka, dan kerana itu andainya mereka melihat segala jenis bukti sekalipun mereka tetap tidak beriman. Orang-orang yang merujukkan kesesatan, kesyirikan dan dosa-dosa yang dilakukan mereka kepada kehendak iradat Allah dan kepada qadha' dan taqdir-Nya adalah sengaja melakukan rujukan yang tersasul dan menipu, kerana Allah S.W.T. mengemukakan hakikat yang sebenar kepada mereka apabila Dia mencerita dan mengecamkan perkataan-perkataan mereka yang tersasul mengenai hal ini:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ أَشۡرَكُواْ لَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ مَا عَبَدۡنَا مِن دُونِهِۦ مِن شَيۡءٖ نَّحۡنُ وَلَآ ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمۡنَا مِن دُونِهِۦ مِن شَيۡءٖۚ كَذَٰلِكَ فَعَلَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۚ فَهَلۡ عَلَى ٱلرُّسُلِ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ٣٥

وَلَقَدۡ بَعَثۡنَا فِي كُلِّ أُمَّةٖ رَّسُولًا أَنِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ وَٱجۡتَنِبُواْ ٱلطَّٰغُوتَۖ فَمِنۡهُم مَّنۡ هَدَى ٱللَّهُ وَمِنۡهُم مَّنۡ حَقَّتۡ عَلَيۡهِ ٱلضَّلَٰلَةُۚ فَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ ٣٦

"Dan berkatalah orang-orang yang telah mempersekutui Allah: "Jika Allah kehendaki tentulah kami tidak menyembah sesuatu apapun selain Dia, baik kami mahu pun datuk nenek kami dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu apapun selain dari apa yang telah diharamkan oleh Allah". Demikianlah apa yang telah dilakukan oleh orang Musyrikin sebelum mereka. Tiada tugas para rasul melainkan ialah menyampaikan risalah Allah dengan jelas (35). Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul dalam kalangan setiap umat (untuk menyeru): Sembahlah Allah dan jauhilah Taghut. Di antara mereka ada orang-orang yang diberikan hidayat oleh Allah dan ada pula di antara mereka orang-orang yang diputuskan mendapat kesesatan. Oleh itu jelajahilah di muka bumi dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta."(36)

(Surah an-Nahl)

Semuanya ini menunjukkan bahawa Allah menyangkal dan menolak perkataan dan alasan mereka. Dan seterusnya menunjukkan bahawa kesesatan yang telah diputuskan ke atas mereka adalah diputuskan setelah diberi amaran terhadap perbuatan mereka yang menyeleweng itu.

Undang-undang Qadha' Dan Qadar Mengikut Al-Qur'an

Orang-orang yang menimbulkan persoalan qadha' dan qadar, persoalan paksaan (الجبر) dan pilihan (الإختيار) juga persoalan iradat manusia dan usahanya untuk dijadikan bahan-bahan kajian ilmu ketuhanan yang ditundukkan kepada andaian-andaian dan anggaran-anggaran aqliyah adalah sebenarnya menyimpang dari jalan dan methodologi Al-Qur'an yang membentangkan persoalan-persoalan ini dalam bentuknya yang realiti, jelas dan mudah, di mana dijelaskan bahawa segala sesuatu itu adalah berlaku dengan keputusan dan penentuan dari Allah, dan kebolehan manusia menjurus ke arah itu atau ke arah ini adalah termasuk di dalam lingkungan kebolehan fitrah manusia, dan di atas landasan fitrah inilah Allah ciptakan manusia dan dengan fitrah inilah juga berlakunya penentuan-penentuan atau taqdir Allah. Oleh itu fitrah manusia adalah mengikut keadaan yang ada padanya. Penjurusan manusia ke arah ini dan ke arah itu juga melahirkan natijahnatijah dan kesan-kesan tertentu di dunia dan di Akhirat yang diperlakukan oleh penentuan dan taqdir dari Allah. Oleh itu dengan huraian ini jelaslah bahawa segala urusan adalah dirujukkan kepada taqdir dan penentuan Allah, tetapi mengikut cara yang mengaturkan akibat-akibat yang ditentukan Allah berdasarkan keputusan kehendak iradat manusia yang bebas yang dikurniakan kepadanya. (Sekadar inilah sahaja) dan tidak ada di sebalik huraian yang lebih dari ini melainkan hanya huraian yang membawa kepada pertengkaran.

Segala tanda-tanda hidayat, bukti-bukti kebenaran, pernyataan-pernyataan yang menyarankan keimanan telah pun dibentangkan kepada kaum Musyrikin di dalam Al-Qur'an, di mana Allah menarik perhatian mereka agar meneliti tanda-tanda kekuasaan Allah di dalam kejadian diri mereka sendiri dan di dalam kejadian-kejadian yang wujud di merata pelosok alam buana. Ini sahaja sudah cukup - jika benar-benar difikirkan mereka - untuk memetikkan tali kesedaran hati mereka dan untuk menggerakkan akal fikiran mereka yang tidur agar membongkas jaga dan bergerak aktif supaya mereka dapat menerima dan menyambut da'wah, tetapi malangnya mereka tidak

pernah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapat hidayat, malah mereka bertindak melumpuhkan fitrah mereka dan mematikan dorongan-dorongannya. Oleh kerana itu Allah hijabkan mereka dari memahami bukti-bukti dan pernyataan-pernyataan Al-Qur'an yang membawa kepada hidayat. Dan apabila mereka datang kepada Rasulullah s.a.w., maka mereka datang bukan dengan mata, telinga dan hati yang terbuka untuk memikirkan apa yang diterangkan oleh beliau dengan pemikiran seorang yang mahu mencari kebenaran, tetapi mereka datang dengan tujuan untuk berdebat, bertengkar dan mencari alasan-alasan untuk menolak dan mendusta Al-Qur'an:

Tindakan Tolol Kerana Takut Pengaruh Al-Qur'an

"Sehingga apabila mereka datang berdebat dengan engkau, maka orang-orang kafir berkata: (Al-Qur'an ini) tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang-orang purbakala."(25)

Kata-kata "أساطير" (dongeng-dongeng) adalah sebuah kata-kata yang diistilahkan mereka dengan hikayat-hikayat yang mengandungi cerita-cerita luar biasa yang berhubung dengan dewa-dewa dan pahlawan-pahlawan di dalam kisah-kisah kepercayaan paganisme, dan yang paling dekat kepada mereka ialah kepercayaan paganisme Parsi dan dongengan-dongengannya.

Mereka cukup sedar bahawa Al-Qur'an bukannya dongeng-dongeng manusia purba, tetapi yang menjadi tujuan mereka ialah untuk bertengkar dan mencari alasan untuk menolak dan mendustakan Al-Qur'an. Mereka berusaha mencari titik-titik keserupaan yang jauh. Dan oleh kerana mereka dapati di dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang dibacakan kepada mereka berbagai-bagai kisah para rasul dan kaum mereka, juga kisah-kisah kebinasaan yang menimpa kaum-kaum di zaman dahulu yang mendustakan rasul, maka mereka menggunakan alasan yang paling lemah untuk mengecapkan kisah-kisah ini dan seluruh Al-Qur'an sebagai dongeng-dongeng yang sama:

إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٢٥﴾

"(Al-Qur'an ini) tidak melainkan hanya dongeng-dongeng orang-orang purbakala."(25)

Untuk lebih berjaya memesongkan perhatian orang ramai dari mendengar Al-Qur'an dan untuk menguatkan lagi tuduhan yang dusta terhadap Al-Qur'an sebagai dongeng-dongeng manusia purba, maka Malik ibn an-Nadhr - yang banyak menghafal dongeng-dongeng Parsi tentang Rustum dan Aspandiar, iaitu dua pahlawan dari pahlawan-pahlawan dongeng Parsi - mengambil tempat duduk yang berdekatan dengan Rasulullah s.a.w. ketika beliau membaca Al-Qur'an lalu berkata kepada orang ramai: "Jika Muhammad menceritakan dongeng-dongeng manusia purba kepada kamu, maka aku ada cerita yang lebih baik dari dongeng-dongeng itu". Kemudian ia terus menceritakan segala cerita dongeng yang dihafalkannya untuk memalingkan perhatian mereka dari mendengar Al-Qur'anul-Karim.

Ketua-ketua mereka juga bertindak melarang orang ramai dari mendengar Al-Qur'an kerana takut mereka terpengaruh dan terikut:

وَهُمْ يَنْهَوْنَ عَنْهُ وَيَنْـَٔوْنَ عَنْهُ ۖ وَإِن يُهْلِكُونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan mereka melarang orang lain dari mendengar Al-Qur'an dan mereka sendiri menjauhkan diri darinya. Dan sebenarnya mereka hanya membinasakan diri sendiri, sedangkan mereka tidak sedar."(26)

Mereka sebenarnya memang yakin bahawa Al-Qur'an bukannya dongeng-dongeng manusia purba dan mereka juga yakin bahawa perbuatan menentang Al-Qur'an dengan cerita-cerita dongeng purbakala itu tidak memberi sesuatu kesan pun jika orang ramai dibiarkan bebas mendengar Al-Qur'an. Para pembesar Quraisy sendiri bimbangkan diri mereka dari terpengaruh kepada Al-Qur'an sebagaimana mereka bimbangkan pengikut-pengikut mereka. Dan sudah tentu tidak cukup - di dalam perjuangan di antara kebenaran yang mempunyai pengaruh yang amat kuat dan kebatilan yang lemah - dengan tindakan Malik ibn an-Nadhr duduk menceritakan dongeng-dongeng manusia purba kepada orang ramai. Oleh sebab itulah pembesar-pembesar itu bertindak melarang pengikut-pengikut mereka dari mendengar Al-Qur'an sebagaimana mereka sendiri menjauhkan diri darinya kerana takut terpengaruh dan terikut kepadanya. Cerita al-Akhnas ibn Shurayq, Abu Sufyan ibn Harb dan 'Amr ibn Hisham dalam percubaan mereka menentang daya tarikan Al-Qur'an yang begitu kuat hingga mereka terdorong keluar secara diam-diam untuk mencuri dengar Al-Qur'an adalah satu cerita yang masyhur di dalam sirah.[1]

Seluruh usaha yang dicurahkan mereka untuk menghalangkan diri sendiri dan orang ramai dari mendengar Al-Qur'an dan dari terpengaruh kepadanya merupakan usaha-usaha membinasakan diri sendiri sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah S.W.T.:

وَإِن يُهْلِكُونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan sebenarnya mereka hanya membinasakan diri sendiri, sedangkan mereka tidak sedar."(26)

Maksudnya mereka yang berusaha menghalangkan diri sendiri dan orang lain dari mendapat hidayat,

---

[1] *Lihat juzu' pertama dari kitab as-Sirah oleh Ibn Hisyam. Cerita ini juga disebut di dalam juzu' yang keenam Tafsir ini.*

kebaikan dan keselamatan adalah berusaha membinasakan diri sendiri di dunia dan Akhirat.

Mereka yang menumpukan seluruh usaha mereka untuk menghalangkan diri sendiri dan orang lain dari mendapat hidayat Allah adalah manusia-manusia yang berjiwa miskin walaupun mereka memakai baju pemerintah-pemerintah yang angkuh dan zalim atau memakai pakaian para Taghut. Mereka adalah manusia-manusia yang berjiwa miskin yang membinasakan diri sendiri di dunia dan Akhirat walaupun mereka dan orang-orang yang tertipu seketika dengan buih-buih itu memandang diri mereka sebagai orang-orang yang beruntung dan berjaya.

Sesiapa yang ingin melihat nasib mereka, silalah lihat di lembaran yang bertentangan dengan lembaran ini:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ وُقِفُوا۟ عَلَى ٱلنَّارِ فَقَالُوا۟ يَٰلَيْتَنَا نُرَدُّ وَلَا نُكَذِّبَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٧﴾

"Dan (engkau akan hairan) andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada api Neraka lalu mereka berkata: Alangkah beruntungnya kami jika kami dikembalikan semula ke dunia dan tidak mendustakan ayat-ayat Tuhan kami dan menjadi orang-orang yang beriman."(27)

Itulah pemandangan mereka di Akhirat yang bertentangan dengan pemandangan mereka di dunia, iaitu pemandangan rendah diri dan hina dina, pemandangan menyesal, kecewa dan rugi. Itulah pemandangan yang bertentangan dengan pemandangan mereka di dunia, di mana mereka memperlihatkan sikap menolak hidayat, suka bertengkar menentang da'wah, menghalang orang lain dari hidayat, menjauhkan diri dari Al-Qur'an dan membuat dakwaan-dakwaan palsu yang besar.

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ وُقِفُوا۟ عَلَى ٱلنَّارِ

"Dan andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada api Neraka."(27)

Andainya engkau melihat sewaktu mereka ditahan di hadapan Neraka, di mana mereka tidak berupaya lagi untuk menolak, bertengkar, berdebat dan memutarbelit tentulah engkau melihat satu pemandangan yang amat menakutkan dan tentulah engkau melihat mereka merungut berangan-angan:

يَٰلَيْتَنَا نُرَدُّ وَلَا نُكَذِّبَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٧﴾

"Alangkah beruntungnya kami jika kami dikembalikan semula ke dunia dan tidak mendustakan ayat-ayat Tuhan kami dan berada di dalam golongan orang-orang yang beriman."(27)

Kini baru mereka sedar bahawa ayat-ayat yang telah didustakan mereka di dunia itu adalah ayat-ayat yang diturunkan Allah dan kini mereka berangan-angan untuk kembali semula ke dunia agar di sana mereka tidak lagi mendustakan ayat-ayat ini dan agar di sana mereka akan menjadi orang-orang yang beriman.

Tetapi itu hanya suatu angan-angan yang kosong sahaja yang tidak mungkin berlaku.

Sebenarnya mereka tidak mengetahui tabi'at diri mereka sendiri, iaitu tabi'at tidak beriman. Perkataan mereka yang membayangkan angan-angan diri mereka untuk tidak mendustakan ayat-ayat Allah dan untuk menjadi orang-orang yang beriman andainya mereka diberi kesempatan kembali semula ke dunia itu adalah suatu perkataan yang bohong yang tidak tepat dengan hakikat yang akan dilakukan mereka jika mereka dapat diberikan peluang itu. Mereka mengeluarkan perkataan itu semata-mata kerana mereka melihat akibat yang buruk dari perbuatan mereka yang jahat sebelum ini yang disembunyikan dari pengikut-pengikut mereka untuk menipu bahawa mereka adalah orang-orang yang benar, selamat dan beruntung.

بَلْ بَدَا لَهُم مَّا كَانُوا۟ يُخْفُونَ مِن قَبْلُ ۖ وَلَوْ رُدُّوا۟ لَعَادُوا۟ لِمَا نُهُوا۟ عَنْهُ وَإِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿٢٨﴾

"Malah ketaralah kepada mereka segala dolak-dalik yang disembunyikan mereka sebelum ini dan andainya mereka dikembalikan semula ke dunia tentulah mereka akan kembali melakukan perkara-perkara yang dilarangkan kepada mereka dan sebenarnya mereka adalah pembohong-pembohong belaka."(28)

Allah mengetahui tabi'at mereka dan kedegilan mereka mempertahankan perbuatan-perbuatan mereka yang batil. Allah mengetahui bahawa situasi yang ngeri ketika ditahan di hadapan Neraka itulah yang menyebabkan lidah mereka melafazkan angan-angan dan janji-janji kosong itu.

وَلَوْ رُدُّوا۟ لَعَادُوا۟ لِمَا نُهُوا۟ عَنْهُ وَإِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿٢٨﴾

"Dan andainya mereka dikembalikan semula ke dunia tentulah mereka akan kembali melakukan perkara-perkara yang dilarangkan kepada mereka dan mereka sebenarnya adalah pembohong-pembohong belaka."(28)

Ayat-ayat ini meninggalkan mereka di dalam pemandangan yang cemas, dan jawapan ini merupakan satu jawapan yang memberi tamparan penghinaan dan pendustaan kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 32)

Ia meninggalkan mereka dalam pemandangan yang cemas itu untuk membuka dua lembaran baru yang bertentangan dan melukiskan dua pemandangan yang bertentangan. Pertama ialah pemandangan di

dunia ketika mereka menyatakan dengan tegas bahawa kebangkitan selepas mati, hisab dan balasan itu adalah tidak wujud sama sekali. Kedua ialah pemandangan di Akhirat ketika mereka berdiri di hadapan Allah yang mengajukan pertanyaan

قَالَ أَلَيۡسَ هَٰذَا بِٱلۡحَقِّۚ

"Tidakkah hari kebangkitan ini benar?"(30)

Itulah satu pertanyaan yang membuat mereka menggigil dan hati mereka hancur luluh. Oleh itu mereka memberi satu jawapan yang hina dina:

قَالُواْ بَلَىٰ وَرَبِّنَاۚ

"Jawab mereka: Memang benar! Demi Tuhan kami."(30)

Ketika itu mereka terus dihadapkan kepada 'azab keseksaan yang amat pedih kerana keingkaran mereka. Kemudian ayat yang berikut melukiskan pemandangan mereka dan pemandangan Qiamat yang berlaku secara mendadak setelah mereka mendustakan pertemuan dengan Allah. Lalu mereka menyesal dan terpaksa memikul dosa-dosa di atas belakang mereka dan pada akhirnya ia menjelaskan hakikat nilai dunia dan Akhirat dalam neraca pertimbangan Allah yang adil:

وَقَالُوٓاْ إِنۡ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنۡيَا وَمَا نَحۡنُ بِمَبۡعُوثِينَ ٢٩

وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذۡ وُقِفُواْ عَلَىٰ رَبِّهِمۡۚ قَالَ أَلَيۡسَ هَٰذَا بِٱلۡحَقِّۚ قَالُواْ بَلَىٰ وَرَبِّنَاۚ قَالَ فَذُوقُواْ ٱلۡعَذَابَ بِمَا كُنتُمۡ تَكۡفُرُونَ ٣٠

قَدۡ خَسِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِلِقَآءِ ٱللَّهِۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَتۡهُمُ ٱلسَّاعَةُ بَغۡتَةٗ قَالُواْ يَٰحَسۡرَتَنَا عَلَىٰ مَا فَرَّطۡنَا فِيهَا وَهُمۡ يَحۡمِلُونَ أَوۡزَارَهُمۡ عَلَىٰ ظُهُورِهِمۡۚ أَلَا سَآءَ مَا يَزِرُونَ ٣١

وَمَا ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَآ إِلَّا لَعِبٞ وَلَهۡوٞۖ وَلَلدَّارُ ٱلۡأٓخِرَةُ خَيۡرٞ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ٣٢

"Dan mereka akan berkata: Tiada hidup yang lain kecuali hidup dunia ini sahaja dan kita sekali-kali tidak akan dibangkitkan kembali (29). Dan (engkau akan hairan) andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada Allah Tuhan mereka lalu Allah bertanya: Tidakkah hari kebangkitan ini benar? Jawab mereka: Memang benar, demi Tuhan kami, Lalu Allah berfirman: Dan rasakanlah 'azab ini kerana keingkaran-keingkaran yang dilakukan kamu (30). Sesungguhnya amatlah rugi orang-orang yang telah mendustakan pertemuan dengan Allah sehingga apabila Qiamat datang kepada mereka secara mendadak mereka akan berkata: "Alangkah sesalnya kami terhadap kecuaian kami di dunia" dan mereka memikul dosa-dosa mereka di atas belakang mereka. Sesungguhnya amat buruk dosa yang dipikul mereka (31). Dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya permainan dan hiburan dan demi sesungguhnya negeri Akhirat itu adalah lebih baik kepada orang-orang yang bertaqwa, apakah kamu tidak berfikir?"(32)

Persoalan kebangkitan selepas mati, persoalan hisab dan balasan di Akhirat merupakan persoalan-persoalan 'aqidah yang pokok yang dibawa oleh Islam dan di atas persoalan-persoalan inilah ditegakkan 'aqidah Islam selepas persoalan keesaan Uluhiyah. Tegasnya agama Islam adalah ditegakkan - dari segi 'aqidah, kefahaman, akhlak, perilaku, undang-undang dan peraturan - di atas landasan persoalan ini.

Agama yang dengannya Allah sempurnakan pengurniaan ni'mat-Nya kepada para Mu'minin dan merestuinya sebagai agama mereka - sebagaimana dijelaskan di dalam kitab sucinya Al-Qur'anul-Karim - adalah satu sistem hidup yang lengkap dari segi hakikatnya dan sepadu dari segi strukturnya. Di dalam sistem ini kefahaman i'tiqadnya selaras dan sepadu dengan nilai-nilai akhlaknya dan dengan undang-undang dan peraturannya. Semuanya ditegakkan di atas satu dasar iaitu hakikat Uluhiyah dan hakikat hidup Akhirat.

Hakikat Hidup Mengikut Kefahaman Islam

Oleh itu hakikat hidup mengikut kefahaman Islam bukannya hidup dalam masa yang pendek yang merupakan usia seseorang, bukannya hidup dalam satu zaman yang terbatas yang merupakan usia satu umat manusia dan bukannya hidup dalam satu tempoh yang terkenal sebagai tempoh hidup umat manusia di dunia ini.

Hidup mengikut kefahaman Islam memanjang jauh di dalam zaman dan melebar luas di ufuk-ufuk saujana. Ia memanjang di dalam beberapa alam dan memanjang di dalam berbagai-bagai tahap hidup dari segi hakikatnya. Ia lebih panjang dari masa hidup yang di lihat, di fikir dan dirasai oleh mereka yang tidak memasukkan hidup Akhirat di dalam perhitungan mereka dan tidak mempercayainya.

Hidup mengikut kefahaman Islam memanjang jauh di dalam zaman. Ia merangkumi masa hidup dunia yang terkenal dan masa hidup Akhirat yang tiada siapa mengetahui hujung sutnya melainkan hanya Allah. Masa hidup dunia dibandingkan dengan masa hidup di Akhirat hanya merupakan satu sa'at dari hari siang.

Ia melebar luas di ruang tempat, iaitu ia menambahkan kepada alam bumi yang menjadi gelanggang hidup manusia satu alam yang lain, iaitu alam Syurga yang seluas langit dan bumi dan alam Neraka yang dapat menampung sebilangan ramai umat manusia dari segala generasi yang pernah hidup di bumi ini selama jutaan tahun.

Ia memanjang di dalam beberapa alam, iaitu ia merangkumi alam wujud yang dapat di lihat dan alam ghaib yang tiada siapa mengetahui hakikatnya melainkan Allah. Kita hanya mengetahui alam ghaib ini sekadar yang diterangkan oleh Allah sahaja dan kewujudan alam ini bermula dari sa'at maut dan berakhir dengan hidup di alam Akhirat. Kedua-dua alam maut dan alam Akhirat itu adalah dari rahsia-rahsia ghaib Allah. Dan di dalam dua alam ini kewujudan insan memanjang dan berlanjutan dalam bentuk-bentuk yang tiada siapa mengetahuinya melainkan Allah.

Hakikat hayat itu memanjang merangkumi tahap hidup di dunia yang biasa dan merangkumi berbagai-bagai tahap hidup di alam Akhirat, iaitu tahap-tahap hidup di dalam Syurga dan Neraka. Itulah aneka ragam hidup yang mempunyai kecapan-kecapan yang berlainan dari kecapan-kecapan hidup dunia ini. Hidup dunia dibandingkan dengan hidup Akhirat tidak sama dengan sebelah sayap nyamuk pun!

Kewujudan syakhsiyah insan mengikut kefahaman Islam adalah memanjang di dalam dimensi-dimensi zaman, di dalam ufuk-ufuk ruang yang jauh saujana, di dalam pendalaman-pendalaman beberapa alam dan di dalam berbagai-bagai tahap hidup.

Sejauh mana kefahaman insan terhadap seluruh kewujudan alam terhadap kewujudan insan sendiri, dan sedalam mana penghayatan insan terhadap hidup, juga sebesar mana minat dan perhatian insan terhadap hidup dan nilai-nilainya adalah mengikut dimensi-dimensi zaman, ufuk-ufuk, ruang, pendalaman-pendalaman dan tahap-tahap hidup itu. Bagi orang-orang yang tidak beriman kepada hari Qiamat, maka kefahaman mereka terhadap kewujudan alam buana dan kewujudan insan menjadi begitu sempit kerana mereka mengurungkan diri mereka, kefahaman-kefahaman mereka, nilai-nilai mereka dan perjuangan mereka dalam lubang hidup dunia yang sempit, kecil dan kerdil.

Dari titik perbezaan kefahaman inilah bermulanya perbezaan nilai dan sistem hidup. Di sini dapatlah di lihat dengan jelas bagaimana agama Islam membentuk satu sistem hidup yang sepadu dan selaras. Begitu juga dapat di lihat dengan jelas nilai hidup Akhirat di dalam struktur sistem ini dalam bidang kefahaman, kepercayaan, akhlak, perilaku, undang-undang dan peraturan.

Seorang insan yang hidup di dalam dimensi zaman, ruang, alam-alam, pengecapan dan penghayatan-penghayatan yang amat luas itu tentulah berlainan dari seorang insan yang hidup terkurung di dalam lubang hidup dunia yang sempit dan bertarung dengan orang lain tanpa mengharapkan apa-apa pampasan kerana sesuatu yang terluput darinya dan tanpa mengharapkan apa-apa balasan terhadap amalan-amalan yang dilakukannya kecuali di dunia ini sahaja dan dari manusia sahaja.

Keluasan, kedalaman dan kepelbagaian kefahaman itu melahirkan keluasan jiwa, kebesaran minat dan ketinggian perasaan dan dari keluasan, kedalaman dan kepelbagaian kefahaman ini juga lahirnya akhlak dan perilaku yang berlainan dari akhlak dan perilaku orang-orang yang hidup terperusuk di dalam lubang-lubang hidup dunia yang sempit. Oleh itu apabila keluasan, kedalaman dan kepelbagaian kefahaman itu ditambahkan dengan tabi'at kefahaman ini dan dengan kepercayaan kepada keadilan balasan di negeri Akhirat dan kepercayaan kepada pampasan yang amat besar dan gemilang tentulah seseorang itu bersedia untuk berkorban kerana kebenaran, kebajikan dan kebaikan yang diketahuinya dari suruhan Allah dan menjadi asas pampasan dan balasan di Akhirat. Seseorang itu akan menjadi baik apabila ia yakin akan mendapat balasan di Akhirat mengikut kefahaman Islam. Undang-undang dan peraturan juga akan menjadi baik kerana individu-individu (dalam masyarakat) tidak akan membiarkan undang-undang dan peraturan itu rosak dan menyeleweng kerana mereka yakin bahawa perbuatan mereka yang membungkam seribu bahasa terhadap keburukan dan kerosakan undang-undang dan peraturan itu bukan sahaja akan menyebabkan mereka tidak memperolehi kebaikan dan kebajikan hidup dunia, malah akan menyebabkan mereka tidak mendapat balasan di Akhirat. Ini bererti mereka mendapat kerugian dunia dan Akhirat.

Dunia Merupakan Bendang Bekalan Akhirat

Orang-orang yang membuat pembohongan terhadap kepercayaan kepada hari Akhirat dengan mengatakan bahawa kepercayaan itu akan membawa manusia ke arah bersikap negatif di dalam kehidupan dunia dan ke arah mengabaikan kehidupan dunia dan membiarkannya tanpa berusaha memaju dan mengislahkannya, juga membawa ke arah menyerahkan kehidupan dunia ini ke tangan pemerintah-pemerintah yang zalim dan korap kerana mengharapkan balasan Akhirat, orang-orang yang membuat pembohongan yang seperti ini terhadap kepercayaan kepada hari Akhirat bererti mereka menambahkan kejahilan mereka kepada pembohongan mereka. Mereka mencampuradukkan antara kepercayaan kepada hari Akhirat mengikut kefahaman-kefahaman gereja yang sesat dengan kepercayaan kepada hari Akhirat mengikut kefahaman agama Allah yang betul. Kehidupan dunia mengikut kefahaman Islam merupakan sawah bendang untuk bekalan kehidupan Akhirat. Segala usaha perjuangan seseorang di dunia ini untuk mengislahkan kehidupan dunia, menghapuskan kejahatan dan kerosakan, menolak pencerobohan manusia terhadap kuasa Allah di bumi ini, menolak para Taghut dan menegakkan keadilan dan kebajikan untuk seluruh manusia adalah semuanya merupakan usaha-usaha yang menjadi bekalan hidup di Akhirat. Itulah usaha-usaha yang dapat membuka pintu Syurga kepada para pejuang dan memberi pampasan

kepada mereka terhadap segala kerugian yang dialami mereka (di dunia) dalam perjuangan menentang kebatilan dan terhadap penderitaan dan kemalangan yang menimpa mereka dalam perjuangan itu.

Oleh itu adalah tidak sesuai bagi agama Islam yang mempunyai kefahaman-kefahaman yang seperti ini jika para penganutnya mengabai dan membiarkan kehidupan dunia ini statik hingga menjadi busuk, rosak, kucar-kacir atau dihantui kezaliman dan pencabulan atau menjadi mundur dan ketinggalan dalam kemajuan dan pembangunan, sedangkan mereka mengharapkan kebahagiaan di Akhirat dan mengharapkan ganjaran dan balasan dari Allah.

Apabila ada orang ramai hidup dalam masa-masa tertentu dengan sikap yang negatif dan membiarkan keruntuhan akhlak, kejahatan, kezaliman, pencabulan, kemunduran dan kejahilan menyelubungi kehidupan dunia mereka - sedangkan mereka mengaku beragama Islam - maka puncanya yang sebenar mereka melakukan semua perbuatan itu atau sebahagiannya ialah kerana kefahaman mereka terhadap hakikat Islam telah rosak dan menyeleweng dan kerana keyakinan mereka terhadap hari Akhirat telah menjadi goyah dan lemah. Ia bukannya berpunca dari mereka yang yakin kepada hakikat agama ini dan yakin kepada pertemuan dengan Allah di Akhirat kelak.

Tidak mungkin bagi seseorang yang yakin akan bertemu dengan Allah pada hari Akhirat dan menyedari hakikat agama ini kemudian ia hidup di dunia ini dengan sikap yang negatif atau hidup dalam keadaan yang mundur atau hidup dengan sikap redhakan kejahatan, keruntuhan akhlak, pencabulan dan kezaliman.

Bagaimana Seorang Muslim Menghayati Hidup Di Dunia?

Dalam menjalani kehidupan dunia ini seseorang Muslim yang sebenar merasa dirinya lebih besar dan lebih tinggi dari dunia ini. Ia mencapai ni'mat-ni'mat (dunia yang baik atau bersikap zahid terhadapnya dengan kesedaran bahawa ni'mat-ni'mat itu adalah ni'mat-ni'mat yang halal baginya di dunia ini dan akan merupakan ni'mat-ni'mat yang khusus untuknya pada hari Qiamat kelak. Dia berjuang dan berusaha untuk memajukan kehidupan dunia dan ia menggunakan segala tenaga dan kekuatan yang ada di alam dunia ini dengan kesedaran bahawa usaha-usaha yang seperti itu adalah menjadi tugas dan kewajipannya selaku khalifah Allah di bumi ini. Ia berjuang menentang kejahatan, keruntuhan akhlak dan kezaliman dan sanggup menghadapi penindasan dan berkorban hingga gugur syahid dengan kesedaran bahawa usaha-usaha itu merupakan amalan-amalan bekal yang disediakan untuk dirinya pada hari Akhirat. Dia mengetahui dari ajaran agamanya bahawa dunia ini adalah sawah bendang untuk Akhirat dan seterusnya dia mengetahui bahawa di sana tidak ada jalan ke Akhirat yang tidak melalui jalan dunia dan bahawa dunia ini adalah kecil dan sedikit, namun demikian ia adalah dari ni'mat Allah yang menjadi jambatan untuk menyeberang menuju ni'mat Allah yang amat besar di Akhirat. Setiap bahagian peraturan Islam memberi perhatian kepada hakikat hidup di Akhirat dan kepada natijah-natijahnya yang melahirkan kefahaman yang luas, indah dan luhur, melahirkan akhlak yang tinggi, bersih, toleran, berpegang teguh dengan kebenaran, segan melakukan dosa dan bertaqwa kepada Allah dan seterusnya melahirkan tindakan yang betul, yakin dan penuh tekad di dalam kegiatan insaniyah.

Kerana semua sebab-sebab inilah kehidupan secara Islam tidak mungkin tegak dan teguh tanpa mempunyai keyakinan kepada hari Akhirat, dan kerana semua sebab-sebab inilah juga hakikat Akhirat amat ditekankan di dalam Al-Qur'anul-Karim.

Umat Arab telah hidup dalam jahiliyah dan dengan sebab jahiliyah inilah mereka mempunyai skop-skop kefahaman, kesedaran dan fikiran yang tidak meluas dan tidak menjangkau kepada kepercayaan terhadap wujudnya hidup yang lain dari hidup dunia ini sahaja. Ia tidak menjangkau kepada alam yang lain dari alam yang ada di hadapan mereka. Ia tidak menjangkau kepada wujudnya kesinambungan diri manusia yang berlanjutan di dalam zaman-zaman, ruang-ruang dan pendalaman-pendalaman yang lain dari zaman-zaman, ruang-ruang dan pendalaman-pendalaman yang wujud di alam nyata ini. Skop perasaan, kesedaran, kefahaman dan fikiran mereka lebih mirip dengan skop perasaan, kesedaran dan kefahaman haiwan. Keadaan mereka dalam perkara ini samalah dengan keadaan jahiliyah di zaman sekarang atau zaman ilmiyah yang dinamakan oleh para pendokongnya!

وَقَالُوٓاْ إِنۡ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنۡيَا وَمَا نَحۡنُ بِمَبۡعُوثِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan mereka akan berkata: Tiada hidup yang lain kecuali hidup dunia ini sahaja dan kita sekali-kali tidak akan dibangkitkan kembali."(29)

Allah S.W.T. mengetahui bahawa kepercayaan yang seperti ini mustahil dapat melahirkan di bawah naungannya satu bentuk kehidupan insaniyah yang luhur dan mulia. Inilah ufuk-ufuk perasaan, kesedaran dan kefahaman yang sempit yang mengikat manusia dengan bumi dan mengikatkan kefahamannya dengan perkara-perkara di bumi yang dapat ditanggap oleh pancainderanya sahaja seperti haiwan. Ruang zaman dan tempat yang sempit (di bumi) inilah yang mencetuskan kerakusan dan kegelojohan di dalam jiwa manusia, mencetuskan pertarungan sengit di antara mereka untuk merebut keni'matan-keni'matan yang terbatas dan mencetuskan 'Ubudiyah mereka kepada keni'matan yang kecil ini dan seterusnya melepaskan nafsu-nafsu keinginan mereka yang liar dari tambatannya dan membiarkannya bermaharajalela dengan sendirinya

sahaja tanpa kawalan, tanpa damai, tanpa harapan mendapat pampasan jika nafsu yang rendah yang tidak sampai ke tahap nafsu haiwan itu tidak diberi kepuasan. Undang-undang dan peraturan-peraturan yang diciptakan di bumi ini adalah difikirkan dari sudut ruang zaman dan tempat yang sempit ini sahaja tanpa keadilan, tanpa rahmat kasihan, tanpa kesaksamaan dan tanpa neraca pertimbangan kecuali membiarkan individu-individu bertarung satu sama lain, membiarkan kelas-kelas atau golongan-golongan dalam masyarakat bertentangan satu sama lain dan membiarkan bangsa-bangsa berperang satu sama lain. Semuanya bertindak bebas seperti kebebasan di dalam hutan rimba dan mereka tidak banyak berbeza dari kebebasan binatang dan hantu syaitan sebagaimana yang dapat kita saksikan di alam "tamadun" segenap tempat.

Allah S.W.T. mengetahui semua hakikat ini. Dia mengetahui bahawa umat Islam yang telah ditetapkan olehnya untuk diserahkan tugas menyelia dan mengarahkan kehidupan umat manusia dan tugas memimpin mereka mendaki kemuncak yang tinggi, di mana Allah mahu melahirkan kemuliaan manusia dalam bentuk yang realistik... Dia mengetahui bahawa umat ini tidak mungkin melaksanakan tugas yang besar ini kecuali mereka mengeluarkan kefahaman, pemikiran, dan nilai-nilai hidup mereka dari lubang dunia yang sempit kepada ruang tempat dan ruang zaman yang amat luas atau mengeluarkannya dari kesempitan alam dunia kepada keluasan alam dunia dan Akhirat.

Oleh sebab inilah hakikat Akhirat ditekankan sedemikian rupa (di dalam Al-Qur'an). Pertama kerana ia merupakan suatu hakikat yang benar dan Allah mahu menerangkan segala hakikat yang benar kerana kepercayaan kepada Akhirat merupakan satu kepastian untuk menyempurnakan insaniyah manusia dari segi kefahaman, pemikiran, kepercayaan, akhlak, perilaku, undang-undang dan peraturan.

Oleh sebab-sebab inilah (hakikat Akhirat itu) dijelaskan dengan pertanyaan yang mempunyai nada-nada yang keras, tegas dan mendalam yang dapat kita saksikan dalam gelombang, sungai surah ini yang mengalir begitu deras. Ia dijelaskan dengan nada-nada yang sedemikian kerana Allah mengetahui bahawa hati manusia akan menggelentar apabila mereka mendengarnya dan akan membuka jendela-jendela hati mereka dan alat-alat penerima di dalam jiwa mereka akan bergerak dan beroperasi dengan aktif dan bersedia untuk menerima dan menyambut da'wah di samping ianya merupakan satu hakikat yang benar:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ وُقِفُوا۟ عَلَىٰ رَبِّهِمْ ۚ قَالَ أَلَيْسَ هَٰذَا بِٱلْحَقِّ ۚ
قَالُوا۟ بَلَىٰ وَرَبِّنَا ۚ قَالَ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ

"Dan (engkau akan hairan) andainya engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada Allah Tuhan mereka lalu Allah bertanya: Tidakkah hari kebangkitan ini benar? Jawab mereka: Memang benar, demi Tuhan kami. Lalu Allah berfirman: Dan rasakanlah 'azab ini kerana keingkaran-keingkaran yang dilakukan kamu."(30)

Inilah kesudahan mereka yang mengatakan tiada hidup yang lain kecuali hidup dunia ini sahaja dan kita tidak akan dibangkitkan semula selepas mati. Inilah pemandangan yang menggambarkan keadaan mereka yang penuh kecewa dan hina dina. Mereka dihadapkan di hadapan Allah yang mereka tidak percaya akan bertemu dengan-Nya. Mereka terpaku di tempat ini seolah-olah leher mereka ditarik supaya berdiri begitu. Mereka berada dalam satu pemandangan yang hebat dan ngeri:

قَالَ أَلَيْسَ هَٰذَا بِٱلْحَقِّ ۚ

"Allah bertanya: Tidakkah hari kebangkitan ini benar?"(30)

Ini adalah satu pertanyaan yang amat mengecewa dan menghancurluluhkan hati mereka.

قَالُوا۟ بَلَىٰ وَرَبِّنَا ۚ

"Jawab mereka: Memang benar, demi Tuhan kami."(30)

Kini mereka dihadapkan kepada Allah di hari Akhirat sedangkan pertemuan ini telah ditolak oleh mereka dengan tegas.

Kemudian tibalah keputusan tertinggi Ilahi yang akhir terhadap mereka. Ia diungkapkan dengan ringkas sesuai dengan situasi yang hebat, pemandangan yang ngeri dan nasib kesudahan yang menakutkan itu:

قَالَ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٠﴾

"Lalu Allah bertanya: Rasakanlah 'azab ini dengan sebab keingkaran yang dilakukan kamu."(30)

Itulah nasib kesudahan yang sesuai dengan kumpulan manusia yang enggan menerima kefahaman insaniyah yang luas dan memilih kefahaman kebendaan dari lubang dunia yang sempit. Mereka adalah kumpulan manusia yang tidak mahu meningkatkan diri sendiri ke ufuk insaniyah yang mulia. Mereka hanya ingin hidup kekal di bumi sahaja. Mereka tegakkan hidup dan kehidupan mereka di atas landasan kefahaman yang rendah dan kerdil. Kumpulan manusia ini telah jatuh songsang hingga melayakkan diri mereka untuk menerima 'azab ini, iaitu satu 'azab yang sesuai dengan tabi'at orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat dan orang-orang yang hidup di tahap yang rendah dengan kefahaman yang rendah dan kerdil.

Ayat-ayat yang berikut pula melengkapkan pemandangan ini yang diakhiri di sini dengan

keputusan tertinggi Ilahi yang sesuai dengan kehebatan dan kengeriannya. Ia melengkapkan pemandangan ini dengan menjelaskan hakikatnya:

قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ ٱللَّهِ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَتْهُمُ ٱلسَّاعَةُ بَغْتَةً قَالُوا۟ يَٰحَسْرَتَنَا عَلَىٰ مَا فَرَّطْنَا فِيهَا

"Sesungguhnya amatlah rugi orang-orang yang telah mendustakan pertemuan dengan Allah sehingga apabila Qiamat datang kepada mereka secara mendadak mereka akan berkata: Alangkah sesalnya kami terhadap kecuaian kami di dunia."(31)

Itulah kerugian yang haqiqi dan menyeluruh, iaitu kerugian di dunia kerana menghabiskan umur dalam tahap hidup yang amat rendah dan kerugian di Akhirat sebagaimana yang kita saksikan di dalam pemandangan tadi. Hari Qiamat melanda secara mendadak di luar perhitungan orang-orang yang lalai dan jahil:

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَتْهُمُ ٱلسَّاعَةُ بَغْتَةً قَالُوا۟ يَٰحَسْرَتَنَا عَلَىٰ مَا فَرَّطْنَا فِيهَا

"Sehingga apabila Qiamat datang kepada mereka secara mendadak, mereka akan berkata: Alangkah sesalnya kami terhadap kecuaian kami di dunia."(31)

Kemudian ditayangkan pemandangan yang menggambarkan mereka seperti binatang yang dibebankan dengan barang-barang yang berat.

وَهُمْ يَحْمِلُونَ أَوْزَارَهُمْ عَلَىٰ ظُهُورِهِمْ ۚ

"Dan mereka memikul dosa-dosa mereka di atas belakang mereka."(31)

Malah keadaan binatang-binatang lebih baik dari mereka kerana binatang-binatang menanggung barang-barang yang berat sedangkan mereka memikul bebanan dosa yang berat. Binatang-binatang dapat berehat kembali apabila bebanan barang-barang itu diturunkan dari belakangnya, tetapi mereka membawa beban-beban dosa mereka ke dalam Neraka Jahim dan dihantar dengan kata-kata yang menyesali perbuatan-perbuatan mereka yang berdosa:

أَلَا سَآءَ مَا يَزِرُونَ ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya amatlah buruk dosa-dosa yang dipikul mereka."(31)

Di bawah bayangan pemandangan yang menggambarkan kerugian dan kehilangan ini - setelah ditayangkan pemandangan yang ngeri - tibalah nada bahagian akhir ayat ini, di mana dijelaskan hakikat berat timbangan dunia dan berat timbangan Akhirat di dalam neraca Allah atau hakikat nilai kehidupan dunia dan nilai kehidupan Akhirat di dalam neraca yang betul ini:

وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ ۖ وَلَلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٣٢﴾

"Dan kehidupan dunia itu tidak lain melainkan hanya permainan dan hiburan dan demi sesungguhnya negeri Akhirat itu adalah lebih baik kepada orang-orang yang bertaqwa, apakah kamu tidak berfikir?"(32)

Inilah nilai sempurna yang akhir bagi kehidupan dunia dan kehidupan Akhirat di dalam neraca Ilahi. Sudah tentu timbangan hidup selama sesa'at pada hari siang di planet bumi yang kecil ini hanya merupakan hidup sependek inilah sahaja apabila dibandingkan dengan timbangan hidup di abad-abad yang kekal abadi di alam Akhirat yang amat lebar itu. Sudah tentu nilai kegiatan hidup selama sesa'at di dalam dunia ini hanya merupakan satu kegiatan permainan dan hiburan sejenak sahaja jika dibandingkan dengan keseriusan hidup yang tenang di alam Akhirat yang agung itu.

Jangkitan-jangkitan Dari Kefahaman-kefahaman Asing

Ini adalah satu penilaian yang sempurna tetapi di dalam kefahaman Islam penilaian ini tidak bertujuan mewujudkan sikap yang cuai dan abai terhadap kehidupan dunia. Ia tidak pula bertujuan menimbulkan sikap negatif dan fasiq terhadap kehidupan dunia dan seterusnya tidak pula bertujuan melahirkan sikap memencil dan memisahkan diri dari dunia, kerana sikap cuai dan abai, sikap negatif dan mengasingkan diri dari dunia yang wujud (di kalangan umat Muslimin) terutama di dalam setengah-setengah gerakan "Tasawuf" dan "Zahid" bukannya lahir dari kefahaman Islam, malah sikap itu adalah dari jangkitan kefahaman gereja (Kristian) yang mengamalkan rahbaniyah (cara hidup rahib yang mengasingkan diri dari dunia untuk menumpukan kepada ibadat), juga jangkitan kefahaman Parsi dan setengah-setengah kefahaman aliran Isyraqiyah atau iluminisme Greek yang terkenal setelah aliran ini dipindahkan ke dalam masyarakat Islam.

Contoh-contoh agung yang menggambarkan kefahaman Islam dalam bentuknya yang paling sempurna bukanlah contoh-contoh yang bersifat negatif dan pemencilan diri dari masyarakat. Lihatlah seluruh generasi sahabat yang telah menundukkan syaitan di dalam hati mereka di samping menundukkan syaitan di dalam peraturan-peraturan hidup jahiliyah yang dominan di sekeliling mereka di bumi ini, di mana kuasa Hakimiyah dipegang oleh manusia di dalam kerajaan-kerajaan yang besar. Generasi sahabat inilah yang memahami nilai hidup dunia mengikut nilainya yang sebenar di dalam neraca Allah dan generasi inilah yang berusaha dan bekerja untuk Akhirat dengan jasa-jasa mereka yang besar dan positif di dalam realiti hidup dunia. Merekalah yang mengendalikan kehidupan dunia dengan semangat yang besar dan aktif dan dengan tenaga

yang melihat di dalam segala bidang hidup yang beraneka ragam itu.

Penilaian Rabbani terhadap hakikat hidup dunia dan hidup Akhirat telah menyelamatkan mereka dari menjadi hamba dunia. Mereka tundukkan dunia kepada Allah dan kepada kuasa-Nya, sedangkan dunia tidak dapat menundukkan mereka. Mereka menjalankan urusan khilafah yang mewakili Allah itu dengan melaksanakan segala tugas pembangunan dan pengislahan yang dikehendaki oleh jawatan khalifah Allah, tetapi seluruh aktiviti mereka dalam urusan khilafah itu adalah dilakukan kerana Allah dan mereka mengharapkan ganjarannya di Akhirat. Oleh itu di dunia mereka berjaya mendahului pencinta-pencinta dunia dan di Akhirat juga mereka mendahului mereka.

Akhirat merupakan sebuah alam ghaib yang tidak dapat di lihat dan kepercayaan kepada Akhirat menandakan kefahaman yang luas dan kemajuan tahap pemikiran, sementara usaha-usaha berbekal untuk Akhirat merupakan sebaik-baik usaha bagi orang-orang yang bertaqwa. Ini adalah hakikat yang sememangnya diketahui oleh orang-orang yang berfikir:

وَلَلدَّارُ ٱلۡأٓخِرَةُ خَيۡرٞ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ٣٢

"Dan demi sesungguhnya negeri Akhirat itu adalah lebih baik kepada orang-orang yang bertaqwa. Apakah tidak kamu berfikir?"(32)

Mereka yang ingkarkan alam Akhirat pada hari ini dengan alasan kerana alam Akhirat itu sebuah alam ghaib yang tidak dapat di lihat, maka orang-orang ini sebenarnya adalah orang-orang yang jahil yang mendakwa berilmu. Sebenarnya tidak ada suatu hakikat yang diyakini oleh ilmu manusia pada hari ini melainkan hakikat yang ghaib dan hakikat yang majhul sebagaimana kami akan bicarakan selepas ini.

(Kumpulan ayat-ayat 33 - 39)

قَدۡ نَعۡلَمُ إِنَّهُۥ لَيَحۡزُنُكَ ٱلَّذِي يَقُولُونَۖ فَإِنَّهُمۡ لَا يُكَذِّبُونَكَ وَلَٰكِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ يَجۡحَدُونَ ٣٣

وَلَقَدۡ كُذِّبَتۡ رُسُلٞ مِّن قَبۡلِكَ فَصَبَرُواْ عَلَىٰ مَا كُذِّبُواْ وَأُوذُواْ حَتَّىٰٓ أَتَىٰهُمۡ نَصۡرُنَاۚ وَلَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِ ٱللَّهِۚ وَلَقَدۡ جَآءَكَ مِن نَّبَإِيْ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ٣٤

وَإِن كَانَ كَبُرَ عَلَيۡكَ إِعۡرَاضُهُمۡ فَإِنِ ٱسۡتَطَعۡتَ أَن تَبۡتَغِيَ نَفَقٗا فِي ٱلۡأَرۡضِ أَوۡ سُلَّمٗا فِي ٱلسَّمَآءِ فَتَأۡتِيَهُم بِـَٔايَةٖۚ وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَمَعَهُمۡ عَلَى ٱلۡهُدَىٰۚ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلۡجَٰهِلِينَ ٣٥

إِنَّمَا يَسۡتَجِيبُ ٱلَّذِينَ يَسۡمَعُونَۘ وَٱلۡمَوۡتَىٰ يَبۡعَثُهُمُ ٱللَّهُ ثُمَّ إِلَيۡهِ يُرۡجَعُونَ ٣٦

وَقَالُواْ لَوۡلَا نُزِّلَ عَلَيۡهِ ءَايَةٞ مِّن رَّبِّهِۦۚ قُلۡ إِنَّ ٱللَّهَ قَادِرٌ عَلَىٰٓ أَن يُنَزِّلَ ءَايَةٗ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ٣٧

وَمَا مِن دَآبَّةٖ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا طَٰٓئِرٖ يَطِيرُ بِجَنَاحَيۡهِ إِلَّآ أُمَمٌ أَمۡثَالُكُمۚ مَّا فَرَّطۡنَا فِي ٱلۡكِتَٰبِ مِن شَيۡءٖۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمۡ يُحۡشَرُونَ ٣٨

وَٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَا صُمّٞ وَبُكۡمٞ فِي ٱلظُّلُمَٰتِۗ مَن يَشَإِ ٱللَّهُ يُضۡلِلۡهُ وَمَن يَشَأۡ يَجۡعَلۡهُ عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٣٩

"Sesungguhnya Kami mengetahui bahawa perkataan yang diucapkan mereka amat mendukacitakan engkau. Sebenarnya mereka bukannya mendustakan engkau, tetapi orang-orang yang zalim itu mahu mengingkarkan ayat-ayat Allah (33). Sesungguhnya rasul-rasul sebelum engkau juga telah didustakan lalu mereka bersabar di atas pendustaan dan penganiayaan yang dilakukan ke atas mereka sehingga tiba pertolongan Kami kepada mereka. Dan tiada siapa yang dapat mengubahkan kalimat-kalimat Allah. Dan sesungguhnya telah sampai kepadamu sebahagian dari beritapara rasul (34). Dan andainya penolakan mereka terhadap engkau dirasakan begitu berat, maka jika engkau berkuasa mencari lubang di bumi atau tangga di langit kemudian engkau dapat membawa sesuatu mu'jizat kepada mereka (maka silalah engkau lakukannya). Dan andainya Allah kehendaki nescaya Allah kumpulkan seluruh mereka di atas hidayat. Oleh sebab itu janganlah engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil (35). Sesungguhnya hanya orang-orang yang dapat mendengar sahaja yang menyambut (da'wah Allah) dan orang-orang yang mati itu akan dibangkitkan Allah kemudian mereka akan dikembalikan kepada-Nya (36). Dan mereka (kaum Musyrikin) berkata: Mengapa tidak diturun kepadanya (Muhammad) satu mu'jizat dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah memang berkuasa menurunkan mu'jizat, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (37). Tiada seekor binatang di bumi dan tiada seekor burung yang terbang dengan dua sayapnya melainkan semuanya merupakan umat-umat seperti kamu. Kami tidak tinggal suatu apapun dalam kitab Al-Qur'an, kemudian mereka sekalian akan dikumpulkan mengadap Tuhan mereka (38). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, mereka adalah orang-orang pekak dan bisu yang (hidup) dalam

gelap gelita. Sesiapa yang dikehendaki Allah nescaya Dia biarkannya dalam kesesatan dan sesiapa yang dikehendaki Allah nescaya Dia jadikannya berada di jalan yang lurus."(39)

Di dalam gelombang ayat-ayat yang mengalun-alun kuat di dalam surah ini Allah tujukan perkataan-Nya kepada Rasulullah s.a.w., di mana Allah menghiburkan hati beliau dari kesulitan-kesulitan yang sedang dialaminya akibat kerana beliau telah didustakan oleh kaumnya, sedangkan beliau seorang yang sentiasa bercakap benar, jujur dan amanah. Sebenarnya mereka tidak menganggap beliau berbohong, tetapi mereka mahu menunjukkan sikap mereka yang degil bahawa mereka akan terus mengingkarkan ayat-ayat Allah dan tidak mengi'tirafkannya serta tidak beriman kerana sesuatu tujuan yang lain bukannya kerana menganggap beliau seorang pembohong. Di samping itu Allah hiburkan beliau dengan cerita-cerita pembohongan dan gangguan-gangguan yang dialami oleh saudara-saudara beliau dari para rasul yang diutuskan Allah sebelumnya, juga cerita-cerita kesabaran dan kegigihan perjuangan mereka, di mana akhirnya mereka mencapai kemenangan dengan pertolongan Allah mengikut Sunnatullah yang tidak pernah berubah-ubah. Setelah selesai memberi hiburan, ketenteraman dan keyakinan itu, Allah menoleh kepada Nabi s.a.w. untuk menjelaskan hakikat agung da'wah ini, iaitu perjalanan da'wah adalah berlangsung mengikut perencanaan dan Sunnatullah. Kewajipan para penda'wah hanya menyampai dan memberi penjelasan sahaja dan Allah sendiri yang mengendalikan seluruh urusan da'wah itu. Sementara kewajipan penda'wah ialah meneruskan da'wah mengikut perintah-Nya. Penda'wah tidak boleh melangkah dengan gopoh walaupun setapak dan tidak boleh membuat apa-apa cadangan kepada Allah walaupun penda'wah itu Rasul sendiri. Dan seterusnya ia tidak boleh mendengar pengesyuran-pengesyuran dari orang-orang yang tidak mempercayainya atau dari orang ramai seluruhnya tentang cara-cara da'wah atau pengesyoran-pengesyoran yang menuntut agar ia membawa bukti-bukti yang tertentu. Para pendengar yang terdiri dari mereka yang mempunyai hati yang hidup tetap akan menyambut da'wahnya, tetapi para pendengar dari kumpulan yang mempunyai hati yang mati tetap tidak akan menyambutnya. Urusan ini adalah terpulang kepada iradat Allah. Jika Allah kehendaki Dia akan menghidupkan hati-hati mereka yang mati itu dan jika Dia kehendaki Dia kekalkan hati mereka terus mati hingga mereka kembali kepada-Nya pada hari Qiamat.

Mereka menuntut ditunjukkan mu'jizat sebagaimana yang telah dilakukan oleh kaum-kaum sebelum mereka. Allah memang berkuasa menurunkan mu'jizat, tetapi tidak menurunkannya kerana sesuatu hikmat yang diketahui-Nya. Andainya Rasulullah merasa begitu berat dan sulit terhadap penolakan mereka, maka cubalah beliau dengan usaha dan daya tenaga manusia yang ada padanya membawa bukti kepada mereka. Allah S.W.T. adalah Tuhan yang mencipta seluruh makhluk dan tentulah Dia sahaja yang mengetahui rahsia-rahsia para makhluk yang diciptakan-Nya dan hikmat kelainan sifat-sifat dan tabi'at-tabi'at mereka. Allah membiarkan golongan manusia yang mendustakan Rasul itu terus pekak dan bisu di dalam kegelapan. Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya mengikut hikmat penciptaan dan kepelbagaian yang diketahui oleh-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 36)

قَدْ نَعْلَمُ إِنَّهُۥ لَيَحْزُنُكَ ٱلَّذِى يَقُولُونَ ۖ فَإِنَّهُمْ لَا يُكَذِّبُونَكَ وَلَٰكِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya Kami mengetahui bahawa perkataan yang diucapkan mereka amat mendukacitakan engkau. Sebenarnya mereka bukannya mendustakan engkau, tetapi orang-orang yang zalim itu mahu mengingkarkan ayat-ayat Allah."(33)

Kaum Musyrikin Arab yang hidup di dalam jahiliyah - terutama golongan Quraisy yang menentang da'wah - tidak pernah meragui kebenaran Muhammad s.a.w. Mereka memang mengenalinya sebagai seorang yang sentiasa bercakap benar dan amanah. Mereka tidak pernah tahu bahawa beliau pernah bercakap bohong walaupun sekali selama beliau hidup di kalangan mereka sebelum beliau diangkat menjadi Rasul. Begitu juga golongan yang mengepalai penentangan terhadap da'wah beliau tidak ragu-ragu tentang kebenaran kerasulannya dan kebenaran bahawa Al-Qur'an bukannya dari qalam manusia dan manusia tidak mampu mengadakan karangan yang sama dengan Al-Qur'an.

Namun demikian, mereka enggan menzahirkan pengakuan mereka dan enggan menganut agama yang baru itu. Mereka enggan berbuat begitu bukan kerana mereka mendustakan Nabi s.a.w., tetapi kerana da'wah beliau mengancam pengaruh dan kedudukan mereka. Inilah sebab yang mendorong mereka mengingkarkan ayat-ayat Allah dan mengekalkan diri mereka di dalam kepercayaan syirik yang dihayati mereka.

Riwayat-riwayat yang menjelaskan sebab-sebab yang sebenar mengapa kaum Quraisy mengambil sikap yang seperti ini, juga menjelaskan hakikat tanggapan mereka terhadap Al-Qur'an adalah banyak dan di antaranya:

Pembesar-pembesar Menghadapi Pengaruh Al-Qur'an

Ujar Ibn Ishak: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn Muslim ibn Syihab az-Zuhri: Ia telah diceritakan bahawa Abu Sufyan ibn Harb, Abu Jahl ibn Hisyam dan al-Akhnaz ibn Shurayq ibn 'Amru ibn Wahb Ath-Thaqafi sekutu Bani Zahrah, mereka masing-masing keluar sendirian pada suatu malam

untuk mendengar Rasulullah s.a.w. (membaca Al-Qur'an) semasa beliau mengerjakan sembahyang di rumahnya. Setiap orang dari mereka mengambil tempat masing-masing untuk mendengar dan setiap orang dari mereka pula tidak mengetahui tempat duduk kawan-kawannya. Mereka mendengar sepanjang malam itu dan apabila tiba waktu pagi mereka masing-masing berundur dari situ kemudian tiba-tiba mereka bertemu satu sama lain di tengah jalan lalu mereka mencaci satu sama lain dan berkata: "Jangan awak kembali berbuat begini lagi. Andainya awak di lihat oleh setengah-setengah orang yang bodoh tentulah perbuatan ini akan menimbulkan sesuatu keraguan di dalam hati mereka". Selepas itu mereka bersurai, tetapi pada malam yang kedua mereka datang lagi ke tempat masing-masing mendengar beliau membaca Al-Qur'an di sepanjang malam itu dan apabila fajar menyingsing mereka berundur dari situ dan tiba-tiba sekali lagi mereka bertembung di tengah jalan lalu mereka berkata satu sama lain sama seperti apa yang mereka katakan pada kali (malam) yang pertama kemudian mereka bersurai. Tetapi pada malam yang ketiga mereka datang lagi ke tempat itu dan terus mendengar beliau membaca Al-Qur'an di sepanjang malam itu. Apabila fajar menyingsing mereka berundur dari situ dan sekali lagi mereka bertembung di tengah jalan lalu mereka berkata satu sama lain: "Kita tidak akan berpisah sehingga kita semua berjanji bahawa kita tidak akan kembali berbuat begini lagi". Lalu mereka berjanji tidak akan kembali melakukan perbuatan ini. Pada pagi itu al-Akhnaz ibn Shurayq mencapai tongkatnya lalu keluar menemui Abu Sufyan ibn Harb di rumahnya dan berkata: "Ceritakan kepadaku apakah pendapat awak tentang ayat-ayat Al-Qur'an yang awak dengar dari Muhammad itu?" Jawab Abu Sufyan: "Wahai Abu Tha'labah! Demi Allah, aku telah mendengar banyak ayat-ayat yang aku tahu dan aku tahu pula maksud-maksudnya dan banyak pula aku mendengar perkara-perkara yang aku tidak mengerti makna dan maksudnya". Lalu al-Akhnaz menyampuk: "Aku juga sama seperti awak". Kemudian al-Akhnaz keluar dari rumah Abu Sufyan dan terus menuju ke rumah Abu Jahl. Setelah ia masuk ke dalam rumahnya dan menemuinya ia terus bertanya: "Wahai Abul-Hakam! Apakah pendapat awak tentang ayat-ayat Al-Qur'an yang awak dengar dari Muhammad itu?" Jawab Abu Jahl: "Apa yang aku dengar?" Kemudian dia berkata: "Sebenarnya kami dan keluarga 'Abdu Manaf (keluarga Rasulullah) itu memang sentiasa berlawan dan bertanding untuk merebut kedudukan yang tinggi. Jika mereka memberi jamuan kami ikut memberi jamuan. Jika mereka memberi pertolongan kami ikut memberi pertolongan sehingga apabila kami dan mereka berdiri sama tinggi duduk sama rendah dan tak ubah seperti dua ekor kuda lumba yang setanding tiba-tiba mereka berkata: Dari golongan kami lahirnya seorang Nabi yang menerima wahyu dari langit. Bilakah pula kita akan mendapat kedudukan ini? Demi Allah kita tidak akan beriman kepadanya (Muhammad) dan tidak akan percaya kepadanya". Kemudian al-Akhnaz bangkit dan terus keluar meninggalkan Abu Sufyan.

Ibn Jarir telah meriwayatkan dari saluran Asbat dari as-Suddi mengenai pentafsiran firman Allah Taala:

قَدْ نَعْلَمُ إِنَّهُۥ لَيَحْزُنُكَ ٱلَّذِى يَقُولُونَ ۖ فَإِنَّهُمْ لَا يُكَذِّبُونَكَ وَلَٰكِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya Kami mengetahui bahawa perkataan yang diucapkan mereka amat mendukacitakan engkau. Sebenarnya mereka bukannya mendustakan engkau, tetapi orang-orang yang zalim itu mahu mengingkarkan ayat-ayat Allah."(33)

Katanya: Pada hari Peperangan Badar, al-Akhnas ibn Shurayq telah berkata kepada Bani Zuhrah: "Wahai Bani Zuhrah! Sebenarnya Muhammad itu anak lelaki kepada saudara perempuan kamu. Oleh itu kamulah yang lebih berhak mempertahankan anak lelaki kepada saudara perempuan kamu. Jika beliau itu benar seorang Nabi, maka mengapa pula kamu hendak memeranginya? Dan jika beliau seorang pembohong, maka kamulah yang lebih berhak menahan anak lelaki kepada saudara perempuan kamu itu. Jangan bergerak ke mana-mana sehingga aku menemui Abul-Hakam. Jika Muhammad menang kamu dapat pulang dengan selamat dan jika beliau kalah, maka kaum kamu tidak akan berbuat apa-apa kepada kamu. Sejak hari itulah dia digelarkan dengan gelaran al-Akhnaz (penyembunyi diri), sedangkan namanya yang sebenar ialah Ubay. Kemudian al-Akhnaz bertemu dengan Abul-Hakam dan bercakap dengannya sama seorang. Dia berkata: "Wahai Abul-Hakam! Terangkanlah kepada saya tentang Muhammad, apakah ia seorang yang bercakap benar atau seorang pembohong, kerana di sini tidak ada orang Quraisy yang lain dari saya dan awak yang mendengar percakapan kita!" Lalu Abu Jahl menjawab: "Awak sungguh baik! Demi Allah, Muhammad adalah seorang yang bercakap benar. Muhammad tidak pernah bercakap bohong, tetapi jika suku Quraisy (suku keluarga Muhammad) itu telah membolot semua jawatan-menjaga panji-panji, menjaga urusan minuman untuk pengunjung-pengunjung Ka'bah, menjaga urusan Ka'bah dan menjadi nabi, maka apakah lagi jawatan-jawatan yang tinggal untuk suku-suku Quraisy yang lain?". Dan kerana inilah Allah berfirman:

"Sebenarnya mereka bukannya mendustakan engkau, tetapi orang-orang yang zalim itu mahu mengingkarkan ayat-ayat Allah."(33)

Di sini dapatlah kita memerhati bahawa surah ini adalah surah Makkiyah dan tidak syak lagi bahawa

ayat ini adalah diturunkan di Makkah, sedangkan peristiwa tersebut berlaku di Madinah pada masa Peperangan Badar, tetapi apabila kita sedar bahawa rawi-rawi itu kadang-kadang mengatakan tentang mana-mana ayat: "Peristiwa inilah yang menjadi sebab nuzulnya firman Allah sekian-sekian... iaitu mereka hubungkan mana-mana peristiwa kepada suatu ayat, sedangkan peristiwa itu bukanlah benar-benar tepat menjadi sebab nuzulnya ayat itu, tetapi mereka berbuat begitu kerana pengertian ayat itu sesuai dengan peristiwa itu tanpa memandang sama ada ayat itu turun terdahulu atau kemudian dari ayat itu. Jika beginilah kedudukannya, maka kami tidak merasa ganjil dengan riwayat ini.

Ujar Ibn Ishaq: Kami telah diceritakan oleh Yazid ibn Ziad dan 'Muhammad ibn Ka'ab Al-Qurazi katanya: Aku telah diceritakan bahawa 'Utbah ibn Rabi'ah salah seorang pembesar Quraisy telah berkata pada suatu hari semasa dia duduk di majlis perhimpunan orang-orang Quraisy, sedangkan Rasulullah s.a.w. duduk seorang diri sahaja di dalam masjid "Wahai orang-orang Quraisy apa kata tuan-tuan jika saya pergi menemui Muhammad untuk berjumpa dengannya dan mengemukakan beberapa tawaran kepadanya semoga ia dapat menerima setengah-setengah tawaran itu dan kita berikan kepadanya apa yang dikehendaki olehnya supaya ia berhenti dari menyakiti kita". Peristiwa ini berlaku selepas Hamzah r.a. memeluk Islam dan selepas mereka melihat sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. semakin bertambah ramai jawab mereka:" Wahai Abul-Walid! Pergilah awak menemui dan berbicaralah dengannya". Lalu 'Utbah pun bangkit dan terus pergi menemui beliau. Dia duduk mengadap Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai anak saudaraku! Sebagaimana anda sendiri tahu bahawa anda ini adalah dari kaum kami. Anda mempunyai kedudukan yang senang dan terhormat di kalangan keluarga dan darjah yang tinggi di dalam keturunan. Anda telah membawa kepada kaum anda satu ajaran yang besar. Dengan ajaran ini anda telah memecahbelahkan perpaduan mereka, membodoh-bodohkan akal fikiran mereka, mencaci tuhan-tuhan dan agama mereka dan seterusnya mengkafirkan datuk nenek mereka yang lampau. Oleh itu dengarlah, saya mahu kemukakan beberapa tawaran kepada anda untuk difikirkan anda semoga anda boleh menerima setengah-setengah dari tawaran itu". jawab Rasulullah s.a.w.: "Baiklah, wahai Abul-Walid dan cakaplah! Saya bersedia mendengarnya!" Lalu 'Utbah pun berkata: "Wahai anak saudaraku, jika tujuan anda membawa ajaran ini untuk mendapatkan harta kekayaan, kami sanggup mengumpulkan harta kekayaan kami hingga anda dapat menjadi seorang yang paling kaya di kalangan kami. Jika tujuan anda untuk mendapatkan darjah kemuliaan, kami sanggup melantikkan anda sebagai ketua kami hingga kami tidak akan membuat sesuatu keputusan tanpa persetujuan anda. Jika tujuan anda mahu menjadi raja, kami bersedia melantikkan anda sebagai raja kami dan jika apa yang datang kepada anda ini adalah dari rasukan jin yang tidak dapat ditolak oleh anda, maka kami bersedia mencari dukun dan kami akan membelanjakan harta kami hingga anda sembuh darinya kerana kadang-kadang jin akan terus mengongkong seseorang sehingga ia diubati". Setelah selesai 'Utbah berbicara dan Rasulullah s.a.w. mendengarnya dengan teliti, maka beliau pun bersabda: "Sudahkah habis segala apa yang hendak dikatakan oleh anda, wahai Abul-Walid?" Jawab Abul-Walid: "Ya". Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dengarlah apa yang saya baca!". Jawab Abul-Walid: "Sila!". Lalu beliau membaca:

Dengan nama Allah

Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

حمٓ ﴿١﴾
تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢﴾
كِتَٰبٌ فُصِّلَتۡ ءَايَٰتُهُۥ قُرۡءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوۡمٍ يَعۡلَمُونَ ﴿٣﴾
بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعۡرَضَ أَكۡثَرُهُمۡ فَهُمۡ لَا يَسۡمَعُونَ ﴿٤﴾
وَقَالُواْ قُلُوبُنَا فِيٓ أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدۡعُونَآ إِلَيۡهِ وَفِيٓ ءَاذَانِنَا
وَقۡرٌ وَمِنۢ بَيۡنِنَا وَبَيۡنِكَ حِجَابٌ فَٱعۡمَلۡ إِنَّنَا عَٰمِلُونَ ﴿٥﴾
قُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثۡلُكُمۡ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٌ
وَٰحِدٌ فَٱسۡتَقِيمُوٓاْ إِلَيۡهِ وَٱسۡتَغۡفِرُوهُۗ وَوَيۡلٌ
لِّلۡمُشۡرِكِينَ ﴿٦﴾

"Ha, Mim (1). Al-Qur'an diturunkan dari Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih (2). Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya dengan terperinci, sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui (3). Yang membawa berita gembira dan memberi peringatan, tetapi kebanyakan mereka berpaling darinya, kerana mereka tidak mahu mendengarnya (4). Dan mereka berkata: "Hati kami tertutup dari da'wah yang engkau serukan kami kepadanya, dan telinga kami tersumbat dan di antara kami dan engkau ada suatu hijab. Oleh itu bertindaklah engkau (mengikut jalanmu) dan kami juga bertindak (mengikut jalan kami) (5). Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku adalah manusia seperti kamu, dan aku telah diwahyukan bahawa sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu bertawajjuh kepada-Nya dengan lurus dan pohonlah keampunan dari-Nya dan celakalah bagi orang-orang Musyrikin."(6)

(Surah Fussilat)

Kemudian Rasulullah s.a.w. meneruskan bacaannya dan 'Utbah mendengarnya dengan teliti. Ia menghulurkan dua tangannya ke belakang

menongkatkan badannya mendengar bacaan beliau. Kemudian bacaan Rasulullah s.a.w. berakhir kepada ayat sujud lalu beliau pun sujud. Setelah itu beliau bersabda: "Wahai Abul-Walid! Anda telah mendengar apa yang saya baca dan kini terserahlah kepada anda menimbangkannya". Lalu 'Utbah pun kembali kepada sahabat-sahabatnya. Mereka berkata satu sama lain: "Kami berani bersumpah dengan nama Allah bahawa Abul-Walid telah balik kepada kamu dengan muka yang berlainan dari mukanya sewaktu ia pergi". Apabila 'Utbah duduk mengadap mereka, mereka pun bertanya: "Ada berita apa, wahai Abul-Walid?" Jawab 'Utbah: "Beritanya aku telah mendengar perkataan-perkataan yang tidak pernah aku dengar. Demi Allah perkataan-perkataan itu bukannya ungkapan-ungkapan sajak, bukan pula perkataan-perkataan jampi tukang sihir, bukan pula perkataan-perkataan mentera pawang. Wahai orang-orang Quraisy! Ikutlah cakap saya, biarkanlah lelaki ini (Muhammad) dengan keadaannya yang ada sekarang ini, jangan ganggu dia! Demi Allah perkataan-perkataan yang telah aku dengar darinya itu akan melahirkan satu peristiwa yang besar. Jika orang-orang Arab bertindak terhadapnya bererti kamu telah selamat darinya dengan tindakan orang-orang yang lain dari kamu, dan jika dia dapat menguasai orang-orang Arab, maka kerajaannnya bererti kerajaan kamu, kemulian dan kekuasaannya bererti kemuliaan dan kekuasaan kamu dan kamu akan menjadi satu umat yang paling bahagia dengan sebabnya". Lalu mereka berkata: "Demi Allah, wahai Abul-Walid, awak telah disihirkan oleh kepetahan lidahnya". Jawab Abul-Walid: "Ini adalah pendapatku terhadapnya. Oleh itu buatlah apa yang kamu nampak".

Al-Baghawi telah meriwayatkan sebuah hadith dalam tafsirnya dengan isnadnya[2] daripada Jabir ibn Abdullah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. meneruskan bacaannya sehingga sampai kepada firman-Nya:

فَإِنۡ أَعۡرَضُواْ فَقُلۡ أَنذَرۡتُكُمۡ صَٰعِقَةٗ مِّثۡلَ صَٰعِقَةِ عَادٖ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah: "Aku memberi amaran kepada kamu dengan petir yang serupa dengan petir yang telah membinasakan 'Ad dan Thamud."(13)

(Surah Fussilat)

Mendengar ayat ini 'Utbah terus meletakkan tangannya di atas mulut Rasulullah s.a.w. (supaya beliau jangan meneruskan lagi bacaannya) dan merayu kepada beliau atas nama hubungan rahim, kemudian ia terus pulang mendapatkan keluarganya. Ia tidak keluar menemui kaum Quraisy, malah menyembunyikan diri dari mereka...hingga akhir cerita... Kemudian apabila 'Utbah menceritakan hal ini kepada mereka dia berkata: "Aku menahan mulutnya dan merayu atas nama hubungan rahim supaya dia tidak meneruskan bacaan-bacaannya, kerana sebagaimana kamu sekalian tahu jika Muhammad mengatakan sesuatu, dia tidak berdusta kerana itu aku bimbang kamu akan ditimpa 'azab Allah."

Ujar Ibn Ishak: Sekumpulan orang-orang Quraisy datang menemui al-Walid ibn al-Mughirah sebagai seorang tua dalam kalangan mereka, Pada masa itu musim haji atau kunjungan ke Ka'bah telah pun tiba lalu ia berkata kepada mereka: "Wahai orang-orang Quraisy! Musim haji telah pun tiba dan rombongan-rombongan orang-orang Arab akan datang kepada kamu, dan tentulah mereka telah mendengar cerita kawan kamu ini (Muhammad). Oleh itu hendaklah kamu mengeluarkan satu pendapat sahaja mengenainya dan jangan mengeluarkan pendapat-pendapat yang berlainan hingga menyebabkan kamu mendustakan satu sama lain dan membantah pendapat-pendapat kamu sesama endiri". Mereka pun berkata: "Wahai Abdusy Syams! Tolonglah katakan dan berikan kami satu pendapat supaya kami dapat katakannya". Lalu dijawabnya: "Bahkan kamulah yang patut mengeluarkan pendapat-pendapat kamu dan biarkan aku yang mendengarnya". Jawab mereka: "Kita katakan sahaja dia itu seorang kahin". Jawabnya: "Tidak! Demi Allah, dia bukan kahin, kerana kita semua telah melihat kahin-kahin, tetapi dia bukan mengeluarkan jampi mentera kahin dan madah-madah yang bersajak seperti madah kahin"'. Mereka berkata lagi: "Bagaimana kita katakan dia itu seorang gila?" Jawabnya: "Tidak! Dia bukannya seorang gila, kerana kita semua melihat dan mengetahui siapa orang gila. Dia tidak pernah menunjukkan sifat-sifat meradang, memberang, mengarut dan was-was seperti orang gila". Mereka berkata pula: "Baiklah, kita katakan dia itu serang penyair". Jawabnya: "Dia juga bukan seorang penyair, kita semua tahu segala ragam dan bentuk sajak, tetapi perkataan-perkataannya bukan sajak". Mereka berkata lagi: "Baiklah, kita katakan dia itu tukang sihir?" Jawabnya: "Tidak! Dia juga bukan tukang sihir kerana kita pernah tengok tukang-tukang sihir dan sihir-sihir yang ditunjukkan mereka. Dia tidak pernah menghembus dan menyimpulkan tali-tali ikatan seperti mereka". Kata mereka: "Jadi, apa yang patut kita katakan, wahai Abdu Syam?" Jawabnya: "Perkataannya sungguh manis ibarat sebatang pokok, batangnya bercabang rimbun dan dahan-dahannya berbuah lebat. Apa sahaja tuduhan-tuduhan seperti itu yang kamu katakan kepadanya, maka semuanya akan diketahui orang sebagai tuduhan-tuduhan yang tidak betul. Pendapat-pendapat yang lebih hampir tepat dengannya ialah dia itu ahli sihir kerana dia mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh memecahbelahkan di antara anak dengan bapa, di antara seorang dengan saudaranya, di antara suami dengan - isterinya dan di antara seorang dengan

---

[2] *Di dalam sanad hadith ini ada seorang rawi bernama Abdullah al-Kindi al-Kufi dan menurut pendapat Ibn Kathir: Riwayat ini ada sedikit kelemahan.*

keluarganya". Lalu mereka bersurai setelah bersetuju dengan pendapat itu. Kemudian mereka duduk menunggu di jalan-jalan yang dilalui orang ramai semasa mereka datang di musim haji itu. Tiada seorang yang lalu menemui mereka melainkan mereka mengingatkan supaya berwaspada terhadap Muhammad, kemudian mereka terus menceritakan hal beliau......

Ujar Ibn Jarir: Kami telah diceritakan oleh Ibn 'Abdul-A'la, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Thaurah dari Ma'mar dari 'Ubadah ibn Mansur dari 'Ikrimah: Bahawa al-Walid ibn al-Mughirah telah datang menemui Nabi s.a.w. Lalu beliau membaca Al-Qur'an kepadanya dan dia, seolah-olah tertarik kepada beliau. Kemudian berita pertemuan itu sampai kepada Abu Jahl ibn Hisyam lalu dia datang menemui al-Walid dan berkata kepadanya: "Pakcik! Kaum pakcik mahu mengumpulkan harta kekayaan untuk pakcik". Lalu dia bertanya, "Mengapa?". Jawab Abu Jahl, "Mereka mahu memberikannya kepada pakcik sebab pakcik telah menemui Muhammad kerana meminta sesuatu darinya" (Abu Jahl mahu membakar hati al-Walid dari segi kewangan, kerana dia tahu al-Walid sangat sensitif dengan hal ini). Lalu al-Walid berkata, "Orang Quraisy memang tahu bahawa akulah orang yang paling kaya di dalam kalangan mereka". Balas Abu Jahl: "Berilah pendapat pakcik terhadap Muhammad supaya kaum pakcik semua tahu bahawa pakcik tidak percaya kepada apa yang dicakapkannya dan menaruh benci kepadanya". Jawab al-Walid, "Apakah yang aku akan katakan terhadapnya? Demi Allah, tidak seorang pun dari kamu yang lebih alim dariku tentang sajak-sajak dan ragam-ragamnya, juga sajak-sajak jin. Tetapi demi Allah, apa yang diucapkan oleh Muhammad itu tidak serupa sedikit pun dengan sajak-sajak itu. Demi Allah, kata-kata yang diucapkannya itu amat manis dan amat indah. Kata-katanya menghancurkan segala kata-kata yang rendah darinya dan ia begitu tinggi hingga tiada kata-kata yang lain yang mengatasinya". Kata Abu Jahl, "Demi Allah, kaum pakcik tidak akan puas hati sehingga pakcik memberi pendapat pakcik terhadap kata-kata yang diucapkan oleh Muhammad itu". Jawab al-Walid, "Baiklah! Biarkan aku fikirkannya". Setelah berfikir dia pun berkata, Al-Qur'an yang diucapkan oleh Muhammad ini tidak lain melainkan kata-kata sihir yang dinukilkan dari ahli-ahli sihir". Lalu turunlah ayat (Surah al-Muddaththir) dari ayat (1) hingga ayat (30).

Mengikut satu riwayat yang lain, orang-orang Quraisy berkata: "Jika al-Walid keluar dari agamanya, maka seluruh orang-orang Quraisy akan ikut keluar dari agama mereka". Lalu Abu Jahl berkata, "Biarlah aku menolong kamu untuk menghalanginya". Kemudian dia masuk menemui al-Walid. Selepas berfikir panjang al-Walid berkata, "Al-Qur'an yang diucapkan oleh Muhammad ialah kata-kata sihir yang dinukil dari ahli-ahli sihir. Tidakkah kamu lihat bagaimana Muhammad telah memecahbelahkan antara seseorang dengan keluarganya, anak-anaknya dan bekas-bekas hambanya?"

Semua riwayat ini menunjukkan bahawa mereka yang mendustakan Rasulullah s.a.w. itu bukannya kerana mereka beranggapan bahawa beliau telah berbohong kepada mereka, malah mereka mendustakan beliau kerana mereka mahu berkuasa dan berdegil dengan kepercayaan syirik berdasarkan sebab-sebab yang diceritakan oleh riwayat-riwayat itu, di mana sebab utama di sebalik riwayat-riwayat itu ialah mereka menduga bahawa gerakan da'wah akan merampas kuasa Hakimiyah Allah Yang Maha Esa yang telah dirampas dan digunakan oleh mereka sebagaimana yang difahamkan mereka dari maksud pengakuan La ilaha Illallah yang menjadi rukun agama ini. Mereka benar-benar memahami maksud dari pengakuan itu di dalam bahasa mereka. Mereka tidak mahu menerima konsep pengakuan itu kerana konsep itu merupakan satu revolusi yang total (yang meruntuhkan) seluruh kuasa Hakimiyah yang lain di dalam kehidupan manusia kecuali kuasa Hakimiyah Allah. Amatlah benar firman Allah Yang Maha Besar:

قَدْ نَعْلَمُ إِنَّهُۥ لَيَحْزُنُكَ ٱلَّذِى يَقُولُونَ ۖ فَإِنَّهُمْ لَا يُكَذِّبُونَكَ وَلَٰكِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴿٣٣﴾

"Sebenarnya Kami mengetahui bahawa perkataan yang diucapkan mereka amat mendukacitakan engkau. Sebenarnya mereka bukannya mendustakan engkau, tetapi orang-orang yang zalim itu mahu mengingkarkan ayat-ayat Allah."(33)

Orang yang zalim yang dimaksudkan di sini ialah orang-orang Musyrikin, kerana inilah maksud biasa di dalam pengungkapan Al-Qur'anul-Karim.

Dari ayat yang memuat pernyataan yang menghiburkan Rasulullah s.a.w. dan menerangkan sebab-sebab yang haqiqi di sebalik pendirian para pendusta itu terhadap beliau dan da'wahnya, juga menjelaskan ayat-ayat Allah yang mengakui kebenaran beliau dan kebenaran segala apa yang dibawa olehnya, maka ayat-ayat yang berikut beralih pula kepada pembicaraan yang mengingatkan beliau bahawa segala apa yang telah berlaku kepada beliau adalah sama sahaja dengan apa yang telah berlaku kepada saudara-saudara beliau yang lain, iaitu rasul-rasul yang telah dibangkitkan sebelum beliau. Cerita-cerita mereka telah pun disampaikan kepada beliau di dalam Al-Qur'an bagaimana mereka berjuang dengan penuh kesabaran dan terus berjuang sehingga mereka mencapai kemenangan dengan pertolongan Allah. Semua penerangan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan bahawa hakikat ini merupakan undang-undang da'wah yang tidak pernah berubah dan tidak pula pernah diubah kerana cadangan-cadangan dan pengesyuran-pengesyuran manusia. Begitu juga da'wah ini tidak boleh dipinta supaya dipercepatkan sekalipun para penda'wah mengalami gangguan-gangguan, menghadapi pendustaan dan kesulitan yang amat besar:

وَلَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ فَصَبَرُوا۟ عَلَىٰ مَا كُذِّبُوا۟

وَأُوذُوا حَتَّىٰ أَتَاهُمْ نَصْرُنَا ۚ وَلَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ ۚ
وَلَقَدْ جَاءَكَ مِن نَّبَإِ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya rasul-rasul sebelum engkau juga telah didustakan lalu mereka bersabar di atas pendustaan dan penganiayaan yang dilakukan ke atas mereka sehingga tiba pertolongan Kami kepada mereka. Dan tiada siapa yang dapat mengubahkan kalimat-kalimat Allah. Dan sesungguhnya telah sampai kepadamu sebahagian dari berita para rasul."(34)

Angkatan penda'wah kepada Allah adalah satu angkatan yang amat tua, angkatan yang begitu jauh memasuki liku-liku zaman yang silam, angkatan yang melalui jalan yang amat luas, melalui jalan jauh yang sayup saujana dengan langkah-langkah yang lurus dan tetap, iaitu sebatang jalan yang sentiasa diganggu dan ditentangi oleh para penjenayah dari segenap pihak dan oleh pengikut-pengikut ajaran-ajaran yang sesat. Di jalan inilah ramai penda'wah menghadapi berbagai-bagai gangguan dan ramai pula yang tumpah darah dan berkecai anggota-anggota tubuh badan mereka, tetapi angkatan da'wah tetap maju ke depan, tidak pernah tunduk, tidak pernah undur dan berpatah balik dan tidak pernah menyimpang dari jalan perjuangan biar apapun akibatnya. Biar bagaimana panjang masa perjuangannya dan jauh perjalanannya sekalipun, namun pertolongan Allah tetap selama-lamanya berada di penghabisan jalan:

وَلَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ فَصَبَرُوا عَلَىٰ مَا كُذِّبُوا
وَأُوذُوا حَتَّىٰ أَتَاهُمْ نَصْرُنَا ۚ وَلَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ ۚ
وَلَقَدْ جَاءَكَ مِن نَّبَإِ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya rasul-rasul sebelum engkau juga telah didustakan lalu mereka bersabar di atas pendustaan dan penganiayaan yang dilakukan ke atas mereka sehingga tiba pertolongan Kami kepada mereka. Dan tiada siapa yang dapat mengubahkan kalimat-kalimat Allah. Dan sesungguhnya telah sampai kepadamu sebahagian dari berita para rasul." (34)

Ayat ini ditujukan Allah kepada Rasulullah s.a.w. untuk memberi ingatan, hiburan dan ketenangan hati kepada beliau. Ayat ini menggariskan jalan yang terang dan peranan yang tetap kepada para penda'wah selepas Rasulullah s.a.w., di samping menerangkan kesulitan-kesulitan jalan da'wah dan rintangan-rintangan, seterusnya menerangkan kejayaan dan pertolongan Allah yang menunggu mereka selepas itu di penghabisan jalan.

Ayat ini mengajar mereka bahawa undang-undang Allah dalam urusan da'wah itu adalah satu sahaja di samping mengajar mereka bahawa da'wah itu adalah satu kesatuan yang tidak berbelah-bagi, dan ia tetap didustakan oleh kebanyakan manusia dan para penda'wah juga tetap menerima berbagai-bagai gangguan dan tentangan. Mereka seharusnya bersabar menghadapi pendustaan dan sebarang gangguan, kerana mengikut Sunnatullah da'wah tetap akan mendapat kemenangan dan pertolongan Allah di penghabisan jalan perjuangan. Kemenangan dan kejayaan tetap dicapai mengikut waktunya, dan waktu kemenangan itu tidak dipercepatkan dengan alasan kerana para penda'wah yang jujur dan ikhlas itu sedang menghadapi gangguan dan pendustaan dan tidak pula dengan alasan kerana para penjenayah yang sesat dan menyesatkan itu sedang bertindak menggugatkan para penda'wah yang ikhlas dan jujur itu. Begitu juga waktu kemenangan itu tidak dipercepatkan dari masanya yang telah ditetapkan Allah dengan alasan kerana para penda'wah yang ikhlas dan bersih dari kepentingan dan kehendak-kehendak keinginan diri itu berjuang dengan tujuan untuk menyampaikan hidayat kepada kaum mereka semata-mata kerana inginkan mereka mendapat hidayat, dan kerana sedihkan keadaan mereka yang hidup di dalam kesesatan dan kecelakaan, juga kerana mengenangkan nasib mereka yang akan ditimpa kebinasaan dan keseksaan di dunia dan Akhirat. Semua alasan ini tidak dapat mempercepatkan masa kemenangan dan kejayaan dari masa yang telah ditetapkan Allah, kerana Allah tidak mempercepat-kan masa kemenangan itu dengan tujuan untuk memenuhi kehendak-kehendak hamba-Nya yang gopoh. Keputusan-keputusan Allah adalah keputusan-keputusan yang tetap tidak berubah sama ada keputusan-keputusan itu berhubung kait dengan kemenangan atau berhubung kait dengan ajal yang telah ditetapkan Allah.

Itulah pernyataan yang serius dan tegas di samping memberi ketenangan, hiburan, belaian dan usapan yang mesra kepada hati Rasulullah s.a.w.

Kemudian keseriusan dan ketegasan pernyataan ini sampai kemuncaknya ketika menghadapi cita-cita dan angan-angan yang mungkin berkecamuk di dalam hati Rasulullah s.a.w., iaitu cita-cita dan angan-angan beliau selaku seorang manusia yang ingin menyampaikan hidayat kepada kaumnya dan bercita-cita agar Allah memperkenankan permintaan mereka yang mahu melihat sesuatu bukti atau mu'jizat semoga mereka menerima hidayat. Itulah cita-cita yang berkecamuk di dalam hati setengah-setengah Muslimin pada masa itu dan cita-cita ini disebut oleh Al-Qur'an di dalam ayat-ayat yang akan datang dari surah ini. Itulah cita-cita biasa manusia, tetapi untuk menunjukkan ketegasan tabi'at dan sistem da'wah, juga menjelaskan peranan Rasulullah dan peranan seluruh manusia di dalam urusan da'wah ini, maka Allah kemukakan cabaran yang amat keras itu di dalam Al-Qur'anul-Karim:

وَإِن كَانَ كَبُرَ عَلَيْكَ إِعْرَاضُهُمْ فَإِنِ اسْتَطَعْتَ أَن

تَبْتَغِيَ نَفَقًا فِي ٱلْأَرْضِ أَوْ سُلَّمًا فِي ٱلسَّمَآءِ فَتَأْتِيَهُم بِـَٔايَةٍ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَمَعَهُمْ عَلَى ٱلْهُدَىٰ ۚ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٣٥﴾

إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ يَسْمَعُونَ ۘ وَٱلْمَوْتَىٰ يَبْعَثُهُمُ ٱللَّهُ ثُمَّ إِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٣٦﴾

"Dan andainya penolakan mereka terhadap engkau dirasakan begitu berat, maka jika engkau berkuasa mencari lubang di bumi atau tangga di langit kemudian engkau dapat membawa sesuatu mu'jizat kepada mereka (maka silalah engkau lakukannya). Dan andainya Allah kehendaki nescaya Allah kumpulkan seluruh mereka di atas hidayat. Oleh sebab itu janganlah engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil (35). Sesungguhnya hanya orang-orang yang dapat mendengar sahaja yang menyambut (da'wah Allah) dan orang-orang yang mati itu akan dibangkitkan Allah kemudian mereka akan dikembalikan kepada-Nya."(36)

Itulah cabaran yang menakutkan yang tercurah dari celah-celah madah Ilahi yang mulia itu. Hakikat cabaran ini tidak mungkin difahami oleh seseorang melainkan apabila ia mengingatkan di dalam hatinya bahawa madah itu adalah dari madah Allah, Tuhan semesta alam yang ditujukan kepada Nabi-Nya yang mulia, seorang rasul yang amat sabar dan tergolong di dalam kumpulan rasul, yang mempunyai tekad perjuangan yang amat tinggi. Beliau telah menghadapi segala tentangan dan tindak-tanduk kaumnya dengan penuh kesabaran dan keikhlasan kepada Allah dan beliau tidak pernah mendo'akan kebinasaan ke atas mereka seperti Nabi Nuh a.s. mendo'akan kebinasaan ke atas kaumnya setelah menghadapi tentangan mereka selama ratusan tahun yang begitu lama hingga menghilangkan kesabaran orang yang sabar.

Inilah undang-undang Kami, wahai Muhammad! Tetapi jika tentangan mereka dirasakan engkau begitu berat dan pendustaan mereka dirasakan engkau begitu sulit, sedangkan engkau pula merasa begitu kepingin untuk menunjukkan bukti dan mu'jizat kepada mereka, maka andainya engkau berkuasa, maka silalah cari lubang di dalam bumi atau tangga ke langit kemudian tunjukkan mu'jizat itu!

Sebenarnya usaha untuk menyampaikan hidayat kepada mereka tidak memerlukan engkau menunjukkan mu'jizat kepada mereka, kerana yang kurang bukannya disebabkan tiada mu'jizat yang membuktikan kebenaran apa yang dikatakan engkau. Sebenarnya jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada seluruh mereka sama ada dengan cara membentuk fitrah mereka dari asal lagi tidak mengenal sesuatu yang lain dari hidayat seperti fitrah para malaikat, atau dengan cara membimbingkan hati mereka agar mereka mampu membentuk dan menerima hidayat itu, atau dengan cara menunjukkan mu'jizat yang dapat menundukkan kepala mereka, atau dengan cara-cara lain yang seluruhnya dapat dilakukan oleh Allah.

Tetapi Allah S.W.T. dengan hikmat kebijaksanaan-Nya yang tinggi, yang merangkumi seluruh alam al-wujud telah menciptakan makhluk yang diberi nama manusia itu dengan tujuan untuk melaksanakan satu tugas istimewa, maka kerana itu makhluk manusia itu perlu - mengikut kehendak pentadbiran Ilahi yang tinggi - mempunyai bakat-bakat kesediaan yang berlainan dari bakat-bakat kesediaan malaikat. Di antaranya ialah manusia mempunyai berbagai-bagai bentuk bakat kesediaan, berbagai-bagai cara penerimaan dan sambutan terhadap dalil-dalil hidayat, pernyataan dan kejadian-kejadian yang merangsangkan keimanan mengikut batas-batas kemampuannya dalam menentukan kecenderungannya dengan kadar yang seimbang dengan kepelbagaian balasan yang ditentukan Allah terhadap hidayat dan kesesatan.

Oleh sebab itu Allah tidak mengumpulkan seluruh manusia di atas hidayat belaka dengan cara menciptakan fitrah mereka (mantap di atas hidayat), malah Allah mengemukakan hidayat kepada mereka dan terserahlah kepada mereka sama ada mahu memilih keta'atan atau penderhakaan, dan setiap mereka akan mendapat balasan yang adil di akhir perjalanan hidup mereka. Oleh itu hendaklah engkau benar-benar sedar dan mengetahui hakikat ini dan janganlah sekali-kali memasukkan dirimu di dalam golongan orang-orang yang tidak mengetahui dan menyedarinya.

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَمَعَهُمْ عَلَى ٱلْهُدَىٰ ۚ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٣٥﴾

"Dan andainya Allah kehendaki nescaya Allah kumpulkan seluruh mereka di atas hidayat. Oleh sebab itu janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil."(35)

Ungkapan dan arahan ayat ini sungguh hebat dan sungguh tegas dan memanglah di tempat yang seperti ini diperlukan ungkapan yang hebat dan arahan yang tegas.

Selepas ini ayat yang berikut menyatakan keadaan fitrah yang Allah jadikannya sebagai tabi'at semulajadi manusia di samping menerangkan pendirian mereka yang berbeza-beza di dalam menghadapi hidayat yang tidak pernah kurang bukti dan dalil itu:

إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ يَسْمَعُونَ ۘ وَٱلْمَوْتَىٰ يَبْعَثُهُمُ ٱللَّهُ ثُمَّ إِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٣٦﴾

"Sesungguhnya hanya orang-orang yang dapat mendengar sahaja yang menyambut (da'wah Allah) dan orang-orang yang mati itu akan dibangkitkan Allah kemudian mereka akan dikembalikan kepada-Nya."(36)

Maksudnya dalam menghadapi kebenaran yang dibawa oleh rasul yang diutuskan oleh Allah ini, manusia terbahagi kepada dua golongan: Satu golongan yang mempunyai hati yang hidup, di mana alat-alat penerima semulajadi di dalam jiwa mereka hidup, berfungsi dan terbuka. Golongan inilah yang menyambut hidayat sedangkan hidayat itu sendiri begitu kuat, jelas dan serasi dengan fitrah manusia hingga ke tahap ia merasa cukup untuk menerima hidayat itu sebaik sahaja ia mendengarnya.

إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ يَسْمَعُونَ

Dan satu golongan lagi ialah golongan yang mempunyai hati yang mati dan fitrah yang lumpuh. Mereka tidak dapat mendengar dan tidak dapat menerima dan kerana itu mereka tidak menerima apa-apa kesan dan tidak memberi apa-apa sambutan. Sebenarnya yang menjadi masalah golongan ini bukannya kerana hidayat yang benar itu tidak mempunyai dalil, malah dalilnya ada bersamanya dan sebaik sahaja hidayat yang benar itu sampai kepada fitrah, maka fitrah akan mendapati dalil kebenarannya. Oleh sebab itulah fitrah tetap menerima dan menyambut hidayat yang benar itu, tetapi yang menjadi masalah kepada golongan ini ialah mereka tidak mempunyai fitrah yang hidup dan alat-alat penerima yang berfungsi ketika mereka menerima seruan hidayat. Rasulullah tidak dapat berbuat apa-apa terhadap mereka dan dalil-dalil juga tidak mendapat ruang untuk berbicara dengan mereka. Nasib mereka hanya bergantung kepada kehendak masyi'ah Allah, jika Allah kehendaki Dia akan hidupkan hati mereka kembali andainya Dia mengetahui bahawa mereka telah melakukan usaha-usaha yang mewajarkan hati mereka dihidupkan kembali, dan jika Allah kehendaki Dia tidak menghidupkan hati mereka kembali di dunia ini dan hati mereka kekal mati hingga mereka kembali kepada Allah pada hari Akhirat.

وَٱلْمَوْتَىٰ يَبْعَثُهُمُ ٱللَّهُ ثُمَّ إِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٣٦﴾

"Dan orang-orang yang mati itu akan dibangkitkan Allah kemudian mereka akan dikembalikan kepada-Nya."(36)

Inilah kisah golongan yang menyambut da'wah dan golongan yang tidak menyambutnya. Ia mendedahkan pendirian mereka dan menggariskan kewajipan dan tindakan yang dapat dilakukan oleh seorang rasul dan seterusnya menyerahkan seluruh urusan itu kepada Allah yang berkuasa membuat keputusan-keputusan mengikut iradat-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 39)

Setelah hakikat ini diterangkan kepada Rasulullah s.a.w., maka ayat yang berikut beralih pula kepada cerita kaum Musyrikin yang menuntut diturunkan mu'jizat di samping menyifatkan tuntutan itu sebagai tuntutan yang jahil terhadap undang-undang Allah. Tuntutan itu menggambarkan bahawa mereka tidak memahami rahmat Allah terhadap mereka apabila Allah tidak memperkenankan tuntutan mereka, kerana tuntutan itu akan membawa kebinasaan kepada mereka jika tuntutan itu dipenuhi Allah. Selain dari itu ayat-ayat yang berikut juga menyentuh sebahagian dari pentadbiran Allah yang amat halus dan merangkumi seluruh makhluk. Pentadbiran itu membayangkan kebijaksanaan undang-undang Allah yang meliputi seluruh yang hidup. Dan pada akhirnya dijelaskan rahsia-rahsia dan undang-undang yang wujud di sebalik hidayat dan kesesatan itu, di mana berlakunya kehendak masyi'ah Allah yang bebas.

وَقَالُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۚ قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ قَادِرٌ عَلَىٰٓ أَن يُنَزِّلَ ءَايَةً وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٧﴾ وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا طَٰٓئِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّآ أُمَمٌ أَمْثَالُكُم ۚ مَّا فَرَّطْنَا فِى ٱلْكِتَٰبِ مِن شَىْءٍ ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ﴿٣٨﴾ وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا صُمٌّ وَبُكْمٌ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ ۗ مَن يَشَإِ ٱللَّهُ يُضْلِلْهُ وَمَن يَشَأْ يَجْعَلْهُ عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٩﴾

"Dan mereka (kaum Musyrikin) berkata: Mengapa tidak diturun kepadanya (Muhammad) satu mu'jizat dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah memang berkuasa menurunkan mu'jizat, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (37). Tiada seekor binatang di bumi dan tiada seekor burung yang terbang dengan dua sayapnya melainkan semuanya merupakan umat-umat seperti kamu. Kami tidak tinggal suatu apa pun dalam kitab Al-Qur'an, kemudian mereka sekalian akan dikumpulkan mengadap Tuhan mereka (38). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat kami, mereka adalah orang-orang pekak dan bisu yang (hidup) dalam gelap gelita. Sesiapa yang dikehendaki Allah nescaya Dia biarkannya dalam kesesatan dan sesiapa yang dikehendaki Allah nescaya Dia jadikannya berada di jalan yang lurus."(39)

Mereka menuntut mu'jizat yang serupa dengan mu'jizat-mu'jizat fizikal yang menemani rasul-rasul yang telah lalu. Mereka tidak berpuas hati dengan mu'jizat ayat-ayat Al-Qur'an yang kekal yang dapat berbicara dengan akal manusia yang matang, sedangkan itulah mu'jizat yang mengisytiharkan zaman kematangan manusia. Dan untuk menghormati kematangan inilah Allah berbicara dengan manusia dengan menggunakan qalam-Nya yang amat tinggi. Mu'jizat Al-Qur'an adalah satu mu'jizat yang tidak berakhir seperti berakhirnya mu'jizat fizikal dengan berakhirnya generasi yang

melihatnya, malah mu'jizat Al-Qur'an akan terus kekal selama-lamanya mencabar akal fikiran manusia dengan ciri-ciri i'jaznya hingga hari Qiamat.

Mereka menuntut mu'jizat tanpa memahami undang-undang Allah yang akan mengharamkan mereka yang mendustakan da'wah setelah datangnya mu'jizat itu dengan membinasakan mereka di dunia ini. Mereka tidak memahami hikmat Allah yang tidak mahu menurunkan mu'jizat itu kepada mereka. Dan Allah memang mengetahui bahawa mereka akan mengingkarkan mu'jizat itu selepas diperlihatkan kepada mereka sebagaimana yang telah berlaku kepada kaum-kaum sebelum mereka sehingga menyebabkan mereka dibinasakan, sementara Allah mahu menangguhkan 'azab kebinasaan itu agar sesiapa di antara mereka yang ingin beriman dapat beriman dan sesiapa yang tidak beriman, Allah akan mengeluarkan zuriat yang beriman dari belakang mereka, tetapi malangnya mereka tidak bersyukur kepada Allah yang telah menangguh 'azab kebinasaan itu dengan menolak permintaan mereka yang mahukan mu'jizat, sedangkan mereka tidak mengetahui akibat-akibatnya.

Al-Qur'an menyebut permintaan dan cadangan mereka (yang mahukan mu'jizat itu) dan mengulaskan permintaan itu dengan pernyataannya bahawa kebanyakan mereka tidak mengetahui hikmat Allah di sebalik menolak permintaan itu dan seterusnya menjelaskan bahawa qudrat Allah memang berkuasa menurunkan mu'jizat itu, tetapi hikmat kebijaksanaan Allah dan dasar rahmat yang diwajibkan ke atas diri-Nya itulah yang menghalangkan bala kebinasaan dari menimpa mereka:

وَقَالُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۚ قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ قَادِرٌ
عَلَىٰٓ أَن يُنَزِّلَ ءَايَةً وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ٣٧

"Dan mereka (kaum Musyrikin) berkata: Mengapa tidak diturun kepadanya (Muhammad) satu mu'jizat dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah memang berkuasa menurunkan mu'jizat, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(37)

Ayat Al-Qur'an yang berikut memilih jalan yang lemah-lembut untuk menembusi hati mereka dan merangsangkan daya-daya pengamatan dan penelitian yang ada di dalam jiwa mereka agar mereka dapat meneliti dan memikirkan bukti-bukti hidayat dan kejadian-kejadian yang menyarankan keimanan yang terdapat di sekeliling mereka (dan sudah tentu mereka akan mendapat bukti-bukti itu) jika mereka benar-benar memerhati dan menelitinya:

وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا طَٰٓئِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ
إِلَّآ أُمَمٌ أَمْثَالُكُم ۚ مَّا فَرَّطْنَا فِى ٱلْكِتَٰبِ مِن شَىْءٍ ۚ
ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ٣٨

"Tiada seekor binatang di bumi dan tiada seekor burung yang terbang dengan dua sayapnya melainkan semuanya merupakan umat-umat seperti kamu. Kami tidak tinggal suatu apapun dalam kitab Al-Qur'an, kemudian mereka sekalian akan dikumpulkan mengadap Tuhan mereka."(38)

Makhluk insan bukannya merupakan satu-satunya makhluk yang wujud di alam buana ini, hingga kewujudannya dapat disifatkan sebagai kebetulan dan kehidupannya sebagai kehidupan yang cuma-cuma sahaja, malah di keliling-kelilingnya terdapat berbagai-bagai makhluk hidup yang lain, yang mempunyai peraturan-peraturan hidup yang rapi hingga membayangkan bahawa di sebalik kewujudan dan hidup makhluk-makhluk itu adanya suatu perancangan dan pentadbiran yang tinggi dan wujudnya keesaan Pencipta dan keesaan pentadbiran yang merangkumi seluruh penciptaannya.

Setiap makhluk yang bergerak di bumi - termasuk semua makhluk yang hidup seperti serangga, ulat-ulat, hama-hama, binatang-binatang merangkak (reptilia), binatang-binatang bertulang belakang (vertebrates) dan setiap binatang yang terbang dengan dua sayapnya di udara (iaitu merangkumi setiap haiwan yang terbang seperti burung-burung, serangga-serangga dan sebagainya) - seluruh makhluk yang hidup di bumi ini adalah hidup selaku umat-umat yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan cara hidup yang sama. Umat-umat haiwan itu adalah sama dengan umat-umat manusia. Allah tidak meninggal satu makhluk pun di antara makhluk-makhluk-Nya yang terlepas dari pentadbiran dan ilmu-Nya. Dan pada akhirnya seluruh makhluk itu dikumpul dan dikembalikan kepada Allah, di mana Allah akan menentukan keputusan-keputusan yang dikehendaki-Nya terhadap makhluk-makhluk itu.

Ayat yang pendek ini - di samping memberi penjelasan yang tegas tentang hakikat hidup dan makhluk-makhluk yang hidup - membuat hati kita amat terharu dengan penjelasannya yang menerangkan ciri-ciri pengendalian Allah yang syumul, pentadbiran-Nya yang amat luas, ilmu-Nya yang meliputi segala sesuatu dan qudrat kuasa-Nya yang berkuasa melakukan segala sesuatu. Kami tidak dapat menghuraikan setiap aspek dari ciri-ciri ini supaya tidak terkeluar dari methodologi tafsir Fi Zilal ini. Oleh sebab itu kami terpaksa melampaui jangkauannya untuk bersama rangkaian ayat-ayat selanjutnya, kerana tujuan utama ayat ini ialah untuk menarik hati dan akal manusia kepada hakikat bahawa kewujudan seluruh makhluk dengan susunannya yang rapi, pentadbirannya yang syumul, liputan ilmu Allah yang meliputi semuanya, pengembalian dan pengumpulan makhluk-makhluk itu kepada Allah akhir perjalanan hidup mereka adalah semuanya mengandungi dalil-dalil dan bukti-bukti kekuasaan Allah yang lebih besar dari mu'jizat-mu'jizat yang dapat di lihat oleh satu generasi manusia.

Pusingan atau gelombang ini diakhiri dengan menjelaskan kewujudan kehendak masyi'ah Allah dan

undang-undang-Nya, di sebalik hidayat dan kesesatan itu, juga menjelaskan keadaan fitrah manusia yang berada dalam situasi-situasi hidayat dan situasi kesesatan itu:

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا صُمٌّ وَبُكْمٌ فِي الظُّلُمَاتِ ۗ مَن يَشَإِ اللَّهُ يُضْلِلْهُ وَمَن يَشَأْ يَجْعَلْهُ عَلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٩﴾

"Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat kami, mereka adalah orang-orang pekak dan bisu yang (hidup) dalam gelap-gelita. Sesiapa yang dikehendaki Allah nescaya Dia biarkannya dalam kesesatan dan sesiapa yang dikehendaki Allah nescaya Dia jadikannya berada di jalan yang lurus."(39)

Ayat ini merupakan ulangan untuk menjelaskan hakikat yang telah pun dijelaskan di dalam pusingan ini, iaitu hakikat orang yang mempunyai hati yang hidup yang mendengar dan menyambut da'wah dan hakikat orang yang mempunyai hati yang mati yang tidak mendengar dan menyambut da'wah, tetapi hakikat ini dibentangkan di sini dalam satu gambaran dan pemandangan yang berlainan, iaitu orang-orang yang bertindak mendustakan ayat-ayat Allah yang bertebaran di merata pelosok alam buana dan bertindak mendustakan ayat-ayat Allah yang lain yang dirakamkan di dalam lembaran-lembaran Al-Qur'an adalah disebabkan kerana alat-alat penerima di dalam jiwa mereka lumpuh tidak berfungsi dan kerana mereka adalah manusia-manusia pekak yang tidak dapat mendengar, manusia-manusia bisu yang tidak dapat bercakap dan manusia yang tenggelam di dalam kegelapan yang tidak dapat melihat. Mereka bukan pekak, bisu dan buta dari segi anggota fizikal kerana mereka mempunyai mata, telinga dan mulut yang sempurna, tetapi kerana mereka pekak, bisu dan buta disebabkan kerana daya pemikiran mereka lumpuh tidak berfungsi. Ini membuat seolah-olah anggota pancaindera mereka tidak lagi melaksanakan fungsi menerima dan memindahkan (perutusan ayat-ayat Allah kepada otak mereka). Itulah keadaan mereka yang sebenar, sedangkan semua ayat-ayat Allah mempunyai pengaruh dan kesan-kesannya yang positif jika diterima dan disambut oleh akal fikiran mereka. Tiada siapa yang sanggup menolak ayat-ayat Allah kecuali orang-orang yang mempunyai fitrah yang rosak, yang tidak lagi layak untuk hidup di dalam hidayat, juga tidak layak untuk memasuki tahap hidup yang tinggi.

Semuanya berlangsung mengikut kehendak masyi'ah Allah yang bebas yang telah memutuskan agar makhluk yang bernama insan itu diciptakan dengan fitrah yang mempunyai dua bakat kesediaan, iaitu kesediaan menuju ke arah hidayat dan kesediaan menuju ke arah kesesatan dengan pilihan dan pertimbangan hatinya sendiri bukan dengan paksaan dan tekanan. Begitu juga Allah membiarkan siapa yang dikehendaki-Nya di dalam kesesatan dan menunjukkan sesiapa yang dikehendaki-Nya kepada jalan-Nya yang lurus dengan kehendak masyi'ah-Nya yang bersedia menolong sesiapa sahaja yang berusaha mencari jalan hidayat dan membiarkan sesiapa sahaja yang memilih jalan kesesatan dengan penuh kedegilan, dan Allah tidak pernah menzalimi sesiapa pun dari para hamba-Nya.

Kecenderungan seseorang untuk mencari jalan hidayat atau kecenderungannya untuk hanyut di jalan yang sesat adalah kedua-duanya dari tabi'at semulajadinya yang telah difitrahkan Allah mengikut kehendak masyi'ah-Nya. Tegasnya kedua-dua kecenderungan itu adalah diciptakan mengikut kehendak masyi'ah Allah. Begitu juga natijah-natijah yang berlaku akibat dari memilih hidayat dan kesesatan itu adalah diciptakan dengan kehendak masyi'ah Allah. Oleh itu kehendak masyi'ah Allah merupakan kehendak yang bebas dan positif, sementara hisab dan balasan Allah adalah didasarkan di atas kecenderungan yang dimiliki oleh seseorang walaupun bakat kesediaan untuk menjurus ke arah hidayat dan kesesatan itu pada asalnya dari kehendak masyi'ah Allah.

Sekarang setelah selesai menghuraikan rangkaian ayat-ayat gelombang ini, marilah kita berhenti sejenak untuk mengintisarikan pengajaran-pengajaran dari bimbingan-bimbingan yang terkandung di dalam ayat-ayat ini yang ditujukan kepada seluruh para penda'wah agama ini di dalam setiap generasi, kerana bimbingan-bimbingan yang terkandung di dalam ayat-ayat ini menjangkau lebih jauh dari peristiwa semasa yang tertentu. Bimbingan itu meliputi seluruh generasi dan seluruh penda'wah. Ia menggariskan satu peraturan da'wah kepada agama Allah tanpa terikat dengan masa dan tempat yang tertentu. Dan oleh sebab kami tidak dapat menghuraikan setiap aspek dari peraturan ini dengan terperinci, maka memadailah kami berhenti pada aspek-aspeknya yang penting sahaja.

Punca-punca Kesulitan Dalam Memperjuangkan Da'wah

Jalan berda'wah kepada Allah ialah satu jalan yang amat sukar dan penuh dengan halangan dan rintangan yang tidak diingini. Walaupun kemenangan dan pertolongan dari Allah itu tetap dijamin akan tiba tanpa sebarang keraguan, tetapi kemenangan itu hanya akan datang tepat pada waktunya yang telah ditetapkan Allah mengikut pertimbangan ilmu dan hikmat kebijaksanaan-Nya. Kemenangan itu merupakan suatu yang ghaib dan tiada siapapun mengetahui masa ketibaannya walaupun oleh seseorang rasul sendiri. Kesulitan dan kesukaran jalan da'wah adalah berpunca dari dua faktor yang asasi. Pertama: Ia berpunca dari pendustaan dan penolakan yang dihadapi da'wah di permulaan perjuangannya, juga berpunca dari peperangan dan penentangan-

penentangan yang dilancarkan ke atas para penda'wah. Kedua: Ia berpunca dari keinginan basyariyah di dalam jiwa penda'wah yang begitu kepingin untuk membawa orang ramai kepada ajaran yang benar yang telah dihayati dan dikecapi sendiri kemanisan rasanya di samping berpunca dari semangat dan keghairahan yang berkobar-kobar terhadap ajaran yang benar itu dan keinginan yang melonjak-lonjak untuk menegak dan meninggikannya. Keinginan yang seumpama ini menimbulkan kesukaran yang tidak kurang dari kesukaran menghadapi pendustaan, penolakan, peperangan dan penentangan-penentangan manusia. Semuanya ini merupakan punca-punca yang menimbulkan kesulitan dan kesukaran di jalan da'wah.

Di dalam gelombang ini Al-Qur'an mengemukakan bimbingan untuk mengatasi kedua-dua aspek kesulitan ini, di mana dijelaskan bahawa orang-orang yang mendustakan agama ini dan memerangi da'wahnya adalah sebenarnya mengetahui dan yakin kepada kebenarannya. Mereka juga yakin bahawa rasul yang membawa ajaran yang benar itu adalah seorang yang sentiasa bercakap benar, namun demikian mereka tidak juga menyambut da'wahnya, malah terus mengingkarkannya dengan penuh kedegilan kerana semata-mata ingin menolak dan mendusta, sedangkan ajaran yang benar itu cukup mempunyai dalil dan bukti kebenarannya dan memang boleh diterima oleh fitrah mereka andainya fitrah mereka hidup dan berfungsi dan andainya alat-alat penerima di dalam fitrah mereka berada di dalam keadaan yang baik:

إِنَّمَا يَسۡتَجِيبُ ٱلَّذِينَ يَسۡمَعُونَۘ

"Sesungguhnya orang-orang yang menyambut (hidayat) itu hanyalah orang-orang yang dapat mendengar."(36)

Adapun orang-orang yang mengingkarkan ajaran yang benar itu, maka puncanya yang sebenar ialah kerana hati mereka telah mati, juga tergolong di dalam kumpulan orang-orang yang mati, pekak, bisu dan tenggelam di dalam kegelapan-kegelapan, sedangkan seorang rasul tidak berkuasa menjadikan orang-orang yang mati dan pekak itu dapat mendengar. Di samping itu tugas seorang penda'wah bukannya menghidupkan orang-orang yang mati, malah tugas ini adalah dari urusan Allah. Ini semuanya di lihat dari satu aspek, dan dari satu aspek yang lain pula ialah kemenangan dan pertolongan dari Allah itu tidak syak lagi akan tiba, tetapi ketibaannya adalah mengikut jadual waktu undang-undang dan perencanaan Allah. Jika undang-undang dan ketetapan-ketetapan Allah itu tidak boleh dipercepatkan dan tidak pula boleh diubah pindakan dari segi ketibaan waktu kemenangan dan pertolongan itu, maka begitu juga ia tidak boleh diubah pinda dan dipercepatkan dari segi masa yang telah ditetapkannya itu. Dan Allah tidak mempercepatkan waktu kemenangan itu disebabkan kerana penda'wah-penda'wah sedang menghadapi tentangan dan pendustaan walaupun mereka dari para rasul. Di samping itu di sebalik penangguhan masa kemenangan kepada waktu yang telah ditetapkan itu, para penda'wah dituntut agar menunjukkan sifat penyerahan diri yang bulat kepada perencanaan Allah tanpa bertindak gopoh dan terburu-buru, sifat kesabaran menghadapi tentangan tanpa merungut dan bersungut dan sifat yakin kepada kemenangan di akhir perjuangan tanpa digoreskan oleh keraguan.

Bimbingan Al-Qur'an ini juga menetapkan bahawa peranan seorang rasul di dalam agama Allah, juga peranan para penda'wah dalam setiap generasi Muslimin selepas Rasulullah ialah menyampaikan da'wah, meneruskan perjuangan dan sabar menghadapi kesulitan di jalan perjuangan. Adapun urusan hidayat dan kesesatan manusia adalah suatu urusan di luar tugas seorang rasul dan di luar kemampuannya. Hidayat dan kesesatan berlangsung mengikut undang-undang Ilahiyah yang tidak berubah. Undang-undang itu tidak diubah dengan sebab keinginan Rasulullah s.a.w. untuk memberi hidayat kepada mereka yang disukai oleh beliau. Begitu juga ia tidak diubah dengan sebab beliau mengalami kesulitan dan kesukaran kerana ditentang dan diperangi oleh setengah-setengah orang. Sebenarnya kepentingan peribadi beliau tidak diperhitungkan dalam persoalan da'wah ini. Kira-kira dan tanggungjawab beliau terhadap Allah bukannya bergantung kepada jumlah bilangan orang-orang yang menerima hidayat, malah kira-kira dan tanggungjawab beliau adalah bergantung kepada sejauh mana beliau melaksanakan tugas-tugasnya dan sejauh mana beliau bersabar, patuh dan berdiri teguh sebagaimana yang diperintahkan Allah kepada beliau dan selepas itu seluruh urusan manusia diserahkan kepada Allah Tuhan mereka:

مَن يَشَإِ ٱللَّهُ يُضۡلِلۡهُ وَمَن يَشَأۡ يَجۡعَلۡهُ عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٣٩

"Sesiapa yang dikehendaki Allah (berada di dalam kesesatan) nescaya Dia biarkannya sesat dan siapa yang dikehendaki-Nya (berada di dalam hidayat) nescaya Dia jadikannya berada di atas jalan yang lurus."(39)

وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَمَعَهُمۡ عَلَى ٱلۡهُدَىٰۚ

"Dan andainya Allah kehendaki nescaya Allah kumpulkan seluruh mereka di atas hidayat."(35)

إِنَّمَا يَسۡتَجِيبُ ٱلَّذِينَ يَسۡمَعُونَۘ

"Sesungguhnya orang-orang yang menyambut (hidayat itu) hanyalah orang-orang yang dapat mendengar."(36)

Sebelum ini kami telah jelaskan hubungan kehendak masyi'ah Allah yang bebas dalam urusan hidayat dan kesesatan dengan kecenderungan manusia dan kehendak usaha mereka sendiri (mencari hidayat). Oleh itu cukuplah dengan penjelasan itu.

Berdasarkan hakikat ini adalah tidak wajar bagi penda'wah agama Allah melayani pengesyuran-pengesyuran dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh mereka yang dihadapkan da'wah agama ini kepada mereka agar ia mengubahkan methodologi da'wah agama Allah itu dari ciri Rabbaniyah-Nya. Ia juga tidak wajar berusaha mendandankan agama Allah mengikut selera hawa nafsu mereka. Dahulu kaum Musyrikin menuntut berbagai-bagai mu'jizat mengikut kebiasaan yang lumrah di zaman itu dan mengikut tahap pemikiran mereka sebagaimana diceritakan oleh surah-surah Al-Qur'an di berbagai-bagai tempat. Di antaranya ialah ayat-ayat di dalam surah ini:

وَقَالُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ مَلَكٌ

"Dan mereka berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) seorang malaikat?"(8)

وَقَالُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِّن رَّبِّهِ

"Dan mereka berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) suatu mu'jizat dari Tuhannya?"(37)

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَئِن جَاءَتْهُمْ آيَةٌ لَّيُؤْمِنُنَّ بِهَا

"Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah dengan segala kesungguhan sumpah mereka, iaitu jika datang mu'jizat kepada mereka nescaya mereka tetap akan beriman kepadanya."(109)

Di dalam surah-surah yang lain diterangkan cadangan-cadangan dan permintaan-permintaan yang lebih aneh dari cadangan-cadangan ini, iaitu seperti cadangan-cadangan yang diceritakan di dalam Surah al-Isra':

وَقَالُوا لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنبُوعًا ﴿٩٠﴾ أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجِّرَ الْأَنْهَارَ خِلَالَهَا تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾ أَوْ تُسْقِطَ السَّمَاءَ كَمَا زَعَمْتَ عَلَيْنَا كِسَفًا أَوْ تَأْتِيَ بِاللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾ أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّن زُخْرُفٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِي السَّمَاءِ وَلَن نُّؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَابًا نَّقْرَؤُهُ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّي هَلْ كُنتُ إِلَّا بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٣﴾

"Dan mereka berkata: Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga engkau alirkan untuk kami sebuah matair dari bumi (90). Atau engkau memiliki sebuah kebun kurma dan anggur dan engkau alirkan di celah-celah kebun itu sungai-sungai yang mengalirkan air yang banyak (91). Atau engkau gugurkan langit berkeping-kepingan ke atas kami sebagaimana engkau pernah perkatakan kepada kami atau engkau membawa Allah dan malaikat sebagai pembelamu (92). Atau engkau memilliki sebuah rumah dari emas atau engkau naik ke langit dan kami tidak akan percayakan kenaikanmu itu sehingga engkau membawa turun sebuah kitab yang dapat kami bacakannya. Katakanlah Maha Suci Tuhanku! Aku ini hanya seorang manusia yang menjadi rasul sahaja."(93)

Juga sebagaimana yang diceritakan di dalam Surah al-Furqan:

وَقَالُوا مَالِ هَٰذَا الرَّسُولِ يَأْكُلُ الطَّعَامَ وَيَمْشِي فِي الْأَسْوَاقِ لَوْلَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مَلَكٌ فَيَكُونَ مَعَهُ نَذِيرًا ﴿٧﴾

"Dan mereka berkata: Mengapakah rasul ini memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar? Mengapakah tidak diturunkan kepadanya seorang malaikat supaya dia dapat memberi peringatan bersama-sama dengan-nya?"(7)

أَوْ يُلْقَىٰ إِلَيْهِ كَنزٌ أَوْ تَكُونُ لَهُ جَنَّةٌ يَأْكُلُ مِنْهَا

"Atau (mengapakah) tidak dicampakkan kepadanya perbendaharaan (dari langit) atau (mengapakah) dia tidak mempunyai kebun yang dapat dia makan darinya?"(8)

Bimbingan secara langsung Al-Qur'an di dalam gelombang ayat-ayat ini di dalam surah ini ialah melarang Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin dari bercita-cita agar mereka boleh membawa apa sahaja mu'jizat yang dituntut oleh kaum Musyrikin dan Allah telah mengingatkan Rasulullah s.a.w.:

وَإِن كَانَ كَبُرَ عَلَيْكَ إِعْرَاضُهُمْ فَإِنِ اسْتَطَعْتَ أَن تَبْتَغِيَ نَفَقًا فِي الْأَرْضِ أَوْ سُلَّمًا فِي السَّمَاءِ فَتَأْتِيَهُم بِآيَةٍ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَمَعَهُمْ عَلَى الْهُدَىٰ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْجَاهِلِينَ ﴿٣٥﴾ إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ الَّذِينَ يَسْمَعُونَ وَالْمَوْتَىٰ يَبْعَثُهُمُ اللَّهُ ثُمَّ إِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٣٦﴾

"Dan andainya penolakan mereka terhadap engkau dirasakan begitu berat, maka jika engkau berkuasa mencari lubang di bumi atau tangga di langit kemudian engkau

dapat membawa sesuatu mu'jizat kepada mereka (maka silalah engkau lakukannya). Dan andainya Allah kehendaki nescaya Allah kumpulkan seluruh mereka di atas hidayat. Oleh sebab itu janganlah engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang jahil (35). Sesungguhnya hanya orang-orang yang dapat mendengar sahaja yang menyambut (da'wah Allah) dan orang-orang yang mati itu akan dibangkitkan Allah kemudian mereka akan dikembalikan kepadanya."(36)

Begitu juga Allah mengingatkan para Mu'minin yang bercita-cita agar mereka dapat memenuhi permintaan kaum Musyrikin yang menuntut diturunkan mu'jizat dan bersumpah dengan nama Allah dengan segala kesungguhan seraya berjanji akan beriman sebaik sahaja mu'jizat itu ditunjukkan kepada mereka:

قُلۡ إِنَّمَا ٱلۡأٓيَٰتُ عِندَ ٱللَّهِۖ وَمَا يُشۡعِرُكُمۡ أَنَّهَآ إِذَا جَآءَتۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿١٠٩﴾

وَنُقَلِّبُ أَفۡـِٔدَتَهُمۡ وَأَبۡصَٰرَهُمۡ كَمَا لَمۡ يُؤۡمِنُواْ بِهِۦٓ أَوَّلَ مَرَّةٖ وَنَذَرُهُمۡ فِي طُغۡيَٰنِهِمۡ يَعۡمَهُونَ ﴿١١٠﴾

"Katakanlah: Urusan mu'jizat-mu'jizat itu adalah urusan di sisi Allah dan kamu (para Mu'minin) tidak menyedari bahawa jika datang mu'jizat (yang dituntut mereka itu) nescaya mereka tidak juga akan beriman (109). Dan Kami jadikan hati dan pandangan mereka berbalik-balik (dan mereka tetap tidak beriman kepada Al-Qur'an) sebagaimana mereka tidak beriman kepada-Nya pada permulaan kalinya. Dan Kami tinggalkan mereka terumbang-ambing dalam kesesatan mereka."(110)

(Tujuan dari penjelasan ini) supaya mereka mengetahui bahawa yang menjadi masalah kepada para pendusta itu bukannya kerana tidak ada mu'jizat dan bukti kebenaran, malah masalah mereka yang sebenar ialah kerana mereka tidak dapat mendengar dan kerana mereka mati. Sebab mereka tidak diberikan hidayat adalah sesuai dengan kehendak undang-undang Allah dalam persoalan hidayat dan kesesatan sebagaimana telah kami huraikan sebelum ini, juga supaya mereka mengetahui bahawa agama ini adalah berjalan mengikut satu undang-undang yang tetap tidak berubah, iaitu undang-undang yang tidak akan meletakkan dirinya di bawah telunjuk dan kehendak-kehendak hawa nafsu para penentang da'wah yang mengemukakan berbagai-bagai cadangan dan pengesyuran itu.

Penjelasan ini membawa kita kepada satu skop yang lebih syumul di dalam memahami bimbingan Al-Qur'an ini, iaitu ia bukannya dikhususkan kepada sesuatu zaman atau suatu peristiwa yang tertentu sahaja dan bukan pula terikat dengan suatu cadangan dan pengesyuran yang tertentu sahaja, kerana masa sentiasa berubah-ubah dan kehendak-kehendak keinginan manusia juga diungkapkan di dalam berbagai-bagai bentuk cadangan dan pengesyuran. Oleh itu pendirian para penda'wah agama Allah tidak seharusnya digoyahkan oleh kehendak-kehendak keinginan nafsu manusia, kerana keinginan untuk menyahut cadangan-cadangan dan pengesyuran manusia itulah yang telah mendorong setengah-setengah penda'wah Islam pada hari ini berusaha menjelaskan 'aqidah Islamiyah dalam bentuk "aliran faham atau isme-isme" di atas kertas sebagaimana yang didapati mereka di dalam isme-isme keduniaan yang cetek yang diciptakan oleh manusia untuk keperluan suatu zaman yang tertentu, dan apabila zaman itu berlalu, maka semua isme-isme itu terbuka tembelangnya sebagai aliran-aliran fikiran yang penuh dengan keaiban-keaiban, pertentangan-pertentangan dan simpang-siur. Dan keinginan yang seperti inilah juga yang telah mendorong penda'wah-penda'wah ke arah menjelaskan sistem Islam dalam bentuk merancangkan satu sistem di atas kertas atau dalam bentuk mengemukakan perundangan-perundangan yang terperinci di atas kertas untuk menghadapi peraturan-peraturan yang diikuti oleh pendokong-pendokong jahiliyah sekarang, iaitu peraturan-peraturan yang tidak ada apa-apa hubungan dengan Islam, kerana pendokong-pendokong jahiliyah itu beranggapan bahawa Islam adalah suatu 'aqidah yang tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan peraturan-peraturan hidup umum yang wujud di alam realiti. Mereka menyusun undang-undang dan peraturan ini untuk mereka, sedang mereka terus kekal dalam jahiliyah mereka dan terus berhakimkan Taghut dan tidak berhakimkan kepada syari'at Allah. Semuanya itu merupakan usaha-usaha dan percubaan-percubaan yang keji yang tidak seharusnya dilakukan oleh seseorang Muslim dengan tujuan untuk mengikuti fesyen-fesyen pemikiran manusia yang sentiasa berubah-ubah dan tidak pernah tetap di atas satu keadaan. Ia tidak seharusnya dilakukan atas nama membuat perubahan baru kepada cara-cara dan sarana-sarana da'wah kepada Allah.[3]

Usaha yang lebih keji lagi ialah usaha-usaha yang dilakukan oleh mereka yang cuba memakaikan Islam dengan berbagai-bagai topeng dan menggelarkan Islam dengan berbagai-bagai gelaran yang disukai orang ramai dalam sesuatu masa yang tertentu seperti sosialis, demokrasi dan sebagainya dengan anggapan bahawa dengan penampilan yang keji itu mereka memberi khidmat yang baik kepada agama Islam, sedangkan sosialisme adalah satu aliran pemikiran kemasyarakatan yang diciptakan oleh manusia dan setiap ciptaan manusia sentiasa terdedah kepada kemungkinan-kemungkinan salah dan betul, begitu juga demokrasi merupakan satu sistem hidup atau satu sistem pemerintahan yang diciptakan oleh manusia yang terdedah kepada kemungkinan salah dan betul. Tetapi Islam adalah satu sistem hidup yang merangkumi kefahaman i'tiqad, peraturan-peraturan kemasyarakatan, peraturan-peraturan ekonomi,

---

[3] *Lihat mukadimah surah ini, juga lihat bab "*طريقة الإخلاص*" di dalam buku "*الإسلام ومشكلات الحضارة*".*

peraturan-peraturan melaksanakan kerja dan mengendalikan organisasi dan sistem ini adalah dari ciptaan Allah yang bersih dari segala kelemahan dan cacat cela. Oleh itu di manakah duduknya seorang Islam apabila ia mencari bantuan manusia untuk menguatkan sistem hidup Ilahi, iaitu dengan menyalutkan sistem ini dengan sifat-sifat sistem-sistem yang diciptakan manusia? Di manakah duduknya seorang Islam apabila ia mencari bantuan manusia untuk menguatkan agama Allah dengan menggunakan pendapat-pendapat manusia?

Kaum Musyrikin di dalam jahiliyah Arab disifatkan sebagai kaum Musyrikin disebabkan kerana perbuatan mereka meminta pertolongan Allah dengan perantaraan setengah-setengah makhluk-Nya yang dijadikan mereka sebagai penaung dan pelindung:

Nama Islam Tidak Seharusnya Digandingkan Dengan Istilah Sistem-sistem Hidup Ciptaan Manusia

وَٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلْفَىٰٓ

"Dan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung yang lain dari Allah (berkata): "Kami tidak menyembah mereka melainkan (hanya dengan tujuan) supaya mereka mendampingkan kami lebih dekat kepada Allah."

(Surah az-Zumar: 3)

Inilah perbuatan syirik yang dilakukan mereka. Oleh itu apakah sifat yang dapat diletakkan ke atas orang-orang yang tidak memohon pertolongan Allah untuk diri mereka dengan perantaraan hamba-hamba-Nya, tetapi mereka memohon pertolongan manusia untuk menolong agama Allah dengan menggunakan mana-mana isme dan sistem yang diciptakan oleh manusia?

Islam tetap Islam. Sosialisme tetap sosialisme dan demokrasi tetap demokrasi. Islam adalah sistem hidup dari ciptaan Allah. Islam tidak mempunyai gelaran dan sifat yang lain dari gelaran dan sifat yang telah ditetapkan Allah kepadanya. Sedangkan sosialisme dan demokrasi adalah dari sistem-sistem ciptaan manusia dan dari hasil-hasil pengalaman manusia. Oleh itu apabila mereka memilih sistem ini, maka hendaklah mereka memilih di atas asas ini. Penda'wah agama Allah tidak seharusnya tertarik kepada godaan fesyen-fesyen (atau aliran-aliran pemikiran) yang digemari nafsu manusia yang sentiasa berubah-ubah itu, dan serentak dengan itu ia merasa telah memberi perkhidmatan yang baik kepada agama Allah.

Tetapi kami ingin bertanya kepada orang-orang yang memandang rendah kepada agama mereka sendiri dan tidak menghormatinya dengan sewajar: Jika kamu kemukakan Islam kepada orang ramai pada hari ini dengan nama sosialisme atau dengan nama demokrasi berdasarkan kerana inilah dua isme yang dianggap sebagai dua contoh aliran pemikiran yang diminati umum di zaman ini, pada suatu zaman yang lampau sistem kapitalis merupakan satu pakaian yang digemari umum apabila mereka mengeluarkan sistem itu dari sistem feudal, begitu juga sistem pemerintahan mutlaq atau diktator pernah dalam satu zaman tertentu menjadi satu sistem yang digemari, iaitu di zaman pengemblingan kebangsaan bagi wilayah-wilayah yang bertaburan (di Eropah) sebagaimana yang berlaku di negeri-negeri Jerman, Itali di zaman Otto Von Bismarck dan Giuseppe Mazzini, besok siapa tahu apakah pula satu sistem dari sistem-sistem kemasyarakatan dan pemerintahan yang digemari umum, yang digubalkan oleh manusia untuk manusia? Dan apakah pula pendapat yang akan dikatakan mereka terhadap Islam untuk dikemukakan kepada orang ramai dalam bentuk fesyen yang digemari mereka?

Bimbingan Al-Qur'an di dalam gelombang yang sedang dibicarakan ini, juga di dalam gelombang yang lain adalah merangkumi persoalan ini. Al-Qur'an mahu penda'wah meletakkan agama Allah di tempat yang tinggi. Para penda'wah tidak seharusnya tertarik kepada cadangan-cadangan dan pengesyuran-pengesyuran orang ramai. Mereka tidak seharusnya menghiaskan agama Allah dengan nama-nama yang lain dari namanya yang sebenar dan seterusnya mereka tidak seharusnya mengemukakan agama ini kepada orang ramai dengan menggunakan methodologi dan cara-cara yang lain dari methodologi dan caranya yang sebenar, kerana Allah Maha Kaya dan tidak memerlukan kepada pendapat-pendapat manusia. Siapa yang tidak menyambut agama-Nya dengan semangat 'Ubudiyah kepada-Nya dan dengan semangat mencabutkan dirinya dari 'Ubudiyah kepada yang lain dari-Nya, maka agama Allah tidak memerlukannya, begitu juga Allah S.W.T. tidak memerlukan sesiapa sama ada dari para hamba-Nya yang ta'at atau para hamba-Nya yang menderhaka.

Di samping itu, jika agama Allah mempunyai asas-asasnya yang tulen sama ada dari segi asas-asasnya mahupun dari segi ciri-cirinya, maka ia juga mempunyai asas-asas yang tulen dari segi methodologi amalinya dan dari segi cara berbicara dengan fitrah manusia, kerana yang menurunkan agama ini dengan asas-asas dan ciri-cirinya dengan methodologi dan cara harakatnya yang tersendiri ialah Allah yang menciptakan insan itu sendiri yang mengetahui segala bisikan hatinya.

Di dalam gelombang ayat-ayat ini (dari surah ini) dikemukakan contoh bagaimana Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia, iaitu satu contoh dari aneka ragam contohnya. Di dalam contoh ini Allah menghubungkan fitrah manusia dengan kewujudan alam buana dan membiarkan nada-nada ilham alam buana itu berbicara dengan fitrah manusia dan merangsangkan kesedarannya agar menyambut nada-nada ilham itu dan Allah mengetahui bahawa fitrah mereka tetap akan menyambut nada-nada ilham itu sebaik sahaja ia menjejak ke dalam fitrahnya dengan saranan-saranannya yang kuat dan mendalam:

إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ يَسْمَعُونَ

"Sesungguhnya orang-orang yang menyambut (hidayat itu) hanyalah orang-orang yang dapat mendengar."(36)

Contoh yang dikemukakan kepada kita di dalam gelombang ini ialah:

وَقَالُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۚ قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ قَادِرٌ عَلَىٰٓ أَن يُنَزِّلَ ءَايَةً وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٧﴾

"Dan mereka (kaum Musyrikin) berkata: Mengapa tidak diturun kepadanya (Muhammad) satu mu'jizat dari Tuhannya. Katakanlah: Sesungguhnya Allah memang berkuasa menurunkan mu'jizat, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(37)

Di dalam ayat ini Allah menceritakan perkataan mereka yang mendusta dan menentang da'wah. Mereka menuntut dikemukakan satu mu'jizat yang dapat di lihat oleh generasi mereka, kemudian Allah mencubit hati mereka dengan penjelasan secara tidak langsung tentang bahaya kebinasaan dan 'azab keseksaan yang tersembunyi di sebalik permintaan itu. Allah memang berkuasa menurunkan mu'jizat itu, tetapi dasar rahmat kasihan belas terhadap para hamba-Nya itulah yang menyebabkan Allah tidak berkehendak menurunkan mu'jizat yang dipinta oleh mereka.

Kemudian secara mendadak ayat yang berikut memindahkan mereka dari sudut pemikiran yang sempit kepada alam buana yang amat lebar, iaitu memindahkan mereka kepada kejadian-kejadian di sekeliling mereka yang menjadi bukti-bukti kekuasaan Allah yang agung yang lebih besar dari mu'jizat yang dituntut mereka. Kejadian-kejadian itu akan kekal menjadi bukti-bukti kekuasaan Allah di tengah-tengah alam buana yang dapat di lihat oleh seluruh generasi manusia sama ada yang telah hidup sebelum mereka hidup dan kemudian dari mereka:

وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا طَٰٓئِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّآ أُمَمٌ أَمْثَالُكُم ۚ مَّا فَرَّطْنَا فِى ٱلْكِتَٰبِ مِن شَىْءٍ ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ﴿٣٨﴾

"Tiada seekor binatang di bumi dan tiada seekor burung yang terbang dengan dua sayapnya melainkan semuanya merupakan umat-umat seperti kamu. Kami tidak tinggal suatu apa pun dalam kitab Al-Qur'an, kemudian mereka sekalian akan dikumpulkan mengadap Tuhan mereka."(38)

Ini adalah satu hakikat yang amat besar dan hakikat ini cukup untuk mereka yang belum lagi mempunyai disiplin ilmu pengetahuan yang teratur pada masa itu mengakui kebenarannya jika mereka memerhati dan meneliti. Hakikat yang besar ini mengumpulkan haiwan, unggas dan serangga yang wujud di sekeliling mereka dalam kumpulan umat-umat yang mempunyai ciri-ciri, peraturan-peraturan dan organisasi yang tersendiri. Inilah hakikat yang mempunyai skop pandangan yang semakin bertambah luas dengan semakin bertambah majunya ilmu pengetahuan manusia, tetapi ilmu pengetahuan mereka yang semakin maju itu tidak akan menambahkan suatu apa kepada asal hakikat ini Dan di samping hakikat ini ialah hakikat ghaib yang bersambung dengan hakikat ini, iaitu hakikat Ilmu Ladunni Allah yang meliputi segala sesuatu dan hakikat pentadbiran Allah yang mengendalikan segala sesuatu. Inilah hakikat ghaib yang dibuktikan oleh hakikat kejadian-kejadian alam yang dapat di lihat itu.

Oleh itu ke manakah akan perginya mu'jizat fizikal yang dituntut oleh mereka di hadapan mu'jizat kejadian-kejadian Allah yang agung yang dapat di lihat mereka di mana sahaja mata mereka memandang dan di mana sahaja pengamatan dan hati mereka menjurus sama ada kejadian-kejadian yang ada atau kejadian-kejadian yang belum ada?

Methodologi Al-Qur'an di dalam contoh itu tidak lebih dari menghubungkan fitrah manusia dengan alam al-wujud dan membuka jendela-jendela yang terbentang di antara fitrah dan alam al-wujud serta membiarkan alam al-wujud yang agung itu sendiri menyampaikan nada-nada ilham dan saranannya yang besar dan mendalam kepada hati manusia.

Al-Qur'an tidak memberi penjelasan kepada fitrah manusia dalam bentuk perdebatan ilmu ketuhanan yang berasaskan perbincangan aqliyah dan teori-teori dan tidak pula dalam bentuk perdebatan ilmu al-qalam (seperti ilmu Tauhid) yang asing dari methodologi Islam dan seterusnya tidak pula dalam bentuk kajian falsafah aqliyah atau hissiyah (kederiaan), malah ia mengemukakan alam al-wujud yang ada fitrah manusia, iaitu alam syahadat dan alam ghaib dan membiarkan fitrah itu sendiri mengadakan hubungan dan pembicaraan dengan alam al-wujud itu. Di sini fitrah manusia dapat menerima dan menyambut saranan-saranan alam al-wujud di bawah naungan methodologi ilahi yang tidak akan membiarkan fitrah itu sesat di tempat-tempat yang terpencil dan di liku-liku jalan yang mengelirukan.

Kemudian ceraian ayat ini diakhiri dengan ulasan terhadap pendirian para pendusta yang mengingkarkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang agung itu:

وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا صُمٌّ وَبُكْمٌ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ ۗ مَن يَشَإِ ٱللَّهُ يُضْلِلْهُ وَمَن يَشَأْ يَجْعَلْهُ عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٩﴾

"Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat kami, mereka adalah orang-orang pekak dan bisu yang (hidup) dalam gelap gelita. Sesiapa yang dikehendaki Allah nescaya

Dia biarkannya dalam kesesatan dan sesiapa yang dikehendaki Allah nescaya Dia jadikannya berada di jalan yang lurus."(39)

Di dalam ayat ini Allah menjelaskan hakikat dan tabi'at para pendusta itu, iaitu mereka adalah manusia-manusia pekak, bisu dan tenggelam di dalam kegelapan-kegelapan di samping menjelaskan Sunnatullah di dalam urusan hidayat dan kesesatan, di mana ia menghubungkan kehendak masyi'ah Allah dengan hidayat dan kesesatan itu mengikut fitrah yang diciptakan Allah pada manusia.

Dengan penjelasan ayat ini, seluruh aspek kefahaman Islam di dalam persoalan hidayat dan kesesatan ini bertaut dan bercantum satu sama lain. Di samping itu ayat ini juga menerangkan kejelasan methodologi da'wah dan kedudukan rasul penda'wah yang memperjuangkan 'aqidah ini dan menghadapi berbagai-bagai ragam jiwa manusia.

Semoga sentuhan-sentuhan ayat ini di samping ulasan kata pengantar di permulaan surah ini yang telah menghuraikan methodologi da'wah agama Allah, dapat menerangi jalan perjuangan. Wabillahit-taufik.

(Kumpulan ayat-ayat 40 - 49)

قُلْ أَرَءَيْتَكُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُ ٱللَّهِ أَوْ أَتَتْكُمُ ٱلسَّاعَةُ
أَغَيْرَ ٱللَّهِ تَدْعُونَ إِن كُنتُمْ صَـٰدِقِينَ ﴿٤٠﴾
بَلْ إِيَّاهُ تَدْعُونَ فَيَكْشِفُ مَا تَدْعُونَ إِلَيْهِ إِن شَآءَ
وَتَنسَوْنَ مَا تُشْرِكُونَ ﴿٤١﴾
وَلَقَدْ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰٓ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَخَذْنَـٰهُم بِٱلْبَأْسَآءِ
وَٱلضَّرَّآءِ لَعَلَّهُمْ يَتَضَرَّعُونَ ﴿٤٢﴾
فَلَوْلَآ إِذْ جَآءَهُم بَأْسُنَا تَضَرَّعُوا۟ وَلَـٰكِن قَسَتْ قُلُوبُهُمْ
وَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَـٰنُ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾
فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَٰبَ كُلِّ
شَىْءٍ حَتَّىٰٓ إِذَا فَرِحُوا۟ بِمَآ أُوتُوٓا۟ أَخَذْنَـٰهُم بَغْتَةً
فَإِذَا هُم مُّبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾
فَقُطِعَ دَابِرُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ۚ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٤٥﴾
قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَخَذَ ٱللَّهُ سَمْعَكُمْ وَأَبْصَـٰرَكُمْ وَخَتَمَ
عَلَىٰ قُلُوبِكُم مَّنْ إِلَـٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِهِ ۗ ٱنظُرْ
كَيْفَ نُصَرِّفُ ٱلْـَٔايَـٰتِ ثُمَّ هُمْ يَصْدِفُونَ ﴿٤٦﴾
قُلْ أَرَءَيْتَكُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُ ٱللَّهِ بَغْتَةً أَوْ جَهْرَةً
هَلْ يُهْلَكُ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٤٧﴾
وَمَا نُرْسِلُ ٱلْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ۖ فَمَنْ
ءَامَنَ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٤٨﴾
وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا يَمَسُّهُمُ ٱلْعَذَابُ بِمَا كَانُوا۟
يَفْسُقُونَ ﴿٤٩﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Bagaimana pandangan kamu andainya kamu ditimpa 'azab Allah atau dilandakan Qiamat, apakah kamu akan memohon (pertolongan) tuhan yang lain dari Allah jika kamu benar (beriman) (40). Malah kamu tetap memohon pertolongan Allah dan Dia akan menghapuskan kesusahan yang kamu pohon pertolongan kepadanya jika Dia kehendaki dan kamu akan lupakan segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya (41). Sesunguhnya Kami telah utuskan rasul-rasul kepada umat-umat sebelum engkau lalu kami hukumkan mereka dengan kesengsaraan dan kemelaratan supaya mereka merendahkan diri (42). Oleh itu mengapakah mereka tidak merendahkan diri ketika ditimpa kesengsaraan dari kami? Tetapi sebenarnya hati mereka telah menjadi begitu keras dan syaitan telah mendandankan segala perbuatan yang buruk yang dilakukan mereka (43). Apabila mereka telah melupakan pengajaran-pengajaran yang telah diperingatkan kepada mereka, maka Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu ni'mat kesenangan sehingga apabila mereka merasa begitu gembira dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka, maka Kami binasakan mereka secara mendadak lalu mereka berputus asa (44). Lalu kaum yang zalim itu dibinasakan hingga ke akhir bilangan mereka (habis-habisan). Dan segala sanjungan itu terpulang kepada Allah Tuhan yang memelihara semesta alam (45). Katakanlah: Bagaimana pandangan kamu jika Allah mengambil pendengaran dan penglihatan kamu dan menutup hati kamu, apakah ada tuhan yang lain dari Allah yang berkuasa mengembalikannya kepada kamu? Perhatikanlah bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat Kami, dengan berbagai-bagai cara, kemudian mereka tetap berpaling juga (46). Katakanlah: Bagaimana pandangan kamu andainya kamu ditimpa 'azab Allah secara mendadak atau secara terang-terangan? Siapakah yang akan dibinasakan Allah selain dari golongan orang-orang yang zalim (47). Dan tiada Kami utuskan para rasulullah melainkan supaya mereka menyampaikan berita gembira dan memberi peringatan. Oleh itu sesiapa yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka tiada sebarang kebimbangan kepada mereka dan mereka tidak pula akan berdukacita (48). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami

akan disentuhkan 'azab keseksaan dengan sebab perbuatan-perbuatan mereka yang fasiq."(49)

Di sini - di dalam gelombang ini - Al-Qur'an bukan sahaja menghadapkan kepada fitrah kaum Musyrikin malapetaka kesengsaraan yang ditimpakan Allah, malah Al-Qur'an hadapkan mereka dengan fitrah mereka itu sendiri ketika ia berdepan dengan malapetaka yang ditimpakan Allah, ketika fitrah itu bersih dari timbunan sampah saraf kepercayaan yang karut sewaktu menghadapi kedahsyatan malapetaka dan sewaktu fitrah itu digoncangkan oleh malapetaka yang hebat menyebabkan gugurnya segala sampah kepercayaan-kepercayaan yang batil yang selama ini menyelubunginya hingga membuat ia lupa kepada cerita tuhan-tuhan palsu dan terus bertawajjuh kepada Allah yang telah dikenalinya untuk memohon keselamatan dari malapetaka itu.

Kemudian Al-Qur'an memimpin tangan mereka untuk memperlihatkan kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa umat-umat zaman silam kepada mereka dan di tengah-tengah jalan menuju ke sana ia menunjukkan kepada mereka bagaimana perjalanan Sunnatullah dan bagaimana cara pelaksanaan keputusan-keputusan Allah. Ia membuka mata dan matahati mereka supaya mereka menyedari istidraj atau pertolongan Allah terhadap mereka setelah mereka mendustakan para rasulullah. Dan seterusnya menjelaskan kepada mereka bagaimana Allah mengenakan mereka ujian demi ujian, iaitu ujian dengan malapetaka kesengsaraan dan penderitaan dan ujian dengan kemewahan dan kesenangan, bagaimana Allah memberi peluang demi peluang kepada mereka supaya sedar dari kelalaian sehingga apabila semua peluang-peluang itu telah dipersia-siakan mereka dan mereka terus terpesona kepada ni'mat-ni'mat kesenangan dan tidak dapat disedarkan lagi dengan malapetaka kesusahan, maka diwaktu itu barulah dilaksanakan keputusan-keputusan Allah terhadap mereka mengikut undang-undang-Nya yang lazim, lalu mereka ditimpakan 'azab Allah secara mendadak:

"Lalu kaum yang zalim itu dibinasakan hingga ke akhir bilangan mereka (habis-habisan). Dan segala sanjungan itu terpulang kepada Allah, Tuhan yang memelihara semesta alam."(45)

Sebaik sahaja pemandangan yang menggegarkan hati itu hilang dari penglihatan, muncul pula satu pemandangan yang lain yang menayangkan bagaimana mereka ditimpa 'azab Allah, bagaimana pendengaran dan penglihatan mereka dicabut dan hati mereka ditutup, dan bagaimana mereka tidak dapat menemui tuhan yang lain dari Allah yang berkuasa mengembalikan semula daya penglihatan, daya pendengaran dan daya pemahaman yang dicabut dari mereka.

Setelah menghadapi dua pemandangan yang ngeri dan mencemaskan ini, Al-Qur'an menjelaskan pula kepada mereka tentang tugas para rasul, iaitu menyampaikan berita gembira dan memberi amaran kepada manusia. Inilah sahaja tugas mereka dan tiada yang lain lagi di sebalik itu. Mereka tidak ditugaskan membawa mu'jizat-mu'jizat dan tidak pula ditugaskan supaya melayani segala cadangan dan pengesyoran manusia. Tugas mereka hanya menyampaikan da'wah, menyampaikan berita gembira dan memberi amaran. Kemudian mana-mana golongan yang beriman dan melakukan amalan yang soleh, mereka akan selamat dari ketakutan dan kedukacitaan, dan mana-mana golongan yang tidak percaya dan menolak, maka mereka akan ditimpa 'azab Allah, oleh itu manusia adalah bebas, siapa suka ia boleh memilih keimanan dan siapa suka ia boleh memilih kekafiran. Inilah nasib kesudahan masing-masing.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 40 - 41)

قُلْ أَرَءَيْتَكُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُ ٱللَّهِ أَوْ أَتَتْكُمُ ٱلسَّاعَةُ أَغَيْرَ ٱللَّهِ تَدْعُونَ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٠﴾ بَلْ إِيَّاهُ تَدْعُونَ فَيَكْشِفُ مَا تَدْعُونَ إِلَيْهِ إِن شَآءَ وَتَنسَوْنَ مَا تُشْرِكُونَ ﴿٤١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Bagaimana pandangan kamu andainya kamu ditimpa 'azab Allah atau dilandakan Qiamat, apakah kamu akan memohon (pertolongan) tuhan yang lain dari Allah jika kamu benar (beriman) (40). Malah kamu tetap memohon pertolongan Allah dan Dia akan menghapuskan kesusahan yang kamu pohon pertolongan kepada-Nya jika Dia kehendaki dan kamu akan lupakan segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya."(41)

Inilah sebahagian dari cara-cara Rabbani mengemukakan 'aqidah ini kepada fitrah manusia. Ia mencantumkan bahagian yang telah disebut di dalam ceraian ayat-ayat yang terdahulu dan ceraian-ceraian sebelum dan kemudiannya di dalam penerangan surah ini.

Di sana Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia dengan mengemukakan kesan-kesan pentadbiran dan penyusunan Ilahi di alam-alam makhluk yang hidup, juga menayangkan kesyumulan dan keliputan ilmu Allah, tetapi di sini Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia dengan mengemukakan malapetaka kesusahan yang ditimpakan Allah dan memperlihatkan sikap fitrah terhadap malapetaka itu apabila ia menghadapinya dalam mana-mana bentuknya yang ngeri dan menggoncangkan hati hingga menyebabkan longgokan kepercayaan syirik yang menyelubungi fitrah itu jatuh berguguran darinya. Goncangan malapetaka itu telah membersihkan fitrah dari longgokan sampah sarap

kepercayaan syirik yang selama ini menghalangkannya dari meni'mati ma'rifat dan tauhidnya yang semulajadi terhadap Allah yang tersemat di dalam batinnya.

قُلْ أَرَءَيْتَكُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُ ٱللَّهِ أَوْ أَتَتْكُمُ ٱلسَّاعَةُ أَغَيْرَ ٱللَّهِ تَدْعُونَ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٠﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad) bagaimana pandangan kamu andainya kamu ditimpa 'azab Allah atau dilandakan Qiamat apakah kamu akan memohon (pertolongan) tuhan yang lain dari Allah jika kamu benar (beriman)."(40)

Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia dengan mengemukakan gambaran 'azab Allah, iaitu 'azab kebinasaan dan kemusnahan atau 'azab kedatangan Qiamat secara mendadak, kerana apabila fitrah merasa sentuhan 'azab dan memahami kedahsyatannya ia akan menyedari hakikat kefahaman itu dan ia akan terus melahirkan perasaan cemas dan takut terhadapnya, kerana kefahaman ini menggambarkan hakikat yang tersemat di dalam batinnya. Allah S.W.T. yang menciptakan fitrah ini memang mengetahui bahawa fitrah akan menyedari hakikat ini dan mengetahui bahawa hakikat ini memang tersemat di dalam lubuk fitrah, kerana itu Allah kemukakan hakikat ini kepadanya agar ia memahaminya dan merasa takut terhadap 'azab itu dan agar fitrah terdedah bersih tanpa dilindungi longgokan kepercayaan-kepercayaan syirik.

أَغَيْرَ ٱللَّهِ تَدْعُونَ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٠﴾

"Apakah kamu akan memohon (pertolongan) tuhan yang lain dari Allah jika kamu benar (beriman)."(40)

Di sini Allah menanya mereka dan meminta mereka memberi jawapan yang betul dari mereka sendiri supaya jawapan itu benar-benar menggambarkan hakikat yang benar yang tersemat di dalam lubuk fitrah mereka walaupun tidak pernah dituturkan oleh lidah mereka:

بَلْ إِيَّاهُ تَدْعُونَ فَيَكْشِفُ مَا تَدْعُونَ إِلَيْهِ إِن شَآءَ وَتَنسَوْنَ مَا تُشْرِكُونَ ﴿٤١﴾

"Malah kamu tetap memohon pertolongan Allah dan Dia akan menghapuskan kesusahan yang kamu pohon pertolongan kepada-Nya jika Dia kehendaki dan kamu akan lupakan segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya."(41)

Goncangan Malapetaka Akan Membawa Kembali Kepangkuan Iman

Maksudnya kamu tidak akan memohon kepada yang lain dari Allah dan kamu akan lupakan segala sembahan yang lain, yang pernah disembah oleh kamu, kerana 'azab yang dahsyat dan ngeri itu telah menghapuskan segala kepercayaan yang palsu dari fitrah kamu dan membawa fitrah kamu terus mengadap Allah Yang Maha Esa untuk memohon keselamatan darinya. Di waktu ini ia lupa bahawa dia telah mempersekutui Allah dengan sesuatu yang lain, malah ia lupakan perbuatan syirik itu sendiri, kerana ma'rifat terhadap Allah merupakan satu hakikat yang tersemat di alam lubuk batinnya, sedangkan kepercayaan syirik hanya merupakan kulit luar yang baru yang terjadi akibat dari faktor-faktor yang lain. Ia merupakan kulit luar sampah sarap kepercayaan karut yang mengaratinya. Oleh itu apabila fitrah itu digoncangkan oleh 'azab yang dahsyat dan ngeri, maka timbunan sampah sarap kepercayaan itu akan jatuh berguguran darinya dan kulit luar yang menyalutinya akan hancur berterbangan dan terserlahlah di waktu itu hakikat yang sebenar dan dapatlah fitrah memulakan harakat semulajadinya menuju kepada Allah Penciptanya memohon agar Allah menghapuskan 'azab yang dahsyat itu yang tidak mampu ditepiskan olehnya.

Inilah keadaan dan kedudukan fitrah dalam menghadapi malapetaka 'azab yang ngeri itu yang dikemukakan oleh Al-Qur'an kepada kaum Musyrikin. Dan ketika itu Allah S.W.T. menjelaskan bahawa Dia berkuasa memenuhi permintaan mereka jika Dia kehendaki. Kehendak masyi'ah Allah selama-lamanya bebas dan tiada suatu pun yang dapat mengikat kebebasannya. Oleh itu jika Dia kehendaki Dia akan memenuhi permintaan mereka sama ada semua atau sebahagian darinya, dan jika Dia kehendaki Dia tidak memenuhi langsung permintaan itu mengikut penilaian hikmat kebijaksanaan dan ilmu-Nya.

Inilah sikap fitrah terhadap syirik yang kadang-kadang diamalkan olehnya dengan sebab penyelewengannya akibat dari berbagai-bagai faktor yang menodai kemurnian dan kesucian hakikat yang benar yang tersemat di dalam lubuk batinnya, iaitu hakikat kecenderungannya yang semulajadi kepada Allah dan hakikat ma'rifat dan kepercayaan tauhidnya yang semulajadi terhadap Allah. Jika inilah sikap fitrah terhadap kepercayaan syirik), maka bagaimana pula sikap fitrah terhadap ilhad yang mengingkarkan terus kewujudan Allah?

Kami meragui dengan keraguan yang amat mendalam - sebagaimana kami telah terangkan sebelum ini - bahawa orang-orang yang berpegang dengan kepercayaan ilhad dalam bentuknya yang seperti itu benar-benar percaya kepada tanggapan ketidakwujudan Allah yang dipegang oleh mereka. Kami meragui bahawa di sana ada manusia yang diciptakan oleh qudrat Allah kemudian ia sampai kepada satu tahap hakikat, di mana segala tandatangan pencipta yang telah mewujudkannya itu telah terhapus sama sekali, sedangkan tandatangan ini tercetak di dalam dirinya dan bersebati di dalam struktur kejadiannya dan dapat dilihat pada setiap sel zarah tubuhnya!

(Umat Eropah telah menempuh) satu sejarah yang amat panjang, di mana mereka menghadapi

penyeksaan yang dahsyat, penindasan yang kejam dan pertarungan yang ganas dengan pihak Gereja. Mereka menghadapi tindakan Gereja yang menafikan keinginan-keinginan semulajadi manusia, sedangkan pihak Gereja sendiri tenggelam di dalam kemewahan dan kesenangan hidup yang sesat. Inilah sejarah malang yang dihayati oleh orang-orang Eropah berabad-abad lamanya dan sejarah inilah yang akhirnya mendorong umat Eropah hanyut dalam arus ilhad dan lari ke padang gurun (kesesatan) kerana takut kepada hantu Gereja yang dibencikan mereka.[4]

Di samping itu kaum Yahudi pula telah mengeksploitasikan realiti sejarah itu dengan berusaha menolak pemeluk-pemeluk Kristian agar jauh dari agama mereka supaya mereka mudah dipimpin dan mudah disebarkan unsur-unsur keruntuhan akhlak dan kemeranaan jiwa di dalam kalangan mereka, dan seterusnya supaya mudah mempergunakan mereka selaku keldai-keldai tunggangan sebagaimana yang diungkapkan oleh kitab Talmud dan buku "Protokol Cendekiawan Zionis." Kaum Yahudi sudah tentu tidak akan dapat meraih kejayaan dalam segala usaha mereka ini melainkan dengan mengeksploitasikan sejarah Eropah yang malang itu untuk menolak umat Eropah ke arah ilhad kerana lari dari Gereja.

Walaupun komunisme yang menjadi salah satu pertubuhan kaum Yahudi telah melakukan usaha-usaha yang gigih dalam masa lebih dari separuh abad untuk menyebarkan ilhad di bawah pengawasan segala alat kerajaan (komunis) yang menindas, namun umat Rusia sendiri di dalam hati kecilnya masih rindukan kepercayaan kepada Allah, hingga Stalin yang kejam - inilah sifat yang diberikan kepadanya oleh penggantinya Khrushchev - terpaksa berdamai dengan gereja dalam masa peperangan dunia yang kedua dan membebaskan kepala paderi (di Rusia) kerana tekanan peperangan telah memaksa Stalin mengiktirafkan kekuatan kepercayaan kepada Allah, yang memang tersemat di dalam fitrah manusia, tanpa menghiraukan pendapatnya sendiri dan pendapat segelintir kaum Ateis atau Mulhidin yang berkuasa di sekelilingnya.

Sementara kaum Yahudi pula dengan bantuan keldai-keldai dari orang-orang Kristian yang digunakan mereka, telah berusaha menyebarkan arus ilhad di dalam jiwa umat-umat yang beragama Islam. Walaupun Islam kabur dan layu di dalam jiwa umat-umat ini, namun arus ilhad yang dilancarkan melalui "pahlawan" Kamal Ataturk di Turki itu telah menghadapi kegagalan biarpun mereka berhempas pulas berusaha mendewa-dewa, menyanjung tinggi dan memberi bantuan kepada beliau dan biarpun mereka menulis berbagai-bagai buku mengenai beliau dan langkah-langkah percubaan perintis - (untuk menghakiskan ciri-ciri keimanan). Oleh sebab itu setelah mengambil i'tibar dari pengalaman-pengalaman Ataturk yang gagal itu, mereka berusaha mengadakan percubaan-percubaan yang baru, iaitu mereka tidak lagi mengibarkan panji-panji ilhad di atas langkah-langkah percubaan perintis dan sebagai gantinya mereka kibarkan panji-panji Islam untuk mengelak dari bertembung dengan fitrah (keimanan) manusia sebagaimana yang telah berlaku di dalam percubaan Ataturk, kemudian mereka meletakkan di bawah panji-panji Islam itu segala apa sahaja penyelewengan yang dikehendaki oleh mereka, iaitu mereka meletakkan paya-paya (cara hidup) yang busuk, fikiran-fikiran dan idea-idea yang kotor dan amalan-amalan yang membawa kepada keruntuhan akhlak dan seterusnya meletakkan segala alat yang dapat menjahanamkan keseluruhan jiwa umat manusia yang hidup di dalam negara-negara Islam.

Tetapi pelajaran yang menonjol di sebalik segala usaha yang jahat itu ialah fitrah manusia tetap mengenali Allah dengan baik dan tetap mentauhidkan-Nya, dan andainya pada satu ketika fitrah diselubungi sampah sarap kepercayaan yang karut, namun seluruh sampah sarap itu akan gugur darinya apabila ia digoncangkan oleh malapetaka kesusahan, di mana ia akan pulang semula kepada Allah yang telah menciptakannya pada permulaan kali. Ia akan pulang kepadanya dengan penuh keimanan, kepatuhan dan khusyu' dan segala tiang rancangan-rancangan yang jahat itu runtuh menderak sekaligus dengan ledakan gema dari pekikan kebenaran yang memulangkan kembali fitrah (keimanan) kepada Allah S.W.T. Kebatilan tidak akan dapat berlangsung dengan selamat dan orang-orang yang sanggup melepaskan pekikan kebenaran itu tetap wujud di bumi ini dan bumi tidak akan sunyi dari manusia-manusia (Mu'min) yang sanggup melepaskan pekikan kebenaran itu walau bagaimanapun mereka ditentang dan ditindas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 45)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰٓ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَخَذْنَٰهُم بِٱلْبَأْسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ لَعَلَّهُمْ يَتَضَرَّعُونَ ﴿٤٢﴾

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰٓ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَخَذْنَٰهُم بِٱلْبَأْسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ لَعَلَّهُمْ يَتَضَرَّعُونَ ﴿٤٢﴾

فَلَوْلَآ إِذْ جَآءَهُم بَأْسُنَا تَضَرَّعُوا۟ وَلَٰكِن قَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَٰبَ كُلِّ شَىْءٍ حَتَّىٰٓ إِذَا فَرِحُوا۟ بِمَآ أُوتُوٓا۟ أَخَذْنَٰهُم بَغْتَةً

---

[4] *Lihat huraian yang luas di dalam bab* " الفصام النكد" *dalam buku* "المستقبل لهذا الدين".

فَإِذَا هُم مُّبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾ فَقُطِعَ دَابِرُ الْقَوْمِ الَّذِينَ ظَلَمُوا ۚ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah utuskan rasul-rasul kepada umat-umat sebelum engkau lalu kami hukumkan mereka dengan kesengsaraan dan kemelaratan supaya mereka merendahkan diri (42). Sewajarnya mereka merendahkan diri ketika ditimpa kesengsaraan dari Kami, tetapi hati mereka telah menjadi begitu keras dan syaitan telah mendandankan segala perbuatan yang buruk yang dilakukan mereka (43). Apabila mereka telah melupakan apa yang telah diperingatkan kepada mereka, maka Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala ni'mat kesenangan sehingga apabila mereka merasa begitu gembira dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka, maka Kami binasakan mereka secara mendadak lalu mereka berputus asa (44). Lalu kaum yang zalim itu dibinasakan hingga ke akhir bilangan mereka (habis-habisan). Dan segala sanjungan itu terpulang kepada Allah. Tuhan yang memelihara semesta alam."(45)

Itulah penampilan contoh 'azab Allah S.W.T., iaitu satu contoh dari realiti sejarah, satu contoh yang membentang dan mentafsirkan proses pendedahan manusia kepada 'azab Allah dan bagaimana akibatnya yang akan menimpa mereka, bagaimana Allah memberi peluang demi peluang, peringatan demi peringatan kepada mereka. Dan apabila mereka telah melupakan segala peringatan yang diberikan kepada mereka, dan apabila kesusahan tidak dapat membawa mereka bertawajjuh kepada Allah dan ni'mat kesenangan tidak dapat mendorong mereka kepada kesyukuran dan kewaspadaan terhadap ujian Allah, maka ini menunjukkan bahawa fitrah mereka telah mengalami kerosakan yang amat teruk yang tidak ada harapan lagi untuk diperbaiki, dan kehidupan mereka telah rosak dan tidak ada harapan lagi untuk di pulih dan dikekalkan, maka di waktu inilah keputusan 'azab Allah akan berlaku ke atas mereka dan malapetaka kebinasaan akan turun di perkarangan kampung halaman mereka dan tiada seorang pun dari mereka akan terselamat.

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَىٰ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَخَذْنَاهُم بِالْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ لَعَلَّهُمْ يَتَضَرَّعُونَ ﴿٤٢﴾ فَلَوْلَا إِذْ جَاءَهُم بَأْسُنَا تَضَرَّعُوا وَلَٰكِن قَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَزَيَّنَ لَهُمُ الشَّيْطَانُ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah utuskan rasul-rasul kepada umat-umat sebelum engkau lalu Kami hukumkan mereka dengan kesengsaraan dan kemelaratan supaya mereka merendahkan diri (42). Sewajarnya mereka tidak merendahkan diri ketika ditimpa kesengsaraan dari Kami, tetapi hati mereka telah menjadi begitu keras dan syaitan telah mendandankan segala perbuatan yang buruk yang dilakukan mereka."(43)

Hakikat Sejarah Yang Dirakamkan Manusia

Realiti manusia banyak mengetahui tentang umat-umat yang dibinasakan Allah yang telah diceritakan dengan panjang lebar oleh Al-Qur'anul-Karim kepada mereka sebelum lahirnya "catatan sejarah" yang diciptakan manusia, kerana catatan sejarah yang dirakamkan oleh manusia itu baru sahaja lahir dan mempunyai usia yang amat muda. Ia tidak dapat mengingat melainkan hanya sekelumit sejarah manusia yang sebenar di atas muka bumi ini, dan sejarah yang dirakamkannya itu adalah penuh dengan pembohongan dan kesilapan dan penuh dengan kelemahan-kelemahan, kerana rakaman-rakamannya tidak merangkumi semua faktor pencetus dan penggerak sejarah manusia, yang mana setengahnya tersembunyi di dalam lubuk jiwa manusia, setengahnya pula terlindung di sebalik tabir ghaib dan hanya sebahagian yang kecil darinya sahaja yang dapat di lihat oleh manusia. Dan bahagian yang ghaib inilah yang salah dikumpul dan ditafsirkan oleh manusia. Mereka juga tersilap dalam membezakan di antara sejarah yang betul dengan sejarah yang palsu kecuali sedikit sahaja. Andainya ada orang yang mendakwa bahawa dia mengetahui sejarah manusia dengan yakin dan dapat mentafsirkannya dengan pentafsiran secara ilmiyah dan seterusnya dapat pula mengatakan dengan yakin tentang kepastian di masa akan datang[5], maka itulah satu pembohongan yang paling besar yang sanggup dilakukan oleh seorang manusia, tetapi yang anehnya ada manusia yang sanggup membuat dakwaan yang seperti itu, malah yang lebih aneh lagi ada golongan manusia yang bersedia mempercayainya. Andainya pembuat dakwaan itu berkata bahawa dia hanya memperkatakan tentang kemungkinan-kemungkinan sejarah sahaja bukannya tentang kepastian-kepastian sejarah tentulah perkataannya dapat diterima, tetapi biasanya apabila si pembohong boleh mendapat orang-orang yang dungu yang sanggup mempercayainya, maka tidak ada sebab mengapa dia tidak mahu berbohong!

Allah menceritakan sejarah yang benar kerana Dia mengetahui segala apa yang berlaku dan mengapa ia berlaku. Di samping itu Allah menerangkan kepada para hamba-Nya - sebagai rahmat dari-Nya - sebahagian dari undang-undang dan qadha' qadarnya supaya mereka berwaspada dan mengambil pengajaran darinya, juga supaya mereka mengetahui faktor-faktor yang tersembunyi dan sebab-sebab yang

---

[5] *Lihat ulasan-ulasan pemikir-pemikir komunisme seperti George Wilhem Friedrich Hegel dan Karl Marx ketika mereka mengemukakan teori "Isme Sejarah" atau 'historicism'. Mengikut teori ini sejarah sesuatu itu merupakan satu-satunya faktor yang boleh memberi pentafsiran secara pasti kepadanya - Penterjemah.*

zahir di sebalik peristiwa-peristiwa sejarah itu agar dengan pengetahuan ini mereka dapat mentafsirkan peristiwa-peristiwa sejarah dengan pentafsiran yang lengkap dan betul. Dan melalui pengetahuan sejarah ini juga mereka dapat menduga apa yang akan berlaku berlandaskan Sunnatullah yang tidak pernah berubah kerana Sunnatullah inilah yang dijelaskan Allah kepada mereka.

Ayat-ayat ini menggambar dan membentangkan satu contoh yang berulang di kalangan berbagai-bagai umat yang telah didatangi para rasul, kemudian mereka mendustakan rasul-rasul itu, lalu mereka di timpa malapetaka yang membinasakan harta benda dan jiwa raga mereka, memusnahkan keadaan hidup dan kedudukan mereka, iaitu malapetaka kesusahan dan kemelaratan yang belum lagi sampai ke tahap "'azab Allah" yang besar yang telah diperkatakan oleh ayat-ayat yang telah lepas, iaitu 'azab pembinasaan dan penghapusan yang berhabis-habisan.

Al-Qur'an telah menyebut satu contoh yang tertentu dari umat-umat yang telah ditimpakan malapetaka itu, juga satu contoh malapetaka kesusahan dan kemelaratan yang tertentu yang ditimpakan ke atas mereka di dalam kisah Fir'aun dan kuncu-kuncunya:

وَلَقَدْ أَخَذْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ بِٱلسِّنِينَ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٣٠﴾

فَإِذَا جَآءَتْهُمُ ٱلْحَسَنَةُ قَالُوا۟ لَنَا هَٰذِهِۦ ۖ وَإِن تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَطَّيَّرُوا۟ بِمُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُۥٓ ۗ أَلَآ إِنَّمَا طَٰٓئِرُهُمْ عِندَ ٱللَّهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٣١﴾

وَقَالُوا۟ مَهْمَا تَأْتِنَا بِهِۦ مِنْ ءَايَةٍ لِّتَسْحَرَنَا بِهَا فَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿١٣٢﴾

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمُ ٱلطُّوفَانَ وَٱلْجَرَادَ وَٱلْقُمَّلَ وَٱلضَّفَادِعَ وَٱلدَّمَ ءَايَٰتٍ مُّفَصَّلَٰتٍ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ وَكَانُوا۟ قَوْمًا مُّجْرِمِينَ ﴿١٣٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah menimpakan kaum Fir'aun dengan kemarau yang panjang dan dengan kekurangan buah-buahan supaya mereka mengambil pengajaran (130). Kemudian apabila mereka didatangi kesenangan, mereka berkata: Ini adalah dari usaha kami. Dan apabila mereka ditimpa kesusahan, mereka lemparkan sebab kesialan itu kepada Musa dan pengikut-pengikutnya. Ketahuilah! Sesungguhnya kesialan yang menimpa mereka itu adalah ditetapkan di sisi Allah, akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (131). Mereka berkata: Walau apa pun bukti yang dibawa oleh engkau untuk mempesonakan kami dengannya, namun kami tetap tidak akan beriman kepada engkau (132). Lalu Kami lepaskan ke atas mereka bencana banjir, belalang, kutu, katak dan darah sebagai bukti-bukti yang jelas, tetapi mereka tetap berlagak angkuh dan mereka sebenarnya adalah satu kaum penderhaka."(133)

(Surah al-A'raf)

Ini adalah salah satu dari berbagai-bagai contoh yang diisyaratkan oleh ayat tadi.

Allah telah menimpakan ke atas mereka malapetaka kesengsaraan dan penderitaan supaya mereka dapat menyemak diri mereka, memeriksa hati mereka dan memikirkan realiti hidup mereka semoga dengan tekanan kesengsaraan dan penderitaan itu mereka merendahkan diri dan melutut kepada Allah, semoga mereka membuang sifat angkuh dan takbur mereka dan tampil berdo'a kepada Allah dengan penuh keikhlasan agar Allah mengangkatkan malapetaka itu dari mereka dan dengan itu sudah tentu Allah akan menghapuskan malapetaka itu dan membuka pintu rahmatnya kepada mereka, tetapi mereka tidak melakukan apa yang patut dilakukan mereka. Mereka berkeras tidak mahu pulang kepada Allah dan tidak mahu berganjak dari sikap mereka yang angkuh. Malapetaka kesusahan dan penderitaan itu tidak dapat menyedar dan menginsafkan mereka. Matahati mereka terus tertutup dan terus keras tidak lembut. Syaitan telah bekerja keras memperlihatkan kesesatan dan kedegilan mereka sebagai langkah-langkah yang baik dan elok:

وَلَٰكِن قَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

"Tetapi hati mereka telah menjadi begitu keras dan syaitan telah mendandankan segala perbuatan yang buruk yang dilakukan mereka!"(43)

Hati yang tidak dapat dipulangkan kepada Allah dengan malapetaka kesusahan dan penderitaan itu adalah hati yang keras dan membatu. Ia tidak lagi mempunyai cecair yang dapat diperahkan oleh malapetaka kesusahan dan penderitaan. Hati itu adalah hati yang mati, kerana itu malapetaka kesusahan dan penderitaan tidak dapat merangsang dan membangkitkan perasaannya. Alat-alat penerima semulajadi hati itu telah rosak dan tidak berfungsi lagi. Ia tidak dapat merasa apa-apa lagi apabila dicucuk dengan jarum penyedar yang biasanya menggerakkan hati yang hidup ke arah menerima dan menyambut saranan-saranan Ilahi. Malapetaka kesusahan merupakan satu ujian dari Allah untuk meneroka hati hamba-Nya. Oleh itu sesiapa yang mempunyai hati yang hidup, maka malapetaka itu akan menyedar dan membuka pintu hatinya yang tertutup dan memulangkannya semula kepada Allah, sedangkan rahmat yang dikurniakan Allah kepadanya

adalah salah satu dari berbagai-bagai rahmat yang telah diwajibkan Allah ke atas diri-Nya. Sebaliknya sesiapa yang mempunyai hati yang mati, maka ia akan terus ditimbuskan oleh malapetaka itu tanpa mendapat sebarang faedah darinya, malah malapetaka itu akan menggugurkan keuzuran dan alasan mereka dan akan terus menjadi kecelakaan dan keseksaan kepada mereka.

Umat-umat yang diceritakan Allah kisah-kisah mereka kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada umat beliau selepasnya adalah umat-umat yang tidak mengambil apa-apa pengajaran dari malapetaka kesusahan dan penderitaan yang telah menimpa mereka. Mereka tidak pernah tunduk dan merendahkan diri kepada Allah. Mereka tidak berpatah balik dari keengganan dan kedegilan mereka yang dirasuk dan didandankan syaitan..... dan di waktu inilah Allah memberi tangguhan 'azab kepada mereka dan mengistidrajkan mereka dengan kemewahan dan kesenangan:

فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَٰبَ كُلِّ شَىْءٍ حَتَّىٰٓ إِذَا فَرِحُوا۟ بِمَآ أُوتُوٓا۟ أَخَذْنَٰهُم بَغْتَةً فَإِذَا هُم مُّبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾
فَقُطِعَ دَابِرُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ۚ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٤٥﴾

"Apabila mereka telah melupakan peringatan yang telah diperingatkan kepada mereka, maka Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala ni'mat kesenangan sehingga apabila mereka merasa begitu gembira dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka, maka Kami binasakan mereka secara mendadak lalu mereka berputus asa (44). Lalu kaum yang zalim itu dibinasakan hingga ke akhir bilangan mereka (habis-habisan). Dan segala sanjungan itu terpulang kepada Allah, Tuhan yang memelihara semesta alam."(45)

Kesusahan Demi Kesusahan Merupakan Batu Uji Belaka

Kemenangan dan kemewahan juga merupakan suatu ujian dan dugaan dari Allah sama seperti ujian dan dugaan Allah dengan kesusahan dan kemelaratan tetapi ujian dengan kesenangan itu lebih hebat dan lebih tinggi dari ujian dengan kesusahan dan kemelaratan. Allah menguji semua hamba-Nya sama ada yang ta'at atau yang derhaka sama ada dengan kesenangan atau dengan kesusahan, tetapi bagi orang yang beriman ia akan mengambil sikap bersabar apabila ia diuji dengan kesusahan dan kesengsaraan, dan akan mengambil sikap bersyukur apabila ia diuji dengan kesenangan dan kemewahan. Oleh kerana itu orang yang beriman mendapat kebaikan di dalam kedua-dua ujian itu. Tersebut dalam sebuah hadith:

عجبا للمؤمن إن أمره كله له خير وليس ذلك لأحد إلا للمؤمن ، إن أصابته سرّاء شكر فكان خيراً له ، وإن أصابته ضرّاء صبر ، فكان خيراً له.

"Seorang Mu'min itu amatlah dikagumi! Kerana seluruh urusannya baik belaka. Dan hal ini tidak dapat dicapai oleh sesiapa pun kecuali orang yang beriman, iaitu jika ia mendapat kesenangan dia bersyukur dan ini memberi kebaikan kepadanya, dan jika ia ditimpa kesusahan dia bersabar dan ini juga memberi kebaikan kepadanya."

(Diriwayatkan oleh Muslim)

Tetapi umat-umat yang telah mendustakan para rasul sebagaimana kisah mereka diceritakan Allah di dalam ayat ini, maka mereka telah dibinasakan Allah setelah mereka lupakan peringatan yang telah diberikan Allah kepada mereka. Allah telah menguji mereka dengan malapetaka kesusahan dan kesengsaraan, tetapi mereka tidak juga tunduk dan merendahkan diri mereka kepada Allah lalu Allah membuka segala pintu kemewahan kepada mereka sebagai suatu lorongan atau istidraj selepas dikenakan ujian itu.

Ungkapan Al-Qur'an:

فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَٰبَ كُلِّ شَىْءٍ

"Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala ni'mat kesenangan"(44)

menggambarkan kelimpahan rezeki, kebajikan, keni'matan dan kuasa yang mengalir dan melimpah ruah seperti banjir tanpa sekatan dan halangan, semuanya mengalir kepada mereka dengan mudah tanpa susah payah, malah tanpa usaha.

Itulah satu pemandangan yang amat menarik, yang melukiskan satu keadaan dalam bentuk harakat mengikut cara penggambaran Al-Qur'an yang mengkagumkan.[6]

حَتَّىٰٓ إِذَا فَرِحُوا۟ بِمَآ أُوتُوٓا۟

"Sehingga apabila mereka merasa begitu gembira dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka."(44)

Yakni apabila mereka telah ditenggelami di dalam kebajikan-kebajikan dan rezeki-rezeki yang melimpah ruah dan di dalam keni'matan-keni'matan dan sukaria tanpa mensyukuri dan mengingati Allah yang telah mengurniakan ni'mat-ni'mat itu, apabila di dalam hati mereka tidak pernah terdetik ingatan dan kenangan kepada Allah yang telah menganugerahkan ni'mat itu dan tidak pula pernah terlintas perasaan takut dan bertaqwa kepada-Nya, malah seluruh perhatian dan minat mereka tertumpu kepada kelazatan dan kesenangan, dan seluruh diri mereka diserahkan

---

[6] *Lihat bab "طريقة القرآن" dalam buku "التصوير الفني في القرآن".*

kepada keinginan hawa nafsu dan hidup mereka kosong dari cita-cita dan minat-minat yang besar, iaitu satu bentuk hidup yang biasa bagi mereka yang tenggelam di dalam keni'matan, hiburan dan kesenangan, dan kehidupan yang sedemikian diikuti pula oleh kerosakan peraturan-peraturan masyarakat setelah kerosakan itu melanda hati dan akhlak mereka. Dan seluruh kerosakan itu akan membawa kepada natijahnya yang biasa, iaitu kerosakan seluruh kehidupan. Dan di waktu inilah berlakunya Sunnatullah yang tidak pernah berubah.

أَخَذْنَٰهُم بَغْتَةً فَإِذَا هُم مُّبْلِسُونَ ٤٤

"Kami binasakan mereka secara mendadak lalu mereka berputus asa." (44)

Yakni mereka di timpa 'azab Allah secara mendadak ketika mereka sedang berada di dalam kelekaan dan kelalaian menyebabkan mereka tercengang-cengang dan putus harapan untuk mendapat keselamatan. Mereka tidak lagi mampu berfikir ke manakah hala yang harus dituju oleh mereka. Dan seluruh mereka binasa hingga ke akhir bilangan mereka.

فَقُطِعَ دَابِرُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ۚ

"Lalu kaum yang zalim itu dibinasakan hingga ke akhir bilangan mereka (habis-habisan)."(45)

Kata-kata "دابر القوم" mengertikan bilangan yang akhir dari mereka. Yakni yang akhir dan yang awal dari mereka semuanya dibinasakan habis-habisan. Maksud ungkapan "kaum yang zalim" dalam ayat ini ialah mereka yang mempersekutukan Allah. Inilah maksud yang lumrah dari ungkapan ini di kebanyakan tempat di dalam Al-Qur'an, iaitu ia mengungkapkan "perbuatan syirik" dengan "perbuatan yang zalim" dan mengungkapkan "orang-orang yang melakukan perbuatan syirik" dengan "orang-orang yang melakukan perbuatan yang zalim."

وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٤٥

"Dan segala sanjungan itu terpulang kepada Allah Tuhan yang memelihara semesta alam."(45)

Umat-umat Purba Dan umat-umat Zaman Moden Yang Telah Dibinasakan Allah

Itulah kata iringan bersyukur terhadap kebinasaan yang total yang menimpa orang-orang yang zalim, iaitu orang-orang yang mempersekutukan Allah setelah mereka terpikat dengan istidraj Ilahi dan lorongan-Nya yang amat rapi dan apakah kepujian dan kesyukuran kepada Allah ke atas sesuatu ni'mat pengurniaan-Nya lebih besar dari ni'mat pengurniaan-Nya yang membersihkan bumi dari kaum yang zalim? Dan apakah kepujian dan kesyukuran kepada Allah ke atas suatu rahmat pengurniaan-Nya lebih besar kepada para hamba-Nya dari rahmat pengurniaan-Nya yang telah melaksanakan pembersihan itu?

Allah telah membinasakan kaum Nuh, kaum Hud, kaum Soleh dan kaum Lut. Di samping itu Allah juga telah membinasakan kaum Fir'aun, kaum Greek, kaum Roman dan lain-lainnya dengan Sunnatullah yang sama, iaitu Allah telah membinasakan kaum-kaum itu setelah mereka meni'mati hasil tamadun mereka yang mewah dan gemilang. Itulah rahsia ghaib dari perencanaan-perencanaan Allah dan inilah perencanaan Allah yang lahir dari Sunnatullah dan inilah pentafsiran Rabbani terhadap peristiwa-peristiwa yang bersejarah yang terkenal ini. Umat-umat ini telah membangun tamadun masing-masing dan mempunyai kedudukan yang kuat dan teguh di muka bumi ini. Mereka telah meni'mati kemewahan dan kesenangan hidup yang tidak kurang jika tidak pun lebih dari setengah-setengah aspeknya dari kemewahan dan kesenangan hidup yang dini'mati oleh umat-umat manusia pada hari ini. Mereka hidup dan tenggelam di dalam ni'mat-ni'mat kekuasaan, kemewahan dan kesenangan. Mereka tertipu dengan segala kekuasaan dan kemewahan yang dipunyai mereka dan mengelirukan umat-umat yang lain yang tidak memahami Sunnatullah dalam ujian kesusahan dan kesenangan.

Umat-umat ini tidak memahami bahawa di sana wujudnya undang-undang atau Sunnatullah, dan mereka tidak sedar bahawa Allah melorong atau mengistidrajkan mereka mengikut undang-undang ini. Dan orang-orang yang berlegar dalam orbit umat-umat ini akan terpesona dengan cahaya-cahaya kesilauan kehidupan mereka yang menarik, terpikat dengan kemewahan dan kekuasaan mereka dan tertipu dengan penundaan Allah yang menangguhkan 'azab terhadap mereka, sedangkan mereka tidak menyembah Allah atau tidak mengenali Allah dan di samping itu mereka menentang kuasa Allah dan mendakwa diri mereka mempunyai ciri-ciri Uluhiyah, mereka melakukan kerosakan di bumi dan bertindak zalim terhadap manusia setelah mereka mencabul kuasa Allah.

Sewaktu saya berada di Amerika Syarikat saya dapat melihat dengan mata kepala saya betapa benarnya firman Allah:

"Apabila mereka telah melupakan peringatan yang telah diperingatkan kepada mereka, maka Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala ni'mat kesenangan"(44)

Kemewahan Rakyat Amerika

kerana pemandangan yang dilukiskan oleh ayat ini ialah pemandangan curahan kebajikan-kebajikan dan rezeki-rezeki yang melimpah ruah tanpa terkira, iaitu pemandangan yang hampir-hampir tidak dapat di lihat di seluruh muka bumi ini seperti yang di lihat di Amerika.

Saya melihat rakyat Amerika begitu megah dan terpesona dengan kemewahan hidup yang sedang dini'mati mereka. Mereka merasa bahawa

kemewahan itu adalah untuk orang kulit putih sahaja. Saya melihat mereka melayani orang-orang yang bukan berkulit putih dengan layanan yang begitu sombong, begitu kejam dan ganas. Keangkuhan mereka terhadap seluruh penghuni bumi tidak boleh dibanding dengan keangkuhan pergerakan Nazi (di Jerman di zaman Hitler) yang diheboh-hebohkan oleh orang-orang Yahudi di seluruh dunia hingga menjadi lambang keangkuhan kaum, kerana keangkuhan yang diamalkan oleh rakyat Amerika yang berkulit putih terhadap orang-orang yang tidak berkulit putih adalah lebih kejam lagi, terutama jika orang-orang yang tidak berkulit putih itu beragama Islam.

Umat-umat Yang Mewah Di Zaman Ini Sedang Diserang Penyakit Kesengsaraan Jiwa

Saya melihat keadaan itu semuanya dan saya teringat kepada ayat tadi dan saya menduga bahawa perlaksanaan Sunnatullah lambat laun akan berlaku ke atas mereka. Malah saya hampir-hampir ternampak bahawa Sunnatullah itu sedang bergerak menghayunkan langkah-langkahnya menuju ke arah orang-orang yang lalai ini:

فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَٰبَ كُلِّ شَىْءٍ حَتَّىٰٓ إِذَا فَرِحُوا۟ بِمَآ أُوتُوٓا۟ أَخَذْنَٰهُم بَغْتَةً فَإِذَا هُم مُّبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾
فَقُطِعَ دَابِرُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ۚ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٤٥﴾

"Sehingga apabila mereka merasa begitu gembira dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka, maka Kami binasakan mereka secara mendadak lalu mereka berputus asa (44). Lalu kaum yang zalim itu dibinasakan hingga ke akhir bilangan mereka (habis-habisan). Dan segala sanjungan itu terpulang kepada Allah, Tuhan yang memelihara semesta alam."(45)

Walaupun Allah telah menghapuskan pengenaan 'azab kebinasaan yang total dan habis-habisan (terhadap manusia) selepas dibangkitkan Rasulullah s.a.w., namun di sana masih terdapat berbagai-bagai jenis 'azab yang lain yang dirasai oleh umat-umat manusia terutama umat-umat yang dicurahkan ni'mat-ni'mat kesenangan yang melimpah ruah dari segenap pintu walaupun mereka meni'mati hasil pengeluaran yang mewah dan rezeki yang amat banyak!

Kesengsaraan jiwa, kemeranaan rohaniyah, keganjilan tabi'at seks, keruntuhan akhlak yang sedang dideritai oleh umat-umat (yang maju) pada hari ini hampir-hampir melindungi pengeluaran, kemewahan dan kesenangan hidup mereka, malah hampir-hampir mewarnakan seluruh hidup mereka dengan kesengsaraan jiwa, perasaan-perasaan resah gelisah dan malang.[7] Ini di samping wujudnya gejala-gejala yang membabitkan isu-isu keruntuhan akhlak politik yang sanggup menjual rahsia-rahsia negara dan pengkhianatan terhadap bangsa demi untuk memuaskan nafsu syahwat dan keganjilan tabi'at seks. Itulah gejala-gejala yang tidak syak lagi akan mendatangkan akibat yang buruk pada akhirnya nanti.

Semuanya ini hanya merupakan permulaan jalan dan amatlah tepat sabda Rasulullah s.a.w.:

إذا رأيت الله يعطي العبد من الدنيا– على معاصيه – ما يحب فإنما هو استدراج ثم تلا: ((فلما نسوا ما ذكروا به فتحنا عليهم أبواب كل شيء حتى إذا فرحوا بما أوتوا أخذناهم بغتة فإذا هم مبلسون)) ﴿الأنعام – ٤٤﴾:

"Jika engkau melihat Allah memberi kepada seseorang hamba segala keni'matan hidup dunia yang disukai olehnya, sedangkan ia banyak melakukan maksiat-maksiat, maka pemberian ini adalah sebenarnya suatu istidraj atau lorongan sahaja." Kemudian beliau membaca: "Apabila mereka telah melupakan peringatan yang telah diperingatkan kepada mereka, maka Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala ni'mat kesenangan sehingga apabila mereka merasa begitu gembira dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka, maka Kami binasakan mereka secara mendadak lalu mereka berputus asa."(44)

(Diriwayatkan oleh Ibn Jarir dan Ibn Abi Hatim)

Namun demikian segia diingat bahawa pelaksanaan Sunnatullah dalam memusnahkan kebatilan itu memerlukan wujudnya satu gerakan yang memperjuangkan kebenaran di bumi ini dalam bentuk kebangkitan satu umat, dan di waktu itulah Allah melepaskan gerakan kebenaran itu menghapuskan kebatilan hingga ia lenyap. Oleh sebab itu pejuang-pejuang kebenaran janganlah duduk berkilas tangan bersikap malas dan hanya menunggu kedatangan Sunnatullah tanpa bertindak dan berjuang dengan gigih, dan sikap yang sedemikian tidak menggambarkan kebenaran dan pejuang kebenaran. Kebenaran itu tidak mungkin ditegakkan melainkan dalam bentuk kebangkitan satu umat yang berjuang untuk menegakkan Hakimiyah Allah di muka bumi ini dan menumpaskan pencabul-pencabul Hakimiyah Allah yang terdiri dari orang-orang yang mengaku mempunyai ciri-ciri Uluhiyah. Inilah kebenaran yang pertama dan inilah kebenaran yang tulen:

وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّفَسَدَتِ ٱلْأَرْضُ

---

[7] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam bab "*تخبط والضطراب*" dari buku "*الإسلام ومشكلات الحضارة*".*

"Dan andainya Allah tidak menolak (menahan) setengah manusia dengan (penentangan) setengah manusia yang lain tentulah bumi menjadi rosak."

(Surah al-Baqarah: 251)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 46)

Kemudian ayat yang berikut meletak dan mencabar kaum Musyrikin di hadapan 'azab Allah andainya 'azab itu menimpa diri mereka, iaitu 'azab yang mencabut pendengaran, penglihatan dan hati mereka, sedangkan mereka tidak berupaya menolakkan 'azab itu dan tidak berdaya mendapatkan tuhan yang lain dari Allah yang berkuasa mengembalikan pendengaran, penglihatan dan hati mereka andainya Allah cabutkannya dari mereka:

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَخَذَ ٱللَّهُ سَمْعَكُمْ وَأَبْصَٰرَكُمْ وَخَتَمَ عَلَىٰ قُلُوبِكُم مَّنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِهِ ۗ ٱنظُرْ كَيْفَ نُصَرِّفُ ٱلْءَايَٰتِ ثُمَّ هُمْ يَصْدِفُونَ ﴿٤٦﴾

"Katakanlah: Bagaimana pandangan kamu jika Allah mengambil pendengaran dan penglihatan kamu dan menutup hati kamu, apakah ada tuhan yang lain dari Allah yang berkuasa mengembalikannya kepada kamu? Perhatikanlah bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat Kami dengan berbagai-bagai cara, kemudian mereka tetap menyeleweng juga."(46)

Ini adalah satu pemandangan yang menggambarkan kepada mereka dari satu sudut bagaimana lemahnya mereka dalam menghadapi 'azab Allah dan - dari satu sudut yang lain pula - ia menggambarkan kepada mereka hakikat kelemahan kepercayaan syirik mereka kepada yang lain dari Allah apabila menghadapi keadaan yang serius. Pemandangan ini telah mencemaskan mereka hingga menjejak ke lubuk hati. Allah yang menciptakan fitrah manusia memang tahu bahawa fitrah mereka memang menyedari keseriusan dan kebenaran yang berada di sebalik pemandangan ini. Ia memang menyedari bahawa Allah berkuasa melakukan semuanya itu. Dia berkuasa mencabut pendengaran dan penglihatan mereka. Dia berkuasa menutup hati mereka hingga alat-alatnya tidak dapat berfungsi lagi. Mereka seterusnya memang menyedari andainya Allah melakukan semuanya itu, maka di sana tiada Tuhan yang lain yang berkuasa menolak 'azab Allah.

Di dalam bayangan pemandangan yang mengoncangkan hati dan sendi tulang ini dan sekaligus itu juga menjelaskan keremehan kepercayaan syirik yang dianuti mereka dan kesan perbuatan mereka yang memilih pelindung-pelindung yang lain dari Allah, di dalam bayangan pemandangan ini Allah melahirkan kehairanan terhadap kaum Musyrikin yang telah diberikan berbagai-bagai bentuk ayat pengajaran dan penerangan, namun mereka tetap berpaling darinya. Mereka laksana unta yang mengidap penyakit tempang yang berjalan dengan langkah-langkah yang menyeleweng kerana penyakit yang dihidapinya.

ٱنظُرْ كَيْفَ نُصَرِّفُ ٱلْءَايَٰتِ ثُمَّ هُمْ يَصْدِفُونَ ﴿٤٦﴾

"Perhatikanlah bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat Kami, dengan berbagai-bagai cara, kemudian mereka tetap menyeleweng juga."(46)

Itulah pernyataan kehairanan yang disertakan dengan pemandangan kepincangan perjalanan unta yang mengidap penyakit tempang yang terkenal di sisi orang-orang Arab. Ayat ini mengingatkan mereka dengan pemandangan unta yang berpenyakit tempang (as-saduf, iaitu pemandangan yang menimbulkan di dalam hati mereka perasaan lucu, geli, hina dan jijik.[8]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 47)

Dan sebelum mereka sedar dari kongkongan kesan pemandangan itu, maka ayat yang berikut mencabar mereka dengan satu pemandangan yang mungkin berlaku tidak mustahil kepada Allah, iaitu pemandangan di mana Allah memperlihatkan nasib kebinasaan mereka selaku orang-orang yang zalim, iaitu orang-orang yang mempersekutukan Allah. Ia melukiskan pemandangan kaum Musyrikin yang zalim yang ditimpakan 'azab Allah secara mendadak ketika mereka berada di dalam kelalaian atau di dalam kesedaran:

قُلْ أَرَءَيْتَكُمْ إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُ ٱللَّهِ بَغْتَةً أَوْ جَهْرَةً هَلْ يُهْلَكُ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٧﴾

"Katakanlah bagaimana pandangan kamu andainya kamu didatangi 'azab Allah secara mendadak atau secara terang-terangan? Tiada yang dibinasakan Allah melainkan hanya orang-orang yang zalim."(47)

'Azab Allah itu mungkin datang dengan berbagai-bagai bentuk dan keadaan sama ada 'azab itu menimpa mereka secara mendadak dan di luar dugaan mereka atau secara terbuka ketika mereka berada dalam keadaan berjaga-jaga dan bersiap sedia, namun kebinasaan itu tetap melanda kaum yang zalim iaitu kaum Musyrikin mengikut maksud pengungkapan biasa Al-Qur'anul-Karim. Hanya mereka sahaja yang akan ditimpakan 'azab Allah bukannya orang-orang yang lain. Dan mereka tidak akan berupaya mempertahankan diri mereka dari 'azab Allah sama ada ia melanda mereka secara mendadak atau secara terbuka, kerana mereka terlalu lemah untuk menolak dan menepiskan 'azab itu

---

[8] *Lihat huraian yang meluas dalam bab* " التخييل الحسي والتجسيم" *dan bab* "طريقة القرآن" *dalam buku* " التصوير الفني في القرآن ".

walaupun mereka berusaha untuk melawannya. Dan tiada siapapun dari sekutu-sekutu Allah yang dipilih oleh mereka selaku pelindung itu dapat mempertahankan keselamatan mereka dari 'azab Allah, kerana sekutu-sekutu yang dipilih mereka itu adalah semuanya dari makhluk-makhluk dan hamba-hamba Allah yang lemah belaka.

Ini adalah satu kejadian yang diduga berlaku yang ditayangkan oleh Al-Qur'an supaya manusia menghindarkan diri mereka dari malapetaka sebelum ia melanda mereka. Allah S.W.T. memang sedia mengetahui bahawa penayangan kejadian yang diduga berlaku di dalam pemandangan ini dapat menyampaikan ke dalam hati manusia qalam Allah yang dapat difahami maksudnya di samping dapat memahami hakikat yang wujud di sebaliknya yang menggegarkan hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 48 - 49)

Setelah gelombang ayat-ayat ini sampai kemuncaknya dengan tayangan pemandangan-pemandangan yang berturut-turut ini dan dengan pembentangan kesimpulan-kesimpulan yang mengandungi berbagai-bagai saranan, juga dengan menggunakan berbagai-bagai nada yang membawa amaran-amaran yang menembusi lubuk hati, maka di sini ia akhiri dengan pernyataan yang menerangkan fungsi para rasul yang selalu didesak oleh kaum-kaum mereka supaya menunjukkan mu'jizat, sedangkan tugas mereka hanya menyampaikan perutusan Allah, memberi amaran-amaran dan menyampaikan berita-berita gembira. Setelah itu terserahlah kepada mereka mengendalikan urusan diri mereka mengikut pendirian mereka masing-masing yang akan menentukan balasan akhir (yang akan diterima mereka):

وَمَا نُرْسِلُ ٱلْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ۖ فَمَنْ ءَامَنَ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٤٨﴾ وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا يَمَسُّهُمُ ٱلْعَذَابُ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿٤٩﴾

"Dan tiada Kami utuskan para rasulullah melainkan hanya supaya mereka menyampaikan berita gembira dan memberi peringatan. Oleh itu sesiapa yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka tiada sebarang kebimbangan kepada mereka dan mereka tidak pula akan berdukacita (48). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami akan disentuhkan 'azab keseksaan dengan sebab perbuatan-perbuatan mereka yang fasiq."(49)

Agama Islam berusaha melengkap dan menyediakan umat manusia menuju kematangan akal untuk membolehkan mereka menggunakan jentera akal yang amat besar yang dikurniakan Allah itu dengan penggunaan yang sempurna dalam usaha memahami hakikat Ilahiyah yang sebenar yang mempunyai bukti-bukti yang bertaburan di dalam lembaran-lembaran alam al-wujud, dalam peringkat-peringkat atau fasa-fasa perkembangan hayat dan di dalam rahsia-rahsia ciptaan alam, iaitu hakikat yang benar yang kerananya Allah turunkan Al-Qur'an untuk mendedah dan menjelaskannya dan seterusnya untuk membimbing daya pemikiran manusia menuju ke arahnya.

Al-Qur'an Memindah Manusia Dari Zaman Mu'jizat Ke Zaman Penelitian Ilmiyah

Semuanya ini memerlukan umat manusia itu dipindahkan dari zaman mu'jizat fizikal yang dapat menunduk dan memaksa para pengingkar mengaku kalah kepada mu'jizat-mu'jizat kebendaan yang terpampang di hadapan mereka itu kepada usaha membimbing daya pemikiran mereka supaya memerhati dan mengamati keindahan-keindahan ciptaan Allah di seluruh alam buana ini, kerana ciptaan-ciptaan itu sendiri merupakan mu'jizat-mu'jizat yang tetap dan menjadi asas kewujudan alam buana serta menjadi unsur-unsur yang membentuk strukturnya. Mereka juga perlu dipindahkan ke arah usaha yang menggalakkan daya pemikiran mereka berbicara dengan kitab suci Al-Qur'an yang luhur yang diturunkan dari Allah, iaitu sebuah kitab yang mempunyai daya mu'jizat dalam gaya pengungkapannya, dalam methodologinya dan di dalam struktur pembangunan masyarakat yang dinamis yang hendak diwujudkan oleh-Nya tanpa meniru mana-mana contoh dan tanpa ditandingi oleh mana-mana contoh yang lain selepasnya.

Kerja pemindahan ini memerlukan siri-siri tarbiyah dan bimbingan-bimbingan yang memerlukan masa yang lama supaya akal fikiran manusia dapat membiasakan dirinya dengan corak pemindahan itu dan mencapai kemajuan yang sewajarnya, dan seterusnya supaya akal fikiran mereka mempunyai kecenderungan membaca kitab alam buana dengan berpedomankan bimbingan-bimbingan Rabbani, kawalan Al-Qur'an dan didikan nabawi, iaitu membaca kitab alam buana yang berlandaskan hakikat ghaib (ghaibiyah), hakikat yang realistik dan positif sekaligus dalam satu waktu, iaitu bacaan yang jauh dari methodologi kefahaman-kefahaman akal yang mujarrad yang lumrah di dalam kajian-kajian falsafah Greek dan kajian-kajian ilmu ketuhanan di dalam agama Kristian, bacaan yang jauh dari methodologi kefahaman-kefahaman kederiaan dan kebendaan yang lumrah dalam bahagian falsafah itu dan dalam setengah-setengah falsafah Hindu, Mesir, Budha dan Majusi serta terkeluar dari kefahaman kederiaan yang bersahaja yang lumrah di dalam kepercayaan jahiliyah Arab.

Bahagian dari siri tarbiyah dan bimbingan ini dapat di lihat dalam pernyataan Al-Qur'an mengenai fungsi Rasul dan hakikat peranannya di dalam agama atau

risalah yang dibawa olehnya sebagaimana diterangkan oleh dua ayat tadi dan sebagaimana yang akan dibentangkan oleh gelombang ayat-ayat yang akan datang dari rangkaian surah ini, iaitu Rasul adalah manusia yang diutuskan Allah untuk menyampaikan berita-berita gembira dan memberi amaran Ilahi kepada manusia. Di sinilah berakhirnya titik garis fungsi seseorang Rasul dan di sinilah juga bermulanya sahutan dan penerimaan manusia dan dari celah-celah sambutan dan penerimaan inilah berlangsungnya ketetapan-ketetapan dan kehendak masyi'ah Allah dan kemudian ia berakhir dengan balasan Ilahi yang didasarkan di atas sambutan dan penerimaan ini. Oleh sebab itu sesiapa yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh maka bererti ia telah menunjukkan keimanan dan dengan ini ia tidak akan menghadapi sebarang ketakutan dan kebimbangan terhadap apa yang akan berlaku di masa hadapan dan tidak akan mengalami sebarang kedukacitaan terhadap kesalahan-kesalahan yang telah dilakukannya di masa silam kerana Allah telah memberi kampunan kepada kesalahan-kesalahan itu di samping memberi pahala kepada amalan-amalan soleh yang telah dilakukannya. Sebaliknya sesiapa yang menolak ayat-ayat Allah yang telah dibawa oleh Rasul-Nya dan ayat-ayat yang ditunjukkan kepadanya dalam lembaran-lembaran kitab alam buana, maka ia akan menerima 'azab Allah dengan sebab perbuatannya yang kufur. Hal ini telah diungkapkan di dalam firman-Nya:

بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿٤٩﴾

"Dengan sebab perbuatan mereka yang fasiq."(49)

Di sini - sebagaimana biasa - Al-Qur'an mengungkapkan perbuatan syirik dan kufur dengan perbuatan zalim dan fasiq seperti di dalam kebanyakan tempat dalam Al-Qur'an.

Ini adalah satu kefahaman yang jelas dan mudah, tidak berbelit-belit dan tidak pula kabur. Ia merupakan satu penjelasan yang rapi tentang Rasul dan fungsinya atau tentang batas-batas kerja dan tugas Rasul di dalam agama ini. Ia adalah satu kefahaman yang mengungkapkan bahawa hanya Allah sahaja yang mempunyai sifat Uluhiyah dan ciri-cirinya dan memulangkan seluruh urusan alam dan kehidupan kepada kehendak Allah dan perancangan-Nya. Dan di celah-celah kehendak dan perancangan itu Allah memberi kepada manusia kebebasan memilih haluan dan mengenakan tanggungjawab terhadap pemilihan itu. Kefahaman ini juga menjelaskan dengan tegas nasib kesudahan para penderhaka kepada Allah dan menolak segala dongeng dan kefahaman yang kabur tentang hakikat Rasul dan tugas yang lumrah di dalam kepercayaan-kepercayaan jahiliyah.

Dengan kefahaman yang sedemikian Al-Qur'an memindahkan umat manusia ke zaman kematangan akal dan menghindarkan mereka dari meraba-raba di padang gurun kajian-kajian falsafah aqliyah dan perdebatan ilmu ketuhanan yang telah membazirkan tenaga pemikiran manusia generasi demi generasi.

(Kumpulan ayat-ayat 50 - 55)

Hakikat Rasul Dan Fungsinya

قُل لَّآ أَقُولُ لَكُمْ عِندِى خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعْلَمُ ٱلْغَيْبَ وَلَآ أَقُولُ لَكُمْ إِنِّى مَلَكٌ ۖ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ ۚ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ ۚ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٥٠﴾

وَأَنذِرْ بِهِ ٱلَّذِينَ يَخَافُونَ أَن يُحْشَرُوٓا۟ إِلَىٰ رَبِّهِمْ ۙ لَيْسَ لَهُم مِّن دُونِهِۦ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٥١﴾

وَلَا تَطْرُدِ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِىِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِهِم مِّن شَىْءٍ وَمَا مِنْ حِسَابِكَ عَلَيْهِم مِّن شَىْءٍ فَتَطْرُدَهُمْ فَتَكُونَ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٢﴾

وَكَذَٰلِكَ فَتَنَّا بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لِّيَقُولُوٓا۟ أَهَٰٓؤُلَآءِ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنۢ بَيْنِنَآ ۗ أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَعْلَمَ بِٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٥٣﴾

وَإِذَا جَآءَكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِـَٔايَٰتِنَا فَقُلْ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ ۖ كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَىٰ نَفْسِهِ ٱلرَّحْمَةَ ۖ أَنَّهُۥ مَنْ عَمِلَ مِنكُمْ سُوٓءًۢا بِجَهَٰلَةٍ ثُمَّ تَابَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَصْلَحَ فَأَنَّهُۥ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٤﴾

وَكَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ وَلِتَسْتَبِينَ سَبِيلُ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٥٥﴾

"Katakanlah: Aku tidak mengatakan kepada kamu bahawa aku memiliki perbendaharaan-perbendaharaan Allah dan aku tidak pula mengetahui perkara yang ghaib. Dan aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawa aku seorang malaikat. Aku hanya mengikut perintah-perintah yang diwahyukan kepada aku sahaja. Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik, apakah kamu tidak berfikir? (50) Berilah peringatan dengan Al-Qur'an

kepada orang-orang yang takut (kepada hari) mereka dihimpunkan di hadapan Tuhan mereka, di mana mereka tidak mempunyai pelindung dan penolong selain dari Allah supaya mereka bertaqwa (51). Dan janganlah engkau usirkan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapatkan keredhaan-Nya kerana tiada sedikit pun engkau bertanggungjawab terhadap hisab amalan mereka dan tiada sedikit pun mereka bertanggungjawab terhadap hisab amalan engkau. Oleh sebab itu jika engkau mengusir mereka nescaya engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim (52). Dan demikianlah kami uji sikap mereka (pembesar-pembesar yang kaya) terhadap satu sama lain supaya mereka berkata: Apakah orang-orang yang seperti mereka (orang-orang miskin) yang diutamakan Allah dalam pemberian anugerah di antara kami? (Jawab Allah:) Tidakkah Allah lebih mengetahui tentang orang-orang yang bersyukur? (53) Dan apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat kami itu datang menemui engkau, maka ucapkanlah: Selamat sejahtera ke atas kamu. Allah Tuhan kamu telah menetapkan dasar rahmat ke atas diri-Nya, iaitu sesiapa di antara kamu yang telah melakukan suatu kejahatan kerana kejahilan kemudian ia bertaubat dan mengislahkan dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (54). Dan demikianlah Kami terangkan ayat-ayat (Al-Qur'an ini) dengan terperinci (supaya jelas jalan orang-orang yang soleh) dan supaya jalan para penderhaka ketara dengan jelas."(55)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Gelombang ayat-ayat ini merupakan baki dari ayat-ayat yang menghadapi kaum Musyrikin dengan persoalan hakikat risalah dan hakikat Rasul sesuai dengan desakan mereka agar Rasul ini menunjukkan mu'jizat-mu'jizat sebagaimana kami telah terangkan contoh-contohnya di dalam ceraian ayat yang silam. Rangkaian ayat-ayat ini juga merupakan baki ayat-ayat yang bertujuan untuk membetulkan kefahaman-kefahaman jahiliyah khususnya dan kefahaman-kefahaman umat manusia seluruhnya tentang hakikat risalah-risalah dan Rasul (yang diutuskan Allah) setelah dikacau dan dikelirukan oleh kefahaman-kefahaman jahiliyah umat Arab dan umat-umat yang lain di sekitar mereka hingga menyebabkan mereka tersisih jauh dari hakikat risalah, hakikat ni'mat, hakikat wahyu dan hakikat Rasul yang sebenar dan terjerumus di dalam kepercayaan khurafat-khurafat, dongeng-dongeng, waham-waham dan tanggapan-tanggapan yang sesat dan hingga menyebabkan hakikat nubuwwah bercampuraduk dengan hakikat sihir dan amalan kahin dan hakikat wahyu pula bercampuraduk dengan ehwal jin dan gejala-gejala gila. (Kekeliruan inilah yang mendorong mereka) menuntut dari nabi agar meramalkan perkara-perkara yang ghaib, menunjukkan mu'jizat-mu'jizat dan melakukan perkara-perkara yang lumrah kepada umum iaitu perkara-perkara yang biasanya dilakukan oleh orang yang mempunyai hubungan dengan makhluk jin dan orang yang mengamalkan ilmu sihir. Kemudian 'aqidah Islam dibawa oleh Al-Qur'an untuk menghancurkan kepercayaan-kepercayaan yang karut itu dengan kepercayaan-kepercayaan yang benar dan untuk mengembalikan kejelasan, kemudahan, kebenaran dan realiti kepada kefahaman keimanan dan seterusnya untuk membersihkan gambaran nubuwwah dan gambaran nabi dari segala khurafat, dongeng-dongeng, waham-waham dan tanggapan-tanggapan yang sesat yang lumrah di dalam semua jahiliyah. Dan yang paling hampir kepada kaum Musyrikin Arab ialah jahiliyah Ahlil-Kitab dari kaum Yahudi dan Nasara dari berbagai-bagai aliran dan mazhab di dalam kalangan mereka, yang semuanya turut membantu memburukkan gambaran Nubuwwah dan gambaran nabi dengan gambaran yang paling buruk.

Setelah menjelaskan hakikat risalah dan hakikat Rasul dan mengemukakan kepada manusia dengan gambaran yang bersih dari segala kepercayaan yang karut dan tanggapan yang sesat yang telah melekat pada gambaran nubuwwah dan gambaran nabi, maka Al-Qur'an mengemukakan pula 'aqidahnya kepada manusia (tentang hakikat risalah dan Rasul) dengan gambarannya yang bersih dari unsur-unsur tarikan dan hiasan yang menarik dan mempesona yang terkeluar dari tabi'at dan hakikat risalah dan Rasul. Hakikat Rasul yang dikemukakan oleh Al-Qur'an ialah seorang manusia biasa yang tidak memiliki perbendaharaan-perbendaharaan Allah dan tidak pula mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan tidak pernah mendakwa kepada orang ramai: "Aku adalah malaikat", dia tidak menerima melainkan wahyu dari Allah dan dia tidak mengikut melainkan apa yang telah diwahyukan kepadanya. Dan orang-orang yang mengikut da'wahnya merupakan golongan manusia yang paling mulia di sisi Allah. Dia berkewajipan mendampingi mereka dan bergaul mesra dengan mereka serta menyampaikan kepada mereka bahawa Allah telah menetapkan ke atas diri-Nya untuk memberi rahmat dan keampunan kepada mereka. Begitu juga dia berkewajipan memberi peringatan kepada mereka yang mempunyai hati nurani yang hidup dan takut kepada balasan Akhirat supaya mereka mencapai darjah taqwa. Di bidang-bidang inilah sahaja terletaknya tugas-tugas seorang Rasul di samping terletaknya hakikat kerasulannya pada sifat Basyariyah (bersifat manusia) dan pada penerimaan wahyu dari Allah. Dengan penjelasan yang sedemikian Al-Qur'an membetulkan kefahaman-kefahaman yang salah tentang hakikat dan tugas seorang Rasul, dan dengan pembetulan dan peringatan ini ketaralah dengan jelas jalan yang dilalui oleh golongan manusia yang menderhaka di persimpangan jalan, dan ketaralah hakikat yang benar dari hakikat yang batil, dan terdedahlah segala kekeliruan dan tanggapan yang salah tentang hakikat Rasul dan hakikat risalah di samping terdedahnya kekeliruan tentang hakikat hidayat dan hakikat kesesatan, dan terlaksanalah pemisahan yang sempurna di antara golongan yang beriman dan golongan yang tidak beriman di tengah cahaya yang terang dan penuh keyakinan.

Di samping menjelaskan hakikat-hakikat ini Al-Qur'an membentangkan beberapa aspek dari hakikat Uluhiyah, hubungan Rasul dan hubungan seluruh manusia dengan hakikat itu sama ada mereka dari golongan yang ta'at atau dari golongan yang derhaka dan seterusnya memperkatakan tentang tabi'at hidayat dan tabi'at kesesatan yang menyeleweng dari hakikat Uluhiyah itu. Kejayaan mendapat hidayat dan petunjuk kepada hakikat itu bererti kejayaan mendapat penglihatan yang jelas, sedangkan perbuatan yang menyeleweng dan sesat dari hakikat itu bererti ditimpa kebutaan. Allah S.W.T. telah mewajibkan pemberian rahmat ke atas diri-Nya dalam bentuk kesediaan menerima taubat dari para hamba-Nya dan memberi keampunan terhadap maksiat-maksiat yang telah dilakukan mereka dalam keadaan jahil apabila mereka bertaubat dan mengislahkan diri selepas itu. Allah mahu agar jalan yang dilalui oleh orang-orang yang berdosa itu ketara dengan jelas di mana orang yang memilih keimanan dapat memilih di tempat yang terang dan orang yang hidup memilih kesesatan dapat memilihkannya di tengah terang. Ini adalah untuk membolehkan manusia menentukan sikap mereka masing-masing di tempat terang tanpa dikelirukan oleh tanggapan-tanggapan yang salah dan sangkaan-sangkaan yang karut.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 50)

قُل لَّآ أَقُولُ لَكُمْ عِندِى خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعْلَمُ ٱلْغَيْبَ وَلَآ أَقُولُ لَكُمْ إِنِّى مَلَكٌ ۖ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ ۚ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ ۚ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٥٠﴾

"Katakanlah: Aku tidak mengatakan kepada kamu bahawa aku memiliki perbendaharaan-perbendaharaan Allah dan aku tidak pula mengetahui perkara yang ghaib. Dan aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawa aku seorang malaikat. Aku hanya mengikut perintah-perintah yang diwahyukan kepada aku sahaja. Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik, apakah kamu tidak berfikir?"(50)

Dahulu golongan yang degil dari kaum Quraisy mendesak Rasulullah s.a.w. agar beliau menunjukkan mu'jizat-mu'jizat yang boleh meyakinkan mereka terhadap kebenaran beliau, sedangkan mereka memang percaya dan tidak pernah meragui kejujuran beliau sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini. Mereka pernah mendesak agar beliau menunjukkan mu'jizat itu dalam bentuk mengubahkan Bukit Safa' dan Bukit Marwah menjadi bukit-bukit emas, dan kadang-kadang mereka mendesak supaya beliau mengalihkan dua bukit itu dari Makkah agar kawasan tapaknya dapat dijadikan kawasan pertanian yang subur yang menghijau dengan tanaman-tanaman dan buah-buahan. Kadang-kadang mereka menuntut agar beliau menunjukkan mu'jizat dalam bentuk meramalkan kejadian-kejadian ghaib yang akan berlaku atau dalam bentuk menurunkan malaikat kepadanya. Dan kadangkala pula mereka menuntut agar beliau menunjukkan mu'jizat dalam bentuk menurunkan dari langit sebuah kitab yang bertulis di atas kertas yang dapat di lihat oleh mata kepala mereka dan sebagainya dari tuntutan-tuntutan yang dijadikan mereka selaku tabir untuk melindungi kedegilan dan kekerasan hati mereka.

Akan tetapi semua tuntutan ini adalah digubahkan oleh mereka berdasarkan kepercayaan-kepercayaan yang karut dan dongeng-dongeng yang menyelubungi gambaran nubuwwah dan gambaran nabi yang lumrah di dalam tanggapan-tanggapan jahiliyah yang wujud di sekeliling mereka, dan yang paling dekat kepada mereka ialah kepercayaan-kepercayaan karut dan dongeng-dongeng kaum Ahlil-Kitab di sekitar nubuwwah setelah mereka menyeleweng dari ajaran-ajaran yang benar dan terang yang dibawa oleh rasul-rasul mereka mengenai persoalan-persoalan ini.

Berbagai-bagai gambaran ramalan atau pemberitaan perkara ghaib yang karut dan palsu telah tersebar dengan luas di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah yang didakwakan oleh orang-orang yang mengaku boleh meramalkan perkara ghaib (mutanabbi) kemudian diterima dan dipercayai oleh orang-orang yang terpikat dan tertipu dengan dakwaan-dakwaan itu. Di antaranya ialah ramalan-ramalan dan tilikan-tilikan ahli sihir, pawang-pawang atau kahin-kahin, ahli nujum dan orang-orang majzub (yang berkelakuan seperti orang gila). Para mutanabbi itu mengaku mempunyai kebolehan mengetahui perkara ghaib, berhubung dengan jin dan roh-roh dan menundukkan undang-undang alam dengan kekuatan jampi mentera, azimat dan sebagainya dari sarana-sarana dan cara-cara yang lain, dan seluruhnya bertemu dalam kepercayaan-kepercayaan yang karut dan sesat belaka. Yang berbeza hanya dari segi jenis, bentuk, upacara dan tatacara sahaja.

"Ramalan-ramalan ahli sihir kebanyakannya dihubungkan dengan roh-roh yang jahat yang digunakan untuk mengetahui perkara-perkara majhul atau untuk menguasai peristiwa-peristiwa dan perkara-perkara yang tertentu. Sementara ramalan-ramalan kahin pula kebanyakannya dihubungkan dengan 'tuhan-tuhan.' Walaupun tuhan-tuhan ini tidak terletak di bawah telunjuk kahin tetapi mereka memperkenankan permohonan-permohonan dan sembahyang-sembahyangnya serta membuka pintu-pintu majhul kepadanya sama ada di dalam jaga atau di dalam tidurnya. Tuhan-tuhan itu memberi alamat-alamat dan mimpi-mimpi kepadanya, tetapi mereka tidak memperkenankan semua permintaan dan sembahyangnya! Ramalan-ramalan ahli sihir dan ramalan-ramalan kahin itu berlainan dari ramalan-ramalan orang majzub yang berkelakuan seperti orang gila atau orang gila suci, kerana ahli sihir dan kahin mengetahui dan sedar segala apa yang dipohon

oleh mereka. Mereka bertindak dengan kemahuan mereka membuat permohonan-permohonan itu dengan menggunakan jampi mentera dan upacara-upacara pemujaan (sembahyang), sedangkan orang-orang majzub atau orang gila suci bertindak di luar kehendak dan kemahuannya. Ia mengeluarkan kata-kata atau ungkapan-ungkapan yang kabur di luar kemahuannya dan mungkin pula di luar kesedarannya. Biasanya di dalam kalangan umat-umat manusia yang banyak tersebar ramalan yang dikeluarkan oleh orang-orang majzub itu terdapat juru tafsir yang mengaku memahami kehendak dan tujuan perkataan-perkataan yang dihamburkan olehnya seperti memahami lambang-lambang dan isyaratnya. Di dalam masyarakat Greek tua mereka menamakan orang majzub ini sebagai 'prophet' (nabi) yang bererti jurucakap bagi pihak yang lain dan dari kata-kata inilah orang-orang Eropah mengambil kata-kata 'Prophetic' (nubuwwah) dengan seluruh erti kata-kata ini. Para kahin dan para majzub jarang sekali sepakat kecuali kahin sendiri menjadi juru tafsir atau juru syarah majzub yang menjelaskan tujuan-tujuan yang dikehendaki oleh majzub dan mentafsirkan pengertian-pengertian yang terkandung di dalam lambang-lambang dan isyarat-isyarat yang diungkapkannya, tetapi yang lumrah berlaku ialah kedua-dua pihak itu bertentangan satu sama lain, kerana kedua-duanya mempunyai fungsi sosial yang berlainan dari segi tabi'at kelahiran dan persekitaran. Si Majzub merupakan seorang pemberontak yang tidak terikat dengan upacara-upacara dan peraturan-peraturan yang tertentu, sedangkan si kahin merupakan seorang konservatif yang menerima pengetahuan yang diwarisi dari datuk nenek dan kerjaya kahin adalah bergantung kepada persekitaran atau masyarakat, di mana lahirnya kuil-kuil dan rumah-rumah ibadat yang dikunjungi orang ramai dari merata pelosok jauh dan dekat. Sedangkan kelahiran majzub tidak bergantung kepada masyarakat yang seperti itu, kerana ia mungkin lahir di desa dan mungkin di bandar yang menjadi tumpuan orang ramai dari merata pelosok negeri."[9]

Bilangan nabi-nabi didapati begitu banyak di dalam suku-suku kaum Bani Israel dan dari hakikat ini dapatlah difaham bahawa para nabi dalam zaman mereka yang bersilih ganti adalah menyamai ahli-ahli zikir dan para Darwisy dari tariqat Sufiyah di zaman-zaman baru, kerana bilangan mereka melebihi ratusan di setengah-setengah zaman. Mereka mengadakan latihan-latihan rohaniyah yang tertentu di dalam kumpulan-kumpulan mereka sama seperti latihan para Darwisy sehingga sampai ke tahap menggunakan sarana keadaan majzub, kadang-kadang dengan mengazabkan tubuh badan dan kadang-kadang pula dengan mendengar alat-alat muzik.

Tersebut dalam kitab pertama Samuel bahawa Syawal telah menghantar utusan-utusan untuk menangkap Daud "lalu mereka melihat sekumpulan nabi sedang bercakap tentang perkara-perkara ghaib dan Syawal berdiri selaku ketua mereka kemudian roh Allah turun ke atas utusan-utusan Syawal lalu mereka turut bercakap tentang perkara-perkara ghaib. Kemudian Syawal mengirim utusan-utusan yang lain dan mereka ini juga turut bercakap tentang perkara-perkara ghaib, kemudian Syawal menanggalkan pakaiannya dan dia juga turut bercakap tentang perkara-perkara ghaib di hadapan Samuel dan dia terus berada dalam keadaan berbogel di sepanjang hari dan malam itu."

Tersebut dalam kitab Samuel lagi:

"Engkau akan menemui sekumpulan nabi-nabi yang turun dari anak bukit di hadapan mereka kelihatan alat-alat muzik iaitu gitar, kompang, serunai dan gambus. Mereka bercakap tentang perkara-perkara ghaib lalu roh Tuhan turun ke atas mereka. Lalu roh itu turut bercakap mengenai perkara-kara ghaib dan berubah menjadi seorang lelaki yang lain."

"Kerjaya bercakap mengenai perkara ghaib atau nubuwwah itu adalah satu kerjaya warisan yang diterima oleh anak-anak dari bapa-bapa sebagaimana diterangkan di dalam Sifrul-Muluk yang kedua":

"(Kenangilah) ketika anak-anak para nabi berkata: Wahai Ilyasya', tempat tinggal kami yang ada di hadapan engkau ini telah menjadi sempit kepada kami. Oleh sebab itu marilah kita pergi ke negeri Jordan."

"Mereka (anak-anak para nabi) mempunyai khadam-khadam yang mengikut angkatan tentera, di setengah-setengah tempat sebagaimana diterangkan di dalam Sifrul-Ayam yang pertama, di mana dikatakan bahawa Daud dan ketua-ketua tentera dipilih untuk berkhidmat kepada Bani Asaf dan lainnya dari mereka yang bercakap mengenai perkara

[9] *Dipetik dari buku "حقائق الأسلام وأباطيل خصومه" oleh al-ustaz Abbas Mahmud al-'Aqqad muka surat 60. Dari buku ini kami hanya petik ceraian-ceraian yang kami gunakannya sebagai rujukan kami di tempat ini sahaja, sedangkan kami tidak bersetuju dengan methodologi yang digunakan oleh pengarangnya mengenai teori perkembangan gambaran Uluhiyah dan gambaran nubuwah di dalam berbagai-bagai agama termasuk agama-agama Samawi yang muncul dengan kelahiran agama Islam. Gambaran ini sebenarnya adalah satu gambaran yang sama sahaja di dalam semua agama Samawi yang benar tanpa mengambil kira penyelewengan-penyelewengan yang telah menutupi agama itu selepas penganut-penganutnya kembali semula kepada kepercayaan jahiliyah dan selepas mereka mengubah pinda pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh para rasul dan menundukkannya kepada kefahaman-kefahaman jahiliyah mereka. Al-Qur'anul-Karim adalah satu rekod yang paling benar dan betul yang mengesahkan pandangan yang kami kemukakan ini dan segala andaian dan pendapat para pengkaji agama-agama dari Barat mengenai perkara-perkara itu tidak dipakai dan diambil kira.*

ghaib dengan menggunakan gambus-gambus, gitar-gitar dan canang-canang."[10]

Demikian berbagai-bagai kepercayaan - termasuk kepercayaan jahiliyah yang telah menyimpang dari kefahaman yang benar yang telah dibawa oleh agama-agama Samawi - adalah penuh dengan tanggapan-tanggapan yang karut tentang tabi'at nubuwwah dan tabi'at nabi. Orang ramai di zaman itu mengharapkan perkara-perkara yang seperti ini dari orang-orang yang mengaku menjadi nabi. Mereka kadang-kadang menuntut supaya ia mencerita atau meramalkan perkara-perkara yang ghaib dan kadang-kadang meminta supaya ia mempengaruhi undang-undang alam dengan perantaraan amalan kahin atau amalan sihir. Berdasarkan sumber-sumber inilah kaum Musyrikin mengemukakan cadangan-cadangan kepada Rasulullah s.a.w. Dan untuk membetulkan tanggapan-tanggapan yang salah inilah dikemukakan penjelasan-penjelasan yang berulang-ulang kali di dalam Al-Qur'anul-Karim tentang tabi'at risalah dan tabi'at Rasul dan di antaranya ialah penjelasan ayat ini:

Sikap Seorang Rasul

قُل لَّآ أَقُولُ لَكُمۡ عِندِي خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ وَلَآ أَقُولُ لَكُمۡ إِنِّي مَلَكٌۖ إِنۡ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّۚ قُلۡ هَلۡ يَسۡتَوِي ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِيرُۚ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ٥٠

"Katakanlah: Aku tidak mengatakan kepada kamu bahawa aku memiliki perbendaharaan-perbendaharaan Allah dan aku tidak pula mengetahui perkara yang ghaib. Dan aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawa aku seorang malaikat. Aku hanya mengikut perintah-perintah yang diwahyukan kepada aku sahaja. Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik, apakah kamu tidak berfikir?"(50)

Rasulullah s.a.w. telah diperintah oleh Allah supaya memperkenalkan dirinya sebagai seorang manusia yang bersih dari segala tanggapan dan kepercayaan yang karut yang menyelubungi kefahaman-kefahaman jahiliyah tentang tabi'at nabi dan tabi'at nubuwwah, juga supaya beliau memperkenalkan agama Islam itu sendiri dengan cara yang bersih dari tindak-tanduk mengumpankan sesuatu yang menarik, menjanji kekayaan dan mengemukakan dakwaan yang bukan-bukan..... Islam adalah satu agama yang dibawa oleh seorang Rasul yang tidak memiliki sesuatu apa selain dari hidayat Allah yang menerangkan jalan yang benar!

(Sebagai seorang Rasul) dia tidak mengikut selain dari wahyu Allah yang mengajar kepadanya segala perkara yang tidak diketahuinya. Dia bukannya penjaga perbendaharaan Allah yang dapat membahagikannya kepada para pengikutnya dan dia juga tidak memiliki anak kunci perkara-perkara ghaib yang boleh menunjukkan kepada para pengikutnya segala sesuatu yang wujud. Seterusnya dia juga bukan seorang malaikat seperti mana mereka telah menuntut agar Allah menurunkan kepada mereka seorang malaikat. Malah dia hanya seorang manusia yang diangkat menjadi Rasul dan inilah sahaja 'aqidah atau agama (yang dibawa olehnya) dalam bentuknya yang amat jelas dan mudah.

Inilah 'aqidah yang menjadi seruan fitrah semulajadi manusia, menjadi teras kehidupan, menjadi pemandu ke jalan Akhirat dan pembimbing kepada Allah. Oleh sebab itu 'aqidah ini adalah satu 'aqidah yang kaya raya dengan kelebihan-kelebihan dirinya dan tidak lagi memerlukan segala hiasan yang lain. Siapa yang mahukan 'aqidah ini semata-mata kerana 'aqidah, maka dialah seorang yang benar-benar wajar menerimanya dan 'aqidah ini pada pandangannya mempunyai nilai yang lebih besar dari segala nilai yang lain, tetapi sesiapa yang mahukan 'aqidah ini sebagai satu barangan di pasar kepentingan-kepentingan diri, maka dia adalah seorang yang belum lagi memahami tabi'at 'aqidah ini dan belum lagi mengenal nilainya yang sebenar kerana 'aqidah ini tidak dapat memberikannya sebarang bekalan dan kekayaan.

Oleh sebab itu Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mengemukakan agama ini kepada manusia dalam bentuknya yang bersih dari segala hiasan yang menarik, kerana 'aqidah ini tidak memerlukan segala perhiasan yang seperti itu, dan supaya orang-orang yang berteduh di bawah naungannya tahu dan menyedari bahawa mereka bukannya berteduh di bawah perbendaharaan harta kekayaan dunia dan tidak pula berteduh di bawah naungan pangkat kebesaran dunia, dan seterusnya tidak berteduh kedudukan istimewa yang membezakan mereka dari orang-orang lain dengan kelebihan-kelebihan yang bukan dari kelebihan taqwa, malah mereka hanya berteduh di bawah hidayat Allah yang lebih mulia dan kaya raya!

قُل لَّآ أَقُولُ لَكُمۡ عِندِي خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ وَلَآ أَقُولُ لَكُمۡ إِنِّي مَلَكٌۖ إِنۡ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّۚ

"Katakanlah: Aku tidak mengatakan kepada kamu bahawa aku memiliki perbendaharaan-perbendaharaan Allah dan aku tidak pula mengetahui perkara yang ghaib. Dan aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawa aku seorang malaikat. Aku hanya mengikut perintah-perintah yang diwahyukan kepada aku sahaja."(50)

Dan di samping itu supaya mereka sedar bahawa mereka sebenarnya adalah berteduh di bawah

[10] *Sumber yang sama muka surat 66.*

pancaran nur dan penglihatan mata hati yang terang dan keluar dari daerah gelap dan buta mata hati:

"Katakanlah Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik, apakah kamu tidak berfikir."(50)

Kesediaan untuk mengikut wahyu itu sahaja merupakan satu pencapaian hidayat dan pandangan mata hati yang jauh. Seseorang yang ditinggal tanpa mengikut bimbingan wahyu bererti ia ditinggal dalam keadaan yang buta. Inilah hakikat yang diterangkan oleh ayat ini dengan jelas dan tegas. Oleh itu bagaimana pula peranan akal di dalam bidang ini?

Peranan Akal Di Samping Wahyu

Pertanyaan ini dijawab dengan jawapan yang jelas dan mudah oleh kefahaman Islam, iaitu akal yang dikurniakan Allah kepada manusia itu adalah mampu dan berupaya untuk menyambut dan menerima wahyu dari Allah dan memahami maksud-maksudnya. Inilah fungsi akal dan inilah peluang yang diberikan kepada akal untuk menemui nur dan hidayat dan untuk mengawal diri dengan kawalan wahyu yang betul yang tidak dapat ditembusi oleh sebarang kepalsuan dan kebatilan dari mana-mana arah sekali pun baik dari hadapan mahupun dari belakang.

Tetapi apabila akal manusia ini cuba bersendiri atau berdikari tanpa berpandukan wahyu Allah, maka ketika itu ia akan terdedah kepada kesesatan, penyelewengan, pandangan yang salah, visi yang lemah, penilaian dan pentadbiran yang tidak betul.

Akal manusia akan terdedah kepada semua kelemahan dan kepincangan ini dengan sebab struktur kejadiannya sendiri yang berupaya melihat sesuatu kewujudan dalam bentuk juzu'kan-juzu'kan, atau bahagian-bahagian yang berasing sahaja bukan dalam bentuk kulli atau semesta. Ia melihat sesuatu kewujudan melalui ujian demi ujian, peristiwa demi peristiwa dan gambaran demi gambaran. Ia tidak melihat sesuatu kewujudan secara keseluruhan hingga ia dapat menggunakan pandangannya yang sempurna itu sebagai landasan untuk menegakkan pendapat-pendapat dan keputusan-keputusan mereka yang kukuh atau menegakkan satu sistem hidup yang syumul dan seimbang. Oleh sebab itulah akal manusia terus berada dalam keadaan mengembara apabila ia memisahkan dirinya dari peraturan dan hidayat Allah - melakukan ujian demi ujian, mengubahkan pendapat demi pendapat, keputusan demi keputusan, sistem demi sistem. Ia terus terumbang-ambing di antara tindakan dan tindakan-tindakan balasan. Ia terus meraba-raba ke kanan dan ke kiri dan di dalam seluruh keadaan inilah ia menjahanamkan makhluk-makhluk insan yang mulia dan menghancurkan alat-alat insaniyah (roh dan jiwa) yang luhur. Andainya akal manusia patuh mengikut bimbingan wahyu dari Allah, tentulah umat manusia akan terselamat dari semua akibat yang buruk itu. Akal manusia sepatutnya menjadikan kegiatan-kegiatan ujian dan pengubahan-pengubahan pendapat hanya dalam bidang benda-benda yang nyata, enjin-enjin dan peralatan-peralatan sahaja kerana inilah bidang-bidang tabi'i yang sesuai dengannya dan di dalam bidang-bidang inilah ia berupaya bekerja secara sendirian atau berdikari kerana akibat-akibat kerugian dalam bidang-bidang ini hanya membabitkan benda-benda sahaja bukannya membabitkan jiwa dan roh.

Akal manusia akan terdedah kepada semua kelemahan dan kepincangan ini dengan satu sebab yang lain dari sebab tabi'at struktur kejadian dirinya, iaitu dengan sebab wujudnya nafsu-nafsu keinginan dan kecenderungan-kecenderungan yang dijadikan Allah di dalam dirinya. Nafsu-nafsu keinginan dan kecenderungan ini memerlukan satu kawalan yang rapi yang dapat mengawasi dan menjagakannya dengan betul agar ia dapat melaksanakan fungsi-fungsinya dalam usaha meneruskan kesinambungan hidup insan dan kemajuan mereka dan agar ia tidak melampaui batas-batasnya yang selamat yang boleh menjahanamkan hidup insan atau menjatuhkannya. Kawalan yang sebenar tidak dapat diberikan oleh akal manusia sahaja, malah akal yang selalu tergugat di bawah tekanan-tekanan dan desakan-desakan nafsu-nafsu keinginan dan kecenderungan yang beraneka ragam ini memerlukan satu kawalan yang lain yang benar-benar dapat mengendalikan dirinya di samping mengawalkannya dari kelemahan-kelemahan dan kepincangan, iaitu satu kawalan yang boleh dirujukkan oleh akal dalam setiap ujiannya, dalam setiap pandangan dan keputusannya dalam bidang kehidupan manusia agar dengan kawalan ini ia dapat membuat penilaian yang betul terhadap pandangan dan keputusannya di samping mengawal arah tujuan dan gerak langkahnya.

Orang-orang yang mendakwa bahawa akal manusia mempunyai darjat kekuatan yang sama dalam mencari yang betul dan yang benar itu dengan darjat kekuatan wahyu berdasarkan alasan bahawa kedua-dua akal dan wahyu itu adalah dari ciptaan Allah belaka dan sudah tentu kedua-duanya selaras dan sejalan, mereka yang beranggapan seperti ini hanya berpegang kepada pendapat-pendapat dan keterangan-keterangan setengah-setengah ahli falsafah tentang nilai akal yang tidak pernah dikatakan oleh Allah S.W.T.

Orang-orang yang mengatakan akal itu sahaja sudah cukup dan tidak lagi memerlukan kepada wahyu - hingga pada seorang manusia walaupun sebesar mana akalnya - adalah mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan hakikat yang diutarakan Allah dalam persoalan ini, kerana hujjah yang Allah mempertanggungjawabkan manusia itu ialah wahyu dan risalah bukannya akal manusia dan bukan pula fitrah manusia yang difitrahkan Allah di atas keimanan dan ma'rifat Allah Yang Maha Esa. Ini kerana Allah sedia mengetahui bahawa akal dan

fitrah sahaja akan sesat jalan dan menyeleweng. Oleh sebab itu tiada yang dapat melindungi (akal dan fitrah) dari kesesatan melainkan wahyu Allah yang bertindak selaku pemimpin yang memberi hidayat, selaku nur yang cerah dan selaku mata hati yang terang.[11]

Orang-orang yang mengatakan bahawa kajian falsafah membuat akal manusia tidak memerlukan kepada agama atau mengatakan sains yang dihasilkan oleh akal manusia itu membuat manusia tidak lagi perlu kepada petunjuk dan hidayat dari Allah......... orang-orang ini sebenarnya mengemukakan satu pendapat yang tidak berasaskan hakikat dan realiti, kerana realiti sendiri menyaksikan bahawa kehidupan manusia yang ditegakkan di atas sistem-sistem yang berlandaskan kepada aliran-aliran pemikiran falsafah atau sains itu adalah satu kehidupan yang amat malang yang dihayati manusia walaupun segala pintu kemudahan terbuka dan walaupun hasil pengeluaran dan pendapatan mereka bertambah berlipat kali ganda dan walaupun punca-punca kesenangan hidup dan kerehatan semakin bertambah selesa dalam skop yang seluas-luas.[12] Tetapi kata-kata ini bukanlah bertujuan menyarankan agar kehidupan manusia ditegakkan di atas kejahilan dan keadaan yang spontan kerana orang-orang yang meletakkan persoalan ini sedemikian rupa mempunyai tujuan yang tidak jujur, kerana Islam adalah satu sistem hidup yang memberi jaminan-jaminan yang cukup kepada akal manusia, iaitu jaminan-jaminan yang dapat memelihara akal dari kelemahan-kelemahan struktur kejadiannya dan dari kelemahan-kelemahan akibat ia ditekan oleh dorongan-dorongan nafsu keinginan. Di samping itu Islam tegakkan asas-asas dan prinsip-prinsip yang dapat menjamin keteguhan dan istiqamah akal dalam kegiatannya di bidang ilmu pengetahuan dan ujian, di samping menjamin keteguhan dan istiqamah kehidupan waqii, di mana akal hidup di bawah bayangannya mengikut syari'at Allah dan kerana itu realiti hidup tidak dapat menekan akal untuk menyelewengkan kefahamannya dan methodologi-methodologinya!

Akal yang ditemani wahyu Allah dan hidayat-Nya adalah akal yang celik, tetapi akal yang meninggal wahyu Allah dan hidayat-Nya adalah akal yang buta. Keterangan Al-Qur'an mengenai Rasulullah s.a.w. yang menerima wahyu dari Allah Yang Maha Esa sahaja kemudian digandingkan dengan isyarat tentang buta dan celik dan dengan sebuah pertanyaan yang mencabar supaya berfikir di dalam ayat yang berikut (adalah satu keterangan yang menarik):

إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّ ۚ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ

"Aku hanya mengikut kecuali perintah-perintah yang diwahyukan kepada aku sahaja. Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik, apakah tidak kamu berfikir?"(50)

Isyarat-isyarat dan keterangan-keterangan yang berturut-turut yang diatur sedemikian rupa adalah mempunyai maksud yang penting di dalam pengungkapan Al-Qur'an, iaitu untuk menjelaskan bahawa usaha berfikir adalah suatu usaha yang dituntut oleh Allah dan galakan ke arah berfikir pula merupakan satu methodologi Al-Qur'an, tetapi pemikiran itu adalah pemikiran yang dikawalkan dengan kawalan wahyu dari Allah yang membolehkan pemikiran itu melihat di dalam cahaya yang terang, bukannya pemikiran yang bebas lepas yang meraba-raba di dalam gelap gelita dalam keadaan yang buta tanpa pemandu dan pedoman dan tanpa kitab Allah yang terang.

Akal manusia yang bergerak dan bergiat dalam skop wahyu Allah adalah akal yang tidak bergerak dalam bidang-bidang yang sempit, malah ia bergerak di dalam bidang-bidang yang amat luas, iaitu ia bergerak di bidang seluruh alam buana yang merangkumi alam as-syahadah dan alam al-ghaib, di samping merangkumi lubuk-lubuk hati dan jiwa, bidang-bidang peristiwa dan seluruh bidang hidup, kerana wahyu Allah tidak menghalangkan akal dari suatu kegiatan selain dari penyelewengan dari jalan yang lurus dan dari pandangan dan visi yang salah dan dari keinginan-keinginan nafsu yang sesat. Selain dari itu wahyu Allah menolak dan mendorong akal agar bergerak dan bergiat dengan seaktif-aktifnya. Akal selaku alat pemikiran yang agung ini adalah dikurniakan Allah kepada manusia dengan tujuan supaya bekerja dan bergiat di bawah kawalan wahyu Allah dan petunjuk Rabbani supaya ia tidak sesat dan melampaui batas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 54)

وَأَنذِرْ بِهِ ٱلَّذِينَ يَخَافُونَ أَن يُحْشَرُوٓا۟ إِلَىٰ رَبِّهِمْ ۙ لَيْسَ لَهُم مِّن دُونِهِۦ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٥١﴾ وَلَا تَطْرُدِ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِىِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِهِم مِّن شَىْءٍ وَمَا مِنْ حِسَابِكَ عَلَيْهِم مِّن شَىْءٍ فَتَطْرُدَهُمْ فَتَكُونَ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٢﴾

---

[11] *Lihat pentafsiran ayat:* "رسلا مبشرين ومنذرين لئلا يكون للناس على الله حجة بعد الرسل" *dalam juzu' yang keenam.*

[12] *Lihat bab* "تخبط واضطراب" *dalam buku* "الإسلام ومشكلات الحضارة".

وَكَذَٰلِكَ فَتَنَّا بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لِّيَقُولُوٓا۟ أَهَٰٓؤُلَآءِ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنۢ بَيْنِنَآ ۗ أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَعْلَمَ بِٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٥٣﴾

وَإِذَا جَآءَكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِـَٔايَٰتِنَا فَقُلْ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ ۖ كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَىٰ نَفْسِهِ ٱلرَّحْمَةَ ۖ أَنَّهُۥ مَنْ عَمِلَ مِنكُمْ سُوٓءًۢا بِجَهَٰلَةٍ ثُمَّ تَابَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَصْلَحَ فَأَنَّهُۥ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٤﴾

وَكَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْـَٔايَٰتِ وَلِتَسْتَبِينَ سَبِيلُ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٥٥﴾

Berilah peringatan dengan Al-Qur'an kepada orang-orang yang takut (kepada hari) mereka dihimpunkan di hadapan Tuhan mereka, di mana mereka tidak mempunyai sebarang pelindung dan penolong selain dari Allah supaya mereka bertaqwa (51). Dan janganlah engkau usirkan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapatkan keredhaan-Nya kerana tiada sedikit pun engkau bertanggungjawab terhadap hisab mereka dan tiada sedikit pun mereka bertanggungjawab terhadap nisab engkau. Oleh sebab itu jika engkau mengusir mereka nescaya engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim (52). Dan demikianlah Kami uji sikap mereka (pembesar-pembesar yang kaya) terhadap satu sama lain supaya mereka berkata: Apakah orang-orang yang seperti mereka (orang-orang miskin) yang diutamakan Allah dalam pemberian anugerah di antara kami? Jawab Allah:) Tidakkah Allah lebih mengetahui tentang orang-orang yang bersyukur? (53) Dan apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami itu datang menemui engkau, maka ucapkanlah: Selamat sejahtera ke atas kamu. Allah telah menetapkan dasar rahmat ke atas diri-Nya, iaitu siapa di antara kamu yang telah melakukan suatu kejahatan kerana kejahilan kemudian Allah telah menetapkan dasar rahmat ke atas diri-Nya, iaitu siapa di antara kamu yang telah melakukan suatu kejahatan kerana kejahilan kemudian selepas itu ia bertaubat dan mengislahkan dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(54)

Itulah kemuliaan 'aqidah ini dan keunggulannya yang mengatasi segala nilai bumi yang palsu dan kebersihannya dari segala perhitungan manusia yang remeh-temeh.

Rasulullah s.a.w. telah diperintah supaya mengemukakan 'aqidah ini tanpa hiasan dan cat-cat yang menarik dan tanpa merangsangkan kegemaran manusia mengingini sesuatu nilai dari nilai-nilai dunia. Begitu juga beliau diperintah supaya memberi perhatian yang berat kepada orang-orang yang diharap dapat mengambil manfa'at dari da'wah dan supaya beliau menarik kepada barisannya orang-orang yang dapat menerima da'wah dengan ikhlas dan dapat bertawajjuh dengan hati mereka semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa untuk mendapat keredhaan, dan selepas itu beliau diperintah supaya jangan memberi apa-apa pertimbangan kepada mana-mana nilai masyarakat jahiliyah yang palsu dan kepada mana-mana perhitungan manusia yang remeh-temeh.

وَأَنذِرْ بِهِ ٱلَّذِينَ يَخَافُونَ أَن يُحْشَرُوٓا۟ إِلَىٰ رَبِّهِمْ ۙ لَيْسَ لَهُم مِّن دُونِهِۦ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٥١﴾

"Berilah peringatan dengan Al-Qur'an kepada orang-orang yang takut (kepada hari) mereka dihimpunkan di hadapan Tuhan mereka, di mana mereka tidak mempunyai sebarang pelindung dan penolong selain dari Allah supaya mereka bertaqwa."(51)

Yakni berilah peringatan Al-Qur'an kepada orang-orang yang takut kepada hari mereka dikumpulkan di hadapan Allah, di mana mereka tidak akan mendapat sesiapa pun yang sanggup menjadi pelindung dan penolong untuk menolong dan menyelamatkan mereka, kerana tiada siapa yang boleh memberi syafa'at di hadapan Allah melainkan dengan keizinan-Nya dan mana-mana orang yang diizinkan Allah untuk memberi syafa'at tidak boleh memberi syafa'at melainkan kepada mereka yang diredhai Allah sahaja. Orang-orang yang mempunyai hati yang takut kepada hari perhimpunan di hadapan Allah, di mana tiada siapa pun yang sanggup menjadi pelindung dan penolong adalah lebih wajar diberi peringatan dan lebih mematuhi kepada peringatan dan lebih banyak mengambil manfa'at darinya........ semoga dengan peringatan itu mereka dapat menghindarkan kehidupan dunia mereka dari dosa-dosa yang boleh mendedahkan mereka kepada 'azab Allah pada hari Akhirat. Peringatan itu merupakan satu pernyataan yang amat jelas, amat berkesan dan penuh dengan saranan-saranan yang baik. Ia merupakan suatu penerangan yang mendedahkan segala sesuatu yang harus dihindari dan dijaga olehnya. Ia merupakan suatu penerangan yang amat berkesan, yang mendorong hati mereka berwaspada dan berhati-hati agar mereka tidak terjerumus ke dalam larangan-larangan Allah setelah diberi penerangan yang jelas itu:

وَلَا تَطْرُدِ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِىِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ

"Dan janganlah engkau usirkan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapatkan keredhaan-Nya."(52)

Status Kaya Dan Miskin Dalam Pertimbangan Neraca Keimanan

Yakni janganlah engkau halaukan (dari majlismu) orang-orang yang sentiasa beribadat dan berdo'a kepada Allah pagi dan petang semata-mata kerana ingin mendapatkan keredhaan-Nya. Inilah gambaran penumpuan diri yang ikhlas kepada Allah, gambaran kasih dan bersopan santun terhadap Allah. Setiap orang dari golongan ini hanya beribadat dan berdo'a kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan ia tidak dikatakan seorang yang mencari keredhaan Allah semata-mata kecuali ia menumpukan keta'atannya kepada Allah semata-mata, dan ia tidak dikatakan seorang yang mencari keredhaan Allah semata-mata kecuali seluruh hatinya menyintai Allah, dan ia tidak dikatakan seorang yang mencari keredhaan Allah semata-mata kecuali ia mempelajari adab sopan terhadap Allah dan menjadi seorang insan Rabbani yang hidup kerana Allah dan dengan Allah.

Asal ceritanya begini: Ada sekumpulan bangsawan dan pembesar Arab Quraisy yang merasa segan dan keberatan untuk menyambut da'wah Islam, kerana Nabi s.a.w. sentiasa mendampingi orang-orang miskin yang lemah seperti Suhayb, 'Ammar, Khabbab, Salman, ibn Mas'ud dan lain-lain lagi. Mereka memakai pakaian-pakaian lusuh yang hapak dengan bau peluh kerana kemiskinan mereka. Taraf sosial mereka tidak melayakkan mereka untuk duduk bersama-sama pembesar-pembesar Quraisy dalam satu majlis. Oleh sebab itu para pembesar Quraisy mendesak Rasulullah s.a.w. supaya beliau mengusir sahabat-sahabat yang miskin itu dari majlis beliau, tetapi beliau menolak. Kemudian mereka mencadangkan kepada beliau supaya mengadakan majlis-majlis yang berasingan, iaitu satu majlis untuk orang-orang miskin dan satu majlis untuk para pembesar sahaja tidak diikuti sama oleh golongan orang-orang miskin yang lemah, dengan tujuan untuk mengekalkan kedudukan, keistimewaan dan martabat mereka dalam masyarakat jahiliyah. Rasulullah s.a.w. agak tertarik untuk menerima cadangan ini kerana inginkan mereka menganut Islam, tetapi beliau telah didatangi perintah Allah:

وَلَا تَطْرُدِ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ

"Dan janganlah engkau usirkan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapatkan keredhaan-Nya."(52)

Menurut riwayat Muslim daripada Sa'd bin Abi Waqqas katanya: Kami enam orang berada bersama Nabi s.a.w. ketika orang-orang Musyrikin berkata kepada Rasulullah s.a.w.: Usirlah orang-orang ini dari majlis anda supaya mereka tidak mengganggu kami. Ujar Sa'd: Ketika itu aku bersama Ibn Mas'ud dan seorang lelaki dari suku Huzayl, juga Bilal dan dua orang lelaki yang aku tidak dapat menyebut nama keduanya. Cadangan itu nampaknya agak menarik hati Rasulullah s.a.w., lalu beliau bercita-cita (hendak memenuhi permintaan mereka) tiba-tiba Allah 'Azzawajalla menurunkan wahyu-Nya:

وَلَا تَطْرُدِ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ

"Dan janganlah engkau usirkan orang-orang yang menyeru Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapatkan keredhaan-Nya."(52)

Para pembesar kaum Musyrikin itu mencemuh dan menghinakan orang-orang miskin yang menerima layanan istimewa dari Rasulullah s.a.w. di majlis beliau. Mereka mencaci dan menghina keadaan kemiskinan dan kelemahan golongan yang miskin itu dan bagaimana kehadiran mereka di majlis Rasulullah s.a.w. menyebabkan para pembesar itu merasa segan dan tidak cenderung untuk memeluk Islam, lalu Allah S.W.T. memberi keputusan-Nya yang tegas di dalam persoalan ini, menolak dakwaan mereka dari akar umbinya dan menumpaskannya dengan sekeras-kerasnya:

مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِهِم مِّن شَيْءٍ وَمَا مِنْ حِسَابِكَ عَلَيْهِم مِّن شَيْءٍ فَتَطْرُدَهُمْ فَتَكُونَ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٢﴾

"Kerana tiada sedikit pun engkau bertanggungjawab terhadap hisab mereka dan tiada sedikit pun mereka bertanggungjawab terhadap hisab engkau. Oleh sebab itu jika engkau mengusir mereka nescaya engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim."(52)

Hisab mereka hanya ditanggung oleh mereka dan hisab engkau hanya ditanggung oleh engkau. Kemiskinan mereka telah ditetapkan ke atas mereka dalam pengagihan rezeki. Ini hisab mereka di sisi Allah yang tidak ada kena mengena dengan engkau, begitu juga kekayaan dan kemiskinan engkau merupakan hisab engkau di sisi Allah yang tidak ada kena mengena dengan mereka. Nilai-nilai kaya dan miskin tidak mempunyai apa-apa kaitan dalam persoalan iman dan darjat keimanan. Oleh sebab itu jika engkau mengusirkan mereka dari majlismu berdasarkan kira-kira miskin dan kaya, maka ini bererti bahawa engkau tidak membuat pertimbangan berdasarkan neraca Allah dan tidak membuat penilaian berdasarkan nilai-nilai Allah, dan kerana itu engkau termasuk ke dalam golongan orang-orang yang zalim, dan sudah tentu amatlah tidak wajar bagi Rasulullah s.a.w. termasuk di dalam golongan orang-orang yang zalim.

Golongan miskin yang berpoket kosong tetapi mempunyai hati yang kaya raya itu terus kekal di majlis Rasulullah s.a.w. Golongan lemah yang tidak berpangkat tetapi mempunyai kedudukan yang kuat di sisi Allah itu terus kekal pada kedudukan mereka yang tinggi yang dicapai oleh mereka dengan kelayakan keimanan mereka. Mereka memang wajar

mendapat kedudukan itu dengan sebab do'a dan ibadat mereka yang ikhlas kepada Allah yang dilakukan mereka semata-mata untuk mendapat keredhaan-Nya. Demikianlah teguh dan mantapnya neraca-neraca pertimbangan dan nilai-nilai Islam di atas peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah.

Di waktu inilah orang-orang yang takbur dan angkuh mencemuh dan merungut: Bagaimana Allah mungkin mengutamakan anugerah kebaikan-Nya kepada puak lemah yang miskin di kalangan kami? Jika apa yang dibawa oleh Muhammad itu benar-benar merupakan suatu kebaikan tentulah tidak mungkin golongan yang miskin ini mendahului kami mendapatkannya. Allah tentu sahaja lebih dahulu memberi hidayat kepada kami sebelum memberi hidayat kepada mereka. Tidak masuk akal puak lemah yang miskin di kalangan kami itu mendapat keutamaan dalam pemberian Allah, sedangkan kami golongan yang berpangkat dan berdarjat diabaikan begitu sahaja!

Inilah ujian yang diaturkan Allah untuk menduga golongan yang angkuh dengan kekayaan dan keturunan. Mereka tidak memahami tabi'at agama ini dan tabi'at dunia baru yang dibawa agama ini kepada umat manusia, iaitu satu dunia yang terang gemilang, yang mahu mengangkat mereka ke puncak yang tinggi, satu dunia baru yang masih asing kepada umat Arab di masa itu, juga masih asing kepada dunia seluruhnya dan seterusnya masih asing kepada negeri-negeri yang digelarkan sebagai negeri-negeri demokrasi dengan berbagai-bagai bentuk dan nama (yang wujud pada hari ini).

وَكَذَٰلِكَ فَتَنَّا بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لِّيَقُولُوٓا۟ أَهَٰٓؤُلَآءِ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنۢ بَيْنِنَآ

"Dan demikianlah Kami uji sikap mereka (pembesar-pembesar yang kaya) terhadap satu sama lain supaya mereka berkata: Apakah orang-orang yang seperti mereka (orang-orang miskin) yang diutamakan Allah dalam pemberian anugerah di antara kami?"(53)

Pernyataan yang berupa bantahan yang dikemukakan oleh pembesar-pembesar Quraisy itu dijawab oleh Al-Qur'an:

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَعْلَمَ بِٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٥٣﴾

"(Jawab Allah) tidakkah Allah lebih mengetahui tentang orang-orang yang bersyukur."(53)

Jawapan ini penuh mengandungi saranan-saranan dan isyarat-isyarat iaitu: Ia menjelaskan awal-awal lagi bahawa pemberian hidayat itu adalah suatu balasan, yang dikurniakan Allah kepada orang-orang yang diketahuinya akan bersyukur apabila mereka diberi ni'mat hidayat ini, iaitu satu ni'mat yang tidak cukup dibalas dengan kesyukuran hamba, namun demikian Allah menerima amal usaha hamba-Nya dan membalaskannya dengan balasan yang amat besar yang tidak ada tolok bandingnya.

Ia menjelaskan bahawa ni'mat keimanan itu tidak mempunyai sebarang hubungkait dengan mana-mana nilai bumi yang remeh yang lumrah di dalam kehidupan-kehidupan jahiliyah manusia. Ni'mat keimanan itu hanya dikurniakan Allah kepada orang-orang yang diketahui-Nya akan mensyukuri ni'mat itu walaupun mereka dari golongan bekas-bekas hamba atau dari golongan orang-orang yang lemah dan miskin kerana neraca pertimbangan Allah, tidak memberi tempat kepada nilai-nilai bumi yang remeh-temeh yang dibangga-banggakan manusia di dalam jahiliyah!

Ia menjelaskan bahawa bantahan orang-orang yang menyangkal anugerah Allah itu adalah terbit dari kejahilan terhadap hakikat-hakikat. Ia juga menjelaskan bahawa pengagihan ni'mat kepada para hamba itu adalah berlandaskan ilmu Allah yang sempurna yang mengetahui setiap mereka yang benar-benar wajar menerima ni'mat itu. Bantahan dan sangkalan itu hanya mencerminkan kejahilan dan kebiadaban terhadap hak Allah.

Ayat yang berikut memerintah Rasulullah s.a.w., iaitu selaku Rasulullah, beliau hendaklah memulakan ucapan salam kepada mereka yang telah dikurniakan Allah ni'mat keulungan memeluk Islam iaitu mereka yang dipandang hina oleh para pembesar dan bangsawan Quraisy, dan seterusnya menyampaikan berita gembira kepada mereka bahawa Allah telah menetapkan ke atas diri-Nya kesediaan membeli rahmat dalam bentuk memberi keampunan kepada orang-orang yang telah melakukan dosa kerana kejahilan, kemudian mereka terus bertaubat dan mengislahkan diri:

وَإِذَا جَآءَكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِـَٔايَٰتِنَا فَقُلْ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ ۖ كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَىٰ نَفْسِهِ ٱلرَّحْمَةَ ۖ أَنَّهُۥ مَنْ عَمِلَ مِنكُمْ سُوٓءًۢا بِجَهَٰلَةٍ ثُمَّ تَابَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَصْلَحَ فَأَنَّهُۥ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٤﴾

"Dan apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami itu datang menemui engkau, maka ucapkanlah: Selamat sejahtera ke atas kamu. Allah Tuhan kamu telah menetapkan dasar rahmat ke atas diri-Nya, iaitu sesiapa di antara kamu yang telah melakukan kejahatan kerana kejahilan, kemudian ia bertaubat dan mengislahkan dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(54)

Itulah ni'mat penghormatan dari Allah selepas ni'mat keimanan dan ni'mat kemudahan hisab, dan itulah rahmat di dalam pembalasan Allah hingga dasar memberi rahmat itu dijadikan dasar yang ditetapkan ke atas diri-Nya terhadap orang-orang

yang beriman kepada ayat-ayat-Nya, kemudian Rasulullah s.a.w. diperintah pula supaya menyampaikan ketetapan ini kepada mereka hingga dasar memberi rahmat itu sampai ke tahap di mana Allah sanggup memberi kemaafan dan keampunan kepada semua dosa mereka apabila mereka bertaubat selepas melakukannya dan mengislahkan diri, kerana setengah mufassirin membuat pentafsiran bahawa kejahilan itu adalah satu sifat yang tidak terpisah dari tindakan melakukan dosa, yang mana seseorang itu tidak melakukan dosa melainkan kerana kejahilan. Berdasarkan pentafsiran ini, maka ayat ini merupakan nas yang meliputi segala kejahatan yang dilakukan oleh seseorang apabila ia bertaubat dan mengislahkan dirinya selepas melakukannya. Pendapat ini disokong oleh nas-nas yang lain yang menjelaskan bahawa taubat dari dosa - apa sahaja dosa - dan mengislahkan diri selepas melakukannya adalah menjamin keampunan kerana Allah telah menetapkan dasar memberi rahmat ke atas diri-Nya

Kini marilah kita kembali - sebelum mengakhiri ulasan mengenai ceraian ini dalam surah ini - perhatikan beberapa hadith yang menjadi latar belakang turunnya ayat-ayat ini, dan bagaimana maksud dari hadith-hadith ini di samping keterangan nas Al-Qur'an menunjukkan hakikat perpindahan atau kemajuan umat manusia yang amat besar yang dilakukan oleh Islam pada masa itu, iaitu satu tahap perpindahan dan kemajuan, di mana umat manusia sehingga hari ini belum lagi berjaya sampai ke puncak yang telah dicapai pada masa itu kemudian mundur semula begitu jauh darinya.

Ujar Abu Ja'far at-Tabari: Kami telah diceritakan oleh Hannad ibn as-Surri, kami telah diceritakan oleh Abu Zubayd daripada Asyath, daripada Kardaus Ath-Tha'labi daripada Ibn Mas'ud katanya: Sekumpulan pembesar Quraisy lalu di majlis Nabi s.a.w. semasa beliau sedang dihadapi oleh Suhayb, 'Ammar, Bilal, Khabbab dan lain-lain lagi dari golongan orang-orang Islam yang lemah dan miskin, lalu mereka berkata: Wahai Muhammad! Apakah anda telah berpuas hati dengan orang-orang seperti ini sahaja di kalangan kaum anda? Adakah orang-orang ini sahaja yang telah dipilih Allah untuk menerima anugerah-Nya di kalangan kita? Apakah wajar kami menjadi pengikut kepada orang-orang ini? Usirlah mereka dari majlis anda dan kami sanggup mengikut anda jika anda sanggup mengusir mereka! Lalu turunlah ayat ini:

وَلَا تَطْرُدِ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ

"Dan janganlah engkau usirkan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapatkan keredhaan-Nya."(52)

وَكَذَٰلِكَ فَتَنَّا بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لِّيَقُولُوٓا۟ أَهَٰٓؤُلَآءِ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنۢ بَيْنِنَآ ۗ أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَعْلَمَ بِٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٥٣﴾

"Dan demikianlah Kami uji sikap mereka (pembesar-pembesar yang kaya) terhadap satu sama lain supaya mereka berkata: Apakah orang-orang yang seperti mereka (orang-orang miskin) yang diutamakan Allah dalam pemberian anugerah di antara kami? (Jawab Allah:) Tidakkah Allah lebih mengetahui tentang orang-orang yang bersyukur?"(53)

Abu Ja'far at-Tabari selanjutnya berkata: Saya telah diceritakan oleh al-Husayn ibn Amr ibn Muhammad al-Anqazi katanya: Saya telah diceritakan oleh bapa saya, kami telah diceritakan oleh Asbat daripada as-Suddi, daripada Abu Sa'id al-Azdi - jurubaca al-Azd - daripada Abul-Kanud daripada Khabbab mengenai firman Allah Taala:

وَكَذَٰلِكَ فَتَنَّا بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لِّيَقُولُوٓا۟ أَهَٰٓؤُلَآءِ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنۢ بَيْنِنَآ ۗ أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَعْلَمَ بِٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٥٣﴾

"Katanya: al-Aqra ibn Habis at-Tamimi dan Uyainah ibn Hisn al-Fazari telah datang ke majlis Nabi s.a.w. dan dapati beliau sedang duduk bersama Bilal, Suhayb, Ammar dan Khabbab bersama dengan sekumpulan orang-orang Mu'min yang lemah dan miskin. Apabila kedua pembesar itu melihat orang-orang ini, maka kedua-duanya memandang rendah dan hina terhadap mereka, lalu mereka menemui beliau dan berkata kepadanya: "Kami suka jika anda dapat mengadakan satu majlis khusus untuk kami supaya orang-orang Arab mengetahui kelebihan dan kedudukan kami kerana anda selalu dikunjungi oleh rombongan-rombongan orang Arab dan kami tentulah merasa malu jika mereka melihat kami duduk bersama kumpulan hamba itu. Oleh sebab itu jika kami datang ke majlis anda, suruhlah mereka bangun memisahkan diri dari kami, dan jika kami selesai bercakap-cakap dengan anda, maka bolehlah anda duduk bersama mereka jika anda suka." Jawab beliau, "Boleh!" Lalu mereka pun berkata, "Tulislah satu perjanjian bahawa anda akan berbuat begitu kepada kami." Kata Khabbab: Lalu beliau menyuruh orang membawa kertas dan memanggil Ali supaya menulis perjanjian itu. Di waktu itu kami duduk di suatu sudut, tiba-tiba Jibril turun menyampaikan ayat ini:

وَلَا تَطْرُدِ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِهِم مِّن شَىْءٍ وَمَا مِنْ حِسَابِكَ عَلَيْهِم مِّن شَىْءٍ فَتَطْرُدَهُمْ فَتَكُونَ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٢﴾

Kemudian beliau menyambung:

وَإِذَا جَآءَكَ ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِـَٔايَٰتِنَا فَقُلۡ سَلَٰمٌ عَلَيۡكُمۡۖ كَتَبَ رَبُّكُمۡ عَلَىٰ نَفۡسِهِ ٱلرَّحۡمَةَ

"Dan apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami itu datang menemui engkau, maka ucapkanlah: Selamat sejahtera ke atas kamu, Allah telah menetapkan dasar rahmat ke atas diri-Nya."(54)

Lalu Rasulullah s.a.w. mencampakkan kertas itu dari tangannya kemudian beliau memanggil kami dan kami pun datang ke tempatnya, lalu beliau membaca kepada kami ayat (yang berikut):

سَلَٰمٌ عَلَيۡكُمۡۖ كَتَبَ رَبُّكُمۡ عَلَىٰ نَفۡسِهِ ٱلرَّحۡمَةَ

"Selamat sejahtera ke atas kamu. Allah telah menetapkan dasar rahmat ke atas dirinya."(54)

Kami pun duduk bersama beliau dan apabila beliau mahu bangun, beliau pun bangun meninggalkan kami. Kemudian Allah S.W.T. menurunkan ayat (yang berikut):

وَٱصۡبِرۡ نَفۡسَكَ مَعَ ٱلَّذِينَ يَدۡعُونَ رَبَّهُم بِٱلۡغَدَوٰةِ وَٱلۡعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجۡهَهُۥۖ وَلَا تَعۡدُ عَيۡنَاكَ عَنۡهُمۡ تُرِيدُ زِينَةَ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۖ

"Dan tetap dirimu bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapat keredhaan-Nya. Dan janganlah kedua matamu mengalihkan pandangan dari mereka kerana berkehendak kepada kesenangan hidup dunia."

(Surah al-Kahfi: 28)

Ujar Khabbab: Selepas turun ayat itu Rasulullah s.a.w. sentiasa duduk bersama kami dan apabila tiba waktu beliau hendak berpisah dari kami, maka kami dahulu bangun meninggalkan beliau kemudian barulah beliau bangun.[13]

Selepas turunnya ayat ini Nabi s.a.w. terus memulakan salamnya kepada sahabat-sahabat yang miskin itu apabila beliau bertemu dengan mereka seraya bersabda: "Segala sanjungan dan kesyukuran terpulang kepada Allah yang telah menjadi di kalangan umatku orang-orang yang aku diperintahkan Allah supaya memulakan salam kepada mereka."

Tersebut di dalam Sahih Muslim: Daripada Aiz ibn 'Amr (katanya): Abu Sufyan telah lalu di hadapan Salman, Suhayb, Bilal dan beberapa orang lain lalu mereka menyindir: Demi Allah, pedang-pedang perajurit Allah tidak sempat melaksanakan tugasnya terhadap musuh-musuh Allah. Kata ('Aiz): Abu Bakr terus menyampuk: Apakah wajar kamu mengeluarkan perkataan ini kepada seorang ketua dan penghulu Quraisy? Kemudian Abu Bakr menemui Nabi s.a.w. dan menceritakan hal ini kepadanya lalu beliau bersabda: "Mungkin (perkataan anda itu) telah menimbulkan kemarahan mereka dan jika anda menimbulkan kemarahan mereka bererti anda telah menimbulkan kemurkaan Tuhan anda." Lalu Abu Bakr terus pergi menemui mereka dan berkata, "Wahai saudara-saudara! Apakah kamu marah kepada aku?" Jawab mereka, "Tidak, Allah mengurniakan keampunan kepada anda, wahai saudara!"

* * * * * *

Kita perlu berhenti lama-lama di hadapan nas-nas ini (untuk meneliti secara mendalam) dan seluruh umat manusia juga perlu turut berhenti bersama-sama kerana ayat-ayat ini bukan semata-mata bertujuan untuk menggambarkan dasar-dasar, nilai-nilai dan teori-teori mengenai "hak-hak seorang manusia", malah tujuannya jauh lebih besar dari itu. Ayat-ayat ini menggambarkan sesuatu yang amat besar yang telah berlaku dalam kehidupan manusia. Ia menggambarkan satu perpindahan yang luas yang telah dilaksanakan agama ini untuk umat manusia seluruhnya. Ia menggambarkan satu garis gemilang di ufuk yang tinggi yang telah dicapai manusia pada suatu hari dalam sejarah hidup mereka yang sebenar. Walau bagaimanapun, umat manusia (pada masa itu) telah mundur dari garis gemilang yang pernah didakinya dengan langkah-langkah yang mantap di bawah panduan agama ini, namun kemunduran itu tidak sekali-kali mengurangkan nilai kemajuan dan perpindahan yang pernah dicapai mereka di suatu masa, dan ia tidak mengurangkan kepentingan garis gemilang yang pernah tergaris di dalam realiti hidup manusia. Sebenarnya nilai garis gemilang yang pernah dicapai manusia di suatu masa itu adalah menyarankan bahawa manusia boleh berusaha mencapaikannya sekali demi sekali, kerana andainya mereka pernah berjaya mencapaikannya di suatu masa, maka sudah tentu mereka mampu mencapaikannya semula. Garis gemilang tetap terbentang di ufuk yang tinggi, manusia tetap manusia yang sama, agama ini tetap agama ini, yang diperlu hanya keazaman, kepercayaan dan keyakinan.

Nilai ayat-ayat ini ialah ia menggambarkan kepada manusia pada hari ini jalan menuju ke mercu yang tinggi dengan gambaran yang merangkumi titik-titik permulaan dan peringkat-peringkat perkembangan-

[13] *Ibn Kathir telah mengulas hadith ini dalam tafsirnya katanya: Hadith ini agak aneh kerana ayat ini diturunkan di Makkah, sedangkan al-Aqra' ibn Habis dan 'Uyainah memeluk Islam selepas sekian lama berlakunya peristiwa Hijrah. Saya dapati ulasan itu tidak tepat, kerana yang pasti kedua-dua al-Aqra' dan 'Uyainah ini telah mengeluarkan perkataan itu sebelum mereka memeluk Islam. Oleh sebab itu tidak ada percanggahan di antara hadith ini dengan keislaman kedua-duanya selepas sekian lama berlakunya peristiwa Hijrah. Kedua-duanya menolak Islam semasa Islam menolak permintaan mereka.*

nya. Ia bermula dari kaki bukit jahiliyah, di mana Islam telah memungut umat Arab dan membawa mereka ke mercu yang tinggi yang telah dicapai mereka. Ia telah menjadikan mereka sebagai angkatan perintis di bumi untuk memimpin umat manusia dari kaki bukit yang sama dan membawa mereka ke mercu yang tinggi yang pernah dicapai mereka.

Tahap hidup di kaki bukit jahiliyah yang rendah yang telah dihayati oleh orang-orang Arab dan manusia seluruhnya adalah tergambar dengan jelas dalam perkataan sekumpulan pembesar Quraisy yang berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Muhammad! Apakah anda telah berpuas hati dengan orang-orang yang seperti ini sahaja di kalangan kaum anda? Apakah orang-orang ini sahaja yang telah dipilih Allah untuk menerima anugerah-Nya di kalangan kami? Apakah wajar kami menjadi pengikut-pengikut kepada orang-orang ini? Usirlah mereka dari majlis anda dan kami sanggup mengikut anda jika anda sanggup mengusir mereka." Atau ia tergambar dalam pandangan menghina yang ditunjukkan oleh al-Aqra' ibn Habis at-Tamimi dan 'Uyainah ibn Husayn al-Farazi terhadap sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang ulung iaitu Bilal, Suhayb, 'Ammar, Khabbab dan lain-lain sahabat dari golongan lemah yang miskin dan dalam perkataan kedua-duanya kepada Nabi s.a.w.: "Kami suka jika anda dapat mengadakan satu majlis khusus untuk kami supaya orang-orang Arab mengetahui kelebihan dan kedudukan kami, kerana anda selalu dikunjungi oleh rombongan-rombongan orang-orang Arab dan kami tentulah merasa malu jika mereka melihat kami duduk bersama kumpulan hamba-hamba itu."

Di sini sikap jahiliyah memperlihatkan wajahnya yang masam kusam, memperlihatkan nilainya yang remeh dan perhitungannya yang kecil. Ia memperlihatkan semangat fanatik keturunan, semangat fanatik bangsa dan pandangan yang tinggi kepada gagasan dan kelas masyarakat dan sebagainya. Golongan sahabat-sahabat yang dihinakan itu setengahnya bukan dari bangsa Arab, setengahnya bukan dari golongan bangsawan dan setengahnya pula bukan dari golongan hartawan yang mempunyai nilai-nilai yang dipandang tinggi di dalam setiap jahiliyah, iaitu nilai yang masih terus dipandang tinggi oleh masyarakat-masyarakat jahiliyah pada hari ini yang terkongkong kepada semangat fanatik kaum, bangsa dan kelas.

Inilah keadaan di kaki bukit jahiliyah, dan di sana, di kemuncaknya yang tinggi tegaknya Islam yang tidak memberi apa-apa penghargaan kepada nilai-nilai dan perhitungan-perhitungan yang kerdil dan remeh-temeh itu, juga kepada kebanggaan dan keangkuhan yang bodoh, kerana Islam adalah diturunkan dari langit bukannya tumbuh dan lahir di bumi. Sedangkan bumi di waktu itu merupakan kaki bukit jahiliyah yang tidak dapat menumbuhkan tumbuhan yang aneh, baru dan luhur ini. Itulah Islam yang dijunjung oleh Nabi Muhammad s.a.w. selaku orang yang pertama menjunjungnya, iaitu Muhammad utusan Allah yang menerima wahyu dari langit, sedangkan beliau sebelum ini merupakan seorang tokoh Bani Hasyim yang paling terkemuka, sedangkan Bani Hasyim pula adalah suku Quraisy yang paling tinggi. Itulah nilai Islam yang dijunjung oleh Abu Bakr sahabat ulung Rasulullah s.a.w. terhadap golongan para hamba itu. Ya, sebenarnya mereka adalah para hamba yang telah mencabut perhambaan terhadap sesama manusia dan menjadikan diri -mereka para hamba kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan mereka telah berjaya menunjukkan pencapaian mereka masing-masing.

Jika (nilai) kaki bukit jahiliyah yang rendah itu tergambar di dalam perkataan-perkataan yang diucapkan oleh pembesar-pembesar Quraisy dan dalam perasaan angkuh al-Aqra' dan 'Uyainah, maka kemuncak (nilai) Islam pula tergambar di dalam perintah Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar kepada Rasulullah s.a.w. (dalam ayat-ayat yang berikut):

وَلَا تَطْرُدِ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِهِم مِّن شَىْءٍ وَمَا مِنْ حِسَابِكَ عَلَيْهِم مِّن شَىْءٍ فَتَطْرُدَهُمْ فَتَكُونَ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٢﴾

وَكَذَٰلِكَ فَتَنَّا بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لِّيَقُولُوٓا۟ أَهَٰٓؤُلَآءِ مَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنۢ بَيْنِنَآ ۗ أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَعْلَمَ بِٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٥٣﴾

وَإِذَا جَآءَكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِـَٔايَٰتِنَا فَقُلْ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ ۖ كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَىٰ نَفْسِهِ ٱلرَّحْمَةَ ۖ أَنَّهُۥ مَنْ عَمِلَ مِنكُمْ سُوٓءًۢا بِجَهَٰلَةٍ ثُمَّ تَابَ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَأَصْلَحَ فَأَنَّهُۥ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٤﴾

"Dan janganlah engkau usirkan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapatkan keredhaan-Nya kerana tiada sedikit pun engkau bertanggungjawab terhadap hisab mereka dan tiada sedikit pun mereka bertanggungjawab terhadap hisab engkau. Oleh sebab itu jika engkau mengusir mereka nescaya engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim (52). Dan demikianlah Kami uji sikap mereka (pembesar-pembesar yang kaya) terhadap satu sama lain supaya mereka berkata: Apakah orang-orang yang seperti mereka (orang-orang miskin) yang diutamakan Allah dalam pemberian anugerah di antara kami? (Jawab Allah:) Tidakkah Allah lebih mengetahui tentang orang-orang yang bersyukur? (53) Dan apabila orang-orang yang beriman

kepada ayat-ayat Kami itu datang menemui engkau, maka ucapkanlah: Selamat sejahtera ke atas kamu. Allah telah menetapkan dasar rahmat ke atas diri-Nya, iaitu sesiapa di antara kamu yang telah melakukan suatu kejahatan kerana kejahilan kemudian ia bertaubat dan mengislahkan dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(54)

Kemuncak (nilai) Islam juga tergambar dalam perilaku Rasulullah s.a.w. terhadap para hamba itu, beliau telah diperintah oleh Allah supaya memulakan ucapan salam kepada mereka dan duduk bersama mereka dengan sabar dan supaya beliau jangan bangun meninggalkan majlis sehingga mereka bangun, sedangkan beliau Muhammad bin Abdullah ibn Abdul Muttalib ibn Hasyim di samping seorang utusan Allah dan sebaik-baik makhluk Allah dan sebesar-besar tokoh manusia yang memberi kehormatan kepada hayat.

Kemudian kemuncak kebesaran Islam tergambar pula dalam pandangan golongan para hamba itu terhadap kedudukan mereka di sisi Allah dan pandangan mereka terhadap pedang-pedang mereka yang dianggapkan mereka sebagai pedang-pedang Tuhan, juga pandangan mereka terhadap Abu Sufyan selaku ketua dan pembesar Quraisy, yang mana Islam hanya meletakkannya di belakang dalam barisan Muslimin sahaja kerana ia tergolong dalam golongan Tulaqa' (orang-orang yang dibebaskan oleh Rasulullah s.a.w. pada hari pembukaan Makkah) dan baru memeluk Islam pada tahun itu. Mereka telah mendapat kebebasan kerana diampuni oleh Rasulullah s.a.w., sedangkan Islam telah meletakkan golongan para hamba itu dalam barisan hadapan kaum Muslimin kerana mereka merupakan angkatan pertama memeluk Islam ketika Islam berada dalam keadaan yang paling sulit dan sukar. Oleh sebab itu apabila Abu Bakr r.a. mengecam mereka kerana membuat sindiran yang tajam kepada Abu Sufyan, dia terus diperingatkan oleh sahabatnya Rasulullah s.a.w. bahawa kecaman itu mungkin telah menimbulkan kemarahan mereka dan ini mungkin bererti ia telah menimbulkan kemurkaan Allah. Ya Allah, tiada suatu ulasan lain yang dapat sampai ke tahap ini. Kita tidak berupaya pada hari ini selain dari merenunginya dengan sedalam-dalamnya ulasan itu, Abu Bakr r.a. terus pergi meminta maaf kepada kumpulan para hamba itu untuk mendapat keredhaan Allah, katanya: "Wahai saudara-saudaraku! Apakah kamu marah kepadaku?" Jawab mereka: "Tidak, wahai saudara kami! Allah kurniakan keampunan kepada anda."

Itulah satu kemajuan yang amat besar yang telah terlaksana dalam hayat umat manusia, itulah kemajuan dan perpindahan yang amat jauh yang telah berlaku di dalam realiti hidup manusia. Itulah satu perubahan dalam bidang nilai-nilai dan peraturan-peraturan di dalam bidang perasaan dan kefahaman-kefahaman serentak dalam satu waktu. (Di waktu itu) bumi;adalah bumi yang sama, persekitaran adalah persekitaran yang sama, manusia adalah manusia yang sama, ekonomi adalah ekonomi yang sama.... dan segala-galanya berada dalam kedudukan yang sama kecuali (yang berbeza) ialah wahyu dari Allah telah diturunkan kepada seorang manusia dan wahyu itu membawa kuasa atau autoriti dari Allah. Ia berbicara dengan fitrah manusia di sebalik timbunan sampah sarap kepercayaan yang karut. Ia menyeru manusia yang berada di kaki bukit jahiliyah yang amat rendah dan seruan yang berkumandang di sepanjang jalan itu telah mendorongkan mereka mendaki kemuncak bukit yang tinggi setapak demi setapak melangkah ke atas bersama Islam.

Kemudian umat manusia berpatah balik menurunkan diri dari kemuncak yang tinggi dan sekali lagi menggelongsor jatuh ke kaki bukit. Dan sekali lagi muncul dan tegaknya 'asabiyah-'asabiyah yang busuk di New York, di Washington, di Chicago, di Johannesberg dan lain-lain negeri yang bertamadun, iaitu 'abasiyah-'abasiyah bangsa dan warna kulit kemudian di sana sini muncul 'asabiyah kenegerian, kebangsaan dan 'asabiyah kelas yang tidak kurang busuknya dari 'asabiyah itu.

Tetapi Islam tetap berada di kemuncak, di mana terbentang garis gemilang yang pernah dicapai oleh manusia. Di sanalah Islam tegak dan kekal sebagai satu rahmat dari Allah kepada umat manusia supaya mereka dapat mengangkatkan kaki mereka yang terbenam di dalam lumpur dan mengangkatkan mata mereka yang terbenam dalam paya yang kotor itu agar mereka bercita-cita sekali lagi untuk menuju ke garis yang gemilang itu, dan sekali lagi mendengar seruan Islam yang merdu dan seterusnya sekali lagi tampil menyahut seruannya mendaki menuju kemuncak yang tinggi.

Kami tidak dapat membuat ulasan selingan yang lebih jauh dari ini mengikut batas-batas methodologi kami di dalam tafsir ini. Kami tidak dapat berhenti di sini sepanjang hentian yang silam, di mana kami menyeru seluruh umat manusia supaya berdiri lama-lama meneliti ayat-ayat ini dan maksud-maksudnya, agar mereka dapat melihat betapa jauhnya langkah kemajuan di dalam sejarah manusia yang terlukis di celah-celah ayat-ayat ini ketika mereka mendaki dari kaki bukit jahiliyah yang rendah menuju ke puncak yang tinggi kerana menyambut seruan Islam. Kemudian mereka jatuh semula ke bawah kerana menyahut seruan "tamadun kebendaan" yang kosong dari roh dan 'aqidah itu, juga agar mereka dapat menyedari ke manakah Islam pada hari ini dapat memimpin mereka sekali lagi setelah gagalnya segala percubaan, segala isme, segala peraturan, segala sistem, segala gagasan dan segala kefahaman yang telah diadakan oleh manusia untuk kebaikan diri mereka dengan berasing jauh dari agama Allah dan hidayat-Nya. Semuanya telah gagal untuk mengangkatkan manusia sekali lagi ke puncak yang tinggi, gagal untuk menjamin hak-hak manusia yang mulia dalam bentuk yang gemilang ini, gagal untuk

mencurahkan perasaan tenteram dan tenang ke dalam hati manusia walaupun mereka telah mencapai kemajuan yang amat besar. Ia gagal membawa manusia ke puncak yang tinggi tanpa pembunuhan beramai-ramai, tanpa penindasan-penindasan yang kejam, tanpa tindakan-tindakan atau peraturan-peraturan dharurat yang menghapuskan kebebasan-kebebasan asasi, tanpa ketakutan dan kecaman, tanpa penyeksaan, tanpa kelaparan dan kemiskinan dan tanpa suatu gejala dari gejala-gejala zaman peralihan yang dilakukan oleh manusia di bawah naungan sistem-sistem hidup yang malang yang diciptakan oleh manusia, di mana mereka menyembah dan memuja satu sama lain selain dari Allah.

Cukuplah setakat ini sahaja. Cukuplah dengan saranan-saranan yang kuat dan mendalam yang dicurahkan oleh ayat-ayat ini di dalam hati-hati yang sedar.[14]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 55)

وَكَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْأَيَٰتِ وَلِتَسْتَبِينَ سَبِيلُ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٥٥﴾

"Dan demikianlah Kami terangkan ayat-ayat (Al-Qur'an ini) dan supaya jalan para penderhaka itu ketara dengan jelas."(55)

Inilah keterangan penamat bagi ceraian ini yang telah mengemukakan tabi'at risalah dan tabi'at Rasul dengan jelas dan terang, di samping mengemukakan 'aqidah ini (dalam bentuk aslinya) tanpa sebarang hiasan dan dandanan, juga menjelaskan perhitungan-perhitungan dan nilai-nilai yang hendak dihapuskan oleh 'aqidah ini dari kehidupan manusia dan seterusnya menjelaskan perhitungan-perhitungan dan nilai-nilai yang hendak ditegakkan olehnya.

وَكَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْأَيَٰتِ

"Dan demikianlah Kami terangkan ayat-ayat (Al-Qur'an ini)."(55)

Yakni dengan cara dan penjelasan yang seperti ini kami huraikan ayat-ayat tersebut dengan terang tanpa meninggalkan sebarang keraguan, kesamaran dan kekeliruan dalam perkara ini dan tanpa memerlukan tuntutan agar kebenarannya dibuktikan dengan mu'jizat-mu'jizat kerana hakikat ini cukup jelas dan perkara ini amat terang. Beginilah caranya ayat-ayat Al-Qur'an mengemukakan contoh itu.

Segala penjelasan mengenai bukti-bukti hidayat dan penyaran-penyaran keimanan, juga penjelasan mengenai hakikat-hakikat dan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku yang telah diterangkan sebelum ini di dalam surah ini adalah semuanya dikira termasuk di dalam maksud firman Allah Taala:

وَكَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْأَيَٰتِ

"Dan demikianlah Kami terangkan ayat-ayat (Al-Qur'an ini)."(55)

Adapun ungkapan akhir ayat yang pendek ini iaitu:

وَلِتَسْتَبِينَ سَبِيلُ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٥٥﴾

"Dan supaya jalan para penderhaka itu ketara dengan jelas"(55)

adalah mengandungi satu maksud yang amat menarik, iaitu ia mendedahkan methodologi Al-Qur'an dalam menerangkan 'aqidah dan mengaturkan harakat untuk memperjuangkannya. Sebenarnya methodologi Al-Qur'an bukan sahaja bertujuan untuk menerang dan menonjolkan kebenaran agar jalan yang diikuti oleh para solehin itu kelihatan begitu jelas, malah ia juga bertujuan menerang dan mendedahkan kebatilan agar jalan yang diikuti oleh orang-orang yang sesat dan berdosa itu kelihatan begitu ketara kerana keketaraan jalan yang diikuti oleh orang-orang yang menderhaka ini merupakan suatu keperluan dan kepastian untuk menonjolkan keketaraan jalan yang diikuti oleh orang-orang yang beriman. Ia merupakan garis pemisah yang digariskan di persimpangan jalan.

Methodologi ini adalah methodologi yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. untuk berbicara dengan hati manusia, kerana Allah mengetahui bahawa usaha menegakkan keyakinan kepercayaan kepada kebenaran dan kebaikan adalah memerlukan kebolehan melihat dengan jelas aspek kebatilan dan kejahatan yang menjadi lawan dan tandingannya di samping memerlukan keyakinan bahawa kebatilan ini adalah suatu kejahatan yang tulen dan kebenaran ini adalah suatu kebenaran dan kebaikan yang tulen. Begitu juga Allah mengetahui bahawa kekuatan untuk memperjuangkan kebenaran itu bukan sahaja lahir dari kesedaran pejuang kebenaran bahawa ia berjuang di atas jalan yang benar, tetapi juga lahir dari kesedarannya bahawa para penentangnya adalah berjuang di atas jalan kebatilan dan mengikut jalan orang-orang yang berdosa yang disebut di dalam ayat yang lain bahawa mereka adalah musuh kepada setiap nabi:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِّنَ ٱلْمُجْرِمِينَ

"Dan demikianlah Kami telah jadikan bagi setiap nabi musuh-musuh yang terdiri dari orang-orang yang berdosa"

(Surah al-Furqan: 31)

agar tersemat dengan yakin dan jelas di dalam jiwa nabi dan jiwa para Muslimin bahawa golongan yang

---

[14] *Untuk mendapat penjelasan yang lengkap tentang beberapa aspek pandangan terhadap hakikat yang sebenar ini sila rujuk kepada tafsiran firman Allah: "* عبس وتولى (1) أن جاءه الأعمى(2) *" dalam juzu' yang ketiga puluh dari Tafsir ini.*

memusuhi dan menentang mereka adalah golongan manusia pendosa.

Kejelasan konsep kekafiran merupakan satu keperluan dan kepastian untuk menonjolkan kejelasan konsep keimanan, kebajikan dan kebaikan.

Penjelasan yang terang mengenai jalan yang diikuti oleh para pendosa itu merupakan salah satu matlamat penerangan Rabbani melalui ayat-ayat Al-Qur'an, kerana sebarang kekaburan dan kekeliruan tentang pendirian dan jalan yang diikuti oleh para penderhaka itu akan mengakibatkan kekaburan dan kekeliruan pendirian dan jalan yang diikuti oleh para Mu'minin. Kedua-dua golongan ini merupakan dua lembaran yang bertentangan dan dua jalan yang berlainan. Kedua-duanya pastilah dibezakan dengan warna-warna dan garis-garis yang terang dan jelas.

Berlandaskan hakikat ini setiap harakah Islamiyah pasti dimulakan dengan membuat penentuan dan pembezaan yang jelas di antara jalan para Mu'minin dengan jalan para penderhaka. Ia pasti dimulakan dengan langkah memperkenalkan jalan para Mu'minin dan jalan para penderhaka dan meletakkan label-label yang terang yang membezakan di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang memilih jalan penderhaka di alam realiti bukannya di alam teori, agar dengan cara ini para penda'wah Islamiyah dan para pejuang dalam harakah Islamiyah dapat mengetahui dengan jelas siapakah orang-orang yang beriman dan siapakah para penderhaka yang ada di sekeliling mereka setelah dibuat penentuan dan pembezaan yang jelas di antara jalan-jalan sistem hidup dan label-label yang membezakan jalan-jalan dua golongan ini, di mana kedua-dua jalan dan label itu tidak dicampuraduk dan tidak menimbulkan kekeliruan dan di mana sifat-sifat dan ciri-ciri yang membezakan di antara dua golongan ini tidak diselubungi kekeliruan dan kekaburan.

Penentuan dan pembezaan yang jelas itu kelihatan begitu ketara ketika Islam menghadapi tentangan kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab, di mana jalan yang diikuti oleh kaum Muslimin yang soleh ialah jalan yang diikuti oleh Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya, sedangkan jalan yang diikuti oleh para penderhaka ialah jalan orang-orang yang tidak memeluk agama ini. Dengan penentuan dan pembezaan inilah Al-Qur'an diturunkan, di mana Allah S.W.T. menjelaskan ayat-ayatnya mengikut sebagaimana contoh-contoh penjelasan yang telah silam dan di antaranya ialah contoh yang akhir itu agar jalan yang diikuti oleh para penderhaka itu ketara dengan terang.

Ketika Islam menghadapi kepercayaan-kepercayaan syirik, paganisme, ateisme dan berbagai-bagai agama yang sesat dan menyeleweng dari peninggalan agama yang berasal dari agama yang diturunkan Allah setelah diubah dan dirosakkan oleh berbagai-bagai penyelewengan manusia.... ketika Islam menghadapi golongan-golongan dan kumpulan-kumpulan agama ini, maka jalan yang diikuti para Mu'minin yang soleh adalah cukup jelas dan tidak boleh dikelirukan.

Tetapi kesulitan besar yang sebenar yang dihadapi oleh harakat-harakat Islamiyah pada hari ini tidak sedikitpun terbabit dengan persoalan ini, malah kesulitan sebenar yang dihadapinya ialah wujudnya kaum-kaum dari keturunan orang-orang Islam sendiri yang tinggal di negeri-negeri yang dahulunya pernah menjadi negara Islam yang dikuasai agama Allah dan diperintah dengan syari'at Allah, kemudian kaum-kaum ini meninggalkan agama Islam yang sebenar tetapi mengakui beragama Islam dari segi namanya sahaja. Mereka tidak menghiraukan asas-asas dan prinsip-prinsip Islam dari segi i'tiqad dan kenyataan walaupun mereka mendakwa beragama Islam dari segi i'tiqad Islam adalah syahadat atau pengakuan La ilaha Illallah (tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah) dan pengakuan ini harus ditegakkan di dalam i'tiqad bahawa hanya Allah sahaja yang mencipta dan mengendalikan alam buana. Hanya Allah sahaja yang layak ditujukan kepadanya segala syi'ar ibadat dan segala aktiviti hidup manusia dan hanya Allah sahaja merupakan satu-satunya sumber, di mana manusia harus mengambil dari-Nya segala undang-undang dan peraturan hidup mereka serta tunduk kepada syari'at-Nya di dalam seluruh urusan hidup mereka. Mana-mana individu yang tidak membuat pengakuan La ilaha Illailah dengan pengertian yang sedemikian, maka ia dikira belum lagi membuat pengakuan La ilaha illallah yang betul dan belum lagi masuk ke dalam Islam walaupun ia memakai nama, gelaran dan keturunan Islam. Begitu juga mana-mana negeri yang belum lagi merealisasikan konsep syahadat La ilaha Ilallah dengan pengertian yang sedemikian, maka negeri itu dikira belum lagi patuh kepada agama Islam dan belum lagi masuk ke dalam agama Islam.

Di dunia pada hari ini terdapat berbagai-bagai kaum manusia yang memakai nama-nama orang-orang Islam dan berasal dari keturunan Islam. Mereka tinggal di negeri-negeri yang pernah menjadi negara Islam di suatu masa yang silam, tetapi kaum-kaum itu pada hari ini tidak menghayati lagi pengakuan La ilaha Ilallah dengan pengertiannya yang betul. Begitu juga negeri-negeri itu pada hari ini tidak lagi tunduk dan patuh kepada Allah mengikut pengertian ini.

Inilah masalah yang paling sulit yang dihadapi oleh Harakah-Harakah Islamiyah yang sebenar di negeri-negeri dan kalangan kaum-kaum yang seperti itu.

Yang menjadi masalah yang paling sulit yang dihadapi oleh harakat-harakat ini ialah wujudnya kekaburan dan kekeliruan yang menyelubungi pengertian La ilaha Illallah dan pengertian Islam di satu segi dan menyelubungi pengertian syirik dan pengertian jahiliyah dari satu segi yang lain pula.

Masalah paling sulit yang dihadapi oleh Harakah-Harakah ini ialah wujudnya ketidakjelasan jalan yang diikuti kaum Muslimin yang soleh dan jalan yang diikuti kaum Musyrikin yang penderhaka di samping wujudnya campur aduk lambang-lambang dan label-label, wujudnya kekeliruan nama-nama dan sifat-sifat dan wujudnya padang gurun yang tidak mempunyai batu-batu tanda perjalanan di persimpangan jalan.

Musuh-musuh Harakah-Harakah Islamiyah telah mengetahui lubang kelemahan ini dan mereka sedang berusaha meluaskan lubang kelemahan ini, menambahkan kegoyahan, kekeliruan dan campur aduk hingga ke tahap jika ada suara yang terus terang membuat pernyataan yang tegas ini, maka pernyataan ini akan disifatkan sebagai satu tuduhan yang salah, iaitu tuduhan mengkafir orang-orang Islam!!! Ini menjadikan persoalan menentukan keislaman dan kekafiran itu harus dirujukkan kepada adat dan istilah manusia bukannya dirujukkan kepada firman Allah dan sabda Rasul-Nya.

Inilah kesulitan yang amat besar di samping merupakan batu penghalang utama yang pasti ditempuh oleh penda'wah-penda'wah kepada agama Allah di dalam setiap generasi.

(Berdasarkan hakikat ini) da'wah kepada agama Allah pastilah dimulakan dengan menjelaskan dengan tegas jalan hidup kaum Mu'minin dan jalan hidup kaum penderhaka, dan para penda'wah kepada agama Allah tidak seharusnya bertolak ansur dan berkompromi dalam kalimat al-Haq dan dalam persoalan yang memisahkan di antara keimanan dan kekafiran. Mereka tidak seharusnya merasa gentar dan takut dan tidak seharusnya patah semangat dalam menghadapi celaan dan cemuhan atau dalam menghadapi larangan orang yang mengatakan: Lihat! Penda'wah ini mengkafirkan orang-orang Islam!

Islam sebenarnya tidak mempunyai sifat yang goyah dan cair, sebagaimana yang disangkakan oleh orang-orang yang tertipu dan terkeliru. Islam itu terang dan kekafiran juga terang. Islam itu ditegakkan dengan syahadat La ilaha Illallah dengan pengertiannya yang telah dihuraikan tadi, dan sesiapa yang tidak menegakkan syahadat La ilaha Illallah dengan pengertian ini dan sesiapa yang tidak menegakkan syahadat ini dalam kehidupannya dengan pengertian ini, maka hukum Allah dan Rasul-Nya terhadapnya ialah dia tergolong di dalam golongan orang-orang yang kafir, orang-orang yang zalim (syirik), orang-orang yang fasiq dan golongan para penderhaka.

وَكَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ وَلِتَسْتَبِينَ سَبِيلُ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٥٥﴾

"Dan demikianlah Kami terangkan ayat-ayat (Al-Qur'an ini) dengan terperinci (supaya jelas jalan orang-orang yang soleh) dan supaya jalan-jalan orang-orang yang menderhaka ketara dengan jelas."(55)

Para penda'wah kepada agama Allah pasti menempuh halangan ini dan pasti mempunyai kejelasan yang sempurna di dalam hati mereka agar seluruh tenaga mereka dapat ditumpukan ke jalan Allah tanpa dihalang, diganggu gugat dan digoyahkan oleh kekeliruan dan kekaburannya, kerana tenaga usaha mereka tidak mungkin bergerak lancar kecuali mereka percaya dengan yakin bahawa mereka adalah orang-orang Islam, manakala orang-orang yang menghalang dan menentang mereka serta menghalang orang ramai dari agama Allah adalah pendosa-pendosa. Begitu juga mereka tidak dapat menanggung kesulitan-kesulitan di medan perjuangan kecuali mereka yakin bahawa persoalan yang diperjuangkan mereka adalah persoalan kekafiran dan keimanan dan kecuali mereka sedar bahawa mereka dan kaum mereka sedang berada di persimpangan jalan, juga sedar bahawa mereka tegak di atas satu 'aqidah dan kaum mereka tegak di atas satu 'aqidah yang lain, mereka berada dalam satu agama dan kaum mereka berada dalam satu agama yang lain:

وَكَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ وَلِتَسْتَبِينَ سَبِيلُ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٥٥﴾

"Dan demikianlah Kami terangkan ayat-ayat (Al-Qur'an ini) dengan terperinci (supaya jelas jalan orang-orang yang soleh) dan supaya jalan-jalan orang-orang yang menderhaka ketara dengan jelas."(55)

Amatlah benar firman Allah Yang Maha Agung.

* * * * * *

(Kumpulan ayat-ayat 56 - 65)

قُلْ إِنِّي نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ ۚ قُل لَّآ أَتَّبِعُ أَهْوَآءَكُمْ ۙ قَدْ ضَلَلْتُ إِذًا وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُم بِهِۦ ۚ مَا عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِۦٓ ۚ إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۖ يَقُصُّ ٱلْحَقَّ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْفَٰصِلِينَ ﴿٥٧﴾

قُل لَّوْ أَنَّ عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِۦ لَقُضِيَ ٱلْأَمْرُ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٨﴾

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ۚ وَيَعْلَمُ مَا فِي ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۚ وَمَا تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ

إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِي ظُلُمَٰتِ ٱلْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ
وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

وَهُوَ ٱلَّذِي يَتَوَفَّىٰكُم بِٱلَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم
بِٱلنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰٓ أَجَلٌ مُّسَمًّى
ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦٠﴾

وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً
حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ
لَا يُفَرِّطُونَ ﴿٦١﴾

ثُمَّ رُدُّوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ مَوْلَىٰهُمُ ٱلْحَقِّ أَلَا لَهُ ٱلْحُكْمُ وَهُوَ
أَسْرَعُ ٱلْحَٰسِبِينَ ﴿٦٢﴾

قُلْ مَن يُنَجِّيكُم مِّن ظُلُمَٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ تَدْعُونَهُۥ
تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً لَّئِنْ أَنجَىٰنَا مِنْ هَٰذِهِۦ لَنَكُونَنَّ مِنَ
ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٣﴾

قُلِ ٱللَّهُ يُنَجِّيكُم مِّنْهَا وَمِن كُلِّ كَرْبٍ ثُمَّ أَنتُمْ تُشْرِكُونَ ﴿٦٤﴾

قُلْ هُوَ ٱلْقَادِرُ عَلَىٰٓ أَن يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِّن فَوْقِكُمْ أَوْ مِن
تَحْتِ أَرْجُلِكُمْ أَوْ يَلْبِسَكُمْ شِيَعًا وَيُذِيقَ بَعْضَكُم
بَأْسَ بَعْضٍ ٱنظُرْ كَيْفَ نُصَرِّفُ ٱلْءَايَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah dilarang menyembah mereka (sembahan-sembahan) yang disembahkan kamu selain dari Allah. Katakanlah aku tidak dapat mengikut kehendak-kehendak nafsu kamu. Sesungguhnya sesatlah aku jika aku berbuat demikian dan tentulah aku tidak akan termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayat (56). Katakanlah: Sesungguhnya aku berdiri tegak di atas bukti yang jelas dari Tuhanku, sedangkan kamu mendustakannya. Aku tidak mempunyai kuasa mengenakan 'azab yang kamu pinta supaya disegerakan itu kerana tiada kuasa yang menentukan hukuman kecuali di tangan Allah, Dialah yang berkuasa menerangkan keputusan yang benar dan Dialah sebaik-baik pengadil (57). Katakanlah: Jika aku mempunyai kuasa menentukan hukuman 'azab yang kamu pinta disegerakannya itu tentulah persoalan di antara aku dan kamu dapat diselesaikan (sekarang ini juga) dan Allah lebih mengetahui tentang orang-orang yang zalim (58). Dan di sisi Allah tersimpan anak-anak kunci segala perkara ghaib. Tiada siapa yang mengetahuinya kecuali Dia. Dan Dialah yang mengetahui segala sesuatu yang ada di daratan dan lautan. Dan tiada sehelai daun yang gugur melainkan diketahui oleh-Nya. Dan tiada sebutir biji di dalam kegelapan-kegelapan perut bumi dan tiada suatu yang basah dan tiada suatu yang kering melainkan semuanya tercatat di dalam sebuah buku yang amat jelas (59). Dan Dialah yang mewafatkan (menidurkan) kamu di waktu malam dan mengetahui segala suatu yang telah dilakukan kamu di waktu siang, kemudian Dia membangunkan kamu kembali di waktu siang untuk disempurnakan ajal yang telah ditentukan kepada kamu kemudian kamu akan dikembalikan kepada-Nya dan kemudian Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu (60). Dan Dialah Yang Maha Berkuasa di atas seluruh hamba-Nya dan mengirimkan malaikat-malaikat penjaga yang mengawasi kamu sehingga apabila sa'at maut tiba kepada seseorang dari kamu, maka ia akan diwafatkan oleh malaikat utusan Kami dan mereka tidak pernah mencuaikan tugas mereka (61). Kemudian mereka dikembalikan kepada Allah Pelindung mereka yang sebenar. Ketahuilah! Dia sahaja yang memiliki kuasa menentukan hukuman (pada hari Qiamat) dan Dialah Penghisab yang paling pantas (62). Katakanlah: Siapakah yang berkuasa menyelamatkan kamu dari bahaya bencana daratan dan lautan, di mana kamu berdo'a kepada-Nya dengan rendah diri dan dengan suara yang lembut: "Jika Allah menyelamatkan kami dari bahaya bencana ini nescaya kami akan jadikan diri kami dari golongan orang-orang yang bersyukur (63). Katakanlah: Allahlah yang berkuasa menyelamatkan kamu dari bahaya bencana itu dan dari segala kesusahan, kemudian kamu masih terus mempersekutukan-Nya (64). Katakanlah: Allahlah yang berkuasa mengirimkan 'azab ke atas kamu dari arah atas (kepala kamu) atau dari arah bawah kaki kamu atau Dia menjadikan kamu keliru menyebabkan kamu berpecah-belah kepada berbagai-bagai puak dan merasakan kamu bencana (perang dan penindasan) terhadap satu sama lain. Lihatlah! Bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat kepada mereka dengan berbagai-bagai cara supaya mereka mengerti."(65)

Hakikat Uluhiyah Allah

Gelombang ayat-ayat ini mengembalikan kita kepada "Hakikat Uluhiyah" selepas dihuraikan "Hakikat Risalah" dan "Hakikat Rasul" di dalam gelombang ayat-ayat yang silam dalam rangkaian ayat-ayat yang bertautan satu sama lain, juga selepas ketaranya ciri-ciri perbezaan di antara jalan hidup para penderhaka dan jalan hidup para mu'minin sebagaimana kami telah ulaskan di akhir ceraian yang lepas.

Hakikat Uluhiyah di dalam gelombang ini dapat dilihat di dalam berbagai-bagai bidang, dan di sini kami akan huraikannya secara ringkas sebelum kami huraikannya secara terperinci ketika mentafsirkan nas-nas Al-Qur'an itu nanti.

Hakikat Uluhiyah dapat di lihat pada hati Rasulullah s.a.w., di mana beliau dapati dalam hatinya bukti yang jelas dari Allah yang memberi keyakinan yang kukuh kepadanya, iaitu keyakinan yang tidak dapat digoyahkan oleh pendustaan dari para pendusta. Oleh sebab itu beliau menumpukan sepenuh dirinya kepada Allah dan memisahkan diri dari kaumnya

dengan pemisahan seorang yang yakin kepada petunjuk Ilahi yang didapati olehnya:

قُلْ إِنِّي نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ ۚ قُل لَّا أَتَّبِعُ أَهْوَاءَكُمْ ۙ قَدْ ضَلَلْتُ إِذًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُم بِهِ ۚ مَا عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ ۚ إِنِ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۖ يَقُصُّ الْحَقَّ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الْفَاصِلِينَ ﴿٥٧﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah dilarang menyembah mereka (sembahan-sembahan) yang disembahkan kamu selain dari Allah. Katakanlah aku tidak dapat mengikut kehendak-kehendak nafsu kamu. Sesungguhnya sesatlah aku jika aku berbuat demikian dan tentulah aku tidak akan termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayat (56). Katakanlah: Sesungguhnya aku berdiri tegak di atas bukti yang jelas dari Tuhanku, sedangkan kamu mendustakan-Nya. Aku tidak mempunyai kuasa mengenakan 'azab yang kamu pinta supaya disegerakan itu kerana tiada kuasa yang menentukan hukuman kecuali di tangan Allah, Dialah yang berkuasa menerangkan keputusan yang benar dan Dialah sebaik-baik Pengadil."(57)

Hakikat Uluhiyah itu dapat di lihat pula pada kesabaran Allah terhadap telatah-telatah para pendusta, iaitu kesabaran Allah yang tidak memperkenankan permohonan mereka supaya diturunkan kepada mereka satu mu'jizat fizikal agar tidak disegerakan 'azab ke atas mereka apabila mereka mendustakan mu'jizat itu mengikut Sunnatullah, sedangkan Dia memang berkuasa menurunkan mu'jizat itu. Dan andainya Rasulullah s.a.w. mempunyai kuasa menurunkan 'azab yang digesa-gesakan itu tentulah beliau tidak akan teragak-agak bertindak ke atas mereka dan tentulah beliau dengan sifat basyariyahnya akan merasa begitu bosan dan tidak sabar terhadap mereka dan pendustaan mereka. Oleh sebab itu penangguhan 'azab terhadap mereka merupakan salah satu dari gejala-gejala kesabaran Allah dan rahmat-Nya di samping merupakan satu bidang, di mana dapat di lihat hakikat Uluhiyah Allah.

قُل لَّوْ أَنَّ عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ لَقُضِيَ الْأَمْرُ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ ۗ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالظَّالِمِينَ ﴿٥٨﴾

"Katakanlah: Jika aku mempunyai kuasa menentukan hukuman 'azab yang kamu pinta disegerakannya itu tentulah persoalan di antara aku dan kamu dapat diselesaikan (sekarang ini juga) dan Allah lebih mengetahui tentang orang-orang yang zalim."(58)

Hakikat Uluhiyah dapat di lihat pula pada ilmu Allah yang mengetahui segala yang ghaib, iaitu ilmu yang mengetahui segala sesuatu yang berlaku di alam al-wujud ini dalam bentuk gambaran ilmu yang hanya dimiliki oleh Allah sahaja dan tiada siapa yang dapat memberi gambaran yang seperti ini melainkan Allah:

وَعِندَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ ۚ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ ۚ وَمَا تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِي ظُلُمَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

"Dan di sisi Allah tersimpan anak-anak kunci segala perkara ghaib. Tiada siapa yang mengetahuinya kecuali Dia. Dan Dialah yang mengetahui segala sesuatu yang ada di daratan dan lautan. Dan tiada sehelai daun yang gugur melainkan diketahui oleh-Nya. Dan tiada sebutir biji di dalam kegelapan-kegelapan perut bumi dan tiada suatu yang basah dan tiada suatu yang kering melainkan semuanya tercatat di dalam sebuah buku yang amat jelas."(59)

Hakikat Uluhiyah itu juga dapat di lihat pada penguasaan Allah yang menguasai manusia dan para hamba-Nya dalam setiap keadaan yang dihayati mereka, iaitu dalam keadaan tidur dan jaga, dalam keadaan hidup dan mati dan di dalam keadaan hidup di dunia dan di Akhirat:

وَهُوَ الَّذِي يَتَوَفَّاكُم بِاللَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِالنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰ أَجَلٌ مُّسَمًّى ۖ ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦٠﴾

وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ ۖ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفَرِّطُونَ ﴿٦١﴾

ثُمَّ رُدُّوا إِلَى اللَّهِ مَوْلَاهُمُ الْحَقِّ ۚ أَلَا لَهُ الْحُكْمُ وَهُوَ أَسْرَعُ الْحَاسِبِينَ ﴿٦٢﴾

"Dan Dialah yang mewafatkan (menidurkan) kamu di waktu malam dan mengetahui segala suatu yang telah dilakukan kamu di waktu siang, kemudian Dia membangunkan kamu kembali di waktu siang untuk disempurnakan ajal yang telah ditentukan kepada kamu kemudian kamu akan dikembalikan kepada-Nya dan kemudian Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu (60). Dan Dialah Yang Maha Berkuasa di atas seluruh hamba-Nya dan mengirimkan malaikat-malaikat penjaga yang mengawasi kamu sehingga apabila sa'at maut tiba kepada seseorang dari kamu, maka ia akan diwafatkan oleh malaikat utusan Kami dan mereka tidak pernah mencuaikan tugas mereka

(61). Kemudian mereka dikembalikan kepada Allah Pelindung mereka yang sebenar. Ketahuilah Dia sahaja yang memiliki kuasa menentukan hukuman (pada hari Qiamat), dan Dialah Penghisab yang paling pantas."(62)

Hakikat Uluhiyah itu pula dapat di lihat pada fitrah para pendusta itu sendiri ketika mereka menghadapi kesusahan yang besar, di mana mereka tidak memohon pertolongan melainkan kepada Allah supaya mengangkatkan kesusahan itu dari mereka, namun demikian mereka mempersekutukan-Nya, sedangkan mereka lupa bahawa Allah yang mereka pohon pertolongan-Nya untuk menghapuskan kesusahan itu adalah berkuasa menimpakan berbagai-bagai 'azab kesusahan ke atas mereka tanpa dapat diselamatkan oleh sesiapa pun:

قُلْ مَن يُنَجِّيكُم مِّن ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ تَدْعُونَهُ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً لَّئِنْ أَنجَانَا مِنْ هَٰذِهِ لَنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿٦٣﴾ قُلِ اللَّهُ يُنَجِّيكُم مِّنْهَا وَمِن كُلِّ كَرْبٍ ثُمَّ أَنتُمْ تُشْرِكُونَ ﴿٦٤﴾ قُلْ هُوَ الْقَادِرُ عَلَىٰ أَن يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِّن فَوْقِكُمْ أَوْ مِن تَحْتِ أَرْجُلِكُمْ أَوْ يَلْبِسَكُمْ شِيَعًا وَيُذِيقَ بَعْضَكُم بَأْسَ بَعْضٍ ۗ انظُرْ كَيْفَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لَعَلَّهُمْ يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

"Katakanlah: Siapakah yang berkuasa menyelamatkan kamu dari bahaya bencana daratan dan lautan, di mana kamu berdo'a kepada-Nya dengan rendah diri dan dengan suara yang lembut: "Jika Allah menyelamatkan kami dari bahaya bencana ini nescaya kami akan jadikan diri kami dari golongan orang-orang yang bersyukur (63). Katakanlah: Allahlah yang berkuasa menyelamatkan kamu dari bahaya bencana itu dan dari segala kesusahan, kemudian kamu masih terus mempersekutukan-Nya (64). Katakanlah: Allahlah yang berkuasa mengirimkan 'azab ke atas kamu dari arah atas (kepala kamu) atau dari arah bawah kaki kamu atau Dia menjadikan kamu keliru menyebabkan kamu berpecah-belah kepada berbagai-bagai puak dan merasakan kamu bencana (perang dan penindasan) di antara kamu terhadap satu sama lain. Lihatlah! Bagaimana kami menjelaskan ayat-ayat kepada mereka dengan berbagai-bagai cara supaya mereka mengerti."(65)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 58)

قُلْ إِنِّي نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ ۚ قُل لَّا أَتَّبِعُ أَهْوَاءَكُمْ ۙ قَدْ ضَلَلْتُ إِذًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُم بِهِ ۚ مَا عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ ۚ إِنِ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۖ يَقُصُّ الْحَقَّ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الْفَاصِلِينَ ﴿٥٧﴾ قُل لَّوْ أَنَّ عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ لَقُضِيَ الْأَمْرُ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ ۗ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالظَّالِمِينَ ﴿٥٨﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah dilarang menyembah mereka (sembahan-sembahan) yang disembahkan kamu selain dari Allah. Katakanlah aku tidak dapat mengikut kehendak-kehendak nafsu kamu. Sesungguhnya sesatlah aku jika aku berbuat demikian dan tentulah aku tidak akan termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayat (56). Katakanlah: Sesungguhnya aku berdiri tegak di atas bukti yang jelas dari Tuhanku, sedangkan kamu mendustakan-Nya. Aku tidak mempunyai kuasa mengenakan 'azab yang kamu pinta supaya disegerakan itu kerana tiada kuasa yang menentukan hukuman kecuali di tangan Allah, Dialah yang berkuasa menerangkan keputusan yang benar dan Dialah sebaik-baik Pengadil (57). Katakanlah: Jika aku mempunyai kuasa menentukan hukuman 'azab yang kamu pinta disegerakannya itu tentulah persoalan di antara aku dan kamu dapat diselesaikan (sekarang ini juga) dan Allah lebih mengetahui tentang orang-orang yang zalim."(58)

Gelombang ayat-ayat ini penuh dengan pernyataan-pernyataan yang memberi saranan-saranan yang digambarkan dengan berbagai-bagai nada untuk mengemukakan hakikat Uluhiyah di dalam berbagai-bagai bidangnya kepada hati manusia. Di antara pernyataan-pernyataan yang memberi kesan secara mendalam ialah pernyataan yang disampaikan oleh nada kata-kata perintah yang berulang-ulangkali "katakanlah... katakanlah... katakanlah" yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. supaya menyampaikan perutusan-perutusan Allah yang diwahyukan kepadanya, iaitu wahyu yang tidak dimiliki oleh yang lain dari Allah dan supaya beliau tidak mengikuti yang lain dari Allah dan tidak meminta wahyu dari yang lain dari Allah:

قُلْ إِنِّي نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ ۚ قُل لَّا أَتَّبِعُ أَهْوَاءَكُمْ ۙ قَدْ ضَلَلْتُ إِذًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku telah dilarang menyembah mereka (sembahan-sembahan) yang disembahkan kamu selain dari Allah. Katakanlah aku tidak dapat mengikut kehendak-kehendak nafsu kamu. Sesungguhnya sesatlah aku jika aku berbuat demikian dan tentulah aku tidak akan termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayat."(56)

Allah S.W.T memerintah Rasulullah-Nya s.a.w. supaya mengemukakan pernyataan kepada kaum Musyrikin bahawa beliau dilarang dari menyembah sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah dan yang dijadikan mereka sebagai tandingan-tandingan Allah. Ini disebabkan kerana beliau dilarang mengikut kehendak-kehendak nafsu mereka. Perbuatan mereka menyembah sembahan-sembahan yang lain dari Allah itu adalah sebenarnya suatu perbuatan yang didorong oleh kehendak-kehendak hawa nafsu semata-mata bukannya suatu perbuatan yang berasaskan ilmu dan kebenaran. Dan andainya beliau mengikut kehendak-kehendak hawa nafsu mereka yang seperti itu tentulah beliau akan sesat dan tidak akan mendapat hidayat, kerana kehendak-kehendak nafsu mereka tidak akan membawa beliau, juga tidak akan membawa mereka melainkan menuju ke arah kesesatan.

Allah S.W.T. memerintah Nabi s.a.w. supaya menghadapi kaum Musyrikin dan berpisah dari mereka dengan cara yang sedemikian rupa sebagaimana beliau telah diperintahkan berbuat begitu sebelum ini di dalam surah yang sama di mana Allah berfirman:

أَئِنَّكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ آلِهَةً أُخْرَىٰ ۚ قُل لَّا أَشْهَدُ ۚ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ وَإِنَّنِي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

"Apakah kamu benar-benar mengaku bahawa ada tuhan-tuhan yang di samping Allah? Katakanlah: Aku tidak mengaku. Katakanlah: Sesungguhnya hanya Dia sahaja Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya aku berlepas diri dari segala apa yang kamu persekutukan Allah dengannya."(19)

Kaum Musyrikin pernah mengajak Rasulullah s.a.w. supaya beliau berkompromi dan bersetuju mengikut agama mereka dan sebagai balasannya mereka akan bersetuju menyembah Tuhannya. Seolah-olah perkara ini suatu perkara yang mungkin berlaku, seolah-olah syirik dan Islam mungkin bertemu dalam sebuah hati dan seolah-olah 'Ubudiyah kepada Allah itu mungkin ditegakkan bersama 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah, sedangkan perkara ini adalah suatu perkara yang tidak mungkin berlaku buat selama-lamanya, kerana Allah Maha Kaya dan sama sekali tidak memerlukan sebarang perkongsian, malah Allah menuntut para hamba-Nya supaya membulatkan 'Ubudiyah kepada-Nya dan Dia tidak akan menerima 'Ubudiyah mereka kepada-Nya jika mereka campurkan 'Ubudiyah itu dengan 'Ubudiyah kepada yang lain dari-Nya sama ada sedikit atau banyak.

Walaupun ayat ini bermaksud menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya mengemukakan pernyataan kepada kaum Musyrikin bahawa beliau dilarang dari menyembah apa sahaja yang disembah dan dipertuhankan mereka selain dari Allah, tetapi pengungkapan dengan kata-kata "الذين" yang tersebut di dalam firman-Nya:

قُلْ إِنِّي نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ ۚ

"Sesungguhnya aku telah dilarang menyembah 'mereka' yang disembahkan kamu selain dari Allah"(56)

adalah satu pengungkapan yang menarik perhatian, kerana kata-kata "الذين" (mereka) adalah ditujukan kepada sembahan-sembahan yang berakal. Andainya yang dimaksudkan dengan kata-kata "mereka" itu ialah patung-patung dan berhala-berhala atau sebagainya tentulah diungkapkan dengan kata-kata "ما" (apa) menggantikan kata-kata "الذين" (mereka). Oleh sebab itu kata-kata "الذين" (mereka) itu adalah dimaksudkan dengan satu jenis sembahan-sembahan yang lain di samping patung-patung, berhala-berhala dan sebagainya iaitu sembahan-sembahan dari jenis makhluk yang berakal yang diungkapkan dengan kata-kata isim mausul "الذين" (mereka). Di sini Al-Qur'an menonjolkan sembahan-sembahan yang berakal ke atas sembahan-sembahan yang tidak berakal dan menyifatkan semua sembahan-sembahan itu sebagai sembahan-sembahan yang berakal belaka.

Pemahaman ini dari satu segi adalah sesuai dengan realiti dan dari satu segi yang lain pula sesuai dengan istilah-istilah Islamiyah di tempat ini.

Dari segi realiti kita dapati kaum Musyrikin bukan sahaja mempersekutukan Allah dengan patung-patung dan berhala-berhala, tetapi juga mempersekutukan Allah dengan makhluk-makhluk, jin, malaikat dan manusia. Mereka mempersekutukan Allah dengan manusia dalam bentuk perbuatan mereka memberi kepada manusia kuasa menggubal undang-undang dan peraturan untuk mengendalikan masyarakat dan individu-individu. Kumpulan manusia inilah yang mengadakan undang-undang dan peraturan dan menetapkan tradisi-tradisi dan seterusnya bertindak sebagai hakim yang mengadili di antara mereka dalam perbalahan-perbalahan mengikut undang-undang adat dan fikiran.

Dari segi istilah Islamiyah pula kita dapati bahawa Islam menganggapkan perbuatan memberi kuasa perundangan kepada manusia itu sebagai satu perbuatan syirik dan menganggapkan perbuatan berhakim kepada manusia dalam urusan manusia sebagai perbuatan mempertuhankan manusia dan menjadikan mereka sebagai tandingan-tandingan Allah. Allah melarang perbuatan ini sama seperti Dia melarang perbuatan menyembah patung-patung dan berhala-berhala. Kedua-duanya sama sahaja dalam pandangan Islam. Semuanya merupakan perbuatan syirik terhadap Allah dan menyembah sembahan-sembahan yang lain dari Allah.

Kemudian nada kata-kata perintah yang kedua disambung dan disempurnakan dengan nada kata-kata yang pertama:

قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُم بِهِ ۚ مَا عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ ۚ إِنِ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۖ يَقُصُّ

ٱلْحَقَّ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْفَٰصِلِينَ ﴿٥٧﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku berdiri tegak di atas bukti yang jelas dari Tuhanku, sedangkan kamu mendustakannya. Aku tidak mempunyai kuasa mengenakan 'azab yang kamu pinta supaya disegerakan itu kerana tiada kuasa yang menentukan hukuman kecuali di tangan Allah, Dialah yang berkuasa menerangkan keputusan yang benar dan Dialah sebaik-baik Pengadil."(57)

Ini merupakan perintah dari Allah S.W.T. kepada Nabi s.a.w. supaya mengemukakan pernyataan yang terus terang kepada kaum Musyrikin yang mendustakan Allah, iaitu pernyataan yang meluahkan apa yang tersemat di dalam hatinya, iaitu keyakinan yang jelas dan kukuh, bukti dalaman yang amat terang dan perasaan hati yang amat mendalam terhadap Allah, terhadap kewujudan-Nya, terhadap Wahdaniyah-Nya dan terhadap wahyu-Nya, iaitu perasaan dan kesedaran yang dialami para rasul terhadap Allah, dan mengungkapkan perasaan ini dengan ungkapan yang sama atau hampir sama dengan ungkapan itu.

Ia telah diungkapkan oleh Nuh a.s:

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَءَاتَىٰنِى رَحْمَةً مِّنْ عِندِهِۦ فَعُمِّيَتْ عَلَيْكُمْ أَنُلْزِمُكُمُوهَا وَأَنتُمْ لَهَا كَٰرِهُونَ ﴿٢٨﴾

"Ujar Nuh: Wahai kaumku! Bagaimana fikiran kamu jika aku berdiri teguh di atas bukti yang jelas dari Tuhanku dan Dia telah mengurniakan kepada aku rahmat dari sisi-Nya, tetapi bukti itu telah dikelirukan ke atas kamu. Apakah pantas bagiku memaksakannya ke atas kamu, sedangkan kamu tidak menyukainya?"

(Surah Hud: 28)

Ia telah diungkapkan oleh Soleh a.s.:

قَالَ يَٰقَوْمِ أَرَءَيْتُمْ إِن كُنتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَءَاتَىٰنِى مِنْهُ رَحْمَةً فَمَن يَنصُرُنِى مِنَ ٱللَّهِ إِنْ عَصَيْتُهُۥ ۖ فَمَا تَزِيدُونَنِى غَيْرَ تَخْسِيرٍ ﴿٦٣﴾

"Wahai kaumku! Bagaimana fikiran kamu jika aku berdiri tegak di atas bukti yang jelas dari Tuhanku dan Dia mengurniakan kepadaku rahmat dari sisi-Nya, siapakah yang akan menolongku dari 'azab Allah jika aku telah menderhakakan-Nya? Oleh itu kamu tidak dapat menambahkan untukku selain dari kerugian."

(Surah Hud: 63)

Ia telah diungkapkan oleh Ibrahim a.s:

وَحَآجَّهُۥ قَوْمُهُۥ ۚ قَالَ أَتُحَٰٓجُّوٓنِّى فِى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنِ ۚ

"Apakah kamu membantahku tentang Allah, sedangkan Dia telah mengurniakan hidayat kepadaku?"

(Surah al-An'am: 80)

Ia telah diungkapkan oleh Ya'kub a.s. kepada anak-anaknya:

فَلَمَّآ أَن جَآءَ ٱلْبَشِيرُ أَلْقَىٰهُ عَلَىٰ وَجْهِهِۦ فَٱرْتَدَّ بَصِيرًا ۖ قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّىٓ أَعْلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٩٦﴾

"Apabila tiba pembawa berita gembira ia campakkan baju Yusuf ke atas mukanya (Yaakub) lalu ia dapat melihat kembali dan terus berkata: Tidakkah aku telah katakan kepada kamu bahawa sesungguhnya aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui oleh kamu."

(Surah Yusuf: 96)

Itulah hakikat Uluhiyah yang muncul di dalam hati para anbiya' Allah. Mereka adalah dari golongan manusia, di mana Allah bertajalli di dalam hati mereka. Dan mereka merasa Allah S.W.T. sentiasa hadir di dalam hati mereka. Dan mereka dapati hakikat ini begitu jelas dan terang dalam lubuk hati mereka di samping mencurahkan keyakinan yang kukuh terhadap hakikat ini dalam hati mereka. Itulah hakikat yang diperintah Allah kepada nabi-Nya supaya mengemukakannya dengan terus terang ketika menghadapi kaum Musyrikin yang mendustakannya dan menuntut darinya supaya menunjukkan mu'jizat-mu'jizat yang dapat dijadikan bukti atas kebenaran hakikat-hakikat yang dibawa olehnya dari Allah, iaitu hakikat-hakikat yang didapatinya begitu sempurna, jelas dan mendalam di dalam hatinya:

قُلْ إِنِّى عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَكَذَّبْتُم بِهِۦ ۚ

"Sesungguhnya aku berdiri tegak di atas bukti yang jelas dari Tuhanku, sedangkan kamu mendustakan-Nya."(57)

Begitu juga mereka menuntut supaya diturunkan mu'jizat atau 'azab ke atas mereka supaya mereka dapat pastikan bahawa beliau adalah utusan yang datang dari Allah. Beliau diperintah supaya menjelaskan hakikat risalah dan hakikat Rasul kepada mereka, juga menunjukkan kepada mereka perbezaan yang mutlak di antara hakikat Rasul dan hakikat Uluhiyah iaitu menerangkan dengan jelas dan terus terang bahawa beliau tidak mempunyai kuasa menurunkan 'azab yang dipinta mereka supaya ditimpakan ke atas mereka dengan segera, kerana yang berkuasa berbuat demikian hanya Allah S.W.T. sahaja, sedangkan beliau tidak lebih dari seorang Rasul sahaja:

مَا عِندِى مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِۦٓ ۚ إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا

لِلَّهِ يَقُصُّ ٱلْحَقَّ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْفَٰصِلِينَ ﴿٥٧﴾

"Aku tidak mempunyai kuasa mengenakan 'azab yang kamu pinta supaya disegerakannya itu, kerana tiada kuasa yang menentukan hukuman kecuali di tangan Allah, Dialah yang berkuasa menerangkan keputusan yang benar dan Dialah sebaik-baik Pengadil."(57)

Pengenaan 'azab ke atas mereka setelah ditunjukkan mu'jizat kemudian mu'jizat itu didustakan mereka merupakan suatu hukuman dan keputusan Allah yang tetap dan Allah sahaja yang berkuasa menentu dan menerangkan keputusan yang benar. Dialah sahaja yang dapat membuat keputusan yang adil dalam pertikaian yang berlaku di antara penda'wah kepada kebenaran dengan-para penentang yang mendustakannya, tiada siapa pun di antara para makhluk-Nya yang berkuasa di dalam perkara ini.

Dengan pernyataan itu, Rasulullah s.a.w. membersihkan dirinya bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa kuasa dan hak campurtangan dalam urusan 'azab yang ditimpakan ke atas para hamba-Nya. Urusan ini merupakan urusan Uluhiyah dan ciri-cirinya. Sedangkan diri beliau tidak lebih dari seorang manusia yang diwahyukan Allah kepadanya agar beliau menyampaikan wahyu-wahyu itu kepada manusia dan memberi amaran kepada mereka bukannya diberi kuasa menurunkan 'azab dan menentukan keputusan. Jika Allah S.W.T. sahaja yang berkuasa menerangkan keputusan yang benar, maka Dialah juga yang berkuasa menentu dan membuat keputusan. Inilah kemuncak tanzih dan pembersihan zat Allah S.W.T. dan sifat-sifat-Nya dari zat-zat para hamba-Nya.

Kemudian beliau diperintah menyentuh hati dan akal mereka serta menarik perhatian mereka kepada satu bukti yang kuat yang menunjukkan bahawa urusan mu'jizat itu adalah dari urusan Allah dan terserah kepada kehendak masyi'ah-Nya, jika urusan mu'jizat-mu'jizat - termasuk urusan menurunkan 'azab - terletak di tangan beliau sebagai seorang manusia tentulah beliau tidak dapat menahankan dirinya dari memperkenankan permintaan mereka yang dipohon dan menggesa sedemikian rupa, tetapi oleh sebab urusan itu terletak di tangan Allah, maka Allah telah bersabar terhadap mereka dan Dia tidak menurunkan mu'jizat yang akan diikuti dengan 'azab malapetaka yang akan menghancurkan mereka sekiranya mereka masih terus mendustakan mu'jizat itu sebagaimana yang telah berlaku kepada umat-umat sebelum mereka:

قُل لَّوْ أَنَّ عِندِى مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِۦ لَقُضِىَ ٱلْأَمْرُ بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٨﴾

"Katakanlah: Jika aku mempunyai kuasa menentukan hukuman 'azab yang kamu pinta disegerakannya itu tentulah persoalan di antara aku dan kamu dapat diselesaikan (sekarang ini juga) dan Allah lebih mengetahui tentang orang-orang yang zalim."(58)

Kemampuan manusia dalam bersabar dan memberi tangguhan mempunyai batas-batasnya yang tertentu. Tiada siapa yang sanggup bersabar dalam menghadapi gelagat-gelagat manusia dan menangguhkan hukuman 'azab terhadap tindak-tanduk penderhakaan dan keangkuhan mereka melainkan hanya Allah Yang Maha Penyabar, Maha Kuat dan Maha Agung.

Amatlah benar dan tepat pernyataan Allah Yang Maha Agung itu, kerana seseorang itu pernah melihat perbuatan setengah-setengah manusia yang menghilangkan kesabarannya, tetapi apabila ia berfikir ia dapati bahawa Allah masih sanggup memberi kelapangan dan kesenangan kepada orang-orang ini di dalam kerajaan-Nya, Dia masih sanggup mengadakan makanan dan minuman untuk mereka dan kadang-kadang sanggup memberi ni'mat yang melimpah ruah kepada mereka dan membuka pintu segala-galanya untuk mereka. Dan di sini seseorang itu akan mengucapkan kata-kata yang telah diucapkan oleh Abu Bakar r.a ketika beliau dibelasah oleh kaum Musyrikin dengan teruknya hingga tidak diketahui di mana hidung dan di mana matanya. Dia berkata: "Wahai Tuhanku! Alangkah sabarnya Engkau, wahai Tuhanku! Alangkah sabarnya Engkau!" Itulah kesabaran Allah ketika mengistidrajkan mereka dari arah yang tidak diketahui mereka.

"Dan Allah lebih mengetahui tentang orang-orang yang zalim."(58)

Allah menangguhkan 'azab terhadap mereka dengan pertimbangan ilmu dan hikmat kebijaksanaan-Nya. Allah sentiasa bersabar terhadap gelagat-gelagat mereka, walaupun Dia berkuasa memenuhi permintaan-permintaan mereka kemudian menurunkan 'azab yang amat pedih ke atas mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 59)

Sesuai dengan pembicaraan mengenai ilmu Allah yang amat arif tentang manusia-manusia yang zalim dan sebagai lanjutan penjelasan tentang hakikat Uluhiyah, maka ayat-ayat berikut menjelaskan hakikat ini dalam satu bidang yang mendalam di antara bidang-bidangnya yang unik, iaitu bidang alam ghaib yang tersembunyi dan bidang ilmu Allah yang mengetahui segala sesuatu yang berada di alam ghaib. Ayat-ayat yang berikut memberi satu gambaran yang unik terhadap ilmu Allah dan melontarkan anak-anak panah jarak jauh untuk menunjukkan sejauh mana hujung-hujung sut dan ufuk-ufuk ilmu Allah:

Hakikat Ilmu Allah Yang syumul

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلۡغَيۡبِ لَا يَعۡلَمُهَآ إِلَّا هُوَۚ
وَيَعۡلَمُ مَا فِي ٱلۡبَرِّ وَٱلۡبَحۡرِۚ وَمَا تَسۡقُطُ مِن وَرَقَةٍ
إِلَّا يَعۡلَمُهَا وَلَا حَبَّةٖ فِي ظُلُمَٰتِ ٱلۡأَرۡضِ وَلَا رَطۡبٖ
وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَٰبٖ مُّبِينٖ ﴿٥٩﴾

"Dan di sisi Allah tersimpan anak-anak kunci segala perkara ghaib. Tiada siapa yang mengetahuinya kecuali Dia. Dan Dialah yang mengetahui segala sesuatu yang ada di daratan dan lautan. Dan tiada sehelai daun yang gugur melainkan diketahui oleh-Nya. Dan tiada sebutir biji di dalam kegelapan-kegelapan perut bumi dan tiada suatu yang basah dan tiada suatu yang kering melainkan semuanya tercatat di dalam sebuah buku yang amat jelas."(59)

Itulah gambaran ilmu Allah yang syumul yang meliputi segala-galanya. Tiada suatu pun yang berada di dalam zaman dan ruang yang terlepas dari pengetahuan-Nya sama ada di langit atau di bumi, sama ada di daratan atau lautan, sama ada di dalam perut bumi atau di dalam lapisan-lapisan angkasa raya, sama ada yang hidup atau yang mati dan sama ada yang kering atau yang basah.

Tetapi sejauh manakah kemampuan penjelasan kita mengenai perkara-perkara ini yang kita ungkapkan dengan uslub biasa kita manusia dibandingkan dengan penjelasan Al-Qur'an yang amat mengagumkan itu? Sejauh manakah penjelasan statistikal manusia yang abstrak dibandingkan dengan penggambaran Al-Qur'an yang amat mendalam dan penuh mengandungi saranan.

Ayat yang pendek ini membuat imaginasi manusia terbang menjelajah segala ufuk yang diketahui dan tidak diketahui dan segala pelosok alam ghaib dan alam syahadat. Ia menjelajah menyusuri bayangan ilmu Allah di merata sudut alam buana yang amat luas ini dan di sebalik perbatasan-perbatasan alam yang disaksikan pancaindera. Perasaan hati manusia berkocak dan menggeletar menerima gambar-gambar dan pemandangan-pemandangan dari setiap jalan dan lembah semasa ia menjelajah atau cuba meneroka dan meredahkan tirai-tirai ghaib yang tertutup di masa silam, di masa kini dan di masa depan yang begitu jauh jarak dan ufuknya dan begitu mendalam dimensinya dan seluruh anak kuncinya tersimpan di sisi Allah, tiada siapa yang mengetahuinya kecuali Dia. Seterusnya ia merantau di kawasan-kawasan yang belum diterokai di daratan, dan di kawasan-kawasan pedalaman lautan yang berada di dalam ilmu Allah. Ia mengikuti daun-daun yang gugur dari pokok-pokok bumi yang tidak terhitung sedangkan mata Allah melihat setiap daun yang gugur di sana sini. Ia melihat setiap biji benih yang tersembunyi dalam perut bumi yang gelap, yang tidak pernah terluput dari mata Allah. Ia mengamati setiap yang basah dan setiap yang kering di alam buana yang lebar, di mana tiada suatu pun yang terkeluar dari lingkungan ilmu Allah yang meliputi segala-galanya.

Itulah pengembaraan yang memeningkan kepala dan menakjubkan akal. Itulah penjelajahan yang melintasi jarak-jarak zaman dan ufuk-ufuk di ruang dan tempat-tempat yang sukar ditangkap oleh imaginasi yang dilukiskan oleh ayat-ayat ini dengan uslub yang begitu halus, sempurna dan syumul dengan hanya menggunakan beberapa rangkaian kata sahaja.

Itulah pernyataan yang penuh i'jaz.

Kita dapat melihat unsur Ijaz dalam ayat yang pendek dari mana-mana sudut sahaja. Itulah i'jaz yang membayangkan siapakah yang menjadi sumber Al-Qur'an ini?

Apabila kita melihat kepada ayat-ayat ini dari sudut maudhu'nya, kita dapat mengenal pasti dari pandangan pertama lagi bahawa ayat ini bukannya dari kalam yang diucapkan oleh manusia, kerana di dalam kalam ini tidak terdapat ciri pengucapan manusia. Apabila pemikiran manusia memperkatakan maudhu' kesyumulan ilmu Allah, ia tidak dapat meneroka ufuk-ufuk yang sejauh itu, kerana hujung jatuh pemikiran manusia dan ruang penerokaannya dalam maudhu' ini mempunyai ciri yang berlainan dan mempunyai batas-batas yang tertentu, kerana kefahaman-kefahaman yang diungkapkan oleh manusia itu adalah diambil dari perhatian dan pengamatan minat dan dorongan-dorongan kecenderungannya. Di sini apakah pengamatan minat dan dorongan yang menarik pemikiran manusia untuk menghitung dan mengira daun-daun yang gugur dari pokok-pokok yang terdapat di seluruh pelosok dunia? Persoalan ini dari awal-awal lagi tidak pernah terlintas di dalam hati manusia. Dengan lain perkataan, tidak pernah terdetik di dalam hatinya keinginan dan dorongan untuk mengira daun-daun yang gugur di merata ceruk alam. Oleh sebab itulah ia tidak berminat ke arah itu dan tidak terlintas di dalam hatinya untuk mengungkap dan menggambarkan alam Ilahi yang syumul itu dengan daun-daun yang gugur itu, kerana perkara daun-daun yang gugur itu hanya merupakan urusan Allah. Dialah sahaja yang berkuasa mengira dan mengungkapkannya.

Apakah minat dan dorongan yang menarik pemikiran manusia ingin memperkatakan tentang setiap biji benih yang tersembunyi di dalam perut bumi? Paling tinggi perhatian yang diberikan mereka ialah perhatian kepada biji-biji benih yang telah ditanam mereka di dalam bumi, di mana mereka menunggu proses pertumbuhan tetapi usaha memberi perhatian dan mengesani setiap biji-biji benih yang tersembunyi di dalam perut bumi adalah suatu perkara yang tidak pernah terlintas di dalam hati mereka untuk melakukannya. Usaha itu tidak

pernah terlintas di dalam hati mereka dengan tujuan untuk mengamati kewujudan benih-benih itu atau untuk mengungkapkan hakikat ilmu Ilahi yang syumul dengan benih-benih yang tersembunyi itu. Malah urusan biji-biji benih yang tersembunyi di dalam perut bumi itu merupakan suatu urusan Ilahiyah yang hanya dihitung dan diungkapkan oleh Allah Penciptanya sahaja.

Apakah pengamatan minat dan dorongan pemikiran manusia untuk mengungkapkan pernyataan yang umum seperti dalam ayat ini:

وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ

"Dan tiada suatu yang basah dan tiada suatu yang kering."(59)

Setinggi perhatian yang diberi oleh manusia dalam perkara ini ialah berusaha memikir bagaimana hendak memanfa'atkan benda-benda yang basah dan benda-benda yang kering yang ada di hadapan mereka, tetapi usaha memperkatakan benda-benda yang basah dan benda-benda yang kering sebagai bukti ilmu Allah yang syumul adalah suatu usaha yang tidak lumrah di dalam kecenderungan dan pengungkapan-pengungkapan mereka, malah urusan setiap benda yang basah dan yang kering itu adalah suatu urusan Ilahi yang hanya dihitung dan diungkapkan oleh Allah Penciptanya sahaja.

Manusia tidak pernah memikir bahawa setiap helai daun yang gugur, setiap biji benih yang tersembunyi di dalam perut bumi dan setiap benda yang basah dan setiap benda yang kering adalah tercatat semuanya di dalam sebuah buku yang jelas atau dalam satu rekod yang selamat dan terpelihara. Apakah kena mengena mereka di dalam urusan ini? Apakah faedahnya pemikiran yang seperti itu kepada mereka? Dan apakah perlunya kepada mereka mengambil berat dengan catatan-catatan seperti itu? Malah pihak yang wajar menghitung dan mencatitkan perkara-perkara yang seperti itu hanya Allah sahaja selaku Pemilik kerajaan alam, di mana tiada suatu pun yang wujud di dalam kerajaan-Nya terluput dari ilmu-Nya. Di samping itu kepada ilmu Allah yang kecil sama seperti yang besar, yang hina sama seperti yang mulia, yang tersembunyi sama seperti yang nyata, yang majhul sama seperti yang maklum dan yang jauh sama seperti yang dekat.

Pemandangan yang syumul, luas, mendalam dan indah ini atau dengan lain-lain perkataan pemandangan daun-daun yang gugur dari seluruh pokok yang wujud (di muka bumi ini), pemandangan semua biji-biji benih yang tersembunyi di seluruh perut bumi, pemandangan segala benda yang basah dan segala benda yang kering yang wujud di merata pelosok bumi ini adalah pemandangan-pemandangan yang tidak pernah di fikir dan diambil perhatian oleh manusia, juga tidak pernah di lihat dan di perhati oleh mata dan pandangan manusia, malah seluruh pemandangan yang seperti itu hanya terdedah kepada ilmu Allah sahaja, Tuhan yang melihat dan mengetahui segala sesuatu, Tuhan yang memelihara segala sesuatu, Tuhan yang mempunyai kehendak masyi'ah yang meliputi segala sesuatu yang kecil sama seperti yang besar, yang hina sama seperti yang mulia, yang tersembunyi sama seperti yang zahir, yang majhul sama seperti yang maklum dan yang jauh sama seperti yang dekat.

Orang-orang yang mengikuti perasaan-perasaan manusia dan pengungkapan-pengungkapan mereka tentulah menyedari dengan baik batas-batas kefahaman manusia dan pengungkapan mereka. Dari pengalaman mereka sebagai manusia, mereka mengetahui bahawa pemandangan seperti ini tidak pernah terlintas di dalam hati manusia, begitu juga pengungkapan yang seperti ini tidak mungkin dilakukan oleh mereka. Orang-orang yang ingin menyangkal kesimpulan ini bolehlah mengkaji seluruh perkataan dan pengucapan manusia untuk memastikan apakah mereka pernah menjurus ke arah pengungkapan Al-Qur'an yang seperti ini.

Ayat ini dan ayat-ayat lain yang sama dengannya sahaja sudah cukup untuk kita mengetahui siapakah sumber kitab Al-Qur'an yang mulia ini.

Begitu juga apabila kita melihat pengungkapan Al-Qur'an dari segi keindahan seni pengungkapan itu sendiri nescaya kita dapat melihat ufuk-ufuk keindahan dan keselarasan yang amat tinggi yang tidak dikenali oleh pengungkapan-pengungkapan ciptaan manusia yang setaraf dengan pengungkapan Al-Qur'an ini:

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ

"Dan di sisi Allah tersimpan anak-anak kunci segala urusan ghaib. Tiada siapa yang mengetahuinya kecuali Dia."(59)

Ayat ini menggambarkan hujung ufuk-ufuk dan pedalaman-pedalaman yang amat jauh di alam mahjul yang mutlak, di ruang-ruang zaman dan tempat di masa silam, di masa kini dan masa depan, juga dalam peristiwa hidup dan kefahaman-kefahaman minda.

وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ

"Dan Dialah yang mengetahui segala sesuatu yang ada di daratan dan lautan."(59)

Ayat ini juga menggambarkan hujung-hujung, ufuk-ufuk dan pedalaman alam yang dapat di lihat dengan keluasan dan kesyumulan yang sesuai dengan hujung-hujung, ufuk-ufuk dan pedalaman-pedalaman di alam ghaib yang terlindung.

وَمَا تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا

"Dan tiada sehelai daun yang gugur melainkan diketahui oleh-Nya." (59)

Ayat ini menggambarkan harakat kematian dan kemusnahan, harakat gugur dan jatuh dari atas ke bawah dan dari hayat kepada kefanaan.

وَلَا حَبَّةٍ فِي ظُلُمَٰتِ ٱلْأَرْضِ

"Dan tiada sebutir biji di dalam kegelapan-kegelapan perut bumi."(59)

Ayat ini menggambarkan harakat pertumbuhan dan kesuburan yang lahir dari data bumi kepada permukaannya dan dari keadaan tersorok dan diam kepada kemunculan dan pergerakan yang cergas.

وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

"Dan tiada suatu yang basah dan tiada suatu yang kering melainkan semuanya tercatat di dalam sebuah buku yang amat jelas."(59)

Ayat ini mengemukakan pernyataan yang menyeluruh dan syumul merangkumi hayat dan maut, perkembangan dan kelayuan pada setiap makhluk yang hidup.

Oleh itu siapakah yang menciptakan aliran pengungkapan-pengungkapan itu dan ruang tolaknya yang begitu luas? Siapakah yang menciptakan keselarasan dan keindahan pengungkapan itu? Siapakah yang menciptakan semuanya ini dalam ayat-ayat yang sependek ini? Siapa? Tiada lain melainkan Allah.

* * * * * *

Kemudian marilah kita berhenti di hadapan firman Allah yang berikut:

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ

"Dan di sisi Allah tersimpan anak-anak kunci segala perkara ghaib. Tiada siapa yang mengetahuinya kecuali Dia."(59)

Keimanan Kepada Yang Ghaib

Marilah kita berhenti sebentar untuk memberi sepatah kata tentang "perkara ghaib" dan "anak-anak kunci perkara ghaib" dan tentang ikhtisas "ilmu Allah" sahaja yang mengetahui perkara ghaib. Hakikat perkara ghaib adalah termasuk di dalam asas-asas kefahaman Islam yang asasi, kerana ia terhitung dari asas-asas 'aqidah Islamiyah yang asasi, iaitu terhitung dari rukun-rukun iman yang pokok. Kata-kata "perkara ghaib" atau "ghaibiah" seringkali disebut-sebutkan pada hari ini selepas munculnya aliran pemikiran kebendaan, dan kata-kata itu digunakan sebagai lawan kepada istilah "sains" dan "ilmiyah". Al-Qur'an menjelaskan bahawa di sana terdapat urusan ghaib yang tiada siapa mengetahui kuncinya melainkan Allah dan Al-Qur'an juga menjelaskan bahawa kadar ilmu pengetahuan yang dikurniakan kepada manusia hanya sedikit sahaja dan kadar yang sedikit yang dikurniakan Allah kepada manusia itu adalah kadar yang sesuai dengan kemampuan dan keperluan manusia mengikut ilmu Allah. Al-Qur'an seterusnya menjelaskan bahawa manusia tidak mengetahui sesuatu yang berada di sebalik kadar ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah itu melainkan dalam bentuk sangkaan dan andaian sahaja, sedangkan andaian dan sangkaan sedikit pun tidak dapat mengambil tempat kebenaran.

Allah S.W.T. juga telah menjelaskan bahawa Dia menciptakan alam buana dan mengadakan undang-undang pentadbirannya yang tetap tidak berubah kemudian Dia mengajar manusia supaya mengkaji, mempelajari, memahami dan berinteraksi dengan undang-undang itu mengikut batas-batas kemampuan dan keperluan mereka. Di samping itu Allah berjanji akan membukakan kepada mereka rahsia-rahsia undang-undang yang beroperasi di dalam diri mereka dan di dalam kejadian-kejadian yang wujud di merata pelosok alam ini untuk menambahkan keyakinan mereka bahawa segala keterangan yang datang dari Allah kepada mereka adalah benar, tetapi pembukaan rahsia undang-undang Allah yang tetap tidak berubah itu tidaklah menjejaskan kedudukan hakikat urusan ghaib yang tidak diketahui manusia, kerana ia akan terus tidak diketahui mereka. Dan pembukaan rahsia itu juga tidak menjejaskan kedudukan hakikat kebebasan kehendak masyi'ah Allah dan hakikat bahawa segala sesuatu itu adalah berlaku mengikut perencanaan dan peraturan ghaib yang tertentu dari Allah. Ia mewujudkan dan melahirkan segala kejadian ke alam kenyataan selaras dengan 'aqidah Islamiyah dan kefahaman seseorang Muslim yang berlandaskan hakikat-hakikat 'aqidah.

Seluruh hakikat yang mengandungi banyak aspek dan dikemukakan dengan cara yang selaras dan sepadu ini memerlukan sedikit penjelasan dari kami dalam tafsir fi Zilal ini dan kami akan cuba meringkaskan penjelasan itu sedapat mungkin agar tidak terkeluar dari batas-batas methodologi yang kami ikuti di dalam tafsir ini.

Allah S.W.T telah menyifatkan para mu'minin di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an sebagai kelompok orang-orang yang beriman kepada "yang ghaib", dan Allah jadikan sifat ini sebagai salah satu rukun dari rukun-rukun iman yang pokok:

الٓمٓ ﴿١﴾

ذَٰلِكَ ٱلْكِتَٰبُ لَا رَيْبَ ۛ فِيهِ ۛ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾

وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَبِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

"Alif. Lam. Mim (1). Kitab Al-Qur'an itu tiada padanya sebarang keraguan. Ia memberi hidayat kepada orang-orang yang bertaqwa (2). Iaitu orang-orang yang beriman kepada yang ghaib, mendirikan solat dan menginfaqkan sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka (3). Dan orang-orang yang beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu. Dan mereka yakin terhadap hari Akhirat (4). Merekalah orang-orang yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung."(5)

(Surah Al-Baqarah)

Beriman kepada Allah S.W.T. merupakan beriman kepada yang ghaib, kerana zat Allah S.W.T. adalah zat yang ghaib kepada manusia. Oleh kerana itu apabila mereka beriman kepada Allah, maka ertinya mereka beriman kepada yang ghaib. Mereka melihat kesan-kesan penciptaan dan tindakan Allah, tetapi mereka tidak mengetahui zatnya dan cara-cara penciptaan dan tindakan-Nya.

Begitu juga beriman kepada hari Akhirat. Ia merupakan beriman kepada yang ghaib, kerana hari Qiamat itu adalah perkara yang ghaib kepada manusia, dan segala apa yang berlaku pada hari itu seperti kebangkitan semula, hisab, pahala dan 'azab adalah semuanya merupakan perkara-perkara ghaib yang dipercayai oleh setiap mu'min demi mengakui kebenaran keterangan dari Allah S.W.T.

Keimanan kepada yang ghaib itu merangkumi keimanan kepada hakikat-hakikat yang lain yang dijelaskan oleh Al-Qur'anul-Karim ketika menerangkan sifat-sifat sebenar para mu'minin dan 'aqidah mereka yang syumul:

ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مِن رَّبِّهِۦ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۚ كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِۦ ۚ وَقَالُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۖ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾

"Rasulullah telah beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadanya dari Tuhan Pemeliharanya juga orang-orang yang beriman. Seluruh mereka beriman kepada Allah, kepada para malaikat-Nya, kepada kitab-kitab-Nya dan kepada para rasul-Nya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan di antara sesiapa pun dari rasul-rasul-Nya itu" dan mereka berkata: "Kami dengar dan kami ta'at, kami pohon keampunanmu, wahai Tuhan kami, dan kepada-Mulah tempat kembali."

(Surah Al-Baqarah: 285)

Di dalam ayat ini kita dapati Rasulullah s.a.w. dan para mu'minin adalah semuanya beriman kepada Allah - zat yang ghaib - dan beriman kepada wahyu yang diturunkan Allah kepada rasul-Nya dan wahyu itu merupakan sebahagian dari hakikat-hakikat yang diketahui oleh Rasulullah s.a.w. tentang sebahagian dari perkara-perkara ghaib sekadar yang ditentukan oleh Allah S.W.T. sebagaimana yang diterangkan di dalam ayat yang lain:

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

"Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun."(26)

إِلَّا مَنِ ٱرْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ

"Melainkan kepada Rasul yang dipilih oleh-Nya."(27)

(Surah al-Jin)

Juga beriman kepada malaikat iaitu makhluk ghaib yang tidak diketahui manusia melainkan sekadar maklumat-maklumat yang diterangkan Allah mengenai mereka dan sekadar kemampuan faham dan keperluan mereka.

Dan ada satu lagi perkara ghaib yang di wajib dipercayai sebagai rukun iman, iaitu beriman kepada qadha' dan qadar Allah. Ia merupakan perkara-perkara ghaib yang tidak diketahui oleh manusia melainkan setelah ia berlaku sebagaimana diterangkan di dalam sebuah hadith yang membicarakan keimanan:

والإيمان بالقدر خيره وشره

"Dan beriman kepada qadha' dan qadar sama ada baik atau buruk."

(Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dan Muslim)

Sebenarnya perkara-perkara ghaib di alam al-wujud ini adalah menyelubungi manusia dari segenap sudut, iaitu perkara-perkara ghaib zaman silam, perkara-perkara ghaib zaman sekarang, perkara-perkara ghaib zaman depan, perkara-perkara ghaib dalam diri dan kewujudan manusia sendiri dan perkara-perkara ghaib alam buana di sekelilingnya seperti asal usul kejadian hayat dan garis perjalanannya. Seterusnya perkara-perkara ghaib mengenai tabi'at hayat dan pergerakannya, perkara-perkara ghaib dalam perkara-perkara yang tidak diketahui dan perkara-perkara yang diketahui manusia.

Manusia sebenarnya merenangi lautan majhul sehingga di sa'at ini ia tidak tahu apakah yang sedang berlaku di dalam dirinya sendiri apatah lagi hendak mengetahui segala sesuatu yang sedang berlaku di alam sekelilingnya dan apatah lagi hendak mengetahui apa yang akan berlaku selepas sa'at ini kepada dirinya, kepada alam di sekelilingnya kepada setiap atom dan elektronnya dan kepada setiap sel dan bahagiannya.

Itulah perkara-perkara ghaib dan perkara-perkara majhul, sedangkan akal manusia selaku sebuah pelita yang dekat jarak suarannya hanya dapat menerangi lautan yang majhul, di mana ia hanya dapat berhenti di mana-mana pulau yang terapung di sana sini untuk dijadikan pulau-pulau tanda di dalam perjalanan meredah lautan yang luas itu. Jika tidak kerana pertolongan Allah kepada manusia, jika tidak kerana

kemurahan Allah menundukkan alam ini kepada mereka dan mengajar mereka sebahagian dari undang-undang alam buana ini kepada mereka sudah tentu mereka tidak dapat berbuat apa-apa, tetapi manusia tidak bersyukur!

وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ ٱلشَّكُورُ ١٣

"Dan sedikit sekali di antara para hamba-Ku yang bersyukur."

(Surah Saba': 13)

Malah manusia pada hari ini merasa begitu angkuh kerana dapat mengetahui rahsia-rahsia dan undang-undang alam yang dibukakan Allah kepada mereka. Mereka merasa begitu angkuh dengan sekelumit ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah kepada mereka. Mereka merasa begitu angkuh hingga kadang-kadang sanggup mendakwa: "Manusia boleh berdiri sendiri".[15] dan tidak lagi memerlukan Tuhan untuk menolong mereka. Kadang-kadang mereka dengan angkuh mendakwa bahawa istilah "sains" adalah lawan kepada istilah "hakikat yang ghaib", dan istilah "ilmiyah" di dalam cara berfikir dan mengurus adalah lawan kepada istilah "kepercayaan kepada hakikat yang ghaib", dan seterusnya mereka mendakwa di sana tidak ada titik pertemuan di antara "hakikat sains" dengan "hakikat ghaib" dan tidak ada pertemuan di antara 'aqliyah yang percaya kepada sains dengan 'aqliyah yang percaya kepada hakikat yang ghaib.

Marilah kita melihat seimbas kedudukan "sains" di hadapan "hakikat ghaib" di dalam kajian-kajian dan pendapat-pendapat ahli sains dari umat manusia sendiri setelah kita berdiri di hadapan kenyataan yang tegas yang telah diucapkan oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya tentang ilmu manusia yang sedikit dan sekelumit itu:

"Dan kamu tidak di kurniakan ilmu pengetahuan kecuali sedikit sahaja."

(Suruh al-Isra': 85)

إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَمَا تَهْوَى ٱلْأَنفُسُ ۖ وَلَقَدْ جَآءَهُم مِّن رَّبِّهِمُ ٱلْهُدَىٰٓ ٢٣

"Mereka tidak mengikut melainkan hanya andaian dan apa yang disukai nafsu mereka walaupun mereka telah didatangi hidayat dari Tuhan mereka."

(Surah an-Najm: 23)

Seluruh hakikat yang ghaib itu tersimpan di dalam ilmu-Nya sahaja:

"Dan di sisi Allah tersimpan anak-anak kunci segala perkara yang ghaib, tiada siapa yang mengetahui kecuali Dia."

(Surah al-An'am: 59)

Dan siapa yang mengetahui perkara ghaib, maka dialah yang dapat melihat hakikat yang sebenar:

أَعِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْغَيْبِ فَهُوَ يَرَىٰٓ ٣٥

"Apakah ia mempunyai pengetahuan mengenai perkara yang ghaib, maka kerana itu ia mengetahui."

(Surah an-Najm: 35)

Semua ayat-ayat ini dengan sendirinya menerang pengertian-pengertiannya dengan jelas.

Marilah kita melihat seimbas kedudukan "sains" di hadapan "hakikat kuasa ghaib" di dalam kajian-kajian dan pendapat-pendapat ahli sains dari kalangan manusia dan ini bukan bermaksud untuk dijadikan kajian-kajian dan pendapat-pendapat itu sebagai bukti kebenaran kenyataan-kenyataan Allah S.W.T. yang tegas ini, kerana tidak pantas bagi seorang mu'min membenarkan kenyataan-kenyataan Allah dengan bukti-bukti dari pendapat manusia, tetapi tujuan kita berdiri di sini ialah untuk mengadili mereka yang banyak bercakap tentang istilah "sains" dan "hakikat kuasa ghaib", istilah "hakikat ilmiyah" dan "hakikat kuasa ghaib" di hadapan pendapat manusia sendiri yang dipercayai mereka supaya mereka mengetahui bahawa mereka harus berusaha mendapat pendidikan dan ilmu pengetahuan agar mereka dapat hidup di zaman mereka tanpa ketinggalan dari pemikiran-pemikiran zamannya dan hasil-hasil ujiannya, dan seterusnya supaya mereka yakin bahawa "hakikat ghaib" itulah satu-satunya hakikat ilmiyah yang diyakini kebenarannya di sebalik segala ujian, penyelidikan-penyelidikan dan ilmu pengetahuan manusia itu sendiri. Dan istilah "ilmiyah" yang berlandaskan ujian dan hasil-hasil penyelidikan yang terakhir adalah menyamai istilah "hakikat kuasa ghaib", sedangkan istilah yang sebenar yang menjadi lawan istilah "hakikat kuasa ghaib" ialah "hakikat kejahilan", iaitu kejahilan yang hidup di abad-abad yang ketujuh belas, yang kelapan belas dan mungkin yang kesembilan belas, tetapi kejahilan ini tidak hidup di abad kedua puluh!

Hakikat Ilmu Sains

Seorang ahli sains Amerika yang semasa telah menjelaskan tentang "hakikat-hakikat" yang telah dicapai oleh sains keseluruhannya:

"Pengetahuan-pengetahuan sains merupakan hakikat-hakikat yang teruji, namun demikian pengetahuan-pengetahuan itu adalah terpengaruh kepada imaginasi manusia dan prasangka-prasangkanya, juga terpengaruh kepada sejauh mana

---

[15] *Nama buku "Man Stands Alone" (1941) oleh tokoh ateis Julian Sorell Huxley.*

kehalusan dan kehematannya dalam membuat pengamatan-pengamatan, perhatian-perhatian, pemerian dan kesimpulannya. Hasil-hasil pengetahuan sains adalah diterima di dalam batas-batas ini sahaja. Oleh sebab itu hakikat pengetahuan sains hanya terbatas di bidang-bidang yang berhubung dengan kuantiti dari segi pemerian dan ramalan. Hakikat-hakikat sains itu dimulakan dengan kemungkinan-kemungkinan, kemudian berakhir dengan kemungkinan-kemungkinan juga bukannya berakhir dengan keyakinan. Oleh sebab itu hasil-hasil pengetahuan sains adalah bersifat lebih kurang dan terdedah kepada salah silap yang mungkin berlaku ketika membuat analogi dan perbandingan-perbandingan. Hasil-hasil kajian sains adalah bersifat ijtihadiyah yang boleh dipinda dengan ditokok tambah atau di kurang buang. Ia bukannya bersifat muktamad atau final. Oleh sebab itu kita dapat melihat apabila seorang ahli sains menemui sesuatu undang-undang atau sesuatu teori ia berkata: Inilah hasil penemuan yang kami capai setakat ini, kemudian ia tinggalkan pintu penyelidikan itu terbuka untuk pindaan-pindaan, yang mungkin diterima kemudian.[16]

Pandangan ini merumuskan hakikat seluruh hasil-hasil kajian yang telah dicapai oleh sains, juga hasil kajian yang boleh dicapai oleh sains.

Selama manusia mempunyai sarana-sarana yang terbatas dan kewujudan yang terbatas - dibandingkan dengan hakikat azali dan abadi - maka usahanya untuk mencapaikan hasil-hasil kajian ini sudah tentu mempunyai ciri-ciri keterbatasan manusia. Hasil-hasil kajian itu sama dengan sifat-sifat manusia yang terbatas. Ia terdedah kepada salah dan betul, boleh dipinda dan diubah.

Cara Sains Membuat Kesimpulan

Sarana yang digunakan oleh manusia untuk mendapat sesuatu hasil kajian ilmiyah ialah ujian dan analogi atau perbandingan. Oleh itu ia membuat ujian-ujian kemudian hasil ujian-ujian itu dijadikan satu kesimpulan yang menyeluruh melalui perbandingan, sedangkan perbandingan itu sendiri - mengikut pengakuan sains dan ahli sains - adalah satu sarana yang membawa kepada hasil kesimpulan yang bersifat zanni atau andaian dan tidak mungkin selamanya bersifat muktamad dan final. Sarana yang satu lagi ialah sarana ujian dan penyelidikan yang menyeluruh dengan erti ujian itu harus dilakukan secara menyeluruh ke atas segala jenis yang sama dengan jenis yang dilakukan ujian-ujian terhadapnya di setiap masa dan suasana, tetapi sarana yang seperti ini tidak disediakan kepada manusia, sedangkan sarana ini merupakan salah satu sarana yang membawa kepada hasil-hasil kajian yang muktamad dan tiada sarana lain yang dapat menyampaikan kepada hasil-hasil kajian yang muktamad dan hakikat-hakikat yang diyakini kecuali dengan perantaraan hidayat atau petunjuk Allah yang diterangkan kepada manusia. Oleh sebab itu segala ilmu pengetahuan manusia yang lain dari ilmu pengetahuan yang diterangkan Allah kepada mereka akan kekal sebagai ilmu pengetahuan yang bersifat zanni atau andaian dan tidak sampai ke darjat yakin.

Perkara yang ghaib tetap menyelubungi di sekeliling manusia di sebalik ilmu pengetahuan, yang bersifat andaian yang telah dicapai olehnya.

Dalam kajiannya terhadap alam buana di sekelilingnya, manusia masih lagi berada dalam peringkat membuat andaian-andaian dan teori-teori tentang asal-usul alam, penciptaan dan tabi'atnya, tentang harakat alam, tentang zaman dan ruang dan tentang hubungan alam dengan zaman dan hubungan segala yang berlaku di alam ini dengan zaman dan ruang.

Juga tentang hayat, bagaimana punca dan asal usul penciptaannya, bagaimana tabi'at hayat dan garis perjalanannya? Apakah faktor yang memberi kesan kepada hayat dan apakah hubungan hayat dengan kewujudan kebendaan ini andainya di alam buana ini ada "benda", yang mempunyai tabi'at yang berlainan dari tabi'at "fikiran" juga berlainan dari tabi'at "tenaga" umumnya.

Juga tentang "manusia" sendiri, apakah dia? Apakah yang membezakan manusia dari "benda" dan apakah yang membezakannya dari makhluk-makhluk hidup yang lain? Bagaimana manusia datang ke bumi ini dan bagaimana ia bertindak? Apakah hakikat akal yang membuat manusia berbeza dari makhluk yang lain dan dapat bertindak dengan pertolongannya? Apakah akhir kesudahan manusia selepas ia mati dan hancur.

Juga tentang entiti manusia itu sendiri, apakah gerak kerja merombak dan menyusun yang berlaku di dalam dirinya pada setiap sa'at dan bagaimana kerja-kerja itu berlangsung.[17]

Semuanya itu merupakan medan-medan perkara-perkara ghaib, di mana sains hanya dapat berdiri di pinggir-pinggirnya sahaja dan hampir-hampir tidak dapat menembusinya walaupun secara kefahaman zanni dan tarjih atau memilih kemungkinan-kemungkinan yang lebih besar. Kajian di medan-medan tidak lebih dari andaian-andaian dan kemungkinan-kemungkinan sahaja!

Marilah kita tinggalkan sebentar hakikat-hakikat yang begitu sedikit dibicarakan oleh sains di dalam

[16] *Dipetik dari makalah "The Lesson of the Rosebush" (Pelajaran Dari Pokok Mawar) oleh Meritt Stanley Congdon, seorang ahli fizik dan falsafah yang termuat dalam buku "The Evidence of God in an Expanding Universe"(New York: Putnam, 1958) yang telah diterjemahkan oleh Dr. ad-Damardas Abdul Majid Sarhan (الدمرداس عبد المجيد سرحان) ke dalam bahasa Arab sebagai "الله يتجلى في عصر العلم".*

[17] *Dari buku "Man, The Unknown" (1935) oleh Alexis Carrel.*

abad ini seperti hakikat ketuhanan dan hakikat alam-alam yang lain seperti alam-alam malaikat, jin dan kejadian-kejadian majhul yang hanya diketahui oleh Allah sahaja, juga seperti hakikat maut, hakikat alam Akhirat dan hakikat hisab dan balasan. Marilah kita tinggalkan semua hakikat ini sebentar, cukuplah kita membicarakan tentang hakikat-hakikat ghaib yang dekat sahaja, di mana sains mengambil pendirian mengaku kalah dan menyerah bulat dan tiada yang keluar dari pengakuan ini kecuali mereka yang lebih mengutamakan perdebatan dan pertengkaran dari "ilmu", atau lebih suka menunjukkan sifat yang angkuh dari sifat yang ikhlas.

Marilah kita kemukakan beberapa contoh (perkara-perkara ghaib yang dekat):

Pertama, kajian mengenai atom yang menjadi asas binaan alam dan perilakunya:

Mengikut kajian sains moden, atom merupakan asas (atau asal-usul) binaan alam buana dan ia bukannya unit yang paling kecil di dalam binaan alam ini, malah atom adalah tersusun dari proton-proton (tenaga elektrik yang positif dan elektron-elektron (tenaga elektrik yang negatif) dan neutron-neutron (tenaga yang berkecuali yang terdiri dari tenaga elektrik yang positif dan tenaga elektrik yang negatif yang seimbang dan diam). Apabila atom itu dipecahkan, maka elektron-elektron menjadi bebas, tetapi elektron-elektron ini tidak bertindak di dalam makmal dengan tindakan-tindakan yang bersifat pasti dan sama. Kadang-kadang ia bertindak seakan-akan gelombang dan kadang-kadang seakan-akan ledakan-ledakan, tetapi tindakan-tindakan akan datang atau tindakan selanjutnya tidak dapat ditentukan lebih dahulu, malah ia tunduk kepada satu undang-undang yang lain yang tidak bersifat pasti, iaitu undang-undang kemungkinan. Begitu juga atom itu sendiri dan kumpulan atom-atom yang terbatas (dalam bentuk juzu'-juzu' yang kecil) mempunyai perilaku yang sama.

Ahli sains Inggeris Sir James Hopwood Jeans (profesor ilmu fizik dan matematik) berkata:

"Sains lama telah membuat kenyataan yang penuh yakin bahawa alam hanya mampu mengikut satu jalan sahaja, iaitu jalan yang telah ditentukan sebelum ini supaya diikuti olehnya dari permulaan zaman hingga ke akhirnya mengikut tasalsul atau urutan yang berterusan di antara sebab dan musabab (cause and effect), di mana kes (A) pasti diikuti kes (B), tetapi mengikut sains moden apa yang dapat di katakan olehnya hingga sekarang ialah kes (A) mungkin diikuti kes (B) atau (J) atau (D) atau lainnya dari kes-kes yang tidak dapat dihitung dengan betul. Ya, sains moden boleh berkata bahawa berlakunya kes (B) lebih banyak kemungkinannya dari berlakunya kes (J) dan kes (J) lebih banyak kemungkinannya berlakunya dari kes (D) dan beginilah seterusnya, malah sains moden dapat menentukan darjat kemungkinan berlakunya mana-mana kes dari kes-kes (B), (J) dalam hubungan satu sama lain, tetapi ia tidak dapat meramalkan dengan penuh keyakinan manakah kes-kes yang mengikuti kes yang lain, kerana sains moden selamanya berbicara tentang sesuatu yang mungkin. Adapun sesuatu yang pasti berlaku adalah terserah kepada penentuan taqdir walau bagaimana sekalipun hakikat taqdir itu".

Apakah hakikat perkara ghaib itu dan apakah pula taqdir Allah yang ghaib itu? Tiada lain melainkan hakikat yang tidak dapat dijangkau oleh ujian-ujian manusia, dan ujian-ujian itu hanya mampu berdiri di ambang-ambang hakikat ghaib dalam jantung alam dan atom-atomnya.

Kemudian beliau memberi satu contohnya, iaitu pancaran radiasi atom-atom radium bagaimana ia berubah kepada plumbum dan gas Helium dan bagaimana ia tunduk sepenuhnya kepada perencanaan yang majhul dan kepada hakikat ghaib yang tersembunyi, yang tidak diketahui oleh ilmu manusia:

"Marilah kita kemukakan satu contoh fizikal untuk menambahkan kejelasannya. Sebagaimana diketahui umum bahawa atom-atom radium dan lain-lainnya dari bahan-bahan yang mempunyai pancaran radiasi akan menjadi hancur sebaik sahaja ia dilalui masa dan meninggalkan di belakangnya atom-atom plumbum dan helium. Oleh sebab itulah saiz setumpuk radium itu terus menerus berkurangan dan tempatnya diambil alih oleh plumbum dan helium. Undang-undang 'am yang mengendalikan kadar kekurangan itu amat aneh sekali, iaitu cara sejumlah radium itu berkurangan sama dengan cara bilangan penduduk berkurangan jika tidak ada anak-anak yang baru lahir, dan nisbah kematian setiap orang penduduk adalah satu sahaja tanpa memandang kepada peringkat umur atau ia berkurangan sama seperti berkurangnya bilangan anggota satu ketumbukan tentera yang terdedah kepada peluru-peluru yang ditembak ke arah mereka secara serampangan dan tanpa ditujukan kepada mana-mana anggota tentera yang tertentu. Pendeknya ketuaan umur tidak mempunyai apa-apa kesan dalam sebiji atom radium. Ia tidak mati kerana ia telah menghabiskan habuan hidupnya malah kerana maut telah melandanya secara serampangan.[18]

---

[18] *Demikianlah kata tokoh ini. Di sini kita hanya mengambil pendapatnya tentang hasil kajian ilmiah yang dicapai oleh ujian dan deskripsi gejala alam. Ada pun kenyataan beliau yang mengatakan maut itu melanda secara serampangan adalah tidak penting kepada kita. Bagi kita, kita yakin bahawa ia dilanda maut kerana ia telah menghabiskan habuan hidupnya dan kerana maut itu melandanya dengan ketetapan yang telah ditentukan oleh taqdir Allah yang mengetahui hikmat-Nya dan tiap-tiap suatu itu mempunyai ajal masing-masing. Dan dalam konteks ini tidak ada beza di antara atom radium dengan mana-mana benda atau mana-mana makhluk hidup yang lain. Manusia juga mati seperti ini apabila sampai ajalnya yang tersembunyi dari pandangan mata.*

"Marilah kita terangkan hakikat ini dengan satu contoh fizikal. Kita kata: Andainya di dalam bilik kita ini ada 2000 atom radium, maka sains tidak dapat mengatakan berapa banyak dari atom-atom itu yang akan kekal hidup selepas dilalui setahun. Apa yang dapat di katakan olehnya hanya menyebut kemungkinan-kemungkinan yang mengatakan atom-atom itu kekal hidup sebanyak 2000 atau 1999 atau 1998 dan seterusnya, dan kemungkinan yang lebih banyak di dalam realiti ialah sebanyak 1999, yakni kemungkinan yang paling besar hanya satu atom sahaja dan tidak lebih dari itu yang menghancur pada tahun yang berikut.

"Kita tidak dapat ketahui dengan cara apakah sebiji atom yang tertentu itu dipilih sebagai atom yang menghancur di antara 2000 atom itu. Pada mulanya kita kadang-kadang merasa ingin membuat andaian bahawa atom ini merupakan satu atom yang paling banyak terdedah kepada perlanggaran-perlanggaran dari atom-atom yang lain atau terjatuh di tempat yang paling panas atau bersua dengan sebab-sebab yang lain dari sebab-sebab tersebut pada tahun selanjutnya, tetapi semua andaian itu tidak betul, kerana jika kesan perlanggaran atau kepanasan itu boleh menghancurkan sebiji atom, maka ia juga boleh menghancurkan 1999 atom yang baki itu, ini bererti kita boleh memecahkan radium dengan hanya menekan atau memanaskannya sahaja, tetapi setiap ahli ilmu fizik menekankan bahawa andaian ini adalah mustahil, malah mereka lebih kuat percaya bahawa setiap tahun kematian hanya akan menimpa satu atom sahaja dari setiap 2000 atom radium dan memaksakannya hancur. Ini adalah teori kehancuran Spontaneous Disintegration yang telah diasaskan oleh Rutherford dan Soddy di dalam tahun 1903."

Jika demikian apakah taqdir atau kuasa yang ghaib itu jika ia bukannya taqdir atau kuasa yang menyebabkan atom-atom itu mengeluarkan radiasi tanpa pilihan dan pengetahuan darinya atau dari sesiapa?

Tokoh ahli sains yang mengeluarkan pendapat ini bukannya bertujuan untuk menjelaskan taqdir atau kuasa Ilahi yang tersembunyi dari pengetahuan manusia, malah ia berusaha untuk melarikan diri dari tekanan hasil kajian ilmiyah yang telah dicapai oleh ilmu manusia sendiri, tetapi hakikat kuasa ghaib memaksakan kewujudannya ke atas beliau dengan sedemikian rupa yang dapat di lihat oleh kita.

Kedua, jika hakikat kuasa ghaib memaksakan kewujudannya ke atas atom dan pergerakan yang menjadi asas atau punca pembinaan alam, maka hakikat kuasa ghaib juga memaksakan kewujudannya di atas asas dan punca kelahiran dan kemunculan hayat dan pergerakannya dengan kekuatan yang sama yang terdapat di dalam hasil-hasil kajian yang dicapai oleh ilmu manusia.

Seorang ahli sains kejadian-kejadian yang bernyawa dan tumbuh-tumbuhan, iaitu Russell Charles Earnest, profesor di Universiti Frankfurt, Jerman telah berkata:

"Pelbagai teori telah dikemukakan untuk mentafsirkan asal-usul kemunculan hayat dari alam kejadian-kejadian yang tidak bernyawa. Setengah-setengah pengkaji berpendapat bahawa hayat itu muncul dari protogene atau dari virus atau dari perkumpulan molekul-molekul protein yang besar. Kadang-kadang setengah-setengah orang memikir bahawa teori ini dapat mengisi jurang yang memisahkan di antara alam kejadian-kejadian yang bernyawa dan alam kejadian-kejadian yang tidak bernyawa, tetapi hakikat sebenar yang harus diterima oleh kita ialah segala usaha yang telah dicurahkan untuk mendapat satu kejadian yang bernyawa yang muncul dari kejadian yang tidak bernyawa telah menemui kegagalan dan kekecewaan yang amat menghampakan. Walaupun begitu, namun mereka yang mengingkarkan kewujudan Allah tidak dapat mengemukakan bukti secara langsung kepada dunia yang ingin tahu bahawa semata-mata wujudnya perkumpulan atom-atom dan molekul-molekul secara kebetulan itu boleh membawa kepada kemunculan hayat serta boleh memelihara dan mengarahkan hayat itu dengan bentuk yang kita lihat di dalam sel-sel yang hidup. Setiap orang bebas untuk menerima teori ini dalam mentafsirkan asal usul kemunculan hayat. Ini urusan peribadinya, tetapi apabila ia menerima teori ini, maka ertinya ia menerima satu teori yang lebih sukar difahami oleh akal dari kepercayaan yang mempercayai kewujudan Allah yang telah mencipta dan mentadbirkan segala sesuatu.

"Saya percaya bahawa kerumitan dan kecanggihan setiap sel yang hidup itu telah mencapai tahap yang menyulitkan kita untuk memahaminya, begitu juga saya percaya bahawa jutaan sel hidup yang terdapat di muka bumi ini semuanya mengakui qudrat kuasa Allah dengan pengakuan yang berlandaskan fikiran dan logik. Oleh sebab itu saya beriman kepada kewujudan Allah dengan keimanan yang teguh."[19]

Apa yang penting kepada kami di sini ialah pengakuan ahli sains bahawa rahsia hayat dan asal-usul kejadiannya merupakan salah satu dari hakikat ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja sama seperti asal-usul kejadian alam dan pergerakannya, yang mana manusia tidak mengetahuinya selain dari andaian-andaian dan kemungkinan-kemungkinan sahaja. Amatlah tepat firman Allah:

---

[19] *Dari satu bab yang berjudul "Sel-sel Yang Hidup Melaksanakan Misinya" dalam buku "Allah Muncul Di Dalam Zaman Sains" (الله يتجلى في عصر العلم). Sila lihat nota kaki sebelum ini di bawah tajuk kecil "Hakikat Ilmu Sains". Kami ingin mengingatkan bahawa tujuan kami membuat petikan-petikan ini ialah untuk berbicara dengan ahli-ahli sains materialis dengan bahasa mereka sendiri dan ini bukanlah suatu pengakuan dari kami terhadap kesahihan segala pendapat yang kami petikkan itu, juga terhadap kesahihan methodologi pemikiran dan pengungkapannya dalam persoalan yang kami bentangkan di sini.*

مَّآ أَشْهَدتُّهُمْ خَلْقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَا خَلْقَ أَنفُسِهِمْ

"Aku tidak menghadirkan mereka sebagai saksi dalam penciptaan langit dan bumi dan tidak juga dalam penciptaan diri mereka sendiri."

(Surah al-Kahfi: 51)

Yang ketiga: Marilah kita membuka langkah yang luas supaya cepat sampai kepada pembicaraan tentang penciptaan atau asal-usul kejadian manusia. Satu pancutan air mani lelaki mengandungi kira-kira 60 juta ekor jejentik mani (sperma) dan semuanya bergerak berlumba-lumba untuk bercantum dengan telur perempuan di dalam rahim perempuan dan tiada siapa yang mengetahui mana satu jejentik mani di antara 60 juta jejentik mani itu yang berjaya mendahului jejentik-jejentik mani yang lain. Ini adalah satu perkara ghaib atau ini adalah satu perencanaan kuasa ghaib yang tidak diketahui oleh ilmu manusia termasuk lelaki dan perempuan yang memainkan peranan dalam pemancutan mani dan mengeluarkan telur. Kemudian jejentik mani yang berjaya mendahului jejentik-jejentik mani yang lain yang berjumlah 60 juta ekor itu akan sampai kepada telur perempuan lalu bercantum dan bersenyawa dengannya atau membentuk satu sel yang bersenyawa yang akan melahirkan janin. Oleh sebab kromosom-kromosom telur perempuan itu sejenis sahaja, iaitu betina belaka, sedangkan kromosom-kromosom jejentik mani lelaki terdiri dari kromosom-kromosom jantan dan betina, maka dominasi bilangan kromosom-kromosom jantan atau kromosom-kromosom betina pada jejentik mani yang bercantum dan bersenyawa dengan telur perempuan itulah yang menentukan jenis janin sama ada lelaki atau perempuan, dan penentuan ini adalah tunduk kepada perencanaan Allah yang ghaib yang tiada diketahui dan dicampurtangan oleh manusia termasuk kedua-dua ibubapa janin itu sendiri:

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ وَكُلُّ شَيْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ ﴿٩﴾

"Allah mengetahui apa yang dikandung oleh setiap perempuan dan isi kandungan rahim yang kurang dan isi kandungan rahim yang lebih dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi (8). Dialah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nampak, Yang Maha Besar dan Maha Tinggi."(9)

(Surah ar-Ra'd)

لِّلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۚ يَهَبُ لِمَن يَشَآءُ إِنَٰثًا وَيَهَبُ لِمَن يَشَآءُ ٱلذُّكُورَ ﴿٤٩﴾ أَوْ يُزَوِّجُهُمْ ذُكْرَانًا وَإِنَٰثًا ۖ وَيَجْعَلُ مَن يَشَآءُ عَقِيمًا ۚ إِنَّهُۥ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٥٠﴾

"Allah memiliki langit dan bumi. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Dia mengurniakan anak perempuan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan mengurniakan anak lelaki kepada siapa yang dikehendaki-Nya (49). Atau Dia mengurniakan kepada mereka anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan dan menjadikan mandul sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Kuasa."(50)

(Surah asy-Syura)

يَخْلُقُكُمْ فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ خَلْقًا مِّنۢ بَعْدِ خَلْقٍ فِى ظُلُمَٰتٍ ثَلَٰثٍ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٦﴾

"Dia menjadikan kamu dalam perut ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari satu kejadian kepada satu kejadian dalam tiga kegelapan. Semuanya itu diciptakan oleh Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit dan bumi), tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu bagaimana kamu boleh dipesongkan?"

(Surah az-Zumar: 6)

Inilah hakikat kuasa ghaib yang membuat manusia berdiri hairan di hadapannya di abad dua puluh ini. Sementara ahli-ahli sains yang hidup dengan cebisan-cebisan ilmu dari abad-abad yang silam menganggap bahawa hakikat kekuasaan ghaib itu adalah bertentangan dengan hakikat ilmiyah dan mana-mana masyarakat yang ingin hidup dengan mentaliti ilmiyah harus membebaskan dirinya dari mentaliti yang percaya kepada kekuasaan ghaib, sedangkan ilmu manusia di abad dua puluh itu sendiri menegaskan bahawa segala hasil kajian yang telah dicapai oleh manusia adalah hasil-hasil yang bersifat kemungkinan-kemungkinan sahaja dan satu-satunya hakikat yang diyakini ialah kewujudan hakikat kuasa ghaib yang tidak dapat diragui lagi.

Tetapi sebelum kami tinggalkan hentian kami di hadapan hakikat kuasa ghaib ini, kami sewajarnya memberi sepatah kata tentang tabi'at kuasa ghaib di dalam kefahaman dan mentaliti Islam.

Al-Qur'anul-Karim - selaku sumber asasi 'aqidah Islamiyah yang membentuk kefahaman dan mentaliti Islam - telah menjelaskan tentang kewujudan alam ghaib dan alam nyata, tetapi tidak semua yang

melingkungi manusia itu ghaib belaka dan tidak semua kuasa-kuasa alam yang berinteraksi dengan manusia itu majhul belaka.

Di sana terdapat undang-undang alam yang tetap, yang dapat diketahui oleh manusia sekadar yang diperlukan mereka mengikut kadar keupayaan dan keperluan mereka untuk mengendalikan urusan khalifah di bumi. Allah telah mengurniakan kepada manusia kebolehan mengetahui sejumlah undang-undang yang diperlukan mereka, juga kebolehan mempergunakan kuasa-kuasa alam mengikut undang-undang tersebut untuk mentadbirkan urusan khalifah, membangunkan bumi dan memajukan kehidupan serta memanfa'atkan makanan-makanan, rezeki-rezeki, dan tenaga-tenaga yang ada padanya.

Di samping undang-undang alam yang tetap ini - pada keseluruhannya - ialah kehendak masyi'ah Allah yang bebas, yang tidak terikat kepada undang-undang ini walaupun ia dari ciptaan-Nya. Di sana juga terdapat keputusan-keputusan Allah yang melaksanakan undang-undang ini pada setiap kali pelaksanaannya. Undang-undang itu bukannya bersifat automatik semata-mata, malah keputusan-keputusan Allah itulah yang mengendalikan segala pergerakan walaupun pergerakan itu mengikut undang-undang yang telah ditetapkan Allah kepadanya. Keputusan Allah yang melaksanakan undang-undang ini pada setiap kali pelaksanaannya merupakan rahsia "ghaib" yang tiada siapa mengetahuinya dengan penuh keyakinan. Sejauh yang dapat diketahui oleh mereka tidak lebih dari andaian-andaian dan kemungkinan-kemungkinan sahaja. Inilah juga hakikat yang dii'tirafkan oleh ilmu manusia.

Jutaan proses berlaku di dalam diri manusia pada setiap detik dan semuanya merupakan perkara-perkara ghaib kepada manusia walaupun ia berlaku di dalam dirinya sendiri. Demikianlah juga jutaan proses yang sama berlaku di alam sekelilingnya di luar pengetahuannya.

Rahsia-rahsia ghaib itu menyelubungi masa silam manusia dan alam buana, menyelubungi masa kininya dan masa kini alam dan seterusnya menyelubungi masa depannya dan masa depan alam buana. Inilah hakikat yang berlaku walaupun di sana ada undang-undang alam yang tetap, yang mana sebahagiannya diketahui oleh manusia dan di manfa'atkan olehnya secara ilmiyah yang teratur untuk melaksanakan tugas khalifahnya.

Manusia datang ke alam ini di luar kemahuannya, dan masa kedatangannya juga di luar pengetahuannya. Dan manusia akan keluar meninggalkan alam ini di luar kemahuannya dan masa keluarnya juga di luar pengetahuannya. Hal yang sama juga berlaku kepada setiap makhluk yang bernyawa. Walau sejauh mana ilmu pengetahuan yang dipelajari dan diketahui manusia namun ia tidak akan dapat mengubahkan realiti ini sedikit pun.

Mentaliti Islamiyah adalah mentaliti ghaibiyah dan ilmiyah, kerana ghaibiyah itu ialah ilmiyah mengikut pengakuan sains dan realiti. Adapun sikap yang mengingkarkan kuasa ghaib itulah jahilisme yang membuat penganutnya berpura-pura tahu dan mengerti walaupun mereka jahil.

Mentaliti Islamiyah mengumpulkan di antara kepercayaan kepada kuasa dan rahsia-rahsia ghaib yang tersembunyi yang tiada siapa mengetahui kuncinya melainkan Allah dengan kepercayaan kepada undang-undang alam yang tetap tidak berubah yang membolehkan manusia mengetahui aspek-aspek yang diperlukan oleh kehidupannya di bumi untuk berinteraksi dengannya mengikut peraturan-peraturan yang tetap. Oleh itu seseorang Muslim tidak terluput dari mengetahui ilmu-ilmu manusia di dalam berbagai-bagai bidangnya di samping mengetahui hakikat yang sebenar, iaitu di sana terdapat rahsia-rahsia ghaib yang tidak didedahkan Allah kepada sesiapa kecuali mereka yang dikehendaki-Nya dan mengikut kadar yang dikehendaki-Nya.

Beriman kepada yang ghaib merupakan ambang yang harus dilalui manusia untuk melewati martabat haiwan yang tidak dapat memahami selain dari apa yang dapat ditangkap oleh pancainderanya, kepada martabat insan yang dapat memahami bahawa alam al-wujud ini adalah lebih besar dan lebih syumul dari ruang-ruang alam fizikal yang kecil dan hanya terbatas dalam lingkungan yang dapat ditangkap oleh pancaindera atau oleh alat-alat teknikal yang merupakan kesinambungan kepada pancaindera. Ini adalah satu perpindahan atau peralihan yang mempunyai kesan yang jauh dalam kefahaman dan pemikiran manusia terhadap seluruh alam al-wujud dan terhadap kewujudan mereka sendiri, juga terhadap hakikat kekuatan dan kuasa yang bergerak di dalam alam al-wujud ini. Ia mempunyai kesan yang jauh di dalam perasaan manusia terhadap alam buana dan terhadap qudrat kuasa dan pentadbiran yang ada di sebaliknya. Ia mempunyai kesan yang jauh dalam kehidupan bumi ini, kerana orang yang hidup terkongkong dalam ruang yang kecil yang berada dalam lingkungan yang hanya dapat ditangkap oleh pancainderanya adalah tidak sama dengan orang yang hidup di dalam alam buana yang luas dan besar yang dapat ditangkap oleh akal dan mata hatinya, di mana ia menerima gema-gema dan saranan-saranannya di dalam lubuk hati dan jiwanya, dan merasa bahawa hujung sutnya lebih luas dalam ruang zaman dan tempat dari segala sesuatu yang dapat di faham olehnya dalam usianya yang pendek, dan seterusnya merasa bahawa di sebalik alam buana yang nyata dan yang tersembunyi terdapat satu hakikat yang lebih besar dari alam buana iaitu hakikat di mana alam buana lahir darinya dan mengambil kewujudannya dan kewujudan hakikat itu, iaitu hakikat zat Uluhiyah yang tidak dapat ditangkap oleh daya-daya penglihatan dan tidak dapat diliputi oleh daya-daya akal manusia.

Beriman kepada yang ghaib merupakan persimpangan jalan di mana manusia meningkat dari alam binatang. Tetapi golongan materialis di zaman itu sama dengan golongan materialis di semua zaman. Mereka mahu mengundurkan manusia ke belakang, iaitu mengundurkan manusia ke alam haiwan, di mana tidak terdapat kewujudan yang lain dari kewujudan sesuatu yang nyata, yang dapat ditangkap pancaindera. Mereka namakan aliran pemikiran ini sebagai aliran progresif, sedangkan sebenarnya itulah aliran pemikiran yang terbalik tunggang yang Allah perliharakan para Mu'minin darinya, dan kerana itu Allah jadikan sifat mereka sebagai orang-orang:

ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡغَيۡبِ

"Orang-orang yang beriman kepada yang ghaib."(3)

(Surah Al-Baqarah)

Syukurlah kepada Allah yang telah mengurniakan ni'mat itu dan menjadikan aliran pemikiran yang terbalik tunggang itu dianut oleh orang-orang yang memilih jalan yang terbalik songsang.

Orang-orang yang memperkatakan tentang hakikat ghaibiyah dan hakikat ilmiyah itu juga turut memperkatakan tentang "kepastian sejarah", seolah-olah segala perkembangan yang akan berlaku di masa depan itu dapat diyakini belaka, sedangkan "sains" di zaman ini hanya berkata bahawa ramalan mengenai perkara-perkara yang akan berlaku di masa depan itu hanya merupakan "kemungkinan-kemungkinan" sahaja bukannya "kepastian-kepastian".

Karl Marx adalah di antara tokoh-tokoh yang membuat ramalan-ramalan sebagai perkara-perkara yang pasti berlaku, tetapi di manakah ramalan-ramalan Marx itu sekarang?

Dia telah meramalkan bahawa komunisme pasti berkuasa di negeri Inggeris apabila negeri itu sampai ke kemuncak kemajuan perindustrian. Ini bererti kemuncak kemajuan kapitalisme berada di satu sudut dan kemuncak kemiskinan kaum pekerja berada di satu sudut yang lain, tetapi apa yang telah berlaku ialah komunisme berkuasa di kebanyakan negara yang mundur dalam bidang perindustrian seperti Russia, China dan sebagainya dan ia tidak pernah berkuasa di negara-negara yang maju di dalam perindustrian.

Lenin, kemudian diikuti Stalin juga, telah meramalkan bahawa peperangan pasti berlaku di antara blok kapitalis dan blok komunis, tetapi Khrushcheve yang mengganti kedua-dua tokoh ini tiba-tiba mengibarkan bendera "hidup bersama" atau dasar Co-existence.

Kami tidak mahu bercakap panjang tentang ramalan-ramalan yang dikatakan pasti berlaku itu, kerana ramalan-ramalan itu tidak wajar dibincangkan secara serius.

Di sana hanya ada satu sahaja hakikat yang bersifat pasti dan diyakini, iaitu hakikat "kuasa ghaib", sedangkan hakikat yang lain adalah bersifat "kemungkinan-kemungkinan" belaka. Di sana hanya ada satu sahaja yang bersifat pasti, iaitu setiap perkara yang telah diputuskan Allah dan ditetapkan oleh perencanaan-Nya pasti berlaku. Dan segala apa yang di putus dan direncanakan Allah merupakan rahsia-rahsia ghaib yang tiada siapa mengetahuinya melainkan Dia, namun demikian di sana terdapat undang-undang alam yang tetap yang dapat dipelajari manusia untuk membantu mereka dalam melaksanakan tugas-tugas khalifah di bumi, tetapi pintu tetap terbuka kepada kuat kuasa tindakan qadha' dan qadar Allah dan kepada kuasa ghaib Allah yang majhul. Inilah hakikat-hakikat yang sebenar.

إِنَّ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانَ يَهۡدِي لِلَّتِي هِيَ أَقۡوَمُ

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu memberi hidayat ke jalan yang lurus."

(Surah al-Isra': 9)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 60)

Setelah menjelaskan hakikat ilmu Allah yang syumul, yang mengetahui segala kunci rahsia-rahsia ghaib dan segala sesuatu yang berlaku di seluruh pelosok alam buana, maka ayat-ayat yang berikut beralih pula kepada membicarakan sebahagian dari ruang-ruang ilmu Allah yang syumul itu, iaitu ruang-ruang yang berhubung dengan diri manusia dan ruang-ruang yang berhubung dengan penguasaan Allah yang mempunyai ilmu yang meliputi segala-galanya itu:

وَهُوَ ٱلَّذِي يَتَوَفَّىٰكُم بِٱلَّيۡلِ وَيَعۡلَمُ مَا جَرَحۡتُم بِٱلنَّهَارِ ثُمَّ يَبۡعَثُكُمۡ فِيهِ لِيُقۡضَىٰٓ أَجَلٞ مُّسَمّٗىۖ ثُمَّ إِلَيۡهِ مَرۡجِعُكُمۡ ثُمَّ يُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٦٠

"Dan Dialah yang mewafatkan (menidurkan) kamu di waktu malam dan mengetahui segala suatu yang telah dilakukan kamu di waktu siang, kemudian Dia membangunkan kamu kembali di waktu siang untuk disempurnakan ajal yang telah ditentukan kepada kamu kemudian kamu akan dikembalikan kepada-Nya dan kemudian Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."(60)

Ungkapan yang pendek ini samalah dengan ungkapan pendek yang lepas, yang menggambarkan ufuk-ufuk rahsia ghaib, keluasan dan pendalamannya di samping mengisyaratkan kepada keluasan dan kesyumulan ilmu Allah dalam ayat yang lepas. Ungkapan yang pendek ini mengumpul dan meletakkan seluruh hidup umat manusia di dalam genggaman Allah S.W.T. dan di dalam lingkungan ilmu-Nya, qudrat kuasa-Nya dan pentadbiran-Nya

yang merangkumi waktu jaga dan waktu tidur mereka, waktu kematian atau waktu kebangkitan semula mereka dan seterusnya merangkumi waktu mereka di kumpul di padang Mahsyar dan dihisab. Semuanya dijelaskan dengan cara penggambaran Al-Qur'an yang begitu mu'jiz dalam memberi gambaran yang hidup dan gambaran personifikasi juga dalam menyentuh dan merangsangkan perasaan pada setiap gambaran-gambaran pemandangan dan harakat yang dilukiskan oleh pengungkapannya yang menarik.

وَهُوَ ٱلَّذِى يَتَوَفَّىٰكُم بِٱلَّيْلِ

"Dan Dialah yang mewafatkan (menidurkan) kamu di waktu malam." (60)

Itulah yang disifatkan sebagai kewafatan apabila seorang itu dikuasai mengantuk, itulah salah satu gambaran di antara gambaran-gambaran kewafatan ketika pancaindera seseorang yang berada dalam keadaan lalai, ketika perasaannya tidak lagi peka, akal fikirannya diam tidak berfungsi dan ketika kesedarannya tidur dan terputus dari alam sekelilingnya. Inilah satu rahsia yang masih belum diketahui manusia sebagaimana ia berlaku walaupun mereka telah mengetahui tanda-tanda dan kesan-kesannya. Itulah salah satu gambaran rahsia ghaib di antara berbagai-bagai gambarannya yang meliputi manusia. Itulah gambaran manusia yang dilucutkan segala daya upayanya termasuk daya kesedarannya. Mereka berada dalam keadaan terputus dari kegiatan hidup dan mereka berada di dalam genggaman Allah dan inilah hakikat keadaan mereka selama-lamanya. Tiada kuasa yang dapat mengembalikan mereka kepada keadaan sedar, jaga dan kepada keadaan hidup yang sempurna kecuali iradat Allah. Alangkah lemahnya manusia yang berada di dalam genggaman Allah!

وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِٱلنَّهَارِ

"Dan Dia mengetahui segala sesuatu yang dilakukan kamu pada waktu siang."(60)

Setiap gerak yang dilakukan oleh anggota-anggota mereka seperti mengambil atau meninggal adalah semuanya dalam ilmu pengetahuan Allah yang mengetahui segala kebaikan atau kejahatan yang telah dilakukan mereka, demikianlah keadaan seluruh manusia. Segala gerak-geri dan perilaku diam dan senyap mereka diawasi dan diperhatikan. Tiada satu pun dari perbuatan yang dilakukan mereka selepas jaga di siang hari yang terluput dari ilmu pengetahuan Allah.

ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰٓ أَجَلٌ مُّسَمًّى

"Kemudian Dia membangunkan kamu kembali di waktu siang untuk disempurnakan ajal yang telah ditetapkan kepada kamu."(60)

Yakni Allah membangunkan kamu di waktu siang hari dari tidur kamu, di mana kamu terputus dari aktiviti hidup untuk menyempurnakan tempoh ajal yang telah ditetapkan kepada kamu. Demikianlah seluruh manusia tetap berada di dalam ruang ajal yang telah ditetapkan Allah. Mereka tidak dapat melarikan diri darinya. Tiada titik akhir yang lain bagi mereka selain dari titik ajal yang telah ditetapkan Allah:

"Kemudian Dia akan dikembalikan kepada-Nya."(60)

Mereka kembali kepada Allah persis haiwan ternakan kembali kepada pengembalanya selepas selesai meragut di padang rumput!

ثُمَّ يُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ٦٠

"Kemudian Dia akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."(60)

Itulah gambaran pembentangan rekod yang mencatat segala perbuatan dan amalan manusia. Itulah gambaran Ilahi yang amat halus yang tidak mengurangkan balasan dan ganjarannya.

Demikianlah serangkap ayat yang pendek itu mengandungi segulung tali pita yang penuh dengan rakaman gambaran-gambaran dan pemandangan-pemandangan, penuh dengan keputusan-keputusan dan fakta-fakta dan penuh dengan saranan-saranan dan bayangan-bayangan. Siapakah yang dapat mengubahkan ungkapan yang sedalam ini? Manakah lagi pengungkapan yang bermu'jizat jika tidak pengungkapan-pengungkapan yang seperti ini? Tetapi sayang, para pendusta memandang sepi kepada pengungkapan-pengungkapan ini dan sebaliknya menuntut mu'jizat fizikal yang mengakibatkan mereka di timpa 'azab yang amat dahsyat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 61 - 62)

(Ayat-ayat yang berikut) memberi satu sentuhan yang lain tentang hakikat Uluhiyah, iaitu sentuhan mengenai qudrat Allah yang sentiasa menguasai seluruh hamba-Nya dan mengawasi mereka tanpa alpa dan lupa, juga sentuhan mengenai penentuan ajal yang berlangsung dengan tepat tanpa cepat dan tanpa lewat atau tentang kesudahan hidup yang pasti dihadapi manusia dan mereka tidak mempunyai ruang untuk lari dan mengelakkan dari hisab terakhir yang tidak berlengah-lengah dan menempoh-nempoh. Semuanya itu merupakan urusan-urusan ghaib yang membalut dan menyelubungi manusia:

وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ ۖ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفَرِّطُونَ ٦١

ثُمَّ رُدُّوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ مَوْلَىٰهُمُ ٱلْحَقِّ ۚ أَلَا لَهُ ٱلْحُكْمُ وَهُوَ أَسْرَعُ ٱلْحَٰسِبِينَ ﴿٦٢﴾

"Dan Dialah Yang Maha Berkuasa di atas seluruh hamba-Nya dan mengirimkan malaikat-malaikat penjaga yang mengawasi kamu sehingga apabila sa'at maut tiba kepada seseorang dari kamu, maka ia akan diwafatkan oleh malaikat utusan Kami dan mereka tidak pernah mencuaikan tugas mereka (61). Kemudian mereka dikembalikan kepada Allah Pelindung mereka yang sebenar. Ketahuilah, Dia sahaja yang memiliki kuasa menentukan hukuman (pada hari Qiamat) dan Dialah Penghisab yang paling pantas."(62)

وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ ۖ

"Dan Dialah Yang Maha Berkuasa di atas seluruh hamba-Nya."(18)

Maksudnya Allah itulah Penguasa Yang Maha Berkuasa dan seluruh manusia berada di bawah pengawasan dan penguasaan-Nya. Mereka adalah makhluk lemah yang terletak di dalam genggaman Allah Yang Maha Berkuasa. Mereka tidak mempunyai kekuatan dan tidak pula mempunyai penolong. Seluruh mereka adalah para hamba yang dikendalikan oleh kuasa dari atasnya, di mana mereka pasti tunduk dan patuh.

Inilah 'Ubudiyah yang sempurna kepada Uluhiyah Yang Maha Berkuasa. Inilah hakikat yang diakui oleh realiti hidup manusia biar pun seluas mana kebebasan untuk bertindak yang diberikan kepada mereka dan sebanyak mana ilmu pengetahuan untuk mengetahui yang diberikan kepada mereka dan sebesar mana daya kebolehan untuk mengendalikan tugas khalifah yang dikurniakan kepada mereka. Setiap nafas mereka diatur dengan qadar yang tertentu dan setiap gerak dalam diri mereka adalah tunduk kepada kuasa Allah mengikut undang-undang yang telah diatur di dalam diri mereka yang tidak dapat disangkal mereka walaupun undang-undang ini beroperasi pada setiap kali dengan qadar yang tertentu sahaja sehingga dalam gerak pernafasan dan gerak-geri mereka.

وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً

"Dan mengirimkan malaikat-malaikat penjaga yang mengawasi kamu." (61)

Ayat ini tidak menyebut jenis penjaga-penjaga itu, tetapi di tempat yang lain di dalam Al-Qur'an dijelaskan bahawa para penjaga itu ialah para malaikat yang mencatat segala amalan dan tindak tanduk yang dilakukan manusia. Maksud yang jelas dari ayat ini ialah memberi bayangan bahawa setiap individu manusia berada di bawah pengawasan secara langsung, di samping menyedarkan bahawa setiap individu tidak pernah sendirian walaupun sedetik dan tidak pernah dibiarkan tinggal sendirian walaupun sesa'at, malah mereka diawasi oleh para malaikat penjaga yang mengawasi setiap gerak dan diam mereka di samping mencatat segala tindak tanduk yang dilakukan mereka tanpa terluput sedikit pun. Kefahaman dan kesedaran yang seumpama ini sudah cukup untuk membuat hati manusia menggigil dan berwaspada pada setiap gerak berfikir dan bertindak.

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفَرِّطُونَ ﴿٦١﴾

"Sehingga apabila sa'at maut tiba kepada seseorang dari kamu, maka ia akan diwafatkan oleh malaikat-malaikat utusan Kami dan mereka tidak pernah mencuaikan tugas mereka."(61)

Ayat ini memberi bayangan pengawasan yang sama dalam satu bentuk gambaran yang lain, iaitu setiap individu dihitungkan bilangan setiap nafasnya dan ia ditinggalkan menjalani ajal yang tidak diketahui olehnya, kerana ajal merupakan urusan ghaib yang tidak ada jalan untuk mengetahuinya, ia merupakan satu jangka masa yang ditetapkan di dalam ilmu Allah dengan begitu tepat, tak pernah tercepat atau terlewat sedikit pun. Setiap gerak nafas dan ajal seseorang diletakkan di bawah kawalan seorang penjaga yang mengawasi mereka dari dekat secara langsung dan sentiasa berada bersamanya. Ia tidak pernah lalai, cuai dan alpa. Ia adalah dari kumpulan para malaikat pengawal yang menjadi utusan Allah. Apabila jangka masa ajal itu tiba ketika seseorang itu berada di dalam kelalaian dan kesibukan, maka selesailah tugas penjaga dan utusan Allah itu. Kefahaman dan kesedaran yang seperti ini cukup untuk membuat seseorang itu takut dan gementar, kerana ia sedar bahawa dirinya sentiasa berada dalam kepungan ajal yang ghaib dan sedar bahawa nyawanya mungkin diambil pada bila-bila masa sahaja. Dan ajalnya mungkin tiba pada mana-mana gerak nafasnya.

ثُمَّ رُدُّوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ مَوْلَىٰهُمُ ٱلْحَقِّ ۚ

"Kemudian mereka dikembalikan kepada Allah Pelindung mereka yang sebenar."(62)

Yakni Allah itulah Pelindung mereka yang sebenar bukannya tuhan-tuhan palsu. Dialah Pelindung yang telah menciptakan mereka dan memberi peluang hidup kepada mereka selama yang dikehendaki oleh-Nya, di mana mereka sentiasa berada di bawah pengawasan dan kawalan-Nya yang ketat dan tidak pernah lalai dan cuai. Dan apabila Dia kehendaki Dia akan mengembalikan mereka kepada-Nya untuk diadili dan dijatuhkan hukuman-Nya yang tiada siapa dapat menolaknya:

أَلَا لَهُ ٱلْحُكْمُ وَهُوَ أَسْرَعُ ٱلْحَٰسِبِينَ ﴿٦٢﴾

"Ketahuilah Dia sahaja yang memiliki kuasa menentukan hukuman (pada hari Qiamat) dan Dialah Penghisab yang paling pantas."(62)

Maksudnya Allah sahaja yang berkuasa menjatuhkan hukuman dan menghisabkan amalan manusia. Dia tidak berlengah-lengah mengenakan hukuman dan memberi ganjaran. Ungkapan "Penghisab yang paling pantas" memberi kesan yang mendalam dalam hati manusia, iaitu mereka tidak akan di tinggal bebas walaupun dalam bentuk tangguhan sebentar dalam menghadapi hisab Allah.

Kefahaman seseorang Muslim terhadap hakikat ini dalam bentuk yang sedemikian rupa, iaitu dalam bentuk yang disarankan oleh prinsip-prinsip 'aqidahnya terhadap persoalan-persoalan hidup mati, kebangkitan semula adalah satu kefahaman yang cukup untuk mencabut segala keraguan terhadap hakikat bahawa hanya Allah sahaja yang memegang kuasa Hakimiyah di bumi ini dalam urusan kehidupan hamba-Nya.

Hisab, balasan dan hukuman di Akhirat adalah dilandaskan di atas amalan-amalan manusia yang dilakukannya semasa berada di dunia. Dan sudah tentu amalan-amalan yang dilakukan manusia di dunia ini tidak boleh dihisab dan dibicarakan kecuali di sana adanya syari'at Allah yang menentukan segala yang halal dan segala yang haram dari segala perbuatan dan amalan yang menjadi asas untuk dihisab dan diadili atau adanya syari'at yang menyatukan kuasa Hakimiyah di dunia dan di Akhirat yang dilandaskan di atas asas ini.

Tetapi apabila manusia menggunakan satu undang-undang yang lain dari syari'at Allah di bumi ini, maka di atas asas apakah amalan-amalan mereka akan dihisab dan diadili? Apakah mereka akan dihisab mengikut syari'at Allah yang tidak digunakan mereka di dunia ini?

Oleh sebab itu manusia harus yakin bahawa Allah akan menghisab dan mengadili mereka di atas asas syari'at-Nya, bukan di atas asas undang-undang ciptaan manusia. Mereka harus yakin jika mereka tidak mengaturkan kehidupan mereka dan segala urusan mu'amalah mereka mengikut syari'at Allah di dunia ini sebagaimana mereka menegakkan syi'ar-syi'ar agama dan melaksanakan amalan-amalan ibadat mereka, maka perbuatan yang sedemikian akan merupakan perbuatan pertama yang akan dibicarakan di hadapan Allah (pada hari Akhirat). Mereka akan dibicarakan pada hari itu atas kesalahan tidak mempertuhankan Allah di dunia, malah mempertuhankan berbagai-bagai tuhan yang lain. Kini jelaslah bahawa (di Akhirat kelak) mereka akan dibicarakan atas kesalahan mengingkari Uluhiyah Allah atau kesalahan melakukan syirik terhadap Allah dengan hanya mengikut syari'at-Nya di bidang amalan ibadat dan syi'ar-syi'ar sahaja tetapi mengikut undang-undang yang lain dalam bidang urusan sosial, politik, ekonomi dan bidang urusan mu'amalah dan komunikasi-komunikasi yang lain, sedangkan Allah tidak bersedia untuk memberi keampunan terhadap kesalahan melakukan perbuatan syirik terhadap-Nya, tetapi Dia hanya bersedia untuk memberi keampunan terhadap kesalahan-kesalahan yang lain kepada siapa yang dikehendaki-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 63 - 64)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka kepada pengadilan fitrah mereka sendiri yang mengenali hakikat Uluhiyah dan sentiasa berlindung pada Tuhannya yang sebenar ketika menghadapi sa'at-sa'at kesulitan dan kesusahan. Al-Qur'an melukiskan kepada mereka gambaran fitrah ketika menghadapi kesusahan dan bagaimana mereka tidak mengikut fitrah mereka di sa'at-sa'at kesenangan dan kemewahan. Ia gambarkannya dalam satu pemandangan yang pendek dan pantas, tetapi jelas, tegas dan penuh dengan saranan yang menarik hati dan efektif.

Kesulitan dan kesusahan yang meremangkan bulu roma tidak selama-lamanya ditunda kepada hari perhimpunan di Mahsyar atau pada hari hisab, kerana mereka sering menghadapi kesusahan itu dalam suasana-suasana gelap gelita di daratan dan lautan, di mana ketika itu hati mereka tidak bertawajjuh kepada yang lain melainkan kepada Allah sahaja, kerana tiada siapa yang berkuasa menyelamatkan mereka selain dari Allah, tetapi apabila mereka berada di dalam kesenangan dan kemewahan mereka kembali mempersekutukan Allah:

قُلْ مَن يُنَجِّيكُم مِّن ظُلُمَٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ تَدْعُونَهُۥ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً لَّئِنْ أَنجَىٰنَا مِنْ هَٰذِهِۦ لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٣﴾

قُلِ ٱللَّهُ يُنَجِّيكُم مِّنْهَا وَمِن كُلِّ كَرْبٍ ثُمَّ أَنتُمْ تُشْرِكُونَ ﴿٦٤﴾

"Katakanlah: Siapakah yang berkuasa menyelamatkan kamu dari bahaya bencana daratan dan lautan, di mana kamu berdo'a kepada-Nya dengan rendah diri dan dengan suara yang lembut: Jika Allah menyelamatkan kami dari bahaya bencana ini nescaya kami akan jadikan diri kami dari golongan orang-orang yang bersyukur (63). Katakanlah: Allahlah yang berkuasa menyelamatkan kamu dari bahaya bencana itu dan dari segala kesusahan, kemudian kamu masih terus mempersekutukan-Nya."(64)

Memikir dan mengenangkan keadaan bahaya dan kesusahan boleh menginsafkan hati yang liar, melembutkan hati yang keras. Ia mengingatkan hati sa'at-sa'at dilanda kesusahan dan sa'at-sa'at kembali kepada Allah di samping mengingatkan hati kepada rahmat dan ni'mat mendapat keselamatan dari bahaya kesusahan:

قُلْ مَن يُنَجِّيكُم مِّن ظُلُمَٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ تَدْعُونَهُۥ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً لَّئِنْ أَنجَىٰنَا مِنْ هَٰذِهِۦ لَنَكُونَنَّ مِنَ

ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٣﴾

"Katakanlah: Siapakah yang berkuasa menyelamatkan kamu dari bahaya bencana daratan dan lautan, di mana kamu berdo'a kepada-Nya dengan rendah diri dan dengan suara yang lembut: Jika Allah menyelamatkan kami dari bahaya bencana ini nescaya kami akan jadikan diri kami dari golongan orang-orang yang bersyukur."(63)

Pengalaman ini dirasai oleh setiap mereka yang jatuh di dalam kesusahan atau melihat orang-orang yang di timpa kesusahan yang berada di dalam sa'at-sa'at kesempitan. Suasana-suasana gelap di lautan dan daratan itu memang banyak sekali berlaku. Ia tidak semesti adanya malam untuk menimbulkan suasana-suasana gelap-gelita, kerana kawasan-kawasan yang terpencil yang tidak mempunyai jalan dan lorong juga merupakan suasana gelap-gelita. Segala keadaan bahaya juga merupakan suasana gelap-gelita. Hal-hal yang ghaib yang ditunggu oleh orang-orang yang berada di daratan dan lautan juga merupakan tabir yang gelap.

Apabila manusia menghadapi suasana-suasana gelap di daratan dan lautan dan mereka tidak ternampak yang lain di dalam hati mereka kecuali Allah lalu mereka berdo'a kepada-Nya dengan penuh khusyu' atau bermunajat dengan-Nya secara diam, maka ini membuktikan bahawa fitrah mereka bersih dari fikiran-fikiran yang kotor dan melihat hakikat yang sebenar yang tersembunyi di dalam lubuk hatinya, iaitu ia melihat hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa dan bertawajjuh kepada Allah Yang Benar tanpa sebarang sekutu, kerana ia sedar betapa karutnya wawasan syirik dan insaf tiada sekutu bagi Allah.

Orang-orang yang di timpa kesusahan itu biasanya memberi berbagai-bagai janji:

"Jika Allah menyelamatkan kami dari bahaya bencana ini nescaya kami akan jadikan diri kami dari golongan orang-orang yang bersyukur."(63)

Kemudian Allah S.W.T. memerintah Rasul-Nya s.a.w. supaya mengingatkan hakikat yang sebenar kepada mereka:

قُلِ ٱللَّهُ يُنَجِّيكُم مِّنْهَا وَمِن كُلِّ كَرْبٍ

"Katakanlah Allahlah yang berkuasa menyelamatkan kamu dari bahaya bencana itu dan dari segala kesusahan."(64)

Di sana tiada Tuhan yang lain dari Allah yang sanggup menyambut permohonan mereka dan berkuasa menghapuskan segala kesusahan yang dialami mereka.

Kemudian Allah S.W.T. memerintah Rasul-Nya s.a.w. supaya mengingatkan mereka terhadap perbuatan syirik mereka yang keji dan menghairankan itu:

"Kemudian kamu masih terus mempersekutukan-Nya."(64)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 65)

Di sini dalam ayat yang berikut Al-Qur'an mengingatkan 'azab Allah kepada mereka, iaitu Allah mungkin menimpakan 'azab-Nya ke atas mereka selepas mereka terselamat dari kesusahan itu, kerana peristiwa kesusahan yang dihadapi mereka bukannya berakhir dengan sekali sahaja kemudian mereka akan terus terlepas dari genggaman kekuasaan Allah sebagaimana yang difikirkan mereka:

'Azab Dari Atas Dan Dari Bawah Lebih Dahsyat Dari 'Azab Dari Kanan Dan Dari Kiri

"Katakanlah: Allahlah yang berkuasa mengirimkan 'azab ke atas kamu dari arah atas (kepala kamu) dan dari arah bawah kaki kamu atau Dia mengelirukan kamu hingga kamu berpecahbelah kepada berbagai-bagai puak dan merasakan kamu bencana (perang dan penindasan) di antara kamu terhadap satu sama lain. Lihatlah! Bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat kepada mereka dengan berbagai-bagai cara supaya mereka mengerti."(65)

Memikirkan kemungkinan di timpa 'azab dari atas atau dari bawah lebih menakutkan seseorang dari hanya memikirkan kemungkinan ditimpakan 'azab dari kanan atau kiri, kerana seseorang itu kadang-kadang berfikir bahawa dia boleh menghindarkan dirinya dari 'azab yang datang dari kanan atau kiri, tetapi ia tidak berkuasa menghindarkan dirinya dari 'azab yang ditimpakan dari atas atau dari bawah kerana 'azab itu suatu 'azab yang sangat kuat, dahsyat dan tidak dapat dilawan dan disanggah.

Ungkapan yang menarik mencetuskan tanggapan yang memberi kesan yang kuat di dalam hati dan pemikiran seseorang ketika ungkapan itu menjelaskan hakikat qudrat Allah yang berkuasa menimpakan 'azab ke atas manusia mengikut cara dan kehendak iradat-Nya.

Ayat yang berikut menambahkan satu lagi 'azab kepada jenis-jenis 'azab yang termasuk di dalam bidang qudrat Allah yang berkuasa menimpakannya ke atas manusia apabila dikehendaki-Nya. 'azab itu adalah satu 'azab yang mempunyai proses yang lambat dan panjang masanya. Ia tidak membinasakan manusia sekaligus malah ia menemani dan hidup bersama mereka malam dan siang:

أَوْ يَلْبِسَكُمْ شِيَعًا وَيُذِيقَ بَعْضَكُم بَأْسَ بَعْضٍ

"Atau Dia mengelirukan kamu hingga kamu berpecah belah kepada berbagai-bagai puak dan merasakan kamu bencana (perang dan penindasan) di antara kamu terhadap satu sama lain."(65)

Punca 'Azab Perpecahan

Inilah gambaran 'azab yang berkekalan dan panjang masanya yang dialami mereka dari tangan mereka sendiri. Inilah 'azab yang sentiasa diteguk dan ditelan mereka apabila mereka di keliru dan dijadikan berpecah belah kepada berbagai-bagai puak dan parti yang hampir-hampir serupa perjuangannya dan tidak dapat di beza dan dipisahkan di antara satu sama lain. Puak-puak dan parti-parti ini sentiasa bergolak, bertarung, berseteru, bertelagah dan menindas satu sama lain.

Di dalam berbagai-bagai zaman sejarah, umat manusia telah menghadapi 'azab perpecahan ini apabila mereka menyeleweng dari sistem hidup Ilahi dan membiarkan hawa nafsu, keinginan-keinginan liar, kejahilan dan kelemahan mereka mentadbirkan kehidupan mereka, juga apabila mereka meraba-raba membuat peraturan-peraturan hidup ciptaan sendiri, menggubalkan undang-undang dan menetapkan nilai-nilai dan ukuran-ukuran dari ciptaan sendiri. Dan dengan nilai-nilai ciptaan sendiri inilah mereka memburuk-burukkan satu sama lain dan bertindak memaksakan undang-undang dan peraturan ciptaan mereka ke atas kumpulan-kumpulan yang lain yang menentang dan menolak undang-undang dan peraturan itu. Mereka bertindak ganas ke atas kumpulan-kumpulan yang menolak dan bertentangan dengan mereka.

Demikianlah hawa nafsu, keinginan, tamak haloba, fikiran dan kefahaman mereka bertentangan satu sama lain. Mereka berhasad dengki, berdendam kesumat dan bantah membantah terhadap satu sama lain, kerana mereka tidak mempunyai satu tempat rujukan yang sama dan tidak mempunyai neraca yang sama yang ditetapkan Allah kepada para hamba-Nya, di mana tiada seorang merasa keberatan untuk tunduk dan patuh kepadanya tanpa merasa dirinya kecil dan kerdil.

Punca perpecahan dan huru-hara yang paling besar di bumi ini ialah apabila wujudnya di antara manusia orang-orang yang berani mendakwa mempunyai kuasa Uluhiyah ke atas mereka dan bertindak menggunakan kuasa itu. Inilah punca perpecahan dan huru-hara yang memecahbelahkan orang ramai kepada berbagai-bagai puak yang mengelirukan, kerana pada lahirnya mereka kelihatan seolah-olah satu umat atau satu masyarakat yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi, tetapi pada hakikatnya mereka memperhamba dan memperbudakkan satu sama lain, mereka menggunakan kuasa di tangan mereka untuk menindas satu sama lain, kerana kuasa itu tidak terikat dengan syari'at Allah. Setengah-setengah mereka menyimpan hasad dengki, dendam kesumat dan menunggu peluang yang baik untuk menindas satu sama lain. Mereka berpecah kepada berbagai-bagai puak yang tidak berbeza, tidak terpisah dan terasing di antara satu sama lain.

Seluruh negara di dunia pada hari ini hidup dalam 'azab dan kesengsaraan berpecah-belah yang berlangsung begitu perlahan dan berlarutan dalam masa yang panjang.

Hakikat inilah yang seharusnya mendorongkan kita ke arah usaha mengukuhkan kedudukan kelompok Muslimin di seluruh dunia. Mereka perlu bertindak segera memisahkan diri mereka dari jahiliyah yang mengepung di sekeliling mereka. Definasi jahiliyah ialah setiap peraturan, undang-undang dan setiap masyarakat yang tidak berpandukan syari'at Allah Yang Maha Esa dan tidak menentukan hak Uluhiyah dan kuasa Hakimiyah kepada Allah sahaja. Mereka perlu bersih dari jahiliyah yang wujud di sekeliling mereka dan menganggapkan diri mereka sebagai satu umat yang berbeza dari puak-puak dan golongan yang telah memilih untuk hidup kekal dalam sistem hidup jahiliyah dan untuk terus berpegang dengan undang-undang dan peraturan jahiliyah, neraca pertimbangan dan nilai-nilainya.

Kelompok atau umat Muslimin tidak akan selamat dari 'azab perpecahan yang dijelaskan oleh Allah:

أَوْ يَلْبِسَكُمْ شِيَعًا وَيُذِيقَ بَعْضَكُم بَأْسَ بَعْضٍ

"Atau Dia menjadikan kamu keliru dan menyebabkan kamu berpecah-belah kepada berbagai-bagai puak dan merasakan kamu bencana (perang dan penindasan) terhadap satu sama lain"(65)

kecuali umat Muslimin berpisah dari segi 'aqidah, perasaan dan cara hidup dari golongan kaumnya yang mendukung jahiliyah sehingga Allah izinkan mereka menegakkan negara Islam yang di junjung mereka, dan kecuali mereka mempunyai perasaan dan kesedaran yang sempurna bahawa mereka adalah umat Muslimin, sementara negeri-negeri di sekeliling dan golongan-golongan manusia di sekeliling mereka yang belum lagi mendukung Islam yang didukung mereka adalah negeri-negeri jahiliyah atau pendukung-pendukung jahiliyah belaka, malah mereka perlu memisahkan diri mereka dari segi 'aqidah dan sistem hidup dari golongan mereka sendiri dan selepas itu mereka harus memohon kepada Allah agar ia menyelesaikan kedudukan di antara mereka dengan kaum mereka dengan penyelesaian yang benar. Sesungguhnya Dialah sebaik-baik Penyelesai.

Jika kelompok Muslimin tidak melakukan pemisahan dan pembezaan yang seperti ini nescaya wajarlah mereka menerima 'azab yang diancamkan oleh Allah, iaitu 'azab sengsara hidup berpecah belah di dalam berbagai-bagai puak dan kumpulan di dalam masyarakat, sedangkan puak-puak dan kumpulan itu tidak dapat dibezakan di antara satu sama lain dengan ciri-ciri perbezaan yang jelas hingga

mengelirukan orang ramai. Di waktu inilah kelompok Muslimin akan di timpa 'azab sengsara berpecah belah yang berlarut-larutan tanpa mendapat rahmat penyelesaian yang dijanjikan Allah.

Sikap memisah dan membezakan diri mungkin mengakibatkan kelompok Muslimin terpaksa melakukan pengorbanan, dan menghadapi berbagai-bagai kesulitan dan kesukaran, tetapi pengorbanan-pengorbanan dan kesulitan itu tidaklah sebesar 'azab sengsara hidup berpecah belah yang akan ditanggung oleh mereka sebagai akibat kerana mereka tidak mengambil sikap memisah dan membezakan diri dan kerana mereka membiarkan diri mereka bercampur aduk dan ter-umbang-ambing dalam masyarakat jahiliyah di sekeliling mereka.

Apabila disemak dan diteliti kembali sejarah da'wah kepada agama Allah yang dilakukan oleh seluruh rasul-rasul nescaya akan memberikan kepada kita satu keyakinan yang kuat bahawa penyelesaian dan pertolongan Allah, juga pelaksanaan janji Allah untuk memberi kemenangan kepada para rasul dan para pengikut mereka yang beriman, tidak pernah berlaku sekalipun sebelum kelompok Muslimin itu memisahkan diri dari kaum mereka dari segi 'aqidah dan cara hidup iaitu memisahkan diri dengan kepercayaan dan agama mereka dari kepercayaan jahiliyah dan agamanya, iaitu memisahkan diri dari sistem hidup jahiliyah. Di sinilah letaknya titian perpisahan dan persimpangan jalan dalam semua perjuangan da'wah yang dilakukan oleh para rasul.

Cara da'wah Islamiyah hanya satu sahaja dan semua perjuangan da'wah pastilah mencontohi perjuangan da'wah seluruh Rasul s.a.w.:

انظُرْ كَيْفَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لَعَلَّهُمْ يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

"Lihatlah bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat kepada mereka dengan berbagai-bagai cara supaya mereka mengerti."(65)

* * * * * *

(Kumpulan ayat-ayat 66 - 70)

Langkah Keselamatan Mengasingkan Diri Dari Golongan Yang Menolak Keimanan

وَكَذَّبَ بِهِ قَوْمُكَ وَهُوَ الْحَقُّ ۚ قُل لَّسْتُ عَلَيْكُم بِوَكِيلٍ ﴿٦٦﴾

لِّكُلِّ نَبَإٍ مُّسْتَقَرٌّ ۚ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٦٧﴾

وَإِذَا رَأَيْتَ الَّذِينَ يَخُوضُونَ فِي آيَاتِنَا فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ حَتَّىٰ يَخُوضُوا فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِ ۚ وَإِمَّا يُنسِيَنَّكَ الشَّيْطَانُ فَلَا تَقْعُدْ بَعْدَ الذِّكْرَىٰ مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٦٨﴾

وَمَا عَلَى الَّذِينَ يَتَّقُونَ مِنْ حِسَابِهِم مِّن شَيْءٍ وَلَٰكِن ذِكْرَىٰ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٦٩﴾

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا ۚ وَذَكِّرْ بِهِ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَا ۗ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا ۖ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan kaummu telah mendustakannya, sedangkan ia benar. Katakanlah: aku tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan kamu (66). Setiap berita (dari Allah itu) ada masanya yang telah ditetapkan dan kamu akan mengetahuinya (67). Apabila engkau melihat orang-orang yang membincangkan ayat-ayat Kami (secara bersenda-senda), maka hendaklah engkau berpaling dari mereka sehingga mereka membincangkan perkara yang lain dan jika engkau dilupakan syaitan (terhadap larangan itu), maka janganlah sekali-kali engkau duduk bersama orang-orang yang zalim itu setelah engkau teringat kembali (kepada larangan itu) (68). Dan orang-orang yang bertaqwa tidak sedikit pun bertanggungjawab terhadap hisab amalan orang-orang yang zalim itu, tetapi mereka hanya berkewajipan memberi peringatan kepada mereka supaya mereka bertaqwa (69). Dan tinggalkan mereka yang telah menjadikan agama mereka sebagai permainan dan hiburan. Mereka telah dipesonakan oleh kehidupan dunia. Dan hendaklah engkau mengingatkan mereka dengan Al-Qur'an agar setiap orang itu dipertanggungjawabkan dengan perbuatan yang telah dilakukannya. (Di sana) dia tidak mendapat pelindung dan penolong selain dari Allah dan jika ia menebuskan dosanya dengan segala macam tebusan nescaya tidak akan diterima darinya. Merekalah orang-orang yang dipertanggungjawabkan dengan perbuatan yang dilakukan mereka dan untuk mereka disediakan minuman dari air yang mendidih dan 'azab yang amat pedih, kerana kekafiran yang dilakukan mereka."(70)

Kumpulan ayat-ayat ini merupakan satu pusingan untuk menjelaskan tindakan pemisahan yang mengakhiri kumpulan ayat-ayat yang silam, iaitu kaum Nabi s.a.w. sendiri yang telah mendustakan ajaran-ajaran yang telah dibawa oleh beliau, sedangkan ajaran itu benar dan oleh kerana itu hubungan di antara beliau dan kaumnya telah terpisah. Allah telah memerintah beliau supaya memisahkan diri dari mereka dan mengisytiharkan

bahawa beliau tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan mereka dan mereka akan ditinggalkan menghadapi nasib mereka yang pasti akan ditemuinya, dan seterusnya Allah telah memerintah beliau supaya meninggalkan majlis mereka dan jangan duduk bersama mereka apabila beliau melihat mereka memperkatakan persoalan agama dan menjadikannya sebagai bahan permainan dan hiburan tanpa memberi penghormatan yang wajar kepada agama, dan di samping itu Allah memerintah beliau supaya memberi nasihat, peringatan, amaran dan menyampaikan da'wah kepada mereka, namun begitu beliau dan kaumnya merupakan dua kelompok yang berlainan, dua umat yang berbeza. Di dalam Islam tidak ada kaum, tidak ada bangsa, tidak ada suku dan tidak ada keluarga, malah yang menjadi tali pengikat yang menghubungkan di antara manusia atau memisahkan mereka ialah agama, malah 'aqidahlah yang menyatu atau memutuskan hubungan di antara mereka. Apabila asas agama wujud, maka wujudlah perhubungan-perhubungan yang lain, dan apabila tali hubungan agama putus, maka putuslah segala tali hubungan yang lain.

Inilah intipati pembicaraan dalam kumpulan ayat-ayat ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 68)

وَكَذَّبَ بِهِۦ قَوْمُكَ وَهُوَ ٱلْحَقُّ ۚ قُل لَّسْتُ عَلَيْكُم بِوَكِيلٍ ﴿٦٦﴾

لِّكُلِّ نَبَإٍ مُّسْتَقَرٌّ ۚ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٦٧﴾

"Dan kaummu telah mendustakannya, sedangkan ia benar. Katakanlah: aku tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan kamu (66). Setiap berita (dari Allah itu) ada masanya yang telah ditetapkan dan kamu akan mengetahuinya."(67)

Firman ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk meyakini dan menenangkan hati beliau dan para mu'minin di belakangnya, iaitu keyakinan terhadap ajaran yang benar walaupun dibohongi dan terus dibohongi oleh kaumnya. Mereka tidak berhak membuat kata putus dalam persoalan ini, malah hanya Allah S.W.T. sahaja yang berhak memberi kata putus. Allah sahaja yang berhak menjelaskan bahawa ajaran yang disampaikan beliau itu adalah benar, sedangkan keputusan kaumnya yang mendustakan ajaran yang benar ini tidak mempunyai apa-apa nilai dan pertimbangan. Kemudian Allah memerintah Nabinya s.a.w. supaya membersihkan diri dan berlepas tangan dari kaumnya dan seterusnya mengumumkan pemisahan ini secara terbuka kepada mereka, di samping mengumumkan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa kuasa terhadap mereka dan tidak pula berfungsi sebagai pengawal dan wakil yang bertanggungjawab terhadap mereka selain dari tugas menyampaikan perintah dan tidak pula ditugaskan untuk memberi hidayat kepada hati mereka, kerana ini bukannya menjadi tugas seorang Rasul. Apabila ia telah menyampaikan ajaran yang benar kepada mereka, maka berakhirlah tugasnya. Setelah itu ia akan menyerahkan mereka kepada nasib dan kesudahan yang pasti akan dihadapi mereka, kerana setiap berita yang dijanjikan Allah itu ada masa akhirnya yang telah ditetapkan, di mana mereka pasti menghadapinya, kerana setiap berita dari Allah itu ada masa yang menjadi titik akhir yang ditentukan Allah, dan di waktu inilah mereka akan mengetahui apa yang akan berlaku.

لِّكُلِّ نَبَإٍ مُّسْتَقَرٌّ ۚ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٦٧﴾

"Setiap berita (dari Allah itu) ada masa yang telah ditetapkan dan kamu akan mengetahuinya."(67)

Pernyataan yang ringkas ini mengandungi ancaman yang menggegarkan hati.

Itulah perasaan tenteram yang yakin terhadap ajaran yang benar dan yakin terhadap kehapusan kebatilan walau bagaimana sekalipun ia berlagak sombong dan takbur, juga yakin bahawa Allah akan menghukum orang-orang yang mendustakan ajaran yang benar apabila tiba waktunya yang telah ditetapkan, dan seterusnya yakin bahawa setiap berita dari Allah mempunyai masa yang telah ditetapkan dan setiap individu akan sampai kepada kesudahannya.

Setiap penda'wah kepada agama Allah perlu menghadapi pembohongan dari kaumnya, menghadapi pemulauan sukunya dan menghadapi hidup dagang dalam kalangan keluarganya, dan seterusnya menghadapi gangguan, penindasan, kepenatan dan sungutan hiba. Mereka amat memerlukan kepada ketenangan dan ketenteraman yang penuh keyakinan yang dicurahkan Al-Qur'an di dalam hati yang Mu'min.

Setelah Rasulullah menyampaikan perutusan ini dan menghadapi pembohongan mereka dengan langkah pemisahan diri dari mereka, maka beliau diperintah pula supaya jangan duduk bersama mereka - walaupun untuk menyampaikan perutusan dan peringatan - jika beliau dapati mereka sedang memperkatakan ayat-ayat Allah secara tidak hormat atau membincangkan persoalan agama secara tidak sungguh-sungguh, serius dan hormat yang wajar dengan kedudukan agama, iaitu mereka jadikan agama sebagai bahan sendaan dan penghinaan sama ada dengan perkataan atau perbuatan, supaya perbuatan duduk bersama mereka dalam keadaan yang seperti ini tidak merupakan satu persetujuan secara tidak langsung terhadap perbuatan mereka atau tidak merupakan satu sikap kurang cemburu atau rasa ghairah terhadap kehormatan agama, sedangkan yang sepatutnya bagi setiap Muslim menjadikan agama sebagai satu persoalan yang paling di cemburu olehnya. Oleh itu jika ia telah dilupakan syaitan lalu ia duduk bersama mereka

kemudian ia teringat kembali, hendaklah ia terus bangkit meninggalkan majlis mereka.

وَإِذَا رَأَيْتَ ٱلَّذِينَ يَخُوضُونَ فِىٓ ءَايَٰتِنَا فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ حَتَّىٰ يَخُوضُوا۟ فِى حَدِيثٍ غَيْرِهِۦ ۚ وَإِمَّا يُنسِيَنَّكَ ٱلشَّيْطَٰنُ فَلَا تَقْعُدْ بَعْدَ ٱلذِّكْرَىٰ مَعَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٦٨﴾

"Apabila engkau melihat orang-orang yang membincangkan ayat-ayat Kami (secara bersenda-senda), maka hendaklah engkau berpaling dari mereka sehingga mereka membincangkan perkara yang lain dan jika engkau dilupakan syaitan (terhadap larangan itu), maka janganlah sekali-kali engkau duduk bersama orang-orang yang zalim itu setelah engkau teringat kembali (kepada larangan itu)."(68)

Dahulu perintah ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. Tetapi dalam lingkungan batas-batas pengertian ayat ini juga boleh difahamkan bahawa perintah ini juga ditujukan kepada kaum Muslimin di belakang beliau. Hal ini berlaku di Makkah, di mana beliau hanya bergiat setakat berda'wah sahaja dan belum lagi diperintah melakukan tindakan perang kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah di peringkat masa itu, juga kerana arah perjuangan da'wah di masa itu ialah mengelakkan seberapa boleh dari bertempur dengan kaum Musyrikin. Oleh kerana itu perintah ini hanya menyuruh Nabi s.a.w. supaya jangan duduk dalam majlis kaum Musyrikin apabila beliau melihat mereka memperkatakan tentang ayat-ayat Allah atau menyebut agama Allah secara tidak hormat, juga supaya segera meninggalkan majlis mereka - jika ia dilupakan syaitan - sebaik sahaja beliau teringat kepada perintah dan larangan Allah. Orang-orang Islam di masa itu diperintah berbuat begitu mengikut setengah-setengah riwayat. Yang dimaksudkan dengan "orang-orang yang zalim" dalam ayat ini ialah kaum Musyrikin mengikut pengungkapan biasa Al-Qur'an.

Tetapi setelah Islam menegakkan sebuah negara di Madinah, maka hubungan Nabi s.a.w. dengan kaum Musyrikin mengambil bentuk yang lain. Di waktu ini jihad dan berperang diizinkan agar fitnah terhadap agama tidak berlaku lagi dan agar seluruh keta'atan itu ditumpukan kepada Allah sahaja dan tidak ada lagi orang yang berani memper-katakan tentang ayat-ayat Allah secara tidak hormat.

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 70)

Kemudian ayat yang berikut mengulangi penjelasan mengenai langkah pemisahan di antara orang-orang yang beriman dan orang-orang Musyrikin sebagaimana sebelum ini telah di jelas perintah pemisahan di antara Rasulullah s.a.w. dengan kaum Musyrikin dan di samping itu ayat yang berikut menjelaskan perbezaan tanggungjawab dan nasib kesudahan di antara dua golongan itu:

وَمَا عَلَى ٱلَّذِينَ يَتَّقُونَ مِنْ حِسَابِهِم مِّن شَىْءٍ وَلَٰكِن ذِكْرَىٰ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٦٩﴾

"Dan orang-orang yang bertaqwa tidak sedikit pun bertanggungjawab terhadap hisab amalan orang-orang yang zalim itu, tetapi mereka hanya berkewajipan memberi peringatan kepada mereka supaya mereka bertaqwa."(69)

Di sana tidak ada tanggungjawab bersama di antara orang-orang yang bertaqwa dengan orang-orang Musyrikin. Kedua-duanya merupakan dua umat yang berlainan walaupun sama dari segi bangsa dan kaum, kerana bangsa dan kaum tidak mempunyai apa-apa nilai di dalam neraca perimbangan Allah dan tidak diambil kira dalam pertimbangan Islam. Orang-orang yang bertaqwa merupakan satu umat dan orang-orang yang zalim (kaum Musyrikin) merupakan satu umat yang lain, kerana itu orang-orang yang bertaqwa sama sekali tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan orang-orang Musyrikin, tetapi mereka hanya berkewajipan memberi peringatan kepada orang-orang Musyrikin dengan harapan semoga mereka bertaqwa seperti mereka dan memasuki barisan mereka. Selain dari itu kedua-dua golongan itu tidak berkongsi dalam suatu apa pun kecuali dalam 'aqidah sahaja.

Inilah agama Allah dan pernyataan-Nya. Bagi orang lain dia boleh berkata sesukanya, tetapi hendaklah ia sedar bahawa ia keluar dari agama Allah dengan pendapat-pendapat yang diutarakannya itu. Ayat yang berikut terus menjelaskan tentang dasar pemisahan di samping menjelaskan batas-batas mu'amalah dalam pemisahan itu:

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ وَذَكِّرْ بِهِۦٓ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌۢ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَآ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبْسِلُوا۟ بِمَا كَسَبُوا۟ ۖ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan tinggalkan mereka yang telah menjadikan agama mereka sebagai permainan dan hiburan. Mereka telah dipesonakan oleh kehidupan dunia. Dan hendaklah engkau mengingatkan mereka dengan Al-Qur'an agar setiap orang itu dipertanggungjawabkan dengan perbuatan yang telah dilakukannya. (Di sana) dia tidak mendapat pelindung dan penolong selain dari Allah dan jika ia menebuskan dosanya dengan segala macam tebusan nescaya tidak akan diterima

darinya. Merekalah orang-orang yang dipertanggungjawabkan dengan perbuatan yang dilakukan mereka, untuk mereka disediakan minuman dari air yang mendidih dan 'azab yang amat pedih kerana kekafiran yang dilakukan mereka."(70)

Kita berdepan dengan beberapa perkara mengenai ayat ini:

Pertama: Rasulullah s.a.w. - termasuk setiap orang Islam - diperintah supaya jangan menghiraukan orang-orang yang mempersenda-senda dan mempermainkan agama Allah sama ada dengan perkataan atau perbuatan. Sesiapa yang tidak menghormati agamanya dengan menjadikannya sebagai asas kehidupannya dalam aspek-aspek 'aqidah, ibadat, perangai, tingkah laku, undang-undang dan peraturan adalah bermakna ia telah menjadikan agamanya sebagai bahan sendaan dan permainan. Sesiapa yang memperkatakan tentang dasar-dasar Islam dan undang-undangnya kemudian menyifatkannya dengan sifat-sifat yang membawa kepada penghinaan dan sendaan misalnya seperti orang-orang yang memperkatakan tentang hakikat "Ghaib" yang menjadi salah satu asas 'aqidah Islam dengan cara yang menghina, dan seperti orang-orang yang memperkatakan "zakat" yang menjadi salah satu, rukun Islam dengan cara memperkecil-kecilkannya, dan seperti orang-orang yang memperkatakan tentang sifat malu, perangai baik dan hati bersih yang menjadi salah satu dari lunas-lunas ajaran agama Islam dan menyifatkan sifat-sifat ini sebagai sifat-sifat masyarakat pertanian atau masyarakat feudal atau masyarakat borjuis yang telah hapus, dan seperti orang-orang yang memperkatakan tentang asas-asas kehidupan suami-isteri yang digariskan Islam dengan ulasan yang membantah dan menolak, dan seperti orang-orang yang menyifatkan jaminan-jaminan yang ditetapkan Allah kepada kaum perempuan untuk memelihara kesucian diri mereka sebagai belenggu-belenggu........ dan lebih-lebih lagi seperti orang-orang yang mengingkarkan kuasa Hakimiyah Allah yang mutlak dalam kehidupan manusia yang waqi'i dalam bidang-bidang politik, sosial, ekonomi dan perundingan dan mengatakan bahawa manusia boleh mengaturkan bidang-bidang ini tanpa terikat dengan syari'at Allah. Mereka semua adalah tergolong dalam kumpulan orang-orang yang disifatkan oleh ayat ini sebagai orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai bahan sendaan dan permainan, dan sebagai orang-orang yang harus disisih dan dipulaukan oleh orang Islam kecuali dengan tujuan untuk memberi peringatan kepada mereka, dan seterusnya sebagai orang-orang yang zalim iaitu orang-orang Musyrikin yang mempersekutui Allah, dan sebagai orang-orang kafir yang dipertanggungjawabkan dengan perbuatan yang dilakukan mereka. Untuk mereka disediakan minuman dari air panas yang mendidih dan 'azab yang amat pedih dengan sebab mereka telah melakukan perbuatan kufur.

Kedua: Rasulullah s.a.w. - termasuk setiap orang Islam diperintah - setelah bertindak tidak mempedulikan orang-orang yang mempermain-mainkan agama mereka dan terpesona dengan kehidupan dunia - supaya memberi peringatan dan amaran agar diri mereka tidak dipertanggungjawabkan dengan perbuatan yang dilakukan mereka dan seterusnya mengingatkan bahawa mereka akan menemui Allah, ketika mana mereka tidak akan mendapat pelindung yang dapat menolong mereka selain dari Allah dan tidak akan mendapat penolong yang boleh membantu mereka, begitu juga sebarang tebusan tidak akan diterima dari mereka untuk membebaskan diri setelah dipertanggungjawabkan dengan perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka.

Ungkapan Al-Qur'an begitu indah dan mendalam apabila bermadah:

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ
ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ وَذَكِّرْ بِهِۦٓ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌۢ
بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِىٌّ
وَلَا شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَآ ۗ

"Dan hendaklah engkau mengingatkan mereka dengan Al-Qur'an agar setiap orang tidak dipertanggungjawabkan dengan perbuatan yang telah dilakukannya. (Di sana) dia tidak mendapat pelindung dan penolong selain dari Allah dan jika ia menebuskan dosanya dengan segala macam tebusan nescaya tidak akan diterima darinya."(70)

Oleh kerana itu setiap individu dipertanggungjawabkan dengan perbuatan yang dilakukannya dan ketika itu ia tidak akan mendapat pelindung dan penolong selain dari Allah dan tidak akan diterima sebarang tebusan darinya untuk membebaskan diri.

Mereka yang mempermain-mainkan agama mereka dan terpesona dengan kehidupan dunia telah, dipertanggungjawabkan dengan segala perbuatan yang dilakukan mereka dan mereka berhak menerima hukuman yang telah disebut dalam ayat yang silam dan menerima nasib kesudahan ini yang telah ditetapkan ke atas mereka:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبْسِلُوا۟ بِمَا كَسَبُوا۟ ۖ لَهُمْ
شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟
يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

"Merekalah orang-orang yang dipertanggungjawabkan dengan perbuatan yang telah dilakukan mereka. Untuk mereka disediakan minuman dari air panas yang mendidih dan 'azab yang amat pedih kerana kekafiran yang dilakukan mereka."(70)

Maksudnya mereka telah dipertanggungjawabkan dengan perbuatan yang telah dilakukan mereka dan

balasan mereka ialah minuman yang amat panas yang membakar halkum dan perut mereka, iaitu 'azab yang amat pedih dengan sebab kekafiran mereka yang dibuktikan oleh perbuatan mereka yang mempermain-mainkan agama mereka.

Ketiga: Mengenai firman Allah tentang orang-orang Musyrikin yang disifatkan sebagai:

ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا

"Orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan hiburan."(70)

Apakah yang dimaksudkan dengan "agama mereka"?

Orang-orang yang dimaksudkan oleh ayat ini ialah orang yang menganut Islam kemudian mempermain-mainkan agamanya. Golongan ini memang wujud dalam barisan Muslimin yang dikenali sebagai golongan Munafiqin tetapi ini berlaku di Madinah.

Apakah ayat ini juga cocok dengan orang-orang Musyrikin yang tidak menganut Islam? Sebenarnya Islam itulah agama yang tunggal... agama seluruh umat manusia sama ada yang beriman atau tidak beriman. Oleh itu sesiapa yang menolak Islam bermakna menolak agamanya berdasarkan hakikat kerana Islam itulah satu-satunya agama yang diakui Allah sebagai agama dan satu-satunya agama yang diterima-Nya dari manusia selepas dibangkitkan Muhammad Khatamun-Nabiyin.

Pengertian ini berdasarkan firman Allah:

ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا

"Dan tinggalkan mereka yang telah menjadikan agama mereka sebagai permainan dan hiburan."(70)

Ayat ini - Allah juga yang lebih mengetahui - mengisyaratkan kepada pengertian tadi yang mengirakan Islam sebagai agama seluruh umat manusia. Oleh itu sesiapa yang mempersenda dan mempermain-mainkannya bermakna ia mempermain-mainkan agamanya walaupun ia dari golongan orang-orang Musyrikin.

Kita masih perlu menjelaskan siapakah yang dimaksudkan dengan orang-orang Musyrikin itu?

Mereka ialah orang-orang yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu pihak yang lain di dalam ciri-ciri Uluhiyah sama ada dengan mempercayai ada pihak lain yang turut memiliki ciri Uluhiyah bersama Allah atau dengan cara mempersembahkan syi'ar-syi'ar ta'abbudiyah kepada sesuatu pihak bersama Allah atau dengan tindakan menerima kuasa Hakimiyah dan undang-undang dari sesuatu pihak yang lain bersama Allah, dan lebih-lebih lagi mereka yang mendakwa memiliki salah satu dari ciri-ciri Uluhiyah ini walaupun mereka memakai nama Islam. Oleh sebab itulah kita harus benar-benar yakin terhadap agama kita.

Keempat: Batas kebenaran untuk duduk bersama dalam majlis orang-orang yang zalim iaitu orang-orang Musyrikin yang mempermain-mainkan agama mereka yang telah dijelaskan sebelum ini ialah setakat bertujuan semata-mata untuk menyampaikan peringatan dan amaran kepada mereka dan tidak lebih dari itu apabila ia mendengar mereka membincangkan tentang ayat-ayat Allah secara tidak hormat atau mempermain-mainkannya dengan perkataan dan perbuatan dengan mana-mana bentuk dan cara telah kami jelaskan atau sebagainya.

Mengikut pendapat al-Qurtubi dalam kitab tafsirnya "الجامع لأحكام القرآن" mengenai ayat ini:

"Di dalam ayat ini terkandung jawapan dari kitab suci Allah kepada mereka yang berpendapat tidak mengapa bagi para imam yang menjadi pembela-pembela agama dan para pengikut mereka bercampur-gaul dengan orang-orang yang fasiq dan mengiakan pendapat-pendapat mereka secara berpura-pura untuk keselamatan."

Mengikut hemat kami perbuatan bercampur-gaul dengan tujuan memberi nasihat, peringatan, membetulkan pendapat-pendapat yang salah dan menyeleweng yang ditimbulkan oleh orang-orang yang fasiq itu memang diharuskan oleh ayat ini mengikut batas-batas yang diterangkannya, tetapi bercampur-gaul dengan orang-orang fasiq tetapi membungkamkan diri terhadap pendapat dan perbuatan mereka yang salah kerana mengambil sikap berpura-pura untuk menyelamat diri adalah satu perbuatan yang terlarang, kerana perbuatan ini pada lahirnya membenarkan yang batil dan merupakan satu pengakuan yang menentang kebenaran. Perbuatan ini juga mengelirukan orang ramai dan menghinakan agama dan pihak-pihak yang mengawal agama Allah. Dalam keadaan inilah ditegah bercampur-gaul dengan mereka.

Selain dari itu al-Qurtubi juga telah meriwayatkan pendapat-pendapat yang berikut:

"Ujar Khuwayz Mandad: Sesiapa yang memperkatakan ayat-ayat Allah secara tidak hormat hendaklah ditinggalkan majlisnya dan dipulaukannya sama ada ia seorang Muslim atau kafir". Kemudian katanya lagi: "Sahabat-sahabat kami juga melarang masuk ke negeri musuh, gereja-gereja[20] dan rumah-rumah ibadat mereka, juga melarang duduk bersama orang-orang kafir dan ahli bid'ah dan membuat hubungan yang mesra dengan mereka, mendengar percakapan dan berdebat dengan mereka. Pernah setengah-tengah ahli bid'ah berkata kepada Abu

---

[20] *Sayidina 'Umar r.a. pernah bersembahyang di sebuah gereja di Baitul Muqaddis, tetapi di waktu itu beliau bukannya berada di negeri musuh, tetapi berada dalam negeri di bawah perjanjian dan naungan zimmah, kerana orang-orang Kristian yang tinggal di negeri ini pada masa itu merupakan rakyat di bawah perjanjian dan naungan zimmi.*

'Imran an-Nakha'i: Dengarlah tuan saya nak bercakap sepatah. Tetapi beliau menolak sambil berkata: Walau setengah patah pun saya tak mahu dengar[21]. Begitu juga cerita yang berlaku kepada Abu Ayub as-Sakhtiani. Kata al-Fudhayl ibn 'Iyadh: Sesiapa yang menyukai ahli bid'ah nescaya Allah gugurkan pahala amalannya dan dikeluarkan Islam dari dalam hatinya. Dan sesiapa yang mengahwinkan anak perempuannya dengan seorang ahli bid'ah bermakna ia telah memutuskan hubungan rahim dengannya dan sesiapa yang duduk bersama ahli bid'ah nescaya ia tidak akan diberi hikmat. Apabila Allah mengetahui seorang itu bencikan ahli bid'ah, maka saya harap Allah akan memberi keampunan kepadanya. Abu Abdullah al-Hakim pula telah meriwayatkan dari Aisyah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w. "Sesiapa yang menghormati ahli bid'ah bermakna ia telah menolong meruntuhkan Islam".

Semuanya ini mengenai ahli bid'ah yang menganut agama Allah yang tidak sampai sejauh penyelewengan mereka yang mendakwa memiliki ciri-ciri Uluhiyah dengan mengamalkan kuasa Hakimiyah dan penyelewengan orang-orang yang membenarkan dakwaannya. Perbuatan ini bukan lagi satu bid'ah yang dilakukan oleh ahli bid'ah, malah ia merupakan satu kekafiran yang dilakukan oleh orang kafir atau satu kesyirikan yang dilakukan oleh musyrik, tetapi hal ini tidak pernah disebut oleh ulama' salaf kerana ia tidak berlaku di zaman mereka. Sejak Islam ditegakkan di bumi ini belum pernah ada seorang yang mendakwa beragama Islam yang sanggup mendakwa memiliki ciri-ciri Uluhiyah seperti itu. Hal ini tidak pernah berlaku melainkan selepas serangan Perancis di mana ramai orang Islam keluar dari Islam kecuali, mereka yang dipelihara Allah. Begitu juga tidak pernah terdapat satu pendapat ulama salaf yang mencakup hal yang telah berlaku ini. Segala hukum yang diperkatakan mereka tidak menyentuh hukum-hukum yang seperti ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 73)

قُلْ أَنَدْعُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا وَنُرَدُّ عَلَىٰٓ أَعْقَابِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَىٰنَا ٱللَّهُ كَٱلَّذِى ٱسْتَهْوَتْهُ ٱلشَّيَٰطِينُ فِى ٱلْأَرْضِ حَيْرَانَ لَهُۥٓ أَصْحَٰبٌ يَدْعُونَهُۥٓ إِلَى ٱلْهُدَى ٱئْتِنَا ۗ قُلْ إِنَّ هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ ۖ وَأُمِرْنَا لِنُسْلِمَ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧١﴾ وَأَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّقُوهُ ۚ وَهُوَ ٱلَّذِىٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٧٢﴾ وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۖ وَيَوْمَ يَقُولُ كُن فَيَكُونُ ۚ قَوْلُهُ ٱلْحَقُّ ۚ وَلَهُ ٱلْمُلْكُ يَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ ۚ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿٧٣﴾

"Katakanlah: Apakah wajar kita menyeru selain Allah sesuatu yang tidak berkuasa mendatangkan manfa'at dan mudharat kepada kita dan (membuat kita) dikembalikan semula ke belakang setelah Allah memberi hidayat kepada kita sama seperti seorang yang telah disesatkan syaitan-syaitan yang merayau-rayau di bumi dalam keadaan bingung, sedangkan ia mempunyai sahabat-sahabat yang mengajaknya kepada hidayat: Datanglah ikut kami! Katakanlah: Hidayat Allah itulah hidayat yang benar dan kita diperintah supaya menyerahkan diri kepada Tuhan yang memelihara semesta alam (71). Dan hendaklah kamu mendirikan solat dan bertaqwa kepada-Nya dan kepada-Nyalah kamu sekalian akan dikumpulkan (72). Dialah Yang telah menciptakan langit dan bumi dengan hikmat yang benar dan (kenangilah) hari Allah berfirman (kepada sesuatu yang hendak diwujudkannya): 'Jadilah', maka ia pun terus jadi dan Dialah yang memiliki teraju kekuasaan pada hari ditiupkan sangkakala. Dialah Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Halus Pengetahuan-Nya."(73)

Inilah nada pernyataan yang kuat menjelaskan hakikat Uluhiyah dan ciri-cirinya di samping mengecam perbuatan syirik dan perbuatan kembali semula kepada syirik sesudah mendapat hidayat Allah serta menayangkan pemandangan seorang yang sedang kembali mundur ke belakang kerana murtad dari agama Allah dan bagaimana ia kelihatan merayau-rayau di padang gurun tanpa arah dan tujuan, juga menjelaskan hanya hidayat Allah sahaja hidayat yang benar. Nada pernyataan ini di akhiri dengan rentak yang tinggi, mendalam dan kuat gemanya menggambarkan kekuasaan Allah yang mutlak dalam urusan perintah dan urusan penciptaan, dan menggambarkan bagaimana kekuasaan mutlak yang tunggal ini akan ketara begitu nyata sehingga kepada pengingkar-pengingkar yang buta mata hati pada hari ditiupkan sangkakala dan dibangkitkan sekalian yang mati dari kubur mereka, dan di waktu inilah mereka yang tidak yakin akan terus yakin bahawa teraju kekuasaan hanya dimiliki Allah sahaja dan seluruh mereka dikembalikan kepada-Nya.

* * * * * *

[21] *Firman Allah dalam al-Qur'an:*((فأعرض عن من تولى عن ذكرنا ولم يرد إلا الحيوة الدنيا)) *"Hendaklah engkau berpaling dari orang yang berpaling dari mengingati Kami dan tidak berkehendak selain dari kehidupan dunia." (an-Najm: 29)*

Mengikut Hidayat Yang Sebenar

قُلْ أَنَدْعُوا مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا وَنُرَدُّ عَلَىٰ أَعْقَابِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَانَا اللَّهُ كَالَّذِي اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ فِي الْأَرْضِ حَيْرَانَ لَهُ أَصْحَابٌ يَدْعُونَهُ إِلَى الْهُدَى ائْتِنَا ۗ قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ ۖ وَأُمِرْنَا لِنُسْلِمَ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٧١﴾

"Katakanlah: Apakah wajar kita menyeru selain Allah sesuatu yang tidak berkuasa mendatangkan manfa'at dan mudharat kepada kita dan (membuat kita) dikembalikan semula ke belakang setelah Allah memberi hidayat kepada kita sama seperti seorang yang telah disesatkan syaitan-syaitan yang merayau-rayau di bumi dalam keadaan bingung, sedangkan ia mempunyai sahabat-sahabat yang mengajaknya kepada hidayat: Datanglah ikut kami! Katakanlah: Hidayat Allah itulah hidayat yang benar dan kita diperintah supaya menyerahkan diri kepada Tuhan yang memelihara semesta alam."(71)

وَأَنْ أَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَاتَّقُوهُ ۚ

"Dan hendaklah kamu mendirikan solat dan bertaqwa kepada-Nya."(72)

Ungkapan "قُلْ" (katakanlah) merupakan nada perintah yang kuat yang berulang-ulang dalam surah ini. Ia menyarankan bahawa kuasa memerintah hanya dimiliki oleh Allah sahaja, sedangkan Rasulullah s.a.w. hanya berperanan sebagai penyampai dan pemberi peringatan sahaja. Ia juga menyarankan bahawa perintah ini adalah suatu perintah yang tinggi dan serius dan peranan Rasulullah s.a.w. ialah menyampaikan perintah dari Tuhannya.

قُلْ أَنَدْعُوا مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا

"Apakah wajar kita menyeru selain Allah sesuatu yang tidak berkuasa mendatangkan manfa'at dan mudharat kepada kita."(71)

Maksudnya, wahai Muhammad! Katakanlah kepada mereka pernyataan yang mengecam perbuatan mereka yang menyeru, menyembah dan memohon pertolongan kepada yang lain dari Allah atau menyerah teraju hidup mereka kepada orang-orang yang menyeru kepada yang lain dari Allah yang tidak berkuasa mendatangkan manfa'at dan mudharat. Sama ada yang diserukan itu berhala atau patung, batu atau pokok, roh atau malaikat, syaitan atau manusia, semuanya tidak berkuasa sedikit pun mendatang manfa'at dan mudharat. Mereka lebih lemah dari manfa'at dan mudharat. Segala gerak dan harakat adalah berlaku dengan perencanaan dari Allah dan sesuatu yang tidak diizinkan Allah tidak akan berlaku. Segala sesuatu berlangsung mengikut Qadha' dan Qadar-Nya.

Wahai Muhammad! Katakanlah kepada mereka pernyataan yang menyanggah amalan menyeru kepada yang lain dari Allah, amalan mengabdikan diri kepada yang lain dari Allah, amalan meminta pertolongan kepada yang lain dari Allah dan amalan tunduk kepada yang lain dari Allah, dan seterusnya mengecam perbuatan dan kecenderungan yang karut ini, sama ada pernyataan ini merupakan jawapan kepada cadangan mereka kepada Rasulullah s.a.w. agar diwujudkan persetujuan bersama di mana beliau menyembah tuhan-tuhan mereka dan mereka menyembah Tuhannya atau pernyataan itu merupakan kecaman secara langsung terhadap amalan yang dilakukan oleh kaum Musyrikin atau merupakan perisytiharan dasar pemisahan dan pengasingan dari pihak Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang beriman, kerana tujuan pernyataan itu hanya satu sahaja iaitu mengecam amalan karut yang tidak diterima oleh akal manusia apabila dibawa kepadanya dalam sorotan nur hidayat serta jauh dari tradisi-tradisi warisan yang lapuk, juga jauh dari tradisi yang dominan dalam masyarakat.

Untuk menggambarkan amalan dan kepercayaan yang karut itu di samping membesarkan kecaman, Al-Qur'an membentangkan kepercayaan-kepercayaan itu mengikut kaca mata hidayat Allah kepada orang-orang Islam yang mengabdikan diri kepada Allah dan mempertuhankan Allah sebagai Tuhan Yang Tunggal serta menumpukan seluruh keta'atan dan kepatuhan kepada-Nya tanpa sebarang sekutu:

قُلْ أَنَدْعُوا مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا وَنُرَدُّ عَلَىٰ أَعْقَابِنَا

"Katakanlah: Apakah wajar kita menyeru selain Allah sesuatu yang tidak berkuasa mendatangkan manfa'at dan mudharat kepada kita dan (membuat kita) dikembalikan semula ke belakang setelah Allah memberi hidayat kepada kita?"(71)

Itulah gambaran berpatah balik ke belakang setelah maju ke depan dan meningkat ke tahap tinggi.

Kemudian perhatian pemandangan yang terpampang ini iaitu satu pemandangan yang hidup dan bergerak yang memberi saranan dan rangsangan:

كَالَّذِي اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ فِي الْأَرْضِ حَيْرَانَ لَهُ أَصْحَابٌ يَدْعُونَهُ إِلَى الْهُدَى ائْتِنَا ۗ

"..... sama seperti seorang yang telah disesatkan syaitan-syaitan, yang merayau-rayau di bumi dalam keadaan bingung, sedangkan ia mempunyai sahabat-sahabat yang mengajaknya kepada hidayat: Datanglah ikut kami."(71)

Inilah satu pemandangan yang hidup, bergerak dan terpampang di hadapan mata menggambarkan

kesesatan dan kebingungan yang dialami oleh orang yang mempersekutui Allah sesudah berpegang dengan ajaran tauhid atau dialami oleh orang yang hatinya terumbang-ambing di antara mempercayai Tuhan Yang Maha Esa dan tuhan-tuhan yang banyak dari hamba-hamba ciptaan Allah, di mana perasaannya berbelah bagi di antara hidayat dan kesesatan dan merayau-rayau di padang gurun. Pemandangan ini menggambarkan makhluk insan yang amat malang "yang telah pesonakan syaitan-syaitan yang merayau-rayau di bumi". Kata-kata "istihwa' " (mempesona) adalah satu kata-kata yang menjelaskan maksudnya dengan sendirinya sahaja. Tentulah senang baginya jika ia terus mengikut arah pesonaan syaitan, kerana ini bererti ia mempunyai arah tetap yang ditujuinya walaupun di jalan yang sesat, tetapi malangnya di sebelah yang lain ada sahabat-sahabatnya yang mendapat hidayat turut mengajaknya ke jalan hidayat dan berseru kepadanya "datanglah ikut kami". Ini membuat si malang ini terumbang-ambing di antara pesonaan syaitan dan tarikan ajakan sahabat handainya ke jalan hidayat menyebabkan ia terus kebingungan ke mana hendak dituju dan seruan pihak mana yang harus disambut olehnya!

Itulah gambaran kesengsaraan jiwa yang sungguh hidup dan bergerak hingga dapat dirasa dan disentuh dari celah-celah pengungkapan itu. Saya sendiri dapat menggambarkan dalam imaginasi tentang pemandangan kesengsaraan jiwa yang berada dalam keadaan bingung terumbang-ambing, gelisah dan gelabah setiap kali saya membaca ayat ini, tetapi ini hanya satu gambaran imaginasi sahaja sehingga saya melihat sendiri kes-kes yang sebenar berlaku, di mana dapat di lihat pendirian yang bingung yang mencurahkan kesengsaraan jiwa yang seperti ini.... iaitu kes-kes manusia yang telah mengenal dan menghayati agama Allah - tanpa memandang setinggi mana tahap pengenalan dan penghayatan itu - kemudian tiba-tiba murtad dari agama Allah dan kembali menyembah tuhan-tuhan palsu kerana ditekan perasaan takut dan tamak dan di waktu inilah mereka dilanda kesengsaraan jiwa yang pahit, dan waktu inilah juga saya dapat menanggap apakah maksud yang sebenar yang dikehendaki oleh kes yang digambar dan diungkapkan oleh ayat ini.

Ketika bayangan pemandangan yang terpampang di hadapan mata yang hidup, bergerak, memberi saranan dan rangsangan itu menyelubungi jiwa dengan rasa takut terhadap kesudahan yang malang ini, maka datang pula pernyataan tegas yang mengemukakan arah hidayat yang tetap dan lurus:

قُلْ إِنَّ هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ ۖ وَأُمِرْنَا لِنُسْلِمَ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧١﴾ وَأَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّقُوهُ ۚ

"Katakanlah: Hidayat Allah itulah hidayat yang benar dan kita diperintah supaya menyerahkan diri kepada Tuhan yang memelihara semesta alam. Dan hendaklah kamu mendirikan solat dan bertaqwa kepada-Nya."(71-72)

Itulah pernyataan tegas dalam suasana jiwa yang sesuai, kerana jiwa yang terlukis dengan gambaran fikiran yang bingung dan dilanda perasaan sengsara yang pahit akibat fikiran yang bingung dan tidak pernah tenang itu lebih mudah untuk menyambut pernyataan yang tegas itu dengan hati yang tenteram, menyerah dan tunduk. Kemudian pernyataan yang tegas itu mengemukakan hakikat yang benar:

قُلْ إِنَّ هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ ۖ

"Katakanlah: Hidayat Allah itulah hidayat yang benar."(71)

Maksudnya hidayat Allah itulah satu-satunya hidayat yang sebenar sebagaimana jelas dibayangkan oleh susunan kata-kata ungkapan ini sendiri. Dan pernyataan itu juga merupakan satu pernyataan yang penuh keyakinan.

Manusia akan meraba-raba di padang gurun apabila mereka meninggalkan hidayat Ilahi atau menyeleweng darinya dan menukarkan sesuatu dari kefahaman-kefahamannya, lunas-lunasnya, undang-undang dan peraturan-peraturannya, syari'at dan kanunnya, nilai-nilai dan ukuran-ukurannya tanpa berpandukan "ilmu yang benar", "hidayat dari Allah" dan "pernyataan yang jelas dari Al-Qur'an."

Manusia telah dikurniakan Allah dengan qudrat dan kebolehan mengenal dan memahami setengah-setengah undang-undang alam dan setengah-setengah tenaga dan kuasanya untuk pergunaan mereka dalam urusan pentadbiran khilafah di bumi ini dan untuk membangun dan memajukan kehidupan dunia ini, tetapi manusia yang sama ini juga tidak dikurniakan Allah dengan qudrat dan kebolehan untuk mengetahui dan memahami hakikat-hakikat mutlak di alam buana ini, juga untuk mengetahui rahsia-rahsia ghaib yang melingkunginya dari semua sudut dan di antaranya ialah rahsia ghaib akal dan rohnya, malah termasuk rahsia ghaib fungsi-fungsi anggota tubuhnya dan faktor-faktor yang tersembunyi di sebalik fungsi-fungsi ini, iaitu faktor-faktor yang mendorong fungsi-fungsi itu beroperasi dengan teratur dan mengikut arahnya yang tertentu ini. Oleh sebab itulah manusia memerlukan hidayat dan pertunjuk Allah dalam segala perkara yang berhubungkait dengan kewujudannya dan kehidupannya seperti persoalan-persoalan 'aqidah, akhlak, ukuran-ukuran, nilai-nilai, peraturan-peraturan, syari'at-syari'at dan kanun yang mengatur dan mengendalikan urusan kewujudan dan kehidupan mereka di alam kenyataan.

Apabila manusia kembali kepada hidayat Allah bermakna mereka mendapat hidayat, kerana hidayat itulah satu-satunya hidayat yang benar dan apabila mereka menjauhi hidayat itu dari semua aspek atau melakukan beberapa penyelewengan atau menukarkan sesuatu dari lunas-lunas hidayat Allah, bermakna mereka telah sesat, kerana sesuatu yang bukan dari hidayat Allah itu adalah sesat belaka. Di sana tidak ada jalan yang ketiga (firman Allah):

فَمَاذَا بَعْدَ ٱلْحَقِّ إِلَّا ٱلضَّلَٰلُ

"Tiada lagi selepas hidayat yang benar melainkan kesesatan."

(Surah Yunus: 32)

Umat manusia telah menderita berbagai-bagai malapetaka akibat dari kesesatan ini dan sehingga kini mereka masih merasa akibat yang pasti dalam sejarah manusia apabila mereka menyeleweng dari hidayat Allah. Inilah satu-satunya kepastian sejarah yang diyakini tetap berlaku, kerana ia merupakan kepastian yang telah ditetapkan Allah dan satu berita yang benar dari Allah bukannya kepastian-kepastian yang didakwa (oleh teori komunisme). Sesiapa yang ingin melihat umat manusia yang menyeleweng dari hidayat Allah tidak perlu membuat penyelidikan yang mendalam kerana penyelewengan itu terpampang di sekeliling mereka di merata ceruk dunia, yang dapat di lihat oleh mata dan disentuh oleh tangan, di samping ia menjadi tajuk perbincangan hebat oleh para cendekiawan di semua tempat.[22]

Oleh sebab itulah ayat yang berikut datang untuk menjelaskan keperluan tunduk dan menyerahkan diri kepada Yang Maha Esa sahaja, mengabdikan diri kepada-Nya sahaja, takut dan bertaqwa kepada-Nya sahaja:

وَأُمِرْنَا لِنُسْلِمَ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧١﴾ وَأَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّقُوهُ

"Dan kita diperintah supaya menyerahkan diri kepada Tuhan yang memelihara semesta alam. Dan hendaklah kamu mendirikan solat dan bertaqwa kepada-Nya."(71-72)

Maksudnya wahai Muhammad! Katakanlah dan umumkanlah bahawa hidayat Allah itulah hidayat yang benar dan kerana itu kami diperintah tunduk dan menyerahkan diri kepada Tuhan yang memelihara semesta alam. Dialah sahaja yang layak menerima penyerahan diri dari semesta alam. Seluruh alam tunduk dan menyerah diri kepada-Nya, tetapi mengapa manusia sahaja di antara makhluk-makhluk yang lain yang enggan tunduk dan menyerahkan diri kepada Rububiyah Allah yang syumul, di mana seluruh langit dan bumi tunduk dan menyerah kepada-Nya.

Konsep Rububiyah Allah ke atas semesta alam yang disebut di sini itu memang kena pada tempatnya, kerana konsep ini menjelaskan hakikat yang harus diakui iaitu seluruh alam al-wujud tunduk kepada-Nya termasuk alam-alam nyata dan alam-alam ghaib yang seluruhnya tunduk kepada undang-undang alam yang diatur oleh Allah yang tidak dapat dilanggar olehnya dan makhluk manusia juga dari segi struktur fizikalnya terpaksa tunduk kepada undang-undang alam ini dan Tidak dapat menghindarkan diri darinya. Tiada lagi kebebasan yang ada padanya kecuali menyerah dan tunduk dalam aspek yang diberi kebebasan kepadanya sebagai suatu ujian dari Allah, iaitu aspek kebebasan memilih hidayat atau kesesatan jika ia tunduk dan menyerah dalam aspek ini sebagaimana tunduknya aspek fizikalnya nescaya betullah urusan hidupnya dan selaraslah struktur kejadian dan perilakunya, fizikal dan rohaniyahnya, dunia dan Akhiratnya.[23]

Pengumuman Rasulullah s.a.w. dan kelompok Muslimin yang ada bersamanya bahawa mereka diperintah tunduk dan menyerah kepada Allah, lalu mereka tunduk dan menyerah, merupakan satu saranan yang amat berkesan kepada mereka yang dibukakan pintu hati mereka oleh Allah untuk menerima dan menyambut perintah itu di sepanjang zaman.

Selepas pengumuman tunduk dan menyerah kepada Tuhan yang memelihara semesta alam datang pula perintah mengerjakan amal ibadat menyuburkan perasaan taqwa:

وَأَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّقُوهُ

"Hendaklah kamu mendirikan solat dan bertaqwa kepada-Nya."(72)

Soal pokok ialah tunduk dan menyerah kepada Rububiyah Tuhan semesta alam, tunduk kepada kekuasaan-Nya, kepada tarbiyah dan asuhan-Nya kemudian barulah diikuti dengan amal ibadat dan latihan-latihan membetulkan hati agar semuanya ditegakkan di atas asas tunduk dan menyerah kepada Allah, kerana ibadat dan latihan hati tidak boleh ditegakkan melainkan sesudah tegaknya tapak asasnya.

Dalam nada pernyataan akhir ceraian ayat ini dikumpulkan penjelasan-penjelasan yang berkesan tentang hakikat-hakikat asasi 'aqidah, iaitu hakikat pengumpulan manusia di Mahsyar, hakikat penciptaan, hakikat kekuasaan Allah, hakikat ilmu Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, hakikat kebijaksanaan Allah dan ilmu-Nya yang amat mendalam dan sebagainya dari ciri-ciri Uluhiyah yang menjadi pokok pembicaraan surah ini:

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٧٢﴾ وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ وَيَوْمَ

[22] *Lihat bab* "تخبط واضطراب" *dalam kitab* " الإسلام ومشكلات الحضارة" *dan bab* " سهادة القرن العشرين" *dalam kitab* "التطور والثبات في حياة البشرية ".

[23] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam bab "*الإسلام *" dalam kitab "*مبادي الإسلام *" oleh Abul A'la al-Maududi, Amir Jama'atul Islamiyah, Pakistan*

يَقُولُ كُن فَيَكُونُ قَوْلُهُ ٱلْحَقُّ وَلَهُ ٱلْمُلْكُ يَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿٧٣﴾

"Dan kepada-Nyalah kamu sekalian akan dikumpulkan.(72) Dialah yang telah menciptakan langit dan bumi dengan hikmat yang benar, dan (kenangilah) hari Allah berfirman (kepada sesuatu yang hendak diwujudkannya): 'Jadilah! Maka ia pun terus jadi. Firman-Nya itulah yang benar dan Dialah yang memiliki teraju kekuasaan pada hari ditiupkan sangkakala. Dialah Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Halus Pengetahuan-Nya.(73)

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٧٢﴾

"Dan kepada-Nyalah kamu sekalian akan dikumpulkan."(72)

Sikap tunduk dan menyerah kepada Tuhan semesta alam adalah suatu keperluan dan kewajipan kerana seluruh manusia kelak akan dikumpulkan di hadapan-Nya di Mahsyar. Amatlah wajar kepada mereka menyediakan amalan-amalan yang boleh menyelamatkan mereka sebelum berlakunya perhimpunan yang pasti itu di Mahsyar. Mereka amat wajar pada hari ini tunduk dan menyerah kepada-Nya sebagaimana yang dilakukan oleh semesta alam sebelum mereka disoal di hadapan-Nya. Demikianlah kefahaman terhadap hakikat pengumpulan di Mahsyar itu menjadi asas yang menyarankan keperluan mengambil sikap tunduk dan menyerah kepada Allah selama manusia terpaksa tunduk dan menyerah juga pada akhir kesudahannya.

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ

"Dialah yang telah menciptakan langit dan bumi dengan hikmat yang benar."(73)

Ini satu lagi hakikat yang digemblingkan sebagai satu hakikat yang memberi kesan yang mendalam, iaitu Allah yang memerintah mereka supaya tunduk dan menyerah kepada-Nya, Dialah juga yang menciptakan langit dan bumi, dan jika Dia yang mencipta, maka Dialah menguasai, membuat keputusan dan melaksanakannya, mengurus dan mentadbir. Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan hikmat yang benar. Jadi, hikmat yang benar itulah yang menjadi asas penciptaan ini. Ayat ini selain dari menolak tanggapan-tanggapan salah ilmu falsafah terhadap penciptaan alam buana ini terutama falsafah Platonisme dan idealisme yang mengatakan bahawa alam yang nyata ini adalah suatu tanggapan khayal semata-mata yang tidak wujud pada hakikat di samping membetulkan kefahaman-kefahaman yang seumpama ini, kerana ayat ini menyarankan bahawa hikmat yang benar adalah menjadi asas pembinaan alam buana ini dan segala yang berhubung kait dengannya. Kebenaran yang menjadi pegangan dan tempat perlindungan manusia itu adalah berlandaskan kepada hikmat yang benar yang tersembunyi dalam fitrah alam buana dan tabi'atnya. Oleh kerana itu kebenaran merupakan satu kekuatan agung yang tidak dapat dihalang oleh kebatilan yang tidak mempunyai akar-akar yang bertunjang dalam pembinaan alam buana, malah kebatilan itu diumpamakan sebagai pokok kayu yang buruk yang telah dibongkarkan akar umbinya dari atas bumi yang tidak mungkin lagi tegak, atau sebagai buih yang akan musnah dan hilang begitu sahaja, kerana ia tidak mempunyai asas dalam pembinaan alam buana seperti kebenaran. Ini adalah satu hakikat yang amat besar, berpengaruh dan mendalam.

Seorang mu'min yang sedar bahawa kebenaran yang dipegang olehnya itu secara peribadinya bermakna ia mempunyai hubungan dengan kebenaran agung yang wujud pada kewujudan alam buana ini. Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ

"Hal yang sedemikian kerana Allah itulah yang benar."

(Surah Lukman: 30)

Ini bermakna bahawa kebenaran agung yang wujud dalam alam buana ini mempunyai hubungan yang rapat dengan kebenaran mutlak Allah S.W.T. Seorang mu'min yang menyedari hakikat ini dengan kefahaman yang sebesar ini tidak akan memandang kebatilan walau bagaimana besar, gagah, zalim dan ganas sekalipun - melainkan laksana memandang setompok buih yang tiba-tiba mendatang di alam buana ini dan tidak mempunyai akar umbi dan bekalan hidup yang lambat laun akan hanyut dan hilang seolah-olah ia tidak pernah wujud di alam ini.

Orang yang tidak beriman juga akan menggelentar apabila ia memahami hakikat ini, malah ia mungkin tunduk dan kembali ke pangkal jalan.

وَيَوْمَ يَقُولُ كُن فَيَكُونُ

"Dan (kenangilah) hari Allah berfirman (kepada sesuatu yang hendak diwujudkannya) 'jadilah, maka ia pun terus jadi."(73)

Itulah kekuasaan yang berkuasa, dan kehendak iradat yang mutlak dalam menentukan urusan penciptaan, pengwujudan, perubahan dan pertukaran. Pembentangan hakikat ini merupakan salah satu proses membina 'aqidah di dalam hati para mu'minin di samping merupakan satu pernyataan yang berkesan kepada hati mereka yang diajak supaya patuh dan tunduk kepada Tuhan semesta alam yang telah menciptakan alam buana dengan hikmat yang benar, Tuhan yang hanya memerintah kepada sesuatu yang hendak diciptakan-Nya "jadi!", maka ia pun terus jadi.

قَوْلُهُ ٱلْحَقُّ

"Firman-Nya itulah yang benar."(73)

Sama ada firman-Nya "Kun" yang menciptakan segala sesuatu atau firman-Nya yang memerintah supaya manusia tunduk dan menyerah kepada-Nya

sahaja, atau firman-Nya yang menggariskan undang-undang dan peraturan-Nya setelah manusia tunduk dan patuh kepada-Nya, atau firman-Nya yang menceritakan masa silam, masa kini dan masa depan atau menjelaskan tentang penciptaan dan kejadian alam buana dan tentang perhimpunan di Mahsyar dan tentang balasan dan ganjaran di Akhirat.

Firman-Nyalah yang benar dalam semua urusan ini. Oleh sebab itu amatlah wajar bagi mereka yang mempersekutuï Allah dengan sesuatu dari makhluk-makhluk yang dijadikan-Nya yang tidak mendatang manfa'at dan mudharat supaya kembali tunduk dan patuh kepada-Nya sahaja, termasuk mereka yang mengikut perkataan yang lain dari Allah dalam mentafsirkan alam buana ini dan mengikut undang-undang dan peraturan yang lain dari undang-undang dan peraturan Allah dalam mana-mana jurusan.

وَلَهُ ٱلۡمُلۡكُ يَوۡمَ يُنفَخُ فِي ٱلصُّورِۚ

"Dan Dialah yang memiliki teraju kekuasaan pada hari ditiupkan sangkakala."(73)

Hari inilah hari perhimpunan di Mahsyar iaitu hari ditiupkan sangkakala (semacam nafiri dari tanduk). Itulah hari berlakunya kebangkitan kembali manusia yang mati dengan satu cara ghaibiyah yang tidak diketahui oleh manusia. Ia merupakan salah satu dari rahsia ghaib yang tersimpan di sisi Allah. Sangkakala juga merupakan rahsia ghaib dari segi hakikat dan sifatnya, juga dari segi reaksi dan sambutan orang-orang yang mati kepada tiupannya. Mengikut riwayat-riwayat yang ma'thur ia diciptakan dari Nur dan apabila ditiupkan oleh malaikat, maka bunyinya akan didengar oleh sekalian yang berada dalam kubur dan mereka akan terus bangkit untuk perhimpunan di Mahsyar. Inilah yang berlaku pada tiupan yang kedua, sedangkan yang berlaku pada tiupan yang pertama ialah sekalian yang berada di langit dan bumi akan mati semuanya kecuali mereka yang dikehendaki Allah sebagaimana dijelaskan dalam Surah az-Zumar:

وَنُفِخَ فِي ٱلصُّورِ فَصَعِقَ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُۖ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخۡرَىٰ فَإِذَا هُمۡ قِيَامٞ يَنظُرُونَ ٦٨

"Dan ditiupkan sangkakala lalu matilah sekalian yang berada di langit dan di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah, kemudian ditiupkan sekali lagi lalu sekalian mereka bangkit kembali menunggu (apa yang akan berlaku)."(68)

Sifat-sifat sangkakala dan kesan-kesan tiupannya yang dijelaskan oleh ayat ini memberi gambaran yang yakin kepada kita bahawa sangkakala itu suatu alat yang tidak pernah diketahui manusia di bumi ini atau suatu alat yang dapat dikhayalkan mereka. Ia adalah dari rahsia ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Kita hanya dapat mengetahui mengenainya sekadar maklumat yang diberikan Allah tentang setengah-setengah sifat dan kesannya dan kita tidak dapat pergi lebih dari itu, kerana perbuatan itu tidak aman dari ketersasulan dan tidak memberi keyakinan selain dari andaian dan tekaan-tekaan sahaja.

Pada hari ditiupkan sangkakala inilah ketaranya dengan jelas sehingga kepada pengingkar-pengingkar dan orang-orang yang dulunya buta mata hati - hakikat bahawa teraju kekuasaan pada hari ini hanya berada di tangan Allah sahaja, di mana tiada kuasa lain melainkan kuasa Allah dan tiada kehendak iradat lain melainkan kehendak dan iradat-Nya. Oleh itu amatlah wajar kepada mereka yang enggan tunduk dan patuh kepada Allah di dunia supaya kembali tunduk kepada-Nya sebelum mereka terpaksa tunduk kepada kekuasaan-Nya yang mutlak pada hari Qiamat, di mana ditiupkan sangkakala.

عَٰلِمُ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِۚ

"Dialah Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata."(73)

Maksudnya Allah mengetahui segala rahsia ghaib yang tersembunyi sebagaimana Dia mengetahui alam buana di alam nyata. Tiada suatu pun dari urusan para hamba-Nya yang tersembunyi dari pengetahuan-Nya. Oleh itu amatlah wajar kepada para hamba-Nya supaya tunduk, mengabdikan diri dan bertaqwa kepada-Nya. Demikianlah ayat ini menjelaskan hakikat ilmu Allah dan menggunakannya sebagai satu pernyataan yang berkesan dalam menghadapi golongan yang tidak mempercayai dan menentang da'wah.

وَهُوَ ٱلۡحَكِيمُ ٱلۡخَبِيرُ ٧٣

"Dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Halus Pengetahuan-Nya." (73)

Maksudnya Allah mentadbir dan mengendalikan urusan alam yang diciptakan-Nya dan urusan para hamba-Nya yang dikuasai-Nya di dunia dan di Akhirat dengan kebijaksanaan dan pengetahuan-Nya yang halus dan mendalam. Oleh kerana itu amatlah wajar kepada para hamba-Nya tunduk dan patuh kepada bimbingan-Nya, undang-undang dan peraturan-Nya dan supaya mencari kebahagiaan dari kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan-Nya yang luas dan supaya kembali kepada hidayat-Nya sahaja dan supaya keluar dari meraba-raba di padang gurun dan dari padang kebingungan untuk berteduh di bawah bayangan kebijaksanaan Allah dan ilmu pengetahuan-Nya Yang Maha Halus dan Mendalam dan seterusnya berteduh di bawah naungan hidayat dan bimbingan mata hati yang lurus.

Demikian hakikat ilmu Allah yang halus itu digunakan sebagai satu pernyataan yang berkesan dan memberi inspirasi kepada akal dan hati.

(Kumpulan ayat-ayat 74 - 94)

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ لِأَبِيهِ ءَازَرَ أَتَتَّخِذُ أَصْنَامًا ءَالِهَةً ۖ إِنِّىٓ أَرَىٰكَ وَقَوْمَكَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٧٤﴾

وَكَذَٰلِكَ نُرِىٓ إِبْرَٰهِيمَ مَلَكُوتَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلِيَكُونَ مِنَ ٱلْمُوقِنِينَ ﴿٧٥﴾

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ ٱلَّيْلُ رَءَا كَوْكَبًا ۖ قَالَ هَٰذَا رَبِّى ۖ فَلَمَّآ أَفَلَ قَالَ لَآ أُحِبُّ ٱلْءَافِلِينَ ﴿٧٦﴾

فَلَمَّا رَءَا ٱلْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَٰذَا رَبِّى ۖ فَلَمَّآ أَفَلَ قَالَ لَئِن لَّمْ يَهْدِنِى رَبِّى لَأَكُونَنَّ مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧٧﴾

فَلَمَّا رَءَا ٱلشَّمْسَ بَازِغَةً قَالَ هَٰذَا رَبِّى هَٰذَآ أَكْبَرُ ۖ فَلَمَّآ أَفَلَتْ قَالَ يَٰقَوْمِ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٧٨﴾

إِنِّى وَجَّهْتُ وَجْهِىَ لِلَّذِى فَطَرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ حَنِيفًا ۖ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٧٩﴾

وَحَآجَّهُۥ قَوْمُهُۥ ۚ قَالَ أَتُحَٰٓجُّوٓنِّى فِى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنِ ۚ وَلَآ أَخَافُ مَا تُشْرِكُونَ بِهِۦٓ إِلَّآ أَن يَشَآءَ رَبِّى شَيْـًٔا ۗ وَسِعَ رَبِّى كُلَّ شَىْءٍ عِلْمًا ۗ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٨٠﴾

وَكَيْفَ أَخَافُ مَآ أَشْرَكْتُمْ وَلَا تَخَافُونَ أَنَّكُمْ أَشْرَكْتُم بِٱللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ عَلَيْكُمْ سُلْطَٰنًا ۚ فَأَىُّ ٱلْفَرِيقَيْنِ أَحَقُّ بِٱلْأَمْنِ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨١﴾

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَلَمْ يَلْبِسُوٓا۟ إِيمَٰنَهُم بِظُلْمٍ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱلْأَمْنُ وَهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٨٢﴾

وَتِلْكَ حُجَّتُنَآ ءَاتَيْنَٰهَآ إِبْرَٰهِيمَ عَلَىٰ قَوْمِهِۦ ۚ نَرْفَعُ دَرَجَٰتٍ مَّن نَّشَآءُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿٨٣﴾

وَوَهَبْنَا لَهُۥٓ إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ ۚ كُلًّا هَدَيْنَا ۚ وَنُوحًا هَدَيْنَا مِن قَبْلُ ۖ وَمِن ذُرِّيَّتِهِۦ دَاوُۥدَ وَسُلَيْمَٰنَ وَأَيُّوبَ وَيُوسُفَ وَمُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ۚ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٨٤﴾

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berkata kepada bapanya Azar: Apakah wajar ayahanda menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya anakanda melihat ayahanda dan kaum ayahanda berada dalam kesesatan yang nyata (74). Dan demikianlah Kami memperlihatkan kepada Ibrahim (bukti-bukti kekuasaan Kami dalam) kerajaan langit dan bumi agar ia tergolong dalam kumpulan orang-orang yang beriman dengan penuh keyakinan (75). Apabila ia diselubungi kegelapan malam ia melihat sebuah planet lantas ia berkata: Inikah Tuhanku? Dan apabila planet itu menghilang ia pun berkata: Aku tidak suka kepada tuhan-tuhan yang menghilang (76). Apabila ia melihat bulan terbit lantas ia berkata: Inikah Tuhanku? Dan apabila bulan menghilang ia pun berkata: Jika Tuhanku tidak memberi hidayat kepadaku tentulah aku tergolong dalam kumpulan kaum yang sesat (77). Apabila ia melihat matahari terbit lantas ia berkata: Inikah Tuhanku? Ini lebih besar dan apabila matahari menghilang ia pun berkata: Wahai kaumku! Aku berlepas tangan dari segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya (78). Sesungguhnya aku hadapkan wajahku kepada Tuhan - yang telah menciptakan langit dan bumi - sebagai seorang hanif (yang berpegang dengan agama tauhid) dan aku tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin (79). Dia telah didebati kaumnya lalu ia berkata: Apakah kamu hendak mendebatiku mengenai Allah, sedangkan Dia telah memberi hidayat kepadaku? Dan aku tidak takut kepada segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengan-Nya kecuali sesuatu yang dikehendaki Tuhanku. Ilmu Tuhanku meliputi segala sesuatu. Apakah kamu tidak mengambil pengajaran? (80) Dan bagaimana aku harus takut kepada sembahan-sembahan yang telah kamu sekutukannya dengan Allah, sedangkan kamu tidak takut perbuatan kamu yang telah mempersekutukan Allah dengan sembahan-sembahan yang tidak pernah diturunkan sesuatu kuasa ke atas kamu. Oleh itu manakah di antara dua golongan itu yang lebih berhak mendapat keamanan jika kamu mengetahui? (81) Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan dengan sebarang kezaliman (syirik) merekalah orang-orang yang akan memperolehi keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayat (82). Dan itulah hujah Kami yang Kami kurniakan kepada Ibrahim untuk menghadapi kaumnya. Kami mengangkatkan sesiapa yang Kami kehendaki kepada darjat-darjat yang tinggi. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana dan Maha Megetahui (83). Dan Kami kurniakan kepadanya Ishaq dan Ya'kub dan kepada keduanya Kami kurniakan hidayat. Dan sebelum ini Kami telah kurniakan hidayat kepada Nuh dan sebahagian dari zuriatnya, juga kepada Daud, Sulaiman, Ayub, Yusuf, Musa dan Harun. Demikianlah Kami memberi balasan kepada golongan Muhsinin".(84)

وَزَكَرِيَّا وَيَحْيَىٰ وَعِيسَىٰ وَإِلْيَاسَ ۖ كُلٌّ مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٥﴾

وَإِسْمَاعِيلَ وَالْيَسَعَ وَيُونُسَ وَلُوطًا ۚ وَكُلًّا فَضَّلْنَا
عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٨٦﴾
وَمِنْ آبَائِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ وَإِخْوَانِهِمْ ۖ وَاجْتَبَيْنَاهُمْ
وَهَدَيْنَاهُمْ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٨٧﴾
ذَٰلِكَ هُدَى اللَّهِ يَهْدِي بِهِ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۚ
وَلَوْ أَشْرَكُوا لَحَبِطَ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٨٨﴾
أُولَٰئِكَ الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ
وَالنُّبُوَّةَ ۚ فَإِنْ يَكْفُرْ بِهَا هَٰؤُلَاءِ فَقَدْ وَكَّلْنَا بِهَا
قَوْمًا لَيْسُوا بِهَا بِكَافِرِينَ ﴿٨٩﴾
أُولَٰئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ ۖ فَبِهُدَاهُمُ اقْتَدِهْ ۗ قُلْ لَا
أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْعَالَمِينَ ﴿٩٠﴾
وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِذْ قَالُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٍ
مِنْ شَيْءٍ ۗ قُلْ مَنْ أَنْزَلَ الْكِتَابَ الَّذِي جَاءَ بِهِ
مُوسَىٰ نُورًا وَهُدًى لِلنَّاسِ ۖ تَجْعَلُونَهُ قَرَاطِيسَ
تُبْدُونَهَا وَتُخْفُونَ كَثِيرًا ۖ وَعُلِّمْتُمْ مَا لَمْ تَعْلَمُوا أَنْتُمْ
وَلَا آبَاؤُكُمْ ۖ قُلِ اللَّهُ ۖ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩١﴾
وَهَٰذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ مُصَدِّقُ الَّذِي بَيْنَ
يَدَيْهِ وَلِتُنْذِرَ أُمَّ الْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا ۚ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
بِالْآخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِ ۖ وَهُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩٢﴾
وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِيَ
إِلَيَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ شَيْءٌ وَمَنْ قَالَ سَأُنْزِلُ مِثْلَ مَا
أَنْزَلَ اللَّهُ ۗ وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ
وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُو أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوا أَنْفُسَكُمُ ۖ الْيَوْمَ
تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنْتُمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ
غَيْرَ الْحَقِّ وَكُنْتُمْ عَنْ آيَاتِهِ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٩٣﴾
وَلَقَدْ جِئْتُمُونَا فُرَادَىٰ كَمَا خَلَقْنَاكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ
وَتَرَكْتُمْ مَا خَوَّلْنَاكُمْ وَرَاءَ ظُهُورِكُمْ ۖ وَمَا نَرَىٰ مَعَكُمْ
شُفَعَاءَكُمُ الَّذِينَ زَعَمْتُمْ أَنَّهُمْ فِيكُمْ شُرَكَاءُ ۚ لَقَدْ
تَقَطَّعَ بَيْنَكُمْ وَضَلَّ عَنْكُمْ مَا كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٩٤﴾

"Dan Zakaria, Yahya, 'Isa dan Ilyas setiap mereka adalah dari golongan yang soleh (85). Dan Ismail, Alyasa', Yunus dan Lut setiap mereka Kami lebihkan darjat mereka di atas sekalian manusia (86). Dan (kami kurniakan hidayat kepada) sebahagian dari datuk nenek dan zuriat mereka serta saudara-saudara mereka dan kami telah memilih mereka (sebagai nabi dan rasul) dan kami bimbing mereka ke jalan yang lurus (87). Itulah hidayat Allah yang dengannya Dia memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki dari para hamba-Nya. Dan jika mereka mempersekutukan Allah, maka gugurlah segala amalan yang telah dilakukan mereka (88). Merekalah orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab,hikmat dan nubuwah. Oleh itu jika mereka (kaum Musyrikin Quraisy) mengingkarkannya (kitab, hikmat dan nubuwah), maka Kami telah menyerahkannya kepada satu kaum yang tidak mengingkarinya (89). Merekalah orang-orang yang telah diberikan hidayat oleh Allah, kerana itu hendaklah engkau ikuti petunjuk mereka. Katakanlah: Aku tidak meminta apa-apa upahan kerana menyampaikan Al-Qur'an (kepada kamu), Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan kepada semua umat manusia (90). Mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajar dengan-Nya ketika mereka berkata: Allah tidak menurunkan sesuatu apa pun kepada manusia. Katakanlah: Siapakah yang telah menurunkan kitab yang telah dibawa oleh Musa selaku cahaya dan hidayat kepada manusia yang kamu (wahai kaum Yahudi) jadikannya lembaran-lembaran kertas yang kamu tunjukkan kepada orang ramai, sedangkan sebahagian besar darinya kamu sembunyikannya (dari mereka) dan kamu juga telah diajar perkara-perkara yang tidak diketahui oleh kamu dan datuk nenek kamu? Katakanlah: Allahlah (yang telah menurunkannya), kemudian biarkanlah mereka bermain-main dalam kesesatan mereka (91). Dan Al-Qur'an inilah kitab yang Kami turunkannya sebagai kitab yang diberkati dan mengesahkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya dan supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk-penduduk Ummul-Qura (Makkah) dan mereka yang berada di sekelilingnya. Dan orang-orang yang beriman kepada Akhirat tentulah beriman kepada Al-Qur'an dan memelihara solat mereka (92). Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah membuat pembohongan terhadap Allah atau berkata: Aku telah diberi wahyu, sedangkan ia tidak pernah diberi sesuatu wahyu kepadanya dan orang yang berkata: Aku akan turunkan wahyu yang sama dengan wahyu yang diturunkan Allah.(alangkah dahsyatnya) jika engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu sedang berada dalam penderitaan sakratul-maut sewaktu para malaikat memukul mereka dengan tangannya seraya berkata: Selamatkan nyawa kamu (dari 'azab ini). Pada hari ini kamu akan dibalas dengan 'azab kehinaan, kerana kamu telah mengatakan perkara-perkara yang tidak benar terhadap Allah dan telah menunjukkan keangkuhan terhadap ayat-ayat-Nya (93). Dan

sesungguhnya kini kamu telah datang kepada Kami dengan sebatang kara sahaja, sebagaimana Kami ciptakan kamu pada pertama kali dan kamu telah meninggalkan di belakang kamu (di dunia) segala apa yang Kami telah kurniakan kepada kamu. Dan kini Kami tidak melihat sembahan-sembahan yang sanggup memberi syafa'at kepada kamu yang kamu dakwa bahawa mereka adalah sekutu-sekutu dalam kehidupan kamu. Sesungguhnya kini hubungan di antara kamu telah terputus dan segala sekutu yang telah didakwakan kamu telah lenyap."(94)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran yang panjang ini merupakan sekumpulan ayat yang membicarakan satu maudhu' yang mempunyai rangkaian yang berhubungkait. Ia membicarakan maudhu' asasi surah ini, iaitu maudhu' membina 'aqidah di atas asas memberi penjelasan yang syumul tentang hakikat Uluhiyah dan 'Ubudiyah dan segala pertalian yang wujud di antara keduanya, tetapi di sini maudhu' ini diolahkan dengan uslub yang berlainan dari uslub yang lepas sejak awal surah ini. Ia diolahkan mengikut uslub kisah yang diberikan komentar dan disertakan dengan pemandangan-pemandangan yang berkesan dan memberi inspirasi yang memenuhi surah ini. Di antaranya ialah pemandangan ketika menghadapi detik-detik kedatangan maut yang digambarkan dengan ciri-cirinya yang lengkap. Semuanya berlangsung dalam satu nafas yang panjang dan teratur diselangi gelombang-gelombang pernyataan yang bertubi-tubi yang kami telah bicarakannya dalam kata pengantar surah ini.

Keseluruhan pelajaran ini menayangkan angkatan iman yang bersinambungan sejak Nuh a.s. hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan di permulaan angkatan ini dibentangkan hakikat Uluhiyah sebagaimana yang dijelmakan di dalam pembawaan semulajadi salah seorang hamba-Nya yang soleh Ibrahim a.s., di mana digambarkan satu pemandangan yang sungguh menarik tentang fitrah insan yang sihat ketika ia mencari Tuhannya yang sebenar yang didapati dalam lubuk hatinya, sedangkan di luar ia bertembung dengan berbagai-bagai penyelewengan jahiliyah dan kefahaman-kefahamannya yang sesat. Dan pada akhiratnya ia memperolehi satu kefahaman yang benar yang selaras dengan gambaran yang tersemat di lubuk hatinya tentang sifat Tuhannya yang sebenar, iaitu satu kefahaman yang ditegakkan di atas bukti dalaman yang didapati dalam sanubarinya yang lebih kuat dari bukti yang dapat di lihat di alam nyata. Semuanya itu diterangkan ketika Al-Qur'an menceritakan tentang Ibrahim a.s. selepas beliau menemui Tuhannya yang sebenar dan merasa yakin dengan bukti-bukti yang didapati dalam hatinya:

وَحَآجَّهُۥ قَوْمُهُۥ ۚ قَالَ أَتُحَٰٓجُّوٓنِّى فِى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنِ ۚ
وَلَآ أَخَافُ مَا تُشْرِكُونَ بِهِۦٓ إِلَّآ أَن يَشَآءَ رَبِّى شَيْـًٔا ۗ
وَسِعَ رَبِّى كُلَّ شَىْءٍ عِلْمًا ۗ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٨٠﴾

وَكَيْفَ أَخَافُ مَآ أَشْرَكْتُمْ وَلَا تَخَافُونَ أَنَّكُمْ
أَشْرَكْتُم بِٱللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ عَلَيْكُمْ سُلْطَٰنًا ۚ
فَأَىُّ ٱلْفَرِيقَيْنِ أَحَقُّ بِٱلْأَمْنِ ۖ إِن كُنتُمْ
تَعْلَمُونَ ﴿٨١﴾

"Dia telah didebati kaumnya lalu ia berkata: Apakah kamu hendak mendebatiku mengenai Allah, sedangkan Dia telah memberi hidayat kepadaku? Dan aku tidak takut kepada segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengan-Nya kecuali sesuatu yang dikehendaki Tuhanku. Ilmu Tuhanku meliputi segala sesuatu. Apakah kamu tidak mengambil pengajaran? (80) Dan bagaimana aku harus takut kepada sembahan-sembahan yang telah kamu sekutukan dengan Allah, sedangkan kamu tidak takut perbuatan kamu yang telah mempersekutukan Allah dengan sembahan-sembahan yang tidak pernah diturunkan sesuatu kuasa ke atas kamu. Oleh itu manakah di antara dua golongan itu yang lebih berhak mendapat keamanan jika kamu mengetahui?"(81)

Kemudian ayat-ayat selanjutnya terus bergerak bersama angkatan iman, yang bersambung-sambung yang dipimpin oleh kumpulan rasul-rasul yang mulia dalam zaman-zaman yang bersilih ganti, di mana amalan syirik kaum Musyrikin dan pembohongan para pendusta da'wah merupakan tindakan sia-sia dan tidak mempunyai sebarang nilai. Ia gugur bertaburan di tepi-tepi jalan yang dilalui oleh angkatan iman yang agung yang meneruskan perjalanan yang silih bersambung, di mana barisan belakang bersambung dengan barisan hadapan. Oleh sebab itu angkatan iman membentuk satu umat yang padu, di mana barisan belakang menurut jejak hidayat yang diperjuangkan oleh barisan yang pertama tanpa mengira zaman dan tempat dan tanpa mengira bangsa atau kaum atau tanpa mengira keturunan atau warna kulit. Tali penghubung yang menyatupadukan semua barisan itu ialah agama Allah yang tunggal yang dibawa oleh kumpulan para anbiya' yang mulia.

Itulah satu pemandangan yang indah yang kelihatan jelas di celah-celah kata-kata firman Allah yang ditujukan kepada rasul-Nya yang mulia selepas menayangkan barisan angkatan iman yang besar itu:

ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهْدِى بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۚ
وَلَوْ أَشْرَكُوا۟ لَحَبِطَ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٨٨﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحُكْمَ
وَٱلنُّبُوَّةَ ۚ فَإِن يَكْفُرْ بِهَا هَٰٓؤُلَآءِ فَقَدْ وَكَّلْنَا بِهَا
قَوْمًا لَّيْسُوا۟ بِهَا بِكَٰفِرِينَ ﴿٨٩﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُ ۖ فَبِهُدَىٰهُمُ ٱقْتَدِهْ ۗ قُل لَّآ

أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْعَالَمِينَ ﴿٩٠﴾

"Itulah hidayat Allah yang dengannya Dia memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki dari para hamba-Nya. Dan jika mereka mempersekutukan Allah, maka gugurlah segala amalan yang telah dilakukan mereka (88). Merekalah orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab, hikmat dan nubuwah. Oleh itu jika mereka (kaum Musyrikin Quraisy) mengingkarkannya (kitab, hikmat dan nubuwah), maka Kami telah menyerahkannya kepada satu kaum yang tidak mengingkarinya (89). Merekalah orang-orang yang telah diberikan hidayat oleh Allah, kerana itu hendaklah engkau ikuti petunjuk mereka. Katakanlah: Aku tidak meminta apa-apa upahan kerana menyampaikan Al-Qur'an (kepada kamu), Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan kepada semua umat manusia."(90)

Selepas menayangkan barisan angkatan iman yang besar diiringi, pula dengan kecaman terhadap mereka yang mendakwa bahawa Allah tidak pernah mengutus rasul dan menurunkan kitab kepada manusia. Mereka sebenarnya tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajar dengan-Nya. Memang satu perbuatan tidak menghormati Allah apabila seorang itu berkata: Allah membiarkan manusia bebas dengan diri mereka, akal fikiran mereka, hawa nafsu dan keinginan mereka, kelemahan dan kekurangan mereka, kerana anggapan yang seperti ini tidak layak dengan Uluhiyah dan Rububiyah Allah, tidak layak dengan ilmu Allah dan kebijaksanaan-Nya dan tidak layak dengan keadilan Allah dan rahmat-Nya, malah rahmat Allah, ilmu dan keadilan-Nya menuntut agar mengirim utusan-utusan-Nya kepada manusia dan menurunkan kitab-kitab kepada setengah-setengah rasul-Nya supaya mereka sekalian berjuang untuk membimbing manusia kepada Tuhan Pencipta mereka dan menyelamatkan fitrah mereka dari sampah-sampah kepercayaan karut yang menodai dan mengaratinya, di samping menutup pintu-pintunya dan merosakkan alat-alat penerimanya. Kemudian dalam ayat itu juga Allah memberi contoh dengan kitab suci yang telah diturunkan kepada Nabi Musa a.s., dan kitab suci Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang mengesahkan kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya.

Pelajaran yang panjang dengan ceraian-ceraian ayat yang berhubungkait satu sama lain itu di akhiri dengan pernyataan yang mengecam perbuatan mereka yang melakukan pembohongan terhadap Allah, juga perbuatan mereka yang berani mendakwa bahawa mereka menerima wahyu dari Allah di samping mendakwa mempunyai kekuasaan untuk menurunkan wahyu yang sama dengan wahyu yang diturunkan Allah. Itulah dakwaan-dakwaan yang didakwa oleh setengah-setengah mereka yang menentang da'wah Islamiyah, dan di antara mereka ada yang mendakwa menerima wahyu dan ada pula yang mendakwa menjadi nabi.

Pada akhirnya ditayangkan pemandangan kaum Musyrikin yang sedang menghadapi sakratul-maut:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِى غَمَرَٰتِ ٱلْمَوْتِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ بَاسِطُوٓا۟ أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوٓا۟ أَنفُسَكُمُ ٱلْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ ٱلْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ غَيْرَ ٱلْحَقِّ وَكُنتُمْ عَنْ ءَايَٰتِهِۦ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٩٣﴾

"(Alangkah dahsyatnya jika engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu sedang berada dalam penderitaan sakratul-maut sewaktu para malaikat mereka dengan tangannya seraya berkata: Selamatkan nyawa kamu (dari 'azab ini). Pada hari ini kamu akan dibalas dengan 'azab kehinaan, kerana kamu telah mengatakan perkara-perkara yang tidak benar terhadap Allah dan telah menunjukkan keangkuhan terhadap ayat-ayat-Nya."(93)

Itulah satu pemandangan yang sugul, derita dan mencemaskan, diselubungi kehinaan dan disertai kecaman dan celaan, itulah balasan perbuatan angkuh dan menolak, perbuatan membuat pembohongan terhadap Allah dan mendustakan rasul.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 74 - 79)

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ لِأَبِيهِ ءَازَرَ أَتَتَّخِذُ أَصْنَامًا ءَالِهَةً إِنِّىٓ أَرَىٰكَ وَقَوْمَكَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٧٤﴾ وَكَذَٰلِكَ نُرِىٓ إِبْرَٰهِيمَ مَلَكُوتَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلِيَكُونَ مِنَ ٱلْمُوقِنِينَ ﴿٧٥﴾ فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ ٱلَّيْلُ رَءَا كَوْكَبًا قَالَ هَٰذَا رَبِّى فَلَمَّآ أَفَلَ قَالَ لَآ أُحِبُّ ٱلْءَافِلِينَ ﴿٧٦﴾ فَلَمَّا رَءَا ٱلْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَٰذَا رَبِّى فَلَمَّآ أَفَلَ قَالَ لَئِن لَّمْ يَهْدِنِى رَبِّى لَأَكُونَنَّ مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧٧﴾ فَلَمَّا رَءَا ٱلشَّمْسَ بَازِغَةً قَالَ هَٰذَا رَبِّى هَٰذَآ أَكْبَرُ فَلَمَّآ أَفَلَتْ قَالَ يَٰقَوْمِ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٧٨﴾ إِنِّى وَجَّهْتُ وَجْهِىَ لِلَّذِى فَطَرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٧٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berkata kepada bapanya Azar: Apakah wajar ayahanda menjadikan berhala-berhala

sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya anakanda melihat ayahanda dan kaum ayahanda berada dalam kesesatan yang nyata (74). Dan demikianlah Kami memperlihatkan kepada Ibrahim (bukti-bukti kekuasaan Kami dalam) kerajaan langit dan bumi agar ia tergolong dalam kumpulan orang-orang yang beriman dengan penuh keyakinan (75). Apabila ia diselubungi kegelapan malam, ia melihat sebuah planet lantas ia berkata: Inikah Tuhanku? Dan apabila planet itu menghilang ia pun berkata: Aku tidak suka kepada tuhan-tuhan yang menghilang (76). Apabila ia melihat bulan terbit lantas ia berkata: Inikah Tuhanku? Dan apabila bulan menghilang ia pun berkata: Jika Tuhanku tidak memberi hidayat kepadaku tentulah aku tergolong dalam kumpulan kaum yang sesat (77). Apabila ia melihat matahari terbit lantas ia berkata: Inikah Tuhanku. Ini lebih besar dan apabila matahari menghilang ia pun berkata: Wahai kaumku! Aku berlepas tangan dari segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya (78). Sesungguhnya aku hadapkan wajahku kepada Tuhan - yang telah menciptakan langit dan bumi - sebagai seorang hanif (yang berpegang dengan agama tauhid) dan aku tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin."(79)

Kisah Fitrah Manusia Mencari Tuhan

Pemandangan yang dilukiskan oleh Al-Qur'an di dalam ayat-ayat ini adalah satu pemandangan yang indah dan gemilang, iaitu pemandangan fitrah - bagi kali pertamanya - menolak dan mengecam kepercayaan jahiliyah dan selepas menepiskan dongeng yang karut ini, ia berlepas dengan penuh kerinduan mencari Tuhannya yang sebenar yang ditemui-Nya dalam hati nuraninya, tetapi belum begitu nyata dalam kesedaran dan pemahamannya. Dalam detik-detik kerinduannya yang tersembunyi itu, ia tertarik kepada kejadian-kejadian yang di lihatnya boleh menjadi tuhan yang dicarinya itu, tetapi apabila ia menelitinya dengan lebih mendalam ia dapati apa yang disangkakannya tuhan adalah palsu, kerana gambarannya tidak selaras dengan gambaran dan sifat Tuhan yang sebenar yang tersemat dalam hati nuraninya, kemudian pemandangan ketika fitrah itu menemui hakikat Tuhan yang sebenar terserlah dengan gemilang dalam hati nuraninya dan ketika ia berlepas dengan penuh kegembiraan kerana menemui hakikat Tuhan yang sebenar dan ketika ia mengumumkan dalam pertemuan yang mengharukan itu tentang keyakinannya terhadap hakikat yang ditemuinya, yang benar-benar selaras dengan hakikat Tuhan yang sebenar yang tersembunyi dalam hati nuraninya sebelum ini.

Pemandangan yang terserlah dalam hati Ibrahim itu adalah satu pemandangan yang sungguh indah dan gemilang, di mana Al-Qur'an menayangkan pengalaman agung yang dialami Ibrahim di dalam ayat-ayat pendek ini. Itulah kisah fitrah dengan kebenaran dan kebatilan, dan ia juga kisah 'aqidah yang diumumkan oleh mu'min tanpa takut dan gentar kepada para pengkritiknya dan tanpa mengambil sikap berpura-pura untuk mengambil hati sesiapa pun sama ada bapa, keluarga, suku sakat dan kaum sebagaimana sikap tegas dan terus terang yang telah ditunjukkan oleh Ibrahim terhadap bapa dan kaumnya:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ لِأَبِيهِ ءَازَرَ أَتَتَّخِذُ أَصْنَامًا ءَالِهَةً إِنِّىٓ أَرَىٰكَ وَقَوْمَكَ فِى ضَلَـٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٧٤﴾

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berkata kepada bapanya Azar: Apakah wajar ayahanda menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya anakanda melihat ayahanda dan kaum ayahanda berada dalam kesesatan yang nyata."(74)

Itulah suara fitrah yang bercakap di atas lidah Ibrahim sewaktu beliau belum lagi menemui Tuhannya yang sebenar dengan kesedaran dan pemahamannya, tetapi fitrahnya yang bersih dari awal-awal lagi menolak tuhan-tuhan yang disembah oleh kaumnya dari suku Kaldani yang tinggal di negeri Iraq. Mereka menyembah berhala-berhala di samping menyembah planet-planet dan bintang-bintang, tetapi Tuhan yang disembah dan ditujukan oleh manusia dalam sa'at-sa'at kesenangan dan kesusahan dan Tuhan yang menciptakan manusia dan seluruh makhluk hidup yang lain mengikut tanggapan fitrah Ibrahim tidak mungkin berupa berhala dari batu atau patung dari kayu. Andainya berhala-berhala ini tidak berkuasa mencipta, memberi rezeki, mendengar dan menyahut sebagaimana yang jelas pada penglihatan mata, maka sudah tentu tuhan-tuhan ini tidak layak disembah dan dijadikan tuhan-tuhan, malah tidak layak untuk dijadikan wasilah atau pengantara di antara Tuhan yang sebenar dengan para hamba-Nya.

Di sini jelaslah bahawa itulah kesesatan yang nyata yang dirasakan oleh fitrah Ibrahim a.s. bagi pertama kali. Itulah satu contoh fitrah yang sempurna yang telah dijadikan Allah sebagai tabi'at manusia. Kemudian ia juga satu contoh fitrah manusia yang sempurna ketika menghadapi kesesatan yang nyata, di mana ia menolak dan mengecamkannya dan seterusnya meluahkan kalimat yang benar dengan terus terang di sa'at menjelaskan persoalan 'aqidah:

أَتَتَّخِذُ أَصْنَامًا ءَالِهَةً إِنِّىٓ أَرَىٰكَ وَقَوْمَكَ فِى ضَلَـٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٧٤﴾

"Apakah wajar ayahanda menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya anakanda melihat ayahanda dan kaum ayahanda berada dalam kesesatan yang nyata."(74)

Itulah kalimat yang benar yang diucapkan oleh Ibrahim a.s. kepada bapanya, sedang beliau terkenal sebagai seorang penghiba, penyabar, mudah didekati, toleran dan lemah-lembut sebagaimana sifat-sifat beliau yang diterangkan oleh Al-Qur'anul-Karim. Beliau sanggup berkata sekeras itu kerana persoalan 'aqidah yang mengatasi segala pertalian bapa dan anak dan mengatasi sikap sabar dan toleran. Kisah Ibrahim merupakan kisah teladan yang diperintah oleh Allah supaya dicontohi oleh kaum Muslimin dari anak cucunya dan memang itulah tujuan Al-Qur'an menceritakannya.

Demikianlah kesucian fitrah Ibrahim a.s. dan kejujurannya mempertahankan kebenaran telah menjadikannya layak dibukakan Allah mata hatinya untuk menerima rahsia-rahsia yang tersembunyi di alam dan menerima bukti-bukti yang memberi inspirasi-inspirasi hidayat yang terdapat di alam buana ini:

وَكَذَٰلِكَ نُرِيٓ إِبۡرَٰهِيمَ مَلَكُوتَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَلِيَكُونَ مِنَ ٱلۡمُوقِنِينَ ﴿٧٥﴾

"Dan demikianlah Kami memperlihatkan kepada Ibrahim (bukti-bukti kekuasaan Kami dalam) kerajaan langit dan bumi agar ia tergolong dalam kumpulan orang-orang yang beriman dengan penuh keyakinan."(75)

Maksudnya dengan fitrah yang suci, mata hati yang terbuka dan dengan sifat kejujurannya mempertahankan kebenaran dan menolak kebatilan dengan penuh ketegasan inilah Kami memperlihatkan kepada Nabi Ibrahim a.s. rahsia-rahsia kerajaan Allah di langit dan bumi. Kami memperlihatkan kepadanya rahsia-rahsia yang tersembunyi di alam buana dan bukti-bukti yang bertaburan di lembaran-lembaran alam dan Kami hubungkan di antara hati dan fitrahnya dengan kejadian-kejadian yang menyarankan inspirasi iman dan hidayat yang terdapat di alam buana yang mengkagumkan itu supaya beliau dapat berpindah dari darjat menolak penyembahan tuhan-tuhan palsu kepada darjat keyakinan terhadap Tuhan yang sebenar.

Inilah jalan fitrah yang amat jelas dan mendalam. Ia merupakan suatu kesedaran yang tidak dapat dijejaskan oleh sampah-sampah kepercayaan yang karut dan suatu pandangan mata hati yang melihat segala keanehan ciptaan Allah yang terdapat di alam buana ini juga suatu penelitian batin yang memerhati segala pemandangan sehingga terbuka segala rahsianya yang tersembunyi dan seterusnya merupakan suatu hidayat dari Allah sebagai balasan terhadap perjuangannya di jalan Allah.

Demikianlah perjalanan yang telah dilakukan Ibrahim dan di jalan inilah ia menemui Allah dalam pemahaman dan kesedarannya selepas beliau menemui-Nya di dalam fitrah dan hati nuraninya. Kini beliau telah menemui hakikat Uluhiyah dalam kesedaran dan pemahaman selaras dengan hakikat Uluhiyah yang tersemat dalam fitrah dan hati nuraninya.

Sekarang marilah kita ikuti perjalanan yang sukar yang ditempuh oleh fitrah Ibrahim a.s. yang tulen dan jujur. Ia merupakan satu perjalanan yang amat sukar walaupun kelihatan mudah dan senang. Ia adalah satu perjalanan yang bertolak dari noktah keimanan fitri kepada noktah keimanan yang berlandaskan kesedaran dan kefahaman, keimanan yang menjadi asas taklif menjunjung kewajipan-kewajipan yang melaksanakan fardhu-fardhu dan mengamalkan undang-undang syari'at, keimanan yang bukan hanya diserahkan Allah S.W.T. kepada kefahaman akal manusia sahaja, malah dijelaskannya kepada mereka dalam risalah-risalah yang dibawa para rasul dari Allah. Risalah ini - bukannya fitrah dan akal - sebagai hujah tanggungjawab mereka. Risalah inilah yang menjadi asas hisab dan balasan yang melambangkan keadilan Allah dan rahmat-Nya di samping melambangkan ilmu-Nya yang amat mendalam terhadap hakikat manusia.

Ibrahim a.s. dikenali dengan "Ibrahim Khalilul-Rahman dan Bapa Muslimin.

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيۡهِ ٱلَّيۡلُ رَءَا كَوۡكَبٗاۖ قَالَ هَٰذَا رَبِّيۖ فَلَمَّآ أَفَلَ قَالَ لَآ أُحِبُّ ٱلۡأٓفِلِينَ ﴿٧٦﴾

"Apabila ia diselubungi kegelapan malam, ia melihat sebuah planet lantas ia berkata: Inikah Tuhanku? Dan apabila planet itu menghilang ia pun berkata: Aku tidak suka kepada tuhan-tuhan yang menghilang."(76)

Itulah gambaran hati Ibrahim yang diselubungi keraguan dan penolakan yang tegas terhadap berhala-berhala yang disembah oleh bapanya dan kaumnya. Kini persoalan 'aqidah telah menjadi satu persoalan yang memenuhi ruang hati Ibrahim dan alamnya. Gambaran itu telah bertambah jelas lagi dengan ungkapan:

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيۡهِ ٱلَّيۡلُ

"Apabila ia diselubungi kegelapan malam."(76)

Gambaran ini seolah-olah dia seorang sahaja yang diselubungi malam, seolah-olah dia diasingkan dari manusia sekelilingnya agar dia benar-benar hidup dengan hatinya, dengan fikiran-fikiran dan pengamatan-pengamatannya dan dengan minat dan dengan keprihatinannya yang baru yang memenuhi hati dan fikirannya:

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيۡهِ ٱلَّيۡلُ رَءَا كَوۡكَبٗاۖ قَالَ هَٰذَا رَبِّيۖ

"Apabila ia diselubungi kegelapan malam ia melihat sebuah planet lantas ia berkata: Inikah Tuhanku?"(76)

Pengembaraan Fitrah Ibrahim Mencari Tuhan

Sebelum ini kami telah terangkan bahawa kaum Ibrahim bertuhankan planet-planet dan bintang-bintang dan beliau kini kecewa untuk melihat Tuhannya yang sebenar, yang ditemui dalam fitrahnya dalam bentuk yang belum difahami dan disedari itu, menjelma dalam rupa mana-mana berhala (yang disembah oleh kaumnya), mungkin beliau mengharapkan untuk menemui Tuhan yang sebenar itu dalam mana-mana berhala yang disembah oleh kaumnya.

Ini bukannya kali pertama Ibrahim mengetahui kaumnya menyembah planet-planet dan bintang-bintang, begitu juga bukannya kali pertama Ibrahim

melihat sebuah planet, tetapi planet yang muncul pada malam ini mengatakan kepadanya sesuatu yang belum pernah diluahkan sebelum ini dan menyarankan kepadanya suatu gambaran yang sejajar dengan minat dan prihatin yang sedang memenuhi ruang hati dan alamnya.

قَالَ هَٰذَا رَبِّي

"Lantas ia berkata inilah Tuhanku."(76)

Planet yang muncul di langit yang tinggi dengan cahayanya yang berseri-seri itu lebih layak menjadi tuhan dari berhala-berhala yang disembahkan oleh kaumnya... tetapi tidak ia mengecewakan sangkaannya itu:

فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أُحِبُّ الْآفِلِينَ ﴿٧٦﴾

"Dan apabila planet itu menghilang ia pun berkata: Aku tidak suka kepada tuhan-tuhan yang menghilang."(76)

Planet itu menghilangkan dirinya dari makhluk-makhluk ini; jadi siapakah pula yang akan menjaga dan mengendalikan urusan makhluk-makhluk itu jika Tuhan menghilangkan diri? Tidak, ia bukan Tuhan, kerana Tuhan tidak menghilangkan diri.

Itulah logik fitrah yang sangat nyata dan dekat. Ia tidak membangkitkan isu-isu logikal dan andaian-andaian dialektikal, malah ia terus membuat kesimpulan dengan mudah dan tegas, kerana seluruh entiti manusia mengakuinya dengan keyakinan yang amat mendalam....

لَا أُحِبُّ الْآفِلِينَ ﴿٧٦﴾

"Aku tidak suka kepada tuhan-tuhan yang menghilang."(76)

Bentuk hubungan yang wujud di antara fitrah dan Tuhannya ialah hubungan kasih mesra, iaitu pertalian hati yang kasih. Fitrah Ibrahim tidak suka dan tidak ingin mempertuhankan tuhan-tuhan yang menghilangkan diri, kerana Tuhan yang disukai fitrah ialah Tuhan yang sentiasa wujud dan tidak menghilangkan diri.

فَلَمَّا رَأَى الْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَٰذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَئِن لَّمْ يَهْدِنِي رَبِّي لَأَكُونَنَّ مِنَ الْقَوْمِ الضَّالِّينَ ﴿٧٧﴾

"Apabila ia melihat bulan terbit lantas ia berkata: Inilah Tuhanku. Dan apabila bulan menghilang ia pun berkata: Jika Tuhanku tidak memberi hidayat kepadaku tentulah aku tergolong dalam kumpulan kaum yang sesat."(77)

Di sini pengalaman Ibrahim berulang lagi. Seolah-olah beliau tidak pernah melihat bulan dan tidak pernah mengetahui bahawa kaumnya menyembah bulan, tetapi pada malam ini beliau melihat bulan dengan satu pandangan yang baru – قال هذا ربي **"Lantas ia berkata: Inilah Tuhanku."**

Beliau melihat bulan muncul dengan cahayanya yang melimpahi alam. Ia muncul sebagai satu-satunya pelita di kolong langit dengan cahayanya yang penuh mesra... tetapi ia bersifat menghilang, sedangkan Tuhan yang dikenali oleh fitrah dan hati nurani Ibrahim tidak pernah menghilang.

Sampai di sini Ibrahim merasa ia memerlukan bantuan dan pertolongan dari Tuhannya yang sebenar yang ditemui dalam hati nurani dan fitrahnya, iaitu Tuhan yang dikasihi dan disukainya walaupun beliau belum lagi memahami sepenuhnya dalam pemahaman dan kesedarannya. Beliau merasa tersesat dan hampa jika tidak mendapat pertolongan hidayat dari-Nya, jika Tuhan tidak menghulurkan tangan-Nya dan menunjukkan jalan yang terang kepada-Nya:

فَلَمَّا رَأَى الْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَٰذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَئِن لَّمْ يَهْدِنِي رَبِّي لَأَكُونَنَّ مِنَ الْقَوْمِ الضَّالِّينَ ﴿٧٧﴾ فَلَمَّا رَأَى الشَّمْسَ بَازِغَةً قَالَ هَٰذَا رَبِّي هَٰذَا أَكْبَرُ فَلَمَّا أَفَلَتْ قَالَ يَا قَوْمِ إِنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٧٨﴾ إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٧٩﴾

"Ia pun berkata: Jika Tuhanku tidak memberi hidayat kepadaku tentulah aku tergolong dalam kumpulan kaum yang sesat (77). Apabila ia melihat matahari terbit lantas ia berkata: inilah Tuhanku. Ini lebih besar. Dan apabila matahari menghilang ia pun berkata: Wahai kaumku! Aku berlepas tangan dari segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya (78). Sesungguhnya aku hadapkan wajahku kepada Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi - sebagai seorang hanif (yang berpegang dengan agama tauhid) dan aku tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin."(79)

Inilah pengalaman beliau yang ketiga dengan jirim langit yang paling besar yang dapat di lihat dengan mata kasar, di samping mengeluarkan cahaya yang paling terang dan paling hangat. Itulah jirim matahari yang naik dan menghilang setiap hari, tetapi pada hari ini matahari kelihatan di mata Ibrahim seolah-olah satu kejadian yang baru, kerana beliau pada hari ini melihat segala sesuatu dengan mata hatinya yang ingin menemui satu Tuhan yang diyakini dan memberi ketenteraman kepada hatinya, dan mantap di atas satu landasan yang kukuh selepas menempuh detik-detik keliru dan bingung dan selepas melakukan usaha penelitian yang panjang:

قَالَ هَٰذَا رَبِّي هَٰذَا أَكْبَرُ

"Lantas ia berkata: Inilah Tuhanku. Ini lebih besar."(78)

Tetapi ia juga menghilangkan diri.

Di sinilah berlakunya pertembungan yang mencetuskan bunga-bunga api yang mewujudkan perhubungan ma'rifat di antara fitrah yang bersih

dengan Allah yang sebenar. Di waktu inilah nur menyelubungi hati dan mencurahkan cahayanya ke atas alam buana yang lahir, akal fikiran dan kesedaran. Di sinilah Ibrahim menemui Tuhannya dalam akal sedarnya dan dalam pemahamannya sama seperti gambaran Tuhan yang tersemat dalam fitrah dan hati nuraninya. Di sini berlakulah keselarasan di antara perasaan fitrah yang tersembunyi dengan kefahaman akal yang jelas.

Hanya di sini Ibrahim menemui Tuhannya. Ia tidak menemuinya pada planet yang bersinar, pada bulan yang terbit, pada matahari yang terang benderang dan tidak pula menemuinya pada segala kejadian yang di lihat dan ditanggap oleh pancainderanya. Ia hanya menemui-Nya dalam hati dan fitrahnya, dalam akal dan kesedarannya dan dalam seluruh kejadian alam buana di sekelilingnya. Ia menemui Tuhan yang menjadi Pencipta kepada segala kejadian yang di lihat dan ditanggap oleh pancaindera dan difahami oleh akal.

Dan di waktu inilah beliau dapati dirinya terpisah secara total dari kaumnya yang menyembah tuhan-tuhan palsu dan seterusnya mengumumkan dengan tegas bahawa beliau tidak mempunyai sebarang kaitan dengan arah tujuan, cara hidup dan kepercayaan syirik mereka. Walaupun mereka tidak mengingkari kewujudan Allah, tetapi mereka mempersekutukan-Nya dengan tuhan-tuhan palsu, sedangkan Ibrahim hanya menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu:

قَالَ يَٰقَوۡمِ إِنِّي بَرِيٓءٞ مِّمَّا تُشۡرِكُونَ ﴿٧٨﴾

"Aku berlepas tangan dari segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya."(78)

إِنِّي وَجَّهۡتُ وَجۡهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ حَنِيفٗاۖ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ﴿٧٩﴾

"Sesungguhnya aku hadapkan wajahku kepada Tuhan - yang telah menciptakan langit dan bumi - sebagai seorang hanif (yang berpegang dengan agama tauhid) dan aku tidak sekali-kali dari golongan Musyrikin."(79)

Itulah arah tujuan kepada Allah yang mencipta langit dan bumi, iaitu arah tujuan yang hanif yang tidak menyeleweng sedikit pun kepada syirik. Itulah pengumuman tegas menafikan segala kaitan dan hubungan. Itulah keyakinan yang kukuh dan arah tujuan yang muktamad, di mana selepas itu tiada lagi kekeliruan terhadap kefahaman yang selaras dengan gambaran hakikat ketuhanan yang sebenar yang tersemat dalam hati nurani.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 80 - 83)

Sekali lagi kita akan melihat pemandangan yang indah dan gemilang itu .... iaitu pemandangan 'aqidah yang benar yang menguasai jiwa dan hati setelah ia terserlah dalam bentuknya yang sempurna dan bersih dari segala kekeliruan. Di sini kita melihat 'aqidah telah memenuhi jiwa manusia Ibrahim dan tiada suatu yang lain di sebaliknya. Ia telah mencurahkan ketenteraman yang penuh yakin terhadap Tuhannya yang telah ditemui dalam hati dan akalnya, malah di alam buana di sekelilingnya. Itulah pemandangan yang muncul dengan segala keindahan dan kegemilangannya di dalam ceraian ayat yang akan datang.

Kini Ibrahim telah selesai melihat Allah S.W.T. dalam hati dan akalnya dan di alam al-wujud di sekelilingnya dan hatinya telah meni'mati ketenteraman dan ketegangan. Ia merasa tangan Allah telah memegang tangannya dan membimbing langkah-langkahnya menuju ke jalan yang lurus.

Kini datang pula kaumnya untuk mendekatinya tentang keyakinan yang telah dicapai olehnya dan tentang konsep tauhid yang telah melapangkan dadanya. Mereka datang dengan tujuan menakut-nakutkan Ibrahim kepada tuhan-tuhan mereka yang kononnya akan menimpakan malapetaka ke atasnya, tetapi Ibrahim telah menghadapi mereka dengan keyakinan yang teguh dan keimanan yang kukuh dan dengan pandangan mata hati dan mata lahirnya yang jelas terhadap Tuhannya yang sebenar yang telah memberi hidayat kepadanya:

وَحَآجَّهُۥ قَوۡمُهُۥۚ قَالَ أَتُحَٰٓجُّوٓنِّي فِي ٱللَّهِ وَقَدۡ هَدَىٰنِۚ وَلَآ أَخَافُ مَا تُشۡرِكُونَ بِهِۦٓ إِلَّآ أَن يَشَآءَ رَبِّي شَيۡـٔٗاۚ وَسِعَ رَبِّي كُلَّ شَيۡءٍ عِلۡمًاۚ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٨٠﴾ وَكَيۡفَ أَخَافُ مَآ أَشۡرَكۡتُمۡ وَلَا تَخَافُونَ أَنَّكُمۡ أَشۡرَكۡتُم بِٱللَّهِ مَا لَمۡ يُنَزِّلۡ بِهِۦ عَلَيۡكُمۡ سُلۡطَٰنٗاۚ فَأَيُّ ٱلۡفَرِيقَيۡنِ أَحَقُّ بِٱلۡأَمۡنِۖ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿٨١﴾

"Dia telah didebati kaumnya lalu ia berkata: Apakah kamu hendak mendebatiku mengenai Allah, sedangkan Dia telah memberi hidayat kepadaku? Dan aku tidak takut kepada segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya kecuali sesuatu yang dikehendaki Tuhanku. Ilmu Tuhanku meliputi segala sesuatu. Apakah kamu tidak mengambil pengajaran? (80) Dan bagaimana aku harus takut kepada sembahan-sembahan yang telah kamu sekutukannya dengan Allah, sedangkan kamu tidak takut perbuatan kamu yang telah mempersekutukan Allah dengan sembahan-sembahan yang tidak pernah diturunkan sesuatu kuasa ke atas kamu. Oleh itu manakah di antara dua golongan itu yang lebih berhak mendapat keamanan jika kamu mengetahui?"(81)

Apabila fitrah menyeleweng ia akan sesat dan akan terus berlarutan dalam kesesatan menyebabkan garis sudut bertambah luas dan garis lurus bertambah jauh dari titik permulaan dan menyebabkan sukar untuk pulang ke pangkal jalan. Kaum Ibrahim a.s. menyembah berhala-berhala, planet-planet dan bintang-bintang dan kerana itu mereka tidak pernah berfikir dan meneliti tentang pengembaraan yang amat jauh yang telah ditempuh oleh jiwa Ibrahim. Perkara ini tidak pernah mendorong mereka untuk berfikir dan mengkaji, malah mereka datang untuk berdebat dan berhujah dengan Ibrahim, sedangkan mereka berada dalam kefahaman-kefahaman yang amat lemah dan dalam kesesatan yang nyata.

Tetapi Ibrahim yang telah menemui Allah dalam hati dan akalnya dan di alam al-wujud seluruhnya menghadapi mereka dengan tenang dan yakin serta mencabar:

قَالَ أَتُحَٰٓجُّوٓنِّي فِي ٱللَّهِ وَقَدۡ هَدَىٰنِۚ

"Lalu ia berkata: Apakah kamu hendak mendebatiku mengenai Allah, sedangkan Dia telah memberi hidayat kepadaku?"(80)

Maksudnya apakah kamu mahu berdebat dengan aku tentang Allah sedangkan Dialah yang memimpinku, membuka mataku, memberi petunjuk ke jalan-Nya dan mengenalkan diri-Nya kepadaku. Dia telah memegang tanganku dan memimpinku, ini bermakna Allah itu ada dan di dalam hatiku ini terdapat dalil kewujudan Allah dan aku telah melihat-Nya dalam hati nuraniku dan dalam akal sedarku sama seperti aku melihat-Nya di alam buana di sekelilingku. Oleh itu apakah makna kamu hendak berdebat dengan aku dalam persoalan Allah yang aku telah menemui hakikatnya dalam hatiku tanpa memerlukan apa-apa dalil yang lain lagi, dan bukankah hidayat yang telah dikurniakan kepadaku merupakan satu lagi dalil kewujudan Allah?

وَلَآ أَخَافُ مَا تُشۡرِكُونَ بِهِۦٓ

"Dan aku tidak takut kepada segala sembahan yang kamu sekutukan Allah dengannya."(80)

Bagaimana mungkin seorang yang telah menemui Allah itu merasa takut? Apakah dan siapakah yang harus ditakuti olehnya sedangkan segala kekuatan yang lain dari kekuatan Allah adalah kerdil belaka dan segala kuasa yang lain dari kuasa Allah tidak lagi ditakuti?

Walaupun keimanan Ibrahim dan penyerahan dirinya kepada Allah begitu mendalam, namun ia tidak mengatakan sesuatu dengan penuh kepastian, malah ia sentiasa bergantung kepada kehendak iradat Allah yang bebas dan ilmu-Nya yang syumul:

إِلَّآ أَن يَشَآءَ رَبِّي شَيۡـٔٗاۗ وَسِعَ رَبِّي كُلَّ شَيۡءٍ عِلۡمًاۗ

"Kecuali sesuatu yang dikehendaki Tuhanku. Ilmu Tuhanku meliputi segala sesuatu."(80)

Di sini Ibrahim menyerahkan urusan perlindungan dan peliharaan dirinya kepada kehendak Allah serta mengumumkan bahawa dia tidak sedikit pun takut kepada tuhan-tuhan mereka, kerana dia berlindung di bawah naungan dan pemeliharaan Allah, di samping kesedarannya bahawa tiada suatu yang akan menimpanya 'kecuali' dikehendaki Allah dan kesedarannya bahawa dia sentiasa diliputi ilmu Allah yang mengetahui segala sesuatu.

وَكَيۡفَ أَخَافُ مَآ أَشۡرَكۡتُمۡ وَلَا تَخَافُونَ أَنَّكُمۡ أَشۡرَكۡتُم بِٱللَّهِ مَا لَمۡ يُنَزِّلۡ بِهِۦ عَلَيۡكُمۡ سُلۡطَٰنٗاۚ فَأَيُّ ٱلۡفَرِيقَيۡنِ أَحَقُّ بِٱلۡأَمۡنِۖ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿٨١﴾

"Dan bagaimana aku harus takut kepada sembahan-sembahan yang telah kamu sekutukannya dengan Allah, sedangkan kamu tidak takut kepada perbuatan kamu yang telah mempersekutukan, Allah dengan sembahan-sembahan yang tidak pernah diturunkan sesuatu kuasa ke atas kamu. Oleh itu manakah di antara dua golongan itu yang lebih berhak mendapat keamanan jika kamu mengetahui?"(81)

Itulah logik pemikiran orang yang beriman, yang yakin dan memahami hakikat alam al-wujud ini. Jika ada orang yang sepatutnya merasa takut, maka orang itu bukannya Ibrahim dan bukannya orang yang beriman yang telah dipimpin oleh Allah dan berjalan di atas jalan yang lurus. Bagaimana dia harus takut kepada tuhan-tuhan yang lemah walau bagaimana hebat sekali pun, dan kadangkala tuhan-tuhan palsu itu berupa pemerintah-pemerintah yang bermaharajalela, zalim dan buas di bumi Allah, sedangkan mereka kerdil dan lemah di hadapan qudrat Allah. Bagaimana Ibrahim harus takut kepada tuhan-tuhan palsu dan lemah itu, sedangkan mereka tidak takut melakukan perbuatan syirik terhadap Allah dengan sesuatu makhluk baik berupa benda mahupun berupa hidup-hidupan yang Allah tidak memberikannya sebarang kuasa dan kekuatan? Manakah golongan yang lebih wajar mendapat keamanan? Golongan yang beriman kepada Allah dan menolak segala sekutu-sekutu-Nya, atau golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu makhluk yang tidak mempunyai sebarang kuasa dan kekuatan? Manakah di antara dua golongan ini yang lebih wajar mendapat keamanan jika mereka mempunyai sekelumit ilmu dan kefahaman?

Di sini turunlah jawapan dari alam al-Mala'ul-A'la iaitu keputusan dari Allah dalam persoalan ini:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَلَمۡ يَلۡبِسُوٓاْ إِيمَٰنَهُم بِظُلۡمٍ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱلۡأَمۡنُ وَهُم مُّهۡتَدُونَ ﴿٨٢﴾

"Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur-adukkan dengan sebarang kezaliman (syirik) merekalah orang-orang yang akan memperolehi keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayat."(82)

Maksudnya orang-orang yang beriman dan mengikhlaskan diri mereka kepada Allah tanpa mencampuradukkan keimanan ini dengan sebarang syirik sama ada berupa ibadat, kepatuhan, keta'atan atau arah tujuan. Merekalah orang-orang yang wajar mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayat.

Inilah hujah yang telah diilhamkan Allah kepada Ibrahim untuk menumpaskan hujah yang dibawa kaum Musyrikin untuk berdebat dengannya. Dia telah menjelaskan kepada mereka tentang kelemahan kefahaman dan kepercayaan mereka yang menganggap tuhan-tuhan palsu itu mempunyai kuasa untuk menimpakan malapetaka ke atasnya. Di sini jelas bahawa mereka tidak mengingkari kewujudan Allah dan tidak pula mengingkari bahawa Allah itulah yang memegang teraju kekuatan dan kekuasaan di alam buana ini, tetapi mereka mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan palsu. Oleh sebab itu apabila Ibrahim mengemukakan hujah: Sesiapa yang mengikhlaskan dirinya kepada Allah ia tidak akan takut kepada yang lain dari Allah dan sesiapa yang mempersekutukan Allah, maka dialah yang wajar di landa ketakutan, apabila Ibrahim mengemukakan hujah yang dikurnia dan diilhamkan Allah ini, maka hujah mereka jatuh berguguran dan hujah Ibrahim naik menjulang dan kedudukan Ibrahim terus mengatasi kedudukan kaumnya dari segi 'aqidah, hujah dan darjat. Demikianlah Allah mengangkatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya ke darjat-darjat yang tinggi mengikut kebijaksanaan-Nya dan ilmu-Nya:

إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿٨٣﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(83)

Sebelum kita meninggalkan ceraian ayat ini eloklah kita meni'mati detik-detik hidup yang harum di zaman para sahabat Rasulullah s.a.w. di mana Al-Qur'an ini baru sahaja diturunkan kepada mereka dan di mana Al-Qur'an menjadi darah daging mereka. Mereka hidup dengan Al-Qur'an dan untuk Al-Qur'an. Mereka menjalankan urusan mu'amalah mereka dengan Al-Qur'an dan sentiasa menghayati maksud-maksud pengertian Al-Qur'an, saranan-saranan dan kehendak-kehendaknya dengan penuh kesungguhan, kesedaran dan iltizam yang mengagumkan. Kita terpesona dengan kehebatan dan kesungguhan zaman itu, di mana kita dapat memahami bagaimana mereka merupakan segolongan manusia yang unik dan bagaimana Allah melaksanakan berbagai-bagai perkara luar biasa melalui golongan ini dalam masa seperempat abad.

Menurut riwayat ibn Jarir dengan sanadnya dari Abdullah ibn Idris katanya: Apabila turun ayat ((الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ)) para sahabat Rasulullah merasa sulit dan susah hati. Mereka berkata: "Siapakah di antara kita yang tidak pernah melakukan perbuatan yang zalim?" Lalu dijawab oleh Rasulullah s.a.w. "Maksudnya: Bukan seperti yang difikir oleh kamu, malah maksud kezaliman di sini ialah kezaliman yang disebut oleh Lukman kepada anaknya:

لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ۖ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

"Janganlah engkau melakukan perbuatan syirik terhadap Allah kerana sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar."

(Surah Lukman: 13)

Mengikut riwayat Ibn Jarir juga dengan sanadnya dari Ibn al-Musayib katanya: Umar ibn al-Khattab membaca ayat ((الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ)) dan setelah selesai ia membaca ayat itu ia terus merasa bimbang lalu ia pergi menemui Ubay ibn Ka'ab dan berkata: "Wahai Abu-Munzir! Apakah anda telah membaca sepotong ayat dari kitab Allah..... siapakah yang selamat dari perbuatan zalim?" Lantas Ubay bertanya : "Ayat apa?" Lalu Umar membaca ayat itu seraya bertanya: "Siapa di antara kita yang tidak pernah melakukan perbuatan yang zalim?" Jawab Ubay: "Semoga Allah ampunkan anda, apakah anda tidak mendengar firman Allah Ta'ala:

إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar."

(Surah Lukman: 13)

Jadi maksud ayat tadi ialah: Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan sebarang perbuatan syirik".

Mengikut satu riwayat yang lain dengan sanadnya dari Abul-Asy'ar al-'Abdi dari bapanya katanya: Zayd ibn Suhan telah bertanya kepada Salman dengan katanya: "Wahai Abu Abdullah! Apakah maksud sepotong ayat dari kitab Allah yang menyebabkan saya amat susah hati, iaitu ayat:

الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ

Jawab Salman: "Maksudnya ialah perbuatan syirik kepada Allah". Lalu Zayd berkata: "Saya tidak senang dengan ayat itu, kerana saya tidak mendengar penjelasannya dari anda, dan kini saya merasa saya telah memiliki segala sesuatu".

Ketiga-tiga riwayat ini menggambarkan kepada kita bagaimana tingginya perasaan golongan para sahabat yang mulia ini terhadap Al-Qur'an dan bagaimana seriusnya kesan Al-Qur'an di dalam hati mereka dan bagaimana mereka menerima Al-Qur'an dengan perasaan dan kesedaran sebagai perintah-perintah yang langsung dari Allah untuk dilaksanakan, dan

sebagai arahan-arahan yang tegas untuk dipatuhi dan sebagai keputusan-keputusan muktamad untuk dilaksanakan, juga menggambarkan bagaimana mereka risau apabila mereka menyangka adanya perbezaan di antara daya upaya mereka yang terbatas dengan tahap taklif yang diperintahkan kepada mereka, dan bagaimana mereka merasa bimbang akan dipersalahkan sebagai cuai dan kurang mengambil berat dengan apa tahap sekalipun dan merasa takut bahawa amalan mereka tidak sejajar dengan tahap taklif yang diperintahkan kepada mereka sehingga Allah dan Rasul-Nya memberi penjelasan yang menyenangkan mereka.

Ia juga merupakan satu pemandangan yang indah dan gemilang, iaitu pemandangan yang menggambarkan jiwa para sahabat yang membawa agama ini. Mereka adalah tabir bagi pelaksanaan taqdir atau perencanaan Allah dan pintu bagi kehendak masyi'ah Allah dalam realiti hidup.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 84 - 92)

Selepas itu ayat-ayat yang berikut menayangkan pula angkatan iman yang agung yang dipimpin oleh kumpulan para rasul yang mulia mulai dari Nuh kepada Ibrahim dan seterusnya kepada Muhammad Khatamul-Anbiya' - Allah cucurkan selawat dan salam ke atas sekalian mereka. Ia ditayangkan bersambung-sambung terutama mulai dari Ibrahim dan anak cucunya yang menjadi nabi, tetapi ia menderetkan mereka tanpa mengikut susunan tertib sejarah sebagaimana yang dilakukan di tempat-tempat yang lain, kerana yang di maksudkan di sini ialah keseluruhan angkatan para anbiya' itu sendiri bukannya susunan tertib sejarahnya:

وَوَهَبْنَا لَهُۥٓ إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ ۚ كُلًّا هَدَيْنَا ۚ وَنُوحًا هَدَيْنَا مِن قَبْلُ ۖ وَمِن ذُرِّيَّتِهِۦ دَاوُۥدَ وَسُلَيْمَٰنَ وَأَيُّوبَ وَيُوسُفَ وَمُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ۚ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٨٤﴾

وَزَكَرِيَّا وَيَحْيَىٰ وَعِيسَىٰ وَإِلْيَاسَ ۖ كُلٌّ مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٥﴾

وَإِسْمَٰعِيلَ وَٱلْيَسَعَ وَيُونُسَ وَلُوطًا ۚ وَكُلًّا فَضَّلْنَا عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٦﴾

وَمِنْ ءَابَآئِهِمْ وَذُرِّيَّٰتِهِمْ وَإِخْوَٰنِهِمْ ۖ وَٱجْتَبَيْنَٰهُمْ وَهَدَيْنَٰهُمْ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٨٧﴾

ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهْدِى بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۚ وَلَوْ أَشْرَكُوا۟ لَحَبِطَ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٨٨﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحُكْمَ وَٱلنُّبُوَّةَ ۚ فَإِن يَكْفُرْ بِهَا هَٰٓؤُلَآءِ فَقَدْ وَكَّلْنَا بِهَا قَوْمًا لَّيْسُوا۟ بِهَا بِكَٰفِرِينَ ﴿٨٩﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُ ۖ فَبِهُدَىٰهُمُ ٱقْتَدِهْ ۗ قُل لَّآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٠﴾

"Dan Kami kurniakan kepadanya Ishaq dan Ya'kub dan kepada keduanya Kami kurniakan hidayat. Dan sebelum ini Kami telah kurniakan hidayat kepada Nuh dan sebahagian dari zuriatnya, juga kepada Daud, Sulaiman, Ayub, Yusuf, Musa dan Harun. Demikianlah Kami memberi balasan kepada golongan Muhsinin (84). Dan Zakaria, Yahya, 'Isa dan Ilyas setiap mereka adalah dari golongan yang soleh (85). Dan Ismail, Alyasa', Yunus dan Lut setiap mereka Kami lebihkan darjat mereka di atas sekelian manusia (86). Dan (kami kurniakan hidayat kepada) sebahagian dari datuk nenek dan zuriat mereka serta saudara-saudara mereka dan kami telah memilih mereka (sebagai nabi dan rasul) dan kami bimbing mereka ke jalan yang lurus (87). Itulah hidayat Allah yang dengannya Dia memberi pertunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki dari para hamba-Nya. Dan jika mereka mempersekutukan Allah, maka gugurlah segala amalan yang telah dilakukan mereka (88). Merekalah orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab, hikmat dan nubuwah. Oleh itu jika mereka (kaum Musyrikin Quraisy) mengingkarkannya (kitab, hikmat dan nubuwah), maka Kami telah menyerahkannya kepada satu kaum yang tidak mengingkarinya (89). Merekalah orang-orang yang telah diberikan hidayat oleh Allah, kerana itu hendaklah engkau ikuti pertunjuk mereka. Katakanlah: Aku tidak meminta apa-apa upahan kerana menyampaikan Al-Qur'an (kepada kamu), Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan kepada semua umat manusia."(90)

Di dalam ayat-ayat ini disebut tujuh belas orang nabi merangkap rasul selain dari Nuh dan Ibrahim, sedangkan nabi-nabi yang lain disebut secara isyarat dalam:

وَمِنْ ءَابَآئِهِمْ وَذُرِّيَّٰتِهِمْ وَإِخْوَٰنِهِمْ ۖ

"Dan sebahagian dari datuk nenek dan zuriat mereka serta saudara-saudara mereka."(87)

di samping menyebut ulasan-ulasan terhadap angkatan ini seperti:

وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٨٤﴾

"Demikianlah Kami memberi balasan kepada golongan Muhsinin."(84)

وَكُلًّا فَضَّلْنَا عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٦﴾

"Dan setiap mereka Kami lebihkan darjat mereka di atas sekalian manusia."(86)

وَٱجۡتَبَيۡنَٰهُمۡ وَهَدَيۡنَٰهُمۡ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٨٧

"Dan Kami telah memilih mereka (sebagai nabi dan rasul) dan Kami bimbing mereka ke jalan yang lurus."(87)

Semuanya merupakan ulasan-ulasan yang menjelaskan maqam ihsan golongan para anbiya' yang mulia yang telah dipilih oleh Allah dan dibimbing ke jalan yang lurus.

Golongan ini disebut sedemikian rupa dan angkatan mereka ditayangkan dengan gambaran yang seperti ini adalah bertujuan untuk dijadikan muqaddimah bagi pernyataan-pernyataan selanjutnya:

ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهۡدِي بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦۚ وَلَوۡ أَشۡرَكُواْ لَحَبِطَ عَنۡهُم مَّا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ٨٨

"Itulah hidayat Allah yang dengannya Dia memberi pertunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki dari para hamba-Nya. Dan jika mereka mem-persekutukan Allah, maka gugurlah segala amalan yang telah dilakukan mereka."(88)

Inilah pernyataan mengenai sumber-sumber hidayat yang wujud di bumi ini. Hidayat Allah untuk umat manusia adalah terkandung dalam risalah yang dibawa para rasul. Seluruh pengajaran yang diyakini benar dan wajib diikuti adalah terkumpul dalam sumber yang tunggal ini, iaitu sumber yang diakui Allah sebagai sumber hidayat Allah, Tuhan yang memberi hidayat kepada sesiapa yang telah dipilih oleh-Nya dari kalangan para hamba-Nya. Dan jika orang-orang yang telah diberi hidayat itu menyeleweng dari pegangan mentauhidkan Allah, mentauhidkan sumber pengambilan hidayat dan melakukan perbuatan syirik terhadap Allah dalam urusan 'aqidah atau ibadat atau urusan penerimaan perintah, maka mereka akan menerima akibat yang buruk, iaitu segala amalan mereka akan gugur sia-sia dan hilang percuma sama seperti binatang ternakan yang termakan rumput beracun yang menyebabkan perutnya menjadi kembung yang membawa mati. Inilah pengertian asal kata-kata "Habita" (حبط).

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحُكۡمَ وَٱلنُّبُوَّةَۚ فَإِن يَكۡفُرۡ بِهَا هَٰٓؤُلَآءِ فَقَدۡ وَكَّلۡنَا بِهَا قَوۡمٗا لَّيۡسُواْ بِهَا بِكَٰفِرِينَ ٨٩

"Merekalah orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab, hikmat dan nubuwah. Oleh itu jika mereka (kaum Musyrikin Quraisy) mengingkarkannya (kitab, hikmat dan nubuwah), maka Kami telah menyerahkannya kepada satu kaum yang tidak mengingkarinya."(89)

Inilah pernyataan yang kedua. Pernyataan pertama menjelaskan sumber hidayat yang terkandung dalam hidayat yang telah dibawa oleh para rasul, sementara pernyataan yang kedua menjelaskan bahawa rasul-rasul yang disebut dan diisyarat oleh Al-Qur'an itu ialah rasul-rasul yang menerima pengurniaan kitab suci, hikmat, kuasa dan nubuwah. Kata-kata "al-hukm" (الحكم) kadang-kadang datang dengan makna "hikmat" dan kadang-kadang dengan makna "kuasa" (السلطان), dan kedua-dua pengertian itu boleh dipakai dalam ayat ini, kerana sebahagian dari rasul-rasul telah diturunkan Allah kitab suci kepada mereka seperti kitab Taurat yang diturunkan kepada Musa dan kitab Zabur yang diturunkan kepada Daud dan kitab Injil yang diturunkan kepada 'Isa, dan sebahagian dari mereka dikurniakan kuasa seperti Daud dan Sulaiman. Kedua-duanya telah dikurniakan kuasa kerajaan dengan makna peraturan-peraturan agama yang dibawa oleh mereka merupakan hukum Allah, dan agama yang dibawa oleh mereka adalah membawa kuasa Allah ke atas diri dan urusan hidup mereka. Tujuan diutuskan para rasul ialah supaya mereka dita'ati manusia, dan tujuan diturunkan kitab suci ialah supaya kitab itu menjadi pengadil yang menghukumkan manusia dengan adil saksama sebagaimana diterangkan dalam ayat-ayat yang lain. Seluruh mereka dikurniakan hikmat dan nubuwah dan merekalah orang-orang yang diserahkan agama Allah untuk dibawanya kepada manusia. Mereka berdiri teguh di atas agama Allah, beriman kepadanya dan berusaha memeliharakannya. Oleh itu apabila kaum Musyrikin Arab menolak kitab Al-Qur'an, hukum Allah dan nubuwah, maka agama Allah tetap terkaya dari mereka. Kumpulan para anbiya' dan orang-orang yang beriman kepada mereka merupakan keturunan yang mewarisi agama ini. Itulah satu hakikat lama, di mana pokoknya mempunyai akar umbi yang bertunjang begitu jauh dan perbarisan angkatannya silih bersambung dengan matarantai-matarantai yang berpaut kukuh. Ia merupakan satu da'wah yang sama yang diperjuangkan oleh rasul demi rasul dan diimani oleh mereka yang telah mendapat hidayat dari Allah, iaitu mereka yang wajar menerima hidayat mengikut ilmu Allah.

Itulah satu penjelasan yang mencurahkan ketenteraman dalam hati orang yang beriman dan hati kelompok Muslimin biar bagaimanapun bilangan mereka, kerana kelompok Muslimin ini bukan satu kelompok yang bersendirian dan bukannya sebatang dahan yang terpotong dari pokok, malah ia adalah sebatang dahan yang menghulur dari satu pokok yang mempunyai akar umbi yang bertunjang kukuh dari dahan-dahan yang menjulang ke langit. Kelompok ini merupakan satu matarantai dalam angkatan iman yang agung yang tak kunjung bersinambung dan berhubung dengan Allah dan hidayat-Nya. Seorang Mu'min yang berada di bumi mana dan di gunung mana sekalipun adalah seorang yang kuat dan gagah, besar dan agung kerana ia merupakan dahan dari pokok yang teguh, tinggi dan bertunjang dalam lubuk fitrah manusia dan dalam pendalaman sejarah manusia dan kerana dia seorang anggota dari angkatan yang mulia yang berhubung

dengan Allah dan hidayat-Nya sejak zaman berzaman lagi.

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ ۖ فَبِهُدَاهُمُ اقْتَدِهْ ۗ قُل لَّا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْعَالَمِينَ ﴿٩٠﴾

"Merekalah orang-orang yang telah diberikan hidayat oleh Allah; kerana itu hendaklah engkau ikuti pertunjuk mereka. Katakanlah: Aku tidak meminta apa-apa upahan kerana menyampaikan Al-Qur'an (kepada kamu), Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan kepada semua umat manusia."(90)

Inilah pernyataan yang ketiga yang menjelaskan bahawa kumpulan para anbiya' yang memimpin angkatan iman itu adalah kumpulan insan yang menerima hidayat dari Allah dan hidayat yang dibawa mereka dari Allah itulah hidayat yang menjadi contoh ikutan kepada Rasulullah s.a.w. dan mereka yang beriman kepadanya. Inilah satu-satunya hidayat yang menjadi pegangan dan tempat rujukannya, dan dengan hidayat inilah beliau menyeru dan mengembirakan manusia sambil berkata kepada mereka yang diserukannya:

لَّا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْعَالَمِينَ ﴿٩٠﴾

"Aku tidak meminta apa-apa upahan (kerana menyampaikan Al-Qur'an kepada kamu), Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan kepada umat manusia."(90)

Maksudnya Al-Qur'an bukan khusus untuk sesuatu kaum atau bangsa dan bukan pula khusus untuk orang dekat atau orang jauh. Ia adalah hidayat Allah untuk memberi peringatan kepada seluruh umat manusia. Oleh sebab itu ia tidak meminta apa-apa upah, malah upahnya hanya terserah kepada Allah.

Kemudian ayat-ayat yang berikut mengecam mereka yang menolak kenabian dan kerasulan dan menyifatkan mereka sebagai orang-orang yang tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajar dengan-Nya dan tidak mengenal hikmat kebijaksanaan Allah, rahmat dan keadilan-Nya. Di samping itu ayat-ayat yang berikut juga menjelaskan bahawa risalah yang terakhir (yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.) adalah selari dengan risalah-risalah yang diturunkan sebelumnya, dan Al-Qur'an kitab suci yang terakhir itu adalah berfungsi mengesahkan kitab-kitab suci yang diturunkan sebelumnya. Ini adalah selaras dengan bayangan angkatan iman yang telah dibentangkan sebelum ini:

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِذْ قَالُوا مَا أَنزَلَ اللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٍ مِّن شَيْءٍ ۗ قُلْ مَنْ أَنزَلَ الْكِتَابَ الَّذِي جَاءَ بِهِ مُوسَىٰ نُورًا وَهُدًى لِّلنَّاسِ ۖ تَجْعَلُونَهُ قَرَاطِيسَ تُبْدُونَهَا وَتُخْفُونَ كَثِيرًا ۖ وَعُلِّمْتُم مَّا لَمْ تَعْلَمُوا أَنتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ ۖ قُلِ اللَّهُ ۖ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩١﴾ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِيَ إِلَيَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ شَيْءٌ وَمَن قَالَ سَأُنزِلُ مِثْلَ مَا أَنزَلَ اللَّهُ ۗ وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُو أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوا أَنفُسَكُمُ ۖ الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ وَكُنتُمْ عَنْ آيَاتِهِ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٩٣﴾

"Mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajar dengan-Nya ketika mereka berkata: Allah tidak menurunkan sesuatu apa pun kepada manusia. Katakanlah: Siapakah yang telah menurunkan kitab yang telah dibawa oleh Musa selaku cahaya dan hidayat kepada manusia yang kamu (wahai kaum Yahudi) jadikannya lembaran-lembaran kertas yang kamu tunjukkan kepada orang ramai, sedangkan sebahagian besar darinya kamu sembunyikannya (dari mereka) dan kamu juga telah diajar perkara-perkara yang tidak diketahui oleh kamu dan datuk nenek kamu? Katakanlah: Allahlah (yang telah menurunkannya), kemudian biarkanlah mereka bermain-main dalam kesesatan mereka (91). Dan Al-Qur'an inilah kitab yang Kami turunkannya sebagai kitab yang diberkati dan mengesahkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya dan supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk-penduduk Ummul Qura (Makkah) dan mereka yang berada di sekelilingnya. Dan orang-orang yang beriman kepada Akhirat tentulah beriman kepada Al-Qur'an dan memelihara solat mereka."(92)

Kaum Musyrikin telah menunjukkan kedegilan dan perilaku yang suka berbantah. Mereka berkata: Allah tidak pernah mengutuskan Rasul dari kalangan manusia, juga tidak pernah menurunkan kitab yang diwahyukan kepada manusia, sedangkan kaum Ahlil-Kitab iaitu kaum Yahudi telah menjadi jiran mereka di Semenanjung Tanah Arab. Mereka tidak pernah membantah bahawa kaum Yahudi itu adalah kaum Ahlil-Kitab, juga tidak pernah membantah bahawa kitab Taurat diturunkan Allah kepada Nabi Musa a.s. Mereka mengeluarkan kata-kata yang seperti itu semata-mata didorong oleh kedegilan dan perilaku mereka yang suka berbantah untuk mendustakan risalah Nabi Muhammad s.a.w. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mencabar mereka dengan mengecam perbuatan mereka yang mengatakan: Allah tidak pernah menurunkan sesuatu apa pun kepada manusia di samping mencabar mereka dengan kitab Taurat yang telah dibawa oleh Musa sebelum ini:

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِذْ قَالُوا مَا أَنزَلَ اللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٍ

"Mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajar dengan-Nya ketika mereka berkata: Allah tidak menurunkan sesuatu apa pun kepada manusia."(91)

Perbezaan Di antara Agama Budaya Dan Agama Samawi

Perkataan yang dikemukakan oleh kaum Musyrikin Makkah dalam keadaan jahiliyah mereka adalah sama dengan perkataan yang dikemukakan oleh orang-orang yang sama dengan mereka di setiap zaman - dan di antara mereka yang berkata begitu ialah orang-orang di zaman sekarang yang mendakwa bahawa agama-agama adalah dari ciptaan manusia kemudian ia berkembang maju mengikut kemajuan manusia. Mereka tidak membezakan di antara agama-agama budaya - yang tercipta dari kefahaman-kefahaman manusia seperti agama-agama yang menyembah berhala baik di zaman dulu mahupun di zaman sekarang yang maju dan mundur mengikut kemajuan dan kemunduran manusia, tetapi agama-agama ini tetap berada di luar agama Allah - dengan agama-agama yang dibawa oleh para rasul yang diutus oleh Allah, kerana agama ini tetap teguh di atas asas-asas dan lunas-lunasnya yang mula pertama yang dibawa oleh para rasul. Ia diterima oleh segolongan manusia dan ditolak oleh segolongan yang lain, kemudian berlaku penyelewengan dan pindaan-pindaan menyebabkan manusia kembali semula ke dalam jahiliyah menunggu kedatangan seorang Rasul yang baru yang membawa agama yang sama, yang bersinambungan dengan agama yang dahulu.

Perkataan ini selalu dikatakan baik dahulu atau sekarang. Ia dikatakan oleh mereka yang tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajar dengan-Nya, iaitu mereka yang tidak mengenal kemurahan dan limpah kurnia Allah, tidak mengenal rahmat dan keadilan-Nya. Mereka berkata: Allah tidak pernah mengutuskan seorang Rasul pun dari kalangan manusia dan kalau Allah mahu mengutuskan rasul-Nya tentulah Dia akan mengutuskan malaikat sebagaimana pernah diajukan oleh orang-orang Arab (di zaman duhulu) atau mereka berkata bahawa Tuhan yang menciptakan alam buana yang besar ini tidak mungkin mengambil berat terhadap makhluk insan yang sangat kecil, yang hidup di atas planet bumi yang sekecil atom dibandingkan dengan gugusan-gugusan cakerawala di angkasa raya sehingga Dia mengutuskan para rasul dan menurunkan kitab-kitab suci untuk memberi hidayat kepada makhluk insan yang kecil di planet bumi yang kecil. Inilah pendapat setengah-setengah ahli falsafah dulu dan sekarang, atau mereka berkata di sana tidak ada Tuhan, tidak ada wahyu dan tidak ada Rasul, malah semuanya adalah tanggapan-tanggapan karut manusia atau penipuan mereka terhadap satu sama lain atas nama agama sebagaimana yang dikatakan oleh kaum materialis yang tidak percayakan Tuhan!

Allah Tidak Membiarkan Manusia Tanpa Hidayat

Semua tanggapan itu membayangkan kejahilan terhadap perencanaan Allah S.W.T. Yang Maha Pemurah, Maha Adil, Maha Pengasih, Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana yang tidak membiarkan makhluk insan sendirian, kerana Dialah yang telah menciptakannya dan Dialah yang mengetahui segala keadaannya yang tersembunyi dan segala keadaannya yang lahir, segala tenaga dan daya kemampuannya, segala kekurangan dan kelemahannya dan keperluannya kepada neraca-neraca yang saksama untuk dirujukkan segala fikiran dan kefahamannya, segala perkataan dan tindakannya, segala undang-undang dan peraturannya sama ada betul dan baik atau salah dan merosakkan. Allah S.W.T. mengetahui bahawa akal yang dikurniakan kepada manusia itu sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai tekanan hawa nafsunya, keinginan-keinginannya, tamak halobanya dan kegemaran-kegemarannya. Selain dari itu manusia telah diserahkan Allah urusan mengendalikan tenaga-tenaga alam yang wujud di bumi, di mana mereka diberi kuasa untuk menggunakannya, kerana Allah telah menunduk dan memudahkan tenaga-tenaga itu untuk penggunaan mereka, namun begitu mereka tidak diserahkan urusan membentuk kefahaman yang mutlak terhadap alam al-wujud atau urusan menggariskan dasar-dasar hidup yang tetap, kerana urusan ini adalah urusan bidang 'aqidah yang dibawa Allah kepada mereka. 'Aqidahlah yang berfungsi menggariskan untuk mereka kefahaman yang betul terhadap alam al-wujud dan terhadap hidup. Justeru itu Allah tidak menyerahkan urusan ini kepada akal sahaja dan tidak pula menyerahkannya kepada ilmu pengetahuan laduniyah yang disematkan Allah dalam fitrah manusia, iaitu ilmu pengetahuan yang mengenal Tuhannya yang sebenar dan merindukan-Nya serta berlindung pada-Nya di sa'at-sa'at dilanda kesusahan dan penderitaan, kerana fitrah ini juga kadang-kadang mengalami kerosakan dengan sebab menerima tekanan-tekanan dalaman dan luaran, juga dengan sebab godaan dan tarikan syaitan-syaitan, jin dan manusia yang memiliki segala alat yang boleh mendorong, mengarah dan mempengaruhi manusia. Allah hanya menyerah manusia kepada kepimpinan wahyu-Nya, kepimpinan para rasul-Nya, kepimpinan hidayat-Nya dan kepimpinan kitab-kitab suci-Nya untuk mengembalikan fitrah mereka kepada kejujuran dan kebersihannya yang semula jadi di samping mengembalikan akal mereka kepada kesihatan dan kesejahteraannya yang asal dan menghapuskan dari mereka segala selaput kesesatan dari dalam dan luar diri mereka. Inilah tindakan yang layak dengan kemurahan dan limpah kurnia Allah, layak dengan rahmat dan keadilan-Nya, dan layak dengan hikmat kebijaksanaan-Nya. Tentulah tidak pantas bagi Allah menciptakan manusia kemudian membiarkan mereka begitu sahaja. Tentulah tidak wajar bagi-Nya menghisabkan mereka pada hari Qiamat, sedangkan Dia tidak mengutuskan seorang rasul pun kepada mereka:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبۡعَثَ رَسُولٗا ﴿١٥﴾

"Dan Kami tidak akan mengazabkan manusia sehingga Kami utuskan Rasul."

(Surah al-Isra': 15)

Sikap menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajar dengan-Nya itu menuntut agar seseorang itu mempercayai bahawa Allah telah mengutuskan para rasul-Nya kepada sekalian hamba-Nya untuk menyelamatkan fitrah mereka dari dinodai timbunan sampah-sampah kepercayaan yang karut dan menolong akal mereka supaya terselamat dari tekanan-tekanan dan bebas untuk berfikir secara jujur dan membuat kajian secara mendalam, juga menuntut agar ia mempercayai bahawa Allah telah mewahyukan kepada para rasul-Nya methodologi da'wah kepada Allah dan menurunkan kepada setengah mereka kitab-kitab suci di kalangan kaum mereka yang kekal untuk beberapa waktu selepas kewafatan mereka seperti kitab-kitab suci yang diturunkan kepada Musa, Daud dan 'Isa alayhimus-salam atau kekal hingga ke penghujung zaman seperti kitab suci Al-Qur'an.

Memandangkan kerasulan Musa telah terkenal di kalangan umat Arab di Semenanjung Tanah Arab dan memandang kaum Ahlil-Kitab juga terkenal di sana, maka Allah telah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menggunakan hakikat ini untuk mencabar kaum Musyrikin yang menolak konsep kerasulan dan wahyu itu:

وَمَا قَدَرُواْ ٱللَّهَ حَقَّ قَدۡرِهِۦٓ إِذۡ قَالُواْ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٖ مِّن شَيۡءٖۗ قُلۡ مَنۡ أَنزَلَ ٱلۡكِتَٰبَ ٱلَّذِي جَآءَ بِهِۦ مُوسَىٰ نُورٗا وَهُدٗى لِّلنَّاسِۖ تَجۡعَلُونَهُۥ قَرَاطِيسَ تُبۡدُونَهَا وَتُخۡفُونَ كَثِيرٗاۖ وَعُلِّمۡتُم مَّا لَمۡ تَعۡلَمُوٓاْ أَنتُمۡ وَلَآ ءَابَآؤُكُمۡۖ

"Katakanlah siapakah yang telah menurunkan kitab yang telah dibawa oleh Musa selaku cahaya dan hidayat kepada manusia yang kamu (wahai kaum Yahudi) jadikannya lembaran-lembaran kertas yang kamu tunjukkan kepada orang ramai, sedangkan sebahagian besar darinya kamu sembunyikannya (dari mereka) dan kamu juga telah diajar perkara-perkara yang tidak diketahui oleh kamu dan datuk nenek kamu?"(91)

Kami telah jelaskan dalam kata pengantar surah ini tentang pendapat yang mengatakan bahawa ayat ini diturunkan di Madinah dan kumpulan sasaran yang ditujukan oleh ayat ini ialah kaum Yahudi, kemudian di sana kami terangkan bahawa Ibn Jarir at-Tabari telah memilih qiraat yang lain yang berbunyi:

يَجۡعَلُونَهُۥ قَرَاطِيسَ يُبۡدُونَهَا وَيُخۡفُونَ كَثِيرٗاۖ

"Yang mereka (kaum Yahudi) jadikannya lembaran-lembaran kertas yang mereka tunjukkan kepada orang ramai sedangkan sebahagian besar darinya kamu sembunyikan (dari mereka)"(91)

di mana kumpulan sasaran ayat ini ialah kaum Musyrikin Arab dengan tujuan untuk menceritakan kepada mereka tentang tindak-tanduk orang-orang Yahudi yang mempermain-mainkan lembaran-lembaran kitab Taurat dengan menunjukkan kepada orang ramai mana-mana lembaran yang sesuai dengan rancangan jahat mereka untuk mengabui mata dan menipu orang ramai, juga untuk mempermain-mainkan hukum-hukum dan fardhu-fardhu yang diwajibkan Allah dan menyembunyikan lembaran-lembaran Taurat yang bertentangan dengan rancangan jahat mereka, iaitu cerita tindak-tanduk kaum Yahudi yang mana setengah-setengahnya telah diketahui oleh orang-orang Arab dan diceritakan Allah dalam Al-Qur'an. Jadi ayat ini merupakan pemberitaan tentang perilaku orang-orang Yahudi yang diselingkan dalam rangkaian ayat ini bukannya ayat yang khusus ditujukan kepada mereka. Dengan pentafsiran ini, maka ayat ini adalah ayat Makkiyah bukannya Madaniyah dan kami bersetuju memilih pendapat yang dipilih oleh Ibn Jarir.

Wahai Muhammad! Katakanlah kepada mereka: Siapakah yang telah menurunkan kitab Taurat yang dibawa oleh Musa dan berfungsi sebagai cahaya dan hidayat kepada manusia, iaitu kitab yang telah dijadikan oleh kaum Yahudi sebagai lembaran-lembaran kertas yang setengahnya disembunyi dan setengah yang lain ditunjukkan kepada orang ramai untuk memenuhi kehendak-kehendak kepentingan mereka di sebalik permainan yang keji ini. Dan hendaklah engkau cabar mereka bahawa Allah telah mengajar mereka mengenai berbagai-bagai hakikat dan berita yang tidak diketahui mereka. Oleh itu sepatutnya mereka bersyukur di atas limpah kurnia Allah dan tidak bersikap menolak punca ilmu pengetahuan itu dengan mengingkarkan bahawa Allah telah menurunkan ilmu pengetahuan ini dan mewahyukannya kepada rasul-Nya.

Allah tidak memberi kesempatan kepada mereka menjawab pertanyaan itu, malah Dia menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya memberi kata pemutus kepada mereka dalam persoalan ini dan jangan menjadikannya medan perdebatan yang semata-mata bermotifkan ingin bertengkar:

قُلِ ٱللَّهُۖ ثُمَّ ذَرۡهُمۡ فِي خَوۡضِهِمۡ يَلۡعَبُونَ ﴿٩١﴾

"Katakanlah: Allahlah (yang telah menurunkannya), kemudian biarkanlah mereka bermain-main dalam kesesatan mereka."(91)

Maksudnya, jawablah wahai Muhammad, bahawa Allahlah yang telah menurunkan kitab itu dan janganlah engkau pedulikan keinginan mereka yang hendak berdebat, bertengkar dan bertikai dengan engkau dan biarkan sahaja mereka berleka-leka dan bermain-main dalam kesesatan mereka. Perintah ini mengandungi kecaman yang pedas di samping

mengandungi penghinaan, pernyataan yang benar dan serius. Apabila mendusta tergamak berkata begitu, maka eloklah diberikan kata pemutus untuk menjimatkan pembicaraan.

Ayat yang berikut menerangkan sesuatu tentang kedudukan kitab suci yang baru ini yang telah ditolak oleh kaum Musyrikin sebagai kitab yang diturunkan oleh Allah. Dalam penerangan ini ternyata bahawa kitab ini merupakan satu siri dari siri-siri kitab suci yang diturun sebelumnya. Ia bukannya kitab suci yang pertama kali diturunkan Allah kepada siapa yang dikehendaki-Nya dari kalangan para rasul-Nya yang mulia:

وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ مُبَارَكٌ مُّصَدِّقُ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ ٱلْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا ۚ وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۖ وَهُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩٢﴾

"Dan Al-Qur'an inilah kitab yang Kami turunkannya sebagai kitab yang diberkati dan mengesahkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya dan supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk-penduduk Ummul-Qura (Makkah) dan mereka yang berada di sekelilingnya. Dan orang-orang yang beriman kepada Akhirat tentulah beriman kepada Al-Qur'an dan memelihara solat mereka."(92)

Al-Qur'an Kitab Keberkatan

Sudah menjadi Sunnatullah mengutuskan para rasul dan menurunkan kitab suci kepada mereka. Kitab suci Al-Qur'an yang baru ditolak oleh kaum Musyrikin itu adalah kitab yang penuh dengan keberkatan dan apa yang dijelaskan Allah itu adalah tepat dan benar. Ya, benar Al-Qur'an itu dipenuhi keberkatan dengan seluruh erti kata keberkatan. Ia diberkati dari sumbernya lagi. Ia diberkati Allah sejak ia diturunkan dari sisi-Nya. Ia diberkati pada hati Rasul yang menerimanya yang diketahui Allah sebagai seorang insan yang benar-benar layak menerimanya. Itulah hati Nabi Muhammad yang suci, mulia dan besar. Ia diberkati pada saiz dan isi kandungannya, kerana Al-Qur'an hanya tersusun dari lembaran-lembaran yang sedikit dibandingkan dengan kitab-kitab yang besar yang ditulis oleh manusia, tetapi setiap potongan ayatnya mengandungi pengertian-pengertian, saranan-saranan, pernyataan-pernyataan yang berkesan dan bimbingan-bimbingan yang tidak dapat ditampung oleh puluhan buku-buku besar yang dihasilkan oleh manusia yang berkali-kali ganda lebih besar dan tebal dari Al-Qur'an. Mereka yang mahir dan arif dalam seni pengungkapan kata-kata baik pengungkapan diri sendiri atau pengungkapan orang lain dapat memahami seni pengungkapan Al-Qur'an lebih dari mereka yang tidak terlibat dalam pengolahan seni kata-kata dan dalam isu-isu pengungkapan seni. Dari aspek susunan senikata inilah Al-Qur'an dipenuhi keberkatan. Manusia mustahil dapat mengungkapkan segala pengertian, segala maksud, segala mafhum, segala saranan dan segala pernyataan yang berkesan yang diungkapkan oleh Al-Qur'an dalam buku yang sesaiz dengan Al-Qur'an atau berkali-kali ganda lebih besar dari Al-Qur'an. Serangkai ayat Al-Qur'an berupaya menyampaikan berbagai-bagai pengertian dan menjelaskan berbagai-bagai hakikat yang boleh dijadikan dalil kepada berbagai-bagai ilmu. Ini menjadikan aspek-aspek penjelasan Al-Qur'an dan bimbingannya sesuatu yang unik yang tidak ada tolok bandingnya dalam kalam manusia. Al-Qur'an juga dipenuhi keberkatan dari segi kesan dan pengaruhnya. Ia berbicara dengan fitrah dan entiti manusia seluruhnya secara langsung, menarik dan seni. Ia menghadapi entiti manusia dari segenap pintu, segenap jalan dan segenap sudut. Ia mempengaruhi mereka dengan cara yang tidak mampu dilakukan oleh kalam yang lain, kerana madah Al-Qur'an mengandungi kekuatan dan kuasa dari Allah, sedangkan kalam yang lain tidak mempunyai kuasa dan kekuatan.

Kita tidak berupaya untuk pergi lebih jauh dari ini dalam menggambarkan keberkatan Al-Qur'an dan andainya kita terus pergi, maka kita tidak akan mencapai sesuatu yang lebih dari pengakuan Allah bahawa Al-Qur'an dipenuhi keberkatan dan pengakuan ini cukup sebagai kata pemutus.

مُّصَدِّقُ ٱلَّذِى بَيْنَ يَدَيْهِ

"Dan mengesahkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya."(92)

Maksudnya Al-Qur'an berfungsi mengesahkan kitab-kitab sebelumnya yang diturunkan dari Allah dalam bentuknya yang asli yang belum dipinda oleh manusia bukannya dalam bentuk kitab suci yang telah dipinda oleh majlis-majlis perhimpunan padri dan mendakwakannya sebagai wahyu dari Allah. Al-Qur'an membenar dan mengesahkan kitab-kitab suci itu, kerana kitab-kitab ini membawa pengajaran-pengajaran yang benar mengenai dasar-dasar 'aqidah yang sama dengan dasar-dasar 'aqidah yang dibawa olehnya. Adapun mengenai syari'at atau undang-undang dan peraturan, maka Allah menentukan bagi setiap umat syari'at dan peraturan hidup yang sesuai dengan masing-masing dalam lingkungan 'aqidah yang agung terhadap Allah.

Islam Bukan Agama Pertama Yang Memperkenalkan 'Aqidah Tauhid

Orang-orang yang menulis tentang Islam biasanya berkata bahawa Islam adalah agama pertama yang membawa konsep 'aqidah yang sempurna yang mentauhidkan Allah, atau membawa konsep 'aqidah yang sempurna mengenai risalah dan Rasul, atau membawa konsep 'aqidah yang sempurna mengenai alam Akhirat, hisab dan balasan. Mereka berkata begitu dengan tujuan untuk memuji Islam. Mereka sebenarnya tidak membaca Al-Qur'an dan andainya mereka benar-benar membacanya tentulah mereka

mengetahui bahawa Allah S.W.T. telah menjelaskan bahawa seluruh Rasul-Nya - Salawatullahi 'Alayhim Wasalamuhu - adalah membawa 'aqidah tauhid yang mutlak dan bersih dari segala bayangan syirik dalam apa bentuk sekalipun, di samping menerangkan kepada manusia tentang hakikat Rasul dan ciri kemanusiaannya, juga tentang dirinya yang tidak berkuasa memberi manfa'at dan mudharat baik kepada mereka mahupun kepada dirinya. Para Rasul seluruhnya masing-masing telah mengingatkan kaum mereka tentang alam Akhirat serta hisab dan balasan yang akan dihadapi mereka di sana. Begitu juga seluruh Rasul masing-masing telah membawa hakikat-hakikat 'aqidah Islamiyah yang asasi dan segala apa yang dinyatakan oleh kitab-kitab suci yang silam telah diakui dan disahkan pula oleh kitab suci yang akhir.

Pendapat-pendapat yang mengatakan Islam sebagai agama pertama yang membawa 'aqidah tauhid yang sempurna merupakan salah satu dari kesan-kesan kebudayaan Barat yang mendakwa bahawa prinsip-prinsip 'aqidah - termasuk 'aqidah-'aqidah samawi - telah berubah dan berkembang mengikut perubahan dan perkembangan umat manusia. Islam tidak mungkin dipertahankan dengan meruntuhkan prinsip-prinsip yang telah dijelaskan oleh Al-Qur'an. Oleh sebab itu para penulis dan pembaca harus berhati-hati terhadap pandangan yang menggelincirkan itu.

Tujuan diturunkan kitab Al-Qur'an ialah supaya dengan perantaraannya Rasulullah s.a.w. dapat mengingatkan penduduk Makkah - Ummul-Qura dan mereka yang berada disekelilingnya:

يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ ٱلْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا

"Supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk-penduduk Ummul-Qura dan mereka yang berada di sekelilingnya."(92)

Wilayah Da'wah Islamiyah Ialah Seluruh Dunia Bukannya Negeri Makkah Dan Negeri-negeri Sekitarnya

Makkah digelarkan sebagai Ummul-Qura (Ibu Negeri-negeri), kerana ia merangkul Baitullah yang merupakan rumah ibadat pertama yang dibangunkan untuk manusia supaya mereka beribadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu, juga sebagai tempat perlindungan yang aman bagi manusia dan bagi semua makhluk yang bernyawa. Dan dari Baitullah inilah lahirnya da'wah umum untuk semua penduduk dunia, kerana sebelum ini belum ada lagi da'wah umum yang bersifat sejagat dan orang-orang yang beriman dengan da'wah ini akan datang berkunjung di sini untuk menziarahi Baitullah yang menjadi pusat lahirnya da'wah.

Maksud ayat ini bukannya untuk menyatakan bahawa da'wah itu hanya ditujukan kepada penduduk Makkah dan setengah-setengah negeri yang berada di sekelilingnya sahaja sebagaimana yang dikatakan oleh musuh-musuh Islam yang terdiri dari kaum orientalis. Mereka memotong dan mengasingkan ayat ini dari seluruh Al-Qur'an untuk mengatakan bahawa Muhammad s.a.w. sama sekali tidak bertujuan yang lain selain dari menyebarkan da'wah ini kepada penduduk Makkah dan setengah-setengah negeri yang berada si sekelilingnya, tetapi beliau mengubahkan matlamatnya dari lingkungan yang sempit, di mana cita-citanya yang pertama tidak pernah berniat untuk melangkah lingkungan yang lebih luas dari itu, lalu beliau meluaskan da'wahnya ke seluruh Semenanjung Tanah Arab. Kemudian beliau ingin melangkah lebih luas dari itu lagi kerana beberapa kebetulan yang tidak diketahuinya sebelum ini, iaitu selepas beliau berhijrah ke Madinah dan menubuhkan kerajaannya di sana. Mereka telah membuat satu pentafsiran yang dusta, kerana dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang diturun di Makkah sendiri pada masa-masa permulaan da'wah terdapat pernyataan Allah kepada Rasul-Nya (tentang skop da'wahnya):

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٧﴾

"Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan untuk menjadi rahmat kepada seluruh umat manusia."

(Surah al-Anbiya': 107)

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا

"Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan kepada seluruh manusia untuk menyampaikan berita gembira dan memberi amaran dan peringatan kepada mereka."

(Surah Saba': 28)

Barangkali da'wah pada masa permulaan perkembangannya di Makkah terkepung di lorong-lorong bukit Makkah kerana menghadapi tindasan dan ujian!

وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ وَهُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩٢﴾

"Dan orang-orang yang beriman kepada Akhirat tentulah beriman kepada Al-Qur'an dan memelihara solat mereka."(92)

Maksudnya orang-orang yang percaya kepada alam Akhirat, hisab dan balasan sudah tentu mempercayai bahawa Allah pasti mengirimkan utusan-Nya kepada manusia dan menurunkan wahyu kepadanya dan mereka tidak merasai keberatan untuk mempercayainya, malah mereka dapati penda'wah yang menyeru mereka supaya mempercayainya. Dan oleh kerana mereka beriman kepada Akhirat dan kepada kitab suci Al-Qur'an, mereka memelihara ibadat solat mereka dengan tekun agar mereka sentiasa berhubungan rapat dengan Allah dan sentiasa menta'ati Allah yang dijelmakan dalam amalan solat. Itulah tabi'at hati yang bersih. Apabila ia percaya kepada hari Akhirat ia percaya pula kepada Al-Qur'an yang diturunkan Allah serta mengambil berat menjaga hubungan dan kepatuhannya kepada Allah dengan penuh hemat. Dan dengan usaha memerhatikan contoh-contoh jiwa manusia akan

terserlahlah kebenaran Kalamullah yang benar itu di dalam realiti.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 93 - 94)

Pusingan yang mengandungi larian-larian yang berkait rapat ini diakhiri dengan satu pemandangan yang hidup, jelas, bergerak, diselubungi suasana sengsara dan ngeri. iaitu pemandangan orang-orang yang zalim iaitu orang-orang yang mempersekutukan Allah yang telah mengadakan dakwaan-dakwaan yang bohong terhadap Allah atau membuat dakwaan yang tidak benar kononnya mereka menerima wahyu dari Allah atau mendakwa kononnya mereka mampu mengadakan kitab seperti Al-Qur'an. Itulah pemandangan orang-orang yang melakukan kezaliman yang tidak ada tolok bandingnya sedang menghadapi detik-detik cemas sakratul-maut, di mana para malaikat mengazabkan mereka dengan tangan mereka dan mencabut nyawa mereka serta membuat kecaman-kecaman yang menghentamkan muka mereka. Mereka telah meninggalkan segala-segalanya di belakang mereka dan semua sekutu-sekutu mereka melesapkan diri dari mereka.

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِيَ إِلَيَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ شَيْءٌ وَمَن قَالَ سَأُنزِلُ مِثْلَ مَا أَنزَلَ اللَّهُ ۗ وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُوا أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوا أَنفُسَكُمُ ۖ الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ وَكُنتُمْ عَنْ آيَاتِهِ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٩٣﴾ وَلَقَدْ جِئْتُمُونَا فُرَادَىٰ كَمَا خَلَقْنَاكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَتَرَكْتُم مَّا خَوَّلْنَاكُمْ وَرَاءَ ظُهُورِكُمْ ۖ وَمَا نَرَىٰ مَعَكُمْ شُفَعَاءَكُمُ الَّذِينَ زَعَمْتُمْ أَنَّهُمْ فِيكُمْ شُرَكَاءُ ۚ لَقَد تَّقَطَّعَ بَيْنَكُمْ وَضَلَّ عَنكُم مَّا كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٩٤﴾

"Dan tiada Yang lebih zalim dari orang yang telah mengadakan pembohongan terhadap Allah atau orang yang berkata: 'Aku telah diberikan wahyu sedangkan dia tidak diberikan apa-apa wahyu dan orang yang berkata: 'Aku akan turunkan seperti apa yang telah diturunkan Allah dan (alangkah dahsyatnya) jika engkau dapat melihat ketika orang-orang yang zalim ini berada di dalam kesengsaraan-kesengsaraan maut, sedangkan para malaikat menghulur tangan mereka (memukul mereka) sambil berkata: 'Selamatkanlah nyawa kamu' (dari 'azab ini). Pada hari ini kamu dibalas dengan keseksaan yang penuh hina kerana kamu telah mengatakan perkataan-perkataan yang tidak benar terhadap Allah dan kerana kamu berlagak ingkar terhadap ayat-ayat-Nya (93). Dan sesungguhnya kamu datang kepada Kami dengan seorang diri sebagaimana Kami telah ciptakan kamu pada permulaan kali dan kamu telah meninggalkan di belakang kamu (di dunia) segala apa yang Kami telah kurniakan kepada kamu dan Kami tidak melihat bersama kamu para pemberi syafa'at yang kamu dakwa sebagai sekutu-sekutu Allah di kalangan kamu. Sesungguhnya pertalian telah terputus di antara kamu dan segala apa yang didakwakan kamu telah lenyap dari kamu."(94)

Menurut riwayat dari Qatadah dan Ibn Abbas r.a., ayat ini turun kerana angkara Musaylamatul-Kazzab, Sujah binti al-Harith dan al-Aswad al-Ansi. Merekalah orang-orang yang mengaku menjadi nabi semasa Rasulullah s.a.w. dan mendakwa menerima wahyu, dari Allah. Adapun orang yang mendakwa bahawa ia mampu menurunkan wahyu seperti yang diturunkan Allah atau mendakwa bahawa ia juga menerima wahyu - mengikut riwayat ibn Abbas - ialah Abdullah ibn Sa'd ibn Abu Sarh. Dahulu ia telah memeluk Islam dan menjadi penulis wahyu kepada Nabi s.a.w. Apabila turun ayat dari Surah al-Mu'minun:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ مِن سُلَالَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari pati tanah"(12)

Nabi s.a.w. terus memanggil Abdullah dan merencanakan ayat itu kepadanya dan apabila beliau sampai kepada firman-Nya:

ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ

"Kemudian Kami jadikannya satu makhluk yang lain"(14)

di sini Abdullah merasa begitu tertarik dengan penjelasan Al-Qur'an yang terperinci tentang kejadian manusia lalu dia pun berkata:

فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

"Maha Suci Allah sebaik-baik Pencipta."(14)

Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Demikianlah ayat ini diturunkan kepadaku. Di waktu ini Abdullah terus merasa ragu-ragu lalu berkata, "Jika Muhammad itu benar, maka aku juga telah diturunkan wahyu yang sama dengan wahyu yang diturunkan kepadanya, dan andainya dia bohong, maka aku juga dapat mengeluarkan perkataan yang sama dengan perkataannya". Lalu ia pun murtad dari Islam dan pulang ke pangkuan orang-orang Musyrikin. Itulah maksud firman-Nya:

قَالَ سَأُنزِلُ مِثْلَ مَا أَنزَلَ اللَّهُ ۗ

"Dan orang yang berkata. Aku akan turunkan wahyu yang sama dengan wahyu yang diturunkan Allah."(93)

(Diriwayatkan oleh al-Kalbi dari Ibn Abbas)

Pemandangan yang dilukiskan oleh Al-Qur'an untuk menggambarkan balasan yang diterima oleh orang-orang yang zalim atau kaum Musyrikin adalah satu pemandangan yang ngeri, menyeksa dan mencemaskan. Mereka sedang mengalami penderitaan sakratul-maut. Kata-kata Ghamarat () "penderitaan" memberi bayangan kesengsaraan, sedangkan para malaikat menyeksakan mereka dengan hentaman tangan mereka dan menuntut nyawa mereka supaya keluar sambil mengecam mereka:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِى غَمَرَٰتِ ٱلْمَوْتِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ بَاسِطُوٓا۟ أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوٓا۟ أَنفُسَكُمُ ۖ ٱلْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ ٱلْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ غَيْرَ ٱلْحَقِّ وَكُنتُمْ عَنْ ءَايَٰتِهِۦ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٩٣﴾

"(Alangkah dahsyatnya) jika engkau dapat melihat ketika orang-orang yang zalim sedang berada dalam tekanan sakratul-maut dan para malaikat menghulurkan tangan memukul mereka (sambil berkata:) Selamatkan diri kamu (dari 'azab ini). Pada hari ini kamu dibalas dengan 'azab kehinaan kerana kamu telah mengeluarkan perkataan yang tidak benar terhadap Allah dan kerana kamu telah berlagak angkuh terhadap ayat-ayat-Nya."(93)

Balasan terhadap sikap angkuh dan takbur ialah 'azab yang menghinakan, dan balasan kepada perbuatan melakukan pembohongan terhadap Allah ialah kecaman yang memalukan, dan semua balasan itu menambahkan lagi bayangan kesengsaraan kepada pemandangan itu, iaitu kesengsaraan yang mencemas dan menyeksakan mereka kerana terlalu takut, risau dan derita.

Pada akhirnya mereka menerima kecaman dan celaan dari Allah kerana mereka telah membuat pembohongan terhadap-Nya. Kini mereka dihadirkan di hadapan Allah dalam suasana sengsara dan derita:

وَلَقَدْ جِئْتُمُونَا فُرَٰدَىٰ كَمَا خَلَقْنَٰكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ

"Dan sesungguhnya kini kamu telah datang kepada Kami dengan sebatang kara sahaja sebagaimana Kami ciptakan kamu pada pertama kali." (94)

Maksudnya, kini kamu tidak memiliki suatu apa selain dari tubuh kamu yang kosong dan sebatang kara. Kamu mengadap Allah dengan seorang diri sahaja bukan dengan satu rombongan sebagaimana Allah telah ciptakan kamu pada permulaan kali dengan seorang diri, di mana kamu keluar dari perut ibu sebatang kara, bogel tanpa seurat benang pun.

Kini segala sesuatu telah tersisih dari kamu dan setiap orang terpisah dari kamu dan kamu tidak lagi dapat menguasai segala sesuatu yang telah dikurniakan Allah kepada kamu:

وَتَرَكْتُم مَّا خَوَّلْنَٰكُمْ وَرَآءَ ظُهُورِكُمْ

"Dan kamu telah meninggalkan di belakang kamu (di dunia) segala apa yang telah Kami kurniakan kepada kamu."(94)

Maksudnya, kini kamu telah meninggalkan segala harta, perhiasan, anak-anak, kemewahan hidup, pangkat kebesaran dan kuasa. Segala-galanya telah kamu tinggalkan di belakang kamu, tidak ada suatu apa pun bersama kamu, malah tiada suatu apa pun baik sedikit mahupun banyak yang dapat dikuasai kamu sekarang.

وَمَا نَرَىٰ مَعَكُمْ شُفَعَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُمْ أَنَّهُمْ فِيكُمْ شُرَكَٰٓؤُا۟

"Dan Kami tidak melihat bersama kamu para pemberi syafa'at yang sanggup memberi syafa'at kepada kamu yang kamu dakwa sebagai sekutu-sekutu Allah di kalangan kamu."(94)

Maksudnya, sembahan-sembahan yang kamu dakwa sanggup menolong kamu di dalam kesusahan-kesusahan dan kamu jadikan mereka sebagai kongsi-kongsi di dalam kehidupan dan harta benda kamu dan seterusnya kamu berkata bahawa mereka akan menjadi pemberi-pemberi syafa'at kepada kamu di sisi Allah adalah sama seperti dakwaan mereka yang mengatakan: "Kami tidak menyembah mereka melainkan dengan tujuan agar mereka mendekatkan hubungan kami dengan Allah", sama ada sembahan itu dari makhluk manusia, kahin, pawang atau orang-orang yang berkuasa atau patung-patung dari batu, berhala-berhala, atau jin atau malaikat atau planet-planet atau lainnya yang dijadikan mereka sebagai lambang-lambang tuhan-tuhan palsu atau sebagai rakan kongsi dalam kehidupan, harta benda dan anak-anak mereka sebagaimana akan diterangkan di dalam surah ini.

Kini di mana mereka semua? Ke manakah perginya rakan-rakan kongsi dan pemberi-pemberi syafa'at itu?

لَقَد تَّقَطَّعَ بَيْنَكُمْ

"Sesungguhnya kini hubungan di antara kamu telah terputus."(94)

Maksudnya, segala hubungan dan pertalian telah terputus belaka.

وَضَلَّ عَنكُم مَّا كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٩٤﴾

"Dan segala apa yang telah didakwakan kamu telah lenyap."(94)

Maksudnya, segala macam dakwaan kamu itu telah lenyap belaka. Di antaranya ialah dakwaan kamu yang mengatakan mereka sebagai sekutu-sekutu kamu, sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memberi syafa'at di sisi Allah dan tidak mempunyai apa-apa kuasa dan pengaruh di alam sebab-sebab.

Itulah pemandangan yang memberi goncangan yang kuat kepada hati manusia. Ia menerang dan menjelas, bergerak dan bertindak melontarkan kesan

dan bayangannya ke dalam jiwa manusia, di samping mencurahkan saranan-saranan dan bayangan-bayangan yang ngeri, sengsara yang mencemas dan menakutkan hati mereka. Itulah kekuatan penjelasan Al-Qur'an.

(Kumpulan ayat-ayat 95 - 111)

إِنَّ ٱللَّهَ فَالِقُ ٱلۡحَبِّ وَٱلنَّوَىٰۖ يُخۡرِجُ ٱلۡحَيَّ مِنَ ٱلۡمَيِّتِ وَمُخۡرِجُ ٱلۡمَيِّتِ مِنَ ٱلۡحَيِّۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُۖ فَأَنَّىٰ تُؤۡفَكُونَ ﴿٩٥﴾

فَالِقُ ٱلۡإِصۡبَاحِ وَجَعَلَ ٱلَّيۡلَ سَكَنٗا وَٱلشَّمۡسَ وَٱلۡقَمَرَ حُسۡبَانٗاۚ ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ﴿٩٦﴾

وَهُوَ ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلنُّجُومَ لِتَهۡتَدُواْ بِهَا فِي ظُلُمَٰتِ ٱلۡبَرِّ وَٱلۡبَحۡرِۗ قَدۡ فَصَّلۡنَا ٱلۡأٓيَٰتِ لِقَوۡمٖ يَعۡلَمُونَ ﴿٩٧﴾

وَهُوَ ٱلَّذِيٓ أَنشَأَكُم مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ فَمُسۡتَقَرّٞ وَمُسۡتَوۡدَعٞۗ قَدۡ فَصَّلۡنَا ٱلۡأٓيَٰتِ لِقَوۡمٖ يَفۡقَهُونَ ﴿٩٨﴾

وَهُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَأَخۡرَجۡنَا بِهِۦ نَبَاتَ كُلِّ شَيۡءٖ فَأَخۡرَجۡنَا مِنۡهُ خَضِرٗا نُّخۡرِجُ مِنۡهُ حَبّٗا مُّتَرَاكِبٗا وَمِنَ ٱلنَّخۡلِ مِن طَلۡعِهَا قِنۡوَانٞ دَانِيَةٞ وَجَنَّٰتٖ مِّنۡ أَعۡنَابٖ وَٱلزَّيۡتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُشۡتَبِهٗا وَغَيۡرَ مُتَشَٰبِهٍۗ ٱنظُرُوٓاْ إِلَىٰ ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثۡمَرَ وَيَنۡعِهِۦٓۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمۡ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ﴿٩٩﴾

وَجَعَلُواْ لِلَّهِ شُرَكَآءَ ٱلۡجِنَّ وَخَلَقَهُمۡۖ وَخَرَقُواْ لَهُۥ بَنِينَ وَبَنَٰتِۭ بِغَيۡرِ عِلۡمٖۚ سُبۡحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٠٠﴾

بَدِيعُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ أَنَّىٰ يَكُونُ لَهُۥ وَلَدٞ وَلَمۡ تَكُن لَّهُۥ صَٰحِبَةٞۖ وَخَلَقَ كُلَّ شَيۡءٖۖ وَهُوَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ﴿١٠١﴾

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمۡۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ خَٰلِقُ كُلِّ شَيۡءٖ فَٱعۡبُدُوهُۚ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ وَكِيلٞ ﴿١٠٢﴾

لَّا تُدۡرِكُهُ ٱلۡأَبۡصَٰرُ وَهُوَ يُدۡرِكُ ٱلۡأَبۡصَٰرَۖ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلۡخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

قَدۡ جَآءَكُم بَصَآئِرُ مِن رَّبِّكُمۡۖ فَمَنۡ أَبۡصَرَ فَلِنَفۡسِهِۦۖ وَمَنۡ عَمِيَ فَعَلَيۡهَاۚ وَمَآ أَنَا۠ عَلَيۡكُم بِحَفِيظٖ ﴿١٠٤﴾

وَكَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ ٱلۡأٓيَٰتِ وَلِيَقُولُواْ دَرَسۡتَ وَلِنُبَيِّنَهُۥ لِقَوۡمٖ يَعۡلَمُونَ ﴿١٠٥﴾

ٱتَّبِعۡ مَآ أُوحِيَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ وَأَعۡرِضۡ عَنِ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ﴿١٠٦﴾

وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ مَآ أَشۡرَكُواْۗ وَمَا جَعَلۡنَٰكَ عَلَيۡهِمۡ حَفِيظٗاۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيۡهِم بِوَكِيلٖ ﴿١٠٧﴾

وَلَا تَسُبُّواْ ٱلَّذِينَ يَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ فَيَسُبُّواْ ٱللَّهَ عَدۡوَۢا بِغَيۡرِ عِلۡمٖۗ كَذَٰلِكَ زَيَّنَّا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمۡ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِم مَّرۡجِعُهُمۡ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

وَأَقۡسَمُواْ بِٱللَّهِ جَهۡدَ أَيۡمَٰنِهِمۡ لَئِن جَآءَتۡهُمۡ ءَايَةٞ لَّيُؤۡمِنُنَّ بِهَاۚ قُلۡ إِنَّمَا ٱلۡأٓيَٰتُ عِندَ ٱللَّهِۖ وَمَا يُشۡعِرُكُمۡ أَنَّهَآ إِذَا جَآءَتۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿١٠٩﴾

وَنُقَلِّبُ أَفۡـِٔدَتَهُمۡ وَأَبۡصَٰرَهُمۡ كَمَا لَمۡ يُؤۡمِنُواْ بِهِۦٓ أَوَّلَ مَرَّةٖ وَنَذَرُهُمۡ فِي طُغۡيَٰنِهِمۡ يَعۡمَهُونَ ﴿١١٠﴾

"Sesungguhnya Allahlah yang memecah butir tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan. Dialah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu bagaimana mungkin kamu dipesongkan (dari kebenaran)? (95) Dialah yang memecahkan cahaya pagi dan menjadikan malam untuk beristirehat dan menciptakan matahari dan bulan dengan kiraan yang amat rapi. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui (96). Dan Dialah yang telah menciptakan bintang-bintang untuk kamu supaya kamu berpedoman dengannya di dalam kegelapan-kegelapan di daratan dan lautan. Sesungguhnya Kami telah

menjelaskan bukti-bukti kekuasaan Kami kepada golongan orang-orang yang mengetahui (97). Dan Dialah yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, iaitu satu diri menjadi tempat ia menetap sementara (rahim perempuan) dan satu diri yang lain menjadi tempat simpanan benih (sulbi lelaki). Sesungguhnya Kami telah menjelaskan bukti-bukti kekuasaan Kami kepada golongan orang-orang yang faham (98). Dan Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit lalu Kami keluarkan dengannya segala jenis tumbuh-tumbuhan dan dari tumbuhan itu Kami keluarkan tanaman yang menghijau dan darinya, Kami keluarkan biji-bijian (buah-buahan) yang tersusun rapi dan dari pokok kurma iaitu dari mayang-mayangnya Kami keluarkan tandan-tandan buah kurma yang mudah (untuk dipetik) dan Kami (adakan) kebun-kebun anggur, zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah kepada buah-buahnya ketika pokok-pokok itu berbuah dan ketika ia masak. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah bagi golongan orang-orang yang beriman (99). Dan mereka (kaum Musyrikin) telah menjadikan jin sebagai sekutu-sekutu Allah, sedangkan Dialah yang telah menciptakan mereka itu dan mereka telah melakukan pembohongan terhadap Allah (dengan mengatakan) Dia mempunyai anak lelaki dan anak perempuan tanpa berasaskan ilmu pengetahuan. Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah dari segala sifat yang disifatkan mereka (100). Dia adalah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimana mungkin Dia mempunyai anak, sedangkan Dia tidak mempunyai isteri? Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu (101). Itulah (sifat-sifat) Allah Tuhan kamu. Tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, Dialah Pencipta segala sesuatu. Oleh sebab itu hendaklah kamu mengabdikan diri kepada-Nya dan Dialah Tuhan yang memelihara segala sesuatu (102). Dia tidak boleh di lihat oleh penglihatan mata, sedangkan Dia melihat segala penglihatan mata, dan Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam Ilmu-Nya (103). Sesungguhnya telah datang kepada kamu berbagai-bagai wawasan dari Tuhan kamu. Oleh itu sesiapa yang membuka mata melihatnya, maka ia akan memperolehi faedah bagi dirinya, dan sesiapa yang membutakan mata, maka dia akan menanggung akibatnya. Dan aku (Muhammad) bukanlah pengawal kamu (104). Demikian Kami menjelaskan ayat-ayat Kami dengan berbagai-bagai cara supaya mereka (kaum Musyirik) mengatakan: "Engkau telah mempelajarinya (Al-Qur'an) dari orang lain" dan supaya Kami dapat menjelaskannya (Al-Qur'an) kepada golongan orang-orang yang mengetahui (105). (Wahai Muhammad) ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Tiada Tuhan selain Dia dan berpalinglah dari orang-orang Musyrikin (106). Dan andainya Allah kehendaki nescaya mereka tidak mempersekutui-Nya dan Kami tidak melantikkan engkau sebagai penjaga mereka dan tidak pula engkau dilantik sebagai pengawal mereka (107). Dan janganlah kamu mencaci maki sembahan-sembahan orang-orang yang menyembah yang lain dari Allah nanti mereka akan mencaci maki Allah secara keterlaluan tanpa berasaskan ilmu pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat itu memandang elok kepada amalan-amalan mereka. Kemudian kelak mereka akan dipulangkan kepada Allah Tuhan mereka dan Dia akan memberitakan kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka (108). Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah dengan sumpah mereka yang bersungguh-sungguh: Jika datang mu'jizat (yang dipinta mereka), mereka akan tetap beriman dengannya. Katakanlah: Urusan mu'jizat itu hanya berada di sisi Allah sahaja, dan apakah kamu tahu andainya mu'jizat itu datang, mereka tidak juga akan beriman? (109) Dan Kami jadikan hati dan pandangan mereka berbalik-balik (dan mereka tetap tidak beriman kepada Al-Qur'an) sebagaimana mereka tidak beriman kepada-Nya pada permulaan kalinya. Dan Kami tinggalkan mereka terumbang-ambing dalam kesesatan mereka."(110)

وَلَوْ أَنَّنَا نَزَّلْنَا إِلَيْهِمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ وَكَلَّمَهُمُ ٱلْمَوْتَىٰ وَحَشَرْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَىْءٍ قُبُلًا مَّا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ يَجْهَلُونَ ﴿١١١﴾

"Andainya Kami turunkan malaikat kepada mereka dan andainya orang-orang mati berbicara dengan mereka dan andainya Kami kumpulkan segala sesuatu di hadapan mereka nescaya mereka tidak beriman juga kecuali dikehendaki Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui".(111)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di sini kita perlu mengingatkan semula segala penjelasan kita mengenai surah ini dalam kata pengantarnya, iaitu kita perlu mengingatkan kembali apa yang telah kami terangkan tentang surah ini yang diumpamakan seakan-akan arus sungai yang penuh dengan gelombang yang bertolak-tolakan dan berkejar-kejaran, juga tentang keindahan pengungkapan, penggambaran dan nada ayat-ayatnya:

"Surah ini membicarakan maudhu' asasinya dengan satu gambaran yang unik, di mana setiap pandangan dan tinjauannya, setiap situasi dan pemandangan menggambarkan keindahan yang menarik, iaitu keindahan yang mengagumkan jiwa dan perasaan, keindahan yang membuat nafas tercungap-cungap kerana takjub ketika mengikuti pemandangan-pemandangannya, nada-nadanya dan pernyataan-pernyataannya yang penuh dengan saranan.

"Dalam huraiannya yang penuh dengan pemandangan-pemandangan, situasi-situasi, pernyataan-pernyataan yang memberi saranan, nada-nada, gambaran-gambaran dan bayangan-bayangan, surah ini seakan-akan arus sungai yang penuh dengan gelombang-gelombang yang bertolak-tolakan dan berkejar-kejaran, belum pun satu gelombang sampai ke tempatnya, tiba-tiba muncul pula gelombang lain yang mengekori dan mengejarnya lalu bertaut-tautan dengannya dalam arus yang terus bersambung-sambung dan mencurah-curah itu.

"Dalam setiap gelombang dari gelombang-gelombang yang bertolak-tolakan, berkejar-kejaran dan bertaut-tautan itu, surah ini sampai ke tahap keindahan yang mengagumkan dari segi penjelasan dan pemberiannya serta selaras dengan methodologi pembentangannya dalam menayangkan berbagai-bagai pemandangan. Ia membuat seluruh ruang jiwa terpengaruh dengan keindahan yang mengagumkan itu, terpengaruh dengan ulasan-ulasannya yang hidup dan lancar, terpengaruh dengan nada-nada

gambaran, pengungkapan dan muziknya, terpengaruh dengan pengumpulan dan pengemblingan yang merangkum (makhluk-makhluk yang begitu banyak) dan terpengaruh dengan cara persemukaannya dengan hati manusia di segenap jalan dan di segenap tingkap"..... dan seterusnya......

Semua ciri-ciri ini dapat di lihat dengan jelas di dalam pelajaran ini dalam bentuknya yang paling sempurna, di mana pembaca merasa seolah-olah pemandangan-pemandangan itu dengan segala maksudnya memancar dengan cahayanya yang gemilang yang bergerak di hadapan hati sama seperti bergeraknya rentetan nada-nada pengungkapan kata-kata yang menjelaskan pemandangan-pemandangan itu supaya selaras dengannya. Pemandangan-pemandangan dan pengungkapan juga selaras dengan maksud-maksud yang hendak disampai dan ditujukan oleh kedua-duanya.

Setiap pemandangan dari pemandangan-pemandangan ini seolah-olah satu pancaran cahaya yang indah yang datang dari arah yang tidak diketahui dan terserlah dengan jelas, indah dan menarik di hadapan pancaindera, hati dan akal.

Ungkapan kata-kata itu sendiri merupakan seolah-olah satu pancaran cahaya dan bunyi nadanya selaras pula dengan pemandangan dan maksudnya. Kedua-duanya seimbang, sama kuat pancarannya dan sama indah.

Maksud-maksud, pemandangan-pemandangan, kata-kata ungkapan mencurah-curah dalam gelombang-gelombang yang berurut-urutan yang diikuti oleh hati dengan rasa kagum. Dan sebelum gelombang ini sampai ke tempatnya, tiba-tiba ia ditolak sekali lagi oleh satu gelombang baru yang lain sebagaimana kami telah cuba menyifatkan keindahan surah ini dalam kata penghantarnya sebelum ini.

Seluruh lembaran alam buana terbuka luas dan pemandangan-pemandangan berurut-urutan atau berlompat-lompatan di sini sana di muka alam yang luas saujana itu.

Keindahan merupakan ciri utama dalam surah ini, iaitu keindahan yang sampai ke tahap kecemerlangan yang mengagumkan, di mana pemandangan-pemandangan itu dipilih dan diambil dari sudutnya yang indah, begitu juga kata-kata ungkapan dipilih dari segi bunyi lafaznya yang cantik dan dari segi pengertiannya yang seni. Makna-makna atau pengertian-pengertian yang menggambarkan segala isi hakikat 'aqidah yang tulen juga mengolahkan hakikat ini dari sudut keindahan dan ia menjadikan hakikat ini sendiri sebagai satu pancaran cahaya yang indah dan gemilang.

Di antara faktor yang menyarankan ke arah keindahan yang gemilang itu ialah wujudnya arahan Rabbani yang mengajak manusia meni'mati keindahan hayat yang permai:

ٱنظُرُوٓا۟ إِلَىٰ ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَيَنْعِهِۦٓ

"Lihatlah kepada buah-buahnya ketika pokok-pokok itu berbuah dan ketika ia masak."(99)

Itulah arahan secara langsung ke arah keindahan yang gemilang untuk diteliti, dikaji dan dini'mati dengan penuh kesedaran.[24]

Kemudian keindahan ini sampai kemuncaknya yang mengkagumkan di akhir tayangan pameran alam buana yang hidup apabila pameran itu sampai di sebalik alam buana yang indah ini, iaitu sampai kepada hakikat Allah yang menciptakan langit dan bumi dan melengkapkan alam dengan segala jenis keindahan ini. Di sini Allah membentangkan satu gambaran yang indah yang tidak dapat digambarkan melainkan oleh pengungkapan Al-Qur'an itu sendiri:

لَّا تُدْرِكُهُ ٱلْأَبْصَٰرُ وَهُوَ يُدْرِكُ ٱلْأَبْصَٰرَ ۖ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

"Dia tidak boleh dilihat oleh penglihatan mata, sedangkan Dia melihat segala penglihatan mata dan Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu-Nya."(103)

Justeru itu dalam pelajaran ini kita berada di hadapan kitab alam buana yang terbuka yang setiap masa dilalui oleh manusia-manusia yang lalai, tetapi tidak langsung berhenti memerhatikan penciptaan-penciptaan-Nya yang luar biasa dan bukti-bukti kekuasaan-Nya yang menakjubkan, juga dilalui oleh manusia-manusia yang buta mata hatinya dan kerana itu mata mereka tidak dapat melihat keajaibannya dan keindahan-keindahannya. Kini Al-Qur'an membawa kita menjelajah alam buana ini seolah-olah kita baru saja berada di sini. Ia membawa kita berdiri di hadapan kejadian-kejadiannya yang menakjubkan dan membuka mata kita melihat pemandangan-pemandangannya yang gemilang dan seterusnya merangsangkan minat kita ke arah memikirkan titik-titik keindahannya yang diabaikan oleh manusia-manusia yang lalai.

Kini Al-Qur'an meletakkan kita di hadapan mu'jizat-mu'jizat yang berlaku pada setiap detik malam dan siang seperti mu'jizat kelahiran hayat yang aktif dari maut yang tidak aktif. Kita tidak mengetahui bagaimana hayat itu lahir dan dari mana ia datang kecuali hakikat kedatangannya dari Allah dan hakikat kelahirannya dari daya qudrat Allah. Manusia tidak berupaya mengetahui hakikat hayat, juga hakikat penciptaannya.

Kini Al-Qur'an meletakkan kita di hadapan peredaran cakerawala yang menarik, iaitu satu peredaran yang amat besar, berterusan dan amat

---

[24] *Lihat bab* الجمال في التصور الإسلامي *dan bab* مشاهد الطبيعة في ألقرآن *dalam buku* منهج الفن الإسلامي *oleh Muhammad Qutb*

halus. Ia merupakan satu mu'jizat yang tiada tolok bandingnya dengan mu'jizat-mu'jizat yang dituntut manusia. Peredaran itu berlaku setiap hari dan malam, malah berlaku pada setiap detik dan sa'at.

Kini Al-Qur'an meletakkan kita di hadapan gejala kelahiran hayat manusia dari diri yang tunggal dan di hadapan gejala pembiakannya dengan cara yang sama.

Kini Al-Qur'an meletakkan kita di hadapan gejala kelahiran hayat pada tumbuh-tumbuhan dan di hadapan pemandangan-pemandangan air hujan yang gugur, tanaman-tanaman yang subur, buah-buah yang matang. Itulah sekumpulan kejadian-kejadian yang hidup dan pemandangan-pemandangan alam yang boleh dijadikan bidang penelitian dan penyelidikan jika kita melihatnya dengan perasaan yang serius dan hati yang terbuka.

Itulah alam buana seluruhnya yang kelihatan baru seolah-olah kita melihatnya bagi pertama kali. Ia kelihatan hidup seolah-olah sedang berbicara dengan penuh mesra dengan kita. Ia kelihatan bergerak dengan harakah yang aktif Ia kelihatan amat mengagumkan pancaindera dan perasaan. Ia sendiri seolah-olah berceramah menjelaskan siapakah Tuhan Penciptanya yang mengemukakan bukti-bukti keesaan-Nya dan qudrat kuasa-Nya.

Di waktu inilah perbuatan syirik terhadap Allah - selaras dengan tujuan tayangan Al-Qur'an yang mencabar konsep syirik dan kaum Musyrikin - kelihatan amat ganjil dan asing kepada fitrah alam dan tabi'atnya, juga kelihatan begitu keji dalam hati nurani setiap mereka yang merenungi alam yang penuh dengan bukti-bukti hidayat ini. Di sinilah gugurnya hujah konsep syirik dan kaum Musyrikin ketika menghadapi saranan keimanan yang begitu banyak tersebar di merata pelosok alam yang menakjubkan ini.

Methodologi Al-Qur'an dalam usaha mengemukakan hakikat Uluhiyah kepada jiwa manusia dan hakikat 'Ubudiyah mereka terhadap Allah, mempergunakan hakikat penciptaan hayat, hakikat rezeki yang disediakan Allah di alam ini untuk memelihara hayat, hakikat kekuasaan Allah yang mencipta, memberi rezeki dan mengendalikan alam sebab-sebab dengan sendirian tanpa sekutu..... ia mempergunakan hakikat-hakikat ini sebagai pernyataan yang efektif dan memberi saranan dan sebagai bukti yang kuat bahawa manusia harus meletakkan 'Ubudiyahnya kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan harus menumpukan kepercayaan, ibadat, keta'atan dan kepatuhan kepada-Nya sahaja. Dalam konteks ini setelah menayangkan pemandangan alam dan menjelaskan hakikat penciptaan, rezeki, pemeliharaan hayat dan kuasa Al-Qur'an menyeru manusia supaya mereka mengabdikan diri mereka kepada Allah sahaja iaitu mentauhidkan Allah dengan Uluhiyah dan sifat-sifat-Nya dalam semua bidang hidup mereka dan supaya mereka meletakkan kuasa Hakimiyah dan rujukan hukum pada Allah Yang Maha Esa sahaja, dalam semua urusan kehidupan mereka. Di samping itu Al-Qur'an mengecam perbuatan mereka yang mendakwa mempunyai kuasa Uluhiyah atau salah satu dari sifat-sifat-Nya.

Dalam pelajaran ini juga kita dapati pernyataan Allah yang berikut:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ فَٱعْبُدُوهُ ۚ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٠٢﴾

"Itulah (sifat-sifat) Allah Tuhan kamu. Tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, Dialah Pencipta segala sesuatu. Oleh sebab itu hendaklah kamu mengabdikan diri kepada-Nya dan Dialah Tuhan yang memelihara segala sesuatu."(102)

Pernyataan ini merupakan satu contoh methodologi Al-Qur'an yang mengikatkan ibadat yang tulen dengan 'aqidah mentauhidkan Allah Yang Maha Esa di samping menjelaskan bahawa "Allah" Pencipta segala sesuatu" dan "Dialah yang memelihara segala sesuatu".

Di akhir pelajaran ini dan setelah menayangkan bukti-bukti kekuasaan dalam lembaran seluruh alam, Al-Qur'an mendedahkan betapa entengnya perbuatan mereka yang menuntut bukti dalam bentuk mu'jizat-mu'jizat di samping mendedahkan tabi'at manusia-manusia pembohong yang degil. Mereka tidak beriman bukan kerana kekurangan bukti-bukti dan dalil-dalil, malah kerana tabi'at mereka yang telah padam cahayanya. Jika tidak, maka inilah bukti-bukti yang terang dan begitu banyak di alam ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 95 - 96)

إِنَّ ٱللَّهَ فَالِقُ ٱلْحَبِّ وَٱلنَّوَىٰ ۖ يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ ٱلْمَيِّتِ مِنَ ٱلْحَىِّ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٩٥﴾

"Sesungguhnya Allahlah yang memecahkan butir-butir tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan dan Dialah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu bagaimana mungkin kamu dipesongkan (dari kebendaan)."(95)

Itulah mu'jizat yang tiada siapa pun mengetahuinya, lebih-lebih lagi tiada siapa pun yang berkuasa menciptakannya.[25] Itulah mu'jizat kelahiran dan pergerakan hayat. Setiap detik, biji yang senyap mencetuskan tumbuhan yang subur dan butir yang

---

[25] *Golongan materialis membuat bising iaitu boleh diwujudkan setengah-setengah bahan yang tidak boleh diwujudkan melainkandi dalam interaksi-interaksi kejadian-kejadian yang hidup, sedangkan perbezaan di antara bahan organik dan bahan yanghidup adalah besar. Selain dari itu, bahan yang diwujudkan itu adalah dibuat dari bahan-bahan yang telah sedia terciptabukannya dicipta oleh manusia, masakan mereka berkuasa menciptakannya.*

tidak bergerak mengeluarkan pokok yang menjulang naik. Hayat yang tersembunyi dalam biji dan butir dan subur pada tumbuhan dan pokok merupakan satu rahsia yang tersembunyi yang tiada siapa pun mengetahui hakikatnya melainkan Allah dan tiada siapa pun mengetahui sumbernya melainkan Allah. Selepas melihat gejala-gejala dan bentuk-bentuk hayat dan selepas mengkaji ciri-ciri dan perkembangan-perkembangannya, manusia kini berdiri kagum di hadapan rahsia yang ghaib sama seperti kagumnya manusia di zaman dahulu. Mereka hanya dapat memahami fungsi dan gejala hayat, tetapi mereka tidak mengetahui sumber dan hakikatnya. Hayat terus berlalu meredahkan jalannya dan mu'jizat hayat terus berlaku setiap detik.

Dari sejak mula lagi Allah mengeluarkan yang hidup dari yang mati, iaitu sejak wujudnya alam ini atau sekurang-kurangnya sejak wujudnya bumi ini tanpa makhluk yang hidup, kemudian lahir makhluk yang hidup yang dikeluarkan Allah dari makhluk-makhluk yang mati, tetapi bagaimana caranya? Kita tidak mengetahui. Dari sejak itulah yang hidup keluar dari yang mati iaitu pada setiap detik zarah-zarah yang mati berubah dengan perantaraan makhluk-makhluk yang hidup kepada bahan-bahan organik yang hidup dan menyerap ke dalam tubuh-tubuh yang hidup, yakni zarah yang asalnya mati berubah kepada sel-sel yang hidup atau sebaliknya. Dan dalam setiap detik sel-sel yang hidup berubah kepada zarah yang mati sehingga seluruh makhluk yang hidup pada satu hari nanti akan berubah kepada zarrah yang mati belaka.

يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ ٱلْمَيِّتِ مِنَ ٱلْحَىِّ ۚ

"Dialah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup."(95)

Dari Mana Lahirnya Hayat?

Tiada siapa yang berkuasa berbuat begitu kecuali Allah. Tiada siapa yang berkuasa melainkan Allah yang sejak dari mula lagi mengeluarkan hayat dari yang mati dan tiada siapa yang berkuasa melainkan Allah yang melengkapkan makhluk yang hidup dengan daya qudrat yang boleh mengubahkan zarah-zarah yang mati kepada sel-sel yang hidup dan tiada siapa yang berkuasa melainkan Allah yang mengubahkan sekali lagi sel-sel yang hidup kepada zarah yang mati dalam satu pusingan yang belum lagi diketahui dengan yakin bilakah proses ini bermula dan bagaimana ia berlangsung? Segala pentafsiran yang dikemukakan tidak lebih dari andaian-andaian, teori-teori dan kemungkinan-kemungkinan sahaja.

Segala percubaan mentafsirkan gejala hayat tanpa berlandaskan ciptaan Allah adalah gagal belaka. Sejak manusia lari dari gereja di Eropah seperti larinya keldai liar dari singa, mereka cuba mentafsirkan kewujudan alam dan kewujudan hayat tanpa mengakui kewujudan Allah, tetapi seluruh percubaan itu gagal semuanya. Dan tiada lagi yang tinggal di abad dua puluh ini kecuali pentafsiran-pentafsiran yang degil yang tidak membuktikan sebarang keikhlasan.

Pendapat-pendapat setengah-setengah tokoh ilmiawan mereka yang tidak dapat mentafsirkan kewujudan hayat melainkan dengan mengakui kewujudan Allah menggambarkan hakikat sejauh mana ilmu mereka dalam isu ini. Kami kemukakan di sini pendapat-pendapat itu kepada mereka yang masih memakan sisa-sisa makanan dari hidangan ilmiawan-ilmiawan Eropah di abad yang kelapan belas dan yang kesembilan belas dan menolak pandangan Islam, kerana Islam berpegang dan percaya kepada yang ghaib, sedangkan mereka orang-orang ilmiawan bukannya orang-orang yang percaya kepada yang ghaib.

Teori-teori Kebetulan

Di bawah ini kami pilih untuk mereka pendapat-pendapat para ilmiawan dari Amerika:

Frank Allen, M.A., Ph.D, dari Universiti Cornell dan Profesor Fizik dan Biologi di Universiti Manitoba di Kanada berkata dalam satu majalahnya yang berjudul "Kejadian Alam: Adakah Suatu Kebetulan atau Suatu Perancangan?" Dalam buku "Allah Muncul Di Zaman Sains"[26] terjemahan Ad-Damardas Abdul Majid Sarhan:

"Jika hayat ini bukannya terjadi sebagai hasil dari satu kebijaksanaan atau dari satu perancangan yang diatur lebih dulu, maka sudah tentu alam terjadi secara kebetulan sahaja, tetapi apakah pula hakikat kebetulan itu agar kita dapat memikirkannya dan dapat melihat bagaimana ia menciptakan hayat?

"Kini teori-teori kebetulan dan kemungkinan mempunyai asas-asas matematik yang boleh dipegang dan boleh dipakai dalam bidang yang luas apabila tidak ada keputusan betul yang mutlak. Teori-teori ini dapat meletakkan di hadapan kita keputusan yang lebih hampir kepada betul, tetapi keputusan itu mungkin salah. Kajian teori kebetulan dan kemungkinan telah mencapai kemajuan yang besar dari segi matematik hingga kita mampu meramalkan perlakuan setengah-setengah gejala yang kita sifatkan ia berlaku secara kebetulan, iaitu gejala-gejala yang kita tidak dapat mentafsirkan kelahirannya dengan cara yang lain (seperti membuang bunga dadu dalam permainan buah dadu). Dengan kemajuan kajian ini kita dapat membezakan di antara perkara-perkara yang boleh berlaku secara kebetulan[27] dan perkara-

---

[26] "الله يتجلى في عصر العلم", *tajuk terjemahan bahasa Arab.*

[27] *Mengikut kefahaman Islam, kita tidak mengetahui adanya satu kejadian yang berlaku secara kebetulan di alam ini, malah segala-galanya berlaku dengan perancangan Allah "Sesungguhnya Kami telah menciptakan segala sesuatu dengan perancangan yang rapi" (49) Al-Qamar. Di sana ada undang-undang yang tetap bagi alam ini. Setiap perkara yang berlaku, maka ia berlaku dengan perencanaan yang rapi tetapi bukan dalam bentuk jabariyah yang automatik. Begitu juga undang-*

perkara yang mustahil berlaku secara kebetulan, juga kita dapat mengira kemungkinan berlakunya sesuatu gejala dari berbagai gejala dalam masa yang tertentu. Sekarang marilah kita perhatikan peranan yang dapat dimainkan oleh kebetulan dalam kejadian hayat."

"Protein-protein adalah dari sebatian-sebatian yang asasi dalam semua sel-sel yang hidup. Ia terdiri dari lima unsur iaitu karbon, hidrogen, nitrogen, oksigen dan sulfur. Dalam satu juzu' kecil mengandungi sebanyak 40,000 bilangan atom. Oleh sebab bilangan unsur kimia dalam alam berjumlah 92 unsur yang semuanya diagih secara rencam,[28] maka kemungkinan berkumpulnya unsur-unsur yang lima ini untuk membentuk satu juzu' dari juzu'-juzu' protein boleh dikira hisabnya untuk mengetahui kuantiti bahan yang seharusnya dicampur secara berterusan untuk membentuk juzu' kecil ini, juga untuk mengetahui lama masa yang perlu bagi memungkinkan pertemuan di antara atom-atom juzu' yang kecil itu."

"Charles Eugene Guy tokoh matematik Switzerland telah menghisabkan semua faktor-faktor ini dan beliau dapati bahawa peluang tidak mungkin di dapati secara kebetulan untuk membentuk satu juzu' protein melainkan dengan nisbah 1×10^{160} iaitu satu bilangan yang tidak boleh diungkapkan dengan kata-kata dan tentulah kuantiti bahan yang perlu untuk memungkinkan berlakunya interaksi secara kebetulan yang dapat melahirkan satu juzu' yang kecil itu lebih banyak berjuta-juta kali dari kuantiti yang dapat diluangkan oleh alam ini. Dan untuk membentuk satu juzu' ini sahaja di muka bumi ini secara kebetulan memerlukan berbilion-bilion tahun yang tidak terhingga yang dianggar oleh tokoh ahli sains Switzerland ini sebanyak 10^{243} tahun."

"Protein-protein itu terbentuk dari rangkaian-rangkaian asid-asid amino yang panjang. Oleh itu bagaimanakah terbentuknya atom-atom juzu'-juzu' yang kecil ini? Kerana jika atom-atom itu terbentuk dengan cara yang lain dari cara biasanya nescaya ia menjadi tidak sesuai untuk hayat, malah kadang-kadang ia menjadi racun. Seorang tokoh sains Inggeris J.B. Seather telah mengira cara-cara yang boleh membentukkan atom-atom itu sampai berjuta-juta banyaknya (atau 10^{48}). Berdasarkan kiraan ini adalah mustahil pada akal berlakunya seluruh kebetulan ini untuk membina satu juzu' protein."

"Tetapi protein-protein itu tidak lain melainkan ialah bahan-bahan kimia yang tidak hidup, dan hayat tidak mungkin wujud padanya kecuali ia diserapi oleh rahsia hayat yang kita tidak mengetahui hakikatnya walau sedikit pun. Itulah 'akal yang tidak terhingga[29] Itulah Allah. Dialah sahaja yang berkuasa mengetahui[30] dengan kebijaksanaanan-Nya yang amat tinggi bahawa juzu' protein yang kecil ini layak menjadi tapak hayat lalu Dia membinanya dan mengadakan rupa bentuknya dan mengurniakan rahsia hayat kepadanya."

Ujar Irving William Knobloch dari Universiti Iowa seorang pakar dalam ilmu warisan tumbuh-tumbuhan dan pensyarah ilmu fizik di Universiti Michigan dalam majalahnya yang berjudul "Materialisme Sahaja Tidak Cukup" dari buku yang sama:

"Ilmu-ilmu sains tidak berupaya mentafsirkan kepada kita bagaimana terjadinya zarah-zarah yang paling kecil dan tidak terhingga banyaknya itu serta menjadi bahan pembentukan segala benda. Begitu juga ilmu sains tidak berupaya mentafsirkan kepada kita - berdasarkan teori kebetulan - bagaimana zarah-zarah yang amat kecil ini berkumpul untuk membentukkan hayat. Tidak syak lagi bahawa teori yang mendakwa bahawa segala bentuk hidup yang tinggi telah mencapai tahapnya yang maju sekarang ini adalah dengan sebab berlakunya beberapa perubahan secara kebetulan, juga berlaku beberapa pengumpulan dan pergerakan yang tidak menentu, menurut pendapat kami teori ini tidak boleh dipegang melainkan secara menerima bulat begitu sahaja, kerana ia tidak berlandaskan logik dan alasan yang meyakinkan.[31]

Ujar Dr. Albert Macomp Winchester pakar biologi dari Universiti Texas dan profesor biologi di Universiti Baylor dalam majalahnya yang berjudul "Sains Menguatkan Imanku Kepada Allah" dari buku yang sama:

"Saya telah membuat banyak kajian dalam ilmu biologi iaitu salah satu bidang dari bidang-bidang ilmiyah yang luas yang mengkaji hayat dan tidak ada di antara makhluk Allah yang lebih mengagumkan dari makhluk-makhluk yang hidup yang menghuni alam ini."

"Lihatlah tumbuhan rumput yang kerdil yang tumbuh di tepi-tepi jalan. Apakah anda boleh mendapati tandingannya dari segi keajaibannya yang mengagumkan itu di antara berbagai-bagai alat yang menarik yang diciptakan oleh manusia. Ia merupakan satu alat yang hidup yang sentiasa aktif dan tidak putus-putus siang dan malam melakukan ribuan

---

undang alam itu diperlakukan Allah dalam bentuk mu'jizat dalam keadaan-keadaan yang tertentu kerana tujuan yang tertentu. Undang-undang alam dan mu'jizat kedua-duanya berlaku mengikut perencanaan yang khusus pada setiap kali ia berlaku. Apabila kami memetik pendapat-pendapat ahli sains maka petikan ini tidak bererti kami bersetuju dengan segala apa yang dikatakan mereka.

28 *Ini satu lagi kesilapan ahli-ahli sains, kerana di sana tidak ada agihan secara rencam, malah seluruh agihan adalah berlangsung mengikut perencanaan yang tertentu.*

29 *Istilah 'akal yang tidak berhingga' (Infinite Mind) merupakan saki baki dari istilah ilmu falsafah yang digunakan oleh penulis ini, kerana ia sendiri juga merupakan sisa dari kebudayaan falsafah. Seorang Muslim tidak menamakan Allah melainkan dengan nama-nama Asma'ul-Husna yang diberikan oleh-Nya.*

30 *Ungkapan ini juga sama dengan istilah di atas.*

31 *Sebelum ini beliau telah memetik pendapat Bertrand Russell yang mengatakan bahawa hayat itu terjadi secara kebetulan dan kehilangan hayat juga berlaku secara jabariyah yang automatik.*

interaksi-interaksi kimikal dan fizikal dan seluruh interaksi itu berlangsung di bawah kuasa protoplasma, iaitu satu bahan yang masuk dalam struktur setiap makhluk yang hidup."

"Dari manakah datangnya alat yang hidup dan canggih ini? Ia bukannya satu-satunya makhluk yang dijadikan begitu oleh Allah, malah Allah menciptakan hayat dan menjadikannya berkeupayaan untuk memelihara dirinya dan untuk terus bersinambung generasi demi generasi dengan memelihara segala sifat-sifat dan ciri-ciri yang membezakan di antara satu tumbuhan dengan satu tumbuhan yang lain. Kajian mengenai pembiakan makhluk-makhluk yang hidup merupakan kajian-kajian ilmu biologi yang paling menarik dan paling banyak Menonjolkan qudrat kuasa Allah. Sel pembiakan (reproduktif) yang melahirkan tumbuhan baru mempunyai saiz yang amat kecil hingga ke tahap yang sukar di lihat kecuali dengan menggunakan teropong pembesar. Di antara perkara yang menganehkan ialah setiap sifat dari sifat-sifat tumbuhan, setiap urat, setiap rerambut, setiap ranting dan cabang dan setiap akar dan daun adalah dibentuk di bawah penyeliaan para jurutera yang amat kecil. Mereka dapat hidup di dalam sel reproduktif yang melahirkan tumbuhan itu. Pasukan jurutera itu tidak lain melainkan pasukan kromosom-kromosom atau pemindah-pemindah baka atau warisan.[32]

Sekadar ini cukuplah (Kita mengikut pendapat-pendapat ahli-ahli sains) dan kini marilah kita kembali semula kepada penjelasan yang indah dan gemilang dari ayat-ayat Al-Qur'an:

"Itulah Allah Tuhan kamu."(95)

Maksudnya pencipta mu'jizat yang berulang kali yang tidak diketahui rahsianya itu ialah Allah iaitu Tuhan yang wajar kamu tumpukan seluruh 'Ubudiyah, keta'atan dan kepatuhan kepada-Nya sahaja.

"Oleh itu bagaimana mungkin kamu dipesongkan (dari kebenaran)?"(95)

Maksudnya bagaimana kamu boleh dipesongkan dari hakikat yang benar yang amat jelas kepada akal, hati dan mata kasar.

Mu'jizat kelahiran hayat dari benda-benda yang mati sering kali disebut dalam Al-Qur'anul-Karim sama seperti kekerapannya menyebut tentang penciptaan alam buana dalam usaha menarik pandangan manusia kepada hakikat Uluhiyah dan kesan-kesannya yang membuktikan keesaan Khaliq agar hakikat ini membawa kepada kepastian berpegang dengan konsep Keesaan Tuhan yang disembah dan dita'ati oleh para hamba, iaitu konsep mempercayai ketuhanan-Nya sahaja, konsep menumpukan kepada Rububiyah-Nya sahaja, konsep mempersembahkan syi'ar-syi'ar ibadat kepada-Nya sahaja, konsep menerima perintah dan arahan dari-Nya sahaja dalam segala urusan peraturan kehidupan dan konsep menta'ati dan mematuhi syari'at-Nya sahaja.

Konsep-konsep ini tidak disebut dalam Al-Qur'an dalam bentuk persoalan-persoalan ketuhanan atau teori-teori falsafah, kerana agama Islam adalah agama yang lebih serius dari tujuan menghabiskan tenaga manusia dalam persoalan-persoalan ketuhanan dan teori-teori falsafah, malah matlamat Islam ialah membetulkan kefahaman manusia dengan mengemukakan kepada mereka 'aqidah yang betul agar dapat membentuk kehidupan mereka lahir dan batin.

Sudah tentu matlamat ini tidak akan tercapai melainkan dengan mengembalikan manusia kepada pengabdian diri kepada Allah sahaja, melainkan dengan menumpukan keta'atan kepada Allah sahaja dalam urusan kehidupan dunia dan urusan hidup seharian mereka, dan melainkan dengan menyelamatkan manusia dari kuasa pemerintah-pemerintah yang zalim yang mendakwa mempunyai kuasa Uluhiyah lalu menjalankan kuasa Hakimiyah dalam kehidupan manusia, di mana mereka menjadi tuhan-tuhan palsu yang berbagai-bagai ragam, dan kehidupan manusia akan terus rosak apabila mereka diperhambakan kepada yang lain dari Allah.

Oleh sebab itu dalam ayat yang berikut kita melihat bagaimana Allah membuat ulasan tentang penciptaan mu'jizat hayat itu:

"Itulah Allah Tuhan kamu. Oleh itu bagaimana mungkin kamu dipesongkan (dari kebenaran)."(95)

Maksudnya yang melahirkan hayat itu ialah Allah yang wajar menjadi Tuhan yang memelihara dan menguasai kamu. Kata-kata "الرب" bermakna pemelihara, pengarah, pembimbing, penguasa dan pemerintah. Berdasarkan hakikat ini tiada siapa yang wajar menjadi "ar-Rabb" melainkan Allah.

فَالِقُ ٱلْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ ٱلَّيْلَ سَكَنًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ حُسْبَانًا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٩٦﴾

"Dialah yang memecahkan cahaya pagi dan menjadikan malam untuk beristirehat dan menciptakan matahari dan bulan dengan kiraan yang amat rapi. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(96)

Maksudnya Tuhan yang memecah biji tumbuh-tumbuhan dan butir buah-buahan Dialah juga yang

---

32 *Lihat pengertian kata-kata "الرب" dalam buku "مصطلحات الأربعة في القرآن" oleh Abu A'la al-Maududi, Amir al-Jama'atul Islamiyah, Pakistan*

memecahkan cahaya pagi dan Dialah yang menjadikan malam sebagai masa untuk beristirehat. Seterusnya Dialah juga yang menciptakan matahari dan bulan dengan pergerakan dan peredarannya yang dikira dengan hisab yang amat tepat dan rapi. Semuanya ditentukan oleh qudrat kuasa Allah yang mengendalikan segala sesuatu dan ilmu Allah yang mengetahui segala-galanya.

Pemecahan atau keserlahan cahaya pagi dari kegelapan merupakan satu pergerakan yang serupa dari segi bentuknya dengan pemecahan butir-butir dan biji-biji yang tumbuh. Kelahiran cahaya dalam pergerakan itu sama dengan kelahiran mata tunas tumbuh-tumbuhan dalam pergerakan pemecahan butir dan biji. Di antara keduanya terdapat ciri-ciri yang bersamaan dari segi pergerakan, kegiatan dan keindahan yang dapat diperhatikan dengan jelas dari susunan kata-kata ayat ini yang menjelaskan hakikat-hakikat kejadian yang mempunyai titik-titik keserupaan dari segi hakikat dan tabi'at.

Di antara pemecahan tunas butir dan biji dengan pemecahan cahaya pagi dan ketenangan malam terdapat satu hubungan yang lain pula, kerana perubahan pagi dan petang, gerak dan diam yang berlaku di alam atau di bumi ini mempunyai hubungan secara langsung dengan tumbuh-tumbuhan dan hayat.

Keadaan bumi yang beredar di sekeliling dirinya di hadapan matahari dan keadaan bulan dengan saiznya yang ada dan dengan jarak jauhnya dari matahari yang wujud sekarang ini, begitu juga matahari dengan saiz dan jarak jauh serta darjah kepanasannya yang ada dan dengan jarak jauh serta adalah kepanasannya yang ada sekarang ini merupakan perencanaan-perencanaan Allah Yang Maha Perkasa, Maha Kuasa dan Maha Mengetahui. Tanpa perencanaan-perecanaan yang tepat dan rapi ini, hayat tidak mungkin wujud di bumi seperti sekarang dan tumbuhan-tumbuhan dan pokok-pokok tidak mungkin tercetus dari butir-butir dan biji-biji.

Alam ini adalah sebuah alam yang direncanakan dengan kiraan yang amat halus, di mana hayat, darjah hayat dan jenis hayat dihitung dengan tepat. Ia adalah sebuah alam yang teratur dan tidak mempunyai ruang untuk kebetulan yang datang secara mendadak walaupun kebetulan yang disifatkan mereka sebagai kebetulan yang tunduk kepada undang-undang dan dapat dikira dengan ilmu hisab.

Orang-orang yang mendakwa hayat ini terjadi secara kebetulan yang mendadak, di mana hayat bukan sahaja tidak dipedulikan alam, malah yang kelihatan jelas ia dimusuhi alam. Semua hakikat ini dijelaskan oleh saiz planet bumi yang kecil yang menjadi tempat lahirnya jenis hayat yang ada ini. Malah setengah-setengah mereka ada pula yang mengatakan bahawa saiz bumi yang kecil ini menyarankan andainya alam ini mempunyai Tuhan, tentulah Dia tidak layak memberi perhatian-Nya yang berat kepada hayat ini...dan sebagainya dari pandangan-pandangan kosong yang kadang-kadang mereka sifatkannya sebagai pandangan ilmiyah dan kadang-kadang mereka sifatkannya sebagai pandangan falsafah, sedangkan yang sebenarnya ia merupakan pandangan yang tidak layak dijadikan bahan perbincangan!

Dalam konteks ini mereka sebenarnya berhakimkan nafsu yang menguasai jiwa mereka; mereka tidak berhakimkan hasil-hasil kajian ilmu mereka yang meyakinkan mereka. Apabila pendapat mereka dibaca oleh seseorang, ia dapati mereka seolah-olah sengaja melarikan diri dari hakikat yang telah diputuskan lebih dahulu untuk tidak menerimanya. Mereka sebenarnya lari dari Allah yang mencabar mereka dengan dalil-dalil kewujudan, keesaan dan qudrat-Nya yang mutlak yang terpampang dari segala penjuru. Setiap-kali mereka memilih jalan melarikan diri dari mengakui hakikat ini, tiba-tiba mereka dapati Allah muncul di penghujung jalan itu dan dengan cemas pula mereka mengubahkan haluan ke jalan yang lain, tetapi di penghujung jalan itu juga mereka tetap berdepan dengan Allah.

Mereka adalah manusia-manusia malang dan kecewa! Di suatu masa dulu mereka lari dari pengaruh gereja dan tuhannya yang telah eksploitasikan oleh para paderi untuk memperbudakkan orang ramai. Mereka melarikan diri darinya seperti keldai melarikan diri dari singa, dan mereka terus berada dalam tradisi melarikan diri dari gereja sehingga ke masa-masa permulaan abad dua puluh ini tanpa menoleh ke belakang untuk memastikan sama ada gereja masih memburu mereka atau tidak. Mereka terus lari dengan nafas yang termengah-mengah capek.

Mereka adalah manusia-manusia malang dan kecewa kerana hasil-hasil kajian ilmu mereka sendiri pada hari ini juga mencabar mereka. Kemanakah mereka hendak melarikan diri?

Tokoh ahli ilmu fizik Frank Allen yang telah kita petikkan pandangannya pada perenggan yang lalu dalam satu majalahnya mengenai kelahiran hayat telah berkata lagi:

"Kesesuaian bumi untuk menjadi gelanggang hayat adalah berlansung di dalam berbagai-bagai bentuk yang tidak boleh ditafsirkan di atas landasan kebetulan dan keserampangan. Bumi ialah sebuah bola yang tergantung di angkasa raya dan berputar di sekeliling dirinya dan putaran itu melahirkan perubahan silih berganti siang dan malam. Ia beredar di sekeliling matahari sekali pada setiap tahun dan peredaran ini melahirkan perubahan musim yang silih berganti yang sekaligus itu juga memainkan peranan menambahkan kawasan permukaan bumi yang boleh didiami dan menambahkan kepelbagaian jenis-jenis tumbuh-tumbuhan yang lebih banyak dari keadaan jika bumi itu diam tidak beredar. Ia diselubungi lapisan gas yang mengandungi gas-gas yang perlu untuk hayat dan lapisan ini meluas di sekelilingnya ke paras yang sangat tinggi melebihi 500 batu.

"Kepadatan lapisan gas ini sampai ke tahap yang mampu menghalangi rempuhan berjuta-juta meteor yang boleh membunuh kita setiap hari. Meteor-meteor itu meluncur ke arah kita dengan kelajuan tiga puluh batu sesa'at dan lapisan udara yang meliputi bumi berfungsi memelihara darjah kepanasannya pada paras yang sesuai dengan hayat dan ia membawa wap air dari lautan-lautan jauh ke dalam kawasan-kawasan pendalaman benua-benua di mana digugurkan hujan yang lebat yang menghidupkan bumi yang tandus, sedangkan air hujan merupakan sumber air tawar dan tanpa air hujan bumi akan menjadi padang Sahara yang tandus dan sunyi dari segala kesan hayat. Dari sini kita dapat melihat bahawa udara dan lautan-lautan yang terbentang di permukaan bumi merupakan roda imbangan bagi alam".

Dalil-dalil ilmiyah begitu banyak terkumpul di hadapan mereka dan semuanya menyarankan bahawa kebetulan secara total tidak mampu mentafsirkan kelahiran hayat, kerana kelahiran hayat, pertumbuhan dan kesuburannya, kelanjutan hayat dan kepelbagaiannya memerlukan berbagai-bagai penyesuaian yang tidak terhingga dalam pelan induk alam buana dan di antaranya ialah penyesuaian-penyesuaian yang disebut oleh tokoh ahli sains tadi dan selain dari itu ada lagi berbagai-bagai penyesuaian yang lain. Oleh sebab itu tiada lagi pentafsiran lain yang sesuai melainkan pentafsiran yang berlandaskan perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui yang memberi kepada segala sesuatu bentuk kejadian yang sesuai dan memberi bimbingan yang diperlukannya. Dialah yang menciptakan segala sesuatu dan merencanakannya dengan perencanaan yang rapi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 97)

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلنُّجُومَ لِتَهْتَدُوا۟ بِهَا فِى ظُلُمَٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۗ قَدْ فَصَّلْنَا ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٩٧﴾

"Dan yang telah menciptakan bintang-bintang untuk kamu supaya kamu berpedoman dengannya di dalam kegelapan-kegelapan di daratan dan lautan. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan bukti-bukti kekuasaan (Kami) kepada golongan orang-orang yang mengetahui."(97)

Inilah penjelasan lanjutan yang menyempurnakan pemandangan cakerawala, di mana beredarnya matahari, bulan dan bintang-bintang. Ia merupakan satu pemandangan yang melengkapkan pemandangan alam buana yang besar dan indah yang mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan manusia, kepentingan-kepentingan dan minat perhatian mereka:

لِتَهْتَدُوا۟ بِهَا فِى ظُلُمَٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۗ

"Supaya kamu berpedoman dengannya di dalam kegelapan-kegelapan di daratan dan lautan."(97)

Bintang Sebagai Pedoman Menghadapi Kegelapan Dalam Erti Katanya Yang Luas

Kawasan-kawasan pendalaman daratan dan lautan merupakan kawasan gelap yang memerlukan manusia menggunakan bintang-bintang sebagai pedoman mereka. Begitulah keadaan mereka di zaman lampau dan ia masih lagi berterusan hingga sekarang. Di sana terdapat berbagai-bagai cara menggunakan bintang-bintang sebagai pedoman dan ia semakin bertambah maju dengan wujudnya berbagai-bagai penemuan sains dan ujian-ujian. Kaedah berpedoman dengan bintang-bintang dalam kegelapan daratan dan lautan itu adalah satu prinsip yang masih kekal sama ada ketika menghadapi kegelapan fizikal atau kegelapan kefahaman atau pemikiran. Ayat Qur'an yang syumul ini kekal dapat berbicara dengan manusia mengenai hakikat yang dijelaskannya itu di peringkat perkembangan hidup mereka yang pertama, di mana mereka dapati penjelasannya tepat, dengan realiti hidup yang dijalani oleh mereka. Dan ayat ini juga kekal dapat berbicara dengan manusia di peringkat, di mana Allah telah membuka berbagai-bagai rahsia alam yang dikehendaki-Nya kepada mereka dan mereka dapati penjelasan itu juga tepat dengan realiti hidup yang dijalani mereka.

Kelebihan methodologi Al-Qur'an tetap kekal dapat berbicara dengan fitrah manusia mengenai hakikat-hakikat alam bukan dalam bentuk teori, tetapi dalam bentuk penjelasan yang realistik, di mana tergambar di sebaliknya kekuasaan Allah yang menciptakannya, juga perencanaan-Nya yang halus, rahmat-Nya yang melimpah-ruah dan pentadbiran-Nya yang rapi, iaitu satu bentuk penjelasan yang dapat mempengaruhi akal dan hati, dapat memberi inspirasi, wawasan dan kesedaran, dapat mendorong ke arah berfikir dan mengambil pengajaran, juga ke arah menggunakan ilmu pengetahuan untuk sampai kepada hakikat agung yang sepadu. Oleh sebab itulah kejadian bintang-bintang yang diciptakan Allah untuk menjadi pedoman kepada manusia ketika menghadapi kegelapan di daratan dan lautan itu diiringi dengan pernyataan berikut yang memberi saranan yang mendalam:

قَدْ فَصَّلْنَا ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٩٧﴾

"Kami telah menjelaskan bukti-bukti kekuasaan Kami kepada golongan orang-orang yang mengetahui."(97)

Kebolehan menggunakan bintang-bintang sebagai pedoman ketika menghadap kegelapan daratan dan lautan itu memerlukan kepada ilmu pengetahuan tentang jalan-jalan peredaran bintang-bintang, tempat-tempat dan orbit-orbitnya dan ia juga memerlukan kepada golongan orang-orang mengerti menggunakan semua kejadian ini sebagai dalil-dalil yang membuktikan adanya Allah Yang Maha Pencipta, Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

Pedoman yang dimaksudkan di sini sebagaimana telah Kami jelaskan ialah pedoman (dalam erti katanya yang luas) iaitu pedoman dalam masa menghadapi kegelapan fizikal di alam kenyataan dan dalam masa menghadapi kegelapan akal dan hati nurani. Orang-orang yang hanya menggunakan bintang-bintang sebagai pedoman di alam fizikal sahaja tanpa menghubungkan maksudnya dengan Khaliq yang menciptakannya adalah orang-orang yang tidak mengerti berpedoman dengannya untuk mendapat hidayat yang besar. Mereka adalah orang-orang yang memutuskan hubungan alam buana dengan Khaliqnya dan hubungan kejadian-kejadian alam dengan maksudnya yang membuktikan kewujudan Penciptanya yang agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 98)

Kisah Kejadian Manusia

وَهُوَ ٱلَّذِيٓ أَنشَأَكُم مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ فَمُسۡتَقَرّٞ وَمُسۡتَوۡدَعٞۗ قَدۡ فَصَّلۡنَا ٱلۡأٓيَٰتِ لِقَوۡمٖ يَفۡقَهُونَ ٩٨

"Dan Dialah Yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu iaitu satu diri yang menjadi tempat ia menetap sementara (rahim perempuan) dan satu diri yang lain menjadi tempat simpanan benih (sulbi lelaki). Sesungguhnya Kami telah menjelaskan bukti-bukti kekuasaan Kami kepada golongan orang-orang yang faham."(98)

Itulah ayat secara langsung menyentuh kejadian diri manusia sendiri pada kali ini, iaitu kejadian diri manusia yang satu, yang mempunyai kesatuan dan persamaan hakikat di antara jenis lelaki dan jenis perempuan.[33] Hayat pada manusia memulakan langkah pertamanya untuk membiak dengan sel benih lelaki dan benih perempuan yang disenyawakan, di mana diri lelaki berfungsi sebagai tempat simpanan sel ini di bahagian sulbinya dan diri perempuan berfungsi sebagai tempat menetap sementara iaitu dalam rahimnya. Dari sini hayat memulakan pertumbuhan dan perkembangannya hingga membiak melahirkan umat manusia yang berbagai-bagai rupa dan warna, berbagai bahasa dan suku bangsa dan berbagai bentuk yang tidak terhingga dan akan terus beraneka-ragam selama adanya hayat.

قَدۡ فَصَّلۡنَا ٱلۡأٓيَٰتِ لِقَوۡمٖ يَفۡقَهُونَ ٩٨

"Sesungguhnya Kami telah menjelaskan bukti-bukti kekuasaan Kami kepada golongan orang-orang yang faham."(98)

Kebolehan memaham amat perlu di sini untuk membolehkan seseorang memahami rahsia ciptaan Allah pada diri yang sama ini, yang menjadi sumber lahirnya berbagai-bagai cara penyesuaian yang mengagumkan, yang wujud di sebalik proses persenyawaan benih lelaki dan perempuan yang dijadikan sarana untuk membiak dan menyediakan lelaki dan perempuan yang wajar di alam manusia untuk melangsungkan proses perkahwinan yang telah ditentukan Allah sebagai sarana untuk kesuburan dan pembiakan manusia dan sebagai sarana untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak dalam suasana yang dapat memelihara insaniyah mereka dan dapat menjadikan mereka layak menjalani kehidupan insaniyah.

Di sini dalam tafsir Fi Zilal ini kami tidak dapat menghuraikan persoalan ini lebih jauh dan secara terperinci dalam menjelaskan cara-cara penyesuaian ini, kerana ia memerlukan kepada satu kajian yang khusus.[34] Kami hanya dapat menyebut di sini bagaimana nutfah melahirkan lelaki atau perempuan dan bagaimana berlakunya proses - menerusi sistem agihan yang diaturkan Allah yang tidak diketahui oleh kita - pengeluaran lelaki dan perempuan dengan kadar dan bilangan yang cukup untuk meneruskan kelanjutan dan kesinambungan hidup manusia.

Sebelum ini kami terangkan ketika mentafsirkan firman:

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلۡغَيۡبِ لَا يَعۡلَمُهَآ إِلَّا هُوَۚ

"Dan di sisi Allah tersimpan anak-anak kunci segala perkara ghaib, tiada siapa yang mengetahuinya kecuali Dia"(59)

bahawa faktor yang menentukan benih perempuan dan benih lelaki yang disenyawakan itu sama ada menjadi lelaki atau perempuan ialah perencanaan Allah yang menentukan bilangan kromosom-kromosom yang ada pada jejentik mani lelaki. Ia akan menjadi lelaki apabila kromosom-kromosom lelaki/jantan mengatasi kromosom-kromosom perempuan/betina, dan sebaliknya akan menjadi perempuan/betina apabila kromosom-kromosom perempuan/betina mengatasi kromosom-kromosom lelaki/jantan. Perencanaan menentukan lelaki atau perempuan ini merupakan urusan ghaib yang diketahui oleh Allah. Tiada siapa pun yang berkuasa dalam urusan ini kecuali Dia.

Perencanaan yang dilaksanakan Allah pada setiap kali, di mana Dia mengurniakan anak perempuan atau anak lelaki kepada siapa yang dikehendaki oleh-Nya itu, dapat memelihara imbangan yang berterusan di seluruh negeri di bumi ini di antara bilangan perempuan dan bilangan lelaki. Oleh sebab itu kerosakan imbangan tidak berlaku di peringkat umat manusia, dan dengan perantaraan imbangan yang

---

[33] *Sepanjang pembacaan saya, belum saya ketemui adanya mana-mana athar Islamiyah yang muktamad yang menjelaskan kisah penciptaan Hawa dari 'Adam, sedangkan athar inilah yang kadang-kadang dijadikan hujah untuk mentafsirkan maksud ayat "*مِّن نَّفۡسٖ وَٰحِدَةٖ*" (diri yang satu). Yang jelas kepada saya maksud ayat ini ialah diri yang sama dan satu kerana lelaki dan perempuan mempunyai hakikat yang sama dan satu.*

[34] *Lihat bab "*حقيقة الحياة*" dalam buku "*خصائص التصور الإسلامي ومقوماته*".*

sedemikian rupa kesuburan dan pembiakan keturunan manusia dapat berlangsung dengan baik dan sekali gus itu juga dapat memantapkan kehidupan suami isteri. Walaupun pembiakan itu dapat dilangsungkan dengan bilangan lelaki yang kecil, namun pembiakan itu - mengikut perencanaan Allah dalam kehidupan manusia - bukanlah menjadi matlamat pertemuan di antara lelaki dan perempuan, malah yang menjadi matlamat yang membezakan manusia dari binatang ialah kemantapan kehidupan suami isteri di antara lelaki dan perempuan, kerana di sebalik kemantapan ini terdapat matlamat-matlamat yang tidak boleh dicapai melainkan dengannya, dan matlamat yang paling penting ialah kemantapan hidup zuriat di bawah pemeliharaan dan perlindungan ibu bapa dalam lingkungan keluarga agar zuriat ini dapat disedia dan dilatih untuk memainkan peranan insaniyah mereka yang khusus, di samping memperlengkapkan mereka untuk mendapat makanan dan mempertahankan keselamatan diri seperti haiwan. Peranan insaniyah yang khusus itu memerlukan kemantapan di antara dua ibu bapa dalam tempoh yang jauh lebih panjang dari tempoh yang diperlukan oleh anak-anak haiwan.[35]

Imbangan yang berterusan ini sahaja sudah cukup untuk menjadi bukti kehalusan dan kebijaksanaan Allah dalam perencanaan-Nya di sisi orang-orang faham dan mengerti:

قَدْ فَصَّلْنَا ٱلْأَيَٰتِ لِقَوْمٍ يَفْقَهُونَ ﴿٩٨﴾

"Sesungguhnya Kami telah menjelaskan bukti-bukti kekuasaan Kami kepada golongan orang-orang yang faham."(98)

Orang-orang yang buta mata hati dan terhijab dari kebenaran terutama ahli-ahli sains yang mempersendakan urusan-urusan ghaib, maka mereka akan melalui ayat-ayat ini dengan mata hati yang buta dan terhijab:

وَإِن يَرَوْا۟ كُلَّ ءَايَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا۟ بِهَا

"Dan andainya mereka melihat segala bukti (kebenaran) nescaya mereka tidak juga beriman kepadanya."(25)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 99)

Kisah Hujan Dengan Tumbuh-tumbuhan

Kemudian ayat-ayat yang berikut terus menyambung tayangan pemandangan-pemandangan hayat yang tumbuh berkembang di bumi, yang dapat di lihat mata, dipastikan pancaindera dan difikirkan oleh hati setelah melihat keajaiban-keajaiban ciptaan Allah. Ia membentangkan pemandangan-pemandangan itu mengikut gambarannya yang terdapat di alam buana dan menarik perhatian manusia kepada berbagai-bagai peringkat perkembangannya, berbagai-bagai bentuk rupanya, dan berbagai-bagai jenisnya. Di sini ia menyentuh perasaan dan kesedaran jiwa manusia terhadap hayat yang terdapat dalam pemandangan-pemandangan itu dan terhadap maknanya yang membuktikan wujudnya qudrat Allah yang menciptakan hayat, di samping menarik hati manusia supaya meneliti dan menghayati keindahannya:

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ نَبَاتَ كُلِّ شَىْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُّخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا مُّتَرَاكِبًا وَمِنَ ٱلنَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّٰتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ۗ ٱنظُرُوٓا۟ إِلَىٰ ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَيَنْعِهِۦٓ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكُمْ لَأَيَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٩٩﴾

"Dan Dialah Yang telah menurunkan air hujan dari langit lalu Kami keluarkan dengannya segala jenis tumbuh-tumbuhan dan dari tumbuhan itu Kami keluarkan tanaman yang menghijau dan darinya Kami keluarkan biji-bijian (buahan) yang tersusun rapi. Dan dari pokok kurma, iaitu dari mayangnya Kami keluarkan tandan-tandan buah kurma yang mudah dipetik dan Kami (adakan) kebun-kebun anggur, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa, perhatikanlah kepada buah-buahnya ketika pokok-pokok itu berbuah dan ketika ia masak. Sesungguhnya di dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(99)

Air disebut begitu kerap di dalam Al-Qur'an ketika ia memperkatakan tentang hayat dan penumbuhan tumbuh-tumbuhan.

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ نَبَاتَ كُلِّ شَىْءٍ

"Dan Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengannya segala jenis tumbuh-tumbuhan."(99)

Peranan air dalam menumbuhkan segala jenis tumbuhan itu adalah satu peranan yang sangat ketara dan diketahui oleh semua manusia baik yang primitif mahupun yang bertamadun, baik yang jahil mahupun yang alim, tetapi peranan air yang sebenar lebih besar dan lebih jauh dari peranannya yang ketara yang dijelaskan oleh Al-Qur'an kepada manusia umumnya itu. Dari awal lagi air - melalui perencanaan Ilahi - mengambil bahagian dalam proses menjadikan tanah permukaan bumi boleh menumbuhkan tanaman jika betul teori-teori yang mengandaikan bahawa

---

[35] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam buku " الحجاب"oleh Ustaz Abul A'la al-Maududi, Amir Jama'atul Islamiyah, Pakistan.*

permukaan bumi dalam satu tempoh yang tertentu berada dalam keadaan bernyala kemudian menjadi permukaan yang keras yang dapat diubah kepada tanah yang lembut), kemudian air terus memberi sumbangannya untuk menyuburkan tanah ini, iaitu dengan menggugurkan nitrogen/azote dan udara setiap kali kilat memancar lalu karan elektrik yang gugur di udara akan mengeluarkan nitrogen/azote yang boleh larut di dalam air dan gugur bersama hujan untuk memulihkan kesuburan tanah. Ia merupakan baja yang kemudian manusia meniru undang-undang alam untuk membuat baja itu, dan sekarang dengan cara yang sama mereka membuat baja iaitu satu bahan jika kehabisan dari tanah akan menyebabkan permukaan bumi tandus dari tumbuh-tumbuhan.

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ نَبَاتَ كُلِّ شَىْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُّخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا مُّتَرَاكِبًا وَمِنَ ٱلنَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّٰتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ۗ

"Dan dari tumbuhan itu Kami keluarkan tanaman yang menghijau dan darinya Kami keluarkan biji-bijian (buah-buahan) yang tersusun rapi dan dari pokok kurma iaitu dari mayang-mayangnya Kami keluarkan tandan-tandan buah kurma yang mudah (untuk dipetik) dan (Kami) adakan kebun-kebun anggur, zaitun, dan delima yang serupa dan yang tidak serupa."(99)

Segala tumbuhan bermula, dengan warna hijau. (Dalam bahasa Arab) perkataan (خضر) (keadaan yang menghijau) lebih halus bayangnya dan lebih mendalam sentuhannya dari perkataan (أخضر) (hijau).

Tumbuhan yang menghijau itu mengeluarkan biji-bijian yang tersusun rapi seperti tangkai biji-biji padi atau sebagainya, dan dari mayang-mayang kurma Kami keluarkannya tandan-tandan yang dekat. Perkataan qinwan (قنوان) ialah jamak dari qinw (قنو) dan maknanya ialah cabang yang kecil, dan pada pokok kurma ialah tandan yang membawa buahnya. Perkataan tandan dan sifatnya yang digambarkan sebagai "dekat" itu turut serta memberi satu bayangan yang lemah-lembut sesuai dengan bayangan seluruh pemandangan itu yang melahirkan bayangan yang lembut dan mesra. "Dan Kami keluaran kebun-kebun anggur, zaitun dan delima" dengan jenis-jenisnya "yang serupa dan yang tidak serupa."

ٱنظُرُوٓا۟ إِلَىٰ ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَيَنْعِهِۦٓ ۚ

"Perhatikanlah kepada buah-buahnya ketika pokok-pokok itu berbuah dan ketika ia masak."(99)

Maksudnya, lihatlah dengan matahati dan hati yang jaga ketika ia berbunga, dan ketika buah itu berkembang megah sewaktu cukup matang. Lihatlah kepadanya dan ni'matilah keindahannya. Di sini Al-Qur'an tidak berkata: "Makanlah buahnya apabila ia berbuah", malah ia berkata "lihatlah kepada buah-buahnya ketika pokok-pokok itu berbuah dan ketika ia masak", kerana ruang yang ditonjolkan di sisi ialah ruang keindahan dan keni'matan, juga ruang pemerhatian dan renungan terhadap bukti-bukti kekuasaan Allah dan keindahan ciptaan-Nya di alam hayat.

إِنَّ فِى ذَٰلِكُمْ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٩٩﴾

"Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah bagi golongan orang-orang yang beriman."(99)

Keimanan itulah yang menjadi faktor yang membuka pintu hati, menerangi tanggapan dan kefahaman, menggerakkan alat-alat penerima dan penyambut yang ada pada fitrah manusia. Keimanan menghubungkan makhluk insan dengan alam dan menyeru jiwa manusia ke arah beriman kepada Allah yang menciptakan semesta alam. Tanpa keimanan, maka di sana wujudlah hati-hati yang tertutup dan buta dan wujudlah fitrah-fitrah yang terbalik haluan. Hati dan fitrah yang seperti ini memandang sepi kepada semua ciptaan dan bukti kekuasaan Allah yang dilaluinya tanpa merasa dan menyambut saranan-saranannya.

إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ ٱلَّذِينَ يَسْمَعُونَ

"Hanya orang-orang yang dapat mendengar sahaja memberi sambutan."(36)

Dan hanya orang-orang yang beriman sahaja yang dapat memahami bukti-bukti kekuasaan Allah ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 100 - 101)

Asal-usul Menyembah Makhluk Jin

Apabila penjelasan Al-Qur'an sampai ke tahap ini, di mana ia membentang kepada hati manusia lembaran alam yang penuh dengan bukti-bukti kewujudan Allah, keesaan dan kekuasaan-Nya, pengurusan dan pentadbiran-Nya, dan di mana jiwa manusia dipenuhi bayangan alam yang memberi saranan dan inspirasi, dan di mana ia menghubungkan hati nurani manusia dengan hati alam buana yang mendegup pada setiap kejadian yang hidup dan mengungkapkan rasa takjub terhadap keindahan ciptaan Allah Yang Maha Pencipta..... apabila penjelasan Al-Qur'an sampai ke tahap ini, ia lantas membentangkan amalan syirik yang dilakukan oleh kaum Musyrikin yang kelihatan begitu ganjil dan sumbang dalam suasana iman yang menghubungkan manusia dengan Allah yang menciptakan alam ini. Al-Qur'an juga membentangkan tanggapan-tanggapan kaum Musyrikin yang salah, karut dan menjijikkan hati dan akal, dan setelah itu Al-Qur'an dengan pantas mengiringi satu pernyataan yang menolak tanggapan-tanggapan yang salah dan karut itu dan kebetulan seluruh suasana bersedia untuk menerima penolakan itu:

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ ۖ وَخَرَقُوا لَهُ بَنِينَ وَبَنَاتٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۚ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٠٠﴾ بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ أَنَّىٰ يَكُونُ لَهُ وَلَدٌ وَلَمْ تَكُن لَّهُ صَاحِبَةٌ ۖ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٠١﴾

"Dan mereka (kaum Musyrikin) jadikan jin sebagai sekutu-sekutu Allah, sedangkan Dialah yang telah menciptakan mereka. Dan mereka telah melakukan pembohongan terhadap Allah (dengan mengatakan) Dia mempunyai anak lelaki dan anak perempuan tanpa berasaskan ilmu pengetahuan. Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah dari segala sifat yang disifatkan mereka (100). Dia adalah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, bagaimana mungkin Dia mempunyai anak, sedangkan Dia tidak mempunyai isteri? Dan Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu."(101)

Dahulu setengah-setengah kaum Musyrikin Arab menyembah makhluk jin, sedangkan mereka tidak mengetahui hakikat makhluk jin. Itulah tanggapan-tanggapan karut kepercayaan paganisme. Memang telah menjadi kaedah apabila hati manusia menyeleweng seinci dari prinsip tauhid yang mutlak, ia akan hanyut dalam penyelewengannya ke batas-batas yang jauh, dan ruang jarak di antaranya dengan garis penyelewengan yang bermula dengan titik yang kecil dan sukar di lihat itu akan melebar luas. Dahulu kaum Musyrikin berpegang dengan agama Ismail, iaitu agama tauhid yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. ke tempat itu, tetapi mereka telah menyeleweng dari agama tauhid itu. Sudah tentu penyelewengan ini pada mulanya sedikit sahaja kemudian berakhir dengan tahap penyelewengan yang amat keji hingga sanggup menjadikan makhluk jin sebagai sekutu Allah, sedangkan jin makhluk ciptaan-Nya. Maha Suci Allah dari segala sekutu:

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ

"Dan mereka (kaum Musyrikin) telah menjadikan jin sebagai sekutu-sekutu Allah, sedangkan Dialah yang telah menciptakan mereka."(100)

Kepercayaan wathaniah atau paganisme yang berbagai-bagai jenis di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah yang berbagai-bagai rupa telah membuat tanggapan bahawa di sana adanya roh-roh yang jahat yang sama dengan gambaran syaitan-syaitan, dan mereka menaruh perasaan takut kepada kejadian-kejadian itu sama ada berupa roh-roh yang jahat atau lembaga-lembaga yang jahat lalu mereka mempersembahkan kepadanya berbagai-bagai korban untuk memeliharakan diri mereka dari kejahatannya, dan akhirnya mereka jadikannya tuhan sembahan.

Kepercayaan paganisme Arab merupakan salah satu dari paganisme-paganisme ini yang mendukung tanggapan-tanggapan yang karut dalam bentuk menyembah makhluk jin dan menganggapkannya sebagai sekutu Allah. Maha Suci Allah darinya.[36]

Al-Qur'an mencabar mereka dengan satu pernyataan yang mengecap kepercayaan ini sebagai karut. Ia mencabar mereka dengan satu perkataan:

وَخَلَقَهُمْ

"Sedangkan Dialah yang telah menciptakan mereka."(100)

Dengan sepatah perkataan ini sudah cukup untuk mengecapkan kepercayaan itu sebagai satu kepercayaan yang karut, kerana jika Allah S.W.T. yang telah menciptakan jin-jin ini, bagaimana pula mereka layak menjadi sekutu Allah dalam urusan Uluhiyah dan Rububiyah? Ini bukanlah satu-satunya dakwaan mereka yang karut, kerana kepercayaan-kepercayaan paganisme yang karut itu tidak terhenti setakat satu penyelewengan sahaja, malah mereka mendakwa pula bahawa Allah mempunyai putera-putera dan puteri-puteri:

وَخَرَقُوا لَهُ بَنِينَ وَبَنَاتٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ

"Dan mereka telah melakukan pembohongan terhadap Allah (dengan mengatakan) Dia mempunyai anak lelaki dan anak perempuan tanpa berasaskan ilmu pengetahuan."(100)

Perkataan "خرقوا" (melakukan pembohongan), iaitu mengada-ngadakan. Makna asal perkataan ini ialah "mencarik" adalah membawa satu nada dan satu bayangan yang tertentu yang melukiskan tindakan melakukan pembohongan sebagai tindakan yang mengoyak dan mencarikkan hakikat.

Kaum Yahudi melakukan pembohongan dengan mengatakan 'Uzayr putera Allah dan kaum Nasara pula mengatakan al-Masih putera Allah, sementara kaum Musyrikin mengatakan malaikat sebagai puteri-puteri Allah. Mereka mendakwa malaikat dari jenis perempuan, sedangkan tiada seorang pun dari mereka mengetahui mengapa malaikat itu dari jenis perempuan. Semuanya merupakan dakwaan-dakwaan yang tidak berlandaskan ilmu.

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٠٠﴾

"Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah dari (segala sifat) yang disifatkan mereka."(100)

Kemudian Al-Qur'an mencabar pembohongan dan kepercayaan-kepercayaan mereka dengan hakikat ketuhanan dan berdebat dengan mereka tentang kepercayaan-kepercayaan itu dengan mengemukakan alasan yang mendedahkan kelemahannya:

---

[36] *Ujar al-Kalbi dalam buku "Al-Asnam" : "Bani Mulayh dari suku Khuza'ah menyembah jin."*

بَدِيعُ السَّمَٰوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ أَنَّىٰ يَكُونُ لَهُ وَلَدٌ وَلَمْ تَكُن لَّهُ صَاحِبَةٌ ۖ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ ۖ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٠١﴾

"Dia adalah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, bagaimana mungkin Dia mempunyai anak sedangkan Dia tidak mempunyai isteri? Dan Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu."(101)

Maksudnya, Tuhan yang berkuasa mengwujudkan alam dari 'Adam (tiada) sudah tentu tidak memerlukan kepada anak pinak kerana anak pinak merupakan kesinambungan bagi mereka yang mati, pertolongan kepada mereka yang lemah dan keni'matan kepada mereka yang tidak berkuasa mencipta.

Di samping itu kaum Musyrikin memang tahu peraturan beranak pinak, iaitu sesuatu kejadian itu memerlukan kepada pasangan betina yang sebangsa dengannya. Oleh itu bagaimana Allah yang bersifatkan Maha Esa dan Tunggal tiada suatu pun yang setanding dengan-Nya, mempunyai anak? Dan bagaimana mungkin zuriat keturunan itu wujud tanpa perkahwinan?

Itulah hakikat yang sebenar untuk menghadapi tahap pemikiran dan kefahaman mereka atau untuk berbicara dengan mereka dengan menggunakan contoh-contoh dekat yang diambil dari kehidupan dan pandangan-pandangan mereka.

Dalam menghadapi kaum Musyrikin Al-Qur'an menggunakan hakikat "penciptaan" sebagai landasan untuk menolak segala bayangan syirik makhluk yang tidak mungkin sekali-kali menjadi sekutu Tuhan Pencipta. Dan hakikat Khaliq tidak sama dengan hakikat makhluk, begitu juga Al-Qur'an menghadapi mereka dengan menggunakan alasan ilmu Allah yang mutlak yang tidak mungkin disamakan dengan ilmu mereka yang tidak lebih dari tanggapan-tanggapan dan sangkaan-sangkaan yang tidak tepat.

"Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu."(101)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 102)

Tadi Al-Qur'an menghadapi kaum Musyrikin dengan mengemukakan hujah bahawa Allah itulah Tuhan yang telah menciptakan segala sesuatu dengan tujuan untuk meruntuhkan kefahaman mereka yang karut yang mendakwa bahawa Allah mempunyai putera-putera dan puteri-puteri, juga mendakwa makhluk jin sebagai sekutu Allah, maka di sini Al-Qur'an sekali lagi menggunakan hujah yang sama untuk menegakkan hakikat bahawa Tuhan yang disembah, dipatuhi dan ditumpukan seluruh keta'atan itulah Tuhan Pencipta segala sesuatu. Ini jelaslah bahawa tiada Tuhan yang disembah dan tiada Tuhan yang mentadbirkan alam ini selain Allah:

ذَٰلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ ۚ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٠٢﴾

"Itulah (sifat-sifat) Allah Tuhan kamu. Tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, Dialah Pencipta segala sesuatu. Oleh sebab itu hendaklah kamu mengabdikan diri kepada-Nya dan Dialah Tuhan yang memelihara segala sesuatu."(102)

Kedudukan Allah sebagai Pencipta Yang Tunggal menyarankan kedudukan Allah sebagai Pemilik Yang Tunggal. Seterusnya kedudukan Allah sebagai Pencipta dan Pemilik Yang Tunggal menyarankan pula kedudukan Allah sebagai Pemberi rezeki Yang Tunggal. Kesimpulannya Allah itulah Tuhan Pencipta dan Pemilik seluruh makhluk dan Dialah Tuhan Pemberi rezeki Yang Tunggal, tiada siapa pun yang berkongsi bersamanya dalam urusan penagihan rezeki. Segala rezeki yang dimakan dan dini'mati oleh makhluk adalah semuanya datang dari milik Allah belaka. Apabila hakikat-hakikat Allah sebagai Pencipta, Pemilik dan Pemberi rezeki telah diputuskan, maka sudah semestinya pula diputuskan bahawa Allah itulah juga yang memegang kuasa Rububiyah. Dialah sahaja yang memiliki ciri-ciri Rububiyah, iaitu kuasa pentadbiran, pengurusan dan pemeliharaan, kuasa memberi bimbingan dan arahan, kuasa pemerintahan yang wajib dipatuhi dan kuasa undang-undang dan peraturan yang wajib dijunjung oleh para hamba. Dan Dialah sahaja yang wajar ditumpukan amalan ibadat dengan segala pengertiannya dan di antaranya ialah keta'atan, kepatuhan dan penyerahan diri.[37]

Bangsa Arab yang berada dalam keadaan jahiliyah tidak pernah menolak kewujudan Allah sebagai Pencipta alam buana dan sebagai Pencipta manusia dan Pemberi rezeki kepada mereka dari khazanah milik kepunyaan-Nya, tiada milik yang lain dari milik Allah yang memberi makanan kepada para hamba. Begitu juga jahiliyah-jahiliyah yang lain tidak pernah menolak hakikat ini kecuali segelintir ahli falsafah Greek dari aliran materialisme. Di sana tidak ada aliran-aliran materialisme yang disebar pada hari ini dalam bentuk yang lebih luas dari aliran materialisme yang diketahui di zaman Greek. Oleh sebab itu ketika menghadapi jahiliyah bangsa Arab, Islam tidak menghadapi gejala yang lain kecuali gejala penyelewengan syirik yang mempersembahkan syi'ar-syi'ar ibadat kepada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah, dengan tujuan untuk lebih mendekatkan lagi perdampingan mereka dengan Allah, dan kecuali gejala penyelewengan menjunjung undang-undang,

---

[37] *Lihat buku "مصطلحات الأربعة في القرآن" oleh al-Ustaz Abul A'la al-Maududi, Amir Jama'atul Islamiyah, Pakistan dalam bab* "الألوهية والربوبية والعبادة"

peraturan-peraturan dan tradisi-tradisi (ciptaan manusia) yang mengatur kehidupan mereka. Dengan ungkapan yang lain, Islam tidak menghadapi gejala ilhad/atheisme yang menafi kewujudan Allah S.W.T. seperti yang dikatakan oleh "orang-orang" sekarang atau seperti pendapat ilhad yang dibangga-banggakan mereka tanpa berlandaskan ilmu, hidayat dan kitab suci yang memberi penerangan yang jelas.

Sebenarnya orang-orang yang mempertikaikan kewujudan Allah pada hari ini hanya sedikit sahaja dan mereka akan terus berada dalam jumlah yang sedikit. Penyelewengan asasi yang wujud sekarang ini ialah penyelewengan yang sama dengan penyelewengan yang wujud di zaman jahiliyah, iaitu penyelewengan menjunjung undang-undang dan peraturan kehidupan yang digubal oleh yang lain dari Allah. Inilah bentuk syirik tradisional yang pokok yang diamalkan oleh jahiliyah Arab dan jahiliyah-jahiliyah yang lain juga.

Aliran Ilhad Merupakan Sejenis Kegilaan

Kumpulan minoriti sumbang yang mempertikaikan kewujudan Allah pada hari ini tidak berlandaskan asas-asas islamiyah walaupun mereka mendakwa menggunakan asas-asas islamiyah. Ilmu pengetahuan manusia itu sendiri tidak mampu menegakkan kefahaman ilhad ini dan tidak mampu menemui dalil-dalil sama ada dari hasil kajian islamiyah atau bukti-bukti tabi'at alam buana, malah aliran ilhad itu merupakan sejenis kegilaan, di mana punca pertamanya ialah pelarian mereka dari gereja dan tuhannya yang memperbudakkan manusia tanpa berlandaskan prinsip agama. Kemudian (sebab yang kedua) ialah kecacatan struktur fitrah pada golongan manusia yang mempertikaikan kewujudan Allah yang melahirkan akibat yang melumpuhkan fungsi-fungsi asasi diri manusia sama seperti kecacatan yang berlaku pada makhluk-makhluk yang lahir cacat.[38]

Hakikat penciptaan Allah dan perencanaan yang wujud dalam penciptaan itu juga seperti hakikat kelahiran hayat adalah disebut dalam Al-Qur'an bukan dengan tujuan untuk menegakkan bukti kewujudan Allah, kerana pertikaian mengenai kewujudan Allah S.W.T. itu merupakan satu isu karut yang tidak wajar dilayani oleh Al-Qur'an yang serius itu, malah hakikat-hakikat itu disebut dengan tujuan untuk mengembalikan manusia ke jalan yang betul agar mereka melaksanakan dalam kehidupan mereka kewajipan-kewajipan yang disarankan oleh hakikat itu, iaitu kewajipan meletakkan Allah sebagai Penguasa yang tunggal yang memegang kuasa Uluhiyah, kuasa Rububiyah, kuasa Qiwamah dan kuasa Hakimiyah dalam seluruh bidang kehidupan mereka. Dan menumpukan ibadat kepada Allah Yang Esa sahaja tanpa sebarang sekutu.

Di samping itu hakikat penciptaan dan perencanaan yang wujud dalam penciptaan itu juga seperti hakikat kelahiran hayat adalah hakikat-hakikat yang melontarkan hujah yang kuat ke muka golongan manusia yang mempertikaikan kewujudan Allah S.W.T., iaitu hujah-hujah yang tidak mampu dijawab oleh mereka kecuali dengan perdebatan keras kepala dan pernyataan-pernyataan yang angkuh yang kadang-kadang sampai ke tahap biadab dan samseng.

Julian Huxley pengarang buku "Man Stands Alone" (Manusia Berdiri Sendirian) dan buku "Man In The Modern World" (Manusia Di Dunia Moden) adalah di antara mereka yang membuat kenyataan yang angkuh. Dia telah membuat kesimpulan-kesimpulan yang tidak berasas selain dari berasaskan kehendak nafsunya ketika ia berkata dalam bukunya "Manusia Di Dunia Moden" dalam bab "Agama Sebagai Satu Persoalan Yang Objektif seperti berikut:

"Kemajuan sains tabi'i, ilmu logik dan psikologi telah membawa kita kepada satu tahap, di mana kewujudan Allah telah menjadi satu andaian yang tidak berguna lagi. Sains tabi'i telah menolak Allah lebih jauh lagi sehingga fungsi-Nya sebagai pemerintah dan diktator telah hilang lenyap dan Dia hanya menjadi sebab pertama atau dasar umum yang kabur".[39]

Will Durant pengarang buku 'The Story Of Philosophy' (Cerita Falsafah)[40] berkata: "Ilmu falsafah mencari Tuhan, tetapi bukan Tuhan ahli-ahli theologi (ilmu ketuhanan) yang memahami-Nya berada di luar alam tabi'i, malah ialah Tuhan ahli-ahli falsafah iaitu undang-undang alam dan strukturnya, hidupnya dan kehendaknya". Perkataan ini tidak boleh dipegang, ia hanya merupakan perkataan yang dituturkan sahaja.

Kita tidak dapat membawa golongan manusia yang meraba-raba dalam gelap ini kepada pengadilan Al-Qur'an kita, dan kita tidak dapat membawa mereka kepada pengadilan akal kita yang berdisiplin dengan panduan Al-Qur'an, malah kita boleh menyerahkan mereka kepada ahli-ahli sains yang menentang mereka dan kepada ilmu pengetahuan manusia yang menghadapi persoalan ini dengan agak serius dan rasional.

Ujar John Cleveland Cotran ahli ilmu kimia dan matematik pemegang ijazah Phd. dari University Cornell, dalam satu majalahnya yang berjudul "Kesimpulan Yang Pasti" dalam buku "Allah Muncul Di Zaman Sains"[41]:

---

[38] *Lihat huraian yang luas dalam bab " الوهية وعبودية" dalam buku "خصاِص التصور الإسلامي ومقوماته " bahagian yang kedua.*

[39] *Ahli Biologi Inggeris sezaman dari aliran Neo-Darvinisme.*

[40] *Diterbitkan pada tahun 1926. Nama penuh beliau ialah William James Durant dan dilahirkan di Kanada sebelum berhijrah ke Amerika.*

[41] *Iaitu buku asalnya bertajuk "The Evidence of God in an Expanding Universe" (New York: Putnam, 1958) yang telah*

"Apakah wajar bagi seorang yang berakal menanggap atau berfikir atau percaya bahawa 'benda' yang tidak mempunyai akal dan kebijaksanaan berkuasa mewujudkan dirinya sendiri secara kebetulan? Atau apakah benda berkuasa mewujudkan peraturan dan undang-undang itu dan ini, kemudian mengenakan peraturan dan undang-undang itu ke atas dirinya sendiri? Jawapannya sudah tentu negatif, malah 'benda' apabila ia berubah kepada tenaga atau tenaga berubah kepada benda, maka semua perubahan itu berlaku mengikut undang-undang yang tertentu. Benda yang muncul keluar itu harus tunduk kepada undang-undang yang dipatuhi oleh benda yang wujud sebelumnya.

Benda Bukannya Bersifat Abadi Dan Azali

"Ilmu kimia telah membuktikan kepada kita bahawa setengah-setengah benda sedang berada dalam proses kelenyapan atau kefanaan, tetapi setengahnya menuju ke arah kefanaan dengan kadar kecepatan yang amat besar dan setengahnya pula menuju ke arah itu dengan kadar kecepatan yang amat kecil. Semuanya itu membuktikan bahawa benda bukannya bersifat abadi dan bukan pula bersifat azali, kerana ia mempunyai permulaan. Bukti-bukti dari ilmu kimia dan ilmu-ilmu yang lain menunjukkan bahawa permulaan kewujudan benda itu tidak berlaku dengan cara yang lambat atau berperingkat-peringkat, malah ia diwujudkan sekali gus secara mendadak. Kini sains dapat menentukan kepada kita masa terjadinya benda-benda itu dan ini membuktikan bahawa alam fizikal ini adalah makhluk yang diciptakan dan sejak diciptakan ia tunduk kepada undang-undang alam yang telah ditentukan, di mana tiada ruang bagi unsur kebetulan.[42]

Kewujudan Allah Dan Alam Buana Dalam Pertimbangan Ahli Sains

"Jika alam fizikal atau benda ini tidak mungkin mewujudkan dirinya sendiri atau tidak mungkin menentukan undang-undang yang dipatuhinya, maka tentulah penciptaannya berlaku dengan qudrat kuasa satu zat maujud yang tidak bersifat benda, dan seluruh bukti menunjukkan bahawa pencipta ini pastilah bersifat pencipta yang berakal dan bijaksana, tetapi akal tanpa iradat tidak dapat berfungsi di alam fizikal - sama seperti dalam rawatan perubatan dan psikologi. Dan bagi yang mempunyai sifat iradat pastilah pula mempunyai sifat kewujudan sejati yang berdiri sendiri. Bertolak dari landasan ini, maka kesimpulan yang logikal dan pasti ialah alam ini bukan sahaja mempunyai penciptanya, malah pencipta ini pula pasti bersifat Maha Bijaksana, Maha Mengetahui dan Maha Kuasa di atas segala sesuatu hingga ia mampu menciptakan alam ini, mengatur dan mentadbirkannya. Di samping itu pencipta ini pastilah sentiasa wujud dan bukti-bukti kewujudannya muncul dan ketara di setiap tempat. Berlandaskan hakikat ini, kita tidak dapat lari dari menerima hakikat kewujudan Allah yang mencipta dan mentadbirkan alam ini. Sebagaimana kami telah bayangkan di awal makalah ini.

"Kemajuan yang dicapai oleh ilmu-ilmu sains sejak zaman Lord Kelvin membuat kita sanggup menegaskan dalam bentuk yang tiada tolok bandingnya bahawa apa yang telah diutarakan beliau sebelum ini, iaitu apabila kita berfikir secara mendalam, maka ilmu-ilmu sains akan memaksa kita beriman kepada Allah."

Ujar Frank Allen ahli kaji hayat tabi'i dalam makalah yang berjudul "Kejadian Alam: Apakah Secara Kebetulan Atau Perancangan?" dipetik dari buku yang sama:

"Seringkali dikatakan bahawa alam fizikal ini tidak memerlukan kepada Pencipta (Khaliq), tetapi apabila kita telah menerima kewujudan alam ini, maka bagaimana pula kita harus mentafsirkan kewujudannya? Di sana ada empat kemungkinan atau andaian untuk menjawab pertanyaan ini: (Pertama) Kewujudan alam ini suatu gambaran fantasi atau khayalan sahaja, tetapi andaian ini bertentangan dengan isu yang kita telah menerimanya mengenai kewujudannya. (Kedua) Alam ini terjadi dengan sendirinya dari 'Adam (tiada). (Ketiga) Alam ini wujud sejak azali lagi, iaitu kewujudannya tidak mempunyai titik permulaan. (Keempat) Alam ini mempunyai Pencipta (Khaliq).

"Andaian yang pertama tidak membawa apa-apa kemusykilan selain dari masalah perasaan, iaitu perasaan kita terhadap alam ini dan tanggapan kita terhadap segala peristiwa yang berlaku di alam ini tidak lebih dari gambaran fantasi yang tidak mempunyai sebarang bayangan hakikat. Sir James Jeans[43] pada akhirnya telah kembali kepada pendapat ini di dalam kajian sains tabi'i. Beliau berpendapat bahawa alam ini tidak mempunyai kewujudan yang haqiqi, malah kewujudannya merupakan suatu gambaran dalam fikiran kita sahaja. Berlandaskan pendapat ini kita dapat mengatakan bahawa kita semua adalah hidup dalam sebuah alam fantasi belaka. Misalnya keretapi yang kita naik dan sentuh itu tidak lain melainkan gambaran dari fantasi dan

---

diterjemahkan oleh Dr. ad-Damardas Abdul Majid Sarhan ke dalam bahasa Arab sebagai "الله يتجلى في عصر العلم".

[42] *Sebelum ini kami telah jelaskan bahawa segala kesimpulan sains adalah bersifat zanni atau andaian belaka.Kami tidak menggunakan pendapat ini sebagai hujah untuk membuktikan kebenaran Islam, malah kami gunakannya untuk menghadapi orang-orang yang bersandar dan berpegang dengan sains.*

[43] *Ahli sains tabi'i dan matematik Inggeris sezaman, pengarang buku "The Universe Around Us" (MacMillan,1929) yang diterjemah ke bahasa Arab dengan nama "Alam Yang Sukar Difahami", beliau bukanlah tokoh pertama yang menyebut pendapat ini, malah sebelum ini pendapat demikian telah dikemukakan dalam falsafah Plato dan telah menjadi bahan perdebatan yang menelan masa selama 150 tahun di antara mazhab-mazhab falsafah terutama di antara aliran idealisme dan aliran positivisme dan sehingga sekarang mereka masih tidak sependapat.*

khayalan belaka. Penumpang-penumpang yang ada di dalamnya adalah penumpang-penumpang dari gambaran fantasia sungai-sungai yang dilintasinya adalah sungai-sungai khayal yang tidak wujud, dan jambatan-jambatan fizikal yang dilalui adalah jambatan-jambatan yang tidak wujud, dan seterusnya... Pendapat ini adalah satu pendapat khayal dan fantasi yang tidak perlu dibincang dan didebatkan.

"Pendapat kedua yang mengatakan alam ini dengan segala isinya baik benda mahupun tenaga telah terjadi begitu dengan sendiri dari 'Adam (tiada) adalah satu pendapat yang tidak kurang karut dan tololnya dari pendapat fantasi yang lepas, dan ia juga tidak layak dijadikan bahan penelitian dan perbincangan.

"Pendapat ketiga yang mengatakan alam ini sebuah alam azali yang tidak mempunyai titik permulaan[44] adalah satu pendapat yang mempunyai titik persamaan dalam aspek keazalian dengan pendapat yang mengatakan alam ini mempunyai penciptanya. Di sini jelas sama ada kita hubungkan sifat azali itu kepada alam yang mati atau kita hubungkannya kepada Tuhan Pencipta yang hidup, kerana di sana tidak ada kesukaran fikiran yang lebih banyak untuk menerima salah satu dari dua andaian ini, tetapi undang-undang Dinamika Kepanasan menunjukkan bahawa isi kandungan alam ini beransur-ansur hilang darjah kepanasannya dan semuanya secara pasti[45] menuju kepada suatu masa, di mana darjah kepanasan segala jisim akan menurun ke bawah darjah kepanasan yang amat rendah, iaitu darjah zero dan di waktu ini tenaga akan lenyap dan hayat tidak mungkin berlangsung lagi. Kejadian kehilangan dan kelenyapan tenaga ini pasti akan berlaku dalam laluan masa apabila darjah kepanasan jisim menurun sampai kepada darjah zero. Matahari yang bernyala terang, bintang-bintang yang memancar gemilang dan bumi yang kaya dengan berbagai-bagai jenis hidupan adalah semuanya menjadi bukti yang jelas bahawa asal atau asas kejadian alam ini mempunyai pertalian dengan suatu masa yang bermula dari satu detik yang tertentu. Kini jelas ia merupakan satu peristiwa dari berbagai-bagai peristiwa alam. Ini bermakna bahawa alam ini pasti mempunyai Pencipta yang azali yang tidak ada titik permulaan bagi-Nya. Dia pasti bersifat Maha Mengetahui segala sesuatu, Maha Kuasa dan mempunyai qudrat yang tidak terbatas dan seluruh alam buana ini pasti dari ciptaan qudrat kuasa-Nya.

* * * * * *

Allah S.W.T. adalah Tuhan yang menciptakan segala sesuatu, tiada Tuhan selain Dia.

Inilah prinsip yang dijadikan asas oleh Al-Qur'an (dalam ayat yang berikut) yang mewajibkan ibadat kepada Allah sahaja dan menetapkan urusan Rububiyah kepada-Nya sahaja, iaitu Rububiyah dalam erti kata yang merangkumi urusan Hakimiyah, urusan Harbiyah, urusan kepimpinan dan bimbingan, urusan pentadbiran dan pengurusan:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ
فَٱعْبُدُوهُ ۚ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٠٢﴾

"Itulah (sifat-sifat) Allah Tuhan kamu. Tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, Dialah Pencipta segala sesuatu. Oleh sebab itu hendaklah kamu mengabdikan diri kepada-Nya dan Dialah Tuhan yang memelihara segala sesuatu."(102)

Ayat ini menjelaskan prinsip pemeliharaan, pengawasan dan pentadbiran Allah yang bukan sahaja terhadap manusia, malah terhadap segala sesuatu, kerana Dialah yang menciptakan segala sesuatu. Inilah tujuan dijelaskan prinsip ini di sini iaitu satu prinsip yang tidak pernah ditolak oleh kaum Musyrikin Arab di zaman jahiliyah mereka, tetapi malangnya mereka tidak menerima kewajipan-kewajipan di sebaliknya, iaitu kewajipan tunduk dan patuh kepada kuasa Hakimiyah dan kuat kuasa pentadbiran-Nya sahaja tanpa sebarang sekutu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 103 - 104)

Kemudian ayat yang berikut mengungkapkan sifat Allah dengan gubahan kata yang membuat hati di selubungi bayangan dan pengertian yang menurut hemat saya tidak mampu diungkapkan oleh bahasa manusia. Kini marilah kira biarkan ayat ini menyampaikan pengertiannya dengan ungkapan yang begitu halus dan lembut dan melukiskan sifat Allah dengan satu pemandangan yang meyakin dan menenteramkan hati dan menonjolkan pengertian yang amat halus dan terang bagai sinaran cahaya:

لَّا تُدْرِكُهُ ٱلْأَبْصَٰرُ وَهُوَ يُدْرِكُ ٱلْأَبْصَٰرَ ۖ وَهُوَ
ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

---

[44] *Inilah pendapat aliran positivisme dan seluruh kefahaman aliran kebendaan sejak zaman dahulu lagi dan ia juga merupakan pendapat agama-agama Hindu dan Buddha.*

[45] *Pernyataan yang memberi penegasan-penegasan secara pasti itu tidak dapat ditanggung oleh logik ilmu manusia itu sendiri dan undang-undang 'Dinamika Kepanasan' bukanlah suatu undang-undang yang benar-benar diyakinkan, malah ia merupakan suatu teori untuk mentafsirkan alam. Mungkin besok teori ini akan mengalami perubahan dan pindaan atau mungkin juga ia akan muncul sebagai satu teori yang tidak betul dari asasnya lagi. Pendirian kami - sebagaimana telah kami jelaskan - ialah kami tidak menggunakan pendapat-pendapat sains sebagai dalil untuk membuktikan kebenaran agama Islam atau sebagai bukti untuk menunjukkan kebenaran norma-norma Islam, malah kami gunakan hasil pendapat-pendapat sains untuk menghadapi mereka yang mempertuhankan sains. Inilah pendapat sains selaku tuhan mereka yang dipercayai mereka seteguh kepercayaan Julian Sorrell Huxley.*

"Dia tidak boleh dilihat oleh penglihatan mata, sedangkan Dia melihat segala penglihatan mata dan Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam Ilmu-Nya."(103)

Permintaan Untuk Melihat Allah

Orang-orang yang pernah menuntut secara lurus dan bersahaja untuk melihat Allah adalah sama dengan orang-orang yang menuntut dengan cara biadab supaya dikemukakan satu dalil fizikal untuk membuktikan kewujudan Allah. Kedua-dua golongan ini sebenarnya tidak memahami apa yang diutarakan mereka.

Daya penglihatan manusia, daya pancaindera dan daya pemahaman mental mereka adalah diciptakan untuk mereka dengan tujuan untuk membolehkan mereka berurusan dan berinteraksi dengan alam di samping membolehkan mereka menjalankan tugas khilafah di bumi. Dan seterusnya untuk membolehkan mereka memahami kesan-kesan atau bukti-bukti kewujudan Allah yang terdapat pada lembaran yang diciptakan Allah. Adapun zat Allah S.W.T., maka manusia tidak memiliki daya qudrat untuk melihat-Nya, kerana makhluk yang baru dan fana tidak mempunyai sebarang daya dan kuasa untuk melihat Tuhan yang azali dan abadi, apatah lagi kebolehan melihat Allah itu tidak perlu untuk mereka dalam menjalankan tugas khilafah di bumi, iaitu satu tugas di mana Allah mengurniakan sepenuh pertolongan yang perlu untuk mereka melaksanakannya.

Seorang itu mungkin dapat memahami kebersahajaan dan kelurusan mentaliti orang-orang zaman dahulu yang (yang meminta untuk melihat Allah) tetapi ia mungkin tidak dapat memahami kebiadaban orang-orang zaman sekarang (yang menuntut dalil kewujudan Allah), sedangkan mereka banyak memperkatakan tentang "atom", "elekron", "proton" dan "neutron", tetapi tiada seorang dari mereka yang pernah melihat atom atau elektron atau proton atau neutron di sepanjang hidupnya dan di samping itu belum ada satu teropong pembesar yang dapat melihat makhluk-makhluk ini, tetapi ia diterima oleh mereka sebagai satu andaian. Dan bukti kebenaran andaian ini ialah mereka dapat menentukan kesan-kesan tertentu yang membuktikan kewujudan makhluk-makhluk ini. Apabila kesan-kesan ini telah didapati, mereka dengan penuh kepastian mengakui adanya makhluk-makhluk yang melahirkan kesan-kesan itu, sedangkan setinggi-tinggi hasil ujian menunjukkan kemungkinan adanya makhluk-makhluk itu dengan sifat-sifat yang telah diandaikan mereka, tetapi apabila kewujudan Allah S.W.T. dikemukakan kepada mereka berdasarkan dalil-dalil dari kesan-kesan alam yang begitu ketara kepada akal nescaya mereka mempertikaikannya tanpa berpandukan ilmu pengetahuan, hidayat dan penerangan kitab suci yang jelas, dan lantas menuntut bukti-bukti fizikal yang dapat di lihat oleh mata mereka. Seolah-olah seluruh kejadian alam dan seluruh keanehan hayat masih tidak cukup untuk menjadi bukti kewujudan Allah.

* * * * * *

Begitu juga Al-Qur'an iringkan penjelasannya tentang bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat di lembaran alam dan di dalam kejadian diri manusia, juga tentang zat Allah Yang Maha Suci dengan pernyataan bahawa:

لَّا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ ۖ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

"Dia tidak dapat dilihat oleh penglihatan mata, sedangkan Dia melihat segala penglihatan mata dan Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam Ilmu-Nya."(103)

Kemudian Al-Qur'an iringkan pula pernyataan yang tidak mampu diulas dan dijelaskan oleh bahasa manusia ini dengan satu pernyataan yang lain:

قَدْ جَاءَكُم بَصَائِرُ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَنْ أَبْصَرَ فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ عَمِيَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَا أَنَا عَلَيْكُم بِحَفِيظٍ ﴿١٠٤﴾

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu berbagai-bagai wawasan dari Tuhan kamu. Oleh itu sesiapa yang membuka mata melihatnya, maka ia akan memperolehi faedah bagi dirinya, dan sesiapa yang membutakan mata, maka dia akan menanggung akibatnya. Dan aku (Muhammad) bukanlah pengawal kamu."(104)

Maksudnya segala keterangan yang datang dari Allah merupakan wawasan-wawasan yang jelas. Ia boleh dijadikan pedoman dan boleh memberi pedoman, kerana ia sendiri merupakan wawasan-wawasan yang jelas, yang memberi hidayat. Sesiapa yang melihat akan mendapat kebaikan bagi dirinya, iaitu ia akan memperolehi hidayat dan cahaya hidup yang terang. Tidak ada di sebalik cahaya kecuali kebutaan dan kegelapan, dan tiada siapa yang sanggup tinggal di dalam kesesatan setelah ditunjukkan bukti-bukti dan wawasan-wawasan yang jelas ini kecuali si buta yang lumpuh pancainderanya, tertutup perasaannya dan padam cahaya hati nuraninya.

Kemudian Al-Qur'an mengarah Nabi s.a.w. supaya mengisytiharkan bahawa beliau tidak kena mengena dengan tindak-tanduk mereka:

وَمَا أَنَا عَلَيْكُم بِحَفِيظٍ ﴿١٠٤﴾

"Dan aku bukanlah pengawal kamu."(104)

Di sini dapatlah kita memperhatikan ciri-ciri keselarasan dalam aspek suasana, bayangan-bayangan dan susunan kata di antara ayat (103) yang lepas yang menerangkan sifat Allah yang "tidak boleh dilihat oleh mata, tetapi Dia melihat segala mata dan Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu-Nya" dengan ayat (104) selanjutnya yang menerangkan - "Sesungguhnya telah datang kepada kamu wawasan-wawasan jelas dari Tuhan kamu. Oleh

itu sesiapa yang membuka matanya ia akan memperolehi faedah bagi dirinya dan sesiapa yang membutakan matanya ia akan menanggung akibatnya dan aku (Muhammad) bukanlah pengawal kamu". Di dalam kedua-dua ayat itu, kata-kata "الأبصار" (mata) dan kata-kata "البصائر"(wawasan-wawasan), kata "البصر"(melihat) dan kata "العمى" (buta) digunakan dalam satu penjelasan yang selaras dan senada.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 105 - 107)

Rasulullah Dituduh Mempelajari Isu-isu Agama Dari Ahlil-Kitab

Selepas itu Allah menoleh kepada Rasulullah s.a.w. untuk menerangkan bahawa Al-Qur'an telah membentangkan ayat-ayatnya dengan berbagai-bagai cara dan gaya penjelasan yang setinggi ini, yang tidak munasabah dengan Nabi s.a.w. dan masyarakatnya yang buta huruf, iaitu cara dan gaya penjelasan yang menunjukkan kepada orang-orang yang terbuka mata hati bahawa sumber penjelasan itu adalah datang dari Allah, tetapi kaum Musyrikin tidak yakin dengan penjelasan ayat-ayat yang sedemikian tinggi itu. Oleh sebab itu mereka membuat fitnah kononnya Muhammad mempelajari persoalan-persoalan 'aqidah dan rahsia-rahsia alam buana ini dari seorang Ahlil-Kitab, sedangkan mereka tidak mengetahui bahawa Ahlil-Kitab tidak pernah mempunyai ilmu pengetahuan yang setinggi ilmu pengetahuan yang dijelaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w. kepada mereka, malah seluruh penduduk bumi sekali pun tidak pernah hingga sekarang sampai ke tahap ilmu pengetahuan yang dijelaskan oleh Al-Qur'an walaupun umat manusia mengetahui berbagai-bagai ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu Allah mengarahkan Rasulullah supaya mengikut segala apa yang diwahyukan kepadanya sahaja tanpa menghiraukan kaum Musyrikin:

وَكَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ ٱلْـَٔايَـٰتِ وَلِيَقُولُوا۟ دَرَسْتَ وَلِنُبَيِّنَهُۥ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١٠٥﴾

ٱتَّبِعْ مَآ أُوحِىَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۖ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ وَأَعْرِضْ عَنِ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٦﴾

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَآ أَشْرَكُوا۟ ۗ وَمَا جَعَلْنَـٰكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِوَكِيلٍ ﴿١٠٧﴾

"Demikian Kami menjelaskan ayat-ayat Kami dengan berbagai-bagai cara supaya mereka (kaum Musyrik) mengatakan: Engkau telah mempelajarinya (Al-Qur'an) dari orang lain dan supaya Kami dapat menjelaskannya (Al-Qur'an) kepada golongan orang-orang yang mengetahui (105). (Wahai Muhammad) ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Tiada Tuhan selain Dia dan berpalinglah dari orang-orang Musyrikin (106). Dan andainya Allah kehendaki nescaya mereka tidak mempersekutui-Nya dan Kami tidak melantikkan engkau sebagai penjaga mereka dan tidak pula engkau dilantik sebagai pengawal mereka."(107)

Allah telah menjelaskan ayat-ayatnya dengan tahap penjelasan yang tidak pernah diketahui oleh orang-orang Arab, kerana isi penjelasan itu bukanlah lahir dari hasil pengalaman masyarakat mereka dan bukan pula lahir dari hasil ilmu pengetahuan masyarakat manusia seluruhnya. Oleh sebab itu penjelasan itu membawa dua natijah yang bertentangan di dalam masyarakat Arab:

Golongan mereka yang tidak ingin menerima hidayat, tidak berminat kepada ilmu pengetahuan dan tidak mahu berusaha untuk mengetahui hakikat yang sebenar, mereka akan cuba berusaha untuk mendapatkan punca yang melahirkan penjelasan yang setinggi itu yang disampaikan oleh Nabi Muhammad kepada mereka, sedangkan beliau selama-lamanya hidup di kalangan mereka. Di sini mereka membuat cerita-cerita bohong yang mereka sendiri tahu tidak pernah berlaku, kerana tiada suatu aspek pun dari sejarah hidup Nabi Muhammad yang tersembunyi dari pengetahuan mereka, baik sebelum beliau menjadi Rasul mahupun selepasnya, tetapi mereka berkata selamba: Wahai Muhammad! Awak telah mengkaji persoalan-persoalan ini bersama Ahlil-Kitab dan awak belajar dari mereka! Sebenarnya tiada seorang pun dari kaum Ahlil-Kitab yang mempunyai pengetahuan yang setinggi ini. Kitab-kitab yang ada pada kaum Ahlil-Kitab di zaman itu masih ada di zaman kita sekarang ini walaupun jarak waktu amat jauh, iaitu sejauh jarak yang wujud di antara kitab-kitab yang ada di tangan mereka dengan kitab Al-Qur'anul-Karim. Isi kandungan kitab-kitab yang ada di tangan mereka di waktu itu tidak lebih dari cerita-cerita yang tidak terkawal mengenai para anbiya' dan raja-raja yang dicampuradukkan dengan dongeng-dongeng dan cerita-cerita tahyul yang dikarang oleh orang-orang yang tidak dikenali. Inilah isi kandungan kitab Perjanjian Lama (Taurat), sementara isi kandungan Kitab Perjanjian Baru (Injil-injil) juga tidak lebih dari itu, iaitu ia mengandungi riwayat-riwayat yang diceritakan oleh murid-murid al-Masih a.s. selepas berpuluh-puluh tahun lamanya, kemudian riwayat-riwayat ini diubah, ditukarkan dan dipinda oleh majlis-majlis mesyuarat paderi dari tahun ke tahun sehingga bahagian pengajaran-pengajaran akhlak dan bimbingan-bimbingan rohaniyah juga tidak terselamat dari perubahan, tokok tambah dan kelupaan. Inilah isi kandungan kitab-kitab yang ada pada mereka di zaman itu dan masih wujud hingga ke zaman sekarang. Di manakah semuanya ini dibandingkan dengan isi kandungan Al-Qur'anul-Karim? Tetapi kaum Musyrikin berkata begitu terhadap Muhammad ketika mereka berada di zaman jahiliyah, dan yang

paling aneh kaum jahiliyah di zaman moden ini yang terdiri dari kaum orientalis dan orang-orang yang berpura-pura mengaku Muslim melafazkan perkataan yang sama dan menamakannya sebagai "kajian ilmiyah" dan yang hanya dapat dicapai oleh orientalis sahaja.

Adapun orang-orang yang benar-benar mengetahui, maka penjelasan ayat-ayat yang sedemikian mendalam membawa kepada kebenaran yang dapat diketahui oleh mereka:

وَلِنُبَيِّنَهُۥ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ١٠٥

"Dan supaya Kami dapat menjelaskannya (Al-Qur'an) kepada golongan orang-orang yang mengetahui."(105)

Kemudian berlakulah pemisahan di antara golongan celik yang mengetahui dengan golongan buta yang tidak mengetahui. Di sini turunlah perintah Ilahi yang tertinggi kepada nabi-Nya yang mulia setelah menjelaskan ayat-ayat-Nya dengan berbagai-bagai gaya dan cara yang membuat orang ramai yang menghadapi penjelasan ini berpecah kepada dua golongan .... di sini turunlah perintah Ilahi kepada Nabi s.a.w. supaya mengikut segala wahyu yang disampaikan kepadanya dan berpaling dari kaum Musyrikin, iaitu mengambil sikap tidak menghiraukan mereka dan tidak mempedulikan segala perkataan mereka yang karut dan seterusnya tidak bersusah hati terhadap pembohongan dan sikap mereka yang degil. Satu-satunya jalan yang harus diikutinya ialah mengikut arahan wahyu yang disampaikan kepadanya dari Allah. Berdasarkan bimbingan wahyu inilah beliau diperintah mencorakkan seluruh kehidupannya dan membentuk jiwa pengikut-pengikutnya. Beliau tidak bertanggungjawab terhadap tindak-tanduk kaum Musyrikin. Kewajipan beliau ialah mematuhi arahan dan bimbingan wahyu dari Allah, yang tiada Tuhan selain-Nya. Oleh itu apakah lagi yang perlu dirisaukannya terhadap gelagat-gelagat manusia?

Manusia Diberi Kebebasan Memilih Di Antara Dua Jalan

"(Wahai Muhammad) ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu. Tiada Tuhan selain Dia dan berpalinglah dari orang-orang Musyrikin."(106)

Jika Allah kehendaki memaksa hidayat ke atas mereka tentulah Dia berkuasa berbuat begitu kepada mereka, dan jika Allah kehendaki menjadikan mereka dari awal-awal lagi tidak mengenal yang lain dari hidayat tentulah Dia telah menjadikan mereka begitu sama seperti makhluk malaikat, tetapi telah menjadi kehendak Allah S.W.T. menciptakan makhluk manusia dengan kesediaannya yang bebas sama ada untuk menerima hidayat atau memilih kesesatan. Allah membeli kebebasan kepadanya memilih jalan hidupnya sendiri dan menerima risiko pilihannya, dalam batas kehendak masyi'ah Allah yang mutlak, di mana tiada suatu yang berlaku di alam ini kecuali dengan kehendak-Nya, namun demikian Allah tidak memaksa manusia memilih hidayat atau memilih kesesatan. Allah ciptakan manusia sedemikian rupa kerana suatu hikmat yang diketahui-Nya dan supaya manusia dapat melaksanakan peranannya di alam ini mengikut garis perencanaan yang telah ditentukan-Nya kepada manusia dengan bakat-bakat kesediaan dan kebolehan bertindak yang bebas ini:

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَآ أَشْرَكُوا۟

"Dan andainya Allah kehendaki nescaya mereka tidak mempersekutui-Nya."(107)

Rasulullah s.a.w. tidak bertanggungjawab terhadap tindak-tanduk mereka dan beliau tidak ditugas mengawal hati mereka. Hanya Allah sahaja yang mengawal dan menguasai hati mereka:

وَمَا جَعَلْنَٰكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِوَكِيلٍ ١٠٧

"Dan Kami tidak melantikkan engkau sebagai penjaga mereka dan tidak pula engkau dilantik sebagai pengawal mereka."(107)

Arahan yang ditujukan kepada Rasulullah ini bertujuan menggariskan bidang tugas yang dapat dicapaikan oleh perhatian dan tindakan beliau, juga menggariskan bidang tugas kepada para khalifahnya dan para penda'wah di setiap negeri dan setiap generasi.

Seorang pejuang da'wah tidak seharusnya menggantungkan hatinya, cita-citanya dan tindakannya pada penentang-penentang da'wah yang degil yang tidak terbuka mata hatinya kepada bukti-bukti hidayat dan dalil-dalil yang menyarankan keimanan, malah ia harus menumpukan seluruh hatinya, cita-citanya dan tindakannya kepada golongan manusia yang mendengar dan menyahut da'wahnya, kerana golongan inilah yang perlu dibinakan seluruh hati dan jiwa mereka di atas lunas agama yang dianutinya, iaitu lunas 'aqidah. Merekalah golongan yang perlu dicetuskan kefahaman Islam yang sempurna dan mendalam terhadap Alam buana dan terhadap hayat berlandaskan lunas 'aqidah ini. Merekalah golongan yang perlu dibinakan akhlak dan perilaku mereka, juga masyarakat mereka yang kecil di atas lunas 'aqidah yang sama. Seluruh kerja pembinaan ini memerlukan usaha-usaha yang gigih. Mengenai golongan penentang yang berdiri di seberang sana, maka balasan yang wajar untuk mereka ialah menunjukkan sikap mengabai dan tidak mempedulikan mereka selepas di sampaikan da'wah dan penjelasan kepada mereka. Apabila kebenaran berkembang subur, maka Allah akan memperlakukan undang-undang-Nya, iaitu mencampakkan bom kebenaran ke atas kebatilan yang akan menghancur lebur dan melenyapkannya.

Kebenaran itu perlu ditegakkan dan apabila kebenaran dapat ditegakkan dengan imejnya yang sebenar dan sempurna, maka kedudukan kebatilan akan tergugat dan usianya pendek.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 108)

Walaupun Rasulullah diperintah supaya mengabaikan kaum Musyrikin, namun Allah mengarah orang-orang yang beriman agar melakukan tindakan pengabaian itu dengan menggunakan adab sopan yang layak dengan golongan orang-orang yang beriman. Mereka dilarang memaki hamun tuhan-tuhan yang disembah oleh kaum Musyrikin kerana takut mereka akan bertindak balas memaki Allah S.W.T., sedangkan mereka tidak mengetahui kedudukan-Nya Yang Maha Tinggi dan Agung. Ini bererti perbuatan orang-orang yang beriman memaki sembahan-sembahan kaum Musyrikin itu akan membuka jalan kepada mereka untuk memaki Allah Yang Maha Mulia dan Maha Agung:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ كَذَٰلِكَ زَيَّنَّا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِم مَّرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

"Dan janganlah kamu mencaci maki sembahan-sembahan orang-orang yang menyembah yang lain dari Allah nanti mereka akan mencaci maki Allah secara keterlaluan tanpa berasaskan ilmu pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat itu memandang elok kepada amalan-amalan mereka. Kemudian kelak mereka akan dipulangkan kepada Allah Tuhan mereka dan Dia akan memberitakan kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka."(108)

Kaum Muslimin Tidak Dibenarkan Memaki Dan Mencaci Tuhan-tuhan Yang Dipuja Oleh Agama Lain

Tabi'at yang telah dijadikan Allah pada manusia ialah apabila ia melakukan sesuatu perbuatan ia memandangnya elok dan berusaha mempertahankannya. Misalnya jika ia melakukan sesuatu perbuatan yang baik ia akan memandangnya baik dan berusaha mempertahankannya dan jika ia melakukan sesuatu perbuatan yang tidak baik ia tetap memandangnya baik dan berusaha mempertahankannya. Jika ia memilih hidayat ia memandang hidayat elok dan bersedia untuk mempertahankannya dan sebaliknya jika ia memilih kesesatan ia tetap memandangnya elok dan bersedia untuk mempertahankannya. Inilah kebiasaan tabi'at manusia. Demikianlah dengan kaum Musyrikin, mereka menyembah tuhan-tuhan selain Allah walaupun mereka tahu dan menerima hakikat bahawa Allah itulah Tuhan Pencipta dan Pemberi rezeki yang sebenar, tetapi jika tuhan-tuhan ini dimaki oleh orang-orang Islam, mereka akan melenting dan meninggalkan kepercayaan mereka kepada Allah demi mempertahankan budaya ibadat mereka, kefahaman, kedudukan dan tradisi-tradisi mereka. Oleh sebab itu, kaum Muslimin harus mengambil sikap membiarkan kaum Musyrikin hidup dengan budaya ibadat mereka:

ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِم مَّرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

"Kemudian kelak mereka akan dipulangkan kepada Allah Tuhan mereka dan Dia akan memberitakan kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka."(108)

Inilah adab sopan yang layak dengan kedudukan orang-orang yang beriman dan yakin kepada agama mereka dan kepada kebenaran yang dipegang oleh mereka, di samping mempunyai hati yang tenang yang tidak suka mencampuri dalam urusan-urusan yang tidak berfaedah kerana perbuatan memaki tuhan-tuhan mereka tidak mendorong mereka kepada hidayat, malah akan membuat mereka bertambah degil. Oleh itu apakah gunanya kepada orang-orang yang beriman melakukan perbuatan yang tidak mendatangkan apa-apa faedah, malah boleh membawa mereka mendengar caci maki kaum Musyrikin yang menjijikkan terhadap Allah Tuhan mereka Yang Maha Mulia dan Maha Agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 109 - 111)

Akhirnya pelajaran ini ditamatkan setelah membentangkan lembaran alam buana yang penuh dengan bukti-bukti dan kejadian-kejadian yang luar biasa pada setiap sa'at baik di waktu malam maupun di waktu siang. Pelajaran ini diakhiri dengan cerita kaum Musyrikin yang bersumpah dengan nama Allah dengan penuh kesungguhan, iaitu jika satu mu'jizat fizikal dapat ditunjukkan kepada mereka seperti mu'jizat-mu'jizat yang ditunjukkan oleh Rasul-Rasul yang dahulu nescaya mereka tetap akan beriman kepada-Nya. Sumpah ini telah membuat setengah-setengah orang-orang Islam yang mendengar tampil mencadangkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau memohon kepada Allah agar memperlihatkan mu'jizat yang dituntut oleh mereka. Satu jawapan tegas telah diturunkan kepada orang-orang yang beriman, di mana dijelaskan tabi'at buruk yang suka melakukan pembohongan yang terpaku dalam hati para pendusta itu:

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَئِن جَاءَتْهُمْ آيَةٌ لَّيُؤْمِنُنَّ بِهَا ۚ قُلْ إِنَّمَا الْآيَاتُ عِندَ اللَّهِ ۖ وَمَا يُشْعِرُكُمْ أَنَّهَا إِذَا جَاءَتْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠٩﴾

وَنُقَلِّبُ أَفْـِٔدَتَهُمْ وَأَبْصَـٰرَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُوا۟ بِهِۦٓ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَنَذَرُهُمْ فِى طُغْيَـٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١١٠﴾ وَلَوْ أَنَّنَا نَزَّلْنَآ إِلَيْهِمُ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةَ وَكَلَّمَهُمُ ٱلْمَوْتَىٰ وَحَشَرْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَىْءٍ قُبُلًا مَّا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ يَجْهَلُونَ ﴿١١١﴾

"Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah dengan sumpah mereka yang bersungguh-sungguh: Jika datang mu'jizat (yang dipinta mereka), mereka akan tetap beriman dengannya. Katakanlah: Urusan mu'jizat itu hanya berada di sisi Allah sahaja. Dan apakah kamu tahu andainya mu'jizat itu datang, mereka tidak juga akan beriman? (109) Dan Kami jadikan hati dan pandangan mereka berbalik-balik(dan mereka tetap tidak beriman kepada Al-Qur'an) sebagaimana mereka tidak beriman kepada-Nya pada permulaan kalinya. Dan Kami tinggalkan mereka terumbang-ambing dalam kesesatan mereka (110). Andainya Kami turunkan malaikat kepada mereka dan andainya orang-orang mati berbicara dengan mereka dan andainya Kami kumpulkan segala sesuatu di hadapan mereka nescaya mereka tidak beriman juga kecuali dikehendaki Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(111)

Mu'jizat Tidak Dapat Meyakinkan Hati Yang Telah Terbalik

Hati-hati yang tidak beriman kepada bukti-bukti kekuasaan Allah yang bertaburan di alam buana kini setelah diperlihatkan dan diterangkan oleh Al-Qur'an dengan penjelasan yang sebegini mengagumkan ... hati-hati yang tidak dapat disarankan oleh bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada kejadian diri sendiri dan berbagai-bagai kejadian yang wujud di merata pelosok alam adalah hati-hati yang terbalik songsang. Hati inilah yang telah menghalangkan mereka dari beriman dari awal-awal lagi. Apakah orang-orang Islam yang mencadangkan kepada Allah supaya memenuhi permintaan mereka yang mahukan mu'jizat itu tahu bahawa hati inilah juga yang akan menghalangkan mereka dari beriman walaupun setelah munculnya mu'jizat yang dituntut mereka? Allah memang mengetahui tabi'at hati yang terbalik ini. Allah membiarkan para pendusta itu meraba-raba dalam kesesatan mereka, Allah mengetahui bahawa mereka memang wajar menerima balasan terhadap pendustaan mereka, Allah juga sedia mengetahui bahawa mereka tidak akan menyambut seruan da'wah walaupun diturunkan malaikat yang telah dicadangkan mereka, walaupun dibangkitkan kembali orang-orang yang mati berbicara dengan mereka seperti yang pernah dicadangkan mereka. Malah walaupun Allah kumpulkan seluruh isi alam berdepan dengan mereka dan mengajak mereka beriman, mereka tidak akan beriman kecuali dikehendaki Allah, tetapi Allah tidak menghendaki demikian, kerana mereka tidak berusaha dan berjuang dengan bersungguh-sungguh mencari jalan Allah supaya Allah memberi hidayat kepada mereka. Inilah hakikat yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang tentang tabi'at hati manusia.

Kekurangan yang dialami oleh orang-orang membenamkan diri di dalam kesesatan itu bukan kerana tidak adanya dalil-dalil dan bukti-bukti yang terbentang di hadapan mereka, malah kekurangan yang dialami mereka ialah kerana adanya penyakit yang bersarang di dalam hati mereka, kerana fitrah mereka telah ditimpa kelumpuhan dan kerana hati nurani mereka telah padam cahayanya.

Hidayat adalah suatu ganjaran yang tidak dicapai melainkan oleh orang-orang yang menuju ke arahnya dan berusaha mencarinya.

(Tamat Juzu' Yang Ketujuh)

JUZU' KE-8

SURAH AL-AN'AM

JUZU' YANG KELAPAN

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kata Pengantar)

Juzu' yang ke delapan ini terdiri dari dua bahagian. Bahagian pertama memuat pentafsiran baki Surah Al-An'am yang telah dimulakan pentafsiran bahagian pertamanya dalam juzu' yang ke tujuh. Bahagian kedua memuat pentafsiran Surah Al-'Araf.

Kata pengantar Surah Al-An'am telah dibentangkan dalam juzu' yang ke tujuh dan di sini kami akan cuba menghubungkan pembaca juzu' ini dengan kata pengantar yang terkandung dalam juzu' itu. Sementara kata pengantar Surah Al-'Araf akan dibentangkan di tempatnya nanti apabila kita sampai pada surah itu, Insya'Allah.

* * * * * *

Baki Surah Al-An'am ini meneruskan penjelasannya mengikut methodologi surah ini yang telah kami jelaskan dalam juzu' yang ke tujuh. Di sini elok kami sebut kembali kata pengantar itu secara ringkas dalam perenggan-perenggan berikut:

"Surah ini pada keseluruhannya membentangkan hak ikat 'Uluhiyah' di ruang alam buana dan di ruang kehidupan sebagaimana ia membentangkannya di ruang jiwa dan hati nurani. Ia membentangkan hakikat itu di ruang-ruang majhul alam buana yang nyata sebagaimana ia membentangkannya di ruang-ruang majhul alam ghaib yang tersembunyi. Ia membentangkan hakikat itu dalam pemandangan-pemandangan kejadian alam buana, kejadian hayat dan kejadian manusia sebagaimana ia membentangkannya di dalam pemandangan-pemandangan kejadian alam buana, kejadian hayat dan kejadian manusia sebagaimana ia membentangkannya di dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan umat manusia di zaman purba dan umat-umat yang mengambil tempat mereka yang silih berganti. Ia membentangkan hakikat ini di dalam pemandangan-pemandangan fitrah yang menghadapi alam buana, peristiwa-peristiwa, kesenangan dan kesusahan sebagaimana ia membentangkannya di dalam gejala-gejala qudrat Ilahi dan penguasaan-Nya ke atas kehidupan manusia yang lahir dan batin, juga di dalam situasi-situasi hidup mereka yang berlaku di alam realiti dan situasi-situasi hidup yang akan berlaku, dan akhirnya ia membentangkan hakikat ini dalam pemandangan-pemandangan Qiamat dan pemandangan-pemandangan manusia yang berdiri di hadapan Allah Yang Maha Pencipta.

"Demikian surah ini membawa hati manusia menjelajah ke dalam zaman-zaman yang jauh dan ke merata pelosok alam dan menjelajah ke dalam lubuk-lubuk dan pendalaman-pendalaman, tetapi ia menjelajah semua bidang ini mengikut methodologi Al-Qur'an Makkiyah yang telah kami huraikan di lembaran-lembaran yang lepas, juga mengikut methodologi Al-Qur'an seluruhnya. Ia tidak bertujuan menggambarkan 'aqidah dalam bentuk teori dan tidak pula bertujuan menggambarkannya dalam bentuk perdebatan ilmu ketuhanan yang memerah akal fikiran, malah ia bertujuan memperkenalkan Tuhan yang sebenar kepada manusia agar dengan pengenalan ini dapat mengubudiyahkan manusia kepada Tuhan mereka yang sebenar, iaitu mengubudiyahkan hati dan jiwa mereka, mengubudiyahkan usaha dan harakat mereka, tradisi-tradisi mereka, syi'ar-syi'ar mereka dan seluruh realiti mereka kepada kuasa Allah Yang Tunggal. Tiada kuasa yang lain dari kuasa Allah baik di bumi mahupun di langit.

"Arah tuju surah ini hampir-hampir semuanya menjurus kepada matlamat yang tetap ini dari awal hingga akhir, iaitu Allah itulah Pencipta, Pemberi Rezeki dan Pemilik Yang Maha Agung, Allah itulah pemegang segala jenis kuasa, Allahlah Yang Maha Mengetahui segala yang ghaib dan segala rahsia. Allahlah yang mengubahkan hati dan penglihatan manusia dan Dialah juga yang mengubahkan malam dan siang silih berganti, begitu juga Allahlah yang wajib menjadi pemerintah dan pengadil dalam kehidupan para hamba-Nya dan tiada siapa pun yang lain dari Allah yang harus menjalankan dalam urusan menetapkan suruhan dan larangan, urusan mengadakan undang-undang dan peraturan, urusan menentukan hukuman dan urusan menghalalkan dan mengharamkan, kerana seluruh urusan ini adalah dari ciri-ciri Uluhiyah. Tiada siapa pun yang berkuasa mencipta, memberi rezeki, menghidupkan dan mematikan, memberi mudharat dan manfa'at, dan tiada siapa pun yang berkuasa memberi dan menahan, dan tiada siapa pun yang berkuasa memiliki sesuatu baik untuk dirinya mahupun untuk orang lain sama ada di dunia atau di Akhirat. Surah ini menghuraikan dalil-dalil persoalan 'aqidah ini di dalam pemandangan-pemandangan (alam buana dan Qiamat), situasi-situasi dan nada-nada ayat (yang indah) yang mencapai tahap keindahan yang menakjubkan, iaitu dalil-dalil yang mengemukakan kepada hati manusia berbagai-bagai pernyataan yang penuh saranan di setiap jalan dan pintu.

"Persoalan besar yang diolahkan oleh surah ini ialah persoalan 'ubudiyah di langit dan di bumi dalam skop dan bidangnya yang luas dan syumul, tetapi hubungkait (persoalan ini) yang wujud dalam kehidupan kelompok Muslimin di waktu itu, iaitu hubungkait dari segi pelaksanaan dasar 'aqidah yang besar dan syumul ini ialah wujudnya amalan jahiliyah yang menggunakan kuasanya dalam urusan

menghalalkan dan mengharamkan sembelihan-sembelihan dan makanan-makanan, juga kuasa menetapkan syi'ar-syi'ar dalam urusan nazar-nazar yang bersangkutan dengan sembelihan-sembelihan, buah-buahan dan anak-anak, iaitu hubungkait yang dihuraikan oleh ayat-ayat yang berikut dari bahagian akhir surah ini:

فَكُلُوا۟ مِمَّا ذُكِرَ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ إِن كُنتُم بِـَٔايَٰتِهِۦ مُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا ذُكِرَ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُم مَّا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا ٱضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا لَّيُضِلُّونَ بِأَهْوَآئِهِم بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١١٩﴾

وَذَرُوا۟ ظَٰهِرَ ٱلْإِثْمِ وَبَاطِنَهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْسِبُونَ ٱلْإِثْمَ سَيُجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا۟ يَقْتَرِفُونَ ﴿١٢٠﴾

وَلَا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُۥ لَفِسْقٌ ۗ وَإِنَّ ٱلشَّيَٰطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰٓ أَوْلِيَآئِهِمْ لِيُجَٰدِلُوكُمْ ۖ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ ﴿١٢١﴾

"Oleh itu makanlah binatang-binatang sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya jika kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya (118). Mengapa kamu tidak mahu memakan binatang sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihnya, sedangkan Allah telah pun menjelaskan kepada kamu makanan-makanan yang telah diharamkan kepada kamu kecuali makanan yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya ramai orang yang mahu menyesatkan orang lain dengan hawa nafsu mereka tanpa berlandaskan ilmu pengetahuan. Dan sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui tentang golongan orang-orang yang menceroboh (119). Dan tinggalkan segala dosa baik yang zahir mahupun yang batin. Sesungguhnya orang-orang yang mengerjakan dosa akan dibalaskan kerana dosa yang dilakukan mereka (120). Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya, kerana sesungguhnya perbuatan itu satu perbuatan yang fasiq. Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu sentiasa membisikkan kepada sahabat-sahabat setia mereka supaya berdebat dengan kamu dan andainya kamu tunduk kepada mereka nescaya kamu akan menjadi orang-orang yang mempersekutui Allah."(121)

وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ ٱلْحَرْثِ وَٱلْأَنْعَٰمِ نَصِيبًا فَقَالُوا۟ هَٰذَا لِلَّهِ بِزَعْمِهِمْ وَهَٰذَا لِشُرَكَآئِنَا ۖ فَمَا كَانَ لِشُرَكَآئِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَا كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَىٰ شُرَكَآئِهِمْ ۗ سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾

وَكَذَٰلِكَ زَيَّنَ لِكَثِيرٍ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ قَتْلَ أَوْلَٰدِهِمْ شُرَكَآؤُهُمْ لِيُرْدُوهُمْ وَلِيَلْبِسُوا۟ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ ۖ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١٣٧﴾

وَقَالُوا۟ هَٰذِهِۦٓ أَنْعَٰمٌ وَحَرْثٌ حِجْرٌ لَّا يَطْعَمُهَآ إِلَّا مَن نَّشَآءُ بِزَعْمِهِمْ وَأَنْعَٰمٌ حُرِّمَتْ ظُهُورُهَا وَأَنْعَٰمٌ لَّا يَذْكُرُونَ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا ٱفْتِرَآءً عَلَيْهِ ۚ سَيَجْزِيهِم بِمَا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿١٣٨﴾

وَقَالُوا۟ مَا فِى بُطُونِ هَٰذِهِ ٱلْأَنْعَٰمِ خَالِصَةٌ لِّذُكُورِنَا وَمُحَرَّمٌ عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِنَا ۖ وَإِن يَكُن مَّيْتَةً فَهُمْ فِيهِ شُرَكَآءُ ۚ سَيَجْزِيهِمْ وَصْفَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٣٩﴾

قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ قَتَلُوٓا۟ أَوْلَٰدَهُمْ سَفَهًۢا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا۟ مَا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ٱفْتِرَآءً عَلَى ٱللَّهِ ۚ قَدْ ضَلُّوا۟ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿١٤٠﴾

"Dan mereka telah memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari hasil tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah, lalu mereka mengikut sangkaan karut mereka: 'Ini untuk Allah dan ini pula untuk sembahan-sembahan kami'. Maka bahagian yang diperuntukkan kepada sembahan-sembahan mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah pula sampai kepada sembahan-sembahan mereka. Alangkah buruknya peraturan yang diputuskan mereka (136). Dan demikianlah ketua-ketua mereka telah menjadikan sebilangan ramai dari orang-orang Musyrikin memandang baik perbuatan membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan mereka dan mengelirukan agama mereka. Dan andainya Allah kehendaki nescaya mereka tidak berkuasa melakukan perbuatan itu, kerana itu tinggalkan mereka dan pembohongan yang diada-adakan mereka (137). Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman-tanaman haram yang tidak dimakan melainkan oleh sesiapa yang Kami (Allah) kehendaki mengikut anggapan mereka dan (ini) ternakan yang haram ditunggang dan (ini) ternakan-ternakan yang mereka tidak boleh menyebut nama Allah ketika disembelihkannya kerana membuat pembohongan ke atas Allah. Allah akan

mengenakan balasan ke atas mereka kerana pembohongan yang diada-adakan mereka (138). Dan mereka berkata lagi: Anak-anak yang ada di dalam perut binatang-binatang ternakan ini adalah khusus untuk kaum lelaki kami dan diharamkan kepada kaum wanita kami, tetapi jika anak dalam perut dilahirkan mati, maka lelaki dan wanita sama-sama boleh memakannya. Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pernyataan mereka (yang karut itu). Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui (139). Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang telah membunuh anak-anak mereka kerana bodoh tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan mereka telah mengharamkan rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, kerana membuat pembohongan ke atas Allah. Sebenarnya mereka telah sesat dan tidak pula pernah mendapat hidayat."(140)

"Inilah hubungkait yang wujud dalam kehidupan umat Muslimin yang dikelilingi oleh jahiliyah di waktu itu, iaitu hubungkait yang menonjolkan persoalan yang besar, iaitu persoalan perundangan, di mana di sebaliknya terletak pula persoalan yang agung, iaitu persoalan Uluhiyah dan 'ubudiyah yang diolahkan oleh seluruh surah ini dan oleh ayat-ayat Al-Qur'an Makkiyah semuanya, juga diolahkan oleh ayat-ayat Al-Qur'an Madaniyah ketika membicarakan peraturan dan syari'at Islam.

"Penggemblengan berbagai-bagai penjelasan dan pernyataan berkesan yang bertubi-tubi dikemukakan oleh rangkaian ayat-ayat surah ini ketika menghadapi jahiliyah dan para pendukungnya dalam persoalan binatang-binatang ternakan, sembelihan-sembelihan dan nazar-nazar yang merupakan hubungkait yang menonjolkan persoalan kuasa membuat undang-undang dan peraturan serta hubungannya dengan persoalan 'aqidah seluruhnya iaitu persoalan Uluhiyah dan 'ubudiyah,di mana ia dijadikan persoalan yang menentukan keimanan atau kekafiran, persoalan yang menentukan Islam atau jahiliyah... penggemblengan yang sedemikian rupa yang kami akan cuba mengemukakan contoh-contohnya dalam kata pengenalan yang ringkas ini, di mana hakikatnya akan terserlah ketika ayat-ayat surah ini dihuraikan dengan terperinci nanti. Penggemblengan yang sedemikian rupa menanamkan dalam hati kita hakikat yang kukuh itu yang wujud di dalam Tabi'at agama ini. Hakikat itu ialah setiap bahagian peraturan yang kecil dalam kehidupan manusia pastilah ditundukkan secara mutlak kepada kuasa Hakimiyah Allah secara langsung yang wujud dalam bentuk undang-undang syari'at-Nya, jika tidak, perbuatan itu akan terkeluar dari agama ini secara menyeluruh, kerana ia menentang kuasa Hakimiyah Allah yang mutlak di dalam bahagian peraturan yang kecil itu.

"Penggemblengan yang sedemikian itu juga menunjukkan sejauh mana kepentingan yang diletakkan oleh agama ini pada usaha-usaha membersihkan seluruh kehidupan dari naungan kuasa Hakimiyah manusia dalam mana-mana urusan hidup mereka sama ada besar atau kecil, dan mengikatkan segala urusan ini dengan dasar pokok yang melambangkan agama ini, iaitu dasar Hakimiyah Allah yang mutlak yang melambangkan Uluhiyah-Nya di bumi ini di samping melambangkan Uluhiyah-Nya di alam buana seluruhnya di mana hanya Allah jua yang mengendalikan seluruh alam buana ini tanpa sebarang sekutu.

Inilah hubungkait yang wujud dalam kehidupan umat Muslimin yang dikelilingi jahiliyah, dan hubungkait ini telah dibicarakan oleh surah ini dalam bentuk huraian yang telah disebut dalam petikan-petikan ini, dan hubungkait inilah juga yang menjadi maudhu' pembicaraan baki surah ini yang kami akan huraikannya dalam juzu' ini selepas selesainya bahagian pertama surah ini membentangkannya persoalan Uluhiyah dan 'ubudiyah dalam skopnya yang syumul, dan penjelasan itu berakhir dengan persoalan menghadapi hubungkait yang wujud di alam realiti ini serta menghubungkan di antaranya dengan persoalan Uluhiyah dan 'ubudiyah yang agung dalam satu ikatan yang kuat dan langsung.

Untuk menghadapi tradisi-tradisi jahiliyah yang mengharamkan setengah-setengah makanan dan menghalalkan setengah yang lain, juga tradisi-tradisi amalan bernazar yang melibatkan buah-buahan, ternakan dan anak-anak, Al-Qur'an mengemblingkan berbagai-bagai pernyataan yang berkesan dan penjelasan yang kuat, yang diikat pula hakikat-hakikat dan prinsip-prinsip agama yang asasi; di mana Al-Qur'an mengemukakan muqaddimah-muqaddimah dan ulasan-ulasan yang hebat yang menunjukkan bagaimana pentingnya persoalan ini di sisi agama Islam yang mahu menyelamatkan seluruh kehidupan manusia dari cengkaman jahiliyah dan mengembalikannya kepada Islam, iaitu kepada kuasa Allah Yang Maha Esa sahaja.

Demikianlah Al-Qur'an memulakan huraiannya dengan mengemukakan satu muqaddimah bagi persoalan ini, di mana dijelaskan hakikat kehendak masyi'ah Allah yang meliputi seluruh hamba-Nya dari makhluk jin dan manusia, juga dijelaskan bagaimana Allah menarik secara halus musuh-musuh Para anbiya'-Nya yang terdiri dari syaitan-syaitan dari jenis manusia dan jin melakukan kejahatan-kejahatan mereka. Andainya Allah kehendaki nescaya Allah paksakan mereka menerima hidayat dan menahan mereka dari kesesatan atau Allah membimbing mereka ke jalan hidayat dan membuka hati mereka menerimanya atau Allah menahan mereka menyakiti Para anbiya' dan orang-orang yang beriman. Oleh itu mereka tidak menentang Para anbiya' dan tidak melakukan kejahatan untuk mencabar kuasa dan kehendak masyi'ah Allah, kerana mereka terlalu lemah untuk mencabar kuasa dan kehendak masyi'ah Allah untuk memberi kebebasan dan kebolehan memilih di antara hidayat dan kesesatan, tetapi mereka tetap berada dalam genggaman kekuasaan Allah dalam segala keadaan:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَٰطِينَ ٱلْإِنسِ وَٱلْجِنِّ يُوحِى بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ زُخْرُفَ ٱلْقَوْلِ غُرُورًا ۚ وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾

وَلِتَصْغَىٰٓ إِلَيْهِ أَفْـِٔدَةُ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ وَلِيَرْضَوْهُ وَلِيَقْتَرِفُوا۟ مَا هُم مُّقْتَرِفُونَ ﴿١١٣﴾

"Demikianlah kami jadikan bagi setiap nabi musuh-musuh iaitu syaitan-syaitan dari jenis manusia dan jin yang membisikkan kata-kata yang indah terhadap satu sama lain dengan tujuan untuk menipu. Dan jika Allah kehendaki nescaya mereka tidak mampu melakukannya. Oleh itu tinggalkanlah mereka dan segala pembohongan yang diada-adakan mereka (112). Juga dengan tujuan supaya hati orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat mendengar bisikan itu dan supaya mereka merasa senang terhadapnya dan supaya mereka melakukan kejahatan yang dilakukan mereka."(113)

Setelah jelas bahawa perseteruan yang ditunjukkan oleh syaitan-syaitan dari jenis manusia dan jin terhadap para Rasul itu merupakan suatu undang-undang yang digariskan oleh perencanaan Allah, dan setelah jelas bahawa syaitan-syaitan yang melakukan perbuatan-perbuatan itu tetap berada dalam genggaman kekuasaan Allah, maka (dalam ayat-ayat selanjutnya) Rasulullah s.a.w. telah mengecam perbuatan kaum Musyrikin yang berhakimkan kepada yang lain dari Allah dalam mana-mana persoalan umumnya, kerana perbuatan berhakimkan kepada yang lain dari Allah dalam persoalan-persoalan makanan adalah sama dengan perbuatan berhakimkan kepada yang lain dari Allah dalam persoalan-persoalan yang lain. Perbuatan berhakimkan kepada yang lain dari Allah itu samalah dengan perbuatan menegakkan Rububiyah yang lain dari Rububiyah Allah yang dikecam oleh Rasulullah. Penjelasan ini diiringi pula dengan satu pernyataan bahawa Kalimatullah (keputusan Allah) telah ditetapkan dalam Al-Qur'an dan syari'at Islam. Oleh sebab itu di sana tidak ada lagi keputusan manusia dan undang-undang ciptaannya yang wajar diambil kira. (Dalam ayat selanjutnya) Rasulullah telah diperingatkan supaya jangan mengikut keputusan manusia dalam urusan agama Allah kerana kebanyakan mereka hanya mengikut sangkaan dan andaian sahaja tanpa berlandaskan ilmu yang yakin. Siapa yang mengikut mereka akan sesat dan hanya Allah sahaja yang mengetahui hamba-hamba-Nya yang sesat dan hamba-hamba-Nya yang mendapat hidayat. Semua penjelasan ini adalah dibuat sebagai persediaan untuk mengemukakan perintah kepada orang-orang yang beriman supaya makan sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya. (Ayat-ayat itu selanjutnya) memberi amaran kepada mereka supaya jangan mengikut sahabat-sahabat setia syaitan yang bertindak menghalalkan dan mengharamkan sesuatu (mengikut nafsu mereka). Jika tidak, mereka akan menjadi sama seperti kaum Musyrikin. Kemudian bahagian ayat-ayat ini diakhiri dengan satu penjelasan tentang Tabi'at kekufuran dan Tabi'at keimanan, juga tentang sebab-sebab yang mendorong mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang salah itu:

أَفَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْتَغِى حَكَمًا وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ إِلَيْكُمُ ٱلْكِتَٰبَ مُفَصَّلًا ۚ وَٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُۥ مُنَزَّلٌ مِّن رَّبِّكَ بِٱلْحَقِّ ۖ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ﴿١١٤﴾

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا ۚ لَّا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١١٥﴾

وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِى ٱلْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مَن يَضِلُّ عَن سَبِيلِهِۦ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١١٧﴾

فَكُلُوا۟ مِمَّا ذُكِرَ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ إِن كُنتُم بِـَٔايَٰتِهِۦ مُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا ذُكِرَ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُم مَّا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا ٱضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ ۗ وَإِنَّ كَثِيرًا لَّيُضِلُّونَ بِأَهْوَآئِهِم بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١١٩﴾

وَذَرُوا۟ ظَٰهِرَ ٱلْإِثْمِ وَبَاطِنَهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْسِبُونَ ٱلْإِثْمَ سَيُجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا۟ يَقْتَرِفُونَ ﴿١٢٠﴾

وَلَا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُۥ لَفِسْقٌ ۗ وَإِنَّ ٱلشَّيَٰطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰٓ أَوْلِيَآئِهِمْ لِيُجَٰدِلُوكُمْ ۖ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ ﴿١٢١﴾

أَوَمَن كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَٰهُ وَجَعَلْنَا لَهُۥ نُورًا يَمْشِى بِهِۦ فِى ٱلنَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُۥ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلْكَٰفِرِينَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٢٢﴾

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا فِى كُلِّ قَرْيَةٍ أَكَٰبِرَ مُجْرِمِيهَا لِيَمْكُرُوا۟ فِيهَا ۖ وَمَا يَمْكُرُونَ إِلَّا بِأَنفُسِهِمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢٣﴾

وَإِذَا جَآءَتْهُمْ ءَايَةٌ قَالُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ حَتَّىٰ نُؤْتَىٰ مِثْلَ مَآ أُوتِىَ رُسُلُ ٱللَّهِ ۘ ٱللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُۥ ۗ سَيُصِيبُ ٱلَّذِينَ أَجْرَمُوا۟ صَغَارٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعَذَابٌ شَدِيدٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَمْكُرُونَ ﴿١٢٤﴾

"Apakah wajar aku mencari hakim yang lain dari Allah, sedangkan Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu dengan penjelasan yang terperinci dan orang-orang yang kami kurniakan kitab suci kepada mereka memang mengetahui bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari Allah Tuhanmu dengan membawa kebenaran. Oleh sebab itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu-ragu terhadapnya (114). Kalimat Tuhanmu telah sempurna dari segi kebenaran dan keadilan tiada siapa yang berkuasa mengubahkan kalimat-Nya dan Dialah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (115). Jika engkau mengikut kebanyakan mereka di bumi ini nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Mereka hanya mengikut sangkaan semata-mata dan mereka tiada lain melainkan hanya berdusta (116). Sesungguhnya Tuhanmu itulah yang lebih mengetahui tentang orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui tentang orang-orang yang mendapat hidayat (117). Oleh itu makanlah binatang-binatang sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya jika kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya (118). Mengapa kamu tidak mahu makan binatang sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya, sedangkan Allah telah pun menjelaskan kepada kamu makanan-makanan yang telah diharamkan kepada kamu kecuali makanan yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya ramai orang yang mahu menyesatkan orang lain dengan hawa nafsu mereka tanpa berlandaskan ilmu pengetahuan. Dan sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui tentang golongan orang-orang yang menceroboh (119). Dan tinggalkanlah segala dosa baik yang zahir mahupun yang batin. Sesungguhnya orang-orang yang mengerjakan dosa akan dibalas kerana dosa yang dilakukan mereka (120). Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya, kerana sesungguhnya perbuatan itu satu perbuatan yang fasiq. Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu sentiasa membisikkan kepada sahabat-sahabat setia mereka supaya berdebat dengan kamu dan andainya kamu tunduk kepada mereka nescaya kamu akan menjadi orang-orang yang mempersekutui Allah (121). Apakah orang yang telah mati yang kemudian Kami hidupkannya kembali dan Kami jadikan untuknya cahaya yang membolehkannya berjalan di tengah manusia itu sama dengan seorang yang berada dalam kegelapan-kegelapan yang tidak dapat ia keluar darinya? Demikianlah dijadikan orang-orang kafir itu memandang elok segala perbuatan yang dilakukan mereka (122). Dan demikianlah Kami jadikan di dalam setiap negeri pembesar-pembesar yang jahat supaya mereka melakukan tipu daya di negeri itu, sebenarnya mereka tidak melakukan tipu daya melainkan kepada diri mereka sendiri tetapi mereka tidak sedar (123). Apabila datang kepada mereka (pembesar-besar yang jahat) sesuatu ayat, mereka berkata: Kami tidak akan beriman sehingga kami dikurniakan (wahyu) seperti yang dikurniakan kepada sekalian utusan-utusan Allah. Allah lebih mengetahui di manakah hendak meletakkan risalah-Nya. Orang-orang yang melakukan kejahatan akan di timpa kehinaan dari Allah dan 'azab yang amat berat dengan sebab tipu daya yang dilakukan mereka."(124)

Kemudian ayat yang berikut menjelaskan bahawa hidayat yang diperolehi oleh orang-orang yang mendapat hidayat dan kesesatan yang diperolehi orang-orang yang sesat adalah kedua-duanya ditentukan oleh kehendak Allah. Kedua-dua golongan itu berada dalam genggaman kekuasaan Allah dan dalam lingkungan kehendak masyi'ah penentuan Allah:

فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهْدِيَهُۥ يَشْرَحْ صَدْرَهُۥ لِلْإِسْلَٰمِ ۖ وَمَن يُرِدْ أَن يُضِلَّهُۥ يَجْعَلْ صَدْرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِى ٱلسَّمَآءِ ۚ كَذَٰلِكَ يَجْعَلُ ٱللَّهُ ٱلرِّجْسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾

"Oleh itu sesiapa yang Allah kehendaki memberi hidayat kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya menerima Islam, dan sesiapa yang Allah kehendaki menyesatkannya nescaya Dia jadikan dadanya sempit dan sesak seolah-olah ia sedang mendaki ke langit (tempat yang tinggi). Begitu juga Allah jadikan keseksaan ke atas orang-orang yang tidak beriman."(125)

Rangkaian ayat-ayat ini diakhiri dengan satu penjelasan bahawa segala perintah, larangan, i'tiqad dan kefahaman yang telah dibentangkan tadi itulah jalan Allah yang lurus. Di sini ayat yang berikut menghubungkan perintah dan larangan itu dengan prinsip-prinsip i'tiqad mengenai kehendak masyi'ah Allah dan perencanaan-Nya dan menjadikan kedua-duanya seberkas hakikat dan sebatang jalan Allah yang lurus, di mana para hamba-Nya diperintah

mengikutinya supaya mereka sampai ke Syurga negeri kedamaian dan keamanan di sisi Allah yang menjadi penaung dan penolong mereka:

وَهَٰذَا صِرَٰطُ رَبِّكَ مُسۡتَقِيمٗاۗ قَدۡ فَصَّلۡنَا ٱلۡأٓيَٰتِ لِقَوۡمٖ يَذَّكَّرُونَ ١٢٦

لَهُمۡ دَارُ ٱلسَّلَٰمِ عِندَ رَبِّهِمۡۖ وَهُوَ وَلِيُّهُم بِمَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ١٢٧

"Dan inilah jalan Tuhanmu yang lurus. Kami telah menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang sentiasa mengingati Allah (126). Mereka akan dikurniakan Syurga Darus-Salam di sisi Tuhan mereka yang menjadi penaung mereka kerana amalan-amalan soleh yang dilakukan mereka."(127)

Sebaik sahaja selesai mengulas perintah dan larangan di sekitar persoalan hukum makan binatang sembelihan, maka ayat selanjutnya membentangkan pula persoalan nasib kesudahan syaitan-syaitan manusia dan jin yang mempertikaikan pegangan orang-orang Islam dalam persoalan ini, sedangkan mereka (lupa) bahawa mereka berada di dalam genggaman kekuasaan Allah yang berkuasa menentukan segala nasib kesudahan, juga berkuasa menentukan pemerintah-pemerintah yang berkuasa di muka bumi ini dan menghapuskan pemerintah-pemerintah yang mahu dihapuskan oleh-Nya. Di samping itu ayat ini memberi amaran kepada mereka yang angkuh dan lupa daratan dengan sebab kebebasan yang dikurniakan kepada mereka dalam memilih jalan Allah, sedangkan kebebasan itu merupakan ujian dari Allah terhadap mereka, iaitu amaran menamatkan tempoh hidup (di dunia) dan menghukum perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka dalam tempoh menghadapi ujian dan membuat pilihan.

وَيَوۡمَ يَحۡشُرُهُمۡ جَمِيعٗا يَٰمَعۡشَرَ ٱلۡجِنِّ قَدِ ٱسۡتَكۡثَرۡتُم مِّنَ ٱلۡإِنسِۖ وَقَالَ أَوۡلِيَآؤُهُم مِّنَ ٱلۡإِنسِ رَبَّنَا ٱسۡتَمۡتَعَ بَعۡضُنَا بِبَعۡضٖ وَبَلَغۡنَآ أَجَلَنَا ٱلَّذِيٓ أَجَّلۡتَ لَنَاۚ قَالَ ٱلنَّارُ مَثۡوَىٰكُمۡ خَٰلِدِينَ فِيهَآ إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُۗ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٞ ١٢٨

وَكَذَٰلِكَ نُوَلِّي بَعۡضَ ٱلظَّٰلِمِينَ بَعۡضَۢا بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ١٢٩

يَٰمَعۡشَرَ ٱلۡجِنِّ وَٱلۡإِنسِ أَلَمۡ يَأۡتِكُمۡ رُسُلٞ مِّنكُمۡ يَقُصُّونَ عَلَيۡكُمۡ ءَايَٰتِي وَيُنذِرُونَكُمۡ لِقَآءَ يَوۡمِكُمۡ هَٰذَاۚ قَالُواْ شَهِدۡنَا عَلَىٰٓ أَنفُسِنَاۖ وَغَرَّتۡهُمُ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَا وَشَهِدُواْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ أَنَّهُمۡ كَانُواْ كَٰفِرِينَ ١٣٠

ذَٰلِكَ أَن لَّمۡ يَكُن رَّبُّكَ مُهۡلِكَ ٱلۡقُرَىٰ بِظُلۡمٖ وَأَهۡلُهَا غَٰفِلُونَ ١٣١

وَلِكُلّٖ دَرَجَٰتٞ مِّمَّا عَمِلُواْۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا يَعۡمَلُونَ ١٣٢

وَرَبُّكَ ٱلۡغَنِيُّ ذُو ٱلرَّحۡمَةِۚ إِن يَشَأۡ يُذۡهِبۡكُمۡ وَيَسۡتَخۡلِفۡ مِنۢ بَعۡدِكُم مَّا يَشَآءُ كَمَآ أَنشَأَكُم مِّن ذُرِّيَّةِ قَوۡمٍ ءَاخَرِينَ ١٣٣

إِنَّ مَا تُوعَدُونَ لَأٓتٖۖ وَمَآ أَنتُم بِمُعۡجِزِينَ ١٣٤

قُلۡ يَٰقَوۡمِ ٱعۡمَلُواْ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمۡ إِنِّي عَامِلٞۖ فَسَوۡفَ تَعۡلَمُونَ مَن تَكُونُ لَهُۥ عَٰقِبَةُ ٱلدَّارِۚ إِنَّهُۥ لَا يُفۡلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ١٣٥

"Dan (ingatlah) hari Allah mengumpulkan seluruh mereka (lalu berfirman:) Wahai sekalian jin! Kamu telah mendapat pengikut-pengikut yang ramai dari manusia. Jawab sahabat-sahabat setia mereka dari manusia. Wahai Tuhan kami! Kami satu sama lain telah mengecap keni'matan dan (kini) kami telah sampai kepada ajal kami yang telah Engkau tempohkannya kepada kami, Allah menjawab: Neraka itulah tempat kediaman kamu dan kamu akan kekal berada di dalamnya kecuali apa yang dikehendaki Allah. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui (128). Dan demikianlah Kami jadikan orang-orang yang zalim itu sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain dengan sebab amalan-amalan yang sama diusahakan mereka (129). Wahai sekalian jin dan manusia! Tidak kah Rasul-rasul dari kalangan kamu telah datang menceritakan ayat-ayat-Ku (pengajaran-pengajaranKu) kepada kamu dan mengingatkan kamu tentang pertemuan kamu dengan hari (pengadilan) kamu ini? Jawab mereka: Kami mengaku kesalahan diri kami sendiri. Dan mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan mereka mengaku kesalahan diri mereka sendiri bahawa mereka sebenarnya adalah orang-orang yang kafir (130). (Tujuan diutuskan Rasul-rasul) Itu ialah kerana Tuhanmu tidak membinasakan negeri-negeri secara zalim, sedangkan para penduduknya lalai (tidak diperingatkan oleh Rasul) (131). Setiap jin dan manusia itu disediakan darjat-darjat balasan masing-masing

mengikut amalan yang dilakukan mereka. Dan Tuhanmu sekali-kali tidak lalai dari segala perbuatan yang dilakukan mereka (132). Dan Tuhanmu Maha Kaya dan memiliki rahmat yang limpah. Jika Dia kehendaki nescaya Dia hapuskan kamu dan menggantikan selepas kamu dengan siapa yang dikehendaki oleh-Nya sama seperti Dia jadikan kamu dari zuriat kaum yang lain (133). Segala apa yang dijanjikan Allah kepada kamu tetap datang dan kamu tidak mungkin terlepas darinya (134). Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai kaumku! Bekerjalah kamu mengikut jalan kamu dan aku bekerja mengikut jalanku, dan kelak kamu akan mengetahui siapakah di antara kita yang akan mendapat balasan yang baik di dunia (dan Akhirat). Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan mendapat kejayaan."(135)

Dengan penggemblengan dari berbagai-bagai keterangan yang menarik tentang hakikat-hakikat 'aqidah yang asasi, berbagai-bagai pemandangan, situasi-situasi, pernyataan-pernyataan yang mengandungi saranan dan inspirasi, tentang hakikat kehendak masyi'ah Allah, tentang hakikat-hakikat kewujudan alam buana dan hakikat-hakikat diri manusia, tentang motif-motif yang lahir dan tersembunyi dalam hidup manusia, tentang penjelasan yang syumul mengenai kekuasaan Allah di langit dan di bumi, di dunia dan Akhirat juga dalam kehidupan manusia yang tersembunyi dan yang lahir ... dengan penggemblengan ini Al-Qur'an menghadapi salah satu gejala jahiliyah yang bersangkutan dengan peraturan boleh atau tidak makan sesuatu binatang sembelihan dan mengapa? Ini adalah persoalan pokok dalam agama ini, iaitu persoalan kuasa Hakimiyah (yang menentukan undang-undang dan peraturan), siapakah yang berhak memegang kuasa ini? Atau dengan ungkapan yang lain, persoalan itu ialah persoalan kuasa Uluhiyah dan Rububiyah, siapakah yang berhak memegang kuasa ini? Oleh sebab itulah persoalan binatang sembelihan yang kecil, yang menjadi hubungkait dalam rangkaian ayat-ayat ini memerlukan kepada penggemblengan dari berbagai-bagai penerangan dan penjelasan ini.

Dengan penggemblengan yang sama juga Al-Qur'an menghadapi persoalan nazar-nazar dalam jahiliyah yang melibatkan buah-buahan, binatang ternakan dan anak-anak...

Jahiliyah Arab tidak pernah menolak kewujudan Allah dan tidak pula pernah menjadikan tuhan yang lain sama dengan Allah, malah ia menjadikan tuhan-tuhan yang lain dari Allah itu lebih rendah pangkat dan darjat dari Allah. Mereka berkata: Tujuan mereka menyembah tuhan-tuhan yang lain itu ialah supaya tuhan-tuhan itu dapat menjadi pengantara yang boleh merapatkan lagi perdampingan mereka dengan Allah. Di sinilah letaknya perbuatan syirik mereka dan dengan perbuatan inilah mereka tergolong dalam golongan Musyrikin.

Di antara perbuatan syirik mereka lagi ialah mereka - kahin-kahin dan ketua-ketua mereka - mengadakan undang-undang, peraturan-peraturan dan tradisi-tradisi hidup mereka dari hasil pemikiran mereka sendiri kemudian mereka dakwakannya sebagai undang-undang dan peraturan yang di syari'at dan diperintahkan oleh Allah. Dalam penggubalan undang-undang sendiri itu mereka tidak bermegah dan mendabik dada membanggakan undang-undang itu sebagai hasil ciptaan mereka dan tidak pula mendakwa mempunyai kuasa Hakimiyah tertinggi yang berkuasa mengadakan undang-undang dan peraturan sendiri, kerana mereka belum lagi mengenal sikap angkuh seperti ini, yang di tunjuk oleh golongan Musyrikin zaman sekarang, yang mendakwa mempunyai kuasa Hakimiyah selain Allah, namun demikian di sinilah letaknya kesyirikan mereka dan dengan perbuatan inilah mereka tergolong dalam golongan Musyrikin.

Di antara undang-undang dan peraturan yang diadakan mereka dan di dakwakannya sebagai undang-undang dan peraturan dari Allah ialah peraturan amalan nazar, iaitu mereka menazarkan buah-buahan dan binatang ternakan kepada Allah S.W.T. dan kepada tuhan-tuhan palsu yang disembah oleh mereka, dan selepas itu mereka mengendalikan urusan pemberian nazar-nazar itu mengikut hawa nafsu mereka atau hawa nafsu penjaga-penjaga kuil dan kahin-kahin:

فَمَا كَانَ لِشُرَكَآئِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَا كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَىٰ شُرَكَآئِهِمْ ۗ سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾

"Maka bahagian yang diperuntukkan kepada sembahan-sembahan mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah pula sampai kepada sembahan-sembahan mereka."(136)

Di antara undang-undang dan peraturan yang diada-adakan mereka ialah peraturan menazarkan anak-anak mereka kepada tuhan-tuhan sembahan mereka, juga amalan mereka membunuh anak-anak perempuan kerana mengikut tradisi qabilah mereka.

Di antaranya lagi ialah peraturan yang mengharamkan ternakan dan tanaman tertentu dari dimakan kecuali oleh mereka yang dikehendaki Allah. Merekalah yang mendakwa ternakan dan tanaman itu haram dimakan dan merekalah juga yang menentukan siapakah orang-orang yang dikehendaki Allah boleh memakannya.

Di antaranya lagi ialah peraturan yang mengharamkan ternakan-ternakan tertentu dari ditunggang seperti ternakan-ternakan yang

diistilahkan sebagai Bahirah, Sa'ibah, Wasilah dan Hami.[1]

Di antaranya lagi ialah amalan mereka yang melarang menyebut nama Allah di atas binatang-binatang sembelihan yang tertentu dengan dakwaan bahawa larangan itu adalah dari perintah Allah.

Di antaranya lagi ialah amalan mereka yang menetapkan bahawa semua anak-anak yang dikandungi dalam perut binatang ternakan adalah khusus untuk kaum lelaki mereka sahaja tidak boleh dikongsi oleh kaum perempuan kecuali anak yang dikandungi itu lahir mati, maka bolehlah mereka berkongsi memakannya bersama kaum lelaki. Di sini mereka mengadakan peraturan haram dan halal.

Di antaranya lagi ialah amalan memakan bangkai yang dihalalkan oleh mereka dengan alasan binatang yang mati itu telah disembelihkan oleh Allah.

Al-Qur'an menghadapi peraturan-peraturan yang karut ini dengan penjelasan panjang lebar untuk mendedahkan kedudukannya yang sebenar. Ia menggemblengkan berbagai-bagai penjelasan pokok, membentangkan berbagai-bagai pemandangan dan hakikat-hakikat yang berkesan sama seperti penjelasan yang dilakukan untuk menghadapi persoalan syirik dan iman dalam seluruh rangkaian surah ini, kerana persoalan-persoalan ini sendiri merupakan persoalan syirik dan iman dalam bentuk amalan-amalan yang dipraktikkan di alam realiti.

Dari penjelasan yang panjang lebar ini ternyata bahawa persoalan ini adalah persoalan agama dan 'aqidah Islam. Peraturan dan amalan tradisi yang dilakukan oleh kaum Musyrikin itu adalah peraturan dan amalan tradisi karut yang disanjung oleh ketua-ketua mereka yang mengadakan peraturan itu dengan tujuan untuk menghancurkan kehidupan mereka dan menimbulkan kekeliruan dalam agama mereka. Usaha menimbulkan kekeliruan dalam agama dan usaha menghancurkan kehidupan, kedua-duanya mempunyai pertalian yang rapat. Undang-undang dan peraturan Allah merupakan agama yang jelas dan cara hidup yang sihat, tetapi undang-undang dan peraturan yang bukan dari Allah merupakan agama yang kabur dan cara hidup yang terancam oleh keruntuhan dan kebinasaan:

وَكَذَٰلِكَ زَيَّنَ لِكَثِيرٍ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ قَتْلَ أَوْلَٰدِهِمْ شُرَكَآؤُهُمْ لِيُرْدُوهُمْ وَلِيَلْبِسُوا۟ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ ۖ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١٣٧﴾

"Dan demikianlah ketua-ketua mereka telah menjadikan sebilangan ramai dari orang-orang Musyrikin memandang baik perbuatan membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan mereka dan mengelirukan agama mereka."(137)

Kini ternyata bahawa syaitan-syaitan berada di sebalik penyelewengan kaum Musyrikin dari undang-undang dan peraturan Allah kepada undang-undang dan peraturan ketua-ketua mereka dan agama mereka. Syaitan itulah musuh ketat yang membimbing langkah-langkah kaum Musyrikin ke arah kerugian dan kehancuran:

كُلُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٤٢﴾

"Makanlah rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dan janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan, kerana syaitan itu sebenarnya musuh kamu yang ketara."(142)

Kini ternyata bahawa perbuatan menghalalkan dan mengharamkan sesuatu - di luar undang-undang dan peraturan Allah - adalah sama dengan perbuatan syirik, dan menghubungkan perbuatan yang salah itu dengan kehendak Allah Yang Maha Kuasa merupakan amalan yang selalu didakwakan oleh kaum Musyrikin di setiap zaman. Kehendak Allah telah memutuskan untuk menguji mereka. Oleh sebab itu manusia tidak dipaksa mensyirikkan Allah dalam apa bentuk sekali pun, malah mereka diuji membuat pilihan, dan walau bagaimana sekalipun mereka tidak terlepas dari genggaman kuasa Allah dalam segala keadaan.

سَيَقُولُ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ لَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَآ أَشْرَكْنَا وَلَآ ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمْنَا مِن شَىْءٍ ۚ كَذَٰلِكَ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ حَتَّىٰ ذَاقُوا۟ بَأْسَنَا ۗ قُلْ هَلْ عِندَكُم مِّنْ عِلْمٍ فَتُخْرِجُوهُ لَنَآ ۖ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ ﴿١٤٨﴾

قُلْ فَلِلَّهِ ٱلْحُجَّةُ ٱلْبَٰلِغَةُ ۖ فَلَوْ شَآءَ لَهَدَىٰكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٤٩﴾

"Orang-orang yang mempersekutukan Allah akan berkata: Jika Allah kehendaki nescaya kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukan Allah dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu. Demikianlah orang-orang yang dahulu dari mereka membuat pembohongan sehingga

---

[1] *Lihat ta'rifnya dalam Surah al-Ma'idah juzu' yang ketujuh.*

mereka mengalami 'azab Kami. Katakanlah: Adakah kamu mempunyai sesuatu pengetahuan hingga kamu dapat mengemukakannya kepada kami? Sebenarnya kamu tidak mengikuti (ilmu pengetahuan) kecuali sangkaan (yang kabur) sahaja. Dan kami tidak mengemukakan apa-apa selain dari berdusta (148). Katakanlah! Allah mempunyai hujah yang kuat dan andainya Allah kehendaki nescaya Dia mengurniakan hidayat kepada kamu sekalian."(149)

Kemudian (dalam ayat selanjutnya) kita menemui situasi untuk mengemukakan penyaksian bahawa Allah telah mengharamkan apa yang diharamkan oleh mereka. Ini mengingatkan kita kepada situasi untuk mengemukakan penyaksian terhadap persoalan Uluhiyah di awal surah ini, kerana persoalan ini pada hakikatnya adalah satu persoalan yang sama memandang perbuatan menggubal undang-undang dan peraturan sendiri itu sama dengan perbuatan mempraktikkan ciri-ciri Uluhiyah, yang mana kedua-duanya merupakan satu persoalan yang sama:

قُلْ هَلُمَّ شُهَدَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ ٱللَّهَ حَرَّمَ هَٰذَا ۖ فَإِن شَهِدُوا۟ فَلَا تَشْهَدْ مَعَهُمْ ۚ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْـَٔاخِرَةِ وَهُم بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١٥٠﴾

"Katakanlah! Bawalah ke mari saksi-saksi, kamu yang sanggup mengemukakan penyaksian bahawa Allah telah mengharamkan perkara ini. Oleh itu jika mereka mengemukakan penyaksian, maka janganlah engkau mengemukakan penyaksian bersama mereka dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat di samping mereka menyamakan Allah Tuhan mereka dengan makhluk."(150)

Ungkapan يعدلون (Ya'dilun) di sini mengingatkan kepada ungkapan yang sama yang digunakan ketika membicarakan persoalan Uluhiyah di awal surah sebagaimana kami sebut dalam kata pengantar surah ini.[2]

Kemudian penjelasan yang panjang lebar ini diakhiri dengan satu pernyataan bahawa apa yang telah diterangkan Allah tentang undang-undang, peraturan dan tradisi-tradisi yang melibatkan buah-buahan, ternakan dan anak-anak itulah peraturan agama Allah yang betul. Ungkapan ini juga sama dengan ungkapan yang digunakan sebelum ini dalam persoalan mengharamkan dan menghalalkan sembelihan-sembelihan, juga sama dengan ungkapan yang digunakan dalam persoalan Uluhiyah di awal surah sebagaimana telah kami sebut dalam kata pengantar surah ini:

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku yang lurus. Oleh itu hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu ikut jalan-jalan yang menyimpangsiurkan kamu dari jalan Allah. Itulah perintah yang telah dipesankan Allah kepada kamu supaya kamu bertaqwa."(153)

Pembicaraan Al-Qur'an tidak berakhir dengan penjelasan yang panjang lebar ini sahaja seperti yang dikemukakan petikan-petikannya itu, malah ia meneruskan pembicaraannya tentang kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. yang disampaikan kepada kaumnya:

ثُمَّ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ تَمَامًا عَلَى ٱلَّذِىٓ أَحْسَنَ وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُم بِلِقَآءِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٤﴾

"Untuk menerangkan segala sesuatu dengan terperinci dan untuk menjadi petunjuk dan rahmat supaya mereka beriman kepada pertemuan mereka dengan Allah Tuhan mereka"(154)

Juga membicarakan tentang kitab Al-Qur'an yang diberkati Allah yang di turun supaya diikuti oleh orang-orang Islam, supaya mereka bertaqwa dan supaya mereka dilimpahkan rahmat, seterusnya supaya kaum Musyrikin tidak dapat berhujah dengannya kerana kitab Allah telah pun diturunkan sebelum ini kepada orang-orang Yahudi dan Nasara, dan kerana mereka tidak pernah menerima sebuah kitab yang menjelaskan segala sesuatu dengan terperinci hingga mereka mengetahui segala undang-undang dan peraturan yang digariskan Allah. Oleh kerana itu segala apa yang di dakwakan mereka sebagai undang-undang dan peraturan Allah itu adalah bohong belaka.

Kemudian penjelasan ini diiringi dengan pernyataan memberi amaran kepada mereka yang enggan mengikut undang-undang dan peraturan yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan tetap kekal berpegang dengan undang-undang dan peraturan jahiliyah yang di dakwakan mereka - secara bohong - sebagai undang-undang dan peraturan dari Allah, kemudian mereka - berpura-pura menuntut mu'jizat-mu'jizat yang boleh meyakinkan mereka untuk beriman dan mengikut Rasulullah s.a.w. Mereka diberi amaran bahawa mu'jizat-mu'jizat yang dituntut mereka itu jika dikabulkan Allah akan menjadi satu

[2] *Lihat juzu' yang ketujuh.*

keputusan Allah yang muktamad yang membawa kebinasaan kepada mereka:

هَلۡ يَنظُرُونَ إِلَّآ أَن تَأۡتِيَهُمُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ أَوۡ يَأۡتِيَ رَبُّكَ أَوۡ يَأۡتِيَ بَعۡضُ ءَايَٰتِ رَبِّكَۗ يَوۡمَ يَأۡتِي بَعۡضُ ءَايَٰتِ رَبِّكَ لَا يَنفَعُ نَفۡسًا إِيمَٰنُهَا لَمۡ تَكُنۡ ءَامَنَتۡ مِن قَبۡلُ أَوۡ كَسَبَتۡ فِيٓ إِيمَٰنِهَا خَيۡرٗاۗ قُلِ ٱنتَظِرُوٓاْ إِنَّا مُنتَظِرُونَ ١٥٨

"Tiada apa yang ditunggu mereka kecuali kedatangan para malaikat (yang membawa kebinasaan) atau kedatangan ('azab) Tuhanmu atau kedatangan setengah-setengah tanda (Qiamat) dari Tuhanmu, dan pada hari datangnya setengah-setengah tanda (Qiamat) dari Tuhanmu itu keimanan tidak lagi berguna kepada seorang yang tidak beriman sebelum itu atau tidak mengerjakan amalan yang baik dalam masa keimanannya. Katakanlah: Tunggulah kamu (Apa yang dijanjikan Allah) dan kami juga turut menunggunya."(158)

Kemudian ayat selanjutnya mengumumkan dasar pemisahan di antara Rasulullah s.a.w., di antara agama yang dibawa olehnya dan di antara umat Muslimin dengan kaum Musyrikin yang melakukan perbuatan menghalalkan dan mengharamkan tanpa berlandaskan syari'at Allah. Mereka mengadakan undang-undang dan peraturan sendiri kemudian mendakwakannya sebagai undang-undang dan peraturan dari Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ فَرَّقُواْ دِينَهُمۡ وَكَانُواْ شِيَعٗا لَّسۡتَ مِنۡهُمۡ فِي شَيۡءٍۚ إِنَّمَآ أَمۡرُهُمۡ إِلَى ٱللَّهِ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ١٥٩

"Sesungguhnya orang-orang yang memecahbelahkan agama mereka dan berpecah kepada berbagai-bagai puak, maka engkau sekali-kali tidak termasuk dalam golongan mereka dalam sesuatu apa pun. Sesungguhnya persoalan mereka dipulangkan kepada Allah, kemudian Allah akan memberitahu mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka."(159)

Demikianlah dasar pemisahan itu diumumkan dengan tegas:

لَّسۡتَ مِنۡهُمۡ فِي شَيۡءٍۚ

"Engkau sama sekali tidak termasuk dalam golongan mereka dalam suatu apa pun."(159)

Pada akhir rangkaian kumpulan ayat-ayat ini seluruhnya, iaitu kumpulan ayat-ayat yang berdepan dengan persoalan undang-undang dan peraturan (sembelihan-sembelihan) yang pada lahirnya kelihatan kecil, di susul pula dengan pernyataan yang lengkap dan syumul mengenai persoalan 'aqidah dan agama seluruhnya yang tersemat dalam hati iaitu agama yang menterjemahkan 'aqidah ini kepada undang-undang dan peraturan hidup manusia:

قُلۡ إِنَّنِي هَدَىٰنِي رَبِّيٓ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ دِينٗا قِيَمٗا مِّلَّةَ إِبۡرَٰهِيمَ حَنِيفٗاۚ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١٦١ قُلۡ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحۡيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١٦٢ لَا شَرِيكَ لَهُۥۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرۡتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ١٦٣ قُلۡ أَغَيۡرَ ٱللَّهِ أَبۡغِي رَبّٗا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيۡءٖۚ وَلَا تَكۡسِبُ كُلُّ نَفۡسٍ إِلَّا عَلَيۡهَاۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٞ وِزۡرَ أُخۡرَىٰۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرۡجِعُكُمۡ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ فِيهِ تَخۡتَلِفُونَ ١٦٤

"Katakanlah! Aku telah di tunjuk oleh Tuhanku ke jalan yang lurus, iaitu agama yang benar, agama Ibrahim yang tegak di atas tauhid dan dia sama sekali bukan dari golongan Musyrikin (161). Katakanlah! Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah untuk Allah Tuhan Pemelihara semesta alam (162). Tiada sekutu bagi Allah. Demikianlah aku diperintah dan akulah orang yang pertama dari golongan Muslimin (163). Katakanlah! Apakah pantas bagiku mencari Tuhan selain Allah, sedangkan Dialah Tuhan yang memelihara segala sesuatu. Dan setiap orang tidak mengerjakan dosa melainkan Dialah sendiri yang menanggungnya dan tiada seorang pun yang berdosa dapat menanggung dosa orang lain. Kemudian kamu akan kembali kepada Tuhan kamu dan Dia akan memberitakan kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu (164). Dialah yang melantik kamu sebagai khalifah-khalifah di bumi dan mengangkatkan darjat-darjat setengah kamu mengatasi setengah yang lain kerana Dia hendak menguji kamu dalam ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat pantas hukuman-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(165)

Itulah beberapa persoalan mengenai 'aqidah dan agama, mengenai dunia dan Akhirat, mengenai hidup dan mati, mengenai amalan dan balasan, mengenai ibadat dan perilaku. Semuanya dicantumkan dalam sistem hidup Rabbani yang digunakannya sebagai pernyataan yang hebat dan menarik terhadap persoalan kuasa Hakimiyah dan kuasa perundangan mengenai perkara-perkara yang paling mudah dalam kegiatan hidup seharian juga mengenai peraturan makan dan minumnya. Ini disebabkan kerana ia merupakan persoalan Uluhiyah dan Rububiyah dalam bidang-bidang yang paling besar dan dalam situasi-situasinya yang paling penting.

Inilah gambaran Islam yang dibentangkan oleh sumber Rabbaniyah Al-Qur'anul-Karim.

(Pentafsiran ayat-ayat 111 - 113)

وَلَوْ أَنَّنَا نَزَّلْنَآ إِلَيْهِمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ وَكَلَّمَهُمُ ٱلْمَوْتَىٰ وَحَشَرْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَىْءٍ قُبُلًا مَّا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ يَجْهَلُونَ ﴿١١١﴾

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِىٍّ عَدُوًّا شَيَٰطِينَ ٱلْإِنسِ وَٱلْجِنِّ يُوحِى بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ زُخْرُفَ ٱلْقَوْلِ غُرُورًا ۚ وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾

وَلِتَصْغَىٰٓ إِلَيْهِ أَفْـِٔدَةُ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْـَٔاخِرَةِ وَلِيَرْضَوْهُ وَلِيَقْتَرِفُوا۟ مَا هُم مُّقْتَرِفُونَ ﴿١١٣﴾

"Dan jika Kami turunkan malaikat-malaikat kepada mereka dan jika orang-orang yang mati (bangkit) berbicara dengan mereka dan jika kumpulkan segala sesuatu di hadapan mereka nescaya mereka tidak juga beriman kecuali dikehendaki Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (111). Demikianlah Kami jadikan bagi setiap nabi musuh-musuh iaitu syaitan-syaitan dari jenis manusia dan jin yang membisikkan kata-kata yang indah terhadap satu sama lain dengan tujuan untuk menipu. Dan jika Allah kehendaki nescaya mereka tidak mampu melakukannya. Oleh itu tinggalkanlah mereka dan segala pembohongan yang diada-adakan mereka (112). Juga dengan tujuan supaya hati orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat mendengar bisikan itu dan supaya mereka merasa senang terhadapnya dan supaya mereka melakukan kejahatan yang dilakukan mereka."(113)

Ayat yang pertama menyempurnakan penjelasan kumpulan ayat-ayat yang lepas di akhir juzu' yang ke tujuh. Ia berhubungkait dengan permintaan kaum Musyrikin kepada Rasulullah s.a.w. agar beliau dapat menunjukkan mu'jizat-mu'jizat yang dikehendaki mereka supaya mereka dapat membenarkan da'wahnya, juga berhubungkait dengan tindakan mereka berulang-ulang kali bersumpah dengan nama Allah sambil menegaskan jika mu'jizat-mu'jizat itu datang nescaya mereka akan terus beriman. Ini menyebabkan sesetengah Muslimin bercita-cita agar Allah memenuhi permintaan kaum Musyrikin itu lalu mengesyorkan kepada Rasulullah agar beliau berdo'a kepada Allah supaya menunjukkan mu'jizat-mu'jizat yang dipinta mereka.

Kumpulan ayat-ayat itu menjelaskan begini:

وَأَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَٰنِهِمْ لَئِن جَآءَتْهُمْ ءَايَةٌ لَّيُؤْمِنُنَّ بِهَا ۚ قُلْ إِنَّمَا ٱلْـَٔايَٰتُ عِندَ ٱللَّهِ ۖ وَمَا يُشْعِرُكُمْ أَنَّهَآ إِذَا جَآءَتْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠٩﴾

وَنُقَلِّبُ أَفْـِٔدَتَهُمْ وَأَبْصَٰرَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُوا۟ بِهِۦٓ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَنَذَرُهُمْ فِى طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١١٠﴾

وَلَوْ أَنَّنَا نَزَّلْنَآ إِلَيْهِمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ وَكَلَّمَهُمُ ٱلْمَوْتَىٰ وَحَشَرْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَىْءٍ قُبُلًا مَّا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ يَجْهَلُونَ ﴿١١١﴾

"Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah dengan sumpah mereka yang bersungguh-sungguh jika datang mu'jizat (yang dipinta mereka), mereka akan tetap beriman dengannya. Katakanlah urusan mu'jizat itu hanya di sisi Allah sahaja dan apakah kamu tahu andainya mu'jizat itu datang, mereka tidak juga akan beriman?(109) Dan Kami jadikan hati dan pandangan mereka berbalik-balik (dan mereka tetap tidak beriman kepada Al-Qur'an) sebagaimana mereka tidak beriman kepadanya pada permulaan kali. Tinggalkanlah mereka terumbang-ambing dalam kesesatan mereka (110). Dan jika Kami turunkan malaikat-malaikat kepada mereka dan jika orang-orang yang mati (bangkit) berbicara dengan mereka dan jika Kami kumpulkan segala sesuatu di hadapan mereka nescaya mereka tidak juga beriman kecuali dikehendaki Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(111)

Ayat-ayat ini telah pun dihuraikan di penghabisan juzu' yang ke tujuh. Kini marilah kita memperkatakan hakikat-hakikat umum yang dibicarakan oleh ayat-ayat ini yang kami belum membuat pentafsirannya di sana.

Hakikat pertama: Keimanan atau kekufuran, hidayat atau kesesatan tidak bergantung kepada bukti-bukti dan dalil-dalil yang menunjukkan kebenarannya, kerana kebenaran merupakan bukti itu sendiri. Kebenaran mempunyai kekuatan yang menguasai hati manusia menerima, mempercayai dan tunduk kepadanya, namun demikian, di sana terdapat halangan-halangan lain yang menghalangkan hati mereka dari menerima kebenaran. Halangan-halangan itu telah diterangkan Allah kepada kaum mu'minin (dalam ayat yang berikut):

"Dan apakah kamu tahu andainya mu'jizat itu datang, mereka tidak juga akan beriman."(109)

وَنُقَلِّبُ أَفْـِٔدَتَهُمْ وَأَبْصَـٰرَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُوا۟ بِهِۦٓ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَنَذَرُهُمْ فِى طُغْيَـٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١١٠﴾

"Dan Kami jadikan hati dan pandangan mereka berbalik-balik (dan mereka tetap tidak beriman kepada Al-Qur'an) sebagaimana mereka tidak beriman kepadanya di permulaan kali. Tinggalkanlah mereka terumbang-ambing dalam kesesatan mereka."(110)

Maksudnya, kekufuran yang telah ditunjukkan mereka pada permulaan kali, dan telah menghalangkan mereka dari hidayat, maka perbuatan itu mungkin berulang lagi selepas turunnya mu'jizat (yang dipinta mereka) dan kekufuran sekali lagi akan menghalangkan mereka dari hidayat.

Bukti-bukti yang menyarankan keimanan memang telah wujud dalam hati mereka, juga wujud dalam kebenaran itu sendiri, ia bukannya bergantung kepada faktor-faktor luaran. Oleh sebab itu segala usaha harus ditumpukan kepada hati untuk mengubati penyakit-penyakitnya dan menghapuskan faktor-faktor yang menghalangkannya dari menerima hidayat.

Manusia Dikurniakan Kebebasan Memilih Untuk Diuji

Hakikat kedua: Kehendak masyi'ah Allah merupakan asas rujukan terakhir dalam urusan hidayat dan kesesatan, kerana kehendak masyi'ah Allah telah memutuskan untuk menguji manusia melalui kebebasan memilih dan daya utama yang dikurniakan sekadar yang wajar kepada mereka. Cara menggunakan kebebasan yang dikurniakan Allah itulah yang menjadi tempat Allah menguji dan menduga manusia. Jika ia menggunakan kebebasan itu untuk menjuruskan batinnya ke arah menyintai dan meminati hidayat - walaupun di waktu itu ia belum mengetahui di mana ia berada, maka kehendak masyi'ah Allah telah memutuskan untuk memimpin tangannya, membantu dan menunjukkannya ke jalan Allah. Dan sesiapa menggunakan kebebasan itu untuk membencikan hidayat dan menepikan dalil-dalil dan saranan-saranan yang menyeru kepada hidayat, maka kehendak masyi'ah Allah telah memutuskan untuk menyesatkan dan menjauhkannya dari jalan Allah dan membiarkannya terumbang-ambing dalam gelap-gelita kesesatan. Iradat dan peraturan perencanaan Allah melingkungi manusia dalam segala keadaan, dan segala urusan pada akhirnya dikembalikan kepada-Nya.

Hakikat ini diisyaratkan dalam firman Allah yang berikut:

وَنُقَلِّبُ أَفْـِٔدَتَهُمْ وَأَبْصَـٰرَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُوا۟ بِهِۦٓ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَنَذَرُهُمْ فِى طُغْيَـٰنِهِمْ

"Dan Kami jadikan hati dan pandangan mereka berbalik-balik (dan mereka tetap tidak beriman kepada Al-Qur'an) sebagaimana mereka tidak beriman kepadanya pada permulaan kali. Tinggalkanlah mereka terumbang-ambing dalam kesesatan mereka."(110)

Juga diisyaratkan dalam firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّنَا نَزَّلْنَآ إِلَيْهِمُ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةَ وَكَلَّمَهُمُ ٱلْمَوْتَىٰ وَحَشَرْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَىْءٍ قُبُلًا مَّا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ يَجْهَلُونَ ﴿١١١﴾

"Dan jika Kami turunkan malaikat-malaikat kepada mereka dan jika orang-orang yang mati (bangkit) berbicara dengan mereka dan jika Kami kumpulkan segala sesuatu di hadapan mereka nescaya mereka tidak juga beriman kecuali dikehendaki Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(111)

Hakikat ini juga diisyaratkan dalam ayat sebelum ini:

ٱتَّبِعْ مَآ أُوحِىَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۖ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ وَأَعْرِضْ عَنِ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٦﴾ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَآ أَشْرَكُوا۟ ۗ وَمَا جَعَلْنَـٰكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ۖ وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِوَكِيلٍ ﴿١٠٧﴾

"(Wahai Muhammad) ikutilah segala apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu, tiada Tuhan selain Dia dan berpalinglah dari orang-orang Musyrikin (106). Dan andainya Allah kehendaki nescaya mereka tidak mempersekutukan-Nya dan Kami tidak melantikkan engkau sebagai penjaga mereka dan engkau juga bukan pengawas yang mengawal mereka."(107)

Dan isyarat ini juga diulangi dalam kumpulan ayat-ayat ini dalam firman-Nya yang berikut:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِىٍّ عَدُوًّا شَيَـٰطِينَ ٱلْإِنسِ وَٱلْجِنِّ يُوحِى بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ زُخْرُفَ ٱلْقَوْلِ غُرُورًا ۚ وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾

"Demikianlah Kami jadikan bagi setiap nabi musuh-musuh dari jenis manusia dan jin yang membisikkan kata-kata yang indah terhadap satu sama lain dengan tujuan untuk menipu. Dan jika Allah kehendaki nescaya mereka tidak mampu melakukannya. Oleh itu tinggalkanlah mereka dan pembohongan yang diada-adakan mereka."(112)

Tiada Percanggahan Di Antara Kehendak Allah Dan Kebebasan Memilih Yang Dikurniakan Kepada Manusia

Seluruh urusan ini bergantung kepada kehendak masyi'ah Allah, Dialah yang menghendaki mereka tidak mendapat hidayat, kerana mereka tidak berusaha melakukan sebab-sebab yang membawa mereka kepada hidayat, dan Dialah yang menghendaki membiarkan mereka menggunakan kebebasan memilih sebagai ujian terhadap mereka. Dialah yang memberi hidayat kepada mereka apabila mereka bersungguh-sungguh mencari hidayat dan Dialah yang menyesatkan mereka apabila mereka memilih kesesatan. Di sini tidak ada percanggahan - mengikut kefahaman Islam - di antara kebebasan kehendak masyi'ah Allah dengan kebebasan memilih yang dikurniakan Allah kepada mereka dengan tujuan untuk menguji mereka.[3]

Hakikat ketiga: Orang-orang yang ta'at dan orang-orang yang melanggar perintah Allah adalah kedua-duanya berada dalam genggaman kekuasaan Allah. Mereka tidak berkuasa mengadakan sesuatu kecuali dengan peraturan dan perencanaan Allah mengikut kehendak masyi'ah-Nya yang menggariskan undang-undang bagi mengendalikan urusan para hamba-Nya, tetapi orang-orang yang beriman dapat menyelaraskan diri mereka - dengan kebebasan yang dikurniakan kepada mereka - di antara kepatuhan yang dilakukan mereka secara terpaksa, iaitu patuh kepada kuasa Allah yang menguasai keadaan-keadaan diri mereka, pergerakan sel-sel anggota tubuh badan mereka, Tabi'at-Tabi'at struktur jiwa raga mereka, dengan kepatuhan yang dilakukan mereka secara sukarela, iaitu kepatuhan yang dianggap mereka sebagai kewajipan yang lahir dari ma'rifat, hidayat dan pilihan hati mereka yang bebas. Dengan penyelarasan ini orang-orang yang beriman dapat hidup aman damai dengan diri mereka, kerana kepatuhan yang dilakukan mereka secara terpaksa dan kepatuhan yang dilakukan mereka secara sukarela adalah kepatuhan yang menta'ati satu undang-undang, satu kuasa dan satu kerajaan Allah sahaja, sedangkan orang-orang yang tidak beriman mereka terpaksa mengikut undang-undang Allah yang mengendalikan fitrah mereka yang dipaksakan ke atas mereka. Mereka tidak mampu keluar dari undang-undang ini kerana ia menguasai dan mengendalikan struktur jasmani mereka dan kehendak-kehendak semula jadi mereka, tetapi dalam bidang kegiatan hidup, di mana mereka diberi kebebasan memilih untuk menentukannya, mereka tidak mematuhi kuasa Allah yang digariskan dalam sistem hidup dan undang-undang syari'at-Nya. Keadaan hidup dengan syakhsiyah yang memberi kepatuhan yang berbelah bagi ini menyebabkan mereka hidup dalam keadaan menderita dan celaka, namun demikian mereka tidak terlepas dari genggaman kekuasaan Allah, mereka tidak mampu menggugatkan kekuasaan itu dan tidak mampu mengadakan sesuatu melainkan dengan peraturan dan perencanaan Allah.

Hakikat yang ketiga ini merupakan hakikat yang amat penting dalam persoalan-persoalan yang dibicarakan oleh bahagian ayat-ayat yang baki dari surah ini. Oleh sebab itu hakikat ini diulang berkali-kali di berbagai-bagai tempat dengan berbagai-bagai gambaran, kerana seluruh bahagian ayat ini - sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini - membicarakan persoalan Uluhiyah dan kuasa-Nya dalam kehidupan manusia dan syari'at yang dihayati mereka, dan justeru itu ayat ini menjelaskan bahawa seluruh kuasa itu milik Allah termasuk kuasa yang menguasai entiti orang-orang yang derhaka dan menyeleweng dari jalan Allah dan syari'at-Nya. Mereka tidak dapat mengganggu para hamba kesayangan Allah melainkan mengikut apa yang dikehendaki Allah. Mereka adalah terlalu lemah dan tidak mempunyai sebarang kuasa ke atas diri mereka sendiri, apatah lagi ke atas orang-orang yang beriman. Hanya kehendak masyi'ah Allah sahaja yang menguasai orang-orang yang ta'at dan orang-orang yang derhaka.

Ujar Abu Jaafar Muhammad ibn Jarir at-Tabari ketika mentafsirkan maksud ayat:

وَلَوْ أَنَّنَا نَزَّلْنَآ إِلَيْهِمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ وَكَلَّمَهُمُ ٱلْمَوْتَىٰ وَحَشَرْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَىْءٍ قُبُلًا مَّا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ يَجْهَلُونَ ﴿١١١﴾

"Dan jika Kami turunkan malaikat-malaikat kepada mereka dan jika orang-orang yang mati (bangkit) berbicara dengan mereka dan jika Kami kumpulkan segala sesuatu di hadapan mereka nescaya mereka tidak juga beriman kecuali dikehendaki Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(111)

(Allah S.W.T. berfirman kepada Nabi-Nya Muhammad s.a.w.: Wahai Muhammad! Janganlah engkau menaruh harapan berjaya dengan mereka yang menyamakan Allah Tuhan mereka dengan patung-patung dan berhala-hala dan pernah menegaskan kepada engkau: Jika engkau membawa mu'jizat nescaya kami akan tetap beriman. Sebenarnya jika Kami turunkan malaikat-malaikat dan mereka dapat melihat mereka dengan mata kepala mereka dan jika Kami hidupkan kembali orang-orang yang mati berbicara dengan mereka sebagai hujah kebenaran engkau dan sebagai bukti kenabian engkau lalu orang-orang yang mati itu mengatakan kepada mereka bahawa segala apa yang di katakan engkau itu adalah benar belaka dan segala

---

[3] *Lihat bab " التوازن " dalam buku " خصائص التصوير الإسلامي ومقوماته " bahagian pertama.*

pengajaran yang dibawa oleh engkau adalah semuanya dari Allah, dan seterusnya jika Kami kumpulkan segala sesuatu di hadapan mereka nescaya mereka tetap tidak beriman juga kepada engkau. Mereka tidak akan percaya kepada engkau dan tidak akan mengikut engkau kecuali dikehendaki Allah. "Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui." Di sini Allah menegaskan bahawa kebanyakan kaum Musyrikin tidak mengetahui hakikat ini, malah mereka beranggapan bahawa urusan iman dan kufur itu terletak di tangan mereka, jika mereka mahu mereka beriman dan jika mereka tidak mahu mereka tidak beriman, sedangkan hakikat yang sebenar tidak begitu, malah urusan iman dan kufur adalah terletak dalam kekuasaan Allah, tiada siapa di antara mereka yang beriman melainkan dengan taufik dan hidayat-Nya dan tiada yang kufur melainkan kerana Allah telah menggagalkannya dari mendapat hidayat dan menyebabkannya menjadi sesat).

Prinsip yang dikemukakan oleh Ibn Jarir di sini adalah suatu prinsip yang betul, tetapi memerlukan penjelasan tambahan seperti penjelasan yang telah kami kemukakan tadi berdasarkan keterangan yang dipetik dalam berbagai-bagai nas Al-Qur'an mengenai persoalan-persoalan hidayat, kesesatan, kehendak Allah dan usaha manusia yang menunjukkan bahawa keimanan merupakan suatu peristiwa dan kesesatan juga merupakan suatu peristiwa, dan tiada suatu yang berlaku di alam buana ini melainkan dengan kehendak masyi'ah Allah:

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan segala sesuatu dengan perencanaan yang rapi."

(Surah al-Qamar: 49)

Adapun undang-undang yang menjadi asas perencanaan yang menentukan si anu itu beriman dan si anu ini sesat, maka ia telah dijelaskan oleh berbagai-bagai nas Al-Qur'an, iaitu seseorang manusia adalah diuji dengan kebebasan memilih arah tuju masing-masing. Oleh itu sesiapa yang menuju ke arah hidayat dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan hidayat nescaya Allah akan menunjukkan jalan hidayat kepadanya dan dia akan berjaya mendapatkannya mengikut undang-undang dan perencanaan yang digariskan Allah. Dan dalam kedua-dua arah tuju itu setiap manusia tetap berada dalam genggaman kekuasaan Allah dan seluruh hidupnya tetap berlangsung mengikut undang-undang dan perencanaan Allah sesuai dengan kehendak masyi'ah-Nya yang bebas, juga sesuai dengan undang-undang yang diaturkan oleh kehendak masyi'ah-Nya yang bebas.

* * * * * *

Kemudian datang pula dua ayat selanjutnya dari rangkaian ayat-ayat surah ini. Dari satu aspek kedua-dua ayat itu merupakan ayat-ayat yang menyempurnakan penjelasan mengenai konsep-konsep dan hakikat-hakikat yang dibicarakan oleh kumpulan ayat-ayat yang lepas yang telah selesai kami huraikan sebentar tadi, dan dari satu aspek yang lain pula kedua-duanya merupakan sebagai kata pengantar bagi persoalan-persoalan 'aqidah yang dihubungkaitkan dengan persoalan-persoalan kuasa, syari'at dan Hakimiyah, iaitu persoalan-persoalan yang dibicarakan oleh ayat-ayat yang baki dari surah ini.

Kedua-dua ayat itu ialah:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَٰطِينَ ٱلْإِنسِ وَٱلْجِنِّ يُوحِى بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ زُخْرُفَ ٱلْقَوْلِ غُرُورًا ۚ وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾

وَلِتَصْغَىٰٓ إِلَيْهِ أَفْـِٔدَةُ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ وَلِيَرْضَوْهُ وَلِيَقْتَرِفُوا۟ مَا هُم مُّقْتَرِفُونَ ﴿١١٣﴾

"Demikianlah Kami jadikan bagi setiap nabi musuh-musuh iaitu syaitan-syaitan dari jenis manusia dan jin yang membisikkan kata-kata yang indah terhadap satu sama lain dengan tujuan untuk menipu. Dan jika Allah kehendaki nescaya mereka tidak mampu melakukannya. Oleh itu tinggalkanlah mereka dan segala pembohongan yang diada-adakan mereka (112). Juga dengan tujuan supaya hati orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat mendengar bisikan itu dan supaya mereka merasa senang terhadapnya dan supaya mereka melakukan kejahatan yang dilakukan mereka."(113)

Maksudnya, demikianlah Kami telah mengatur perencanaan Kami, iaitu kaum Musyrikin yang menggantungkan keimanan mereka dengan kedatangan mu'jizat-mu'jizat dan mengabaikan bukti-bukti hidayat dan kejadian-kejadian alam buana dan diri manusia yang menyarankan hidayat, tidak akan beriman walaupun setelah datangnya segala mu'jizat yang dipinta oleh mereka.

Setiap Rasul Ditentang Oleh Syaitan-syaitan, Manusia Dan Jin

Sebagaimana Kami telah mengaturkan undang-undang dan perencanaan Kami terhadap kaum Musyrikin, maka Kami aturkan pula undang-undang dan perencanaan Kami terhadap para nabi, iaitu setiap nabi mempunyai musuh-musuh yang terdiri dari syaitan-syaitan dari jenis manusia dan jin, dan Kami telah menetapkan bahawa syaitan-syaitan itu akan membisikkan kata-kata yang indah terhadap satu sama lain dengan tujuan untuk menipu mereka dan menghasut mereka supaya memerangi utusan-utusan Allah dan menentang hidayat. Kami juga menetapkan bahawa bisikan kata-kata mereka yang indah itu akan didengar oleh hati orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat dan merasa senang terhadapnya, dan supaya mereka terus melakukan

tindakan-tindakan mereka yang jahat memusuhi utusan-utusan Allah dan menentang kebenaran, mem-perjuangkan kesesatan dan melakukan kefasadan di bumi.

Semuanya ini berlaku dengan peraturan dan perencanaan Allah sesuai dengan kehendak masyi'ah-Nya, dan jika Allah kehendaki tentulah mereka tidak mampu melakukannya dan tentulah kehendak masyi'ah, undang-undang dan perencanaan Allah terus berkuatkuasa tanpa wujudnya segala yang berlaku ini. Dan segala apa yang berlaku itu bukanlah berlaku secara kebetulan dan tiada suatu pun dari apa yang telah berlaku itu berlaku dengan qudrat kuasa manusia.

Apabila ternyata bahawa pergolakan terus menerus berlaku di bumi tanpa reda di antara para utusan Allah yang memperjuangkan kebenaran dan para syaitan manusia dan jin yang memperjuangkan kebatilan dengan menggunakan kata-kata yang indah dan tipudaya yang licin, maka ternyata pula bahawa segala pergolakan yang berlaku itu adalah berlaku dengan kehendak masyi'ah, undang-undang dan perencanaan Allah. Oleh sebab itu setiap Muslim harus berusaha memerhati dan memikirkan hikmat-hikmat Allah yang wujud di sebalik kejadian-kejadian yang berlaku setelah ia memahami Tabi'at kejadian-kejadian yang berlaku itu.

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَٰطِينَ ٱلْإِنسِ وَٱلْجِنِّ يُوحِي بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ زُخْرُفَ ٱلْقَوْلِ غُرُورًا

"Demikian Kami jadikan bagi setiap nabi musuh-musuh iaitu syaitan-syaitan dari jenis manusia dan jin yang membisikkan kata-kata yang indah terhadap satu sama dengan tujuan untuk menipu."(112)

Pengertian Kata-kata Syaitan

Maksudnya, kehendak Kami dan perencanaan Kami telah menetapkan untuk mewujudkan musuh-musuh kepada setiap utusan Allah yang terdiri dari syaitan-syaitan manusia dan jin. Perkataan "syaitan" mengandungi pengertian sifat-sifat menderhaka, menghasut, menggoda, dan memusatkan kegiatan dalam kerja-kerja jahat semata-mata. Sifat-sifat ini terdapat pada manusia di samping terdapat pada makhluk jin. Jika mana-mana jin yang menderhaka, memusatkan kegiatan dalam kerja-kerja yang jahat, menipu, menghasut dan menggoda, di namakan syaitan, maka begitu juga manusia dinamakan syaitan apabila ia menderhaka, memusatkan kegiatan dalam kerja-kerja yang jahat, menghasut dan menggoda, malah haiwan juga digelar syaitan apabila ia mengganas, memberontak dan mengancam keselamatan umum. Tersebut dalam sebuah hadith:

الكلب الأسود شيطان

"Anjing hitam itu syaitan."

Syaitan-syaitan manusia dan jin yang dijadikan Allah sebagai musuh kepada setiap nabi itu sentiasa bertindak menipu satu sama lain dengan menggunakan kata-kata yang indah yang dibisikkan di antara sesama mereka. Bisikan itu bertujuan menanamkan pengaruh dalaman yang dapat dipindahkan dari seorang ke seorang yang lain. Mereka memperdaya dan menghasut satu sama lain supaya menderhaka, menipu dan melakukan kejahatan dan maksiat.

Syaitan-syaitan manusia memang dikenali umum dan dapat disaksikan oleh kita di bumi ini. Contoh-contoh permusuhan mereka terhadap setiap utusan Allah, terhadap kebenaran dan terhadap orang-orang yang beriman juga memang diketahui umum dan dapat di lihat manusia di setiap zaman.

Tetapi syaitan-syaitan jin dan makhluk jin seluruhnya adalah makhluk ghaib dari rahsia-rahsia ghaib yang tersimpan di sisi Allah, kita tidak mengetahui tentang mereka melainkan sekadar makluman yang diberitakan Allah kepada kita. Allah sahaja yang memiliki anak kunci rahsia-rahsia ghaib dan tiada siapa yang mengetahuinya melainkan Dia.

Makhluk Jin Di Luar Daerah Pengetahuan Manusia

Adapun orang-orang yang berperisaikan "sains" untuk menolak penjelasan Allah tentang makhluk yang ghaib ini, maka kita tidak mengetahui apakah alasan yang dipegang mereka, kerana ilmu manusia tidak dapat mendakwa bahawa mereka telah mengetahui segala jenis makhluk yang hidup di planet bumi ini. Begitu juga ilmu manusia tidak mengetahui apakah jenis makhluk yang ada di bintang-bintang yang lain. Apa yang dapat diandaikan oleh manusia ialah sekadar mengatakan bahawa jenis hidup-hidupan yang ada di bumi ini mungkin atau tidak mungkin ada di planet-planet dan bintang-bintang yang lain. Ilmu manusia tidak boleh menolak walaupun andaian-andaian itu kuat kemungkinan adanya hidup-hidupan yang lain mendiami di sudut-sudut yang lain di alam ini yang tidak diketahui sedikit pun oleh ilmu mereka. Oleh itu adalah satu perbuatan yang angkuh dan sumbang jika ada orang yang mahu menolak atas nama sains kemungkinan adanya alam-alam makhluk hidup yang lain.

Mengenai Tabi'at makhluk yang bernama jin yang setengahnya menderhaka dan memusatkan seluruh kegiatannya dalam kerja-kerja yang jahat dan kerja-kerja menghasut dan menggoda seperti iblis dan zuriatnya - sama seperti setengah manusia yang menderhaka dan melanggar perintah Allah - maka kita tidak mempunyai maklumat tentang mereka melainkan sekadar penjelasan-penjelasan yang benar yang datang dari Allah S.W.T. dan dari Rasulullah s.a.w. sahaja.

Kita dapat mengetahui dari penjelasan-penjelasan itu bahawa makhluk jin dijadikan Allah dari pucuk api yang amat panas dan mereka dibekalkan dengan daya qudrat yang membolehkan mereka hidup di bumi, di dalam bumi dan juga di luar bumi dan mereka dapat bergerak di dalam ruangan-ruangan ini lebih pantas dari manusia. Di antara makhluk jin itu ada golongan jin-jin yang soleh dan beriman dan ada pula golongan jin-jin yang menjadi syaitan-syaitan yang menderhaka. Mereka boleh melihat manusia tetapi manusia tidak dapat melihat mereka dalam rupa bentuk mereka yang asli, dan memang banyak makhluk-makhluk yang melihat manusia tetapi manusia tidak dapat melihatnya. Jin-jin yang menjadi syaitan-syaitan itu dapat mempengaruhi manusia dengan tindak-tanduk memperdaya dan menyesatkan mereka. Mereka dapat menyampaikan bisikan-bisikan dan saranan-saranan yang jahat kepada manusia dengan cara yang tidak diketahui oleh kita, tetapi, syaitan-syaitan itu tidak dapat mempengaruhi orang-orang yang beriman yang sentiasa mengingati Allah. Cara syaitan bertindak terhadap orang yang beriman ialah apabila ia mengingati Allah, syaitan akan terus berundur dan menghilangkan diri, sebaliknya apabila ia lalai dari mengingati Allah, syaitan akan muncul mempengaruhinya dengan bisikan-bisikan yang jahat. Seorang mu'min yang mengingati Allah menjadi begitu kuat dari dipengaruhi tipu daya syaitan yang lemah. Seterusnya kita mengetahui bahawa alam jin akan di kumpul dan dihisabkan bersama alam manusia dan akan dibalas dengan Syurga sama seperti makhluk manusia. Dan apabila makhluk jin dibandingkan dengan makhluk malaikat, maka makhluk jin kelihatan begitu lemah dan tidak berdaya upaya.

Dalam ayat (112) tadi kita dapat mengetahui Allah S.W.T. telah mengadakan musuh-musuh bagi setiap nabi yang terdiri dari syaitan-syaitan manusia dan jin dan Allah memang berkuasa jika Dia kehendaki untuk menjadikan syaitan-syaitan itu tidak dapat berbuat apa-apa; tidak menderhaka, tidak hanya melakukan kerja-kerja jahat sahaja, tidak memusuhi para anbiya', tidak menindas orang-orang yang beriman, tidak berusaha menyesatkan manusia dari jalan Allah, malah Allah S.W.T. juga berkuasa memaksa mereka menerima hidayat atau memberi hidayat jika mereka memilih hidayat atau menjadikan mereka lemah tidak mampu menentang para anbiya', menentang kebenaran dan menentang orang-orang yang beriman, tetapi Allah S.W.T. telah memberi kebebasan memilih kepada mereka dan memberi peluang kepada mereka bertindak bebas menyakiti hamba-hamba kesayangan Allah sekadar yang ditetapkan oleh kehendak masyi'ah, undang-undang dan perancangan-Nya. Dan Allah telah menetapkan untuk menguji hamba-hamba kesayangan-Nya dengan gangguan-gangguan dari musuh-musuh-Nya sebagaimana Allah menguji musuh-musuh-Nya dengan kebebasan memilih dan qudrat kuasa yang dikurniakan kepada mereka. Oleh itu mereka tidak berkuasa mengganggu dan menyakiti hamba-hamba kesayangan Allah melainkan sekadar yang ditetapkan Allah:

"Dan jika Allah kehendaki nescaya mereka tidak mampu melakukannya."(112)

Apakah kesimpulan-kesimpulan yang dapat kita ambil dari penjelasan Al-Qur'an ini?

- Kesimpulan pertama yang dapat kita ambil ialah orang-orang yang memusuhi para nabi dan menyakiti pengikut-pengikut para nabi adalah syaitan-syaitan, iaitu syaitan-syaitan dari jenis manusia dan jin. Seluruh ·syaitan itu melaksanakan satu tugas yang sama, iaitu mereka menipu dan menyesatkan satu sama lain di samping melakukan kerja-kerja menderhaka, menghasut, menggoda dan memusuhi hamba-hamba kesayangan Allah.

- Kesimpulan yang kedua: Seluruh syaitan itu tidak dapat melakukan sesuatu apa pun dari kerja-kerja itu, tidak mampu memusuhi para nabi dan menindas pengikut-pengikut mereka dengan qudrat kuasa dari diri mereka sendiri, kerana mereka berada dalam genggaman kekuasaan Allah. Melalui mereka Allah menguji hamba-hamba kesayangan-Nya kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki-Nya, iaitu untuk menguji mutu keimanan mereka, untuk membersihkan hati mereka dan menduga kesabaran mereka memperjuangkan kebenaran yang diamanahkan kepada mereka. Oleh sebab itu apabila mereka berjaya menempuh ujian itu dengan gigih nescaya ujian itu diangkatkan Allah dari mereka dan musuh-musuh mereka terus menjadi lemah dan gagal mengganggu dan menindas mereka lebih dari apa yang telah ditetapkan Allah. Musuh-musuh Allah akan pulang dengan kelemahan dan kegagalan serta menanggung beban dosa di atas belakang mereka.

وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ

"Dan jika Allah kehendaki nescaya mereka tidak mampu melakukannya."(112)

- Kesimpulan yang ketiga: Hikmat kebijaksanaan Allah yang tulen telah menetapkan untuk memberi kebebasan kepada syaitan-syaitan manusia dan jin melakukan kegiatan liar dan menderhaka dan di sinilah Allah menguji mereka bagaimana mereka menggunakan kebebasan itu. Mereka dibiarkan bebas mengganggu dan menindas hamba-hamba kesayangan Allah dalam tempoh waktu yang tertentu untuk di lihat apakah mereka sabar dan gigih memperjuangkan kebenaran yang dibawa mereka, sedangkan kebatilan bermaharajalela menentang mereka? Apakah mereka dapat membersihkan hati mereka dari kepentingan-kepentingan peribadi dan memberikan diri mereka secara total kepada Allah sama ada di masa senang atau susah, sama ada ketika hati merasa senang atau bosan. Jika tidak kerana tujuan ujian, Allah memang

berkuasa menjadi apa yang telah berlaku itu tidak berlaku.

- Kesimpulan yang keempat ialah segala tipu daya dan gangguan syaitan-syaitan manusia dan jin itu tidak dilakukan mereka dengan kekuatan diri mereka sendiri dan mereka tidak mampu melakukan perbuatan itu melebihi dari apa yang telah dibenarkan Allah kepada mereka. Seseorang mu'min yang mengetahui hanya Allah sahaja yang berkuasa menentu dan mengizinkan, sewajarnya memandang kecil kepada gangguan-gangguan syaitan-syaitan itu walau sebesar mana kekuatan lahiriah mereka dan sejauh mana kuasa yang didakwa mereka. Oleh sebab inilah arahan tinggi yang berikut disampaikan kepada Rasulullah yang mulia:

فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾

"Oleh itu tinggalkanlah mereka dan segala pembohongan yang diada-adakan mereka."(112)

Maksudnya, jangan pedulikan mereka dan pembohongan mereka kerana Akulah yang berkuasa menghukum mereka dan menyediakan balasan untuk mereka.

- Di sana ada lagi satu hikmat yang lain selain dari hikmat untuk menguji syaitan-syaitan dan menguji orang-orang yang beriman, iaitu Allah telah menetapkan untuk mewujudkan permusuhan dan bisikan syaitan, juga mewujudkan angkara syaitan yang melakukan perdayaannya dengan menggunakan kata-kata yang indah dan tipu daya yang licin kerana sesuatu hikmat yang lain iaitu:

وَلِتَصْغَىٰٓ إِلَيْهِ أَفْـِٔدَةُ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْـَٔاخِرَةِ وَلِيَرْضَوْهُ وَلِيَقْتَرِفُوا۟ مَا هُم مُّقْتَرِفُونَ ﴿١١٣﴾

"Juga dengan tujuan supaya hati orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat mendengar bisikan itu dan supaya mereka merasa senang terhadapnya dan supaya mereka melakukan kejahatan yang dilakukan mereka."(113)

Maksudnya, supaya hati orang-orang yang tidak mempercayai hari Akhirat itu mendengar perdayaan dan bisikan syaitan-syaitan itu. Mereka menumpu seluruh minat mereka kepada kesenangan hidup dunia. Mereka melihat syaitan-syaitan di dunia ini mengganggu dan menentang setiap nabi di samping menindas pengikut-pengikutnya. Mereka memperdayakan satu sama lain dengan kata-kata yang manis dan tindak-tanduk menipu. Mereka tunduk kepada syaitan-syaitan dan tertarik kepada kata-kata palsu syaitan yang indah dan kuasa mereka yang mempesonakan melakukan dosa, kejahatan, maksiat dan kefasadan di bawah pengaruh saranan dan bisikan syaitan.

Ini adalah kehendak Allah dan beginilah Allah melaksanakan perencanaan-Nya untuk tujuan menguji dan menduga di samping tujuan untuk memberi peluang kepada setiap orang bertindak mengikut kebebasan masing-masing dan menerima balasan yang adil dan saksama.

Juga untuk tujuan agar kehidupan manusia menjadi baik melalui proses pertarungan, agar kebenaran terserlah dengan jelas melalui pengasingan, agar kebaikan tercapai melalui kesabaran, agar syaitan-syaitan itu memikul sepenuhnya dosa-dosa mereka pada hari Qiamat dan agar segala perkara yang berkaitan dengan musuh-musuh-Nya dan segala perkara yang berkaitan dengan orang-orang kesayangan-Nya berlaku mengikut kehendak masyi'ah-Nya. Itulah kehendak Allah dan Allah bebas melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya.

Al-Qur'an melukiskan pemandangan pertarungan di antara syaitan-syaitan manusia dan jin di satu pihak dan para nabi serta pengikut-pengikut mereka di satu pihak yang lain, dan kehendak masyi'ah Allah, undang-undang dan perencanaan-Nya di pihak yang ketiga. Pemandangan ini dengan segala pihaknya yang terlibat adalah satu pemandangan yang wajar untuk kita berhenti sebentar memikirkannya:

Itulah gambaran pertarungan, di mana kekuatan-kekuatan yang jahat di alam ini berkumpul dan berpadu dalam satu rangka kerjasama yang erat untuk melaksanakan satu rancangan tertentu, iaitu menentang dan memusuhi kebenaran yang digariskan di dalam risalah-risalah Allah yang dibawa oleh para anbiya'. Cara-cara pelaksanaan rancangan ini telah diatur begini.

يُوحِى بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ زُخْرُفَ ٱلْقَوْلِ غُرُورًا

"Membisikkan kata-kata yang indah terhadap satu sama lain dengan tujuan untuk menipu."(112)

Maksudnya, mereka saling membantu satu sama lain dalam mengendalikan cara-cara penipuan dan penyesatan dan sekaligus menyesatkan satu sama lain. Fenomena yang seperti ini dapat di lihat dalam mana-mana perpaduan kumpulan jahat yang bertujuan menentang dan memerangi kebenaran dan para pendukungnya. Syaitan-syaitan itu saling membantu satu sama lain ke arah jalan yang sesat. Mereka tidak pernah memimpin satu sama lain ke arah kebenaran, malah mereka menggalakkan satu sama lain untuk menentang dan memerangi kebenaran dan untuk terus bertarung melawan kebenaran dalam perjuangan yang berlarutan panjang.

Tetapi seluruh angkara tipudaya syaitan-syaitan itu tidak berlangsung dengan bebas lepas, malah dipagari dengan kehendak masyi'ah Allah, undang-undang dan perencanaan-Nya. Oleh sebab itu syaitan-syaitan tidak dapat berbuat apa-apa kecuali sekadar yang dibenarkan kehendak masyi'ah Allah dan perancangan-Nya. Justeru itu tipudaya syaitan itu

walau bagaimana besar sekalipun dan walau bagaimana kuat perpaduan kuasa-kuasa jahat antarabangsa untuk menentang kebenaran, namun ia tetap terikat dan terbatas. Ia tidak dapat bertindak semahu-mahunya sahaja tanpa kawalan dan pengawasan. Ia tidak dapat mengenakan bala bencana terhadap siapa sahaja yang disukainya tanpa disekat dan dihalang sebagaimana yang mahu digambarkan oleh penguasa-penguasa yang zalim kepada golongan manusia yang menyembah mereka dengan tujuan untuk menanam dalam hati mereka bahawa nasib mereka adalah terletak di atas kehendak dan kemahuan mereka. Tidak sekali-kali begitu, malah seluruh kehendak dan kemahuan mereka adalah terikat dengan kehendak masyi'ah Allah dan seluruh kuasa mereka dibatasi dengan undang-undang dan perencanaan Allah. Oleh kerana itu mereka tidak mampu menimpakan bala bencana ke atas hamba-hamba kesayangan Allah kecuali sekadar yang dikehendaki Allah dalam rangka tujuan untuk menguji keimanan mereka. Segala-galanya dirujukkan kepada kehendak Allah.

Pemandangan perpaduan untuk melaksanakan rancangan jahat yang diaturkan oleh syaitan-syaitan itu adalah wajar mendapat perhatian para pejuang kebenaran agar mereka dapat mengenal bentuk rancangan itu di samping mengenal saranan-saranan yang digunakan dalam rancangan itu. Begitu juga pemandangan kehendak masyi'ah Allah, undang-undang dan perencanaan-Nya yang berkuasa membatasi rancangan syaitan-syaitan dan tipu daya yang digunakan mereka adalah wajar membuat hati para pejuang kebenaran dipenuhi dengan rasa kepercayaan, ketenteraman dan keyakinan agar mereka sentiasa meletakkan hati dan mata mereka pada qudrat Allah Yang Maha Kuasa, perencanaan Allah yang sentiasa berkuatkuasa dan pada kekuatan kebenaran yang semulajadi di alam buana ini, dan agar membebaskan jiwa mereka dari bergantung kepada kehendak-kehendak syaitan, dan agar mereka meneruskan perjuangan mereka untuk menegakkan kebenaran di alam kenyataan manusia setelah selesai ditegakkan di dalam hati dan kehidupan mereka, Adapun tentang tindakan-tindakan permusuhan syaitan-syaitan dan angkara tipu daya mereka, maka tinggalkan sahaja perkara ini kepada kehendak masyi'ah Allah dan perencanaan-Nya.

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾

"Dan jika Allah kehendaki nescaya mereka tidak mampu melakukannya, oleh itu, tinggalkanlah mereka dan segala pembohongan yang di ada-adakan mereka."(112)

(Kumpulan ayat-ayat 114 - 127)

أَفَغَيْرَ اللَّهِ أَبْتَغِي حَكَمًا وَهُوَ الَّذِي أَنزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا وَالَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُ مُنَزَّلٌ مِّن رَّبِّكَ بِالْحَقِّ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿١١٤﴾

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَّا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١١٥﴾

وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مَن يَضِلُّ عَن سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١١٧﴾

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِن كُنتُم بِآيَاتِهِ مُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُم مَّا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ وَإِنَّ كَثِيرًا لَّيُضِلُّونَ بِأَهْوَائِهِم بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ ﴿١١٩﴾

وَذَرُوا ظَاهِرَ الْإِثْمِ وَبَاطِنَهُ إِنَّ الَّذِينَ يَكْسِبُونَ الْإِثْمَ سَيُجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا يَقْتَرِفُونَ ﴿١٢٠﴾

"Apakah wajar aku mencari hakim yang lain dari Allah, sedangkan Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu dengan penjelasan yang terperinci, dan orang-orang yang Kami kurniakan kitab suci kepada mereka memang mengetahui bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari Allah Tuhanmu dengan membawa kebenaran. Oleh sebab itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu-ragu terhadapnya (114). Kalimat Tuhanmu telah sempurna dari segi kebenaran dan keadilan. Tiada siapa yang berkuasa mengubahkan kalimat-Nya dan Dialah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (115). Jika engkau mengikut kebanyakan mereka di bumi ini nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Mereka hanya mengikut sangkaan semata-mata dan mereka tiada lain melainkan hanya berdusta (116). Sesungguhnya Tuhanmu itulah yang lebih mengetahui tentang orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui tentang orang-orang yang mendapat hidayat (117). Kerana itu makanlah sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya jika kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya (118). Mengapa kamu tidak mahu makan binatang sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya, sedangkan Allah telah pun menjelaskan kepada kamu makanan-makanan yang telah diharamkan

kepada kamu kecuali makanan yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya ramai orang yang mahu menyesatkan orang lain dengan hawa nafsu mereka tanpa berlandaskan ilmu pengetahuan. Dan sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui tentang golongan orang-orang yang menceroboh (119). Dan tinggalkanlah segala dosa, baik yang zahir mahupun yang batin. Sesungguhnya orang-orang yang mengerjakan dosa akan dibalaskan kerana dosa yang dilakukan mereka."(120)

وَلَا تَأۡكُلُواْ مِمَّا لَمۡ يُذۡكَرِ ٱسۡمُ ٱللَّهِ عَلَيۡهِ وَإِنَّهُۥ لَفِسۡقٞۗ وَإِنَّ ٱلشَّيَٰطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰٓ أَوۡلِيَآئِهِمۡ لِيُجَٰدِلُوكُمۡۖ وَإِنۡ أَطَعۡتُمُوهُمۡ إِنَّكُمۡ لَمُشۡرِكُونَ ﴿١٢١﴾

أَوَمَن كَانَ مَيۡتٗا فَأَحۡيَيۡنَٰهُ وَجَعَلۡنَا لَهُۥ نُورٗا يَمۡشِي بِهِۦ فِي ٱلنَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُۥ فِي ٱلظُّلُمَٰتِ لَيۡسَ بِخَارِجٖ مِّنۡهَاۚ كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلۡكَٰفِرِينَ مَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿١٢٢﴾

وَكَذَٰلِكَ جَعَلۡنَا فِي كُلِّ قَرۡيَةٍ أَكَٰبِرَ مُجۡرِمِيهَا لِيَمۡكُرُواْ فِيهَاۖ وَمَا يَمۡكُرُونَ إِلَّا بِأَنفُسِهِمۡ وَمَا يَشۡعُرُونَ ﴿١٢٣﴾

وَإِذَا جَآءَتۡهُمۡ ءَايَةٞ قَالُواْ لَن نُّؤۡمِنَ حَتَّىٰ نُؤۡتَىٰ مِثۡلَ مَآ أُوتِيَ رُسُلُ ٱللَّهِۘ ٱللَّهُ أَعۡلَمُ حَيۡثُ يَجۡعَلُ رِسَالَتَهُۥۗ سَيُصِيبُ ٱلَّذِينَ أَجۡرَمُواْ صَغَارٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعَذَابٞ شَدِيدُۢ بِمَا كَانُواْ يَمۡكُرُونَ ﴿١٢٤﴾

فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهۡدِيَهُۥ يَشۡرَحۡ صَدۡرَهُۥ لِلۡإِسۡلَٰمِۖ وَمَن يُرِدۡ أَن يُضِلَّهُۥ يَجۡعَلۡ صَدۡرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجٗا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي ٱلسَّمَآءِۚ كَذَٰلِكَ يَجۡعَلُ ٱللَّهُ ٱلرِّجۡسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿١٢٥﴾

وَهَٰذَا صِرَٰطُ رَبِّكَ مُسۡتَقِيمٗاۗ قَدۡ فَصَّلۡنَا ٱلۡأٓيَٰتِ لِقَوۡمٖ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٢٦﴾

لَهُمۡ دَارُ ٱلسَّلَٰمِ عِندَ رَبِّهِمۡۖ وَهُوَ وَلِيُّهُم بِمَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿١٢٧﴾

"Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya, kerana sesungguhnya perbuatan itu satu perbuatan yang fasiq. Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu sentiasa membisikkan kepada sahabat-sahabat setia mereka supaya berdebat dengan kamu dan andainya kamu tunduk kepada mereka nescaya kamu akan menjadi orang-orang yang mempersekutui Allah (121). Apakah orang yang telah mati yang kemudian Kami hidupkannya kembali dan Kami jadikan untuknya cahaya yang membolehkannya berjalan di tengah manusia itu sama dengan seorang yang berada dalam kegelapan-kegelapan yang tidak dapat ia keluar darinya? Demikianlah dijadikan orang-orang kafir itu memandang elok segala perbuatan, yang dilakukan mereka (122). Dan demikianlah Kami jadikan di dalam setiap negeri pembesar-pembesar yang jahat supaya mereka melakukan tipu daya di negeri itu dan sebenarnya mereka tidak melakukan tipu daya melainkan kepada diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar (123). Apabila datang kepada mereka (pembesar-pembesar yang jahat) sesuatu ayat mereka berkata: Kami tidak akan beriman sehingga kami dikurniakan (wahyu) seperti yang dikurniakan kepada sekalian utusan-utusan Allah. Allah lebih mengetahui di manakah hendak meletakkan risalah-Nya. Orang-orang yang melakukan kejahatan akan di timpa kehinaan dari Allah dan 'azab yang amat berat dengan sebab tipu daya yang dilakukan mereka (124). Oleh itu sesiapa yang Allah kehendaki memberi hidayat kepadanya nescaya. Dia melapangkan dadanya menerima Islam dan sesiapa yang Allah kehendaki menyesatkannya nescaya Dia jadikan dadanya sempit dan sesak seolah-olah ia sedang mendaki ke langit (tempat yang tinggi). Begitu juga Allah jadikan keseksaan ke atas orang-orang yang tidak beriman (125). Dan inilah jalan Tuhanmu yang lurus. Kami telah menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang sentiasa mengingati Allah (126). Mereka akan dikurniakan Syurga Darus-Salam di sisi Tuhan mereka yang menjadi Penaung mereka kerana amalan-amalan soleh yang dilakukan mereka."(127)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Kini tibalah kita pada persoalan yang dibicarakan oleh ayat-ayat yang baki dari surah ini, iaitu persoalan yang telah dikemukakan pendahuluannya secara teratur dalam semua rangkaian surah ini dan pendahuluan yang terakhir ialah penjelasan-penjelasan mengenai persoalan-persoalan 'aqidah yang besar, persoalan pertarungan 'aqidah yang berlarutan panjang di dalam dua ayat yang silam, persoalan hakikat kuasa Allah yang mutlak di dalam pertarungan yang berlaku di antara syaitan-syaitan manusia dan jin dengan setiap orang nabi, persoalan peraturan hidayat dan kesesatan dan persoalan Sunnatullah yang mengaturkan kesesatan dan hidayat dan sebagainya dari penjelasan-penjelasan yang kami telah kemukakan dalam lembaran-lembaran yang silam.

Kini kita tiba pada persoalan, di mana seluruh pendahuluan tadi menjadi asas dan landasannya. Persoalan ini ialah persoalan hukum halal dan haram mengenai binatang-binatang yang disembelih dengan disebut nama Allah dan yang disembelih tanpa disebut nama Allah. Persoalan ini amat penting dari sudut menegakkan dasar utama Islam iaitu dasar yang menetapkan bahawa kuasa Hakimiyah yang mutlak adalah tertentu kepada Allah sahaja, manusia tidak berhak mendakwa mempunyai kuasa ini atau mempraktikkan kuasa ini dalam apa bentuk sekalipun. Apabila persoalan ini merupakan persoalan dasar Hakimiyah, maka segala isu yang kecil menjadi sama seperti isu-isu yang besar dalam merealisasikan dasar ini atau menolaknya, kerana kedua-duanya sama sahaja dari segi dasar, iaitu kedua-duanya mengandungi hakikat mengi'tirafkan Uluhiyah Allah Yang Maha Esa atau menolaknya.

Methodologi Al-Qur'an amat banyak sekali berpegang dengan dasar ini untuk menjelaskannya dalam apa sahaja isu yang ada hubungkait dengannya dan Al-Qur'an tidak jemu-jemu mengulanginya bila sahaja ada isu yang berhubungkait dengan persoalan menentukan undang-undang dan peraturan sama ada kecil atau besar. Ini ialah kerana dasar Hakimiyah merupakan 'aqidah, merupakan agama dan merupakan Islam itu sendiri. Di sebalik dasar ini tiada suatu yang lain kecuali tugas mempraktikkan dasar Hakimiyah ini dan menjadikannya asas bagi segala peraturan cabang atau undang-undang kecil yang lain.

Kita akan dapati dalam kumpulan ayat-ayat ini dalam surah ini, di samping kita akan dapati dalam ayat-ayat yang baki sehingga akhirnya, bahawa dasar Hakimiyah ini disebut berulang-ulang kali dengan berbagai-bagai bentuk penjelasan ketika memperkatakan persoalan undang-undang, peraturan-peraturan dan tradisi-tradisi jahiliyah, di mana ternyata bahawa undang-undang, peraturan-peraturan dan tradisi-tradisi itu mempunyai kaitan yang rapat dengan persoalan syirik dan keengganan menerima Islam dan lahirnya undang-undang dan tradisi-tradisi ini dari titik tolak menegakkan Uluhiyah yang lain dari Uluhiyah Allah. Oleh sebab itulah Al-Qur'an melancarkan serangan yang keras ke atas persoalan-persoalan ini dengan berbagai-bagai cara penjelasan dan menghubungkannya dengan persoalan pokok i'tiqad, keimanan dan keIslaman.

* * * * * *

Rangkaian ayat-ayat ini memulakan penerangannya dengan menjelaskan bahawa hanya Allah sahaja yang memegang kuasa Hakimiyah di atas segala urusan hamba-Nya, dan penjelasan ini merupakan pendahuluan sebelum menjelaskan hakikat bahawa hanya Allah sahaja yang memegang kuasa Hakimiyah dalam urusan menetapkan hukum halal dan haram bagi binatang-binatang yang disembelih, iaitu kuasa yang diamalkan oleh kaum Musyrikin yang telah melakukan pembohongan terhadap Allah dan pencerobohan terhadap kuasa-Nya. Al-Qur'an membuat pendahuluan yang panjang sebelum menerangkan hakikat kuasa Hakimiyah Allah dalam persoalan sembelihan ini sebagaimana kita dapat perhatikan dari penerangan rangkaian ayat-ayat (berikut) di sini:

أَفَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْتَغِى حَكَمًا وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ إِلَيْكُمُ ٱلْكِتَٰبَ مُفَصَّلًا ۚ وَٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُۥ مُنَزَّلٌ مِّن رَّبِّكَ بِٱلْحَقِّ ۖ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ﴿١١٤﴾

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا ۚ لَّا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١١٥﴾

وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِى ٱلْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مَن يَضِلُّ عَن سَبِيلِهِۦ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١١٧﴾

فَكُلُوا۟ مِمَّا ذُكِرَ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ إِن كُنتُم بِـَٔايَٰتِهِۦ مُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

"Apakah wajar aku mencari hakim yang lain dari Allah, sedangkan Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu dengan penjelasan yang terperinci, dan orang-orang yang Kami kurniakan kitab suci kepada mereka memang mengetahui bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari Allah Tuhanmu dengan membawa kebenaran. Oleh sebab itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu-ragu terhadapnya (114). Kalimat Tuhanmu telah sempurna dari segi kebenaran dan keadilan. Tiada siapa yang berkuasa mengubahkan kalimat-Nya dan Dialah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (115). Jika engkau mengikut kebanyakan mereka di bumi ini nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Mereka hanya mengikut sangkaan semata-mata dan mereka tiada lain melainkan hanya berdusta (116). Sesungguhnya Tuhanmu itulah yang lebih mengetahui tentang orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui tentang orang-orang yang mendapat hidayat (117). Kerana itu makanlah sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya jika kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya."(118)

Semua pendahuluan ini dibuat sebelum memasuki ke dalam persoalan yang sebenar yang berlaku di masa itu dan menghubungkan persoalan itu secara

langsung dengan persoalan keimanan atau kekufuran:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُم مَّا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ

"Mengapa kamu tidak mahu makan binatang sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya, sedangkan Allah telah pun menjelaskan kepada kamu makanan-makanan yang telah diharamkan kepada kamu kecuali makanan yang kamu terpaksa memakannya?"(119)

Sebelum selesai membicarakan persoalan hukum halal dan haram mengenai binatang sembelihan yang dimulakan dengan semua pendahuluan itu, Al-Qur'an selingkan di antara dua ceraian ayat itu dengan beberapa arahan dan ulasan yang mengandungi perintah, larangan, pernyataan dan amaran-amaran:

وَإِنَّ كَثِيرًا لَّيُضِلُّونَ بِأَهْوَائِهِم بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ ﴿١١٩﴾

"Dan sesungguhnya ramai, orang yang mahu menyesatkan orang lain dengan hawa nafsu mereka tanpa berlandaskan ilmu pengetahuan. Dan sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui tentang golongan orang-orang yang menceroboh."(119)

وَذَرُوا ظَاهِرَ الْإِثْمِ وَبَاطِنَهُ إِنَّ الَّذِينَ يَكْسِبُونَ الْإِثْمَ سَيُجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا يَقْتَرِفُونَ ﴿١٢٠﴾

"Dan tinggalkanlah segala dosa, baik yang zahir mahupun yang batin. Sesungguhnya orang-orang yang mengerjakan dosa akan dibalaskan kerana dosa yang dilakukan mereka."(120)

Kemudian Al-Qur'an memulakan penjelasannya mengenai hukum-hukum sembelihan yang halal dan yang haram dimakan dan menghubungkannya secara langsung dengan persoalan keIslaman dan kesyirikan:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰ أَوْلِيَائِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ ﴿١٢١﴾

"Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihnya, kerana sesungguhnya perbuatan itu satu perbuatan yang fasiq. Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu sentiasa membisikkan kepada sahabat-sahabat setia mereka supaya berdebat dengan kamu dan andainya kamu tunduk kepada mereka nescaya kamu akan menjadi orang-orang yang mempersekutui Allah."(121)

Kemudian Al-Qur'an mengambil masa sebentar memperkatakan tentang Tabi'at kekufuran dan Tabi'at keimanan seolah-olah sebagai ulasan kepada persoalan hukum halal dan haram itu.

Dari pernyataan yang berturut-turut ini, juga dari pertalian dan penegasan ini dapatlah di lihat bagaimana pandangan Islam terhadap persoalan perundangan dan persoalan Hakimiyah dalam urusan hidup seharian.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 114 - 117)

أَفَغَيْرَ اللَّهِ أَبْتَغِي حَكَمًا وَهُوَ الَّذِي أَنزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا وَالَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُ مُنَزَّلٌ مِّن رَّبِّكَ بِالْحَقِّ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿١١٤﴾

"Apakah wajar aku mencari hakim yang lain dari Allah, sedangkan Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu dengan penjelasan yang terperinci dan orang-orang yang Kami kurniakan kitab suci kepada mereka memang mengetahui bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari Allah Tuhanmu dengan membawa kebenaran. Oleh sebab itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu terhadapnya."(114)

Hanya Allah Sahaja Yang Mempunyai Kuasa Hakimiyah

Itulah satu pertanyaan di atas lidah Rasulullah s.a.w. yang dituju untuk menyatakan sangkalan betapa tidak pantasnya beliau mencari hakim yang lain dari Allah dalam mana-mana urusan kehidupan, dan di samping itu pertanyaan ini juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa satu-satunya pihak yang memegang kuasa Hakimiyah dalam segala urusan ialah Allah Yang Maha Esa sahaja. Dialah sahaja yang memiliki kuasa ini, dan hakikat ini tidak boleh dipertikaikan lagi. Pertanyaan ini juga bertujuan menolak adanya seorang yang lain dari Allah yang boleh dirujukkan kepadanya untuk meminta keputusannya dalam urusan kehidupan seluruhnya:

أَفَغَيْرَ اللَّهِ أَبْتَغِي حَكَمًا

"Apakah wajar aku mencari hakim yang lain dari Allah?"(114)

Kemudian ayat yang berikut menghuraikan sangkalan ini, juga menghuraikan sebab-sebab mengapa berhakim kepada yang lain dari Allah merupakan satu perbuatan yang keji dan ganjil, kerana Allah tidak meninggalkan sesuatu yang kabur dan tidak membuat para hamba-Nya memerlukan kepada satu sumber yang lain untuk mereka berhakimkannya dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan hidup mereka:

وَهُوَ الَّذِي أَنزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا

"Dan Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu dengan penjelasan yang terperinci."(114)

Kitab Al-Qur'an itu diturunkan Allah dengan tujuan untuk mengadili pertelingkahan-pertelingkahan yang berlaku di kalangan manusia dan untuk menegakkan kuasa Hakimiyah Allah dan Uluhiyah-Nya. Ia diturunkan dengan penjelasan yang terperinci. Ia mengandungi dasar-dasar asasi untuk membangun satu sistem hidup yang menyeluruh di samping mengandungi hukum-hukum yang terperinci dalam persoalan-persoalan yang mahu ditegakkan Allah dalam masyarakat manusia walau bagaimanapun tahap perbezaan mereka dalam bidang ekonomi, ilmiah dan realiti kehidupan. Dengan penjelasan-penjelasannya yang sedemikian, Al-Qur'an tidak lagi memerlukan penghakiman kepada yang lain dari Allah dalam mana-mana urusan kehidupan manusia. Inilah penjelasan Allah tentang kitab suci-Nya. Oleh sebab itu sesiapa yang ingin berkata bahawa umat manusia dalam satu tahap perkembangan mereka tertentu tidak boleh mendapati keperluan mereka dalam Al-Qur'an, maka ia bebas berkata begitu, tetapi dengan syarat dia sanggup berkata di samping perkataannya itu bahawa dia - wal'iazu Billah - tidak percaya kepada agama ini dan tidak pula percaya kepada Kalamullah Tuhan semesta alam.

Kebenaran Al-Qur'an Diakui Kaum Ahlil-Kitab

Di samping itu di sana ada lagi satu sebab yang lain yang wujud di sekeliling mereka yang menjadikan perbuatan mencari hakim yang lain dari Allah untuk memutuskan mana-mana urusan kehidupan itu sebagai suatu perbuatan yang tercela dan aneh. Sebab yang lain itu ialah kaum Ahlil-Kitab yang pernah dikurniakan kitab suci dari Allah sebelum ini memang mengetahui bahawa Al-Qur'an adalah diturunkan dari Allah. Mereka lebih mengetahui tentang hakikat kitab Al-Qur'an kerana mereka juga kaum Ahlil-Kitab:

"Dan orang-orang yang kami kurniakan kitab suci kepada mereka memang mengetahui bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari Allah Tuhanmu dengan membawa kebenaran."(114)

Inilah sebab yang wujud ketika itu di Makkah dan di Semenanjung Tanah Arab yang digunakan Allah untuk berbicara dengan kaum Musyrikin Arab, sama ada hakikat Al-Qur'an ini diakui secara terbuka oleh kaum Ahlil-Kitab sebagaimana yang dilakukan oleh setengah-setengah mereka yang telah dilapangkan Allah dada mereka untuk menerima Islam atau hakikat ini di sembunyi dan diingkari mereka sebagaimana yang telah berlaku kepada setengah-setengah orang dari golongan mereka. Hakikat yang sebenar dalam kedua-dua sikap Ahlil-Kitab ini adalah sama sahaja, iaitu Allah S.W.T. sendiri menerangkan - dan keterangan Allah tetap benar - bahawa kaum Ahlil-Kitab memang mengetahui bahawa Al-Qur'an adalah diturunkan dari Allah untuk membawa kebenaran. Justeru itu seluruh isi kandungannya adalah benar belaka dan kebenarannya itu disebabkan kerana ia diturunkan dari Allah.

Hingga kini kaum Ahlil-Kitab memang tahu bahawa Al-Qur'an adalah diturunkan dari Allah untuk membawa ajaran yang benar. Mereka kini masih mengetahui bahawa kekuatan Islam adalah lahir dari ajaran-ajarannya yang dibawa dan di kandungkan oleh Al-Qur'an. Oleh sebab mereka mengetahui hakikat ini, mereka tidak pernah berhenti memerangi Islam dan Al-Qur'an. Taktik penentangan mereka yang paling jahat ialah mereka berusaha mengalihkan kuasa Hakimiyah dari undang-undang Al-Qur'an kepada buku-buku undang-undang yang dikarangkan oleh manusia. Mereka berhakim kepada yang lain dari Allah supaya kitab Al-Qur'an tidak lagi berfungsi dan supaya agama Allah tidak lagi wujud, juga usaha mereka menegakkan Uluhiyah-Uluhiyah yang lain dari Uluhiyah Allah di negeri-negeri Islam yang beriman kepada Uluhiyah Allah Yang Maha Esa sahaja ketika negeri-negeri itu diperintah oleh syari'at Allah yang terkandung di dalam Al-Qur'an sahaja tanpa dikongsikan oleh undang-undang yang lain atau ketika tidak ada di samping kitab suci Al-Qur'an buku-buku undang-undang yang lain yang dijadikan sumber peraturan masyarakat dan sumber dasar-dasar perundangan negara, di mana peruntukan-peruntukannya dijadikan rujukan dan asas keterangan sama seperti seorang Muslim yang menguatkan penjelasannya dengan menyebut peruntukan-peruntukan atau nas-nas yang termaktub di dalam Al-Qur'an. Golongan Ahlil-Kitab yang terdiri dari kaum Kristian dan Zionis sentiasa memainkan peranan yang aktif di sebalik usaha-usaha yang jahat itu. Mereka sentiasa berada di sebalik segala peraturan dan undang-undang yang diwujudkan untuk tujuan-tujuan yang keji itu.

Setelah ayat ini menjelaskan bahawa Al-Qur'an adalah diturunkan Allah dengan huraian yang terperinci, dan golongan Ahlil-Kitab pula memang mengetahui bahawa Al-Qur'an diturunkan dari Allah dengan membawa ajaran yang benar, maka ayat yang berikut menoleh pula kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada para pengikut-pengikut di belakang beliau untuk memperkecilkan usaha-usaha pembohongan dan pertikaian yang ditunjukkan oleh kaum Musyrikin, di samping memperkecilkan tindakan oleh setengah kaum Ahlil-Kitab yang menyembunyikan dan mengingkari kebenaran Al-Qur'an atau kesulitan-kesulitan yang dialami mereka dari tindak-tanduk kaum Musyrikin yang mendustakan Al-Qur'an dan gemar berdebat, juga kesulitan-kesulitan yang dialami mereka dari tindak-tanduk sesetengah Ahlil-Kitab yang menyembunyikan hakikat yang sebenar dan mengingkari Al-Qur'an:

"Oleh sebab itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu-ragu terhadapnya."(114)

Sebenarnya Rasulullah s.a.w. tidak pernah syak dan ragu-ragu. Mengikut riwayat, ketika beliau diturunkan kepadanya ayat yang berikut:

فَإِن كُنتَ فِي شَكٍّ مِّمَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ فَسْـَٔلِ ٱلَّذِينَ يَقْرَءُونَ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكَ ۚ لَقَدْ جَآءَكَ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُمْتَرِينَ ﴿٩٤﴾

"Oleh itu, jika engkau berada dalam keraguan terhadap Al-Qur'an yang Kami turunkan kepadamu, maka bertanyalah kepada mereka yang membaca kitab Allah sebelummu. Sesungguhnya Al-Qur'an yang benar itu telah datang dari Tuhanmu. Oleh sebab itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu-ragu terhadapnya"

(Surah Yunus: 94)

beliau lantas berkata: "Aku tidak pernah ragu-ragu dan tidak pernah bertanya."

Tetapi arahan ini dan arahan-arahan yang seumpamanya, juga seruan ini yang mengajak berpegang teguh kepada kebenaran dan seruan-seruan yang seumpamanya membuktikan betapa besarnya kesulitan yang dihadapi Rasulullah s.a.w. dan kelompok Muslimin dalam menghadapi angkara tipudaya, kedegilan, pembohongan dan keingkaran kaum Musyrikin. Arahan dan seruan meneguhkan pendirian ini merupakan rahmat dari Allah S.W.T. kepada beliau dan kepada kelompok Muslimin.

Ayat yang berikut meneruskan penjelasannya ke arah yang sama, di mana ia menjelaskan bahawa Kalimatullah yang menjadi kata pemutus itu telah pun sempurna dan tidak mungkin diubah oleh para makhluk walau bagaimana hebat sekalipun angkara tipu daya mereka:

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا ۚ لَّا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١١٥﴾

"Kalimat Tuhanmu telah sempurna dari segi kebenaran dan keadilan. Tiada siapa yang berkuasa mengubahkan kalimat-Nya dan Dialah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(115)

Kalimatullah itu telah sempurna dari sudut kebenarannya dalam segala persoalan yang di jelas dan diputuskan olehnya, juga telah sempurna dari sudut keadilannya dalam segala peraturan dan undang-undang yang digariskan olehnya. Oleh sebab itu tidak ada tempat lagi bagi fikiran dan pendapat yang lain selepas itu untuk membuat keputusannya mengenai 'aqidah, atau kefahaman atau lunas atau dasar atau nilai atau ukuran, juga untuk menetapkan sesuatu peraturan atau undang-undang atau adat dan tradisi, dan tiada siapa yang dapat membantah keputusannya dan tiada siapa yang boleh mengatasinya.

وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿١١٥﴾

"Dan Dialah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui." (115)

Maksudnya, Allah mendengar segala apa yang diucapkan oleh hamba-Nya dan mengetahui segala apa yang berlaku dan wujud di belakang mereka, di samping mengetahui segala apa yang wajar dan baik untuk mereka. Ayat ini selain dari menjelaskan bahawa kebenaran itulah yang menjadi isi kandungan Al-Qur'an, ia juga menjelaskan bahawa keputusan-keputusan yang dibuat oleh manusia dan pendapat-pendapat yang difikirkan mereka tidak lebih dari sangkaan dan andaian yang tidak berasaskan keyakinan, dan perbuatan mengikut sangkaan itu tidak akan membawa ke mana-mana selain dari kesesatan. Selanjutnya ia menjelaskan bahawa manusia tidak dapat mengungkapkan kebenaran dan tidak dapat menunjukkan kepada kebenaran melainkan apabila mereka mengambil kebenaran itu dari sumber Ilahi yang Tunggal dan meyakinkan. Pada akhirnya ia mengingatkan Rasulullah s.a.w. supaya jangan mengikut fikiran manusia yang berlandaskan pendapat-pendapat dari diri mereka sendiri yang dikemukakan kepada beliau dalam mana-mana persoalan walau seramai mana sekali pun bilangan mereka, kerana pemikiran jahiliyah tetap pemikiran jahiliyah walau sebesar mana bilangan pengikut-pengikutnya yang sesat:

وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِي ٱلْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

"Jika engkau mengikut kebanyakan mereka di bumi ini nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Mereka hanya mengikut sangkaan semata-mata dan mereka tiada lain melainkan hanya berdusta."(116)

Kebanyakan Manusia Dahulu Dan Sekarang Berada Dalam Budaya Jahiliyah

Dahulu kebanyakan penghuni bumi - sama seperti penghuni bumi pada hari ini adalah dari pendukung jahiliyah. Mereka tidak meletakkan Allah sebagai hakim dalam segala urusan kehidupan mereka dan tidak menjadikan syari'at Allah yang terkandung dalam kitab suci-Nya sebagai undang-undang dan peraturan hidup mereka, dan mereka tidak mengambil kefahaman, fikiran, sistem berfikir dan sistem hidup mereka dari hidayat Allah dan bimbingan-bimbingan-Nya. Oleh sebab itu kebanyakan manusia di zaman dahulu - sama seperti manusia di zaman sekarang - berada dalam jahiliyah yang sesat, mereka tidak mampu menunjukkan sesuatu fikiran atau pendapat atau hukum yang

berlandaskan kebenaran atau diambil dari kebenaran, dan mereka tidak dapat memimpin orang-orang yang ta'at dan mengikut mereka kecuali menuju ke arah kesesatan sahaja. Kebanyakan manusia di zaman dahulu - sama seperti manusia di zaman sekarang - meninggalkan ilmu pengetahuan yang diyakinkan kebenarannya dan mengikut ilmu pengetahuan yang berlandaskan sangkaan dan agakan, sedangkan ilmu pengetahuan yang seperti ini tidak membawa manusia ke mana-mana kecuali kepada kesesatan sahaja. Demikianlah Allah mengingatkan Rasul-Nya agar jangan tunduk dan mengikut golongan manusia yang seperti ini supaya tidak sesat dari jalan Allah. Beginilah maksud ayat ini secara umumnya walaupun persoalan yang berhubungkait dengan ayat ini yang wujud di masa itu ialah persoalan kaum Musyrikin yang mengharamkan setengah-setengah sembelihan dan menghalalkan setengah-setengah yang lain sebagaimana akan dijelaskan nanti.

Kemudian dalam ayat yang berikut Al-Qur'an menjelaskan bahawa satu-satunya pihak yang berwibawa menghukumkan orang ini mendapat hidayat dan orang itu sesat ialah Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana Allah sahaja yang mengetahui hakikat para hamba-Nya dan kerana Dialah yang menentukan apakah yang di katakan hidayat dan apakah yang di katakan kesesatan:

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ مَن يَضِلُّ عَن سَبِيلِهِۦۖ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ﴿١١٧﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu itulah yang lebih mengetahui tentang orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui tentang orang-orang yang mendapat hidayat."(117)

Hanya Allah Yang Berhak Menilai Salah Betul Sesuatu 'aqidah

Oleh sebab itulah perlu adanya satu kaedah untuk menentukan salah betul 'aqidah-'aqidah, kefahaman-kefahaman, nilai-nilai dan ukuran-ukuran yang dipegang manusia, juga untuk menentukan salah betul aktiviti-aktiviti dan budaya-budaya kerja mereka. Pendeknya kita perlu kepada satu dasar untuk membolehkan kita memutuskan benar atau tidak benar dalam semua perkara yang menjadi rukun dan teras kehidupan ini supaya perkara-perkara asasi ini tidak diletakkan di bawah kehendak-kehendak istilah-istilah mereka yang tidak berasaskan ilmu pengetahuan yang diyakinkan kebenarannya. Di samping itu, di sana perlu adanya satu pihak tertentu yang menentukan ukuran-ukuran bagi perkara-perkara yang asasi ini, dan dari pihak inilah orang ramai menerima kaedah untuk mengukur para hamba Allah dan menimbangkan nilai-nilai.

Dalam ayat ini Allah S.W.T. menjelaskan bahawa pihak-Nya sahaja yang berhak menentukan ukuran dan neraca pertimbangan ini dan Dia sahaja yang berhak menilai manusia mengikut ukuran ini dan menentukan siapa yang mendapat hidayat dan siapa yang sesat.

Masyarakat bukannya pihak yang berhak mengeluarkan keputusan-keputusan yang seumpama ini mengikut istilah-istilahnya yang berubah-ubah, atau dengan ungkapan yang lain, yang berhak membuat keputusan-keputusan yang seperti itu bukannya masyarakat yang berubah-ubah bentuknya dan asas-asas kebendaannya yang menyebabkan nilai-nilai yang dipegangnya dan keputusan-keputusan yang diambil olehnya turut berubah. Akibatnya lahirnya berbagai-bagai bentuk nilai-nilai dan akhlak seperti nilai-nilai dan akhlak masyarakat pertanian, nilai-nilai dan akhlak masyarakat perindustrian, nilai-nilai dan akhlak masyarakat kapitalis borjuis, nilai-nilai dan akhlak masyarakat sosialis atau komunis. Selain dari itu ukuran-ukuran manusia dan ukuran-ukuran budaya kerja mereka juga turut berubah mengikut istilah masyarakat-masyarakat ini.

Islam tidak mengenal dasar ini, kerana Islam mempunyai nilai-nilai sendiri yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T., dan nilai-nilai ini pula tetap tidak berubah walaupun bentuk masyarakat berubah-ubah. Mana-mana masyarakat yang melanggar nilai-nilai ini akan dinamakan mengikut istilah Islam sebagai masyarakat tidak Islamiyah atau masyarakat jahiliyah atau masyarakat yang mempersekutukan Allah, kerana masyarakat ini menyerahkan kepada pihak yang lain dari Allah urusan mengaturkan nilai-nilai, ukuran-ukuran, kefahaman-kefahaman, akhlak, undang-undang dan peraturan yang bertentangan dengan apa yang telah diaturkan oleh Allah. Inilah satu-satunya bentuk pembahagian masyarakat-masyarakat yang diketahui Islam, iaitu dibahagikan kepada masyarakat Islamiyah dan masyarakat tidak Islamiyah atau masyarakat Islamiyah dan masyarakat jahiliyah tanpa melihat kepada rupa bentuk masyarakat-masyarakat itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 118 - 121)

Selepas pendahuluan yang panjang lebar ini tibalah ayat yang membicarakan persoalan binatang-binatang sembelihan yang dilandaskan di atas dasar-dasar pokok yang dikemukakan oleh pendahuluan yang panjang lebar itu:

فَكُلُواْ مِمَّا ذُكِرَ ٱسۡمُ ٱللَّهِ عَلَيۡهِ إِن كُنتُم بِـَٔايَٰتِهِۦ مُؤۡمِنِينَ ﴿١١٨﴾

وَمَا لَكُمۡ أَلَّا تَأۡكُلُواْ مِمَّا ذُكِرَ ٱسۡمُ ٱللَّهِ عَلَيۡهِ وَقَدۡ فَصَّلَ لَكُم مَّا حَرَّمَ عَلَيۡكُمۡ إِلَّا مَا ٱضۡطُرِرۡتُمۡ إِلَيۡهِۗ وَإِنَّ كَثِيرٗا لَّيُضِلُّونَ بِأَهۡوَآئِهِم بِغَيۡرِ عِلۡمٍۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُعۡتَدِينَ ﴿١١٩﴾

وَذَرُوا۟ ظَـٰهِرَ ٱلْإِثْمِ وَبَاطِنَهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْسِبُونَ ٱلْإِثْمَ سَيُجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا۟ يَقْتَرِفُونَ ﴿١٢٠﴾ وَلَا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُۥ لَفِسْقٌ ۗ وَإِنَّ ٱلشَّيَـٰطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰٓ أَوْلِيَآئِهِمْ لِيُجَـٰدِلُوكُمْ ۖ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ ﴿١٢١﴾

"Kerana itu makanlah sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya jika kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya (118). Mengapa kamu tidak mahu makan binatang sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihnya, sedangkan Allah telah pun menjelaskan kepada kamu makanan-makanan yang telah diharamkan kepada kamu kecuali makanan yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya ramai orang yang mahu menyesatkan orang lain dengan hawa nafsu mereka tanpa berlandaskan ilmu pengetahuan. Dan sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui tentang golongan orang-orang yang menceroboh (119). Dan tinggalkanlah segala dosa, baik yang zahir mahupun yang batin. Sesungguhnya orang-orang yang mengerjakan dosa akan dibalaskan kerana dosa yang dilakukan mereka (120). Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya, kerana sesungguhnya perbuatan itu satu perbuatan yang fasiq. Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu sentiasa membisikkan kepada sahabat-sahabat setia mereka supaya berdebat dengan kamu dan andainya kamu tunduk kepada mereka nescaya kamu akan menjadi orang-orang yang mempersekutui Allah."(121)

Sebelum kami huraikan secara terperinci hukum-hukum ini dari sudut pengajian fiqah, perlulah kami tonjolkan dasar-dasar asasi i'tiqad yang menetapkan hukum-hukum itu.

Ayat yang berikut menyuruh makan semua sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya. Hikmat menyebut nama Allah ialah untuk menentukan arah tujuan penyembelihan itu. Ayat ini juga menggantungkan keimanan mereka pada keta'atan mereka mematuhi perintah Allah yang dikeluarkan kepada mereka:

Hukum Sembelihan Yang Disebutkan Nama Allah

فَكُلُوا۟ مِمَّا ذُكِرَ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ إِن كُنتُم بِـَٔايَـٰتِهِۦ مُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

"Kerana itu makanlah sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya jika kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya."(118)

Kemudian ayat yang berikut mengajukan pertanyaan, mengapa mereka enggan makan sembelihan-sembelihan yang disebutkan nama Allah, sedangkan Allah telah menghalalkannya kepada mereka dan telah pun menjelaskan kepada mereka makanan-makanan yang haram dimakan kecuali jika mereka menghadapi keadaan terpaksa? Sepatutnya dengan penjelasan ini berakhirlah segala pendapat mereka tentang hukum halal dan haramnya atau sama ada makanan itu boleh dimakan atau tidak boleh dimakan:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا ذُكِرَ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُم مَّا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا ٱضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ ۗ

"Mengapa kamu tidak mahu makan binatang sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya, sedangkan Allah telah pun menjelaskan kepada kamu makanan-makanan yang telah diharamkan kepada kamu kecuali makanan yang kamu terpaksa memakannya?"(119)

Oleh sebab ayat-ayat ini menghadapi persoalan yang sedang berlaku dalam masyarakat di masa itu, di mana kaum Musyrikin enggan memakan sembelihan-sembelihan yang dihalalkan Allah dan menghalalkan makanan yang diharamkan Allah serta mendakwa hukum-hukum itu sebagai hukum-hukum yang disyari'atkan Allah, maka ayat yang berikut menjelaskan hakikat sebenar kaum Musyrikin yang membuat undang-undang yang dusta terhadap Allah itu. Mereka sebenarnya membuat undang-undang itu dengan mengikut hawa nafsu mereka sahaja tanpa berlandaskan ilmu dan ikutan yang benar. Mereka telah menyesatkan orang ramai dengan undang-undang ciptaan sendiri. Mereka mencabul Uluhiyah dan kuasa Hakimiyah Allah dengan perbuatan yang mempraktikkan ciri-ciri Uluhiyah, sedangkan mereka hanya hamba-hamba Allah sahaja:

وَإِنَّ كَثِيرًا لَّيُضِلُّونَ بِأَهْوَآئِهِم بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُعْتَدِينَ ﴿١١٩﴾

"Dan sesungguhnya ramai orang yang mahu menyesatkan orang lain dengan hawa nafsu mereka tanpa berlandaskan ilmu pengetahuan. Dan sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui tentang golongan orang-orang yang menceroboh."(119)

Ayat yang berikut menyuruh mereka meninggalkan segala perbuatan yang berdosa sama ada terang atau sulit dan di antaranya ialah perbuatan mereka menyesatkan orang ramai dengan undang-undang ciptaan sendiri yang berlandaskan hawa nafsu dan tanpa berpandukan ilmu pengetahuan yang benar, juga perbuatan mereka memaksakan orang ramai mengikut undang-undang yang bukan diturunkan dari Allah dengan membuat dakwaan palsu bahawa undang-undang itu adalah dari Allah. Selanjutnya ia mengingatkan mereka terhadap akibat buruk dari dosa-dosa yang telah dilakukan mereka:

وَذَرُوا۟ ظَـٰهِرَ ٱلْإِثْمِ وَبَاطِنَهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَكْسِبُونَ ٱلْإِثْمَ سَيُجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا۟ يَقْتَرِفُونَ ﴿١٢٠﴾

"Dan tinggalkanlah segala dosa, baik yang zahir mahupun yang batin. Sesungguhnya orang-orang yang mengerjakan dosa akan dibalaskan kerana dosa yang dilakukan mereka."(120)

Kemudian ayat yang berikut pula melarang mereka memakan sembelihan-sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah, iaitu sembelihan-sembelihan yang disebutkan nama tuhan-tuhan mereka, atau binatang-binatang yang disembelih dengan tujuan perjudian dan membahagikan daging-dagingnya dengan menggunakan azlam, atau binatang-binatang yang mati tidak disembelih (bangkai). Mereka menyangkal dan membantah orang-orang Islam yang mengharamkan makan bangkai sedangkan mereka mendakwa bahawa bangkai itu adalah disembelih oleh Allah. Oleh sebab itu bagaimana orang-orang Islam makan binatang yang disembelih oleh mereka tetapi tidak makan binatang yang disembelih oleh Allah? Inilah salah satu tanggapan jahiliyah yang begitu karut hingga tidak dapat dibandingkan dengan jahiliyah-jahiliyah yang lain. Inilah tanggapan-tanggapan yang dibisikkan syaitan-syaitan manusia dan jin kepada rakan-rakan karib mereka supaya menyangkal dan berdebat dengan orang-orang Islam dalam persoalan binatang-binatang sembelihan sebagaimana disinggungkan oleh ayat yang berikut:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ ۗ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰ أَوْلِيَائِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ ۖ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ ﴿١٢١﴾

"Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihnnya, kerana sesungguhnya perbuatan itu satu perbuatan yang fasiq. Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu sentiasa membisikkan kepada sahabat-sahabat setia mereka supaya berdebat dengan kamu dan andainya kamu tunduk kepada mereka nescaya kamu akan menjadi orang-orang yang mempersekutui Allah."(121)

Di hadapan penjelasan yang akhir ini marilah kita berhenti sejenak untuk merenungi pernyataan yang tegas dan terus terang ini tentang konsep Hakimiyah, keta'atan dan kepatuhan dalam Islam.

Nas Al-Qur'an ini dengan tegas menjelaskan bahawa perbuatan seseorang Islam yang memberi keta'atannya kepada mana-mana manusia dalam mana-mana bahagian peraturan dan perundangan yang tidak diambil dari syari'at Allah atau tidak berasaskan pengakuan mengi'tirafkan kuasa Hakimiyah Allah Yang Maha Esa sahaja boleh mengeluarkannya keIslamannya yang bulat kepada Allah sahaja kepada mensyirikkan Allah.

Sehubungan dengan ini Ibn Kathir telah berkata:

"Firman Allah Taala:.

"Andainya kamu tunduk kepada mereka nescaya kamu akan menjadi orang-orang yang mempersekutui Allah",(121)

kerana kamu menyimpang dari perintah Allah dan syari'at-Nya kepada peraturan orang lain, iaitu mengutamakan pandangan manusia dari pandangan dan syari'at Allah. Itulah satu perbuatan syirik seperti yang dijelaskan Allah dalam firman-Nya:

"Mereka mengambil ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah."

(Surah at-Taubah: 31)

Dalam mentafsirkan ayat ini at-Tirmizi telah meriwayatkan dari Adi bin Hatim katanya: Dia berkata kepada Rasulullah s.a.w. "Wahai Rasulullah! Mereka tidak menyembah ulama' dari paderi mereka". Jawab beliau, "Ya, itu memang betul. Tetapi ulama'-ulama' dan paderi-paderi itu telah menghalalkan kepada mereka perkara-perkara yang haram dan mengharamkan perkara-perkara yang halal dan semuanya telah diikuti oleh mereka. Itulah yang dikatakan mereka menyembah ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka."

Begitu juga Ibn Kathir telah meriwayatkan pendapat as-Suddi mengenai firman Allah:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ

"Mereka mengambil ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah."(31)

Katanya: Mereka meminta nasihat dari ketua-ketua mereka dan mencampakkan kitab Allah di belakang mereka. Oleh sebab itulah (dalam ayat yang sama) Allah berfirman:

"Dan tidaklah mereka diperintah melainkan supaya menyembah Tuhan Yang Maha Esa."(31)

Iaitu Tuhan yang apabila Dia mengharamkan sesuatu, maka ia menjadi haram dan apabila Dia menghalalkan sesuatu, maka ia menjadi halal dan segala apa yang disyari'atkanNya diikuti dan segala apa yang diputuskan-Nya diluluskan.

Pentafsiran ini ialah pentafsiran as-Suddi dan pentafsiran yang pertama ialah pentafsiran Ibn Kathir. Kedua-duanya dengan tegas, keras dan jelas - berdasarkan keterangan nas Al-Qur'an yang tegas, keras dan jelas, juga berdasarkan pentafsiran nabawi yang tegas, keras dan jelas - menerangkan bahawa sesiapa yang ta'at kepada mana-mana manusia dalam apa sahaja undang-undang dari ciptaannya walaupun dalam persoalan yang kecil, maka ia dianggap seorang Musyrik. Jika pada asalnya ia seorang Muslim kemudian ia melakukan perbuatan itu, maka perbuatan itu boleh mengeluarkannya dari Islam kepada syirik walaupun selepas itu ia tetap mengucap "La ilaha ilallah" dengan lidahnya, sedangkan ia terus

menerima perundangan yang lain dari perundangan Allah dan menta'ati yang lain dari Allah.

Apabila kita melihat dunia hari ini, berlandaskan keterangan-keterangan yang tegas ini, maka yang ternampak kepada kita hanya jahiliyah dan syirik sahaja dan tiada yang lain dari jahiliyah dan syirik kecuali mereka yang dipeliharakan Allah, yang menolak tuhan-tuhan bumi yang mendakwa mempunyai ciri-ciri Uluhiyah di samping menolak undang-undang dan peraturan mereka kecuali kerana terpaksa.

Mengenai hukum-hukum fiqah yang diambil dari firman Allah Taala:

وَلَا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُۥ لَفِسْقٌ

"Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya, kerana sesungguhnya perbuatan itu satu perbuatan yang fasiq"(121)

Iaitu hukum-hukum halal dan haram binatang-binatang sembelihan yang disebut atau tidak disebut nama Allah, maka Ibn Kathir telah meringkaskan hukum-hukum itu dalam perenggan-perenggan berikut katanya:

"Ayat yang mulia ini telah dijadikan dalil oleh mereka yang berpendapat bahawa sembelihan itu tidak halal dimakan jika tidak disebutkan nama Allah ketika menyembelihkannya walaupun penyembelihannya seorang Muslim."

"Para Imam telah berselisih kepada tiga pendapat dalam masalah ini:

"Di antara mereka berpendapat bahawa sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah itu tidak halal dimakan sama ada bacaan Bismillah itu ditinggalkan dengan sengaja atau terlupa. Pendapat ini diriwayatkan dari Ibn Umar dan maulanya Nafi, Amir asy-Sy'abi dan Muhammad ibn Sirin. Pendapat ini juga diriwayatkan dari al-Imam Malik dan dari Ahmad ibn Hanbal disokong oleh sekumpulan sahabatnya dari golongan mutaqaddimin dan mutaakhirin dan ia juga merupakan pendapat yang dipilih oleh Abu Thaur dan Daud az-Zahiri di samping dipilih oleh Abul-Futuh Muhammad ibn Muhammad ibn Ali at-Ta'ii dari pendokong asy-Syafi'iyah yang mutaakhir dalam kitabnya "al-Arba'in". Mereka telah menggunakan ayat ini sebagai hujah mazhab mereka di samping menggunakan ayat yang membicarakan perburuan iaitu:

فَكُلُوا۟ مِمَّآ أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَٱذْكُرُوا۟ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهِ

"Oleh itu makanlah buruan yang ditangkap olehnya untuk kamu dan sebutlah nama Allah ketika kamu melepaskannya (binatang pemburu)."

(Surah al-Ma'idah: 4)

"Kemudian Allah menguatkan lagi hukum itu dengan firman-Nya:

وَإِنَّهُۥ لَفِسْقٌ

"Dan sesungguhnya perbuatan itu satu perbuatan yang fasiq."(121)

"Ganti nama "Innahu" (sesungguhnya perbuatan itu) dikembalikan kepada perbuatan menyembelih untuk yang lain dari Allah", dan seterusnya hukum ini dikuatkan pula dengan hadith-hadith yang menyuruh membaca Bismillah ketika menyembelih dan ketika melepaskan binatang pemburu seperti hadith Adi ibn Hatim dan hadith Abu Tha'labah:

إذا أرسلت كلبك المعلم وذكرت اسم الله عليه فكل ما أمسك عليك

"Apabila engkau melepaskan anjing engkau yang terlatih dan menyebut nama Allah di atasnya, maka makanlah buruan yang ditangkapnya untuk engkau."

"Kedua-dua hadith ini di sebut dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim, juga hadith Rafi' ibn Khudayj:

ما انهر الدم وذكر اسم الله فكلوه

"Mana-mana binatang yang ditumpahkan darahnya dan disebutkan nama Allah di atasnya, maka makanlah sembelihan itu."

"Hadith ini juga disebut dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim.

"Mazhab yang kedua dalam masalah ini tidak mensyaratkan baca Bismillah, malah ianya diistihbabkan sahaja. Oleh itu apabila seseorang meninggalkan bacaan itu dengan sengaja atau terlupa, maka ia tidak mencacatkan apa-apa. Inilah mazhab al-Imam asy-Syafie Rahimahullah dan sekalian sahabatnya. Dan pendapat ini juga diriwayatkan dari al-Imam Ahmad yang dinaqalkan oleh Hanbal dan seterusnya diriwayatkan dari al-Imam Malik dan dinaskan oleh sahabatnya Asyhab ibn Abdul Aziz, malah pendapat ini juga telah diriwayatkan dari Ibn Abbas, Abu Hurayrah dan Ata' ibn Abu Rabah, Wallahu alam. Al-Imam asy-Syafie telah menghubungkan ayat yang mulia ini:

وَلَا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُۥ لَفِسْقٌ

"Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya dan sesungguhnya perbuatan itu satu perbuatan yang fasiq"(121)

dengan binatang yang disembelihkan untuk yang lain dari Allah sama seperti maksud firman-Nya:

أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ

"Atau binatang yang disembelih untuk yang lain dari Allah.[4]"(145)

"Kata Ibn Jurayj dari Ata' mengenai ayat:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ

"Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya"(121)

maksud ayat ini ialah melarang makan sembelihan-sembelihan yang disembelih oleh kaum Quraisy untuk berhala-berhala, juga sembelihan kaum Majusi dan jalan yang diikuti oleh al-Imam as-Syafie ini adalah kuat.

"Ujar Ibn Abu Hatim: Kami telah diceritakan oleh ayahku, kami telah diceritakan oleh Yahya ibn al-Mughirah, kami telah diberitakan oleh Jarir daripada Ata', daripada Said ibn Jubayr daripada ibn Abbas mengenai ayat:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ

katanya: Makanan yang dilarang itu ialah bangkai, dan dia telah membawa dalil mazhab ini yang bersandar kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dalam kumpulan hadith-hadith mursal, iaitu dari hadith Thaur ibn Yazid daripada al-Salt as-Sadusi Maula Suwayd ibn Maymun salah seorang dari para Tabi'in yang disebut oleh Abu Hatim ibn Hibban dalam kitab "الثقات" katanya: Ujar Rasulullah s.a.w.:

ذبيحة المسلم حلال ذكر اسم الله اولم يذكر. إنه إن ذكر لم يذكر إلا اسم الله

"Sembelihan seorang Muslim itu halal sama ada ia menyebut nama Allah atau tidak menyebutnya, kerana jika ia menyebut tentulah ia tidak menyebut melainkan nama Allah."

"Hadith mursal ini dikuatkan pula dengan pendapat yang diriwayatkan oleh ad-Dar-qutuni daripada Ibn Abbas yang berkata: Apabila seorang Muslim menyembelih binatang tanpa menyebut nama Allah, maka hendaklah ia makannya, kerana pada orang Muslim itu terdapat satu nama dari nama-nama Allah."

"Mazhab yang ketiga, jika seorang itu meninggalkan bacaan Bismillah kerana terlupa, maka ia tidak mencacatkan apa-apa, sebaliknya jika ia tinggalkan bacaan Bismillah dengan sengaja, maka sembelihan itu tidak halal. Inilah pendapat yang masyhur dari mazhab al-Imam Malik dan al-Imam Ahmad ibn Hanbal. Pendapat ini juga disuarakan oleh Abu Hanifah, sahabat-sahabatnya dan Ishak ibn Rahawaih. Seterusnya pendapat ini juga telah diriwayatkan daripada Ali, Ibn Abbas, Said ibn al-Musayyib, at-Tawus, al-Hasan al-Basri, Abu Malik, Abdul Rahman, Jafar ibn Muhammad dan Rabiah ibn Abu Abdul Rahman."

"Ujar Ibn Jarir: Ahli ilmu telah berselisih dalam memahami ayat ini: Adakah sesuatu dari hukumnya telah dimansuhkan atau tidak? Setengah mereka berkata: Tiada suatu pun dari hukumnya telah dimansuhkan, malah ayat ini adakah ayat muhkamat dalam persoalan yang telah ditentukannya? Inilah pendapat Mujahid dan kebanyakan ahli ilmu. Pendapat yang diriwayatkan dari al-Hasan al-Basri dan Ikrimah berkata: Firman Allah:

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ إِن كُنتُم بِـَٔايَٰتِهِۦ مُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

"Kerana itu makanlah sembelihan yang disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya jika kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya"(118)

dan firman Allah:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُۥ لَفِسْقٌ

"Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya dan sesungguhnya perbuatan itu satu perbuatan yang fasiq."(121)

kemudian Allah memansuhkan ayat ini dan mengecualikan hukumnya dengan firman-Nya:

وَطَعَامُ ٱلَّذِينَ أُوتُوا ٱلْكِتَٰبَ حِلٌّ لَّكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَّهُمْ

"Dan makanan orang-orang yang dikurniakan kitab halal untuk kamu dan makanan kamu adalah halal untuk mereka."

(Surah al-Ma'idah: 5)

"Ujar Ibn Abu Hatim: Al-Abbas ibn al-Walid ibn Yazid telah membaca kepada saya, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Syuaib, saya telah diceritakan oleh an-Nukman iaitu Ibn al-Munzir daripada Makhul katanya: Allah telah menurunkan dalam Al-Qur'an:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ

"Dan janganlah kamu makan binatang sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika disembelihkannya",(121)

kemudian Allah memansuhkannya kerana kasihankan orang-orang Islam dengan firman-Nya:

---

[4] *Ayat sepenuhnya:* " قُل لَا أَجِدُ فِى مَا أُوحِىَ إِلَىَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُۥٓ إِلَّآ أَن يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُۥ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ بِهِۦ " *Katakanlah Aku tidak dapati dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku orang yang memakannya kecuali ianya bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi kerana semua makanan itu kotor atau binatang yang disembelih untuk yang lain dari Allah."*

ٱلْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ ٱلطَّيِّبَٰتُ ۖ وَطَعَامُ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ حِلٌّ لَّكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَّهُمْ ۖ

"Pada hari ini di halalkan kepada kamu segala makanan yang baik dan makanan orang-orang yang dikurniakan kitab halal bagi kamu dan makanan kamu halal bagi mereka."(5)

"Allah telah memansuhkan ayat tadi dengan ayat ini untuk menghalalkan makanan Ahlil-Kitab. Kemudian ujar Ibn Jarir: Sebetulnya tidak ada percanggahan di antara ayat yang menghalalkan makanan Ahlil-Kitab dengan ayat yang mengharamkan sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah ketika menyembelihkannya, dan apa yang dikatakan oleh Ibn Jarir itu adalah betul dan mana-mana ulama' Salaf yang mengitlaqkan ayat sebagai mansuh di sini adalah dikehendaki dengan makna 'takhsis'. Wallahu Subhanahu Wa Taala a'lam".

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 122 - 125)

Kemudian tibalah satu pembicaraan yang lengkap tentang Tabi'at kekafiran dan Tabi'at keimanan, juga tentang perencanaan Allah yang mengadakan pembesar-pembesar yang jahat di setiap negeri untuk melakukan berbagai-bagai angkara tipu daya dan seterusnya tentang perasaan takbur dan sombong yang berkecamuk dalam hati para pembesar yang jahat itu dan bagaimana perasaan itu telah menghalangkan mereka dari menerima Islam. Pembicaraan ini diakhiri dengan menayangkan satu gambaran yang menarik dan tepat dengan sifat keimanan, di mana Allah melapangkan dada orang yang menerimanya dan tepat dengan sifat kekafiran yang membuat dada seorang itu sempit, sesak dan sukar bernafas. Seluruh pembicaraan ini mempunyai hubungkait yang rapat dengan pembicaraan hukum halal haram dalam masalah binatang-binatang sembelihan, iaitu hubungkait dalam bentuk hubungan yang rapat di antara dasar pokok dengan cabang pelaksanaan dasar. Pembicaraan ini juga menunjukkan betapa mendalam dan kuatnya pertalian di antara cabang ini dengan dasar pokoknya yang besar:

أَوَمَن كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَٰهُ وَجَعَلْنَا لَهُۥ نُورًا يَمْشِى بِهِۦ فِى ٱلنَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُۥ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلْكَٰفِرِينَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٢٢﴾ وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا فِى كُلِّ قَرْيَةٍ أَكَٰبِرَ مُجْرِمِيهَا لِيَمْكُرُوا۟ فِيهَا ۖ وَمَا يَمْكُرُونَ إِلَّا بِأَنفُسِهِمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢٣﴾ وَإِذَا جَآءَتْهُمْ ءَايَةٌ قَالُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ حَتَّىٰ نُؤْتَىٰ مِثْلَ مَآ أُوتِىَ رُسُلُ ٱللَّهِ ۘ ٱللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُۥ ۗ سَيُصِيبُ ٱلَّذِينَ أَجْرَمُوا۟ صَغَارٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعَذَابٌ شَدِيدٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَمْكُرُونَ ﴿١٢٤﴾ فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهْدِيَهُۥ يَشْرَحْ صَدْرَهُۥ لِلْإِسْلَٰمِ ۖ وَمَن يُرِدْ أَن يُضِلَّهُۥ يَجْعَلْ صَدْرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِى ٱلسَّمَآءِ ۚ كَذَٰلِكَ يَجْعَلُ ٱللَّهُ ٱلرِّجْسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾

"Apakah orang yang telah mati yang kemudian Kami hidupkannya kembali dan Kami jadikan untuknya cahaya yang membolehkannya berjalan di tengah manusia itu sama dengan seorang yang berada dalam kegelapan-kegelapan yang tidak dapat ia keluar darinya? Demikianlah dijadikan orang-orang kafir itu memandangkan cantik kepada segala perbuatan yang dilakukan mereka (122). Dan demikianlah Kami jadikan di dalam setiap negeri pembesar-pembesar yang jahat supaya mereka melakukan tipu daya di negeri itu, sebenarnya mereka tidak melakukan tipudaya melainkan kepada diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar (123). Apabila datang kepada mereka (pembesar-pembesar yang jahat) sesuatu ayat mereka berkata: Kami tidak akan beriman sehingga kami dikurniakan (wahyu) seperti yang dikurniakan kepada sekalian utusan-utusan Allah. Allah lebih mengetahui di manakah hendak meletakkan risalah-Nya. Orang-orang yang melakukan kejahatan akan di timpa kehinaan dari Allah dan 'azab yang amat berat dengan sebab tipu daya yang dilakukan mereka (124). Oleh itu sesiapa yang Allah kehendaki memberi hidayat kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya menerima Islam dan sesiapa yang Allah kehendaki menyesatkannya nescaya Dia jadikan dadanya sempit dan sesak seolah-olah ia sedang mendaki ke langit (tempat yang tinggi). Begitu juga Allah jadikan keseksaan ke atas orang-orang yang tidak beriman."(125)

Ayat-ayat yang menggambarkan Tabi'at hidayat dan Tabi'at keimanan ini dalam waktu yang sama juga mengungkapkan hakikat satu kejadian yang berlaku di alam kenyataan. Segala perbandingan dan metafora yang digunakan dalam ayat-ayat ini adalah bertujuan untuk menggambarkan hakikat keimanan dan kekafiran dalam bentuk gambaran fizikal yang

menarik dan berkesan, namun demikian pengungkapan itu sendiri merupakan pengungkapan yang haqiqi.

Jenis hakikat yang diungkapkan oleh ayat-ayat ini memerlukan adanya nada-nada penggambaran yang seperti ini. Ia merupakan satu penggambaran haqiqi yang wujud di alam kenyataan, namun demikian hakikat itu adalah bersifat kerohanian dan tanggapan fikiran yang hanya dapat dikecapi melalui pengalaman, di mana susunan kata-kata tidak mampu menggambarkan rasa pengalaman itu kecuali oleh mereka yang mengalaminya sendiri.

'Aqidah Islam adalah 'aqidah yang mencetuskan hayat dalam hati yang mati dan menyuarkan nur dalam hati yang diselubungi berbagai-bagai kegelapan. Dan hayat yang dicetuskannya itu memulihkan potensi hati untuk mengecapi segala sesuatu, untuk memahami segala sesuatu dan untuk menilaikan segala sesuatu dengan satu deria yang lain yang tidak dikenalinya sebelum tercetusnya hayat itu. Sorotan nur itu pula menampakkan kepada hati segala sesuatu dalam bentuk-bentuknya yang baru yang belum pernah di lihat sebelumnya oleh hati yang telah diterangi nur keimanan itu.

Pengalaman ini tidak dapat diterjemahkan oleh kata-kata. Ia hanya dapat diketahui oleh mereka yang menghayatinya sendiri. Ungkapan Al-Qur'an merupakan ungkapan yang paling kuat yang membawa hakikat pengalaman ini, kerana ungkapan Al-Qur'an menggambarkannya dengan warna-warni yang sejenis dengannya dan sebangsa dengan Tabi'atnya.

Keimanan Melambangkan Hayat Dan Kekafiran Melambangkan Maut

Kekafiran melambangkan satu keadaan yang terputus dari hayat yang haqiqi, azali dan abadi yang tidak dilanda oleh kefanaan, kehilangan dan kelesapan. Ia melambangkan satu keadaan maut yang terpisah dari kekuatan yang aktif dan berpengaruh di seluruh alam buana. Ia melambangkan keadaan maut yang melumpuhkan segala alat penerima dan penyambut yang semulajadi, kerana itu kekafiran adalah maut.

Keimanan melambangkan perhubungan, kesediaan dan sahutan, kerana itu keimanan ialah hayat.

Kekafiran melambangkan hijab yang menyekat roh dari melihat dan memandang, kerana itu kekafiran ialah kegelapan.

Keimanan melambangkan keadaan yang terbuka dan berkembang. Keimanan melambangkan wawasan, pemahaman dan kejujuran, kerana itu keimanan melambangkan nur yang lengkap dengan nilai-nilai cahayanya.

Kekafiran melambangkan keadaan jiwa yang kuncup dan membatu, kerana itu kekafiran melambangkan kesempitan dan penyelewengan dari jalan semulajadi yang selesa, kerana itu kekafiran melambangkan kesulitan, ketidaktenteraman di bawah naungan yang aman, kerana itu kekafiran melambangkan kegelisahan.

Keimanan melambangkan kelapangan dada, keselesaan, ketenangan dan bayangan teduh yang panjang.

Daerah Perhubungan Orang Yang Beriman Dan OrangYang Kafir

Siapakah orangnya si kafir itu? Dia tidak lain dan tidak bukan melainkan seorang insan yang sama dengan satu tumbuhan liar yang tidak mempunyai pertalian dan perakaran di bumi alam ini. Dia adalah satu individu yang putus hubungannya dengan Allah Pencipta alam, di samping putus hubungannya dengan alam buana. Dia tidak mempunyai hubungan dengan alam kecuali hubungan yang kecil dari kewujudan dirinya yang terbatas dalam ruang yang paling sempit yang menjadi alam hidup haiwan, iaitu ruang pancaindera dan segala apa yang ditanggapkannya dari alam yang nyata ini.

Perhubungan dengan Allah dan perhubungan kerana Allah adalah perhubungan yang menghubungkan individu insan yang fana dengan Khaliq yang azali, sedia kala, abadi dan kekal selama-lamanya, kemudian ia menghubungkannya dengan alam buana yang baru dan dengan hayat yang nyata dan selepas itu ia menghubungkannya dengan angkatan iman dan angkatan Muslimin yang tunggal yang menjalar bersama akar-akar zaman yang jauh dan terus bersinambung di sepanjang zaman, kerana itu individu yang berhubung dengan Allah merupakan seorang yang kaya dengan perhubungan yang kukuh dan kaya dengan kewujudan yang luas dan memanjang jauh, iaitu kewujudan yang tidak terbatas setakat umurnya yang terhad.

Apabila nur keimanan menjejak hati seorang insan, akan terbukalah kepadanya hakikat-hakikat agama ini bersama sistemnya yang mengatur budaya kerja dan bergerak dalam bentuknya yang amat menarik. Pemandangan seorang insan yang menemui nur keimanan dalam hatinya memanglah satu pemandangan yang amat indah dan luhur. Ia merupakan satu pemandangan yang memperlihatkan keselarasan yang syumul dan menarik yang wujud dalam Tabi'at dan hakikat agama ini, ia memperlihatkan kesepaduan yang cantik dan halus yang wujud dalam sistemnya yang mengaturkan cara bekerja dan bertindak. Agama Islam bukan sahaja merupakan sekumpulan kepercayaan-kepercayaan, amalan-amalan ibadat, undang-undang dan bimbingan, malah ia merupakan satu pelan yang tersusun rapi, selaras dan menggambarkan hidup yang dinamis di samping mempunyai hubungan yang harmonis, hubungan persahabatan yang erat, dan hubungan kasih mesra yang mendalam dengan fitrah manusia.

Apabila nur keimanan menjejak hati seorang insan, akan terbukalah kepadanya hakikat-hakikat alam ini

di samping terbukanya hakikat-hakikat hayat, hakikat-hakikat insan, dan hakikat-hakikat peristiwa-peristiwa yang berlaku di alam ini dan di alam manusia dan seterusnya akan terbukalah kepadanya satu pemandangan yang indah, iaitu pemandangan undang-undang Allah yang amat halus, yang mana premis-premisnya dan natijah-natijahnya berlangsung dengan peraturan yang rapi, sesuai dengan fitrah dan selesa, juga pemandangan masyi'ah Allah Yang Maha Kuasa di sebalik undang-undang itu. Itulah masyi'ah yang menolak undang-undang itu bertindak dan berkuatkuasa dan masyi'ah inilah juga yang mengawal undang-undang itu dengan bebas, juga pemandangan manusia dan peristiwa yang berada dalam lingkungan undang-undang yang juga berada dalam lingkungan masyi'ah itu.

Apabila nur keimanan menjejak hati seorang insan, ia akan mendapat pandangan yang jelas dalam segala perkara, segala urusan, dan segala peristiwa, di samping ia dapat melihat dirinya, niat-niat dalam hatinya, fikiran-fikiran dalam benaknya, rancangan dan tindakannya dengan terang dan jelas, ia dapat melihat dengan terang dan jelas segala sesuatu yang berlaku baik yang berhubung dengan undang-undang Allah yang berkuatkuasa mahupun yang berhubung dengan tindakan-tindakan manusia, niat-niat dan rancangan-rancangan mereka sama ada yang sulit atau yang nyata, ia mendapat pentafsiran peristiwa dan sejarah dalam hati dan akalnya dan dalam realiti di sekelilingnya seolah-olah ia membaca buku.

Apabila nur keimanan menjejak hati seorang insan, ia memperolehi pandangan yang jelas terhadap fikiran-fikiran dan perasaan-perasaannya dan terhadap rupa parasnya, di samping ia menemui ketenangan dalam hati dan suasana hidupnya, juga dalam menghadapi masa depannya, ia menemui keselesaan dalam menangani segala urusannya yang masuk dan keluar, juga dalam menghadapi peristiwa-peristiwa dan mengikuti kesan-kesannya dan seterusnya ia menemui ketenteraman, kepercayaan dan keyakinan dalam segala situasi dan masa.

Demikianlah cara pengungkapan Al-Qur'an yang unik menggambarkan hakikat itu dengan berbagai-bagai nadanya yang menarik:

أَوَمَن كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَٰهُ وَجَعَلْنَا لَهُۥ نُورًا يَمْشِى بِهِۦ فِى ٱلنَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُۥ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا

"Apakah orang yang telah mati yang kemudian Kami hidupkannya kembali dan Kami jadikan untuknya cahaya yang membolehkannya berjalan di tengah manusia itu sama dengan seorang yang berada dalam kegelapan-kegelapan yang tidak dapat ia keluar darinya?"(122)

Demikianlah keadaan kaum Muslimin sebelum munculnya agama ini, iaitu sebelum keimanan ditiupkan ke dalam roh mereka dan menghidupkannya, dan sebelum keimanan mencetuskan dalam roh mereka tenaga yang kuat, iaitu tenaga daya hidup, tenaga bergerak dan bertindak, tenaga melihat, mengamati dan meninjau. Seluruh hati mereka sebelum ini adalah mati belaka dan roh mereka berada dalam keadaan gelap gelita, tetapi sebaik sahaja hati mereka dicurahkan keimanan, ia lantas bergerak aktif, dan sebaik sahaja roh mereka disinari nur keimanan ia terus menjadi cerah dan terang sambil mengeluarkan limpahan cahayanya kepada manusia, memberi hidayat kepada insan yang sesat, memungut insan yang bergelandangan, mententeramkan insan yang takut, membebaskan insan yang hidup dalam perhambaan, mendedahkan batu-batu tanda jalan untuk memudahkan perjalanan manusia dan mengisytiharkan kelahiran manusia baru yang bebas dan berilmu, manusia yang menumpukan perhambaannya kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan membebaskan diri dari segala bentuk perhambaan kepada sesama manusia.

Apakah sama di antara insan yang mempunyai roh yang ditiupi hayat dan hati yang dilimpahkan nur keimanan dengan insan yang berada dalam berbagai-bagai kegelapan yang tidak mempunyai jalan keluar?

Kedua-dua insan ini hidup dalam dua alam yang amat jauh perbezaannya. Apakah yang menghalangkan insan yang berada dalam kegelapan itu keluar dari kegelapan, sedangkan sinaran cahaya yang terang memancar di sekelilingnya?

"Demikianlah dijadikan orang-orang yang kafir itu memandang cantik kepada segala perbuatan yang dilakukan mereka."(122)

Inilah rahsia (insan yang suka hidup dalam gelap). Ya, di sana ada faktor yang menyalutkan keindahan kepada kekafiran, kegelapan dan kematian hati. Dan yang mewujudkan faktor yang menyalutkan keindahan itu dari semulajadi lagi ialah kehendak masyi'ah Allah yang telah membekalkan fitrah manusia dengan kesediaan dua hala iaitu kesediaan menyintai nur dan kesediaan menyintai kegelapan. Di sini kehendak masyi'ah Allah mahu menguji manusia, apakah ia memilih kegelapan atau memilih nur yang terang? Seandainya ia memilih kegelapan, maka kegelapan itu akan dipandangnya begitu indah dan menarik dan ia akan terus terjerumus dalam kesesatan hingga ia tidak dapat lagi keluar dari kegelapan itu. Di samping itu ada syaitan-syaitan manusia dan jin yang membisikkan kata-kata yang manis terhadap satu sama lain untuk menipu. Syaitan-syaitan inilah yang mendandankan segala perbuatan sesat yang dilakukan oleh orang-orang yang kafir. Hati insan

yang terputus dari hayat, dari keimanan dan dari cahaya akan mendengar dan terpengaruh kepada bisikan-bisikan yang manis dan indah itu di dalam gelap gelita, di mana ia tidak dapat melihat, tidak dapat merasa dan tidak dapat membeza di antara hidayat dan kesesatan dalam kegelapan yang amat tebal itu:

كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلْكَٰفِرِينَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٢٢﴾

"Demikianlah dijadikan orang-orang yang kafir itu memandang cantik kepada segala perbuatan yang dilakukan mereka."(122)

Dengan cara ini, dengan faktor-faktor ini dan dengan lunas ini Allah mengadakan pembesar-pembesar yang jahat di setiap negeri supaya mereka melakukan berbagai-bagai angkara tipu daya untuk melangsungkan proses ujian, melaksanakan perencanaan azali dan merealisasikan hikmat Ilahi, di mana setiap insan memilih jalan sendiri yang selesa kepadanya dan menerima balasan masing-masing di akhir perjalanan hidupnya:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا فِى كُلِّ قَرْيَةٍ أَكَٰبِرَ مُجْرِمِيهَا لِيَمْكُرُوا۟ فِيهَا ۖ وَمَا يَمْكُرُونَ إِلَّا بِأَنفُسِهِمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢٣﴾

"Dan demikian Kami jadikan di dalam setiap negeri pembesar-pembesar yang jahat supaya mereka melakukan tipu daya di negeri itu dan sebenarnya mereka tidak melakukan tipudaya melainkan kepada diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar."(123)

Da'wah Selalunya Ditentang Para Pembesar Yang Jahat

Itulah undang-undang Allah di setiap negeri, iaitu di bandar-bandar dan ibukota-ibukota, di mana terdapat pembesar-pembesar yang jahat yang mengambil sikap menentang agama Allah. Ini disebabkan kerana agama Allah bermula dari titik perjuangan mencabut kuasa Rububiyah dari para pembesar itu, yang diguna untuk memperbudakkan manusia dan seterusnya mencabut kuasa Hakimiyah yang dikendalikan mereka untuk menguasai manusia dan memulangkan seluruh kuasa itu kepada Allah Yang Maha Esa, Tuhan yang memelihara manusia, memerintah dan menguasai manusia dan Tuhan yang disembah manusia.

Itulah undang-undang yang berpangkal dari fitrah, di mana Allah mengutuskan para rasul-Nya membawa agama yang benar, yang mencabut kuasa Uluhiyah, kuasa Rububiyah dan kuasa Hakimiyah dari manusia-manusia yang mendakwa memiliki kuasa-kuasa itu dan menyebabkan mereka bangkit menentang agama Allah dan utusan-utusan Allah secara terbuka. Mereka bertindak melakukan berbagai-bagai angkara tipu daya yang jahat di negeri-negeri itu dan membisikkan kata-kata yang manis terhadap satu sama lain untuk tujuan menipu. Mereka mengadakan kerjasama dengan syaitan-syaitan jin dalam perjuangan menentang agama yang benar dan menolak hidayat dalam usaha menyebar luas kebatilan dan kesesatan juga dalam perjuangan mempermain-main dan menindas orang ramai dengan angkara tipudaya mereka yang nyata dan yang sulit.

Itulah undang-undang Allah yang berkuatkuasa dan itulah pertarungan yang pasti berlaku berlandaskan prinsip adanya pertentangan yang total di antara dasar agama Allah yang memulangkan seluruh kuasa Hakimiyah kepada Allah dengan nafsu tamak kuasa pembesar-pembesar yang jahat di setiap negeri, malah dengan kewujudan mereka sendiri.

Itulah satu pertarungan yang pasti ditempuh oleh setiap nabi. Ia tidak mungkin di hindari olehnya. Begitu juga para pengikut nabi tidak mungkin terhindar dari menceburi pertarungan ini dan dari terus berjuang hingga ke akhirnya. Kemudian (dalam ayat yang berikut) Allah S.W.T. mententeramkan para hamba-Nya yang mu'min dengan memberi jaminan bahawa segala angkara tipudaya pembesar-pembesar yang jahat itu pada akhirnya akan menimpakan kecelakaan kepada diri mereka sendiri, kerana orang-orang yang beriman tidak berjuang sendirian, malah mereka berjuang di bawah naungan Allah. Mereka cukup dengan naungan Allah yang berkuasa menggagalkan angkara tipu daya pembesar-pembesar itu:

وَمَا يَمْكُرُونَ إِلَّا بِأَنفُسِهِمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢٣﴾

"Sebenarnya mereka tidak melakukan tipudaya melainkan kepada diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar."(123)

Oleh sebab itu sekalian orang yang beriman hendaklah bertenang! Kemudian ayat berikut mendedahkan Tabi'at angkuh yang bersarang dalam hati musuh-musuh para utusan Allah dan agama-Nya dan Tabi'at inilah yang telah menghalangkan mereka dari agama Islam, kerana mereka takut kembali semula menjadi hamba-hamba Allah biasa sama seperti hamba-hamba Allah yang lain. Mereka menuntut kedudukan yang istimewa di antara pengikut-pengikut nabi yang lain. Mereka merasa keberatan dan tidak layak dengan mereka untuk beriman kepada nabi dan menyerah bulat kepadanya, kerana selama ini mereka biasa mendapat kedudukan selaku kuasa yang mengaturkan undang-undang dan peraturan dan mengeluarkan perintah-perintah yang di ta'at dan dipatuhi mereka. Oleh sebab itulah mereka sanggup mengeluarkan pernyataan mereka yang keji dan bodoh bahawa mereka tidak akan beriman sehingga mereka diberi pengurniaan yang sama dengan pengurniaan yang diberikan kepada para Rasul:

وَإِذَا جَآءَتْهُمْ ءَايَةٌ قَالُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ حَتَّىٰ نُؤْتَىٰ مِثْلَ مَآ أُوتِىَ رُسُلُ ٱللَّهِ

"Apabila datang kepada mereka sesuatu ayat mereka berkata: Kami tidak akan beriman sehingga kami

dikurniakan (wahyu) seperti yang dikurniakan kepada sekalian utusan-utusan Allah."(124)

Al-Walid ibn al-Mughirah pernah berkata: Jika nubuwwah itu benar, maka sayalah orangnya yang lebih layak menerimanya dari awak, kerana saya lebih tua dari awak dan lebih kaya dari awak. Sementara Abu Jahl pula berkata: Demi Allah, kami tidak rela menerimanya (sebagai Rasul) dan kami tidak akan mengikutnya buat selama-lamanya kecuali kami dikurniakan wahyu seperti yang dikurniakan kepadanya.

Di sini jelaslah bahawa Tabi'at angkuh dan kedudukan istimewa yang biasa dini'mati para pembesar di kalangan para pengikut terutama kedudukan istimewa sebagai pihak yang biasa mengeluarkan perintah dan menerima keta'atan dari para pengikut itulah di antara faktor yang membuat hati mereka memandang baik dan bagus kepada sikap mereka menjadi kafir dan menentang para Rasul.

Pernyataan mereka yang keji dan bodoh itu dijawab oleh Allah, pertama dengan menjelaskan bahawa urusan pemilihan para Rasul untuk membawa risalah-Nya itu adalah diserahkan kepada ilmu Allah yang mengetahui siapakah tokoh yang layak memikul tugas universal yang amat penting ini, dan kedua dengan memberi amaran, dan ancaman bahawa mereka akan di timpa kehinaan dan nasib kesudahan yang buruk:

اللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُ ۗ سَيُصِيبُ الَّذِينَ أَجْرَمُوا صَغَارٌ عِندَ اللَّهِ وَعَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا كَانُوا يَمْكُرُونَ ﴿١٢٤﴾

"Allah lebih mengetahui di mana hendak meletakkan risalah-Nya. Orang-orang yang melakukan kejahatan akan di timpa kehinaan dari Allah dan 'azab yang amat berat dengan sebab tipudaya yang dilakukan mereka."(124)

Tugas Kerasulan

Kerasulan adalah satu urusan yang amat besar dan penting. Ia merupakan urusan universal, di mana iradat Ilahi yang azali dan abadi berhubung secara langsung dengan pergerakan seorang (Rasul) dari para hamba-Nya dan di mana alam al-Mala'ul-'Ala berhubung dengan alam manusia atau alam langit berhubung dengan alam bumi dan alam dunia berhubung dengan alam Akhirat. Dalam urusan kerasulan inilah lahirnya kebenaran yang semesta dalam hati seorang insan, dalam realiti manusia dan dalam perjalanan sejarah. Dalam urusan kerasulan juga seluruh entiti manusia (Rasul) harus bersih dari segala kepentingan diri untuk menumpukan seluruh ketulusan dan keikhlasannya kepada Allah sahaja. Bukannya keikhlasan niat dan amalan sahaja, malah ketulusan tempat atau hati yang menjadi wadah urusan kerasulan yang amat besar itu. Oleh sebab itu diri Rasulullah s.a.w. mempunyai hubungan secara langsung dan sempurna dengan kebenaran dan sumbernya. Dan hubungan yang sedemikian rupa membayangkan kelayakan diri beliau untuk menerima perintah secara langsung dan sempurna dari Allah tanpa halangan dan sekatan.

Hanya Allah sahaja yang mengetahui di mana hendak meletakkan tugas kerasulan atau risalah-Nya. Dialah sahaja yang mengetahui memilih tokoh yang layak untuk memikul tugas kerasulan itu di antara ribuan juta manusia dan berfirman kepadanya: "Engkau telah dilantik untuk memikul tugas kerasulan yang amat besar dan penting."

Orang-orang yang berangan-angan untuk mendapat jawatan menjadi Rasul atau menuntut diberi pengurniaan seperti pengurniaan yang diberi kepada seorang Rasul adalah orang-orang yang mempunyai sifat-sifat yang tidak layak untuk memegang tugas kerasulan, kerana mereka telah menjadi diri mereka (terlalu penting) seolah-olah pusat kewujudan alam, sedangkan para Rasul adalah dipilih dari golongan manusia yang mempunyai sifat-sifat yang berlainan, iaitu sifat yang sanggup menerima tugas kerasulan dengan patuh, sifat yang sanggup mengorbankan seluruh dirinya untuk tugas kerasulan dan sifat yang sanggup melupakan segala kepentingan peribadi. Kemudian darjah kerasulan itu dikurniakan kepadanya tanpa di angan-angan dan ditunggu-tunggukan olehnya:

وَمَا كُنتَ تَرْجُوٓا۟ أَن يُلْقَىٰٓ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبُ إِلَّا رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۖ

"Dan engkau tidak pernah berharap bahawa kitab Al-Qur'an itu diturunkan kepadamu, malah ia diturunkan kepadamu sebagai satu rahmat dari Tuhanmu."

(Surah al-Qasas: 86)

Selain dari itu orang-orang yang berangan-angankan jawatan Rasul itu adalah orang-orang yang tidak mengetahui makna dan kepentingan jawatan yang amat besar itu. Mereka juga tidak mengetahui bahawa hanya Allah sahaja yang berkuasa memilih tokoh yang benar-benar layak untuk jawatan itu dengan ilmu-Nya Yang Maha Mendalam.

Oleh sebab itulah Allah memberi jawapan yang tegas kepada mereka:

اللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُ ۗ

"Allah lebih mengetahui di manakah hendak meletakkan risalah-Nya." (124)

Allah telah meletakkan risalah-Nya pada tokoh yang diketahuinya layak untuk menerimanya. Dia telah memilih untuk tugas ini tokoh manusia yang paling mulia dan paling bersih. Dari kumpulan tokoh-tokoh manusia yang mulia seperti inilah Allah memilih para rasul-Nya sehingga berakhir kepada Nabi Muhammad

s.a.w. sebaik-baik makhluk Allah dan penamat para anbiya'.

Kemudian mereka diancam dengan penghinaan dari Allah dan dengan 'azab yang amat dahsyat dan mengakibatkan mereka menjadi hina-dina:

سَيُصِيبُ ٱلَّذِينَ أَجۡرَمُواْ صَغَارٌ عِندَ ٱللَّهِ وَعَذَابٞ شَدِيدُۢ بِمَا كَانُواْ يَمۡكُرُونَ ١٢٤

Orang-orang yang melakukan kejahatan akan di timpa kehinaan dari Allah dan 'azab yang amat berat dengan sebab tipudaya yang dilakukan mereka."(124)

Balasan penghinaan dari Allah adalah setimpal dengan sikap mereka yang angkuh untuk mengikut dan menerima kebenaran dan pencerobohan mereka terhadap kedudukan para Rasul, dan balasan 'azab yang berat adalah setimpal dengan perbuatan mereka yang merancangkan tipu daya yang jahat dan tindakan mereka yang menentang para Rasul dan penindasan mereka ke atas orang-orang yang beriman.

Kemudian pusingan pembicaraan ini diakhiri dengan menggambarkan keadaan hidayat dan keadaan keimanan yang menjejak dalam hati dan jiwa manusia:

فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهۡدِيَهُۥ يَشۡرَحۡ صَدۡرَهُۥ لِلۡإِسۡلَٰمِۖ وَمَن يُرِدۡ أَن يُضِلَّهُۥ يَجۡعَلۡ صَدۡرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجٗا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي ٱلسَّمَآءِۚ كَذَٰلِكَ يَجۡعَلُ ٱللَّهُ ٱلرِّجۡسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ ١٢٥

"Oleh itu sesiapa yang Allah kehendaki memberi hidayat kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya menerima Islam dan sesiapa yang Allah kehendaki menyesatkannya nescaya Dia jadikan dadanya sempit dan sesak seolah-olah ia sedang mendaki ke langit (tempat yang tinggi). Begitu juga Allah jadikan keseksaan ke atas orang-orang yang tidak beriman."(125)

Maksudnya, sesiapa yang ditetapkan Allah untuk dikurniakan hidayat - mengikut undang-undang-Nya yang akan memberi hidayat kepada mereka yang meminati hidayat dan berusaha ke arahnya dengan menggunakan pilihan bebas yang diberikan Allah kepadanya untuk tujuan menguji mereka - "Nescaya Dia melapangkan dadanya menerima Islam", iaitu Allah jadikan dadanya luas dan lapang untuk menyambut dan menerima Islam dengan mudah dan penuh minat. Ia berinteraksi dengan Islam dan yakin kepada Islam. Ia mencari ketenangan dengan Islam dan merasa senang kerana Islam.

Sebaliknya sesiapa yang ditetapkan Allah mendapat kesesatan - mengikut undang-undang-Nya yang akan menjerumuskan seseorang ke dalam kesesatan apabila ia bencikan hidayat dan menutup fitrahnya kepada hidayat - nescaya Dia jadikan dadanya sempit dan sesak seolah-olah dia mendaki ke langit (tempat yang tinggi). Maksudnya dadanya tertutup dan ia merasa sulit dan sukar bernafas "seolah-olah dia mendaki ke langit". Ini adalah satu keadaan kejiwaan yang digambarkan dengan keadaan fizikal, iaitu dalam bentuk kesesakan pernafasan, kesesakan dada dan kepenatan mendaki tempat yang tinggi. Struktur perkataan "yassa'adu", mengikut qiraa't Hafs, menyampaikan pengertian-pengertian kesesakan, kesebakan dan kepenatan itu. Bunyi perkataan itu sendiri menggambarkan keadaan-keadaan tersebut. Dengan gambaran ini, pemandangan yang wujud itu selaras dengan keadaan yang berlaku dan selaras pula dengan bentuk pengungkapan perkataan yang dimuatkan dalam satu ayat.

Pemandangan itu diakhiri dengan ulasan berikut yang sangat tepat:

كَذَٰلِكَ يَجۡعَلُ ٱللَّهُ ٱلرِّجۡسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ ١٢٥

"Begitulah juga Allah jadikan keseksaan ke atas orang-orang yang tidak beriman."(125)

Yakni seperti mana undang-undang yang dikuatkuasakan oleh perencanaan Allah yang melapangkan dada mereka yang dikehendaki-Nya mendapat hidayat dan menimpakan kesulitan bernafas, kesesakan dada dan kepenatan mendaki tempat yang tinggi kepada mereka yang dikehendaki-Nya terjerumus dalam kesesatan, maka begitulah juga Allah timpakan keseksaan ke atas orang-orang yang tidak beriman.

Di antara pengertian kata-kata "الرجس" ialah "keseksaan" dan "terlontar ke belakang". Kedua-dua pengertian ini menggambarkan keseksaan itu dengan pemandangan seorang yang terlontar ke belakang dan balik semula ke dalam kesesatan hingga tidak terpisah lagi darinya. Inilah bayangan yang dimaksudkan oleh ayat ini.

* * * * * *

Di sana masih ada sesuatu di dalam hati yang hendak dihuraikan mengenai maksud ayat:

فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهۡدِيَهُۥ يَشۡرَحۡ صَدۡرَهُۥ لِلۡإِسۡلَٰمِۖ وَمَن يُرِدۡ أَن يُضِلَّهُۥ يَجۡعَلۡ صَدۡرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجٗا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي ٱلسَّمَآءِۚ كَذَٰلِكَ يَجۡعَلُ ٱللَّهُ ٱلرِّجۡسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ ١٢٥

"Oleh itu sesiapa yang Allah kehendaki memberi hidayat kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya menerima Islam dan sesiapa yang Allah kehendaki menyesatkannya nescaya Dia jadikan dadanya sempit dan sesak seolah-olah ia sedang mendaki ke langit (tempat yang tinggi). Begitu juga Allah jadikan keseksaan ke atas orang-orang yang tidak beriman."(125)

Untuk memahami hakikat yang dijelaskan oleh ayat ini dan ayat-ayat yang seumpamanya di dalam Al-Qur'anul-Karim berhubung dengan pertalian timbal-balik di antara kehendak masyi'ah Allah S.W.T. dengan arah tujuan yang dipilih oleh manusia serta akibat yang diterima olehnya dalam bentuk mendapat hidayat atau mendapat kesesatan di samping balasan yang akan dicapai mereka dalam bentuk pahala atau 'azab keseksaan ...... untuk memahami pertalian ini perlulah digunakan satu logik yang lain dari logik-logik daya pemahaman manusia yang biasa, iaitu logik di sebalik logik aqliyah. Segala perdebatan yang silam mengenai persoalan ini sama ada dalam sejarah pemikiran Islam terutama perdebatan yang berlaku di antara golongan mu'tazilah dengan golongan ahli as-Sunnah dan al-Murji'ah atau dalam sejarah ilmu ketuhanan dan falsafah dan segala isu dan penerangan mengenainya adalah bercorak logik aqliyah.

Hubungan Di Antara Kehendak Allah Dan Kehendak Manusia

Untuk memahami hakikat ini perlu digunakan satu logik di sebalik logik aqliyah di samping perlu adanya hubungan timbal-balik atau interaksi dengan "realiti yang sebenar" bukannya dengan persoalan-persoalan aqliyah. Al-Qur'an menggambarkan hakikat yang sebenar dalam entiti manusia dan dalam kewujudan yang nyata. Di dalam hakikat ini dapat di lihat dengan jelas adanya hubungan di antara kehendak masyi'ah dan perencanaan Allah dengan kehendak iradat manusia dan tindak-tanduknya dalam satu skop yang tidak dapat difahami oleh seluruh logik aqliyah.

Jika di katakan iradat Allah itulah yang menolak manusia ke arah hidayat atau kesesatan, maka pernyataan ini tidaklah menggambar hakikat yang sebenar. Dan jika di katakan iradat manusia itulah yang menentukan seluruh untung nasibnya, maka pernyataan ini juga tidak menggambarkan hakikat yang sebenar, malah hakikat yang sebenar adalah tersusun dari nisbah-nisbah yang halus - juga bersifat ghaibiyah - di antara kebebasan iradat Allah dan kuatkuasanya yang dominan dengan pilihan dan penentuan arah tujuan yang dibuat oleh manusia dalam bentuk yang tidak menimbulkan percanggahan dan pertentangan di antara keduanya.

Tetapi pemahaman hakikat yang sebenar sebagaimana yang wujud dalam realitinya tidak mungkin dicapai dalam bentuk logik aqliyah, juga dalam bentuk persoalan-persoalan aqliyah dan pengungkapan manusia, kerana jenis hakikat itulah yang menentukan methodologi dan cara pengungkapan untuk membicarakannya. Hakikat yang dijelaskan oleh ayat ini tidak dapat di faham melalui methodologi logik aqliyah dan persoalan-persoalan dialektik.

Begitu juga pemahaman hakikat ini sebagaimana yang wujud dalam realitinya memerlukan kepada satu penghayatan yang sempurna dalam pengalaman rohaniyyah dan aqliyah. Seorang yang mempunyai fitrah yang cenderung kepada Islam akan mengalami dalam hatinya perasaan yang lapang dan senang terhadap Islam, dan pengalaman ini tentulah dari ciptaan Allah, kerana kelahiran perasaan yang lapang dan riang dalam hati itu adalah satu peristiwa yang hanya berlaku dengan perencanaan Allah yang mencipta dan melahirkannya. Dan seorang yang mempunyai fitrah yang cenderung kepada kesesatan akan mengalami dalam dadanya perasaan yang sebak dan sulit, dan pengalaman ini juga tentulah dari ciptaan Allah, kerana kelahiran pengalaman ini adalah satu peristiwa yang hanya berlaku dengan perencanaan Allah yang mencipta dan memperlakukannya. Kedua-dua pengalaman itu adalah lahir dari kehendak iradat Allah terhadap hamba-Nya, tetapi bukan kehendak iradat-Nya secara paksa, malah ia adalah iradat yang telah menciptakan undang-undang untuk menguji manusia dengan mengurniakan iradat sekadar tertentu kepadanya dan untuk melaksanakan perencanaan Allah dengan mewujudkan akibat sebagai hasil dari tindakan manusia menggunakan kadar iradat yang telah dikurniakan kepadanya itu ke arah tujuan mendapat hidayat atau kesesatan.

Apabila persoalan aqliyah dihadapkan dengan persoalan aqliyah dan apabila interaksi berlaku dengan persoalan-persoalan ini tanpa disertai pengalaman hati yang menghayati hakikat itu dan tanpa pengalaman sebenar berinteraksi dengannya, maka hakikat itu sama sekali tidak dapat di faham dengan sempurna dan betul. Inilah yang telah berlaku dalam perdebatan-perdebatan Islamiyah juga dalam perdebatan-perdebatan yang lain.

Oleh sebab itu untuk berinteraksi dengan hakikat yang agung ini perlu adanya satu methodologi yang lain dan penghayatan secara langsung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 126 - 127)

Kemudian marilah kita kembali semula kepada huraian Al-Qur'an. Kumpulan ayat-ayat ini datang sebagai ulasan kepada persoalan binatang sembelihan yang diterangkan sebelum ini. Dengan demikian kedua-dua kumpulan ayat ini mempunyai pertalian sebagai seikat ayat dalam huraian ini, juga seikat ayat dalam mencetuskan kesedaran dan menegakkan binaan agama ini, di mana dibayangkan bahawa persoalan binatang-binatang sembelihan adalah persoalan perundangan dan persoalan perundangan adalah persoalan Hakimiyah dan persoalan Hakimiyah

adalah persoalan keimanan. Ini bererti pembicaraan tentang keimanan dalam bentuk yang sedemikian rupa merupakan satu pembicaraan yang kena pada tempatnya.

Kemudian datang pula ulasan yang akhir dalam bahagian ayat-ayat berikut yang mengikatkan dua kumpulan ayat itu dengan satu ikatan yang akhir, iaitu dua kumpulan ayat yang membicarakan 'aqidah dan syari'at itu adalah menggambarkan jalan Allah yang lurus dan sebarang tindakan yang menyeleweng dari 'aqidah dan syari'at ini bererti menyeleweng dari jalan Allah yang lurus, dan sebaliknya pendirian yang teguh di atas 'aqidah dan syari'at ini bererti pendirian yang teguh mengikut jalan Allah yang lurus yang akan membawa kepada Syurga Darus-Salam dan ke arah naungan Allah yang menaungi para hamba yang sentiasa mengingati Allah:

وَهَٰذَا صِرَٰطُ رَبِّكَ مُسْتَقِيمًا ۗ قَدْ فَصَّلْنَا ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٢٦﴾ لَهُمْ دَارُ ٱلسَّلَٰمِ عِندَ رَبِّهِمْ ۖ وَهُوَ وَلِيُّهُم بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٢٧﴾

"Dan inilah jalan Tuhanmu yang lurus. Kami telah menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci kepada golongan orang-orang yang sentiasa mengingati Allah (126). Mereka akan dikurniakan Syurga Darus-Salam di sisi Tuhan mereka dan Dialah yang menjadi Penaung mereka kerana amalan-amalan soleh yang dilakukan mereka."(127)

Maksudnya, jalan ini adalah jalan Tuhanmu. Ungkapan "jalan Tuhanmu" adalah satu ungkapan yang memberi ketenteraman dan kepercayaan, di samping menyampaikan berita baik di akhir peranan hidup. Inilah peraturan Allah mengenai hidayat dan kesesatan, dan inilah syari'at Allah mengenai hukum halal dan haram. Kedua-duanya sama dalam pertimbangan Allah dan kedua-duanya merupakan satu hakikat yang sedaging dalam penjelasan Al-Qur'an.

Allah telah menjelaskan ayat-ayat-Nya dengan terperinci, tetapi hanya orang-orang yang mengingati Allah yang tidak lupa dan lalai sahaja yang mendapat manfa'at dari penjelasan-penjelasan ayat-ayat itu. Hati yang mu'min ialah hati yang sentiasa mengingati Allah dan tidak lalai, hati yang sentiasa lapang dan terbuka, sentiasa hidup, menerima dan menyahut.

Orang-orang yang sentiasa mengambil i'tibar akan memperolehi Syurga Darus-Salam di sisi Tuhan mereka, iaitu negara tenteram dan aman yang dijamin oleh Allah yang menjadi Penaung, Penolong, Penjaga dan Pemelihara mereka sebagai balasan terhadap amalan-amalan soleh yang dilakukan mereka. Itulah balasan kerana kejayaan mereka menempuh ujian Allah.

Sekali lagi kita dapati diri kita berada di hadapan satu hakikat agung dari hakikat-hakikat 'aqidah Islamiyah, di mana jalan Allah yang lurus terletak pada pengakuan terhadap Hakimiyah dan syari'at Allah, dan di sebalik pengakuan inilah terletak keimanan dan 'aqidah. Inilah Tabi'at agama ini sebagaimana yang dijelaskan Tuhan Rabbul-'Alamin.

(Kumpulan ayat-ayat 128 - 135)

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا يَٰمَعْشَرَ ٱلْجِنِّ قَدِ ٱسْتَكْثَرْتُم مِّنَ ٱلْإِنسِ ۖ وَقَالَ أَوْلِيَآؤُهُم مِّنَ ٱلْإِنسِ رَبَّنَا ٱسْتَمْتَعَ بَعْضُنَا بِبَعْضٍ وَبَلَغْنَآ أَجَلَنَا ٱلَّذِىٓ أَجَّلْتَ لَنَا ۚ قَالَ ٱلنَّارُ مَثْوَىٰكُمْ خَٰلِدِينَ فِيهَآ إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٢٨﴾ وَكَذَٰلِكَ نُوَلِّى بَعْضَ ٱلظَّٰلِمِينَ بَعْضًۢا بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿١٢٩﴾ يَٰمَعْشَرَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِى وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا ۚ قَالُوا۟ شَهِدْنَا عَلَىٰٓ أَنفُسِنَا ۖ وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا وَشَهِدُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ كَٰفِرِينَ ﴿١٣٠﴾ ذَٰلِكَ أَن لَّمْ يَكُن رَّبُّكَ مُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا غَٰفِلُونَ ﴿١٣١﴾ وَلِكُلٍّ دَرَجَٰتٌ مِّمَّا عَمِلُوا۟ ۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٣٢﴾ وَرَبُّكَ ٱلْغَنِىُّ ذُو ٱلرَّحْمَةِ ۚ إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَسْتَخْلِفْ مِنۢ بَعْدِكُم مَّا يَشَآءُ كَمَآ أَنشَأَكُم مِّن ذُرِّيَّةِ قَوْمٍ ءَاخَرِينَ ﴿١٣٣﴾

إِنَّ مَا تُوعَدُونَ لَآتٍ ۖ وَمَا أَنتُم بِمُعْجِزِينَ ﴿١٣٤﴾ قُلْ يَا قَوْمِ اعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّي عَامِلٌ ۖ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ مَن تَكُونُ لَهُ عَاقِبَةُ الدَّارِ ۗ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴿١٣٥﴾

"Dan (ingatlah) hari Allah mengumpulkan seluruh mereka (lalu berfirman:) "Wahai sekalian jin! Kamu telah mendapat pengikut-pengikut yang ramai dari manusia". Jawab sahabat-sahabat setia mereka dari manusia:" Wahai Tuhan kami! Kami satu sama lain telah mengecap keni'matan dan (kini) kami telah sampai kepada ajal kami yang telah Engkau tetapkannya kepada kami". Allah menjawab: "Neraka itulah tempat kediaman kamu dan kamu akan kekal berada di dalamnya kecuali keputusan yang dikehendaki Allah". Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui (128). Dan demikianlah Kami jadikan orang-orang yang zalim itu sahabat-sahabat setia terhadap satu sama dengan sebab amalan-amalan yang diusahakan mereka (129). Wahai sekalian jin dan manusia! Tidakkah Rasul-rasul dari kalangan kamu telah datang menceritakan ayat-ayat-Ku (pengajaran-pengajaran-Ku) kepada kamu dan mengingatkan kamu tentang pertemuan kamu dengan hari (pengadilan) kamu ini? Jawab mereka: Kami mengaku kesalahan diri kami sendiri. Dan mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan mereka mengaku kesalahan diri mereka sendiri bahawa mereka sebenarnya adalah orang-orang yang kafir (130). (Tujuan diutuskan Rasul) itu ialah kerana Tuhanmu tidak membinasakan negeri-negeri secara zalim, sedangkan para penduduknya lalai (tidak diperingatkan oleh Rasul) (131). Setiap jin dan manusia itu disediakan darjat-darjat balasan masing-masing mengikut amalan yang dilakukan mereka. Dan Tuhanmu sekali-kali tidak lalai dari segala perbuatan yang dilakukan mereka (132). Dan Tuhanmu Maha Kaya dan memiliki rahmat yang limpah. Jika Dia kehendaki nescaya Dia hapuskan kamu dan menggantikan selepas kamu dengan siapa yang dikehendaki oleh-Nya sama seperti Dia jadikan kamu dari zuriat kaum yang lain (133). Segala apa yang dijanjikan Allah kepada kamu tetap akan datang dan kamu tidak mungkin terlepas darinya (134). Katakanlah (wahai Muhammad): Bekerjalah kamu mengikut jalan kamu dan aku bekerja mengikut jalanku, dan kelak kamu akan mengetahui siapakah di antara kita yang akan mendapat balasan yang baik di dunia (dan Akhirat). Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan mendapat kejayaan.(135)

Keseluruhan bahagian ayat-ayat ini tidaklah terpisah dari pelajaran yang telah lepas, malah ia merupakan lanjutan darinya. Ia adalah sejenis dengan kumpulan ayat-ayat seturut yang terkandung dalam pelajaran yang silam.

Kumpulan ayat-ayat ini dari satu sudut merupakan satu selingan untuk menjelaskan nasib syaitan-syaitan manusia dan jin setelah dijelaskan untung nasib orang-orang yang mengikuti jalan Allah dengan pendirian yang teguh dan jujur, dan dari satu sudut yang lain pula ia merupakan satu selingan untuk menjelaskan persoalan keimanan dan kekufuran yang disebutkan di sini kerana hubungkaitnya dengan persoalan Hakimiyah dan syari'at dan mengikatkan persoalan yang akhir ini dengan hakikat-hakikat asasi 'aqidah Islam. Di antaranya ialah hakikat balasan di Akhirat terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan di dunia selepas diberi amaran, peringatan dan berita-berita galakan (oleh para anbiya'), juga hakikat kekuasaan Allah yang berkuasa menghapuskan syaitan-syaitan dan sahabat-sahabat setia mereka, juga menghapuskan seluruh manusia dan menggantikan mereka dengan manusia yang lain, juga hakikat kelemahan manusia secara keseluruhannya dalam menghadapi 'azab Allah. Semuanya ini merupakan hakikat-hakikat ghaib yang disebut ketika dibicarakan persoalan sembelihan-sembelihan yang halal dan yang haram sebelum itu, dan selepas itu dikemukakan pembicaraan selanjutnya mengenai amalan menazarkan buah-buahan, ternakan-ternakan dan anak-anak (kepada berhala-berhala), juga mengenai tradisi-tradisi dan tanggapan-tanggapan jahiliyah dalam persoalan-persoalan ini. Dengan ini pembicaraan mengenai semua persoalan-persoalan ini menjadi sepadu dan kelihatan kena dengan tempatnya yang tabi'i yang diaturkan oleh agama ini, iaitu semua persoalan ini adalah persoalan i'tiqadiyyah yang sama dan tidak berbeza dalam neraca pertimbangan Allah sebagaimana yang dinilaikan Allah dalam kitab suci-Nya Al-Qur'anul-Karim.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 128 - 130)

Di dalam pelajaran yang lepas telah dibicarakan tentang orang-orang yang telah dibukakan Allah pintu hati mereka menerima Islam, dan sejak itu hati mereka sentiasa mengingati Allah dan tidak lalai. Mereka menuju ke Syurga Darus-Salam di samping menuju kepada naungan Allah dan pemeliharaan-Nya. Kini di lembaran sebelah lagi dari pemandangan ini ditayangkan pula - mengikut kebiasaan Al-Qur'an ketika menayangkan pemandangan Kiamat -pemandangan syaitan-syaitan manusia dan jin yang hidup dengan aktiviti bisik membisik di antara satu sama lain dengan kata-kata yang manis untuk tujuan menipu dan menyesatkan. Mereka bekerjasama satu sama lain untuk menentang setiap nabi yang dibangkitkan. Mereka menggalakkan satu sama lain untuk bertengkar dan berhujah dengan orang-orang yang beriman mengenai hukum-hukum halal dan haram yang telah disyari'atkan Allah kepada mereka. Kedudukan mereka ditayangkan oleh Al-Qur'an dalam satu pemandangan yang terpampang di hadapan mata, hidup, penuh dengan dialog, pengakuan, kecaman, hukuman dan ulasan, di samping penuh dengan pergerakan-pergerakan yang hidup yang biasanya wujud dalam pemandangan-pemandangan Kiamat yang digambarkan dalam Al-Qur'an.

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا يَٰمَعْشَرَ ٱلْجِنِّ قَدِ ٱسْتَكْثَرْتُم مِّنَ ٱلْإِنسِ ۖ وَقَالَ أَوْلِيَآؤُهُم مِّنَ ٱلْإِنسِ رَبَّنَا ٱسْتَمْتَعَ بَعْضُنَا بِبَعْضٍ وَبَلَغْنَآ أَجَلَنَا ٱلَّذِىٓ أَجَّلْتَ لَنَا ۚ قَالَ ٱلنَّارُ مَثْوَىٰكُمْ خَٰلِدِينَ فِيهَآ إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٢٨﴾

وَكَذَٰلِكَ نُوَلِّى بَعْضَ ٱلظَّٰلِمِينَ بَعْضًۢا بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿١٢٩﴾

يَٰمَعْشَرَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِى وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا ۚ قَالُوا۟ شَهِدْنَا عَلَىٰٓ أَنفُسِنَا ۖ وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا وَشَهِدُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ كَٰفِرِينَ ﴿١٣٠﴾

"Dan (ingatlah) hari Allah mengumpulkan seluruh mereka (lalu berfirman:) 'Wahai sekalian jin, kamu telah mendapat pengikut-pengikut yang ramai dari manusia'. Jawab sahabat-sahabat setia mereka dari manusia. ' Wahai Tuhan kami! Kami satu sama lain telah mengecap keni'matan dan (kini) kami telah sampai kepada ajal kami yang telah Engkau tetapkannya kepada kami'. Allah menjawab: 'Neraka itulah tempat kediaman kamu dan kamu akan kekal berada di dalamnya kecuali keputusan yang dikehendaki Allah'. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui (128). Dan demikianlah Kami jadikan orang-orang yang zalim itu sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain dengan sebab amalan-amalan yang sama yang diusahakan mereka (129). Wahai sekalian jin dan manusia! Tidakkah rasul-rasul dari kalangan kamu telah datang menceritakan ayat-ayat-Ku (pengajaran-pengajaranKu) kepada kamu dan mengingatkan kamu tentang pertemuan kamu dengan hari (pengadilan) kamu ini? Jawab mereka: Kami mengaku kesalahan diri kami sendiri. Dan mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan mereka mengaku kesalahan diri mereka sendiri bahawa mereka sebenarnya adalah orang-orang yang kafir."(130)

Pemandangan itu pada mulanya hendak ditayangkan di masa akan datang, iaitu pada masa Allah kumpulkan mereka di Mahsyar, tetapi pemandangan itu berubah menjadi pemandangan yang berlaku sekarang, di mana para pendengar melihat pemandangan itu terpampang di hadapan mereka. Ini berlaku dengan sebab terbuangnya satu perkataan dalam susunkata ayat. Bunyi penuh ayat ini ialah begini: "Pada hari Allah kumpulkan seluruh mereka - dan berfirman: Wahai sekalian jin dan manusia." Pembuangan perkataan - dan berfirman - itu telah menyebabkan pemandangan itu berpindah begitu jauh, iaitu dari masa akan datang yang ditunggu-tunggu kepada masa sekarang - yang dapat di lihat dengan mata. Ini adalah salah satu ciri pengungkapan Al-Qur'an yang menarik.

Marilah kita ikuti pemandangan yang tersergam sekarang.

يَٰمَعْشَرَ ٱلْجِنِّ قَدِ ٱسْتَكْثَرْتُم مِّنَ ٱلْإِنسِ ۖ

"Wahai sekalian jin! Kamu telah mendapat pengikut-pengikut yang ramai dari manusia."(128)

Maksudnya, kamu telah mendapat pengikut-pengikut manusia yang ramai dan mereka mematuhi saranan-saranan dan bisikan kamu serta menurut jejak kamu. Penceritaan ini bukanlah dituju untuk penceritaan, kerana makhluk jin memang mengetahui bahawa mereka telah mendapat pengikut-pengikut manusia yang ramai, malah penceritaan ini bertujuan untuk merakamkan jenayah mereka yang menggoda dan menyesatkan kumpulan manusia yang ramai itu, yang hampir-hampir dapat di lihat oleh kita dalam pemandangan itu, di samping bertujuan untuk mengecam perbuatan jenayah mereka yang dibuktikan oleh dalil-dalil yang jelas dari kewujudan kumpulan manusia yang ramai ini. Oleh sebab itulah makhluk jin tidak memberi apa-apa jawapan kepada penceritaan itu, malah makhluk manusia yang tertipu kepada bisikan syaitan-syaitan itu sahaja yang menjawab:

وَقَالَ أَوْلِيَآؤُهُم مِّنَ ٱلْإِنسِ رَبَّنَا ٱسْتَمْتَعَ بَعْضُنَا بِبَعْضٍ وَبَلَغْنَآ أَجَلَنَا ٱلَّذِىٓ أَجَّلْتَ لَنَا ۚ

"Jawab sahabat-sahabat setia mereka dari manusia: 'Wahai Tuhan kami! Kami satu sama lain telah mengecapi keni'matan dan (kini) kami telah sampai kepada ajal kami yang telah Engkau tetapkannya kepada kami.'"(128)

Jawapan ini mendedahkan Tabi'at kelalaian dan kebodohan manusia yang menjadi pak turut syaitan-syaitan itu, di samping mendedahkan bahawa jiwa mereka semasa hidup di dunia - alam hidup yang penuh dengan penipuan ini - telah dimasuki syaitan. Mereka meni'mati segala godaan, hasutan dan galakan syaitan yang menghias indah segala fikiran dan pandangan yang jahat yang dikemukakan kepada mereka, di samping menghias indah kelakuan mereka yang berlagak angkuh dan bertindak sewenang-wenang itu, juga menghias indah segala dosa lahir dan batin. Dari pintu keinginan mencari keni'matan inilah syaitan dapat memasuki ke dalam jiwa mereka. Syaitan-syaitan juga mendapat keni'matan dari manusia-manusia yang tertipu dan lalai itu. Mereka menggoda, mempermain-mainkan manusia dan menggunakan mereka untuk merealisasikan matlamat agung iblis di alam manusia. Sementara golongan manusia yang ditipu dan diperbodohkan itu menyangka segala apa yang berlaku itu sebagai satu keni'matan bersama, di mana mereka memberi

keni'matan dan mendapat keni'matan dan oleh sebab itulah mereka berkata:

رَبَّنَا ٱسْتَمْتَعَ بَعْضُنَا بِبَعْضٍ

"Wahai Tuhan kami! Kami satu sama lain telah mengecapi keni'matan."(128)

Keni'matan itu berlanjutan selama masa mereka hidup di dunia sehingga sampai tempoh Kiamat, di mana mereka baru sedar bahawa Allah telah memberi tempoh kepada mereka sehingga hari itu, juga baru sedar bahawa mereka telah berada dalam genggaman kekuasaan Allah ketika mengecapi keni'matan itu:

وَبَلَغْنَآ أَجَلَنَا ٱلَّذِىٓ أَجَّلْتَ لَنَا

"Dan (kini) kami telah sampai kepada ajal kami yang telah Engkau tetapkannya kepada kami."(128)

Ketika itu datanglah keputusan Allah yang tegas mengenakan balasan yang adil:

قَالَ ٱلنَّارُ مَثْوَىٰكُمْ خَٰلِدِينَ فِيهَآ إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ

"Allah menjawab: Neraka itulah tempat kediaman kamu dan kamu akan kekal berada di dalamnya kecuali keputusan yang dikehendaki Allah."(128)

Maksudnya, Neraka akan menjadi tempat kediaman mereka yang kekal abadi "kecuali apa yang dikehendaki Allah." Pengecualian ini bertujuan supaya gambaran kehendak masyi'ah Allah yang bebas itu tetap menguasai kefahaman kepercayaan seseorang, kerana kebebasan kehendak masyi'ah Allah merupakan salah satu dasar kefahaman ini, iaitu kehendak masyi'ah-Nya tidak tersekat dan terikat, juga tidak terikat dalam keputusan-keputusan-Nya.

إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٢٨﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(128)

Maksudnya, segala, perencanaan-Nya berlaku ke atas manusia mengikut hikmat kebijaksanaan dan ilmu-Nya yang mendalam, dan dua sifat ini hanya dimiliki oleh Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui sahaja.

Sebelum memulakan dialog untuk menyempurnakan pemandangan itu, ayat yang berikut beralih ke arah memberi ulasan kepada bahagian pemandangan yang telah berakhir:

وَكَذَٰلِكَ نُوَلِّى بَعْضَ ٱلظَّٰلِمِينَ بَعْضًۢا بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿١٢٩﴾

"Dan demikianlah Kami jadikan orang-orang yang zalim itu sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain dengan sebab amalan-amalan yang sama yang diusahakan mereka.(129)

Maksudnya, dengan hubungan setiakawan yang wujud di antara makhluk jin dan manusia ini, juga dengan persamaan untung nasib yang akan diterima mereka sebagai akibat dari hubungan setiakawan ini... yakni berdasarkan keadaan dan kaedah yang sama Kami jadikan orang-orang yang zalim itu bersahabat setia di antara satu sama lain dengan sebab usaha-usaha yang sama yang dilakukan mereka, Kami jadikan mereka bersetiakawan dengan sebab wujudnya titik pertemuan Tabi'at dan hakikat di antara mereka, juga titik persamaan arah tujuan dan matlamat mereka di samping titik persamaan untung nasib yang menunggu mereka.

Ini adalah satu pernyataan umum yang mencakup batas-batas yang lebih jauh dari batas-batas pembicaraan sekarang, iaitu ia mencakup Tabi'at setiakawan yang wujud di antara syaitan-syaitan manusia dan jin umumnya kerana orang-orang yang zalim, iaitu orang-orang yang mempersekutukan Allah dalam apa sahaja bentuknya adalah bersatu padu di antara mereka dalam usaha menentang kebenaran dan hidayat. Mereka saling membantu dalam usaha memusuhi setiap nabi yang di bangkit dan orang-orang yang beriman kepadanya, di samping mereka mempunyai Tabi'at kejadian yang sama walaupun berbeza dari segi bentuk - mereka juga mempunyai kepentingan yang sama, yang ditegakkan di atas amalan merampas hak Rububiyah Allah ke atas manusia dan amalan bertindak bebas mengikut hawa nafsu tanpa terikat kepada kuasa Hakimiyah Allah.

Gabungan Antarabangsa Untuk Menentang Kebangkitan Islam

Golongan manusia yang zalim ini dapat kita lihat di setiap zaman. Mereka membentuk satu gabungan yang saling membantu satu sama lain - walaupun di antara mereka wujud berbagai-bagai perselisihan dan pertentangan kepentingan - jika mereka menghadapi perjuangan menentang agama Allah dan para hamba kesayangan Allah. Titik persamaan Tabi'at kejadian dan matlamat itulah yang telah membentuk hubungan setiakawan di antara mereka, begitu juga titik persamaan kegiatan mereka dalam aktiviti melakukan kerja-kerja yang jahat dan bejat menyebabkan mereka menghadapi untung nasib yang sama di negeri Akhirat sebagai mana kita telah saksikan dalam pemandangan yang ditayangkan oleh Al-Qur'an.

Kita dapat melihat di masa ini - juga sejak abad-abad yang silam - kemunculan satu barisan perpaduan yang besar yang menggabungkan syaitan-syaitan manusia yang terdiri dari pejuang-pejuang Salib, pejuang-pejuang Zionisme, pejuang-pejuang Paganisme dan pejuang-pejuang Komunisme, walaupun mereka dari kem-kem yang berlainan, namun mereka dapat bersatu padu dalam perjuangan

menentang Islam dan menghancurkan pergerakan-pergerakan perintis kebangkitan Islam di seluruh dunia.

Itulah satu perpaduan dan gabungan yang benar-benar mengancam. Ia mempunyai pengalaman selama puluhan abad di dalam langkah-langkah memerangi Islam di samping kekuatan kebendaan dan kebudayaan serta alat-alat media massa di kawasan itu sendiri dan seluruhnya di guna untuk melaksanakan kerja-kerja yang sesuai dengan matlamat perpaduan itu dan rancangan-rancangan kesyaitanannya yang jahat. Itulah gabungan yang tergambar jelas di dalam firman Allah:

وَكَذَٰلِكَ نُوَلِّي بَعْضَ ٱلظَّٰلِمِينَ بَعْضًۢا بِمَا كَانُوا۟
يَكْسِبُونَ ﴿١٢٩﴾

"Dan demikianlah Kami jadikan orang-orang yang zalim itu sahabat-sahabat setia terhadap satu sama lain dengan sebab amalan-amalan yang sama yang diusahakan mereka."(129)

Juga tepat dengan firman Allah yang bertujuan meyakinkan nabi-Nya s.a.w.:

وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾

"Dan jika Allah kehendaki nescaya mereka tidak mampu melakukannya. Oleh itu tinggalah mereka dan segala pembohongan yang di ada-adakan mereka."(112)

Tetapi keyakinan yang diberikan Allah itu memerlukan adanya di sana kelompok mu'minin yang menurut jejak Rasulullah s.a.w. dan sedar bahawa mereka mengambil tempat beliau dalam menghadapi perjuangan yang dilancarkan terhadap agama Islam dan terhadap orang-orang yang beriman.

Kemudian marilah kita kembali kepada bahagian pemandangan yang akhir:

يَٰمَعْشَرَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ
مِّنكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِى وَيُنذِرُونَكُمْ
لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَا ۚ قَالُوا۟ شَهِدْنَا عَلَىٰٓ أَنفُسِنَا ۖ
وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا وَشَهِدُوا۟ عَلَىٰٓ
أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ كَٰفِرِينَ ﴿١٣٠﴾

"Wahai sekalian jin dan manusia! Tidakkah Rasul-rasul dari kalangan kamu telah datang menceritakan ayat-ayat-Ku (pengajaran-pengajaranKu) kepada kamu dan mengingatkan kamu tentang pertemuan kamu dengan hari (pengadilan) kamu ini? Jawab mereka: Kami mengaku kesalahan diri kami sendiri. Dan mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan mereka mengaku kesalahan diri mereka sendiri bahawa mereka sebenarnya adalah orang-orang yang kafir."(130)

Pertanyaan ini bertujuan untuk memberi penjelasan dan merakamkan kesalahan mereka, kerana Allah memang telah mengetahui keperihalan hidup mereka di dunia ini. Dan jawapan mereka kepada pertanyaan ini merupakan pengakuan dari mereka bahawa mereka memang wajar menerima balasan itu di Akhirat.

Ayat ini ditujukan kepada makhluk jin di samping ditujukan kepada manusia. Apakah Allah telah mengutuskan Rasul-rasul kepada makhluk jin yang dipilih dari kalangan mereka sendiri sebagaimana Allah mengutuskan Rasul-rasul kepada manusia? Hanya Allah sahaja yang mengetahui segala urusan makhluk jin yang tidak dapat di lihat oleh manusia itu, tetapi ayat ini boleh dita'wilkan dengan pengertian bahawa makhluk jin telah mendengar wahyu-wahyu yang telah diturunkan kepada para rasul lalu mereka pergi mendapatkan kaum mereka dan mengingatkan mereka dengan wahyu itu sebagaimana cerita mereka telah diterangkan oleh Al-Quraanul-Karim dalam Surah al-Ahqaf.

وَإِذْ صَرَفْنَآ إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ
ٱلْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوٓا۟ أَنصِتُوا۟ ۖ فَلَمَّا قُضِىَ وَلَّوْا۟
إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ ﴿٢٩﴾
قَالُوا۟ يَٰقَوْمَنَآ إِنَّا سَمِعْنَا كِتَٰبًا أُنزِلَ مِنۢ بَعْدِ
مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ وَإِلَىٰ
طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾
يَٰقَوْمَنَآ أَجِيبُوا۟ دَاعِىَ ٱللَّهِ وَءَامِنُوا۟ بِهِۦ يَغْفِرْ لَكُم
مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣١﴾
وَمَن لَّا يُجِبْ دَاعِىَ ٱللَّهِ فَلَيْسَ بِمُعْجِزٍ فِى ٱلْأَرْضِ
وَلَيْسَ لَهُۥ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءُ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ فِى ضَلَٰلٍ
مُّبِينٍ ﴿٣٢﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami arahkan serombongan jin datang kepadamu (Muhammad) untuk mendengar Al-Qur'an dan apabila mereka menghadirinya mereka berkata: Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan selepas Musa yang mengesahkan kitab sebelumnya dan memberi hidayat kepada kebenaran dan jalan yang lurus (29). Mereka berkata: Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar kitab (Al-Qur'an) yang telah diturunkan selepas Musa yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang terdahulu darinya. Ia memberi hidayat kepada kebenaran dan jalan yang lurus (30). Wahai kaum kami! Sambutlah seruan rasul yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepadanya, nescaya Dia ampunkan kamu dari dosa-dosa

kamu dan menyelamatkan kamu dari 'azab yang amat pedih (31). Dan barang siapa yang tidak menyambut seruan rasul yang menyeru kepada Allah, maka ia tidak akan dapat melemahkan Allah di muka bumi dan tidak ada baginya pelindung selain Allah. Mereka adalah di dalam kesesatan yang amat nyata."(32)

Oleh sebab itu soal jawab jin bersama manusia itu mungkin diasaskan di atas dasar ini dan seluruh persoalan ini adalah dari ikhtisas ilmu Allah S.W.T. sahaja. Usaha mengkaji lebih jauh dari kadar ini tidak membawa apa-apa faedah.

Walau bagaimanapun, jin dan manusia yang disoal itu memang sedar bahawa pertanyaan Allah itu bukanlah bertujuan bertanya, malah pertanyaan itu bertujuan untuk menjelaskan keadaan yang sebenar dan merakamkan kesalahan mereka, di samping bertujuan mengecam dan mencela kelakuan mereka, hingga menyebabkan mereka membuat pengakuan yang penuh dan merakamkan sendiri bahawa mereka wajar menerima balasan yang dikenakan ke atas mereka.

قَالُوا۟ شَهِدْنَا عَلَىٰٓ أَنفُسِنَا

"Jawab mereka: Kami mengaku kesalahan diri kami sendiri."(130)

Di sini Allah yang mengulaskan pemandangan ini berfirman:

وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا وَشَهِدُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ كَٰفِرِينَ ﴿١٣٠﴾

"Dan mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan mengaku kesalahan diri mereka sendiri bahawa mereka sebenarnya adalah orang-orang yang kafir."(130)

Ulasan ini bertujuan untuk menjelaskan kedudukan mereka yang sebenar di dunia ini, iaitu mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan sikap mereka yang angkuh telah membawa mereka kepada kekufuran. Kemudian kini mereka sendiri mengakui kesalahan diri mereka ketika lagak mereka yang angkuh dan sikap mereka yang mengingkari kebenaran itu tidak mendatangkan apa-apa faedah lagi kepada mereka. Tidak ada untung nasib yang lebih buruk dari seorang yang mendapati dirinya terjebak dalam satu kesulitan, di mana ia tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyelamatkan dirinya sama ada dengan perkataan menolak atau dengan perkataan untuk mempertahankan diri.

Marilah kita berhenti sejenak memperhatikan uslub Al-Qur'an yang menarik ketika ia melukiskan pemandangan-pemandangan hingga kelihatan terpampang di hadapan mata, dan ketika ia menggambarkan peristiwa masa depan yang ditunggu-tunggu itu hingga kelihatan seolah-olah sedang berlaku di hadapan mata, dan ketika melukiskan peristiwa masa kini hingga kelihatan seolah-olah peristiwa masa silam yang amat jauh.

Al-Qur'an ini dibaca kepada manusia yang sedang berada di dunia atau di bumi yang ada sekarang ini, tetapi ia menayangkan pemandangan-pemandangan Akhirat" Seolah-olah pemandangan itu tersergam di hadapan mata, dan menayangkan pemandangan-pemandangan dunia seolah-olah pemandangan masa silam yang amat jauh hingga kita lupa bahawa pemandangan itu adalah satu pemandangan yang akan berlaku pada hari Kiamat kelak, sedangkan kita merasa pemandangan itu sedang berlaku di hadapan kita di sa'at ini, dan apabila ia memperkatakan tentang dunia masa kini, kita merasa ia sedang memperkatakan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam sejarah yang lama.

وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا وَشَهِدُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ كَٰفِرِينَ ﴿١٣٠﴾

"Dan mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan mengaku kesalahan diri mereka sendiri bahawa mereka sebenarnya adalah orang-orang yang kafir."(130)

Itulah di antara pergerakan imaginasi yang menarik.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 131 - 132)

Setelah tamatnya pemandangan ini, rangkaian ayat-ayat yang berikut menoleh pula kepada Rasulullah s.a.w., kepada kaum mu'minin di belakang beliau dan kepada seluruh manusia umumnya untuk dikemukakan ulasan Allah terhadap hukuman-Nya yang telah mengenakan balasan ke atas syaitan-syaitan manusia dan jin, juga hukuman Allah yang telah memerintah supaya kumpulan syaitan-syaitan yang amat besar itu diseret ke dalam Neraka, di samping menjelaskan bahawa Allah telah mengutuskan para rasul untuk menerangkan ayat-ayat-Nya kepada mereka serta mengingatkan bahawa mereka tetap akan menghadapi hari Kiamat ini, dan seterusnya mengulaskan pemandangan ini dan segala isi kandungan bahawa 'azab Allah tidak akan dikenakan ke atas sesiapa melainkan setelah disampaikan peringatan dan amaran, begitu juga Allah tidak akan mempersalahkan mereka yang zalim, yang telah mempersekutukan Allah melainkan setelah diberi peringatan agar sedar dari kelalaian mereka dan setelah dibacakan ayat-ayat Allah kepada mereka dan setelah diutuskan para rasul menyampaikan amaran kepada mereka:

ذَٰلِكَ أَن لَّمْ يَكُن رَّبُّكَ مُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا غَٰفِلُونَ ﴿١٣١﴾

"(Tujuan diutuskan rasul) itu ialah kerana Tuhanmu tidak membinasakan negeri-negeri secara zalim, sedangkan para penduduknya lalai (tidak diperingatkan oleh rasul)."(131)

Allah Tidak Menghukum Manusia Sebelum Diutuskan Rasul

Konsep rahmat Allah terhadap manusia telah menetapkan bahawa manusia tidak akan dihukum atau dipersalahkan oleh Allah kerana melakukan perbuatan syirik dan kufur sehingga Allah utuskan para rasul-Nya kepada mereka, walaupun dalam jiwa mereka telah dilengkapkan dengan fitrah yang membawa mereka kepada Allah, kerana fitrah kadang-kadang tersesat jalan walaupun dibantu dengan daya kekuatan akal dan kefahaman, kerana akal juga kadang-kadang tersesat jalan akibat dari tekanan dan desakan hawa nafsu mereka walaupun kitab alam buana yang terbuka sentiasa menunjukkan berbagai-bagai tanda kekuasaan Allah, kerana alat-alat penerima yang dilengkapkan dalam diri manusia kadang-kadang tidak berfungsi dan rosak belaka.

Allah telah meletakkan di atas bahu para rasul dan risalah-risalah yang dibawa mereka tugas menyelamatkan akal dari penyelewengan dan menyelamatkan mata hati dan pancaindera dari kehilangan cahaya dan fungsi. Kemudian Allah meletakkan hukuman 'azab di atas perbuatan manusia yang mendustakan rasul dan mengingkari Allah selepas menerima seruan rasul dan amarannya.

Hakikat ini menggambarkan rahmat dan limpah kemurahan Allah kepada manusia, di samping menggambarkan nilai-nilai daya pemahaman manusia yang tersusun dari akal dan fitrah mereka. Hakikat ini juga menjelaskan bahawa daya fitrah dan akal sahaja tidak dapat memelihara manusia dari kesesatan, tidak dapat membawa mereka kepada keyakinan dan tidak mampu melawan desakan hawa nafsu mereka selama tidak dibantu oleh 'aqidah dan tidak dikawal oleh agama.[5]

Kemudian ayat berikut menjelaskan satu lagi hakikat tentang balasan yang disediakan kepada orang-orang yang beriman juga kepada syaitan-syaitan:

وَلِكُلٍّ دَرَجَٰتٌ مِّمَّا عَمِلُوا۟ ۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٣٢﴾

"Setiap jin dan manusia itu disediakan darjat-darjat balasan masing-masing mengikut amalan yang dilakukan mereka. Dan Tuhanmu sekali-kali tidak lalai dari segala perbuatan yang dilakukan kamu."(132)

Maksudnya, orang-orang yang beriman akan dikurniakan darjat-darjat yang meningkat tinggi dan kepada syaitan-syaitan disediakan darjat-darjat yang menurun rendah mengikut amalan masing-masing dan semua amalan mereka dicatat rapi dan tiada suatu pun yang terluput:

"Dan Tuhanmu sekali-kali tidak lalai dari segala perbuatan yang dilakukan mereka."(132)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 133 - 135)

Walaupun Allah S.W.T. mengutuskan para rasul-Nya sebagai manifestasi dari rahmat-Nya terhadap para hamba-Nya, namun Allah terkaya dari mereka, dari keimanan mereka dan dari ibadat-ibadat mereka. Apabila manusia melakukan amalan-amalan yang baik, bererti mereka melakukan amalan-amalan yang baik untuk faedah diri mereka sendiri, dunia dan Akhirat. Manifestasi rahmat Allah juga dapat di lihat pada limpah kemurahan-Nya mengekalkan generasi manusia yang derhaka, zalim dan mempersekutukan-Nya, sedangkan Dia berkuasa membinasakan mereka dan menggantikan mereka dengan satu generasi manusia yang lain:

وَرَبُّكَ ٱلْغَنِىُّ ذُو ٱلرَّحْمَةِ ۚ إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَسْتَخْلِفْ مِنۢ بَعْدِكُم مَّا يَشَآءُ كَمَآ أَنشَأَكُم مِّن ذُرِّيَّةِ قَوْمٍ ءَاخَرِينَ ﴿١٣٣﴾

"Dan Tuhanmu Maha Kaya dan memiliki rahmat yang limpah. Jika Dia kehendaki nescaya Dia hapuskan kamu dan menggantikan selepas kamu dengan siapa yang dikehendaki oleh-Nya sama seperti Dia jadikan kamu dari zuriat kaum yang lain."(133)

Oleh sebab itu manusia tidak seharusnya lupa bahawa kewujudan mereka adalah kekal dengan limpah rahmat Allah, atau dengan lain ungkapan, kekalnya kewujudan mereka bergantung kepada kehendak masyi'ah Allah dan segala kuasa yang ada di tangan mereka adalah dari limpah kurnia Allah. Ia bukannya kuasa semulajadi mereka dan kewujudan mereka bukannya kewujudan dari pilihan mereka sendiri. Tiada siapa - selain Allah - yang mempunyai kuasa dalam urusan penciptaan dan kewujudannya, juga tiada siapa - selain Allah - yang berkuasa menentukan pemberian kuasa yang dikurniakan kepadanya. Urusan untuk menghapus dan menggantikan mereka dengan kaum yang lain adalah amat mudah kepada Allah semudah Dia menciptakan mereka dari zuriat satu generasi yang lain dan menggantikan mereka selepas itu dengan qudrat kuasa-Nya.

Itulah ketukan-ketukan dan paluan-paluan yang kuat dan keras di pintu hati orang-orang yang zalim dari syaitan-syaitan manusia dan jin yang bertindak melakukan angkara tipu daya serta berlagak angkuh dan sombong. Mereka mengadakan hukum halal haram dari mereka sendiri. Mereka mempertikaikan syari'at Allah dengan undang-undang ciptaan mereka.

---

[5] *Lihat huraian panjang lebar dalam penjelasan firman Allah:* " رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى ٱللَّهِ حُجَّةٌۢ بَعْدَ ٱلرُّسُلِ " *Surah an-Nisa':165 dalam juzu' yang keenam.*

Namun begitu, mereka tetap berada dalam genggaman Allah yang berkuasa mengekal dan menghapuskan mereka serta menggantikan mereka dengan generasi yang lain mengikut bagaimana yang dikehendaki oleh-Nya. Di samping itu ayat-ayat ini juga merupakan nada-nada pernyataan untuk mengukuhkan pendirian, menanamkan ketenteraman dan kepercayaan dalam hati kelompok Muslimin yang menghadapi kesulitan dan kepayahan akibat angkara tipudaya para syaitan, juga akibat ditindas dan ditentang oleh golongan manusia yang jahat. Sebenarnya golongan ini adalah golongan yang lemah, yang sentiasa berada dalam genggaman qudrat Allah, walaupun mereka kelihatan bertindak sewenang-wenang dan melakukan tipu daya di muka bumi.

Kemudian tiba pula satu nada kenyataan yang mengandungi amaran dan ancaman:

إِنَّ مَا تُوعَدُونَ لَآتٍ وَمَا أَنتُم بِمُعْجِزِينَ ﴿١٣٤﴾

"Segala apa yang dijanjikan Allah kepada kamu tetap akan datang dan kamu tidak mungkin terlepas darinya."(134)

Maksudnya, kamu sekalian berada dalam genggaman Allah dan di bawah masyi'ah dan perencanaan Allah. Kamu tidak dapat melepaskan diri atau menderhaka. Hari perhimpunan di Mahsyar yang kamu saksikan pemandangannya sebentar tadi sedang menunggu kamu. Ia tetap akan tiba dan kamu tidak terlepas dari menghadapinya dan tidak akan berkuasa melemahkan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Kuat.

Ulasan-ulasan itu di akhiri dengan ancaman lain yang amat mendalam pengertian dan kesannya di dalam hati:

قُلْ يَٰقَوْمِ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّى عَامِلٌ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ مَن تَكُونُ لَهُۥ عَٰقِبَةُ ٱلدَّارِ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿١٣٥﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad)! Bekerjalah kamu mengikut jalan kamu dan aku bekerja mengikut jalanku, dan kelak kamu akan mengetahui siapakah di antara kita yang akan mendapat balasan yang baik di dunia (dan Akhirat). Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan mendapat kejayaan."(135)

Inilah ancaman dan amaran dari seorang yang yakin kepada kebenaran yang diperjuangkan olehnya, yakin kepada kuasa yang benar yang berada di belakangnya, yakin kepada kekuatan yang wujud dalam kebenaran itu dan yakin kepada kekuatan yang berada di sebalik kebenaran itu. Itulah ancaman dan amaran dari Rasulullah s.a.w. yang berlepas tangan dari segala urusan dan tindak tanduk mereka (yang zalim) dan yakini kepada kebenaran yang dipegang olehnya, yakin kepada sistem dan cara hidup (Rabbani) yang diikuti olehnya dan yakin terhadap kesesatan yang diikuti mereka dan seterusnya yakin kepada untung nasib yang buruk yang sedang ditujui mereka:

وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٣٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan mendapat kejayaan."(135)

Inilah prinsip yang tidak pernah meleset dan mungkir. Oleh itu golongan Musyrikin tidak akan mendapat kejayaan kerana mereka menjadikan yang lain dari Allah sebagai pelindung-pelindung mereka, sedangkan di sana tiada pelindung dan tiada penolong selain Allah. Mereka tidak mengikut hidayat Allah, sedangkan tiada di sebalik hidayat melainkan hanya kesesatan yang amat jauh dan kerugian yang ketara.

* * * * * *

Sebelum kita mengikuti babak pembicaraan yang baru dalam rangkaian ayat-ayat yang mendatang dari surah ini eloklah kita berhenti sejenak di babak pembicaraan ini yang menjadi pengantara di antara pembicaraan mengenai hukum-hukum binatang sembelihan yang disebut nama Allah dan yang tidak disebut nama Allah dengan pembicaraan mengenai hukum-hukum nazar yang melibatkan buah-buahan, ternakan dan anak-anak. Babak pembicaraan perantaraan ini mengandungi hakikat-hakikat yang asasi dari hakikat-hakikat 'aqidah yang tulen, di samping mengandungi pemandangan-pemandangan, gambaran-gambaran dan penjelasan-penjelasan tentang Tabi'at keimanan dan Tabi'at kekufuran, juga tentang pertarungan di antara syaitan-syaitan manusia dan jin dengan para anbiya' dan orang-orang yang beriman kepada da'wah mereka, seterusnya babak pembicaraan ini juga mengandungi pernyataan-pernyataan yang berkesan dan menarik yang telah disebutkan contoh-contohnya sebelum ini dalam rangkaian ayat-ayat surah ini ketika menerangkan dan membentangkan hakikat-hakikat 'aqidah yang terpenting dalam skopnya yang syumul.

Marilah kita berdiri, sebentar di babak pembicaraan ini untuk melihat bagaimana methodologi Al-Qur'an memberi perhatian yang berat kepada realiti-realiti amalan dan pelaksanaan peraturan-peraturan ini dalam kehidupan manusia, dan bagaimana Al-Qur'an memberi perhatian yang berat kepadanya agar ia sejajar dengan syari'at Allah dan berlandaskan dasar yang menjadi asas sandarannya, iaitu dasar Hakimiyah Allah atau dengan ungkapan yang lain dasar Rububiyah Allah.

Mengapa methodologi Al-Qur'an memberi perhatian yang seberat itu kepada persoalan ini?

Jawabnya, kerana persoalan ini - dari segi dasar - mengintisarikan persoalan "'aqidah" dalam Islam di samping mengintisarikan persoalan "agama". 'aqidah dalam Islam ditegakkan di atas asas pengakuan " لا اله الا الله" (tiada Tuhan selain Allah). Dengan pengakuan ini seorang Muslim mencabut dari hatinya segala kepercayaan Uluhiyah kepada sesiapa sahaja yang lain dari Allah dan menumpukan kepercayaan Uluhiyah itu kepada Allah semata-mata. Ini bererti ia mencabut kuasa Hakimiyah dari sesiapa sahaja selain Allah dan menyerahkan seluruh kuasa itu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Perbuatan mengadakan undang-undang dan peraturan kecil bermakna mempraktikkan kuasa Hakimiyah dan perbuatan itu adalah sama dengan perbuatan mengadakan undang-undang dan peraturan yang besar. Ini adalah satu perbuatan menggunakan kuasa Uluhiyah yang tidak dapat diterima oleh seseorang Muslim yang mempercayai bahawa kuasa itu hanya dimiliki oleh Allah sahaja. Konsep agama dalam Islam ialah kepatuhan dan keta'atan yang bulat dari hamba kepada Allah dalam realiti amalan dan 'aqidah di hati mereka. Seluruhnya dipusatkan kepada satu Uluhiyah sahaja iaitu Uluhiyah Allah serta menolak keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah, iaitu keta'atan kepada mana-mana hamba yang mendakwa menjadi Tuhan. Perbuatan mengadakan undang-undang ciptaan sendiri bererti menggunakan kuasa Uluhiyah, dan perbuatan mematuhi dan menjunjung undang-undang ciptaan manusia itu bererti memberi keta'atan kepada Uluhiyah ini. Oleh sebab itu seorang Muslim hanya memberi seluruh keta'atan dan kepatuhannya kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan sekaligus mencabut keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah, iaitu kepatuhan kepada mereka yang berlagak seperti Tuhan.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an memberi perhatiannya yang berat dengan menekankan dasar-dasar kepercayaan dan berpegang teguh dengannya sebagaimana kita lihat gambarannya dalam rangkaian ayat-ayat Surah Makkiyah ini. Dalam kata pengantar surah ini – juzu' yang ke tujuh - kami telah jelaskan bahawa ayat-ayat Al-Qur'an Makkiyah tidak membicarakan persoalan pentadbiran dan perundangan dalam kehidupan masyarakat kelompok Muslimin, tetapi ia membicarakan persoalan-persoalan 'aqidah dan kefahaman. Walaupun begitu surah ini memberi perhatian yang seberat ini dengan menekankan dasar kepercayaan ini ketika membicarakan persoalan perundangan atau Hakimiyah. Ini memberi makna yang amat besar dan mendalam.[6]

(Kumpulan ayat-ayat 136 - 153)

وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ ٱلْحَرْثِ وَٱلْأَنْعَٰمِ نَصِيبًا فَقَالُوا۟ هَٰذَا لِلَّهِ بِزَعْمِهِمْ وَهَٰذَا لِشُرَكَآئِنَا ۖ فَمَا كَانَ لِشُرَكَآئِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَا كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَىٰ شُرَكَآئِهِمْ ۗ سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾

وَكَذَٰلِكَ زَيَّنَ لِكَثِيرٍ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ قَتْلَ أَوْلَٰدِهِمْ شُرَكَآؤُهُمْ لِيُرْدُوهُمْ وَلِيَلْبِسُوا۟ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ ۖ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١٣٧﴾

وَقَالُوا۟ هَٰذِهِۦٓ أَنْعَٰمٌ وَحَرْثٌ حِجْرٌ لَّا يَطْعَمُهَآ إِلَّا مَن نَّشَآءُ بِزَعْمِهِمْ وَأَنْعَٰمٌ حُرِّمَتْ ظُهُورُهَا وَأَنْعَٰمٌ لَّا يَذْكُرُونَ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا ٱفْتِرَآءً عَلَيْهِ ۚ سَيَجْزِيهِم بِمَا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿١٣٨﴾

وَقَالُوا۟ مَا فِى بُطُونِ هَٰذِهِ ٱلْأَنْعَٰمِ خَالِصَةٌ لِّذُكُورِنَا وَمُحَرَّمٌ عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِنَا ۖ وَإِن يَكُن مَّيْتَةً فَهُمْ فِيهِ شُرَكَآءُ ۚ سَيَجْزِيهِمْ وَصْفَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٣٩﴾

قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ قَتَلُوٓا۟ أَوْلَٰدَهُمْ سَفَهًۢا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا۟ مَا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ٱفْتِرَآءً عَلَى ٱللَّهِ ۚ قَدْ ضَلُّوا۟ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿١٤٠﴾

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَ جَنَّٰتٍ مَّعْرُوشَٰتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَٰتٍ وَٱلنَّخْلَ وَٱلزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكُلُهُۥ وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُتَشَٰبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ۚ كُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ

[6] *Lihat bab "ألوهية وعبودية" dalam bahagian yang kedua dari buku "خصائص التصوير الإسلامي ومقوماته".*

حَصَادِهِۦۖ وَلَا تُسۡرِفُوٓاْۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُسۡرِفِينَ ١٤١
وَمِنَ ٱلۡأَنۡعَٰمِ حَمُولَةٗ وَفَرۡشٗاۚ كُلُواْ مِمَّا
رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعُواْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِۚ
إِنَّهُۥ لَكُمۡ عَدُوّٞ مُّبِينٞ ١٤٢
ثَمَٰنِيَةَ أَزۡوَٰجٖۖ مِّنَ ٱلضَّأۡنِ ٱثۡنَيۡنِ وَمِنَ ٱلۡمَعۡزِ
ٱثۡنَيۡنِۗ قُلۡ ءَآلذَّكَرَيۡنِ حَرَّمَ أَمِ ٱلۡأُنثَيَيۡنِ أَمَّا
ٱشۡتَمَلَتۡ عَلَيۡهِ أَرۡحَامُ ٱلۡأُنثَيَيۡنِۖ نَبِّـُٔونِي بِعِلۡمٍ
إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ١٤٣
وَمِنَ ٱلۡإِبِلِ ٱثۡنَيۡنِ وَمِنَ ٱلۡبَقَرِ ٱثۡنَيۡنِۗ قُلۡ
ءَآلذَّكَرَيۡنِ حَرَّمَ أَمِ ٱلۡأُنثَيَيۡنِ أَمَّا ٱشۡتَمَلَتۡ
عَلَيۡهِ أَرۡحَامُ ٱلۡأُنثَيَيۡنِۖ أَمۡ كُنتُمۡ شُهَدَآءَ
إِذۡ وَصَّىٰكُمُ ٱللَّهُ بِهَٰذَاۚ فَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّنِ
ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبٗا لِّيُضِلَّ ٱلنَّاسَ بِغَيۡرِ
عِلۡمٍۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٤٤
قُل لَّآ أَجِدُ فِي مَآ أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٖ
يَطۡعَمُهُۥٓ إِلَّآ أَن يَكُونَ مَيۡتَةً أَوۡ دَمٗا مَّسۡفُوحًا
أَوۡ لَحۡمَ خِنزِيرٖ فَإِنَّهُۥ رِجۡسٌ أَوۡ فِسۡقًا أُهِلَّ
لِغَيۡرِ ٱللَّهِ بِهِۦۚ فَمَنِ ٱضۡطُرَّ غَيۡرَ بَاغٖ وَلَا عَادٖ
فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ١٤٥

"Dan mereka telah memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari hasil tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah lalu mereka berkata mengikut sangkaan karut mereka: "Ini untuk Allah dan ini pula untuk sembahan-sembahan kami". Maka bahagian yang diperuntukkan kepada sembahan-sembahan mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah pula sampai kepada sembahan-sembahan mereka. Alangkah buruknya peraturan yang diputuskan mereka (136). Dan demikianlah ketua-ketua mereka telah menjadikan sebilangan ramai dari orang-orang Musyrikin memandang baik perbuatan membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan mereka dan mengelirukan agama mereka. Dan andainya Allah kehendaki nescaya mereka tidak berkuasa melakukan perbuatan itu, kerana itu tinggalkan mereka dan segala pembohongan yang diada-adakan mereka (137). Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman-tanaman haram yang tidak boleh dimakan melainkan oleh sesiapa yang Kami (Allah) kehendaki mengikut anggapan mereka dan (ini) ternakan yang haram ditunggang dan (ini) ternakan-ternakan yang mereka tidak boleh menyebut nama Allah ketika disembelihkannya kerana membuat pembohongan ke atas Allah. Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pembohongan yang diada-adakan mereka (138). Dan mereka berkata lagi: Anak-anak yang ada di dalam perut binatang-binatang ternakan ini adalah khusus untuk kaum lelaki kami dan diharamkan kepada kaum wanita kami, tetapi jika anak dalam perut dilahirkan mati, maka boleh lelaki dan wanita sama-sama memakannya. Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pernyataan mereka (yang karut itu). Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui (139). Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang telah membunuh anak-anak mereka kerana bodoh tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan mereka telah mengharamkan rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, kerana membuat pembohongan ke atas Allah. Sebenarnya mereka telah sesat dan tidak pernah mendapat hidayat (140). Dan Dialah yang telah menciptakan kebun-kebun yang berjunjung dan kebun-kebun yang tidak berjunjung, pokok-pokok kurma, tanaman-tanaman yang bermacam-macam buahnya, juga zaitun yang serupa dan yang tidak serupa. Makanlah buah-buahnya apabila ia berbuah dan keluarkanlah haknya pada hari dipetikkan buah-buahnya dan janganlah kamu memboros, kerana Allah tidak sukakan orang-orang yang memboros (141). Dan dari binatang ternakan (Allah) ciptakan ternakan untuk pengangkutan dan ternakan untuk perabot. Makanlah rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan, kerana dia-adalah musuh kamu yang amat ketara (142). (Dan dari ternakan itu Allah ciptakan) delapan ekor yang berpasangan; Sepasang dari biri-biri dan sepasang dari kambing. Tanyalah (kepada orang-orang Musyrikin): Apakah Allah telah mengharamkan dua yang jantan atau dua yang betina (dari pasangan-pasangan itu)? Kemukakan kepadaku keterangan yang berlandaskan ilmu jika kamu orang-orang yang benar (143). Juga sepasang dari unta dan sepasang dari lembu. Tanyalah kepada mereka: Apakah Allah telah mengharamkan dua yang jantan atau dua yang betina (dari pasangan-pasangan itu)? Atau apakah Allah mengharamkan anak yang dikandung oleh rahim dua betinanya atau apakah kamu hadir ketika Allah menyampaikan perintah pengharaman ini kepada kamu? Siapakah yang lebih zalim dari orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah untuk menyesatkan manusia tanpa berlandaskan ilmu (pengetahuan). Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim (144). Katakanlah: Aku tidak dapati dalam perintah-perintah yang diwahyukan kepadaku sesuatu makanan yang diharamkan kepada orang yang hendak memakannya kecuali makanan itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi kerana makanan itu kotor, atau sembelihan fasiq yang disembelih atas nama yang lain dari Allah, tetapi sesiapa yang terpaksa memakannya tanpa menginginkannya dan makan tanpa melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(145)

وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا كُلَّ ذِى ظُفُرٍ ۖ
ٱلْبَقَرِ وَٱلْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَآ إِلَّا
مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَآ أَوِ ٱلْحَوَايَآ أَوْ مَا ٱخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ۚ
ذَٰلِكَ جَزَيْنَٰهُم بِبَغْيِهِمْ ۖ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿١٤٦﴾
فَإِن كَذَّبُوكَ فَقُل رَّبُّكُمْ ذُو رَحْمَةٍ وَٰسِعَةٍ
وَلَا يُرَدُّ بَأْسُهُۥ عَنِ ٱلْقَوْمِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٤٧﴾
سَيَقُولُ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ لَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَآ أَشْرَكْنَا
وَلَآ ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمْنَا مِن شَىْءٍ ۚ كَذَٰلِكَ كَذَّبَ
ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ حَتَّىٰ ذَاقُوا۟ بَأْسَنَا ۗ قُلْ هَلْ
عِندَكُم مِّنْ عِلْمٍ فَتُخْرِجُوهُ لَنَآ ۖ إِن تَتَّبِعُونَ
إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ ﴿١٤٨﴾
قُلْ فَلِلَّهِ ٱلْحُجَّةُ ٱلْبَٰلِغَةُ ۖ فَلَوْ شَآءَ لَهَدَىٰكُمْ
أَجْمَعِينَ ﴿١٤٩﴾
قُلْ هَلُمَّ شُهَدَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ ٱللَّهَ
حَرَّمَ هَٰذَا ۖ فَإِن شَهِدُوا۟ فَلَا تَشْهَدْ مَعَهُمْ ۚ وَلَا تَتَّبِعْ
أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
بِٱلْءَاخِرَةِ وَهُم بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١٥٠﴾
قُلْ تَعَالَوْا۟ أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ ۖ أَلَّا
تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا ۖ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۖ وَلَا
تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُم مِّنْ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ
وَإِيَّاهُمْ ۖ وَلَا تَقْرَبُوا۟ ٱلْفَوَٰحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ ۖ وَلَا تَقْتُلُوا۟ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۚ
ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥١﴾
وَلَا تَقْرَبُوا۟ مَالَ ٱلْيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ
أَشُدَّهُۥ ۖ وَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ بِٱلْقِسْطِ ۖ
لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۖ وَإِذَا قُلْتُمْ فَٱعْدِلُوا۟
وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۖ وَبِعَهْدِ ٱللَّهِ أَوْفُوا۟ ۚ ذَٰلِكُمْ
وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٢﴾
وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا
تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ
وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Dan Kami telah mengharamkan ke atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku dan dari bahagian lembu dan biri-biri Kami telah mengharamkan ke atas mereka lemak-lemaknya kecuali lemak yang melekat di punggungnya atau yang melekat di perut besar dan usus-usus atau lemak yang bercampur dengan tulang. Itulah balasan Kami terhadap mereka kerana perbuatan mereka yang zalim dan keterlaluan. Sesungguhnya Kamilah yang benar (146). Dan jika mereka mendustakan engkau, maka katakanlah: Tuhanmu mempunyai rahmat yang amat luas dan 'azab keseksaan-Nya tidak mungkin ditolak dari menimpa kaum yang berdosa (147). Orang-orang yang mempersekutukan Allah akan berkata: Jika Allah kehendaki tentulah Kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukan-Nya dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu apa pun. Demikianlah juga orang-orang sebelum mereka telah berdusta sehingga mereka telah pun mengecapi 'azab keseksaan kami. Katakanlah kepada mereka: Adakah kamu mempunyai ilmu pengetahuan hingga kamu sanggup mengeluarkan (buktinya) kepada kami? Sebenarnya kamu tidak mengikut kecuali hanya sangkaan sahaja dan kamu sebenarnya tidak mengemukakan apa-apa kecuali berbohong sahaja (148). Katakanlah: Allah mempunyai hujah yang kuat dan jelas. Jika kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada kamu sekalian (149). Katakanlah (kepada mereka): Bawalah saksi-saksi kamu yang mengaku menyaksi sendiri bahawa Allah telah mengharamkan makanan-makanan yang diharamkan kamu ini. Dan jika mereka tampil memberi kesaksian (secara dusta), maka janganlah engkau turut memberi kesaksian bersama mereka (membenarkan kesaksian mereka) dan janganlah engkau ikut hawa nafsu orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat dan mereka pula menyamakan Tuhan mereka dengan makhluk (150). Katakanlah (kepada mereka): Marilah aku bacakan kepada kamu perkara-perkara yang telah diharamkan Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun. Dan hendaklah kamu memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa. Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan, kerana Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka. Dan janganlah kamu menghampiri perbuatan-perbuatan yang keji baik yang zahir mahupun yang batin. Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan suatu sebab yang benar. Itulah perkara-perkara yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu memahaminya (151). Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim kecuali dengan cara yang paling baik

sehingga ia meningkat umur dewasa. Dan sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar keupayaannya. Dan apabila kamu berkata (menjatuhkan hukuman atau memberi keterangan), maka hendaklah kamu berlaku adil walaupun terhadap anggota keluarga kamu. Dan hendaklah kamu sempurnakan perjanjian kamu dengan Allah. Itulah tugas-tugas yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu mengambil peringatan (152). Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku yang lurus. Oleh itu hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan yang lain, kerana perbuatan itu akan menyimpangsiurkan kamu dari jalan-Nya. Itulah tugas-tugas yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu bertaqwa?"(153)

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Seluruh pembicaraan yang panjang ini - ditambah pula dengan pembicaraan-pembicaraan yang telah dikemukakan sebelumnya serta ulasan-ulasannya - adalah dibentangkan dalam rangkaian ayat-ayat Surah Makkiyah, iaitu kumpulan ayat-ayat yang diturunkan di Makkah. Maudhu' yang dibicarakan kumpulan ayat-ayat ini ialah persoalan "'aqidah". Ia tidak membicarakan persoalan "syari'at" kecuali persoalan syari'at yang berhubungkait dengan dasar 'aqidah", kerana (di zaman Makkiyah) Islam belum lagi mempunyai sebuah kerajaan yang menjalankan undang-undang "syari'at". Dengan demikian Allah telah memelihara syari'at Islam dari menjadi bahan pembicaraan umum dan maudhu'-maudhu' kajian mereka sebelum wujudnya satu masyarakat yang sanggup menerima Islam secara keseluruhannya atau satu masyarakat yang menyerahkan dirinya secara keseluruhan kepada Allah atau sebuah masyarakat yang menyembah Allah dengan menjunjungkan syari'at-Nya atau sebelum wujudnya kerajaan Islam yang berdaulat yang menguatkuasakan syari'at Allah ke atas rakyat jelatanya atau kerajaan Islam yang berdaulat yang dapat menjadikan pengenalan undang-undang syari'at disertakan dengan amalan melaksanakannya sesuai dengan Tabi'at agama Islam dan sistem hidupnya yang memelihara sifatnya yang serius, penuh ghairah dan terhormat.

Kami katakan seluruh pembicaraan yang panjang ini dikemukakan dalam Surah Makkiyah, di mana ia menyentuh persoalan yang berkaitan dengan syari'at dan Hakimiyah dan menjelaskan bahawa persoalan ini adalah satu persoalan yang berkaitan dengan 'aqidah, dan bukti yang menonjolkan persoalan ini satu persoalan yang serius dalam agama ini ialah kerana ia merupakan satu persoalan yang pokok.[7]

Sebelum kami mengulaskan ayat-ayat tersebut dengan terperinci, kami ingin hidup di bawah bayangan keseluruhan huraian ayat-ayat tersebut untuk meninjau keseluruhan isi kandungannya di samping meninjau tujuan-tujuan dan saranan-saranannya.

Rangkaian ayat-ayat tersebut memulakan pembicaraannya dengan membentangkan beberapa kefahaman dan kepercayaan jahiliyah yang diamalkan oleh kaum Musyrikin mengenai persoalan yang berkaitan dengan buah-buahan, binatang ternakan dan anak-anak mereka, iaitu persoalan yang berkaitan dengan harta dan sosial semasa berada dalam jahiliyah mereka, di mana kita dapati kefahaman-kefahaman dan kepercayaan jahiliyah dalam amalan-amalan yang berikut:

Pertama: Mereka membahagikan hasil tanaman dan ternakan yang di kurnia dan diciptakan Allah untuk mereka kepada dua bahagian. Satu bahagian untuk Allah dengan kepercayaan bahawa peruntukan ini adalah dari peraturan yang telah disyari'atkan Allah, dan satu bahagian lagi untuk sekutu-sekutu mereka iaitu untuk tuhan-tuhan palsu yang dijadikan sebagai kongsi-kongsi yang turut memiliki diri mereka, harta benda dan anak-anak mereka selain dari Allah:

وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ ٱلْحَرْثِ وَٱلْأَنْعَٰمِ نَصِيبًا فَقَالُوا۟ هَٰذَا لِلَّهِ بِزَعْمِهِمْ وَهَٰذَا لِشُرَكَآئِنَا ۖ

"Dan mereka telah memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari hasil tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah lalu mereka berkata mengikut sangkaan karut mereka: Ini untuk Allah dan ini pula untuk sembahan-sembahan kami."(136)

Kedua: Selepas pembahagian itu, mereka bertindak tidak adil terhadap bahagian yang telah diperuntukkan mereka kepada Allah, iaitu mereka mengambil sebahagian dari peruntukan itu dan memasukkannya ke dalam bahagian yang diperuntukkan kepada sembahan-sembahan mereka, tetapi mereka tidak melakukan pengambilan yang sama dari bahagian yang telah diperuntukkan kepada sembahan-sembahan mereka:

فَمَا كَانَ لِشُرَكَآئِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَا كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَىٰ شُرَكَآئِهِمْ ۗ

"Maka bahagian yang diperuntukkan kepada sembahan-sembahan mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah pula sampai kepada sembahan-sembahan mereka."(136)

Ketiga: Mereka membunuh anak-anak mereka dengan galakan dari sekutu-sekutu yang disembahkan mereka, iaitu para kahin dan bijak pandai mereka yang mengaturkan undang-undang, peraturan-peraturan dan adat-adat tradisi yang dipatuhi oleh warga masyarakat melalui tekanan sosial dari satu sudut dan melalui pengaruh

[7] *Lihat huraiannya yang panjang lebar dalam bab "عبودية وألوهية" di bahagian yang kedua dari buku "خصائص التصوير الإسلامي ومقوماته"*

dongeng-dongeng keagamaan dari satu sudut yang lain. Pembunuhan ini dilakukan ke atas anak-anak perempuan, kerana takut di timpa kemiskinan dan mendapat malu, juga dilakukan ke atas anak-anak lelaki untuk membayar nazar sebagaimana yang telah dilakukan kepada Abdul Muttalib yang telah bernazar bahawa ia akan menyembelih salah seorang dari anak lelakinya untuk tuhan-tuhan jika ia dikurniakan Allah sepuluh orang anak lelaki yang dapat melindunginya.

وَكَذَٰلِكَ زَيَّنَ لِكَثِيرٍ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ قَتْلَ أَوْلَٰدِهِمْ شُرَكَآؤُهُمْ لِيُرْدُوهُمْ وَلِيَلْبِسُوا۟ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ ۖ

"Dan demikianlah ketua-ketua mereka telah menjadikan sebilangan ramai dari orang-orang Musyrikin memandang baik perbuatan membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan mereka dan mengelirukan agama mereka."(137)

Keempat: Mereka mengharamkan setengah-setengah binatang ternakan dan setengah-setengah tanaman dengan alasan ia tidak boleh dimakan kecuali dengan kebenaran khas dari Allah. Demikianlah dakwaan mereka yang karut. Begitu juga mereka melarang menunggang sesetengah binatang ternakan dan melarang menyebut nama Allah ketika menyembelih atau menunggang sesetengah ternakan atau mereka berpantang tidak menunggang binatang ternakan ketika menunaikan ibadat haji, kerana ibadat ini mengandungi Zikrullah. Mereka mendakwa bahawa semua pantang larang ini adalah dari perintah Allah:

وَقَالُوا۟ هَٰذِهِۦٓ أَنْعَٰمٌ وَحَرْثٌ حِجْرٌ لَّا يَطْعَمُهَآ إِلَّا مَن نَّشَآءُ بِزَعْمِهِمْ وَأَنْعَٰمٌ حُرِّمَتْ ظُهُورُهَا وَأَنْعَٰمٌ لَّا يَذْكُرُونَ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا ٱفْتِرَآءً عَلَيْهِ ۚ

"Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman-tanaman haram yang tidak boleh dimakan melainkan oleh sesiapa yang Kami (Allah) kehendaki mengikut anggapan mereka dan (ini) ternakan yang haram ditunggang dan (ini) ternakan-ternakan yang mereka tidak boleh menyebutkan nama Allah ketika disembelihnya kerana membuat pembohongan ke atas Allah."(138)

Kelima: Mereka mengkhususkan anak yang dikandung dalam perut setengah-setengah binatang ternakan untuk kaum lelaki mereka sahaja dan mengharamkannya kepada kaum perempuan mereka kecuali anak yang dikandung itu dilahirkan mati, maka ketika itu sahaja kaum perempuan boleh berkongsi dengan kaum lelaki untuk memakannya dan mereka menghubungkan peraturan yang lucu ini kepada syari'at Allah:

وَقَالُوا۟ مَا فِى بُطُونِ هَٰذِهِ ٱلْأَنْعَٰمِ خَالِصَةٌ لِّذُكُورِنَا وَمُحَرَّمٌ عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِنَا ۖ وَإِن يَكُن مَّيْتَةً فَهُمْ فِيهِ شُرَكَآءُ ۚ سَيَجْزِيهِمْ وَصْفَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٣٩﴾

"Dan mereka berkata lagi: Anak-anak yang ada di dalam perut binatang-binatang ternakan ini adalah khusus untuk kaum lelaki kami dan diharamkan kepada kaum wanita kami, tetapi jika anak dalam perut dilahirkan mati, maka boleh lelaki dan wanita sama-sama memakannya. Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pernyataan mereka (yang karut itu). Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(139)

Inilah sebilangan kefahaman-kefahaman, anggapan-anggapan dan tradisi-tradisi yang mencorakkan masyarakat Arab di zaman jahiliyah dan yang dibicarakan oleh Al-Qur'an dengan panjang lebar dalam Surah Makkiyah dengan tujuan untuk menghapuskannya di samping untuk membersihkan jiwa dan hati mereka dari noda-nodanya serta membasmikannya dari realiti masyarakat.

Al-Qur'an telah menjalani program ini dengan langkah-langkah yang perlahan, panjang, teliti dan halus:

- Dari awal-awal lagi Al-Qur'an menjelaskan betapa ruginya orang-orang yang telah membunuh anak-anak mereka. Mereka telah melakukan satu perbuatan tolol yang tidak berpandukan ilmu yang betul. Ia juga menjelaskan betapa ruginya mereka yang telah mengharamkan rezeki-rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dengan tujuan untuk melakukan pembohongan terhadap Allah, dan selanjutnya Al-Qur'an mengumumkan bahawa mereka secara mutlak telah sesat di dalam kefahaman-kefahaman dan anggapan-anggapan karut yang dihubungkan mereka kepada Allah tanpa berlandaskan ilmu yang benar.

- Al-Qur'an telah menarik perhatian mereka bahawa Allah telah mengadakan untuk mereka harta-harta yang dikendalikan mereka dengan berbagai cara pengurusan. Dialah yang telah menciptakan untuk mereka kebun-kebun yang berjunjung dan tidak berjunjung dan menciptakan untuk mereka binatang-binatang ternakan. Allah yang memberi rezeki itulah sahaja yang wajar memegang kuasa hak milik dan Dialah sahaja yang wajar mengaturkan undang-undang dan peraturan menguruskan harta yang dikurniakan kepada mereka.

- Dalam rangka usaha menarik perhatian mereka kepada hakikat-hakikat ini Al-Qur'an telah menggunakan berbagai cara yang memberi kesan dan saranan seperti menayangkan berbagai pemandangan tanaman, buah-buahan, kebun-kebun yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, juga

menayangkan sebahagian dari ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka dalam bentuk binatang-binatang ternakan, yang setengahnya dijadikan alat pengangkutan sementara sebahagian yang lain dijadikan sumber makanan dan alat-alat perabot dan hiasan. Di samping itu Al-Qur'an juga menggunakan kenangan kepada sejarah permusuhan sengit yang berlangsung di antara Adam dan syaitan untuk menyedarkan bagaimana mereka masih sanggup mengikut jejak langkah syaitan dan mendengar bisikan-bisikannya, sedangkan syaitan musuh mereka yang amat nyata?

• Selepas itu Al-Qur'an membentangkan satu huraian yang keras terhadap kefahaman mereka yang karut mengenai binatang ternakan, iaitu kefahaman yang langsung tidak mempunyai alasan-alasan yang lojik. Al-Qur'an menyuarkan cahaya yang terang ke atas kefahaman-kefahaman mereka yang gelap gelita itu hingga kelihatan begitu remeh-temeh, begitu longgar dan rapuh. Pada akhir huraian itu Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan di atas asas apakah mereka tegakkan undang-undang dan peraturan ciptaan mereka yang kosong dari sebarang alasan dan logik itu?

أَمْ كُنتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ وَصَّاكُمُ اللَّهُ بِهَٰذَا ۚ

"Atau apakah kamu hadir ketika Allah menyampaikan perintah pengharaman ini?"(144)

Maksudnya, kerana itu ia menjadi satu rahsia yang diketahui kamu sahaja dan satu perintah yang khusus untuk kamu sahaja. Kemudian Al-Qur'an mengecam perbuatan mereka yang telah melakukan pembohongan terhadap Allah dan perbuatan mereka yang telah menyesatkan manusia tanpa ilmu yang benar. Al-Qur'an telah menjadikan kecaman ini sebagai salah satu cara yang berkesan yang digunakan olehnya.

• Disini Al-Qur'an menjelaskan siapakah yang mempunyai kuasa yang berwibawa dalam menggariskan undang-undang dan peraturan di samping menerangkan makanan-makanan yang telah diharamkan oleh kuasa itu kepada orang-orang Islam, juga makanan-makanan yang telah diharamkan kepada orang-orang Yahudi khususnya dan makanan-makanan yang telah dihalalkan kepada orang-orang Islam.

• Kemudian Al-Qur'an mempertikaikan perbuatan mereka yang merujukkan pemikiran jahiliyah yang mempersekutukan Allah dan mengharamkan makanan yang telah dihalalkan Allah, iaitu dua perbuatan yang berterap sama dari segi makna dan sifat syar'inya di sisi Allah... kepada kehendak iradat Allah dengan kata mereka:

لَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَشْرَكْنَا وَلَا آبَاؤُنَا وَلَا حَرَّمْنَا مِن شَيْءٍ ۚ

"Jika Allah kehendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukan-Nya dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu apa pun."(148)

Oleh kerana itu Al-Qur'an menjelaskan bahawa perkataan ini adalah perkataan yang lumrah diucapkan oleh setiap orang kafir yang mendustakan ayat-ayat Allah. Ia diucapkan oleh para pendusta ayat-ayat Allah sehingga mereka ditimpakan 'azab-Nya:

كَذَٰلِكَ كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ حَتَّىٰ ذَاقُوا بَأْسَنَا ۗ

"Demikianlah juga orang-orang sebelum mereka telah mendustakan (ayat-ayat Allah) sehingga mereka mengecapi 'azab keseksaan Kami."(148)

Perbuatan mempersekutukan Allah adalah sama dengan perbuatan mengharamkan sesuatu tanpa mengikut undang-undang Allah. Kedua-dua perbuatan itu menjadi sifat orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah. Kemudian Al-Qur'an mengajukan pertanyaan kepada mereka dengan nada kecaman: Di atas alasan apakah mereka membuat keputusan-keputusan yang dikemukakan mereka?

قُلْ هَلْ عِندَكُم مِّنْ عِلْمٍ فَتُخْرِجُوهُ لَنَا ۖ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ ﴿١٤٨﴾

"Katakanlah kepada mereka: Adakah kamu mempunyai ilmu pengetahuan hingga kamu sanggup mengemukakannya kepada Kami? Sebenarnya kamu tidak mengikut (ilmu pengetahuan) kecuali hanya sangkaan-sangkaan sahaja dan kamu sebenarnya tidak mengemukakan apa-apa kecuali berbohong semata-mata."(148)

• Kemudian Al-Qur'an mengakhiri perdebatan dengan mereka dalam persoalan ini serta mencabar mereka supaya menghadirkan saksi dan menyeru orang-orang mu'min mengambil sikap mengasingkan diri dari mereka. Cabaran ini sama dengan cabaran yang telah dikemukakan kepada mereka di permulaan surah ini dalam persoalan dasar 'aqidah dengan menggunakan ungkapan dan sifat-sifat, juga kata-kata yang sama untuk menunjukkan bahawa persoalan ini adalah satu persoalan yang sama, yakni persoalan syirik adalah sama dengan persoalan mengadakan undang-undang tanpa mendapat keizinan dari Allah:

قُلْ هَلُمَّ شُهَدَاءَكُمُ الَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ اللَّهَ حَرَّمَ هَٰذَا ۖ فَإِن شَهِدُوا فَلَا تَشْهَدْ مَعَهُمْ ۚ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

بِٱلۡأٓخِرَةِ وَهُم بِرَبِّهِمۡ يَعۡدِلُونَ ﴿١٥٠﴾

"Katakanlah (kepada mereka: Bawalah saksi-saksi kamu yang mengaku menyaksi sendiri bahawa Allah telah mengharamkan makanan-makanan yang diharamkan kamu ini. Dan jika mereka tampil memberi kesaksian (secara dusta), maka janganlah engkau turut memberi kesaksian bersama mereka (membenarkan kesaksian mereka) dan janganlah engkau ikut hawa nafsu orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat dan mereka pula menyamakan Tuhan mereka dengan makhluk."(150)

Kita dapat melihat dari ayat ini - selain dari persamaan pemandangan, ungkapan, dan perkataan - ialah bahawa orang-orang yang menciptakan undang-undang sendiri itu adalah orang-orang yang mengikut hawa nafsu dan mendustakan ayat-ayat Allah serta tidak beriman kepada hari Akhirat. Seandainya mereka membenarkan ayat-ayat Allah, beriman kepada hari Akhirat dan mengikut hidayat Allah tentulah mereka tidak sanggup mengadakan undang-undang sendiri untuk diri mereka dan untuk orang ramai tanpa mengikut undang-undang Allah, dan tentulah mereka tidak sanggup bertindak mengharamkan dan menghalalkan sesuka hati mereka tanpa kebenaran dari Allah.

• Di akhir pembicaraan ini, Al-Qur'an menyeru mereka untuk menerangkan kepada mereka perkara-perkara yang sebenar yang telah diharamkan Allah. Di sini kita dapat melihat sebilangan dasar-dasar asasi bagi kehidupan bermasyarakat dan di antaranya yang terpenting ialah dasar Tauhidullah. Sebahagian dari dasar-dasar itu berupa perintah-perintah dan tugas-tugas tertentu dan sebahagian terbesar darinya berupa pengharaman-pengharaman. Oleh sebab itu bahagian ini dijadikan judul bagi semua pembicaraan itu:

Allah telah mengharamkan perbuatan syirik dan menyuruh memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa. Allah mengharamkan perbuatan membunuh anak-anak kerana takut jatuh papa, dan dalam waktu yang sama Allah menjamin rezeki untuk mereka. Allah melarang mereka mendekati perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang lahir atau yang batin, juga mengharamkan perbuatan membunuh manusia yang diharamkan Allah kecuali dengan sebab-sebab yang benar. Seterusnya Allah melarang menyentuh harta anak yatim kecuali dengan cara yang paling baik sehingga ia meningkat usia dewasa. Allah menyuruh menyempurnakan sukatan dan timbangan dengan adil, juga menyuruh bersikap adil dalam memberi keterangan dan menjatuhkan hukuman walaupun terhadap anggota keluarga sendiri, dan seterusnya Allah menyuruh menyempurnakan semua perjanjian mereka dengan Allah. Al-Qur'an telah menjadikan dasar keadilan ini sebagai pesanan dari Allah yang berulang-ulang kali disebut selepas dijelaskan perintah-perintah dan larangan-larangan.

Semua kumpulan perintah dan larangan itu adalah menjadi asas 'aqidah dan dasar-dasar syari'at yang kedua-duanya di kumpul dan dicantum dalam rangkaian ayat-ayat ini, serta di bentang dan dibicarakan serentak sebagai satu gabungan dengan pembicaraan yang menyampaikan maksudnya yang jelas kepada setiap orang yang mengkaji Al-Qur'an ini mengikut methodologi yang kami telah huraikan. Semua kumpulan perintah dan larangan ini diungkapkan pada akhir pembicaraan yang panjang ini dengan firman-Nya:

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِي مُسۡتَقِيمٗا فَٱتَّبِعُوهُۖ وَلَا تَتَّبِعُواْ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمۡ عَن سَبِيلِهِۦۚ ذَٰلِكُمۡ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku yang lurus. Oleh itu hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan yang lain, kerana perbuatan itu akan menyimpang-siurkan kamu dari jalan-Nya. Itulah tugas-tugas yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu bertaqwa?"(153)

Tujuan ayat ini ialah untuk menunjukkan maksud atau kesimpulan yang diambil dari keseluruhan penerangan yang terkandung dalam rangkaian ayat-ayat ini, dan kesimpulan itu diungkapkan dalam satu pernyataan yang terang dan tegas iaitu kedudukan syari'at di dalam Islam adalah sama dengan kedudukan 'aqidahnya dalam menentukan sifat syirik atau sifat Islam, malah syari'at Islam adalah dari 'aqidahnya dalam kesimpulan ini, malah syari'atnya adalah 'aqidahnya, kerana syari'at merupakan terjemahan 'aqidah di alam kenyataan. Di samping itu hakikat yang asasi ini dapat di lihat dengan jelas dari nas-nas Al-Qur'an dan pembentangannya dalam methodologi Al-Qur'an.

Inilah hakikat yang telah disisihkan dari konsep agama di dalam hati penganut-penganut agama Islam. Ia telah pun disisihkan secara berterusan berabad-abad lamanya dengan berbagai-bagai cara dan saranan yang jahat dan keji hingga pada akhirnya kebanyakan pemeluknya, apatah lagi musuh-musuhnya dan pemeluk-pemeluknya yang tidak bertanggungjawab dan mempedulikannya, menganggap isu Hakimiyah sebagai isu yang terpisah dari isu 'aqidah. Keghairahan hati mereka terhadap isu Hakimiyah tidak sama dengan keghairahan mereka terhadap isu 'aqidah. Mereka tidak memandang perbuatan menyimpang dari isu Hakimiyah sebagai perbuatan menyimpang dari agama ini atau sama dengan perbuatan orang yang menyimpang dari agama ini atau sama dengan perbuatan orang yang menyimpang dari 'aqidah atau ibadat, sedangkan agama ini tidak pernah memisahkan di antara 'aqidah, ibadat dan syari'at itulah pemisahan yang dirancang dan dilaksanakan oleh jentera-jentera yang terlatih berabad-abad lamanya hingga persoalan Hakimiyah pada akhirnya menjadi satu persoalan yang kabur walaupun di sisi pejuang-pejuang Islam yang ghairah, sedangkan isu

Hakimiyah merupakan isu yang ditekankan untuk menjelaskan peraturan-peraturan syari'at, malah maudhu' utamanya ialah untuk menjelaskan persoalan 'aqidah. Surah ini telah mengumpulkan berbagai-bagai fakta yang kuat dan berbagai-bagai pernyataan ini untuk menegakkan kewibawaan syari'at ketika ia membicarakan beberapa peraturan kecil yang di amal mengikut tradisi masyarakat (Arab) kerana peraturan-peraturan itu berkaitan dengan dasar besar Hakimiyah, sedangkan dasar besar ini pula berkaitan rapat dengan dasar dan dengan kewujudan haqiqi agama ini.

Orang-orang yang mengenakan hukum syirik ke atas penyembah berhala, tetapi tidak mengenakan hukum syirik ke atas orang-orang yang berhakimkan kepada Taghut-taghut (kuasa-kuasa yang lain dari Allah), dan merasa sakit hati terhadap pesalah pertama, tetapi tidak merasa sakit hati terhadap pesalah yang kedua, maka mereka adalah orang-orang yang tidak membaca Al-Qur'an dan tidak memahami Tabi'at agama ini. Oleh sebab itu mereka hendaklah membaca Al-Qur'an mengikut bagaimana yang diturunkan Allah dan hendaklah mereka berpegang dengan ayat berikut dengan serius:

وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ ﴿١٢١﴾

"Dan andainya kamu tunduk kepada mereka nescaya kamu akan menjadi orang-orang yang mempersekutui Allah."(121)

Setengah-setengah pejuang Islam yang ghairah menyibukkan diri mereka dan orang ramai Islam dengan membuat pernyataan sama ada undang-undang ini atau peraturan itu atau pendapat ini selaras dengan syari'at Islam atau tidak selaras, dan mereka begitu ghairah memperkatakan perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam yang wujud di sana sini seolah-olah Islam seluruhnya telah ditegakkan. Oleh sebab itu kewujudan dalam kesempurnaan Islam tidak kurang apa-apa selain dari usaha mencegahkan perkara-perkara yang bertentangan itu sahaja.

Pejuang-pejuang Islam yang ghairah itu sebenarnya telah menyakiti Islam di luar kesedaran mereka, kerana mereka sebenarnya menikam Islam dengan parah dengan prihatin-prihatin dan tumpuan-tumpuan perhatian sampingan mereka yang remeh itu. Mereka sebenarnya menghabiskan tenaga 'aqidah yang ada dalam jiwa orang ramai di dalam prihatin-prihatin dan tumpuan-tumpuan perhatian mereka yang remeh itu. Mereka sebenarnya telah membuat pengakuan secara tidak langsung terhadap kewibawaan peraturan-peraturan jahiliyah yang ada. Mereka seolah-olah mengaku bahawa Islam wujud dalam peraturan-peraturan itu, tidak ada apa-apa yang mengurangkan kesempurnaan Islam selain mengadakan usaha-usaha untuk membetulkan perkara-perkara yang bertentangan dengannya, sedangkan kewujudan Islam seluruhnya akan terhenti sama sekali selama ia tidak ditegakkan dalam undang-undang dan peraturan-peraturan, di mana kuasa Hakimiyah hanya dipegang oleh Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa dikongsi manusia.

Kewujudan agama ini ialah kewujudan Hakimiyah Allah, jika Hakimiyah Allah tidak wujud, maka agama ini tidak wujud. Kini permasalahan agama ini di dunia ialah wujudnya kuasa-kuasa selain Allah atau Taghut-taghut yang menceroboh Uluhiyah Allah dan merampas kuasa-Nya. Mereka jadikan diri mereka mempunyai kuasa menggaris undang-undang yang menghalal dan mengharamkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan jiwa manusia, harta benda dan anak-anak mereka. Permasalahan ini sama dengan permasalahan yang telah dihadapi oleh Al-Qur'an (di zaman silam) dengan menggunakan berbagai-bagai fakta yang kuat, berbagai-bagai penjelasan dan pernyataan serta menghubungkannya dengan isu Uluhiyah dan 'Ubudiyyah, di samping menjadikannya sebagai asas keimanan atau kekafiran, juga sebagai neraca jahiliyah atau Islamiyah.

Perjuangan sebenar yang telah ditempuh oleh Islam untuk menegakkan kewujudannya itu bukanlah perjuangan menentang atheisme, di mana kesediaan untuk memeluk Islam sahaja merupakan matlamat yang diperjuangkan oleh orang-orang yang ghairah terhadap agama ini, juga bukanlah perjuangan menentang kerosakan sosial atau keruntuhan akhlak, kerana perjuangan-perjuangan ini merupakan perjuangan-perjuangan kedua selepas perjuangan menegakkan kewujudan agama ini, malah perjuangan pertama yang telah dilancarkan oleh Islam untuk menegakkan kewujudannya ialah perjuangan menegakkan kuasa Hakimiyah dan menentukan Allah Yang Maha Esa sebagai satu-satunya pihak yang berwibawa memegang kuasa Hakimiyah. Islam telah mengharungi perjuangan ini sejak ia mula bertapak di Kota Makkah, iaitu semasa ia sedang membentuk 'aqidah dan belum lagi mengatur peraturan dan syari'at. Islam melancarkan perjuangan itu untuk menanam dalam hati manusia bahawa kuasa Hakimiyah hanya dipegang oleh Allah Yang Maha Esa sahaja. Tiada seorang Muslim pun yang boleh mendakwa mempunyai kuasa itu dan tiada seorang Muslim pun yang boleh mengakurkan dakwaannya. Apabila 'aqidah ini telah mendarah daging dalam jiwa kelompok Muslimin di Makkah, barulah Allah mengurniakan kepada mereka kemudahan-kemudahan untuk merealisasikan kuasa Hakimiyah Allah itu di Madinah. Oleh sebab itu orang-orang yang ghairah terhadap Islam hendaklah menyemak semula kedudukan mereka dan memikir semula apakah cara dan langkah yang harus diatur mereka setelah memahami pengertian haqiqi agama ini.

Cukuplah setakat ini sahaja supaya kita dapat menghuraikan ayat-ayat yang berkenaan dengan terperinci.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 136 - 140)

وَجَعَلُوا لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ الْحَرْثِ وَالْأَنْعَامِ نَصِيبًا فَقَالُوا هَٰذَا لِلَّهِ بِزَعْمِهِمْ وَهَٰذَا لِشُرَكَائِنَا ۖ فَمَا كَانَ لِشُرَكَائِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى اللَّهِ ۖ وَمَا كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَىٰ شُرَكَائِهِمْ ۗ سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾

"Dan mereka telah memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari hasil tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah lalu mereka mengikut sangkaan karut mereka: 'Ini untuk Allah dan ini pula untuk sembahan-sembahan kami,' maka bahagian yang diperuntukkan kepada sembahan-sembahan mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah pula sampai kepada sembahan-sembahan mereka. Alangkah buruknya peraturan yang diputuskan mereka."(136)

Ayat ini menegaskan - dalam konteks menerangkan kefahaman-kefahaman jahiliyah dan tradisi-tradisinya yang bersangkutan dengan tanaman dan ternakan-ternakan bahawa Allahlah yang telah menciptakan tanaman dan ternakan itu untuk mereka. Tiada siapa selain Allah yang memberi rezeki kepada manusia dari langit dan bumi. Setelah itu ayat ini menyebut tentang penyelewengan yang dilakukan mereka terhadap rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka, iaitu mereka membahagi-bahagikan rezeki itu, sebahagiannya diperuntukkan kepada Allah dan sebahagian lagi diperuntukkan kepada berhala-berhala mereka dan yang menerima bahagian ini - sudah tentu - ialah kahin-kahin yang menjaga rumah-rumah berhala itu, tetapi selepas itu mereka bertindak tidak adil terhadap bahagian yang diperuntukkan kepada Allah sebagaimana digambarkan oleh ayat ini.

Dari ibn Abbas katanya: Apabila mereka membawa makanan, mereka jadikannya dalam satu bungkusan, kemudian dari bungkusan ini mereka bahagikan iaitu satu bahagian untuk Allah dan sebahagian lagi untuk berhala-berhala mereka. Jika angin bertiup dari arah bahagian yang diperuntukkan kepada berhala, maka mana-mana bahagian ini yang ditolak angin ke arah bahagian yang diperuntukkan kepada Allah, mereka akan mengembalikannya semula kepada bahagian berhala, sebaliknya jika angin bertiup dari arah bahagian yang diperuntukkan kepada Allah dan menolak mana-mana bahagian ini ke arah bahagian yang diperuntukkan kepada berhala, mereka tetapkannya dan tidak mengembalikannya semula ke bahagian Allah. Oleh sebab itu Allah berfirman:

سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾

"Alangkah buruknya peraturan yang diputuskan mereka."(136)

Dari Mujahid katanya: Mereka memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari hasil tanaman dan sebahagian lagi kepada sekutu-sekutu dan berhala-berhala mereka. Mana-mana hasil tanaman dari bahagian Allah ditiup dan ditolak angin ke arah bahagian berhala, maka mereka akan membiarkannya (masuk ke dalam bahagian berhala), sebaliknya mana-mana hasil tanaman dari bahagian berhala-berhala ditiup dan ditolak angin ke arah bahagian Allah, maka mereka akan mengembalikannya semula kepada bahagian berhala dan berkata: "Allah tidak memerlukan bahagian ini." Mereka membuat peruntukan yang sama kepada binatang-binatang ternakan yang mereka namakan sebagai Sa'ibah dan Bahirah.

Dari Qatadah katanya: Satu kaum yang sesat telah mengadakan satu peraturan, iaitu mereka membahagikan hasil tanaman dan ternakan mereka, sebahagian diperuntukkan kepada Allah dan sebahagian lagi diperuntukkan kepada berhala-berhala mereka. Menurut kebiasaan mereka jika ada sesuatu dari bahagian yang diperuntukkan kepada Allah bercampur dengan bahagian yang diperuntukkan kepada berhala, maka mereka tinggalkannya begitu sahaja, tetapi jika ada sesuatu dari bahagian berhala bercampur dengan bahagian Allah, maka mereka mengembalikannya semula kepada bahagian berhala, dan jika mereka di timpa kemarau, mereka akan menggunakan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah dan mengekalkan bahagian yang diperuntukkan kepada berhala. Oleh sebab itu Allah berfirman:

سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾

"Alangkah buruknya peraturan yang diputuskan oleh mereka."(136)

Dari as-Suddi katanya: Mereka membahagikan harta mereka sebahagian untuk Allah dan jika mereka menanam, mereka memperuntukkan sebahagian hasilnya kepada Allah dan sebahagian yang sama diperuntukkan kepada berhala-berhala. Bahagian untuk berhala dibelanjakan untuk berhala dan bahagian Allah dijadikan untuk sedekah, tetapi jika bahagian berhala itu rosak, sedangkan bahagian Allah banyak, mereka berkata: "Tuhan-tuhan kita tidak memerlukan perbelanjaan" lalu mereka mengambil bahagian Allah dan membelanjakannya untuk berhala-berhala mereka. Sebaliknya jika bahagian yang diperuntukkan kepada Allah itu kekeringan, sedangkan bahagian yang diperuntukkan kepada berhala itu banyak, mereka berkata: "Jika Allah kehendaki Dia berkuasa menambahkan peruntukkan-Nya." Oleh sebab itu mereka tidak memberi suatu apa dari bahagian berhala kepada bahagian Allah. Oleh sebab itu Allah berfirman jika pembahagian mereka itu benar, maka itulah seburuk-buruk pembahagian yang telah diputuskan oleh mereka, kerana mereka hanya mengambil dari bahagian-Ku tetapi tidak memberi kepada bahagian-Ku. Itulah tujuan firman-Nya:

"Alangkah buruknya peraturan yang diputuskan mereka."(136)

Dari Ibn Jarir katanya: Mengenai firman Allah:

"Alangkah buruknya peraturan yang diputuskan mereka."(136)

Ini merupakan satu pernyataan dari Yang Maha Mulia terhadap perbuatan kaum Musyrikin yang disifatkannya sebagai perbuatan yang buruk kerana mereka mengambil dari bahagian yang diperuntukkan kepada-Ku untuk dibelanjakan kepada berhala-berhala mereka, tetapi mereka tidak memberi kepada-Ku dari bahagian yang diperuntukkan kepada berhala-berhala mereka. Tujuan Allah membuat pernyataan ini ialah untuk menerangkan kejahilan dan kesesatan mereka dan untuk menggambarkan penyelewengan mereka dari jalan yang benar, iaitu mereka tidak redha menyamakan (pembahagian) di antara Allah yang telah menciptakan mereka, memberi makanan kepada mereka dan mengurniakan ni'mat yang tidak terhingga kepada mereka dengan berhala-berhala yang tidak memberi apa-apa mudarat dan manfa'at kepada mereka hingga mereka sanggup mengutamakan berhala dalam sumpah-sumpah mereka mengenai diri mereka dengan bersumpah dengan namanya.

Inilah kefahaman karut yang dibisikkan oleh syaitan-syaitan manusia dan jin kepada sahabat-sahabat setia mereka supaya mereka mempergunakannya untuk berhujah dengan orang-orang yang beriman dalam persoalan ternakan dan makanan. Kefahaman-kefahaman dan tindak-tanduk ini jelas memperlihatkan kesan kepentingan syaitan-syaitan dalam bisikan-bisikan mereka yang indah kepada sahabat-sahabat setia mereka. Kepentingan syaitan-syaitan manusia yang terdiri dari para kahin, penjaga-penjaga kuil dan pembesar-pembesar adalah terletak pertamanya dalam rangka usaha mereka untuk memikat hati para pengikut dan sahabat-sahabat setia mereka dan menggerakkan mereka mengikut hawa nafsu mereka selaras dengan kefahaman-kefahaman yang karut dan kepercayaan-kepercayaan yang rosak yang digambarkan begitu indah kepada mereka, dan yang keduanya terletak dalam kepentingan-kepentingan kebendaan yang diraihkan mereka di sebalik usaha memberi bisikan-bisikan dan dorongan-dorongan yang indah dan menarik untuk memikat hati orang ramai, iaitu kepentingan-kepentingan dalam bentuk keuntungan-keuntungan yang diperolehi mereka dari bahagian harta yang diperuntukkan kepada berhala-berhala yang diaturkan oleh mereka yang tertipu dan tidak sedarkan diri itu. Sementara kepentingan-kepentingan syaitan-syaitan jin pula adalah terletak dalam kejayaan mereka melakukan perdayaan-perdayaan memesong manusia dengan bisikan-bisikan yang indah dan manis hingga kehidupan dan pegangan keagamaan mereka rosak dan musnah. Mereka sentiasa berusaha membawa manusia ke arah menjerumuskan mereka ke dalam kebinasaan di dunia dan menjerumuskan mereka ke dalam api Neraka di Akhirat.

Inilah gambaran kesesatan yang berlaku dalam jahiliyah Arab dan gambaran yang sama juga berlaku di dalam jahiliyah-jahiliyah yang lain seperti dalam jahiliyah Greek, Parsi dan Roman dan masih berlaku dalam jahiliyah-jahiliyah India, Afrika dan Asia. Semua gambaran ini menggambarkan penyelewengan-penyelewengan dalam pengurusan harta benda, dan penyelewengan ini tidak hanya terbatas dalam jahiliyah lama sahaja malah penyelewengan yang sama berlaku dalam jahiliyah masa kini, di mana pengurusan harta benda dikendalikan tanpa mengikut peraturan yang diizinkan Allah dengan cara dan peraturan yang tidak diizinkan Allah dan di sinilah jahiliyah masa kini bertemu dengan jahiliyah-jahiliyah masa lama dalam asas dan dasar kesyirikan yang sama, kerana konsep jahiliyah ialah setiap peraturan yang mengurus dan mengendalikan urusan-urusan kehidupan manusia tanpa berpandukan syari'at

Allah walaupun bentuk pengendalian itu tidak sama dan berlainan. Bentuknya sahaja yang berlainan, tetapi asasnya sama:

وَكَذَٰلِكَ زَيَّنَ لِكَثِيرٍ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ قَتْلَ أَوْلَٰدِهِمْ شُرَكَآؤُهُمْ لِيُرْدُوهُمْ وَلِيَلْبِسُوا۟ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ ۖ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١٣٧﴾

"Dan demikianlah ketua-ketua mereka telah menjadikan sebilangan ramai dari orang-orang Musyrikin memandang baik perbuatan membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan mereka dan mengelirukan agama mereka. Dan andainya Allah kehendaki nescaya mereka tidak berkuasa melakukan perbuatan itu, kerana itu tinggallah mereka dan segala pembohongan yang diada-adakan mereka."(137)

Dalam ayat ini Allah menjelaskan iaitu sebagaimana sekutu-sekutu (kahin-kahin atau ketua-ketua agama) dan syaitan-syaitan memperdayakan mereka melakukan penyelewengan dalam pengendalian harta benda, maka begitulah juga mereka memperdayakan mereka supaya membunuh anak-anak mereka, iaitu mereka menanam hidup-hidup anak-anak perempuan mereka, kerana takut di timpa kemiskinan atau takut mendapat malu. Mereka juga membunuh anak-anak mereka kerana membayar nazar mereka kepada berhala-berhala sebagaimana yang diceritakan tentang Abdul Muttalib yang telah bernazar bahawa ia akan menyembelihkan salah seorang dari anak-anaknya jika ia mendapat sepuluh orang anak

lelaki yang dapat melindungi dan mempertahankannya.

Di sini jelaslah bahawa dua perbuatan yang karut adalah disarankan oleh adat jahiliyah yang direkakan oleh manusia untuk manusia. Sekutu-sekutu yang disebut di dalam ayat ini ialah syaitan-syaitan manusia dan jin yang terdiri dari para kahin, penjaga-penjaga kuil, pembesar-pembesar manusia dan syaitan-syaitan jin yang bertindak sebagai penghasut-penghasut yang bekerjasama dan bersetia-kawan di antara satu sama lain.

Ayat ini juga menjelaskan matlamat mereka yang tersembunyi di sebalik perdayaan-perdayaan itu:

لِيُرْدُوهُمْ وَلِيَلْبِسُوا عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ

"Untuk membinasakan mereka dan mengelirukan agama mereka."(137)

Maksudnya, matlamat mereka ialah untuk membinasakan manusia dan menimbulkan kekeliruan dalam kefahaman keagamaan mereka hingga mereka tidak dapat memahaminya dengan jelas. Pada peringkat awal kebinasaan itu dapat di lihat pada penglibatan mereka membunuh anak-anak mereka, dan pada peringkat akhirnya dapat di lihat pada akibat kerosakan yang berlaku kepada seluruh kehidupan masyarakat manusia, kerana ia menjadikan manusia seperti sekumpulan kambing sesat yang diarah oleh gembala-gembala perosak ke mana hala sahaja yang di sukai mereka mengikut kehendak-kehendak hawa nafsu dan kepentingan-kepentingan mereka sehingga mereka dapat menguasai dan bertindak sewenang-wenang terhadap diri manusia, anak-anak dan harta-benda mereka dan membabitkan mereka dalam pembunuhan dan kebinasaan, sedangkan kambing-kambing yang sesat itu terpaksa tunduk dan mengikut mereka kerana kefahaman-kefahaman agama dan 'aqidah yang keliru, sedangkan ia bukan dari 'aqidah dan segala huraian yang kuat dan mendalam yang bersangkutan dengannya telah bekerja sama sepenuhnya dengan adat-adat masyarakat yang lahir dari kefahaman yang keliru itu hingga menjadi satu kekuatan penghancur yang tidak dapat dihalang oleh orang ramai kecuali jika mereka berpegang dengan satu agama yang terang dan merujukkan segala urusan kehidupan mereka kepada satu neraca yang tetap.

Kefahaman-kefahaman yang keliru dan adat-adat masyarakat yang lahir dari kefahaman yang keliru yang menekan orang ramai dengan kekuatan yang menghancurkan itu tidak hanya terbatas dalam bentuk-bentuk kefahaman dan adat-adat yang dikenali dalam jahiliyah-jahiliyah zaman lama, malah kita dapat melihatnya di dalam jahiliyah moden pada hari ini dalam bentuk yang lebih terang lagi, di mana adat-adat dan tradisi-tradisi ini menimbulkan kesulitan-kesulitan yang amat berat dalam kehidupan orang ramai yang tidak dapat dielakkan oleh mereka. Lihat sahaja kepada adat pakaian dan etika-etika yang diwajibkan ke atas orang ramai yang membebankan mereka dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang kadang-kadang di luar kemampuan mereka. Di samping itu ia juga memakan kehidupan dan minat mereka dan pada akhirnya membawa akibat yang merosakkan akhlak dan kehidupan mereka, namun begitu mereka terpaksa juga mengikut dan tunduk. Di sana ada adat pakaian untuk waktu pagi, adat pakaian untuk waktu selepas tengahari, adat pakaian untuk waktu petang, adat pakaian pendek, adat pakaian ketat dan pakaian-pakaian yang melucukan di samping berbagai-bagai cara hiasan, solekan dan dandanan rambut dan sebagainya dari adat-adat pakaian yang memperhambakan manusia. Siapakah yang menciptakan adat ini? Siapakah sebenarnya yang berdiri di belakang adat-adat pakaian ini? Yang berdiri di belakangnya ialah gedung-gedung fesyen, syarikat-syarikat pengeluar pakaian, pemakan-pemakan riba yang menguasai institusi-institusi kewangan dan bank-bank yang memberi pinjaman kepada industri-industri untuk memerah hasil keuntungan titik peluh perusahaan itu, sementara yang berdiri di belakang institusi-institusi kewangan dan bank-bank itu pula ialah hartawan-hartawan Yahudi yang sentiasa berusaha menghancurkan umat-umat manusia supaya semuanya dapat dikuasai mereka, tetapi mereka berdiri di sana bukan dengan kekuatan senjata lahiriah dan kekuatan tentera yang nyata, malah mereka berdiri di sana dengan senjata kefahaman-kefahaman dan nilai-nilai yang diciptakan mereka dan ditegakkan mereka dengan berbagai-bagai teori dan budaya[8] dan melepaskannya menekan dan mempengaruhi orang ramai dalam bentuk adat sosial. Mereka sedar bahawa teori-teori sahaja tidak cukup tanpa dijelmakan di dalam sistem-sistem pemerintahan, peraturan-peraturan masyarakat dan adat sosial yang kabur yang tidak dapat dipertikaikan oleh orang ramai, kerana mereka terkeliru dengan aneka dasar dan cabang-cabangnya yang bertaut begitu kompliketed.

Itulah kerja-kerja syaitan-syaitan manusia dan jin. Itulah bentuk amalan jahiliyah yang berbeza-beza rupa bentuknya tetapi mempunyai akar tunjang dan sumber yang sama, asas-asas dan dasar-dasar yang sama.

Adalah satu perbuatan yang mengurangkan martabat Al-Qur'an apabila kita membaca ayat ini dan memahaminya sebagai satu penceritaan mengenai jahiliyah-jahiliyah di semua zaman yang dihayati manusia. Ia merupakan suatu pendedahan terhadap realiti jahiliyah yang sentiasa menyeleweng untuk mengembalikannya ke jalan Allah yang lurus.

Walaupun angkara tipudaya syaitan-syaitan itu begitu besar dan realiti jahiliyah itu begitu berat, namun Al-Qur'an menggambarkannya sebagai sesuatu yang kecil dan lemah dan mendedahkan satu hakikat yang agung, yang kadang-kadang tidak di

---

[8] *Lihat bab "اليهود الثلاثة" dalam buku "التطور والشباب " oleh Muhammad Qutb.*

lihat kerana tertipu dengan gambaran yang lahir yang besar ini. Al-Qur'an mendedahkan hakikat agung bahawa syaitan-syaitan dan sekutu-sekutu setia mereka adalah semuanya berada dalam genggaman kekuasaan Allah. Mereka tidak melakukan segala apa yang dilakukan mereka dengan qudrat kuasa diri mereka tetapi mereka, dengan kehendak masyi'ah Allah dan perencanaan-Nya, telah diberi sedikit kebebasan untuk merealisasikan hikmat Allah dalam menguji para hamba-Nya, kerana jika Allah kehendaki perbuatan-perbuatan itu tidak dilakukan mereka tentulah mereka tidak berkuasa melakukannya, tetapi Allah kehendaki perbuatan itu dilakukan mereka untuk menguji para hamba-Nya. Ini bukannya urusan Nabi s.a.w. dan bukan pula urusan para mu'minin, oleh sebab itu kewajipan mereka ialah meneruskan perjuangan mereka dan tinggalkan sahaja kepada Allah urusan syaitan-syaitan itu dengan segala pembohongan dan angkara tipudaya mereka:

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١٣٧﴾

"Dan andainya Allah kehendaki nescaya mereka tidak berkuasa melakukan perbuatan itu, kerana itu tinggalkan mereka dan pembohongan yang diada-adakan mereka."(137)

Di sini harus disebutkan bahawa syaitan-syaitan itu tentulah tidak berani mengatakan bahawa kefahaman-kefahaman dan peraturan-peraturan ini adalah dari mereka sendiri, kerana itu mereka melakukan pembohongan terhadap Allah dengan mendakwa bahawa peraturan-peraturan itu adalah peraturan-peraturan yang diisyaratkan Allah kepada mereka dan mereka hubungkan peraturan-peraturan itu kepada syari'at Ibrahim dan Ismail berdasarkan dakwaan mereka.

Kerja-kerja semacam ini sama sahaja dengan kerja-kerja syaitan-syaitan pada hari ini di dalam jahiliyah moden. Kebanyakan mereka tidak sanggup menunjukkan sifat terlalu angkuh seperti yang ditunjukkan oleh penganut-penganut komunisme yang tidak percaya kepada Tuhan iaitu mereka tidak sanggup menafikan kewujudan Allah secara total dan menolak agama secara terang-terangan, malah mereka menggunakan taktik yang sama dengan taktik yang telah digunakan oleh syaitan-syaitan di dalam jahiliyah Arab, iaitu mereka berkata bahawa mereka menghormati agama dan mendakwa bahawa peraturan-peraturan yang digariskan mereka untuk orang ramai itu adalah berlandaskan prinsip agama. Inilah taktik yang lebih keji dan lebih buruk dari taktik penganut-penganut komunisme yang tidak percayakan Tuhan. Taktik ini melumpuhkan sentimen dan semangat agama yang kabur, yang masih hidup di dalam hati orang ramai walaupun sentimen yang kabur itu bukannya Islam, kerana Islam adalah satu sistem hidup yang jelas, praktikal dan berpijak di bumi kenyataan dan bukan bercorak sentimen yang kabur. Di samping itu taktik ini mencurahkan tenaga keinginan beragama yang semulajadi dalam acuan-acuan jahiliyah bukannya dalam acuan-acuan Islamiyah. Inilah sekeji-keji angkara tipudaya dan sejahat-jahat taktik.

Setelah itu datang pula orang-orang yang ghairah untuk menegakkan agama ini, lalu mereka mencurahkan usaha mereka menolak dan membantah isu-isu kecil yang remeh-temeh di pinggiran hakikat Islam yang tidak senang dipandang mereka dalam peraturan-peraturan jahiliyah yang mempersekutukan Allah dan merampas hak Uluhiyah-Nya. Dengan keghairahan yang totol inilah mereka memberi, cap Islam kepada peraturan-peraturan jahiliyah yang memper-sekutukan Allah dan memberi pengakuan secara tidak langsung yang merbahaya bahawa peraturan-peraturan itu sebenarnya adalah berlandaskan prinsip agama, tetapi ia hanya menyalahi Islam dalam isu-isu yang remeh-temeh itu.

Orang-orang ghairah untuk menegakkan Islam itu telah memainkan peranan yang aktif dalam usaha meneguh dan membersihkan peraturan-peraturan jahiliyah, iaitu peranan yang sama yang dimainkan oleh pegawai-pegawai agama profesional yang memakai uniform ahli agama walaupun Islam itu sendiri tidak mengenal uniform ahli agama dan tidak mempunyai jurucakap rasmi yang bercakap atas nama Islam seperti yang dilakukan oleh kahin dan penjaga kuil.

وَقَالُوا۟ هَٰذِهِۦٓ أَنْعَٰمٌ وَحَرْثٌ حِجْرٌ لَّا يَطْعَمُهَآ إِلَّا مَن نَّشَآءُ بِزَعْمِهِمْ وَأَنْعَٰمٌ حُرِّمَتْ ظُهُورُهَا وَأَنْعَٰمٌ لَّا يَذْكُرُونَ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا ٱفْتِرَآءً عَلَيْهِ ۚ سَيَجْزِيهِم بِمَا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿١٣٨﴾

"Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman-tanaman haram yang tidak dimakan melainkan oleh sesiapa yang Kami (Allah) kehendaki mengikut anggapan mereka dan (ini) ternakan yang haram ditunggang dan (ini) ternakan-ternakan yang mereka tidak boleh menyebut nama Allah ketika disembelihnya kerana membuat pembohongan ke atas Allah. Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pembohongan yang diada-adakan mereka."(138)

Ujar Abu Jaafar at-Tabari: Ayat ini merupakan pemberitaan dari Allah Taala tentang tindak-tanduk kaum Musyrikin yang jahil itu, iaitu mereka telah membuat peraturan-peraturan halal dan haram dari rekaan mereka sendirian tanpa mendapat sebarang keizinan dari Allah.

Perkataan "al-Hijr" (yang terlarang) bermakna "sesuatu yang haram". Mereka telah mencabuli kuasa Allah apabila mereka mendakwa bahawa peraturan-peraturan yang digariskan mereka adalah undang-

undang Allah. Mereka telah bertindak mengasingkan setengah-setengah tanaman dan ternakan untuk berhala-berhala mereka sebagaimana telah diterangkan sebelum ini, kemudian mereka mendakwa pula bahawa tanaman dan ternakan yang diperuntukkan kepada berhala-berhala itu adalah haram dimakan. Tiada siapa yang boleh memakannya kecuali mereka yang dikehendaki Allah mengikut dakwaan mereka. Pihak yang membuat peraturan ini sudah tentu tidak lain melainkan para kahin, penjaga-penjaga kuil dan pembesar-pembesar kaum. Mereka telah bertindak mengenakan peraturan ke atas binatang-binatang ternakan dari jenis-jenis - mengikut satu pendapat - yang disebut dalam Surah al-Ma'idah:

مَا جَعَلَ ٱللَّهُ مِنۢ بَحِيرَةٍ وَلَا سَآئِبَةٍ وَلَا وَصِيلَةٍ وَلَا حَامٍ

"Allah tidak pernah mensyari'atkan Bahirah, tidak pula Sa'ibah, tidak pula Wasilah dan tidak juga Ham."(103)

Mereka jadikan setengah-setengah binatang itu haram ditunggang dan setengah pula haram disebutkan nama Allah ketika ditunggang atau ketika diperahkan susunya atau ketika disembelihkannya. Hanya nama-nama berhala-berhala sahaja yang harus disebut pada ketika-ketika itu. Semua peraturan itu merupakan pembohongan terhadap Allah.

Ujar Abu Jaafar ibn Jarir: Adapun firman Allah (dalam Surah al-Ma'idah) yang berbunyi:

يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ

"Membuat pembohongan terhadap Allah."(103)

"(Ayat ini sambungan ayat al-Ma'idah yang lepas) adalah untuk menerangkan bahawa kaum Musyrikin yang mereka-rekakan peraturan-peraturan halal dan haram dan mendakwa itu dan ini adalah bertujuan melakukan pembohongan terhadap Allah dan mengadakan perkara-perkara yang karut dengan menggunakan nama Allah, kerana mereka telah menambahkan peraturan-peraturan haram yang direkakan mereka kepada peraturan-peraturan haram yang disebutkan Allah dalam kitab sucinya, di mana telah di jelas bahawa Allahlah yang telah mengadakan peraturan itu. Oleh sebab itu (dalam ayat tadi) Allah menafikan bahawa Dialah yang mengadakan peraturan-peraturan yang karut itu dan menyifatkan dakwaan mereka sebagai bohong serta mengumumkan kepada nabi-Nya dan para mu'minin bahawa segala apa yang dikatakan oleh kaum Musyrikin itu adakah dusta belaka."

Di sini kita dapat melihat taktik-taktik jahiliyah yang berulang-ulang kali digunakan dalam kebanyakan jahiliyah, iaitu sebelum segolongan manusia sampai kepada tahap keangkuhan yang sanggup menonjolkan kefahaman "kebendaan kewujudan" atau segala yang wujud itu hanya benda, dan sebelum keangkuhan golongan manusia yang tidak menolak kewujudan Allah secara total itu sampai kepada tahap yang sanggup mengatakan secara terbuka bahawa agama itu hanya persoalan 'aqidah semata-mata bukannya suatu sistem masyarakat atau sistem ekonomi atau sistem politik yang mengatur dan menguasai kehidupan manusia!

Barat Gagal Menjadikan Turki Moden Sebagai Model Bagi Negeri-negeri Islam

Di samping seharusnya kita sentiasa sedar terhadap taktik-taktik jahiliyah yang menegakkan sistem hidup sekular, di mana kuasa Hakimiyah dirujukkan kepada manusia bukannya kepada Allah, kemudian ia mendakwa menghormati agama di samping mendakwa bahawa undang-undang jahiliyah yang digariskan mereka adalah diambil dari prinsip agama Islam, kita juga seharusnya sedar bahawa taktik yang digunakan oleh jahiliyah itu adalah taktik yang paling jahat dan paling licin, malah taktik inilah yang digunakan oleh gerakan Kristian dan Zionis Antarabangsa di rantau yang pernah menjadi negeri-negeri Islam dan memerintah dengan undang-undang syari'at Allah. Mereka menggunakan taktik yang licin ini setelah mereka melihat kegagalan percubaan negeri Turki moden yang dibangunkan oleh wira (Mustafa Kamal) yang diciptakan oleh mereka di negeri itu. Percubaan itu telah berjaya memainkan peranan yang penting dalam menghancurkan sistem khilafah Islamiyah sebagai fenomena terakhir perpaduan umat Islam di muka bumi. Tetapi percubaan Turki yang berlandaskan sekularisme yang terbuka itu telah menyebabkan Turki gagal menjadi satu model pemerintah yang boleh mempengaruhi negeri-negeri Islam yang lain di rantau itu. Negeri Turki moden telah tercabut dan terpisah dari agama dan kerana itu ia menjadi sebuah negeri yang terasing dari semua negeri Islam yang lain, di mana Islam masih wujud dalam bentuk sentimen dan semangat yang kabur di dalam hati orang-orang Islam. Oleh sebab kegagalan ini, gerakan Kristian dan Zionis Antarabangsa telah berusaha mengelakkan kesilapan percubaan Turki pimpinan Mustafa Kamal itu. Kerana itu dalam percubaan-percubaan selanjutnya untuk merealisasikan matlamat yang sama gerakan-gerakan ini (mengubahkan taktik mereka) dengan menggunakan tabir-tabir agama dan mewujudkan alat-alat agama yang bertugas menyalutkan ciri agama sama ada dengan melancarkan diayah agama secara langsung atau menggunakan taktik menolak dan membantah isu-isu yang kecil dan remeh-temeh (yang menyentuh agama) agar taktik ini dapat menyampaikan gambaran yang salah bahawa segala isu yang lain dari isu-isu yang kecil ini adalah baik belaka. Inilah taktik yang paling jahat yang digunakan oleh syaitan-syaitan manusia dan jin terhadap agama ini.

Namun begitu, alat-alat gerakan Kristian dan Zionis yang bekerja keras pada masa itu dengan menggunakan segala langkah yang padu, segala percubaan dan pengalaman mereka, berusaha untuk membetulkan kesilapan percubaan negeri Turki

dengan mendakwa bahawa percubaan Turki merupakan salah satu gerakan-gerakan kebangkitan Islam dan kita (orang-orang Barat) jangan percaya kepada pengumuman kerajaan Turki yang mengatakan Turki adalah sebuah negeri sekular yang membuang agama dan mengasingkannya dari kehidupan rakyatnya.

Sementara golongan orientalis yang berfungsi sebagai alat pemikir penjajahan Kristian dan Zionis telah bekerja keras untuk menepis dan membersihkan percubaan Mustafa Kamal dari tuduhan mendukung kepercayaan tidak bertuhan, kerana keterdedahan dasar sekularnya yang tidak percaya kepada Tuhan telah mengakibatkan gerakan Mustafa Kamal hanya berjaya memainkan peranannya yang terbatas sahaja, iaitu menghancurkan sistem khilafah Islam yang menjadi fenomena terakhir bagi perpaduan negara-negara Islam di muka bumi ini, tetapi gerakan itu gagal memainkan peranan-peranan yang lain selepas itu, iaitu peranan yang mahu dimainkan oleh percubaan-percubaan mereka yang kedua di rantau itu dalam bentuk taktik mencurahkan konsep-konsep keagamaan, semangat keghairahan keagamaan ke dalam peraturan-peraturan, adat-adat dan acuan-acuan jahiliyah, menukarkan dasar-dasar agama dengan nama agama, merosakkan akhlak Muslimin dan nilai-nilai fitrah yang bersih dengan nama agama, menyalutkan (peraturan dan wawasan) jahiliyah dengan pakaian-pakaian Islam untuk membolehkan jahiliyah memainkan peranannya di setiap negeri Islam yang masih mempunyai sentimen dan semangat keIslaman yang kabur, dan berusaha mengheretkan negeri-negeri itu dengan menggunakan tali kang yang palsu itu ke pangkuan-pangkuan Kristian dan Zionis. Itulah matlamat yang gagal dicapaikan oleh ekspedisi-ekspedisi Kristian dan Zionis selama lebih seribu tiga ratus tahun merancangkan angkara tipudaya terhadap Islam.

سَيَجْزِيهِم بِمَا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿١٣٨﴾

"Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pembohongan yang diada-adakan mereka."(138)

وَقَالُوا۟ مَا فِى بُطُونِ هَٰذِهِ ٱلْأَنْعَٰمِ خَالِصَةٌ لِّذُكُورِنَا وَمُحَرَّمٌ عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِنَا ۖ وَإِن يَكُن مَّيْتَةً فَهُمْ فِيهِ شُرَكَآءُ ۚ سَيَجْزِيهِمْ وَصْفَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٣٩﴾

"Dan mereka berkata lagi: Anak-anak yang ada di dalam perut binatang-binatang ternakan ini adalah khusus untuk kaum lelaki kami dan diharamkan kepada kaum wanita kami, tetapi jika anak dalam perut dilahirkan mati, maka lelaki dan wanita sama-sama boleh memakannya. Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pernyataan mereka (yang karut itu). Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(139)

Mereka terbawa-bawa di dalam kefahaman-kefahaman dan amalan-amalan yang karut yang lahir dari penyelewengan-penyelewengan kepercayaan syirik dan kepercayaan paganisme, juga lahir dari akibat menyerahkan urusan menentukan peraturan halal dan haram kepada kaum lelaki serta mendakwa segala peraturan yang dibuat oleh kaum lelaki itu sebagai peraturan yang disyari'atkan Allah. Mereka telah hanyut dalam tanggapan-tanggapan yang karut hingga mereka sanggup mengatakan bahawa anak-anak binatang ternakan - mungkin yang dimaksudkan dengannya di sini ialah ternakan yang diberi nama Bahirah, Sa'ibah, dan Wasilah - yang berada dalam kandungan ibunya - adalah diperuntukkan kepada kaum lelaki sahaja apabila ia dilahirkan ke dunia dan ia diharamkan kepada kaum perempuan kecuali ia dilahirkan mati, maka dalam kes ini sahaja kaum perempuan boleh berkongsi memakannya bersama kaum lelaki. Demikianlah peraturan yang diadakan mereka tanpa berlandaskan sesuatu sebab, sesuatu dalil dan alasan yang tertentu kecuali kehendak hawa nafsu kaum lelaki sahaja, dan dari peraturan-peraturan inilah mereka jadikannya suatu kepercayaan agama yang kabur yang mengelirukan pemahaman umum.

Kemudian Al-Qur'an iringkan penjelasannya dengan satu amaran keras kepada mereka yang telah merekakan peraturan-peraturan yang karut itu dan melakukan pembohongan terhadap Allah apabila mereka sifatkan peraturan-peraturan itu sebagai sebahagian dari syari'at Allah:

سَيَجْزِيهِمْ وَصْفَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٣٩﴾

"Allah akan mengenakan balasan ke atas mereka kerana pernyataan mereka yang karut itu. Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(139)

Maksudnya, Allah Maha Mengetahui dengan segala keadaan dan mengendalikannya dengan penuh kebijaksanaan bukan seperti pengendalian yang dilakukan oleh kaum Musyrikin yang jahil itu.

Seseorang itu tentulah akan merasa takjub dan hairan apabila ia mengikuti keterangan Al-Qur'an yang membentangkan kepercayaan-kepercayaan yang sesat ini yang menyebabkan penganut-penganutnya menanggung berbagai bebanan, kerugian dan pengorbanan. Ia akan takjub dan hairan melihat bebanan-bebanan berat yang ditanggung mereka kerana menyeleweng dari syari'at Allah dan dari jalan yang lurus. Itulah bebanan-bebanan yang dipikul oleh orang-orang yang menyeleweng dari jalan Allah yang lurus. Ia akan takjub dan hairan melihat betapa beratnya bebanan kepercayaan-kepercayaan yang karut, kabur dan salah yang diikuti oleh orang-orang yang sesat. Seterusnya ia akan takjub dan hairan melihat belenggu-belenggu 'aqidah yang karut yang mencengkam masyarakat dan hati nurani manusia. Ya, ia akan takjub dan hairan melihat betapa beratnya 'aqidah yang sesat itu membebankan kaum Musyrikin

hingga terpaksa mengorbankan anak-anak kesayangan mereka selain dari beban menjalani kehidupan yang penuh dengan kesulitan dan kekacauan, juga menjalani kehidupan tanpa sebarang kawalan selain dari mengikut tanggapan-tanggapan yang salah, kehendak hawa nafsu yang liar dan kepercayaan-kepercayaan yang karut, sedangkan di hadapan mereka terbentang kepercayaan yang mudah dan jelas yang dapat membebaskan hati nurani manusia dari kefahaman-kefahaman yang salah dan dari kepercayaan-kepercayaan khurafat yang karut. Ia membebaskan akal manusia dari belenggu-belenggu taqlid buta. Ia membebaskan masyarakat manusia dari jahiliyah dan bebanan-bebanannya yang berat. Ia membebaskan manusia dari perhambaan kepada sesama manusia, sama ada dalam bentuk perhambaan kepada undang-undang ciptaan manusia atau dalam bentuk perhambaan kepada nilai-nilai dan ukuran-ukuran ciptaan mereka. Ia mengambil alih semua bidang ini selaku satu 'aqidah yang terang, mudah dimengerti, kemas dan rapi, selaku satu kefahaman yang jelas, mudah dan mententeramkan, juga selaku satu wawasan yang sempurna dan mendalam terhadap hakikat alam buana dan hakikat hayat, di samping membebaskan mereka dari perhambaan kepada sesama manusia dan meningkatkan mereka kepada maqam perhambaan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu maqam perhambaan yang tidak dapat didaki oleh manusia kepada setinggi-tinggi darjatnya kecuali para anbiya'.

Adalah satu kerugian yang besar di dunia apatah lagi di Akhirat apabila manusia menyeleweng dari jalan Allah yang lurus dan terjerumus ke dalam paya jahiliyah yang penuh lumpur dan apabila mereka kembali kepada perhambaan yang hina kepada sesama manusia:

قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ قَتَلُوٓا۟ أَوْلَـٰدَهُمْ سَفَهًۢا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا۟ مَا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ٱفْتِرَآءً عَلَى ٱللَّهِ ۚ قَدْ ضَلُّوا۟ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿١٤٠﴾

"Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang telah membunuh anak-anak mereka kerana bodoh tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan mereka telah mengharamkan rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, kerana membuat pembohongan ke atas Allah. Sebenarnya mereka telah sesat dan tidak pula pernah mendapat hidayat."(140)

Mereka telah mendapat kerugian yang amat besar di dunia dan Akhirat, iaitu mereka kerugian diri mereka, kerugian anak-anak mereka, kerugian akal dan jiwa mereka, kerugian kehormatan diri dan maruah yang dikurniakan Allah kepada mereka setelah membebaskan mereka dari perhambaan kepada sesuatu yang lain dari-Nya, tetapi mereka telah menyerahkan diri mereka kepada ketuhanan manusia apabila mereka menyerahkan diri kepada kuasa Hakimiyah manusia. Sebelum mengalami kerugian-kerugian ini, mereka telah kerugian hidayat dengan sebab mereka kerugian 'aqidah. Mereka telah meraih kerugian yang amat besar dan terjerumus ke dalam kesesatan yang tidak dapat menemui jalan hidayat:

"Sesungguhnya mereka telah sesat dan tidak pula pernah mendapat hidayat."(140)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 141 - 142)

Kemudian penjelasan ayat-ayat selanjutnya mengembalikan mereka kepada hakikat asasi yang pertama yang mereka tersesat darinya, iaitu hakikat yang disentuh oleh Al-Qur'an di awal pembicaraannya dalam ayat:

وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ ٱلْحَرْثِ وَٱلْأَنْعَـٰمِ نَصِيبًا

"Dan mereka telah memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari hasil tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah."(136)

Ia mengembalikan mereka kepada Allah selaku sumber yang mewujudkan tanaman dan binatang ternakan yang telah ditadbirkan mereka dengan peraturan-peraturan yang karut, yang diterima dari syaitan-syaitan manusia dan jin yang tidak pernah menciptakan tanaman dan ternakan itu. Allah telah menciptakannya untuk memberi keni'matan kepada manusia. Dia ciptakannya untuk mereka supaya mereka bersyukur dan beribadat kepada-Nya, namun sedemikian Allah tidak memerlukan sedikit pun kepada kesyukuran dan ibadat mereka, kerana Dia Maha Kaya dan memiliki rahmat yang amat luas, malah kesyukuran dan ibadat itu adalah untuk kebaikan diri mereka sendiri dalam urusan agama dan urusan kehidupan dunia mereka. Berdasarkan hakikat ini mengapa mereka menerima peraturan-peraturan dari mereka yang tidak pernah sedikit pun menciptakan tanaman dan ternakan itu? Mengapa mereka memperuntukkan sebahagian dari tanaman dan ternakan itu kepada Allah dan sebahagian lagi untuk berhala-berhala mereka dan mereka tidak bertindak setakat ini sahaja, malah mereka mempermain-mainkan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah kerana mengikut kehendak syaitan-syaitan yang mempunyai kepentingan?

Allah yang mencipta dan memberi rezeki itulah Tuan punya dan Pemilik tanaman dan ternakan itu, tidak siapa yang wajar mengadakan peraturan-peraturan mentadbirkan harta tanaman dan ternakan itu kecuali dengan kebenaran dan keizinan-Nya, sedangkan peraturan-peraturan yang diizinkan Allah ialah peraturan-peraturan yang digariskan dalam undang-undang syari'at-Nya, dan undang-undang syari'at-Nya ialah undang-undang yang dibawa oleh rasul-Nya bukannya undang-undang yang disampaikan oleh mereka yang berlagak sebagai tuhan-tuhan yang merampas kuasa Hakimiyah Allah dan mendakwakannya sebagai undang-undang Allah.

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَ جَنَّٰتٍ مَّعْرُوشَٰتٍ وَغَيْرَ
مَعْرُوشَٰتٍ وَٱلنَّخْلَ وَٱلزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكُلُهُۥ
وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُتَشَٰبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ۚ
كُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ
حَصَادِهِۦ ۖ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾
وَمِنَ ٱلْأَنْعَٰمِ حَمُولَةً وَفَرْشًا ۚ كُلُوا۟ مِمَّا
رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ
إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٤٢﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan kebun-kebun yang berjunjung dan kebun-kebun yang tidak berjunjung, pokok-pokok kurma, tanaman-tanaman yang bermacam-macam buahnya, juga zaitun yang serupa dan yang tidak serupa. Makanlah buah-buahnya apabila ia berbuah dan keluarkanlah haknya pada hari dipetikkan buah-buahnya dan janganlah kamu memboros, kerana Allah tidak sukakan orang-orang yang memboros (141). Dan dari binatang ternakan (Allah) ciptakan ternakan untuk pengangkutan dan ternakan untuk perabot. Makanlah rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan, kerana dia adalah musuh kamu yang amat ketara."(142)

Allah S.W.T. itulah yang awal-awal lagi telah menciptakan berbagai-bagai jenis kebun, kerana Dialah yang telah mengeluarkan kejadian-kejadian yang hidup dari yang mati. Di antara kebun-kebun itu ialah kebun-kebun tanaman yang melata yang dibelakan oleh manusia dengan menggunakan para-para penjalaran dan pagar. Di antaranya pula ialah kebun-kebun pokok dan tumbuhan liar yang tumbuh sendiri dengan kuasa Allah dan subur tanpa bantuan dan belaan manusia. Allah itulah yang telah menciptakan pokok kurma dan tanaman-tanaman yang beraneka warna, rasa dan rupa bentuk. Dialah yang telah menciptakan pokok-pokok zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Dialah yang menciptakan berbagai-bagai binatang ternakan, di antaranya ialah ternakan yang berkaki panjang dan tinggi dari bumi, yang digunakan sebagai alat pengangkutan yang boleh membawa barang-barang yang berat, dan di antaranya pula ialah ternakan yang berbadan kecil berkaki rendah dekat dengan bumi dan dari bulu-bulu ternakan inilah dibuat alat-alat perhiasan atau perabot.

Allah S.W.T. itulah yang menyebarkan berbagai-bagai jenis hidupan di bumi ini. Allah ciptakan hidupan itu sesuai dengan fungsi-fungsi yang diperlukan oleh kehidupan manusia di bumi ini. Berdasarkan hakikat-hakikat ini dan hakikat kejadian-kejadian yang menjadi bukti keesaan pencipta, mengapa manusia masih merujukkan kepada peraturan-peraturan yang lain-dari peraturan-peraturan Allah mengenai tanaman, ternakan dan harta-benda mereka.

Methodologi tarbiyyah Al-Qur'an sering kali mengemukakan hakikat rezeki yang dikurniakan Allah kepada manusia untuk dijadikan satu bukti yang pasti bahawa hanya Allah sahaja yang wajib dianggap berhak memegang kuasa Hakimiyah dalam segala urusan hidup manusia, kerana Allah yang mencipta, memberi rezeki dan memelihara semesta makhluk-Nya itulah sahaja yang berhak memegang teraju Rububiyah, Hakimiyah dan kuasa mutlak yang tidak boleh dipertikaikan.

Di sini (kita melihat) rangkaian ayat-ayat ini mengumpulkan pemandangan-pemandangan tanaman dan buah-buahan di samping pemandangan-pemandangan ternakan dan ni'mat-ni'mat yang dihasilkan darinya. Ia mengumpulkan pemandangan-pemandangan yang menarik ini ketika membicarakan isu kuasa Hakimiyah sama seperti ia mengumpulkan pemandangan-pemandangan itu ketika membicarakan isu Uluhiyah. Ini membuktikan bahawa isu Hakimiyah dan isu Uluhiyah merupakan satu isu yang sama dalam 'aqidah Islamiyah.

Dalam pembicaraan yang menyentuh tanaman dan buahan-buahan Allah berfirman:

كُلُوا۟ مِن ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَءَاتُوا۟ حَقَّهُۥ يَوْمَ
حَصَادِهِۦ ۖ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ
ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

"Makanlah buah-buahnya apabila ia berbuah dan keluarkanlah haknya pada hari dipetikkan buah-buahnya dan janganlah kamu memboros kerana Allah tidak sukakan orang-orang yang memboros."(141)

Sedekah Buah-buahan Di Zaman Makkiyah

Perintah mengeluarkan hak hasil tanaman dalam bentuk zakat telah membuat setengah-setengah riwayat berpendapat bahawa ayat ini adalah ayat yang diturunkan di Madinah. Kami telah menyatakan pendapat kami dalam kata pengantar surah ini bahawa ayat ini diturunkan di Makkah, kerana rangkaian ayat-ayat yang diturunkan di Makkah dalam surah ini tidak dapat di faham urutannya tanpa ayat ini, kerana ayat-ayat selepasnya terputus dari ayat-ayat sebelumnya jika ayat ini tertunda sehingga ia diturunkan di Madinah. Perintah mengeluarkan hak hasil tanaman semasa dipetikkan buah-buahnya tidak semestinya hak itu dimaksudkan dengan zakat, kerana di sana terdapat riwayat-riwayat mengenai ayat ini yang mengatakan bahawa maksud hak dalam ayat ini ialah sedekah yang tidak ditentukan kuantitinya, sedangkan zakat dengan nisab-nisabnya

yang ditentukan kuantitinya adalah dijelaskan oleh as-Sunnah selepas itu dalam tahun yang Kedua Hijrah.

Firman Allah Taala:

وَلَا تُسۡرِفُوٓاْۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُسۡرِفِينَ ﴿١٤١﴾

"Dan janganlah kamu memboros, kerana Allah tidak sukakan orang-orang yang memboros."(141)

Perintah ini tertuju kepada "cara memberi sedekah" dan "cara makan". Mengikut riwayat, para sahabat berlumba-lumba memberi sedekah hingga ke tahap memboros. Oleh sebab itulah Allah memerintah mereka " janganlah kamu memboros, kerana Allah tidak sukakan orang-orang yang boros".

كُلُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ وَلَا تَتَّبِعُواْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِۚ إِنَّهُۥ لَكُمۡ عَدُوّٞ مُّبِينٞ ﴿١٤٢﴾

"Makanlah rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan, kerana dia adalah musuh kamu yang amat ketara."(142)

Ayat ini bertujuan mengingatkan mereka bahawa ternakan adalah rezeki dari Allah dan makhluk ciptaan-Nya, sedangkan syaitan tidak menciptakan suatu apa pun. Oleh sebab itu mengapa mereka mengikut peraturan-peraturan syaitan dalam urusan rezeki yang dikurniakan Allah? Ayat ini juga bertujuan mengingatkan mereka bahawa syaitan adalah musuh mereka yang amat nyata. Oleh sebab itu mengapa mereka mengikut jejak langkah syaitan, sedang dia musuh ketat mereka?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 143 - 147)

Kemudian penjelasan ayat-ayat berikut mengemukakan perincian yang halus mengesankan tempat-tempat persembunyian kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang karut untuk disoroti dan didedahkan satu demi satu, secebis demi secebis hingga terbuka tembelang kekarutannya yang tidak dapat diberi alasan dan tidak dapat dipertahankan. Kekarutannya boleh memalukan penganut-penganutnya setelah terdedah dalam cahaya yang terang dan ketika mereka melihat kepercayaan-kepercayaan itu tidak mempunyai apa-apa landasan ilmu pengetahuan, hidayat dan kitab suci yang terang.

ثَمَٰنِيَةَ أَزۡوَٰجٖۖ مِّنَ ٱلضَّأۡنِ ٱثۡنَيۡنِ وَمِنَ ٱلۡمَعۡزِ ٱثۡنَيۡنِۗ قُلۡ ءَآلذَّكَرَيۡنِ حَرَّمَ أَمِ ٱلۡأُنثَيَيۡنِ أَمَّا ٱشۡتَمَلَتۡ عَلَيۡهِ أَرۡحَامُ ٱلۡأُنثَيَيۡنِۖ نَبِّـُٔونِي بِعِلۡمٍ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ﴿١٤٣﴾

وَمِنَ ٱلۡإِبِلِ ٱثۡنَيۡنِ وَمِنَ ٱلۡبَقَرِ ٱثۡنَيۡنِۗ قُلۡ ءَآلذَّكَرَيۡنِ حَرَّمَ أَمِ ٱلۡأُنثَيَيۡنِ أَمَّا ٱشۡتَمَلَتۡ عَلَيۡهِ أَرۡحَامُ ٱلۡأُنثَيَيۡنِۖ أَمۡ كُنتُمۡ شُهَدَآءَ إِذۡ وَصَّىٰكُمُ ٱللَّهُ بِهَٰذَاۚ فَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّنِ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبٗا لِّيُضِلَّ ٱلنَّاسَ بِغَيۡرِ عِلۡمٍۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٤﴾

"(Dan dari ternakan itu Allah ciptakan) lapan ekor yang berpasangan;' sepasang dari biri-biri dan sepasang dari kambing. Tanyalah (kepada orang-orang Musyrikin): Apakah Allah telah mengharamkan dua yang jantan dan dua yang betina (dari pasangan-pasangan itu)? Kemukakan kepadaku keterangan yang berlandaskan ilmu jika kamu orang-orang yang benar (143). Juga sepasang dari unta dan sepasang dari lembu. Tanyalah kepada mereka: Apakah Allah telah mengharamkan dua yang jantan atau dua yang betina (dari pasangan-pasangan itu)? Atau apakah Allah mengharamkan anak yang dikandung oleh rahim dua betinanya atau apakah kamu hadir ketika Allah menyampaikan perintah pengharaman ini kepada kamu? Siapakah yang lebih zalim dari orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah untuk menyesatkan manusia tanpa berlandaskan ilmu (pengetahuan). Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."(144)

Inilah ternakan-ternakan yang menjadi isu, dan dalam ayat yang lepas telah disebut bahawa ternakan ini telah diciptakan Allah untuk mereka. Ia terdiri dari delapan pasang dan setiap pasang mengandungi seekor jantan dan seekor betina, iaitu sepasang biri-biri dan sepasang kambing. Oleh itu manakah di antara dua jenis ini yang diharamkan Allah kepada manusia, atau adakah Allah telah mengharamkan anak-anak yang dikandung dalam perut?

"Kemukakanlah kepadaku keterangan yang berlandaskan ilmu jika kamu orang-orang yang benar."(143)

Perkara-perkara seperti ini tidak boleh di fatwa dan diputuskan mengikut andaian, sangkaan dan agakan sahaja. Peraturan-peraturan mengenai perkara ini tidak boleh diperundangkan tanpa kuasa yang tertentu.

Pasangan-pasangan yang lain ialah pasangan unta dan pasangan lembu. Pasangan-pasangan ini juga sama, ia mengandungi seekor jantan dan seekor betina, oleh itu manakah di antara dua jenis ini yang diharamkan Allah, yang jantan atau yang betina atau yang diharamkan Allah kepada orang ramai ialah anak-anak yang dikandung dalam perut ibunya? Dan dari manakah datangnya pengharaman ini?

أَمْ كُنتُمْ شُهَدَآءَ إِذْ وَصَّىٰكُمُ ٱللَّهُ بِهَٰذَا ۚ

"Apakah kamu hadir ketika Allah menyampaikan perintah pengharaman ini kepada kamu?"(144)

Maksudnya, apakah kamu telah hadir dan menyaksi sendiri semasa Allah mengeluarkan perintah pengharaman yang khusus untuk kamu itu? Kerana pengharaman itu tidak seharusnya dilakukan tanpa perintah yang diyakini benar dari Allah, dan tidak seharusnya dirujukkan kepada andaian dan sangkaan sahaja.

Dengan dalil inilah seluruh urusan perundangan harus dikembalikan kepada satu sumber sahaja. Dahulu mereka mendakwa bahawa Allah telah mensyari'atkan peraturan-peraturan yang telah digariskan mereka. Oleh sebab itu Allah memberi peringatan dan amaran kepada mereka:

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا لِّيُضِلَّ ٱلنَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٤﴾

"Siapakah yang lebih zalim dari orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah untuk menyesatkan manusia tanpa berlandaskan ilmu (pengetahuan) dan sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."(144)

Maksudnya, tiada yang lebih zalim dari orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah dengan mengadakan peraturan-peraturan yang tidak diizinkan Allah, kemudian ia mendakwakannya sebagai peraturan yang disyari'atkan Allah dengan tujuan untuk menyesatkan orang ramai tanpa berasaskan ilmu pengetahuan yang benar. Ia sepatutnya merujukkan orang ramai kepada hidayat atau kepada andaian. Orang-orang yang seperti itu tidak akan diberi hidayat oleh Allah, kerana mereka telah memutuskan hubungan dengan punca-punca hidayat dan mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak diturunkan Allah sebarang kuasa yang membenarkan mereka berbuat begitu. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim.

Sekarang Allah telah mendedahkan titik kelemahan, kekarutan dan keremehan yang wujud dalam kepercayaan-kepercayaan, kefahaman-kefahaman dan cara tadbir mereka yang tidak berlandaskan ilmu pengetahuan, bukti-bukti yang jelas dan asas-asas yang kukuh. Di samping itu Allah telah mengembalikan kepada kejadian tanaman dan ternakan yang ditadbirkan mereka dengan peraturan-peraturan ciptaan mereka sendiri atau peraturan-peraturan yang disarankan oleh syaitan-syaitan dan sekutu-sekutu mereka, sedangkan syaitan-syaitan itu tidak pernah menciptakan tanaman dan ternakan itu untuk mereka, malah yang menciptakannya ialah Allah, Dialah sahaja yang seharusnya memegang kuasa Hakimiyah ke atas makhluk-makhluk ciptaan-Nya dan ke atas rezeki dan harta-benda yang dikurniakan kepada para hamba-Nya.

Sekarang dalam ayat-ayat yang berikut Allah menjelaskan perkara-perkara yang sebenar yang telah diharamkan-Nya berlandaskan keterangan yang jelas dan wahyu dari Allah bukannya berlandaskan sangkaan dan tanggapan yang karut, kerana Allah sahaja yang berhak menerajui kuasa Hakimiyah atau kuasa perundangan. Dialah sahaja yang berhak mengharamkan dan menghalalkan sesuatu tanpa campur tangan dan penyertaan manusia. Tiada siapa yang berhak menyemak kuasa Hakimiyah dan kuasa perundangan Allah. Sehubungan dengan ini Allah menyebut setengah-setengah makanan yang khusus diharamkan kepada orang-orang Yahudi tetapi tidak diharamkan kepada orang-orang Islam. Allah mengharamkan makanan itu sebagai hukuman terhadap kaum Yahudi kerana mereka melakukan kezaliman dan menjauhkan diri dari syari'at Allah:

Makanan-makanan Yang Diharamkan Allah

قُل لَّآ أَجِدُ فِى مَآ أُوحِىَ إِلَىَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُۥٓ إِلَّآ أَن يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُۥ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ بِهِۦ ۚ فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤٥﴾

وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا كُلَّ ذِى ظُفُرٍ ٱلْبَقَرِ وَٱلْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَآ إِلَّا مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَآ أَوِ ٱلْحَوَايَآ أَوْ مَا ٱخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ۚ ذَٰلِكَ جَزَيْنَٰهُم بِبَغْيِهِمْ ۖ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿١٤٦﴾

فَإِن كَذَّبُوكَ فَقُل رَّبُّكُمْ ذُو رَحْمَةٍ وَٰسِعَةٍ وَلَا يُرَدُّ بَأْسُهُۥ عَنِ ٱلْقَوْمِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٤٧﴾

"Katakanlah: Aku tidak dapati dalam perintah-perintah yang diwahyukan kepadaku sesuatu makanan yang diharamkan kepada orang yang hendak memakannya kecuali makanan itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi kerana makanan itu kotor, atau sembelihan fasiq yang disembelih atas nama yang lain dari Allah, tetapi sesiapa yang terpaksa memakannya tanpa menginginkan dan makan tanpa melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun dan Maha Pengasih (145). Dan Kami telah mengharamkan ke atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku dan dari bahagian lembu dan biri-biri Kami

telah mengharamkan ke atas mereka lemak-lemaknya kecuali lemak yang melekat dipunggungnya atau yang melekat di perut besar dan usus-usus atau lemak yang bercampur dengan tulang. Itulah balasan Kami terhadap mereka kerana perbuatan mereka yang zalim dan keterlaluan. Sesungguhnya Kamilah yang benar (146). Dan jika mereka mendustakan engkau, maka katakanlah: Tuhanmu mempunyai rahmat yang amat luas dan 'azab keseksaan-Nya tidak mungkin ditolak dari menimpa kaum yang berdosa."(147)

Ujar Abu Jaafar ibn Jarir at-Tabari:

"Allah Yang Maha Terpuji berfirman kepada Nabi Muhammad s.a.w.: 'Wahai Muhammad, katakanlah kepada mereka yang memperuntukkan sebahagian tanaman dan ternakan kepada Allah dan sebahagian yang sama diperuntukkan kepada berhala-berhala mereka, katakanlah kepada mereka yang mendakwa ternakan ini dan tanaman itu haram dimakan kecuali mereka yang dikehendaki Allah, katakanlah kepada mereka yang mendakwa ternakan ini haram ditunggang dan ternakan itu haram disebut nama Allah kerana berbohong terhadap Allah, katakanlah kepada mereka yang mengharamkan anak-anak dalam perut ternakan-ternakan yang tertentu kepada kaum perempuan dan suami-suami mereka, tetapi menghalalkannya kepada kaum lelaki mereka, katakanlah kepada mereka yang mengharamkan setengah-setengah rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka kerana berbohong terhadap Allah dengan mengatakan bahawa apa yang diharamkan mereka itulah yang diharamkan Allah kepada orang ramai, tanyalah mereka apakah ada seorang utusan dari Allah telah datang kepada kamu mengharamkan ternakan-ternakan itu? Terangkan buktinya kepada kami! Atau apakah kamu hadir ketika Allah mengumumkan pengharaman itu? Apakah kamu mendengar sendiri pengharaman itu. Oleh sebab itulah kamu mengharamkannya? Kamu adalah pembohong jika kamu mendakwa begitu. Kamu tidak mungkin mendakwa begitu, kerana jika kamu mendakwa begitu orang ramai akan terus tahu bahawa kamu adalah pembohong. Wahai Muhammad! Katakanlah aku tidak dapati keterangan-keterangan dari kitab suci-Nya (Al-Qur'an) yang di wahyu dan diturunkan kepadaku sesuatu yang diharamkan makan seperti yang telah didakwa oleh kamu bahawa Allah telah mengharamkan ternakan-ternakan tertentu kecuali makanan itu bangkai yang mati tanpa disembelih atau makanan itu darah yang dialirkan atau daging babi "kerana ia najis" atau binatang sembelihan untuk berhala-berhala yang disembelih oleh kaum Musyrikin dengan menyebut nama berhala mereka, kerana sembelihan itu dilarang dan diharamkan Allah. Setiap orang yang beriman dilarang makan sembelihan Yang seperti itu kerana ia dikira bangkai.

"Ini adalah satu pengumuman dari Allah Azzawajalla kepada kaum Musyrikin yang telah mempertikaikan Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya kerana mengharamkan bangkai. Allah mengumumkan bahawa apa yang dipertikai dan dipertahankan mereka itulah yang diharamkan Allah dan apa yang diharamkan mereka itulah yang dihalalkan Allah dan mereka telah berdusta apabila menghubungkan pengharaman itu kepada Allah."

Ujar Ibn Jarir at-Tabari lagi ketika mentafsirkan ayat berikut:

"Sesiapa yang terpaksa memakannya tanpa menginginnya dan makan tanpa melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(145)

"Tujuannya, sesiapa yang terpaksa makan makanan yang diharamkan Allah seperti bangkai, darah yang dialirkan, daging babi atau binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, sedangkan ia tidak makannya secara keterlaluan, iaitu makan dengan selera keinginan berlazat-lazat bukannya makan sekadar desakan kelaparan, atau ia makan tanpa melewati had yang ditentu dan dibenarkan Allah kepadanya, iaitu makan sekadar menghilangkan perasaan takut binasa kerana tidak makan dan tidak lebih dari itu. Siapa yang berbuat begitu, maka ia dikira tidak berdosa kerana "sesungguhnya Allah Maha Pengampun" terhadap perbuatannya, iaitu Allah melindunginya dan tidak mengenakan hukuman ke atasnya. Jika Allah kehendaki tentulah Dia mengenakan hukuman ke atasnya. Allah Maha Pengasih terhadap para hamba-Nya, oleh sebab itu Dia membenarkan mereka makan makanan yang haram ketika benar-benar terdesak, dan jika Allah kehendaki tentulah Dia mengharamkan dan melarang mereka dari memakannya."

Mengenai had dharurat atau had keterdesakan yang mengharuskan makan makanan yang diharamkan itu, maka di sana terdapat perselisihan pendapat fiqhiyyah. Satu pendapat mengatakan ia di harus makan sekadar menyelamatkan nyawa sahaja apabila dikhuatiri binasa kerana tidak makan. Satu pendapat yang lain mengatakan ia di harus makan sekadar cukup dan kenyang. Sementara satu pendapat yang lain lagi berkata bahawa ia dibenarkan makan sekadar cukup dan dibenarkan pula menyimpan makanan itu untuk dimakan beberapa kali lagi jika dikhuatiri putus makanan. Kami tidak ingin memasuki ke dalam perincian hukum-hukum furu'. Oleh itu cukuplah setakat ini sahaja.

Allah telah mengharamkan kepada kaum Yahudi makan binatang-binatang ternakan yang berkuku, iaitu setiap binatang yang mempunyai kuku-kuku yang tidak terbelah seperti unta, burung kasawari, serati dan itik. Begitu juga Allah telah mengharamkan kepada mereka lemak lembu dan kambing kecuali lemak di bahagian belakang atau lemak yang membalut usus atau lemak yang bercampur dengan tulang. Pengharaman ini merupakan hukuman dan balasan Allah terhadap mereka kerana melanggar perintah Allah dan syari'at-Nya:

وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا كُلَّ ذِى ظُفُرٍ ۖ وَمِنَ ٱلْبَقَرِ وَٱلْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَآ إِلَّا مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَآ أَوِ ٱلْحَوَايَآ أَوْ مَا ٱخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ۚ ذَٰلِكَ جَزَيْنَٰهُم بِبَغْيِهِمْ ۖ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿١٤٦﴾

"Dan Kami telah mengharamkan ke atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku, dan dari bahagian lembu dan biri-biri Kami telah mengharamkan ke atas mereka lemak-lemaknya kecuali lemak yang melekat dipunggungnya atau yang melekat di perut besar dan usus-usus atau lemak yang bercampur dengan tulang. Itulah balasan Kami terhadap mereka kerana perbuatan mereka yang zalim dan keterlaluan. Sesungguhnya Kamilah yang benar."(146)

Ayat ini menjelaskan sebab pengharaman itu, iaitu satu sebab yang khusus berkaitan dengan kaum Yahudi sahaja, dan seterusnya menyatakan bahawa indah sebab yang sebenar bagi pengharaman itu, bukannya kerana sebab seperti yang didakwakan oleh mereka yang mengatakan pengharaman itu disebabkan kerana Israel atau Nabi Yaakub a.s. moyang mereka telah mengharamkan makanan itu ke atas dirinya lalu mereka turut mengharamkannya kepada diri mereka. Sebenarnya makanan itu dahulunya dihalalkan kepada Nabi Yaakub, kemudian Allah mengharamkannya kepada mereka setelah mereka melanggar perintah Allah, iaitu Allah menghukum mereka dengan mengharamkan makanan yang baik itu kepada mereka.

فَإِن كَذَّبُوكَ فَقُل رَّبُّكُمْ ذُو رَحْمَةٍ وَٰسِعَةٍ وَلَا يُرَدُّ بَأْسُهُۥ عَنِ ٱلْقَوْمِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٤٧﴾

"Dan jika mereka mendustakan engkau, maka katakanlah: Tuhanmu mempunyai rahmat yang amat luas dan 'azab keseksaan-Nya tidak mungkin ditolak dari menimpa kaum yang berdosa."(147)

Maksudnya, katakanlah kepada mereka bahawa Tuhan kamu menyediakan limpah rahmat yang amat luas terhadap kami dan terhadap para hamba-Nya yang beriman dan seterusnya terhadap seluruh makhluk yang lain. Rahmat Allah adalah meliputi orang yang baik dan orang yang jahat dan Allah tidak bertindak segera menghukumkan orang yang bersalah kerana sifat-Nya Yang Maha Sabar dan Maha Kasihan Belas di samping kerana setengah-setengah orang yang bersalah itu mungkin ada yang akan bertaubat kepada Allah. Hukuman Allah memang keras dan hukuman ini tidak terhindar dari orang-orang yang melakukan kesalahan kecuali kerana kesabaran-Nya dan kerana keputusan-Nya menangguhkan hukuman itu hingga ke satu masa yang tertentu (Qiamat).

Pernyataan ayat ini mengandungi galakan ke arah mendapat rahmat Allah dan dalam masa yang sama juga mengandungi ancaman supaya menggeruni hukuman dan 'azab Allah. Sebagai Pencipta hati manusia, Allah telah berbicara dengannya menggunakan dengan cara galakan dan ancaman kedua-dua sekali supaya hati itu tergerak untuk menyambut dan menyahut seruan-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 148 - 149)

Apabila penjelasan itu sampai ke tahap yang membuat mereka terkepung dan menghadapi jalan buntu, maka Allah mendedahkan pintu lari mereka yang terakhir, di mana mereka merujukkan kesyirikan mereka, kefahaman dan tadbir mereka yang sesat dengan mengatakan bahawa mereka melakukan kesyirikan dan perbuatan yang sesat itu secara dipaksa bukan secara pilihan mereka sendiri, kerana jika Allah kehendaki agar perbuatan syirik dan sesat itu tidak dilakukan mereka tentulah Allah menahan mereka dari melakukannya dengan qudrat kuasa-Nya yang tidak dapat digugatkan oleh suatu apa pun:

Mereka Merujukkan Kesyirikan Mereka Kepada Allah

سَيَقُولُ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ لَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَآ أَشْرَكْنَا وَلَآ ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمْنَا مِن شَىْءٍ ۚ كَذَٰلِكَ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ حَتَّىٰ ذَاقُوا۟ بَأْسَنَا ۗ قُلْ هَلْ عِندَكُم مِّنْ عِلْمٍ فَتُخْرِجُوهُ لَنَآ ۖ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ ﴿١٤٨﴾

قُلْ فَلِلَّهِ ٱلْحُجَّةُ ٱلْبَٰلِغَةُ ۖ فَلَوْ شَآءَ لَهَدَىٰكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٤٩﴾

"Orang-orang yang mempersekutukan Allah akan berkata: jika Allah kehendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukan-Nya dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu apapun. Demikianlah juga orang-orang sebelum mereka telah berdusta sehingga mereka telah pun mengecapi 'azab keseksaan kami. Katakanlah kepada mereka: Adakah kamu mempunyai ilmu pengetahuan hingga kamu sanggup mengeluarkan (buktinya) kepada kami? Sebenarnya kamu tidak mengikut kecuali hanya sangkaan sahaja dan kamu sebenarnya tidak mengemukakan apa-apa kecuali berbohong sahaja (148). Katakanlah: Allah mempunyai hujah yang kuat dan jelas. Jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada kamu sekalian."(149)

Persoalan paksaan dan pilihan (الجبر والاختيار) telah menimbulkan banyak perdebatan yang hangat dalam sejarah pemikiran Islam yang berlaku di antara

golongan ahli as-Sunnah dengan golongan al-Mu'tazilah, golongan Jabariyah dan golongan Murjiah. Ilmu-ilmu falsafah, logik Greek dan ilmu ketuhanan Masihiyah turut campur dalam perdebatan ini dan mengakibatkan persoalan ini menjadi begitu rumit hingga tidak dikenali oleh cara pemikiran Islam yang bersifat jelas dan berpijak di bumi kenyataan. Jika persoalan ini diolahkan secara langsung mengikut methodologi Al-Qur'an yang mudah dan serius tentulah persoalan ini tidak menjadi begitu sulit dan tentulah ia tidak menempuh jalan yang telah ditempuhnya itu.

Kini kita berdepan dengan dakwaan dan dalihan kaum Musyrikin dan bagaimana Allah menjawabnya, dan di sini kita dapati persoalan itu ditangani sebagai satu persoalan yang sangat jelas, mudah dan terbatas:

سَيَقُولُ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ لَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَآ أَشْرَكْنَا وَلَآ ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمْنَا مِن شَىْءٍ

"Orang-orang yang mempersekutukan Allah akan berkata: Jika Allah kehendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukan-Nya dan tentulah kami tidak mengharamkan suatu apa pun."(148)

Di sini mereka merujukkan kepada Allah kesyirikan mereka dan kesyirikan datuk nenek mereka, juga perbuatan mereka yang mengharamkan sesuatu yang tidak diharamkan Allah, juga dakwaan mereka yang tidak berasaskan ilmu dan dalil bahawa apa yang diharamkan mereka merupakan sebahagian dari syari'at Allah. Mereka merujukkan semuanya itu kepada kehendak masyi'ah Allah terhadap mereka dan jika Allah kehendaki tentulah mereka tidak dapat mempersekutukan-Nya dan tidak dapat mengharamkan suatu apa pun.

Bagaimana Allah menjawab perkataan kaum Musyrikin ini? Allah telah menjawab perkataan itu dengan menyatakan bahawa mereka telah berdusta sama seperti yang telah dilakukan oleh pendusta-pendusta sebelum mereka yang telah menerima 'azab Allah dan 'azab yang sama juga sedang ditunggu oleh pendusta-pendusta yang baru:

كَذَٰلِكَ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ حَتَّىٰ ذَاقُوا۟ بَأْسَنَا

"Demikianlah juga orang-orang sebelum mereka telah berdusta sehingga mereka telah pun mengecapi 'azab keseksaan Kami."(148)

Inilah jawapan yang merupakan satu goncangan yang menggerakkan perasaan mereka, menyedarkan mereka dari kelalaian dan membimbing mereka ke arah keinsafan untuk mengambil contoh teladan.

Sentuhan yang kedua dalam ayat berikut ialah membetulkan cara mereka berfikir dan menilai, iaitu Allah telah mengeluarkan perintah-perintah dan larangan-larangan-Nya yang jelas dan semua perkara ini termasuk dalam lingkungan keupayaan mereka mengetahuinya dengan ilmu yang yakin, tetapi perkara-perkara yang berhubung dengan kehendak masyi'ah Allah, maka perkara-perkara ini merupakan perkara-perkara atau hakikat-hakikat ghaib yang di luar keupayaan mereka untuk mengetahuinya, jadi, bagaimana mereka mendakwa mengetahuinya? Dan jika mereka tidak mengetahuinya dengan yakin, bagaimana mereka merujukkan kepadanya:

قُلْ هَلْ عِندَكُم مِّنْ عِلْمٍ فَتُخْرِجُوهُ لَنَآ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ ﴿١٤٨﴾

"Katakanlah kepada mereka: Adakah kamu mempunyai ilmu pengetahuan hingga kamu sanggup mengeluarkan (buktinya) kepada Kami? Sebenarnya kamu tidak mengikut kecuali hanya sangkaan sahaja dan sebenarnya kamu tidak mengemukakan apa-apa kecuali hanya berbohong sahaja."(148)

Allah telah menetapkan perintah-perintah dan larangan-larangan-Nya yang dapat diketahui dengan yakin. Oleh sebab itu mengapa mereka tinggalkan perkara-perkara yang dapat diketahui dengan yakin ini untuk meraba-raba di kawasan lembah yang tidak diketahui mereka?

Inilah jawapan muktamad dalam persoalan ini. Allah tidak mentaklifkan manusia mengetahui liku-liku kehendak masyi'ah Allah dan rahsia-rahsia perencanaan-Nya yang ghaib untuk menyelaraskan diri mereka dengannya, tetapi Allah mentaklifkan mereka supaya mengetahui perintah-perintah dan larangan-larangan-Nya agar mereka menyelaraskan diri mereka dengannya dan apabila mereka berusaha seperti ini, maka Allah S.W.T. telah menjelaskan bahawa Dia akan menunjukkan kepada mereka jalan menuju kepada-Nya dan membuka pintu hati mereka menerima Islam. Inilah penjelasan yang cukup untuk mereka dalam persoalan ini, di mana - dalam aspek realitinya yang praktikal - ia kelihatan begitu mudah, jelas dan bersih dari kekaburan dan kesewenang-wenang yang wujud dalam perdebatan mengenai persoalan ini.

Allah memang berkuasa - jika Dia kehendaki - untuk menciptakan manusia dari awal lagi dengan sifat semulajadi yang hanya mengenal hidayat sahaja atau untuk memaksa manusia mengikut hidayat sahaja atau untuk mencampakkan hidayat ke dalam hati manusia lalu mereka mendapat hidayat tanpa paksaan, tetapi Allah S.W.T. tidak berkehendak begitu, malah Dia berkehendak menguji manusia dengan mengurniakan kepada mereka daya kebolehan untuk menjurus ke arah hidayat atau ke arah kesesatan agar hanyut dalam kesesatan dan kejahilan mereka. Dan undang-undang Allah berlangsung mengikut kehendak masyi'ah-Nya:

قُلْ فَلِلَّهِ ٱلْحُجَّةُ ٱلْبَٰلِغَةُ فَلَوْ شَآءَ لَهَدَىٰكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٤٩﴾

"Katakanlah: Allah mempunyai hujah yang kuat dan jelas. Jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada kamu sekalian."(149)

Persoalan ini adalah satu persoalan yang terang. Ia diterangkan dengan gambaran yang mudah, yang dapat di faham oleh daya pemahaman manusia, sedangkan perdebatan mengenai persoalan ini dengan menggunakan susunan kata yang sukar merupakan satu perdebatan yang asing kepada tanggapan Islam dan kepada methodologi pemikiran Islam, dan perdebatan itu juga, baik mengenai perbahasan falsafah mahupun mengenai perbahasan ilmu ketuhanan, tidak membawa kepada satu natijah yang mententeramkan hati, kerana perdebatan itu mengolahkan persoalan ini dengan cara yang tidak sesuai dengan Tabi'atnya.

Tabi'at dari hakikat sesuatu itulah yang menentukan cara untuk menangani dan mengungkapkannya, misalnya hakikat yang bersifat kebendaan boleh ditangani dengan cara menggunakan ujian-ujian makmal, dan hakikat yang berhubung dengan matematik ditangani dengan menggunakan andaian-andaian mental, dan hakikat yang mengenai sesuatu yang di luar lingkungan ini pastilah ditangani dengan menggunakan cara yang lain pula sebagaimana yang telah kami katakan sebelum ini, iaitu dengan menggunakan cara menghayati hakikat ini secara amali di bidangnya yang amali, dan mengungkapkan hakikat ini dengan cara yang lain dari cara persoalan-persoalan aqliyah yang di guna dalam setiap perdebatan yang berlaku di sekitarnya dahulu dan sekarang.

Di samping itu, tujuan kedatangan agama ini ialah untuk merealisasikan satu realitinya yang praktikal yang digariskan dalam bentuk perintah-perintah dan larangan-larangan yang jelas. Oleh sebab itu perbuatan merujukkan kepada kehendak masyi'ah Allah yang ghaib itu merupakan satu perbuatan memasukkan diri ke dalam zon padang gurun tanpa jalan-jalan yang dapat dilalui, menyebabkan akal menerokai zon itu tanpa dipimpin oleh pemandu dan menyebabkan tenaga terbuang percuma, sedangkan tenaga itu seharusnya digunakan untuk melakukan usaha-usaha positif yang berpijak di bumi kenyataan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 150)

Pada akhirnya Allah S.W.T. mengarah Rasulullah s.a.w. supaya mencabar kaum Musyrikin mengemukakan saksi dalam isu perundangan sebagaimana sebelum ini beliau telah mencabar mereka supaya mengemukakan saksi dalam isu Uluhiyah di bahagian pertama surah ini, di mana Allah berfirman kepada beliau:

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً قُلِ اللَّهُ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَأُوحِيَ إِلَيَّ هَٰذَا الْقُرْآنُ لِأُنذِرَكُم بِهِ وَمَن بَلَغَ أَئِنَّكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ آلِهَةً أُخْرَىٰ قُل لَّا أَشْهَدُ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ وَإِنَّنِي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

"Katakanlah: Kesaksian siapakah yang lebih besar? Katakanlah: Kesaksian Allah. Dialah yang menjadi saksi diantara-Ku dan kamu. Dan Al-Qur'an ini telah diwahyukan kepadaku supaya aku memberi peringatan kepada kamu dan kepada orang yang sampai Al-Qur'an ini kepadanya. Apakah kamu benar-benar mengaku ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah? Katakanlah: Aku sekali-kali tidak mengaku. Katakanlah: Sesungguhnya Dia sahaja Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya aku berlepas diri dari segala sekutu yang disekutukan Allah dengan-Nya."(19)

Dan di sini pula Allah berfirman kepada beliau:

Kuasa Hakimiyah Allah Yang Tidak Boleh Disyarikati Oleh Sesiapa Pun

قُلْ هَلُمَّ شُهَدَاءَكُمُ الَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ اللَّهَ حَرَّمَ هَٰذَا فَإِن شَهِدُوا فَلَا تَشْهَدْ مَعَهُمْ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ وَهُم بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١٥٠﴾

"Katakanlah (kepada mereka): Bawalah saksi-saksi kamu yang mengaku menyaksi sendiri bahawa Allah telah mengharamkan makanan-makanan yang diharamkan kamu ini. Dan jika mereka tampil memberi kesaksian (secara dusta), maka janganlah engkau turut memberi kesaksian bersama mereka (membenarkan kesaksian mereka), dan janganlah engkau ikut hawa nafsu orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat dan mereka pula menyamakan Tuhan mereka dengan makhluk."(150)

Inilah satu cabaran yang besar dan tegas, yang menunjukkan dengan jelas Tabi'at agama ini yang menyamakan di antara syirik yang terang dalam bentuk menyembah tuhan-tuhan yang lain di samping menyembah Allah, dan syirik dalam bentuk mempraktikkan kuasa Hakimiyah, iaitu mengadakan undang-undang untuk manusia yang tidak diizinkan Allah tanpa menghiraukan dakwaan mereka yang mengatakan bahawa undang-undang yang digariskan mereka adalah undang-undang Allah. Agama ini juga mengecap orang-orang yang melakukan perbuatan itu sebagai orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah dan tidak percaya kepada hari Akhirat serta menyamakan Allah dengan makhluk apabila mereka mengadakan tandingan-tandingan yang menyamai Allah.

Ayat ini sama dengan ayat yang pertama surah ini ketika menyifatkan orang-orang kafir:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ ٱلظُّلُمَٰتِ وَٱلنُّورَ ۖ ثُمَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١﴾

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan mengadakan kegelapan-kegelapan dan cahaya, kemudian orang-orang yang kafir menyamakan Tuhan mereka dengan makhluk."(1)

Inilah hukuman Allah terhadap mereka yang merampas kuasa Hakimiyah dan menggunakan kuasa itu untuk membuat undang-undang sendiri supaya diikuti manusia tanpa menghiraukan dakwaan mereka bahawa undang-undang ciptaan mereka adalah dari syari'at Allah. Selepas hukuman Allah ini tiada pendapat dari sesiapa pun yang boleh diterima dalam isu yang amat penting ini.

Jika kita ingin memahami mengapa Allah S.W.T. mengeluarkan hukuman yang sedemikian, mengapa Allah sifatkan mereka sebagai orang-orang yang mendustakan ayat-ayat-Nya dan tidak berfirman kepada hari Akhirat, juga sebagai orang-orang Musyrikin yang menyamakan Allah dengan makhluk, maka seharusnya kita berusaha memahaminya, kerana usaha mengkaji dan meneliti hikmat kebijaksanaan Allah yang tersirat dalam undang-undang dan syari'at-Nya dan dalam keputusan-keputusan dan hukuman-hukumanNya adalah satu usaha yang dituntut dari setiap orang Islam.

Allah telah menghukum orang-orang yang menciptakan undang-undang dari rekaan sendiri supaya diikuti manusia - walaupun mereka mendakwa undang-undang itu diambil dari syari'at Allah - sebagai orang-orang yang menolak ayat-ayat Allah, kerana jika "ayat-ayat Allah" itu diertikan dengan makna "kejadian-kejadian alam yang menjadi bukti keesaan Allah", maka seluruh kejadian alam menyaksikan bahawa hanya Allah sahaja Tuhan Pencipta dan Pemberi Rezeki, sedangkan Tuhan Pencipta dan Pemberi Rezeki itulah Tuhan Pemilik yang menguasai seluruh alam buana. Bertolak dari hakikat ini Allah sahaja yang pasti berhak menerajui pentadbiran, pengendalian, pemerintahan dan perundangan. Oleh kerana itu sesiapa yang tidak mengkhususkan kuasa Hakimiyah itu kepada Allah sahaja, bererti ia menolak pengakuan dan penyaksian kejadian-kejadian alam yang menjadi bukti-bukti keesaan Allah. Dan jika ayat-ayat Allah itu diertikan dengan makna "ayat-ayat Al-Qur'an", maka bererti mereka menolak ayat-ayat Al-Qur'an yang terang-terang menjelaskan bahawa kuasa Hakimiyah dalam kehidupan manusia wajib dikhususkan kepada Allah S.W.T. sahaja, dan bahawa syari'at Allah wajib dipakai sebagai undang-undang yang tunggal dan seluruh manusia wajib ditundukkan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja melalui pelaksanaan syari'at Allah yang berkuatkuasa dan dominan.

Begitu juga Allah S.W.T. menghukumkan mereka sebagai orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat, kerana orang yang beriman kepada hari Akhirat dan yakin akan menemui Allah pada hari Qiamat, tidak akan berani mencabul Uluhiyah Allah dan tidak akan berani mendakwa mempunyai hak kepunyaan Allah yang tertentu kepada-Nya sahaja, iaitu hak Hakimiyah yang mutlak dalam kehidupan manusia dan kuasa ini diungkapkan dalam hukum qadha' dan qadar-Nya dan di dalam undang-undang syari'at-Nya dan dalam hukuman-hukuman-Nya.

Dan pada akhirnya Allah menghukumkan mereka sebagai orang-orang yang menyamakan Allah dengan makhluk, iaitu orang-orang yang melakukan perbuatan syirik yang menjadi sifat orang-orang kafir, kerana jika mereka benar mentauhidkan Allah tentulah mereka tidak akan menerima dakwaan mana-mana hamba Allah yang mengaku mempunyai kuasa Hakimiyah dan menggunakan kuasa itu tanpa mendapat apa-apa bantahan dari mereka.

Pada hemat kami inilah sebab dan alasan mengapa Allah menghukumkan orang-orang yang menggunakan kuasa Hakimiyah dan mengadakan undang-undang yang tidak diizinkan Allah supaya diikuti manusia sebagai orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah dan tidak beriman kepada hari Akhirat serta melakukan perbuatan syirik yang menjadikan seseorang itu kafir. Hukuman dan keputusan Allah itu tidak dapat dipertikaikan oleh mana-mana Muslim. Kata pemutus telah dikeluarkan Allah dalam persoalan ini dan tiada siapa yang berkuasa membantahnya. Oleh sebab itu setiap Muslim harus mengetahui bagaimana seharusnya mereka bersopan santun menghormati keputusan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 151 - 153)

Selepas senario mengemukakan saksi dan menolak perkara-perkara yang diharamkan mereka, maka ayat-ayat yang berikut mengemukakan pernyataan-pernyataan mengenai perkara-perkara sebenar yang diharamkan Allah di samping beberapa perintah dan taklif-taklif yang haram dilanggarkan. Pengharaman-pengharaman itu dimulai dengan perkara utama yang diharamkan, iaitu perbuatan syirik terhadap Allah, kerana ia merupakan dasar utama yang pasti ditegakkan supaya menjadi asas segala perkara yang di haram dan dilarangkan Allah kepada sesiapa yang menjunjung perintah Allah dan memeluk Islam:

قُلْ تَعَالَوْا۟ أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ ۖ أَلَّا تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا ۖ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۖ وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُم مِّنْ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ

وَإِيَّاهُمْ ۖ وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ۖ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥١﴾ وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ ۖ وَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ ۖ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۖ وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۖ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٢﴾ وَأَنَّ هَٰذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Katakanlah (kepada mereka): Marilah aku bacakan kepada kamu perkara-perkara yang telah diharamkan Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun. Dan hendaklah kamu memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa. Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan, kerana Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka. Dan janganlah kamu menghampiri perbuatan-perbuatan yang keji baik yang zahir mahupun yang batin. Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan suatu sebab yang benar. Itulah perkara-perkara yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu memahaminya (151). Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim kecuali dengan cara yang paling baik sehingga ia meningkat umur dewasa. Dan sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar keupayaannya. Dan apabila kamu berkata (menjatuhkan hukuman atau memberi keterangan), maka hendaklah kamu berlaku adil walaupun terhadap anggota keluarga kamu. Dan hendaklah kamu sempurnakan perjanjian kamu dengan Allah. Itulah tugas-tugas yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu mengambil peringatan (152). Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku yang lurus. Oleh itu hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan yang lain, kerana perbuatan itu akan menyimpangsiurkan kamu dari jalan-Nya. Itulah tugas-tugas, yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu bertaqwa?"(153)

Apabila kita meneliti perintah-perintah ini, yang dikemukakan dalam konteks pembicaraan mengenai peraturan-peraturan ternakan dan hasil tanaman, mengenai tanggapan-tanggapan jahiliyah yang salah, kefahaman-kefahamannya yang tersasul dan tata tadbirnya yang karut, maka ternyata bahawa perintah-perintah itu merupakan asas utama agama ini, iaitu asas bagi hati nurani yang hidup dengan kepercayaan tauhid, asas bagi kehidupan keluarga dengan generasi-generasinya yang bersilih ganti, asas bagi kehidupan masyarakat yang berlandaskan takaful dan bersih dalam segala hubungan muamalah yang berlangsung dalam masyarakat dan seterusnya ia merupakan asas bagi kehidupan insaniyah dan hak-hak orang ramai yang dikawal dengan jaminan-jaminan, iaitu kehidupan insaniyah yang mempunyai pertalian dengan perjanjian Allah dan bertitik tolak dengan mentauhidkan Allah.

Apabila kita meneliti pernyataan akhir dari perintah-perintah ini, kita dapati Allah S.W.T. menyatakan dengan penuh ketegasan bahawa perintah-perintah itu merupakan jalan-Nya yang lurus dan segala jalan yang lain darinya adalah jalan-jalan yang membawa manusia tersimpang-siur dari jalan lurusnya yang tunggal yang menyampaikan kepada-Nya.

Persoalan yang dibicarakan oleh tiga ayat tadi adalah satu persoalan yang amat besar yang dikemukakan selepas persoalan membicarakan (peraturan Jahiliyah yang karut) yang kelihatan semacam imbasan sampingan mengenai jahiliyah, sedangkan persoalan itu pada hakikatnya merupakan satu persoalan pokok agama ini, kerana hubungannya yang rapat dengan perintah-perintah umum yang amat penting ini.

قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ ۖ

"Katakanlah (kepada mereka): Marilah aku bacakan kepada kamu perkara-perkara yang telah diharamkan Allah kepada kamu."(151)

Maksudnya, katakanlah: Marilah ke sini kerana aku mahu jelaskan kepada kamu perkara-perkara yang sebenar yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu, bukannya perkara-perkara yang kamu dakwa diharamkan oleh Allah. Yang mengumumkan pengharaman itu ialah "Tuhan kamu", satu-satunya otoriti yang memiliki kuasa Rububiyah iaitu kuasa menjaga, memelihara, mendidik, membimbing, mengarah, memerintah dan menghukum. Jadi pengharaman itu memanglah dari bidang ikhtisas dan kuasa-Nya. Di sini yang mengharamkan perkara itu ialah "ar-Rabb" (Tuhan yang menjaga dan memelihara) dan hanya Allah sahaja yang semestinya menjadi Tuhan yang menjaga dan memelihara.

أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۖ

"Janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun."(151)

Pengi'tirafan Yang Mutlak Terhadap Rububiyah Dan Hakimiyah Allah

Yang menjadi asas struktur 'aqidah dan asas rujukan segala taklif dan fardhu-fardhu yang diwajibkan, yang menjadi asas sebelum memasuki ke

dalam persoalan peraturan-peraturan, persoalan undang-undang syari'at dan hukum-hukum ialah setiap orang harus lebih dahulu membuat pengakuan bahawa hanya Allah sahaja yang memiliki kuasa Rububiyah dalam kehidupan mereka sebagaimana mereka membuat pengakuan terhadap Uluhiyah Allah Yang Maha Esa dalam 'aqidah mereka. Setiap mereka tidak mempersekutukan sesiapa pun dalam Uluhiyah dan Rububiyah Allah dan mengakui bahawa hanya Allah Yang Maha Esa sahaja yang berhak memegang teraju pengendalian dan pentadbiran urusan alam buana di bidang penentuan sebab-sebab dan qadha' qadar, di samping mengakui hanya Allah Yang Maha Esa sahaja yang berhak mengendalikan urusan para hamba-Nya di alam hukum-hukum,undang-undang dan peraturan-peraturan.

Itulah asas pengakuan yang membersihkan hati nurani dari kekotoran syirik, membersihkan akal dari kekotoran kepercayaan-kepercayaan khurafat, membersihkan masyarakat dari adat-adat jahiliyah yang karut dan seterusnya membersihkan hidup dari perhambaan terhadap sesama manusia.

Syirik dalam segala bentuk dan rupanya adalah perkara utama yang diharamkan kerana syirik merupakan punca yang membawa kepada segala perbuatan yang haram dan merupakan kemungkaran utama yang wajib ditentang habis-habisan sehingga manusia mengakui tiada Tuhan bagi mereka selain Allah, tiada Tuhan yang memelihara mereka selain Allah, tiada Tuhan yang menghukum dan mengadili mereka selain Allah, tiada Tuhan yang menentukan undang-undang kepada mereka selain Allah. Ini samalah dengan amalan mereka tidak melakukan sebarang syi'ar ibadat kepada yang lain dari Allah.

Kepercayaan tauhid pada umumnya merupakan asas utama yang tiada suatu asas yang lain yang segagah dan sepenting dengannya baik berupa ibadat, akhlak atau amalan.

Berdasarkan hakikat ini seluruh perintah yang disenaraikan dalam ayat ini dimulakan dengan asas tauhid:

"Jangan kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun."(151)

Di sini kita harus melihat kembali kepada pembicaraan sebelum dikemukakan perintah-perintah ini supaya kita mengetahui apakah maksud syirik yang menjadi perkara pertama yang disebut dalam senarai perintah-perintah itu. Pembicaraan sebelum itu ialah mengenai satu isu yang tertentu iaitu isu perundangan dan menjalankan kuasa Hakimiyah mengeluarkan undang-undang, dan satu ayat sebelumnya ialah mengenai senario cabaran supaya mereka mengemukakan saksi, dan eloklah kita sebutkan ayat ini semula di sini:

قُلْ هَلُمَّ شُهَدَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ ٱللَّهَ حَرَّمَ هَٰذَا ۖ فَإِن شَهِدُوا۟ فَلَا تَشْهَدْ مَعَهُمْ ۚ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ وَهُم بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١٥٠﴾

"Katakanlah (kepada mereka): Bawalah saksi-saksi kamu yang mengaku menyaksi sendiri bahawa Allah telah mengharamkan makanan-makanan yang diharamkan kamu ini. Dan jika mereka tampil memberi kesaksian (secara dusta), maka janganlah engkau turut memberi kesaksian bersama mereka (membenarkan kesaksian mereka), dan janganlah engkau ikut hawa nafsu orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat dan mereka pula menyamakan Tuhan mereka dengan makhluk."(150)

Kita wajib mengingati ayat ini dan ulasan mengenainya yang telah kami bentangkan dalam lembaran-lembaran yang silam supaya kita mengetahui apakah bentuk syirik yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an di sini dan dijadikannya sebagai perkara larangannya yang pertama? Jelas sekali bahawa yang dimaksudkan dengan syirik di sini ialah syirik dalam i'tiqad, juga syirik dalam hak kuasa Hakimiyah. Keterangan ayat ini jelas dan hubung kaitnya juga jelas.

Persoalan Hakimiyah Telah Menjadi Persoalan Pinggiran Dalam Dunia Islam Pada Hari Ini

Kita perlu kepada peringatan yang berterusan ini, kerana usaha-usaha yang telah dilakukan syaitan-syaitan untuk menjauhkan agama ini dari konsep-konsepnya yang asasi telah membawa hasil-hasil kejayaan, iaitu mereka telah berjaya menjadikan persoalan Hakimiyah terganjak dari ruang tapak 'aqidah dan terpisah dari asas i'tiqad. Oleh sebab itu kita melihat orang-orang Islam termasuk mereka yang sangat ghairah terhadap Islam hanya banyak berbincang mengenai masalah-masalah membetulkan amalan ibadat atau mengecam keruntuhan akhlak atau sesuatu persoalan undang-undang yang bertentangan dengan Islam, tetapi mereka tidak membincangkan tentang dasar Hakimiyah itu sendiri dan kedudukannya dalam 'aqidah Islam. Mereka sibuk menentang kemungkaran sampingan yang kecil, tetapi mereka tidak mengecam kemungkaran yang paling besar, iaitu kemungkaran menegakkan kehidupan manusia tanpa berlandaskan 'aqidah tauhid atau tanpa mengkhususkan kuasa Hakimiyah kepada Allah S.W.T. sahaja.

Sebelum menyampaikan perintah yang lain, Allah lebih dahulu menyampaikan perintah melarang mereka mempersekutukan Allah dengan segala sesuatu yang lain. Ia menyampaikan perintah itu dalam satu penjelasan Al-Qur'an yang menentukan pengertian syirik yang menjadi perkara larangan

pertama yang disebut dalam senarai perintah-perintah itu.

Kepercayaan tauhid merupakan asas hubungan individu yang jelas dengan Allah, juga merupakan asas hubungan kelompok dengan berpandukan neraca yang tetap, di mana segala perhubungan yang lain dirujukkan kepadanya, juga dengan berpandukan nilai-nilai asasi yang mengawal kehidupan manusia. Dengan ini nilai-nilai asasi tidak lagi menjadi mainan angin hawa nafsu manusia dan istilah-istilah mereka yang turut hanyut bersama keinginan nafsu.

Memberi Layanan Yang Baik Kepada Dua Ibubapa

وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۖ وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُم مِّنْ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ ۖ

"Dan hendaklah kamu memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa. Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan, kerana Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka."(151)

Perintah ini merupakan tali hubungan yang mengikat keluarga dengan generasi-generasi keturunannya yang bersilih ganti setelah ditegakkan hubungan dengan Allah Yang Maha Esa dan kesatuan arah tuju. Allah S.W.T. telah mengatakan bahawa Dialah yang paling kasihan belas terhadap manusia baik sang bapa mahupun sang anak. Allah memerintah anak supaya memberi layanan yang baik kepada bapa begitulah sebaliknya, dan menghubungkan perintah ini dengan kewajipan mengenal Uluhiyah Allah Yang Maha Esa dan menghubungkan diri dengan Rububiyah Allah yang tunggal, dan Allah menegaskan kepada mereka bahawa Dialah sahaja yang menyedia dan membekalkan rezeki kepada mereka. Oleh sebab itu mereka tidak seharusnya merasa bosan dengan tanggungjawab-tanggungjawab mereka terhadap ibubapa semasa mereka tua, juga terhadap anak-anak mereka semasa mereka lemah, dan mereka tidak seharusnya takut di timpa kemiskinan . kerana menyarakan hidup mereka, kerana Allahlah yang mengurniakan rezeki kepada seluruh mereka.

وَلَا تَقْرَبُوا۟ ٱلْفَوَٰحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ۖ

"Dan janganlah kamu menghampiri perbuatan-perbuatan fahisyah baik yang zahir mahupun yang batin."(151)

Menjauhi Perbuatan Fahisyah

Setelah memerintah mereka supaya menjaga kepentingan keluarga, maka Allah memerintah pula supaya mereka menjunjung prinsip yang menjadi asas keteguhan keluarga dan masyarakat, iaitu prinsip bersih dan jujur dan kerana itu Allah melarang mereka melakukan hubungan perbuatan-perbuatan fahisyah lahir dan batin. Larangan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan perintah (menghormati ibubapa dan menjaga kepentingan anak-anak) sebelumnya, juga dengan perintah (mentauhidkan Allah) yang pertama, yang menjadi asas segala perintah yang lain.

Keteguhan keluarga dan masyarakat tidak mungkin dibangunkan di atas lumpur perbuatan-perbuatan fahisyah lahir dan batin, malah hubungan yang bersih dan jujur adalah suatu kepastian untuk membangun keluarga dan masyarakat. Orang-orang yang suka kepada perkembangan perbuatan-perbuatan fahisyah, maka merekalah orang-orang yang suka kepada kegoyangan rukun-rukun kedamaian keluarga dan keruntuhan masyarakat.

Definasi Fahisyah

Definisi perbuatan "fahisyah" ialah setiap perbuatan yang melanggar batas walaupun kadang-kadang ia dikhususkan kepada perbuatan zina. Besar kemungkinan bahawa perbuatan zina inilah yang dimaksudkan dengan perbuatan fahisyah dalam ayat ini, kerana ruang pembicaraan di sini ialah menghuraikan perbuatan-perbuatan yang haram dan salah satunya ialah perbuatan zina. Jika perbuatan membunuh merupakan satu perbuatan fahisyah, perbuatan makan harta anak yatim merupakan satu perbuatan fahisyah dan perbuatan syirik merupakan kepala segala perbuatan fahisyah, maka pengkhususan perbuatan-perbuatan fahisyah di sini dengan perbuatan-perbuatan fahisyah zina adalah lebih sesuai dengan konteks pembicaraan, dan perbuatan fahisyah zina mempunyai muqaddimah-muqaddimah dan suasana-suasana fahisyah belaka seperti pakaian-pakaian, percampuran lelaki perempuan yang menimbulkan nafsu, kata-kata, isyarat-isyarat yang mendedah dan menghairah, kelakuan-kelakuan yang cabul, lenggang-lenggok dan ketawa hilai yang curang, juga segala perbuatan menggoda, merangsang dan menggalak ke arah zina. Semuanya merupakan perbuatan-perbuatan fahisyah yang melingkungi fahisyah zina dan semuanya merupakan perbuatan-perbuatan fahisyah zina yang lahir dan yang batin, yang tersembunyi dalam hati dan yang terdedah pada anggota-anggota, yang dilakukan secara sulit dan yang dilakukan secara terbuka, dan semuanya adalah dari perbuatan-perbuatan yang meruntuhkan rukun-rukun kedamaian keluarga dan merosakkan masyarakat di samping menodai hati nurani individu dan merendahkan minat dan cita-cita mereka. Oleh sebab itulah pembicaraan mengenai perbuatan-perbuatan fahisyah zina ini dikemukakan selepas pembicaraan mengenai layanan terhadap ibubapa dan anak-anak.

Oleh kerana perbuatan-perbuatan fahisyah zina ini mempunyai daya tarikan dan godaan yang kuat dan memikatkan, maka larangan itu diungkapkan dengan kata-kata "janganlah kamu menghampiri" untuk melarang mereka dari perbuatan zina walaupun dalam bentuk menghampirinya sahaja apatah lagi melakukannya. Tujuan diungkapkan begitu ialah

untuk menutup pintu kejahatan di samping untuk menghindari daya tarikan dan godaannya yang melemahkan kekuatan iradat manusia. Oleh sebab itu seseorang dilarang memandang wanita untuk kali kedua selepas pandang pertama yang tidak disengajakan, dan oleh sebab itu percampuran lelaki dan perempuan hanya dibenarkan sekadar keperluan sahaja, dan oleh sebab yang sama juga segala pakaian dan hiasan yang bertujuan memperagakan diri itu diharamkan walaupun dalam bentuk mengenakan bau-bauan yang harum ketika berjalan di tengah jalan, malah seluruh gerak geri dan isyarat yang menimbulkan nafsu berahi adalah dilarang dalam kehidupan Islam yang bersih, kerana Islam tidak mahu mendedahkan manusia kepada fitrah nafsu berahi yang menyulitkan saraf mereka untuk melawannya. Islam adalah agama yang lebih dahulu mencegah dan memberi perlindungan sebelum ia melaksanakan hukum hudud dan mengenakan hukuman-hukuman. Islam adalah agama yang memberi perlindungan kepada hati, perasaan, pancaindera dan anggota manusia, kerana Allah amat arif dengan Tabi'at manusia yang telah diciptakannya dan Allah Maha Halus pentadbiran-Nya dan Maha Mendalam ilmu-Nya.

Di sini juga kita dapat mengetahui dengan jelas apakah hasrat dan tujuan yang mahu dicapai oleh orang-orang yang berusaha merangsangkan nafsu keinginan manusia dan membebaskan naluri mereka dari kawalan-kawalannya dengan menggunakan media kata-kata dan gambar-gambar yang lucah, cerita-cerita dan filem-filem yang cabul, perkhemahan-perkhemahan yang bercampuraduk di antara lelaki dan perempuan, juga menggunakan segala macam saranan bimbingan dan segala jenis media massa...

وَلَا تَقْتُلُوا۟ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ

"Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan suatu sebab yang benar."(151)

Tiga serangkai Pembunuhan Yang Diharamkan Islam

Di dalam Al-Qur'an terdapat banyak ayat yang melarang manusia melakukan tiga serangkai kemungkaran yang disebut secara berturut iaitu syirik, zina dan membunuh jiwa, kerana perbuatan-perbuatan ini pada hakikatnya merupakan jenayah-jenayah membunuh belaka. Jenayah yang pertama membunuh fitrah manusia, jenayah yang kedua membunuh masyarakat dan jenayah yang ketiga membunuh individu manusia. Fitrah manusia yang tidak hidup di atas prinsip tauhid adalah fitrah yang mati[9]. Masyarakat yang tersebar dan lumrah dengan fahisyah-fahisyah zina adalah masyarakat yang mati yang akan berakhir dengan kemusnahan. Tamadun Greek, tamadun Roman dan tamadun Parsi adalah semuanya menjadi bukti-bukti dari sejarah. Tanda-tanda permulaan keruntuhan tamadun Barat yang di lihat pada hari ini meramalkan bahawa umat-umat Barat yang dilanda oleh fahisyah zina ini akan menerima nasib yang sama. Masyarakat yang tersebar dan lumrah dengan jenayah membunuh dan membalas dendam adalah masyarakat yang terancam kepada kemusnahan. Oleh sebab itulah Islam menghukumkan jenayah-jenayah ini dengan hukuman-hukuman yang paling berat, kerana Islam mahu melindungi masyarakatnya dari faktor-faktor kehancuran dan kemusnahan.

Sebelum ini Al-Qur'an menyebut larangan membunuh anak kerana takut di timpa kemiskinan, dan kini Al-Qur'an menyebut larangan membunuh jiwa manusia umumnya dan menyarankan bahawa setiap pembunuhan yang dilakukan ke atas individu itu bererti membunuh jiwa manusia umumnya dan pemahaman ini disokong oleh ayat:

أَنَّهُۥ مَن قَتَلَ نَفْسًۢا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِى ٱلْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ ٱلنَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَآ أَحْيَا ٱلنَّاسَ جَمِيعًا

"Barang siapa membunuh seseorang manusia bukan dengan sebab ia membunuh orang lain atau melakukan kerosakan di bumi, maka seolah-olah ia telah membunuh manusia seluruhnya, dan barang siapa yang memelihara nyawa seseorang manusia, maka seolah-olah ia telah memelihara nyawa manusia seluruhnya."

(Surah al-Ma'idah: 32)

Pencerobohan ke atas nyawa manusia itu merupakan pencerobohan ke atas "hak untuk hidup" itu sendiri, di samping merupakan pencerobohan ke atas nyawa manusia umumnya. Bertolak dari prinsip inilah Allah menjamin dan memelihara kehormatan nyawa dari awal-awal lagi. Di sanalah terletaknya ketenteraman dan keamanan hidup kelompok Muslimin di negara Islam, di mana setiap individu dapat bekerja dan menghasilkan produksinya dengan bebas dan terjamin keselamatan hidupnya, dan di mana nyawa seseorang tidak boleh diganggu melainkan dengan sebab yang benar, dan sebab-sebab yang membenarkan nyawa seseorang itu diambil telah diterangkan oleh Allah sendiri dengan jelas di dalam undang-undang syari'at-Nya bukannya diserahkan kepada penilaian dan pentafsiran manusia, tetapi Allah tidak menjelaskannya untuk dikuatkuasakan sebagai undang-undang syari'at melainkan setelah negara Islam ditegakkan dan mempunyai kuasa untuk melaksanakan undang-undang syari'at itu.

Peringatan ini penting dalam memperkenalkan agama ini bagaimana cara ia muncul dan bergerak, sehingga prinsip-prinsip asasi ini juga tidak dijelaskan oleh Al-Qur'an dengan terperinci melainkan dalam konteksnya yang praktikal.

---

[9] *Lihat pentafsiran ayat (122) dalam juzu' ini.*

Sebelum meneruskan penjelasannya mengenai perkara-perkara yang diharamkan Allah dan mengenai tugas-tugas yang ditaklifkan-Nya, Al-Qur'an memisahkan di antara bahagian perintah ini dan bahagian perintah selanjutnya dengan satu pernyataan yang menonjolkan perintah Allah dan arahan-Nya:

ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥١﴾

"Itulah perkara-perkara yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu memahaminya."(151)

Pernyataan ini dibuat selaras dengan methodologi Al-Qur'an yang sentiasa menghubungkan setiap perintah dan setiap larangan kepada Allah untuk menjelaskan keesaan kuasa atau kesatuan otoriti yang berwibawa mengeluarkan perintah dan larangan kepada manusia dan menghubungkan perintah dan larangan itu dengan kuasa tersebut agar perintah dan larangan itu mempunyai nilainya yang penting dalam hati manusia.

Begitu juga dalam ayat ini disentuh fungsi akal yang berfikir dan memahami, kerana mengikut pertimbangan akal hanya kuasa yang tunggal ini sahaja yang berwibawa menundukkan manusia kepada undang-undang yang dikeluarkan olehnya, dan sebelum ini telah pun disebut bahawa kuasa yang tunggal itu ialah kuasa Allah Pencipta, Pemberi Rezeki dan Pentadbir yang mengendalikan kehidupan manusia!

Oleh sebab kumpulan perintah pertama dan kumpulan perintah yang kedua (yang disebut selepas pernyataan ini) mempunyai titik keserupaan, maka kedua-duanya disebut dalam ayat-ayat yang berasingan, satu di sana dan satu di sini, dan di antara keduanya dipisahkan dengan pernyataan tersebut.

وَلَا تَقْرَبُوا۟ مَالَ ٱلْيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُۥ

"Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim kecuali dengan cara yang paling baik sehingga ia meningkat umur dewasa."(152)

Anak yatim adalah seorang insan yang daif dalam masyarakat kerana kehilangan bapanya yang menjadi pelindung dan pengasuhnya. Oleh sebab itu tanggungjawab kelemahannya dibebankan ke atas orang ramai Islam mengikut prinsip takaful sosial yang dijadikan Islam sebagai asas sistem kemasyarakatannya.[10] Di zaman jahiliyah anak yatim merupakan insan yang malang di dalam masyarakat Arab. Lumrahnya arahan dan perintah yang dikemukakan oleh Al-Qur'an dengan berbagai-bagai cara dan nada yang keras mengenai persoalan anak yatim membayangkan betapa lumrahnya penderitaan anak-anak yatim dalam masyarakat itu hingga Allah memilih seorang anak yatim yang baik dari masyarakat itu sebagai utusan-Nya serta menyerahkan kepadanya tugas kerasulan yang paling mulia di alam al-wujud ini, iaitu tugas membawa perutusan Allah kepada seluruh manusia, dan di antara peradaban agama yang ditetapkan Allah ialah peradaban memelihara dan menjaga keperluan anak-anak yatim sebagaimana arahan berikut:

وَلَا تَقْرَبُوا۟ مَالَ ٱلْيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُۥ

"Dan jangan kamu menghampiri harta anak yatim kecuali dengan cara paling baik sehingga ia meningkat umur dewasa."(152)

Maksudnya, setiap penjaga anak yatim harus jangan menyentuh harta anak yatim melainkan dengan cara yang paling baik untuk kepentingannya. Mereka seharusnya menjaga harta itu dan melaburkannya dengan cara yang sebaik-baiknya, sehingga mereka dapat menyerahkan harta itu kembali kepadanya dengan jumlah yang sempurna dan subur apabila ia meningkat usia dewasa, iaitu apabila kekuatan jasmani dan daya akalnya mencapai tahap yang matang yang membolehkannya menjaga dan mengurus harta sendiri. Dengan cara ini bererti masyarakat dapat menambahkan satu anggota baru yang berguna dan dapat menyerahkan haknya dengan sempurna.

Di sana terdapat khilaf fiqhiyah di sekitar definisi dewasa atau sampai umur dewasa. Pendapat Abdur-Rahman ibn Zayd dan Malik ialah sampai umur bermimpi, sedangkan pendapat Abu Hanifah ialah sampai umur dua puluh lima tahun, dan pendapat as-Suddi pula ialah sampai umur tiga puluh tahun, sementara pendapat ulama' Madinah ialah sampai umur bermimpi dan mencapai kematangan kedua-dua sekali tanpa ditentukan hadnya.

Hubungan Mu'amalah Dengan 'Aqidah

وَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ بِٱلْقِسْطِ ۖ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۖ

"Dan sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak mentaklifkan seseorang melainkan sekadar keupayaannya."(152)

Perintah ini wajib dipatuhi di dalam muamalah-muamalah perniagaan di antara orang ramai mengikut kemampuan seseorang memastikan sukatan dan timbangan yang teliti dan saksama. Al-Qur'an menghubungkan muamalah dengan 'aqidah, kerana aktiviti muamalah di dalam Islam mempunyai pertalian yang rapat dengan 'aqidah. Sebab pihak yang memerintah supaya memastikan sukatan yang

---

[10] *Lihat bab* مجتمع متكافل *dalam buku:* نحو مجتمع الإسلامي

betul dan saksama itu ialah Allah S.W.T. sendiri, dan dari sinilah ia mempunyai hubungan dengan persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyah dan ia disebutkan di tempat ini, di mana ditonjolkan persoalan 'aqidah dan pertaliannya dengan segala aspek kehidupan manusia.

Jahiliyah-jahiliyah di zaman dahulu sama dengan jahiliyah-jahiliyah di zaman sekarang. Kedua-duanya memisahkan di antara 'aqidah dan ibadat dengan syari'at dan muamalah. Sebagai contohnya ialah kisah kaum Nabi Shu'ayb a.s. yang diceritakan oleh Al-Qur'an:

قَالُوا۟ يَٰشُعَيْبُ أَصَلَوٰتُكَ تَأْمُرُكَ أَن نَّتْرُكَ مَا يَعْبُدُ
ءَابَآؤُنَآ أَوْ أَن نَّفْعَلَ فِىٓ أَمْوَٰلِنَا مَا نَشَٰٓؤُا۟ۖ

"Mereka berkata: wahai Shu'ayb! Apakah sembahyang engkau menyuruh engkau supaya kami meninggalkan sembahan yang disembah oleh datuk nenek kami atau melarang kami membuat apa yang kami suka terhadap harta kami."

(Surah Hud: 87)

Oleh sebab itu Al-Qur'an menghubungkan prinsip-prinsip muamalah dalam urusan kewangan dan perniagaan dan jual beli dengan pembicaraan di ruangan ini yang khusus membicarakan tentang 'aqidah. Ini bertujuan untuk menunjukkan Tabi'at agama Islam yang memandang sama berat di antara 'aqidah dan syari'at, di antara ibadat dan muamalah, kerana semuanya merupakan prinsip-prinsip agama Islam yang berkait rapat dengan Tabi'atnya yang semulajadi.

وَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ بِٱلْقِسْطِۖ لَا نُكَلِّفُ
نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَاۖ

"Dan apabila kamu berkata (menjatuhkan hukuman atau memberi keterangan), maka hendaklah kamu berlaku adil walaupun terhadap anggota keluarga kamu."(152)

Dengan perintah ini Islam mahu mengangkatkan hati nurani manusia - setelah ia mengikatkannya dari awal lagi dengan Allah - ke tahap yang tinggi dan luhur berlandaskan kepercayaan kepada Allah dan kepada pengawasan-Nya. Di sinilah tempat kelemahan manusia yang menggelincirkan mereka, iaitu kelemahan yang berpunca dari perasaan seseorang terhadap hubungan kekeluargaannya yang merangsangkan semangat tolong, bersatu padu dan perasaan memelihara kesinambungan keluarga. Setiap individu itu lemah, kurang dan tidak sempurna serta terbatas ajalnya, tetapi yang menguatkannya ialah kekuatan hubungan keluarga. Dan yang menyempurnakan kewujudannya dan memelihara kesinambungannya dari satu generasi ke satu generasi ialah keluasan lingkungan keluarganya dan kesinambungannya. Oleh sebab itu ia menjadi lemah terhadap kaum kerabatnya apabila ia menjadi saksi untuk kepentingan mereka atau menentang kepentingan mereka atau apabila ia menjadi hakim untuk mengadili di antara mereka dengan orang lain. Di tempat yang mudah menggelincirkan seseorang inilah Islam memimpin hati manusia supaya sanggup berkata benar dan adil kerana mengikut arahan berpegang teguh kepada perintah Allah Yang Maha Esa dan bermuraqabah dengan-Nya sahaja demi berpada dengan perlindungan Allah dari pertolongan keluarga dan demi bertaqwa kepada Allah dari menunaikan hak keluarga tetapi mengabaikan hak Allah, sedangkan Allah lebih-dekat kepada seseorang dari urat lehernya sendiri.

Oleh sebab itu selepas perintah ini dan perintah-perintah sebelumnya Al-Qur'an iringi dengan satu pernyataan yang mengingatkan mereka kepada perjanjian mereka dengan Allah:

وَبِعَهْدِ ٱللَّهِ أَوْفُوا۟ۚ

"Dan hendaklah kamu sempurnakan perjanjian kamu dengan Allah."(152)

Di antara perjanjian Allah ialah perjanjian berkata benar dan adil walaupun terhadap kaum keluarga sendiri, perjanjian menyempurnakan sukatan dan timbangan yang saksama, perjanjian mengurus harta anak yatim dengan cara yang sebaik-baiknya, perjanjian menjaga kehormatan nyawa manusia kecuali ada sebab-sebab yang benar dan perjanjian mentauhidkan Allah tanpa mempersekutukan-Nya dengan suatu apa, dan inilah perjanjian yang teragung dengan fitrah manusia berlandaskan kejadiannya yang berhubung rapat dengan Allah yang menciptakannya, dan kerana fitrahlah yang menyedari kewujudan Allah di dalam undang-undang yang mengendalikan dirinya dari dalam dan dalam undang-undang yang mengendalikan alam buana di sekeliling.

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan ayat yang berikut yang sesuai dengan tempatnya selepas mengemukakan perintah-perintah itu:

"Itulah tugas-tugas yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu mengambil peringatan."(152)

Sikap mengambil peringatan adalah lawan dari sikap lalai dan cuai. Hati yang mengambil peringatan ialah hati yang tidak lalai dan cuai. Ia mengingati segala perjanjian Allah dan segala perintah yang berkaitan dengannya tanpa melupakannya.

Inilah prinsip-prinsip asasi yang amat jelas, yang boleh disifatkan sebagai intisari 'aqidah Islamiyah dan undang-undang kemasyarakatannya yang dimulai dengan prinsip mentauhidkan Allah dan di akhiri dengan perjanjian Allah dan termasuk persoalan Hakimiyah dan undang-undang yang telah dibicarakan sebelumnya...... semuanya ini merupakan satu-satunya jalan Allah yang lurus, dan tiada jalan yang lain di sebaliknya melainkan jalan-jalan simpang-siur yang menyimpang dari jalan yang benar.

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِي مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku yang lurus. Oleh itu hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan yang lain, kerana perbuatan itu akan menyimpangsiurkan kamu dari jalan-Nya. Itulah tugas-tugas yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu bertaqwa?"(153)

Demikianlah berakhirnya satu pembicaraan yang panjang dari surah ini yang dimulakan dengan ayat:

أَفَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْتَغِي حَكَمًا وَهُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ إِلَيْكُمُ ٱلْكِتَٰبَ مُفَصَّلًا ۚ

"Apakah wajar aku mencari hakim yang lain dari Allah, sedangkan Dialah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada kamu dengan penjelasan yang terperinci."(114)

Pembicaraan itu di tamatkan dengan nada pernyataan yang amat luas dan mendalam ini.

Di antara permulaan dan penghabisan pembicaraan ini, ia telah mencantumkan persoalan Hakimiyah dan perundangan - yang dapat di lihat dalam masalah tanaman dan ternakan, sembelihan-sembelihan dan nazar - kepada semua persoalan 'aqidah yang asasi untuk menunjukkan bahawa persoalan Hakimiyah dan perundangan itu adalah dari persoalan-persoalan yang asasi yang dibicarakan secara khusus di dalam ruangan ini, dan menghubungkannya dengan segala isi kandungan ayat-ayat sebelumnya yang memperkatakan tentang 'aqidah dalam skopnya yang syumul dan mengolahkan persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyyah dengan pengolahan yang unik.

Itulah satu-satunya jalan Allah. Itulah jalan yang tunggal yang membawa kepada Allah. Di mana manusia harus mengkhususkan ciri Rububiyah itu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan menumpukan 'Ubudiyyah kepada-Nya sahaja dan harus mengetahui bahawa kuasa Hakimiyah itu hanya dimiliki oleh Allah sahaja, dan seluruh mereka harus ta'at dan tunduk kepada kuasa Hakimiyah Allah dalam kehidupan mereka.

Inilah satu-satunya jalan Allah dan tiada jalan yang lain di sebaliknya kecuali jalan-jalan simpang-siur yang menyesatkan orang-orang yang mengikutinya.

ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Itulah tugas-tugas yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu bertaqwa."(153)

Taqwa merupakan asas i'tiqad dan amalan dan ia berfungsi membawa hati manusia ke jalan yang lurus.

(Kumpulan ayat-ayat 154 - 165)

ثُمَّ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ تَمَامًا عَلَى ٱلَّذِيٓ أَحْسَنَ وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُم بِلِقَآءِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٤﴾

وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ مُبَارَكٌ فَٱتَّبِعُوهُ وَٱتَّقُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٥٥﴾

أَن تَقُولُوٓا۟ إِنَّمَآ أُنزِلَ ٱلْكِتَٰبُ عَلَىٰ طَآئِفَتَيْنِ مِن قَبْلِنَا وَإِن كُنَّا عَن دِرَاسَتِهِمْ لَغَٰفِلِينَ ﴿١٥٦﴾

أَوْ تَقُولُوا۟ لَوْ أَنَّآ أُنزِلَ عَلَيْنَا ٱلْكِتَٰبُ لَكُنَّآ أَهْدَىٰ مِنْهُمْ ۚ فَقَدْ جَآءَكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ ۚ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَذَّبَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَصَدَفَ عَنْهَا ۗ سَنَجْزِي ٱلَّذِينَ يَصْدِفُونَ عَنْ ءَايَٰتِنَا سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ بِمَا كَانُوا۟ يَصْدِفُونَ ﴿١٥٧﴾

هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّآ أَن تَأْتِيَهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ أَوْ يَأْتِيَ رَبُّكَ أَوْ يَأْتِيَ بَعْضُ ءَايَٰتِ رَبِّكَ ۗ يَوْمَ يَأْتِي بَعْضُ ءَايَٰتِ رَبِّكَ لَا يَنفَعُ نَفْسًا إِيمَٰنُهَا لَمْ تَكُنْ ءَامَنَتْ مِن قَبْلُ أَوْ كَسَبَتْ فِيٓ إِيمَٰنِهَا خَيْرًا ۗ قُلِ ٱنتَظِرُوٓا۟ إِنَّا مُنتَظِرُونَ ﴿١٥٨﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ فَرَّقُوا۟ دِينَهُمْ وَكَانُوا۟ شِيَعًا لَّسْتَ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍ ۚ إِنَّمَآ أَمْرُهُمْ إِلَى ٱللَّهِ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿١٥٩﴾

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ عَشْرُ أَمْثَالِهَا ۖ وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَىٰٓ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦٠﴾

قُلْ إِنَّنِي هَدَىٰنِي رَبِّيٓ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ دِينًا قِيَمًا مِّلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا ۚ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٦١﴾

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَبْغِي رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿١٦٤﴾

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

"Kemudian Kami telah mengurniakan kitab (Taurat) kepada Musa untuk menyempurnakan ni'mat Kami kepada orang yang telah melakukan kebaikan dan untuk memberi penerangan yang terperinci mengenai segala sesuatu, juga untuk menjadi hidayat dan rahmat supaya mereka beriman kepada pertemuan mereka dengan Allah Tuhan mereka (154). Dan (Al-Qur'an) ini adalah sebuah kitab yang telah Kami turunkannya dengan penuh keberkatan. Oleh sebab itu ikutilah pengajarannya supaya kamu diberi rahmat (155). Supaya kamu (tidak dapat) mengatakan bahawa kitab (dari Allah) itu hanya diturunkan kepada dua golongan (Yahudi dan Nasara) sahaja sebelum kami dan sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang apa yang dibaca dan dipelajari mereka (156). Atau (supaya kamu tidak) dapat mengatakan: "Sekiranya kitab (dari Allah) itu diturunkan kepada kami tentulah kami lebih mendapat hidayat dari mereka, sedangkan sebenarnya telah datang kepada kamu dari Tuhan kamu keterangan yang jelas, hidayat dan rahmat. Oleh sebab itu siapakah yang lebih zalim dari orang yang mendustakan ayat-ayat Allah dan berpaling darinya? Kami akan membalas orang-orang yang menyimpang dari ayat-ayat Kami dengan 'azab keseksaan yang amat buruk kerana penyelewengan mereka (157). Tiada apa yang ditunggu mereka kecuali kedatangan malaikat (mencabut nyawa mereka) atau kedatangan 'azab dari Tuhanmu atau kedatangan setengah-setengah ayat Tuhanmu, maka keimanan tidak lagi berguna kepada orang yang tidak beriman sebelumnya atau belum sempat mengusahakan sesuatu kebaikan dalam masa keimanannya. Katakanlah (wahai Muhammad): Tunggulah! Dan sesungguhnya kami juga turut menunggu (158). Sesungguhnya orang-orang yang memecahbelahkan agama mereka dan membentuk berbagai-bagai puak, maka engkau tidak sedikit pun bertanggungjawab terhadap perbuatan mereka. Sesungguhnya urusan mereka terserah kepada Allah. Kemudian Dialah yang akan memberitahu kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka (159). Barang siapa yang melakukan kebaikan, maka ia akan mendapat pahala sepuluh kali gandanya, dan barang siapa yang melakukan kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan dengan balasan yang sama dengannya dan mereka tidak akan dianiayai sedikit pun (160). Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah memberi hidayat kepadaku ke jalan yang lurus, iaitu jalan agama yang benar, agama Ibrahim yang berlandaskan tauhid dan dia bukan sekali-kali dari golongan Musyrikin (161). Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku, dan matiku adalah untuk Allah Tuhan semesta alam (162). Tiada sebarang sekutu bagi-Nya. Demikianlah aku diperintah dan akulah orang pertama dari golongan Muslimin (163). Apakah wajar aku mencari Tuhan yang lain dari Allah, sedangkan Dialah Tuhan yang memiliki dan memelihara segala sesuatu. Tiada seorang yang melakukan sesuatu perbuatan melainkan dialah sendiri yang bertanggungjawab terhadapnya, dan tiada penanggung dosa yang dapat menanggung beban dosa seorang yang lain. Kemudian seluruh kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu dan Dialah yang akan memberi tahu kepada kamu segala persoalan yang menimbulkan pertikaian di antara kamu (164). Dan Dialah yang telah menjadikan kamu selaku pemerintah-pemerintah di bumi dan mengangkatkan setengah kamu ke darjat-darjat yang melebihi setengah yang lain dari kamu untuk menguji sikap kamu terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada kamu. Sesungguhnya Tuhan kamu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia juga Maha Pengampun dan Maha Pengasih.(165)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Rangkaian ayat tidak putus-putus memperkatakan maudhu' pokok yang dibicarakan oleh bahagian akhir surah ini, iaitu maudhu' kuasa Hakimiyah dan kuasa perundangan dan hubungan keduanya dengan agama dan 'aqidah. Ayat-ayat dalam pusingan yang baru ini juga merupakan lanjutan penjelasan dan penggemblengan hujah untuk menerangkan hakikat ini. Ia memperkatakan prinsip-prinsip asasi 'aqidah dalam konteks kuasa perundangan dan kuasa Hakimiyah sebagaimana bahagian yang pertama surah ini memperkatakan prinsip-prinsip yang sama dalam konteks persoalan agama dan 'aqidah. Ini bertujuan menjelaskan bahawa persoalan perundangan dan kuasa Hakimiyah juga merupakan persoalan agama dan 'aqidah. Kedua-duanya sama setaraf mengikut methodologi Al-Qur'an yang membentangkan hakikat ini. Di antara perkara yang dapat diperhatikan ialah penjelasan dalam bahagian yang kedua surah ini telah menggunakan pernyataan yang menarik, kejadian-kejadian yang memberi saranan, pemandangan-pemandangan dan pengungkapan-pengungkapan yang sama seperti yang digunakan di dalam bahagian yang pertama surah ini. Di antaranya:

- Ia memperkatakan tentang kitab-kitab suci, *Rasul-rasul*, wahyu dan bukti-bukti mu'jizat yang dituntut oleh mereka.

- Ia memperkatakan tentang kehancuran dan kebinasaan (yang telah menimpa kaum-kaum yang silam) selepas berlakunya mu'jizat-mu'jizat yang dituntut dan diingkari mereka.

- Ia memperkatakan tentang Akhirat dan tentang prinsip keta'atan dan balasannya.

- Ia memperkatakan tentang pemisahan diri di antara Rasulullah s.a.w. dengan kaumnya yang telah mempersekutukan Allah dan menyembah mereka yang membuat undang-undang dan peraturan untuk mereka, di samping mengarah Rasulullah s.a.w. supaya mengumumkan hakikat agamanya dengan jelas dan tegas.

- Ia memperkatakan tentang Rububiyah yang Tunggal bagi semesta alam, di mana setiap mu'min tidak harus mengi'tirafkan Rububiyah yang lain dari Rububiyah Allah.

- Ia memperkatakan tentang hak milik Tuhan semesta alam yang merangkumi segala sesuatu, mengurus dan mengendalikan segala sesuatu, juga tentang kuasa Allah yang mengurniakan jawatan khalifah atau pemerintah mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh-Nya dan qudrat kuasa-Nya yang boleh menghapuskan mana-mana pemerintah yang dikehendakinya.

Semuanya ini merupakan persoalan-persoalan, hakikat-hakikat, pernyataan-pernyataan dan kejadian-kejadian yang sama, yang memberi saranan-saranan sebagaimana digemblengkan di awal surah ini ketika membentangkan hakikat 'aqidah dalam skopnya yang syumul yang merangkumi bidang Uluhiyah dan 'Ubudiyyah dan segala hubungan di antara keduanya. Ini tidak syak lagi memberi makna yang jelas kepada setiap orang yang mengkaji Al-Qur'anul-Karim dan methodologinya.

* * * * * *

Kumpulan akhir ayat-ayat bahagian ini dalam surah ini memulakan pembicaraannya mengenai kitab suci yang diturunkan kepada Musa a.s. untuk melengkapkan pembicaraan yang silam mengenai jalan Allah yang lurus:

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ

"Dan sesungguhnya inilah jalan-Ku yang lurus. Oleh itu hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikut jalan-jalan yang lain, kerana perbuatan itu akan menyimpangsiurkan kamu dari jalan-Nya"(153)

dengan tujuan untuk menyarankan bahawa jalan yang lurus itu adalah lanjutan dari jalan sebelumnya yang bersambung dengan kerasulan para Rasul a.s. dan dengan syari'at-syari'at yang dibawa mereka. Dan syari'at yang paling dekat ialah syari'at Musa a.s., yang mana Allah mengurniakan kepada beliau sebuah kitab suci yang menjelaskan segala persoalan supaya menjadi sumber hidayat dan rahmat agar kaumnya percaya kepada pertemuan mereka dengan Allah S.W.T. pada hari Akhirat:

ثُمَّ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ تَمَامًا عَلَى ٱلَّذِىٓ أَحْسَنَ وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُم بِلِقَآءِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٤﴾

"Kemudian Kami telah mengurniakan kitab (Taurat) kepada Musa untuk menyempurnakan ni'mat Kami kepada orang yang telah melakukan kebaikan dan untuk memberi penerangan yang terperinci mengenai segala sesuatu, juga untuk menjadi hidayat dan rahmat supaya mereka beriman kepada pertemuan mereka dengan Allah Tuhan mereka."(154)

Kemudian selanjutnya ia menyebut tentang sebuah kitab suci yang baru (Al-Qur'an) yang diberkati Allah dan berhubung rapat dengan kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. Kitab ini mengandungi penjelasan tentang 'aqidah dan syari'at yang wajib dipatuhi dan dijunjungi dengan semangat taqwa agar manusia mendapat rahmat Allah di dunia dan Akhirat:

وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ مُبَارَكٌ فَٱتَّبِعُوهُ وَٱتَّقُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٥٥﴾

"Dan (Al-Qur'an) ini adalah sebuah kitab yang telah Kami turunkannya dengan penuh keberkatan. Oleh sebab itu ikutilah pengajarannya dan bertaqwalah supaya kamu diberi rahmat."(155)

Kitab suci Al-Qur'an ini adalah diturunkan untuk memotong hujah orang-orang Arab supaya mereka tidak dapat berdalih: Tidak ada kitab yang diturunkan kepada kami seperti yang diturunkan kepada kaum Yahudi dan Nasara, dan seandainya kami dikurniakan kitab sebagaimana yang dikurniakan kepada kaum Ahlil-Kitab tentulah kami mendapat hidayat yang lebih baik dari mereka. Kini kitab suci Al-Qur'an telah diturunkan kepada mereka dan ini telah mematikan hujah mereka. Oleh sebab itu wajarlah bagi orang-orang yang berdusta menerima balasan 'azab yang amat pedih:

أَن تَقُولُوٓا۟ إِنَّمَآ أُنزِلَ ٱلْكِتَٰبُ عَلَىٰ طَآئِفَتَيْنِ مِن قَبْلِنَا وَإِن كُنَّا عَن دِرَاسَتِهِمْ لَغَٰفِلِينَ ﴿١٥٦﴾

أَوْ تَقُولُوا۟ لَوْ أَنَّآ أُنزِلَ عَلَيْنَا ٱلْكِتَٰبُ لَكُنَّآ أَهْدَىٰ مِنْهُمْ ۚ فَقَدْ جَآءَكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ ۚ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَذَّبَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَصَدَفَ عَنْهَا ۗ سَنَجْزِى ٱلَّذِينَ يَصْدِفُونَ عَنْ ءَايَٰتِنَا سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ بِمَا كَانُوا۟ يَصْدِفُونَ ﴿١٥٧﴾

"Supaya kamu (tidak dapat) mengatakan bahawa kitab (dari Allah) itu hanya diturunkan kepada dua golongan (Yahudi dan Nasara) sahaja sebelum kami dan sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang apa yang dibaca dan dipelajari mereka (156). Atau supaya kamu (tidak dapat) mengatakan: "Sekiranya kitab (dari Allah) itu diturunkan kepada kami tentulah kami lebih mendapat hidayat dari mereka, sedangkan sebenarnya telah datang kepada kamu dari Tuhan kamu keterangan yang jelas, hidayat dan rahmat. Oleh sebab itu siapakah yang lebih zalim dari orang yang mendustakan ayat-ayat Allah dan berpaling darinya? Kami akan membalas orang-orang yang menyimpang dari ayat-ayat Kami dengan 'azab keseksaan yang amat buruk kerana penyelewengan mereka.(157)

Hujah itu telah terpotong lagi selepas turunnya Al-Qur'an, namun demikian mereka masih lagi mempersekutukan Allah dan mengadakan undang-undang ciptaan sendiri kemudian mendakwakan undang-undang ini sebagai syari'at Allah, sedangkan kitab Allah terbentang di hadapan mereka dan dalamnya tidak terdapat undang-undang yang diada-adakan mereka. Mereka masih menuntut bukti-bukti dan mu'jizat-mu'jizat untuk membolehkan mereka mempercayai dan mengikuti kitab Al-Qur'an, tetapi jika mu'jizat-mu'jizat yang dituntutkan mereka berlaku semuanya atau sebahagiannya nescaya mereka akan menerima balasan akhir yang membinasakan mereka:

هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّآ أَن تَأْتِيَهُمُ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةُ أَوْ يَأْتِىَ رَبُّكَ
أَوْ يَأْتِىَ بَعْضُ ءَايَـٰتِ رَبِّكَ ۗ يَوْمَ يَأْتِى بَعْضُ ءَايَـٰتِ رَبِّكَ
لَا يَنفَعُ نَفْسًا إِيمَـٰنُهَا لَمْ تَكُنْ ءَامَنَتْ مِن قَبْلُ
أَوْ كَسَبَتْ فِىٓ إِيمَـٰنِهَا خَيْرًا ۗ قُلِ ٱنتَظِرُوٓا۟ إِنَّا
مُنتَظِرُونَ ﴿١٥٨﴾

"Tiada apa yang ditunggu mereka kecuali kedatangan malaikat (mencabut nyawa mereka) atau kedatangan 'azab dari Tuhanmu atau kedatangan setengah-setengah ayat Tuhanmu, maka keimanan tidak lagi berguna kepada orang yang tidak beriman sebelumnya atau belum sempat mengusahakan sesuatu kebaikan dalam masa keimanannya. Katakanlah (wahai Muhammad): Tunggulah! Dan sesungguhnya kami juga turut menunggu."(158)

Di tahap inilah Allah S.W.T. memisahkan di antara nabi-Nya s.a.w. dengan semua agama yang lain yang tidak berlandaskan prinsip mentauhidkan Allah baik dari segi 'aqidah mahupun dari segi syari'at, dan menjelaskan bahawa urusan mereka adalah terserah kepada-Nya dan Dialah kelak akan menghisab dan mengenakan hukuman ke atas mereka mengikut lunas-lunas keadilan dan rahmat-Nya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ فَرَّقُوا۟ دِينَهُمْ وَكَانُوا۟ شِيَعًا لَّسْتَ
مِنْهُمْ فِى شَىْءٍ ۚ إِنَّمَآ أَمْرُهُمْ إِلَى ٱللَّهِ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا
كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿١٥٩﴾

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ عَشْرُ أَمْثَالِهَا ۖ وَمَن جَآءَ
بِٱلسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَىٰٓ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang memecahbelahkan agama mereka dan membentuk berbagai-bagai puak, maka engkau tidak sedikit pun bertanggungjawab terhadap perbuatan mereka. Sesungguhnya urusan mereka terserah kepada Allah. Kemudian Dialah yang akan memberitahu kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka (159). Barang siapa yang melakukan kebaikan, maka ia akan mendapat pahala sepuluh kali gandanya dan barang siapa yang melakukan kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan dengan balasan yang sama dengannya dan mereka tidak akan dianiayai sedikit pun."(160)

Sampai di sini tibalah pernyataan terakhir dalam bahagian ini, yang juga menjadi pernyataan terakhir surah ini. Ia disusun dalam bentuk tasbih yang lembut tetapi tegas. Ia mengintisarikan hakikat-hakikat 'aqidah yang paling mendalam dalam agama Islam, iaitu hakikat tauhid yang mutlak, hakikat 'Ubudiyyah yang sejati, hakikat keseriusan alam Akhirat, hakikat tanggungjawab individu, hakikat ujian Allah di alam dunia, hakikat kekuasaan Allah yang dapat di lihat dalam Rububiyah-Nya yang mentadbirkan segala sesuatu dan hakikat perlantikan khilafah yang dikurniakan Allah dalam kerajaan-Nya mengikut bagaimana yang dikehendaki oleh-Nya tanpa sebarang pihak yang bersekutu dengan-Nya dan tanpa sebarang pihak yang berkuasa menegur dan membantah keputusan-Nya. Pernyataan dalam bentuk tasbih itu juga menggambarkan hakikat Uluhiyah dengan satu gambaran yang gemilang yang terserlah dalam hati seorang insan yang paling bersih, iaitu hati Rasulullah s.a.w. Gambaran yang sejelas itu tidak mungkin dilukiskan kecuali oleh pengungkapan Al-Qur'an itu sendiri:

قُلْ إِنَّنِى هَدَىٰنِى رَبِّىٓ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ دِينًا قِيَمًا
مِّلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا ۚ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٦١﴾
قُلْ إِنَّ صَلَاتِى وَنُسُكِى وَمَحْيَاىَ وَمَمَاتِى لِلَّهِ رَبِّ
ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾
لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾
قُلْ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْغِى رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَىْءٍ ۚ وَلَا
تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا ۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ
أُخْرَىٰ ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ
فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿١٦٤﴾
وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَـٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ

فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ ٱلْعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌۢ ﴿١٦٥﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah memberi hidayat kepadaku ke jalan yang lurus, iaitu jalan agama yang benar, agama Ibrahim yang berlandaskan tauhid dan dia bukan sekali-kali dari golongan Musyrikin (161). Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku, dan matiku adalah untuk Allah Tuhan semesta alam (162). Tiada sebarang sekutu bagi-Nya. Demikianlah aku diperintah dan akulah orang pertama dari golongan Muslimin (163). Apakah wajar aku mencari Tuhan yang lain dari Allah, sedangkan Dialah Tuhan yang memiliki dan memelihara segala sesuatu. Tiada seorang yang melakukan sesuatu perbuatan melainkan dialah sendiri yang bertanggungjawab terhadapnya, dan tiada penanggung dosa yang dapat menanggung beban dosa seorang yang lain. Kemudian seluruh kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu dan Dialah yang akan memberi tahu kepada kamu segala persoalan yang menimbulkan pertikaian di antara kamu (164). Dan Dialah yang telah menjadikan kamu selaku pemerintah-pemerintah di bumi dan mengangkatkan setengah kamu kedarjat-darjat yang melebihi setengah yang lain dari kamu untuk menguji sikap kamu terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada kamu. Sesungguhnya Tuhan kamu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia juga Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(165)

Cukuplah setakat ini sahaja penerangan intisari kumpulan ayat-ayat ini supaya kita dapat memasuki ke dalam pentafsirannya secara terperinci.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 154 - 158)

ثُمَّ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ تَمَامًا عَلَى ٱلَّذِىٓ أَحْسَنَ وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُم بِلِقَآءِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٤﴾

"Kemudian Kami telah mengurniakan kitab (Taurat) kepada Musa untuk menyempurnakan ni'mat Kami kepada orang yang telah melakukan kebaikan dan untuk memberi penerangan yang terperinci mengenai segala sesuatu, juga untuk menjadi hidayat dan rahmat supaya mereka beriman kepada pertemuan mereka dengan Allah Tuhan mereka."(154)

Ungkapan ini merupakan 'ataf (sambungan) kepada ungkapan sebelumnya. Urutannya begini:

"قُلْ تَعَالَوْا۟ أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ ۖ أَلَّا تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا ......"

" وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا "

Ungkapan ini di'atafkan kepada ungkapan أَلَّا تُشْرِكُوا۟ di mana ungkapan " ثُمَّ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ " di'ataf kepada dua ungkapan di atas, kerana ia termasuk dalam jumlah pernyataan yang diperintahkan Allah supaya Rasulullah s.a.w. kemukakannya kepada mereka. Ini membuat urutan penjelasan ayat-ayat itu selari seperti yang kami jelaskan tadi. Firman Allah:

تَمَامًا عَلَى ٱلَّذِىٓ أَحْسَنَ

"Untuk menyempurnakan ni'mat Kami kepada orang yang telah melakukan kebaikan."(154)

Mengikut pentafsiran yang dipilih oleh Ibn Jarir ialah:

"Kemudian Kami telah mengurniakan kepada Musa kitab (Taurat) untuk menyempurnakan ni'mat-ni'mat Kami yang telah sedia ada padanya dan pemberian-pemberian Kami yang telah dikurniakan sebelum ini, dan seterusnya untuk melengkapkan penghormatan Kami kepadanya kerana amalannya yang baik dan keta'atannya yang tinggi terhadap Tuhannya dan kerana ia telah melaksanakan syari'at Allah yang telah ditugaskan kepadanya, juga untuk menjelaskan segala perkara yang diperlukan oleh kaumnya dan para pengikutnya mengenai urusan agama mereka." Dan firman-Nya:

وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَىْءٍ

"Dan untuk memberi penerangan yang terperinci mengenai segala sesuatu."(154)

Mengikut Qatadah maksud ungkapan ini ialah kitab itu juga bertujuan menjelaskan segala perkara yang halal dan yang haram, di samping menjadi sumber hidayat dan rahmat supaya kaumnya mendapat hidayat dan beriman bahawa mereka kelak akan bertemu dengan Allah agar mereka dilindungi dari 'azab-Nya.

Inilah tujuan diturunkan kitab Taurat kepada Musa a.s., dan dengan tujuan yang sama ini juga diturunkan Al-Qur'an kepada kamu supaya kamu mendapat hidayat dan rahmat:

وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ مُبَارَكٌ فَٱتَّبِعُوهُ وَٱتَّقُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٥٥﴾

"Dan (Al-Qur'an) ini adalah sebuah kitab yang telah Kami turunkannya dengan penuh keberkatan. Oleh sebab itu ikutilah pengajarannya supaya kamu diberi rahmat."(155)

Al-Qur'an itu sebenarnya adalah sebuah kitab yang penuh dengan kebajikan dan keberkatan sebagaimana telah Kami huraikan sebelum ini ketika ayat ini disebut dalam surah ini pada kali yang pertama:

وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ مُبَارَكٌ مُّصَدِّقُ ٱلَّذِى بَيْنَ

يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ ٱلْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا ۚ وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
بِٱلْءَاخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۖ وَهُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩٢﴾

"Dan Al-Qur'an inilah kitab yang Kami turunkannya sebagai kitab yang diberkati dan mengesahkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk-penduduk Ummul Qura (Makkah) dan mereka yang berada di sekelilingnya. Dan orang-orang yang beriman kepada Akhirat tentulah beriman kepada Al-Qur'an dan memelihara solat mereka."(92)

Kitab suci Al-Qur'an disebut dalam ayat ini di sana dalam konteks pembicaraan 'aqidah dalam skopnya yang syumul, dan ia disebut sekali lagi di sini dalam konteks pembicaraan syari'at. Ia disebut dengan nas yang hampir sama. Mereka diperintah mengikut Al-Qur'an dan mematuhi ajarannya, di mana rahmat Allah terhadap mereka adalah bergantung kepada kepatuhan itu. Keseluruhan pembicaraan di sini mengenai syari'at selepas ayat-ayat awal surah ini membicarakannya dalam konteks 'aqidah.

Kini hujah kamu telah gugur dan tertolak setelah kitab suci Al-Qur'an yang penuh dengan kebajikan dan keberkatan itu diturunkan kepada kamu dengan tujuan untuk menjelaskan segala persoalan dengan terperinci hingga kamu tidak lagi memerlukan punca rujukan yang lain darinya, kerana tidak ada satu aspek pun dari aspek-aspek kehidupan manusia yang tidak dibicarakan oleh Al-Qur'an hingga menyebabkan kamu perlu mengadakan peraturan-peraturan mengenainya dari ciptaan pemikiran kamu sendiri:

أَن تَقُولُوٓا۟ إِنَّمَآ أُنزِلَ ٱلْكِتَٰبُ عَلَىٰ طَآئِفَتَيْنِ مِن قَبْلِنَا
وَإِن كُنَّا عَن دِرَاسَتِهِمْ لَغَٰفِلِينَ ﴿١٥٦﴾
أَوْ تَقُولُوا۟ لَوْ أَنَّآ أُنزِلَ عَلَيْنَا ٱلْكِتَٰبُ لَكُنَّآ
أَهْدَىٰ مِنْهُمْ ۚ فَقَدْ جَآءَكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ
وَهُدًى وَرَحْمَةٌ ۚ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَذَّبَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ
وَصَدَفَ عَنْهَا ۗ سَنَجْزِى ٱلَّذِينَ يَصْدِفُونَ عَنْ ءَايَٰتِنَا
سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ بِمَا كَانُوا۟ يَصْدِفُونَ ﴿١٥٧﴾

"Supaya kamu (tidak dapat) mengatakan bahawa kitab (dari Allah) itu hanya diturunkan kepada dua golongan (Yahudi dan Nasara) sahaja sebelum kami dan sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang apa yang dibaca dan dipelajari mereka (156). Atau supaya kamu (tidak dapat) mengatakan: 'Sekiranya kitab (dari Allah) itu diturunkan kepada kami tentulah kami lebih mendapat hidayat dari mereka', sedangkan sebenarnya telah datang kepada kamu dari Tuhan kamu keterangan yang jelas, hidayat dan rahmat. Oleh sebab itu siapakah yang lebih zalim dari orang yang mendustakan ayat-ayat Allah dan berpaling darinya? Kami akan membalas orang-orang yang menyimpang dari ayat-ayat Kami dengan 'azab keseksaan yang amat buruk kerana penyelewengan mereka."(157)

Sudah menjadi kehendak Allah S.W.T. bahawa setiap Rasul itu diutuskan kepada kaumnya dengan menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri, tetapi di dalam risalah terakhir, Allah telah mengutus Nabi Muhammad kepada seluruh umat manusia selaku penamat para Rasul dan anbiya'. Beliau adalah utusan Allah yang terakhir kepada manusia dan kerana itu memang sesuai beliau diutuskan kepada seluruh mereka.

Allah S.W.T. telah memotong hujah orang-orang Arab dari berdalih dengan mengatakan bahawa Nabi Musa dan Nabi Isa hanya diutuskan kepada kaum mereka sahaja, sedangkan kami (orang-orang Arab) tidak mengetahui tentang apa yang dibaca dan dipelajari mereka dari kitab suci yang diturunkan kepada mereka. Kami tidak tahu dan tidak pernah memberi perhatian kepadanya, dan sekiranya ada kitab suci yang diturunkan kepada kami dengan bahasa ibunda kami yang memberi penjelasan dan peringatan kepada kami tentulah kami lebih mendapat hidayat dari kaum Ahlil-Kitab, tetapi kini kitab suci Al-Qur'an dan seorang Rasul yang telah dipilih dari kalangan mereka telah pun datang kepada mereka walaupun Rasul itu diutuskan Allah untuk seluruh umat manusia. Ia datang membawa sebuah kitab suci yang menjadi mu'jizat yang membuktikan kebenarannya. Ia membawa kepada mereka hakikat-hakikat yang jelas yang tidak mengandungi sebarang kesamaran dan kekaburan. Ia menjadi sumber hidayat yang membimbing mereka dalam menghadapi kesesatan yang dihayati mereka di samping menjadi sumber rahmat kepada mereka di dunia dan Akhirat.

Jika begini keadaannya, siapakah yang lebih zalim dari orang-orang yang tidak mempercayai dan membelakangi ayat-ayat Allah, sedangkan ia menyeru mereka ke arah hidayat, kebaikan dan keberuntungan? Siapakah yang lebih zalim terhadap diri sendiri dan terhadap orang ramai apabila mereka bertindak menghalangkan diri sendiri dan orang ramai dari kebaikan yang amat besar ini serta bertindak melakukan kefasadan di bumi dengan mengamalkan kefahaman-kefahaman jahiliyah, undang-undang dan peraturannya. Mereka yang menolak ajaran-ajaran kitab suci yang benar ini menunjukkan hati mereka disarangi penyakit yang mendorong mereka menyimpang dari kebenaran sama seperti penyakit kuku yang dihidapi unta yang menyebabkannya berjalan ruyung, senget dan miring, tidak tegak dan tidak seimbang. Mereka menyimpang dari jalan yang benar dan lurus sama seperti unta yang di timpa penyakit kuku tidak dapat berjalan dengan betul dan seimbang. Oleh sebab itulah mereka wajar dikenakan 'azab yang berat kerana penyimpangan dan penyelewengan yang dilakukan mereka:

سَنَجْزِى ٱلَّذِينَ يَصْدِفُونَ عَنْ ءَايَٰتِنَا سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ
بِمَا كَانُوا۟ يَصْدِفُونَ ﴿١٥٧﴾

"Kami akan membalas orang-orang yang berpaling dari ayat-ayat Kami dengan 'azab keseksaan yang amat buruk kerana penyelewengan mereka."(157)

Al-Qur'an menggunakan perkataan yang seperti ini yang dipindahkan dari segi bahasa dari satu keadaan fizikal kepada keadaan mental agar gambaran fizikal yang asal itu dapat dihayati. Misalnya di sini ia menggunakan kata-kata "يصدفون" yang kita ketahui diambil dari ungkapan "صدف البعير" (unta itu berjalan ruyung kerana penyakit kuku). Ini samalah seperti ia menggunakan kata-kata "يصعر خده" (ia memalingkan pipinya atau membuang mukanya kerana tidak ingin melihat). Kata-kata ini di ambil dari kata dasar "الصعر" yang bererti "penyakit teleng" yang dihidapi unta yang menyebabkan mukanya terteleng dan tidak dapat memautkan lehernya dengan mudah, dan seterusnya samalah seperti Al-Qur'an menggunakan kata-kata "حبطت أعمالهم"(binasalah amalan mereka). Ia diambil dari ungkapan "حبطت الناقة" (unta itu mati kembung perut kerana termakan rumput beracun). Penggunaan kata-kata yang seperti ini memang banyak dalam Al-Qur'an.

Dengan mengemukakan ancaman ini Al-Qur'an melangkah setapak lagi untuk menjawab permintaan mereka yang menuntut bukti-bukti dan mu'jizat-mu'jizat sebagai prasyarat untuk mempercayai kebenaran Al-Qur'an. Ancaman seperti ini telah pun dikemukakan di bahagian awal surah ini dalam konteks menghadapi pendustaan kaum Musyrikin terhadap hakikat i'tiqad, dan ancaman itu diulangkan pula di sini dalam konteks pembicaraan sekarang iaitu keengganan mereka untuk mengikut dan menjunjung syari'at Allah. Di awal surah ancaman itu berbunyi:

وَقَالُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ مَلَكٌ ۖ وَلَوْ أَنزَلْنَا مَلَكًا لَّقُضِيَ الْأَمْرُ ثُمَّ لَا يُنظَرُونَ ﴿٨﴾

"Dan mereka berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) seorang malaikat? Dan andainya Kami turunkan malaikat nescaya urusan ini telah diselesaikan dan mereka tidak akan diberi tangguhan lagi."(8)

Dan pada akhirnya di sini ancaman itu datang lagi seperti berikut:

أَوْ تَقُولُوا لَوْ أَنَّا أُنزِلَ عَلَيْنَا الْكِتَابُ لَكُنَّا أَهْدَىٰ مِنْهُمْ ۚ فَقَدْ جَاءَكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ ۚ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَذَّبَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَصَدَفَ عَنْهَا ۗ سَنَجْزِي الَّذِينَ يَصْدِفُونَ عَنْ آيَاتِنَا سُوءَ الْعَذَابِ بِمَا كَانُوا يَصْدِفُونَ ﴿١٥٧﴾

"Tiada apa yang ditunggu mereka kecuali kedatangan malaikat (mencabut nyawa mereka) atau kedatangan 'azab dari Tuhanmu atau kedatangan setengah-setengah ayat Tuhanmu, maka keimanan tidak lagi berguna kepada orang yang tidak beriman sebelumnya atau belum sempat mengusahakan sesuatu kebaikan dalam masa keimanannya. Katakanlah (wahai Muhammad): Tunggulah dan sesungguhnya kami juga turut menunggu."(158)

Ancaman itu cukup jelas dan tegas. Mengikut perjalanan Sunnatullah, 'azab yang membawa kebinasaan yang menyeluruh kepada sesuatu kaum itu tetap akan berlaku jika mu'jizat yang dituntut mereka itu didatangkan Allah, sedangkan mereka tidak mempercayainya. Allah S.W.T. telah menjelaskan kepada mereka jika sebahagian mu'jizat yang dituntutkan mereka telah berlaku nescaya mereka akan dibinasakan Allah selepas itu, dan seterusnya Allah menjelaskan bahawa pada hari datangnya sebahagian dari ayat-ayat Allah, maka ia akan menjadi titik penamat, di mana amalan dan keimanan tidak lagi berguna kepada mereka yang tidak beriman sebelum ini dan tidak sempat melakukan sesuatu amalan yang soleh semasa mereka beriman. Oleh sebab itu amalan yang soleh selama-lamanya menjadi teman dan penterjemah kepada keimanan mengikut neraca pertimbangan Islam.

Di sana terdapat beberapa riwayat yang menerangkan maksud kata-kata "آيات الله" dalam ayat:

يَوْمَ يَأْتِي بَعْضُ آيَاتِ رَبِّكَ

"Pada hari datangnya setengah-setengah ayat Tuhanmu"(158)

ialah tanda-tanda Qiamat, di mana keimanan dan amalan tidak lagi berguna selepas kedatangannya, Dan para ulama' mengirakan hari kedatangan setengah-setengah ayat Allah itu sebagai tanda-tanda Qiamat, tetapi pentafsiran "ayat-ayat Allah", dengan makna perjalanan undang-undang atau Sunnatullah dalam kehidupan manusia ini adalah lebih sesuai. Penjelasan yang sama telah disebut di awal surah dalam firman-Nya:

وَقَالُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ مَلَكٌ ۖ وَلَوْ أَنزَلْنَا مَلَكًا لَّقُضِيَ الْأَمْرُ ثُمَّ لَا يُنظَرُونَ ﴿٨﴾

"Dan mereka berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) seorang malaikat? Dan andainya Kami turunkan malaikat nescaya urusan ini telah diselesaikan dan mereka tidak akan diberi tangguhan lagi."(8)

Di sini dapatlah diperhatikan bahawa Al-Qur'an semasa membicarakan persoalan syari'at dan Hakimiyah telah mengulangkan penjelasan yang telah disebut sebelum ini ketika membicarakan persoalan iman dan 'aqidah. Penjelasan ini bertujuan untuk menegakkan hakikat yang sama. Oleh sebab itu adalah lebih sesuai bahawa maksud penjelasan yang disebut diakhir surah ini disamakan dengan maksud penjelasan yang disebut pada awal surah, iaitu

maksud "ayat-ayat Allah" itu ialah undang-undang atau Sunnatullah yang lazim berlaku. Pentafsiran dengan maksud ini adalah cukup jelas tanpa memerlukan kepada pentafsiran yang merujukkan kepada tanda-tanda Qiamat di alam ghaib yang majhul itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 159 - 160)

Kemudian ayat yang berikut berpaling kepada Rasulullah s.a.w. untuk mengasingkan beliau bersendirian dengan agama dan syari'atnya, sistem dan cara hidup yang dibawanya dari segala agama dan kepercayaan yang wujud di muka bumi ini termasuk agama kaum Musyrikin Arab:

إِنَّ ٱلَّذِينَ فَرَّقُواْ دِينَهُمْ وَكَانُواْ شِيَعًا لَّسْتَ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍۚ إِنَّمَآ أَمْرُهُمْ إِلَى ٱللَّهِ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُواْ يَفْعَلُونَ ﴿١٥٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang memecahbelahkan agama mereka dan membentuk berbagai-bagai puak, maka engkau tidak sedikit pun bertanggungjawab terhadap perbuatan mereka. Sesungguhnya urusan mereka terserah kepada Allah. Kemudian Dialah yang akan memberitahu kepada mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka."(159)

Seluruh Agama Dan Kumpulan Agama Yang Lain Tidak Mempunyai Sebarang Kaitan Dengan Agama Islam

Itulah persimpangan jalan yang memisahkan di antara Rasulullah s.a.w. bersama agama dan syari'atnya, sistem dan cara hidup yang dibawanya dengan segala agama dan kepercayaan yang lain sama ada yang dianuti oleh kaum Musyrikin Arab yang telah dipecahbelahkan oleh kepercayaan-kepercayaan karut jahiliyah, tradisi-tradisi dan adat membalas dendamnya yang tebal hingga menjadi berbagai-bagai puak, berbagai-bagai suku kaum, atau kepercayaan yang dianuti oleh kaum Yahudi dan kaum Nasara yang telah dipecahbelahkan oleh pertelingkahan-pertelingkahan mazhab dan puak kepada berbagai-bagai aliran agama, kepercayaan, dan kerajaan atau kepercayaan yang dianuti oleh golongan-golongan yang lain dari mereka yang telah berlaku di zaman silam atau yang akan berlaku, yang berpecah-belah kepada berbagai-bagai mazhab, teori, kefahaman, kepercayaan, undang-undang dan peraturan sehingga ke hari Qiamat.

Rasulullah s.a.w. tidak mempunyai sebarang kaitan dengan seluruh mereka dalam suatu apa pun, kerana agama yang dibawa beliau ialah agama Islam, dan syari'atnya ialah syari'at yang termaktub di dalam kita Allah (Al-Qur'an), dan sistem hidup yang diperjuangkannya ialah sistem hidup yang tersendiri dan unik dengan ciri-ciri yang membezakannya dari segala sistem hidup yang lain. Agama Islam yang dibawa beliau tidak mungkin bercampur aduk dengan kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman yang lain, begitu juga undang-undang dan peraturannya tidak mungkin bercampur aduk dengan aliran-aliran undang-undang dan teori-teori perundangan yang lain, dan seterusnya tidak mungkin ada dua nama bagi satu undang-undang, satu peraturan dan sesuatu sistem iaitu nama Islam dan satu nama yang lain. Islam tetap Islam sahaja, syari'at Islam tetap syari'at Islam sahaja, sistem sosial, politik dan ekonomi Islam tetap sistem sosial, politik dan ekonomi Islam sahaja. Rasulullah s.a.w. tidak mempunyai apa-apa hubungkait dengan seluruh perpecahan mereka hingga ke akhir zaman.

Sikap pertama seorang Muslim terhadap mana-mana 'aqidah yang non - Islamik ialah sikap berpisah dan menolak dari detik pertama lagi, begitu juga sikapnya terhadap mana-mana undang-undang dan peraturan yang tidak mengi'tirafkan kuasa Hakimiyah atau kuasa Uluhiyah dan Rububiyah Allah Yang Maha Esa sahaja ialah sikap menolak dan membersihkan diri dari detik pertama lagi, sebelum memasuki sebarang percubaan untuk mencari titik-titik pertemuan atau titik-titik pertentangan yang wujud dalam mana-mana undang-undang dan peraturan itu dengan undang-undang dan peraturan yang wujud dalam undang-undang Islam.

Agama yang diakui di sisi Allah ialah agama Islam, dan Rasulullah s.a.w. tidak mempunyai sebarang kaitan dalam sesuatu apa pun dengan golongan mereka yang memecahkan agama, dan kerana itu mereka tidak mempunyai titik pertemuan dengan Islam.

Agama yang diakui di sisi Allah ialah sistem hidup Rabbani, undang-undang dan peraturannya, dan Rasulullah s.a.w. tidak mempunyai sebarang kaitan dalam suatu apa pun dengan mereka yang mengambil sistem yang lain dari sistem hidup Rabbani atau memilih undang-undang dan peraturan yang lain dari undang-undang dan peraturan Allah.

Demikianlah sikap yang harus diambil oleh seorang Muslim dalam detik pertama tanpa memasuki ke dalam perincian-perincian yang lebih jauh.

Mereka yang telah memecahbelahkan agama kepada berbagai-bagai puak tidak mempunyai sebarang kaitan dengan Rasulullah s.a.w. mengikut hukum Allah Taala, dan urusan mereka terserah kepada Allah. Dialah yang akan menghisabkan segala perbuatan yang telah dilakukan mereka:

"Malah urusan mereka terserah kepada Allah kemudian (pada hari Qiamat kelak), Allah akan memberitahu mereka segala perbuatan yang dilakukan mereka."(159)

Peraturan Balasan Allah Yang Didasari Rahmat-Nya Yang Melimpah

Sehubungan dengan persoalan hisab dan balasan, Allah S.W.T. telah menetapkan dasar rahmat kasihan belas ke atas diri-Nya dalam urusan pengiraan amalan para hamba-Nya, iaitu sesiapa yang melakukan amalan yang baik dalam keadaan beriman, maka ia akan mendapat ganjaran sepuluh kali ganda, oleh kerana itu amalan yang baik yang dilakukan dalam kekufuran tidak diambil kira. Dan sesiapa yang melakukan kejahatan, maka ia tidak dibalas kecuali dengan balasan yang setimpal dengannya. Tuhanmu tidak akan menzalimkan seseorang pun dan tidak akan mengurangi haknya sedikit pun:

مَن جَآءَ بِٱلۡحَسَنَةِ فَلَهُۥ عَشۡرُ أَمۡثَالِهَاۖ وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَلَا يُجۡزَىٰٓ إِلَّا مِثۡلَهَا وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ١٦٠

"Barang siapa yang melakukan kebaikan, maka ia akan mendapat pahala sepuluh kali gandanya dan barang siapa yang melakukan kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan dengan balasan yang sama dengannya dan mereka tidak akan dianiayai sedikit pun."(160)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 161 - 165)

Di akhir surah dan di akhir pembicaraan yang panjang mengenai persoalan perundangan dan kuasa Hakimiyah dikumandangkan pula ucapan tasbih yang lemah lembut dengan nada yang mesra dan dekat kepada hati manusia serta dengan penjelasan yang tegas. Nada perintah yang menarik itu diulangkan pada setiap ayat "katakanlah", "katakanlah", "katakanlah" dan dalam setiap ayat itu ia menyentuh lubuk hati manusia dengan sentuhan yang halus dan mendalam ketika menekankan konsep tauhid, iaitu mentauhidkan jalan dan agama Allah, mentauhidkan arah tuju dan harakah, mentauhidkan Tuhan yang disembah, mentauhidkan Tuhan yang mencipta dan mentadbir, mentauhidkan 'Ubudiyyah dan ibadat serta pandangan yang syumul terhadap seluruh alam al-wujud dan terhadap undang-undang alam al-wujud dan nilainilainya.

قُلۡ إِنَّنِي هَدَىٰنِي رَبِّيٓ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ دِينٗا قِيَمٗا مِّلَّةَ إِبۡرَٰهِيمَ حَنِيفٗاۚ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١٦١

قُلۡ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحۡيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١٦٢

لَا شَرِيكَ لَهُۥۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرۡتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ١٦٣

قُلۡ أَغَيۡرَ ٱللَّهِ أَبۡغِي رَبّٗا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيۡءٖۚ وَلَا تَكۡسِبُ كُلُّ نَفۡسٍ إِلَّا عَلَيۡهَاۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٞ وِزۡرَ أُخۡرَىٰۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرۡجِعُكُمۡ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ فِيهِ تَخۡتَلِفُونَ ١٦٤

وَهُوَ ٱلَّذِي جَعَلَكُمۡ خَلَٰٓئِفَ ٱلۡأَرۡضِ وَرَفَعَ بَعۡضَكُمۡ فَوۡقَ بَعۡضٖ دَرَجَٰتٖ لِّيَبۡلُوَكُمۡ فِي مَآ ءَاتَىٰكُمۡۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ ٱلۡعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٞ رَّحِيمُۢ ١٦٥

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah memberi hidayat kepadaku ke jalan yang lurus, iaitu jalan agama yang benar, agama Ibrahim yang berdasarkan tauhid dan dia bukan sekali-kali dari golongan Musyrikin (161). Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku, dan matiku adalah untuk Allah Tuhan semesta alam (162). Tiada sebarang sekutu bagi-Nya. Demikianlah aku diperintah dan akulah orang pertama dari golongan Muslimin (163). Katakanlah: Apakah wajar aku mencari Tuhan yang lain dari Allah, sedangkan Dialah Tuhan yang memiliki dan memelihara segala sesuatu. Tiada seorang yang melakukan sesuatu perbuatan melainkan dialah sendiri yang bertanggungjawab terhadapnya, dan tiada penanggung dosa yang dapat menanggung beban dosa seorang yang lain. Kemudian seluruh kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu dan Dialah yang akan memberi tahu kepada kamu segala persoalan yang menimbulkan pertikaian di antara kamu (164). Dan Dialah yang telah menjadikan kamu selaku pemerintah-pemerintah di bumi dan mengangkatkan setengah kamu ke darjat-darjat yang melebihi setengah yang lain dari kamu untuk menguji sikap kamu terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada kamu. Sesungguhnya Tuhan kamu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia juga Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(165)

Seluruh pernyataan ini bersama pernyataan di awal surah membentuk sebuah irama yang indah, menarik dan seimbang dan semuanya merupakan satu pernyataan yang mengakhiri pembicaraan mengenai persoalan sembelihan-sembelihan, nazar-nazar, buah-buahan, juga undang-undang karut mengenainya yang didakwa oleh adat jahiliyah sebagai undang-undang dari Allah dengan tujuan mengadakan pembohongan dengan nama Allah. Apakah tujuan dan makna pernyataan ini? Tujuan dan maknanya amat terang dan tidak memerlukan kepada penerangan yang lebih lanjut setelah dikemukakan penjelasan-penjelasan yang silam.

قُلۡ إِنَّنِي هَدَىٰنِي رَبِّيٓ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ دِينٗا قِيَمٗا مِّلَّةَ إِبۡرَٰهِيمَ حَنِيفٗاۚ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١٦١

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku telah memberi hidayat kepadaku ke jalan yang lurus, iaitu jalan agama yang benar, agama Ibrahim yang berlandaskan tauhid dan dia bukan sekali-kali dari golongan Musyrikin."(161)

Itulah pengumuman yang membayangkan rasa kesyukuran dan mengungkapkan kepercayaan dan keyakinan terhadap hubungan 'Ubudiyyah yang dilafazkan dan pengertiannya yang abstrak dan kepercayaan terhadap hubungan dengan Allah yang membawa kepada hidayat, kepercayaan terhadap hubungan Rububiyah yang memberi pertunjuk, mengawal dan memelihara. Ia mengungkapkan kesyukuran terhadap hidayat yang membimbing ke arah jalan yang lurus, tidak bengkok dan tidak menyeleweng:

دِينًا قِيَمًا

"Agama yang lurus."(161)

Itulah agama Allah yang sediakala sejak Nabi Ibrahim a.s. bapa umat Muslimin yang diberkati Allah yang amat ikhlas dan sentiasa kembali kepada Allah:

مِّلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا ۚ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٦١﴾

"Agama Ibrahim yang berlandaskan tauhid dan dia tidak sekali-kali dari golongan orang-orang Musyrikin."(161)

قُلْ إِنَّ صَلَاتِى وَنُسُكِى وَمَحْيَاىَ وَمَمَاتِى لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾

لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku, dan matiku adalah untuk Allah Tuhan semesta alam (162). Tiada sebarang sekutu bagi-Nya. Demikianlah aku diperintah dan akulah orang pertama dari golongan Muslimin."(163)

Itulah ketulusan yang sempurna kepada Allah. Ia ditumpukan dengan setiap degup jantung, dengan setiap harakah hayat, dengan ibadat solat dan i'tiqad, dengan hidup dan mati, dengan syi'ar ibadat, dengan hidup yang sedang dihayati dan dengan maut yang mendatang serta segala yang wujud di sebaliknya.

Penyertaan 'Ubudiyah Yang Sempurna Terhadap Allah

Itulah pengucapan tasbih tauhid yang mutlak. Itulah pernyataan 'Ubudiyyah yang sempurna, yang merangkumi ibadat-ibadat solat dan i'tikaf, hidup dan mati yang ditumpukan sepenuhnya kepada Allah Pemelihara semesta alam, Tuhan Pentadbir, Penguasa, Pengurus, Pengasuh, Pengarah dan Pemerintah semesta alam. Itulah tasbih yang diucapkan dalam suasana penyerahan diri yang total kepada Allah, di mana seluruh jiwa dan seluruh hayat didedikasikan kepada Allah dan di mana segala sesuatu yang wujud dalam hati nurani dan dalam alam kenyataan ditumpukan kepada Allah:

وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ

"Demikianlah aku diperintah."(163)

Dan aku telah mematuhi dan menjunjung perintah itu.

وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

"Dan akulah dari orang-orang Muslimin yang paling ulung."(163)

قُلْ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْغِى رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَىْءٍ ۚ وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا ۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿١٦٤﴾

"Katakanlah: Apakah wajar aku mencari Tuhan yang lain dari Allah, sedangkan Dialah Tuhan yang memiliki dan memelihara segala sesuatu. Tiada seorang yang melakukan sesuatu perbuatan melainkan dialah sendiri yang bertanggungjawab terhadapnya, dan tiada penanggung dosa yang dapat menanggung beban dosa seorang yang lain. Kemudian seluruh kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu dan Dialah yang akan memberi tahu kepada kamu segala persoalan yang menimbulkan pertikaian di antara kamu."(164)

Skop yang diperkatakan oleh ayat ini merangkuli langit dan bumi, merangkumi kejadian-kejadian yang hidup dan kejadian-kejadian yang tidak hidup, merangkuli segala makhluk yang diketahui dan tidak diketahui manusia, merangkuli segala peristiwa dan segala makhluk yang tersembunyi dan yang nyata, dan seluruhnya dinaungi oleh Rububiyah Allah yang meliputi segala yang maujud di alam buana yang amat luas ini dan seluruhnya ditundukkan kepada kuasa Hakimiyah Allah yang mutlak dari aspek 'aqidah, ibadat dan syari'at.

Kemudian beliau menyatakan kehairanannya dalam bentuk kecaman yang tajam:

أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْغِى رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَىْءٍ

"Apakah wajar bagiku mencari tuhan yang lain dari Allah? Sedangkan Dia Tuhan segala sesuatu."(164)

Maksudnya, apakah wajar bagiku mencari selain Allah tuhan yang lain yang memerintah dan mentadbirkan urusanku, yang menguasai dan membetulkan perjalananku, yang membimbing dan mengarahkan hidupku, sedangkan aku bertanggungjawab kepada Allah terhadap segala niat dan amalanku dan sedangkan Dialah yang menghisabkan segala amalanku sama ada berupa amalan ta'at atau amalan maksiat.

Apakah wajar bagiku mencari selain Allah tuhan yang lain, sedangkan seluruh alam buana berada dalam genggaman qudrat-Nya dan sedangkan aku dan kamu berada dalam naungan Rububiyah-Nya?

Apakah wajar bagiku mencari selain Allah tuhan yang lain, sedangkan setiap individu bertanggungjawab terhadap segala dosa yang dilakukannya dan tiada siapa yang dapat memikul tanggungjawab itu sebagai gantinya?

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

"Dan tiada kejahatan yang dilakukan oleh seseorang melainkan dialah yang menanggung dosanya dan tiada seorang pun yang dapat menanggung dosa orang lain."(164)

Apakah wajar bagiku mencari selain Allah tuhan yang lain, sedangkan kamu sekalian akan kembali kepada-Nya dan ketika itulah Dia akan mengadili kamu mengenai isu-isu yang dipertikaikan kamu?

Apakah wajar bagiku mencari selain Allah tuhan yang lain, sedangkan Dialah yang mengangkatkan manusia selaku pemerintah di bumi dan Dialah yang mengangkatkan mereka kepada darjat-darjat kelebihan dan keistimewaan yang berbeza-beza di antara satu sama lain dari aspek daya akal, struktur tubuh badan dan perolehan rezeki untuk menguji mereka sama ada mereka bersyukur atau tidak?

Apakah wajar bagiku mencari selain Allah tuhan yang lain, sedangkan Dialah Penghukum yang paling pantas dan dalam waktu yang sama bersifat Maha Pengampun dan Maha Pengasih terhadap mereka yang bertaubat?

Apakah wajar bagiku mencari selain Allah tuhan yang lain untuk aku tegakkan syari'at-Nya, melaksanakan perintah-Nya dan menjunjung hukum-hukum yang diputuskan oleh-Nya, sedangkan bukti-bukti dari kejadian alam buana yang menyarankan qudrat Allah terbentang jelas di sana sini dan semua kejadian itu menyaran, menyaksi dan membuktikan bahawa hanya Allah sahaja Tuhan Pemelihara dan Pentadbir Yang Maha Esa?

Itulah ucapan tasbih mentauhidkan Allah yang lemah lembut dan dalam ucapan inilah terserlah pemandangan yang indah dan gemilang, iaitu pemandangan hakikat keimanan yang tersemat dalam hati Rasulullah s.a.w. Itulah pemandangan yang tidak dapat digambarkan keindahan dan kegemilangannya oleh pengungkapan yang lain dari pengungkapan Al-Qur'an yang unik.

Itulah nada pernyataan terakhir dalam konteks pembicaraan mengenai kuasa Hakimiyah dan perundangan. Pernyataan ini sejajar dengan pernyataan-pernyataan pertama dalam surah ini ketika membicarakan persoalan 'aqidah dan iman. Di antara pernyataan itu ialah:

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ ۗ قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ ۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٤﴾ قُلْ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾ مَّن يُصْرَفْ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُ ۚ وَذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْمُبِينُ ﴿١٦﴾

"Apakah wajar bagiku mengambil pelindung yang lain dari Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedangkan Dialah (Tuhan) yang memberi makan dan tidak (berkehendak) diberi makan. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah supaya aku menjadi orang yang pertama sekali menyerahkan diri kepada Allah dan janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan Musyrikin (14). Katakanlah: Sesungguhnya aku takut kepada 'azab hari (Qiamat) yang amat besar jika aku derhaka kepada Tuhanku (15). Sesiapa yang dijauhkan dari 'azab pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah mengurniakan rahmat kepadanya dan itulah keberuntungan yang amat jelas."(16)

Selain dari ayat-ayat ini terdapat banyak lagi ayat-ayat seumpamanya dalam surah ini.

* * * * * *

Kami tidak perlu mengulangi kenyataan yang kami sering kemukakan tentang tujuan ayat-ayat yang disebut berulang-ulang kali di bahagian awal dan akhir surah ini. Ayat-ayat itu memberi berbagai-bagai gambaran untuk menjelaskan satu hakikat yang sama, iaitu hakikat yang kadang-kadang digambarkan dalam bentuk 'aqidah di dalam hati nurani, dan kadang-kadang digambarkan dalam bentuk suatu sistem hidup. Kedua-dua gambaran itu menjelaskan satu hakikat yang sama dalam konsep agama ini.

Tetapi setelah berakhirnya pentafsiran rangkaian ayat-ayat surah ini, marilah kita menoleh-noleh sebentar melihat jarak perjalanan surah yang amat jauh, skop penjelajahannya yang amat luas dan lurah-lurah pendalamannya yang amat mendalam yang memperlihatkan dimensi surah ini yang diulaskan dalam juzu' yang ke tujuh dan di dalam juzu' ini, dan di sini kita dapati betapa besarnya pembicaraan yang dikemukakan oleh surah ini. Apabila kita melihat kepada saiz surah ini kita dapati ia hanya terdiri dari sekian muka surat, sekian ayat dan sekian ungkapan. Jika hal ini berlaku dalam kalam manusia tentulah ruang ini tidak cukup untuk memuatkan sepersepuluh dari sepersepuluh hakikat-hakikat, pemandangan-pemandangan, pernyataan-pernyataan yang menarik dan memberi saranan yang digemblengkan oleh surah ini dalam ruangan yang sempit ini, apatah lagi apabila di lihat dari sudut hakikat-hakikat itu sendiri yang telah mencapai tahap penjelasan yang melemahkan kemampuan manusia begitu juga tahap pengungkapan yang menerangkan hakikat-hakikat itu.

Pembicaraan surah ini merupakan satu penjelajahan yang amat jauh dan amat mendalam. Kita telah menjelajah bersama surah ini dalam liku-liku dimensinya yang amat jauh. Ia merupakan satu penjelajahan meninjau hakikat-hakikat alam al-wujud yang agung, iaitu satu penjelajahan yang cukup untuk memahami "asas-asas kefahaman Islam".

Satu penjelajahan yang mengemukakan hakikat Uluhiyah dengan segala kegemilangannya, segala kebesaran dan keindahannya.

Satu penjelajahan yang mengemukakan hakikat alam buana, hakikat hayat, hakikat ghaib di sebalik alam dan hayat, hakikat perencanaan-perencanaan Ilahi yang majhul, hakikat kehendak masyi'ah Allah yang menghapus dan menetapkan sesuatu, mengada dan meniadakan sesuatu, menghidup dan mematikan sesuatu dan hakikat kehendak masyi'ah Allah yang menggerakkan alam, makhluk-makhluk yang hidup dan makhluk insan mengikut sebagaimana yang disukainya.

Satu penjelajahan yang mengemukakan hakikat jiwa dan psikologi manusia dengan segala lubang-lubang dan lurah-lurahnya yang mendalam, dengan segala lorong dan liku-likunya yang sulit dan mendedahkan rahsianya yang lahir dan yang tersembunyi, mendedahkan keinginan-keinginan dan hawa nafsunya, menjelaskan faktor-faktor yang membawa jiwa manusia kepada hidayat dan kesesatan, mendedahkan fikiran-fikiran jahat yang dibisikkan kepadanya oleh syaitan-syaitan, manusia dan jin dan seterusnya mendedahkan faktor-faktor yang membimbing langkah-langkah manusia menuju hidayat atau menuju kesesatan.

Satu penjelajahan yang memperlihatkan pemandangan-pemandangan Qiamat, situasi-situasi di Padang Mahsyar, detik-detik penderitaan dan kecemasan, detik-detik perkembangan harapan dan penghayatan rasa riang dan gembira, di samping menayangkan petikan-petikan sejarah manusia di bumi dan petikan-petikan sejarah alam buana dan sejarah hayat.

Penjelajahan ini mendedahkan berbagai-bagai hakikat mengenai bidang-bidang pembicaraan ini yang tidak dapat disaringkan dalam lembaran yang sedikit ini. Hakikat-hakikat itu hanya dapat diungkapkan oleh surah ini sendiri dengan bentuk penjelasannya yang unik dan gaya penyampaiannya yang menarik.

Itulah penjelasan Al-Qur'an "yang penuh dengan keberkatan" dan segala pembicaraan ini tidak syak lagi merupakan salah satu dari berbagai-bagai keberkatannya yang banyak.... Alhamdulillahi rabbil-'alamin.

(Diiringi Jilid Yang Keempat)